DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
TAHUN 2017

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA

HARI ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS, SABTU,
ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS, SABTU DAN ISNIN,
7, 8, 9, 10, 12 JAMADILAWAL DAN 14, 15, 16, 17, 19
DAN 21 JAMADILAKHIR 1438 BERSAMAAN
6, 7, 8, 9, 11, 13, 14, 15, 16, 18 DAN 20 MAC 2017

BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
DEWAN MAJLIS,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB.
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Awang Haji Mohammad Ibrahim bin Haji Jumat
Pegawai Pentadbir Tingkat Khas

Awang Haji Adanan bin Haji Manggong,
SNB., SMB., PIKB., PKL.
Pegawai Tugas-Tugas Khas

Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Penolong Jurutulis.

Dayang Siti Ajeerah binti Najib
Pegawai Perhubungan Awam

PENYELARAS PENYEDIAAN LAPORAN PENUH
(HANSARD)

Penyunting

Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim Pemberita Majlis Kanan (Ketua Penyunting)
Awang Haji Moksin bin Haji Durahim (Mantan Pegawai Bahasa Kanan)

Penyemak

Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan (Ketua Penyemak)
Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir
Awang Haji Adam bin Haji Abdul Wahab (Mantan Ketua Pemberita Majlis)

Penyusun

Awang Norhakimin bin Nordin, Pemberita Majlis (Ketua Penyusun)
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I,
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis

Pemberita Majlis Sambilan

Dayang Rabayah binti Haji Mohamad, Setiausaha Sulit.
Dayangku Aminah binti Pengiran Abdul Rahman, Setiausaha Sulit
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Ranee, Setiausaha Sulit
Dayang Fatimah binti Bungsu, Setiausaha Sulit
Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Kerani Sulit
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit
Awang Azmy bin Untong, Kerani Sulit
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin, Kerani Sulit
Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani
Dayang Susilawati binti Saie, Kerani
Awangku Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit, Kerani
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar, Kerani

Bahagian Penjilidan

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II
Dayang Hajah Zaliha binti Dato Paduka Haji Mohd. Yassin, Pembantu Penjilid
Dayang Sarinah binti Haji Ali
Dayang Hajah Jaranah binti Haji Kula
Dayang Norledyana binti Haji Badar

DEWAN MAJLIS

Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 / 6 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu,
DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pukul 9.50 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari Isnin 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kita bersyukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita sama-sama dapat hadir pada pagi ini, di Dewan yang mulia ini. Selawat serta salam ke atas سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ Junjungan Besar kita kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya persidangan yang diadakan pada pagi ini sememangnya sangat signifikan malah amat bersejarah kerana pada hari ini, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara akan dilangsungkan dan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, ada baiknya kita menyelesaikan perkara yang di hadapan kita pada pagi ini lebih dahulu.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara II, Meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 13 hari bermula pada 25 hingga 29 Jamadilawal 1437 dan 1 hingga 13 Jamadilakhir 1437 bersamaan 5 hingga 22 Mac 2016 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahili-Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun diedarkan sebelum ini. Walau macam manapun, jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat pindaan ataupun perubahan, maka saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyatakannya.

Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mempunyai sebarang ulasan dan pindaan maka dengan itu saya ingin sekarang bertanya yang bersetuju bagi kita untuk meluluskan Minit Mesyuarat ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan Minit-Minit Mesyuarat yang telah dibentangkan ini dipersetujui dan diluluskan tanpa pindaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, sebentar lagi akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Maka dengan demikian, saya tangguhkan dulu persidangan ini bagi membolehkan kita menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke Majlis ini.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

T I T A H

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETIGA BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI ISNIN, 7 JAMADILAKHIR 1438 BERSAMAAN 6 MAC 2017

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلٰى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَبَعْدُ.

Beta bersyukur ke hadrat سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَللهِ

dapat pula bersama-sama di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Beta terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli di atas pelantikan semula dan juga Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu dilantik.

Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas-bekas Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan majlis yang lalu.

Beta berharap, dengan pelantikan ahli-ahli baharu akan membawa kesan yang baik dan positif kepada persidangan ini. Beta percaya ahli-ahli akan dapat menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan.

Dalam persidangan inilah, ahli-ahli akan berpeluang untuk membincang atau membahas isu-isu yang dianggap mustahak. Di antara isu mustahak itu ialah yang berkaitan dengan ekonomi.

Kita semua sudah sedia maklum, bahawa keadaan ekonomi dunia terus mengalami ketidaktentuan. Walaupun pada akhir-akhir ini, harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif. Namun begitu, kita masih saja perlu terus berwaspada kerana harga minyak dunia dijangka berada pada paras yang rendah tanpa mungkin dianggarkan tempohnya. Maka kerana itu, kerajaan beta perlu terus giat untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

الْحَمْدُ لله sejak kebelakangan ini, usaha ke arah ini, sudah mula menampakkan kesan, walaupun hasilnya yang diraih masih memerlukan masa.

Dari segi pelaburan, kita mula mendapati banyak pelabur-pelabur asing telah memberikan perhatian mereka terhadap potensi negara sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju.

Beberapa Projek Pelaburan Langsung Asing akan memulakan operasi mereka. Sementara ada juga yang sudah di tahap pelaksanaan. Sedang beberapa cadangan pelaburan baharu, lagi masih dalam penelitian.

Perkembangan ini, tentunya positif. Ia bukan saja dari sudut pengukuhan ekonomi, malahan juga kesan impaknya akan dapat kita perolehi.

Dari peningkatan aktiviti ekonomi, akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan. Namun dengan perkembangan ini, janganlah pula kita cepat-cepat berpuas hati. Tetapi usaha pembaharuan adalah masih perlu diteruskan, kerana transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang.
Matlamat kita ialah untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Selaras dengan ini, beta telah pun memperkenankan untuk diwujudkan Zon Perdagangan Bebas *(Free Trade Zone).* Dengan wujudnya zon ini akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan, terutama dalam sektor pembuatan.

Satu lagi keutamaan Kerajaan beta ialah meningkatkan nilai dan prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan *GLC's*. Syarikat-syarikat ini termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing akan mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, khasnya di sektor bukan minyak dan gas.

Di samping itu sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti perusahaan mikro kecil dan sederhana *(MSME),* selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan, perusahaan mikrokecil dan sederhana ini, beta telah pun memperkenankan penubuhan *SME Bank.* Penubuhan bank ini dapatlah diharapkan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah, *accessible financial* bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini. Bank ini akan beroperasi berdasarkan konsep syariah-syariah *compliance*.

Apa pun rancangan semuanya turut bergantung kepada sumber tenaga manusia. Inilah masalah kita di Brunei, sumber tenaga tempatan masih sahaja bermasalah.

Di samping masalah terlalu memilih kerja, juga jadi masalah ialah sudah dapat kerja di sektor swasta tetapi tidak kekal lama hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti. Balik semula memilih jadi penganggur.

Berkaitan ini, beta telah memperkenankan satu Program *Apprenticeship* untuk mewujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan. Program ini akan dilancarkan pada bulan April 2017, إِنْ شَاءَ اللَّهُ . Ia akan dikenali sebagai Program *I-RDY (i-ready)*, khusus sebagai platform bagi para graduan memasuki alam pekerjaan sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Menyentuh mengenai keperluan tenaga manusia, penyediaan asas ilmu pengetahuan adalah utama. Maka ke arah ini pencapaian penuntut-penuntut peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat menengah adalah perlu untuk diberikan penekanan. Maka untuk itu agensi-agensi berkenaan perlulah merangka perancangan yang *actionable* dan *realistic* serta *cost effective* agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Juga perlu diambil perhatian bahawa pendidikan masa kini tidak hanya terhad di bilik-bilik darjah sahaja tetapi banyak ilmu, maklumat dan kemahiran boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi, *internet* yang boleh diakses dengan mudah dan cepat.

Namun dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih ini kita juga dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah.

Semua ini boleh mengundang kepada bencana, kita berharap semua pihak perlu turut menyedari dan mengambil perhatian serius mengenainya.

Akhirnya, beta berharap Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun ini akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharapkan dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Pembesar-Pembesar Negara).

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَللّٰهِ kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebentar tadi.

Oleh yang demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini, saya tangguhkan dulu dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Selasa, 8 Jamadilakhir 1438 bersamaan dengan 7 Mac 2017 pada pukul 9.00 pagi.

وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian,

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 8 Jamadilakhir 1438 / 7 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu,
DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kedua pada hari Selasa, 8 Jamadilakhir 1438 bersamaan 7 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ الْحَمْدُ لِلّٰهِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang kedua di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ kita kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada hari Isnin, 6 Mac 2017, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selesai sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya baginda telah berkenaan untuk mengurniakan titah. Majlis ini sepenuhnya ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan menjunjung tinggi atas keberangkatan dan titah yang dikurniakan oleh baginda itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam kesempatan ini, izinkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara yang pada kali ini telah mencatatkan satu peristiwa yang amat bersejarah. Kita sekali lagi dapat menyaksikan pelantikan baharu bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dari kalangan ahli

yang terdiri daripada ahli-ahli baharu dan juga ahli-ahli lama.

Selain itu, pelantikan kali ini adalah satu *turning point* atau titik perubahan yang penting bagi Majlis Mesyuarat Negara ini, kerana buat pertama kalinya pelantikan ahli-ahli dari kalangan belia-belia sendiri.

Antara pendekatan yang dapat dipetik daripada kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah baginda telah menekankan tentang peranan persidangan ini sendiri untuk membincangkan ataupun membahas isu-isu yang mempunyai kepentingan agar sesi Majlis Mesyuarat Negara akan dapat berlangsung dengan lebih efisien, berkesan dan lebih cekal dengan adanya perspektif pendekatan baharu dari ahli-ahli yang baharu, terutama sekali dalam menyentuh isu-isu untuk meningkatkan sumber ekonomi dan infrastruktur perdagangan seterusnya masalah pengangguran di negara ini. Tidak dinafikan dengan adanya ahli baharu ini akan dapat lagi memberikan buah fikiran, cadangan, pendapat serta perspektif yang lebih meluas dalam menyentuh masalah-masalah ini.

Bak kata pendeta *"two heads are better than one"* akan tetapi kita hendaklah senantiasa beringat dan tidak lupa bahawa kesemua ahli baik Yang Dilantik mahupun ahli yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet dipertanggungjawabkan untuk bekerjasama secara kolektif dan bersatu padu serta sama-sama memberikan sumbangan demi kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli harus menanai semangat perpaduan dan kerjasama yang erat kerana masing-masing kita mempunyai matlamat yang sama iaitu menyumbang tenaga dan pemikiran bagi kepentingan semua. Semoga dengan adanya pembaharuan kali ini akan dapat membawa banyak kesan positif kepada Majlis Mesyuarat Negara ini sendiri dan seterusnya ke arah menjaga dan memelihara kepentingan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, Ahli-Ahli Yang Berhormat perlulah juga mengambil kira serta mematuhi etika-etika permesyuaratan dan juga peraturan-peraturan mesyuarat seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya percaya perkara-perkara ini akan dapat lebih lanjut lagi diteliti oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan lebih mendalam semasa kita membincangkan Perkara V, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis dalam menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, segera sekarang kita berpindah ke perkara yang seterusnya.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara IV. Kertas-kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas No. 1 Tahun 2017 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja, Kertas No. 1 Tahun 2017 iaitu "Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam Tahun 2016/2017 menurut Fasal 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam". Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2017 akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormatnya memohon keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2 Tahun 2017 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara V. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersyukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin-Nya juga Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ

Negara Brunei Darussalam pada 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya ini, saya bagi pihak Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan iaitu Menteri-Menteri Kabinet sukacita mengucapkan setinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kita berharap kita semua akan dapat bekerja sebagai satu pasukan dalam memikul tanggungjawab ini demi menaikkan martabat Majlis Mesyuarat Negara ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Sebagaimana juga yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua bahawa adalah bersesuaian juga bagi kita di Dewan yang mulia ini untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya bangun berdiri di sini mencadangkan satu Usul yang berbunyi "Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini, pada hari Isnin 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 dan atas titah baginda yang Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mengandungi nasihat dan peringatan serta pandangan jauh baginda khasnya dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara terutama dalam mengharungi berbagai-bagai bentuk cabaran termasuk ekonomi global serta keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu yang telah dihadapi beberapa tahun dahulu sehingga hari ini.

Titah baginda adalah sangat bernas dan padat, mengandungi kurnia rancangan dan inisiatif yang menjurus kepada strategi untuk membawa Negara Brunei Darussalam maju dan membangun. Kehadiran dan komitmen Pelaburan

Langsung Asing ke negara ini mencerminkan dengan jelas keyakinan mereka pelaburan di negara ini. Kurnia titah baginda mengenai penubuhan *SME Bank*, usaha-usaha mengukuhkan aktiviti perusahaan mikrokecil dan sederhana serta memperkasa syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *GLC's* akan dapat membantu kemajuan ekonomi di sektor ini.

Semua ini jelas menggambarkan kebijaksanaan, keprihatinan dan pemedulian baginda yang mempunyai pandangan jauh bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mantap dengan mempelbagaikan ekonomi negara demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

Oleh yang demikian, permesyuaratan kita dalam masa beberapa hari ke hadapan ini perlu mengambil perhatian berat terhadap titah baginda yang menyarankan betapa pentingnya Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengetengahkan dengan ikhlas dan jujur idea-idea yang bernas dan strategik yang membawa impak dalam menangani isu-isu penting terutama sekali yang membabitkan cabaran-cabaran yang kita hadapi dan juga bagi melipatgandakan lagi usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan negara ini.

Berikutan dengan kedudukan ekonomi dunia yang masih belum pulih sejak tahun 2015 cabaran ini nampaknya akan berterusan dan kesan impaknya juga dirasakan menghimpit kita di Negara Brunei Darussalam. Usaha-usaha kita dalam menghadapi cabaran-cabaran ini perlu diteruskan, kita juga perlu sama-sama bertindak dan bergerak melaksanakan kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang wajar dalam menangani situasi ini secara lebih efektif melalui pendekatan *whole of nation* bagi meningkatkan produktiviti negara.

الْحَمْدُ لله dalam menjunjung tinggi titah baginda dan berkat kerjasama padu semua pihak yang berkepentingan, beberapa syarikat daripada Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* telah mula bertapak dan menjalankan operasi mereka di negara ini seperti dalam bidang *pharmaceutical*, bioteknologi dan sebagainya. Sementara itu sebilangan syarikat *FDI's* akan memulakan operasi mereka. Penyertaan sebuah syarikat Pelaburan Langsung Asing dalam mengendali, memaju dan meneroka potensi *Muara Container Terminal (MCT)* akan menjana kemajuan dan perkembangan sektor pengangkutan.

Usaha bersatu dan berterusan kerajaan dalam *Ease of Doing Business*, peningkatan infrastruktur dan titah baginda mengenai rancangan mewujudkan Zon Perdagangan Bebas *(Free Trade Zone)* khasnya dalam sektor pembuatan, akan setentunya menambah baik lagi ekosistem negara ini dalam menarik lebih banyak lagi *FDI* ke negara ini, dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan menjadikan negara ini destinasi pelaburan berdaya maju.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kejayaan projek-projek ini jelas mencerminkan komitmen negara ke arah

membangunkan sektor swasta, terutama sekali dalam menerokai potensi bagi meluaskan pembangunan ekonomi di luar sektor minyak dan gas yang akan turut menjana peluang pekerjaan di samping mengeratkan lagi perhubungan antarabangsa. Penerokaan potensi ini perlu diteruskan dan dengan kerjasama padu semua pihak akan dapat memacu ekonomi negara dan menjadikannya berdaya tahan.

Sejajar dengan inisiatif-inisiatif yang dinyatakan, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah konkrit, bahawa beberapa kementerian telah pun mengambil pendekatan *Public Private Partnership (PPP)* sebagai kaedah bijak dalam pelaksanaan projek-projek pilihan.
Melalui kaedah ini, di samping pelaksanaan projek secara efisien, ia juga telah dapat membukakan peluang penglibatan golongan peniaga, pengusaha tempatan terutama pengusaha mikrokecil dan sederhana.

Penubuhan *SME Bank* yang berasaskan konsep syariah adalah suatu inisiatif yang diharap akan dapat meningkatkan dan memperkembangkan lagi aktiviti perniagaan khasnya kepada generasi muda. Penubuhan *SME Bank* yang syariah *compliance* ini mencerminkan dengan jelas keyakinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan muamalah Islam dan sekali gus memperkembangkan industri kewangan Islam di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhorr الْحَمْدُ لله .
kemajuan dan perkembangan yang telah kita capai selama ini adalah berpaksi kepada suasana keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati di negara ini, di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana juga titah baginda sempena Awal Tahun Masihi 2017, bahawa rukun keamanan adalah mustahak untuk dipelihara dan diamalkan iaitu memegang kuat ajaran agama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu.

Adalah penting bagi semua lapisan masyarakat berganding bahu dalam memelihara rukun keamanan ini kerana tanpa keamanan, pembangunan yang diinginkan tidak akan tercapai.

Dalam hubungan ini, baginda telah mengingatkan kita supaya dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih, kita dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah. Kita mestilah berwaspada dan menjunjung tinggi nasihat baginda ini, kerana jika kita alpa, ia boleh mengundang bencana.

Di samping keamanan, tahap kesihatan juga mempunyai peranan yang tinggi di dalam mendukung kemajuan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat prihatin mengenai perlunya amalan cara hidup sihat diterapkan ke dalam gaya hidup semua peringkat umur, melingkungi antara tabiat pemakanan, kegiatan fizikal dan kesejahteraan mental.

Dengan memperkasa cara hidup sihat ini, kesejahteraan dan potensi produktiviti individu akan dapat dicapai sepenuhnya.

Seiring dengan kesihatan, pendidikan juga mempunyai peranan yang mempunyai kepentingannya sendiri dalam meningkatkan kemajuan negara. Peka akan perkara ini, kerajaan adalah amat komited dalam memastikan bukan sahaja peluang bagi warganegara ini diberikan pendidikan akan tetapi memastikan kualiti pendidikan termasuk kualiti guru.

Dalam hal sedemikian, salah satu langkah mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran literasi dan numerasi sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016, satu perjanjian telah ditandatangani antara pihak *CFBt* dan Kementerian Pendidikan yang diharap dapat menyumbang bagi meningkatkan kualiti pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kesinambungan dari pendidikan yang mampan akan melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran. Dalam menangani pengurusan tenaga manusia ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menubuhkan Majlis Perancangan Tenaga Manusia *(Manpower Planning Council)* pada Mei 2016. Mandat majlis ini antara lain bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk memadankan permintaan dan bekalan tenaga kerja dengan sasaran untuk mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing.

Selaras dengan usaha ini, *Job Centre Brunei* juga turut ditubuhkan pada penghujung tahun 2016, dengan fokus utama termasuk menyediakan rangka kerja urus tadbir yang bersesuaian serta menganalisis maklumat dan inisiatif-inisiatif berkaitan dengan perancangan sumber tenaga manusia. Penganalisisan merangkumi gambaran jangka panjang keperluan tenaga manusia pada masa akan datang.

Usaha ke arah meningkatkan *employability* dan *marketability* para pencari kerja turut diberikan perhatian melalui *Program Industry Competency Framework*. Program ini adalah kesinambungan daripada *Energy Industry Competency Framework* yang telah wujud sejak tahun 2014. Ianya dihasratkan bagi memberikan pendedahan suasana pekerjaan yang sebenar bahawa setiap pencari kerja ditempatkan bagi tempoh-tempoh yang tertentu mengikut jenis pekerjaan.

Sehubungan ini, sekali lagi kita menjunjung kasih atas kurnia perkenan baginda memperkenalkan mulai bulan April 2017, *Program Apprenticeship* iaitu Program *I-RDY (i-ready)* khusus bagi graduan-graduan yang mencari pekerjaan. Kita berharap para graduan akan mengambil manfaat sepenuhnya dari program ini untuk menimba pengalaman bekerja, baik di sektor awam atau swasta dan dalam masa yang sama bersedia untuk membuat perubahan minda bagi kebaikan dan kemajuan diri sendiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cabaran masa kini yang kita hadapi adalah pelbagai yang memerlukan permuafakatan erat, percambahan fikiran yang terbuka, menerokai kreativiti dan inovasi ke arah mengenal pasti langkah-langkah yang wajar, bernas dan bersesuaian serta strategik dan efektif. Berdasarkan apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita semua perlulah memberikan perhatian yang serius kepada seruan baginda, agar memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara. Bagi tujuan ini, kita diharapkan untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut dan ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara iaitu berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) falsafah negara kita.

Mudah-mudahan dengan perbahasan yang matang dan berkualiti, kita akan dapat menggalas tanggungjawab kita dalam sama-sama memartabatkan institusi Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi penting bagi pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perjalanan permesyuaratan kita dalam beberapa hari mendatang akan dapat mencanai hasilnya di bawah pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita mempunyai penuh kepercayaan dan keyakinan ianya akan terlaksana dengan lancar dan teratur.

Harapan kita semua ialah supaya perbincangan-perbincangan di Dewan yang mulia ini akan mampu membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha membangun negara yang sama-sama kita cintai ini, agar rakyat dan penduduknya dapat terus hidup dalam keamanan, ketenteraman serta kesejahteraan yang berterusan dan berkekalan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله kita telah pun mendengar kenyataan dan hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya meminta jika sekiranya ada seorang ahli untuk menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu Usul untuk menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017. Kenyataan Usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Maka dengan itu, saya sekarang ingin membukakan supaya Usul ini dibahaskan.

Nampaknya ada beberapa orang ahli yang berminat untuk turut serta dalam membahaskan Usul yang telah dikemukakan ini. Saya persilakan dulu Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin B اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلَى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَبَعْدُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan rakan-rakan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengucapkan الْحَمْدُ لله syukur kerana
dengan rahmat dan izin-Nya dapat kaola menghadiri Mesyuarat Pertama Dari

Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Kaola sukacita menyokong sepenuhnya Usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017, dan juga pengurniaan titah yang penuh hikmah dan bijaksana yang banyak tertumpu kepada kegiatan-kegiatan ekonomi bagi memperkasa ekonomi negara dengan cara di antaranya dengan menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing untuk datang membuat pelaburan mereka di negara ini. Dengan demikian akan memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga-warga tempatan.

Usaha kerajaan menubuhkan *SME Bank* akan memberikan kemudahan pinjaman mudah yang berdasarkan konsep patuh syariah *(syariah compliance)* kepada sesiapa yang berminat untuk membuka bidang perusahaan dan perniagaan yang pasti sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh warga-warga tempatan. Dengan demikian kerajaan telah dapat memberikan kemudahan modal kepada siapa yang ingin berusaha atau berniaga.

Kaola tidak akan bercakap mengenai soal-soal ekonomi itu kerana ianya adalah bukan bidang pengajian kaola. Tetapi apabila أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sering kali menyatakan di dalam Al-Quran bahawa iman dan takwa itu terbuka luas dan pintu rezeki dari langit dan bumi dan orang beriman dan bertakwa akan diperluaskan dan dipermudahkan rezekinya, maka wajar kita kaitkan ajaran Al-Quran itu dengan pembinaan masjid, kerana masjid adalah tempat terpenting untuk membangunkan umat yang beriman dan bertakwa menerusi رَسُوْلَ اللهِ pendidikan dan amalan-amalan keugamaan dan menerusi masjid itulah dan para sahabat menegakkan agama dan negara Islam pertama di Madinah serta membina kemajuan dalam segenap bidang.

Begitulah رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ apabila tiba di Madinah pada awal hijrah, Baginda telah mendirikan masjid terlebih dahulu daripada Baginda membina rumah untuk kediaman sendiri. Kalaulah membina rumah itu lebih utama berbanding masjid, tentulah Baginda membina rumah lebih dahulu daripada masjid.

Kaola agak terkilan, mendapati bahawa peruntukan kerajaan yang diperuntukkan khusus untuk membina

masjid telah tidak digunakan untuk pembinaan masjid pada tahun 2017 ini. Kaola sedia menerima hakikat bahawa keadaan ekonomi negara yang telah merudum akibat kejatuhan harga minyak dan gas. Tetapi meniadakan pembinaan masjid oleh kerajaan adalah sesuatu pada hemat kaola yang patut dipertimbangkan semula kerana kerajaan sungguh komited dalam membangun syiar Islam walaupun tidak setiap tahun, memadailah dengan membina sebuah masjid pada tiap-tiap dua tahun setengah.

Dengan dasar sedemikian, dalam tempoh 10 tahun, kerajaan akan dapat membina 4 buah masjid, itulah tandanya agama Islam di negara ini dapat terus-menerus menjalankan kewajipan menegakkan agama dan menyuburkan iman dan takwa bagi umat Islam di negara ini.
Kaola sukacita menyatakan dan menurut nasihat pihak para ulama khususnya ulama-ulama syafieyah. Apabila di sesebuah kampung itu terdapat 30 orang mukhalaf yang wajib mendirikan sembahyang berjemaah maka wajiblah didirikan tempat khusus untuk berjemaah itu.

Menurut konteks Brunei, kebanyakan kampung-kampung sekarang sudah dipadati oleh penduduk Islam, maka tiada jalan lain melainkan membina masjid pada kampung-kampung yang padat dengan penduduk Islam berkenaan.

Kaola sarankan pembinaan masjid di kampung-kampung itu bolehlah diambil peruntukannya daripada tabung pembinaan masjid yang menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sesi muzakarah abis kaola dengan kementerian itu baru-baru ini menyatakan purata hasil kutipan tabung itu adalah $2.5 juta setahun.

Oleh sebab pembinaan masjid biasanya $5 juta, maka sebuah masjid boleh dibina pada tiap-tiap 2 tahun. Bererti dalam tempoh 10 tahun, orang ramai boleh membina 5 buah masjid kalau dicampur dengan pembinaan masjid oleh kerajaan, 4 buah masjid dalam jangka 10 tahun, bererti tiap-tiap 10 tahun kita akan mempunyai sekurang-kurangnya 9 buah masjid.

Kaola sukacita menyarankan seperti berikut:

1. Dalam Belanjawan Kemajuan Negara, peruntukan telah disediakan untuk membina 2 buah masjid dalam tempoh 5 tahun itu. Dan sebuah masjid dibina untuk tempoh dua tahun setengah. Masjid yang dibina oleh kerajaan itu biarlah yang berkapasiti 1,500 orang jemaah ke atas; dan

2. Masjid-Masjid telah dibina pada setiap kampung secara berperingkat-peringkat dengan menggunakan wang tabung pemeliharaan masjid dan lain-lain sumber dari bukan kerajaan dan biarlah masjid di kampung itu yang berkapasiti di bawah daripada 1,500 orang

jemaah dan peruntukannya sekitar $5 juta.

Dengan demikian, umat Islam dapat mengelakkan kemurkaan أَللّٰهِ yang membawa akibat buruk kepada kita dan negara kita. أَللّٰهِ jualah Yang Maha Pemberi Rezeki dan أَللّٰهِ jualah Yang Maha Berkuasa menarik rezeki daripada kita, wal iza nauzubillah kerana sumber rezeki yang sebenar-benarnya dengan-Nya hanyalah أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Kita hanya diminta berikhtiar dan berusaha untuk mendapatkan limpah kurnia أَللّٰهِ yang berupa rezeki.

Sekianlah ucapan dan saranan-saranan kaola mudah-mudahan jua mendapat perhatian dan pertimbangan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan dan bukan kerajaan demi kepentingan ugama, umat dan negara.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَلسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَىٰ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menggabungkan diri bersama rakan-rakan sejawatan menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah disembahkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi.

Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah tersebut. Titah baginda mencerminkan keprihatinan baginda pada penjanaan perekonomian negara. Kaola penuh yakin sekiranya semua lapisan rakyat menanai titah tersebut ianya akan menjadi kenyataan. Kaola ada dua usul:

1. Melihat kepada pencari kerja aktif *(active job seekers)* penerapan kemahiran hidup harus ada pada persiapan dalam pekerjaan. Perlu persiapan kemahiran dalam membantu muda-mudi untuk mencari kerja. Fokus seharusnya dibuat pada kemahiran dan latihan yang diperlukan bagi kerja dalam bidang bersesuaian. Jika sudah berkemahiran, ini akan meminimumkan pengangguran dan yang sering bertukar-tukar pekerjaan. Antara kemahiran yang perlu penambahbaikan ialah pekerja buruh mahir yang masih pada tahap minimal supaya boleh mengurangkan pengambilan buruh asing dan secara tidak langsung mengurangkan perbelanjaan ekonomi negara dalam pengambilan pekerja asing; dan

2. *SME* – Penyediaan satu platform bagi perniagaan secara *online* di Brunei. Perniagaan secara *online* semakin berkembang luas dan ini menjadi trend yang mudah diikuti pada masa kini. Perniagaan secara *online* hendaklah didaftarkan di sebuah platform yang disahkan oleh pihak tertentu supaya tidak terjadi penipuan dan menjadi jaminan kepada pembeli-pembeli secara *online.* Begitu juga peniaga-peniaga secara *online* yang harus dilindungi kerana secara tidak langsung boleh menjana pada sosioekonomi negara. Platform ini juga boleh diguna pakai sebagai rujukan peniaga-peniaga secara *online* yang di dalam senarai dan boleh memudahkan pihak *SME Bank* untuk memberikan pinjaman tergantung pada dana pinjaman yang diperlukan oleh sebuah perniagaan tersebut. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berdiri di Dewan yang mulia ini bagi mewakili Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik daripada Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan.

Abis kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Sesungguhnya titah baginda amatlah padat dengan nasihat, peringatan dan berpandangan jauh yang mencerminkan kebijaksanaan pemimpin tertinggi negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa terpelihara dengan rahmat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Baginda menyerahkan kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik supaya akan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan.

Seterusnya baginda bertitah agar perhatian perlu diberikan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Baginda mengajukan beberapa

isu mustahak yang berkaitan dengan tajuk besar Memperkasakan Pembangunan Ekonomi Negara melalui strategi dan proses yang berikut:

1. ***Foreign Direct Investment (FDI)*** **Pelaburan Langsung Asing** hendaklah diambil perhatian bahawa usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian perlu terus dipertingkatkan dan diperkemaskan. Abis kaola ingin menekankan agar *FDI* yang ada ataupun yang akan dijalankan dapat mengutamakan penglibatan pengusaha tempatan dari segi peluang perniagaan dan pekerjaan. Dengan ini kaola berharap polisi akan terus dipertingkatkan dan diperkemaskan dan menekankan penglibatan perusahaan tempatan dan sumber tenaga tempatan dari segi profesional dan pekerjaan;

2. **Zon Perdagangan Bebas *(Free Trade Zone).*** Abis kaola sangat gembira mendengar peluang-peluang diteroka dalam menggalakkan Pelaburan Langsung Asing dan *joint venture* (usaha bersama) dengan perusahaan tempatan. Dengan wujudnya zon ini, ia akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan terutama dalam sektor pembuatan. Pihak abis kaola berharap ia dapat membantu perusahaan Brunei untuk bersaing serta menaikkan taraf perusahaan dan mengambil peluang yang terdapat melalui kedua-dua peluang ini. Di samping itu, juga *local content* hendaklah diberi keutamaan;

3. Seterusnya baginda bertitah dan menyentuh untuk menilai dan meningkatkan prestasi ***Government Linked Companies (GLC's),*** apa yang diharapkan adalah peluang yang bakal disediakan untuk memberi laluan kepada MSME tempatan untuk berkecimpung dan aktif bergiat di dalam negeri, manakala memperkasakan *GLC's* beroperasi dan bersedia berkembang maju untuk meneroka ke luar negara. Apa yang menjadi keutamaan, adalah ketelusan *(transparency)* dalam melaksanakan perancangan. Melalui usaha tersebut, *GLC `s* akan terus berkembang maju dan pada masa akan datang dapat membawa peluang MSME tempatan *the low hanging fruits* untuk ikut serta dan berkembang maju di luar negara. Adalah diharapkan, agar *GLC's* dapat melatih secara *mentorship* perniagaan dan perusahaan untuk membekalkan pengetahuan atau *knows how* dan menarik minat perusahaan tempatan untuk menceburi perusahaan ke serantau antarabangsa;

4. **Mikrokecil dan Sederhana *(Micro & Small Medium Enterprise)*** di dalam mengupayakan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana. Dalam mengusahakan perusahaan MSME, baginda menyeru supaya lebih banyak lagi pengusaha tempatan dapat berdaya

saing untuk meraih kejayaan melalui peluang yang disediakan seperti *One Stop Centre, Darussalam Enterprise (DARe)*. *Darussalam Enterprise* berperanan untuk menggalakkan perkembangan usahawan dengan merangka beberapa program khusus untuk meningkatkan kecekapan urus tadbir dan aktiviti perniagaan. Oleh yang demikian, anak-anak tempatan hendaklah berani menyahut cabaran dan merebut peluang dalam bidang-bidang keusahawanan. Di samping itu, dengan tertubuhnya *SME Bank*, ia diharap dapat membantu pengusaha MSME untuk mendapatkan pinjaman yang mudah menurut syariah agar menggalakkan lebih ramai orang untuk mengambil kesempatan dalam bidang keusahawanan;

5. **Pembangunan Tenaga Manusia *(Human Resources Development).*** Pihak abis kaola ingin mengusulkan untuk memberi insentif kepada sektor swasta untuk memastikan *career progression* atau perkembangan kejayaan sebagai keperluan dalam menjalankan dan mengembangkan perniagaan. Pihak abis kaola menyambut baik program *I-RDY (i-ready)* yang bakal dijalankan dalam memberi peluang kepada para graduan untuk menjalankan *Programme Apprenticeship.*

6. الْحَمْدُ لله menyentuh mengenai **Penyediaan Asas Ilmu Pengetahuan** sekolah rendah dan sekolah menengah, pihak abis kaola menyokong baik dalam memastikan penekanan yang *actionable, realistic* dan *cost-effective*. Di sinilah pihak yang berkenaan juga dapat menggunakan *whole of community* yang melibatkan pihak sekolah, penuntut, ibu bapa dan masyarakat serta memastikan kakitangan akademik diberikan pembangunan kapasiti untuk mempunyai pendedahan dan latihan dalam penyampaian program akademik termasuk penggunaan *internet* dalam pembelajaran dan melibatkan masyarakat; dan

وبالله التوفيق والهداية

7. Dalam menyokong ***Ease of Doing Business (EODB)*** untuk mengukuhkan sosioekonomi negara perlulah mempunyai strategi memastikan perkara ini dapat meningkatkan prestasi, seperti mengurangkan proses birokrasi memantau kemajuan iaitu progres dan kesinambungan *(continuity)* bagi memastikan pembaikan. Adalah juga diharap pemberigaan program-program yang sedang dan akan dijalankan supaya dapat lebih meluaskan untuk memastikan perhubungan dua hala antara pihak kerajaan dan orang ramai.

Dengan yang demikian, apa yang kita bincangkan dan bahaskan di dalam Dewan ini akan lebih mantap dan bermakna. Sesuai dengan titah baginda supaya janganlah isu-isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan. Perlulah dilihat apa yang sudah dicapai dan sekiranya

belum, maka perlulah membuat tindakan pembaikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha untuk lebih maju ke hadapan dan memantau pelaksanaan, dicadangkan supaya diadakan mesyuarat kesinambungan pada tahap subkomiti sekurang-kurangnya setiap 6 bulan antara kementerian dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Ini diharap akan dapat membantu setiap pihak untuk mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sekian,

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Sesungguhnya kaola menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka dengan ini kaola mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda seterusnya mengurniakan titah dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 dan juga menyembahkan menjunjung kasih atas perkenan baginda pelantikan semula kaola menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang mewakili Zon 2, Daerah Tutong.

Dengan pelantikan ini, kaola akan sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat serta menanai tanggungjawab ini bersungguh-sungguh yang diamanahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengikut kebolehan dan fikiran kaola, memikul dengan ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dalam membincang dan membahas isu-isu yang dianggap إِنْ شَاءَ اللَّهُ hak terutama sekali yang berkaitan dengan ekonomi

Peranan besar abis kaola sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah sebagai pemacu kepada pembangunan negara supaya menggunakan

pendekatan *delivery (delivery approach)* iaitu sentiasa berpandangan jauh ke hadapan sebagai satu persiapan, mitigasi dan persediaan sebelum menghadapi berbagai-bagai persoalan yang akan timbul.

Oleh itu, peranan abis kaola dan rakyat agar berupaya bersama-sama dengan pihak berkenaan sebagai sebuah pasukan melakukan tindakan sesuai dengan keadaan sekarang dan akan datang, iaitu berkenaan dengan mengurangkan pergantungan pada hasil sumber minyak dan gas, walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh titah baginda mengenai peningkatan aktiviti ekonomi akan lebih membawa banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan, terpulang kepada rakyat merebut peluang yang ada dengan cara meningkatkan kemahiran, kerana kerajaan telah banyak membantu dari segi infrastruktur dan kemudahan yang probisnes termasuk kursus-kursus menerusi sekolah-sekolah vokasional, sekolah-sekolah teknikal, kejuruteraan dan Pusat Pembangunan Belia.

Juga telah menubuhkan pusat-pusat perusahaan kecil juga sederhana *SME* dan memberi keutamaan kepada sektor swasta membina kejayaan dalam perusahaan mikro bisnes kecil dan sederhana *(MSME)* selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh diperkembangkan dan meningkatkan pencapaian agar perusahaan ini lebih meluas, berdaya saing dan berdaya tahan. Bukan sekadar untuk sara diri malah boleh dieksport dan mencapai ke tahap antarabangsa.

Kaola memetik titah baginda sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada 23 Februari 2007, iaitu antara lain titah baginda:

"…Selaku sebuah negara yang kecil dengan sumber yang terhad sudah tentu memerlukan tenaga-tenaga yang lebih inovatif untuk mengurus sumber-sumber tersebut. Hanya dengan ini sahaja, kita akan mampu mengekalkannya serta juga mengganda nilai tambah yang diperlukan oleh negara…"

Dalam titah ini baginda menitikberatkan tentang keperluan sumber tenaga manusia yang berkemahiran tinggi.

Fikiran yang masih mahu bergantung kepada bantuan-bantuan kerajaan dan mengharapkan pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan perlu dikikis. Walau bagaimanapun, dalam pemikiran kaola ada beberapa cara yang perlu dilaksanakan iaitu jangan lagi berfikir bahawa kelulusan akedemik itu memadai untuk menjawat pekerjaan di jabatan kerajaan atau sektor swasta.
Kini sudah tiba masanya memerlukan sistem pendidikan berkembar iaitu akedemik dan kemahiran terutama dalam bidang pembuatan yang boleh membantu dan relevan dengan kehendak Pelaburan Langsung Asing yang bergantung pada sumber tenaga tempatan.

Pengetahuan dalam bidang kemahiran dan pembuatan adalah sebagai pemangkin kepada apa jua bentuk pekerjaan terutama yang boleh menjana ekonomi negara. Misalnya diguna pakai untuk bekerja sendiri, menjadi pengusaha dalam bidang pertanian, pelancongan, perikanan, perkilangan, pertukangan dan lain-lain perusahaan.

Sehubungan dengan itu, adalah perlu pusat kemahiran dan pembuatan dilaksanakan di setiap daerah yang melaksanakan beberapa kursus pembuatan untuk belia yang telah meninggalkan alam persekolahan yang belum bekerja.

Program *Apprenticeship* yang telah diperkenankan oleh baginda, yang akan dilancarkan pada bulan April 2017 ini nanti adalah bertepatan sekali iaitu untuk mewujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan sebagai platform memasuki alam pekerjaan.

Sebagai tambahan, jika boleh peralatan-peralatan dan mesin-mesin pemprosesan dan pembuatan dikecualikan daripada cukai atau dijual dengan harga yang murah bagi menggalakkan perusahaan sektor pembuatan berkembang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menyokong perkara yang tersebut di atas, sokongan pihak bekenaan bagi memberi kemahiran, pengalaman, pendidikan dan pemantauan serta modal yang bersesuaian dalam keusahawanan adalah perlu. Jadi kita menyambut baik dan rasa gembira apabila baginda memperkenankan penubuhan *SME Bank* untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah.

Kalau boleh, dicadangkan dengan pinjaman tanpa syarat dengan pembayaran balik 30% dari hasil perusahaan dan 70% adalah untuk membayar gaji, pembelian peralatan dan peruntukan rampaian. Bagi meningkatkan dan mengendalikan Pelaburan Langsung Asing pula, setentunya memerlukan persekitaran yang mudah agar memberi impak yang positif dalam kegiatan ekonomi negara.

Selain itu, prosess atau tatacara peraturan melaksanakan perusahaan dan perniagaan adalah sangat penting dipermudahkan. Perkara-perkara yang melambat atau menghalang kemajuan harus diambil perhatian untuk meningkatkan *Ease of Doing Business* negara ini.

Oleh itu dicadangkan supaya kebenaran atau kelulusan semua perkara yang berkaitan perusahaan dan perniagaan kepada agensi-agensi berkenaan untuk dipermudahkan dan dipercepatkan, kerana ada sebahagiannya terlalu ketat dan peraturan yang sukar dicapai oleh modal yang kecil. Memang penting supaya tidak mengabaikan dari segi peraturan keselamatan dan kesihatan, tetapi jika sekiranya peraturan itu melibatkan kewangan yang besar, maka akan menyebabkan pengusaha atau pelabur-pelabur berkenaan mengundur diri.

Dalam perkara ini, merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 30 Jamadilakhir 1428 bersamaan 15 Julai 2007, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-61 tahun, antaranya:

"…mana-mana agensi yang masih memakai peraturan-peraturan atau proses-proses yang boleh melambatkan pencapaian dan juga menghalangi perkhidmatan yang efisien, hendaklah mereka itu dengan segeranya mengubah pandangan mereka…"

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga menyentuh masalah memilih kerja yang tidak kekal bekerja di sektor swasta. Dalam masalah ini, agar tidak berlakunya berhenti kerja di sektor swasta, supaya pihak syarikat atau majikan menyediakan syarat atau garis panduan bentuk pekerjaan, kesejahteraan dan kebajikan pekerja tersebut. Misalnya, menyediakan peluang-peluang kenaikan pangkat, kenaikan gaji dalam jangka masa tertentu berkhidmat, elaun-elaun dan lain-lain yang sama seperti diperolehi di jabatan-jabatan kerajaan. Jangan sampai pekerja menjadi ragu dan tidak yakin apa yang akan terjadi masa depan kerjaya mereka sehingga 10 tahun pun berkhidmat masih juga dalam kerjaya yang sama.

Sehubungan dengan itu, titah baginda lagi:

dalam peranan proaktif dan inovatif "…agensi-agensi yang berkenaan perlulah merangka perancangan yang *actionable* dan *realistic* serta *cost effective…"*

Antaranya dengan melaksanakan kursus-kursus kemahiran kejuruteraan, pembuatan dan lain-lain, serta menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* dalam semua peringkat yang relevan dengan kehendak dan keperluan negara dan syarikat-syarikat berkenaan adalah sangat mustahak.

Seterusnya antara lain titah baginda kemahiran-kemahiran dan maklumat ini juga boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi yang mudah diakses dengan cepat melalui *internet* tetapi boleh menimbulkan bencana jika penggunaannya lalai, tidak mempunyai jati diri dan mudah terpengaruh dengan maklumat-maklumat palsu dan fitnah seperti hadis, ajaran agama dan petua-petua yang tidak pasti sahihnya, malah ada yang ikut serta menghantar dan yang menerima pula, menghantar lagi kerana diberi amaran jika tidak menyampaikan kepada orang lain akan mendapat bala.

Jika difikirkan secara logiknya apalah kuasa orang ini untuk menentukan hukumannya kerana أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ lebih berkuasa untuk menentukan. Bagi mengatasi perkara ini, pendidikan kesedaran semua peringkat termasuk keluarga, ibu bapa, jerayawara ke sekolah-sekolah, mukim-mukim dan kampung-kampung perlu dilaksanakan

oleh pihak berkenaan. Selain itu, akta atau undang-undang dan penguatkuasaan perlu diperketatkan.

Akhirnya sebagai penutup, marilah kita bersama-sama berdoa semoga negara kita sentiasa dalam keadaan aman dan makmur serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat Diraja beroleh kesejahteraan dalam rahmat serta hidayah daripada أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya persidangan kita ini, kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ **Yang** اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ **Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan masih lagi membahaskan Perkara V Usul Yang Telah Diberi Notis yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam membahaskan dan menyuarakan pendapat mereka bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan saya masih terdapat ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta dalam membahaskan perkara yang sama. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga menggabungkan diri selaku wakil Daerah Tutong Zon 1.

Sukacita turut menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan pengurniaan titah baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh saranan titah baginda agar kita terus berusaha mempelbagaikan ekonomi Negara supaya tidak terus semata-mata bergantung pada hasil minyak dan gas, perlu kita beri perhatian dan keutamaan apalagi ketika ini negara-negara pengeluar minyak dan tidak terkecuali negara kita sedang menghadapi impak dari turunnya harga minyak dunia.

Sehubungan dengan itu, baginda telah mengurniakan titah supaya sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti perusahaan mikrokecil dan sederhana *(SME)* Selaras dengan usaha

menyediakan asas kukuh bagi perkembangan perusaahan mikrokecil dan sederhana. Tidak syak lagi, baginda mengharapkan sektor swasta perlu diperkasa, ini merangkumi berbagai-bagai bidang seperti perindustrian, pertanian, perikanan, perladangan, perkhidmatan dan keusahawanan.

Menyentuh perkara yang kaola nyatakan tersebut, الْحَمْدُ لله pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan telah membuat perancangan dan pelan-pelan strategik sehingga telah berjaya melaksanakan sebagai contoh dengan inisiatifnya iaitu penubuhan *Darussalam Enterprise (DARe)* yang membantu membangunkan pengusaha sederhana dan juga pengusaha yang telah berjaya dengan mempersiapkan mereka dalam pelbagai aspek, menjurus ke arah peningkatan taraf sosioekonomi negara. Ini bukan saja untuk pasaran dalam negara malahan diharapkan menembusi pasaran luar negara melalui pengeluaran produk yang mempunyai daya saing, daya tahan dan mudah diperolehi.

Begitu juga dengan adanya penubuhan *SME Bank* yang telah diperkenankan dalam titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017, amatlah baik dan ditunggu-tunggu oleh pengusaha-pengusaha tempatan seluruh negara.

Diharap pengusaha-pengusaha akan merebut peluang bagi menjalankan aktiviti perniagaan di negara ini misalnya pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana termasuk juga yang

diharapkan produk-produk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Dalam hal ini saya percaya kita akan dapat meningkatkan produktiviti dan pengusaha-pengusaha negara, industri kecil dan sederhana dalam negara ini bukan saja untuk sara diri bahkan untuk menembusi luar negara.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَلْحَمْدُ لله
dan salam sejahtera.
kaola mewakili Zon 1, Daerah Brunei dan Muara menyokong penuh Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terlebih dahulu kaola mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada musim ini dan kaola menjunjung kasih atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berhubung dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita amatlah menyanjung tinggi bahawa titah baginda penuh dengan nasihat dan pandangan jauh baginda yang mencerminkan kebijaksanaan baginda sebagai pemimpin.

Seterusnya keprihatinan baginda dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara agar sentiasa terjamin dan terpelihara di bawah lindungan dan rahmat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, ke arah kestabilan ekonomi matlamat untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik dengan memperkenalkan negara sebagai Zon Perdagangan Bebas sudah setentunya menyumbang kepada langkah pengukuhan ekonomi dengan peluang pekerjaan dan perniagaan semakin terbuka khususnya kepada warga tempatan.

Justeru itu, rakyat dan penduduk yang ingin untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan seharusnya mengambil kesempatan ini dengan sebaiknya. Apatah lagi kemudahan telah disediakan dengan penubuhan *SME Bank* dengan tujuan memberikan bantuan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini.

Pada masa yang sama, sebagaimana yang dititahkan baginda mengenai keperluan sumber tenaga tempatan, ia amatlah bertepatan dengan masalah yang dihadapi pada masa kini khususnya para belia. Sesungguhnya masalah ini sudah sememangnya menjadi fokus utama dan satu cabaran yang perlu ditempuhi kerajaan dan negara amnya, dalam usaha mempertingkatkan perkembangan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana *(MSME).* Sudah setentunya masalah terlalu memilih kerja berpunca dari sikap dan *mindset* mereka sendiri yang banyak beranggapan bahawa bekerja swasta atau keusahawanan tidak dapat menjamin masa hadapan mereka dan cuma berharap dan bergantung pada kerajaan semata-mata. Perkara ini amatlah dikesali.

Ke arah mengurangkan jurang pencapaian sumber tenaga tempatan ini amatlah sesuai pada masanya dengan kebijaksanaan baginda telah memperkenalkan satu program yang diberi nama *I-RDY (i-ready)* bagi mewujudkan program kemahiran khusus bagi graduan yang masih mencari pekerjaan. Kita berharap agar usaha ini dapat membantu para graduan bahkan berharap agar program ini dapat dilaratkan kepada semua golongan pencari pekerjaan sebagai nilai tambah kepada kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada.

Selain itu usaha memantapkan kokurikulum dalam pendidikan wajar diberikan perhatian sepenuhnya khususnya dalam bidang keusahawanan dan bidang *IT* agar para belia kita ke hadapan dan mampu berdaya saing setanding dengan negara-negara maju. Dalam pada itu kita sedia maklum bahawa banyak usaha dan inisiatif kerajaan yang telah dan sedang dilaksanakan bagi memudah cara aktiviti-aktiviti perniagaan seperti pembaharuan dasar-dasar perniagaan, begitu juga dalam usaha memberikan peluang pekerjaan tinggal hanya saja sama ada peluang yang ada ini mahu direbut dan dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Kaola sukacita menyebut firman أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ yang bermaksud:

"Dan sesiapa yang bertakwa kepada أَللّٰهِ nescaya أَللّٰهِ akan memudahkan baginya jalan keluar dalam urusannya dan أَللّٰهِ mengurniakan rezeki dari arah yang tidak terlintas dari fikirannya dan sesiapa yang bertawakal pada أَللّٰهِ maka cukuplah أَللّٰهِ itu baginya."

(Surah Ath-thalaq ayat 2 dan 3.)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Melalui sidang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis

Mesyuarat Negara ini, kaola berharap dan berdoa agar kaola bersama dengan barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan sedaya upaya menanai tanggungjawab dan menunaikan amanat dan hasrat yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَلْحَمْدُ لله dengan memanjatkan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas limpah rahmat dan hidayat-Nya serta dengan izin-Nya jua maka kaola dapat hadir bersama-sama di Dewan Persidangan yang mulia ini dalam menyokong Usul Menjunjung Kasih yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di Dewan yang mulia ini bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong kaola dengan rendah hati yang tulus ikhlas menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Dewan Majlis yang indah ini pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya baginda mengurniakan titah.

Dalam kesempatan di Dewan yang mulia ini kaola dengan jujur serta ikhlas kerana أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan baginda pelantikan kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi mewakili Daerah Temburong.

Atas kepercayaan dan amanah yang baginda berikan kepada diri kaola, kaola sangat menjunjung tinggi dan bertawakal ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Kaola berjanji untuk berbakti sedaya-

upaya kaola untuk menjalankan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola dalam kesempatan ini juga melahirkan rasa gembira atas titah baginda itu yang merupakan inisiatif yang bertujuan meningkatkan semangat positif dan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini terhadap pelbagai inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara di samping menjaga dan memelihara keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang berpaksikan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Kaola percaya dan menaruh keyakinan bahawa agensi-agensi dan jentera kerajaan yang berkaitan telah mempunyai pelan strategik untuk dilaksanakan. Usaha-usaha memperkasa ekonomi negara memerlukan sokongan dan dukungan dari semua pihak termasuklah sektor swasta iaitu bertindak secara bersepadu.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Lebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola bagi mewakili Ahli Yang Dilantik bagi Daerah Belait lebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَللّٰهِ. Dengan kudrat dan iradat-Nya إِنْ شَاءَ اللهُ jua dengan penuh hormat dan takzimnya, abis kaola menjunjung kasih setingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan abis kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik mewakili Zon 1 dan 2 Daerah Belait.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Abis kaola dengan hati yang tulus dan ikhlas menyokong sepenuh-penuhnya atas Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada menjunjung keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis menjunjung kasih sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Abis kaola amat menjunjung setinggi-tingginya atas titah dan harapan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pelantikan ahli-ahli baharu akan membawa kesan yang positif kepada persidangan seterusnya akan menanai sedaya mungkin tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan pandangan, saranan yang bernas untuk kepentingan masyarakat dan negara semoga dikuasakan أَللهِ jua آمِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sudah menjadi slogan sejak berzaman bahawa biasa kita dengar kata-kata yang berbunyi "Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara". Bertepatan pada masa ini belia, graduan antara sumber tenaga manusia untuk menjadi aset negara tercinta. Kita penuh berharap kesedaran belia pencari kerja tidak akan terlalu memilih kerja dan memperbaiki sikap daripada memilih dan sebaliknya.

Apa yang kita harapkan jua kepada syarikat-syarikat supaya berusaha menarik minat belia bekerja dengan syarikat-syarikat swasta seperti menawarkan kursus-kursus bagi membantu belia-belia menambah pengalaman bekerja di syarikat-syarikat swasta. Ini bertujuan supaya pihak swasta juga berperanan membantu memperkasa belia memberikan kesedaran dan minat belia membangun ke arah sumber ekonomi di samping peranan kementerian-kementerian dalam menjana dan mempelbagaikan sumber ekonomi negara yang bukan dari minyak dan gas sahaja.

Ini terbukti dengan penyertaan pelabur-pelabur asing mahupun tempatan yang telah pun mula beroperasi dalam bidang-bidang atau sumber-sumber tertentu seperti pertanian dan ternakan.

Kita juga mengharapkan akan wujudnya usaha-usaha melahirkan belia yang berminat dalam berbagai-bagai lapangan seperti pertanian, ternakan, perikanan dan perusahaan yang menuju ke arah mempelbagai ekonomi negara yang menghasilkan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Kepada belia diserukan bagi menyahut hasrat negara meningkatkan pembangunan belia perkasa dan berdaya maju apatah lagi adanya program untuk para graduan para belia ke dalam alam pekerjaan. Program ini sebagaimana yang difahamkan akan dilancarkan pada bulan April 2017.

Kita berharap semoga atas usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan membantu mengurangkan masalah pencari-pencari kerja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita berdoa semoga dengan izin أَللهِ jua akan tercapai hasrat Negara Brunei Darussalam.

Sekian sahaja. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

رَّبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَاجْعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلْطَانًا نَّصِيرًا.

الْحَمْدُ لله pertama kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menyembahkan sembah menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu merupakan suluh bagi kita semua yang memandu ke arah pencapaian negara yang maju jaya pada masa hadapan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sesungguhnya kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan polisi dan juga dasar kerajaan yang mesti kita junjung, sanjung dan dihargai oleh seluruh rakyat dan Negara. Khususnya bagi mereka yang dipertanggungjawabkan dengan urus tadbir negara berdasarkan dan berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Sesungguhnya kita rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sangat-sangat bertuah kerana mempunyai dasar dan juga falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang telah dimasyhurkan semasa Pemasyhuran Kemerdekaan Negara, pada masa negara-negara lain sedang tercari-cari untuk mendapatkan ataupun memperolehi satu falsafah bagi negara mereka. Kita telah pun ada MIB, Melayu Islam Beraja.

Pada pemahaman kaola, MIB, Melayu mestilah unggul, Islam mestilah tinggi dan dijunjung serta dihayati oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini berdasarkan hadis رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "الإِسْلَامُ يَعْلُوْ وَلَا يُعْلَى". Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya.

Sementara konsep beraja adalah konsep yang telah pun berakar umbi sejak lama iaitu pemerintahan beraja yang kita hayati dan kita sanjungi selama ini.

Kaola ingin menyebut di sini mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyentuh khusus mengenai isu ekonomi negara, bahawa baginda telah menasihatkan semua yang bertanggungjawab khususnya kita yang mempunyai kuasa kewibawaan dan juga yang menjalankan kuasa undang-undang termasuk penguatkuasaan undang-undang di negara ini supaya memajukan ekonomi negara ini seperti mana yang dikehendaki.

Kita menyanjung tinggi titah baginda yang telah menggariskan beberapa rancangan dan strategi yang akan dijalankan oleh negara kita. Tetapi jangan lupa semasa kita mengatur langkah untuk menjayakan strategi-strategi itu, kita jangan lupa untuk mengubati masalah-masalah ataupun memulihkan masalah-masalah yang sedang kita hadapi sekarang. Masalah ekonomi negara memang ada di negara kita. Kita dukacita melihat bangsa kita, orang-orang Melayu Brunei masih lagi ketinggalan dalam bidang ekonomi. Kita juga melihat di sana sini, tumbuh dan muncul apa yang dipanggil parasit ekonomi ataupun dalam bahasa Bruneinya, *binalu* ekonomi.

Perkara ini telah saya timbulkan dalam muzakarah dengan pihak-pihak kementerian sebelum bersidang di Dewan yang mulia ini, dan nampaknya semua pihak telah pun memberikan komitmen yang baik menuju ke arah memperbaiki lagi sistem yang akan kita ambil terutamanya dalam penguatkuasaan undang-undang bagi menangani masalah *binalu* ekonomi negara ini.

Binalu ialah tumbuhan yang hinggap pada tumbuhan lain, perlahan-lahan tumbuhan asal itu akan dihisap dan lama-kelamaan akan mati dan layu. Itulah perumpamaan yang kaola bawa di sini bagi menunjukkan bahawasanya ada anasir-anasir *binalu* ekonomi dalam negara kitani. Tidak perlu kaola sebutkan siapa kerana kita semua tahu mereka itu wujud dalam kalangan masyarakat kitani dan yang penting sekarang adalah untuk kitani menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini, bagi sama-sama memastikan supaya rakyat dan negara kitani, bangsa kitani lebih perkasa menangani permasalahan ekonomi dengan menanamkan sifat-sifat yang terpuji iaitu sifat mandiri, berdikari dan juga semangat untuk berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Itulah sahaja isu yang ingin saya bawakan dalam Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan kita semua akan mengambil iktibar daripada negara-negara lain di dunia ini yang kedaulatan negara mereka sedikit demi sedikit telah hancur disebabkan ada isu-isu ekonomi yang dikuasai oleh *binalu-binalu* ini. Sekian,

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama marilah kita bersyukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas rahmat dan nikmat yang dilimpahkan ke atas negara kita sebagai negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan seterusnya kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas lantikan kaola menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada musim ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berdiri di sini dengan tulus ikhlas menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keberangkatan dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 6 Mac 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam titah berkenaan, baginda telah jelas menitikberatkan serta mengutamakan kepada kondisi perekonomian negara yang sedang tidak menentu.

Untuk itu, baginda telah memberikan solusi yang bernas serta padat terhadap keadaan perekonomian yang pada masa ini iaitu dengan Negara Brunei Darussalam akan ikut serta dalam konsep ekonomi perdagangan bebas serta memberikan kepada syarikat-syarikat perniagaan kecil dan sederhana untuk mengembangkan usaha mereka dengan memberikan kemudahan pinjaman modal melalui *SME Bank* yang berkonsepkan syariah, peluang ini setentunya tidak akan disia-siakan oleh syarikat-syarikat perniagaan kecil dan sederhana.

Hal ini berdampak positif terhadap perniagaan dan penyerapan tenaga kerja juga adalah diharapkan meningkat sehingga jumlah pengangguran dapat berkurang.

وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga sangat prihatin dengan para graduan yang belum mendapat pekerjaan sehinggakan baginda memperkenankan satu Program *Apprenticeship I-RDY (i-ready)* bahawa program ini dialu-alukan oleh baginda kepada para graduan yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ belum bekerja.

Program yang akan dilancarkan pada bulan April 2017 akan mendapat sambutan yang menggembirakan serta amat dialu-alukan oleh para graduan dan ibu bapa serta penjaga para graduan yang belum mendapat pekerjaan, yang bilangannya setiap tahun terus meningkat.

Adalah diharapkan nanti, program ini mendapat kerjasama dan sambutan yang padu daripada pihak-pihak yang terlibat, supaya program ini berjaya sehingga tujuannya benar-benar tercapai, iaitu menghasilkan para graduan yang berdaya saing dan siap berkhidmat untuk kemajuan negara dan bangsa.

Akhirnya marilah kita bersama-sama berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dan rakyat Negara Brunei Darussalam beroleh rahmat, hidayah serta kesejahteraan yang berpanjangan. Sekian,

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله kaola wakil Zon 5, Daerah Brunei dan Muara. Pertama-tama menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah melantik kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola menjunjung titah mengenai masalah rakyat Brunei yang terlalu memilih kerja dan masalah sudah dapat kerja di sektor swasta tetapi tidak kekal lama hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti balik semula memilih kerja menjadi penganggur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola melihat titah ini secara positif, kaola berpendapat ini menunjukkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ingin supaya kita berusaha untuk mengatasi masalah ini. وبالله التوفيق والهداية

Kaola mencadangkan supaya dibuat kajian menyeluruh mengapa rakyat kita memilih kerja di sektor swasta ini, dikatakan memilih kerja dan

dicadangkan supaya setiap majikan untuk mengeluarkan kepada setiap mereka yang diterima bekerja dengan diberikan surat lantikan bekerja atau pun *appointment letter* dan *jobs description*.

Ini dapat membuktikan para majikan secara bersungguh-sungguh menerima bekerja rakyat Brunei, dengan peraturan secara bertulis iaitu *rule regulations*. Hal ini dicadangkan kerana terdapat maklumat majikan yang menganiaya pekerja rakyat Brunei malahan lebih mengutamakan pekerja asing.

الْحَمْدُ لله mudah-mudahan cadangan kaola ini akan diterima dan sebelum kaola mengundur diri kaola menyokong seperti mana yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim mengenai masalah-masalah ekonomi yang dihadapi sekarang ini iaitu masalah "*binalu*" ataupun masalah "Peniaga Ali Baba".

Yang Behormat Yang Di-Pertua, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang suka untuk turut serta membahaskan Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Usul untuk menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Isnin 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Maka saya berpandangan ada baiknya sekarang Usul ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini untuk diterima, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya keseluruhan Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sepenuhnya. Maka Usul untuk menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sekarang diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpendapat ada baiknya persidangan kita ini kita tangguhkan dahulu untuk berehat pada tengah hari dan kita إِنْ شَاءَ اللهُ

akan bersidang semula pada pukul 2.00 petang.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.00 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada persidangan yang telah kita adakan sebelah pagi tadi, telah selesai meluluskan Perkara V Usul Yang Diberi Notis. Sekarang persidangan akan berpindah kepada perkara yang seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Perkara VI – Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang persidangan berpindah ke Perkara VI. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), untuk membuat kenyataannya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (II) Kedua: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya saya memohon izin untuk mengemukakan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan, satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk bacaan kali pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), sebentar tadi telah memohon izin bagi Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk dibaca bagi kali yang pertama. Maka saya memberikan kebenaran. Silakan Yang Berhormat.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang Yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (II) Kedua: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya memohon izin bagi memaklumkan kepada majlis ini bahawa saya ingin mengemukakan cadangan bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga bagi Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh sebab saya bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut ini pada hari ini jua, maka saya memohon kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantungkan Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara agar membolehkan saya membuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan saya ini adalah semata-mata untuk membolehkan Majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih lancar dan lebih teratur lagi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah saya mendengar alasan dan keterangan serta sebab-sebab yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (II) Kedua maka saya mengizinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantungkan bagi membolehkan Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk dibaca bagi kali kedua dan ketiga menurut syarat 48 (3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya lebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** dibaca bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُ قَوْلِي

1. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk membenarkan pengeluaran,

sejumlah Lima Ribu, Tiga Ratus Juta Ringgit Brunei ataupun (B$5,300,000,000.00) dari **Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan Untuk Memperuntukkannya Bagi Maksud-Maksud Yang Dinyatakan** dalam jadual. Dalam berbuat demikian dan sebagai asas dalam menyediakan Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2017/2018, saya memohon izin bagi menghuraikan secara ringkas keadaan semasa ekonomi negara dan dunia serta cabaran-cabarannya kepada ekonomi negara. Tumpuan utama ialah situasi pasaran minyak dunia pada masa ini dengan harga di tahap yang masih rendah sejak hampir tiga tahun dengan jangkaan ianya akan terus berada pada kadar yang rendah bagi satu tempoh yang panjang;

2. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola juga akan mengongsikan langkah-langkah yang sedang diambil dan dirancang secara bersepadu oleh pihak kerajaan dalam kita sama-sama menangani cabaran-cabaran yang dihadapi semata-mata bagi keutuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini secara progresif dan *sustainable*;

3. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, الْحَمْدُ لله kita amat bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang kerana di atas limpah rahmat-Nya jua serta dengan berkat kepimpinan dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita masih mampu menangani cabaran kelembapan ekonomi dan penurunan hasil pendapatan kerajaan yang dialami secara berterusan sejak hampir tiga tahun kebelakangan ini, di mana kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini terus diberikan keutamaan. Pada tempoh tersebut kerajaan juga telah dapat melaksanakan beberapa pembaharuan perancangan perbelanjaan, agar lebih menjurus kepada mendukung keutamaan perbelanjaan kerajaan *(priority spending).*

   Apa yang dihasratkan, dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksaإِنْ شَاءَ اللَّهُ matlamat kerajaan untuk menjana dan memperluas asas aktiviti perekonomian, asas sumber hasil dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan secara *sustainable* akan dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

4. Tahap harga minyak dunia yang rendah secara berterusan telah memberikan impak yang signifikan kepada ekonomi negara. Dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar pada harga tetap, ekonomi negara dianggarkan menurun sebanyak 2.7% pada tahun 2016. Eksport dan import negara juga turut terjejas. Pada tahun 2016 jumlah eksport telah menurun sebanyak 22.7% kepada $6.74 bilion berbanding $8.71 bilion pada tahun 2015. Manakala, jumlah import telah menurun sebanyak 17.1% kepada $3.69 bilion berbanding $4.45 bilion dalam tempoh yang sama;

5. Justeru, keadaan ini telah menjejaskan kedudukan fiskal kerajaan. Negara telah merekodkan kadar defisit yang tinggi sebanyak 15.4% dari KDNK ataupun $2.6 bilion bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Kadar defisit tinggi ini direkodkan walaupun kerajaan telah berjaya mengawal perbelanjaannya yang berkurangan sebanyak 13% kepada $6.3 bilion berbanding $7.3 bilion pada tahun kewangan sebelumnya. Demikian juga, bagi tempoh sembilan (9) bulan pertama Tahun Kewangan 2016/2017, imbangan fiskal kerajaan telah merekodkan defisit sebanyak $2.5 bilion berikutan penurunan berterusan hasil pendapatan kerajaan dari sektor minyak dan gas iaitu sebanyak 36.4% kepada $1.4 bilion sahaja berbanding perbelanjaan kerajaan berjumlah $4.4 bilion;

6. Di sebalik pertumbuhan negatif KDNK negara, pada tahun 2016, beberapa sektor, الْحَمْدُ لله telah mencatatkan beberapa pertumbuhan positif. Antaranya adalah Sektor Kewangan sebanyak 8.8%, Sektor Elektrik dan Air sebanyak 4.3%, Sektor Perkhidmatan Domestik sebanyak 2.0%. Sektor Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman sebanyak 1.8%, Sektor Hotel dan Restoran sebanyak 1.3% dan Sektor Perhubungan sebanyak 0.3%. Dalam pada itu, pada suku ketiga 2016, jumlah aset dan deposit bank masing-masing telah meningkat sebanyak 6.6% dan 3.4% tahun ke tahun, manakala, matawang dalam edaran *(currency in circulation)* berkembang 1.7% tahun ke tahun, yang mencerminkan permintaan berterusan bagi urus niaga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

7. *International Monitory Fund (IMF)* dalam Laporan *World Economic Outlook Update* keluaran Januari 2017, mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 3.4% dan 3.6% masing-masing bagi tahun 2017 dan 2018. Unjuran ini didorong oleh prospek yang menggalakkan di Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Eropah dan Jepun. Para penganalis meramalkan aktiviti ekonomi global akan lebih giat, jika dasar rangsangan ekonomi *(policy stimulus)* di Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China memberi

impak yang lebih signifikan daripada jangkaan awal;

8. Meninjau prospek pasaran minyak dunia, sejak awal tahun 2017 ini, harga minyak telah meningkat secara perlahan berikutan keputusan yang dicapai oleh negara-negara *OPEC* dan bukan *OPEC* untuk menghadkan tahap pengeluaran minyak dengan pengurangan kira-kira 1.2 juta tong sehari. Walau bagaimanapun, pergerakan harga minyak terus menunjukkan ketidaktentuan. Ianya dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran antaranya ialah pergerakan nilai Dolar Amerika, kebimbangan mengenai komitmen pengeluar minyak global terhadap perjanjian pengurangan pengeluaran minyak dan baru-baru ini, jangkaan peningkatan pengeluaran minyak *Shale* ataupun *Shale Oil* di Amerika Syarikat dan lain-lain. *IMF* juga telah mengemaskinikan purata harga minyak UK Brent, Dubai Fateh dan West Texas Intermediate bagi tahun 2017 kepada US$51.20 setong dan US$53.10 setong bagi tahun 2018. Walaupun harga minyak ini dijangka akan stabil, namun ianya berada pada kadar yang jauh rendah berbanding harga melebihi US$100 setong yang pernah dicapai bagi komoditi ini tiga tahun lepas;

9. Apa yang pasti, sebagai negara pengeluaran minyak, kedudukan harga minyak dunia akan terus mempengaruhi ekonomi negara ini. Ke arah itu bagi mendukung usaha penstabilan harga minyak dunia Negara Brunei Darussalam bersama 10 negara-negara pengeluaran minyak bukan *OPEC* telah bersetuju menyertai Deklarasi Kerjasama Ahli *OPEC*/bukan *OPEC* pada bulan Disember 2016 yang lalu. Melalui kerjasama ini, negara akan melaksanakan penyelarasan sukarela bagi pengeluaran minyak mentah negara mulai 1 Januari 2017 selama enam bulan, yang boleh dilanjutkan selama enam bulan lagi bergantung pada keadaan pasaran dan prospek semasa;

10. Dari sudut perbelanjaan, pihak kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah pengawalan agar sumber kewangan negara lebih ditumpukan kepada usaha membangun asas ekonomi yang luas dan *sustainable* dalam jangka masa panjang. Ke arah itu, dasar *"Fiscal Consolidation"* dan *"Fiscal Sustainability"* akan terus menjadi teras dalam pengurusan kewangan kerajaan;

11. Selaras dengan usaha transformasi sistem belanjawan negara, sebagai kesinambungan kepada pengenalan "*Program and Performance Budgeting (PPB)"* pada belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017, kerajaan akan melaksanakan satu lagi pembaharuan mulai 1 April 2017. Dalam pembaharuan ini, Perbelanjaan Biasa *(ordinary expenditure)* akan digabungkan dengan Perbelanjaan Kemajuan (Rancangan Kemajuan Negara), manakala kategori perbelanjaan khas

akan ditiadakan. Matlamat penggabungan ini adalah bagi meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pada proses pengagihan dan pemantauan peruntukan kerajaan, terutama bagi perbelanjaan-perbelanjaan operasi dan bukan operasi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

12. Berdasarkan perkembangan ekonomi terkini dan unjuran hasil aktiviti-aktiviti perniagaan dan pelaburan sedang giat dijalankan di negara ini, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) di Jabatan Perdana Menteri mengunjurkan ekonomi negara akan berkembang pada kadar 0.8% bagi tahun 2017. Unjuran tahun ini, adalah mengambil kira projek-projek yang sedang diusahakan antaranya dalam mengukuhkan integriti aset-aset Sektor Minyak dan Gas dan program-program *FDI* yang berjalan pada masa ini. Bagi jangka masa pendek dan sederhana pertumbuhan ekonomi negara akan terus bergantung kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, hasil minyak di pasaran dunia, dan keadaan ekonomi global. Manakala pelaburan-pelaburan dan produktiviti Sektor Swasta dijangka akan terus meningkat, yang diharap akan dapat mengimbangi pergantungan dalam jangka masa sederhana dan panjang;

13. Dengan prospek ekonomi global dan juga domestik seperti yang juga dibentangkan tadi serta senario hasil pendapatan kerajaan dari Sektor Minyak dan Gas. Anggaran Hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 adalah diunjurkan berjumlah B$3,450.84 juta. Unjuran ini mengambil kira hasil dari Sektor Minyak dan Gas yang dianggarkan sebanyak B$2,509.51 juta manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas dianggarkan menyumbang sebanyak B$941.33 juta iaitu 27.3% dari anggaran kutipan hasil keseluruhannya;

14. Dengan mengambil kira kedudukan fiskal negara yang berhadapan dengan cabaran defisit yang tinggi pada Tahun Kewangan 2016/2017, kerajaan akan terus giat meningkatkan lagi usaha-usaha untuk mengurangkan unjuran defisit belanjawan negara. Langkah ini bertujuan untuk mewujudkan *Fiscal Space* yang cukup, agar perbelanjaan kerajaan akan dapat disalurkan kepada mendukung aktiviti-aktiviti perekonomian yang dikenal pasti. Matlamat perancangan ini selaras dan sejajar dengan dasar pempelbagaian sumber ekonomi negara dengan membina asas ekonomi yang lebih kukuh, luas dan berdaya tahan.

    Dengan mengambil kira keperluan ini, cadangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini dirancang dengan tema "Belanjawan seimbang bagi mendukung pertumbuhan ekonomi yang mampan ataupun *sustainable*". Penekanan kepada

mencapai belanjawan yang seimbang adalah bertujuan untuk memelihara keutuhan kewangan negara daripada terjejas berikutan keadaan ekonomi global yang tidak menentu pada masa ini dan sukar diramal pada tahun-tahun yang mendatang;

15. Dalam merancang pelaksanaan perbelanjaan berdasarkan tema tersebut, usaha-usaha untuk memperkembangkan Sektor Swasta Bukan Minyak dan Gas Negara, akan terus dijadikan keutamaan. Berbagai-bagai usaha dan inisiatif telah diambil dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk mencapai objektif tersebut. Ini termasuklah dalam menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing *(Foreign Direct Investment)*; mempergiatkan lagi perkembangan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan *(GLC's)*; memantapkan Perusahaan-Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS); meneliti peraturan dan undang-undang untuk dikemaskinikan bagi memudah cara perniagaan dan lain-lain. Dengan usaha dan inisiatif yang sedang dilaksanakan dan dirancang, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kadar pengeluaran negara diharap akan dapat dipertingkatkan terutama sumbangan dari Sektor Bukan Minyak dan Gas kepada KDNK negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

16. Berasaskan fakta-fakta yang telah dibentangkan sebentar tadi, Anggaran Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2017/2018 termasuk Peruntukan bagi Kumpulan Wang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya sebanyak Lima Ribu Tiga Ratus Juta Ringgit Brunei (B$5,300,000,000.00). Jumlah ini mengambil kira unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan berkenaan selaras dengan usaha dalam menangani defisit belanjawan. Namun, cadangan jumlah perbelanjaan ini masih jauh lebih tinggi berbanding anggaran hasil kerajaan mengambil kira kepada keperluan perbelanjaan bagi program dan projek yang dirancang. Dengan imbangan fiskal Tahun Kewangan 2017/2018 yang diunjurkan terus mengalami defisit bagi tahun keempat berturut-turut, selain langkah pengawalan perbelanjaan kerajaan diambil, usaha-usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan juga perlu dipertingkatkan agar program dan projek yang dikenal pasti bagi perkembangan, termasuk sosioekonomi negara, akan terus dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

17. Bagi mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018, tumpuan dan keutamaan bagi perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan tersebut dijuruskan kepada mendukung lima fokus utama seperti berikut:

    i. *Prudent Spending* ataupun Perbelanjaan Berhemat;

    ii. Meningkatkan Produktiviti Negara;

    iii. Memudahcara Perniagaan;

    iv. Membina Kapasiti dan Modal Insan; dan

    v. Memelihara Kesejahteraan Awam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

18. Izinkanlah saya menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan.

    Pertama *Prudent Spending* ataupun Perbelanjaan Berhemat.

19. Walaupun dalam keadaan sumber hasil pendapatan negara yang terhad pada masa ini, الْحَمْدُ لله kerajaan masih dapat terus merancang perbelanjaan-perbelanjaan bagi melaksanakan projek dan program yang berkeutamaan. Antara langkah pengawalan perbelanjaan kerajaan yang telah dilaksanakan termasuklah mengemaskinikan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang menghadiri kursus-kursus dan persidangan di luar negeri; meneliti bagi *right-sizing* Perkhidmatan Awam; meneliti perbelanjaan utiliti yang boleh dijimatkan seperti penggunaan elektrik, air, telefon dan lain-lain. Dalam erti kata lain, fokus bagi penjimatan kerajaan adalah tertumpu kepada pengurangan perbelanjaan yang kurang berkeutamaan dan mengelakkan pembaziran;

20. Pada masa yang sama, usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan juga diambil, antaranya dengan mengenalkan sistem penyewaan fasiliti *FRS* yang mula dilaksanakan pada 1 September 2016. Sistem ini membolehkan orang awam menyewa kemudahan-kemudahan sukan, riadah dan lain-lain kemudahan yang terdapat di jabatan-jabatan kerajaan termasuk sekolah-sekolah. Di samping itu, usaha untuk menguatkuasakan kutipan hasil kerajaan juga turut diberi penekanan, misalnya dengan penubuhan *Board of Review* bagi memudahkan proses rayuan taksiran cukai pendapatan *(corporate tax)*; meningkatkan usaha kutipan tunggakan dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

21. Keutamaan Belanjawan kedua ialah Meningkatkan Produktiviti Negara.

Di bawah keutamaan ini, penekanan akan terus diberikan kepada meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam dan sektor swasta. Kedua-dua sektor ini saling memerlukan dan berhubung kait bagi mencapai hasrat negara seperti yang ditetapkan dalam Wawasan Brunei 2035 dengan melaksanakan "*whole of nation approach*". Perkhidmatan awam selaku pemudah cara dan penyelia peraturan dan penguat kuasa undang-undang perlu terus mengambil inisiatif untuk meningkatkan produktiviti melalui pemberian perkhidmatan yang cekap dan kos efektif. Dengan perkhidmatan awam yang cekap, sektor swasta juga akan mudah berkembang dan menyumbang kepada peningkatan KDNK negara. Peningkatan produktiviti atau daya saing di sektor swasta akan membolehkan sektor ini mampu meneroka peluang-peluang pasaran domestik dan antarabangsa;

22. Ke arah mendukung fokus ini, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memudahkan lagi orang ramai dan sektor swasta untuk berurusan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah, pengenalan sistem-sistem seperti *e-Registry* di bawah Pendaftar Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan; *Labour Control System, PSC Recruitment, Job Centre Brunei, Online JPD, Brunei Darussalam National Single Window*, Talian Darussalam 123 dan *Land Application of Registration Information System (LARIS),* e-Amanah, Sistem Pengurusan Kes Kehakiman *(Judiciary Case Management System)* dan lain-lain. Manakala mulai bulan Oktober 2016 yang lepas, Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan pendaftaran makanan import secara *online* bagi memudahkan pengimport-pengimport makanan berkenaan untuk mendapatkan kebenaran dengan lebih cepat dan mudah;

23. Sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan pengurusan sumber tenaga manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperkenalkan kaedah baharu penilaian prestasi pegawai dan kakitangan kerajaan. Ianya akan menggunakan *Key Performance Indicators (KPIs)* sebagai pengukur prestasi masing-masing. Sistem penilaian ini bertujuan memupuk dan menanam budaya prestasi ataupun *performance culture* dan *deliverology* dalam perkhidmatan awam yang hasilnya إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan meningkatkan produktiviti sektor awam secara menyeluruh;

24. Di samping itu, kerajaan juga telah melaksanakan beberapa inisiatif *consolidation* dan *streamlining* beberapa agensi kerajaan. Ia sebagai salah satu usaha bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan awam kepada orang ramai tetapi juga untuk mengawal kos operasi tanpa menjejaskan tahap dan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai.

Inisiatif ini antara lainnya termasuklah penyerapan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, Kementerian Kewangan ke Jabatan Perbendaharaan, pengemaskinian beberapa bahagian di Kementerian Pembangunan dan penutupan beberapa buah Pusat Kesihatan yang membolehkan sumber manusia dan khidmat pakar tertentu dimanfaatkan secara optimum dan *cost effective* di hospital-hospital kerajaan dan pusat-pusat kesihatan. Kementerian Kesihatan juga dengan kerjasama padu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengambil inisiatif dengan menempatkan perkhidmatan ambulans di balai-balai bomba di seluruh negara. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dalam menangani pertolongan cemas dan memperbaiki masa bertindak, waktu respons dan tempoh sampai tempat kejadian, termasuk bagi perawatan dan penghantaran mangsa atau pesakit ke hospital;

25. Fokus bagi meningkatkan produktiviti terutama di sektor awam ini, telah pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23 pada 20 Oktober 2016 di mana baginda bertitah:

"…Perkhidmatan Awam adalah teras utama untuk kemajuan sesebuah negara. Warga Perkhidmatan Awam adalah pengurus, pemudah cara dan malah ejen kepada perubahan. Kerana itu warga Perkhidmatan Awam perlu memiliki disiplin yang tinggi dan kesungguhan dalam memainkan peranan masing-masing. Mereka perlu meningkatkan diri dalam mengenali *baseline* masing-masing setakat mana minda, sikap dan kemampuan mereka dalam memberikan perkhidmatan yang berkualilti untuk negara dan pelanggan…";

26. Sebagai langkah untuk mengurangkan kos perniagaan di negara ini bagi tujuan menggalakkan industri tempatan bergiat lebih aktif dan meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan perubahan-perubahan kepada cukai kastam (cukai import dan cukai eksais) berkuat kuasa mula 1 April 2017. Antara langkah tersebut ialah pengurangan cukai kastam ke atas mesin-mesin industri seperti *steam turbines, poultry incubators, bakery machinery* termasuk alat-alat ganti kepada kadar sebanyak 2.5% sahaja berbanding 5% sebelum ini; dan alat-alat ganti cukai eksais dikenakan ke atas kenderaan berat dan jentera berat pada kadar 5% sahaja bagi menggantikan cukai import pada kadar 20% sebelum ini;

27. Bagi belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018 ini, kerajaan akan terus

menyediakan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian bagi meningkatkan produktiviti agensi-agensi kerajaan dalam menghulurkan perkhidmatan pada pihak swasta dan orang ramai. Antaranya termasuklah:

i. Sejumlah $62.1 juta secara keseluruhan disediakan bagi membiayai keperluan-keperluan untuk penyelenggaraan dan menaik taraf teknologi maklumat di semua kementerian;

ii. Di bawah RKN, sejumlah $10.5 juta dan harga rancangan $13.5 juta disediakan untuk keperluan *Research* dan *Development (R&D)*;

iii. Sejumlah $17.7 juta secara keseluruhan disediakan bagi meningkatkan kapasiti pegawai dan kakitangan di semua kementerian; dan

iv. Peruntukan bagi pengambilan tenaga kerja profesional untuk Pusat Pembangunan Belia disediakan sejumlah kira-kira $686 ribu di bawah Fokus Perbelanjaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

28. Fokus belanjawan yang ketiga ialah Memudah cara Perniagaan. Selaras dengan dasar pempelbagaian ekonomi dan bagi meningkatkan peranan dan sumbangan sektor swasta bukan minyak dan gas dalam menjana aktiviti perekonomian negara, kerajaan telah melaksanakan pindaan pada undang-undang dan peraturan-peraturan serta pengemaskinian proses-proses serta prosedur-prosedur dengan matlamat untuk memudah cara perniagaan di negara ini;

29. الْحَمْدُ لله , melalui usaha-usaha giat dan berterusan agensi-agensi kerajaan, di bawah kepimpinan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku sponsor dan Pengerusi Jawatankuasa Pandu PENGGERAK, kedudukan negara dalam laporan *Doing Business 2017* keluaran *World Bank* telah dapat ditingkatkan sebanyak 25 anak tangga kepada kedudukan ke-72 dalam kalangan 190 negara di seluruh dunia. Dalam laporan tersebut, Negara Brunei Darussalam juga telah diiktiraf sebagai 10 negara teratas yang terbanyak melaksanakan pembaikan atau pembaharuan bagi memudah cara perniagaan bagi tempoh 2 tahun berturut-turut;

30. Antara inisiatif-inisiatif yang telah diambil dalam mendukung reformasi tersebut termasuklah:

i. Memperkenalkan proses baharu bagi permohonan Lesen Pekerja Asing bagi memudahkan para peniaga membuat permohonan-permohonan yang berkaitan, di samping membantu pihak jabatan untuk melaksanakan pengawalan dan pemantauan pekerja asing dengan lebih teratur;

ii. Mengurangkan kos logistik bagi import dan eksport kontena sebanyak 36% dari caj sarat bermula 1 Ogos 2016. Pengurangan caj pelabuhan ini dihasratkan untuk dapat mengurangkan kos perniagaan bagi peniaga dan pelabur di negara ini agar mereka akan lebih berdaya saing dan dapat mengembangkan aktiviti perniagaan mereka;

iii. Memudahkan pengendalian proses pemfailan di mahkamah secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Kes Kehakiman *(JCMS);*

iv. Menubuhkan Mahkamah Komersial yang berperanan penting dalam pembangunan asas undang-undang perdagangan, kewangan serta industri di negara ini;

v. Menguatkuasakan *Brunei Darussalam Accounting Standard* bermula 1 Januari 2018;

vi. Menubuhkan *Board of Review* bagi meneliti kes-kes bantahan cukai dari syarikat-syarikat untuk mewujudkan pentadbiran cukai korporat yang lebih telus dan saksama; dan

vii. Memperkenalkan Perintah Pelancongan 2016 yang meliputi Lembaga Pelancongan Brunei, Pelesenan Ejen-Ejen Pelancongan, Pendaftar Premis Penginapan Pelancongan dan Pelesenan Pemandu Pelancong. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga telah melancarkan pakej pelancongan baharu untuk meningkatkan kemasukan pelancong dan memanjangkan tempoh keberadaan mereka di negara ini.

31. Sebagai usaha untuk menggalakkan lagi aktiviti-aktiviti pelaburan dan perusahaan di negara ini, kadar cukai pegangan *(withholding tax)* iaitu cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat yang tidak bermastautin *(non-resident)* di negara ini akan dikurangkan berkuat kuasa mulai 1 April 2017 seperti yang berikut:

i. Cukai Pegangan bagi bayaran faedah pinjaman *(loan interest)* dikurangkan kepada 2.5% daripada 15% sebelumnya; dan

ii. Cukai Pegangan ke atas bayaran khidmat pengurusan *(management fees)* dikurangkan

kepada 10% berbanding 15% sebelumnya.

32. Dalam mendukung perkembangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan koperasi, beberapa program telah dilaksanakan. Antaranya Badan Khas PKS, *Darussalam Enterprise (DARe)* telah mengadakan sesi dialog terbuka, kumpulan fokus dan hari-hari terbuka peniaga. Sejak penubuhan kepada Januari 2016, sebanyak 36 sesi dialog terbuka telah diadakan dan beberapa hari terbuka peniaga telah dikendalikan, yang melibatkan 1,800 usahawan di negara ini;

33. Di samping itu, atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dua buah pasar baharu telah dibangunkan, iaitu Pasar Tamu Kianggeh dan baru-baru ini, Pasar Pelbagai Barangan Gadong bagi menggantikan Pasar Malam Gadong. Pembukaan pasar-pasar baharu ini, dihasratkan untuk memudahkan para peniaga dan para pengusaha tempatan yang terlibat, untuk menjalankan perniagaan mereka dalam suasana lebih kondusif, mesra serta selesa, yang diharap akan dapat menarik lebih ramai pengunjung.

    Apa yang menarik ialah selain dari pelbagai barangan yang ditawarkan, ialah penyertaan pengusaha-pengusaha kecil dari pelbagai peringkat umur dan kelulusan, termasuk graduan-graduan. Penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan ini menunjukkan azam dan tekad yang tinggi mereka untuk berdikari dengan menceburi bidang perniagaan yang mencabar. Selaras jua dengan hasrat kerajaan dalam menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan berkecimpung dalam bidang perniagaan, bersempena pelancaran Pasar Pelbagai Barangan Gadong, seramai 16 pengusaha berkelayakan yang beroperasi di pasar tersebut, telah menerima bantuan kewangan di bawah Skim Mikro Kredit yang dikendalikan oleh *Darussalam Enterprise (DARe);*

34. Ke arah mendukung matlamat di bawah fokus ini, peruntukan bersesuaian akan juga disediakan yang antara lainnya termasuklah:

    i. Peruntukan bagi mendukung Pembangunan Kemajuan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebanyak $5.0 juta di bawah Fokus Perbelanjaan. Melalui peruntukan ini, pihak *Darussalam Enterprise (DARe)* akan menjalankan program dalam memantapkan lagi suasana ekosistem PMKS serta pengendalian program dalam empat perkara iaitu memulakan sistem penilaian dan peningkatan daya saing PMKS ke peringkat global; mengendalikan program-program bagi menggalakkan anak tempatan menceburi

keusahawanan dan program latihan yang meningkatkan keupayaan *business skills* dan *financial literacy* melalui Akademi Bisnes Perindustrian *(IBA);* meluaskan akses bantuan kewangan dengan menggiatkan lagi skim pembiayaan mikro kredit yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 dan menubuhkan skim geran bersamaan *(co-matching grant);* serta meningkatkan *market access* bagi PMKS tempatan;

ii. Sejumlah $4.0 juta dengan Harga Rancangan $7.29 juta disediakan di bawah RKN untuk menyediakan infrastruktur asas di Tapak Industri Ternakan Udang, Sungai Penyatang, Tutong;

iii. Projek Pemeliharaan dan Peningkatan Infrastruktur Tapak-Tapak Industri sebanyak $1.0 juta di bawah Fokus Perbelanjaan;

iv. Peruntukan sejumlah $500,000.00 disediakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi perkembangan perdagangan; dan

v. Penyediaan peruntukan bagi meningkatkan kapasiti *Competent Authority* dalam bidang *Hazard Anaylisis and Critical Control Points (HACCP)* yang bertujuan untuk memberikan akreditasi keselamatan makanan ke atas kilang-kilang pengeluaran makanan.

35. الْحَمْدُ لله setakat ini, melalui usaha berterusan dan sokongan padu semua pihak, lebih banyak aktiviti perniagaan dan pelaburan telah dan sedang giat diusahakan. Ini antara lainnya dengan melaksanakan beberapa projek usaha sama Pelaburan Langsung Asing *(FDI),* yang termasuklah:

i. Bersama Syarikat Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd bagi mengendalikan *ports operation* dan memajukan Pelabuhan Muara;

ii. Bersama Pelabur Turki menubuhkan Western Foods and Packaging Sdn Bhd bagi kilang majerin di Mukim Serasa yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan beroperasi pada bulan April 2017;

iii. Bersama SC Tubular Solutions (B) Sdn Bhd dari Negara Jepun bagi pembuatan *tubular steel*, yang telah beroperasi sejak bulan Januari 2017;

iv. Pemprosesan dan Pemasaran Rempah Brunei Halal bersama Syarikat Guanxi Ruian Logistics (Group) Co. Ltd;

v. Bersama HLDS (B) Steel Sdn Bhd dari Negara China bagi pembuatan karbon paip keluli *(tubular steel)* yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan beroperasi pada bulan Mei 2017;

vi. Hiseaton Fisheries (B) Sdn Bhd bagi Projek Ladang Ternakan

Ikan luar pantai dan Projek Pemprosesan di Negara Brunei Darussalam yang telah beroperasi sejak bulan Julai 2016;

vii. Melancarkan taman perindustrian MC Biotech dan Sinar Suria Bio Center, pada bulan Oktober 2016 untuk menarik pelaburan halal dan bio-industri dan lain-lain;

viii. Bersama Pelabur Abu Dhabi menubuhkan Saahtain Asia Sdn Bhd bagi pengeluaran makanan halal yang mentah dan siap sedia untuk dimasak; dan

ix. Bersama Pelabur dari Korea bagi pengeluaran kosmetik halal.

36. *Multi National Companies* (MNCs) ini akan memerlukan perkhidmatan dukungan *(support services)* dari PMKS di negara ini. Oleh itu, PMKS ini, sama ada yang telah bertapak ataupun baru ditubuhkan, hendaklah mengambil peluang untuk membina kapasiti mereka bagi membolehkan mereka memanfaatkan peluang yang akan disediakan dan diperlukan oleh MNCs. Dari aspek lain, penglibatan MNCs ini juga akan dapat menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, pemindahan teknologi *(technology transfer)* dan memberi kesan limpahan *(spin off)* kepada perniagaan tempatan khususnya PMKS dalam pelbagai aspek seperti logistik, perkhidmatan dan pembekalan bahan-bahan. Ini jelas di mana setakat ini, penubuhan kilang-kilang MNCs di negara ini bukan sahaja telah menyediakan peluang-peluang pekerjaan secara langsung dan berkualiti kepada belia-belia tempatan, malahan ianya juga telah memberikan peluang-peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha PMKS, meningkatkan nilai eksport dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas dan memberi kesan *spin off* kepada aktiviti ekonomi negara secara menyeluruh;

37. الْحَمْدُ لله setakat ini, Pelaburan Langsung Asing yang telah beroperasi di negara ini bernilai sebanyak USD925 juta. Ianya telah dapat menjana sebanyak 621 pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Dalam pada itu, negara juga pada masa ini giat melaksanakan projek Pelaburan Langsung Asing yang bernilai kira-kira USD5 bilion dan menimbangkan beberapa cadangan projek-projek yang keseluruhannya bernilai USD11 bilion, dalam pelbagai kluster seperti *downstream*, perkhidmatan perniagaan dan produk Halal;

38. Bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah destinasi perdagangan yang kompetitif, kerajaan telah mewujudkan zon perdagangan bebas *(Free Trade Zone ([FTZ])* bagi mendukung dan mengembangkan aktiviti-aktiviti pembuatan *(manufacturing)* dan pengeksportan mahupun *re-export*. Melalui *FTZ* ini, barangan yang dipunggah, dikilang dan dikeluarkan

hanya perlu melalui proses kastam yang minimum. Pada peringkat ini, satu tapak di Kampung Terunjing, Daerah Brunei Muara seluas 96 hektar telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut. Zon perdagangan bebas ini akan diperluaskan mengikut keperluan dari masa ke semasa;

39. Selain itu, usaha juga sedang giat dijalankan bagi menubuhkan Bursa Saham di negara ini. Melalui penubuhan Bursa Saham ini, ianya akan dapat memberikan peluang alternatif pembiayaan kepada para peniaga dan pelabur tempatan serta seterusnya memberi peluang orang ramai di negara ini untuk melabur dalam syarikat-syarikat tempatan yang disenaraikan.

    Dalam pada itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah pun memperkenankan penubuhan sebuah Bank *SME.* Penubuhan Bank *SME* ini dihasratkan untuk memberikan perkhidmatan pinjaman kepada aktiviti sektor swasta yang dapat diakses dengan mudah *(accessible financing),* yang juga diharap akan dapat menggalakkan *start-up* di negara ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ transaksi bank ini nanti, termasuk kemudahan-kemudahan pinjaman Kewangan yang disediakan, akan mematuhi prinsip-prinsip Syariah *(Syariah compliance)*;

40. Di samping itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menarik Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* ke negara ini melalui Jawatankuasa *FDI* dan Industri Hiliran yang telah ditubuhkan. Melalui penubuhan jawatankuasa ini, pelaksanaan dasar-dasar berkaitan *FDI* di negara ini telah dapat dikukuhkan melalui koordinasi dan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan berkenaan, antaranya melalui Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri; Dana Pembangunan Strategik Brunei *(SDC)* di bawah Dana Sustainabiliti; Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei *(BEDB), FDI Action and Support Centre (FAST)* dan lain-lain agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang akan berterusan mengambil inisiatif-inisiatif dan meneroka peluang-peluang menarik *FDI* dan mempromosikan aktiviti perniagaan yang berkualiti ke negara ini;

41. Selain itu, kerajaan melalui *Darussalam Assets* juga telah melaksanakan usaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan *(GLCs)* di bawahnya, agar menyumbang secara signifikan kepada produktiviti negara. *Darussalam Assets* juga bekerja rapat dengan pihak pengurusan *GLCs* bagi menyediakan pelan perniagaan strategik untuk menetapkan hala tuju setiap *GLC*. Usaha sama dengan *Darussalam Assets* setakat ini telah dapat memperbaiki prestasi kewangan dan operasi syarikat dan

mendukung usaha pengukuhan sektor swasta di negara ini. Melalui operasi *GLC* yang kukuh, selain menyumbang kepada perkembangan sektor swasta, *GLC* juga dapat memberikan peluang pekerjaan yang berkualiti kepada penduduk tempatan;

42. Untuk memastikan projek-projek operasi perindustrian di negara ini mematuhi amalan-amalan terbaik antarabangsa, kerajaan juga telah menubuhkan satu badan autoriti; iaitu *Safety, Health and Environment National Authority (SHENA)* yang bertanggungjawab untuk memantau aspek-aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di semua sektor. Penubuhan autoriti ini diharap akan dapat meningkatkan penekanan dan keutamaan kepada isu-isu keselamatan di tempat kerja bagi mengawal dari berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini yang setentunya memberi impak kepada tahap produktiviti;

43. Dengan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan sedang dirancang, kita penuh yakin, aktiviti perekonomian di negara ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berkembang dengan lebih pesat dengan peningkatan penglibatan dan sumbangan Sektor Swasta Bukan Minyak dan Gas. Pada masa yang sama, para peniaga dan pengusaha di negara ini perlu meneroka peluang-peluang untuk mengembangkan lagi aktiviti dan operasi perniagaan mereka agar menjadi sebuah perniagaan yang mantap dan berdaya tahan, serta dapat menghasilkan lebih banyak produk untuk memenuhi permintaan tempatan dan eksport. Bagi mendukung usaha tersebut, peranan sumber manusia perlulah turut diberikan penekanan sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

44. Sekarang izinkan kaola menyentuh mengenai keutamaan Belanjawan Keempat iaitu **Membina Kapasiti dan Modal Insan**. Modal Insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah sumber utama yang diperlukan untuk perkembangan dan kemajuan negara secara progresif. Hanya melalui ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terdapat pada sumber tenaga manusia di seluruh negara, cabaran-cabaran semasa ekonomi dan sosial akan dapat diharungi dengan berkesan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Ke arah itu, usaha berterusan dalam mempersiapkan golongan belia adalah menjadi satu keutamaan dalam perancangan bagi pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara.

Pembangunan kapasiti dan modal insan ini perlulah dilaksanakan secara holistik, merangkumi perolehan pengetahuan dan kemahiran. Ini termasuklah keupayaan keusahawanan; pemilikan sikap, nilai dan etika positif dan progresif; melalui program-program yang tersusun, bersesuaian dan berpaksikan kepada prestasi atau

outcome. Dalam laporan *Global Youth Development Index 2016* keluaran *Commonwealth*, negara ini diletakkan pada kedudukan ke-31 dari kalangan 183 negara. Kedudukan ini menunjukkan perancangan dan pelaburan kerajaan dalam pembangunan belia dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan membuahkan hasil yang positif;

45. Selaras dengan keutamaan tersebut, kerajaan akan terus berusaha memberikan tumpuan kepada perkembangan sektor pendidikan, termasuk latihan-latihan bagi belia-belia di negara ini. Belia yang berpendidikan berupaya untuk meningkatan pencapaian dan kualiti kehidupan, di samping dapat membantu usaha kerajaan dalam pembasmian kemiskinan. Antara keutamaan dan sasaran di bawah kategori ini ialah usaha kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan pencapaian dalam literasi dan numerasi di sekolah-sekolah. Ke arah itu, satu program telah dibentuk dengan mewujudkan pembimbing antarabangsa atau *international coaches* sebagai ejen perubahan. Bagi melaksanakan inisiatif ini, sejumlah $17.0 juta telah disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan;

46. Di samping itu, beberapa peruntukan juga terus disediakan oleh kerajaan. Antaranya Peruntukan Biasiswa disediakan sebanyak $47.2 juta di bawah Kementerian Pendidikan dan $2.54 juta di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebanyak $23.8 juta secara keseluruhan bagi Elaun Penuntut dan $50.0 juta bagi Perkhidmatan Pendidikan;

47. Sebagai tambahan kepada Skim Biasiswa Kerajaan, Skim Kemudahan Pinjaman Pendidikan akan diteruskan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar berkelayakan untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri. Sejak pelancaran skim ini pada bulan Ogos 2014, pinjaman bernilai kira-kira $22.2 juta telah pun diluluskan yang melibatkan seramai 607 pelajar untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama dalam pelbagai bidang, termasuk jurusan ugama dan Arab;

48. Dalam pada itu, sebagai usaha memupuk belia-belia sebagai generasi yang berilmu, beriman, beramal, bertakwa dan berakhlak mulia, selaras juga dengan amalan hidup berteraskan Konsep Melayu Islam Beraja, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah mengadakan beberapa program, antaranya ialah Program Keagamaan Senegara (PKS) Persekolahan Ugama dan Arab, Program Satu Minggu Satu Juzu', Program Rihlah Ilmiah, Program 3s (Solat Subuh Sihat) dan Program Masjid Makmur Negara Berkat dan Program Pembinaan Masjid yang mana cadangan pembinaan ini akan dimasukkan dalam Projek-Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-11.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pembinaan masjid yang dicadangkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah lebih banyak daripada yang dicadangkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat pagi tadi, bahawa pada masa ini sedang diteliti oleh agensi-agensi berkenaan. Di samping itu, Jabatan Mufti Kerajaan telah jua melancarkan Perkhidmatan Sistem Perpustakaan Digital Islam yang menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan secara *online.* Antara perkhidmatan-perkhidmatan ditawarkan termasuk perkhidmatan e-fatwa, e-irsyad, koleksi digital yang merangkumi ceramah melalui video, koleksi digital dan lain-lain;

49. Sebagai inisiatif untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar dari peringkat lebih awal lagi, Kementerian Pendidikan dengan beberapa agensi lain seperti *Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd (BSP)* dan Universiti Brunei Darussalam *(UBD)* telah memperkenalkan Program Skim Pendidikan Keusahawanan Brunei *(Brunei Entreprenuership Education Scheme - BEES) 2.0*. Program ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami selok-belok perniagaan melalui aktiviti yang praktikal, mewujudkan kesedaran untuk lebih berdikari serta memberi inspirasi dalam mendidik para belia untuk belajar dan memahami konsep perniagaan;

50. Selain itu, Kementerian Pendidikan melalui Agenda Keusahawanan Kebangsaan *(National Entrepreneurship Agenda (NEA))* telah berjaya melibatkan sekurang-kurangnya 6,000 orang pelajar dari semua peringkat persekolahan, pendidikan dan komuniti dalam program keusahawanan tersebut. Program ini dihasratkan untuk memupuk minda keusahawanan yang menjurus kepada sifat berdikari, berdaya cipta, inovatif, berpandangan jauh, mampu meraih peluang, mengenal pasti risiko dan pengawalannya serta pandai berikhtiar;

51. Bagi menyediakan latihan kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan, kerajaan juga telah menyediakan Rangka Kerja Kompetensi Industri *(Industry Competency Framework (ICF)).* Rangka kerja ini adalah sebagai kesinambungan kepada *Energy Industry Competency Framework (EICF)* yang telah disediakan bagi Industri Tenaga sejak 5 tahun yang lalu. Melalui rangka kerja ini, perancangan dan pelaksanaan program-program latihan akan dibuat secara lebih teratur dan berkesan bagi mendukung keperluan sebenar aktiviti perniagaan dan pelaburan di negara ini. Setakat ini, sebanyak 2,575 pelatih telah menjalani latihan kemahiran di bawah kedua-dua rangka kerja. Seramai 1,213 pelatih telah mendapat pekerjaan yang bersesuaian dalam bidang-bidang yang tertentu;

52. Selain itu, kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan, yang diterajui oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri akan mengambil langkah-langkah untuk memantapkan lagi suasana ekosistem bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Pada tahun 2016, beberapa program telah dilaksanakan oleh *Darussalam Enterprise (DARe),* antaranya Akademi Bisnes Perindustrian (IBA) yang telah memberi perkhidmatan kepada 500 usahawan yang bertujuan memberikan keupayaan *business skills* dan *financial literacy* kepada peserta-peserta; program *startup bootcamp* sebagai 65 peserta; pelancaran skim pembiayaan mikrokredit yang telah menampung kira-kira seramai 100 usahawan; skim geran bersama *(co-matching grant);* dan *hackathon* yang melibatkan lebih 100 peserta.

    Program *hackathon* ini yang turut melibatkan Jabatan Tenaga dan Perindustrian adalah merupakan satu platform baharu untuk memetik idea-idea kreatif orang ramai dalam menangani masalah-masalah awam dan menghasilkan *solution* yang praktikal dalam bentuk aplikasi telefon bimbit. Jabatan Tenaga dan Perindustrian seterusnya akan melaksanakan Program *e-Commerce* bagi 1,000 PMKS, *Grassroots Bootcamp* bagi 200 usahawan baharu, dan inisiatif *Made in Brunei* yang mempromosikan produk-produk tempatan yang berkualiti di dalam dan di luar negara;

53. Selaras dengan usaha berterusan kerajaan dalam membina kapasiti belia di negara ini, program-program pembangunan belia yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus dikukuhkan kepada aspek-aspek membantu belia-belia untuk mendapat pekerjaan; atau berusaha sendiri. Ke arah itu, peruntukan sebanyak $1.6 juta akan disediakan antara lainnya bagi membolehkan Pusat Pembangunan Belia mengambil tenaga-tenaga pengajar yang lebih berkemahiran. Sejak dari tahun 2010, seramai 2,101 orang pelatih telah menamatkan kursus *apprenticeship* di pusat berkenaan;

54. Sebagai usaha untuk meningkatkan pengambilan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta di negara ini, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, di Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Pameran Kerjaya Brunei 2016 yang telah disertai oleh 200 buah syarikat. Pameran ini menawarkan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti binaan, makanan dan minuman, penerbitan, *IT* dan kreatif dan lain-lain. Berbagai-bagai peluang pekerjaan telah ditawarkan oleh syarikat-syarikat tempatan bagi pencari-pencari kerja tempatan. Pada masa yang sama, aktiviti-aktiviti seperti menulis *CV*, kaunseling kerjaya, sesi Program Literasi Digital dan sesi *Talk Inspirational* juga dikendalikan bagi memberi bantuan dan panduan berguna kepada anak-

anak tempatan yang sedang mencari pekerjaan. Sejak pelaksanaan Pameran Kerjaya Brunei 2016, seramai 700 orang anak tempatan telah mendapat pekerjaan;

55. Sebagai tambahan kepada usaha-usaha tersebut, seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini pada 6 Mac 2017, kerajaan juga akan melancarkan *Skim Apprenticeship Graduan*. Skim ini yang diberi nama "*I-RDY" (i-ready),* adalah antara Program Majlis Perancangan Tenaga Manusia bagi peningkatan keupayaan tenaga manusia serta penyelarasan keupayaan pencari kerja dengan keperluan industri. Skim ini akan bermula pada bulan April 2017 ini. Ianya bertujuan untuk memberikan pengalaman kerja pada graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan, supaya graduan berkenaan dapat pengalaman dan keupayaan yang diperlukan oleh industri. Di samping memberi peluang untuk menimba pengalaman, skim ini juga akan memuatkan program-program latihan bersesuaian bagi meningkatkan lagi *marketability* graduan-graduan berkenaan. Peserta skim ini akan dihulurkan elaun dalam jumlah yang bersesuaian bagi tempoh maksimum 3 tahun.

Di peringkat permulaan ini, sejumlah 65% dari pencari kerja graduan akan dibantu melalui skim ini yang jua akan dijalankan bersama empat program yang lain iaitu *Learning and Grow, Growth for Excellence*, *Upskilling and Reskilling* serta *Training Grant*. Melalui skim ini juga diharap isu ketidakselarasan ataupun *mismatching* di antara kelulusan yang diperolehi dan kerja yang ditawarkan akan dapat dikurangkan. Ke arah itu, sejumlah $15 juta akan disediakan bagi pelaksanaan skim;

56. Dalam pada masa yang sama, usaha-usaha juga terus digiatkan dalam meningkatkan kualiti pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini. Antara inisiatif tersebut ialah penganugerahan pensijilan pusat kualiti *(QMS) ISO 9001:2008* kepada Institut Pendidikan Teknikal Brunei *(IBTE)* pada bulan Mei 2016 lepas. Dengan pensijilan itu, *IBTE* diharap akan dapat memastikan kualiti dalam program dan operasinya dalam matlamat untuk melahirkan graduan yang berkemahiran dan berkualiti tinggi, serta dapat meningkatkan daya saing industri dan pembangunan negara;

57. Dalam usaha meningkatkan lagi celik kewangan *(financial literacy)* dan kesedaran orang ramai terhadap aspek pengurusan kewangan. Beberapa inisiatif celik kewangan telah diungkayahkan. Inisiatif ini termasuklah mengadakan aktiviti jerayawara ke kementerian dan sekolah oleh beberapa agensi seperti

Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD), Tabung Amanah Pekerja (TAP), Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd dan Insurans Islam Sdn Bhd (TAIB). Antara lain perkara yang disampaikan kepada orang ramai termasuklah kemahiran dalam menggubal dan mencapai matlamat kewangan merangka bajet secara efektif, mengurus hutang secara bijak dan berbelanja secara berhemat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

58. Keutamaan belanjawan yang terakhir ialah **Meningkatkan Kesejahteraan Awam**. Dasar kerajaan ialah untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini agar ianya berterusan akan turut dinikmati oleh generasi masa kini hingga generasi akan datang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ ;

59. Bagi mendukung keutamaan ini, penganjuran aktiviti-aktiviti di bawah Program Bandarku Ceria di Bandar Seri Begawan setiap hari Ahad telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Selain dapat mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat sambil beriadah bersama keluarga mereka, suasana bandar pada waktu pagi hujung minggu juga dapat dimeriahkan dengan pelbagai kegiatan menarik yang diadakan;

60. Peruntukan-peruntukan bersesuaian akan terus disediakan di bawah fokus ini, antaranya dalam memastikan perkhidmatan kesihatan berkualiti terus disediakan. Antara peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh kerajaan termasuklah bagi pembelian ubat-ubatan sebanyak $36.0 juta; Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan disediakan sebanyak $22.8 juta; sejumlah $4 juta disediakan bagi membiayai kos penghantaran dan rawatan pesakit ke luar negara dan $30 juta bagi Perkhidmatan Rawatan pesakit di pusat-pusat rawatan khusus iaitu *Gleneagles JPMC,* Pusat Kanser Brunei dan *Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre*;

61. Bagi keperluan kemudahan-kemudahan awam, antara peruntukan yang disediakan termasuklah $44.9 juta bagi kerja-kerja Pemeliharaan Aset serta Pemeliharaan Kemudahan Awam serta Infrastruktur di Jabatan Kerja Raya yang termasuk bagi pengurusan bekalan air dan saliran serta kerja-kerja pencegahan banjir. Kerajaan juga secara berterusan akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan tenaga elektrik negara iaitu di bawah peruntukan RKN, sejumlah $52.9 juta dengan Harga Rancangan $112.3 juta telah disediakan bagi tujuan tersebut. Di samping itu Harga Rancangan bagi program *Long Term Service Agreement (LTSA)* iaitu kerja-kerja memelihara dan menaik taraf sistem bekalan elektrik pada masa ini juga dinaikkan dari $130 juta kepada $143 juta secara keseluruhannya;

62. Peruntukan bagi penyediaan perumahan yang mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana akan terus disediakan. Di bawah RKN, peruntukan Perumahan Negara akan disediakan sebanyak $34.5 juta bagi membiayai beberapa projek berkaitan. Dalam pada itu, di bawah skim bantuan memiliki rumah bagi ahli-ahli TAP yang terdiri dari rakyat negara ini, seramai 206 orang telah dihulurkan bantuan sejak ia diperkenalkan pada bulan Ogos 2012 dengan jumlah keseluruhan sebanyak $5 juta;

63. Sebagai usaha berterusan dalam menyediakan rangkaian pengangkutan jalan raya bersepadu, sejumlah $375.8 juta disediakan di bawah peruntukan RKN. Peruntukan ini disediakan antara lainnya bagi membiayai projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan termasuk pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency, Daerah Brunei dan Muara. Di samping itu, sejumlah $300 juta disediakan bagi membiayai pelaksanaan pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara. Sebagai langkah penyediaan sistem pengangkutan awam yang lebih *reliable* dan *affordable*, Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan telah melancarkan Skim Teksi Bermeter pada bulan September 2016. Pelancaran ini dihasratkan akan dapat meyakinkan orang ramai untuk menggunakannya dengan harga yang berpatutan.

64. Sebagai langkah bagi memelihara keselamatan, kesejahteraan dan kesihatan rakyat serta penduduk negara ini, di samping untuk mengukuhkan ekonomi negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pengemaskinian beberapa kadar duti import dan eksais di bawah Perintah Duti Import Kastam 2012 dan Perintah Duti Eksais 2012, berkuat kuasa mulai 1 April 2017, antaranya:

    i. Mengurangkan cukai kastam ke atas tayar-tayar baharu dari 20% kepada 5%, manakala bagi tayar terpakai dikurangkan dari 20% kepada 15% sahaja. Langkah ini adalah bagi menggalakkan penggunaan tayar baharu oleh orang ramai demi meningkatkan keselamatan penggunaan jalan raya;

    ii. Mengurangkan cukai kastam bagi alat-alat ganti kenderaan dari 20% kepada 5% bagi tujuan meringankan beban kos kepada pengguna dalam kos pemeliharaan dan baik pulih kenderaan; dan

    iii. Mengenakan cukai eksais ke atas produk-produk makanan yang mengandungi kandungan gula yang tinggi seperti *sugary drinks*,

produk gula dan koko dan produk *Monosodium Glutamate (MSG).* Ini dihasratkan untuk mengurangkan penggunaan produk-produk tersebut dan sebaliknya diharap meningkatkan permintaan bagi produk-produk makanan dan minuman alternatif yang lebih sihat bagi mendukung usaha Kementerian Kesihatan dalam merealisasikan hasrat Bersama Ke Arah Warga Sihat.

65. Selaras dengan pengemaskinian kadar-kadar tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan bagi sebahagian kutipan hasil yang diperolehi dari *duty import* dan *excise* tersebut, disalurkan untuk membantu ibu-ibu rakyat dan Penduduk Tetap negara ini yang baru melahirkan anak, dalam bentuk pemberian bantuan peralatan susu ibu dan lampin pakai buang yang amat diperlukan. Apa yang dihasratkan, pemberian subsidi ini akan dapat mengurangkan beban kewangan bagi ibu bapa berkenaan dan seterusnya memastikan setiap anak-anak yang baru dilahirkan akan mendapat penjagaan yang sewajarnya;

66. Dalam pada itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga telah melaksanakan program khusus bagi meningkatkan keupayaan penerima-penerima bantuan kebajikan. Program ini dihasratkan untuk membantu penerima-penerima bantuan yang tertentu untuk meningkatkan tahap keupayaan diri dan seterusnya mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian. Adalah diharapkan peserta-peserta program ini akan berpeluang untuk menambahkan lagi pendapatan mereka bagi kesejahteraan sosioekonomi mereka dan keluarga dan seterusnya mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan;

67. Selaras juga dengan usaha dalam menangani isu kemiskinan dan juga pengangguran dalam kalangan belia tempatan, pihak kerajaan telah mewujudkan pelbagai program bagi membina keupayaan diri, terutama bagi pencari-pencari kerja sebagaimana yang kaola huraikan sebentar tadi. Antara program berkenaan termasuklah Program Keusahawanan Belia; Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); Program Tenaga Kerja Tempatan di Akademi Kebudayaan dan Kesenian; Program *"Tuition"* kepada masyarakat dan menggunakan Pusat Belia sebagai tempat mencari rezeki bagi belia. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga mengendalikan beberapa kursus pendek secara *hands-on* terutamanya melalui Pusat Pembangunan Belia;

68. Antara lain kursus yang dilaksanakan termasuk Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan; Kursus Asas Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen; Kursus *Fiber to The Home* dan Kursus Pemandu Jentera Berat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

69. Dengan keadaan ekonomi semasa yang mencabar dan arah tuju ekonomi global yang sukar diramal, pihak kerajaan perlu melaksanakan langkah-langkah berwaspada dalam pengurusan kewangannya. Ke arah itu, Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018 ini disediakan dengan mengambil kira usaha kerajaan dalam menangani defisit belanjawan di samping memberi tumpuan kepada usaha untuk menyediakan asas bagi perkembangan dan kemajuan sosioekonomi yang mampan berpandukan kepada Fokus Belanjawan yang dihuraikan dalam cadangan belanjawan ini. Namun demikian, usaha pengurangan perbelanjaan ini, masih tidak dapat mengimbangi impak penurunan pendapatan kerajaan berikutan harga minyak dunia yang rendah dan berterusan. Ini kerana pihak kerajaan masih perlu untuk meneruskan program-program pembangunan negara bagi memelihara kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk negara. Selaras dengan hasrat inilah, semua pihak adalah dipohonkan untuk memberi kerjasama dalam mendukung program-program dan perancangan yang disusun dan dilaksanakan oleh kerajaan, antaranya dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara, perkembangan sektor swasta termasuk dalam menarik Pelaburan Langsung Asing *(FDI),* menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia tempatan dan lain-lainnya. Dalam pada itu, orang ramai juga diharap turut mengamalkan sikap berjimat cermat dan mengelakkan pembaziran terutama dalam penggunaan keperluan asas yang bersubsidi seperti air, tenaga elektrik, minyak kenderaan dan lain-lain;

70. Selaras dengan usaha mengawal perbelanjaan dan sikap berjimat cermat oleh agensi-agensi kerajaan, kepentingan untuk meningkatkan hasil kerajaan juga perlu diberikan perhatian yang wajar dalam usaha mewujudkan pengurusan kewangan kerajaan yang mampan. Adalah menjadi matlamat kerajaan agar kesejahteraan dan kemakmuran negara pada masa ini akan terus dapat dinikmati oleh generasi akan datang, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-22, pada 24 November 2015. Baginda menekankan bahawa:

"…Dunia kita sekarang sedang berada dalam kemelut ekonomi. Inilah masanya warga Perkhidmatan Awam mempelopori langkah berjimat cermat di samping meningkatkan komitmen dan usaha memajukan negara untuk hari ini dan juga untuk masa depan anak cucu kita…"

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

71. Dengan adanya usaha gigih daripada semua pihak bagi mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan, matlamat untuk mencapai perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap dan dinamik seperti mana yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035 akan dapat dicapai إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ. Perkara ini juga pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23, pada 20 Oktober 2016 yang lepas baginda bertitah:

    "...dengan usaha bersepadu semua kementerian yang dilengkapi dengan strategi-strategi yang berasaskan *evidence and result-based,* kita إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dapat menjayakan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

72. Dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua, serta kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sokongan padu semua pihak termasuk sektor awam, sektor swasta, rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam selaras dengan amalan *whole of nation approach*. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ semua usaha-usaha dan program-program yang telah dirancang ini akan memudahkan kita mengharungi cabaran-cabaran masa kini dan kita berdoa agar negara kita yang mengamalkan hidup berteraskan konsep Melayu Islam Beraja akan terus maju aman makmur lagi sejahtera sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk menjadikan negara ini sebuah Negara Zikir بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُور iaitu negara yang aman makmur dengan mendapat keredhaan, pertolongan dan keberkatan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Yang Maha Pengampun; dan

73. Oleh itu adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong dijadikan Satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulan Wang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu sepanjang Tahun Kewangan 2017/2018.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima Kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله kita telah pun mendengar huraian dan kenyataan yang begitu terperinci dan telus serta penuh dengan perangkaan dan juga strategi-strategi tertentu daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018. Maka dengan itu saya bercadang supaya mesyuarat persidangan kita ini ditangguhkan sementara dan berehat selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum persidangan ini kita tangguhkan sebentar tadi, kita telah mendengar kenyataan terperinci tentang Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Saya sekarang ingin bertanya adakah salah seorang daripada ahli di sini yang ingin untuk menyokong Rang Undang-Undang ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah dibaca dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan sebentar tadi telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebelum saya membukakan persidangan ini untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, supaya perbahasan ini menumpukan kepada kelayakan ataupun *merit* asas undang-undang sahaja. Dengan itu saya persilakan sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membahaskan perkara ini sekarang.

(Tidak ada Ahli yang ingin membahaskan)

Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk berbuat sedemikian maka saya berpendapat tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat kenyataan terhadap Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018. Ahli-Ahli Yang

Berhormat, oleh sebab tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin untuk membahaskan perkara ini saya berpandangan ada baiknya Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 ini diundi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Oleh yang demikian Rang Undang-Undang ini akan dibaca bagi kali yang keduanya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah pun selesai dibahaskan dengan panjang lebar dan ianya telah pun dibaca untuk kali keduanya, maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu persatu maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dulu dan Majlis kita ini akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 2 Pengeluaran dan Peruntukan (1) dan (2).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bab 2 Ceraian (1) dan (2). Silakan jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskannya. Jika tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan Bab 2 Ceraian (1) dan (2) maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) ini akan saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Bab 2 Ceraian (1) dan Ceraian (2), sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Oleh sebab tidak ada yang menentang maka Bab 2 Ceraian (1) dan

(2) dijadikan sebagai Jadual dalam Rang Undang-Undang.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Jadual Tajuk SA01A hingga Tajuk SA014A.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, dalam Jawatankuasa ini membincangkan bajet Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kaola sukacita memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara ringkas mengenai dengan tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Perkara ini bertujuan membantu perbincangan agar lebih fokus dan terarah kepada hal ehwal perbelanjaan yang akan dibincangkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Perdana Menteri sebagai *lead agency* akan terus menerajui hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi mengembangmajukan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara ini.

Ini dicapai melalui usaha-usaha yang dilaksanakan untuk mempelbagaikan kegiatan perekonomian negara. Ke arah itu Jabatan Perdana Menteri melipatgandakan tumpuan dan komitmen bagi menyediakan iklim perniagaan yang lebih kondusif dan berdaya saing bagi membantu para peniaga dan usahawan termasuk peniaga-peniaga muda yang sedang dan akan bergiat cergas bagi mengembangmajukan perniagaan masing-masing.

Bagi mencapai matlamat tersebut Jabatan Perdana Menteri telah merancang dan sedang melaksanakan penambahbaikan dasar dan peraturan dalam memperkesankan lagi mutu pemberian perkhidmatan dengan menggunakan pendekatan *delivery* atau *delivery approach.* Penelitian dan penambahbaikan tersebut akan mempastikan setiap proses, prosedur dan peraturan akan bersifat memudah cara, mempercepatkan dan *business friendly.* Ini adalah selaras dan dalam masa yang sama mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018 iaitu "Belanjawan Seimbang bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan *(Sustainable)."*

Di samping memberikan sokongan dan kerjasama kukuh kepada usaha-usaha kerajaan bagi mengurangkan jurang defisit dalam belanjawan negara, Jabatan Perdana Menteri menumpukan perancangan perbelanjaan yang dapat mendukung produktiviti dalam semua sektor. Tema ini juga sangat relevan kepada bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sentiasa memfokuskan kepada keutamaan seperti *prudent spending,* meningkatkan produktiviti negara, memudah cara

perniagaan, membina kapasiti dan modal insan dan memelihara kesejahteraan awam.

Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya selain bertindak sebagai agensi pelaksana juga akan berperanan sebagai pemudah cara ataupun fasilitator kepada berbagai-bagai inisiatif yang sedang dan akan dirancang. Meskipun begitu setiap pihak termasuk lapisan masyarakat mempunyai tanggungjawab bersama ataupun *share responsibility* dalam mendukung dasar dan langkah-langkah tersebut terutama dengan penglibatan para usahawan dan belia-belia tempatan kita.

Pendekatan-Pendekatan *Whole of Nation Approach* dan *Delivery Approach* akan terus dimanfaatkan dalam merancang dan melaksanakan dasar-dasar dan aktiviti-aktiviti kerajaan.

Setiap agensi di Jabatan Perdana Menteri seperti PENGGERAK, Sekretariat Wawasan 2035 dan jawatankuasa-jawatankuasa serta majlis-majlis tertinggi yang diterajui oleh kepimpinan Jabatan Perdana Menteri akan memastikan setiap inisiatif dan juga agensi-agensi pelaksana akan memantau dan memastikan perlaksanaan mengikut *timeline* dan *projectory* yang sistematik dalam mempunyai sasaran, impak ataupun *outcome* yang jelas dan signifikan kepada kerajaan negara dan rakyat serta penduduk.

Sehubungan dengan itu Jabatan Perdana Menteri telah merangka cadangan belanjawan ini berasaskan fokus-fokus yang berikut:

1. Perkhidmatan awam ke arah mencapai kecemerlangan perkhidmatan awam seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2035. Rangka Kerja Perkhidmatan Awam *(Civil Service Framework)* ataupun RKPA 2016/2020 adalah memandu arah dan peta jalan bagi mencapai kecemerlangan tersebut. Matlamat utama inisiatif-inisiatif di bawah RKPA ini ialah peningkatan prestasi dan produktiviti dalam perkhidmatan awam, ini sejajar dengan perancangan kemajuan jangka panjang negara serta mendukung salah satu haluan dasar Wawasan Brunei 2035 di bawah rangka Strategi dan dasar bagi pembangunan iaitu strategi pembangunan institusi *(Institutional Development Strategy)* melalui pelaksanaan dasar baharu perkhidmatan awam agar dinamik berdaya tahan dan berkesan. Penambahbaikan dan peningkatan kualiti perkhidmatan awam memerlukan tahap kepimpinan yang tinggi, mengasuh keupayaan pemimpin-pemimpin perkhidmatan awam dalam mengguna pakai sistem urus tadbir yang baik *(good governance)* adalah menjadi satu keutamaan. Melalui pemodenan perkhidmatan awam akan meningkatkan kualiti produktiviti dan memperluas keupayaan modal insan di negara ini. Menjana keberkesanan perkhidmatan awam melalui penelitian semula fungsi dan tanggungjawab serta *streamlining*

jabatan dan bahagian-bahagian yang bersesuaian akan diteruskan bagi mengelakkan pertindihan ataupun *duplication* fungsi dan juga mengelak pembaziran sumber termasuk sumber tenaga manusia. Peningkatan keupayaan terutamanya di peringkat pegawai-pegawai kanan akan menjadikan mereka berfikiran strategik dan *forward looking.* Penglibatan mereka dalam tugas-tugas penggubalan dasar ataupun kualiti *formulation* kementerian dan jabatan amat digalakkan. Mereka perlu juga mengubah minda dan bertindak sebagai ajen perubahan ataupun *change agent* dengan tahap disiplin yang tinggi serta berani untuk mengambil tindakan yang tegas dan sentiasa menambah baik tugas dan tindakan organisasi;

2. Perekonomian dan perdagangan. Dalam menangani keadaan ekonomi yang lembap ketika ini Jabatan Perdana Menteri sedang melipatgandakan usaha untuk mempelbagaikan ekonomi peningkatan produktiviti, penarikan, Pelaburan Langsung Asing penyediaan iklim perniagaan yang kondusif dan penurunan kadar pengangguran. Melalui Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing, Jabatan Perdana Menteri akan terus meningkatkan daya saing bagi menarik pelabur asing ke negara ini. Ini akan dapat menanai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memajukan lagi *MSME* di negara ini.

   Agensi pemudah cara seperti *Darussalam Enterprises* ataupun *DARe,* terus memberikan bantuan dalam mendukung pembangunan perusahaan kecil dan sederhana termasuk pengurusan tapak perindustrian ianya juga akan meneruskan usaha bagi meningkatkan lagi pencapaian yang telah dibuat setakat ini melalui *Business Support Centre* dan *Industry Business Academy* yang dapat membantu dalam pengurusan projek-projek infrastruktur besar seperti menaik taraf Industri Salambigar. Tapak Industri Salambigar dan Jabatan Pulau Muara Besar. Usaha memudah cara perniagaan dan mengukuhkan iklim persekitaran perniagaan *(Ease of Doing Business)* akan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai persekitaran yang mesra perniagaan dan menyokong ataupun *supportive* perkembangan perniagaan di samping itu juga kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan akan dilipatgandakan bagi memudah cara dan memberikan keyakinan kepada pelabur terhadap proses dan iklim pengurusan negara ini;

3. Undang-Undang sosial dan kesejahteraan. Jabatan Perdana Menteri terus memainkan peranan yang aktif dalam usaha melaksanakan reformasi terhadap proses-proses dan undang-undang yang mendukung pro-bisnes dalam

usaha menjana ekonomi yang dinamik. Pengurusan mahkamah dan juga penggubalan undang-undang akan diperkesankan agar lebih mudah, cepat dan dapat membantu peningkatan dalam petunjuk *Ease of Doing Business.* Usaha juga turut dilaksanakan bagi mendasari agenda kerajaan dalam memeduli hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya golongan masyarakat yang memerlukan bantuan, keperluan kebajikan dan kesejahteraan rakyat seperti golongan daif, fakir dan miskin yang memerlukan perhatian berterusan diberikan penumpuan. Ini antaranya termasuklah dengan menyediakan pelaksanaan projek bantuan perumahan yang dibiayai perbelanjaan sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam melalui Kumpulan Wang Zakat; dan

4. Media sekuriti dan hal-ehwal antarabangsa. Usaha mendukung keselamatan masyarakat dan negara memfokuskan pada memelihara dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dengan pendekatan secara *Whole of Nation Approach,* semua *stakeholders* yang terdiri daripada agensi kerajaan dan penguatkuasaan akan terus bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan. Agensi-Agensi keselamatan di bawah Jabatan Perdana Menteri akan mengukuhkan keupayaan dalam membanteras aktiviti-aktiviti jenayah. Ini termasuklah dalam meningkatkan lagi kerja-kerja pembanterasan mengukuhkan keupayaan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang kerajaan dalam mengendalikan krisis-krisis nasional dan jenayah merentas sempadan dan juga gejala-gejala penyeludupan barang tegahan serta kegiatan rasuah. Begitu juga dasar memantau penggunaan *ICT* melalui rangka kerja keselamatan Siber kebangsaan bagi menangani risiko siber. Inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan kefahaman sokongan serta pengukuhan keyakinan ke atas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan dasar-dasarnya melalui pemberigaan maklumat-maklumat dan acara-acara kerajaan termasuk adat istiadat negara akan dipertingkatkan. Pemberigaan dan penyebaran maklumat tersebut dilaksanakan melalui beberapa saluran kepada akar umbi dan semua pelosok masyarakat agar mereka memahami dan menghargai setiap tindakan kerajaan semata-mata bagi kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini. Selaras dengan tertubuhnya Bahagian Antarabangsa di Jabatan Perdana Menteri, dasar luar negara yang jelas dan konsisten melalui diplomasi dan hubungan berbaik-baik akan dapat melindungi kepentingan negara serta penyelarasan perlaksanaan

komitmen antarabangsa negara juga akan terus menjadi tumpuan jabatan ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berasaskan kepada prinsip di atas bagi Tahun Kewangan 2017/2018, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak $540,277,550 iaitu menurun sebanyak 4.6 peratus dari peruntukan tahun kewangan yang lalu.

Gaji Kakitangan disokong sebanyak $305,222,065. Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak $235,054,400 dan Perbelanjaan Kemajuan disokong sejumlah $368,678,778 dengan Harga Rancangan sebanyak $1,697,808,790. Sekianlah sahaja secara ringkasnya yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan utama dan perkara-perkara keutamaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini.

Kaola juga ingin memaklumkan bahawa 5 jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei. Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara iaitu isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka, maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya bajet-bajet bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan.

Sebelum mengakhiri, kaola ingin memaklumkan bahawa apa jua soalan dan kemusykilan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan isu Jabatan Perdana Menteri juga akan turut dijawab dan diterangkan oleh rakan-rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) dan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri khasnya, terhadap isu-isu jabatan di bawah tanggungjawab mereka. Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana lazim, setiap kementerian sebelum kita membincangkan belanjawan kementerian yang berkenaan, Yang Berhormat Menteri berkenaan akan cuba membuat pengenalan ataupun mukadimah mengenai belanjawan kementerian masing-masing itu. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya mengenai Tajuk Jabatan Perdana Menteri, silakan.

Oleh sebab Jabatan Perdana Menteri ini besar, maka ada baiknya kita bagi dua, dari Tajuk-Tajuk SA01A kita dahulukan sehingga Tajuk SA14A. Jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya.

Silakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya mengenai Tajuk SA10A iaitu mengenai dengan jawatan *open vote* yang jawatan ini tidak dapat memangku jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan yang dipegangnya sedangkan mereka ini berpengalaman. Kalau orang yang berjawatan tetap boleh memangku, walaupun ia orang yang baharu berkhidmat. Ada baiknya dalam pemikiran kaola, jawatan ini ditiadakan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Dapat saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, jawatan apakah yang dimaksudkan yang ditiadakan itu? Kalau ditiadakan nanti, ujung-ujungnya tidak ada orang begaji tahun depan ini, macam mana gayanya?

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Jawatan *open vote*, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), suka akan menjawab?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas cadangan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit mengenai jawatan *open vote* ini, supaya jawatan ini ditiadakan. Sebenarnya jawatan *open vote* ini hanyalah sementara, sebab itu pemegang jawatan tidak dapat memangku jawatan-jawatan yang lain yang lebih tinggi daripada jawatannya, dan ia bukan *established post* tetapi jawatan sementara. Tetapi pemegang jawatan-jawatan gaji hari dan *open vote* ini sebanyak 11,000 orang lebih dalam perkhidmatan kerajaan, Yang Berhormat Pengerusi. Jikalau ia ditiadakan, maka susah sedikit. Itulah sahaja jawapan yang pendek, iaitu ada implikasinya kalau jawatan tersebut ditiadakan dan selalunya pemegang jawatan *open vote* ini jika sudah mencapai 5 tahun dalam perkhidmatan, maka ia dapat memohon jawatan yang tetap *(permanent).* Itulah perantaraan jawatan yang sementara dengan jawatan yang tetap. Apa yang ada pada masa ini, itulah cara-cara kitani dalam perkhidmatan kerajaan iaitu gaji hari, kemudian setelah 5 tahun *open vote* dan *certain* tempoh lagi, ia akan dapat memohon jawatan-jawatan tetap. Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya mengenai Jabatan Perdana Menteri iaitu mengenai Perbelanjaan Khas, Kod Akaun 18267 diluluskan pada Tahun Kewangan 2016/2017. Perbelanjaan Khas pada Tahun Kewangan 2017/2018 tidak ada

peruntukan. Adakah ia sudah selesai ataupun senghaja untuk ditiadakan?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Minta maaf, Yang Berhormat Pengerusi. Apa sebenarnya kod tersebut?

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Diulang semula. Jabatan Perdana Menteri iaitu anggaran Perbelanjaan macam biasa, Kod Akaun K18267 diluluskan pada Tahun Kewangan 2016/2017, sebanyak $500 ribu. Pada Tahun Kewangan 2017/2018, langsung tidak ada peruntukan, tidak ada perbelanjaan. Apakah maksudnya?

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), tadi sudah memaklumkan bahawa Perbelanjaan Khas itu tidak lagi ada, kerana ia disatukan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Memang ia disatukan, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lagi akan menyemak semula, kerana jikalau kaola menjawab tidak ada tetapi peruntukan tersebut ada pada tajuk lain, mungkin mengelirukan nanti. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Bagi melambangkan negara kita Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, dicadangkan bagi setiap jabatan di Negara Brunei Darussalam iaitu sebelum memulakan tugas-tugas supaya membaca doa ataupun beramai-ramai sekurang-kurangnya membaca surah Al-Fatihah diketuai oleh Ketua Jabatan, jadi mudah-mudahan setiap doa akan dimakbulkan kerana kita percaya أَللهِ akan memakbulkan doa kita. Percaya kepada أَللهِ adalah sebahagian daripada Rukun Iman. Jadi orang yang beriman dapat menyempurnakan segala urusan bahkan pekerjaan berjalan dengan betul seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijjah 1424 bersamaan 11 Februari 2003. Antara lain titah baginda:

"…seorang pekerja yang beriman adalah pekerja yang paling efisien, kerana iman itu memandunya untuk melaksanakan segala tugas dengan rajin dan betul, dia tidak akan membuang-buang masa atau membuat kerja secara sambil lewa kerana semua itu berdosa dan boleh mengundang kepada kemurkaan أَللهِ …"

Adakah masa ini dijalankan di jabatan-jabatan kerajaan?

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi jua atas

saranan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Sebenarnya berdoa ini memang sudah berjalan sekian lama. Jika di Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan seawalnya itu ada mikrofonnya yang meliputi semua bangunan Kementerian Kewangan untuk berdoa dahulu sebelum memulakan pekerjaan pada pukul 7.45 pagi. Ada juga sebahagian daripada kita lebih daripada itu, bukan sahaja berdoa malah membaca Al-Quran untuk memulakan tugas. Saya percaya jua bahawa jabatan-jabatan lain pun begitu jua macam itu jua, apabila sudah dulu-dulu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah mengenai pentingnya kita memulakan apa-apa jua pekerjaan kitani dengan berdoa supaya kita mendapat keberkatan bukan sahaja bagi kementerian-kementerian itu tetapi juga kepada seluruh negara amnya. Itu saja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Boleh kaola untuk menambah lagi, memohon izin.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat besarkan sedikit bercakap tidak berapa kedengaran kita ini dalam Jawatankuasa. Jadi dapatlah kita berbincang kalau sekiranya menyoal terus terang kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Kaola mohon izin berhubung dengan larangan mengatakan Pasukan Polis Diraja Brunei tidak dibenarkan, tetapi tidak menyentuh soal pentadbiran dan sebagainya, ia hanya merupakan usul sahaja iaitu Lebuh Raya Telisai-Lumut dipohonkan kalau dapat didirikan Pos Polis, kerana Lebuh Raya Telisai-Lumut bukan kawasan perumahan dan sunyi sepi. Sekiranya berlaku sebarang kemalangan ataupun perkara yang tidak diingini, maka tidak dapat menghubungi sesiapa kerana tidak ada satu pun perkhidmatan ataupun pancaran telefon. Pernah berlaku kemalangan sehingga orang mendapat kemalangan tersebut menunggu lama. Jadi dipohonkan kalau dapat disediakan Pondok Polis. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Tidak ada rumahkah di sana ataupun apa?

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Tidak ada kawasan perumahan kerana ia jauh, terutama sekali pada waktu malam ia sunyi sepi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Soalan tadi daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Terima kasih atas soalannya itu, memang diakui tetapi *street* jalan yang dilalui di lebuh raya baharu, Lebuh Raya Telisai-Lumut Bypass yang baharu memang diakui *DST System Service Telephone* masih lagi belum mencukupi dan usaha-usaha sedang dibuat oleh pihak *DST* untuk memastikan ada *coverage* di sana. Usul

daripada Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit itu pihak Pasukan Polis Diraja Brunei إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan mempertimbangkannya dalam masa yang terdekat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Pengerusi, اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ kaola ada 2 pertanyaan. Pertanyaan yang pertama ialah *booklet* yang diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat, ada menyatakan cuma $4.6 bilion sahaja peruntukan yang akan dikeluarkan, tetapi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ada menyatakan $5.3 bilion, jadi di mana selebihnya perbezaan $5.3 bilion dan $4.6 bilion itu, adakah dari Bahagian Kemajuan?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Terima kasih jua atas pertanyaan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Sebenarnya itu *ordinary expenditure* yang $4.6 bilion, yang $700 juta itu ialah *charge expenditure*. Dari *charge expenditure* itu, selalunya kita tidak ada dalam *table* ini, ia memang perlu dibelanjakan dari segi undang-undang ia memang diperuntukkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertanyaan kedua mengenai Pemeliharaan Aset dan Kemudahan Awam. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) menyatakan $44.9 juta bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Memandangkan aset-aset kerajaan ini ada yang kosong seperti flat-flat di Anggerek Desa, adakah cadangan untuk diberikan kepada *NGO's* atau TPP dibukakan supaya ia menjimatkan Perbelanjaan Pemeliharaan Aset dan Kemudahan Awam.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Spesifik sahaja kalau untuk menjawab Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat yang bertanya tadi mengenai adakah segala flat di Anggerek Desa akan dibukakan untuk dimajukan oleh *NGO's*. Memang masa ini sudah ada dalam perancangan di Anggerek Desa itu akan menjadi sebuah yang dipanggil *Techhnology Park,* yang akan dibukakan secara tender kepada pemaju atau pengusaha-pengusaha baik dalam negeri mahupun luar negeri itu sahaja. Terima kasih.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Menambah lagi Yang Berhormat Pengerusi. Kalau sekiranya bukan di kawasan Anggerek Desa jika aset-aset bagi berlainan jabatan adakah jika sekiranya kosong ia juga akan dilihat untuk disewakan kepada *NGO.* Kaola ada difahamkan jika aset-aset di tempat lain.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Boleh spesifik lagi aset-aset tersebut, sebab terdapat rancangan daripada pihak kerajaan untuk menaik taraf aset-aset kerajaan terutama seperti *Electrical Department* seperti dalam penerangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah menerangkan memang sudah ada bajet menaik taraf segala aset kerajaan ini. Hanya kalau dapat spesifik tempat kawasan tersebut. Kalau ia di kawasan *industrial area* masing-masing di Brunei dan di Belait memang sudah ada perancangan dan Yang Berhormat sendiri sebagai Ahli Lembaga *DARe* telah pun mengetahui rancangan untuk membuat *expression of interest* kepada peniaga-peniaga di Brunei ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menerangkan secara jelas sahaja. Apabila kaola menyentuh $44.9 juta itu sebenarnya adalah bagi peruntukan Pemeliharaan Aset serta Pemeliharaan Kemudahan Awam dan Infrastruktur Jabatan Kerja Raya yang termasuk bagi pengurusan bekalan air, saliran serta kerja-kerja pencegahan banjir yang di bawah kawalan Jabatan Kerja Raya. Kalau yang di kementerian-kementerian lain ada juga pemeliharaan asetnya dan itu ada bajet tertentu yang dikawal oleh kementerian masing-masing. Jadi bukan itu sahaja $44 juta tetapi lebih banyak lagi daripada itu. Setiap kementerian diberikan peruntukan-peruntukan tertentu untuk pemeliharaan aset masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali sebelum Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjawab ada baiknya perkara itu kitani bincangkan sesudah kitani membincangkan mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan nanti. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Memohon izin Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh dengan Taju SA03A – Jabatan Audit. Kaola bukan bertanya mengenai dengan jumlah *(amount)* yang ada tetapi kaola ingin mengetahui tugas dan tanggungjawab Jabatan Audit. الْحَمْدُ لله dalam perjumpaan dengan Kementerian Kewangan menunjukkan bahawa dalam muzakarah yang lalu menunjukkan bahawa kelebihan perbelanjaan yang lama, الْحَمْدُ لله telah menunjukkan prestasi yang baik. Perkara yang kaola ingin maksudkan itu Yang Berhormat Pengerusi ialah perkara ini berulang-ulang. *Over spending* kadang-kadang *obvious* kuasa daripada kementerian-kementerian.

Adakah peranan Jabatan Audit termasuk untuk memperbaiki lagi mengenai perkara ini supaya perkara ini tidak akan berulang-ulang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad mengenai peranan Jabatan Audit. Barangkali peranan Jabatan Audit itu memanglah ia untuk memeriksa kira-kira kerajaan itu dan sebagainya. Dalam kementerian-kementerian lain ada juga Audit Dalaman namanya. Audit Dalaman dilaksanakan oleh kementerian itu sendiri. Jika mengharapkan Jabatan Audit sahaja memang dengan beberapa jabatan-jabatan yang banyak, kadang-kadang mereka akan memfokus kepada jabatan-jabatan yang difikirkan ada *big spends,* kemudian bidang-bidang tugas kemajuan dan projek-projek besar. Jadi ia pun ada *cycle*nya, jadi setiap tahun beberapa kementerian atau jabatan agensi kerajaan sahaja yang diauditnya.

Tapi untuk *supplement* perkara itu diadakan Audit Dalaman itu dan Audit Dalaman inilah yang sepatutnya jua bidang tugasnya untuk memastikan setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawah kementerian itu akan berbelanja mengikut peraturan dan berbelanja mengikut peruntukan-peruntukan yang sudah disediakan cuma ada terdapat beberapa kementerian atau agensi yang tidak mengikut peraturan dan di sana kitani bersama Jabatan Audit dan Jabatan Perbendaharaan jua akan masuk ke jabatan-jabatan itu untuk membetulkan perkara-perkara yang di luar peraturan dan peruntukan perbelanjaan-perbelanjaan yang lebih daripada peruntukan itu. Perkara ini memang dilaksanakan dari masa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jika tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membincangkan lagi maka Tajuk SA01A hingga Tajuk SA14A sekarang kita undi, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA01A hingga Tajuk SA14A – Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan dibawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan bahawa adalah berpatutan bagi sekarang Persidangan

Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Rabu, 8 Mac 2017 pada pukul 9.00 pagi.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركات

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 9 Jamadilakhir 1438 / 8 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari ketiga pada hari Rabu, 9 Jamadilakhir 1438 bersamaan 8 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang ketiga di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ kaum keluarga, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang semalam kita telah membahaskan Perkara VI – Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Rang tersebut masih lagi kita bahaskan dan kita telah pun membahaskannya di Peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincang dan dibahaskan satu persatu, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan majlis kita akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan II (Kedua). Pada petang semalam kita telah meluluskan beberapa buah Tajuk bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dan telah dimasukkan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Kita akan segera membincangkan Tajuk-Tajuk seterusnya. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), ingin untuk membuat beberapa keterangan lanjut mengenai dengan beberapa soalan yang dikemukakan semalam. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola hanya akan menjelaskan 2 perkara iaitu:

1. Pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai dengan perbelanjaan khas Kod Akaun 18267 yang diluluskan pada tahun 2016/2017. Manakala pada tahun 2017/2018 tidak ada peruntukan.

   Terlebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan persoalan tersebut. Sebagaimana yang kaola terangkan dalam pembentangan Rang Belanjawan petang kelmarin, bahawa kategori Perbelanjaan Khas akan ditiadakan mulai 1 April 2017. Dalam hal ini projek khas yang dimaksudkan iaitu projek *The Design Supply Delivery Installation Testing Commissioning Maintenance and Training of Security System for the Prime Minister's Office Building Complex and Museum Building, Negara Brunei Darussalam*, yang dulunya telah disediakan peruntukan $500,000.00 dalam Tahun Kewangan 2016/2017.

   Sebenarnya ada disediakan peruntukan $500,000.00 juga bagi Tahun Kewangan 2017/2018, tapi di bawah kategori Perbelanjaan Berulang-Ulang di bawah program Pengurusan dan Pentadbiran yang akaunnya SA01A/001/002/B00405/100101 – Pemeliharaan Aset; dan

2. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menambah sedikit sahaja persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, tentang peranan Jabatan Audit yang kaola sudah berikan jawapan semalam secara ringkas, tapi kaola akan mengulas lanjut saja sedikit.

   Antara peranan Jabatan Audit ialah dalam memastikan perbelanjaan yang dilaksanakan di jabatan-jabatan seperti yang kaola terangkan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang ditetapkan termasuk jua memastikan perbelanjaan tidak melebihi daripada peruntukan yang diluluskan.

Pemeriksaan dilakukan dalam setiap pengauditan yang digelar *regulatory audit* iaitu wang yang dibelanjakan adalah mengikut peraturan tertentu kerajaan dan jumlah yang dibelanjakan adalah selaras dengan Waran Perbelanjaan Perbendeharaan dari segi jumlah dan jenis perbelanjaan yang dilakukan atau tawaran tambahan peruntukan ataupun pindah peruntukan.

Kaola ingin mengongsikan jua bahawa penemuan-penemuan audit yang termasuk *value for money analysis* bagi memastikan pegawai kerajaan membuat perbelanjaan secara berhemah dan tidak membazir atau membuat sesuatu yang merugikan kewangan kerajaan.

Dalam hal ini laporan audit akan mengenal pasti pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap isu-isu yang timbul dalam penemuan-penemuan audit tersebut. Kemudian pihak audit atau pihak-pihak berkenaan termasuk Jawatankuasa Audit akan mengambil tindakan-tindakan tertentu dan jika perlu tindakan disiplin yang bersesuaian ke atas pegawai-pegawai yang telah melakukan kesalahan-kesalahan yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, seperti yang telah dijelaskan semalam, antara langkah yang giat dilaksanakan oleh Jabatan Audit ialah memastikan Audit Dalaman kementerian-kementerian berfungsi dengan efektif. Dalam hal ini pada tahun 2016 Jabatan Audit telah memberikan latihan kepada 69 Unit Audit Dalaman dari kementerian-kementerian / jabatan-jabatan kerajaan.

Seramai 277 orang ahli unit Audit Dalaman telah diberi latihan asas mengenai *Internal Auditing.* Daripada maklum balas yang positif dan memberangsangkan dari pihak-pihak kementerian, pihak Jabatan Audit pada masa ini memberikan latihan sepenuhnya secara *in-hand* di mana jabatan berkenaan dibimbing dari peringkat perancangan hinggalah penghasilan laporan. Ini difokuskan kepada jabatan-jabatan yang masih memerlukan bimbingan secara khusus daripada Jabatan Audit.

Oleh yang demikian, dengan mengukuhkan fungsi Unit Audit Dalaman, ianya diharapkan akan dapat memperbaiki kawalan dalaman jabatan sekali gus memantapkan *governance* agar ianya lebih baik dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semalam supaya ia tidak lagi berulang-ulang, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dalam erti kata lain mempergiatkan usaha ke arah menjayakan *good governance* di sektor awam, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya silakan pula Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin menambah lagi jawapan pada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kelmarin tentang Lebuh Raya Telisai-Lumut.

Pada masa ini pihak *DST* telah pun menyiapkan satu *site* yang *coverage* nya mungkin dalam 50% dan satu *site* lagi إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan siap dalam masa dua bulan. Jadi *coverage* telefon di sana إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat dinikmati sepanjang perjalanan Telisai-Lumut.

Perkara kedua tentang Balai Polis. Pada masa ini *Telisai-Lumut Highway* itu yang menjaganya ialah Balai Polis Tutong dan Balai Polis Sungai Liang. Tumpuan Pasukan Polis Diraja Brunei pada masa ini ialah untuk membina Balai Polis di kawasan Kampung Perpindahan Bukit Beruang. Itulah menjadi prioriti dan Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa penduduk di sana sudah ramai dan memerlukan keberadaan Pasukan Polis Diraja Brunei. Itu saja jawapan untuk Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Seterusnya kaola minta mohon daripada Yang Berhormat Pengerusi supaya kaola dibenarkan dan diizinkan untuk memberi mukadimah bagi Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan.

Bagi sektor tenaga, peranan utama ialah untuk memastikan khazanah hidrokarbon negara dimajukan secara berdaya tahan. Pada tahun ini pengeluaran minyak negara dijangkakan sebanyak 134,000 tong sehari berbanding dengan 139,000 tong sehari pada tahun 2016. Penurunan ini antara lain disebabkan oleh *natural decline*, penangguhan *(deferment)* serta komitmen negara kepada *OPEC*.

الْحَمْدُ لله pada tahun 2016, sektor minyak dan gas berjaya meningkatkan jumlah keseluruhan sumber dan rizab minyak sebanyak 94 juta *BOE*, yang meningkatkan jangka hayat rizab minyak dan gas ke tahap 53 tahun.

Mengenai sumber tenaga yang diperbaharui, 1 projek solar berskala besar akan dikendalikan di Daerah Temburong bagi menggantikan Jana Kuasa Stesen Belingus yang beroperasi menggunakan *diesel*. Projek ini akan dijangka siap, إِنْ شَاءَ اللَّهُ fasa pertama dalam tahun ini juga dan akan memberikan penjimatan sebanyak 23% pada fasa pertama.

Dalam hal perkhidmatan elektrik, beberapa inisiatif telah dibuat dalam peningkatan *reliability* tenaga elektrik termasuk pengurangan 67% gangguan elektrik sejak 2010. Sejak pengenalan reformasi tarif bagi perumahan pada tahun 2011, penggunaan tenaga telah menurun sebanyak 12% dan penurunan ini kalau kita lihat daripada segi pertumbuhan keperluan tenaga ini setiap tahunnya dalam 4% adalah sangat signifikan. Amalan penjimatan elektrik juga diteruskan di bangunan-bangunan kerajaan yang telah menjimatkan sebanyak $16 juta setahun.

Tunggakan juga semakin menurun, الْحَمْدُ لله dan kaola juga ingin memaklumkan bahawa hala tuju operasi bagi Jabatan Perkhidmatan Elektrik

adalah bagi sektor *generation* diswastakan melalui pemindahan aset ke *Darussalam Assets* dalam masa yang terdekat ini.

Dalam sektor perindustrian, isu Pelaburan Langsung Asing sudah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dalam mukadimahnya, Pelaburan Langsung Asing ini akan memainkan peranan penting dengan penjanaan kesan limpahan ekonomik *(economic spin-off)* dan peluang pekerjaan bagi SMSE ataupun PMKS tempatan.

Dalam pada itu, usaha akan dipertingkatkan bagi membangunkan PMKS dan seterusnya memantapkan lagi suasana ekosistem perniagaan dan meningkatkan urus tadbir koperasi.

Bagi koperasi, cabaran pada masa ini adalah tadbir urus koperasi kurang efektif sejak beberapa tahun. Kini hanya 69 daripada 161 koperasi yang aktif menjalankan perniagaan. Pada tahun 2017, kerajaan akan memberi tumpuan kepada peningkatan tadbir urus koperasi membangunkan koperasi yang berdaya saing di peringkat antarabangsa, mengkukuhkan koperasi dengan mengenalkan *Code of Practice,* dan mengadakan *Financial Health Clinic*, Program Latihan Asas Kecekapan mulai Mac 2017 dan menggalakkan koperasi berkecimpung dalam industri berorientasikan eksport seperti akuakultur dan madu kelulut.

Bagi menangani pembangunan PMKS, *Darussalam Enterprise (DARe)* telah menjalankan beberapa program peningkatan keupayaan *entrepreneurship* seperti melalui program latihan Akademi Bisnes Perindustrian *(IBA)* bagi 842 peserta, *start-up bootcamp* bagi 65 peserta, dan skim pembiayaan mikrokredit sejak Oktober 2016.

Pada tahun 2017, tumpuan akan diberikan kepada memantapkan lagi suasana ekosistem PMKS seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dalam mukadimahnya.

Inisiatif Pusat Kebangsaan e-Kerajaan *(EGNC)* pula telah memperkukuhkan perkhidmatan dan infrastruktur guna sama kerajaan. Penggunaan *One Government Network (OGN)* telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak 33.6% dan perkhidmatan *One Government Private Cloud* telah menjimatkan kos sebanyak 42.38%. Pada masa yang sama, usaha sedang giat dijalankan bagi *capacity building* untuk industri *ICT* tempatan, dengan dasar *Local Business Development (LBD)* yang baharu dikuatkuasakan pada 1 Mac ini dijangka akan menjana sekurang-kurangnya 25 projek *IT* setiap tahun.

Pembangunan Perniagaan Tempatan telah menampakkan peningkatan di Sektor Minyak dan Gas. Kandungan Tempatan telah meningkat sebanyak 40% dari tahun 2010 hingga ke tahun 2016 sejak pengeluaran arahan-arahan iaitu arahan *Local Business Development Directive* I dan II.

Setakat ini, seramai 12,966 orang yang berdaftar dalam sistem *Job Centre* Brunei. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,562 pencari kerja graduan akan dibantu melalui Skim *I-RDY (i-ready)* dan yang selebihnya akan diserap melalui *start-up programme* yang disarankan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Bagi pencari kerja bukan graduan sebanyak 4,000 jawatan yang disasarkan melalui *succession planning* dan sebanyak 3,000 lagi akan disasarkan bagi *Program Industry Competency Framework*. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan sentiasa berusaha dan seterusnya bertawakal ke hadrat أَللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hasrat bagi peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ boleh dicapai dengan kerjasama sektor awam, swasta dan orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekian sahaja mukadimah kaola terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sebenarnya sekarang sudah mula membincangkan Tajuk SA15A hingga Tajuk SA25A dan kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi penerangan mengenai Jabatan Tenaga dan Perindustrian dan sekali gus barangkali Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Sekarang saya bukakan, perbincangan kita kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk mengemukakan pertanyaan ataupun soalan-soalan mengenai Tajuk-Tajuk yang berkenaan itu. Silakan. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola suka menimbulkan mengenai dengan Tajuk SA25A – *Brunei Research Department*, *Prime Minister's Office* jika berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat. Kita telah pun difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), bahawa beberapa jabatan di Jabatan Perdana Menteri merupakan jabatan-jabatan yang agak sensitif dan barangkali persoalan mengenai kewangan jabatan-jabatan berkenaan itu kurang sesuai untuk kita bincangkan dalam forum yang terbuka seperti ini. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai pertanyaan secara spesifik ada baiknya Yang Berhormat dapat merisikkan soalan-soalan Yang Berhormat itu kepada menteri yang berkenaan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali kaola pindah soalan kaola itu mengenai MIB. Kaola tidak pasti dahulu berada di bawah Universiti Brunei

Darussalam dan barangkali sekarang sudah diubah posisinya. Kaola ingin mendapat penerangan di mana ia berada sekarang dan apa perancangan-perancangan seterusnya?

Kaola lihat dahulu ada aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada mengadakan seminar-seminar, dan sejauh mana keberkesanannya, menerapkan ataupun menjulang dasar MIB.

Mungkin soalan kaola ini lari sedikit terdahulu, mungkin Pendidikan barangkali. Bagaimanapun, kaola minta penjelasan sahaja mungkin ada kena-mengena dengan JPM jua. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali ini rezeki Yang Berhormat pagi ini. Saya benarkan soalan itu dan saya akan meminta salah seorang daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk memberikan penerangan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat tadi yang bertanyakan mengenai MIB. Sebenarnya MIB ini masih di bawah Kementerian Pendidikan dan kaola sendiri selaku Menteri Pendidikan adalah Pengerusi kepada Majlis Tertinggi MIB dan Sekretariatnya masa ini masih ditempatkan di Universiti Brunei Darussalam.

Walau macam manapun, segala urusan MIB dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan. Mengenai kegiatan-kegiatan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi MIB ini, minta maaf dulu Yang Berhormat jikalau dapat kaola huraikan satu-persatu pada pagi ini إِنْ شَاءَ اللهُ memberi kesempatan untuk kaola mengumpul maklumat yang berkenaan seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat.

Cukuplah bagi koala memaklumkan dalam Dewan Majlis ini bahawa MIB masih bergiat aktif dan ada rancangan-rancangan sepanjang tahun masih dilakukan seperti memberikan taklimat-taklimat, memberigakan isu-isu MIB. Semua ini berjalan seperti biasa Yang Berhormat. Satu-persatu aktiviti itu akan dihuraikan apabila ada kesempatan pada masa akan datang إِنْ شَاءَ اللهُ .

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat masih mahu bertanya lagi? Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Mohon izin Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai subsidi kerajaan kepada rakyat. Walaupun masa ini kerajaan menanggung begitu besar subsidi *(deficit)* yang diberikan kepada belanjawan tapi kerajaan masih memberikan kesempatan untuk tidak mengusiknya kitani subsidi-subsidi yang telah pun diberi pada rakyat.

Mohon izin Yang Berhormat Pengerusi kalau tidak menjadi kesalahan, kaola rasa perlu rakyat tahu berapakah jumlah subsidi yang telah pun diberikan kepada rakyat selama ini? kerana kaola rasa dengan adanya pendedahan ini maka akan dapat memberikan kesedaran kepada rakyat bahawa kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak mengabaikan kesejahteraan rakyat dan juga nanti mudah-mudahan rakyat akan sedar dan akan dapat berhemah dalam segi perbelanjaan.

Yang kedua Yang Berhormat mengenai perkara yang sama. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan subsidi yang ada pada masa ini, yang antara lain telah diterangkan mengenai dengan solar berskala besar yang akan dimulai di Temburong, jadi apakah tindakan seterusnya dalam perkara untuk menjimatkan subsidi yang ada masa ini? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas soalan dan keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad mengenai subsidi kerajaan yang melibatkan kerajaan pada waktu ini. Sebagai mengongsikan maklumat-maklumat saja, jadi sama-sama kita fikirkan nanti.

Subsidi bekalan beras dan gula dalam setahun ialah antara $12 juta hingga $20 juta. Tenaga elektrik dalam tahun 2011/2012, sebanyak $48 juta. Dalam Tahun Kewangan 2013/2014 sebanyak dalam $97 juta iaitu sebelum ada tarif baharu. Minyak kenderaan semenjak tahun 2010/2011 yakni bergantung kepada harga minyak, kalau harga minyak naik jadi subsidinya memang meningkat. Bagi Tahun Kewangan 2012/2013 $390 juta. 2013/2014, 2014/2015 $328 juta dan 2015/2016 disebabkan oleh turunnya harga minyak hingga $30 setong maka kitani punya subsidi kira-kira $160 juta.

Kalau kitani melihat subsidi perumahan, kerajaan membina perumahan dalam Rancangan Perumahan Negara ataupun Rakyat Jati, berserta infrastruktur dan sebagainya, sebuah rumah itu membinanya ialah lebih seratus ribu ringgit. Kita hanya mengenakan bayaran kepada rakyat $70 ribu. Jadi, *range of subsidy* sebuah rumah itu di antara $41 ribu ke $70 ribu. Itu sebagai maklumat sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana yang telah kaola terangkan dalam pembentangan kertas tersebut, perlulah kitani dan rakyat berjimat dalam menggunakan barang-barang yang bersubsidi supaya sekurang-kurangnya membantu kerajaan untuk mengurangkan subsidi berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Kaola ingin menambah sedikit, kerana perkara ini sangatlah menarik untuk kita

sama-sama memikirkannya. Melalui pengalaman tentang reformasi ataupun tarif baharu sejak pengenalannya pada 2012/2013, rakyat Brunei kalau kitani sama-sama memberigakan dan membimbing mereka nampak perbezaannya kerana pada masa ini sahaja 98% rakyat Brunei telah pun berhijrah kepada *mode* penjimatan dalam penggunaan elektrik. Data ini adalah data yang sebenarnya *(real time data)*. Cabarannya, bagaimana mendidik yang 2% yang tidak memenuhi *mode saving.*

Jadinya, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ jika kedua-dua belah pihak, iaitu pihak kerajaan dan rakyat bersama-sama berjimat seperti reformasi tarif ini kita dapat menumpukan subsidi kepada orang yang benar-benar memerlukannya. Kita ingat di Negeri Sabah dan Sarawak pemakaian elektrik sebanyak 80% setiap bulan di bawah 450kwh. Kalau memakai tarif di Brunei cuma $4.50. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kalau kitani sama-sama berganding bahu dan memahami tentang subsidi-subsidi yang ditanggung oleh kerajaan ini dan memfokuskannya kepada orang yang benar-benar berhak menerima subsidi ini dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ banyak lagi kitani boleh buat pada masa akan datang. Itu sahaja yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Menteri Tenaga *(Energy)* di Jabatan Perdana Menteri.

Perkara yang hendak kaola timbulkan ialah mengenai Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian Tajuk SA15A. Pembangunan Kawasan Muara, ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ kita bersyukur dan menjunjung kasih atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam kerana perkembangan kemajuan kawasan Muara pada masa ini telah, sedang dan akan berkembang yang melambangkan kemakmuran ekonomi negara.

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ kerja-kerja projek *refinery* dan Pelan Petrokimia di Pulau Muara Besar (PMB) oleh Syarikat Hengyi Sdn Bhd yang dianggarkan melibatkan kos sebanyak USD4 bilion akan siap menjelang tahun 2018. Apabila siap nanti Pelan *Refinery* ini berupaya mengeluarkan 8 juta produk seperti petromatik dan gasolin dan diesel.

Seperti mana yang telah dilaporkan, projek ini berupaya menawarkan sebanyak 780 pekerjaan. Ke arah itu, apakah langkah-langkah dan program yang sudah dirancang dan dibuat bagi memastikan anak-anak Brunei dapat memenuhi kehendak pekerjaan dalam industri berkaitan dengan projek ini?

Sudahkah anak-anak kitani yang berada di institusi baik teknikal dan vokasional disediakan kompetensinya agar mereka ini sedia dan dapat menjalankan

pekerjaan di sektor dan industri ini, kerana industri memerlukan kepakaran teknikal dan kelulusan. Apa yang dihasratkan ialah dalam tempoh 8-10 tahun sekurang-kurangnya 60% bidang pekerjaan akan diisikan oleh anak-anak tempatan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih Yang Berhormat yang menimbulkan tentang Projek Hengyi Sdn Bhd, Pulau Muara Besar.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sendiri bahawa projek ini sedang giat dijalankan dan usaha-usaha untuk menentukan proses bagi anak-anak tempatan kitani bekerja telah pun dibuat. Kitani sedang membuat penambahbaikan kepada Perintah Galakan Pelaburan 2001 untuk memastikan galakan pelaburan dapat memberi insentif yang menarik kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan.

Pada tahun ke-5, pelaburan ini jua menetapkan sasaran kepada syarikat-syarikat ini hendaklah mencapai *local content* dalam masa tiga tahun pertama tidak kurang daripada 30%. Manakala untuk lanjutan kedua, tiga tahun yang seterusnya tidak kurang daripada 60%.

Sebagai contoh, di bawah Perintah Galakan Tahun 2001, Syarikat Hengyi Sdn Bhd perlu mencapai penyerahan pekerja tempatan sebanyak 60% dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada tahun ke-14 mencapai 75% untuk pekerjaan anak tempatan. Sehingga kini, Syarikat Hengyi Sdn Bhd telah pun berhasil menempatkan 62 orang iaitu 49% anak tempatan di dalam syarikat mereka.

Antara inisiatif syarikat berkenaan ke arah memperolehi kakitangan bukan sahaja mempunyai latar belakang akedemik yang sangat baik, malah juga mampu berdaya saing dalam industri minyak dan gas yang setentunya mencabar.

Pada tahun 2014, Syarikat Hengyi Sdn Bhd telah memberikan dermasiswa kepada 13 orang penuntut lulusan tahun kedua sarjana muda kejuruteraan bidang kimia proses *(Bachelor of Engineering and Chemical Processes)* di Universiti Brunei Darussalam untuk melanjutkan pelajaran mereka ke *Zhejiang University.*

Pada tahun 2015. Syarikat ini telah pun menghantar 13 orang penuntut dalam program yang sama dan pada tahun 2016, seramai 17 orang penuntut dan pada tahun 2017, dijangka seramai 15 orang penuntut lagi. Ini *on-going*, dan kalau sudah beroperasi lagi angka ini akan menjadi berganda daripada yang diterangkan ini. Itu salah satu usaha.

Selain itu, di peringkat pembinaan, kerajaan telah pun memohon kepada syarikat berkenaan untuk meminta

Syarikat Hengyi Sdn Bhd memastikan sekurang-kurangnya 5,000 orang kitani dapat bekerja semasa pembangunan *(construction phase).*

Ini bererti ia salah satu tumpuan kitani untuk memikirkan bagaimana cara kitani menangani masalah *unemployment* pada masa ini iaitu dalam 13,000 orang. Usaha-usaha kerajaan ke arah ini memanglah الْحَمْدُ لله teratur إِنْ شَاءَ اللَّهُ boleh abis kaola kongsikan kalau Yang Berhormat dapat melihat sendiri ke tapak itu dan dapat abis kaola memberikan *briefing* seterusnya.

Itu saja barangkali Yang Berhormat Pengerusi jawapan abis kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari untuk mengajukan pertanyaannya.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ الْحَمْدُ لله رَبِّ الْعَالَمِيْنَ،
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّد،

Kaola akan membawa Tajuk SA15A.

الْحَمْدُ لله diucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri atas penerangan Yang Berhormat yang banyak menjawab juga persoalan yang akan kaola bawa.

Walau bagaimanapun, daripada penerangan Peruntukan Kewangan 2017/2018 program-program yang dirancang menunjukkan kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pembangunan negara dan pembangunan rakyat.

Berkenaan kursus-kursus yang dilaksanakan melalui *DARe*, *CIC* dan lain-lain dicadangkan supaya setiap kursus yang dilaksanakan dipantau dan dibuat *KPI (Key Performance Index)* begitu jua perancangan yang sudah sedia ada. Walau bagaimanapun kaola timbulkan jua supaya setiap pelaksanaan benar-benar mendatangkan manfaat yang dihajati.

Dicadangkan jua setiap kursus akan didahului dengan kursus *HRD* untuk memberikan jati diri yang maksimum. Mungkin ini telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Dicadangkan jua supaya pemilihan peserta kursus dipilih dengan teliti supaya peserta-peserta tersebut benar-benar berpotensi untuk melaksanakan apa jua ilmu dan pengetahuan yang didapati melalui kursus yang diikuti.

Seterusnya pertanyaan kaola, bilakah tapak industri Kuala Lurah akan diguna pakai? إِنْ شَاءَ اللَّهُ Zon 5 akan memohon tapak tersebut bagi menjalankan visi kaola untuk penempatan peniaga belia Zon 5 dalam projek *New Enterprise Young Generation Zone 5.*

Tajuk SA16A. Pada tahun 1996 telah dikeluarkan fatwa lebih kurang seperti ingatan kaola "Setiap ternakan yang disembelih dan diproses oleh orang Islam. Apabila jatuh ke tangan *non-muslim* akan jatuh kepada subahat". Apakah kedudukan restoran-restoran yang dijalankan oleh *non-muslim*

berkenaan dengan fatwa di atas? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Kaola menjawab dulu Yang Berhormat Pengerusi berkenaan dengan kursus-kursus yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Terima kasih إِنْ شَاءَ اللَّهُ satu pendekatan yang baik dan abis kaola akan sentiasa mengambil iktibar daripada apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Memang setiap program yang di bawah jagaan *DARe* memang dipantau, bukan sahaja daripada ia *start* malah selepas itu.

Adakah memberi kemanfaatan di samping *input* daripada orang-orang menjalani latihan itu untuk memberi kitani ruang untuk sentiasa memperbaiki kursus-kursus tadi.

Bagi program yang dijalankan di bawah *Industrial Business Academy* dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

1. Kurikulum Am – Para peserta program akan didedahkan cara-cara pembangunan kemahiran serta keupayaan PKS dan modul-modul di bawah kurikulum ini akan merangkumi topik seperti memulakan perniagaan, menjalankan operasi perniagaan dan membangun majukan perniagaan; dan
2. Kurikulum Khas – mempelajari informasi baharu dan ilmu pengetahuan mengenai topik-topik yang tertentu, peluang mengenai projek dan perancangan untuk dilaksanakan *value change* dan dasar dan peraturan-peraturan.

Menarik jua apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tadi, memang supaya daya ketahanan diri itu mestilah jua dimasukkan salah satu daripada asas Program IBA untuk menggalakkan anak-anak tempatan kita.

Perkara Kedua, tentang Kuala Lurah *industrial area*, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam sedikit masa. Pada masa ini sudah pun dibukakan untuk Yang Berhormat dan bolehlah *apply* ke *DARe* untuk sama-sama dapat menggunakan tempat itu. Memang tempat itu sudah dua tahun lebih kosong dan ini dibukakan semula supaya dapat menarik terutama *local business* kita untuk beroperasi di sana.

Sekian, itu sahaja jawapan kaola dan Jabatan Mufti akan kaola serahkan kepada rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan terima kasih juga kepada pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu mengenai dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat

Pehin Mufti yang berkaitan penyajian makanan di restoran-restoran dan sebagainya. Kaola terpaksa meminta untuk merujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan, sebabnya kepakaran kaola tidak sampai ke sana. Jadi dapat ditangguhkan lebih dahulu untuk menjawab supaya kaola dapat mendapatkan maklumat terperinci daripada pihak berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi. Soalan itu tidak jelas mungkin Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dapat berhubung dengan restoran-restoran *non-muslim*, jika dapat diulang supaya dapat kaola membantu.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Restoran-restoran yang dijalankan oleh *non-muslim*, walaupun ia punya nama orang Islam mengingatkan fatwa tahun 1996 ini, "Jika setiap ternakan yang disembelih dan diproses oleh orang-orang Islam, apabila jatuh ke tangan bukan orang Islam, ia jatuh kepada subahat". Jadi apa kedudukan makanan-makanan yang diproses tetapi dikendalikan oleh bukan orang Islam? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pengerusi, kalau dapat membantu sedikit menjelaskan kedudukan bukan dari segi fatwanya tetapi dari segi kedudukan restoran-restoran pada masa ini yang bukan Islam, yang kita menghendaki dalam Sijil Halal tidak ada syarat mengenai sama ada restoran itu dipunyai oleh orang Islam atau bukan orang Islam.

Apa yang ada dalam syarat ialah hendaklah memastikan setiap operator restoran atau yang punya restoran mestilah melantik seorang penyelia yang beragama Islam, itu kedudukannya. Jadi penyelia-penyelia itulah yang akan bertanggungjawab untuk memastikan apa yang ada dihidangkan di restoran-restoran yang diberikan Sijil Halal itu adalah benar-benar halal. Tidak ada syarat yang sedemikian. Mengenai kedudukan fatwa itu memang saya kurang jelas mengenai daging dan sebagainya, tetapi ada pernah memfatwakan mengenai *ownership* bagi restoran-restoran dan sebagainya.

Semasa undang-undang itu digubal, jalan keluar daripada kedudukan mengenai fatwa itu ialah dengan mengadakan penyelia-penyelia untuk memastikan kehalalan dan kesahihan Sijil Halal itu diberikan kepada pengusaha-pengusaha sedemikian. Itu yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ingin bercakap mengenai Tajuk SA15A – Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian.

Merujuk kepada prestasi utama dalam Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 ada menunjukkan jumlah pengambilan pekerja tempatan baharu dalam sektor swasta bukan minyak dan gas. Anggaran 2016/2017, berjumlah 2,000 orang dan sasaran pada 2017/2018 berjumlah 2,000 orang juga iaitu tidak ada penambahan, sedangkan nilai pengeluaran dalam negeri kasar sektor bukan minyak dan gas mempunyai sasaran meningkat dari 8.6 bilion pada tahun 2016/2017 kepada 9.5 bilion. Pada 2017/2018.

Ini bererti adanya peningkatan aktiviti-aktiviti pengeluaran. Maknanya jika aktiviti pengeluaran meningkat tentu juga ada menambah pekerja.

Soalan kaola, kenapa sasaran jumlah pengambilan pekerja tidak bertambah, sedangkan nilai pengeluaran dalam anggaran kasar sektor swasta semakin meningkat? Jika dibandingkan dengan peratus pekerja tempatan daripada jumlah pekerja di Sektor Minyak dan Gas meningkat kepada 67% tahun 2017/2018 dari 65% 2016/2017. Sehubungan dengan itu, diharap jumlah sasaran pengambilan pekerja tempatan baharu dalam sektor swasta bukan minyak dan gas ditingkatkan, kerana jumlah pencari kerja pada masa ini melebihi daripada 2,000 orang.

Kedua, Yang Berhormat Pengerusi, Tajuk SA22A – Jabatan Kehakiman Negara. Dalam perbelanjaan mengikut spesifikasi ekonomi iaitu *cost centre care*. Perbelanjaan Khas tidak ada perbelanjaan bagi Mahkamah Besar Daerah Tutong yang sekarang pun sudah hampir siap. Tidak ada Anggaran Perbelanjaan 2017/2018. Adakah ini bererti tidak ada peralatan-peralatan ataupun buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja untuk mahkamah ini? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Kaola melihat tambahan ini 2,000 setahun ia tidak akan statik. Setiap tahun ia akan bertambah 2,000. Jadinya *total*nya memang sudah melebihi, kita pun melihat sudah tentang *I-RDY (i-ready)* sahaja sudah 1,562 orang, belum lagi yang lain-lain di *Industry Competency Framework* memang sudah melebihi sekitar 2,000 setahun. Bukan bererti 2,000, statistik sahaja penambahan 2,000 setahun. Itu sahaja jawapan kaola Yang Berhormat Pengerusi bagi yang pertama, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Nampaknya soalan ini sama juga macam yang dahulu ditanyakan, sebabnya dulunya di bawah Perbelanjaan Khas, jadinya Perbelanjaan Khas pada tahun ini ditiadakan dan sebahagiannya itu dimasukkan ke dalam sama ada Perbelanjaan Berulang-ulang ataupun Perbelanjaan Kemajuan. Mahkamah Tutong ini sebenarnya hampir siap sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi. Jadi selalunya *retention money* dan sebagainya itu, memang ada disediakan ataupun bayaran terakhir memang ada juga disediakan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Nanti kitani akan melihat dari mana, seperti yang sudah diterangkan ada Perbelanjaan Berulang-Ulang, jadinya di sana itu kadang-kadang penjagaan aset kerajaan dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola ingin memberi cadangan di bawah Tajuk SA15A – Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian. Kaola ingin mencadangkan untuk mempelbagaikan lagi jenis pekerjaan yang diiklankan di *Job Centre* dengan memasukkan lebih banyak peluang sebagai pekerja sambilan *(part time job).* Pada masa ini cuma terdapat 24 pekerjaan sambilan yang tersenarai di bawah *Job Centre*.

Ini dapat melatih belia yang masih bersekolah ataupun di institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan peluang pekerjaan secara sambilan dan tidak terlalu bergantung pada elaun sahaja dan ia juga memberi mereka pengalaman bekerja sebelum tamat sekolah. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Pengerusi. Satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat tadi. Abis koala memanglah, tujuan abis kaola sama juga untuk membanyakkan lagi peluang oportuniti untuk pekerjaan tapi fokus kitani masa ini ialah seboleh-bolehnya kitani memberi pekerjaan melalui *I-RDY (i-ready)*, *Industry Competency Framework* kepada penganggur-penganggur itu.

Kitani punya fokus, *at the same time, it's a good idea* juga seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi untuk memberi mereka peluang pekerjaan sambilan *(part time)* dan pada masa ini disenaraikan 24 إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ.

Barangkali Yang Berhormat Dayang Khairunnisa dapat sendiri datang ke *Job Centre Brunei* untuk menolong juga memberitahu apa lagi pekerja sambilan yang patut dimasukkan. Kitani bersama-sama bekerjasama. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sebelum itu memohon maaf kerana kurang sihat. Abis kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA23A-005/000 – Keselamatan Siber.

Abis kaola ingin bertanya apakah persediaan kitani bukan sahaja di peringkat kerajaan tapi juga kepada masyarakat termasuk akar umbi terutama sekali di kampung ataupun mukim-mukim di dalam menangani ancaman keselamatan siber ini. Difahami ada tertubuhnya *Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT)* ditubuhkan pada tahun dahulu, akan tetapi sekarang seperti contoh ancaman-ancaman keselamatan siber yang abis kaola sebutkan *Production and Distribution of Child Pornography and Child Exploitation Conspiracy* (Pengeluaran-Pengeluaran Pornografi Kanak-Kanak dan Konspirasi Eksploitasi Kanak-Kanak) *Banking and Financial Fraud* (Perbankan dan Penipuan Kewangan), Pelanggaran Harta Intelek *(Intellectual Property Violation, Website Hacking)* dan lain-lain yang kesemuanya ini mempunyai impak besar yang negatif kepada masyarakat dan kesan ekonomi terutama sekali kepada kitani yang sudah berpindah dari sistem manual kepada sistem *IT*.

Abis kaola mengusulkan apa juga persediaan ini diberigakan melalui ilmu kesedaran dan kemahiran dalam menanganinya secara *whole of nation* terutama sekali kepada mereka yang kurang celik *IT*, bukan sahaja belia tetapi pengguna-pengguna dewasa yang mungkin lebih terdedah *(vulnerable)* kepada ancaman siber. Tidaklah salah barangkali jika kitani ada program di peringkat kebangsaan seperti contoh *Cyber Security Awareness Month* (Bulan Kesedaran Keselamatan Siber). Akan halnya juga, semua orang kitani ada mempunyai *smartphone* termasuk juga dari kanak-kanak sehingga warga emas dan kita ada nampak *vulnerability* itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Kaola Yang Berhormat Pengerusi, melihat dari segi *EGNC* jua. Peranan *EGNC* dalam

memberigakan keselamatan siber ini memang sudah ada dibuat dan kalau dilihat pun bagi pihak kerajaan melalui *ITPSS* memang ada juga membuat mengenai tentang keselamatan siber ini. Perkara ini sebenarnya di bawah Akta Penyiaran dan *IT*, jadinya bukan *area* kaola ini Yang Berhomat Pengerusi tetapi kaola meminta tempoh tapi apa yang kaola akan bawa *debate siber security* ini adalah sangat mustahak.

Di tempat kaola sendiri pun diadakan sudah juga ofis yang mana akan lebih fokus dalam *cyber security* dari segi hal-ehwal perdagangan, segala *e-commerce*, memang sudah ada dan dibuat, dalam perencanaan, *it's work in progress* dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pada masa yang akan datang dapatlah dikongsikan lagi hal ini.

Kaola mengucapkan terima kasih juga tentang apa yang dikongsikan oleh Yang Berhormat tadi, kalau dapat kaola memberitahu di sini, pihak *EGNC* dan *ITPSS Brunei Computer Emergency Respond (BruCERT)* akan terus mengingatkan kesedaran, risiko dan ancaman ruang siber yang tertumpu kepada sekolah-sekolah, kanak-kanak dan orang ramai.

Dalam tahun 2016, ceramah kesedaran telah diadakan ke-20 buah sekolah dan kolej. Selain daripada itu, acara *roadshow* untuk orang awam telah dijalankan dipelbagai tempat seperti di *Jerudong Park, Time Square Shopping Mall* bagi meningkatkan kesedaran mengenai risiko dan ancaman ruang siber.

Di samping itu juga, pihak *ITPSS* dan *BruCERT* membuat iklan kempen kesedaran melalui pawagam, ceramah, radio *show,* akhbar, televisyen, papan-papan iklan serta media sosial. *ITPSS* dan *BruCERT* juga mempunyai halaman yang khusus untuk meningkatkan kesedaran *siber security*, bolehlah Yang Berhormat mengunjungi *website: www.secureverifiedconnect.info* Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan suka untuk menambah.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ Terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu mengenai dengan *cyber security* dan terima kasih juga ke atas keprihatinan yang dijelaskan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerusi, ada dua aspek yang ingin kaola tekankan terutama dari segi *content*.

Pertama ialah aspek pengisian *(content)* dan yang kedua ialah aspek teknologi. Aspek *content,* Yang Berhormat Pengerusi, sudah dibentuk satu *mechanism* di bawah *Broadcasting Act* atau di bawah Akta Penyiaran, sebuah jawatankuasa bersama yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan juga Setiausaha Tetap di Kementerian Perhubungan untuk memantau setiap

penyiaran-penyiaran yang ada dalam *ICT* dan memastikan semua penyiaran bertepatan dengan budaya dan undang-undang di negara ini.

Ini merupakan usaha yang berterusan bahawa setiap penyiaran-penyiaran yang bertentangan dengan undang-undang dan adat resam di negara ini akan terus diambil tindakan. Kebanyakannya penyiaran-penyiaran sebegini akan dilarang *(banned)* daripada disiarkan.

Cabaran yang besar Yang Berhormat Pengerusi ialah dari segi teknologi. Sejauh mana kita untuk cuba melarang *(ban)* semua penyiaran itu kerana teknologi ini semakin berubah dan semakin canggih. Sejauh ini tidak ada negara terkecuali daripada serangan-serangan siber. Sehinggakan baru-baru ini sebuah negara jiran yang mempunyai satu sistem yang canggih juga telah menghadapi serangan siber. Maka ini merupakan satu cabaran bagi Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, mudah-mudahan dengan adanya pakar-pakar teknologi yang canggih, perkara ini akan dapat diatasi melalui teknologi. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan merespons pada kenyataan yang begitu elok daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan pengenalan tarif baharu dalam sistem elektrik di Brunei. Amat ketara pengurangan dari segi penggunaan dan turunnya bil elektrik bagi orang ramai tapi kaola sendiri ada turunnya sedikit الْحَمْدُ لله .

Sebenarnya isunya ialah isu *mode* berhemah itu hanya menyeluruh jika sekiranya orang kitani tahu nilai sesuatu itu, ianya akan hanya dihargai jika apabila ia hilang. Bila hilang barulah kitani menghargainya. Sistem lama agaknya kitani membazir. Kaola ingin mengaitkan perkara ini kepada hal-hal lain jua supaya orang kitani sentiasa akan berhemah dan bersyukur dengan apa yang ada.

Kaola difahamkan beberapa tahun yang lalu, ada seseorang dalam Kementerian Kesihatan mengatakan bahawa belanja ubat saja bagi seseorang yang mempunyai penyakit diabetes dan sebagainya perbelanjaan lebih kurang $500.00 tetapi kurang dihargai, malah sebahagian daripada orang kitani tidak makan ubat itu kerana percuma. Apabila mereka pergi ke klinik swasta yang berbayar ubatnya dimakan sampai habis seperti diarahkan dan baik penyakitnya, lalu timbullah tuduhan mengatakan ubat di hospital kurang bermutu dan tidak

begitu baik kerana minda mereka dikuasai oleh tidak menilai sesuatu itu.

Kaola cadangkan supaya ditonjolkan budaya bersyukur ini dengan saranan-saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhomat tadi yang mengatakan elok diketarakan subsidi kerajaan itu. Lebih dahulu dimulakan dengan Kementerian Kesihatan iaitu dengan menyatakan, harga ubat yang digendong itu.

Kaola cadangkan supaya budaya mensyukuri dan menghargai nilai-nilai subsidi ini secara menyeluruh pada rakyat dan mereka dengan sendirinya menghargai usaha-usaha kerajaan ke arah itu. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih atas saranan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Sekarang dipersilakan, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ الْحَمْدُ لله pertama kali kaola melahirkan merasa syukur ke hadrat أَللهِ, seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri tadi bahawa fasa pertama untuk mendirikan solar skala besar Daerah Temburong akan dapat mengatasi gangguan dan kekurangan tenaga api elektrik. الْحَمْدُ لله Daerah Temburong hampir 100% telah mendapat bekalan api elektrik dan walau bagaimanapun, ingin tahu jua apakah ada masih didapati rakyat dan penduduk di daerah ini belum dapat api elektrik dan mengapa mereka belum lagi mendapat bekalan tersebut?

Soalan seterusnya, الْحَمْدُ لله penduduk Daerah Temburong beberapa tahun ini seperti mana yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri tadi bahawa 67% kekurangan gangguan api elektrik kalau tidak silap telah dapat dikurangi.

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini di daerah Temburong, baru pun semalam dan malah hampir setiap mukim di Daerah Temburong gangguan bekalan api elektrik ini sering berlaku. Ini menyebabkan sedikit sebanyak mungkin menjejaskan kelancaran perkhidmatan dan perniagaan di Daerah Temburong. Pihak-pihak yang berkenaan الْحَمْدُ لله biasanya didapati mengatasi dengan segera oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Soalan seterusnya bagi Jabatan Perancangan dan Kemajuan dan Ekonomi. Seperti mana kita sedia maklum bahawa Daerah Temburong dipisahkan oleh sungai dan menyebabkan kenaikan harga barang itu. Memanglah menggunakan kapal dan sudah ada menggunakan kenderaan darat dan masih jua kedapatan perbezaan antara harga barangan di Daerah Temburong dengan daerah-daerah lain khususnya Daerah Brunei

Muara. Ini menyebabkan sebahagian kecil penduduk Daerah Temburong akan berbelanja ke negara jiran ataupun ke Daerah Brunei Muara pada hujung minggu.

Adakah pihak-pihak berkenaan membuat penelitian, penilaian, pemerhatian serta pemantauan mengenai harga-harga yang mungkin jauh berbeza dan tidak berpatutan dengan harga yang sebenarnya? Mungkin juga Akta Kawalan Harga dan Perintah Perlindungan Pengguna itu pernah dikuatkuasakan bagi mereka yang melanggar peraturan-peraturan tersebut.

Seterusnya, kaola Yang Berhormat Pengerusi ingin tahu mengenai graduan memasuki program lepasan yang akan diadakan pada bulan April iaitu program *I-RDY (i-ready).* Berapa orangkah penduduk atau graduan lepasan institusi pendidikan di Daerah Temburong yang terlibat atau diambil dalam kursus berkenaan? Kalau belum ada kaola bercadang supaya mereka ini dilibatkan sama.

Satu lagi yang menarik perhatian kita di Daerah Temburong ialah mengenai koperasi. Bangunan koperasi الْحَمْدُ لله telah pun siap di tapak Perindustrian Batu Apoi dan setakat ini keadaannya masih lagi kosong dan ingin tahu apakah pihak-pihak yang berkenaan ada membuat rancangan dan mengenai apa perkembangannya pada masa ini?

Seterusnya masalah yang dihadapi oleh koperasi yang tidak aktif seperti mana yang dijelaskan tadi ada 69 daripada 161 buah koperasi termasuk barangkali juga di Daerah Temburong. Seperti mana jua yang dijelaskan kepada kita bahawa masalah ini timbul akibat masalah kepimpinan.

Masalah kepimpinan ini memang berlaku di mana-mana. Ada ahli lembaga pengarahnya memegang atau menjawat jawatan begitu lama dan ada sebahagiannya sehingga meninggal dunia pun masih memegang jawatan tersebut. Ertinya apabila sudah meninggal dunia barulah lucut jawatan mungkin pihak yang berkenaan telah mewujudkan undang-undang atau peraturan bagi menghadkan kelamaan menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Apa yang kita khuatiri mungkin kita tidak menyangka apa-apa tapi kemungkinan perkara yang tidak baik berlaku seperti penyelewengan dan seumpamanya.

Masalah-masalah besar yang dihadapi oleh koperasi Daerah Temburong ialah masalah pengauditan. Hampir semua koperasi di Daerah Temburong tidak dapat melaksanakan pengauditan. Seperti mana yang difahamkan kepada kaola pembayaran kepada audit swasta ini sangat mahal dan mereka tidak mampu untuk membayar audit luar ini.

الْحَمْدُ لله Jadi kalau pihak yang berkenaan dapat lagi mewujudkan sistem pengauditan yang dulu iaitu sebelum adanya arahan peralihan kepada pengauditan swasta ini dapatlah diaudit oleh jabatan yang berkenaan mungkin perkara ini dapat diatasi.

Satu hal yang jua kaola ingin jelaskan ialah salah sebuah koperasi di Daerah Temburong menanggung hutang begitu banyak iaitu hutang yang belum dibayar

oleh pihak-pihak yang berkenaan sama ada daripada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta termasuklah juga orang persendirian. Masalah ini telah mengganggu perjalanan dan kelancaran pusingan modal bagi koperasi yang berkenaan. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Kaola akan cuba menjawab satu persatu dan soalan tentang Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan dijawab oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

1. Berapa ramaikah lagi rakyat yang masih belum dibekalkan elektrik? Bagi rumah-rumah orang daif semua sekali 23 buah, terdapat 17 buah sudah dibekalkan yang selebihnya 6 buah. Ini bersangkut paut tentang kebenaran tanah. Ada yang tanah itu bukan hak miliknya dan persengketaan antara keluarga juga sebagai penyebabnya. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Pihak kerajaan akan cuba menyelesaikan tapi perkara ini banyak bergantung pada institusi penghulu mukim, ketua kampung dan juga Pejabat Daerah;

2. Tentang gangguan elektrik, baik jua Yang Berhormat Tuan Haji Emran bin Haji Sabtu memberitahunya dan akan kaola siasat perkara ini. Kebanyakannya kalau dibandingkan, Daerah Temburong yang paling baik. Masalahnya saja dari segi *transmission* dan *distribution.* Dari segi *generation* mengeluarkan *power* tidak menjadi masalah malah dalam 3-4 tahun kebelakangan ini hampir *reliability*nya 100% tentang *generation.* Masalahnya ialah isu pendawaian, isu *distribution,* isu ke rumah-rumah ada antaranya separuhnya laluan elektrik itu sudah ditumbuhi oleh pohon-pohon buah yang dimiliki oleh rumah persendirian dan kadang-kadang kalau hendak ditebang pohon itu marah tuan rumahnya.

   Jadinya bersama-sama dengan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung supaya dapatlah kita bekerjasama untuk memastikan segala *transmission line* boleh lagi diperbaiki;

3. Perkara seterusnya tentang Program *I-RDY (i-ready)*. Ia tidak menyatakan keramaian dari daerah mana tapi ia dibukakan kepada semua. Jadinya abis kaola telah pun sebelum ini melawat Daerah Temburong beberapa kali dalam pemuzakarahan mengenai isu pengangguran. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ graduan-graduan daripada Daerah Temburong akan mempunyai peluang menyertai Program *I-RDY (i-ready)*; dan

4. Koperasi seperti mana yang dimaklumkan Yang Berhormat tadi adalah satu masalah bagi kitani jua. Apa yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Emran bin

Haji Sabtu itu adalah satu kenyataan. Isu seterusnya ialah setiap koperasi gagal untuk mengadakan Mesyuarat Agung. Dalam Mesyuarat Agung ini Penyataan Kewangan yang sepatutnya disiarkan kepada ahli-ahli gagal dibuat, kerana seperti mana jua disebutkan tadi ahli-ahli ini ada segelintirnya sama ada menyelewengkan wang itu akan dijalankan siasatan selanjutnya.

والله أعلمُ

Menyedari masalah ini Jabatan Tenaga dan Perindustrian mengusulkan satu koperasi standard untuk memastikan koperasi ini mengikuti *governance* yang telus, *transparent* dan yang berupa mengawal perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu seperti orang yang sudah meninggal dunia masih juga namanya disiarkan menjadi salah seorang ahli jawatankuasa di koperasi itu dan pengauditan juga akan diadakan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Jabatan Tenaga dan Perindustrian juga telah mengeluarkan surat-surat perintah dan arahan kepada koperasi-koperasi supaya menghadapkan dokumen-dokumen sehingga tahun 2015 yang dikehendaki dalam proses pengauditan. Sehingga bulan November 2016 jabatan telah mengaudit sebanyak 40 buah koperasi. Bagi memastikan audit koperasi tidak berlaku tunggakan-tunggakan koperasi, adalah dinasihatkan supaya langkah-langkah yang diberigakan kepada koperasi dalam beberapa siri muzakarah bersama koperasi ialah untuk melantik Juruaudit Dalaman, menggunakan audit swasta tertakluk kepada prestasi kewangan koperasi. Pengambilan pekerja yang berkemahiran dalam bidang perakaunan dan menggunakan sistem perakaunan berkomputer seperti IKHLAS dan MOYB.

Dalam masa yang sama ahli lembaga yang dilantik seperti mana yang tadi saya tekankan bahawa mereka ini mestilah lebih bertanggungjawab. Masalah koperasi di Brunei ini adalah masalah *governance.* Kerajaan telah pun banyak memberi bantuan kepada koperasi akan tetapi soal *governance* ini adalah isu dan punca utama kenapa koperasi kitani bermasalah.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan dan seterusnya rakan sejawatan akan menjawab tentang JPKE.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih juga atas soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai harga barangan di Daerah Temburong dan sama ada kitani jua menguatkuasakan pemeriksaan dan akta-akta kawalan harga. Sebagaimana yang biskita pun sudah sedia maklum perbezaan harga barangan ini bergantung pada harga

daripada pihak pembekal serta cara pembelian dibuat. Kalau *bulk buying* memanglah mengikut *economies of scale.* Ia akan rendah sedikit macam kalau di *supermarket* dan sebagainya yang dibeli banyak secara *bulk*.

Manakala kalau kedai-kedai runcit itu sedikitlah ia membeli. Jadi di Temburong ini kalau dilihat memang lebih mahal kerana ia dimasukkan kos penghantaran yang tinggi dan di samping itu stok yang terhad, kurang persaingan, disebabkan ketiadaan gedung-gedung perniagaan pasar raya dan jua disebabkan permintaan yang terhad disebabkan sebahagian penduduk sebagaimana yang biskita tadi nyatakan berbelanja di luar daripada Daerah Temburong. Ada jua dibuat pemeriksaan dan daripada pemeriksaan tersebut didapati kadar harga secara keseluruhan di Daerah Temburong menunjukkan perubahan dan pembaikan.

Kebanyakan syarikat mematuhi penetapan harga maksimumnya yang ditetapkan dari JPKE dan tidak lagi menjual dengan melebihi harga siling. Malah perkara ini terhasil dari kerjasama syarikat-syarikat pembekal yang sanggup menghantar barang-barang tersebut ke Daerah Temburong. Ada jugalah segelintir syarikat tidak dapat mematuhi harga penetapan maksimum kerana kos pengangkutan yang tinggi terutama yang membeli secara kecil-kecilan.

Sebanyak 3 buah premis telah diperiksa setiap bulan di Daerah Temburong dan bahagian Hal Ehwal Pengguna akan terus meningkatkan usaha mengadakan pemeriksaan ini di Daerah Temburong, tetapi di seluruh negara memang ada pemeriksaan lain dibuat, *random check* oleh Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi. Cuma ia lebih ditumpukan kepada barang-barang yang dalam kawalan. Barang-barang dalam kawalan ini sebagaimana yang biskita sedia maklum ialah seperti kenderaan motor penumpang, susu tepung formula, minyak masak, tepung biasa, susu, motor, *gasoline, multi purpose kerosene, automotive gas oil*, *bottle liquidify*, *petroleum gas,* bahan-bahan binaan, gula dan beras itu sahaja tetapi yang lain-lain itu tidak dapat diperiksa jua. Ini harga yang maksimum ditetapkan dalam kawalan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kalau kitani memeriksa semua premis, kita tidaklah sanggup sebab *manpower,* kita juga tidak berapa banyak. Tapi dari semasa ke semasa, apa yang penting ialah kebijaksanaan daripada pembeli-pembeli sendiri melihat di mana yang ada murah di sana tujunya.

Jadi sebab itulah Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi sekarang ini ada satu inisiatif baharu iaitu melancarkan aplikasi mudah alih bertajuk Pengguna Bijak atau *Smart Consumer* pada 28 November 2016 bersempena dengan *Brunei Salebration 2016.*

Jadi aplikasi ini bertujuan memudahkan para pengguna dapat maklumat harga barangan asas harian dan harga barangan terkawal secara tepat dan cepat. Aplikasi ini boleh dimuat turun

oleh orang ramai melalui *Google Play* dan *iTunes AppStore.* Salah satu fungsi utama *application* mudah alih tersebut kitani adalah *price comparison,* iaitu harga barangan asas seperti minyak masak, barang tenusu, makanan tin dan sebagainya itu akan dimuatkan dalam *Apps* itu dan dari semasa ke semasa ia akan ditambah. Inisiatif ini memberi harga barangan setiap minggu disertai oleh para peniaga secara sukarela. Fungsinya sebagaimana yang dinyatakan tadi ialah *price comparison* yang dapat diakses melalui laman sesawang di JPKE.

Apakah kitani mempraktikkan membawa orang-orang yang bersalah ke muka pengadilan dan sebagainya. Sebagaimana yang kitani sedia maklum, denda yang orang-orang yang tidak mematuhi harga barang-barang yang terkawal ini ada dinyatakan iaitu boleh dikenakan kompaun tidak melebihi $1,000.00 dan boleh dikenakan denda sebanyak $5,000.00 dan penjara 2 tahun.

Setakat ini sebanyak 199 notis amaran إِنْ شَاءَ اللَّهُ dan 22 tawaran kompaun tidak melebihi $1,000.00 telah dikeluarkan sejak pindaan Akta Kawalan Harga Penggal 142 dikuatkuasakan pada November 2012. Antara jenis-jenis kesalahan yang kerap didapati bagi tahun 2013 hingga 2016 termasuklah melebihi harga maksimum yang ditetapkan, mengadakan jualan tanpa kebenaran, melebihi tempoh jualan yang dibenarkan, tidak membubuh tanda harga, semasa jualan lebih tinggi dari harga asal dan sebagainya.

JPKE akan sentiasa berusaha untuk memeriksa setiap premis ini dan pada tahun lepas, 63 premis besar telah diperiksa dan ia akan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi untuk dikongsikan bersama.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Pengerusi kaola dapat menambah sedikit sahaja kerana ada soalan yang kaola belum jawab mengenai Kompleks Perindustrian Batu Apoi.

Kompleks berkenaan telah pun diserahkan dan disenaraikan kepada Syarikat Ya-Nur melalui *request for proposal* dengan operasi di kompleks tersebut akan melibatkan kerjasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan khususnya di Daerah Temburong. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawab oleh pihak menteri-menteri yang berkenaan mengenai Tajuk Perbekalan yang sedang kita pertimbangkan ini, maka saya berpendapat bahawa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dahulu selama 15 minit untuk kita berehat.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Jawatankuasa, Sebelum kita berehat tadi, kita masih mempertimbangkan mengenai Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018, satu-persatu yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita masih lagi membincangkan mengenai Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya iaitu Tajuk SA15A hingga Tajuk SA25A.

Masih ada lagi senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya. Walau macam manapun, oleh sebab tugas-tugas yang memerlukan bagi 2 orang menteri yang berkenaan akan melaksanakan tugas di luar negeri, maka adalah perlu bagi kita untuk menjimatkan masa dan membolehkan mereka ini untuk menghuraikan mengenai bajet ataupun Rang Belanjawan bagi Kementerian mereka itu.

Dengan itu, saya ada 4 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya dan saya hanya boleh memberi kesempatan kepada 2 orang Ahli Yang Berhormat sebelum Tajuk yang berkenaan ini kita undi.

Saya minta kalau sekiranya 2 orang Ahli Yang Berhormat yang saya akan beri kesempatan ini, untuk bertanya dengan seberapa singkat yang boleh.

Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola sukacita merujuk di bawah Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Seperti mana yang telah diketahui bahawa dalam pelan rancangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, bahawa kawasan pedalaman di Daerah Belait seperti Mukim Labi dan sekitarnya akan dijadikan sebagai kawasan perekonomian. Kaola ingin tahu:

i. Apakah masa kini sudah ada perancangan daripada jabatan yang berkenaan untuk membuat kajian?; dan

ii. Apakah jenis perindustrian besar yang telah dikenal pasti selain daripada kilang papan, kayu balak dan padi untuk dijadikan kawasan tersebut demi untuk menjana perekonomian negara selain bergantung pada hasil negara yang sedia ada?

Di bawah Tajuk SA24A – Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dan tahniah

kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik kerana telah melaksanakan projek pemasangan lampu solar di kawasan pedalaman seperti baru-baru ini di Kampung Melilas, Sukang dan Buau. Kaola ingin bertanya, apakah dalam bajet tahun ini projek bagi pemasangan lampu jalan di sepanjang jalan Sungai Liang dan Labi akan dilaksanakan pada tahun ini? Kerana Pemasangan lampu jalan di sepanjang Jalan Sungai Liang dan Labi sangat perlu demi keselamatan pengguna jalan raya terutamanya bagi penduduk di mukim pedalaman yang sering turun ke kawasan bandar pada waktu pagi ataupun tengah malam bagi urusan penghantaran hasil ke tamu atau urusan kerja secara syif.

Kawasan pedalaman seperti yang dimaklumkan tadi adalah kawasan yang berkabus pada waktu tengah malam hingga ke waktu pagi. Sekian disampaikan dan mohon penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya akan menjawab mengenai *street lights* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Seperti mana yang telah dimaklumkannya tadi, *street lights* yang bertenaga solar sebenarnya telah pun dipasang di Ulu Belait sebanyak 20 batang iaitu 7 batang daripadanya dipasang di Kampung Buau, di Kampung Kukup, 2 batang di Bang Truang, 6 batang di Kampung Melilas dan 5 batang di Kampung Sukang. Manakala di *Highway* Telisai-Lumut menuju Sungai Liang telah pun dipasang pada masa ini yang kesemuanya 13 batang *street lights* dan yang selebihnya akan dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 iaitu Jalan Labi, Jalan Merangking, Bukit Sawat, sepanjang 16.5 kilometer juga termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11. Itu saja yang dapat kaola kongsikan, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sebenarnya hendak mendapatkan maklumat lagi mengenai soalan Yang Berhormat Awang Hanapi. Sebelum itu, terima kasih atas pertanyaan itu tadi, ada menyatakan bahawa Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang membuat perancangan.

Kaola akan meneliti dari segi sama ada perancangan itu sudah dihadapkan sebagai salah satu perancangan yang dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan

Negara dan sebagainya. Kaola meminta tangguhlah dahulu untuk menyampaikan jawapan-jawapan yang terperinci kerana kaola terpaksa men*check* lebih dahulu. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya berharap Yang Berhormat Awang Hanapi akan bersabar untuk menunggu jawapan yang akan dikemukakan ataupun dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri atas mukadimah Yang Berhormat. Kaola tidak ada soalan bagi Tajuk SA15A. Soalan kaola ditujukan untuk Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Sebelum kaola membuat pertanyaan, lebih dahulu sekiranya jika tidak ada halangan dari Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada kaum wanita yang berada di dalam Dewan ini, dengan tema "*Be Bold For Change*". Dari segi ekonomi negara, dengan adanya gabungan tenaga dan kolaborasi antara semua masyarakat di sektor swasta ataupun awam, kita boleh terus membantu dan menaikkan taraf wanita untuk maju dan terus mendorong dengan positif dan berpotensi tanpa had.

Kembali kepada soalan kaola Tajuk SA17A, di bawah *HRD Programme* – JPKE. *GAPS* iaitu *Graduate Apprenticeship Scheme* adalah satu skim yang dibiayai di bawah dana sumber tenaga manusia yang bertujuan untuk menyediakan graduan iaitu dari *HND Level* ke atas untuk membuat *apprenticeship* dan berpengalaman yang boleh dipasarkan pada masa hadapan selama 12 bulan:

1. Soalan kaola ialah berapa kadarkah penempatan setiap tahun disediakan dan apakah kadar kejayaan setakat ini? Kerana *I-RDY (i-ready)* juga adalah satu *Apprenticeship Scheme* untuk graduan bagi *degree* ke atas tetapi selama 3 tahun dan penempatan untuk *I-RDY (i-ready)* seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah sebanyak 1,562 penempatan setiap tahun; dan

2. Adakah usaha-usaha dibuat untuk menyelaraskan data-data dari banci untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan, seperti bantuan JAPEM dan MUIB? Kaola difahamkan bahawa pada tahun 2011, terdapat cadangan rancangan untuk menubuhkan satu garis panduan kemiskinan *(poverty guideline)* negara yang

menggunakan data yang diperolehi daripada penyiasatan perbelanjaan isi rumah kebangsaan, jadi kaola ingin tahu apakah statusnya masa ini dan adakah sudah dapat diselaraskan data-data tersebut untuk memberi bantuan seperti JAPEM dan MUIB?

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua atas pertanyaan Yang Berhormat mengenai Program Dana Sumber Tenaga Manusia. Sebenarnya Program Dana Sumber Tenaga Manusia ini ialah program yang dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, ia diperuntukkan dalam $250 juta untuk melaksanakannya.

Dalam program itu, 4 program utama telah disediakan:

1. Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja Sektor Awam;

2. Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja Sektor Swasta;

3. Program Peningkatan Bilangan Sumber Tenaga Berpendidikan dan Berkemahiran; dan

4. Program Pembangunan Keupayaan dan Berkemahiran Tenaga Kerja Baharu.

Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja Sektor Awam telah disediakan bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran di sektor awam. Dua skim telah dilaksanakan dalam program ini iaitu Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Sektor Awam dan Skim Kemudahan Tenaga Pengajar. Jumlah peserta dalam satu program itu ialah misalnya Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Sektor Awam seramai 184 peserta bagi Peringkat Ijazah Sarjana dan *(Phd)* dan Skim Pembangunan Tenaga Pengajar 2,214 tenaga pengajar telah diberikan peruntukan bagi skim tersebut.

Mengenai skim Bagi Mengukuhkan Sumber Tenaga Manusia di sektor swasta ini ada 2 skim:

1. Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Manusia di sektor swasta; dan

2. Skim Bantuan Latihan Tenaga Kerja di sektor swasta bagi syarikat yang berunsurkan *FDI.*

Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Manusia di sektor swasta ini dibukakan kepada anak tempatan yang sedang bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun di syarikat yang sama di Brunei Darussalam untuk meningkatkan lagi kelulusan pengajian mereka ke peringkat Diploma Kebangsaan Tertinggi Ijazah Pertama, Ijazah Sarjana dan Profesional. Setakat ini, skim ini dibelanjakan sudah dalam $8.7 juta dan 3 kali pengambilan iaitu seramai 441 orang telah dianugerahkan dalam skim ini.

Manakala, Skim Bantuan Latihan Tenaga Kerja di sektor swasta bagi syarikat yang berunsurkan *FDI* ia dilaksanakan dengan kadar bantuan kewangan yang akan diberikan mempunyai had maksimum. Agensi Pelaksana ialah Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi, perbelanjaan RKN setakat ini dalam $234,291.00 dan calon-calonnya setakat ini seramai 34 orang tempatan telah dilatih. Itu skim-skim yang lalu dalam RKN Ke-10. Dalam RKN Ke-11 lain lagi sebagaimana yang sudah diterangkan tadi dalam Pembentangan Kertas Kerja ada *different kind of scheme* untuk kita buat sekurang-kurangnya ada orang-orang yang memperolehi manfaat dari skim tersebut.

Mengenai JAPEM dan sebagainya, barangkali bisai tah rakan sejawatan kaola di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang akan menjawabnya. Mereka ada data-datanya mengenai bantuan-bantuan yang dihulurkan kepada orang-orang yang berkeperluan dalam JAPEM tersebut. Jadi tunggu Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan nanti menerangkan. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih. Saya mencadangkan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan supaya menimbulkan perkara yang berkenaan itu kepada menteri yang berkenaan apabila rang belanjawannya kita bincangkan kemudian.

Kita telah pun berbincang dengan panjang lebar mengenai Tajuk SA15A hingga Tajuk SA25A. Sekarang saya ingin untuk mengundi siapa yang bersetuju mengenai dengan Tajuk ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih. Maka Tajuk SA15A hingga Tajuk SA25A ini dijadikan sebagai Jadual Rang Undang-Undang.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA15A hingga Tajuk SA25A – Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan dibawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Disebabkan sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka saya bercadang supaya kita berpindah kepada Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) untuk memulakan perbincangan kita dengan memberikan mukadimahnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin merakamkan

penghargaan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Kewangan dalam penyediaan Rang Belanjawan Bagi Tahun 2017/2018.

Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih atas peruntukan sebanyak $107,692,930.00 yang disediakan untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan termasuk peruntukan bagi 43 buah perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri bagi Tahun Kewangan kali ini.

Peruntukan tersebut akan diharapkan membantu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan untuk terus menjaga kepentingan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam iaitu *our national interest and security*. Dari segi dasar luar negeri, di samping meningkatkan dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama dengan negara-negara luar untuk mencapai manfaat bersama *mutual benefits* serta menaikkan imej negara di arena antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan dasar luar yang positif dengan bersandarkan kepada prinsip-prinsip berbaik-baik, *mutual respects, equality* dan *non-interference* untuk memastikan matlamat-matlamat seperti kedaulatan kitani dihormati serta kepentingan negara terus terpelihara.

Di samping itu, prinsip-prinsip seperti penyelesaian sebarang pertikaian secara aman, bekerjasama untuk faedah bersama dan perdagangan bebas juga akan terus menjadi sandaran dasar luar kita seperti mana yang sudah-sudah. Kesemua sandaran ini disebutkan tadi juga konsisten dengan nilai-nilai negara Melayu Islam Beraja iaitu berbaik-baik, *tolerance,* pemedulian, *caring society* dan juga tolong-menolong di negara ini.

Kaola percaya dasar ini telah banyak menyumbang kepada keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan berterusan negara ini. Seterusnya hakikat ini juga berjaya meraih rasa hormat negara-negara lain kepada Negara Brunei Darussalam. Sehingga kini kita menjalin hubungan diplomatik dengan 170 buah negara dan juga mempunyai sebanyak 43 perwakilan di negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Melalui rakan-rakan kita ini, kita telah bekerjasama dan dapat mengukuhkan lagi kedaulatan kita di mata dunia.

Yang Berhormat Pengerusi, kementerian ini akan terus bekerjasama rapat dengan agensi-agensi lain dalam menyelaraskan dasar perdagangan dua hala, serantau dan antarabangsa melalui pembukaan laluan pasaran luar negeri bagi peniaga tempatan mempromosikan perdagangan bebas dan menarik pelaburan asing ke Negara Brunei Darussalam.

Kementerian ini akan *fully support* daripada *Department of Energy and Industry, Prime Minister's Office* dalam mereka bagi mempelbagaikan ekonomi negara ini bagi pertumbuhan ekonomi

yang lebih dinamik dan mampan. Semua ini diharap akan memberi peluang dan insentif bagi perusahaan-perusahaan tempatan kita untuk bersaing dan memupuk semangat inovasi dengan adanya pendedahan kepada pasaran antarabangsa.

Untuk menutup Yang Berhormat Pengerusi, dalam tanggungjawabnya kementerian ini akan bersaing dengan banyak cabaran dalam mempertahankan *peace and suitability* dan juga dalam *economic development* di rantau Asia Pasifik ini. Jadi apakah cabaran-cabaran itu yang dapat kita lihat Yang Berhormat Pengerusi: dan

i. *Major power relations;*

ii. *Role of ASEAN* di dalam *International Relations;*

iii. Cabaran-cabaran berkenaan dengan *Climate change, disaster management*, berkenaan dengan *pandemic diseases* dan teknologi yang dapat kita ramalkan sebagai *Fourth Industrial Revoluation.*

Oleh sebab ini sedang berlaku di dunia pada masa ini dan ini telah mengubah serta mempengaruhi cara hidup dan pemikiran kita dan setentunya memerlukan kita untuk maju selari dengan realiti perubahan teknologi masa kini.

Menerusi perhubungan dengan negara-negara luar dan melihat sendiri pembangunan pesat negara-negara lain di peringkat antarabangsa dan global, kaola merasakan cabaran untuk kitani ialah bagaimana untuk mempersiapkan generasi kini dan akan datang untuk terus bersedia dalam realiti baharu ini.

Di samping itu kita juga memastikan orang-orang kitani berkebolehan mengatasi apa-apa cabaran dalam kehidupan seharian dan untuk terus relevan dalam dunia global ini. Dunia pada masa ini tidak ada sempadan. Kita hendaklah mengubah *mindset* untuk melihatnya sebagai satu peluang yang perlu dimanfaatkan dan bukan melihat ia sebagai satu penghalang.

Sekian sahaja terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) di atas penerangan yang telah pun disuarakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya bukakan Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdangangan ini untuk dibahaskan.

Saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membincangkannya. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Pengerusi. Kaola akan bercakap mengenai Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Kita maklum jumlah negara yang menjalani hubungan diplomatik dengan Negara Brunei Darussalam berjumlah 168 buah negara dan dari jumlah tersebut, 43 negara adalah Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara iaitu daripada 168 buah negara, 43 daripadanya ada pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negera.

Jadi soalan kaola:

1. Apakah bentuk perhubungan dan kerjasama dengan negara luar yang tidak ada pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di negara berkenaan; dan

2. Apakah ada bantuan yang diberikan oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara, jika lawatan rasmi mengenai produk di negara berkenaan oleh rombongan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung? Jika ada apakah jenis bantuan yang dapat diberikan?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdangangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat soalan-soalan tadi.

1. Barangkali berkenaan dengan *mission* di luar negeri. Kita yang sebenarnya ada 170 sudah ditingkatkan 2 lagi dan perwakilan kitani ada 43 di negara-negara luar. Jadi pada negara-negara yang kitani tidak ada perwakilan, oleh sebab menubuhkan satu perwakilan ini adalah mahal. Jadi caranya adalah kitani mengadakan *accreditation* ertinya satu *mission* seperti di Singapura, ia dapat menjaga juga seperti di Maldives dan di tempat lain baharu kitani ada perwakilan dan dapat kitani salurkan kepada menjaga 3 atau 4 buah negara yang lain. Itu di antara caranya untuk kitani berjimat cermat;

2. Kalau 43 buah ini akan ditambah kepada 170 buah ini tidak juga dapat, Ada juga yang dijaga dari Brunei Darussalam sendiri, kitani ada *mission* yang menjaga New Zealand dari Brunei. Menjaga negara-negara seperti Kazakhstan dan Uzbekistan dan ada empat negara dijaga juga melalui Negara Brunei Darussalam. Dengan cara itu, kitani dapat meliputi seberapa bolehlah untuk perhubungan kitani dengan negara-negara tersebut; dan

3. Bantuan. Bantuan ini memanglah kita hulurkan dari mana-mana *mission* yang ada kepada orang-orang Brunei yang ada masalah apatah lagi *mission* daripada Yang Berhormat tadi nyatakan lawatan-lawatan *trade mission.* Itu memang ada jua dibantu untuk diberi peruntukan tetapi ianya hanya

diberikan kepada yang tertentu sahaja. Kalau Yang Berhormat mahu *detail* dapatlah kita berunding, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

Apakah ada usaha untuk dasar luar negara untuk memperkenalkan *program people to people exchange* supaya masyarakat dunia dapat mengenali lebih rapat akan Negara Brunei Darussalam dan rakyat Brunei untuk menjadi sekurang-kurangnya mencapai *global citizens*? Difahami ada *Brunei Darussalam Governments Scholarship To Foreign Student*s dan mungkin perkara ini dapat diperluaskan lagi dengan program jangka pendek seperti contoh *internship, fellowship*, latihan, kursus pendek dan seperti yang disebutkan tadi *people to people exchange*. Isi program ini bolehlah memasukkan isu *transnational* dan juga *national* barangkali seperti contoh menangani keganasan, *cross culture respect* memahami Negara Brunei Darussalam dan lain-lain. Sekian.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, bagi cadangan-cadangannya.

Yang sebenarnya *people to people exchange* ini banyak. Daripada bilateral sendiri. Bilateral ertinya negara dengan negara itu seperti Malaysia, Singapura dan semuanya memanglah termasuk *people to people exchange*. Ini mustahak bagi kita *understanding* dan berbaik-baik dengan mereka. Tapi banyak lagi rancangan di bahagian *regional* seperti *ASEAN, APEC* adalah *internship* program dan banyak lagi program lain *under OIC* dan *under the UN* ini. Yang sebenarnya terlalu banyak program ini sehingga kita tidak sanggup menghantar perwakilan. *So a lot of* program, *if you want details* dapat kami berikan kepada Yang Berhormat. Tapi daripada bilateral sampai ke *international* ini, kita tidak dapat menghadiri sebahagian dari program ini. Itulah yang sebenarnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Soalan kaola sejauh manakah *BIMP EAGA* telah memberi sumbangan dan perkembangan ekonomi negara dan dikhuatiri kita terlepas pandang mengenai platform yang sedia ada tidak dimanfaatkan oleh peniaga-peniaga Mikro Kecil Sederhana dan *Enterprise (MSME).* Dalam mempromosikan produk-produk

tempatan dan bertukar-tukar idea pandangan dalam memajukan industri tanah air. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. Yang Berhormat, yang sebenarnya berkenaan dengan *BIMP EAGA* ini, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bekerjasama dengan Jabatan Tenaga dan Perindustrian. Oleh sebab *BIMP EAGA* ini adalah 4 buah negara iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, dan Filipina. Ada 5 *strategic pillars*nya berkenaan dengan *food basket*, pelancongan, alam sekitar, sosiobudaya dan pendidikan dan banyaklah program berkenaan seperti ekspo diadakan dan dengan kerjasama dua kementerian ini, kita telah membuka peluang kepada peniaga kita terutama sekali *SME* dan *MSME*. Dari masa ke masa mengadakan *ekspo, trade fairs* dan kalau ada apa-apa *more information* barangkali Yang Berhormat dapatlah hamba berikan nanti.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ الْحَمْدُ لله رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّد، Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya membawakan Tajuk SA01A – Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Pedangangan.

Kaola memohon kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan supaya dapat membawa dan memperkenalkan produk MPK melalui 1K1P yang berpotensi untuk diperniagakan di negara-negara sahabat seperti kelulut dengan cara gabungan penternak kelulut Brunei. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat. Yang sebenarnya kelulut ini baru-baru ini, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdangangan dan Jabatan Tenaga dan Perindustrian mengadakan satu *trade fair* di Oman baru-baru ini dan di Jepun. Produk-produk berkenaan dengan kelulut ini, telah diperkenalkan di sana dan nampaknya banyak peminatnya. Tetapi sama ada *we can produce enough* satu perkara lain lagi.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan bertanya satu soalan. Untuk memajukan lagi ekonomi negara, sudahkah ada rancangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan untuk melantik *attache* perdagangan

di mana-mana negara yang bersesuaian untuk keperluan peniaga-peniaga tempatan berkecimpung membuka perdagangan di luar negeri? Sekian.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat. Perkara *attache* ini memang sudah lama diamalkan tetapi diselidiki juga dari harga bukan saja *the cost* dan bolehkah tiap-tiap perwakilan Brunei yang berada di luar negeri itu membuat dengan tidak melantik *attache.* Dari pengalaman ini, kita telah mengadakan *defence attache*. Kita mengadakan *educational attache,* macam-macam *attache*, tapi nampaknya *some of the result* inda jua jadi, kita barangkali kerjasama dengan Jabatan Tenaga dan Perindustrian. Kita akan memikirkan macam mana *mission* di luar negeri itu dapat membuat kerja-kerja ini dan jika perlu untuk melantik *attache* perdagangan ini nanti dan akan dirundingkan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

Berapa banyakkah aset Brunei Darussalam dalam bentuk hartanah ataupun tanah yang berada di luar negeri yang dikhususkan untuk pembinaan kedutaan kita sampai sekarang ini?

Dengan mengambil maklum keadaan kegawatan ekonomi ini, kaola hanya ingin tahu dan jika sekiranya difikirkan juga menyewa satu-satu tempat itu lebih mahal setiap tahun mungkin elok juga kita cuba membina bangunan kerajaan di tempat-tempat itu daripada menyewa. Kaola difahamkan sahaja ada lagi tanah-tanah Brunei yang belum dibangunkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat. Yang sebenarnya aset-aset di luar negeri ini memang dari awal Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sudah ada membeli tanah-tanah, membangun bangunan-bangunan untuk *chancery* dan untuk rumah-rumah pegawai di sana seperti di Singapura dan Malaysia. Kalau difikirkan banyaklah *property* kita tapi kalau mahu *detail* lagi, *I would like to say* banyaklah. Jadi pada masa ini ada yang masih dalam pembangunan dan perancangan, cadangan Yang Berhormat itu memanglah baik dan pada masa ini memanglah yang dijalankan seperti itu, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh sebab nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain suka untuk bertanya mengenai Tajuk SC01A ini, maka saya sekarang ingin mengundi Tajuk SC01A ini sesudah kita bahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Tajuk SC01A ini dijadikan sebahagian daripada Jadual ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Terima kasih. Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita teruskan lagi perbincangan kita dan kita balik kepada SB01A dan SB04A – Kementerian Pertahanan. Sebagaimana yang diketahui seperti biasanya Tajuk ini tidak kita bincangkan dan oleh sebab sensitivitinya, maka sebagaimana lazimnya juga maka untuk penerangan kita biasanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) suka untuk membuat sedikit penerangan mengenai Tajuk Belanjawan ini, silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola akan mengongsikan secara ringkas mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

Pada Tahun Kewangan 2017/2018 Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya telah disokong peruntukan sebanyak B$451,790,210.00. Jumlah ini menurun sebanyak 20% dari peruntukan Tahun Kewangan yang lalu. Secara ringkas peruntukan kewangan yang disediakan bagi Kementerian Pertahanan adalah seperti yang berikut:

1. Pembayaran Gaji keseluruhannya berjumlah B$288,236,670.00; dan

2. Pembelanjaan lain-lain belanja tahunan yang Berulang-Ulang sebanyak B$163,553,540.00.

Antara fokus dan keutamaan Kementerian Pertahanan adalah seperti yang berikut:

1. Untuk mengambil pendekatan berdaya maju yang terbaik dalam meningkatkan keberkesanan dalam menyelaraskan strategi Kementerian Pertahanan ke arah memantapkan perlindungan isu-isu kepentingan negara seperti memelihara kedaulatan, keutuhan wilayah, kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial, falsafah negara serta menyumbang kepada keamanan serantau dan global;

2. Menambah baik tahap kesiapsiagaan dari segi keupayaan tentera bagi menjamin keselamatan negara. Ke arah itu perancangan dan kemajuan dari aspek logistik, latihan aset dan peralatan tentera, infrastruktur dukungan serta tahap moral anggota akan terus diberikan perhatian sewajarnya;

3. Meningkatkan diplomasi pertahanan melalui perjanjian persefahaman, pertukaran lawatan, latihan ketenteraan, pertukaran perisikan dan pelantikan *attache* Kementerian Pertahanan serta latihan dan kursus pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa dalam sama-sama mencegah ancaman keselamatan yang kian kompleks dan mencabar terutamanya ancaman keselamatan yang merentasi sempadan.

   Sebagai contoh penglibatan negara sebagai tuan rumah dalam latihan-latihan ketenteraan di bawah Rangka Kerja Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN (ADMM)* dan *ADMM Plus* bukan sahaja berperanan untuk memantapkan konsep *inter-operatebality* dalam kalangan tentera-tentera *ASEAN* dan rakan-rakan dialog dalam menangani ancaman-ancaman keselamatan tetapi juga meningkatkan profil negara dalam mempromosikan binaan daya keyakinan dan integrasi serantau seterusnya mendukung komitmen negara ke arah kerjasama serantau dan antarabangsa; dan

4. Memperkuatkan kerjasama agensi-agensi tempatan dalam mendukung keupayaan masing-masing bagi misi-misi yang sewajarnya pada menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai keperluan untuk meningkatkan pendekatan *whole of nation approach* antara agensi-agensi kerajaan bersama pihak-pihak berkepentingan. Kerjasama sedemikian antara lainnya telah direalisasikan melalui Jawatankuasa Keselamatan Negara dalam pelbagai bidang termasuk pengganasan, keselamatan maritim, bencana alam dan keselamatan siber.

Fokus ini mengambil kira akan cabaran konsep pemahaman ancaman yang telah berubah dalam arus globalisasi dan integrasi yang semakin mendalam. Semua ini sebahagian besarnya telah membuahkan persekitaran keselamatan yang bersifat dinamik serta tambahan kepada spektrum ancaman yang kini bukan sahaja merangkumi ancaman bentuk tradisional tetapi juga bentuk baharu iaitu bukan tradisional.

Sehubungan dengan ini, kemudahan aset secara optimum dan efektif akan menjadi pemangkin kepada pencapaian keutamaan-keutamaan Kementerian Pertahanan seperti berikut:

1. Dalam menangani ketahanan keupayaan tentera, usaha penyelarasan terus dilaksanakan ke arah rangka kerja pengurusan, sumber bagi menjana keupayaan dengan lebih holistik, sistematik dan proaktif. Ini termasuk proses-proses dalaman dalam penyusunan semula keutamaan perkembangan keupayaan dengan mengambil kira analisis, kos kaedah sepanjang hayat yang lebih mampan *(sustainable through life cause);*

2. Bagi memastikan pemeliharaan aset dan penyelarasan bantuan logistik

secara mampan dan berkesan. Inisiatif-inisiatif dan kajian-kajian juga telah diperkenalkan seperti *Business Process Reengineering* terhadap beberapa pengurusan *supply chain*, dasar bantuan pemeliharaan, *maintenance repair and overhaul* yang dapat dilaratkan ke industri dan perusahaan tempatan yang berkebolehan serta rangkaian sokongan pembuat dan pembekal asal *(original equipment manufacturer)* melalui pendekatan perkongsian sektor awam swasta ataupun *public-private partnership*.

Selain itu, penggantian sistem teknologi maklumat *(defense logistic information system)* kepada yang baharu juga akan diberi keutamaan sebagai pemangkin utama bagi meningkatkan keberkesanan dalam pemerliharaan aset. Dalam memantau prestasi aset-aset, Kementerian Pertahanan juga telah menggunakan *Balanced Scorecard* dengan *Operational Key Performance Indicator* bagi memantau tahap pemeliharaan aset-aset operasi agar sentiasa dalam tahap kesediaan yang tinggi;

3. Dalam meningkatkan pengurusan aset mengambil kira kadar keusangan dengan kepesatan perkembangan teknologi dalam bidang pertahanan, Kementerian Pertahanan telah mengambil pendekatan melalui *smart buyer defense technology* dalam mendukung konsep misi operasi dengan teknologi kententeraan yang bersesuaian, efektif, mampan dan mempunyai keupayaan rangkaian bekalan yang berterusan; dan

4. Untuk meningkatkan kapasiti dan produktiviti sumber tenaga manusia ia memerlukan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan dan dinamik yang sentiasa berusaha meningkatkan tahap produktiviti melalui keupayaan teknologi dan inovasi. Ke arah itu, pihak Kementerian Pertahanan sedang menyediakan rangka kerja sumber tenaga manusia untuk memastikan perancangan peningkatan kompetensi setiap anggota tentera dan awam dan *succession planning* yang teratur.

Kementerian Pertahanan juga tidak terkecuali dalam merancang perubahan-perubahan dan melaksanakan pendekatan-pendekatan baharu yang inovatif sebagai langkah pada penjimatan perbelanjaan dan pengurusan kewangan yang berhemah dengan inisiatif-inisiatif yang antara lainnya termasuk perkara-perkara yang berikut:

1. Penubuhan *Taskforce* Jimat sebagai kesinambungan pada usaha berterusan Kementerian Pertahanan dalam memastikan perbelanjaan berhemah dan mengelakkan pembaziran dilaratkan pada semua peringkat operasi yang mana berperanan untuk meneliti *cost drivers* dari perbelanjaan jabatan-jabatan tentera dan awam di bawah Kementerian Pertahanan. *Taskforce* tersebut akan membawa

membuat penyelarasan, meneliti dan mengemaskinikan dasar-dasar ke arah mengurangkan perbelanjaan yang tidak akan menyumbang pada misi dan objektif teras ABDB dan Kementerian Pertahanan. Ini adalah untuk memastikan perbelanjaan mengikut keutamaan dan berperancangan;

2. Rancangan untuk memperkenalkan Sistem *e-mart* iaitu satu sistem elektronik logistik ke arah penyediaan, penyelenggaraan serta pengagihan pakaian, peralatan guna pakai perseorangan anggota tentera dengan mengikut kawalan kadar atau *entitlement* yang telah ditetapkan pada setiap individu. Sistem ini dihasratkan untuk mengurangkan penggunaan yang berlebihan, perolehan stok pada tahap berpatutan, mengurang kos serta menyemai sifat berhemah dan berjimat cermat dalam menjaga harta benda kepada anggota-anggota tentera;

3. Memaksimumkan peluang kerjasama dengan negara-negara sahabat dalam membentuk pembangunan kapasiti; dan

4. Menjalankan kajian mengenai peluang-peluang perkembangan *defence support industry* di negara ini dengan meninjau operasi pembangunan asas industri tempatan untuk menyumbang kepada Kementerian Pertahanan khususnya dan pertumbuhan ekonomi negara secara amnya terutama dalam keperluan perkhidmatan bantuan misalnya pemeliharaan peralatan jentera kenderaan dan seumpamanya. Kesemua perancangan dan sasaran-sasaran ini dilaksanakan menggunakan rangkaian kerja strategik Kementerian Pertahanan bagi memastikan pelaksanaan projek-projek dan pelan-pelan tindakan tersebut dicapai dengan berkesan serta berdaya tahan.

Panduan strategik pertahanan *(defense strategic guidance)* tahun 2016-2017 yang bertemakan: "Kemampuan melalui pengurusan sumber secara bijak disertai pembangunan keupayaan seimbang" akan terus dijadikan rujukan bagi Tahun Kewangan 2017-2018 dalam melaksanakan projek-projek dan pelan-pelan tindakan yang sedang berjalan mahupun yang sedang dirancang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi seperti pada tahun-tahun yang lepas disarankan agar peruntukan Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan secara terbuka memandangkan ia boleh mendedahkan isu-isu keselamatan pertahanan strategik negara. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ apa jua saranan-saranan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat akan disampaikan kepada Kementerian Pertahanan.

Sekian Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar keterangan yang dikemukakan dan disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) secara komprehensif mengenai belanjawan Kementerian Pertahanan.

Maka saya kira, tidaklah payah perkara ini kita bincangkan dengan panjang lebar lagi. Saya sekarang terus mengundi Tajuk ini. Bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk ini kita jadikan sebagai sebahagian daripada undang-undang yang berkenaan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA01A dan Tajuk SB04A Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula di Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun berbincang dengan panjang lebar dan الْحَمْدُ لله kita telah pun meluluskan beberapa Tajuk dalam undang-undang yang berkenaan ini apabila kita berunding dalam Jawatankuasa sepenuhnya.

Maka saya ingin menangguhkan Mesyuarat kita ini untuk kita berehat pada tengah hari ini dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan menyambung Mesyuarat ini semula pada pukul 2.30 petang.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang berhormat Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada pagi tadi masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita bincangkan satu persatu saya sukacita menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Pada mesyuarat yang telah kita adakan pagi tadi, kita telah menyelesaikan Tajuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Sebelum kita menyambung semula Tajuk seterusnya, saya telah difahamkan bahawa ada 2 orang Yang Berhormat Menteri yang suka untuk membuat kenyataan sebagai respons kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan pagi tadi. Sekarang saya persilakan dulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلٰى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

Izinkan kaola untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim pada sesi pagi tadi iaitu mengenai kedudukan MIB pada masa ini.

Sukacita kaola menjelaskan sedikit bahawa pada masa ini, seperti mana yang telah kaola terangkan secara ringkas bahawa pada masa ini Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dipengerusikan oleh kaola sendiri selaku Menteri Pendidikan dan dibantu oleh Timbalan Pengerusi iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Ahli-Ahlinya seramai 22 orang kesemuanya termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran

Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Abd Aziz bin Juned dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd Nawawi bin Allahyarham Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha dan beberapa orang ahli yang lain termasuklah beberapa Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Naib Canselor Universiti dan sebagainya.

Maklumat mengenai dengan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja ini, selaku badan yang bertanggungjawab bagi menjelaskan, memandu, memberigakan dan mengukuhkan serta memantau corak kehidupan masyarakat Brunei dalam semua peringkat yang berlandaskan Melayu Islam Beraja dan Jawatankuasa Majlis ini telah pun membuat perancangan strategik bagi menentukan dan memastikan matlamat dan objektif penubuhannya dapat dicapai selaras dengan terma rujukan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan terma rujukan Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Pada masa ini, Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja diketuai oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dan dibantu oleh 5 orang pegawai dan kakitangan. Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja sehingga sekarang berpejabat di Universiti Brunei Darussalam.

الْحَمْدُ لله selaras dengan Pelan Tindakan Strategik pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja 2015/2020, pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah pun merancang dan melaksanakan beberapa aktiviti atau pun program bagi tahun 2016 dalam bentuk taklimat, ceramah, muzakarah serta bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta.

Pelan Tindakan Strategik Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja 2015/2020 menyasarkan 5 kelompok rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu pegawai dan kakitangan kerajaan, penghulu, ketua kampung dan penduduk kampung, belia dan pelajar, pihak swasta dan masyarakat luar.

Dalam usaha menyebarluaskan Melayu Islam Beraja kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah mengusahakan penerbitan rencana mengenai Melayu Islam Beraja dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, 2 kali setiap bulan dalam surat khabar tempatan iaitu Pelita Brunei, Media Permata dan *Borneo Bulletin*.

Manakala dalam bentuk media elektronik, pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja menyediakan program Rampai Pagi,

bincang-bincang Melayu Islam Beraja dua kali setiap bulan iaitu pada hari Khamis dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei (RTB).

Antara aktiviti program tahun 2016, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

1. Muzakarah nilai-nilai kebruneian dalam konteks konsep Melayu Islam Beraja;

2. Bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja bagi Pegawai Perhubungan Awam jabatan-jabatan kerajaan;

3. Program Melayu Islam Beraja dan sistem pentadbiran negara bagi Program Khidmat Bakti Negara;

4. Taklimat Melayu Islam Beraja kepada masyarakat luar;

5. Penyelidikan penghayatan konsep Melayu Islam Beraja bagi Daerah Temburong;

6. Projek penyelidikan keberkesanan penghayatan pendidikan Melayu Islam Beraja di sekolah-sekolah menengah seluruh negara; dan

7. Penyediaan Teras Melayu Islam Beraja.

Manakala, aktiviti-aktiviti Program Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja yang dicadangkan akan dilaksanakan pada tahun 2017/2018 ialah:

1. Persidangan Pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

2. Muzakarah nilai-nilai kebruneian dalam konteks dan konsep Melayu Islam Beraja;

3. Bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja bagi Pegawai Perhubungan Awam jabatan-jabatan kerajaan seperti yang telah lazim dibuat sebelumnya;

4. Program Melayu Islam Beraja dan sistem pentadbiran negara bagi Program Khidmat Bakti Negara;

5. Penyelidikan Penghayatan Melayu Islam Beraja bagi ke empat-empat daerah; dan

6. Penerbitan beberapa buah buku lagi dalam perancangan pada tahun 2017 ini.

Berdasarkan kepada pelaksanaan aktiviti program yang telah dilaksanakan selama ini, dapat diambil kesimpulan bahawa kefahaman dan pengamatan nilai-nilai Melayu Islam Beraja dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah bertambah baik.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pihak Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja tidak kendur-kendur untuk berusaha meningkatkan lagi pengamalan dan penghayatan rakyat dan penduduk

negara ini terhadap konsep Melayu Islam Beraja. Perkara ini kaola kongsikan untuk membuktikan bahawa Melayu Islam Beraja masih subur dalam kalangan masyarakat kitani. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan penerangannya.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola hanya akan menambah tentang soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Walaupun soalan ini ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, ini banyak hubung kaitnya jua sama dengan abis kaola di Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri.

Memang kerjasama yang erat antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan *Darussalam Enterprise* telah bergabung usaha untuk mengembangkan perdagangan dan memperkenalkan produk-produk tempatan. Perusahaan-perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana tempatan dan peniaga-peniaga Satu Produk Satu Kampung boleh menyertai pameran perdagangan antarabangsa dan *trade mission* yang tertentu dengan menerima bantuan daripada pihak kerajaan melalui bajet misi perdagangan.

Pada Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah menyediakan bantuan peruntukan bajet sebanyak B$500,000.00 bagi penyertaan PMKS di ekspo-ekspo *trade mission* antarabangsa. Bajet ini diperuntukkan untuk menyediakan petak pameran, penyewaan peralatan dan penghantaran barang. Ada kalanya, kerajaan juga menaja tempat penginapan dan tiket penerbangan PMKS dan juga Satu Produk Satu Kampung yang menyertai pameran perdagangan antarabangsa dan *trade mission.*

Pemilihan syarikat-syarikat yang layak menyertai adalah berdasarkan kelayakan seperti bersedia untuk menerima permintaan yang berjumlah besar, produk yang berpotensi untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa dan layak diberi pendedahan mengenai pasaran antarabangsa. Setakat ini semenjak tahun 2016, kerajaan telah mengikuti 11 buah ekspo dan 1 *trade mission* yang melibatkan 71 buah PMKS.

Antara ekspo yang disertai telah diadakan di Sabah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Makassar, Singapura, Jepun, China, Oman dan Korea Selatan. Antara sektor yang diketengahkan adalah sektor makanan, kosmestik, *pharmaceutical* halal, *ICT,* perkhidmatan pendidikan dan

kesihatan dan pelancongan. Turut dipamerkan termasuk produk-produk kosmestik yang berasaskan madu kelulut dan minyak kelapa dara seperti sabun, losyen dan minyak harum.

PMKS juga telah mempamerkan produk-produk buatan kampung dan produk halal buatan tempatan termasuk makanan kering dan basah seperti keropok, biskut, kacang jagus berempah, sos cili, makanan mentah dan sebagainya.

الْحَمْدُ لله beberapa produk tempatan telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti di Indonesia, Singapura dan China. Semasa pameran-pameran perdagangan ini juga PMKS telah diberi peluang untuk menjalinkan dan mengembangkan rangkaian perniagaan mereka.

Pada tahun 2017/2018 pula, kerajaan akan terus menyertai ekspo di luar negeri dengan memberi tumpuan kepada sektor-sektor halal, *ICT,* pelancongan, perkhidmatan dan *downstream,* minyak dan gas termasuklah Satu Kampung Satu Produk. Tahun ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam untuk menjadi *country of owner* semasa ekspo *China ASEAN* yang ke-14 yang akan diadakan pada bulan September di Nanning Republik Rakyat China.

Kerajaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan membawa 100 buah syarikat termasuk PMKS dan syarikat-syarikat Satu Kampung Satu Produk dengan harapan untuk memberi pendedahan kepada produk-produk tempatan yang berpotensi untuk dipasarkan di luar negeri.

Selain dari penyataan ekspo antarabangsa dan ekspo tempatan juga akan diadakan mengenal pasti produk tempatan yang berpotensi untuk dipasarkan di luar negara. Ke arah ini satu ekspo PMKS akan diadakan pada bulan Mei 2017 nanti untuk memperkenalkan / mempromosikan barangan buatan Negara Brunei Darussalam. Ekspo ini juga akan disertai oleh PMKS dari Sabah, Sarawak, Vietnam dan China. Ekspo ini akan dibukakan kepada 200 buah syarikat tempatan yang berminat.

Tentang *One Village One Product* ini, kaola ingin juga memberi penerangan sedikit. Bagi meningkatkan pendedahan produk buatan tempatan khususnya produk-produk yang diungkayahkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah inisiatif *One Village One Product,* pihak *DARe* telah memperkenalkan program *Made in Brunei.* إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat membantu meningkatkan penggunaan serta pembelian produk tempatan. Ada 3 program di bawah inisiatif ini seperti yang berikut:

1. Penjualan di pasar raya. *DARe* telah berunding dengan beberapa pasar raya ternama di negara ini untuk menempatkan rak jualan bagi *Made in Brunei*. Sebagai percubaan, bercadang untuk melancarkan rak jualan *Made in Brunei* di lima pasar raya bermula dari bulan April/Mei 2017. *DARe* juga akan bekerjasama

dengan agensi-agensi kreatif dalam membantu melatih Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana berkenaan dengan penjenamaan, pembungkusan dan penandaan sebelum menempatkan produk mereka di rak *Made in Brunei*;

2. Penjualan melalui majalah *in-flight. DARe* sedang berbincang dengan *Royal Brunei Airlines* untuk memaparkan produk buatan Brunei dalam majalah yang akan di-tempatkan di kapal terbang. Pelancarannya juga akan disasarkan pada bulan April/Mei 2017. Produk yang akan dipaparkan adalah termasuk produk warisan turun-temurun dan premium tempatan seperti kain jongsarat *byproduct*, kristal, barangan perak, minyak harum serta produk kesihatan dan kecantikan.

   Selain itu, melalui wadah pembelian bagi penumpang kapal terbang juga dipraktikkan secara *online*. Untuk penjualan melalui majalah *in-flight* dan pameran di lokasi-lokasi utama. *DARe* berhasrat untuk membantu 50 produk tempatan pada tahun 2017; dan

3. Pameran di lokasi-lokasi utama di Negara Brunei Darussalam. Seperti mana yang dinyatakan tadi, *DARe* akan melancarkan *Made in Brunei* di lima lokasi utama seperti hotel, lapangan terbang pusat jualan bermula April/Mei 2017. Produk yang akan dipaparkan sama jua termasuk produk-produk yang kaola nyatakan tadi dan jua *its available online.*

Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan Yang Berhormat Pengerusi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk memperjelaskan 2 soalan yang belum kaola jawab pagi tadi:

1. Diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai pembinaan Bangunan Mahkamah Daerah Tutong; dan

2. Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, mengenai Pelan Bandar dan Desa, Mukim Labi.

Mula-mula, kaola akan menjawab mengenai Bangunan Mahkamah Daerah Tutong. الْحَمْدُ لله bangunan mahkamah-mahkamah Daerah Tutong telah pun siap dan telah mula diguna pakai oleh kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah Daerah Tutong pada bulan November 2016.

Projek pembangunan bangunan mahkamah-mahkamah Daerah Tutong ini dilaksanakan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dan projek berkenaan telah dapat menyediakan 7 buah Dewan Perbicaraan dan 2 ruang pejabat bersama kaunter. Urusan yang

berasingan bagi kegunaan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Bagi kesempurnaan projek berkenaan terdapat beberapa tawaran di bawah *provisional contract sum* yang juga dalam rancangan pelaksanaan melalui RKN iaitu kerja-kerja mendirikan pagar kawasan bangunan, kerja-kerja pemasangan *court conference system*, kerja-kerja pemasangan peralatan kawalan keselamatan *CCTV* dan kerja-kerja pemasangan papan tanda *(signage).* Dalam hubungan ini, segala perbelanjaan berkaitan dan pemeliharaannya dan penyelengaraannya telah pun disediakan dalam Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Kedua Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Pelan Bandar dan Desa, Mukim Labi sebagai perekonomian ada pertanyaan tadi, apakah sebarang perancangan dan jenis perindustrian dikenal pasti? Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput atas soalan yang berhubung dengan Mukim Labi sebagai kawasan perekonomian di negara ini.

Untuk makluman, sebenarnya ada beberapa cadangan projek penyediaan tapak-tapak perekonomian di Daerah Belait bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-11. Cadangan-cadangan projek ini termasuklah program peningkatan pengeluaran industri buah-buahan dan program pertumbuhan kawasan baharu untuk meningkatkan produktiviti industri pertanian sektor pelbagaian tanaman dan rancangan pembangunan industri ternakan bagi menjana pengeluarannya. Walau bagaimanapun, projek-projek ataupun program-program ini masih lagi dalam penelitian pihak-pihak yang berkenaan untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 dan ianya adalah tertakluk kepada *viability* projek-projek tersebut dan juga tertakluk juga kepada keutamaan-keutamaan kerajaan dalam menimbangkan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 nanti. Sekianlah yang dapat kaola kongsikan setakat ini, sekian dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih atas penerangan-penerangan lanjut yang telah diberikan oleh 3 orang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan berpindah ke tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A – Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih untuk membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Kewangan, Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ingin untuk menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan belanjawan kementerian yang berkenaan itu. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola memohon izin bagi menyampaikan secara ringkas mukadimah mengenai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan serta tumpuan dan keutamaan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini.

الْحَمْدُ لله sepanjang Tahun Kewangan 2016/2017, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam usaha meningkatkan lagi tahap produktiviti dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dan pihak swasta serta juga dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan kompetitif. Ini secara langsung akan dapat mendukung pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan *sustainable* serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada belia tempatan. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah:

1. Mengurangkan kadar cukai pegangan *(withholding tax)* sebagaimana yang telah kaola nyatakan dalam pembentangan kertas pada 7 Mac 2017. Bagi bayaran-bayaran seperti bayaran faedah pinjaman, *loan interest* diturunkan dari 15% kepada 2.5% sahaja dan bayaran khidmat pengurusan *(management fees)* dikurangkan dari 15% kepada 10%;

2. Mengemaskinikan kadar cukai kastam, cukai import dan cukai eksais yang berkuat kuasa mulai 1 April 2017. Ini termasuk pengurangan cukai kastam ke atas mesin-mesin industri termasuk alat-alat ganti dan alat-alat ganti kenderaan berat dan jentera berat;

3. Pemasangan mesin pengimbas kenderaan di pos-pos kawalan bagi mempercepatkan pelepasan dan pemeriksaan barang tanpa mengenepikan aspek keselamatan negara;

4. Meneruskan usaha mengintegrasikan sistem *Electronic Ports Information System (ePiS)* dengan *Brunei Darussalam National Single Window* bagi memudahkan lagi proses deklarasi kastam. Setakat ini, 20 agensi kerajaan telah menggunakan *Brunei Darussalam National Single Window* sebagai platform memberikan kelulusan import permit.

   Sebahagian agensi, iaitu *AITI* dan Bahagian Kawalan-Kawalan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan telah mula menggunakan *module auto approve* dalam *Brunei Darussalam National Single Window*;

5. Mengintegrasikan *Brunei Darussalam National Single Window* dengan sistem *e-Payment Gateway* bagi membolehkan pembayaran secara *online* mulai 1 April 2016;

6. Bermula 1 Disember 2016, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah memulakan perkhidmatan secara 24 jam, 7 hari seminggu di Terminal Kontena Muara. Inisiatif ini dihasratkan agar dapat meningkatkan lagi efisiensi peningkatan import dan eksport di negara ini;

7. Memperkenalkan *code of ethics for professional accountant* bermula 1 Januari 2017;

8. Memperkenalkan Brunei Darussalam *Accounting Standard* yang akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 tahun hadapan;

9. Memperkenalkan Perintah Ketidaksolvanan 2016 bagi penstrukturan semula dan pemilihan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan operasi bagi tempoh sementara;

10. Menubuhkan *income tax board of review* bagi meneliti kes-kes bantahan tafsiran tempatan dari syarikat-syarikat untuk mewujudkan pentadbiran cukai korporat yang lebih telus dan saksama, di samping untuk meningkatkan usaha kutipan tunggakan.

11. Selain itu, dalam usaha meningkatkan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan awam serta untuk mengawal kos operasi, inisiatif-inisiatif untuk *streamlining* struktur organisasi Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya dilaksanakan yang antara lainnya yang melibatkan langkah-langkah yang berikut:

    i. Penyerapan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, Kementerian Kewangan ke Jabatan Perbendaharaan;

    ii. Pencantuman beberapa bahagian di Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya;

    iii. Menggabungkan Unit-Unit Audit Dalaman di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kewangan kepada satu Unit Audit Dalaman sahaja dan seterusnya menubuhkan satu Jawatankuasa Audit Dalaman di peringkat kementerian bagi meningkatkan kapasiti dan keberkesanan fungsi audit dalaman dan seterusnya mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia; dan

    iv. Menubuhkan *delivery unit* dengan peranan utamanya untuk memantau, memudah cara dan memastikan perancangan strategik Kementerian Kewangan dilaksanakan secara efisien dan berkesan.

12. Dalam usaha untuk meningkatkan hasil, memperkenalkan sistem penyewaan fasiliti *(facilities rental system)* yang membolehkan orang ramai menyewa kemudahan sukan, riadah dan lain-lain di jabatan-jabatan kerajaan termasuk sekolah-sekolah. Sejak pengenalannya pada

1 September 2016, sebanyak 114 *facilities* telah dibukakan dengan jumlah kutipan hasil sehingga bulan Februari 2017 berjumlah sebanyak $74,383.00;

13. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pembayaran, langkah-langkah pembaikan telah dilaksanakan seperti penambah-baikan dan penguatkuasaan penggunaan modul, kontrak dan *purchase order*. Mengadakan *email notification* dan penambahbaikan modul *housing loan* dalam *Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS)* serta mengadakan *SMS Notification;* dan

14. Menubuhkan *vendor clinic* di Jabatan Perbendaharan. Sehingga 27 Februari 2017 sejumlah 922 dari 1,400 ataupun 66% aduan telah dapat diselesaikan yang melibatkan pembayaran sebanyak $53.464 juta ataupun 93.47% dari jumlah $57.199 juta yang tertunggak.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pada Tahun Kewangan 2017/2018, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan Gaji dan Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak $752,757,245.00. Jumlah ini berkurangan sebanyak kira-kira $272,023,675.00 dari peruntukan Tahun Kewangan 2016/2017. Pengurangan ini antara lain mengambil kira penyediaan peruntukan sebanyak $300 juta untuk Projek Jambatan Temburong di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan yang sebelumnya disediakan di bawah akaun Perkhidmatan Rampaian, Jabatan Kementerian Kewangan. Ianya dipindah kepada peruntukan Kemajuan Negara.

Pada Tahun Kewangan 2017/2018, Kementerian Kewangan akan terus memberi penekanan kepada perbelanjaan secara berhemat, meningkatkan produktiviti negara bagi perkhidmatan di bawah Kementerian Kewangan, mempelbagaikan aktiviti dan asas ekonomi negara dengan memudahkan perniagaan, membina kapasiti dan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dan memelihara kesejahteraan awam, meliputi aspek kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan negara dan masyarakat. Selaras dengan keutamaan tersebut Perancangan dan Pelan Tindakan Kementerian Kewangan akan menjurus kepada melaksanakan usaha-usaha dan langkah-langkah seperti berikut:

1. Sejajar dengan usaha Reformasi Pengurusan Kewangan Kerajaan *(Public Financial Management Reform)* mulai 1 April 2017 seperti yang telah diterangkan *ordinary expenditure* digabungkan dengan perbelanjaan RKN;

2. Meningkatkan kutipan dan memperluaskan asas sumber hasil pendapatan antaranya dengan

melaksanakan seperti yang telah diterangkan tadi:

i. Memperluaskan lagi pelaksanaan *FRS* yang membolehkan orang ramai menyewa lebih banyak kemudahan sukan, dewan dan lain-lain secara *online*;

ii. Meneruskan sesi muzakarah bersama kementerian-kementerian untuk mendalamkan lagi kefahaman dan pendedahan mengenai Peraturan Kewangan bagi meningkatkan pengurusan kewangan masing-masing termasuk proses kutipan tunggakan dan sebagainya. Proses tunggakan ini dalam $300 juta lebih tunggakan kepada pihak swasta ertinya pihak swasta berhutang kepada kerajaan $300 juta lebih, kebanyakannya $260 juta bil elektrik dan ada cukai-cukai pintu dan sebagainya yang belum dijelaskan; dan

iii. Meneliti inisiatif-inisiatif baru dan memantapkan bidang percukaian antaranya dengan memperluaskan asas cukai *(widening tax base),* memantapkan penafsiran cukai *(tax assessment)* dan mempertingkatkan penguat-kuasaan cukai *(tax enforcement)* melalui pelancaran *field audit* dan penyediaan *public rulings.*

3. Melaksanakan inisiatif berterusan bagi mengukuhkan pembangunan modal insan melalui pelaksanaan program-program pembangunan, pengurusan dan kepimpinan Kementerian Kewangan *(MOF Lead Program)* dan Program Latihan Berstruktur Tahunan Kementerian Kewangan dan meneruskan pengendalian *vendor clinic* dan pemantauan sistem *invoice tracking* bagi menangani isu pembayaran lambat.

Secara ringkas peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Kewangan adalah seperti yang berikut:

i. Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak $55,325,865.00; dan

ii. Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak $697,431,380.00. Antara perbelanjaan di bawah kategori ini termasuk Perbelanjaan Berulang-Ulang di bawah Perkhidmatan Rampaian dengan peruntukan sebanyak $541,199, 982.00 untuk kegunaan bukan sahaja Kementerian Kewangan guna sama bagi semua kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan contohnya peruntukan perbelanjaan Elaun Cuti dan Tambang, Lawatan Pakar dan Penasihat, Elaun Pelajaran yang dipohonkan oleh semua pegawai dan kakitangan di dalam kerajaan.

Akaun Fokus perbelanjaan antara lainnya bagi melaksanakan Skim *Apprenticeship* graduan sebanyak $15 juta. Projek Pengambilan dan Pengurusan Ketua Guru Pakar dan Guru Pakar bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan

Matematik sejumlah $17 juta. Peruntukan sebanyak $5 juta bagi mendukung pembangunan kemajuan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Projek fokus disediakan sebanyak $10 juta khusus bagi membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus perbelanjaan negara dan Projek Rampaian disediakan sebanyak $7.5 juta khusus bagi menampung pembiayaan atau pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan. Perbelanjaan Kemajuan disokong sebanyak $300 juta untuk membiayai projek Jambatan Temburong. Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Kewangan berharap melalui pelaksanaan program dan projek yang dirancang, ia akan dapat mendukung usaha ke arah meningkatkan perkembangan ekonomi negara, memperkembangkan sektor swasta termasuk dalam menarik Pelaburan Langsung Asing, meningkatkan hasil pendapatan negara khususnya dari Sektor Bukan Minyak dan Gas, melaksanakan *priority spending*, menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan lain-lain selaras juga dengan menyokong tema belanjawan negara 2017/2018 iaitu Belanjawan Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan *(Sustainable)*.

Terakhir Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga memohon bahawa ada satu jabatan di bawah Kementerian Kewangan yang boleh disifatkan sebagai jabatan yang tertutup dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka, jabatan berkenaan adalah Jabatan *HM's Flight*. Jadi kaola memohon supaya ia tidak dibincangkan secara terbuka untuk jabatan tersebut. Sekian yang dapat kaola kongsikan sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin atas kenyataan tentang Kementerian Kewangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya bukakan Tajuk Kementerian Kewangan untuk kita bahaskan.

Dalam senarai yang ada pada saya ini, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terlebih dahulu terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kaola ingin membincangkan tentang pengumuman pindaan cukai seperti cukai import yang telah dikurangkan atau ditiadakan.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menarik perhatian kepada pertukaran cukai eksais yang berkemungkinan akan memberi impak kepada kos produktiviti syarikat-syarikat tempatan. Kaola ingin mencadangkan supaya boleh meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam serta penerangan mengenai kebaikan dan kekurangan inisiatif tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas cadangan tersebut yang kaola lihat cadangan itu supaya pemberigaan akan dibuat untuk memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai impak penurunan dan pengenalan *excise duties* kepada satu-satu produk. الْحَمْدُ لله mulai minggu ini, hari ini juga selepas ada pengumuman kelmarin ada beberapa jerayawara telah diprogram supaya orang ramai mengetahui mengenai impak cukai ini dan sekurang-kurangnya orang ramai dapat memberi *feed back* (makluman balas) dari jerayawara itu.

Ada sudah program-program itu إِنْ شَاءَ اللَّهُ dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas cadangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kaola ada soalan bagi Tajuk Jabatan Kementerian Kewangan mengenai pembayaran lewat *(late payments).* Kaola sudah pun membawa isu *late payment* ini semasa muzakarah bersama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan akan tetapi isu-isu ini sering di *highlight* oleh pihak swasta dan dalam kalangan orang ramai jua mengenai perkara ini sehingga mengakibatkan ada usahawan terpaksa menutup syarikat ataupun mengurangkan kakitangannya. Pemantauan di antara semua kementerian hendaklah diselaraskan:

1. Adakah sudah cadangan atau mekanisme untuk memproses pembayaran secara *end to end* seperti contoh menghantar invois melalui talian *online*, *tracking proses* dimulakan dari penghantaran invois secara di *upload* atau dimuat naik oleh syarikat itu sendiri hinggalah bayaran diluluskan?; dan

2. Sehubungan dengan *late payments* kaola ada menerima maklumat dari *Darussalam Enterprise* mengenai *late payments* iaitu data-data yang menunjukkan bahawa jumlah kes yang diterima dari tahun 2016 hingga 16 Februari 2017 sebanyak 1,315 kes sudah diterima dan hanya setakat 89 kes telah diselesaikan sehingga 16 Februari. Kes-kes pembayaran lambat yang masih tertunggak adalah sebanyak 1277 dengan jumlah yang tertunggak ialah $55,836,925.00 bagi 66 buah syarikat. Adakah peruntukan pada tahun ini disediakan di setiap kementerian untuk membayar syarikat-syarikat yang masih ada tunggakan pembayaran? Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih persoalan daripada Yang Berhormat mengenai kelambatan pembayaran dan cadangan-cadangan tadi. Langkah-langkah inisiatif Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan pembayaran memang sudah *on going*. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sejak tahun 2014 kita telah memperkenalkan *invoice tracking module* dalam *TAFIS* untuk meningkatkan akauntabiliti dan visibility ke atas proses pembayaran dan seterusnya memastikan pemantauan yang telus.

Pada Februari 2015 *email notification* dalam *invoice tracking module* telah diperkenalkan ia dapat memberikan ketelusan *(transparency)* kita dapat meliat di mana sebenarnya invois tersebut berada sama ada di kementerian-kementerian ataupun di Kementerian Kewangan atau di jabatan-jabatan. Pada Jun 2015 dan April 2016, Jabatan Perbendaharaan telah melaksanakan peningkatan ke atas *contract module department* tawaran bagi memastikan setiap permohonan, pembayaran dan pemantauan dapat dibuat melalui sistem *TAFIS* termasuk pembayaran berkaitan dengan projek RKN dengan waran dikeluarkan secara *online* melalui *TAFIS*. Kementerian Kewangan memberi peringatan kepada kementerian dan jabatan-jabatan supaya memenuhi peraturan iaitu membuat sebarang komitmen itu mestilah ada disediakan seperti pengeluaran Pesanan Rasmi atau *Purchase Order* dan seterusnya membuat proses pembayaran dengan segera selepas pembekalan perkhidmatan diselesaikan. Pada masa ini telah pun diberikan kepada kementerian-kementerian.

Sebagaimana yang dikongsikan dalam muzakarah dulu dapat kita lihat kementerian-kementerian ada yang sudah melaksanakan pembayaran-pembayaran itu *within* TPORnya ada hanya 2, 3 kementerian yang melimpasi 20%, yang lain-lain itu nampak-nampaknya *single digit* ada yang 6% dan 1% dan ada kementerian-kementerian itu sudah melaksanakan.

Cuma apa yang mendukacitakan saja kadang-kadang disebabkan oleh orang *trying to beat the system* jadi ia tidak masuk di *invoice tracking system* itu. Apabila ia tidak masuk di *invoice tracking system* itu dengan sendirinya terkeluar. Jadi perkara ini susah untuk dipantau di mana kedudukan invois pada masa ini. Itulah menyebabkan kelambatan-kelambatan.

الْحَمْدُ لله perkara ini diambil maklum dan kita akan berunding lagi dengan kementerian-kementerian bagaimana cara-cara kitani lagi mempercepatkan. Bagaimana kitani jua dilihatkan dalam muzakarah hari itu yang ada dalam televisyen macam mana cara-cara *vendor* itu menghadapkan segala tuntutan *(claim)* mudah-mudahan akan lebih efektif dan kita memohon kerjasama daripada pembekal-pembekal, syarikat-syarikat supaya mengikut cara-cara tuntutan iaitu mesti melalui sistem yang sedia ada.

Satu lagi, apabila kerja itu diberikan minta kepada kementerian-kementerian, agensi-agensi tersebut supaya *producing Purchase Order,* penting. Kalau sudah ada *Purchase Order* dengan sendirinya peruntukan ada. Jika belum ada *Purchase Order* mungkin peruntukan tidak ada. Ini yang jadi masalah dalam pembayaran.

Mengenai data-data Yang Berhormat bentangkan iaitu mengenai *DARe* 1,315 kes tapi di Kementerian Kewangan ada juga *Vendor Clinic* yang sudah saya nyatakan tadi. Sebenarnya kalau diceritakan terlalu panjang. Ada sebahagian tunggakan itu dari 6 atau 8 tahun yang lepas. Timbulnya perkara ini disebabkan apabila *DARe* membuka mengenai siapa yang lambat menerima pembayaran maka dipersilakan untuk membuat tuntutan.

Ini menyebabkan tuntutan sukar untuk di kesan memandangkan tempoh tuntutan sudah begitu lama dan orang yang mengesahkan produk itu juga sudah tidak ada lagi iaitu pencen dan juga sama ada barang itu sudah diterima atau tidak, tetapi *obligation* kerajaan disebabkan agensi-agensi sudah menempah maka terpaksalah dibayar juga.

Setakat ini kita meminta agar *vendor* itu membuat *declaration* mengenai tuntutan tersebut tidak pernah dibayar tapi *in good faith* kerajaan sudah menerima sehingga sekarang belum ada yang pernah mengembalikan sama ada *double payment* dan sebagainya tidak ada.

Mudah-mudahan kita dapat menyelesaikan perkara ini tapi kita perlu menutup masalah ini disebabkan ada yang tidak dapat di kesan sama sekali menjadikannya sukar untuk dibayar. Kerajaan tidak akan membayar begitu saja melainkan ada bukti barang-barang tersebut telah diterima.

Kita bersama-sama memberigakan perkara ini kepada syarikat-syarikat supaya mereka mengikut peraturan-peraturan dan proses. إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika mengikut peraturan dan proses apa yang kita janjikan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat ditunaikan. Segala kerja-kerja tersebut ada peruntukannya. Ini yang kita pohonkan iaitu kerjasama daripada semua pihak. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. الْحَمْدُ لله abis kaola menyambut baik usaha Kementerian Kewangan untuk meningkatkan celik kewangan ataupun *financial literacy* bersama dengan agensi-agensi yang dilibatkan seperti perbankan dan perkhidmatan insurans, seperti yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) kelmarin. Ini termasuk juga difahami setiap 28 Mei dikenali sebagai Hari Menabung Kebangsaan. Kaola pernah membawa perkara ini sewaktu sesi permuzakarahan dan di Dewan yang mulia ini kaola bercadang untuk membawanya secara

menyeluruh kerana perkara ini amat penting untuk rakyat mengetahuinya.

Di samping *retirement planning* yang diberikan melalui Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Pekerja (SCP) abis kaola ingin memberi usulan untuk mengadakan *Short Term Savings* untuk pekerja di pihak kerajaan dan swasta dan mungkin juga dilaratkan kepada penuntut di pengajian tinggi yang ingin turut serta.

Ini kerana *millennials* atau belia yang lahir dari tahun 1980-an hingga 2000 ada yang bekerja secara *job hopping.* Selepas beberapa tahun berkhidmat untuk mencari peluang yang lebih baik dan Simpanan Jangka Pendek ini dapat membantu mereka.

Short Term Savings ataupun apa saja nama yang akan diberikan nanti dapatlah membantu mereka sekiranya mereka berhenti berkhidmat dalam beberapa tahun untuk seperti contoh membuka bisnes kecil-kecilan, menyambung pelajaran atau sebagai *buffer* sementara mencari pekerjaan atau mencari pekerjaan yang lain. Ia hendaklah juga bersifat sukarela *(voluntary)* dan bolehlah bermula dari serendah 10% dan bolehlah dibuat melalui potongan gaji atau elaun mereka. Sebagai tarikan sesiapa yang mengikuti program ini perlu juga ada insentif supaya dapat mengamalkan budaya menabung.

Bayangkan saja abis kaola mengira tadi seorang graduan menerima elaun $300 sebulan selama 4 tahun dia akan dapat menyimpan $1,440.00 di akhir pengajiannya dari wangnya sendiri atau seorang pekerja bergaji $1,000.00 sebulan selama 10 tahun ia akan dapat menyimpan $12,000.00 dan dapat digunakan untuk apa jua kegunaan mereka. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik. Sebagaimana juga yang dicadangkan dalam permuzakarahan tersebut إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ abis kaola mengambil baik cadangan ini dan perkara ini akan difikirkan secara mendalam. Sebenarnya pada waktu ini memang sudah ada sukarela untuk rumah dan sebagainya.

Tapi untuk rumah ini orang menabung secara sukarela dan kalau 4 tahun ia menabung dengan sendirinya ia boleh diberikan sebanyak $25,000.00 untuk perumahan jumlah yang tertinggi tergantung pada gajinya dan juga *household income.* Kalau orang bujang separuh saja diberikan melainkan sudah berkahwin barulah mendapat jumlah sebanyak $25,000.00.

Satu cadangan baik. Apa yang dimaksudkannya tadi supaya orang itu akan menabung secara sukarela tapi ia akan dikeluarkan misalnya jika ia hendak menyambung pelajarannya ataupun ia ingin untuk membuka perniagaan dan sebagainya untuk jadi modal mereka. Ini cadangan yang baik dan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Merujuk balik cadangan yang pernah diutarakan sewaktu muzakarah yang lalu, kaola ingin menekankan mengenai cadangan tentang kesedaran kewangan.

Kaola difahamkan bahawa kementerian memang sudah menjalankan beberapa program berkaitan seperti Sambutan *National Savings Day* namun kesedaran ini perlu lagi diberigakan secara meluas. Ini disebabkan masih terdapat ramai penduduk yang terpedaya dengan skim cepat kaya dan seumpamanya ataupun tidak mempunyai simpanan yang mencukupi.

Kaola ingin mencadangkan agar Kementerian Kewangan dapat meningkatkan lagi usaha bagi kesedaran pendidikan kewangan bermula dari peringkat sekolah rendah bagi mengurangkan masalah-masalah sosial yang timbul disebabkan oleh kesempitan kewangan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Satu lagi cadangan yang baik untuk meluaskan lagi *financial literacy* ini. Memang pada waktu ini *is on-going* yang diusahakan oleh AMBD bank-bank TAIB, Takaful dan sebagainya ada membuat pemberigaan mengenai *financial literacy* dan memang dahulu ada juga yang diberigakan kepada anak-anak sekolah dan sebagainya.

Cuma barangkali sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak begitu luas. إِنْ شَاءَ اللهُ akan diluaskan lagi perkara-perkara ini. Orang yang akan baharu kahwin juga sebenarnya diberigakan. Ini penting bagi mereka. Kalau sudah kahwin sekurang-kurangnya ada *financial literacy,* اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dapat juga untuk memberikan keyakinan kepada mereka untuk *going forward.* Yang Berhormat Pengerusi, akan mengambil baik cadangan tersebut, إِنْ شَاءَ اللهُ terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin menambah penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) terhadap pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Kaola ingin memaklumkan bahawa dari segi *Authority Monetary* Brunei Darussalam sebenarnya sebagaimana yang telah dimaklumi sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan dalam sama-

sama usaha meningkatkan kemahiran celek kewangan atau *financial literacy skill* masyarakat demi menjamin kesejahteraan kewangan mereka.

Ini termasuklah memberi dukungan yang berterusan oleh agensi-agensi kewangan di Negara Brunei Darussalam ini. Pada tahun 2015 *Authority Monetary* Brunei Darussalam dengan kerjasama *Center of Strategic Policy Studies (CSPS)* telah melaksanakan sebuah kajian menyeluruh seluruh negara iaitu *Nation Wide Research* mengenai celik kewangan dan antara lain objektif kajian tersebut adalah untuk menilai tahap celik kewangan dan keupayaan kewangan *financial capability* masyarakat Negara Brunei Darussalam dan hasil daripada kajian tersebut beberapa cadangan dasar termasuk amalan terbaik *(The Best Practices)* telah pun digariskan yang mana bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran celik kewangan ini.

Pada 28 Mei 2015 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD telah mengisytiharkan tarikh tersebut sebagai Hari Menabung Kebangsaan. Antara objektif Hari Menabung Kebangsaan adalah untuk menyemai dan meningkatkan budaya menabung di kalangan seluruh masyarakat di negara ini, ianya juga bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai pentingnya pengurusan kewangan yang berhemat termasuk perancangan kewangan, pengurusan hutang dan pengumpulan simpanan.

Pada tahun 2016, AMBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan telah mengadakan Jerayawara Celik Kewangan ke sekolah-sekolah rendah. Ianya juga turut disertai oleh institusi-institusi kewangan dan *Junior Achievement Brunei*. Pihak AMBD juga telah mengadakan *Financial Funfair* yang mana sasarannya adalah bagi orang ramai terutama keluarga diberikan pendidikan kewangan melalui aktiviti-aktiviti dan permainan *interactive.*

Selain daripada itu dalam tahun 2016 AMBD juga telah mengadakan program-program yang menyasarkan kumpulan-kumpulan tertentu dan ini termasuklah taklimat-taklimat mengenai celik kewangan, biro kredit dan mata wang bagi kementerian-kementerian dan institusi-institusi pendidikan. AMBD juga telah mengeluarkan beberapa artikel dan *tutorial* mengenai celik kewangan dari semasa ke semasa demi untuk memperluaskan lagi penyebaran pendidikan kepada masyarakat. Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Kaola menambah sikit sahaja lagi Yang Berhormat Pengerusi. Tadi Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Timbalan Pengerusi AMBD ada menyebut tadi mengenai dengan ke sekolah-sekolah ini.

Kaola ada *information* di sini nampaknya ada kementerian-kementerian kerjasama Kementerian Pendidikan dalam mengadakan pertandingan menabung di sekolah-sekolah *(Global Money Week)* antara sekolah-sekolah yang pernah menyertai itu ada 26 sekolah yang sudah menyertai, tapi apa yang penting ialah dari segi untuk memastikan kejayaan itu adalah lebih kepada kesedaran kitani setiap individu itu dalam memastikan kewangan masing-masing diurus secara rapi dan berhemah dan sebabnya isu celik kewangan ini bukan sahaja memerlukan kerjasama daripada agensi kerajaan tetapi adalah melalui pendekatan secara *Whole of Nation*.

Dahulu pun pernah juga menyusur kampung pun ada juga dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat keterangan-keterangan dan kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh menteri-menteri yang berkenaan adalah cukup jelas dan saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya, dan kita masih lagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017), Perbekalan 2017/2018 satu-persatu, dan Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita sekarang masih lagi membincangkan Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A – Kementerian Kewangan.

Saya masih lagi mempunyai senarai beberapa orang Ahli Yang Berhormat suka untuk ikut serta pada membahaskan Tajuk Kementerian Kewangan ini. Nampaknya, Tajuk ini menarik minat semua ahli yang berkenaan. Saya mempersilakan sekarang, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ingin bertanya mengenai Tajuk SD03A – Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Pertanyaan kaola ini telah pun disuarakan oleh rakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi. Walau bagaimanapun, jika mendapat kebenaran kaola ingin juga menyampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh mengenai penyelarasan dan perubahan kepada kadar cukai import dan eksais yang baharu diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan berkuat kuasa mulai 1 April 2017.

Seperti yang difahamkan, dengan pengemaskinian kadar cukai import dan eksais ini, hanya barangan atau produk-produk yang disasarkan oleh kerajaan akan menurun. Ini bagi meringankan kos sara hidup terutamanya bagi golongan sasaran.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi:

1. Bagaimanakah pihak kerajaan nanti memastikan barang-barangan yang dijual di pasar raya ini dikawal berikutan dengan perubahan kadar-kadar cukai yang diperkenankan ini?; dan

2. Perniagaan dalam talian ataupun *online business* telah berkembang pesat di seluruh dunia tidak terkecuali negara kitani. Apa yang ingin kaola timbulkan di sini tentang kos penghantaran barang ke Negara Brunei Darussalam dari luar negara boleh dikatakan mahal dan tinggi yang kadang-kadang kos melebihi dari harga barang yang hendak kita beli jika dibandingkan dengan kos penghantaran ke negara jiran. Adakah kos yang mahal ini bersangkut paut dengan cukai yang dikenakan kerajaan atau disebabkan oleh perkara-perkara lain?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dengan 2 soalan tadi. Salah satu daripadanya ialah mengenai kawalan terhadap barang-barang yang إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ diturunkan cukai dan sebagainya. Kementerian Kewangan memang akan mengadakan perundingan dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai jabatan yang mengawal harga barangan iaitu barang-barang yang terkawal sahaja, tetapi perundingan jua akan diadakan supaya sekurang-kurangnya mengingati kepada pekedai-pekedai ataupun syarikat-syarikat yang terlibat itu supaya tidak menaikkan harga barangan yang sepatutnya diturunkan.

Ada kadang-kadang disebabkan perkara ini, bukan pula *maintain* harga tetapi *profit margin* naik. Ini akan mengingatkan pekedai-pekedai, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ supaya dengan adanya penurunan cukai itu tidak akan menaikkan harga barangan tersebut. Tujuan kitani ialah untuk membantu golongan sasaran misalnya tayar baharu, kitani menurunkan kepada 5% manakala misalnya barang-barang alat ganti juga diturunkan, kitani berpendapat sekurang-kurangnya kos untuk membaiki kereta dengan harga alat-alat ganti akan

turun. Ini memang akan dipantau dari semasa ke semasa.

Mengenai *online business* yang penghantarannya dari luar negeri mahal, itu bukanlah bersangkut paut dengan cukai kerana cukai kitani biasa dan *constant* dan tidak berkaitan dengan bayaran penghantaran. Kemungkinan ia dikenakan dari segi *volume* dan sebagainya yang pihak Kementerian Perhubungan mungkin mahu menambah. Ia tertakluk juga kepada barangan yang dibawa masuk dan jika ia untuk dikenakan cukai 5% maka 5% jugalah akan dicukai, dan jika 20% maka 20% juga akan dicukai. Perkara itu biasa, di tempat lain juga sama, mana-mana barangan yang patut dicukai maka akan dikenakan cukai juga.

Yang Berhormat Pengerusi: Mungkin *cost of freight* yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Memang *freight charge*, Yang Berhormat Pengerusi. Mungkin kos *freight charge* tersebut disebabkan *volume* atau *economies of scale*, yang memberikan kos yang murah.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan, untuk menyambung.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sedikit untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan harga barangan yang dihantar ke Negara Brunei Darussalam agak tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) tadi, ada isu yang di luar daripada jangkauan kitani yang berhubung dengan sistem logistik antarabangsa iaitu termasuk *Shipping International System* dan juga *Air Cargo System* atau sistem logistik pada keseluruhannya sama ada *air cargo* atau *sea freight*. Apa yang menjadi trend sekarang, apabila ekonomi global semakin bertumbuh dan kegiatan perdagangan semakin banyak, syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan perkapalan dan kargo lebih cenderung kepada memberi perkhidmatan kepada ekonomi-ekonomi yang pesat seperti ke Singapura, Hong Kong, Taiwan, China dan Malaysia. Ini dengan sendirinya merupakan satu cabaran besar kepada Negara Brunei Darussalam memandangkan *volume* untuk menarik perkhidmatan itu datang ke Negara Brunei Darussalam terlalu kecil.

Dengan demikian, kitani bergantung pada sistem internasional logistik ini kerana kitani berharap kepada *feeder services* syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan secara *feeding* dan tidak termasuk dalam sistem antarabangsa. Ini bermakna kita berhadapan dengan masalah:

1. Dengan harga yang tinggi, harga-harga yang dikenakan untuk

menghantar barang ke Negara Brunei Darussalam agak tinggi; dan

2. Waktu barang-barang itu sampai ke Negara Brunei Darussalam sehinggakan ada yang mencapai 2 bulan atau lebih.

Yang Berhormat Pengerusi. Perkhidmatan penghantaran sekarang ini pun sudah ada syarikat-syarikat persendirian yang memberi perkhidmatan yang lebih canggih yang mempunyai *global network* sebagai contoh *FedEx (Federal Express), UPS, DHL*. Mereka ini pun mempunyai *network global* dan lebih cekap jika penghantaran itu dihantar melalui syarikat-syarikat ini, kerana mereka mempunyai *network* tersendiri.

Kalau dihantar melalui sebagai contoh Sistem *Universal Postal Union Service* melalui pos, timbul masalah ini hinggakan barangan dari Amerika sebagai contoh tidak sanggup menghantar ke Negara Brunei Darussalam kerana ia tidak termasuk di dalam *International Logistic Service.* Jadinya kadang-kadang banyak penghantaran daripada mereka terpaksa dihantar ke China, Hong Kong, Filipina, Singapura. Dari Singapura ke Malaysia dan baru tiba di Negara Brunei Darussalam dan sebagainya. Itu masalah yang kita hadapi pada masa ini.

Adalah dikhuatirikan kalau kita tidak membuat langkah-langkah strategik seperti apa yang diusahakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos masa ini untuk mengadakan *strategic partner* dengan Singapura untuk mengadakan *voucher post* sebagai contoh untuk memastikan bahawa semua barangan yang ditujukan ke Negara Brunei Darussalam itu dapat disalurkan melalui Singapura. Inilah usaha yang sedang diusahakan. Mudah-mudahan dengan cara itu Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada Sistem Logistik Antarabangsa. Itu sahaja yang dapat kaola terangkan, mudah-mudahan dapat memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat tadi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ،
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Kaola mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah mengusahakan bermacam-macam isu untuk pembangunan rakyat Brunei.

Jadi, kaola tertarik dengan penubuhan *SME Bank* dan jua penubuhan Bursa Saham Brunei. Kaola di sini memohon supaya kemudahan pinjaman kewangan kepada peniaga-peniaga Brunei hendaklah $100 ribu ke bawah dipermudahkan dengan tanpa kolateral, tanpa cagaran, tanpa penjamin. Yang penting *business proposal*nya meyakinkan. Dipohon jua supaya pihak berwajib untuk memberikan

kepercayaan, keyakinan terhadap kemampuan kesungguhan rakyat Brunei untuk menjalankan perniagaan dan berdikari sepenuhnya hidup atas pendapatan perniagaan.

Dipohon juga untuk jangka waktu pembayaran balik sehingga 6 bulan. Ini memudahkan syarikat dapat menjalankan perniagaan dan mendapatkan hasil sebelum membuat pembayaran. Dengan adanya kemudahan pinjaman kewangan إِنْ شَاءَ اللَّهُ rakyat Brunei akan dapat berniaga dengan baik. Dipohon jua supaya pihak *SME Bank* akan memberikan *capital injection* jika diperlukan oleh syarikat-syarikat yang menghadapi masalah. Demikianlah terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua atas cadangan Yang Berhormat mengenai penubuhan *SME Bank*. Kaola akan mengongsikan sahaja mengenai *SME Bank* ini. Apa sebenarnya objektifnya. Pada tahun 2016 *background*nya ada firma pakar antarabangsa menganggarkan sebanyak 1700 *MSME* di Negara Brunei Darussalam ini tidak berupaya untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan dari pihak bank. Disebabkan oleh itu untuk membantu *MSME* ini ditubuhkanlah *SME Bank* ini.

Ia adalah untuk menyediakan *platform* bagi menyediakan dana bagi pinjaman kewangan yang mudah didapatkan sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam *accessible financing* untuk mendukung pertumbuhan *MSME* menggalakkan *start up* dan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan berkembang dan mendukung usaha mempelbagaikan sumber pendapatan negara jua. Jadi, ia mendukung perkembangan perniagaan dalam sektor yang disasarkan sahaja dan mewujudkan pekerjaan dalam *start up* Sektor *SME* dan jua akan memperluaskan dan memperdalamkan lagi Sektor Kewangan.

Sebenarnya *SME Bank* ini, kerajaan akan bekerjasama dengan *Technical Partner*. *Technical Partner* akan membantu dalam pengendalian dan pengurusan bank bagi 3 tahun pertama. Ia akan bertanggungjawab untuk menyelia penubuhan semua struktur dan fungsi bank, mereka bentuk prosedur garis panduan dan produk-produk dan menyediakan latihan dan bimbingan yang komprehensif untuk semua kakitangan di semua peringkat. Jadi mengambil peranan pengurusan utama termasuk *secondment of* Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Operasi.

Jangkaan tarikh pelancarannya adalah kira-kira 5 hingga 6 bulan yang akan datang. Pada waktu ini masih lagi di peringkat untuk menubuhkan. Misalnya kita perlu melantik Lembaga Pengarah *(Board of Directors)* nya, melantik Pengurus Bank, melantik Penyelia Pengurusan, meluluskan Pelan Strategik, ini *Board of Directors* yang menguruskan.

Apa yang biskita cadangkan itu, merekalah yang memikirkan itu. Jadi sebagaimana yang kita lihat dan dengar hari itu ia berdasarkan Konsep Patuh Syariah *(Syariah Compliance)*. Ia akan beroperasi berunsurkan *cashless* dan *credit only*. Jadinya urus niaga dilaksanakan melalui *corresponding bank* yang sedia ada, misalnya bank-bank yang ada BIBD, Baiduri dan mana-mana jua bank yang berminat. Jadi strukturnya itu nanti dan rangkaian cawangannya akan *link*.

Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan pada setakat ini, sebabnya bank itu kita tunggu dalam 5 ke 6 bulan itu sebabnya tempatnya itu kaola masih lagi memikirkan masa ini dan jua *Board of Directors* dan pengurusan-pengurusan. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Pada petang ini kaola akan menyentuh mengenai pencen, mungkin lain daripada rakan-rakan.

Jadi syukur اَلْحَمْدُ لله pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan perkhidmatan awam sebelum tahun 1993 dalam Skim Perkhidmatan Berpencen. Apabila pegawai-pegawai dan kakitangan ini berpencen akan dihulurkan pencen bulanan separuh daripada gaji terakhir mereka sebelum bersara. Kemudian akan menerima pencen bulanan dengan kadar ¾ daripada gaji yang diterima sebelum bersara setelah perkhidmatan pegawai dan kakitangan yang berpencen genap 15 tahun. Barangkali tempoh ini terlalu lama sehinggakan ada sebahagian daripada pegawai-pegawai dan kakitangan tidak sempat menikmatinya. Barangkali oleh itu tempoh yang 15 tahun itu akan dapat dikurangkan ke sesuatu tempoh yang bersesuaian.

Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan tidak berpencen ataupun menerima TAP juga ada menyuarakan supaya mereka ini apabila bersara daripada perkhidmatan supaya akan dapat diteruskan menerima Elaun Sara Hidup kerana mereka ini pun berbakti semasa perkhidmatannya. Begitu juga bagi pegawai-pegawai yang berpencen, apabila umur mereka mencapai 70 tahun, Elaun Sara Hidup itu juga dapat diteruskan.

Mengenai kenaikan gaji tahunan EB Khas. Kenaikan gaji EB Khas akan disokong apabila tempoh sudah genap 3 tahun dengan sekurang-kurangnya mendapat prestasi sangat baik. Barang-kali tempoh ini juga perlu dikaji semula bagi mereka ataupun pegawai-pegawai dan kakitangan itu mendapat prestasi yang cemerlang. Perkara ini juga akan memberikan semangat mereka untuk

menunjukkan produktiviti dan kualiti kerja. Sekian itu sahaja kali Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Apakah cadangan pertama Yang Berhormat tadi?

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Yang Pertama itu, selalunya apabila kitani berpencen genap 15 tahun akan dihulurkan pencen ¾ Yang Berhormat. Jika boleh dikurangkan daripada 15 tahun.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih jua atas keprihatian Yang Berhormat mencadangkan supaya 15 tahun itu dipendekkan. Pencen ini sebenarnya ada aktanya. Akta-akta pencen yang ada sekarang ini memang seperti itu. Akta yang mentadbir mengurus pencen-pencen tersebut. Perlu kitani fikirkan secara mendalam perkara ini dari segi implikasinya kepada kerajaan. Kalau kitani memendekkan lagi tempoh itu memanglah kitani seboleh-bolehnya kalau kitani berumur ani seboleh-bolehnya mahu menikmati pencen itu. Cuma yang akta itu memberitahu kalau sekiranya orang itu meninggal sebelum 15 tahun itu diterimanya ia akan menerima pencen turunan jadinya balunya dan anak-anaknya yang dapat. Itu yang ada pada waktu ini. Cadangan itu diambil maklum dan akan diteliti secara mendalam terutama implikasinya itu. Implikasinya itu banyak.

Kemudian mengenai Elaun Sara Hidup (ESH), TAP ini ialah *contribution*. Sama-sama *contribute*. Kalau pegawai kerajaan yang berpencen kerajaan membayar sebab itu ada ESH. Cuma kalau kitani kan membayar macam itu banyak jua *implication* sebabnya kalau melihat kerajaan pada masa ini membayar $124 juta untuk orang-orang kerajaan yang berpencen sahaja. Jika kitani masukkan orang-orang yang menerima TAP ini akan menjadi *double*. Mungkin tidak *sustainable* kitani. Ini sebagai pandangan sahaja bukannya tidak menimbangkan cadangan Yang Berhormat.

Yang ketiga itu mengenai dengan EB Khas itu pun peraturan-peraturan yang ada pada waktu ini. Boleh pula kitani meneliti perkara-perkara ini secara mendalam sebagaimana yang kitani nyatakan tadi terpaksa kitani meneliti implikasinya kerana banyak orang yang terlibat kerana pegawai-pegawai kerajaan 61 ribu dalam *established posts*. Bayangkanlah dari segi implikasinya kalau kitani akan memendekkan lagi tempoh tersebut. Tetapi tiap-tiap tahun memang ada *increment* kitani dapat setiap tahun dalam beratus juta dalam setahun. Itu sahaja yang kaola dapat sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, usaha mengatasi pengangguran. Usaha-usaha sedang pun atau telah pun berjalan atau dibuat seperti mengadakan Program *I-RDY (i-ready),* Kursus Keusahawanan telah pun berjalan الْحَمْدُ لله .

Kaola ingin membuat usulan Yang Berhormat Pengerusi supaya syarikat anak-anak tempatan benar-benar diusahakan oleh anak-anak tempatan bukan yang dikatakan "Ali Baba" akan diberi insentif ataupun program insentif dalam pemberian tawaran-tawaran kerajaan. Misalnya amanah syarikat yang mempunyai pekerja misalnya tempatan dalam 30% ke 50% orang tempatan yang diambilnya maka ia akan diberikan tawaran tersebut walaupun harganya melebihi daripada orang-orang yang lain. Mekanismenya itu diserahkan kepada pihak yang berwajib.

Buat permulaannya, kaola cadangkan akan diberikan pada peringkat awal ini untuk tawaran-tawaran yang kurang daripada 25 ribu iaitu *quotation* bagi ke semua kementerian. Bagi tawaran-tawaran yang besar kaola mencadangkan supaya *sub-contract* yang ada dikhaskan kepada syarikat-syarikat tempatan itu akan diberikan dengan harga yang berpatutan bukan dengan harga yang kadang-kadang dilihat tidak munasabah.

Kemudian mengenai pengambilan pekerja-pekerja tempatan kaola cadangkan supaya gaji yang diberikan itu akan diberikan gaji yang minimum sesuai dengan misalannya mengambil yang bergraduan sesuai dengan graduan yang kitani latih dalam *I-RDY (i-ready).* Mengenai perkara yang lain, الْحَمْدُ لله kitani telah mendengar bahawa banyak cukai mesin dan sebagainya sekarang ini telah pun dikurangkan cukainya. Kaola ingin bertanya Yang Berhormat, sebelum ini ada keistimewaan diberikan kepada pembelian mesin-mesin yang digunakan untuk pekilang-pekilang.

Jadi, apabila biasanya ia menulis surat kepada Kementerian Kewangan, jika dahulu melalui BINA. Jadi memohon supaya ia akan dibebaskan daripada cukai. Jadi adakah dengan adanya penurunan sistem pengurangan cukai yang ada sekarang, perkara itu masih dikekalkan atau ditiadakan? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Dua, perkara yang dicadangkan usulan mengenai syarikat anak-anak tempatan bukan "Ali Baba" supaya tawaran-tawaran kerajaan itu diberikan keutamaan dan akan diberikan keistimewaan kepada mereka. Terutamanya tawaran-tawaran kecil dan mana-mana jua tawaran-tawaran besar, *sub contract* itu untuk orang-orang tempatan. Tidak silap di industri minyak dan gas, memang sudah ada perkara ini berlaku, barangkali rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian akan dapat menerangkan secara *detail* perkara itu. Memang perkara ini diberikan keistimewaan, cuma apa yang ialah

orang-orang kita harus benar-benar berbisnes secara *hands on.*

Kadang-kadang apa yang didapati pada waktu ini, kita memberi tender itu kerana mereka ini orang kita dan selepas itu di*subcon*. Inilah yang kita tidak mahu. Ini cadangan kita *the other way round,* orang-orang yang benar-benar ada *instinct*nya, orang-orang tempatan kita benar-benar mengerjakan perkara itu.

Mengenai dengan cukai ini, *heavy industry* cukai-cukai dahulu ada *rebate* apa. Kalau tidak silap saya akan menyemak lagi. Pemikiran saya, memang masih lagi berjalan perkara itu. Jadinya, perkara itu memang masih lagi dilaksanakan dan bukan sahaja itu, dulu banyak syarikat tempatan ini kita membayar *rebate*, tapi ia mesti ada Sendirian Berhad (Sdn Bhd). Misalnya, kalau sekiranya ia mengambil pekerja kita, orang-orang kita dalam *certain* macam gaji ia ditolak sebagai perbelanjaannya itu, itu orang kita tu, kalau ia menghantar orang kita itu berlatih ditolak lagi *profit*nya itu.

Jadi, sebab itulah jika sekiranya *profit*nya itu *certain amount* ditolak dengan itu, tidak banyak ia membayar, *corporate tax*nya. Sama jua yang inda salah *income*nya *less then certain amount* tidak kitani men*tax,* ada sudah kalau tidak silap dalam tahun 2008/2009 sudah kitani melaksanakan program-program untuk membantu orang-orang kita di syarikat-syarikat tempatan, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih. Kaola akan menambah sedikit sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi dari pertanyaan Yang Berhormat. Dalam sektor minyak dan gas, kandungan perniagaan tempatan adalah menjadi salah satu daripada syarat untuk *qualifying for tenders* dan arahan ini arahan *local business directive* yang dikeluarkan pada tahun 2011 bermatlamat bagi membangunkan إِنْ شَاءَ اللَّهُ *truly Bruneian business* seperti mana juga yang diharapkan oleh Yang Berhormat. *Truly Bruneian Business* yang mengamalkan prinsip perniagaan yang kukuh.

Selain itu, arahan ini juga menggalakkan persaingan sihat dan membasmi monopoli dan *market domination*. Sebelum arahan berkenaan hanya terdapat 5 buah syarikat yang monopoli perniagaan di sektor minyak dan gas. Semenjak arahan EDB dikeluarkan sebanyak 46 buah syarikat PKS tempatan baharu telah berjaya mendapat kontrak pertama mereka dengan bernilai keseluruhannya $962 juta.

Di samping itu, Jabatan Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, juga mengeluarkan arahan dua *local business directive* pada 1 Februari 2012. Sama juga bagi menangani isu 'Ali Baba' dalam syarikat-syarikat tempatan. Kepatuhan kepada arahan ini adalah diperlukan bagi mana-mana tawaran yang dikeluarkan di sektor

minyak dan gas. Pemilik syarikat-syarikat dikehendaki aktif dalam pengendalian perniagaan mereka. Pemantauan telah dibuat melalui lawatan permuzakarahan ke syarikat-syarikat tempatan. Mana-mana syarikat yang mempunyai pemilik tempatan yang tidak aktif, mereka tidak akan dianugerahkan kontrak atau pembaharuan kontrak dengan mana-mana operator di sektor minyak dan gas.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola kongsikan bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga akan bercakap mengenai dengan Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan.

1. Berhubung dengan Ringgit Brunei yang mengalir ke luar negara. Kalau kita melihat senario pada masa ini, pihak kerajaan berbelanja berbilion-bilion dalam negara khusus dalam pembangunan dan kebajikan rakyat. Sementara di sebelah satu pihak iaitu sebahagian daripada rakyat kita suka berehat dan berbelanja di luar negara. Sebagaimana yang saya tahu bahawa hampir $5 bilion setahun, Ringgit Brunei mengalir ke luar negara dan ini tentulah tidak menguntungkan negara kita; dan
2. Sementara pengusaha-pengusaha luar yang menggunakan lesen tempatan telah mengaut keuntungan beratus-ratus juta. Mereka ini juga tidak dapat membuat pelaburan di Brunei di negara kita ini, kerana mereka bukanlah pelabur yang sah dan mereka ini tidak dikenakan cukai juga dan mereka ini terpaksa menghantar wang hasil keuntungan mereka ke negeri asal mereka. Jadi kedua-duanya merugikan Negara Brunei Darussalam. Jadi apakah ada langkah atau inisiatif agensi kerajaan kitani untuk mengurangkan pengaliran wang Ringgit Brunei ini ke luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Mengenai yang pertama tadi, ialah aliran mata wang Brunei mengalir ke luar negara. Untuk makluman memang betul, jumlah mata wang Brunei yang kita terima daripada MAS atau *Monetory Authority Singapore* pada tahun 2016 berjumlah B$1,247.33,00 manakala wang Brunei yang dikembalikan ke Brunei hanyalah berjumlah Ringgit Singapura $1.34 juta sahaja.

Jadi ini menunjukkan bahawa aliran mata wang Brunei adalah tinggi. Jadi, betul seperti Yang Berhormat nyatakan itu kalaulah misalnya orang kitani menggunakan wang itu untuk berbelanja

dalam negara akan dapat membantu perkembangan ekonomi dalam negara ini. Ini memberikan kesan positif seperti pembelian barang makanan dan sebagainya.

Dalam hubungan inilah kita memerlukan semua agensi bekerjasama bagi mewujudkan *'whole nation approach'* bagaimana kita mahu menangani perkara ini. Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi sebelum ini bahawa *AMBD* menggalakkan supaya kitani dapat menanamkan budaya menabung kepada warga negara orang-orang kitani.

Bagi pihak *AMBD* juga telah pun membuat satu inisiatif melantik *Centre For Strategic Policies Studies* satu kajian yang bertajuk *Reducing Cross Border Expenditure by making Brunei Darussalam as a preferred Holiday Destinations by 2025*. Dari kajian ini telah membuat beberapa sokongan. Jadi lagi sekali semua ini memerlukan *conserted effort* usaha bersama kitani untuk menangani perkara ini.

Sebagai contoh apabila Kementerian Kewangan mengisytiharkan kurangnya cukai harga tayar kereta yang baharu, alat ganti akan kurang cukai. Saya harap perkara seperti ini akan menggalakkan orang ramai untuk menukar tayar kereta di Brunei. Kerana kadang-kadang kita lihat orang Brunei menukar tayar kereta pun ke negara jiran. Jadi ini kesedaran harus ada pada orang kitani sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi kalau diizinkan akan dapat merespon atau memberikan keterangan kepada satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Soalan kedua mengenai bursa saham.

Jadi kedudukannya pada masa ini inisiatif bagi penubuhan bursa saham ini dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Autoriti Monetori Brunei Darussalam *(AMBD)*. Beberapa inisiatif, awal telah pun selesai disediakan seperti penyediaan peraturan-peraturan bursa saham, sistem infrastruktur dan pendidikan awal. Pihak Kementerian Kewangan dan *AMBD* akan terus mengukuhkan dasar-dasar dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ jika semua ini sudah payu nanti barulah kitani akan dapat melancarkan penubuhan Bursa Saham Brunei ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mencadangkan satu usul berhubung dengan Tajuk SD01A – Kementerian Kewangan. Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat

Pertama Musim Permesyuaratan Yang Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ada menitahkan supaya diperkasakan ekonomi orang kitani.

Jadi kaola lihat selama ini orang kitani itu macam kehilangan indung. Misalnya saja apabila mereka ingin membangunkan hartanah mereka. Mereka tidak tahu ke mana hendak mengadu akhirnya mereka terperangkap dan terjebak dengan menggunakan *developers* dan akhirnya mereka terjebak lagi dalam perjanjian-perjanjian yang langsung tidak menguntungkan mereka, malah menguntungkan pemaju-pemaju hartanah dengan syarat-syarat yang tertentu.

Dengan kemajuan yang pesat sekarang apalagi kaola dengar khusus bagi Daerah Temburong yang sunyi sepi pada masa ini keadaan ekonominya. Dengan terbinanya nanti Jambatan Penghubung ke Daerah Temburong tentulah banyak projek akan dijalankan antaranya yang sudah dititahkan iaitu pembangunan Kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan lain-lain lagi. Tentulah banyak peluang perniagaan dan perusahaan bagi Daerah Temburong. Kaola tahu banyak orang di Daerah Temburong dan orang-orang Bandar Seri Begawan telah membeli hartanah di Daerah Temburong. Baharu semalam kaola berjumpa seorang teman "baru ku membeli tanah di Daerah Temburong kerana pembinaan jambatan yang akan siap itu".

Untuk itu Yang Berhormat Pengerusi, supaya orang-orang kitani ini tidak lagi terjebak dengan keadaan yang merugikan itu, kaola cadangkan kerajaan kalau dapat menubuhkan satu dana bagi menjana ekonomi negara ini dan diberi nama Dana Pembangunan Hartanah Orang-Orang Melayu Brunei khusus untuk orang-orang Melayu sahaja. Kitani lihat orang Melayu kitani masih lagi ketinggalan dari segi permodalan dan sebagainya. Dengan adanya dana ini dapatlah nanti orang kitani itu membangun hartanah mereka dengan tersusun dan teratur dan dapat pula menjana ekonomi negara dengan sebaik-baiknya. Selama ini banyak sudah yang terlepas ke tangan orang lain.

Sehubungan dengan itu, kaola minta dapat sekiranya Kementerian Kewangan memberikan data hartanah orang kitani yang sudah terlepas kepada orang lain. Maksudnya berapa banyak pembinaan yang ada masa ini yang menggunakan *developers* itu untuk kitani mengatur strategi bagaimana masa hadapan kitani tidak mahu lagi orang kitani itu 2/4 ataupun 6/4, kalau boleh keseluruhan projek itu mereka yang punya dan menguntungkan bangsa kitani sesuai dengan slogan atau falsafah Melayu Unggul, Islam Unggul dan Sistem Beraja yang mantap.

Itu sahaja pandangan kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga saranan daripada Yang Berhormat dan terima kasih atas

keprihatinannya terhadap orang kitani Melayu ini supaya ia unggul. Kaola Yang Berhormat Pengerusi akan kongsikan sebenarnya sebagaimana Yang Berhormat Pengerusi barangkali maklum juga yang lama-lama ani maklum juga dulu-dulu, ada sebenarnya dana ini ditubuhkan di *EDB* pada waktu itu, *Financial Institution* di Negara Brunei Darussalam belum berkembang.

Pada waktu itu, kitani mengadakan dana tersebut dan banyak orang Melayu kitani membangun hartanah terutamanya membangun rumah pada ketika itu. Pada ketika itu, tidak ramai yang membangun kedai, hanya banyak membangun rumah sewa. Pada ketika itu, oleh sebab kitani akan merdeka ada '*boom*' iaitu ekonomi kitani *booming*. Kerajaan menyewa rumah-rumah dengan sewa yang tinggi.

الْحَمْدُ لله menolonglah orang-orang kitani itu dan dapatlah mereka itu melunaskan segala pembayaran hutang-piutang mereka itu. Tapi pada tahun 1990-an, apabila ekonomi kitani mengalami penurunan banyaklah orang yang tidak dapat membayar hutang-piutangnya itu. Apabila tidak membayar hutang-piutang tersebut, kerajaan الْحَمْدُ لله dengan ihsan kerajaan, kitani *restructure* hutang-piutang itu. Pada tahun 1990-an *EDB* itu dibubarkan dan di*absorb* ke dalam Unit Perancang Ekonomi menjadikannya sebagai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, tugas-tugas *EDB* bagi kemajuan telah diambil alih tapi tugas-tugas bank pinjaman itu diambil alih oleh sebuah bank.

Pada waktu itu, kita menubuhkan Bank Pembangunan Brunei. Bank Pembangunan Brunei ini mempunyai objektif jua untuk menolong orang Melayu kitani untuk berniaga dan termasuk jualah untuk hartanah dan sebagainya. Apabila ditubuhkan Bank Pembangunan Brunei, cuma bertukar bidang tugas Bank Pembangunan itu menjadi *retail bank*. *Retail bank* seperti bank-bank biasa.

Akhir tahun 1990-an awal tahun 2000 ia digabungkan dengan Bank Islam Brunei maka jadilah pada waktu ini BIBD. Pada waktu ini, sebagaimana yang dinyatakan fokus kitani untuk memajukan orang-orang kitani ini dengan *SME Bank* supaya orang-orang *entrepreneur* akan dapat berkembang.

Apa yang kaola sampaikan ini, kita fokuskan sama ada menubuhkan dana tersebut. Apa yang penting ialah *commercial viability* projek itu. Ertinya projek-projek itu mesti ada *viability*nya. Sebab risikonya apabila tidak ada *commercial viability*nya, boleh jadi susah untuk membayar. Sama jua *EDB* banyak yang hutang-piutang sampai sekarang belum berbayar. Risikonya kerajaan menanggung hutang-piutang itu.

Dalam pada itu juga kerajaan, pada waktu ini tidak akan *crowding out* ertinya *crowding out* itu apa aktiviti-aktiviti biartah aktiviti diambil alih oleh swasta. Apa yang penting di sini kitani, kapasiti kitani itu sebagai apabila kitani ingin menjadikan Melayu unggul. Melayu mesti kapasitinya ditingkatkan kemahirannya seperti *financial*

managerial dan teknikal, barulah duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan orang lain. Barulah kompetitif dengan kepakaran yang ada. Kalau sudah ada kepakaran itu pihak bank pun bersedia meminjamkannya dengan adanya *business plan* tersebut. Kalau sekiranya projek itu *commercial viability* memang tidak ada masalah. Cabaran kita, untuk memberi unggul orang Melayu kitani.

Ianya mesti dipenuhi dengan segala kepakaran itu supaya kitani sama-sama berdiri dengan orang lain. Mengapa kitani hendak melihat 60-40. Kalau kita unggul, dari segi kepakaran kita ada *financial capability* kitani ada dengan sendirinya kitani boleh menjadi *developer* sendiri. Masa ini pun banyak juga orang melayu Yang Berhormat Pengerusi menjadi *developer* dan initah jua mesti ada kepakaran kitani dari segi *legal*, jangannya kitani banyak yang terlepas. Kalau kitani *legal capability* kitani itu ada, mungkin tidak akan terlepas.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyambut baik cadangan ini tetapi terpaksalah kitani kerajaan memikirkan dahulu. Tapi fokus kitani pada waktu ini, *SME Bank* ini untuk men*develop* orang yang berniaga ini supaya mereka ini sekurang-kurangnya menjadi peniaga yang *establish* dan bolehlah pada suatu masa akan datang *developer* إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ di Brunei ini orang Melayu sama dengan orang lain mesti jua bertanding, *competition is good*. Tapi dalam perkara itu, mestilah kita fikirkan *commercial viability* projek itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan juga beberapa orang Yang Berhormat Menteri-Menteri yang lain dan kita telah mengadakan perbincangan yang begitu rancak mengenai belanjawan Kementerian Kewangan.

Saya kira cukuplah perbincangan kita setakat itu dan sekarang tibalah masanya bagi kita untuk mengundi sama ada kita bersetuju dengan belanjawan Kementerian Kewangan ini atau sebaliknya. jadi, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A Kementerian Kewangan dijadikan sebagai Jadual daripada undang-undang yang berkenaan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Yang tidak bersetuju sila angkat tangan, nampaknya semua ahli bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A – Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan dibawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya nyatakan kita telah

mendengar penjelasan-penjelasan yang begitu terperinci daripada pihak Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan terhadap soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan, maka saya kira persidangan ataupun mesyuarat Peringkat Jawatankuasa ini sekarang eloklah kita tangguhkan dan kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pada esok hari iaitu hari Khamis, 9 Mac 2017 pada pukul 9.00 pagi.

Sekian, وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 10 Jamadilakhir 1438 / 9 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari keempat pada hari Khamis, 10 Jamadilakhir 1438 bersamaan 9 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ segala puji dan syukur kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى jua kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui pada hari ini, Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang keempat. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah pun bersidang di peringkat Jawatankuasa untuk meneliti satu-persatu tajuk-tajuk yang berkenaan.

Maka, bagi membolehkan kita untuk meneruskan mesyuarat ini di peringkat Jawatankuasa. Saya tangguhkan dulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada petang semalam telah meluluskan Tajuk-Tajuk bagi Kementerian Kewangan. Kita

sekarang akan berpindah pula ke Tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk-Tajuk yang akan kita bincangkan ini ialah Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, seperti lazimnya, saya ingin memberikan peluang dan menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat kenyataan pendahuluannya mengenai asas-asas penyediaan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan peruntukan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2017/2018 sebanyak $131,707,750.00 mengambil kira pelbagai senario dan cabaran yang dihadapi masa kini termasuklah pertumbuhan ekonomi global yang perlahan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ peruntukan yang diluluskan adalah tepat dan mendukung sasaran yang berhemah.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola menyampaikan sedikit mukadimah mengenai kedudukan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Daripada jumlah peruntukan sebanyak $131,707,750.00. Sebanyak $94,842,220.00 diperuntukkan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak $36,865,530.00.

Tidak dinafikan, dalam pelaksanaan skop kerja kementerian ini terdapat berbagai cabaran utama yang perlu ditangani terutama sekali dalam memastikan kaedah dan prosedur penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai akan sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan mesra pelanggan, sentiasa cekap dan memenuhi matlamat perkhidmatan berkenaan.

Dalam pada itu, selaras dengan kaedah *programme and performance budgeting*, kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya telah merangka strategi dan perancangan bagi membantu negara ini meningkatkan perpaduan masyarakat, memangkin sosioekonomi dan menguatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Sehubungan dengan itu, di bawah Tajuk SE02A, Tajuk SE03A dan Tajuk SE04A iaitu kuasa-kuasa tempatan dan perbandaran sebanyak $53,369,587.21 atau 40.5% daripada jumlah keseluruhan adalah bagi tujuan meningkatkan

kesejahteraan dan perpaduan rakyat serta penduduk yang melibatkan masyarakat di peringkat akar umbi selari dengan salah satu *KPI* Kebangsaan Wawasan Brunei 2035 di bawah Strategi Pembangunan Institusi yang telah diamanahkan kepada kementerian ini bersama Jabatan Perdana Menteri iaitu *KPI* 2.11 – Meningkat Perpaduan Masyarakat.

Dalam masa yang sama jua, untuk memantapkan peranan dan keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, selain itu ia juga diperlukan bagi memajukan perbandaran dan meningkatkan lagi prasarana yang kondusif bagi perniagaan.

Di bawah Tajuk SE05A, Tajuk SE10A, Tajuk SE11A dan Tajuk SE12A iaitu Keselamatan dan Kesejahteraan sebanyak $78,338,163,51 atau 59.5% telah dipohonkan. Secara umum ia termasuk dalam memelihara keselamatan masyarakat melalui kaedah-kaedah pengawalan tertinggi dan berteknologi tinggi termasuk pemantauan keluar dan masuk warga asing, pencegahan kebakaran dan menyelamatkan nyawa, pengurusan bencana alam dan pemulihan banduan. Dalam masa yang sama, ia juga akan digunakan bagi memantapkan keupayaan sumber tenaga manusia dan kompetensi pegawai dan kakitangan ke arah perpaduan negara yang berdaya tahan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan isu-isu atau perkara yang memberi impak besar kepada negara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sepanjang tahun 2016/2017, telah pun melaksanakan beberapa strategi dan akan terus melaksanakan program dan inisiatif bagi sama-sama mendukung dan mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035. Sebagai contoh, bagi sama-sama meningkatkan *Ease of Doing Business* dan mewujudkan suasana perniagaan yang probisnes di negara ini, kementerian ini telah membuat perubahan dan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan.

Kesinambungan dari usaha awal dalam memudahkan proses memulakan perniagaan, pada bulan Oktober 2016, Jabatan Buruh telah membuat pembaharuan ke atas pengeluaran Lesen Pekerja Asing atau LPA. Proses baharu ini melibatkan penggabungan permohonan kuota pekerja asing dan sokongan Pas Kerja dengan tempoh TPOR dipendekkan dari 41 hari ke 7 hari. الْحَمْدُ لله dengan kaedah ini permohonan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, teratur dan dalam masa yang sama ia memastikan iklim perniagaan akan sentiasa menggalakkan dan memberangsangkan. Usaha-usaha memberigakan inisiatif ini sedang giat dilaksanakan melalui sesi *industry and stakeholders engagements* dan juga melalui berbagai-bagai saluran media.

Selain itu, di peringkat mukim dan kampung pula, sehingga bulan Januari 2017, sejumlah 76 buah kampung telah mempunyai produk 1K1P masing-masing sejumlah 201 buah produk telah

didaftarkan di bawah Program 1K1P. Bagi meningkatkan lagi sosioekonomi negara, kementerian ini telah dan akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi yang berkepentingan bagi mendapatkan Sijil Halal, pengiktirafan pakej pelancongan dan khidmat kepakaran serta teknologi dalam pertanian serta perikanan agar ia boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara. Perkara ini bukan sahaja dapat meningkatkan inovasi dan kreativiti masyarakat melalui penghasilan produk atau perkhidmatan yang unik malahan ia dapat memperkukuhkan perpaduan dan semangat gotong-royong masyarakat menerusi aktiviti perekonomian yang diusahakan secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengambil kira teras utama skop kerja dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah merangkumi keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk, kementerian ini sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi berkepentingan sama ada dari pihak kerajaan, sektor swasta dan *NGO* bagi sama-sama memantau program dan inisiatif bagi memelihara keamanan negara.

Dalam konteks meningkatkan tahap kesedaran, kesiapsediaan di peringkat kebangsaan dan pendidikan orang ramai mengenai keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, kementerian ini dengan menggunakan teknologi terkini telah melaksanakan aplikasi mudah alih panduan asas kecemasan dan keselamatan awam. Melalui aplikasi ini, pengguna boleh mempelajari beberapa kandungan seperti doa menolak bencana, tatacara memberi pertolongan cemas, tindakan yang boleh diambil apabila berlaku kecemasan dan bencana, panduan keselamatan kebakaran dan tindakan-tindakan bagi melindungi diri daripada ancaman pengganasan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam langkah menangani kesejahteraan dan keselamatan masyarakat, sebagai contoh Jawatankuasa Keselamatan Pantai telah ditubuhkan yang terdiri daripada beberapa Kementerian dan *NGO* khususnya *beach bunch*, dalam memberigakan maklumat yang berguna mengenai keselamatan semasa berada di pantai.

Dalam meningkatkan tahap kesiapsiagaan operasi kecemasan khususnya, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Kementerian Kesihatan telah pun memperkenalkan perkhidmatan *EMAS (Emergency Medical Ambulance Service)* iaitu program integrasi ambulans ke balai-balai yang telah dikenal pasti seperti Balai Bomba Berakas, Rimba, Jerudong dan Pengkalan Batu dan Pusat Gerakan 995 pada 1 November 2016. Perkhidmatan ini juga mengambil kira konsep *whole government* dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dilaratkan menjadi *whole of nation approach* dan ia juga dapat dan telah mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Selain itu, gandingan tindakan operasi ini telah dapat memantapkan lagi

mutu perkhidmatan yang dihulurkan mendapati *KPI* yang dihasratkan. Program ini juga menempatkan petugas *EMAS* atau Operator 991 di Pusat Gerakan 995 untuk mengukuhkan lagi sistem panggilan kecemasan yang komprehensif dan sistematik bagi kedua-dua perkhidmatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan peruntukan yang telah dibentangkan, kementerian ini akan berusaha sedaya-upaya bagi memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam memastikan sistem perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya sentiasa mencapai *standard* dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas kenyataan yang komprehensif terhadap arah tuju dan rancangan-rancangan yang strategik mengenai belanjawan yang diperuntukkan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya bukakan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini untuk dibahaskan dan saya persilakan dulu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

رَّبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَاجْعَل لِّي مِن لَّدُنكَ سُلْطَاناً نَّصِيراً

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Tajuk SE01A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Kaola ingin menimbulkan beberapa isu yang kaola rasa perlu kita tangani dengan sebaik-baiknya. Akhir-akhir ini kaola dapati melalui pengamatan kaola sendiri, penguatkuasaan undang-undang, khususnya Undang-Undang Akta Penguatkuasaan Imigresen terdapat kelonggaran kawalan ke atas pekerja-pekerja asing seperti penyalahgunaan pas tinggal, kebenaran membawa keluarga yang sepatutnya hanya dibenarkan dalam kategori tertentu, yang pada satu masa dahulu hanya dibenarkan kepada yang memegang *managerial post* yang bergaji $2,500.00.

Sekarang kaola dapat tahu ia telah diturunkan kepada $1,500.00 dan boleh membawa keluarga ke negara ini. Malah kaola sendiri mendapati banyak pekerja yang tidak sepatutnya membawa keluarga, seperti tukang gunting, tukang dobi dan lain-lain membawa keluarga

mereka dan pas menetapnya disambung dari semasa ke semasa.

Hal ini, sudah tentunya menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada negara kerana dengan sendirinya bila mereka itu dan keluarga mereka berada di negara ini tanpa kita sedari merebut peluang-peluang lain dalam kehidupan masyarakat kita. Kaola harapkan Penguatkuasaan Akta Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dapat diperhebatkan lagi kerana kita sering mendengar pengaduan masyarakat bahawa pekerja-pekerja asing ini telah mengambil peluang untuk menjalankan perniagaan sedangkan mereka bekerja di sektor lain, tapi bekerja di tempat yang lain.

Kedua, perkara ini pernah kaola timbulkan dalam istilah *binalu* (benalu/bendalu). Hal ini kita dapat tangani kaola rasa dengan menggunakan akta-akta tertentu dalam Akta Imigresen ataupun Buruh untuk menangani masalah ini. Kita tidak melarang orang-orang asing untuk datang ke Brunei dan bekerja bersama-sama kita untuk kepentingan pembangunan negara. Apa yang kita tidak mahu ialah mereka ini akan menetap di negara ini dan berhasrat untuk menjadi orang Brunei dalam keadaan mereka bekerja dan mengambil peluang ataupun merebut peluang-peluang kita dalam sektor-sektor perniagaan dan lain-lain.

Untuk itu, kaola sarankan supaya pihak berkuasa di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan supaya menggunakan akta-akta tertentu ataupun peruntukan dalam Akta Imigresen itu untuk menghadkan tempoh tinggal mereka pada satu had yang tidak melayakkan mereka untuk menjadi orang Brunei.

Kita perhatikan misalnya, maksud kaola untuk menjadi orang Brunei tentulah mereka itu mesti tinggal di negara ini menetap secara menyeluruh dalam masa-masa yang berterusan, tetapi dengan adanya kita menggunakan akta ini kita boleh menghadkan tempoh tinggal mereka dan dengan sendirinya apabila mereka itu memohon untuk menjadi Penduduk Tetap ataupun penduduk rakyat negara ini. Kita dapat melihat bahawa mereka putus, hilang kelayakan mereka kerana dikawal oleh peraturan-peraturan ini.

Itu sahaja soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi dan kaola terus menyarankan penguatkuasaan dihebatkan lagi kerana kadang-kadang nampak ketara di sana sini pelanggaran itu dan menjadi buah mulut orang ramai. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas dua perkara yang berkaitan dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Secara umumnya, kaola merespon Yang Berhormat mengenai penguatkuasaan undang-undang. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dari semasa

ke semasa sama ada secara bersendirian ataupun melalui operasi bersama dengan agensi lain sentiasa melaksanakan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang berkenaan.

Izinkan kaola bercakap secara umum Yang Berhormat Pengerusi sebelum menyentuh soalan. Bagi tujuan ini, umpamanya pada tahun 2016 jabatan itu telah melaksanakan pemeriksaan rutin, 92 pemeriksaan dan menjalankan 134 operasi dan dari operasi ini 90 orang dibawa ke mahkamah, 640 orang dikenakan kompaun yang berjumlah $260,330.00 dan 1,712 orang diusir keluar dari Negara Brunei Darussalam kerana melanggar Akta Undang-Undang Imigresen yang berbagai-bagai. Tidak perlulah kaola jelaskan kesalahan-kesalahan itu.

Begitu juga Jabatan Buruh juga mengambil tindakan undang-undang. Perkara mengenai dengan kelamaan pas tinggal, kebolehan untuk membawa keluarga ke negara ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diteliti jika misalnya perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu mempunyai *validity* untuk kita menelitinya.

Perkara kedua, mengenai *binalu* (benalu/bendalu) iaitu kehadiran pekerja-pekerja asing yang khuatiri oleh Yang Berhormat kemungkinan akan memberikan mereka peluang untuk tinggal berterusan di negara ini.

Dalam mukadimah kaola telah pun menyatakan bahawa mulai bulan Oktober 2016 kita telah menyatukan kedua-dua kuota dan lesen pekerja menjadi satu iaitu Lesen Pekerja Asing. Ini bermakna tidak ada lagi permohonan kuota. Berkaitan denga kuota ini, sebelum pelaksanaan Lesen Pekerja Asing (LPA) ini, apa yang terjadi pengusaha-pengusaha peniaga kita memohon kuota, mereka pun diberikan kuota berasaskan bisnes atau perniagaan yang akan mereka laksanakan, tetapi kadang-kadang kuota itu tidak dipenuhi dan sebahagiannya ada yang digunakan oleh orang lain.

Inilah kemungkinannya, timbulnya masalah mengapa adanya orang-orang yang bekerja tetapi diambil oleh majikan lain dan bukan oleh majikan yang sebenarnya memohon. Jadi dengan Lesen Pekerja Asing ini, kuota tidak ada, kita akan memberikan pas kerja itu menurut perkiraan berapa sebenarnya pekerja asing yang diperlukan oleh satu-satu sektor itu. Kita juga mempunyai garis panduan mengenai rationya. Jadi bila ini ditiadakan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ mungkin perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu akan dapat dikawal.

Bagi tujuan orang luar menetap di negara ini, yang dikhuatiri akan tinggal lama dan apa yang mungkin dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, mendapat *Permanent Residence (PR)*, ia juga dikawal oleh peraturan-peraturan yang tertentu di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Jadi walaupun ia tinggal lama, tidak akan menjadi satu syarat untuk ia akan terus dapat menjadi Penduduk Tetap di negara ini. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola hanya ingin membuat cadangan sebagaimana pada awalnya tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan beberapa perkara yang menyebutkan mengenai keselamatan kampung dan sebagainya.

Kaola memang sudah maklum bahawa keselamatan di kampung-kampung memang satu keperluan dan pada masa ini mengikut makluman, pihak pegawai-pegawai daerah telah membuat hubungan dengan pasukan keselamatan, lebih-lebih lagi dengan Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Polis Kejiranan. Kaola ingin menyatakan supaya hubungan dengan Pasukan Polis ini akan dapat dibuat dengan seluas-luasnya untuk mempastikan keselamatan di setiap kampung perlu demi kesejahteraan masyarakat di kampung.

Pada masa ini, kaola ingin memastikan bahawa keselamatan dan kesejahteraan di kampung-kampung dengan adanya hubungan dengan pasukan berkenaan akan dapat memastikan apa jua keadaan di kampung-kampung akan dapat berjalan dalam keadaan aman. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan Yang Berhormat bagi mengeratkan lagi kerjasama yang sedia terjalin antara Majlis Perundingan Mukim dan Kampung melalui Jawatankuasa Kejiranan Kampung di tiap-tiap kampung dengan pihak Polis Diraja Brunei. إِنْ شَاءَ اللهُ akan terus meningkatkan kerjasama ini, kerana Jawatankuasa Kejiranan Kampung memainkan peranan penting dalam sama-sama membantu memelihara keamanan dan keselamatan kampung. Cuma barangkali kaola ingin menjelaskan ada beberapa buah kampung yang belum lagi menubuhkan Jawatankuasa Kejiranannya mungkin kerana kampung itu kecil. Jadi perkara ini akan kita lihat, mungkin ia akan dapat dibuat sebagai kluster kampung-kampung yang kecil itu bagi memanfaatkan kapasiti penduduk di sana itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah dan tahniah juga atas usaha-usaha yang sedang dilaksanakan untuk

kesejahteraan rakyat serta penduduk kitani juga terutama sekali mengenai keselamatan di kawasan pantai. Kaola ingin bertanyakan mengenai dua perkara iaitu:-

1. Tajuk SE02A-002/000 - Kemajuan Bandar Seri Begawan. الْحَمْدُ لله program Bandarku Ceria semakin mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pihak dan diharap dapat dikembangkan lagi dengan beberapa perkara iaitu melibatkan Kampong Ayer sebagai tempat aktiviti bukan sahaja terhad di jalan raya ataupun kawasan darat di Bandar Seri Begawan. Bayangkan jika kawasan tambing-tambing di sekeliling Bandar Seri Begawan dapat dihidupkan semula dengan padian-padian berjual, pail-pail dan pantaran-pantaran rumah Kampong Ayer penuh dengan aktiviti perekonomian atau kebudayaan serta orang kitani dan pelancong boleh juga mencuba-cuba berjanuari *(regatta).*

   الْحَمْدُ لله juga, bangunan-bangunan di Bandar Seri Begawan menggabungkan beberapa struktur baharu serta lama yang diubah suai. Contoh bangunan lama yang dimodenkan ialah apa yang sekarang dikenali dengan bangunan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) untuk perbankan dan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang menjadi tarikan pelancong ataupun aktiviti perekonomian dengan dewan serta restoran yang ada. Abis kaola berfikir, perkara ini bolehlah dilanjutkan kepada bangunan atau struktur yang lain untuk dikekalkan tetapi dijaga atau diubah suai mengikut keperluan.

   Sehubungan dengan itu, abis kaola ingin bertanya mengenai salah sebuah bangunan di Bandar Seri Begawan yang mungkin terbiar iaitu Panggung Bolkiah. Adakah usaha untuk diperbisaikan atau diubah suai kerana ia mempunyai potensi untuk dijadikan Pentas Budaya atau Pentas Teater memandangkan tempatnya yang strategik untuk penggiat industri kreatif menggunakannya; dan

2. Tajuk SE10A-002/000 - Pengurusan Perkhidmatan Visa, Pasport dan Taraf Kerakyatan. الْحَمْدُ لله menurut perangkaan JPKE dalam statistik yang dibuat pada tahun 2015, penduduk Brunei adalah seramai 417,200 orang iaitu 29,000 atau kira-kira 7% adalah Penduduk Tetap.

   i. Apakah status mengenai penduduk yang menggunakan *International Certificate of Identity (ICI)* sebagai kertas perjalanan ke luar negara kerana mereka memerlukan visa untuk kebanyakan tempat tetapi dicadangkan untuk sekurang-kurangnya dokumen ini dapat dikenali sebagai dokumen yang sah di negara lain untuk perjalanan mereka serta pengenalan mereka sebagai penduduk di Negara Brunei Darussalam kerana keluhan bagi

yang memegang *ICI* adalah mereka masih dapat ke luar negara الْحَمْدُ لله akan tetapi *having a hard time* kerana dokumen tersebut tidak berapa dikenali; dan

ii. Adakah usaha untuk meneliti semula undang-undang atau sekurang - kurangnya mempercepatkan proses TPOR mendapatkan kerakyatan bagi penduduk yang memiliki dokumen *International Certificate of Identity (ICI)* atau pemegang *Identity Card (IC)* Merah (Penduduk Tetap) untuk dua atau ketiga generasi sudah, untuk mendapat kerakyatan dan seharusnya juga mendapat keutamaan dalam permohonan. Terutama sekali yang sudah lulus ujian Bahasa Melayu, hidup dan berbudaya Melayu Brunei dan berdangsanak serta berkeluarga di negara ini terutama sekali para belia. Jika kemahiran, komitmen serta sumbangan mereka kepada Negara Brunei Darussalam tidak diambil sebaiknya sebagai rakyat berkemungkinan kita akan hilang kemahiran serta dedikasi mereka untuk pembangunan negara. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengemukakan beberapa pandangan, cadangan dan pertanyaan. Terima kasih mengenai sokongan pihak swasta dan orang ramai kepada Bandarku Ceria yang sekarang sudah memakan hampir 6 bulan.

Cadangan bagi Yang Berhormat Bandarku Ceria untuk melibatkan Kampong Ayer. Perkara ini diteliti oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kalau kitani ingat bahawa pada bulan Oktober tahun lepas 3 buah kementerian bekerjasama iaitu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjadikan Bandar Seri Begawan ini sebagai destinasi pelancongan termasuk Kampong Ayer.

Khusus bagi Kampong Ayer kita mempunyai *track* nanti akan dibina di Kampong Ayer. *Track* itu nanti membawa pelancong-pelancong, memudahkan para pelancong untuk melawat ke tempat-tempat yang menarik. Tempat-tempat kraftangan (*handicraft*), rumah penginapan (*homestay*) yang menyediakan pembuatan-pembuatan tertentu termasuk makanan dan sebagainya. Sekarang ini sudah ada pusat pelancongan di Kampong Ayer. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kerjasama dari 3 kementerian ini akan dapat membantu memeriahkan Kampong Ayer. Kalau kitani ingat bahawa dalam bulan November diadakan Pesta Lumba Perahu yang dianjurkan oleh penduduk Kampung Kota Batu. Aktiviti ini bukan saja dijana atau diangkat oleh kerajaan tetapi juga oleh sektor swasta dan penduduk kampung.

Dalam hubungan ini, tentulah aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pelancongan untuk menarik orang datang ke Bandar Seri Begawan ini akan dapat dibuat oleh berbagai-bagai sektor. Samalah juga dengan Bandarku Ceria pada masa ini, contohnya kitani menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mencetuskan idea bagi Bandarku Ceria dan aktiviti berbasikal.

Kalau kitani lihat pada masa ini, ia bukan saja memberi peluang orang ramai beriadah, berbasikal untuk tujuan kesihatan tetapi juga menjana ekonomi kerana telah pun menerbitkan ataupun mencetuskan beberapa orang peniaga-peniaga yang menyewakan basikalnya. Kalau pada tahun lepas bulan Oktober baru seorang tapi sekarang sudah ada empat atau lima anak-anak muda kitani yang telah pun menyewakan basikal bukan saja basikal biasa mahupun basikal-basikal tradisional. Jadi pelbagai aktiviti perekonomian dapat kitani lihat daripada inisiatif ini.

Mengenai Panggung Bolkiah, aset ini adalah kepunyaan orang persendirian (*private*). Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Behormat di bawah Jawatankuasa Perancangan Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer kita telah pun mengeluarkan *Request For Proposal (RFP)* permintaan (*request*) cadangan (*porposal*). Kalau tidak silap dalam bulan Februari bagi 3 buah bangunan iaitu Bangunan APTK atau dulu dikenali sebagai Rumah Rehat (*Rest house*), Bangunan Bumiputera dan juga Bangunan Letak Kereta Bertingkat. Ketiga-tiga bangunan ini dipakej untuk dimajukan oleh pemaju-pemaju. Kalau tidak silap tarikh tutup permintaan (*request*) cadangan (*proposal*) ini adalah bulan April. Jadi kita akan menunggu apakah reaksi daripada pemaju-pemaju kitani. Pemaju bukan saja di Brunei tetapi juga pemaju-pemaju dari luar negeri.

Mengenai visa untuk orang *ICI* perkara ini ada 2 perkara yang berkaitan:-

1. Penduduk Tetap pada masa ini sebagaimana dipaparkan untuk makluman orang ramai kalau pergi ke Jabatan Imigresen ada 17 kategori yang sedang diteliti untuk diperkemas lagi untuk menentukan kriteria-kriteria sebelum perkara ini dapat dilaksanakan إِنْ شَاءَ اللَّهُ penelitian ini sudah sampai ke peringkat akhir *(final stage);* dan

2. Jadi dengan *PR* itu, salah satu daripada syarat yang membolehkan mereka itu nanti mendapatkan kerakyatan dan mengenai kerakyatan ini dikawal oleh Akta dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan Penggal 15 yang mempunyai kategori-kategori tertentu. Itu saja yang dapat kaola maklumkan secara keseluruhan (*general*), terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola akan menyampaikan Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Tajuk SE12A – Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

Sebelumnya kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menyediakan beberapa prosedur dan merangka strategik demi kesejahteraan rakyat dan orang ramai serta untuk meningkatkan lagi institusi mukim dan kampung dalam menyediakan prasarana untuk kesejahteraan rakyat dalam menuju dan mecapai ke Wawasan Brunei 2035 maka sekali lagi kaola ucapkan tahniah.

Kaola terus saja kepada Tajuk di atas yang kaola ingin sampaikan dan menyambung dan menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy itu tadi yang dalam menyuarakan Program Bandarku Ceria. Program ini bukan saja telah mengaktifkan aktiviti masyarakat seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi menggalakkan masyarakat berbasikal dan berjoging malah ia juga dapat menghidupkan semula suasana Bandar Seri Begawan pada hujung minggu dan secara langsung telah menyediakan platform bagi perniagaan kecil dan sederhana.

Soalan kaola:-

1. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merancang untuk mengkhaskan peruntukan khusus bagi mengembangluaskan lagi program ini?;

2. Kaola mencadangkan supaya program ini mungkin dapat dilaratkan ke daerah lain. Ini adalah untuk memberi ruang kepada peniaga-peniaga di daerah lain sama-sama mendapat hasil daripada program seumpama ini; dan

3. Seperti yang kaola maklum, sesiapa yang ikut serta berniaga di Bandarku Ceria ini mereka perlu mem*booking* petak-petak perniagaan seawal-awal hari Jumaat dengan menandakan petak tersebut menggunakan tali penanda dan sebagainya. Mungkin pihak kementerian yang berkenaan memikirkan cara penempahan petak yang lebih baik sebagai contoh *online booking.*

Seterusnya kaola ingin menyampaikan Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Memandangkan pada masa ini kita terdedah dengan cuaca yang tidak menentu seperti hujan lebat berterusan yang boleh mengakibatkan bencana alam seperti banjir, tanah susur, hakisan pantai, musibah berskala kecil seperti pokok tumbang dan sebagainya. Adakah pihak Bomba dan Penyelamat akan menyediakan peruntukan dikhususkan bagi bantuan-bantuan menyelamat dan kerja perlindungan segera seperti bantuan pemotongan

pokok tumbang ke rumah persendirian, menyediakan kanvas keselamatan bagi mengelakkan tanah susur atau hakisan pantai? Seperti yang kaola tahu kebelakangan ini bantuan segera yang disebabkan bencana dikurangkan.

Justeru apa kiranya jika kerja-kerja bantuan seperti kaola sebutkan tadi dapat diberikan peruntukan semula bagi sama-sama membantu penduduk yang menerima musibah bencana. Sekian itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat yang telah mengutarakan 3 perkara:

1. Mengenai Bandarku Ceria yang dikira sebagai satu platform untuk peniaga kecil dan sederhana. Kita pada masa ini di Bandarku Ceria bukan saja yang pada awalnya dulu menentukan masa perniagaan sehingga pukul 12.00 tengah hari tapi sekarang kita berikan peluang kepada mereka untuk berniaga sehingga petang;

2. Kita juga di kementerian telah pun berbincang dengan Pengerusi Lembaga Bandaran dan juga Pegawai-Pegawai Daerah. Pegawai-Pegawai Daerah Tutong, Belait dan Temburong akan mengangkat inisiatif ini di daerah masing-masing;

3. Mengenai pengagihan petak. Perkara ini sedang diselaraskan oleh Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan dan petak-petak ini akan diberikan nombor dan peniaga-peniaga yang berniaga di tempat ini akan dijemput pada suatu masa nanti untuk pengundian petak-petak mereka. Jadi diharap ini akan dapat memperkemaskan lagi perjalanan perniagaan mereka dengan tidak perlu untuk membuat penempahan dengan cara mereka tersendiri sehari sebelum hari Ahad; dan

Mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sememangnya pihak Bomba dan Penyelamat bersama-sama agensi-agensi dalam kerajaan bekerjasama untuk menangani apa jua bencana yang terjadi. Ini diangkat oleh *National Disaster Management Center (NDMC)* sekiranya skala bencana itu menjadi besar. Pada lazimnya kalau misalnya ada kejadian tanah runtuh maka pihak Bomba dan Penyelamat akan terus menghubungi *counterpart* mereka di Kementerian Pembangunan dan juga pihak Polis Diraja Brunei untuk sama-sama menangani masalah sedemikian. Dalam kejadian pada tahun lepas berlakunya hujan lebat mereka terus datang ke tempat kejadian membawa kanvas dan membuat apa juga tindakan-tindakan yang diperlukan. Jabatan Bomba dan Penyelamat dan agensi-agensi yang berkenaan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan terus mengambil tindakan apabila terjadi sesuatu kejadian yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menambah penerangan kaola mengenai perkara yang ditimbulkan oleh

Yang Berhormat Awang Iswandy iaitu mengenai Sijil Pengenalan atau *Certificate Identity* Negara Brunei Darussalam. Ia sebenarnya adalah dokumen perjalanan ataupun *travel document* yang dikeluarkan oleh kerajaan negara ini kepada 2 kategori Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam iaitu:-

1. Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai sebarang status kerakyatan mana-mana negara; dan

2. Penduduk yang menetap di negara ini yang belum mempunyai status sama ada sebagai warganegara atau Penduduk Tetap negara ini atau biasa disebut sebagai *stateless.*

Jadi bagi mana-mana pemegang dokumen Sijil Pengenalan yang kaola sebutkan itu kemasukan semula ke Negara Brunei Darussalam dijamin atau di*assured* selagi masih sah tempoh atau *validity* dokumen berkenaan dan juga visa masuk semula bagi kategori yang menetap di negara ini yang *stateless* tadi. Maklumat tambahan bagi pemegang dokumen ini bagi kategori penduduk yang menetap di negara ini yang *stateless,* pihak Jabatan Imigresen akan menggariskan perkataan *Nationality Permanent Resident of Brunei Darussalam* pada muka surat biodata dokumen berkenaan bagi membezakan pemegang dalam kategori ini. Barangkali kalau kemusykilan itu nanti Yang Berhormat Awang Iswandy mungkin akan dapat diterangkan bersama-sama sebab untuk memahamkan *complicated* sedikit *even* kategori *stateless* itu macam-macam dalam konteks kitani. Mungkin dalam masa ini susah bagi kaola untuk menerangkan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Lebih dahulu merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih serta tahniah atas mukadimah yang jelas serta terperinci yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pertama sekali kaola bercakap mengenai Tajuk SE01A - Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu:-

1. Cadangan mengenai Memperkasakan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung. Dipohonkan program khusus iaitu dengan memberi bengkel atau kursus kepimpinan dalam kalangan Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang lebih efektif dan mesra pengguna yang mudah dan senang difahami terutama yang berkemahiran berkenaan dengan tugas serta tanggungjawab sebagai

ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang dapat memberikan maklumat tentang peluang-peluang yang ada dalam kemasyarakatan perekonomian, pendidikan dan sebagainya;

2. Kalau boleh mewujudkan beberapa program yang dapat memberikan peluang kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk menjalin kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan, terutama sekali dalam membantu menggerakkan aktiviti-aktiviti yang mampu meningkatkan keupayaan dalam bidang perekonomian, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat; dan

3. Kalau boleh memberi kursus yang melibatkan komuniti dalam pengurusan dan perkhidmatan secara menjalin kerjasama dengan *stakeholder* yang berkenaan iaitu bagi mempertingkatkan kesedaran diri dan mempertahankan integriti dan ketelusan dalam pengurusan, mewujudkan rangkaian niaga dengan perusahaan tempatan, selain daripada itu menghormati warisan sejarah dan kesenian dan kebudayaan juga menjaga alam sekitar bagi memperkasakan kualiti perkhidmatan tetamu dan pelawat.

Yang Berhormat Pengerusi Tajuk Yang Kedua iaitu Tajuk SE10A – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Bangunan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Tutong merupakan bangunan lama iaitu bekas rumah penginapan pegawai-pegawai kerajaan.

Bangunan ini keadaan ruang dalamnya yang sempit kerana dibahagikan kepada beberapa bilik pegawai dan kakitangan yang bertugas. Ia memuatkan bilik-bilik membuat kad pengenalan, pasport, surat pendaftaran beranak dan mati, mesin pencetak dan peralatan pejabat seperti kerusi, meja dan almari termasuk ruang menunggu yang sempit sehingga ada antaranya pelanggan ataupun orang ramai terpaksa menunggu di luar. Selain itu tempat letak kereta juga terhad.

Oleh itu dicadangkan supaya jika ada peluang, supaya bangunan jabatan ini dinaiktarafkan. Selain daripada itu di*highlight* juga, adanya keluhan orang ramai yang berurusan di jabatan ini iaitu sistem nombor giliran yang terhad di sebelah pagi dan petang. Sehingga menyebabkan orang ramai yang berurusan berulang-alik datang kerana tidak memperolehi nombor giliran. Ini menjadi masalah terutamanya bagi orang yang tinggal jauh ataupun di pedalaman.

Apa kiranya pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan memberi sikap bertolak ansur terutama sekali hal-hal yang mempunyai *special case* jadi orang-orang berkenaan dilaksanakan urusannya. Walaupun habis nombor giliran jika masih ada masa.

Yang akhir Tajuk SE12A – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Apa yang dimaklumkan kepada kaola keramaian anggota bomba dan penyelamat yang

telah berkhidmat lama adalah lebih kurang 300 orang. Ada di antaranya sudah melebihi umur 55 tahun sekarang ini dan masih bertugas dan apabila bersara kelak mereka ini tidak mendapat pencen perkhidmatan. Berbeza dengan anggota terdahulu yang telah bersara mempunyai pencen perkhidmatan. Dicadangkanlah anggota bomba dan penyelamat yang sekarang ini berharap mendapatkan pencen perkhidmatan seperti mana anggota beruniform yang lain dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola untuk menjawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Minta maaf, Yang Berhormat ingin menjawab soalan tadi. Soalan itu terlalu panjang. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Kaola berusaha untuk menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi.

Cadangan untuk Memperkasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Menerusi *capacity building* ini menerusi kursus-kursus kepimpinan yang boleh menjelaskan tugas, tanggungjawab selaku Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan mewujudkan peluang bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini menjalin kerjasama dengan berbagai-bagai pihak untuk membantu meningkatkan keupayaan mereka dan juga kursus-kursus pengurusan dan perkhidmatan yang meliputi berbagai-bagai perkara yang dicadangkan tadi, ini merupakan satu cadangan yang baik dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan bekerjasama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan atau mengendalikan kursus-kursus kepimpinan ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ bila sudah terlaksana kursus ini kita mengharapkan Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung akan dapat bergiat dengan lebih aktif lagi.

Kedua mengenai Imigresen. Mengenai rumah-rumah penginapan pegawai terima kasih kerana membawa perkara ini ia akan diteliti dan mengenai ruang-ruang bekerja juga akan diteliti.

Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai keluhan orang ramai yang berkaitan dengan sistem nombor giliran di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah pun meneliti statistik atau trend orang ramai yang datang ke jabatan ini bagi tujuan untuk membuat pasport, membuat atau memperbaharui kad pengenalan dan sebagainya. Bagi membuat pasport sahaja, apa yang abis kaola perhatikan trendnya ialah permohonan pasport akan meningkat apabila sampai musim cuti

persekolahan. Misalnya, cuti sekolah bulan Mac ini nanti ramai yang datang, dan kemudian cuti persekolahan bulan Julai, September dan yang paling tinggi nanti ialah bulan November.

Bagi tujuan ini, kita telah pun membuat beberapa langkah. Sebelum ini, memang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah pun membuka waktu permohonan membuat pasport pada hari Jumaat, untuk memberikan peluang kepada orang ramai datang berurusan. Tetapi mulai bulan Mac ini, kita telah pun membuat *pre-book option*, ertinya orang yang menempah tarikh dan waktu dengan lebih awal dan tidak perlu lagi menunggu giliran di sana. Dengan tempahan tarikh dan waktu tersebut, mereka boleh datang ke sana pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan. Kita juga akan menambah kaunter-kaunter pendaftaran.

Dalam hubungan ini, maklumat yang ada berjalan pada masa ini, ada aplikasi yang boleh dimuat turun dalam *whatsapp*. Di samping itu juga, menyediakan lorong-lorong tertentu iaitu *fast track* yang disediakan bagi warga emas, kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah dan mereka yang memohon pasport rasmi atau pasport diplomatik dan sebagainya. Perkara ini sedang ditangani oleh pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Jika sistem *computerization* akan terlaksana, ia akan lebih memudahkan lagi kerana permohonan pasport dirancang untuk boleh dibuat secara *online* dan pengambilan pasport juga boleh dibuat daripada mesin tersebut, bagi permohonan jangka jauh.

Mengenai Pasukan Bomba dan Penyelamat, apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ialah berkaitan dengan skim perkhidmatan. Kaola tidaklah dapat menjawab di sini, Yang Berhormat Pengerusi, tetapi akan menelitinya kerana pemindahan skim perkhidmatan daripada skim berpencen kepada skim Tabung Amanah Pekerja itu telah berjalan pada suatu waktu dulu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun sedang meneliti Rang Belanjawan secara satu-persatu iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi saya nampak bahawa soalan-soalan yang dikemukakan adalah *scheming* mengenai perkara-perkara am dan tidak ada banyak spesifik mengenai bajet yang kita lihat, kita sekarang mempertimbangkan bajet. Perhatian kita, saya kira haruslah tumpukan kepada bajet yang di hadapan kita, dan nampak kita itu meneliti bajet yang telah pun kita edarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Walau macam manapun, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang disampaikan

tadi, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada sedikit perkara yang akan dibawakan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

1. Kaola menyentuh mengenai *cottage industry* atau peniaga-peniaga yang ada di mukim-mukim dan di kampung-kampung di seluruh Negara Brunei Darussalam. Seperti yang kaola lihat, Yang Berhormat Pengerusi, usaha-usaha yang dibuat di kampung-kampung itu seperti produk-produk yang dibuat secara *cottage*, yang dibuat di rumah-rumah itu, nampaknya akan dapat memberikan sumbangan kepada ekonomi negara.

   Banyak aduan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha itu, yang mengatakan bahawa susah untuk maju disebabkan oleh beberapa perkara. Perkara ini pernah kaola bawa dalam sesi muzakarah dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu dari segi kehalalan produknya. الْحَمْدُ لله pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa dari segi kehalalan produk, tidak ada masalah tetapi harus jua dirujuk kepada pihak Kementerian Kesihatan mengenai dari segi kebersihan dan kesucian produk.

   Perkara itu juga telah kaola bawa kepada pihak Kementerian Kesihatan, dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyambut baik perkara ini dan kaola merasa untuk memaklumkan bahawa kitani sendiri juga tidak mengabaikan dari segi kesihatan tentang *food security* di negara ini.

   Apa yang kaola mahukan itu, Yang Berhormat Pengerusi, ialah jika dapat pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, kerana pengusaha-pengusaha ini kadang-kadang berada di kampung-kampung pedalaman, supaya akan dapat menjadi pemangkin agar dapat diselesaikan, dan mereka ini akan dapat berniaga. إِنْ شَاءَ اللَّهُ generasi akan datang nanti akan dapat memperjuangkannya lagi supaya hasil-hasil kitani yang lama itu seperti kuih-kuihan tidak akan hilang daripada pandangan mata kitani, agar ia akan dapat bersambung dan akan menjadi satu perniagaan yang besar pada satu ketika nanti.

2. Perkara kedua, Yang Berhormat Pengerusi, kaola cuba memendekkan ialah mengenai visa pelancong kerana kaola terlibat dalam perkara ini. الْحَمْدُ لله nampaknya banyak pelancong dari luar yang lebih rancak sekali ialah pelancong dari China. Ada informasi yang baharu kaola terima daripada *players* industri ini mengatakan akan ada *charter* kapal terbang dari China ke Brunei dan ke Labuan (Malaysia).

   Jadi, timbul pada masa ini ialah barangkali mengenai *multiple visa.* Yang Berhormat Pengerusi, kalau visa itu mungkin susah untuk dibuat tetapi perlu dibuat jua kerana kalau perjalanannya melalui Labuan, tambangnya $100.00 lebih satu

penerbangan mungkin masalahnya kapasiti terminal atau kaunter-kaunter tidak dapat menampung kehadiran mereka, kalau sekiranya ia dapat diatasi, perkara ini akan lancar dan target Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mencapai kepada 450,000 pelancong pada 2020 akan terlaksana.

3. Mengenai insurans *workman compensation* (pekerja). Insurans pekerja ini, ia hanya meliputi 8 jam waktu bekerja. Jadi masalah timbul yang kadang-kadang kemalangan itu berlaku selepas waktu bekerja seperti meninggal dunia dan sebagainya akan membebankan majikan. Adakah insurans itu boleh ditukar kepada misalannya insurans nyawa yang boleh *cover* 24 jam? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Mengenai perkara pertama *cottage industry*. Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah kehalalan. Kalau *cottage industry* yang beroperasi di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri biasa kita sebut sebagai produk-produk dari Program Satu Kampung Satu Produk.

Dalam hubungan ini, kita selalu menasihatkan pengusaha-pengusaha 1K1P ini (Satu Kampung Satu Produk) juga untuk memohon *Certificate* Halal di Brunei Darussalam ini bagi produk-produk makanan mereka. Sebahagiannya sudah berusaha dan sebahagiannya belum.

Kita menaruh simpati juga kepada mereka yang berada di kawasan yang jauh dari Bandar Seri Begawan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Bahagian Satu Kampung Satu Produk dan juga Pegawai Daerah berusaha untuk membantu mereka ini. Kalau turun naik ke Bandar Seri Begawan menguruskan permohonan ini tertinggal jua aktiviti pembuatan makanan mereka. Ini dalam perhatian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kita menggalakkan dan berusaha mem*facilitate,* membantu mereka ini untuk mendapatkan Sijil Halal ini.

Mengenai pelancongan ini, الْحَمْدُ لله berkat kerjasama antara beberapa kementerian yang bertanggungjawab, kita juga mem*facilitate* kelancaran ketibaan pelancong-pelancong luar negeri. Khusus bagi pelancong dari China ini, terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang menyokong bagi mempercepatkan pengeluaran visa bagi pelancong-pelancong dari China, yang dahulunya visa ini mereka dapatkan terlebih dahulu sebelum mereka bertolak dari China. Jadi, sekarang ini telah pun di*improve*, kita telah memberikan *visa on arrival.*

Kalau ada pengusaha-pengusaha pelancongan yang akan membawa ramai bilangan pelancong ini, barangkali bolehlah memaklumkan kepada pihak

berkenaan di Jabatan Imigresen bagi melancarkan perjalanannya terutama apabila mereka ini akan tiba bukannya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas tetapi melalui Labuan (Malaysia) ini, maka fasiliti yang pada masa ini dibuat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas dapat dibuat.

Pakej Insurans. Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat. Perkara ini dapat dirundingkan dengan pihak Insurans Takaful, tetapi implikasinya dari segi kos dan sebagainya juga terpaksa kita perhatikan. *Coverage* 8 jam barangkali akan mengenaikan bayaran tertentu dan *24 hours coverage* mungkin juga akan mengenakan bayaran tertentu. Perkara ini kita ambil baik dan perkara yang boleh kita teroka bersama-sama dengan syarikat-syarikat insurans dan takaful nanti, iaitu Persatuan Takaful dan Insurans. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sukacita kaola ingin menghadapkan persoalan dalam Tajuk SE03A – Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria. Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria terdapat 2 pekan iaitu Kuala Belait dan Seria yang sudah lama wujud. Semoga kedua-dua pekan ini akan terus membangun dan layak untuk diiktiraf sebagai bertaraf bandar pada tiba masanya yang akan datang. آمين

Kaola selajur sahaja kepada persoalan yang ingin kaola hadapkan ialah permasalahan kedua-dua lingkungan kawasan bandaran ini mempunyai sistem perparitan dan tali air yang wajar ditangani secara menyeluruh. Kaola berharap melalui peruntukan yang akan diluluskan akan dapat juga diperuntukkan bagi mengatasi masalah pembaikan saliran dan sistem perparitan bagi mengatasi kelancaran saliran perparitan dan juga mengatasi setiap kali terjadinya banjir ketika musim hujan dalam kawasan sekitar perbandaran Seria dan Kuala Belait.

Tajuk SE03A – Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria. Melalui peruntukan yang dicadangkan agar dapat kaola cadangkan bagi pembinaan tempat berjaja yang kekal, lebih teratur, selesa dan menarik bagi penjaja-penjaja tradisi yang berpusat di Pekan Seria dan Pekan Kuala Belait. Pembinaan tempat berjaja yang kekal sudah tentu sebagai satu langkah perkembangan yang ditunggu oleh masyarakat di Mukim Seria dan Mukim Kuala Belait apatah lagi penjaja-penjaja tradisi di mukim tersebut. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua Yang Berhormat mengemukakan dua perkara berkaitan dengan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Perkara pertama ialah masalah perparitan dan tali air di kedua-dua Lembaga Bandaran ini. Perkara ini

berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara bukannya melalui bajet peruntukan kementerian dan tempat-tempatnya telah pun dikenal pasti akan punca berlakunya banjir di kawasan-kawasan bandaran ini. Perkara ini akan diteliti tapi pembaikan secara menyeluruh tentulah akan memakan perbelanjaan yang besar. Jadi, kita melihat adanya rancangan untuk melaksanakan perkara ini menurut keutamaannya nanti.

Perkara kedua mengenai cadangan bagi pembinaan tamu yang kekal untuk penjaja-penjaja tradisi. Sebenarnya Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah pun mengenal pasti beberapa buah aset-aset kerajaan yang pada masa ini tidak digunakan secara optimum. Salah satu contohnya ialah bekas Pasar di Seria. Sebahagiannya disewa pada masa ini oleh satu syarikat peniaga dan satu lagi masih kosong.

Bagi tujuan ini Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah pun membukakan aset ini untuk dimajukan melalui *Request For Proposal (RFP).* Demikian juga Lembaga Bandaran sedang meneliti pasar lama dan bangunan pasar di Kuala Belait serta aset lain bagaimana ia boleh dimanfaatkan untuk membantu peniaga dan dalam masa yang sama untuk menjana ekonomi daerah tersebut. Sekian sahaja yang dapat kaola maklumkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat Menteri berkenaan ini telah pun menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan penuh teliti dan dengan penuh kesabaran. Saya kira saya masih lagi ada *list* yang mengandungi ramai lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bertanya dan mengemukakan soalan-soalan kepada Yang Berhormat dan saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu selama 15 minit bagi kita untuk berehat.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Kita masih lagi membincangkan Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di hadapan saya masih lagi terdapat senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membincangkan dan membahaskan Tajuk ini. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan bercakap mengenai Tajuk SE01A.

Pertama sekali kaola ingin mengulangi bahawa pada masa ini terdapat beberapa

kekosongan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang melibatkan juga Daerah Tutong. Yang Berhormat Pengerusi, kaola timbulkan kerana perkara ini perlu ditangani dengan segera kerana keberadaan Ketua-Ketua Kampung dalam sesebuah kampung itu adalah sangat diperlukan dan ia sebagai indung dan memata-mematai termasuk isu keselamatan dan sosial dalam kampung tersebut.

Kaola mendapat maklum dan mengetahui bahawa jawatan tersebut telah pun diiklankan kepada kampung yang ada kekosongan jawatan Ketua Kampung ataupun Penghulu.

Walau bagaimanapun, jawatan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh penduduk kampung kerana mungkin tidak memenuhi syarat-syarat dan juga tidak ada pemohon. Jadi kaola mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi kelonggaran walaupun sudah ada, mempertimbangkan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk menjalankan tugas jawatan Ketua Kampung di kampung-kampung berkenaan dengan diberikan elaun yang tertentu, kerana ini setentunya akan meringankan beban tugas Ketua Kampung yang sedia ada yang memangku jawatan berkenaan.

Ketua Kampung yang memangku jawatan tersebut terbeban untuk melaksanakan tugas bulanan khususnya mengagihkan Elaun Pencen Tua dan Elaun Kebajikan di samping hal-ehwal tugas rutin Ketua Kampung.

Kaola melihat dalam Peruntukan Kewangan Tahun 2016/2017, aktiviti perekonomian mukim dan kampung disediakan sebanyak $450,000.00. Sementara dalam Anggaran Perbelanjaan biasa dalam Tahun Belanjawan 2017/2018 tidak ada diperuntukkan, sedangkan peruntukan itu sangat diperlukan dalam usaha meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mukim dan kampung, dalam kita sama-sama menyahut seruan kerajaan.

Kaola juga akan bercakap mengenai Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong dan juga Tajuk SE04A – Lembaga Bandaran Tutong. Kaola mengharapkan peruntukan yang disediakan di kedua-dua jabatan berkenaan supaya dapat digunakan sebaik mungkin. Terutama dalam menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan ekonomi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, iaitu dengan menyediakan prasarana penduduk kampung, seperti jika tidak ada gerai, maka hendaklah diusahakan membangun gerai. Sekurang-kurangnya satu mukim satu gerai jualan.

Begitu juga di peringkat Jabatan Bandaran Tutong, berusaha supaya menjadikan Pekan Tutong itu pada satu masa mungkin menjadi Bandar Tutong, dengan syarat bagaimana cara kita untuk menceriakan Pekan Tutong supaya dikunjungi orang ramai. Maka, saya berharap ketua-ketua jabatan akan terus berusaha bekerjasama dengan penghulu dan ketua kampung menjadikan Pekan Tutong itu sentiasa dikunjungi oleh orang ramai.

Tajuk SE05A – Jabatan Buruh. Pada tahun 2014, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memperkenalkan dasar berhubung kait dengan pengambilan pekerja asing, iaitu dengan membekukan atau menghadkan atau mengurangkan permit kerja dan kuota bagi jawatan-jawatan yang tertentu di sektor swasta bermula pada 30 Jun 2014.

Pada masa itu, keramaian pekerja asing di Negara Brunei Darussalam lebih kurang 45% daripada penduduk Negara Brunei Darussalam. Melalui dasar tersebut, yang telah dilaksanakan bertujuan mengurangkan pengangguran dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin bertanya setelah hampir tiga tahun dasar tersebut dilaksanakan, kenapakah masih ramai lagi kita melihat pekerja-pekerja asing masih diambil bekerja dalam bidang yang tidak memerlukan kepakaran? Berapakah jumlah kuota dan permit dibatalkan dan apakah jawatan tersebut telah diisi oleh anak-anak tempatan? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membawakan beberapa perkara tersebut.

1. Mengenai kekosongan jawatan Ketua Kampung dan Penghulu sama ada boleh diisi oleh Ahli Majlis Perundingan Kampung. Sebenarnya perkara ini sudah berjalan, beberapa jawatan kosong di beberapa buah kampung telah pun diisi oleh Ahli Jawatankuasa Kampung secara diberikan elaun tanggungjawab atas sokongan daripada Jawatankuasa Kampung berkenaan dan juga sokongan daripada Pegawai Daerah;

2. Kalau kaola faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, ialah perbelanjaan mengenai aktiviti perekonomian mukim dan kampung, yang dulunya ada $450,000.00 di bawah Perbelanjaan Khas. Jadi, dalam bajet 2017/2018 tidak lagi ada Perbelanjaan Khas ini. Tetapi kita masih mempunyai peruntukan tersebut yang boleh dilihat dalam bajet Pejabat Daerah.

   Sebagai contohnya kalau kita melihat Pejabat Daerah Brunei dan Muara dalam Institusi Mukim dan Kampung (003/00) ada Pentadbiran Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, jadi di bawah itu ada *explanation* anggaran asal perkembangan aktiviti perekonomian 1K1P mukim dan kampung. Bajet itu sebenarnya masih ada dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ ia akan dapat digunakan bagi tujuan perekonomian itu. Demikian juga daerah-daerah lain; dan

3. Lembaga Bandaran Tutong, إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Lembaga Bandaran. Walau bagaimanapun, mengenai cadangan gerai, kaola ingin juga mengongsikan pandangan bahawa pernah perkara ini kaola ajukan

semasa mesyuarat-mesyuarat di peringkat daerah, melihat kepada aset gerai ini, kerajaan membina gerai sekian jumlah, tetapi gerai ini hanya mengutip kutipan sewa $5 bagi satu bangku yang tidak mencukupi untuk operasi menempatkan orang untuk membersih, menempatkan orang untuk bekerja di sana, kadang-kadang satu atau dua orang buruh.

Jadi, kaola berharap Majlis Perundingan Kampung dan Mukim, dapat mencontohi apa yang dibuat oleh Majlis Perundingan Kampung Belimbing, Subok. Mereka mengusahakan gerainya sendiri, membina gerai itu dan menyewakannya dan sewanya dalam anggaran atau pendapatan yang boleh menampung perbelanjaan operasi gerai itu malahan untungnya lagi yang dapat mereka gunakan untuk tujuan kebajikan kampung dan mukim.

Jadi ini satu perkara yang harus kita lihat dari perspektif lain yang boleh diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan tidak langsung bergantung pada pihak kerajaan.

Mengenai pengambilan pekerja asing, memang dulu ada dikenalkan sebagai *ratio* (nisbah) di bandar, separuh bandar dan pedalaman. Berapa *ratio* (nisbah) orang luar dan berapa *ratio* (nisbah) orang asing.

Perkara ini kita *improve* lagi dengan adanya sekarang ini Lesen Pengambilan Pekerja Asing itu secara pelaksanaannya dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ nanti bila sudah terlaksana. Kita masa ini dalam proses menimbangkan untuk mengenalkan *Levy. Levy* itu ialah satu bayaran yang ditanggung oleh syarikat bila mereka ini mengambil orang luar, berapa kos tambahan untuk mengambil orang luar.

Kita telah pun mengenal pasti apa bidang pekerjaan yang dapat dikenalkan *Levy* ini. Maka dengan cara itu akan berkurangan pengambilan pekerja asing dan memberi peluang kepada anak tempatan untuk bekerja asalkan mereka itu tidak memilih pekerjaan yang kita kenal pasti itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Merujuk kepada Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola ingin mencadangkan agar garis panduan bagi mengadakan acara hiburan dikemaskinikan agar ia dapat membantu para penganjur terutama sekali industri kreatif dan badan-badan bukan kerajaan seperti acara-acara amal, projek-projek belia dan akar umbi dan

lain-lain dapat berjalan dengan lebih teratur.

Ini disebabkan masih ramai penganjur yang belum memahami garis panduan tersebut dan perlu membatalkan acara disebabkan tidak mendapat kebenaran. Di samping itu, dengan mengemaskinikan garis panduan tersebut diharap akan dapat memendekkan proses mendapat jawapan bagi permohonan hiburan awam.

Cadangan tambahan kaola ialah untuk membolehkan permohonan dibuat secara *online* terutama sekali bagi penganjur yang sering membuat acara bagi memudahkan permohonan dan juga bagi keperluan *checking* seperti untuk Laporan Kunci Kira-Kira.

Kedua, merujuk kepada Tajuk SE10A. Kaola ingin mencadangkan agar pendaftaran kebangsaan akan dapat dikaitkan dengan pengkalan *data base* seperti JPKE dan Kementerian Kesihatan, ini dapat memudahkan proses permohonan bagi khidmat kerajaan dan juga memudahkan pihak kerajaan untuk mengemas kini maklumat rakyat dan Penduduk Tetap. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Pertama mengenai acara-acara hiburan supaya ada peraturan-peraturan, prosedur-prosedur mengenai permohonan ini dapatlah dikemaskinikan bagi memastikan para penganjur tidak akan membatalkan kerana tidak diberikan kebenaran.

Perkara ini telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat semasa Majlis Muzakarah bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kita akan meneliti perkara ini dan memberikan maklumat ini lebih awal dan tatacara permohonan untuk melaksanakan aturcara-aturcara seperti ini.

Cadangan kedua ialah cadangan yang baik iaitu mengintegrasikan data-data dari pendaftaran kebangsaan, JPKE dan Kementerian Kesihatan sebagaimana juga praktis yang berlaku di beberapa negara yang kita hanya membawa satu kad bagi tujuan ini.

Ini adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian dan oleh kerana ia *inter-agency*, berbagai-bagai kementerian yang bertanggungjawab, kita akan membawanya ke perhatian kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkenaan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terlebih dahulu terima kasih atas mukadimah dan memberi kenyataan secara proaktif yang telah diberikan oleh

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di bawah Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong. Kaola merujuk kepada Kod 003/000 - Penguatkuasaan dan Perlesenan. Kaola perhatikan bahawa ada anggaran perbelanjaan yang meningkat dari Tahun Kewangan 2016/2017 daripada Tahun Kewangan 2017/2018 dan di manakah fokus peningkatan perbelanjaan ini?

Kedua, kaola ingin memberi cadangan bahawa dapatkah kos perbelanjaan penguatkuasaan tempat meletak kereta boleh dikongsikan secara *PPP*. Dari cara untuk meluaskan sistem pembayaran bagi tempat letak kereta kawasan komersial yang dimiliki oleh pemilik swasta. Perkongsian cara pembayaran kawasan komersial ini juga boleh menjadi hasil yang boleh dikongsi antara Jabatan Bandaran dan pemilik persendirian. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai kenaikan itu nanti akan kaola jelaskan. Terpaksa kaola meneliti bajet ini. Cadangan mengenai kawalan letak-letak kereta di kawasan komersial ini adalah satu cadangan yang baik. Pada masa ini pun Lembaga Bandaran sedang meneliti akan kaedah kawalan letak-letak kereta di kawasan bandaran ini, jadi perkara itu akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Pertama, kaola juga ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam sebentar tadi.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merujuk kepada jerayawara yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 2012, berkenaan dengan *rezoning* bahawa perkara ini adalah sebagai usaha dan inisiatif kementerian bagi memperkesankan lagi tahap pemedulian rakyat dan penduduk di mukim dan kampung dan bagi meningkatkan keberkesanan usaha pengurusan dan pentadbiran mukim dan kampung serta untuk menyeimbangkan tugas dan tanggungjawab Penghulu dan Ketua Kampung di negara ini dengan berpandukan keramaian penduduk sesebuah mukim dan kampung.

Sehubungan dengan itu, sukacita mengetahui kedudukan dan perkembangan cadangan *rezoning* tersebut.

Kedua, kaola berpindah ke Tajuk SE06A – Pejabat Daerah Brunei Muara di bawah 003/003 Dewan Kemasyarakatan Mukim dan Kampung. Mukim Kota Batu mempunyai keluasan 5649.28 hektar dan mempunyai 15 buah kampung di

bawahnya dengan keramaian penduduk sejumlah kurang lebih 18,052 orang. Mukim Kota Batu juga telah menubuhkan Majlis Perundingan Mukim.

Majlis Perundingan Mukim ini mempunyai rancangan dan aktiviti sepanjang tahun seperti aktiviti kebajikan, keagamaan, sukan, kemasyarakatan dan acara lain. Apa yang menjadi masalah kepada Majlis Perundingan Mukim adalah tempat bagi mengadakan acara tersebut.

Oleh itu besarlah harapan Mukim Kota Batu supaya pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan dapat memperuntukkan sebuah Dewan Serba Guna atau Dewan Kemasyarakatan bagi memudahkan apa jua aktiviti dan acara-acara mukim pada masa mendatang. Begitu juga halnya dengan Mukim Tamoi yang mempunyai 7 buah kampung yang di bawahnya dengan keramaian penduduknya kurang lebih 1,600 orang juga memohon sebuah Dewan Serba Guna dan Kemasyarakatan bagi keperluan penduduk kampung dan mukim di mukim tersebut. Itu sahaja barangkali yang dapat kaola bahaskan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai jerayawara 2012, *rezoning* kampung-kampung, mukim-mukim. Perkara ini masih lagi diteliti kerana ada di antara kampung ini sudah bertambah kecil. Bukan sahaja saiznya kecil malah penduduknya pun menjadi kecil.

Ia memerlukan penelitian yang lanjut bagaimana kitani akan me*rezone* kampung-kampung berkenaan dan bagaimana kitani akan dapat menggunakan tenaga yang ada, tenaga sebagai Ketua Kampung, Penghulu di tempat-tempat tersebut meng*optimize* apabila rancangan itu berjalan. Ini membawa implikasi yang tertentu yang sedang diteliti pada masa ini.

Perkara kedua mengenai Dewan Kemasyarakatan ataupun Dewan Serba Guna. Walaupun dewan ini sebenarnya pada dasarnya suatu yang baik untuk maslahat kampung dan mukim tetapi haruslah kitani lihat dalam keadaan ekonomi kitani pada masa ini dan juga secara rasionalnya juga adakah perlu kitani lagi menambah aset-aset ini kerana kalau kita menggunakan pendekatan *whole nation approach* atau *whole government approach,* kita juga mempunyai aset-aset tertentu dalam kerajaan yang terletak di dalam kawasan mukim dan kampung yang boleh digunakan tanpa perlunya dahulu membina Dewan Kemasyarakatan atau Dewan Serba Guna contohnya barangkali dewan sekolah. Tentulah beberapa sekolah ada dan penggunaan ini kaola kira bukanlah sepanjang hari, ia juga bermusim. Perkara ini perlulah kitani barangkali me*rasionalize* dulu apa lagi dalam keadaan ekonomi kitani pada masa ini.

Walaupun perkara ini perkara yang baik pada dasarnya. Jadi kaola cadangkan kepada penduduk mukim dan kampung untuk memanfaatkan, berunding dengan rakan *stakeholders* di mukim dan kampung dengan cara itu jua akan mengeratkan hubungan kitani, hubungan antara penduduk kampung dengan sekolah, penduduk kampung dengan institusi masjid dan sebagainya.

Kaola rasa pendekatan kitani pada masa ini selaras dengan tema belanjawan kitani ialah memanfaatkan aset-aset yang ada dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam memajukan negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam. Pada permulaan hujah kaola, kalau hendak petik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 16 September 2010 di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1431 bersamaan 2010 di Pusat Persidangan Antarabangsa yang kaola petik sebahagiannya:

"…Peraturan dan undang-undang adalah jiwa kepada masyarakat. Tanpa peraturan dan undang-undang, masyarakat akan lemah dan tidak dihormati. Oleh itu, jentera penguatkuasaan mestilah kuat, tidak boleh lemah kerana jika ia lemah negara dan masyarakat akan terjejas teruk."

Ertinya kaola membawa titah ini bukan bererti penguatkuasaan pada masa ini lemah tetapi mungkin akan boleh diperbaiki lagi. Negara Brunei Darussalam ibarat rumah kita, marilah sama-sama kita mencari solusi untuk mengatasi apa jua masalah. Kita cari punca masalah, kita hurai bersama. Jangan ada perbezaan antara kita, bersatu untuk membangun negara kita rakyat Brunei Darussalam. Brunei rumah kita, kita makan isinya jangan sekadar kuahnya. Kita rintis hala tuju generasi masa depan kita. Buat baik berpada-pada, bukan yang mendatang disusukan, sepatutnya anak dipangkuan kita susukan. Brunei rumah kita, bukan yang mendatang mencari makan secara berleluasa, angkat rakyat kita menguasai sumber ekonomi kita.

Jangan biarkan istilah, *Little India* di Sengkurong berpanjangan, jangan biarkan kira-kira lebih 380 premis peruncitan dikuasai oleh kaum pendatang, jangan biarkan pasar borong dikuasai kaum pendatang, jangan biarkan tapak pertanian bertumpukan menjadi kaum pendatang. Mereka tersebut di atas boleh dikatakan menguasai 80% perniagaan. Kita sukar membuktikan, maka tiada cara tiada usaha melainkan kita gunakan istilah

political wheel untuk menjaga rumah kita.

Marilah kita lindungi kepentingan rakyat Brunei yang menghuni Brunei sejak zaman berzaman. Kita sekat budaya rasuah memasuki ruang kehidupan kita. Jangan biarkan budaya hiburan yang melampau ke dalam masyarakat kita. Jangan biarkan penghijrahan berkeluarga kaum pendatang ada yang hanya tukang gunting pun membawa anak isteri. Ini nampak satu penghijrahan.

Kaola ingin memohon dan mencadangkan supaya pemotongan rumput di bahu jalan raya diberikan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, memohon kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kementerian-kementerian berkenaan. Bayaran atau upah yang diberikan kepada syarikat-syarikat pemotong rumput yang ada, yang dikuasai oleh kaum pendatang. Ini boleh memberi peluang pekerjaan atau peluang cari makan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya telah pun menyatakan bahawa kita sekarang sedang merundingkan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri satu persatu dan sebagaimana yang kita ketahui Ahli Yang Berhormat telah pun saya beri peluang untuk bercakap mengenai Rang Undang-Undang ini apabila ia dibaca bagi kali yang pertama dan yang kedua yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Pada waktu itu, tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu berhujah. Sekarang, kita meneliti secara *detail* belanjawan yang dikemukakan oleh kementerian-kementerian. Saya harap apa jua semangat yang meluap-luap itu haruslah dikeluarkan pada tempatnya dan waktu ini kita juga bersidang dalam Jawatankuasa. Saya juga telah memberikan peluang bagi Ahli Yang Berhormat baik yang di sebelah kiri mahupun di sebelah kanan untuk berucap semasa kita membincangkan Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Waktu itu, hanya segelintir sahaja yang mahu berucap. Saya kira di situlah, tempat itulah bagi Ahli Yang Berhormat untuk meluahkan apa jua soalan masing-masing untuk berucap.

Pada waktu ini, gunakanlah waktu kita untuk melihat belanjawan yang kita kemukakan ini secara *detail* supaya ia akan dapat kita luluskan dan perjalanan kerajaan kita akan dapat menjadi lancar disebabkan bajet kita akan mula pada 1 April 2017 ini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi. Ada satu peruntukan yang akan dipohonkan dalam ucapan kaola ini dibenarkan lagi?

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sekarang mahu bertanya ataupun mahu berucap?

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Memohon peruntukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon supaya peruntukan Jabatan Daerah Brunei dan Muara bagi pembinaan satu bangunan *centralised* bagi peniaga-peniaga di bahu jalan Lebuh Raya Tungku/Jerudong dekat Jeruton Hotel. Dengan adanya bangunan atau *centralised* ini peniaga-peniaga akan dapat berniaga secara lebih teratur. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sendiri juga susah untuk memahami soalan pertama itu. Barangkali ia berkaitan dengan pendatang-pendatang luar negeri yang bekerja di negara ini. Perkara ini sebagaimana yang kaola sudah terangkan bila kaola menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Apa yang akan kaola sampaikan dan kongsikan bahawa kesalahan-kesalahan perburuhan. Majikan menggaji pekerja asing tanpa Lesen Buruh iaitu satu kesalahan yang didapati pada masa ini. Penempatan pekerja tidak mengikut seperti kebenaran Lesen Bab 86, melanggar Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Bab 10, penyalahgunaan jawatan, pembantu rumahtangga (amah) terlibat dalam perniagaan, perusahaan bertentangan seperti kebenaran perusahaan dalam lesen yang berkenaan. Jadi, tanyalah diri kitani sendiri, adakah penguat kuasa sudah mengenal pasti kesalahan ini atau siapa yang melakukannya. Inilah yang diperlukan sebagai *a whole of nation approach* kalau kitani mempunyai semangat yang berkobar-kobar.

Perkara mengenai pemotongan rumput dan sebagainya, ini melibatkan banyak kementerian. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, kalau kaola tidak silap boleh ikut dalam *tender* untuk pemotongan rumput ini dan pernah diberikan.

Peruntukan bagi Daerah Brunei dan Muara untuk peniaga lebuh raya ini, kalau ia satu usul yang baharu terpaksa diteliti dan barangkali jika tidak ada bajetnya tahun ini, terpaksalah kitani teliti pada satu masa yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin bercakap mengenai Tajuk SE05A. Rungutan daripada orang ramai mengenai kos mendatangkan pekerja Pembantu Rumah Tangga yang terdiri daripada golongan berpendapatan

rendah yang pada masa ini adalah mahal mencecah sehingga $3,000.00 melalui ejen yang berdaftar di negara ini. Dicadangkan agar Jabatan Buruh akan dapat membuat pemantauan ke atas proses dan tatacara mendatangkan Pembantu Rumah Tangga dan dengan demikian bayaran majikan yang mendatangkan Pembantu Rumah Tangga tidak terbeban dengan kos yang dikawal oleh ejen-ejen dari luar negara. Adalah tidak berbaloi apabila Pembantu Rumah Tangga tersebut membuat kerenah.

Bagi pengurangan mendatangkan Pembantu Rumah Tangga, kita patut memanfaatkan potensi kerjaya tersebut di negara kita ini. Sudah ada yang menceburinya dalam kalangan anak-anak muda. Diharapkan supaya mereka yang berminat untuk kerjaya tersebut diberikan bimbingan oleh jabatan yang berkenaan. Kita juga sepatutnya memperbanyakkan *babysitter* bagi menampung keperluan keluarga yang memerlukannya. Jika ini dapat direalisasikan, sudah tentu kita dapat mengurangkan pekerja-pekerja asing. Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola kira mengenai perkara bayaran bagi mendatangkan Pembantu Rumah Tangga pernah dibangkitkan dahulu dan perkara ini memang diteliti oleh Jabatan Buruh, malah kitani juga sedang berusaha mengadakan perundingan dengan pihak-pihak tertentu, bagaimana cara kita untuk *protect* majikan di sini dan orang ramai daripada pembayaran yang tinggi itu. Jadi, perkara ini masih dalam penelitian Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola menghargai dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola akan menyentuh mengenai Tajuk SA01A dan Tajuk SE06A.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat Pengerusi, walau bagaimanapun kaola melihat peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu sebanyak $9,099,625.00 dalam Tajuk SE01A dan Tajuk SE06A Pejabat Daerah Brunei dan Muara sebanyak $11,996,380.00.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Mukim Serasa sebenarnya Dewan Serba Guna belum dibina. Dewan ini kebanyakannya dibina di daerah Brunei dan Muara namun Mukim Serasa belum mempunyai Dewan Serba Guna ini. Walhal, tapak-tapak tanah telah pun lama diwartakan buat sekian lamanya bagi Mukim Serasa.

Isu Dewan Serba Guna ini bagi Mukim Serasa sering disuarakan oleh para penduduk kampung. Oleh yang demikian, selaku wakil Yang Berhormat dan bagi seluruh penduduk Mukim

Serasa dipohonkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya akan dapat memberikan pertimbangan bagi menyokong supaya pembinaan Dewan Serba Guna bagi Mukim Serasa dapat dimasukkan ke dalam Projek Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang.

Perkara yang kedua, kaola ingin menyentuh ialah Tajuk SE06A – Pejabat Daerah Brunei dan Muara mengenai dengan prasarana. Prasarana awam di kawasan Muara masih terabai dan tidak digunakan sepenuhnya. Kemudahan ini adalah seperti bangunan pasar iaitu Pasar Aneka Ria.

Oleh yang demikian, kaola ingin mencadangkan supaya bangunan pasar tersebut akan diubah bentuk dan keadaannya.

Keduanya, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyesuaikan kedudukan Pasar Aneka Ria di Pekan Muara.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat kerana mengutarakan tiga perkara.

Mengenai Dewan Serba Guna ini telah pun kaola jawab tadi. Galakan untuk penduduk mukim dan kampung menggunakan aset yang ada tetapi barangkali perkara ini boleh jua kita bincangkan dengan penduduk mukim dan kampung kerana kita boleh juga meneliti modaliti-modaliti yang lain yang tidak bergantung pada kerajaan. Umpamanya melalui *PPP*, jadi ini boleh kita terokai.

Kedua, mengenai pasar raya awam. Perkara ini mesti kita bawa *stakeholders* untuk sama-sama berbincang bagi menentukan kesesuaian tempat untuk menempatkan pasar-pasar sedemikian. Jadi lagi sekali nanti kaola akan mengadakan perundingan dengan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman dan juga Ketua Kampung berkenaan untuk menentukan di mana dan apa yang akan kitani buat dengan aset yang ada ini. Sebagaimana kaola telah terangkan tadi, kalau macam di Seria pasar raya yang tidak digunakan itu sudah kitani keluarkan *Request For Proposal* untuk tujuan perekonomian. Perkara sedemikian boleh kitani buat, boleh kitani pakej dengan aset-aset yang lain dan ini memerlukan perundingan dengan penduduk kampung dan juga *stakeholders* di sana. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap mengenai Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu mengenai Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang termasuk dalam Tajuk tersebut.

Seperti mana yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa Majlis Perundingan Kampung sejak ia ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam kalau kaola tidak silap tahun 1993 menjadi sambutan masyarakat kampung di seluruh Negara Brunei Darussalam dan tertubuhlah Majlis Perundingan Kampung di tiap-tiap kampung di Negara Brunei Darussalam.

Sebahagian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu jawatankuasanya adalah terdiri daripada sebahagian kakitangan kerajaan dan kakitangan yang sudah berpencen tetapi cuma sedikit bilangannya dari belia-belia.

Walau macam manapun, jawatankuasa tersebut telah berusaha bekerjasama dengan penduduk kampung yang pada akhir-akhir ini Majlis Perundingan Kampung telah menonjol ke hadapan dengan produk di daerah masing-masing.

Pada akhir ini, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sering dilawati oleh pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri. Maka timbullah satu masalah kepada Majlis Perundingan Kampung iaitu pemimpin-pemimpinnya yang terdiri daripada orang yang sudah tua dan sudah berpencen. Pelancong-pelancong yang datang ini menggunakan bahasa asing iaitu bahasa Inggeris.

Maka kaola berpendapat bahawa Majlis Perundingan Kampung ini perlu menyerapkan belia yang berkaliber pada masa ini. Inilah masanya kita memasukkan belia itu bertanggungjawab dengan masyarakat di kampungnya dan di mukimnya. Ini yang perlu di ketengahkan.

Dengan adanya belia ini, mereka akan bertanggungjawab bukan sahaja dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung tetapi boleh menarik masyarakat kampung itu ke berbagai-bagai kegiatan, kerana seperti yang kita ketahui bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang mengalu-alukan belia ini bertanggungjawab kepada masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam ini.

Selain itu, Majlis Perundingan Kampung ini menjadi satu kemegahan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi Ahli Majlis Perundingan Kampung boleh dipilih memangku sekiranya tidak ada Ketua Kampung di dalam kampung itu. Itu satu kelebihan Majlis Perundingan Kampung dihormati oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya cadangkan supaya belia ini diserapkan dari sekarang ke Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan ingin juga pula mengetahui adakah peruntukan yang tertentu kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini, untuk jawatankuasanya ini lebih bergiat lagi memajukan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Tajuk SE04A – Lembaga Bandaran Tutong. Kaola difahamkan juga bahawa Lembaga Bandaran ini ada melantik jawatankuasa. Diketahui bahawa lembaga yang dilantik itu adalah terdiri daripada orang-orang yang sudah

berpencen. Apa salahnya jawatankuasa itu diserapkan dengan memasukkan belia. Kita lebih maklum bahawa belia itu berkaliber, mengetahui hal masyarakat dan juga perkembangan negara sekarang. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kaola menyambut baik akan usul ataupun cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi menyerapkan belia-belia dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Tanggungjawab itu mungkin terletak kepada Penghulu dan Ketua Kampung bagaimana mereka dengan bijaksana boleh membawa belia ini menjadi Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Adalah satu fakta yang betul dikebanyakkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini dianggotai oleh orang-orang yang sudah bersara.

Adalah penting bagi orang yang bersara itu untuk mengongsikan pengalamannya sebagai orang tua-tua tetapi kita juga memerlukan penggerak dan ke arah ini mungkin kaola menghargai penyertaan belia ini di kampung Yang Berhormat iaitu di Kampung Kiudang. Belianya bergerak aktif, bukan sahaja di dalam kampungnya tetapi di luar kampungnya bagi menampakkan imej baik Daerah Tutong.

Sama-sama kita berusaha untuk menggalakkan para belia kita menyertai Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan cadangan untuk memasukkan belia menjadi Ahli Lembaga Bandaran, itu satu perkara yang boleh diambil perhatian. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Kaola ingin mengemukakan mengenai Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung seperti yang diketahui bahawa Skim Penghulu dan Ketua Kampung ini telah pun diluluskan pada tahun 2015 bagi menggantikan skim lama 1998. Soalan kaola, adakah skim tersebut menyerapkan kepada Penghulu dan Ketua Kampung yang sedia ada pada masa ini dari segi gaji, elaun, kenaikan pangkat, tangga gaji dan seumpamanya? Jika sudah ada diteliti maka dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin memohon penjelasan lanjut mengenainya.

Mengenai dengan Produk Satu Kampung Satu Produk seperti mana yang sama-sama kita dengar dari penerangan dan taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi الْحَمْدُ لله terdapat 76 produk dan lebih 200 produk telah pun didaftarkan. Bagi Daerah Temburong dalam peruntukan

Jabatan Daerah Temburong ada memperuntukkan perkembangan produk ekonomi dalam institusi mukim dan kampung.

Dalam hal ini, kaola ingin menyarankan jika tidak menjadi satu halangan supaya peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung khususnya dalam meningkatkan daya upaya Produk Satu Kampung Satu Produk akan dapat dipertahankan peruntukannya seperti pada tahun lepas iaitu 2016/2017, kalaupun boleh dinaikkan sedikit kerana Daerah Temburong sangat memerlukan peruntukan tambahan ini, kerana masih lagi kebergantungannya kepada peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Daerah Temburong mempunyai produk-produk yang berpotensi untuk dipasarkan dan dimajukan. Kalau kita sebut sahaja Daerah Temburong sinonim dengan nama sebutan dan ia juga sudah menjadi identiti Daerah Temburong seperti Wajid Jawa, Wajid Temburong, Cendol Temburong, Telur Masin Temburong, Udang Galah Temburong dan seumpamanya. Produk-produk ini walaupun dikeluarkan masih lagi secara diusahakan kecil-kecilan dan mengikut permintaan semasa.

Tapi الْحَمْدُ لله berkat usaha Jabatan Daerah Temburong telah pun menyediakan sebuah kedai yang diberi nama Kedai Kampung bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan orang ramai khususnya di daerah tersebut untuk memasarkan produk-produk mereka. الْحَمْدُ لله seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun meluluskan pertubuhan Tabung *SME Bank* ini dan mudah-mudahan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini serta para belia khususnya yang berminat akan dapat membantu mereka yang kurang berkemampuan ini untuk berkecimpung dalam perniagaan.

Dalam memperkasa kesejahteraan dan perpaduan rakyat peringkat kepimpinan akar umbi yang ada hubungan dengan soalan Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri walaupun disebutkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Kaola sukacita juga ingin menambah sedikit mengenai penglibatan kepimpinan akar umbi ini supaya dapat kita perkasakan dari segi pimpinannya dan mencadangkan beberapa cadangan seperti yang berikut:

1. Mengadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kebajikan dan keagamaan dengan bekerjasama misalnya, bekerjasama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejiranan atau Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, agensi kerajaan yang lain dan syarikat-syarikat swasta. Sebenarnya kerjasama ini mengurangkan bajet peruntukan yang sama yang diberikan;

2. Memperkasakan keberkesanan penglibatan ahli jawatankuasa seperti mana yang disarankan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat dari segi keahlian, kemahiran dan keaktifan mereka termasuklah juga sumbangan dan perkhidmatan penasihat-penasihat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung supaya penasihat-penasihat ini juga terlibat sama dalam memperkasakan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung; dan

3. Tidak kurang pentingnya juga kaola rasakan ialah dana bagi memperkasakan penglibatan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di samping memberikan inisiatif yang berupa imbuhan kepada Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang betul-betul berusaha keras bagi memajukan kampung mereka.

Sekian sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat atas beberapa perkara yang telah dikemukakan:

1. Mengenai Skim Perkhidmatan Penghulu, Mukim dan Ketua Kampung 2013. Tatacara pelaksanaannya ialah pemindahan daripada jawatan lama kepada jawatan baharu. Perkara ini diteliti oleh sebuah lembaga di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Lembaga Perjawatan Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Jadi mereka ini sedang meneliti macam mana tatacara yang sebaik-baiknya bagi melaksanakan *migration* sebabnya skim perkhidmatan baharu menurut syarat-syarat dan siapa yang memenuhi syarat itu dan siapa yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut;

2. Mengenai Satu Kampung Satu Produk, walaupun bajet Jabatan Daerah Temburong mengikut Yang Berhormat itu kemungkinan tidak mencukupi, perkara ini boleh dilihat/diteliti oleh Kementerian nanti bagaimana kita akan mengagihkannya. Apa pun rancangan yang dikemukakan oleh mukim dan kampung, sekiranya ada usul cadangan ia pada lazimnya kita kehendaki mereka itu membuat kertas kerjanya *(proposal).* Tahniah juga kepada Daerah Temburong kerana walaupun bilangan penduduk kecil dibanding dengan daerah lain tetapi mereka telah menghasilkan produk-produk yang baik. Selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita mempunyai:-

   i. *Mi Salapon. Mi Salapon* itu sudah pun masuk dan dibeli oleh restoran-restoran tertentu di Bandar Seri Begawan; dan

ii. Kaola sendiri melihat perusahaan *ambulung* (sagu) di Kampung Batu Apoi. Oleh kerana diperhatikan bahawa mesin yang mereka gunakan untuk memproses *ambulung* (sagu) itu adalah masih berbentuk lama, jadi kita telah pun meminta kerjasama daripada Universiti Teknologi Brunei yang telah pun menghasilkan satu mesin baharu yang dari segi skop ataupun prespektif kesihatan mematuhi. Jadi mesin berkenaan telah diberikan kepada penduduk Kampung Batu Apoi. Tidak juga semestinya ia datang dari penduduk kampung itu tetapi apabila kitani membuat lawatan, melihat akan kedudukan itu, kitani juga akan dapat mengajukan cadangan-cadangan macam mana menambah baik produksi *(improve production)* mereka itu. Inilah contoh-contohnya.

Mengenai dengan penyertaan akar umbi ini, semasa kursus dan sebagainya sudah kaola nyatakan tadi, kaola menyokong perkara ini dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ia akan dapat kitani selaraskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan yang terakhir sekali Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah Yang Berhormat. Kaola bertanya:-

1. Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mengenai dengan Kampong Ayer.

   Semasa sesi muzakarah yang lepas bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negari, majoriti menekankan kepada Kampong Ayer sebagai salah satu tempat yang menarik bagi pelancong. Tidak dinafikan lagi Kampong Ayer adalah satu-satunya tempat yang sangat berpotensi. Tambahan lagi dengan siapnya nanti Jambatan Sungai Kebun dan Revitalisasi Kampong Ayer Zon 'A' Sungai Kedayan.

   Kaola difahamkan banyak usaha-usaha terutama daripada pihak-pihak kerajaan, *NGO's* dan sukarelawan yang telah membuat langkah-langkah membersihkan perairan dan persekitaran Kampong Ayer. Yang sangat menyedihkan, usaha-usaha ini sia-sia kerana isu kebersihan perairan Kampong Ayer masih berlaku malahan semakin bertambah.

   Punca masalah utama ialah *mindset* penduduk yang tinggal di kawasan Kampong Ayer mahu pun yang tinggal di darat. Bila memperkatakan dengan sampah ia isu yang utama. Mahupun diberikan kawasan pembuangan sampah utama yang terletak di kawasan jeti-jeti, masih lagi ada alasan tempat pembuangan

sampah jauh dari kawasan perumahan mereka. Ada juga kes-kes orang yang ditugaskan untuk membuang sampah ke darat tetapi membuangnya ke dalam air kerana ia melimpasi had kapasiti bot.

Cadangan kaola ialah supaya pihak kementerian bekerjasama dengan pihak *NGO's* bukan setakat membersihkan perairan Kampong Ayer tetapi juga dengan mewujudkan kesedaran untuk mengubah *mindset* iaitu dari akar umbi penduduk Kampong Ayer Brunei. Seperti contoh, pihak kementerian boleh bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, supaya *NGO's* diberi kebebasan mengikut kreativiti mereka sendiri untuk melaksanakan tugas-tugas memberigakan informasi, bukannya dengan secara menyimpan poster-poster tetapi dengan secara kesedaran awam *(public awareness)* dan menggunakan cara pendekatan awam *(public outreach)* dan berdialog dengan penduduk Kampong Ayer.

Informasi ataupun dengan caranya diberigakan dengan berdialog tentang kesan-kesan negatif atas manusia yang tinggal dalam persekitaran yang tercemar. Ini dipohonkan kalau sekiranya dapat sokongan penuh diberikan kepada *NGO's* untuk berkolaborasi bersama kementerian dan juga sokongan kewangan daripada pihak kementerian.

Kaola ingin bertanya, adakah sekiranya aktiviti-aktiviti dari segi *public awarness* atau *public outreach* ini, ada diberi peruntukan pada tahun 2017/2018.

2. Mengenai Satu Kampung Satu Produk. Ada kaola melihat di dalam bajet ini, tiap-tiap daerah mempunyai peruntukan tetapi Tajuknya mungkin berlainan dari aktiviti-aktiviti. Yang Berhormat الْحَمْدُ لله jelaskan terdapat sebanyak 201 produk yang telah didaftarkan. Kaola percaya banyak lagi produk yang lain mempunyai potensi yang dapat dipasarkan di pasar raya tempatan.

Setelah mendengar dalam beberapa hari yang lalu, bahawa dari segi *demand* ada tetapi yang tidak cukup adalah *supply.* Dicadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kementerian dapat menjadi penyelaras untuk pengusaha-pengusaha kampung dapat bergabung dengan pengusaha-pengusaha kampung yang lain untuk memenuhi permintaan, di sinilah *whole of nation approach* ditekankan. Kaola juga meminta kerjasama Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung untuk bekerjasama mengambil peluang emas ini disebabkan platform yang sudah disediakan oleh pihak kerajaan seperti Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri mengongsikan maklumat tentang *China ASEAN Expo* di *Nanning* yang akan datang pada bulan September 2017. Kalau kitani lihat dari kampung-kampung,

produk-produk ini melihatnya dari sektor-sektor, ia akan dapat mengukuhkan lagi produk Brunei ini mungkin dalam masa yang sama dapat mengurangkan perbelanjaan kerana dibahagi-bahagi mengikut sektor masing-masing.

3. Soalan terakhir mengenai Jabatan Lembaga Bandaran iaitu Penguat Kuasa Peraturan dan Undang-Undang. Bangunan-bangunan yang terletak di bandar tidak terjaga dan akhirnya bangunan itu terbengkalai *(abandon)* kalau sekiranya dimiliki oleh kebanyakan swasta *(private lot)* ataupun dari bangunan am, menyusul pertanyaan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai Panggung Bolkiah. Adakah Jabatan Bandaran mempunyai Penguatkuasaan ke atas pemilik bangunan dalam Akta Perbandaran *(Municipal Act)?* Ia adalah bidang kuasa Jabatan Bandaran untuk memantau pembisaian bandar dan memastikan integriti bangunan dalam keadaan selamat diguna pakai oleh orang ramai. Sekian Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengemukakan cadangan-cadangan dan juga pandangan mengenai Jabatan Lembaga Bandaran, 1K1P dan Penguatkuasaan.

Mengenai Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan khasnya Kampong Ayer sebenarnya isu kebersihan ini pada masa ini ditangani oleh satu jawatankuasa yang digelar sebagai Jawatankuasa Induk Kebersihan yang dianggotai oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan dan ketiga-tiga kementerian ini memfokus kepada perkara kebersihan di sekitar bandar dahulu, kemudian kepada negara termasuklah Kampong Ayer, ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini memang dalam pemerhatian jawatankuasa ini.

Jawatankuasa ini telah meneliti kaedah-kaedah tatacara dan juga melibatkan *(enggage) NGOs*. Kalau kitani melihat dahulu semasa menghadapi Virus Zika bagaimana pihak *NGOs* menyertai kegiatan-kegiatan pembersihan ini seperti kumpulan pantai *(beach bunch).* Kita mengalu-alukan akan penyertaan ini kerana isu kebersihan ini bukan sahaja isu kerajaan tetapi isu yang mesti dipikul bersama oleh rakyat dan penduduk negara ini. Tepat sebagai pendekatan *the whole of nation approach*.

Mengenai 1K1P pada masa ini pengusaha-pengusaha mengeluarkan produk mereka bergantung pada *supply and demand*. Mereka ini terikat, *constrain* mereka ialah dalam satu-satu produk adalah bahan mentah mereka. Umpamanya bagi pengusaha keropok pisang ada di Daerah Brunei Muara dan di Daerah Temburong. Macam mana mereka mendapatkan bahan mentah itu *sustainable* jika sekiranya ada permintaan *(demand)* yang mengejut. Perkara-perkara sebegini perlu dilihat. Dalam hubungan ini, kaola kira ia mesti diagihkan kepada beberapa agensi

bukannya kampung itu sendiri bertanam pisang, *harvest the* pisang, pisang itu jadi bahan mentahnya. Mungkin kitani memerlukan satu *network* yang pengusaha hanya menanam pisang saja kemudian membekalkan bahan itu ke kampung ini. Kampung itu akan menghasilkan produk dan pembungkusan akan dibuat oleh pengusaha lain, pemasaran pula akan dibuat oleh orang lain. Jadi ada pengkhususan.

Inilah perspektif yang dilihat pada masa ini bagaimana kitani dapat membantu mereka ini. Kalau mereka ini membuat semua kerja ini mungkin kitani akan lambat mencapai kualiti produk yang kitani hasratkan walaupun produk-produk kitani ini mempunyai permintaan yang tinggi di luar negara. Sebagaimana yang kitani saksikan apabila mereka ini menyertai ekspo di luar negeri.

Berhubung dengan Penguat Kuasa Lembaga Bandaran ini memang mempunyai kuasa untuk mengarahkan tuan punya bangunan untuk menjaga dan memelihara bangunan-bangunan mereka. Terima kasih atas usul itu walau bagaimanapun kita juga akan mencontohi praktis-praktis terbaik di bandar-bandar lain bagaimana mereka menguatkuasakan peraturan-peraturan seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Behormat kita telah pun membincangkan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan panjang lebar dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menjawab soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan jelas dan telus. Maka saya kira cukuplah perbincangan kita, perkara ini sekarang sudah boleh kita undi, supaya perkara yang dibentangkan ini akan dapat kita luluskan atau sebaliknya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pengerusi, mohon izin kaola tidak akan berbincang cuma kaola akan merespons salah seorang Ahli Yang Berhormat menimbulkan mengenai Satu Kampung Satu Produk untuk mendapat Sijil Halal.

Kaola ingin menyatakan bahawa kementerian mengalu-alukan sebarang permohonan daripada pengusaha-pengusaha Satu Kampung Satu Produk dan setakat ini الْحَمْدُ لله ada produk yang sudah mendapatkan Sijil Halal umpamanya di Daerah Temburong, di Kampung Sumbiling atau Kampung Selapon menghasilkan produk mi kuning, ambulung (sagu) di Batu Apoi, di Daerah Tutong teh herba, Kampung Kiudang dan Kelapa Dara, Tanjung Maya.

Di Daerah Belait di Sungai Teraban saja ada 9 produk termasuk snek ikan dan dodol. Sebenarnya banyak produk yang boleh diberi Sijil Halal tertakluk apabila mereka memohon. Ia akan diperiksa dan diaudit dan sebagaimana keperluan yang biasanya. Setakat itu sahaja kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat yang mengemukakan soalan itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat. Kitani juga sentiasa berdoa semoga usaha yang berkebajikan yang dilaksanakan di kampung-kampung berkenaan akan menempuhi dan menepati sasaran-sasarannya إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Maka dengan itu saya sekarang ingin bertanya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi kita untuk meluluskan Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A sila angkat tangan.

(semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima Kasih الْحَمْدُ لله nampaknya semua Ahli bersetuju dan dengan itu kita luluskan belanjawan berkenaan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan dibawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya cadangkan supaya kita beredar untuk bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat pada sebelah tengah hari dan kita akan bersidang semula pada petang ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada pukul 2.30 petang. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita telah pun membincangkannya dalam Jawatankuasa sepenuhnya. Maka bagi membolehkan kita menyambung semula Mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli - Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu-persatu. Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada pagi tadi telah meluluskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang kita berpindah pula ke Tajuk yang seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang mula membincangkan dan meneliti Belanjawan Kementerian Pendidikan. Sebelum Tajuk ini saya buka untuk dibahaskan, saya ingin memberi kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyampaikan ucapan pendahuluan atau mukadimahnya mengenai dengan belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberikan kesempatan kepada kaola untuk memberikan penerangan mengenai tujuan dan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum Tajuk ini dibincangkan kaola bagi pihak Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menyediakan peruntukan kepada Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Kementerian Pendidikan menyokong penuh tema perbelanjaan Tahun Kewangan 2017/2018 iaitu "Belanjawan

Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan *(Sustainable)."*

Di kesempatan ini, kaola bagi pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukkan sebanyak $666,577,470.00 bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2017/2018.

Di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan ini sejumlah $498,791,490.00 disediakan untuk Gaji Kakitangan, sementara $167,785,980.00 untuk Perbelanjaan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak $19,824,340.00.

Demi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Kementerian Pendidikan akan memastikan segala perancangannya adalah *actionable* dan realistik serta *cost effective* agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam mengambil pendekatan *(delivery approach)* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Pendidikan akan berusaha dengan gigih dalam memastikan peruntukan ini akan digunakan dengan sebaiknya di samping juga mengambil sikap berhemat dalam berbelanja mengikut keperluan dan keutamaan seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Pendidikan sebagai agensi peneraju dalam membangun serta membentuk sumber tenaga manusia akan terus mendukung hasrat untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035 khususnya dalam menghasilkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 ataupun SPN 21. SPN 21 ini dirangka dengan hasrat untuk melengkapkan rakyat negara ini dengan ilmu, kemahiran dan sikap serta nilai yang lebih sesuai bagi menghadapi kehendak dan keperluan abad ini.

SPN 21 sekarang telah pun memasuki tahun ke-8 pelaksanaannya dan telah melakar perubahan ataupun pencapaian-pencapaian positif seperti antara lain terbukanya peluang pilihan laluan dan akses pendidikan *(multiple pathways),* pemantapan pendidikan teknikal dan vokasional, penubuhan *Teacher's Academy* untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru dan tenaga pengajar. Pelaksanaan *Brunei Teachers Standard* (BTS), *pelaksanaan Literacy* dan *Numeracy Standard* menambah baik ekosistem dan prasarana sekolah yang mendukung pelaksanaan pengajaran pembelajaran abad ke-21 serta penambahbaikan sistem penilaian dan sebagainya.

Bagi merealisasikan SPN 21 ini Kementerian Pendidikan telah dari semasa ke semasa merangka perancangan strategik yang mengandungi beberapa inisiatif dalam 5 bidang utama yang memiliki petunjuk prestasi utama *(key performance indicators – KPI)* dan sasaran masing-masing. Bidang-bidang tersebut ialah:-

1. Kualiti guru;

2. Kualiti sekolah dan institusi pengajian;

3. Pencapaian dan kejayaan pelajar;

4. Penyertaan dalam pendidikan;dan

5. Kualiti pendidikan pasca menengah.

Selain dari bidang-bidang utama ini Kementerian Pendidikan juga turut merangka rancangan penambahbaikan dalam bidang-bidang berikut iaitu:-

1. Perkembangan profesional di setiap peringkat;

2. Kualiti kepimpinan di setiap peringkat;

3. Kualiti pengajaran dan pembelajaran; dan

4. Penekanan terhadap kesihatan, kawalan keselamatan dan alam sekitar di setiap peringkat.

Ke arah melahirkan tenaga kerja yang mampu menyampaikan kualiti holistik bagi menghasilkan pelajar-pelajar yang berjaya yang akan memenuhi permintaan pembangunan negara yang dinamik dan mampan. Kementerian Pendidikan giat melaksanakan pembangunan profesional berterusan melalui Akademi Guru Brunei Darussalam *Teachers Academy* ataupun *(BDTA).* Inisiatif ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru ke arah memperkayakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran abad ke-21. Sebuah Rangka Kerja Pembangunan Profesional Guru-Guru *(Teachers professional Development Framework)* juga dilaksanakan sebagai program perkembangan profesional guru secara lebih sistematik untuk mewujudkan dan menambah keberkesanan usaha pembangunan *professional learning communities* di kalangan guru dan pemimpin sekolah.

Program pembimbing literasi dan numerasi *(literacy and numeracy coaching program)* adalah satu inisiatif untuk menghasilkan peningkatan sistematik ataupun peningkatan sistemik dalam kualiti pengajaran, pembelajaran literasi dan numerasi di sekolah-sekolah. Inisiatif ini mendapatkan khidmat pakar-pakar perkembangan profesional dan juga pakar-pakar pengajaran dan pembelajaran literasi dan numerasi sebagai ejen perubahan utama.

Objektif utamanya ialah bagi menghasilkan pengajaran Bahasa Inggeris, *Mathematics* yang berkualiti dan menggunakan amalan-amalan pedagogi terbaik secara effektif bagi melahirkan pelajar-pelajar yang

mempunyai kemahiran numerasi dan literasi yang tinggi.

Kementerian Pendidikan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membentuk Piawaian Sekolah *(School Standard)* untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang tinggi yang menyokong kecemerlangan dan pengajaran dan pembelajaran dengan memastikan pembangunan yang sistemik dan seimbang.

Melalui Piawaian Sekolah ini berbagai-bagai kaedah akan dapat diusahakan oleh pihak sekolah bagi menambah baik keberkesanan sekolah dalam menjalankan strategi-strategi yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan kualiti sumber tenaga manusia di sekolah tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله atas kepimpinan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam masih mampu untuk menggerakkan jentera-jentera kerajaan bagi memastikan perancangan pembangunan negara diteruskan demi menjamin kemajuan dan juga memastikan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini terus dapat dinikmati.

Kita seharusnya memanjatkan rasa syukur kerana kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada pelajar-pelajar masih terus dapat disediakan antaranya perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pengangkutan bas, kemudahan rancangan makanan sekolah, kemudahan asrama, pemberian biasiswa dalam dan luar negeri termasuk juga Skim Bantuan Miftahun Najah bagi pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan dan sebagainya.

Dengan peruntukan yang ada ini, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha gigih untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan pendidikan melalui pelbagai inisiatif dan pada masa yang sama mengoptimumkan sumber-sumber yang ada. Langkah penjimatan ini adalah peluang yang baik untuk Kementerian Pendidikan meneliti semula perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dan perkhidmatan yang tidak produktif atau yang tidak menghasilkan nilai kepada perbelanjaan yang tidak digunakan *(not value for money).*

Kementerian Pendidikan juga menyedari akan betapa pentingnya dalam merenung kembali dan menilai usaha-usaha yang telah dilaksanakan selama ini. Melalui proses muhasabah diri ini *(self reflection)* adalah disedari inisiatif-inisiatif yang diungkayahkan tidak kesemuanya mendatangkan hasil dan memenuhi sasaran-sasaran yang dihasratkan, dan ada pula nampaknya kurang berdaya tahan kerana tidak dipantau sebaik-baiknya. Justeru itu kementerian pendidikan perlu melakukan beberapa perubahan umpamanya:

i. Dengan memastikan sistem dalaman dipertingkatkan lagi kepada yang lebih efisien;

ii. Kepimpinan berkualiti tinggi di setiap peringkat;

iii. Proses perubahan yang lebih teliti dan teratur agar lebih berkesan dan berkualiti; dan

iv. Yang paling penting juga ialah keupayaan kementerian pendidikan dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah benar-benar berkualiti tinggi.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan sentiasa mereviu SPN 21 untuk menambah baik dan meningkat kemajuan selaras dengan perkembangan yang berlaku di peringkat kebangsaan dan juga peringkat global. Salah satu ikhtiar yang sedang diusahakan ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah melalui 'Dialogik *Teaching and Learning'.*

Belajar melalui 'Dialogik *Teaching and Learning'* ini bukan sahaja membawa kepada pengetahuan kandungan tetapi kemahiran berfikir yang lebih baik

Ini adalah sejajar dengan aspirasi SPN 21 yang berhasrat untuk memupuk dan menjana berapa set kebolehan dan kemahiran seperti *communication skill, thinking skills and problem solving* dan juga *self management competitive skills* yang akan menjurus kepada pembangunan *high order thinking skills.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan juga akan sentiasa bekerjasama dan mengembeleng tenaga dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta dalam mengusahakan inisiatif yang berkaitan dengan pendidikan dan pembentukan sumber tenaga manusia. Sebagai contoh bagi mengetahui keperluan permintaan pekerjaan dan rupa bentuk kemahiran-kemahiran yang dikehendaki setiap profesion, Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan Unit Dasar dan Perancangan dan Tenaga Manusia *(Manpower Policy and Planning Unit – MPPU)* Jabatan Perdana Menteri dan berbagai-bagai pihak yang berkepentingan seperti *FDI action* serta *Support Center (FAST)* dan pihak-pihak industri termasuk Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana *(MSME).*

Melalui pendekatan *demand driven* ini Kementerian Pendidikan akan dapat memastikan jenis-jenis kursus dan tahap kursus yang dijalankan sentiasa relevan, seimbang dan perisian kurikulum bertepatan dalam memenuhi keperluan ciri-ciri keboleh pasaran *(marketiblity)* para pelajar dan graduan institusi pendidikan.

Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan juga turut memberikan sokongan sepenuhnya pada mana-mana usaha kementerian dan agensi lain ke arah pengukuhan kapasiti sumber tenaga manusia seperti *program* perantisan ataupun iaitu Program *I-RDY (i-ready).*

Pihak kementerian menyahut baik program tersebut yang dianggap memberi nilai tambah kepada graduan pengeluaran instiusi pengajian tinggi yang mengukuhkan keupayaan pengaplikasian pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka.

Kementerian Pendidikan akan memastikan program-program pengajian yang ditawarkan di institut pengajian tinggi awam dan Program *I-RDY (i-ready)* itu mempunyai sinergi dalam melahirkan rakyat yang berkaliber, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi seperti yang dihasratkan.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas huraian yang telah dikemukakan mengenai dengan penyediaan dan sasaran-sasaran Kementerian Pendidikan sesuai dengan belanjawan yang telah dikemukakan. Maka sekarang saya bukakan Tajuk ini untuk dibahaskan. Di hadapan saya ada senarai panjang daripada Ahli-Ahli yang suka untuk mengemukakan soalan-soalan dan seterusnya mengharapkan penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi.

Dalam kesempatan ini, bagi membincangkan dan menyokong peruntukan Kementerian Pendidikan, Tajuk SF01A ini, kaola hanya menyentuh 2 perkara. Seperti yang kita maklum, Wawasan Brunei 2035 ialah melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Ke arah itu, Kementerian Pendidikan telah berusaha menyediakan beberapa sistem pendidikan yang tinggi berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan kita menyedari ini merupakan satu perjalanan yang jauh dengan penuh cabaran dan ujian berasaskan Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN21).

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengetahui, walaupun perkara ini telah pun disentuh beberapa tahun yang lalu iaitu mengenai sebilangan pelajar yang masuk ke Tahun 7 adalah pelajar yang sebahagiannya lemah dalam penguasaan 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira, kaola mendapat maklumat ini daripada guru dan ibu bapa, tetapi tidak semua pelajar, cuma sebahagian kecil sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya:-

1. Apakah perkara ini telah dapat diatasi pada masa ini? Hal ini sangat membimbangkan kita kerana kemahiran 3M adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai awal dari

peringkat sekolah rendah. Apabila pelajar menghadapi masalah lemah dalam kemahiran 3M, maka mereka akan berhadapan dengan masalah untuk menguasai mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan juga pelajaran Agama. Jika belum dapat diatasi, maka kajian perlu dibuat. Mungkin ia berpunca daripada kekurangan guru yang berpengalaman mengajar di peringkat rendah atau jumlah pelajar yang terlalu ramai dalam satu kelas; dan

2. Di Sekolah Rendah Tanjung Maya, terdapat flat bagi perumahan guru yang telah diubah suai dan diperbaiki akibat kerosakan. Setelah ia siap diperbaiki, Yang Berhormat Pengerusi, akan tetapi sejak sekian lama perumahan tersebut tidak didiami oleh guru sehinggalah sekarang, dan pada masa ini sudah mula mengalami kerosakan lagi. Apa yang membimbangkan ialah flat itu berada dalam lingkungan kawasan sekolah tetapi terletak di luar pagar sekolah. Sekarang ini, nampaknya kerosakan tersebut agak serius yang boleh membahayakan dan juga boleh mendatangkan isu-isu yang tidak baik kepada orang kampung iaitu dilihat jika sekiranya berlaku masalah-masalah sosial dan sebagainya. Maka diharap perkara ini akan dapat dilihat dan jika boleh didiami flat tersebut supaya ia lebih menguntungkan dan tidak merugikan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat atas 2 persoalan tadi.

1. Mengenai Wawasan Brunei 2035, memanglah Kementerian Pendidikan menjadikan pendidikan sebagai satu platform untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 itu, jadi kita memang memberi perhatian yang berat kepada reformasi dalam pendidikan supaya dapat menyokong Wawasan Brunei 2035 yang kita semua mahu melihat kejayaannya.

   Menyentuh mengenai kelemahan pelajar-pelajar Tahun 7 dalam kemahiran 3M itu, perkara ini diakui dan memang terdapat kelemahan. Walau macam manapun, kelemahan ini telah pun kitani cuba mengatasinya melalui berbagai-bagai cara seperti guru-guru yang mendidik kanak-kanak ini di peringkat awalnya iaitu dari peringkat rendah seperti Tahun 4, 5, 6 dan seterusnya hingga di Tahun 7 diberi penumpuan agar mereka dapat membimbing kanak-kanak ini dengan berjaya. Usaha-usaha seperti ini telah pun dilaksanakan dan walaupun nampaknya masih kurang berhasil, satu langkah lain yang telah kita ambil ialah mendatangkan *international coaches* untuk membimbing guru-guru kitani dalam 2 bahagian iaitu *English Literacy* dan *Numeracy*. الْحَمْدُ لله mereka pada masa ini sudah pun ditempatkan di sekolah-sekolah di negara ini walaupun bilangan mereka cuma

60 orang, tidak mencukupi tetapi tugas-tugas mereka ialah untuk membimbing guru-guru kitani supaya mereka lebih baik dalam pengajaran literasi dan numerasi ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan usaha yang baharu ini, kita akan dapat melihat perubahan dalam pencapaian kanak-kanak kitani. Apabila mereka lulus sahaja dalam peringkat sekolah rendah dan memasuki Tahun 7, mereka sudah mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk Tahun 7. Buat masa ini, mereka agaknya ketinggalan sedikit, walaupun mereka naik Tahun 7 tetapi pencapaian mereka masih di peringkat yang rendah. Perkara ini kita sedari dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan usaha yang kita buat sekarang, mudah-mudahan perkara ini akan dapat kita atasi; dan

2. Mengenai kawasan bangunan-bangunan yang rosak dan tidak didiami walaupun sudah dibaiki, perkara ini bukan saja berlaku di kawasan Sekolah Rendah Tanjung Maya, tetapi juga di beberapa kawasan yang ada di negara kita ini. Malangnya, ialah bangunan-bangunan ini apabila diubah suai dan diperbaiki, masih ada lagi orang yang belum mahu tinggal di bangunan tersebut. Langkah kitani pada masa ini ialah tidak membuat pembaikan di perumahan tersebut kecuali jika ada permintaan daripada pihak tertentu yang akan tinggal di bangunan tersebut. Jika tidak, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, ini akan membuat satu kerugian kepada kerajaan. Bangunan-bangunan begini banyak di sana sini, yang menjadi satu cabaran kepada Kementerian Pendidikan untuk mengusai dan mengisi bangunan-bangunan tersebut. Keadaan ini bukan saja terdapat di Sekolah Rendah Tanjung Maya tetapi banyak kawasan banyak terdapat bangunan-bangunan seperti ini. Ini satu cabaran kepada kitani yang harus kitani tunduki secara *whole nation approach*, iaitu bagaimana cara kitani untuk mengatasi masalah ini bukan saja di pihak Kementerian Pendidikan akan tetapi seharusnya juga dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Salam sejahtera. Kaola terlepas peluang untuk menyampaikan soalan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Walau bagaimanapun, kaola memohon sokongan daripada Kementerian Pendidikan akan cadangan kaola ini kerana ada berkaitan dengan Kementerian Pendidikan.

Kaola ingin menyampaikan hasrat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, ibu bapa dan pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan iaitu mengenai permohonan bagi pengecualian cukai pintu tahunan berjumlah $25,100.00 yang telah dikenakan mulai tahun 2014 melalui surat Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan yang bertarikh 21 Ogos 2014 atas sebab yang berikut:-

1. Sekolah ini merupakan sebuah institusi pendidikan yang tidak mengutamakan keuntungan *non-profit organization* dari peringkat tadika sehingga menengah. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini terdapat kutipan yuran untuk menampung perbelanjaan sekolah.

   Oleh itu, pihak sekolah terpaksa mengambil inisiatif dan berbagai-bagai usaha untuk mencari sumber kewangan lain, seperti sumbangan derma daripada orang ramai dan juga Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah yang berkhidmat secara sukarela tanpa menerima sebarang gaji. Sebagai usaha untuk mengatasi beban kewangannya sekolah ini mulai Januari 2016 terpaksa menaikkan kadar yuran sekolah, yang mengakibatkan keramaian pelajar jatuh dari 3,046 orang kepada 2,539 orang.

   Tahun 2017, bilangan pelajar menurun lagi kepada 2,416 orang. Jika hal ini berterusan maka akan berlaku lagi kemerosotan jumlah pelajar yang bermakna kemerosotan jumlah kutipan kewangan. Tambahan pula, sekolah ini telah sekian lama mengamalkan dasar mengutamakan kebajikan para pelajar dengan menghulurkan beberapa bantuan kewangan seperti pengurniaan biasiswa kepada para pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam prestasi akademik mereka, ini juga termasuk biasiswa kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan dari kalangan keluarga yang miskin dan berkeperluan dan juga kepada ibu tunggal.

   Di samping itu, sekolah ini menaja perbelanjaan persekolahan 10 orang anak yatim daripada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk anak-anak yatim berjumlah kira-kira $3 ribu setiap tahun; dan

2. Merujuk kepada Akta Lembaga Bandaran menurut Seksyen 13 iaitu Pengecualian Cukai Pintu yang memperuntukkan bahawa semua bangunan yang secara khusus digunakan untuk sekolah awam atau untuk tujuan-tujuan amal boleh dikecualikan daripada bayaran cukai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Dalam kesempatan ini kaola ingin jua mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak pengurusan Sekolah

Chung Hwa yang telah pun berada di negara ini sekian lama dan telah banyak mendidik anak bangsa, anak Brunei dan anak-anak negara kita ke pendidikan tinggi dan atas sumbangan yang telah pun diberikan oleh pihak sekolah kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam, seperti bantuan-bantuan yang diberikan.

Mengenai cukai sekolah ini, sebenarnya bukanlah di bawah bidang Kementerian Pendidikan, walau macam manapun perkara ini akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Permohonan daripada pihak sekolah supaya diberikan pengecualian cukai. Perkara ini akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Pihak Kementerian Pendidikan tidak mengenakan cukai, bukannya ejen yang mengenakan cukai ini ia daripada kementerian/agensi lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada Tajuk SF01A-003 mengenai Bantuan Permakanan Sekolah.

Kaola ingin menyentuh mengenai pembaziran makanan di sekolah-sekolah. Isu ini pernah dibangkitkan di mesyuarat sebelum ini, namun ia masih dibangkitkan oleh pihak sekolah:-

1. Adakah pihak kerajaan membuat kajian tentang pembaziran makanan tersebut dan merancang untuk mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan isu ini? Sebagai cadangan mungkin pembahagian makanan dapat diberhentikan tetapi ia diganti sahaja dengan kupon yang dapat digunakan di kantin sekolah bagi penuntut yang memerlukan;

2. Dalam menyokong sasaran negara untuk meningkatkan kadar kitar semula adakah Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan bagi menguatkan aktiviti kitar semula di sekolah-sekolah? Dari segi pengumpulan bahan kitar semula ia tidak akan menambah kos kepada sekolah malahan sekolah boleh menjana pendapatan dengan menjual barangan kitar semula kepada syarikat kitar semula. Namun tanpa sokongan daripada semua warga sekolah ia memang agak susah untuk dikekalkan; dan

3. Merujuk kepada isu bebanan guru. Ini memang sudah sering diutarakan sebelum ini, tetapi ia masih menjadi isu dalam kalangan masyarakat. Guru-guru merasa terbeban disebabkan kurang masa bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan bersama keluarga, dan ini boleh memberi impak kepada psikologi guru. Apakah perancangan kerajaan bagi menangani masalah ini dan adakah perancangan untuk menggunakan bajet untuk mengambil pekerja baharu yang

dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan aktiviti-aktiviti sekolah agar penuntut masih dapat melibatkan diri dengan aktiviti luar kelas. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

1. Mengenai bantuan kepada kanak-kanak ini memang masih dihulurkan dan kita ada skim-skim tertentu bagi membantu kanak-kanak sekolah yang berkeperluan dan juga mengenai skim-skim memang masih dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan, walaupun secara selektif tetapi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ mana-mana pelajar yang memerlukan bantuan akan dapat di*cover* di bawah skim yang terdapat di Kementerian Pendidikan;

2. Mengenai program kitar semula di sekolah-sekolah, sebahagian sekolah memang ada program kitar semula ini sebagai satu aktiviti mereka, sama ada perkara itu mereka jual untuk mendapatkan pendapatan adalah ikhtiar sekolah itu masing-masing. Walau macam manapun di pihak sekolah memang digalakkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kitar semula ini. Banyak sekolah terdapat aktiviti seperti ini dan terpulanglah kepada pihak sekolah sendiri memastikan bahawa pelajar-pelajar itu bergiat aktif dalam kitar semula ini; dan

3. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat tadi mengenai isu bebanan guru? Perkara ini sering ditimbulkan dan perkara ini juga dalam penelitian pihak Kementerian Pendidikan. Kita kadang-kadang ingin mengetahui juga sama ada isu ini ada asasnya, sebabnya kalau kita membandingkan *workload* guru-guru di luar negara misalnya di tempat lain sebab *workload* mereka pun ada yang lebih berat daripada *workload* yang kita berikan kepada guru-guru di negara ini.

   Walau macam manapun rayuan daripada guru-guru sendiri mengenai perkara ini ataupun beban mereka diringankan telah pun kita usahakan dan di beberapa buah sekolah. Kita telah pun menyediakan guru-guru khas untuk mengambil alih kerja-kerja pentadbiran dan sebagainya supaya tidak melibatkan guru-guru yang ada kelas-kelas untuk diajar. Proses ini tidak dapat dibuat di kesemua sekolah pada masa ini dan belum semua sekolah yang terdapat pegawai yang dipanggil *SOM (Senior Official Management).*

   Walau macam manapun perkara ini akan diusahakan supaya mana-mana sekolah atau guru yang terlalu terbeban dengan jadual waktu mengajar dengan tugas-tugas yang lain, mereka ini akan dapat diringankan dan usaha itu adalah usaha yang berterusan dari Kementerian Pendidikan untuk meneliti bebanan guru-guru.

Akhir sekali untuk makluman bahawa pihak Kementerian Pendidikan memang mengambil berat perkara ini kerana kita sering mendengar sungutan-sungutan daripada guru yang dibebankan dengan jadual-jadual yang besar, tetapi walau macam manapun setiap guru ini mengajar tidak lebih daripada 30 *period*. Jadi kalau dilihat dan dibandingkan dengan negara lain ada yang melebihi daripada 30 *period*. Kalau ada guru yang mempunyai beban seperti pentadbiran dan sebagainya jadual waktu mereka akan dikurangkan kepada 24 *period*. Walau bagaimanapun, mana-mana guru yang merasa dirinya masih dibebankan dengan jadual waktu yang berat, perkara itu bolehlah mereka rundingkan dengan Guru Besar atau Pengetua mereka dan Guru Besar atau Pengetua akan membawa perkara itu ke Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Sekolah-Sekolah. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita merujuk Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana cadangan bagi pembinaan Sekolah Sains bagi Daerah Belait telah dimasukkan dalam Bajet Peruntukan Tahun 2017/2018. Mudah-mudahan dengan terbinanya Sekolah Sains di Daerah Belait itu nanti dapat memberi kemudahan dan keselesaan bagi penduduk Daerah Belait.

Seterusnya kaola ingin mengetahui apakah fungsi sebenarnya bangunan Sekolah Rendah Rampayoh yang telah ditutup dan dijadikan sebagai bangunan bagi aktiviti-aktiviti kokurikulum tetapi yang mendukacitakan bangunan tersebut tidak beroperasi sedangkan membaik pulih dan mengubah suai bangunan tersebut memakan belanja yang besar. Apa yang nyata perkara tersebut tidak seperti yang dihasratkan malah ia umpama "hidup segan mati tak mahu". Justeru kaola memohon supaya ada usaha untuk menghidupkan balik peranan bangunan tersebut.

Kaola sukacita membawa usul supaya ada peruntukan yang berasingan bagi membaik pulih bangunan asrama, rumah kerajaan dan flat guru dan tidak disatukan bagi peruntukan bangunan sekolah. Bagi mengelakkan bangunan asrama ataupun bangunan-bangunan yang disebutkan tadi terbiar atau diperbaiki dalam jangka masa yang panjang ataupun lama.

Sekian untuk disampaikan dan memohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengenai bangunan ataupun Sekolah Rendah Rampayoh yang ditutup untuk tujuan kegiatan kokurikulum dan nampaknya pada masa ini masih juga tidak digunakan.

Perkara ini kita ambil maklum dan akan disiasat dengan pihak-pihak yang

tertentu di Kementerian Pendidikan. Seperti cadangan Yang Berhormat itu tadi sama ada bangunan itu boleh dipulihkan semula ataupun digunakan sebaik-baiknya supaya tidak berlaku pembaziran atas pengubahsuaian telah pun dilaksanakan ke atas bangunan tersebut. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara ini akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan di Kementerian Pendidikan untuk mengetahui latar belakang perkara tersebut.

Mengenai usul supaya ada peruntukan lain bagi membaik pulih asrama, kediaman guru dan lain-lain. Perkara ini akan diambil peringatan oleh pihak yang berkenaan di Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini di bawah satu tajuk di bawah Jabatan *Estate Management.* Jadi ini akan dilihat keperluan keseluruhan bangunan di bawah Kementerian Pendidikan sama ada perlu diubah atau dibaiki ataupun tidak ataupun apa-apa kerja yang perlu dilaksanakan ke atas rumah-rumah tersebut. Peruntukkannya pun disediakan di bawah jabatan berkenaan.

Walau bagaimanapun, jika perkara ini perlu diperbaiki lagi pihak Kementerian Pendidikan akan meneliti semula skim seperti ini sama ada ia menepati keperluan pihak sekolah dan pihak guru dan seterusnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola ingin memberi tahniah kepada Kementerian Pendidikan dengan Wawasan Brunei 2035, semoga ia akan berjaya dan mencapai sasarannya.

Kaola hanya ingin merujuk kepada Kod Akaun 007/002 di bawah Tajuk Lain-Lain Program dan Institusi Pendidikan. Kaola ingin menyentuh secara ringkas mengenai Unit Pendidikan Khas.

Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan telah pun ditubuhkan di negara ini khusus bagi membantu Pelajar-pelajar yang Berkeperluan Khas untuk menerima bantuan serta bimbingan daripada aspek pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan agar pelajar-pelajar berkenaan dapat mencapai potensi maksimum masing-masing. Ini juga selaras dengan inisiatif dan strategi pendidikan inklusif pihak Kementerian Pendidikan.

Kaola ingin memberi satu soalan sahaja iaitu apakah perancangan pihak Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi kualiti dan skop program pembelajaran bagi Pelajar-pelajar yang Berkeperluan Khas di negara ini serta perancangan untuk meningkatkan lagi jumlah dan penempatan serta kemahiran guru-guru pendidikan khas atau *Special Education*

Needs Assistant (SENA) di sekolah-sekolah di negara ini baik di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya sejak kita memperkenalkan *inclusive education* dalam perancangan tidak seorang pun kanak-kanak yang terbiar dalam isu pendidikan ini. Walaupun kanak-kanak itu mempunyai beberapa kekurangan misalannya sama ada dari segi fizikal ataupun mental. Di bawah Skim Inklusif semua kanak-kanak yang di bawah umur persekolahan akan diberikan kemudahan bersekolah di mana sahaja.

Jadi, dalam perkara ini memanglah Kementerian Pendidikan mengambil berat akan pemberian persekolahan kepada kanak-kanak dan berbagai-bagai usaha telah pun diberikan kepada mereka ini agar mereka dapat menikmati pendidikan yang normal seperti kanak-kanak yang lain dan mereka ini tidak akan diasingkan selagi mereka ini boleh bergaul dengan kanak-kanak lain.

Walau bagaimanapun, jika mereka dalam keadaan tertentu memerlukan pengasingan, maka mereka akan diasingkan daripada kelas lain bagi sesuatu mata pelajaran. Walau bagaimanapun dari segi persekolahan akan disamakan seperti kanak-kanak lain. Jika mereka memerlukan bantuan guru *one-to-one*, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan disediakan guru *one-to-one basis.* Pada masa ini keramaian kanak-kanak kitani yang memerlukan sokongan bantuan ini melebihi 4 ribu orang.

Jadi bayangkanlah jika keperluan itu bagi seorang guru menjaga sekumpulan kecil misalannya kanak-kanak itu pun sudah memerlukan bilangan guru yang begitu banyak. Apatah lagi kalau *one-to-one basis* misalannya ada kanak-kanak yang memerlukan bantuan seorang guru khusus maka dengan sendirinya jumlah bilangan guru yang diperlukan berkali ganda ramainya.

Dalam perkara ini memanglah kitani menghadapi cabaran untuk menyediakan guru-guru yang begitu banyak:-

1. Daripadanya dari segi bilangan kita tidak dapat menyediakan guru-guru yang begitu ramai; dan

2. Dari segi kepakaran mereka. Kebanyakan guru-guru ini tidak mempunyai kepakaran yang khusus untuk menjaga kanak-kanak sedemikian. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan berusaha melalui *training* ataupun kursus-kursus yang dikhaskan yang telah pun diberikan kepada mereka untuk mereka ini menjadi pakar dalam bidang masing-masing, supaya mereka dapat menjaga kanak-kanak itu dengan betul.

Persoalan daripada Yang Berhormat, itu memang tepat kita menyambut baik soalan tersebut kerana memanglah menjadi satu komitmen Kementerian

Pendidikan untuk menyediakan program-program yang bersesuaian dengan Pelajar-pelajar Berkeperluan Khas ini.

Kemahiran guru-guru dan sebagainya memang di *top up* dari semasa ke semasa supaya kemahiran mereka itu dapat menangani masalah kanak-kanak tersebut.

Terima kasih atas soalan tersebut dan kita menyambut baik dan usaha kita berterusan bagi mengatasi keperluan khas kanak-kanak yang sedemikian.

الْحَمْدُ لله kita dapat juga melaporkan bahawa sebilangan kanak-kanak itu telah juga berjaya dalam pelajaran mereka. الْحَمْدُ لله atas usaha guru-guru *SENA* dan guru-guru bantuan ini. Untuk menjaga kanak-kanak sedemikian merupakan satu cabaran yang besar kepada guru-guru tersebut. الْحَمْدُ لله hal ini disebabkan dengan adanya komitmen dan rasa kasih sayang daripada guru-guru tersebut, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Adalah difahami bahawa negara pada masa ini giat mendukung dan menggalakkan warga penduduknya untuk menceburi dalam dunia perniagaan dengan Skim Kemudahan telah disediakan oleh pihak kerajaan bagi membangun ekonomi negara.

Pertanyaan kaola, sejauh manakah pihak Kementerian Pendidikan dalam mana-mana silibus (mata pelajaran) yang menggalakkan dan lebih-lebih lagi mendidik anak bangsa Brunei Darussalam untuk menjadi usahawan? Adakah program-program, kelab-kelab, persatuan-persatuan yang ditubuhkan memupuk dan menyemai generasi muda untuk berkecimpung menjadi usahawan dari lima ke sepuluh tahun akan datang? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat, atas soalan tersebut. Memang kita ada program-program ataupun kursus-kursus tertentu bagi mendukung usaha pihak kementerian untuk menjadikan pelajar-pelajar kita ini selain bergantung pada bekerja dengan kerajaan ataupun swasta untuk berusaha sendiri dalam bidang-bidang tertentu. Program-program *entrepreneurship* ini, memang kita adakan di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi terutamanya disediakan program-program *entrepreneurship* ini dan memanglah selaras dengan hala tuju negara pada masa ini, iaitu untuk menggalakkan belia-belia kita yang lepasan sekolah untuk mengambil *entrepreneurship* ini sebagai satu jurusan mereka.

Memang sudah lama digalakkan dan terdapat di beberapa buah sekolah juga *entrepreneurship club* juga dan sekolah-sekolah ini sering mengambil bahagian

jika ada mini bazar misalnya jika diadakan jualan-jualan sama ada di sekolah-sekolah mahupun di mana-mana tempat. Memang digalakkan mereka ini untuk mengambil bahagian, seperti dalam Program Bandarku Ceria setiap hari Ahad. Pada awalnya pihak *IBTE* juga mengambil bahagian dengan mengadakan gerai berjual minuman, makanan dan sebagainya.

Hampir semua sekolah di negara ini, mempunyai kelab-kelab yang tersendiri. Mereka menggalakkan hasil kerja daripada pihak sekolah, hasil buatan mereka ataupun dengan usaha mereka sendiri mendapatkan barang-barang tersebut untuk dijual. *Entrepreneurship* ini, memang berjalan dengan baik dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diluaskan/dilebarkan lagi supaya lebih pelajar yang terlibat dalam bidang *entrepreneurship* ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Pertama-tama kaola merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan, yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, atas beberapa kejayaan yang dicapai dalam mempertingkatkan prestasi pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit mengenai keselesaan perjalanan trafik atau *traffic flow* di beberapa sekolah menengah di kawasan Zon 5.

Dicadangkan supaya dibuat susur keluar dan susur masuk, dalam jalan menuju ke sekolah-sekolah menengah seperti Sekolah Menengah Masin, Pusat Tingkatan 6, Mulaut Sengkurong. Kerana *traffic jam* sering berlaku di kawasan-kawasan sekolah ini, seperti Sekolah Menengah Masin di trafik Bengkurong Masin telah mula tersekat hingga menuju ke Pusat Tingkatan 6, Mulaut Sengkurong.

Dipohonkan juga supaya Kementerian Pendidikan mendapatkan maklumat masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam memberi perkhidmatan pembelajaran kepada anak bangsa kita. Kaola mendapat maklumat, guru-guru terpaksa membeli sendiri alat keperluan mengajar, maka kaola mencadangkan supaya peruntukan bantuan alat mengajar diberi perhatian supaya tidak membebankan guru-guru.

Dipohonkan juga supaya guru-guru Kementerian Pendidikan dan guru-guru Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sama-sama berhemah dan bijaksana dalam penggunaan bangunan kerajaan yang sama. Pihak kerajaan masa kini dalam *the whole of nation approach* bagi mengoptimumkan penggunaan bangunan-bangunan

kerajaan. Dicadangkan jika belum ada atau sudah ada, ditambah penubuhan koperasi sekolah-sekolah.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhomat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan *traffic flow* di sekolah-sekolah menengah zon 5. *Traffic flow* ini memanglah satu isu yang penting juga ditangani kerana bukan saja ia isu keselesaan tetapi juga isu keselamatan. Jadi, kita juga mengambil berat akan isu ini.

Walau bagaimanapun, perkara ini untuk mengatasinya itu, satu isu lagi, bagaimana untuk mengatasi kawasan-kawasan yang sesak dengan trafik, sebabnya di mana-mana pun di negara kita ini, apabila sesuatu tempat itu menjadi tumpuan, maka akan timbullah isu trafik kerana kita sering menggunakan kenderaan kita sendiri untuk menghantar anak-anak sekolah.

Selagi belum ada sistem *busing* yang dapat kita guna pakai atapun sistem pengangkutan anak-anak sekolah yang secara kemas dan secara efisien dapat kita perkenalkan selagi itu ibu bapa akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan menggunakan kenderaan sendiri dengan sendirinya isu trafik ini akan timbul di mana-mana sahaja. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan mengambil catatan perkara yang telah ditumbulkan oleh Yang Berhormat.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pihak-pihak yang tertentu di kementerian berkenaan kita cuba untuk mengatasi masalah ini supaya jalan-jalan raya yang berdekatan dengan sekolah dapat diusahakan untuk dapat menampung trafik yang begitu sesak pada waktu pagi ataupun waktu mengambil anak sekolah.

Mengenai keperluan alat mengajar di sekolah-sekolah. Sebenarnya memang ada peruntukan bagi kegunaan mengajar di sekolah-sekolah ini, memang setiap tahun disediakan. Cuma kadang-kadang sekolah itu mungkin tidak memaklumkan kepada pihak jabatan atau kementerian akan keperluan mereka.

Kadang-kadang ada sekolah yang ingin berusaha sendiri. Jadi, perkara-perkara seperti ini tidak disampaikan kepada pihak kementerian. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ di kawasan-kawasan yang tertentu, sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan alat mengajar ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dapat kitani bantu supaya pelajar-pelajar ini akan sentiasa dibekalkan alat-alat pembelajaran yang diperlukan oleh mereka.

Kadang-kadang juga, *to the credits of the teachers* lah, maksudnya guru itu sendiri yang sedia mahu membekalkan keperluan barang sekolah dan ada juga guru yang baik hati yang sendiri *supply* barang-barang itu. Perkara itu juga berlaku dan kita mengambil baik dan terima kasih kepada guru-guru tersebut. Perkara itu akan diteliti jika benar-benar sekolah itu tidak dibekalkan dengan keperluan anak-anak sekolah maka pihak kementerian akan mengambil tindakan yang bersesuaian.

Mengenai penggunaan bangunan sekolah ugama yang digunakan oleh Jabatan Ugama jua, bagi pengajian agama jua pengajian pagi sekolah itu diambil maklum. Memang ada kerjasama daripada sekolah pagi dan sekolah ugama bagi sama-sama menjaga penggunaan sekolah tersebut. Tapi itu perlu diperbaiki dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendidikan yang berkualiti.

Abis kaola merujuk kepada 2 perkara:

1. Tajuk SF01A-007/001 – Sekolah Sukan. Maafkan kaola jika perkara ini sudah ada. Abis kaola hanya ingin penjelasan jika belum ada bolehlah jadi usulan. Adakah perbelanjaan ini termasuk pihak kementerian untuk menyediakan apa yang dipanggil *academic path* dan *career path* untuk penuntut-penuntut Sekolah Sukan memandangkan mereka sudah ada asas sebagai atlet berpotensi di peringkat tersebut. Akan tetapi mungkin kurang *follow up* oleh sebab selepas sahaja habis di Sekolah Sukan mungkin belum ada program yang menyambut mereka terutama sekali dalam bidang akademik walaupun masih aktif sebagai ahli sukan. Adalah baiknya sekiranya mereka mungkin tidak semua sebagai atlet berprestasi tinggi, akan tetapi dapat diserapkan menjadi sebagai contoh dalam *Sports Management, Sport Physcologist, Physiotheraphyst, Physical Education Teacher, Coaching, Coach Services* dan banyak lagi. Inisiatif ini bolehlah dilaratkan lagi kepada atlet-atlet muda walaupun mereka bukan daripada Sekolah Sukan.

2. Tajuk SF01A-007/005 – Pendidikan Kokurikulum. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ program-program Sekolah Sukan ini melibatkan badan-badan beruniform. Adakah perancangan pihak Kementerian Pendidikan untuk mengembangkan lagi aktiviti kokurikulum ini bukan sahaja terhad kepada badan-badan beruniform akan tetapi juga melibatkan *NGO's* di dalam kerja kemasyarakatan, kebudayaan, sukarelawan, kepimpinan, keagamaan, kesihatan, sukan dan lain-lain. Ini kerana *NGO* ini lebih spesifik pada *core business* mereka menjadikan kerja kemasyarakatan dan kerja-kerja mereka melibatkan diri dan ia dapat memberi pendedahan dan pengalaman penuntut bagaimana *NGO* ini dapat membantu pembangunan sosioekonomi negara.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Mengenai Sekolah Sukan ini satu cabaran yang besar kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana memanglah diakui sejak penubuhan Sekolah Sukan ini kita kurang berjaya dalam melahirkan para atlet-atlet yang bertaraf tinggi, jangan tah disebut pada tahap antarabangsa, taraf tinggi pun kita masih berusaha keras belum dapat menghasilkannya. Begitu juga dari segi akademik mereka. Mereka ini lebih cenderung kepada bahagian sukan, maka akademik mereka pun diakui kurang cerah.

Walau macam manapun, perkara ini telah pun kita tunduki dan kita telah pun membuat *review* atau pun pengubahsuaian dari segi program-program yang dapat diadakan di Sekolah Sukan. Kita masih berkeyakinan bahawa Sekolah Sukan ini jika dijaga dengan baik dan diurus dengan baik oleh pihak Kementerian Pendidikan akan dapat menghasilkan para atlet yang bolehlah dapat kita ketengahkan dan juga dapat dijadikan dari segi pelajar-pelajarnya dapat juga berjaya dalam bidang akademik. Sebagai satu misi Kementerian Pendidikan ialah untuk mengekalkan *the twin objectives* di Sekolah Sukan ini supaya *student excellent* dalam bahagian sukan dan juga tidak ketinggalan ataupun *still excellent* dalam akademik mereka.

Baru-baru ini kita perkenalkan *V-tech Programme*. Program ini kelurusan ada kaitan dengan sukan itu sendiri sepertinya pengurusan sukan, *coaching* dan bidang-bidang yang berkaitan dengan sukan itu sendiri. Ertinya walaupun pelajar-pelajar itu setelah selesai di sekolah ini, mereka akan boleh mencebur diri dalam jurusan-jurusan yang berkaitan dengan sukan yang mereka ambil. Perkara ini kita harap akan dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang lepasan dari Sekolah Sukan yang boleh mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan apa yang mereka jalani semasa mereka sekolah di Sekolah Sukan.

Mengenai dengan kegiatan di bawah kokurikulum yang pada masa ini melibatkan uniform dan apakah peranan *NGO* boleh dilibatkan sama dalam perkara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Secara tidak rasmi memang tidak ada kaitan kitani dengan *NGO's* ini, tetapi mungkin apa yang dimaksudkan ialah bagaimana *NGO's* ini boleh kita libatkan lebih secara dekat lagi dengan pihak-pihak *NGO's*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas Peruntukan Pendidikan Abad Ke-2. Kita berdoa semoga usaha kementerian Yang Berhormat akan dapat merealisasikan آمين

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tertarik mengenai Khutbah Jumaat yang bertarikh pada 3 Mac 2017 yang lalu yang telah menggariskan bahawa pentingnya ibu bapa tidak menyalahgunakan Elaun Pelajaran yang telah diberikan oleh kerajaan. Perkara ini telah ditekankan memandangkan ada terdapat segelintir ibu bapa tidak menggunakan Elaun Pelajaran untuk dibayar bagi pembelajaran sekolah anaknya berbulan-bulan sehingga menjejaskan pembelajaran seperti tidak dibenarkan mengikuti peperiksaan dan sebagainya.

Kaola ingin memberikan cadangan jika sekiranya pihak Kementerian Pendidikan dapat mengusahakan proses pembayaran terus ke sekolah-sekolah bagi mengelak perkara ini terjadi.

Seterusnya kaola ingin menyentuh mengenai penerapan nilai-nilai jati diri secara praktikal dalam sistem pembelajaran murid dari peringkat awal (sekolah-sekolah rendah).

Apa yang dimaksudkan supaya tenaga pengajar akan dapat menanamkan sifat-sifat atau nilai-nilai jati diri dengan mengadakan aktiviti kokurikulum atau program yang boleh meningkatkan kecerdasan emosi atau *emotional intelligence,* seperti membersihkan bilik darjah, kerja-kerja sukarelawan, sebagai contoh kerja-kerja amal di hospital-hospital, orang kurang upaya dan sebagainya. Melentur buluh biarlah dari rebungnya. Bersesuaianlah dengan tema tahun ini iaitu Membina Modal Kapasiti Insan.

Program seperti ini yang juga digunakan di negara lain seperti negara Jepun dan USA. Ini akan memberi kesan positif dengan melahirkan rasa tanggungjawab sosial dan meningkatkan kualiti kepimpinan kepada murid-murid sekolah.

Seterusnya, kaola tadi telah pun mendengar mukadimah Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu Miftahun Najah juga disuarakan oleh rakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menyentuh mengenai Miftahun Najah yang program ini telah dihasratkan untuk mengurangkan kos perbelanjaan sekolah anak-anak murid terutamanya golongan yang kurang berkemampuan.

Pada mulanya ia diperkenalkan kepada murid-murid sasaran diberikan bantuan dengan memberikan bantuan. Walau bagaimanapun kementerian telah memberikan secara *in-kind* iaitu berupa barangan dan peralatan sekolah dan sebagainya. Kaola berpendapat ini adalah satu usaha yang harus diberi pujian. Moga usaha kementerian akan meneruskan program ini secara berterusan. Dalam masa yang sama, pelajar-pelajar yang diberi bantuan ini perlu juga dipantau dan diambil

perhatian. Kita ingin melihat mereka ini berjaya dan dapat berkhidmat untuk negara kelak. Dalam erti kata lain, kita tidak hanya harus sekadar berbudi tetapi dalam masa yang sama kita ingin jua melihat hasilnya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat atas sokongan Yang Berhormat dalam usaha-usaha yang telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan demi mencapai kejayaan bagi anak-anak kitani. الْحَمْدُ لله dengan adanya sokongan daripada semua pihak terutama pihak ibu bapa dan orang ramai kita akan mencapai objektif kitani dalam pendidikan kanak-kanak ini.

Mengenai Elaun Pelajaran ini memanglah satu perkara yang serius kerana ia akan menjejaskan pembelajaran kanak-kanak tersebut. Pihak-pihak sekolah dalam keadaan tertentu tidak dapat tidak, harus terpaksa mengambil tindakan seperti mana yang dinyatakan tidak membenarkan kanak-kanak itu bersekolah jika pembayaran itu sudah lama tidak berbayar.

Ataupun tidak membenarkan kanak-kanak itu menduduki peperiksaan ataupun tidak membenarkan kanak-kanak itu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Setentunya perkara ini mendukacitakan kanak-kanak tersebut kerana isu pembayaran bayaran sekolah ini bukanlah isu kanak-kanak itu tetapi isu ibu bapa mereka tetapi walau macam manapun yang terjejas yang menerima akibatnya ialah kanak-kanak tersebut. Kadang-kadang pihak sekolah merayu kepada kita supaya macam mana kanak-kanak tersebut dapat dibantu supaya mereka tidak terabai dari segi pendidikan mereka.

Saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi dan juga seperti mana dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini adalah tepat dan bersesuaian sekali untuk kitani timbulkan supaya setiap ibu bapa yang diberi Elaun Pendidikan akan menggunakannya untuk tujuan mengapa elaun itu diberikan bukan sebaliknya. Sama ada cadangan daripada Yang Berhormat supaya bayaran terus ke sekolah dan bukannya ke poket ibu bapa yang berkenaan, perkara ini akan dibawa ke perhatian pihak-pihak tertentu dan kita lihatlah sama ada cadangan ini sesuai untuk diambil tindakan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

Mengenai penerapan nilai-nilai jati diri di peringkat awal sememangnya salah satu daripada tujuan pendidikan ialah untuk menanamkan nilai-nilai jati diri dalam kalangan kanak-kanak kitani itu dari awal dari mereka bersekolah hingga meninggalkan sekolah, bekerja dan sebagainya. Jadi usaha itu usaha yang berterusan yang mesti dilakukan oleh pihak-pihak sekolah.

Kementerian Pendidikan sentiasa mengawasi sama ada perkara ini berlaku di sekolah-sekolah. الْحَمْدُ لله dikebanyakkan sekolah penerapan nilai-nilai jati ini memang sentiasa diberi perhatian oleh pihak guru dan sebagainya. Walau macam manapun, mungkin ada terdapat beberapa sekolah dan beberapa guru yang tidak mengamalkan ataupun tidak

menerapkan nilai-nilai jati diri dalam kalangan anak-anak murid mereka. Perkara ini jika diketahui oleh pihak kementerian maka tindakan yang bersesuaian akan diambil dari segi meminta guru berkenaan untuk menerap nilai-nilai jati tersebut dalam kalangan anak-anak murid mereka.

Mengenai bantuan Miftahun Najah kepada kanak-kanak yang tidak berkemampuan ataupun ibu bapa mereka yang tidak berkemampuan untuk membiayai permakanan sekolah, makanan kanak-kanak, pakaian dan sebagainya. الْحَمْدُ لله Kementerian Pendidikan dapat bantuan daripada pihak korporat ataupun pihak BIBD dalam *CSR* mereka *(Corporate Social Responsibility)*.

Mudah-mudahanlah bantuan seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dan jika pun pihak BIBD tidak lagi dapat memberikan bantuan tersebut diharapkanlah ada agensi-agensi lain sama ada dari pihak bank yang lain atau pun mana-mana jua pihak swasta agensi yang lain yang dapat meneruskan usaha seperti ini.

Dapat kita lihat bahawa usaha bantuan di bawah Miftahun Najah ini telah pun memberi sokongan yang begitu kuat kepada kanak-kanak ini untuk memberi mereka semangat untuk terus belajar. Jadi mudah-mudahanlah dengan ada bantuan seperti ini kanak-kanak kitani tidak akan terbiar walaupun mereka datang daripada keluarga yang kurang mampu dan Kementerian Pendidikan akan terus berusaha mendapatkan bantuan-bantuan seperti ini agar kanak-kanak kitani ini akan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ terus belajar dengan semangat yang begitu gigih seperti kawan-kawan yang lain.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk kepada anggaran perbelanjaan 2017/2018 Kod Akaun 003/004 mengenai Pemeliharaan Bangunan dan Aset Pendidikan Rendah yang berjumlah $1,130,076 nampaknya meningkat $320,000 dari 2016/2017. Begitu juga Pemeliharaan Bangunan dan Aset Pendidikan Menengah Kod Akaun 004/004 berjumlah $1,520.044 juga meningkat. Berhubung dengan perkara ini, kaola harap dapat diperuntukkan kepada beberapa bangunan sekolah dan aset berkenaan supaya diambil perhatian:

1. Sekolah Rendah Layong yang telah ditutup supaya dihidupkan semula atas kehendak penduduk Kampung Layong, tetapi perlu sedikit pembaikan;

2. Sekolah Rendah Batang Mitos. Bangunannya sudah lama dan uzur supaya dipulih atau dirobohkan untuk membina bangunan baharu demi keselamatan pelajar sekolah. Selain itu, nampaknya kurang elok apabila dilihat oleh orang luar negeri yang melalui dan melintasi jalan ini iaitu sebagai jalan utama mereka dari

Kuala Lurah menuju ke Jalan Lamunin;

3. Bangunan berhampiran kantin Sekolah Rendah Danau yang telah lama ditinggalkan yang belum siap, juga nampaknya berbahaya bagi pelajar sekolah berkenaan kerana ianya berada dalam kawasan sekolah dan kantin yang pelajar gunakan melalui kawasan ini ke kantin, supaya disiapkan atau tindakan lain;

4. Bangunan lama tahun empat puluhan di luar pagar Sekolah Rendah Danau. Menurut keterangan penduduk asal Kampung Danau bangunan ini dulunya sempat digunakan oleh tentera Jepun kemudian digunakan sebagai bilik pentadbiran sekolah, perpustakaan dan tempat tinggal guru-guru. Bangunan ini sekarang, dinding dan lantainya sudah buruk dan terkopek malah struktur *beam*nya sudah ada yang *teturun* (mengendap ke bawah) dan berbahaya kepada pelajar sekolah dan penduduk sekitarnya.

   Pada tahun 2011, kaola ada pernah memohon semasa keadaan bangunan ini masih baik kepada Kementerian Pendidikan untuk dijadikan galeri MPK Danau dan MPM Telisai. Ianya sesuai jika diwartakan sebagai bangunan bersejarah kerana ia berhampiran dengan jeti feri lama yang dulunya disebut *bantun (raft)*, yang digunakan sebagai pengangkutan kenderaan perhubungan utama negara dari Danau ke Tutong dan terus ke Pekan Brunei pada waktu itu.

   Sebahagian gambar kedai lama dan pendudukan Jepun ada disimpan oleh sebahagian penduduk yang tahu tentang ceritanya. Begitu juga rumah pemandu feri berkenaan wujud di kampung berkenaan. Jadi ianya berpotensi untuk destinasi pelancongan Daerah Tutong; dan

5. Padang Sekolah yang tidak dapat digunakan lagi untuk sebarang aktiviti seperti sukan dan kemasyarakatan. Contohnya, Padang Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman dan Sekolah Rendah Birau dipenuhi air, berlumpur dan ditumbuhi rumput panjang. Oleh itu, disarankan jika bersesuaian supaya dibina longkang untuk mengeluarkan air dari padang tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Seterusnya kaola bercakap mengenai program dan aktiviti Kod Akaun 005/003 gelaran asalnya ialah Pendidikan dan Vokasional yang anggaran perbelanjaan 2017/2018, Pendidikan dan Sumber Operasi iaitu Perbelanjaan Berulang-ulang berjumlah $803,120 Apakah peruntukan ini boleh digunakan oleh pelajar-pelajar pendidikan teknik dan vokasional ini yang berhasil mengikuti Pertandingan CIPTA di JMKE, Pertandingan serantau antarabangsa CIPTA untuk membina produk-produk dari pertandingan berkenaan bagi membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang dinamik. Dengan menghasilkan produk

Made in Brunei yang boleh menembusi pasaran antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Mengenai pemeliharaan bangunan dan aset bahagian rendah dan menengah. Sekolah-sekolah yang didapati dalam keadaan yang sudah lama dan mungkin membahayakan. Kaola menjelaskan, bahawa ada antara sekolah memanglah ditutup kerana sekiranya ada skim percantuman.

Contohnya Sekolah Rendah Layong itu adalah dalam skim percantuman dan dicadangkan untuk berpindah ke Sekolah Rendah Penapar kerana keramaian penuntut di Sekolah Rendah Layong dijangkakan dapat disatukan bagi memaksimumkan atau mengoptimumkan kegunaan guru-guru dan juga *resources* yang berkaitan dengan operasi sesebuah sekolah itu.

Sementara itu, cadangan bagi Sekolah Layong itu dipulihkan, kita akan teliti dan kaji sama ada keperluan sekolah berkenaan dibukakan semula.

Mengenai Sekolah Rendah Batang Mitos, memang diakui bangunan tersebut sudah lama dan perlu pembaikan dan Peruntukan Khas memang diperlukan dan yang sebenarnya ada beberapa buah sekolah lagi yang mempunyai status yang sama, iaitu sekolah yang sudah begitu lama dibangunkan oleh sebab bangunan baharu belum dapat diperolehi dan selagi bangunan tersebut dilihat masih selamat untuk anak-anak kitani sekolah itu akan digunakan.

Jika Sekolah Batang Mitos ini tidak lagi selamat digunakan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dikaji semula dan tindakan serta-merta akan diambil untuk menutup sekolah berkenaan dan kanak-kanak akan dipindah sebelum dibangunkan sekolah baharu.

Memang sudah satu kelaziman pihak Kementerian Pendidikan untuk mengutamakan keselamatan, jika sekolah itu didapati tidak selamat, tapi selagi ia selamat dan belum ada bangunan baharu maka ia akan digunakan oleh pelajar-pelajarnya. Walau macam manapun, memang diakui sekolah itu sekolah yang lama mungkin sudah tiba masanya untuk kitani membangun bangunan baharu. Perkara ini akan dikaji jika tidak ada pilihan lain untuk membuat perancangan seterusnya.

Mengenai bangunan yang berhampiran Sekolah Rendah Danau bagi kemudahan kantin dan tempat duduk untuk berehat memang telah diusahakan untuk diroboh kerana kerja tidak menepati kontrak.

Mengenai bangunan lama 40 tahun di Kampung Danau, cadangan untuk menjadikan sebagai bangunan bersejarah, usul/cadangan itu mungkin dapat dibawa ke kementerian berkenaan untuk menimbangkan sama ada bangunan tersebut boleh dijadikan sebagai bangunan *heritage* kerana ia menepati kriteria untuk ia diakui sebagai bangunan yang bersejarah.

Mengenai padang sekolah yang tidak dapat digunakan, perkara ini diambil

maklum. Memanglah setengah-setengah padang kitani di kawasan tertentu, di kawasan yang rendah apabila sering ditimpa hujan maka ia akan menjadi banjir dan padangnya walaupun nampak kering dari luar tapi apabila digunakan oleh pelajar-pelajar kawasan yang sebenarnya becak dan bertakung air.

Perkara ini, diambil ingatan oleh Kementerian Pendidikan dan usaha akan diambil bagi memastikan supaya padang-padang ini dapat digunakan oleh pelajar-pelajar. Memangnya dari awal setiap sekolah itu disediakan padang untuk kanak-kanak bermain tetapi oleh sebab keadaan-keadaan tertentu maka padang-padang itu terbiar dan bukan sahaja sebuah dua buah sekolah, banyak sekolah yang mempunyai padang seperti ini padang-padangnya tidak dapat digunakan.

Cadangan mengenai penggunaan peruntukan di bawah Pendidikan dan Vokasional sama ada boleh digunakan untuk pertandingan *CIPTA*, dalam mempamerkan produk-produk yang dibuat oleh pelajar-pelajar kitani *Made in Brunei*, hal ini akan diteliti dan jika ada peruntukkannya yang dapat digunakan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan digunakan untuk tujuan seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah Yang Berhormat. Menyusul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu mengenai dengan Pendidikan Khas.

Menurut maklumat yang diperolehi, masih terdapat segolongan Pelajar-pelajar Berkeperluan Khas yang masih tidak bersekolah dan ada juga yang hanya ke sekolah sebagai pelajar sambilan iaitu beberapa hari dalam seminggu dan untuk beberapa jam sahaja. Jika dikaji kebanyakan pelajar ini terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap keperluan khas yang tinggi dan mencabar. Ini termasuk pelajar-pelajar *autisme* dan pelajar-pelajar yang menghadapi masalah fizikal tahap tinggi contohnya pelajar yang di *diagnose cerebral palsy.* Di antara sebab-sebab perkara ini berlaku ialah:

1. Persekitaran sekolah dan bilik darjah yang tidak memenuhi keperluan khas pelajar;

2. Jumlah guru *SENA (Special Education Needs Assistance)* adalah terhad jika dibandingkan dengan bilangan tahap keperluan murid keperluan khas di sekolah; dan

3. Guru-guru yang tidak memiliki kemahiran yang mengajar untuk menangani masalah tingkah laku dan keperluan *sensory* (deria) pelajar-pelajar tersebut.

4. Memandangkan kepada cabaran-cabaran tersebut, sistem sumber dan persekitaran sekolah yang ada

pada masa ini mungkin tidak mampu untuk membolehkan pelajar-pelajar yang dimaksudkan untuk bersekolah dengan sepenuh masa dan beroleh manfaat daripadanya. Keperluan pelajar-pelajar ini hanya dapat dipenuhi dengan adanya sekolah khas yang menyediakan Kurikulum Khusus untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan mengikut tahap kebolehan mereka yang maksimum.

Sejauh manakah keberkesanan pendidikan inklusif yang diukur dari segi kualiti dan bukannya kuantiti? Adakah sistem pendidikan inklusif mampu memenuhi semua keperluan golongan pelajar yang Berkeperluan Khas terutama sekali yang Berkeperluan Khas tahap tinggi? Adakah peruntukan perbelanjaan cukup disediakan untuk meningkatkan taraf guru dan kemudahan sekolah?

Yang Berhormat Pengerusi, kaola berhenti dahulu arah soalan pertama sebelum kaola meneruskan soalan dua sebab soalan kaola ini beranak-anak.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut.

Pertama, mengenai kanak-kanak Berkeperluan Khas ini yang masih banyak tidak bersekolah dan ada yang belajar secara *part time* sahaja (secara sambilan). Perkara ini memang diakui wujud dan kalau dibanding dengan dulu-dulu mereka ini dalam *proceed* bertapuk oleh ibu bapa mereka tidak keluar rumah dan sebagainya. الْحَمْدُ لله dengan adanya usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan disokong kuat oleh Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas maka kanak-kanak sedemikian sudah mula berani bersekolah dan ibu bapa telah pun membawa mereka ini ke sekolah tanpa segan-segan lagi.

Baru-baru ini pihak Kementerian Pendidikan telah pun mengadakan jerayawara, memaklumkan kepada ibu bapa dan orang ramai apa dia kemudahan-kemudahan ataupun program-program yang ada yang dilakukan di bawah UPK (Unit Pendidikan Khas) bagi kanak-kanak sedemikian supaya mereka ini tampil ke hadapan dan ikut belajar dengan pelajar-pelajar lain.

Daripada sambutan orang ramai, banyak yang sudah sekarang mengetahui bahawa ada program-program tertentu yang diadakan di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh Unit Pendidikan Khas bahawa kanak-kanak mereka walau macam manapun tahap keperluan mereka memang dapat ditangani oleh pihak sekolah ataupun guru itu.

Sebelum kaola terlanjur dengan cakap-cakap begini Yang Berhormat Pengerusi, harus jua diingati bahawa tidaklah dapat kitani memenuhi semua kehendak pelajar tersebut ataupun ibu bapa tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi jua, kerana kita masih mempunyai cabaran tertentu seperti kekurangan guru ataupun kekurangan bilik-bilik khas, misalannya ada kanak-kanak kitani yang berkerusi roda untuk menempatkan mereka di kelas atas di tingkat 1 sahaja

sudah menyulitkan sebabnya mereka berkerusi roda. Jadi harus diaturkan mereka itu dapat kelas di tingkat bawah sahaja. Jika mereka sentiasa di tingkat bawah, kemungkinan terpaksa diubah suai sedikit keadaan penjadualan sekolah dan sebagainya.

Walau macam manapun, dalam kes seperti ini, pihak Kementerian Pendidikan mengambil perhatian dan usaha-usaha telah pun diambil bagi memastikan bahawa kanak-kanak tersebut yang menggunakan kerusi roda tidak perlu naik tangga, kerana sekolah kitani tidak ada *lift*, kalau sekolah ada *lift* itu lain ceritanya. Sekolah-sekolah yang lama memang tidak ada kemudahan *ramp* untuk mereka naik turun menggunakan kerusi roda. Itu satu isu yang ditangani oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Berbalik kepada isu mengenai guru-guru, memanglah kita menghadapi masalah guru-guru *SENA* yang kurang dari segi bilangan seperti mana yang telah kaola nyatakan, kurang dari segi kemahiran dan walau macam manapun pihak Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas telah pun mengadakan berbagai-bagai kursus memberi guru-guru ini kemahiran yang diperlukan bagi menjaga kanak-kanak yang Berkeperluan Khas.

الْحَمْدُ لله melalui kursus-kursus ini mereka telah pun dapat melayan pelajar-pelajar sedemikian walaupun tidak sepenuhnya. Tetapi dalam perancangan Unit Pendidikan Khas, mereka ini masih diberi kursus seperti ini dan terus dijalankan setiap masa agar lebih banyak lagi guru kitani ataupun guru-guru bukan dalam bidang ini pun diberi latihan yang secukupnya untuk mereka dapat menjaga kanak-kanak sedemikian. Pendek kata dari segi Kementerian Pendidikan usaha untuk membantu kanak-kanak ini supaya menjadikan *inclusive education* itu satu *system education* yang berjaya terus diusahakan walaupun mempunyai cabaran-cabaran yang tertentu seperti guru dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan kaola yang kedua mengenai peningkatan kakitangan akedemik di pengajian tinggi dan pendidikan, teknikal dan vokasional, cuma abiskaola tidak tahu di mana nombor kod akaun Yang Berhormat. Semasa muzakarah bersama Kementerian Pendidikan kaola sudah membawa perkara ini, yang kaola bawa pada masa itu mengenai ramai guru yang mengajar di Institut Pengajian Tinggi, Teknikal dan Vokasional masih lagi kekurangan pendedahan di sektor industri seperti pembinaan.

Yang Berhormat ada menekankan mengenai *Teacher's Professional Development Framework.* Diminta kalau dapat Yang Berhormat memberi penjelasan:

1. Adakah peruntukan perbelanjaan khususnya disediakan untuk peningkatan perkembangan di bahagian pengajian tinggi, pendidikan, teknikal dan vokasional? kalau dilihat dari Institut Pendidikan Teknikal di bawah 005/006 – Pengurusan dan Perancangan Sumber Manusia hanya disediakan

$55,806.00. Mungkin bukan di sana kod akaunnya, mungkin Yang Berhormat dapat memberi penjelasan?;

2. Kaola melihat dari bajet Pemeliharaan Bangunan dan Aset bagi Sekolah Vokasional cuma disediakan $83,393.00, memandangkan *IBTE* ada mengandungi 7 buah sekolah di seluruh negara. Adakah ia mencukupi dari segi pemeliharaan bangunan?; dan

3. Pembimbingan juga dibangkitkan mengenai Peruntukan Perbelanjaan UNISSA, UTB yang peruntukkannya 1/3 dibandingkan dengan peruntukan UBD. Manakala, politeknik dalam 1/4 daripada peruntukan UBD. Sejauh manakah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dari segi berpelajaran tinggi dan berkemahiran tinggi diukur dengan standard antarabangsa tertinggi. Terima Kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat menjawab soalan itu, saya memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat untuk meneliti soalan-soalan yang berkenaan dan mungkin berunding dengan pegawai-pegawai Yang Berhormat. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat akan menjawabnya dalam kita bermesyuarat yang akan datang ini.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita telah mendengar beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawab dengan begitu jelas oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Maka saya mempunyai ramai lagi dalam senarai saya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbincangan ini, maka saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankusa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya mengambil kesempatan ini untuk menangguhkan persidangan kita ini dan akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada hari Sabtu, 11 Mac 2017 pukul 9.00 pagi. Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 12 Jamadilakhir 1438 / 11 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order – G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PSB., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kelima pada hari Sabtu, 12 Jamadilakhir 1438 bersamaan 11 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Selamat pagi dan salam sejahtera اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ segala puji dan syiukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya jua kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ salam ke atas Junjungan Besar kita, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada hari ini, Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang kelima. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah pun bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sehingga hari ini, kita telah meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual bagi Rang Undang-Undang tersebut bagi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, kita masih lagi membincangkan dan membahaskan belanjawan Kementerian Pendidikan di Peringkat Jawatankuasa.

Maka, bagi membolehkan kita untuk menyambung semula perbincangan dan perbahasan kita bagi kementerian ini di Peringkat Jawatankuasa, maka saya tangguhkan sekarang persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya dan kita akan terus membincangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu-persatu. Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada petang Khamis, masih lagi membahaskan dan membincangkan Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan.

Saya masih lagi ada senarai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk bercakap dan membincangkan belanjawan ini, tetapi sebelum itu, kita persilakan dahulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk meneruskan penerangannya terhadap beberapa soalan, kalau saya tidak lupa, yang dikemukakan dalam majlis ini oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kebenaran untuk menyambung semula jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah pun dikemukakan pada hari Khamis yang lalu. Sebelum kaola menjawab soalan-soalan yang terakhir pada petang kelmarin, izinkan kaola juga menjawab beberapa soalan yang telah pun dikemukakan sebelum itu, yang jawapannya mungkin tidak diberikan sepenuhnya ataupun tidak lengkap kerana data-data/fakta-faktanya belum diperolehi ketika itu. Jadi dengan izin Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menjawab beberapa persoalan yang telah pun dikemukakan sebelum itu.

Pertama soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, mengenai dengan kajian tentang pembaziran makanan di sekolah-sekolah dan cadangannya mengenai pemberian makanan diganti dengan kupon di sekolah-sekolah sebagai satu cadangan untuk mengurangkan pembaziran.

Menyentuh mengenai pembaziran ini, dalam kajian pihak kementerian, memang didapati ada juga pembaziran disebabkan makanan yang dibekalkan itu mungkin tidak digemari oleh pelajar-pelajar berkenaan. Skim Minuman dalam Rancangan Permakanan Sekolah ini yang telah pun diperkenalkan pada 1 Januari 2016 bagi sebahagian besar sekolah rendah kerajaan di Negara Brunei Darussalam ialah bagi menggantikan bahagian minuman panas dan minuman kotak. Item-item yang dibekalkan dalam Skim Minuman adalah hasil penelitian semula bahagian ini terhadap item yang pernah dibekalkan dahulu dan kajian bagi item baharu yang ada dipasaran dengan mengambil kira penerimaan murid dan ujian rasa dan kesesuaian *item* selaras dengan panduan daripada Kementerian Kesihatan.

Hasil kaji selidik tersebut telah menunjukkan tahap penerimaan yang baik bagi sebahagian *item* yang dibekalkan pada masa ini dan bahagian ini juga mengambil maklum akan *item-item* yang tidak digemari oleh murid-murid dan ia tidak akan disokong bagi pembekalan pada masa akan datang.

Pemantauan terhadap keberkesanan ke atas pemberian jenis makanan dan minuman yang baharu kepada murid-murid akan terus dilaksanakan oleh bahagian ini sebagai salah satu usaha bagi mengurangkan kadar atau mengelakkan pembaziran. Di samping itu, juga Kementerian Pendidikan juga perlu melihat kesesuaian makanan yang diberikan dalam memastikan pemakanan yang dibekalkan menjamin kesihatan kepada murid-murid di sekolah.

Soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa ialah mengenai guru-guru yang merasa terbeban disebabkan kurang masa bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan bersama keluarga. Isu ini perlu dijelaskan kerana ia sering hangat dibincangkan oleh orang ramai dan juga dalam kalangan guru-guru sendiri. Kaola ingin terangkan bahawa pengagihan tugas dan tanggungjawab guru-guru di sekolah berdasarkan kepada dua garis panduan iaitu bebanan tugas mengajar dan bebanan tugas bukan mengajar. Semua sekolah mematuhi garis panduan tersebut dalam pembahagian tugas-tugas di sekolah.

Dalam garis panduan tersebut, setiap guru dikehendaki mengajar antara 28-30 period seminggu. Jumlah bebanan mengajar ini termasuk *team teaching, full out* dan kelas intervensi yang melibatkan jumlah pelajar yang kecil. Walau bagaimanapun merujuk kepada data bebanan mengajar guru tahun 2017, jumlah dan peratus guru yang mengajar melebihi 30 period seminggu bilangannya adalah sangat kecil iaitu 1.7% sahaja ataupun kira-kira 107 orang guru di sekolah-sekolah kerajaan rendah dan menengah yang mengajar melebihi 30 period seminggu.

Guru-guru ini tidak diberikan tugas-tugas pentadbiran kecuali fokus kepada pengajaran dan pembelajaran. Situasi bebanan guru mengajar ini yang melebihi 30 period seminggu إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dapat diperbaiki lagi sepertimana garis panduan yang sedia ada, dengan adanya pengambilan guru-guru yang akan mengisi jawatan-jawatan yang telah pun diiklankan dan masa ini dalam proses temuduga (*interview)* dan sebagainya. Dengan ada tambahan guru itu akan dapat mengurangkan bebanan guru-guru yang melebihi 30 period.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah telah pun mengambil maklum mengenai guru-guru berkenaan dan telah mengambil keputusan membuat perancangan bagi penempatan guru-guru yang akan menamatkan kursus *Master of Teaching* di pertengahan tahun dan diambil kira 124 jawatan yang akan diisi pada bulan April 2017.

Situasi ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dapat diperbaiki seperti mana garis panduan yang sedia ada. Dalam masa yang sama,

apapun tugas yang diberi kepada guru-guru adalah sebahagian daripada keperluan guru-guru untuk meningkatkan konfidensi mereka dari segi kemahiran dan pengetahuan guru dalam bidang-bidang tugas masing-masing.

Walaupun ada tambahan-tambahan tugas itu bermakna sebagai guru kelas misalnya ataupun guru pengawas itu adalah sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab guru selain daripada mengajar. Perkara ini tidak seharusnya dijadikan isu. Walau bagaimanapun, seperti mana dinyatakan pihak Kementerian Pendidikan sentiasa memantau keadaan guru-guru yang melebihi 30 period mengajar dan jika tidak terbeban dan terdaya oleh mereka usaha akan diambil oleh pihak sekolah untuk mengurangkan beban mereka agar dapat menjalankan tugas mengajar dengan lebih baik.

Kaola ingin mengimbas sedikit perbandingan dengan bebanan guru negara-negara lain. Purata keseluruhan beban mengajar bagi guru-guru sekolah menengah ialah 22.9 period seminggu, kira-kira 463 jam setahun. Jumlah ini adalah jauh rendah berbanding dengan purata negara *OECD* iaitu sebanyak 709 jam setahun bagi menengah bawah dan 664 jam setahun bagi menengah atas, sama ada perbandingan ini sesuai ataupun tidak terpulanglah kepada kita untuk menelitinya. Walau bagaimanapun, guru-guru kita hanya mengajar dalam 463 jam setahun.

Mengenai guru-guru kanan mempunyai beban mengajar di antara 18 hingga 24 waktu seminggu mengikut keperluan mata pelajaran masing-masing dan mengikut dasar Garis Panduan Tugas Mengajar. Usaha telah pun dibuat bagi melantik beberapa guru yang berpengalaman dalam pentadbiran sekolah bagi mengurus hal ehwal pentadbiran sekolah seperti *HSSE* (*Health Safety Security and Environment*) hal ehwal dan kebajikan pelajar di samping berhubungan dengan pihak ibu bapa dan sebagainya.

Pada masa ini terdapat 10 buah sekolah menengah mempunyai Pengurus Operasi Sekolah. Usaha bagi menyediakan pegawai-pegawai khas ini juga akan diteruskan di sekolah-sekolah rendah yang mempunyai bilangan murid yang besar. Ini adalah bertujuan bagi meringankan beban guru daripada kerja-kerja pentadbiran khusus untuk mengajar, dengan lantikan-lantikan Pegawai Operasi Sekolah.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga menyediakan pegawai-pegawai hal ehwal pelajar bagi mengurus hal ehwal kebajikan permohonan-permohonan kemudahan dalam negeri terutama sekali di pusat-pusat tingkatan enam. Berbagai usaha telah pun diambil bagi mengurangkan bebanan guru yang mengajar 30 period supaya tidak melibatkan kerja-kerja pentadbiran.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dan Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman

mengenai peningkatan kualiti Program Pendidikan Khas.

Sejak tahun 1997, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan dan mengamalkan dasar pendidikan inklusif di mana kanak-kanak atau pelajar-pelajar yang berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama dengan rakan-rakan sebaya sekolah biasa iaitu *mainstream school*.

Pada masa ini seramai 4,303 pelajar berkeperluan khas sedang mengikuti persekolah dari peringkat pra-sekolah, peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Setengah daripada pelajar berkenaan terdiri daripada pelajar-pelajar lemah pembelajaran yang memerlukan intervensi dan literasi dan numerasi.

Manakala pelajar Keperluan Khas yang lain termasuk mereka yang bermasalah komunikasi, sensori, fizikal intelek, sosial emosi dan tingkah laku serta isu kesihatan. Sebahagian kecil terdiri daripada pelajar-pelajar pintar cerdas *(gifted children).*

Pelajar-pelajar Keperluan Khas dibekalkan dengan program bersesuaian untuk memenuhi keperluan khas mereka berdasarkan kepada peringkat usia dan tahap keupayaan individu melalui pelan Pemulihan Pembelajaran *(Remedial Educational Plan)* atau Rancangan Pendidikan Individual *(Individual Education Plan-IEP)* mengikut objektif pembelajaran.

Program-program ini dijayakan dengan kerjasama dan bantuan daripada 138 orang Guru-guru Pendidikan Khas (guru *SENA (Special Education Needs* Assistant*)*, 45 orang guru-guru *Home Room*, 136 orang guru pembantu pendidikan khas serta ahli-ahli Komiti Peringkat Sekolah termasuk guru-guru kelas dan guru-guru mata pelajaran serta agensi luar yang berkaitan. Kalau mengikut jumlah guru-guru ataupun pembantu-pembantu memang tidak mencukupi dengan kadar bilangan pelajar yang berkeperluan khas.

Walau bagaimanapun perkara itu diusahakan oleh pihak kementerian melalui Unit Pendidikan Khas melalui kursus-kursus bengkel bagi melengkapkan seseorang guru itu dengan *skill* tertentu seperti *skill* yang pernah ditawarkan kursus-kursus yang telah pun diadakan ataupun yang sedang diadakan untuk guru-guru *SENA* adalah pengajaran literasi kaedah gabungan bunyi, pendidikan khas asas numerasi, kod brail, bahasa isyarat dan *picture exchange communication system (PECS)*.

Di samping itu pengkhususan di kalangan guru-guru juga diberikan seperti 110 orang guru *SENA* telah mempunyai pengkhususan dalam pengajaran Literasi Kaedah Gabungan Bunyi Kata *(KGBK)* pendidikan khas dan asas numerasi. Seramai 120 orang guru SENA rendah dan menengah serta 25 orang guru *Home Room* sekolah menengah terlatih dalam masalah penglihatan iaitu kod brail serta orientasi dan mobiliti.

Seramai 63 orang guru SENA rendah dan 11 orang guru *Home Room*, sekolah menengah yang terlatih dalam masalah pendengaran. Seramai 28 orang guru *SENA* dan *Home Room Teachers* sekolah

menengah yang terlatih dalam *Picture Exchange Communication System* dan *Basic and Advance Training*. Seramai 28 guru *SENA* dan Guru *Home Room* yang terlatih dalam *Structure Approach in Learning (SLA)* untuk membantu pengajaran pelajar dalam masalah *autisme*. Seramai 16 orang guru iaitu 8 orang guru dari sekolah rendah dan 8 orang guru sekolah menengah telah menyertai Kursus *Certification on Dyslexia Therapist* pada tahun 2010. Seramai 21 orang guru *lead* bagi Pendidikan Cerdas Pintar sekolah menengah dan pasca menengah iaitu dalam Program Kebangsaan *Excel and Challenge* untuk pelajar cerdas pintar.

Di samping itu Unit Pendidikan Khas secara berterusan juga mengendalikan berbagai program latihan untuk guru-guru dan mana-mana pihak yang berminat seperti Kursus Pengenalan Pendidikan Inklusif bagi guru-guru sekolah-sekolah kerajaan dan swasta. Kursus Induksi program Pra-Vokasional bagi guru-guru *Home Room* dan guru subjek khusus pengenalan asas pendidikan inklusif pada guru-guru pra-sekolah. Bengkel pengenalan mengenai pelajar Keperluan Khas, bengkel kaedah intervensi *dyslexia* dan sebagainya.

Adapun tujuan kaola menjelaskan perkara ini Yang Berhormat Pengerusi kerana isu ini isu yang penting banyak ibu bapa ingin mengetahui apakah kemudahan yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan dan soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat menunjukkan bahawa kecenderungan masyarakat untuk mengetahui kemudahan-kemudahan yang telah diberikan. Walaupun dalam keadaan *UPK* mempunyai kekurangan dari segi kakitangan pengajar dan sebagainya إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak *UPK* dengan sedaya upaya akan memastikan bahawa guru-guru yang mengendalikan kanak-kanak keperluan khas ini ialah guru-guru yang mempunyai latihan-latihan yang khusus dalam penjagaan kanak-kanak sedemikian. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya fahaman daripada masyarakat dan ibu bapa, usaha yang dibuat oleh Unit Pendidikan Khas akan dapat dimajukan lagi di masa akan datang إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi minta maaf untuk menjelaskan beberapa soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai isu keusahawanan sama ada pihak Kementerian Pendidikan dalam mana-mana *syllabus* menggalakkan dalam mendidikan anak bangsa menjadi usahawan.

Sebenarnya di peringkat menengah mata pelajaran seperti Matematik, *English Language, Business, Art and Technology* adalah menjurus kepada isu-isu tentang pengetahuan berniaga. Sementara di peringkat *Institute of Brunei Technical Education (IBTE)* antara kursus berkaitan keusahawanan ditawarkan ialah *HNTec in Business and Finance, National NTec in Business Administration.* Begitu juga *Institute of Brunei Technical Education (IBTE) Sultan Bolkiah Campus* menawarkan kursus berkaitan keusahawanan iaitu *HNTec in Business and Finance, NTec in Business Administration.* Sementara di Politeknik Brunei bermula dari peringkat awal pengajian setiap pelajar mengikuti

program *Level 5 Diploma* yang setaraf dengan *Higher National Diploma* dimestikan untuk mengikuti *module Entrepreneurship* pada tahun pertama pengajian.

Di peringkat pengajian tinggi Universiti Brunei Darussalam melalui strategi nombor 3 iaitu menggalakkan pengajaran dan pembelajaran inovatif dalam perspektif global telah menggariskan *KPI-9* iaitu memperkembangkan kurikulum dan program keusahawanan dengan menyasarkan pada tahun 2020. 100% *module* yang disampaikan mengandungi kaedah pengajaran keusahawanan.

Di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula penerapan pemikiran keusahawanan melalui *APIKLM* telah menyediakan satu kawasan kafeteria yang dipanggil *UNISSA CAFE* yang para pengurus adalah terdiri daripada pelajar-pelajar UNISSA.

Seterusnya menjadikan kursus *entrepreneurship* sebagai kursus teras universiti dan ketiganya menjadikan projek keusahawanan sebagai kursus wajib fakulti untuk pelajar tahun akhir.

Universiti Terknologi Brunei (UTB) juga telah mengambil beberapa langkah melalui programnya dalam melahirkan graduan-graduan yang memiliki mentaliti keusahawanan, sedia mengambil risiko, inovatif, bersedia untuk menerima pekerjaan di sektor swasta berbanding di sektor awam dan bersedia untuk pasaran kerja global.

Antara langkah diambil oleh pihak Universiti Terknologi Brunei (UTB) ialah penyemakan semula kurikulum dan program, menawarkan kurikulum dan program yang relevan, melibatkan pihak-pihak berkepentingan dan majikan dalam membentuk kurikulum dan program, menawarkan program berdasarkan kehendak pasaran dengan menjalankan kaji selidik untuk mengenal pasti kepentingan program untuk pasaran kerja. Semua langkah-langkah ini bertujuan memperkenalkan *entrepreneurship* dalam kalangan pelajar-pelajar.

Di universiti pula terdapat *Entrepreneurship Village.* Kementerian Pendidikan melalui *Entrepreneurship Village* telah memperkenalkan program keusahawanan dalam pendidikan melalui Agenda Keusahawanan Kebangsaan *(National Entrepreneurship Agenda (NEA))* sejak April 2014. Melalui agenda ini beberapa program telah dijalankan yang bertujuan menjadikan landasan dalam memupuk minda keusahawanan dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini dan untuk mewujudkan satu ekosistem bagi penjanaan idea *(generation of ideas), experimentation enrichment and monitoring.*

Program yang dijalankan melalui *National Entrepreneurship Agenda (NEA)* ini menyasarkan 3 peringkat iaitu:

1. Peringkat pendidikan teras yang melibatkan pelajar sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam;

2. Peringkat pengajian tinggi yang melibatkan pelajar di institusi pengajian tinggi dan pendidikan teknikal; dan
3. Peringkat komuniti yang melibatkan masyarakat umum.

Berbagai-bagai usaha sampingan telah diambil oleh pihak universiti untuk menjayakan *Entrepreneurship Village* ini.

Kaola beralih kepada soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai dengan Sistem Miftahun Najah, kejayaan-kejayaan pelajar. Perkara ini telah pun dijelaskan bahawa pelajar-pelajar yang di bawah skim ini juga dapat menunjukkan pencapaian dalam bidang akademik. Dalam pandangan pihak Kementerian Pendidikan usaha mengadakan Miftahun Najah ini telah menghasilkan pelajar-pelajar yang bagus dalam akademik. Jadi kita berharap agar skim ini akan berterusan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai peruntukan Kod Akaun 005/003 gelaran asalnya Pendidikan dan Vokasional sama ada peruntukan ini boleh digunakan bagi pelajar-pelajar mengikuti pertandingan CIPTA di JMKE ataupun pertandingan serantau antarabangsa dan sebagainya.

Sebenarnya Peruntukan Berulang-ulang yang diberikan kepada pihak IBTE adalah bertujuan untuk pembelian perkakas barang bagi pengajaran dan pembelajaran termasuk barangan guna habis *(consumable)* yang digunakan bagi membuat produk dalam projek-projek yang dijalankan oleh pelajar-pelajar IBTE. Peruntukan sama juga boleh diguna pakai seperti yang dibuat sebelum ini untuk pelajar-pelajar yang mengikuti pertandingan di Brunei atau di serantau seperti *Shell Ecomarathon, CIPTA ASEAN Skill Competition* dan lain-lain. Untuk makluman jua selain menggunakan peruntukan yang telah diberikan pihak *IBTE* juga berusaha mendapatkan tajaan-tajaan daripada syarikat-syarikat di negara ini bagi perbelanjaan mengikuti pertandingan-pertandingan berkenaan. Peruntukan Berulang-ulang yang ada memanglah tidak cukup digunakan untuk mengikuti pertandingan walau macam manapun usaha daripada *IBTE* ialah untuk mendapatkan tajaan-tajaan yang telah berjalan dengan baiknya.

Soalan terakhir daripada Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai keberkesanan pendidikan inklusif yang diukur dari segi kualiti dan bukan kuantiti. Perkara ini memang diakui seharusnya kita juga meneliti dari segi sejauh manakah program pendidikan inklusif ini berkesan?

Ingin dikongsikan di sini bahawa daripada dapatan-dapatan ataupun keputusan peperiksaan yang telah pun diduduki oleh pelajar-pelajar Berkeperluan Khas nampaknya sebahagian daripada mereka memanglah memperolehi kejayaan yang kita hajatkan yang diharapkan oleh pihak mereka dan ibu bapa.

Berikut pencapaian pelajar-pelajar berkeperluan khas kebanyakan daripada

mereka diberikan pertimbangan khas atau *access arrangement* semasa peperiksaan awam iaitu adaptasi dan modifikasi kertas-kertas soalan atau proses penilaian. Daripada usaha-usaha yang diberikan untuk membantu mereka keputusan mereka menunjukkan;-

1. PSR (Penilaian Sekolah Rendah) pada tahun 2016 dari seramai 335 orang pelajar Tahun 6 yang mempunyai *Remedial Education Plan (REP)* 84 orang pelajar iaitu 25% telah lulus peperiksaan PSR dalam 4 mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, *English*, Matematik dan Sains. Manakala dari seramai 41 orang pelajar Berkeperluan Khas yang menerima pertimbangan khas *(access arrangement)* 8 orang pelajar iaitu 20% yang lulus dalam 4 mata pelajaran teras semasa peperiksaan PSR.

2. Bagi Peperiksaan *'O' Level* daripada 28 orang pelajar Berkeperluan Khas yang menduduki Peperiksaan *Brunei Cambridge* Peringkat 'O' pada Oktober-November 2016 sejumlah 9 orang iaitu 32% telah memperolehi 5 kredit *'O' level* hingga 9 kredit *'O' level*.

3. Peringkat *'A' level* pula, 11 orang pelajar Berkeperluan Khas yang menduduki Peperiksaan *Brunei Cambridge* Peringkat *'A'* pada Oktober-November 2016 sejumlah 5 orang iaitu 46% telah memperolehi 2 *'A' level* hingga 4 *'A' level*.

Pada masa ini seramai 10 orang pelajar Berkeperluan Khas sedang mengikuti pasca menengah manakala seramai 28 orang pelajar di peringkat pengajian tinggi. Sama ada sistem pengajian inklusif mampu memenuhi kesemua keperluan golongan pelajar yang Berkeperluan Khas terutama sekali yang Berkeperluan Khas tahap tinggi memang perkara ini tidaklah dapat kita penuhi kesemua keperluan.

Walau bagaimanapun, pihak Unit Pendidikan Khas (UPK) sentiasa memantau keadaan ini dan mana-mana kemudahan yang dapat diberikan akan diberikan oleh pihak Unit Pendidikan Khas (UPK) dan mana-mana pelajar yang mempunyai risiko tinggi misalannya mungkin dinasihati untuk tidak mengikuti *mainstream* biasa kerana dikhuatiri insiden-insiden yang tidak diingini.

Walau macam manapun daripada infrastruktur bangunan dan kemudahan asas perkara ini dari semasa ke semasa sentiasa dipertingkatkan oleh pihak kementerian akan dapat menampung keperluan pelajar-pelajar yang Berkeperluan Khas.

Akhir sekali soalan daripada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman hari Khamis yang tidak sempat dijawab iaitu soalan pertama apakah peruntukan perbelanjaan khususnya yang disediakan untuk peningkatan perkembangan di Bahagian Pengajian Tinggi, Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan kalau dilihat dari Institut Pendidikan Teknikal di bawah 005/006 Pengurusan dan Perancangan Sumber Manusia hanya disediakan $55,806.00

Mungkin bukan menjelaskan sama ada peruntukan ini mencukupi atau tidak.

Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut dan cadangan tempoh hari perlunya pendedahan kepada tenaga pengajar Akademik Sektor Industri. Seperti juga yang kaola telah terangkan tempoh hari, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sememangnya inisiatif ke arah ini telah pun dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan diteruskan dan dipertingkatkan lagi. Ini adalah usaha kita untuk menawarkan program-program yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri.

Ada 3 inisiatif penting yang sudah dimulakan iaitu:

1. Program Instruktur atau Tenaga Pengajar Pengunjung (AJANG) yang terdiri daripada *practitioners* atau pengamal dari industry secara individu dalam pelbagai bidang ditawarkan sesi pengajian. Misalannya merekod eksekutif syarikat dalam bidang pengurusan dan keusahawanan, peguam-peguam, jurutera-jurutera dan sebagainya untuk menjadi (AJANG) profesor ataupun tenaga pengajar (AJANG);

2. Program latihan berkaitan bagi peningkatan kapasiti pengajaran melalui bengkel-bengkel ataupun persidangan profesional ataupun yang dianjurkan oleh badan-badan akademintasi antarabangsa dan sebagainya;

3. Projek kolaborasi antara institusi pengajian dalam pihak industri iaitu 2 cara diusahakan iaitu:

   i. Melalui pendapatan tenaga pengajar ke industri berkenaan. Contohnya UTB menempatkan tenaga pengajarnya di Korea Selatan bagi Projek *Wind Tunnel* dengan *TE Solution* dan sepertinya; dan

   ii. Melalui projek kolaborasi *apright research* bersama industri bagi projek UTB dan *Sesame World Technology* dan sepertinya.

Maka inisiatif-inisiatif yang disebutkan ini diharuskan agar adanya pemindahan pengetahuan kemahiran dan teknologi *(knowledge skill and technology transfer)* daripada pihak industri kepada institusi pengajian iaitu tenaga pengajar dan terutamanya para pelajar.

Peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut:

i. B009002 Lawatan Pakar Penasihat di bawah akaun UBD 006/001 di bawah UNISSA 006/002 di bawah UTB 006/003;

ii. Peruntukan B00901 iaitu Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti di bawah akaun UBD, UTB, Politeknik Brunei dan akaun sektor kementerian digunakan juga untuk IBTE;

iii. B01601 Penyelidikan dan Perkembangan di bawah akaun UNISSA; dan

iv. K23111 iaitu Pembangunan Strategik Institusi Tinggi.

Peruntukan Khas juga dipergunakan oleh bahagian pengajian tinggi UBD, UNISSA, UTB, Politeknik Brunei dan ITB pada Tahun Kewangan 2016/2017 ini adalah selain daripada peruntukan MO005/006 iaitu digunakan oleh *IBTE* yang dinyatakan tadi.

Jadi, pihak industri dan penggerak berkepentingan juga telah turut membiayai program projek tersebut dalam berbagai-bagai bentuk. Selain daripada peruntukan daripada kerajaan pihak-pihak berkepentingan *stakeholders* juga memberi *collaboration* dan sebagainya dari segi bantuan kewangan tajaan.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat ialah mengenai bajet pemulihan bangunan dan aset bagi Sekolah Vokasional yang cuma disediakan $83,000.00 dan memandangkan *IBTE* mengandungi 7 buah sekolah di seluruh negara adakah ia mencukupi ataupun tidak? Kita sedia maklum beberapa buah kampus dan bangunan di bawah bangunan *IBTE* sudah berusia 20 hingga 40 tahun ke atas dan mengalami kerosakan yang tertentu.

Jadi bagi kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan aset tersebut peruntukan itu adalah seperti berikut:

i. Peruntukan 005/004 iaitu Pemeliharaan Bangunan dan Aset bagi pemulihan 7 buah kampus *IBTE* bagi kerja-kerja *minor work*; dan

ii. Peruntukan 002/007 Perancangan dan Pengurusan Estet juga digunakan bagi penyelenggaraan kerja utama atau *major maintenance works* dengan bantuan pakar daripada Jabatan Perancangan dan Perkembangan Estet Kementerian Pendidikan.

Projek-projek itu ada peruntukan yang diberikan dan kita akan berusaha untuk mengendalikan kerja-kerja pemuliharaan dari bajet tersebut. Sedikit cukup kalau banyak pun lebih.

Soalan ketiga, pembimbingan juga dibangkitkan mengenai peruntukan perbelanjaan UNISSA, UTB yang Peruntukkannya 1/3 dibandingkan dengan peruntukan UBD manakala Politeknik peruntukan ini dalam 1/4 daripada UBD. Sejauh manakah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dari segi berpelajaran tinggi dan berkemahiran tinggi diukur dengan standard antarabangsa.

Sebagai jawapan الْحَمْدُ لله kita mempunyai 4 buah institusi pengajian tinggi yang mempunyai tahap yang tersendiri dengan umur yang berbeza, UBD merupakan Universiti tertua yang komprehensif yang mempunyai keramaian pelajar dan sumber tenaga manusia yang tinggi kira-kira 4 kali ganda daripada institusi yang lainnya.

Begitu juga dengan asetnya lebih banyak berbanding dengan aset-aset yang lain.

Bahkan secara semula jadi perbezaan peruntukan bagi UBD adalah tinggi.

Walau bagaimanapun, kita tidak akan terlepas pandang mana-mana isu seperti ini memerlukan peruntukan bagi kerja-kerja pemuliharaan dan sebagainya إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan kita teliti dan jika ada keperluan peruntukan bersesuaian agar *cooperational* dari pihak institusi tersebut tidak akan terganggu. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat dijawab. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penerangan-penerangan lanjut yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan sekarang perbincangan ini kita teruskan dan saya ingin menjemput Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas penerangan tentang tujuan dan fokus utama kementerian yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Khamis yang lalu.

Merujuk kepada Kod 001/006 Pengurusan Program Biasiswa. Kaola ingin memperhatikan peningkatan dalam jumlah Perbelanjaan Tahun 2017/2018 dan ke mana perbelanjaan itu diperuntukkan apabila jumlah penerima biasiswa telah dikurangkan sejak tahun lepas. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan mengenai Program Biasiswa itu. Buat pada masa ini, Program Biasiswa berjalan seperti biasa, apapun pengurangan daripada penganugerahan skim biasiswa itu adalah disebabkan *rasionalisation* yang dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan *rasionalisation* dari segi meneliti program-program ataupun kursus-kursus yang perlu diteruskan skim biasiswa ini kerana seperti kajian yang telah pun dilihat, bahawa ada antara pelajar yang mengikuti kursus-kursus tertentu apabila balik ke Negara Brunei Darussalam, tidak mendapat pekerjaan dan ada kursus-kursus tersebut tidak diperlukan oleh kerajaan pada masa ini.

Terdapat sedikit keperluan bagi kita membuat penyelarasan program biasiswa itu dengan keperluan negara pada masa ini. Jadi jika terjadi pengurangan jumlah pelajar yang dianugerahkan biasiswa, itu proses kita dalam membuat penyelarasan sama ada kursus-kursus yang dipohonkan oleh pelajar-pelajar tersebut masih diperlukan dengan begitu banyak ataupun tidak. Dalam usaha ini, memanglah ada beberapa kursus yang sudah tidak ditawarkan biasiswa lagi.

Walau macam manapun, skim biasiswa masih berjalan dengan biasa dan jika masih terdapat keperluan-keperluan dalam beberapa bidang, penganugerahan biasiswa akan terus ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus-kursus yang

dipohonkan tersebut. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola ingin merujuk Anggaran Perbelanjaan 2017/2018, Kementerian Pendidikan. Anggaran perbelanjaan biasa, Kod Akaun 003/004, Pemeliharaan Bangunan dan Aset Perbelanjaan termasuklah Perbelanjaan Berulang-ulang yang ada diperuntukkan $1,130,076.00.

Isu yang ingin kaola sampaikan ialah mengenai bilik sembahyang. Seperti yang kita sama-sama maklum, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah pada 9 Mac 2017, sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438/2017.

Antara lain baginda menyentuh mengenai hasil kajian mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadah sembahyang dalam kalangan murid di semua peringkat persekolahan iaitu 81% murid-murid dan pelajar tidak menunaikan sembahyang secara konsisten dan 4% pula tidak pernah menunaikan sembahyang langsung.

Sehubungan dengan itu, kaola turut sama memberikan sumbangan idea mengenainya supaya ibadah sembahyang murid-murid dan pelajar ini terjaga dan terpelihara semasa mereka berada dalam persekolahan.

Kita perlu mengambil perhatian mengenai kemudahan tempat sembahyang mereka seperti yang difahamkan kepada kaola bahawa murid-murid dan pelajar ada menunaikan sembahyang dengan menggunakan dewan atau bilik-bilik darjah. Jika sekiranya dewan sekolah digunakan oleh aktiviti lain, mereka terpaksalah menggunakan bilik darjah untuk menunaikan ibadah sembahyang tersebut. Keadaan ini tidaklah dapat menjamin kebersihan dan sukar dikawal bagi memenuhi syarat sah sembahyang.

Dalam perkara ini, diusulkan supaya diberikan bilik khas untuk menunaikan ibadah sembahyang atau lebih baik lagi mendirikan surau, bagi yang belum ada dan mungkin ia akan memakan perbelanjaan yang agak besar, agar kesempurnaan ibadah sembahyang mereka terkawal dan terjaga kebersihannya.

Yang Berhormat Pengerusi. Di rumah lain pula ceritanya, kaola mengambil kesempatan memberikan nasihat kepada ibu bapa dan penjaga murid-murid dan pelajar, adalah menjadi tanggungjawab kita semua dalam memata-matai dan memastikan anak-anak kita dapat menunaikan sembahyang pada waktunya. Adalah lebih baik lagi jika sekiranya ia ditunaikan

secara berjemaah, bukan sahaja melipatgandakan pahala ibadah sembahyang itu sendiri malah pada masa yang sama dapat mengeratkan ikatan hubungan kekeluargaan. Sekian disampaikan dan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهداية

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat tadi atas soalan tersebut.

Yang sebenarnya, di setiap sekolah memang ada bilik khas untuk pelajar-pelajar menunaikan sembahyang dan selalunya disediakan bilik khas itu, kalau ada dewan yang kosong maka dewan itu akan digunakan dan jika tidak, bilik kelas akan disediakan dan dikhususkan untuk bilik sembahyang dan tidak diganggu oleh aktiviti yang lain.

Kebanyakannya hampir semua sekolah, mungkin ada satu atau dua buah sekolah oleh sebab keadaan ruang sekolah yang tidak mencukupi, harus berpindah-pindah. Walau macam manapun, kita telah memastikan bahawa di setiap sekolah itu ada disediakan bilik khas untuk pelajar-pelajar menunaikan sembahyang.

Cadangan bagi disediakan surau ataupun tempat-tempat sembahyang khas atau dibangunkan bangunan tambahan untuk tujuan ini, ia adalah satu perkara yang melibatkan perbelanjaan yang sangat besar dan ruang yang diperlukan. Perkara ini akan diteliti dari semasa ke semasa, jika ada keperluan dan peruntukan yang khas bolehkan kitani laksanakan. Cuma kaola ingin menyentuh sedikit mengenai isu sembahyang ini, memang perkara ini diambil berat oleh setiap sekolah dan pemimpin sekolah dan memanglah murid-murid itu diarahkan untuk menunaikan sembahyang apabila waktunya dan ia tidak terlepas pandang oleh kementerian. Walau macam manapun, isu sembahyang ini satu perkara yang harus dipantau lagi dari segi penyempurnaannya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menambah sedikit di hujung soalan tadi itu, ada pandangan daripada Yang Berhormat iaitu supaya di rumah, keluarga memastikan anak-anaknya menunaikan sembahyang. Ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri supaya hasil daripada kajian yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438H/2017M itu, kajian yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan bersama

dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, boleh dikatakan memang *alarming*.

Langkah awal, sebenarnya kedudukan kajian itu pada masa ini adalah lanjutan daripada kajian berkenaan dalam memikirkan masalah yang berbangkit daripada hasil penemuan daripada kajian tersebut. Salah satu daripada langkah yang akan diambil ialah untuk memastikan sebagai pemantauan bersama dengan keluarga ini dengan memperkenalkan kad fardhu sembahyang kepada murid-murid sebagaimana jua seperti kerja rumah *(homework*) yang kemudian nanti akan dilaporkan kepada guru kelas setiap hari. Maka sedemikian jugalah akan dibuat oleh Jabatan Pengajian Islam dalam perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dengan penerangan yang lanjut berkenaan dengan soalan yang dikemukakan ini. Sekarang saya mempersilakan, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Behormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Selamat pagi dan salam sejahtera.

Pada pagi ini kaola ingin menyentuh mengenai perkhidmatan guru. Seperti mana yang kita maklum bahawa guru adalah sebagai pendidik yang memainkan peranan yang penting dalam dunia pendidikan. Justeru itu, pembangunan dan perkembangan ekonomi negara akan berhasil apabila rakyatnya berpendidikan.

Oleh itu, kebajikan dan kemahiran serta produktiviti seorang guru sangat penting dalam membawa muridnya cemerlang. Ke arah itu, Kementerian Pendidikan telah pun memperkenalkan satu Skim Perkhidmatan Guru (SPG) yang dihasratkan untuk tujuan meningkatkan lagi kemahiran dan juga sebagai perangsang kepada guru-guru untuk bekerja keras dan untuk menarik minat penuntut-penuntut untuk memasuki pekerjaan sebagai seorang pendidik (guru).

Persoalannya, sukacita ingin mengetahui sejauh manakah pelaksanaan Skim Perkhidmatan Guru yang telah diluluskan pada tahun 2008 dan adakah SPG ini menyeluruh untuk semua peringkat guru?

Seterusnya, sukacita juga kaola ingin mengetahui dasar Kementerian Pendidikan kerana tidak lagi mengeluarkan graduan-graduan yang benar-benar berkelulusan sebagai pendidik keluaran dari UBD. Dalam hal ini barangkali sukacita dicadangkan supaya perkara ini dibuat kajian semula iaitu sebagai langkah untuk menjadikan pelapis kepada guru-guru yang akan bersara nantinya.

Sukacita kaola ingin mengetahui dan memohon penjelasan apakah perancangan Kementerian Pendidikan

untuk ke depannya terhadap Sekolah Rendah Dato Gandi di Kampung Dato Gandi, Mukim Kota Batu, kawasan Zon 3, yang sekian lama terbiar kosong? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut. Skim Perkhidmatan Guru (SPG) masih ada, walaupun dari segi pengendaliannya harus dikemas kini lagi semula. Tujuan asal Skim Perkhidmatan Guru ialah bagi guru-guru yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang mengajar akan dikekalkan sebagai guru dan diberi skim khas untuk mereka dapat *'move-up the ladder'* dalam kerjaya mereka sebagai seorang guru.

Perkara ini masih berjalan dan kita sedang meneliti bagaimana Skim SPG ini dapat diperbaiki lagi bagi memberi peluang kepada guru-guru yang menampakkan kecemerlangan dalam bidang mengajar.

Memanglah Skim Perkhidmatan Guru ini untuk semua guru yang berkelayakkan di bawah Skim SPG ini. Mengenai graduan berkelulusan pendidikan tidak lagi dikeluarkan daripada UBD, sebenarnya kita masih mengeluarkan graduan, kita menawarkan *M-Teach Program (Masters of Teaching)* di UBD. Pada masa ini kita memberi fokus kepada isu *content*. Seseorang guru itu sebelum ia menjadi guru mestilah mempunyai *degree* dan daripada *degree* apabila sudah lengkap dengan ijazahnya dan ada pengalaman mengajar dan sebagainya ataupun jika ia memilih untuk terus membuat *M-Teach,* maka ia akan diterima untuk membuat *M-Teach* untuk menjadikan ia sebagai seorang Guru.

Dalam *Program M-Teach* diadakan berbagai-bagai kursus yang bersesuaian bagi membolehkan seseorang itu menjadi guru. Jadi tidak ada timbul isu yang guru tidak lagi dikeluarkan dari UBD. Walau macam manapun, pihak Institut Pengajian Sultan Hassanal Bolkiah *(Institute of Education)* akan mengkaji perkara ini dan jika bersesuaian, mungkin akan diadakan kursus-kursus yang menepati keperluan negara dalam bidang perguruan ini.

Buat masa ini kita hanya mengadakan *Program M-Teach* dan program-program diploma tidak lagi diadakan. Walau macam manapun, perkara ini akan dilihat dari segi keperluan yang ada pada masa akan datang.

Mengenai rancangan tentang Sekolah Rendah Dato Gandi ini keadaannya masih belum dapat diperbaiki lagi, apa yang dapat dilihat ialah walaupun bangunan ini masih selamat tetapi kawasan lokasi sekolah tersebut tidak selamat yang boleh mendatangkan bahaya kepada bangunan sekolah tersebut. Penuntut telah dipindah ke Sekolah Rendah Pintu Malim yang mempunyai blok tambahan.

Pada masa ini usaha bagi mengusahakan agar kawasan Sekolah Rendah Dato Gandi itu akan dapat diperbaiki seperti lereng bukit dan sebagainya. Jika keadaan itu sudah dipastikan selamat, mungkin Sekolah Rendah Dato Gandi itu

akan digunakan semula sebagai sebuah sekolah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ

ٱللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ ٱلْقُلُوبِ وَدَوَاءِهَا، وَعَافِيَةِ ٱلْأَبْدَانِ

وَشِفَآءِهَا، وَنُورِ ٱلْأَبْصَارِ وَضِيَآءِهَا، وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba meneliti Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pendidikan, tetapi kaola tidak berjumpa satu peruntukan yang mengkhususkan kepada aktiviti perkembangan penerapan jati diri ataupun penerapan nilai jati diri bangsa. Kaola percaya dengan peribahasa menyatakan 'Melentur buluh itu adalah semasa rebungnya'. Kaola tidak pasti sama ada pertanyaan ataupun usul yang akan kaola bentangkan ini kena-mengena dengan Kementerian Pendidikan sahaja ataupun kemungkinan ia satu usulan yang memerlukan gabungan *whole of nation* daripada kementerian-kementerian lain, kerana isu penerapan nilai jati diri bangsa ini memerlukan semua kementerian bekerjasama.

Apa yang kaola maksudkan ialah akhir-akhir ini ketara sangat yang kita telah dilanda oleh sesuatu yang dipanggil penggunaan bahasa rojak. Maksud kaola, kita sebagai orang Melayu pun jarang menggunakan bahasa Melayu secara teratur, malah dalam apa bidang sekalipun banyak digunakan bahasa rojak ini dalam majlis-majlis, di siaran-siaran radio dan televisyen dan sebagainya.

Kaola ingin mencadangkan supaya diadakan satu peruntukan khas di sekolah-sekolah bermula dari sekolah rendah, agar dapat diadakan projek-projek memperkasakan dan memartabatkan Bahasa Melayu dan meletakkan ia ditempatnya yang khusus sesuai dengan Bahasa Melayu itu sebagai Bahasa Rasmi Negara.

Hal ini bukan sahaja dalam bentuk penubuhan kelab-kelab di sekolah-sekolah, tetapi juga dilaratkan dengan menjadikan ia agenda kebangsaan yang lebih besar dengan kerjasama semua pihak seperti halnya dulu-dulunya diadakan Bulan Bahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi apa salahnya kitani mengadakan juga Bulan Berbahasa Melayu sebagai kempen-kempen tertentu dan agenda nasional. Mudah-mudahan perkara itu akan dapat menjadikan kita bangsa yang menyayangi dan mencintai bahasanya.

Dalam hal ini kaola juga ingin menyarankan supaya diterapkan nilai-nilai bahasa itu bukan hanya dari segi nahunya sahaja tetapi juga kecintaan penuntut-penuntut, pelajar-pelajar itu kepada khazanah kesusasteraan dan

budayanya sendiri. Sehinggakan kaola sendiri ada menjumpai orang kitani masih belum dapat membezakan apa dia pantun, apa dia syair. Malah dikatakan mereka itu adalah sajak. Maka kaola merasakan itu adalah satu kerugian kepada bangsa kitani kerana ia merupakan khazanah negara kitani.

Sehubungan dengan itu, soalan kedua kaola ialah supaya diketarakan penggunaan tulisan Jawi di sekolah-sekolah. Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya sejauh manakah perkembangan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah-sekolah?

Apa yang kaola dengar dan dapati ialah terdapat penuntut-penuntut yang keliru dengan ejaan-ejaan yang berbeza. Ada tiga versi ejaan sekarang ini iaitu ejaan versi Kementerian Pendidikan, ejaan versi Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ejaan versi Jabatan Adat Istiadat.

Sebenarnya dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah supaya perkara ini diselaraskan dan diselesaikan dengan baik. Untuk itu bagi yang kena-mengena dengan sekolah ataupun Kementerian Pendidikan, kaola sarankan apa salahnya kita memartabatkan tulisan Jawi ini di sekolah-sekolah dengan menulis slogan-slogan dalam tulisan Jawi. Pada masa ini, kaola perhatikan banyak ditulis dalam bahasa Inggeris bukan dalam tulisan Jawi. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat penerangan atas soalan tersebut. Sebenarnya perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti jati diri bangsa dan penggunaan bahasa Melayu misalannya ada disediakan di bawah Tajuk 007/005 iaitu di bawah Jabatan Kokurikulum di bawah Tajuk itulah aktiviti-aktiviti seperti ini dikendalikan. Banyak tujuannya antaranya ialah memartabatkan ejaan bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, mungkin dari segi pengendalian kursus-kursus ataupun dari segi pengendalian aktiviti-aktiviti tersebut perlu kitani lihat lagi dan dirancakkan sebagaimana cadangan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diteliti oleh pihak Jabatan Kokurikulum untuk menambah lagi program-program yang berhubung kait dengan penerangan ataupun mengenai jati diri bangsa ini.

Mengenai penggunaan tulisan Jawi memanglah penggunaan tulisan Jawi ini akan ada jawatankuasanya yang telah pun bersidang sekian lama untuk menentukan penyatuan dari segi ejaan penggunaan tulisan Jawi ini.

Perkara ini mungkin rakan kaola yang lain boleh menjawab mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, cadangan daripada Yang Berhormat mengenai memartabatkan tulisan Jawi di sekolah-sekolah, إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan kitani lihat dan di mana tempat yang bersesuaian untuk kitani menggunakan tulisan Jawi akan kitani gunakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Kaola ingin menambah mengenai tulisan Jawi ini, akan menghitung berapa versi tulisan Jawi yang ada pada masa ini, kaola pun tidak pasti Yang Berhormat tetapi yang pastinya ada berbagai-bagai versi tulisan Jawi dan mengelirukan kitani sendiri sebagai pengguna. Memanglah ada langkah untuk cuba menyelesaikan perkara ini. Faktor-faktor yang kitani lihat ialah selain Brunei sebagai pengguna tulisan Jawi yang aktif dan juga di Malaysia. Penggunaan ejaannya pun juga mengelirukan kitani.

Masalahnya bukan tidak mendaulatkan negeri ini atau tidak mengutamakan tetapi kitani mesti berhadapan dengan kenyataan bahawa sebanyak mana penggunaan ejaan Jawi ini dalam masyarakat kitani. Itu yang akan kitani lihat. Mengapa ia kurang digunakan adalah masalah praktikal dan realistik. Umpamanya mata pelajaran ugama sendiri sahaja, hanya Jabatan Pengajian Islam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai buku-buku pelajaran sekolah agama itu dalam tulisan Jawi. Sementara pelajaran mata pelajaran *Islamic Religious Knowledge (IRK)* dalam tulisan Rumi dan begitulah juga ilmu ugama pada masa ini tidak ditulis dalam tulisan jawi kerana masalah-masalah praktikal dan bukannya tidak mengutamakannya tetapi ialah bagaimana ilmu itu segera dan cepat disebarkan kepada umum.

Pengejaan jawi sekarang didasarkan sebutan ejaan rumi. Inilah masalah yang kitani hadapi. Masalah ini bukan masalah yang ringan tetapi satu perkara untuk menyatukan ejaan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diusahakan kerana kitani adalah pengguna tulisan Jawi dan kitani mampu untuk menerbitkan penerbitan yang kitani perlukan mengikut ejaan yang *standard* untuk Brunei seperti mana yang disebutkan oleh rakan kaola tadi Menteri Pendidikan terdapat jawatankuasa bersidang khusus untuk mengatasi masalah ini. Mudah-mudahan jawatankuasa berkenaan akan serius menyelesaikan masalah ini.

Kalau Kementerian Hal Ehwal Ugama menyokong sepenuhnya untuk mempertahankan mana-mana ejaan Jawi yang menghendaki ataupun ada menyatakan perkara-perkara agama tidaklah boleh dieja berdasarkan jawi yang menurut sebutan ejaan rumi macam fardhu tetap 'dhod' tidak boleh 'dal'. Fardhu (dieja) seperti itulah macam Isya ada 'ain' nya ada 'hamzah'nya di ujung.

Jadi hal-hal sedemikian ini, belum ada kesepakatan di antara kita dan mudah-mudahan kesepakatan itu akan ada.

Kementerian Hal Ehwal Ugama, secara sepihak sahaja mengadakan perkara ini Yang Berhormat Pengerusi, tidak realistik untuk negara. Jadi kerana itulah kita terpaksa berhati-hati dalam perkara ini.

Penyebaran ilmu mesti terus berlangsung secepat mana yang mungkin dan pendaulatan jawi kita teruskan dan ia mesti serentak juga dengan ia dipelajari kerana sekarang ini pun tanda-tanda perniagaan dan sebagainya semua ditulis dalam rumi dan jawi, tetapi penggunanya sejauh mana kedai-kedai, gedung-gedung perniagaan, kenderaan-

kenderaan yang dipunyai oleh orang kita atau bukan orang kita, siapa saja yang dapat membaca. Itu adalah setakat keperluan aturan-aturan sahaja tetapi bukan keperluan untuk ia sebenar-benarnya dibaca. Tetapi itu melambangkan usaha kita mendaulatkannya akan berterusan. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat kedua-dua Menteri yang berkenaan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mohon bagi menghadapkan persoalan dalam Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi. Biasanya sesebuah negara akan dikenali di mata dunia antarabangsa. Antara lain melalui perwakilan-perwakilan dan delegasi-delegasi Negara Brunei Darussalam ke luar negeri dalam acara-acara yang khusus dan tertentu juga melalui penyertaan sukan dan olahraga peringkat serantau dan antarabangsa dan melalui persembahan-persembahan seni budaya di luar negara kerana mengiringi rombongan bagi memberi bayangan dan gambaran negara yang dicintai melalui seni budaya bangsa.

Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Pendidikan telah berhasil dengan jayanya. Berjaya mendirikan berbagai-bagai sekolah sehingga ke peringkat pengajian-pengajian tertinggi dalam berbagai-bagai jurusan yang amat membanggakan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sejak pendidikan formal di Negara Brunei Darussalam bermula pada tahun 1912, iaitu kira-kira lebih 100 tahun yang lalu, kaola mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Persoalan daripada kaola ialah adakah Kementerian Pendidikan akan merancang bagi mendirikan sebuah Sekolah Akademi Kebudayaan atau Sekolah Seni Budaya Negara Brunei Darussalam yang mengkaji dan mengajarkan khusus hal ehwal seni budaya Negara Brunei Darussalam dan yang wajar dijadikan pokok utama pelajaran baik merupakan ilmu akedemik mahupun amali sebagai sandaran bagi mewujudkan Sekolah Seni Budaya?

Pada hemah kaola, Sekolah Seni Budaya ini adalah sebagai tempat himpunan khazanah budaya dan pakar-pakar kebudayaan bangsa serta pewaris bangsa Negara Brunei Darussalam. Ini mungkin merupakan sekolah baharu yang boleh dirancang untuk diwujudkan. Ini sebagai pandangan jauh ke hadapan dalam jurusan seribu daya bangsa dari peringkat asas hinggalah nanti membawa ke peringkat pengajian tinggi. Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja dan kaola merakamkan ucapan ribuan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat, atas perkara yang ditimbulkan iaitu mengenai Akademi Kebudayaan Kebangsaan. Pada masa ini, memang tidak ada perancangan untuk menubuhkan satu Akademi kebudayaan. Walau bagaimanapun, dari segi seni budaya ini, memang diserapkan di sekolah-sekolah untuk melaksanakannya.

Setiap sekolah memang bergiat aktif dalam seni budaya ini. Walaupun, tidak ke peringkat nasional misalannya tetapi di peringkat sekolah yang dari semasa ke semasa juga diadakan pertandingan seperti tarian budaya asli Brunei dan sebagainya. Secara ringkasnya untuk menjawab, buat pada masa ini tidak ada rancangan untuk menubuhkan Akademi Kebudayaan Kebangsaan ini. Walau bagaimanapun, seni budaya masih dilaksanakan di sekolah-sekolah. Pihak Kementerian Pendidikan mengambil baik akan cadangan tersebut dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika berketepatan dengan keperluan dan perkembangan seterusnya, perkara ini akan diteliti untuk diusahakan jika diperlukan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Khamis yang lalu.

Kaola wakil Daerah Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri, ingin menyentuh Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. Kaola melihat dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara 2017/2018 dalam Kod Akaun K23118, nampaknya tidak ada perbelanjaan yang diberikan untuk pembinaan sekolah rendah untuk di RPN Kampung Meragang dan RPN Kampung Mengkubau, Panchor.

Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk menyediakan peruntukan untuk pembinaan sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung yang berkenaan atas sebab keperluan dan kemudahan untuk penduduk di kampung berkenaan.

Oleh itu, kaola ingin bertanya apakah Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk membina sekolah-sekolah rendah terutama di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, Panchor. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Sebenarnya, dalam perancangan kita dari semasa ke semasa akan membina

sekolah-sekolah sama ada sekolah menengah atau rendah di mana jua jika dipastikan pembangunan sekolah itu perlu bagi menampung keperluan di kawasan-kawasan tersebut.

Bagi Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, Panchor. Mengikut kajian Kementerian Pendidikan keramaian penduduk di sana dan terdapatnya beberapa sekolah rendah kawasan yang berhampiran buat masa ini tidaklah perlu untuk kita menyediakan sekolah rendah di kawasan tersebut. Sekolah-sekolah yang lain di kawasan yang berdekatan masih mampu untuk menerima pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau. Dari segi akses ke sekolah-sekolah tersebut pun tidak begitu menyulitkan dalam kajian Kementerian Pendidikan bagi pelajar-pelajar tersebut untuk bersekolah di kawasan yang berhampiran.

Walau bagaimanapun, sebagai satu perancangan akan datang memanglah keperluan ini akan dikaji dari masa ke masa dan jika ada terdapat keperluan dan jika terdapatnya pelajar ataupun penduduk yang sudah bertambah dan kesempitan di sekolah yang berhampiran, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan kita bangun juga sekolah di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, Panchor.

Yang sebenarnya tapak bagi sekolah-sekolah tersebut telah pun ada, cuma keperluan itu belum ada pada masa ini sehinggalah satu hari nanti akan kita bangunkan seperti yang diperlukan masyarakat di kawasan Rancangan Perumahan Negara di kampung tersebut. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merasa puas hati dengan mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan. Kaola menyokong sepenuhnya atas perbelanjaan tersebut dan juga menyokong semua usaha pihak kementerian dalam memantapkan taraf pendidikan negara ini. Diharapkan Kementerian Pendidikan mencapai peningkatan yang positif dan semua إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perbelanjaan dapat digunakan secara berhemah.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin meminta penjelasan dan pandangan sewajarnya terutama sekali dalam usaha Kementerian Pendidikan memartabatkan konsep Melayu Islam Beraja di negara

ini termasuklah dengan sejarah dan penghayatan Melayu Islam Beraja dan membudayakan Bahasa Melayu di sekolah:

1. Mengikut sejarah pada awalnya nama-nama sekolah Melayu di Negara Brunei Darussalam dinamakan dengan nama sekolah melayu dan kini diubah ke sekolah rendah. Perkataan Melayu nampaknya tidak lagi digunakan. Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya sejak bilakah perubahan ini berlaku dan apakah sebab-sebabnya ianya telah berubah?; dan

2. Hendaklah kita membudayakan penggunaan bahasa Melayu khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah dan juga masyarakat Brunei amnya agar sering berbahasa Melayu. Kaola menyarankan satu pendekatan perlu dilaksanakan agar bahasa Melayu diperkasakan ini secara meluas terutama sekali dalam kalangan penuntut sekolah termasuklah mengadakan program, aktiviti tambahan yang memperluaskan kepada penggunaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Umpamanya Kempen Cinta Bahasa Melayu dengan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dan dalam perbincangan, penulisan dan ditemubual Televisyen Brunei atau melalui radio hendaklah menggunakan bahasa Melayu.

Itulah sahaja soalan daripada kaola. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut. Soalan yang kedua belum dapat dijawab mengenai perkataan Melayu yang tidak digunakan di sekolah-sekolah rendah. Barangkali dipohonkan waktu untuk mengkaji semula apa ceritanya iaitu sejak bila perkataan Melayu tidak disebut di sekolah-sekolah.

Mengenai memartabatkan sistem Melayu Islam Beraja ini. Ingin dijelaskan bahawa kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan mengenai penghayatan Melayu Islam Beraja dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di Negara Brunei Darussalam telah pun dijalankan pada Februari 2014 sehingga Disember 2015 dengan kerjasama Jabatan Perkembangan Kurikulum dengan tujuan untuk Kementerian Pendidikan memberikan maklumat *baseline* mengenai situasi sebenar impak pendidikan Melayu Islam Beraja yang telah dilaksanakan sejak tahun 1991, iaitu untuk mengetahui kedudukan sebenar keberkesanan, penghayatan pendidikan Melayu Islam Beraja kepada pelajar-pelajar sekolah menengah senegara dari segi pengetahuan, kefahaman, penghayatan dan amalan dalam kehidupan seharian.

Untuk mengenal pasti langkah-langkah dan saranan terbaik keterangan bagi meningkatkan lagi Melayu Islam Beraja, hasil dari kajian tersebut menunjukkan 66.5% pelajar peringkat menengah

mengetahui, memahami, mengamalkan dan menghayati Melayu Islam Beraja yang dipelajari dari peringkat asas daripada Tahun 1 hingga Tahun 6.

Sementara di universiti pula, MIB telah dijadikan sebagai modul wajib universiti. Para mahasiswa-mahasiswi diwajibkan untuk lulus sebelum mereka boleh diberikan sijil atau ijazah. Nilai-nilai dan norma MIB bukanlah hanya diserapkan melalui kursus modul khas Melayu Islam Beraja di UBD malah juga melalui banyak modul lain yang relevan melalui peraturan UBD secara amnya mengambil kira nilai-nilai dan norma MIB.

الْحَمْدُ لله modul dan penerapan MIB di universiti diterima dan disambut baik oleh seluruh warga UBD. Dalam hal ini seperti yang dijelaskan semasa disoal oleh Ahli Yang Berhormat awal tadi, memanglah dalam isu MIB ini kita tidak mengambil ringan dan pihak Kementerian Pendidikan sejak dari dulu telah pun mengenalkan subjek MIB ini di sekolah rendah dan menengah hinggalah ke hari ini.

Memanglah kita sentiasa memartabatkan sistem MIB ini dalam kalangan pelajar sekolah. Mengenai membudayakan penggunaan bahasa Melayu, perkara ini juga satu perkara yang wajib diadakan di semua sekolah dan bagi semua pelajar yang akan menduduki pengajian di peringkat atas misalannya dikehendaki untuk lulus dalam subjek Bahasa Melayu. Perkara ini masih berjalan hingga sekarang. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu mempunyai tempatnya dalam pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Sekian sahaja jawapan yang dapat diberikan Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawabkan oleh menteri-menteri yang berkenaan terutamanya Menteri Pendidikan. Saya masih lagi ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menimbulkan soalan-soalan tambahan. Tetapi walau macam manapun, bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk berehat sebentar, maka kita pun turut berehat juga selama 20 minit kita akan menyambung persidangan dalam Jawatankuasa ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis masih bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebagaimana yang kita ketahui mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan sebentar tadi, masih lagi membahaskan dan membincangkan Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun, sebelum kita meneruskan untuk membahaskan seterusnya Tajuk Kementerian Pendidikan ini saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin untuk menjelaskan persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh pada Khamis petang yang telah terlepas peluang menurut Yang Berhormat untuk menyampaikan soalan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan telah membawa persoalan mengenai hasrat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, ibu bapa dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan mengenai permohonan bagi pengecualian Cukai Pintu tahunan. Kaola sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas soalan ini.

Sebenarnya menurut Akta Lembaga Bandaran Penggal 57, ada peruntukan bahawa pengecualian cukai bangunan boleh dipertimbangkan jika ia memenuhi peruntukan Bab 13 dan Bab 14. Bab 13 itu ada menyatakan pengecualian itu boleh dibuat dalam *translation* bahasa Melayunya semata-mata bagi sekolah awam (*public school*) atau bagi maksud-maksud dermawan dalam bahasa Inggerisnya *Purchasable Purposes*.

Oleh yang demikian dalam konteks Bab 13 ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan meneliti kedudukan permohonan pihak Lembaga dan Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan ini berasaskan penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh bahawa Sekolah Menengah Chung Hwa adalah institusi pendidikan yang tidak mengutamakan keuntungan ataupun *non-profit making organization* dan juga sekolah ini mengambil inisiatif dan berbagai-bagai usaha untuk mencari sumber kewangan lain seperti sumbangan lain dan derma orang ramai bagi menampung perbelanjaan operasi sekolah. Jadi itu sahaja barangkali yang dapat kaola sampaikan melalui majlis ini. Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas penerangan mengenai perkara yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh. Untuk meneruskan perbincangan kita, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman untuk mengemukakan soalan tambahannya.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi terima kasih kerana mengizinkan kaola untuk menyampaikan satu pandangan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola amat menghargai mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Pendidikan dan pembangunan adalah antara tulang

belakang sebuah negara. Negara tidak boleh mencapai pembangunan ekonomi yang mampan tanpa pelaburan yang besar dalam modal insan. Kaola ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran dua malam yang lalu:

> "…Guru dan sistem adalah ibarat acuan. Sementara murid dan pelajar pula adalah hasil dari acuan itu. Kalau acuan itu bagus tentu sahaja apa yang terhasil akan pasti bagus juga. Kalau guru lemah dan sistem pincang, maka murid dan pelajar pasti juga mengikut lemah dan pincang. Kerana itu janganlah diabaikan sama sekali faktor guru dan sistem kerana kalau berlaku kelemahan maka segeralah memeriksa guru dan sistem, bukannya menyalahkan murid dan pelajar…"

Kaola ingin mengimbas semula peruntukan. Kalau dilihat dari 2015, peruntukan bagi Kementerian Pendidikan dan sehingga sekarang 2017 ke 2018 ada penurunan sebanyak $82 juta. Kalau dilihat dari Peruntukan Berulang-ulang dari 2015 sehinggalah 2017 ke 2018 ia menurun sebanyak $82 juta.

Kaola melihat Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, bagi tahun diluluskan 2016/2017 adalah sebanyak $2,818,000.00 manakala tahun ini menurun sebanyak $761,830.00, iaitu penurunan sebanyak 2 juta bagi Perkembangan Sumber Tenaga Manusia. Kaola memohon agar Kementerian Pendidikan akan dapat menyemak semula bajet untuk Perkembangan Sumber Tenaga Manusia. Yang Berhormat Pengerusi, sekiranya peruntukan tidak mencukupi, bolehkah dipohonkan penambahan peruntukan bagi B00900 Perkembangan Sumber Tenaga Manusia? sekian disampaikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut dan pandangan ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Sebelum kaola menjawab soalan tersebut, izinkan kaola untuk menjawab soalan yang sebelum ini iaitu daripada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung mengenai kedudukan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Kaola ingin mengongsikan sedikit mengenai pencapaian pelajar-pelajar dalam subjek Bahasa Melayu ini. Misalnya dalam PSR bagi tahun 2014 pencapaian pelajar ialah 93.24%, tahun 2015 - 95.38% sementara bagi tahun 2016 - 93.26%. Begitu juga di peringkat *GCE 'O' Level* keputusan subjek Bahasa Melayu yang memperolehi Gred 'A' atau 'C' ialah 70.35%. Ini bagi mengesahkan bahawa subjek Bahasa Melayu tidak ketinggalan malah semakin kuat dalam pendidikan di sekolah-sekolah rendah ataupun menengah. Usaha berterusan akan diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan subjek Bahasa Melayu masih

kuat atau pencapaian pelajar-pelajar masih tinggi dalam subjek Bahasa Melayu.

Sebenarnya pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Melayu lebih baik daripada subjek Bahasa Inggeris. Walaupun sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi bahawa perkataan Melayu tidak lagi digunakan di sekolah. Perkara ini sejak 1984-1985 apabila kita mengamalkan dasar *bilingual* ataupun dwibahasa. Penggunaan الْحَمْدُ لله Bahasa Melayu di sekolah-sekolah tidak diperlukan. Walau macam manapun, ini tidak bermakna Bahasa Melayu itu sudah ketinggalan dari segi bahasa-bahasa lain. kita masih mempertahankan subjek Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Sekarang untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila jasa Haji Abdul Rahman mengenai guru. Peruntukan dan sebagainya. Kita menyambut baik Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai sistem pendidikan yang sewajibnya mementingkan guru dan sistem agar berjalan dengan baik dan akan memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelajar-pelajar kitani. إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diteliti di Kementerian Pendidikan, jika sekiranya terdapat kelemahan sama ada di pihak guru ataupun perkara itu akan dikaji dan akan diperbaiki.

Mengenai cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat berhubung peruntukan Kementerian Pendidikan, memanglah terdapat penurunan peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Walau macam manapun, peruntukan ini telah pun dibincangkan antara Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Kewangan. Apa pun penurunan dalam peruntukan itu adalah hasil daripada perbincangan dan perbincangan itu mengambil kira supaya perkhidmatan pendidikan tidak terjejas dengan penurunan peruntukan tersebut.

Mana-mana peruntukan yang perlu ditambah, إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara itu akan dipohonkan kepada Kementerian Kewangan dan seperti mana yang difahami perkara ini juga akan mendapat pertimbangan sewajarnya dari Kementerian Kewangan. Walau macam manapun, pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan isu peruntukan ini yang memanglah ada penurunan tetapi penurunan tersebut dengan usaha yang dibuat oleh kementerian dengan kerjasama Kementerian Kewangan tidak akan menjejaskan perkhidmatan pendidikan di negara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi. Kaola cuma ingin menambah mengenai pendidikan awal kanak-kanak. Pada tahun 2015, pihak kementerian ada menyebut tentang perancangan bagi pendidikan awal kanak-kanak di bawah 5 tahun. Kaola ingin mengetahui apakah perkembangan atau progres Penggubalan Dasar Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di bawah Kementerian Pendidikan. Kualiti Perkhidmatan Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak bergantung pada sistem ataupun platform yang disediakan oleh kementerian? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut. Sebenarnya pihak kementerian sedang meneliti pendidikan awal kanak-kanak ini untuk memperkenalkannya. Memang sudah ada beberapa buah sekolah yang terdapat pra-sekolah tetapi kita akan melaratkannya kepada beberapa banyak lagi sekolah untuk mengadakan pendidikan awal ini.

Cuma, beberapa isu yang harus ditangani, seperti dari segi guru-guru yang akan membimbing kanak-kanak ini, jika pendidikan awal ini kita laratkan kepada banyak sekolah lagi.

Dari segi prasarana, yang akan melibatkan peruntukan yang khas untuk membina atau menambah sekolah-sekolah bagi menampung keperluan pendidikan awal ini. Walau macam manapun, pihak Kementerian Pendidikan menyedari bahawa pendidikan awal ini dapat menyumbang kepada pembangunan minda seseorang kanak-kanak itu apabila ia bersekolah. Kita dapati terdapat jarak antara kanak-kanak yang melalui pendidikan awal ini dengan kanak-kanak yang tidak melalui pendidikan awal ini.

Jadi, pihak Kementerian Pendidikan cuba berusaha untuk mengurangkan jurang antara kanak-kanak tersebut. Dalam usaha itu, kita meneliti sama ada pendidikan awal ini dapat dilaratkan kepada semua sekolah dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara ini sedang dalam pengkajian aktif oleh pihak kementerian dan akan dilaksanakan secepat mungkin. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun membincangkan dengan panjang lebar Rang Belanjawan Kementerian Pendidikan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun menyuarakan soalan-soalan masing-masing yang telah pun dijawab dengan penuh terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri disebabkan mereka juga sangat prihatin mengenai soalan-soalan yang dikemukakan.

Sekiranya tidak dapat dijawab secara spontan pada waktu disoal, mereka mengambil kesempatan untuk mengulang semula, menjawab soalan-soalan yang berkenaan itu, memberikan penerangan yang

sepenuhnya sebagaimana yang dipinta atau dituntut Ahli-Ahli Yang Berhormat. Maka, saya berpendapat cukuplah sudah perbincangan kita mengenai Belanjawan Kementerian Pendidikan ini dan sekarang perkara ini akan kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya tidak ada yang menentang, maka Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SF01A – Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang mula untuk membincangkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya sukacita mempersilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan mukadimahnya mengenai Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِيَ أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas kebijaksanaan Yang Berhormat membentangkan cadangan Peruntukan Belanjawan 2017/2018 bagi negara amnya dan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan khasnya iaitu dengan mengambil kira jua cabaran-cabaran fiskal yang kita hadapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini berikutan keadaan harga minyak mentah dunia yang rendah.

Sebelum kita membincangkan berkenaan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2017/2018, kaola sukacita ingin mengongsikan beberapa perkara utama yang menjadi asas kepada permohonan peruntukan kementerian ini. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ berikutan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan secara rasminya telah melancarkan dan memberigakan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan 2016-2020. Merujuk Pelan Strategik ini, Visi dan Pelancongan ialah "Ke Arah Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sehingga mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi demi mencapai Wawasan Brunei 2035".

Sementara Misi Kementerian pula ialah "Menerajui Pertumbuhan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan keluaran dalam negara kasar *KDNK* dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara dan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi serta memfokus kepada pasaran eksport". Pelan Strategik ini juga telah menggariskan program-program dan perancangan-perancangan utama yang akan dilaksanakan dengan sasaran-sasaran dan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau *KPI* yang hendak dipantau dan dicapai oleh pihak kementerian ini bersama pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan.

Bercakap mengenai Petunjuk Prestasi Utama (*KPI)* keluaran sektor pertanian, perikanan dan perhutanan yang bernilai lebih kurang $500 juta pada tahun 2015, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan disasarkan untuk meningkat kepada $1.8 bilion menjelang tahun 2020 iaitu pertambahan lebih tiga kali ganda. Ini bererti KDNK sektor pertanian, perikanan dan perhutanan juga إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan meningkat dari kurang dari $200 juta pada tahun 2015, kepada sekitar $1 bilion menjelang tahun 2020. Dari segi sumbangan kepada KDNK, sektor pertanian, perikanan dan perhutanan dijangka akan menyumbang 4% ke 5% KDNK pada tahun 2020 berbanding hanya sekitar 1% KDNK pada tahun 2015. Kementerian ini juga mempunyai sasaran menjelang tahun 2020, sektor sumber-sumber utama dan pelancongan secara keseluruhannya berpotensi untuk menjana sekitar 4,000 peluang pekerjaan baharu.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam keinginan kita mempertingkatkan pertumbuhan keluaran, kementerian ini akan berusaha memikirkan dan mencari jalan bagaimana untuk mengurangkan pergantungan pada sumber kewangan kerajaan. Satu cara ataupun kaedah yang telah sedang dan akan diusahakan oleh kementerian ini ialah dengan menggalakkan penyertaan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara melalui Perkongsian Awam Swasta ataupun *Public Private Partnership (PPP)*.

Selaras dengan itu, kementerian ini telah menawarkan kawasan-kawasan kemajuan pertanian (KKP) yang mempunyai infrastruktur yang lengkap atau separuh lengkap seperti KKP Tungku, KKP Kilanas, KKP Sinaut, KKP Batang Mitus dan KKP Birau kepada peladang-peladang pertanian dan penternakan yang benar-benar serius dan berdaya maju.

Bagi aktiviti perikanan, kementerian ini telah menawarkan kawasan-kawasan perikanan iaitu Kampung Sungai Paku, Kampung Keramut dan Sungai Penyatang di Daerah Tutong dan

Pangkalan Sibabau, Kampung Serasa dan Kampung Meragang di Daerah Brunei Muara bagi kegiatan penetasan *(hatchery)*, semaian *(nursery)* dan ternakan ikan dan udang. Kawasan-kawasan perairan Tanjung Pelumpong di kuala Sungai Brunei dan kawasan-kawasan perairan Pulau Pilong-Pilongan bagi pemeliharaan berbagai-bagai jenis ikan menggunakan sangkar dan kawasan Sungai Jambu di Kampung Katok bagi pemeliharaan ikan hiasan, penternakan ikan menggunakan 'teknologi ternakan ikan bertingkat' ataupun *vertical fish farming.*

Setakat ini Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, telah membukakan tawaran bagi sebanyak 23 buah projek pertanian, perikanan dan pelancongan melalui *request for proposal.* Pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha yang berminat antaranya dikehendaki menghadapkan cadangan perusahaan ataupun *business plan* dan bersedia untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* yang telah ditetapkan.

Untuk makluman selanjutnya, terdapat sebilangan projek yang ditawarkan melalui *RFP* ini telah pun diberikan kepada pemohon-pemohon yang berjaya dan telah pun mula beroperasi yang dijangka akan mengeluarkan dan mengeksport hasil produk mereka pada tahun ini. Sebilangan projek adalah dalam peringkat penilaian sementara sebahagiannya lagi masih dibukakan. Sebagai formaliti, pelabur-pelabur asing yang berkelayakan dan terpilih dalam sektor pertanian dan perikanan akan diberi mandat untuk melabur di kawasan-kawasan yang dikenal pasti setelah mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola mengongsikan serba sedikit perkembangan mengenai dengan beberapa buah projek perikanan yang sedang diusahakan melalui pendekatan Pelaburan Langsung Asing *FDI* dan Usahasama *(JV)* seperti yang berikut:-

1. *Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sdn. Bhd.* telah ditawarkan untuk mengusahakan ternakan ikan *pompano* dalam sangkar luar pantai di Pulau Pilong-pilongan seluas 2,000 hektar. Syarikat ini telah mula beroperasi dan sasaran ialah untuk mengeluarkan kira-kira sebanyak 20,000 tan metrik ikan *pompano* yang bernilai $105 juta setahun sebelum tahun 2020 nanti;

2. *Syarikat KR Apollo Sdn. Bhd.* telah ditawarkan tapak seluas lebih 12 hektar bertempat di Sungai Jambu untuk mengusahakan pengeluaran ikan hiasan dan *food fish*. Melalui penggunaan teknologi ternakan ikan bertingkat sasaran adalah untuk mengeluarkan sebanyak 84 juta ekor ikan hiasan dan sebanyak 5,000 tan metrik ikan ternakan dengan nilai eksport dianggarkan mencecah $35 juta setahun sebelum tahun 2020;

3. Syarikat Nur Nabai Sdn. Bhd. telah ditawarkan tapak seluas 6 hektar bagi mengusahakan ternakan ikan kerapu dalam sangkar persisiran

pantai di kawasan Tanjong Pelumpong dengan sasaran pengeluaran sebanyak 2,000 tan metrik dan bernilai $30 juta setahun sebelum tahun 2020. Melalui urus niaga perladangan berkontrak *(contract farming),* syarikat ini akan membekalkan anak-anak ikan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan seterusnya akan membeli semula ikan-ikan kerapu yang sudah dewasa untuk dieksport ke luar negara;

4. *Syarikat Golden Corporation* telah ditawarkan tapak-tapak ternakan udang seluas 200 hektar di Sungai Penyatang, Daerah Tutong yang mana dijangka akan membuat pungutan hasil yang pertama pada hujung bulan ini. Tapak ini dijangka menghasilkan kira-kira 4,500 tan metrik udang laut dengan jangkaan nilai $48 juta setahun sebelum tahun 2020. Syarikat ini juga mengusahakan aktiviti penangkapan ikan dan kilang pemprosesan yang mana pada keseluruhannya syarikat ini mensasarkan jumlah keluaran bernilai $100 juta setahun pada tahun 2020; dan

5. Syarikat Yamako Pacific (B) Sdn Bhd telah diberikan kebenaran bagi mengusahakan kilang pemprosesan ikan tuna untuk dieksport ke negara Jepun. Projek ini melibatkan aktiviti penangkapan ikan tuna di laut dalam zon 4 dengan menggunakan 6 buah kapal, yang mana hasil tangkapan ikan tuna ini akan diproses di kilang pemprosesan. Syarikat Yamako Pacific (B) Sdn Bhd mensasarkan pengeluaran sebanyak 10,000 tan metrik ikan tuna. Dari hasil tangkapan dan 3,600 tan metrik ikan tuna berproses setahun pada tahun 2020 yang keseluruhannya bernilai kira-kira $100 juta.

Yang Berhormat Pengerusi, menyentuh peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Kaola ingin seterusnya menjelaskan bahawa jumlah peruntukan yang disokong adalah seperti berikut:-

1. Perbelanjaan Tahunan yang disokong sebanyak $51,541,900.00, sebanyak $32,733,670.00 adalah bagi bayaran Gaji Kakitangan dan sebanyak $18,808,230.00 adalah bagi Perbelanjaan Berulang-ulang; dan

2. Perbelanjaan Kemajuan adalah sebanyak $7,087,150.00.

Sebagaimana yang dimaklumi tahun ini tiada peruntukan tahunan yang dikhususkan sebagai Perbelanjaan Khas. Dalam hal ini, perbelanjaan kerajaan bagi projek-projek yang berkaitan dengan sektor-sektor di kementerian ini akan dibiayai melalui Perbelanjaan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Kemajuan. الْحَمْدُ لله kebanyakan projek-projek besar yang kaola nyatakan sebentar tadi adalah merupakan inisiatif-inisiatif pihak pelabur-pelabur dalam dan luar negara yang akan melaksanakan projek mereka

di tapak-tapak yang sudah sekian lama disediakan infrastruktur asas seperti KKP Tungku, KKP Sinaut dan seperti tapak-tapak ternakan udang dan ikan di Kampung Penyatang dan Kampung Telisai, Sungai Paku dan lain-lain. Malah, ada juga di antara projek yang besar ini tidak memerlukan perbelanjaan kerajaan sama sekali atau sangat minimal seperti perusahaan memelihara ikan sistem sangkar di sungai-sungai dan perairan laut di Negara Brunei Darussalam.

Sebelum mengakhiri kenyataan kaola ini, kaola amat berharap semua pihak akan dapat sama-sama membantu merealisasikan perancangan strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang agak lembab, ditambah pula dengan keadaan harga pasaran minyak mentah yang rendah, yang setentunya memberi kesan ke atas hasil negara, maka usaha-usaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan mempelbagaikan sumber hasil negara perlulah ditingkatkan.

Oleh yang demikian, kita memerlukan semua pihak yang berkepentingan, khususnya para peladang-peladang pertanian, perikanan dan pengusaha-pengusaha industri pelancongan akan dapat melipatgandakan usaha mereka dalam mempercepatkan pertumbuhan pengeluaran masing-masing, terutama dengan mensasarkan pasaran eksport. Peladang-peladang mestilah bersedia untuk menggunakan teknologi moden dan bijak memilih jenis tanaman, ternakan termasuk ikan dan udang yang hendak diusahakan.

Tumpuan hendaklah kepada jenis-jenis tanaman dan ternakan yang bernilai tinggi dan juga yang mempunyai permintaan yang terjamin. Selain daripada itu, pengurusan ladang yang baik adalah penting bagi mengawal tanaman dan ternakan dari pencemaran dan dari serangan penyakit bagi memastikan kualiti yang terbaik dan memastikan kadar *survival* yang tinggi. Teknik-teknik moden yang mampu membantu mempercepatkan pertumbuhan, yang mampu menjimatkan penggunaan tanah dan mampu mengurangkan penggunaan air dan tenaga mestilah diterokai seluas-luasnya iaitu bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan unit kos, meningkatkan keuntungan dan memperbaiki daya saing keluaran sama ada bagi pasaran dalam negara mahupun pasaran eksport.

Mudah-mudahan dengan cara begini iaitu dengan peningkatan keuntungan yang berlipat ganda itu nanti, peladang-peladang juga tidak akan selama-lamanya perlu bergantung kepada bantuan-bantuan subsidi kerajaan.

Sekianlah sahaja yang kaola dapat sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan dengan hala tuju kementerian ini, iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Setinggi-tinggi terima kasih kaola kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas peluang yang diberikan.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja mendengar keterangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengenai dengan belanjawan kementeriannya. Sebelum saya membukakan perbahasan mengenai dengan Tajuk ini, saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan menyoal terutamanya, untuk memfokuskan perhatian kita terhadap soalan-soalan, terhadap belanjawan yang kita bincangkan ini. Maka saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola merakamkan ucapan terima kasih di atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu berhubung dengan mukadimah yang terperinci dan mendalam dari Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan pembentangan belanjawan Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 kementerian ini.

Kaola bercakap mengenai dengan Tajuk SH01A – Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Kod Akaun 002/002 iaitu mengenai dengan Operasi Penguatkuasaan yang berjumlah keseluruhannya meningkat iaitu $257,231.00. Apa yang diketahui hutan negara kita ini merupakan harta atau khazanah negara, gedung ilmu dan maklumat hal yang amat tinggi nilainya kerana di dalamnya terdapat flora dan fauna dan segala hidupan liar.

Berlaku kerosakan, kepupusan dan kemusnahan apabila penebangan pokok-pokok dan pengambilan tumbuh-tumbuhan hutan, penangkapan hidupan liar dilakukan tanpa kawalan dan tanpa ada rasa sayang dan tanggungjawab. Penebangan pokok-pokok bernilai tinggi hanya sekadar untuk mengambil buahnya atau aromanya termasuk penebangan dan pengambilan anak-anak pokok yang masih kecil dengan pengambilan yang amat banyak dan dijual di tamu-tamu.

Penangkapan binatang liar seperti rusa, pelanduk dan burung juga akan menyebabkan kepupusan binatang ini. Maka satu hari nanti generasi akan datang tidak akan tahu apakah rupa bentuknya binatang dan tumbuhan ini. Begitu juga dengan laut dan sungai negara ini, pelanggaran kepada penangkapan ikan di zon larangan dan penangkapan spesies ikan yang dilarang seperti ikan yu dan pengambilan telur penyu.

Soalan kaola, adakah operasi dan penguatkuasaan ini mempuyai keanggotaan yang mencukupi? Sehubungan ini, kaola mencadangkan bahagian operasi dan penguatkuasaan

ini, memperkasakan lagi unit ini agar ianya digalati iaitu:

1. Memberikan keanggotaan penguatkuasaan dengan pakaian seragam khas dengan lencana penguatkuasaan perlindungan hidupan liar dan perikanan;

2. Melakukan rondaan dan pemeriksaan rutin. Memastikan tidak ada penyalahan dan pelanggaran Akta Perlindungan Hidupan Liar dan Perikanan. Jika didapati ada pelanggaran akta berulang-ulang, hendaklah dilaksanakan dengan tegas setelah diberikan amaran;

3. Mengadakan Akta Pemulihan, Pembaikan dan Tanaman Semula kawasan atau hutan dan tumbuhan yang telah dirosakkan dan dibiarkan oleh syarikat atau individu sama ada pengambilan, penebangan dan penerokaan yang telah dibenarkan atau secara haram; dan

4. Pemberigaan Akta Hidupan Liar, Perhutanan dan Perikanan menerusi jerayawara meningkatkan kesedaran umum tentang pemeliharaan hutan, hidupan liar dan terumbu karang. Terutama bermula dari peringkat sekolah rendah, menengah sehingga tertinggi kerana mereka ini nanti bakal menjadi generasi 2035 dan menjadi generasi penyayang terhadap perhutanan, hidupan liar dan persekitaran.

Kalau boleh disarankan/dimasukkan ke dalam *syllabus* atau sukatan pelajaran MIB di sekolah-sekolah menengah.

Mengenai dengan Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Di sini kaola ingin penjelasan mengenai dengan perkembangan penternakan udang di Mukim Telisai iaitu sama ada di Sungai Paku, Kampung Telisai sendiri dan di Kampung Keramut.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli di atas soalannya. Minta maaf kerana soalan terlalu panjang tetapi mudah-mudahan saya ingat kesemua soalan-soalan itu. Secara umumnya Yang Berhormat bertanya mengenai cara kitani mengawal daripada kerosakan hutan, hidupan liar dan juga kepupusan ikan-ikan di perairan Brunei. Jadi adakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah kepupusan, kerosakan ataupun penyalahgunaan yang disebutkan tadi itu.

Sebenarnya kalau dari segi hidupan liar memang ada caranya dan tertakluk kepada badan antarabangsa yang mengawal pemeliharaan kehidupan liar ini. Dan masalah hutan pun sama juga. Pengawalan hutan ini bukan sahaja diurus oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja tetapi adalah dengan kerjasama beberapa

agensi termasuklah pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis dalam satu agensi dipanggil SALIMBADA di mana rondaan-rondaan sering dilakukan/dilaksanakan di kawasan-kawasan hutan Brunei untuk memastikan tidak ada kecurian-kecurian berlaku di kawasan hutan kitani. Pada masa yang sama, orang ramai juga tertakluk kepada peraturan perhutanan sebelum mereka mengambil sebarang jenis kayu di hutan-hutan negara kitani ini.

Di sektor perikanan pun sama juga, iaitu terdapat sudah tegahan-tegahan bagi orang ramai untuk menangkap ikan-ikan tertentu misalnya ikan yu, *in fact* menjadi kesalahan untuk orang melanggar peraturan ini. Rondaan telah dibuat oleh pihak-pihak tertentu terutama sekali bekerjasama dengan pihak Polis Marin dan Jabatan Perikanan sendiri, untuk mengawal sama ada pencerobohan atau pun penangkapan ikan yang dilarang itu. Soalan Yang Berhormat ini sangat panjang Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan mencuba untuk menjawab lagi nanti di masa yang akan datang.

Berkenaan dengan ternakan udang di Sungai Paku dan Penyatang. Barangkali soalannya apakah perkembangannya pada masa ini. Jadi seperti yang dinyatakan tadi dalam mukadimah kaola sendiri Yang Berhormat Pengerusi bahawa kawasan 200 hektar telah pun ditawarkan kepada seorang pengusaha pelabur asing untuk memelihara udang di kawasan-kawasan berkenaan dan *in fact* ia sudah beroperasi lebih setahun sudah dan dijangka akan mengeksport. Mulai tahun ini juga kepada negara-negara seperti Australia, Jepun, Amerika Utara dan mulai tahun ini juga akan mengeksport ke Eropah iaitu setelah kitani mendapat pengiktirafan daripada *European Union* di mana Jabatan Perikanan diiktiraf sebagai autoriti yang *competent* untuk dapat mengesahkan yang pengusaha kitani dapat mengeksport ke Eropah.

Sama juga di Sungai Paku, di sana bukan sahaja diusahakan untuk ternakan udang tetapi mungkin akan dilaratkan kepada perusahaan untuk menternak ikan dengan menggunakan kolam juga. Walau bagaimanapun, seperti yang terdapat di dalam belanjawan ini, ada keperluan untuk meningkatkan pam-pam air dari air laut untuk dibawa masuk ke kolam-kolam ternakan udang di kawasan Penyatang dan Sungai Paku. إِنْ شَاءَ اللَّهُ apabila selesainya kerja-kerja meningkatkan keupayaan pam-pam berkenaan, lebih banyak pengeluaran akan dapat dibuat dari kawasan-kawasan berkenaan. Sekian sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Y**ang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ kaola ingin bercakap mengenai Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, diberi bajet sebanyak $1,478,800.00. Jabatan Pelancongan di bawah MPRT telah dan

sedang giat mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang menarik sebagai sebuah negara yang kaya dengan budaya, hutan hujan tropika dan khazanah di dasar laut yang juga tidak kurang hebatnya dibandingkan dengan negara-negara *ASEAN*. Akan tetapi kita masih kurang dengan tumpuan pelancongan yang berkonsepkan satu *pit stop* untuk pelancong singgah dan membeli-belah. Sebagai contoh kita mempunyai satu kawasan membeli-belah iaitu satu bumbung yang hanya menjual alat-alat komputer dan pakaian bahkan tidak terdapat *indoor entertainment* yang bertemakan seperti mini Jerudong Park yang hanya terdapat di Borneo.

Adalah diharapkan *stakeholder* (pihak kerajaan dan swasta) supaya akan dapat membincangkan dan memikirkan untuk sama-sama mencipta destinasi pelancongan yang menarik. Mencipta lapangan kerja dan akhirnya menyumbang pertumbuhan ekonomi negara. Dalam pada itu ada beberapa Majlis Perundingan Kampung yang telah mengungkayahkan beberapa aktiviti yang kaola kira boleh menyumbang tarikan pelancongan seperti Taman Riadah Tasik Serubing dan Bukit Markucing, Taman Herba, hutan dan wasai, di Bukit Lugam Katok dan lain-lain. Sekian Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima Kasih Yang Berhormat. Seperti yang dinyatakan dalam Majlis Muzakarah bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Mukadimah kaola tidak banyak menyentuh pelancongan seperti dijelaskan semasa muzakarah. Ada 3 sektor pelancongan dikategorikan dalam sektor pelancongan Brunei:-

1. Sektor *Eco-Tourism* dan sektor warisan dan kebudayaan. Kitani mempunyai kekuatan dari segi bidang *eco-tourism rainforest* ataupun hutan-hutan yang bersih atau di hutan-hutan yang asli;

2. Destinasi Kampong Ayer dan Bandar Seri Begawan yang terdapat Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Muzium-Muzium, *Maritime Museum*, *Royal Regalia.* Yang terbaharu Pusat Balai Pameran Islam di bawah Jabatan Mufti Kerajaan. Tujuan kementerian untuk memastikan kekuatan kita ini terus kuat menarik dan berkualiti tinggi mudah disinggahi dan selamat; dan

3. Sektor yang kedua yang hendak dimajukan seperti pantai-pantai dan kawasan perhutanan, taman-taman peranginan yang lain seperti Rekreasi Hutan Simpan Berakas dan Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan. Pantai Serasa dan Pantai Seri Kenangan dan seperti di Daerah Tutong di Sungai Basong juga perlu dipertingkatkan.

   Dan terdapat juga destinasi pelancongan berasaskan komuniti kampung-kampung seperti yang terdapat di Kampung Tanjung Maya

dan Kampung Kiudang. Di Daerah Brunei dan Muara juga banyak kampung yang menjalankan aktiviti-aktiviti komuniti, yang boleh menarik perhatian pelancong. Selebihnya bercorak aktiviti seperti menyelam di beberapa tempat di perairan Brunei dan aktiviti-aktiviti melihat burung (*bird watching*) dan aktiviti baru iaitu berbasikal di hutan-hutan bagi pelancong-pelancong yang berminat dalam bidang berkenaan.

Mengenai soalan mengadakan *indoor team park* dan *shopping center* kita serahkan kepada *private sector* untuk menjalankannya. Ini tertakluk kepada tanah-tanah yang sedia ada. Mereka boleh memohon kepada pihak berkenaan untuk mereka tapi bukan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Pantai-pantai kebanyakannya bukan semua di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sebagai contoh di Kampung Sibungutan di kawasan pantai yang mana telah digazetkan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama di bawah Pelancongan, telah pun ditawarkan secara *request proposal* kepada orang ramai untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan yang boleh didirikan *chalet*, untuk orang berehat dan segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perhutanan. Ertinya bukan dibuat *shopping center* di sana. Tapi kekuatan itu dari bidang *eco-tourism* bukannya kita bersaing secara terus dengan Hong kong dan Singapura. Kitani punya kekuatan adalah bidang *eco-tourism* itu.

Menyentuh mengenai Majlis Perundingan Kampung, kementerian mengalu-alukan dan menyambut baik kegiatan daripada setiap kampung-kampung dan mukim-mukim untuk mempromosi kampung mereka sebagai satu destinasi. Dan pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kerana ini berhubung kait dengan perundingan ataupun perbincangan dengan pejabat-pejabat daerah dan pegawai-pegawai daerah untuk sama-sama menggalakkan kampung-kampung mereka mempromosi destinasi kampung mereka sebagai satu destinasi pelancongan.

Di Daerah Temburong banyak yang aktif dalam bidang ini, berbagai-bagai produk mereka seperti Wajid Temburong, mi dan lain-lain lagi. Di Tutong seperti di Tanjong Maya dengan kelapa daranya, di Kiudang dengan herba tehnya dan di Kampung Katimahar dengan *eco-tourism*nya.

Di tempat-tempat lain seperti di Daerah Belait juga diharap akan lebih aktif lagi untuk mempromosi beberapa kawasan dan produk-produk mereka sebagai satu destinasi pelancongan. Kementerian sentiasa memberi sokongan kalau ada pemikiran daripada pihak-pihak berkenaan. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di atas mukadimah dan tahniah juga di atas usaha-usaha yang sedang dilaksanakan bersama-sama pihak swasta terutama sekali pelancongan di *eco-tourism* dan *cultural* dan *community base tourism*. Di sini saya ingin bertanya 2 perkara:-

1. Tajuk SH06A dan Tajuk SH02A mengenai Perkembangan Produk dan Pelancongan. Kaola ingin mengusulkan menyediakan fokus pelancongan yang dipanggil pelancongan belia *youth tourism* yang bersifat *youth friendly* ataupun mesra belia. Ini adalah kerana potensi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan ada, akan tetapi pakej-pakejnya ataupun produk-produk sekarang dapat lagi disesuaikan untuk belia-belia muda sama ada dalam ataupun luar negara.

   Di sinilah tarikan yang bersifat *low cost* dan juga *youth friendly* seperti contoh pertukaran budaya, *bag packing,* hostel belia, program intensif sukarelawan sambil bercuti sukan dan hobi pertukaran pelajar, pakej untuk pelajar *hop off bus* dan lain-lain dapat memberi peluang kepada belia untuk melancong, ini dapat dilaratkan lagi memasukkan belia negara kitani untuk meneroka daerah lain; dan

2. Kaola ingin bertanya peruntukan Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kod 004/000 dan mungkin juga melibatkan 002/003 iaitu Promosi dan Pemasaran Pelancongan dan Promosi dan Publisiti Produk Pelancongan. Adakah Peruntukan Belanjawan 2017/2018 yang nampak pengurangan ini akan memberi impak negatif terhadap pembangunan pelancongan? Difahami industri pelancongan amat memerlukan promosi dan publisiti.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Mengenai produk-produk pelancongan yang lebih mirip kepada belia. Mana-mana produk pelancongan memang ada peluang untuk penglibatan belia misalannya Daerah Temburong sebagai destinasi berbagai-bagai aktiviti boleh diadakan di Daerah Temburong untuk orang menikmati sebagai destinasi belia.

Misalannya baru-baru ini ada satu ekspedisi melukis di Daerah Temburong yang melibatkan pelukis-pelukis Brunei dan juga dari luar negara. Malah aktiviti sebegini sering berlaku di negara-negara lain seperti Indonesia yang pelukis-pelukis dari luar negara bergabung dengan pelukis-pelukis dalam negara sebagai ekspedisi dan mereka kebanyakan tidak memerlukan perbelanjaan besar. Mereka lebih

gemar tinggal 10 orang dalam sebuah bilik. Tidak perlu satu bilik satu orang, ertinya pelancongan yang murah, yang penting hasil lukisan mereka akan ditinggalkan di sini sebagai pameran.

Baru-baru ini beberapa orang tukang masak muda Brunei telah dihantar ke Daerah Temburong untuk belajar macam mana masakan orang-orang etnik di Kampung Batang Duri.

الْحَمْدُ لله hasil daripada kegiatan demikian bila kita mengadakan aktiviti gastronomi pada bulan lepas nampaknya beberapa masakan orang kampung atau pedalaman dapat dibawa keluar ke bandar-bandar untuk dinikmati orang ramai di bandar ini termasuk orang dalam dan luar negara juga. Tidak ada halangan untuk mengadakan produk-produk atau melanjutkan produk-produk khas untuk belia. Ia terpulang kepada kreativiti para belia untuk mengambil peluang daripada produk yang ada.

Mengenai promosi dan publisiti. Jika dilihat beberapa tahun yang lalu berjuta-juta peruntukan yang telah diberikan tetapi mulai tahun lepas cuma sedikit sahaja $250,000.00 tapi الْحَمْدُ لله tidak menjadi halangan kepada kementerian untuk mempromosi pelancongan kerana masa ini kita menggunakan teknologi seperti *Whatsapp, Facebook, Instagram* dan juga kaedah *TPP* sebagai cara mempromosi apa jua bentuk pelancongan yang kita adakan dan juga kolaborasi dengan berbagai-bagai kementerian juga diadakan untuk mengadakan promosi.

Misalannya pada bulan Januari tahun ini, kita telah membaiki semula imej pelancongan di Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer. Jadi kementerian bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana kebanyakan harta benda di Bandar Seri Begawan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga kementerian lain sebab itu kolaborasi perlu untuk sama-sama memberiga destinasi tertentu itu sebagai destinasi pelancongan.

Baru-baru ini disebabkan kita akan melancarkan pameran Tamadun Islam di bawah Jabatan Mufti Kerajaan, setiap kementerian sudah pun berbincang dengan Jabatan Mufti Kerajaan apakah faktor-faktor yang akan diketengahkan sebagai destinasi pelancongan. Mengambil kira negara kita sebagai Negara Melayu Islam Beraja mungkin pelancongan Islam adalah satu produk kita sendiri dan galeri pameran ini bukan saja sebagai sumber ilmu yang satu masa seminar, forum berkenaan islamik, ilmu islam kita boleh ketengahkan Negara Brunei Darussalam sebagai rumahnya.

Oleh yang demikian promosi itu diadakan dengan berbagai-bagai cara bukan saja kita keluar negara mempromosi Negara Brunei Darussalam tapi produk kita di dalam negara belum lagi kukuh. Fokus kementerian pada masa ini lebih kepada mengukuhkan produk kita seolah seperti sebuah restoran. Kita keluar mempromosi, kita kuatkan menu

makanan supaya orang ramai datang. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah mendengar beberapa pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkaitan itu.

Maka saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat tengah hari dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pada pukul 2.00 petang ini nanti.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.00 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Persidangan yang kita adakan pada pagi tadi, kita telah membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Walau bagaimanapun kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Peringkat Jawatankuasa satu persatu.

Maka, bagi membolehkan kita meneruskan semula perbincangan dan perbahasan bagi kementerian yang berkenaan itu saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini sekarang bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada pagi tadi masih lagi membincangkan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Walau macam manapun sebelum kita menyambung semula untuk membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan terhadap pertanyaan yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawab satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi pada hari Khamis, mengenai Tajuk SE02A – Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong iaitu Kod 002/000 Pelesenan dan Penguatkuasaan, Yang Berhormat telah bertanya kenapa terdapatnya peningkatan dari Tahun Kewangan 2016/2017 ke Tahun Kewangan 2017/2018?

Kaola ingin memaklumkan bahawa di bawah Tajuk Penguatkuasaan dan Pelesenan bagi Bandar Seri Begawan. Anggaran Belanjawan 2016/2017 ialah sebanyak $764,230.00 meningkat kepada 2017/2018 kepada $808,547.00 dan bagi Daerah Tutong dari $216,354.00 bagi Tahun Kewangan

2016/2017 kepada $219,750.00 bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

Bagi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan peningkatan peruntukan bagi Tajuk ini disebabkan penyerapan beberapa unit kepada satu unit yang besar bagi penstrukturan jabatan yang lebih efektif dan berkesan.

Dalam masa yang sama penstrukturan ini juga menyerapkan dan menyatupadukan peruntukan keseluruhan yang melibatkan pemeliharaan dan pembersihan aset-aset bangunan dan kawasan-kawasan dalam Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Manakala bagi Daerah Tutong peningkatan berkenaan adalah:

i. Bagi mendukung program-program pemberigaan penguatkuasaan bagi meningkatkan kesedaran peniaga-peniaga mengenai peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini dan penguatkuasaan pembersihan di tempat awam dan premis-premis perniagaan di bawah kawalan Jabatan Lembaga Bandaran Tutong;

ii. Meningkatkan lagi kualiti restoran dan kedai makan di bawah kawalan Lembaga Bandaran dengan memberikan taklimat dan bengkel kepada pemilik pengurus dan restoran mengenai kepentingan meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan dan kebersihan premis dan pengendalian restoran dan kedai makan bagi meyakinkan pelanggan-pelanggan; dan

iii. Ialah menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan penyeliaan Gerai Malam, Gerai Ramadan di mukim-mukim dan Gerai Ramadhan Pekan Tutong.

Sekian sahaja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Perhubungan suka untuk membuat kenyataan selanjutnya.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Pada sebelah pagi tadi Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad ada menyentuh mengenai dengan peranan pengangkutan ataupun bas awam dalam sektor pelancongan khususnya dipanggil oleh Yang Berhormat sebagai Pelancongan Remaja atau *Youth Tourism*.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa ketika ini Kementerian Perhubungan telah melancarkan program Projek Peningkatan Bas Awam dengan hasrat untuk meningkatkan keberkesanannya. Projek ini bertujuan untuk membentuk semula sistem bas awam yang ada sekarang ada. Memastikan sistem yang baharu mempunyai *connectivity* dan *reliability*

iaitu perkhidmatan yang menghubungkan penumpang-penumpang ke tempat-tempat yang penting di negara ini dan yang boleh diharapkan ketetapan waktunya. Perkara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola akan terangkan lebih lanjut semasa giliran kaola untuk membentangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan nanti.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tertarik dengan contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi iaitu apa yang dipanggil perkhidmatan *Bus Hop on and Hop off.* Barangkali tidak dapat diertikan sebagai sistem bas mudah turun dan naik.

Amalan ini memang dimaklumi dan Sistem *Bus Hop on and Hop off* banyak diperkenalkan di bandar raya yang besar yang ramai pelancong dan ada juga antaranya diberikan dengan secara percuma. Perkara ini dapat dilaksanakan memandangkan industri pengangkutan negara berkenaan yang sudah jauh lebih pesat dan membangun.

Oleh yang demikian, kaola berpendapat bahawa idea untuk memberikan perkhidmatan *hop on hop off* pada masa ini bagi mendukung pelancongan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dapat dipertimbangkan apabila sudah tiba masanya nanti sesuai dengan pembangunan bandar dan juga meningkatnya pelancongan di negara ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan sebelum itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, atas maklumat-maklumat tambahan yang telah pun dikemukakan. Sekarang kita menyambung semula perbahasan kita mengenai Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Senarai yang terdapat pada saya ini nampaknya sangat panjang. Tetapi walau macam manapun, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang disampaikan di sebelah pagi tadi mengenai peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan juga pelan strategik yang telah dilaksanakan dan berbagai-bagai lagi usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyampaikan Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kod Akaun 002/003 dan juga Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan.

Pertama sekali kaola ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas usaha-usaha dalam memberigakan sektor pelancongan negara ini dan pengenalan baharu pakej-pakej pelancongan yang telah ditawarkan.

Kaola sudah merasakan kesan-kesan positif atas usaha-usaha sedemikian. Ini bukan sahaja telah menarik pelancong dari luar negara bahkan jua penduduk di negara ini. Kaola percaya ada banyak lagi usaha yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi mutu pelancongan di negara ini. Justeru itu, kaola sarankan agar usaha-usaha ini akan sentiasa diteruskan.

Kaola ingin menyentuh mengenai Istana Darussalam yang terletak di Kampung Sumbiling. Istana Darussalam, satu istana yang penuh bersejarah. Pada pendapat kaola, tidak ramai yang tahu bahawa istana ini adalah tempat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan. Pada pendapat kaola juga, istana ini boleh dijadikan mercu tanda, apatah lagi lokasinya yang berhampiran dengan Sungai Kedayan dan Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS). Justeru itu, adakah sebarang perancangan pihak kementerian bersama kementerian yang lain untuk menjadikan istana ini sebagai satu tempat destinasi pelancongan?

Kaola fikirkan ini wajar diberikan perhatian. Tambahan lagi pada masa ini Projek Mangkin seperti Projek Regenerasi Sungai Kedayan sedang giat dilaksanakan. Sudah setentunya ia akan membuka ruang atau platform untuk kerajaan meningkatkan lagi martabat Istana Darussalam yang bersejarah.

Seterusnya, sebagai salah satu cadangan Yang Berhormat Pengerusi. Bagi menarik pelancongan ke negara ini, kaola ingin menyarankan agar aktiviti-aktiviti penangkapan ikan di perairan Brunei untuk dijadikan tarikan sebagai salah satu usaha mengembangluaskan sektor pelancongan di negara ini.

Sebagai contoh, di negara jiran telah mengadakan taman laut bagi menjalankan aktiviti-aktiviti memancing untuk dijadikan tempat perlawanan memancing yang berprestij yang telah banyak menarik minat penggemar-penggemar memancing dari seluruh dunia. Kaola rasakan ini bukan sahaja akan menjadikan negara sebagai destinasi aktiviti memancing bahkan ia juga boleh menjana ekonomi negara dari aspek pelancongan. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola menjawab soalan Yang Berhormat ini, izinkan kaola membuat ulasan atau menambah jawapan kaola pada pagi tadi yang belum cukup terutama soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu:

1. Adakah keanggotaan dalam menjalankan operasi dan penguatkuasaan itu mencukupi? Sebagai jawapannya, Unit Penguatkuasaan adalah dalam setiap jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seperti Unit Permit dan Lesen, termasuk Renjer Hutan di Jabatan Perhutanan, Seksyen Penguatkuasaan Jabatan Perikanan dan Unit Penguatkuasaan Hidupan Liar. Walau bagaimanapun, jumlah keanggotaan penguatkuasaan di setiap jabatan dan bahagian kementerian ini adalah terhad. الْحَمْدُ لله dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak agensi-agensi penguatkuasaan yang lain secara bersepadu, proses penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan baiknya.

   Seksyen Penguatkuasaan adalah terdiri dari Jabatan Perikanan dengan kerjasama pihak Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Pasukan Polis Marin Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Kesemuanya telah berjaya menjalankan rondaan dan mengawal aktiviti-aktiviti *illegal fishing* termasuk pencerobohan nelayan asing.

   Unit Permit dan Lesen adalah termasuk Renjer Hutan, Jabatan Perhutanan dengan kerjasama anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Ukur dan Jabatan Tanah, mereka ini telah berjaya menjalankan rondaan dan mengawal aktiviti-aktiviti haram seperti *illegal lodging,* pencerobohan sempadan dan mencuri kayu gaharu.

   Selanjutnya, Unit Penguatkuasaan Hidupan Liar, Bahagian Hidupan Liar bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah berjaya menjalankan rondaan dan mengawal aktiviti-aktiviti haram seperti penyeludupan haiwan yang terkawal. Kerjasama ini disepadukan dalam beberapa jawatankuasa keselamatan seperti berikut:

   i. Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang-Undang (JKPU);

   ii. Jawatankuasa Koordinasi Rondaan Senegara;

   iii. Jawatankuasa Keselamatan SALIMBADA; dan

   iv. Jawatankuasa Keselamatan Kawalan Maritim (JKKM).

Mengenai soalan rondaan rutin Bahagian Hidupan Liar, Perhutanan dan Perikanan dalam kawasan-kawasan hutan dan marin, pemakaian pakaian seragam dan lencana.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan, Jabatan Perikanan dan Bahagian Hidupan Liar melaksanakan

rondaan-rondaan bagi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengambilan hasil hutan seperti kayu balak, gaharu dan bakau, hasil laut dan sungai dan hidupan liar.

Rondaan-rondaan ini dilakukan secara berjadual dan secara rawak termasuklah rondaan hutan melalui jalan darat, jalan laut dan sungai dan juga rondaan sempadan hutan negara melalui rondaan udara. Semua agensi penguatkuasaan di bawah kementerian ini sentiasa menggunakan pakaian seragam dan baju *vest* yang mempamerkan logo jabatan dan bahagian masing-masing semasa menjalankan rondaan. Selain itu, Jabatan Perikanan menggunakan pas pengenalan semasa menjalankan rondaan.

Mengenai mengadakan Akta Pemeliharaan bagi kerja-kerja pemeliharaan penanaman pokok-pokok di kawasan yang telah diusahakan oleh syarikat-syarikat perkilangan, untuk makluman Akta Pemeliharaan telah termasuk dalam Akta Hutan dan Dasar. Dasar Perhutanan menekankan setiap syarikat kilang papan memerlukan untuk menanam semula pokok-pokok yang ditebang sebagai praktisnya menebang 1 pohon diganti dengan menanam 4 pohon.

Mengenai pemberigaan Akta Perhutanan Hidupan Liar dan Perikanan menerusi jerayawara di sekolah-sekolah rendah dan menengah, memang kementerian sering membuat pemberigaan Akta Hidupan Liar, Akta Hutan dan Akta Perikanan secara rutin kepada orang ramai terutamanya kepada sekolah dan masyarakat.

Mengenai memasukkan subjek Perlindungan Hutan dan Hidupan Liar dalam silabus MIB di sekolah, perkara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dibincangkan kesesuaiannya dengan Kementerian Pendidikan.

Soalan status kolam ternakan udang di Daerah Tutong. Sebagai makluman di Kampung Sungai Paku beberapa tapak di bawah kawalan Jabatan Perikanan adalah seperti berikut:

1. Satu kawasan 13 hektar baharu ditawarkan kepada Syarikat Nur Nabai untuk mengusahakan penetasan ikan kerapu dan akan beroperasi tidak lama lagi. Syarikat Nur Nabai adalah *joint venture* antara syarikat dari Negara Brunei Darussalam dan sebuah syarikat dari luar negara, untuk mengusahakan penetasan ikan kerapu dan akan beroperasi tidak lama lagi dengan mengeluarkan anak-anak ikan kerapu pertama dalam bulan September 2017 ini;

2. Satu kawasan 25 hektar beroperasi sejak tahun 2011 oleh *Syarikat Golden Corporation* untuk mengusahakan ternakan udang rostris;

3. Satu lagi kawasan 40 hektar akan dibukakan secara *RFP* untuk industri ternakan udang laut dalam kolam;

4. Di kawasan Kampung Keramut, Telisai, terdapat sebuah kawasan 92 hektar sedang dioperasikan oleh 5 pengusaha udang dan 1 pengusaha penetasan ikan selonsong; dan

5. Manakala di Sungai Penyatang 200 hektar seperti yang telah dijelaskan tadi, tapak ini telah ditawarkan kepada sebuah syarikat pelabur asing iaitu *Syarikat Golden Corporation* dan dijangka akan membuat pungutan hasil pertama pada penghujung bulan ini.

Beberapa tapak baharu di Daerah Tutong telah dikenal pasti dan telah pun dipohonkan untuk digazetkan di bawah kawalan Jabatan Perikanan untuk ternakan udang laut dan dalam kolam dan penetasan ikan laut. Sekian sahaja sebagai jawapan untuk menyambung jawapan saya sebelah pagi tadi.

Bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun seperti berikut:

1. Untuk menjadikan Istana Darussalam sebagai satu destinasi pelancongan, sebagai jawapannya Istana Darussalam adalah salah satu daripada destinasi dalam Bandar Seri Begawan sendiri iaitu termasuklah juga *Royal Regalia*, Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Maritim Muzium, Kampong Ayer dan juga Istana Darussalam. Ertinya terkandung dalam pakej Bandar Seri Begawan. الْحَمْدُ لله terkandung juga dalam sekitar pembangunan ekokoridor di Kawasan Sumbiling dan Sungai Kedayan yang sedang berjalan rancak ketika ini إِنْ شَاءَ اللهُ dengan pembangunan kawasan di sekelilingnya Istana Darussalam akan menjadi lebih menarik daripada masa yang lalu, kerana terdapat kawasan-kawasan sekelilingnya yang tidak begitu bersesuaian. Sebagai jawapannya memang Istana Darussalam adalah salah satu produk yang terkandung dalam pakej Bandar Seri Begawan; dan

2. Mengenai cadangan aktiviti penangkapan ikan menjadikan tarikan pelancong. Memang di kawasan sangkar-sangkar ikan di kawasan Pulau Pelompong mungkin lebih jauh di Pulau Pilong-Pilongan sekiranya boleh satu masa dijadikan tempat destinasi pelancongan, ertinya untuk mengadakan penginapan bagi pelancong-pelancong dan seterusnya boleh melibatkan diri dengan aktiviti memancing ataupun memberi makan ikan ataupun menangkap ikan untuk dipasarkan.

Walau bagaimanapun, bagi aktiviti-aktiviti pertandingan memancing secara antarabangsa, perkara ini akan diteliti lagi disebabkan ada, memang ia bukan perkara baharu difikirkan, sudah lama tetapi memikirkan kesesuaiannya adakah kawasan kita lebih sesuai dari segi kedalamannya, segi keberadaan ikan yang sering digemari oleh peserta-peserta yang ikut bertanding itu.

Dibandingkan di negara-negara jiran bahawa kawasan perairannya lebih dalam dari tempat kita dan oleh yang demikian, boleh mengadakan lebih banyak ikan yang lebih besar, lebih menarik untuk mereka bertanding dengan tidak perlu pergi lebih jauh dari daratan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ bagaimanapun akan difikirkan. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah dijelaskan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola sukacita merujuk di bawah Tajuk SH01A – Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

1. Untuk menjana atau meningkatkan kualiti pelancongan khususnya di Daerah Belait yang penting ialah aksesibiliti iaitu kemudahan jalan raya. Di Daerah Belait banyak tempat yang berpotensi untuk dijadikan tarikan pelancongan. Contohnya *eco-tourism* seperti air panas di Mukim Sungai Sukang, *wasai-wasai* yang terdapat di Mukim Labi, rumah etnik puak di Kuala Balai dan tidak kurangnya di kawasan Sungai Teraban yang mendapat jolokan 'Pulau Hawai' adalah berpotensi untuk industri pelancongan.

   Setakat ini belum ada kalangan *investor* tempatan yang menerokai bidang *eco-tourism* pada skala yang besar, kalau adapun hanya secara kecilan sahaja. Kekuatan Daerah Belait adalah dari industri ini.

   Soalan kaola sudahkah ada perancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan khusus Bahagian Pelancongan mengenai perkara ini? Kalau ada bagaimana kementerian mempromosi perkara berkenaan dan apakah ada usaha ke arah mewujudkan industri pelancongan?

Seterusnya kaola beralih kepada Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan:

1. Mengenai isu kebakaran hutan yang melibatkan tanah gambut di kawasan Hutan Simpan setiap musim kemarau yang banyak merugikan kerajaan. Justeru itu, undang-undang perlu dibuat untuk orang ramai agar menjauhi kawasan hutan simpan. Orang awam kurang pendedahan mengenai perkara ini. Pemantauan hutan perlu digandakan terutama pada musim kemarau.

   Promosi di televisyen juga perlu dibuat oleh Jabatan Perhutanan mengenai hutan kitani.

   Kaola juga menyokong cadangan usul Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit mengenai jerayawara

bagi mendidik masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan hutan dan dalam kokurikulum sekolah perlu diterapkan dengan *environmental education* khususnya menjaga alam sekitar hutan hujan tropika dan dalam hal ini juga diusulkan supaya diujudkan Taman Negara di ulu Daerah Belait kerana ia sebahagian daripada *Heart of Borneo* seperti yang terdapat di Daerah Temburong.

2. Kedua, Jabatan Perhutanan ada mempunyai sebuah bangunan *biodiversity* di Andulau, Mukim Sungai Liang. Kaola ingin mengetahui apakah sebenarnya fungsi bangunan tersebut kerana ramai orang tidak mengetahui apa fungsinya dan ia kelihatan sunyi dan seolah-olah tidak mempunyai peranan. Maka diusulkan supaya diperbanyakkan aktiviti di bangunan tersebut supaya ia terserlah dan diketahui umum.

Seterusnya kaola beralih di bawah Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

1. Apakah situasi terkini penanaman Padi Laila? Apakah sudah boleh negara menjadi sara diri dalam penanaman padi? Bagaimana sambutan di dalam negeri dan apakah sudah ia menerokai pasaran antarabangsa?; dan

2. Bagi menggalakkan orang ramai bertanam padi hendaklah dikaji semula harga pembelian padi dari kerajaan agar banyak yang bermotivasi menerokai industri ini.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat atas soalannya. Tadi ada empat soalan, mana yang dapat kaola jawab awal, akan kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi *otherwise* kaola jawab kemudian sahaja.

Nampaknya semua Yang Berhormat berminat dengan bidang pelancongan, terima kasih. Memang banyak lokasi yang boleh kitani kembangkan sebagai destinasi pelancongan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. *By the way*, kementerian saya namanya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, bukannya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Jadi harap maklum.

Jadi misalannya ada Kampung Sukang, ada kawasan air yang menarik untuk dilawati, kawasan Wasai Labi, Kawasan Kampung Kuala Balai dan Kampung Sungai Teraban dan adakah perancangan pihak pelancongan untuk mengembangkan destinasi pelancongan? Adakah promosi-promosi itu telah dibuat? Jadi seperti yang koala tekankan tadi, kitani masih lagi mengukuhkan kekuatan kitani yang ada pada masa ini iaitu Brunei masih lagi terkenal dengan Kampong Ayer nya, Bandar Seri Begawan warisan dan sejarahnya dan juga Daerah Temburong sebagai destinasi *eco-tourism*.

Dalam jadual kementerian selanjutnya adalah untuk mengukuhkan produk-

produk di Daerah Tutong. Perkara ini sudah dimulakan oleh komuniti-komuniti di Daerah Tutong sendiri tetapi perlu sokongan yang kukuh dari kementerian ataupun Bahagian Pelancongan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan selepas itu barulah kita akan melaratkannya di Daerah Belait.

Di Daerah Belait seperti yang telah dikenal pasti kawasan Taman Perhutanan Luagan Lalak terdapat tasik yang sangat cantik dan juga terdapat hutan simpanan yang boleh dijadikan sebagai asas *eco-tourism* dan selanjutnya dalam perjalanan yang sama iaitu sepanjang jalan ke Labi mungkin ke Bukit Teraja juga akan di *develop* sebagai destinasi pelancongan sebagai satu pakej. Bukannya Bukit Teraja dan Luagan Lalak sahaja tetapi sepanjang jalan dari Sungai Liang sampai ke Rampayoh itu menjadi satu destinasi yang boleh dilawati mungkin sehari atau dua hari. Mungkin terpaksa bermalam sama ada di Rampayoh ataupun di Luagan Lalak itu sendiri.

Besar kemungkinan Kampung Sukang dan Wasai Labi akan terkandung dalam pakej berkenaan. Walau bagaimanapun, Kuala Balai dan Sungai Teraban diadakan satu pakej lain lagi. Dapat diadakan dua pakej atau 3 pakej untuk di Daerah Belait itu sendiri. Jadi itulah yang kaola sebutkan pagi tadi, ini memerlukan kerjasama daripada komuniti, Pejabat Daerah, dari ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu Mukim untuk sama-sama mengembangkan kekuatan produk masing-masing sebagai destinasi pelancongan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau ada keinginan daripada komuniti berkenaan, kementerian akan cuba untuk membantu. Jadi, masa ini kitani cuma membantu komuniti yang sudah ada menampakkan kegigihan mereka untuk mengembangkan mukim dan kampung mereka sebagai destinasi pelancongan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kalau ada peluang dan ruang untuk kementerian, kementerian akan lebih proaktif untuk meninjau tempat-tempat berkenaan untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan juga.

Yang Berhormat Pengerusi, buat masa ini kaola akan *skip* dulu mengenai tajuk hutan dan biodiversiti ini kerana lebih teknikal bagi kaola untuk menjawab soalan ini. Mengenai pertanian iaitu kedudukan padi Laila ketika masa ini sama ada sudah mencapai sara diri ataupun boleh dipasarkan ke pasaran eksport dan harga-harga pembelian daripada pihak kerajaan. Padi Laila sebenarnya mempunyai *yield* yang rendah berbanding dengan padi asli negara kitani seperti padi Pusu, padi Adan. Padi Laila itu mempunyai *yield* yang lebih tinggi iaitu 3 tan ke 4 tan padi setiap satu hektar.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kita sedang memperkenalkan padi Titih. Mulai hujung tahun ini kita akan memperkenalkan padi Titih. Ia mempunyai *yield* setiap hektar adalah 8 tan sehektar. Jadinya adalah lebih menguntungkan kepada petani-petani dan peladang-peladang kitani untuk

menukar daripada padi Laila kepada padi Titih mulai hujung tahun ini ataupun awal tahun depan kerana saiz tanah, air, tenaga buruh dan baja yang sama tetapi hasilnya lebih tinggi.

Lebih logiklah kepada peladang-peladang itu akan berpindah daripada padi Laila kepada padi Titih. Memang dasar kementerian untuk menambahkan keluaran tadi itu akan mencari benih padi yang boleh menghasilkan lebih padi dan lebih beras satu hektar.

Walaupun kita sedang memperkenalkan padi Titih untuk ditanam hujung tahun ini tetapi kementerian juga bercita-cita untuk mencari benih yang lebih tinggi hasilnya sehingga 12 ke 13 tan sehektar dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diperkenalkan pada tahun 2019. Walaupun sekarang ini jadi tujuan kita, tapi itu cuma sementara kita akan berpindah lagi dari benih padi yang lebih berhasil tinggi lagi.

Mengenai sara diri dengan padi Laila pun kita tidak berdaya mencapai sara diri dan kementerian pun sudah membuat perkiraan. Walaupun kita berpindah kepada padi yang menghasilkan 13 tan sehektar, 12 tan sehektar pun tidak akan mampu untuk mencapai sara diri. Kita memerlukan dalam 30,000 tan beras setiap tahun ertinya dalam 60 metrik tan padi setahun. Jika kita mengusahakan sebanyak lebih kurang 800 hektar yang ada ketika ini yang menggunakan perairan yang sistematik pun kita tidak akan mampu 100% sara diri. Paling banyak kita akan dapat mencapai 30% sara diri sahaja.

Persoalannya kementerian ketika ini, bukan memfokus kepada sara diri tetapi memfokus kepada produktiviti untuk memastikan peladang-peladang itu dapat menanam padi yang berhasil tinggi sehingga keuntungan mereka lebih besar daripada sekarang ini dengan kos yang sama.

Tujuan seterusnya ialah apabila mereka mendapat keuntungan yang besar sehingga mereka tidak memerlukan subsidi lagi dan sama juga dengan pembelian padi daripada peladang dengan harga $1.60 satu kilogram. Setelah diproses menjadi beras, cuma separuh sahaja menjadi beras yang baik dan beras ini akan dijual dengan harga $1.15 per kilogram. Ertinya kerajaan mengalami kerugian besar ketika ini.

Jika kita teruskan amalan ini, dinaikkan lagi, mungkin dengan keadaan ekonomi kita, harga minyak kita rendah masa ini, mungkin akan lebih membebankan kerajaan yang tidak akan berkesudahan. Itulah sebabnya kita memfokus kepada peningkatan hasil setiap hektar itu dengan tidak menambah kos yang signifikan dan keuntungan yang besar.

Mungkin satu masa bukan kita menaikkan harga pembelian daripada peladang itu, akan mengurangkannya tapi keuntungan peladang bukannya makin berkurang akan lebih besar lagi. Disebabkan kita tidak akan mampu untuk sara diri sepenuhnya dan akan memfokus eksport dalam perusahaan padi ini. Jika memang ada *market* untuk mereka eksport dan mengimport ke luar negara tidak dihalang, tapi memerlukan kebenaran daripada pihak autoriti.

Soalannya berapakah keuntungan *(yield)* kita pada tahun ini?, ertinya *yield* kita pada tahun ini akan bertambah dari 3 tan kepada 8 tan dan akan naik lagi kepada 13 tan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam tahun 2019 dan 2020.

Mengenai dengan perhutanan dan *bio-diversity* akan kaola jawab kemudian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Selamat Petang. Salam sejahtera. Pada petang ini, kaola akan menyentuh di bawah Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan. Seperti mana yang kita maklum bahawa kedatangan pelancong ke Negara Brunei Darussalam semakin meningkat setiap tahun. Ini menandakan Negara Brunei Darussalam telah diminati dan disenangi oleh pelancong-pelancong asing. Dengan kedatangan pelancong asing ini juga boleh meningkatkan ekonomi negara kita dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, sukacita mengetahui apakah perancangan dan inisiatif seterusnya Jabatan Pelancongan bagi menggalakkan kapal-kapal persiaran pelancongan supaya kerap singgah serta datang ke negara ini dan seterusnya tinggal lama di negara ini?

Seterusnya kaola merujuk Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan. Perairan di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan menghasilkan ekonomi kepada rakyat di negara ini, seperti ikan, udang dan sebagainya untuk mengekalkan hasil perekonomian laut.

Adakah perancangan Jabatan Perikanan untuk menambah, membuat takat-takat untuk membolehkan ikan-ikan membiak dan bertapak dengan teratur dan terkawal? Perkara ini, boleh mengekalkan pengeluaran ikan tempatan sentiasa berterusan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Mengenai apakah perancangan kementerian untuk menggalakkan kapal-kapal persiaran singgah dan tinggal lama di Negara Brunei Darussalam? Memang, kementerian menggalakkan Brunei menjadi persinggahan *cruise ship* ataupun kapal-kapal persiaran.

Untuk makluman, bahawa kapal persiaran ini, kebanyakannya bermula di Singapura dan mereka akan belayar, ertinya ke Brunei, Manila dan mungkin ke Vietnam dan terus balik ke Singapura, itu laluannya. Mereka ini selalunya aktif di rantau ini ketika musim sejuk. Kebanyakan pusat kapal persiaran ini di kawasan Mediterranean bukan di kawasan Florida, Amerika Syarikat. Jika musim panas mereka akan berada di sana dan jika musim sejuk baru mereka berada di sini. Memang tatacaranya, mereka ini singgah di mana-

mana pun cuma 10 jam sahaja, sama ada di Brunei, Manila, Vietnam ataupun Bangkok dan balik lagi ke Singapura cuma 10 jam sebagai persinggahan sahaja.

Di Singapura pun kebanyakannya pelanggannya datang melalui kapal terbang dari Eropah dan dari kapal terbang mengambil teksi terus ke kapal dan dari kapal terus mereka belayar. Begitulah dalam satu minggu. Tapi singgah dalam setiap bandar itu, memang untuk 10 jam sahaja. Itu memang cara mereka.

Jadi kita mengambil peluang walaupun dalam 10 jam itu, akan menggalakkan *travel-travel agent* ini untuk membawa mereka ke Bandar Seri Begawan untuk memperkenalkan di Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan, *Empire Hotel and Country Club* supaya mereka kenal Brunei secara tepat dan mudah-mudahan mereka akan datang lagi jika mereka betul-betul tertarik dengan apa yang mereka lihat secara sekejap sahaja semasa berada di Brunei.

Itulah cara kementerian untuk mengambil kesempatan daripada persinggahan 10 jam itu. Walau bagaimanapun, mereka ini sudah cukup tempat tidur, tempat makan, mereka tidak perlu makan kerana akan keluar setelah mereka sudah makan dan balik sebelum waktu makan di kapal itu. Jadi kita tidak dapat banyak berharap daripadanya tetapi bagus juga mereka singgah bagi salah satu cara mempromosi Negara Brunei Darussalam. Mengenai ikan adakah rancangan meletakkan takat-takat itu? Memang ia akan diteruskan usaha-usaha untuk membina lebih banyak takat lagi untuk dapat membiakkan ikan-ikan di kawasan perairan Brunei. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: الْحَمْدُ لله terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola akan menyentuh yang berkaitan dengan Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Dalam usaha memberikan jalan dan ruang bagi pencari pekerjaan bagi belia-belia yang memang tidak dapat berpeluang untuk meneruskan pelajaran sama ada mereka telah memilih untuk tidak meneruskan persekolahan. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah memberikan laluan dan kesempatan agar mereka ini akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di kampung seperti Jawatankuasa Pengawasan Kejiranan, Perekonomian

dengan melibatkan diri dalam Satu Kampung Satu Produk iaitu 1K1P.

Walau bagaimanapun, penglibatan dan penyertaan mereka ini agak minimal dan terbatas. Belia dan penduduk kampung lebih mempunyai keyakinan untuk mendapatkan pekerjaan atau aktiviti perekonomian yang lebih dapat menjamin kehidupan, yang dapat menyara kehidupan mereka. Salah satu aktiviti yang dapat memberi peluang dan keyakinan ini ialah aktiviti yang menjana perekonomian melalui pertanian sama ada bertanam buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman yang bernilai komersial dan berternak.

Walau bagaimanapun, apa yang kaola katakan ini mungkin terlalu senang untuk diperkatakan namun ianya adalah sebagai usaha untuk menangani masalah belia kampung dan penduduk kampung dan mukim yang sedang mencari pekerjaan.

Dalam konteks ini, mungkin Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberikan bantuan dan laluan menerusi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi merealisasikan hasrat ini seperti memberikan tapak tanah yang bersesuaian. Bantuan perkhidmatan ilmu berkaitan dengan cara bertani, cara berternak, cara menyemai dan kemungkinan teknologi terkini bertani seperti *vertical farming.* Jika mukim-mukim dan kampung-kampung diberikan kesempatan kemungkinan sara hidup terhadap komoditi sayur-mayur bahkan ternakan dapat dicapai dalam waktu jangka masa panjang dan sekaligus memberikan pekerjaan kepada belia-belia.

Kaola ingin menyentuh lagi mengenai cadangan kaola ialah khusus mengenai bajet bagi Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas usaha meningkatkan perkembangan stok ikan melalui akuakultur. Tidak dinafikan usaha ini telah dapat menyumbangkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu KDNK.

Kaola ingin menyokong seperti mana yang dihujahkan oleh rakan saya Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dimaklumkan yang stok ikan di perairan negara telah berkurangan. Kaola melihat sangat kurang usaha dalam mengatasi masalah stok ikan yang berkurangan di perairan ini.

Oleh yang demikian, dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin mengongsikan sinergi kehidupan ikan dan manusia ada persamaan dalam mencari tempat bermastautin seperti juga manusia. Ramai manusia akan bertapak dan bertumpu di satu tempat yang punca makanan yang banyak serta tempat kehidupan yang terjamin dan selamat. Bagi ikan, takat atau rumah ikan adalah tempat yang menarik ikan-ikan untuk bermastautin. Malah akan menarik ikan-ikan dari perairan lain untuk datang dan menetap di kawasan takat tersebut.

Tapi apa yang terjadi pada masa ini, takat-takat dan rumah ikan di perairan

negara ini telah habis musnah akibat penangkapan ikan yang tidak terkawal dan punca utama ialah kapal Pukat Tunda. Keadaan ini menyebabkan ikan-ikan di perairan Brunei tidak ada tempat berlindung dan membiak seterusnya lari ke perairan negara lain kerana di sana banyak rumah ikan yang baru dibina iaitu takat tiruan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Pengerusi, kaola mencadangkan Jabatan Perikanan supaya mengambil langkah yang serius untuk mengusahakan membuat takat tiruan dalam usaha kita menarik ikan-ikan singgah dan bermastautin di perairan kita dan menambah biak ikan-ikan itu. Kaola yakin dengan bertawakal kepada أَللهِ kita akan dapat meningkatkan stok ikan negara kita. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat dengan soalan-soalan yang diajukan.

Soalan pertama iaitu berkenaan dengan pekerjaan belia, mukim-mukim dan kampung-kampung selain daripada melalui Satu Kampung Satu Produk dan mengenai penglibatan belia atau siapa sahajalah dalam aktiviti bertani, berladang ataupun jadi nelayan adalah digalakkan, tiada halangan dan yang paling penting ialah kalau mereka mahu mendapatkan bantuan, bantuan teknikal terutamanya, sebaiknya mereka melaporkan diri atau mendaftarkan diri kepada Jabatan Pertanian ataupun Jabatan Perikanan.

Jadi dengan sendirinya, di sana mana-mana latihan yang dijalankan ataupun dirancang sepanjang tahun mereka boleh dipanggil untuk menghadirinya. Perkara ini memang berlaku ketika ini. Sesiapa sahaja yang ingin aktif dalam bertani, berladang kalau mereka tidak mendaftar mereka tidak akan tahu. Paling penting pertama sekali mereka mesti mendaftar.

Dari segi teknikal memilih benih, jenis tanaman yang berhasil tinggi dan teknik-teknik baharu ataupun lama yang boleh diamalkan boleh di*expose* dan selanjutnya diadakan program lawatan ke ladang-ladang yang sudah berjaya di seluruh negara untuk bakal petani dan peladang itu untuk ikut serta.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan sekolah teknikal iaitu *Wasan Teknikal School under IBTE* yang menjalankan kursus-kursus bagi orang kitani yang tidak melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik untuk belajar bagaimana cara bertani, berladang dan juga dalam sektor perikanan yang bererti tiada halangan dan peluang terbuka luas untuk siapa sahaja.

Mengenai tanah ialah pada masa ini kementerian sudah menawarkan tanah-tanah yang lengkap dengan infrastruktur dan separuh lengkap untuk diusahakan orang ramai dalam bidang pertanian ini.

Walaupun kiranya secara kecil-kecilan pun boleh jua kalau sekiranya ada peladang-peladang berminat untuk berladang dan mencuba salah satu aktiviti peladangan termasuk penanaman bunga-bungaan, buah-buahan, sayur-

sayuran dan *even* berladang ayam, kambing yang boleh ditimbangkan secara projek *pilot scheme*, ertinya diberi dahulu sedikit iaitu satu hektar atau dua hektar. Terpulang kepada apa jenis yang diusahakan dan kalau sudah berjaya ia boleh ditambah lagi.

Perkara ini sudah pun berjalan selama ini. Anak-anak muda telah diberi ladang seluas 2 hektar di kawasan Sinaut dalam usaha menanam tanaman *merunggai*. Jadi ini boleh dijadikan teh dan lain-lain lagi.

Dalam 2 hektar itu, kalau ia benar-benar mampu dan betul-betul serius, mereka akan diberi tambahan lagi tanah itu mungkin kalau banyak tetapi tidak diusahakannya payah jua, jadi ia baru bermula, beri dulu sedikit tapi 2 hektar itu besar dalam sekitar 5 ekar. Itulah jalannya kalau belia yang ingin serius untuk bergiat aktif dalam ladang akan diberi, yang tempohnya mungkin dalam dua ke tiga tahun, tidak boleh selama-lamanya. Dikhuatiri apabila diberi tanah mungkin akan disewakannya kepada orang lain. Itulah yang akan dikhuatiri nanti.

Berkenaan dengan perikanan, stok ikan yang berkurangan. Seperti yang kaola *mention* sebentar tadi, memang takat-takat telah pun dibina di kawasan perairan Brunei tapi lebih banyak lagi إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diusahakan. Seperti yang terdapat di negara-negara jiran, kaola akan mengusahakannya melalui Jabatan Perikanan bagaimana cara kitani melaksanakan perkara ini jua.

Mengenai aktiviti pukat tunda yang sedang berjalan pada masa ini, memang perkara ini bukanlah perkara yang disukai oleh kementerian dan juga Jabatan Perikanan. Malangnya kita ada pengusaha tempatan yang masih belum dapat berpindah daripada sistem pukat tunda kepada sistem penangkapan cara lain.

Kaola sedang berunding dengan pengusaha ini supaya berfikir cara lain untuk mencari sumber perikanannya itu. Namun tidak dapat jua terus menyekat rezeki mereka, tapi dengan kerjasama pihak Yang Berhormat sendiri sama-sama kita merayu mereka, supaya memberhentikan dengan sesegeranya praktis menggunakan pukat tunda ini.

Ia betul-betul tidak sesuai sedangkan negara jiran pun sudah mengharamkan penggunaan pukat tunda ini seperti Hong Kong dan Indonesia. Jadi kitani pun memberikan pendedahan kepada mereka supaya berpindah ke *aqua culture* ataupun cara menggunakan *vessel* lain di laut dalam untuk menyambung perusahaannya itu. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan bercakap mengenai Tajuk SH04A dan Tajuk K24150 – Perkembangan Produk Pelancongan.

Kaola akan menyentuh mengenai pelancongan. Kaola merasa gembira yang Daerah Tutong juga akan dimasukkan dalam rancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk dimajukan dalam industri pelancongan. Kaola percaya potensi Daerah Tutong sebagai eko-pelancongan kerana adanya keindahan semula jadi seperti Sungai Tutong, wasai-wasai yang terdapat di mukim-mukim dan tempat rekreasi seperti Taman Anak Pulau Bukit Ukub, yang terdapat pengusaha yang mengusahakan Rumah Gayoh yang pada masa ini sentiasa dikunjungi oleh pelancong-pelancong dari luar negara iaitu dari Jepun, Itali dan Amerika. Walaupun mereka datang secara tidak ramai iaitu 4-5 orang satu kumpulan iaitu untuk merasa bagaimana kehidupan dalam hutan dan tidur dengan menggunakan lampu cara lama.

Begitu juga Taman Rekreasi Sungai Basong terdapat rumah-rumah puak Daerah Tutong tetapi perlu kepada pembaikan dan kawasannya diperluaskan untuk menempatkan aktiviti-aktiviti yang menggambarkan cara hidup puak-puak yang terdapat di Daerah Tutong.

Ada baiknya kaola cadangkan Daerah Tutong dijadikan identiti iaitu menempatkan rumah-rumah budaya bagi semua puak di Negara Brunei Darussalam. Daerah Tutong juga terdapat pantai-pantai seperti Pantai Seri Kenangan, Pantai Kampung Danau dan juga Pantai Kampung Penanjong. Kaola mencadangkan rekreasi yang sudah dikenali Tasek Merimbun difokus untuk dibangunkan lebih dahulu sebagai produk destinasi pelancong dengan dimajukan oleh pihak kerajaan ataupun swasta. Saya berkeyakinan bahawa kesan daripadanya bukan sahaja ekonomi penduduk persekitaran meningkat tetapi penduduk mukim dan kampung yang menjadi laluannya dapat menjana ekonomi seperti hasil-hasil produknya, kerana pada masa ini Daerah Tutong nampaknya kurang dikunjungi mungkin kerana tidak terdapat industri yang besar.

Maka dengan adanya industri pelancongan dihidupkan di daerah Tutong, dengan sendirinya Daerah Tutong akan sentiasa dikunjungi bukan hanya setakat persinggahan. Dengan itu, segala produk Majlis Mukim dan Kampung, perhotelan dan rumah-rumah penginapan yang terdapat di daerah Tutong akan dikunjungi dan dapat meningkatkan ekonomi penduduk yang berada Daerah Tutong.

Kaola juga ingin menyentuh Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan.

Bermula pada tahun 2008 kegiatan menanam pokok gaharu agak rancak diusahakan oleh orang-orang yang berminat menanam di tanah-tanah persendirian atau *TOL*. Pada peringkat awal pengusaha berminat menanam pokok gaharu yang diimport dari luar negara iaitu dari sama ada dari Malaysia (Kelantan) dan Thailand iaitu sejenis spesis *subintegra* yang dijual dengan harga $13.00 sepohon dan boleh ditanam satu ekar lapan ratus ke seribu

pohon dan tempoh matang atau boleh dituai 5 ke 8 tahun. Sepengetahuan kaola ada yang menanam sampai kedua ribu pohon. Beberapa tahun kemudian, Jabatan Perhutanan tidak menggalakkan lagi untuk menanam pokok yang diimport ini kerana ingin mengetengahkan pokok gaharu Brunei Darussalam. Maka, selepas itu pengusaha hanya menanam pokok gaharu tempatan yang dikenali spesis *thymelaecae* yang tumbuh liar di hutan-hutan tertentu negara kita dan tempoh matangnya berbelasan tahun.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebahagian besar penanam pokok gaharu, kerana terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan dan pujukan penjual yang menjual anak pohon gaharu yang mengatakan menanam pokok gaharu akan mendapat pulangan yang lumayan.

Maksud kaola, penjual hanya menjual pokok gaharu tetapi tidak memberi susulan atau ilmu bagaimana untuk mendapatkan hasil produk dari penanaman pokok gaharu tersebut apabila matang, seperti mendapatkan teras gaharu, minyak gaharu asli, minyak wangi daripada pati gaharu, keping-keping kecil untuk terapi, aroma dan hasil kraftangan.

Kaola mencadangkan dan mengharapkan supaya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan membantu pengusaha yang sebahagian besarnya warga emas untuk diberikan bengkel atau kursus dengan mendatangkan pakar-pakar dari negara jiran atau pegawai-pegawai dari Jabatan Perhutanan sendiri untuk menimba ilmu yang mendatangkan hasil produk daripada pokok gaharu tersebut dengan mengenakan bayaran.

Sekurang-kurangnya mereka tahu bagaimana membuat pokok gaharu mereka yang sudah matang menjadi *stress* dan sakit untuk mendapat bahan mentah dan teras atau pati minyak gaharu yang harga pasaran di Brunei Darussalam dijual $120.00 setiap 3ml, sementara teras mengikut kualiti pokok tersebut. Tidak mustahil satu masa nanti negara kita menjadi pengeksport gaharu, jika pengusaha diberi pertolongan dan bantuan ilmu tersebut. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat atas soalan yang diajukan. Soalan pertama mengenai pelancongan. Berhubung tapak kawasan seperti Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan dan beberapa kawasan lain di Sungai Tutong memang berpotensi untuk dimajukan. Seperti yang sudah di *establish* pada masa ini Taman Rekreasi Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan, malah di kawasan Pekan Tutong sendiri sangat sesuai untuk dikembangkan lagi untuk destinasi pelancongan Daerah Tutong sebelum kita melarat ke tempat lain, dikhuatiri rencam ke sana ke mari nanti tidak ada satu pun yang berjaya.

Selanjutnya destinasi Tanjong Maya, kawasan Kampung Kiudang, Lamunin dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ Bintuduh memang ada

aktiviti komuniti yang boleh kitani jadikan dalam satu pakej untuk satu hari atau dua hari. Walaupun sebahagian besar Sungai Basong, Pekan Tutong dan Pantai Seri Kenangan itu bukan di bawah kawalan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan untuk sama-sama menawarkan kawasan berkenaan di*develop* oleh pelabur-pelabur untuk mereka mengurus dan memelihara untuk dijadikan destinasi pelancongan dengan mengadakan bazar-bazar atau pun kiosk-kiosk untuk disewakan kepada orang ramai untuk menjual hasil kraftangan dan cenderahati di kawasan berkenaan. Perkara ini sudah sedia untuk ditawarkan kepada orang ramai untuk dilaksanakan oleh mereka.

Tasek Merimbun juga bukan di bawah kawalan kementerian. ia adalah di*consider* sebagai *heritage* di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sama juga kitani belum dapat menjangkau jauh selagi kitani belum dapat mengukuhkan apa yang ada di kawasan Pekan Tutong di Basong, Pantai Seri Kenangan, Tanjong Maya, Kiudang dan Kampung Menengah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dilihat semula dengan bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk bagaimana kita memajukannya tanpa mengubah status *heritage* dan menjadikannya jua destinasi pelancongan.

Selanjutnya jua di Daerah Tutong, sepatutnya komuniti memberi kerjasama, Jabatan Daerah dan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung sama-sama juga *develop* untuk menjadikannya sebagai destinasi yang terkenal kerana ia melibatkan komuniti. Misalannya, kenapa di Daerah Temburong ada wajid Temburong dan cendol Temburong, kenapa di Daerah Tutong tidak di *develop* tapai Tutong, pulut panggang Tutong seperti terkenalnya wajid Temburong. Jangan berharap semuanya kepada kerajaan, cubalah komuniti itu sendiri mencari jalan supaya mereka dapat mengembangkan produk mereka seperti yang terdapat di Daerah Temburong. Mungkin umai dan *bamboo chicken* boleh dimajukan di Daerah Temburong barangkali mungkin ada daripada etnik-etnik dari Daerah Tutong yang boleh dikembangkan sebagai terkenal bukan sahaja dijual di dalam negara tetapi dijual di luar negara ataupun dijual di persinggahan yang melalui Brunei.

Mengenai gaharu. Tadi ada disebutkan Jabatan Perhutanan telah menegah penebangan pokok gaharu beberapa tahun yang lalu. Sebenarnya beberapa tahun yang lalu juga, kementerian telah pun membolehkan peladang-peladang mengusahakan penanaman dan penebangan gaharu secara terkawal. Sebenarnya perusahaan gaharu dan perusahaan membuat minyak wangi daripada gaharu ini memberi pulangan yang lumayan kerana ia di bawah beberapa jabatan dan kementerian untuk mengembangkannya.

Di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ia jatuh di bawah Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Di bawah Kementerian Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian ia jatuh di bawah kategori *cottage industry*. Di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ia jatuh di bawah *downstream* perhutanan. Mereka ini sangat beruntung.

Kaola di Kementerian merasa pengusaha yang aktif dalam bidang gaharu ini lebih pakar daripada pegawai-pegawai kaola sebenarnya. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola akan cuba kalau ada kelebihan daripada mereka untuk mengongsikan pengetahuan berkenaan macam mana cara mengembangkan industri perusahaan gaharu ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dulu untuk kita berehat selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat. Sekarang Majlis bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membolehkan kita meneruskan untuk mempertimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebagaimana yang kita ketahui kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya masih lagi mempunyai senarai yang panjang yang telah memberi notis untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk ini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Pertama-tama kali kaola lebih dahulu merakamkan dan mengucapkan ribuan terima kasih atas taklimat mengenai rancangan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebelah pagi tadi.

Kaola dalam majlis yang mulia ini ingin menyentuh Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan dalam anggaran perbelanjaan 2017/2018 Kod Akaun 003/002 – Ternakan Udang dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara 1103 – Perikanan, 001 – Industri Ternakan Udang Fasa IV.

Seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebelah pagi dan sebentar tadi terdapat pemeliharaan

udang galah di Daerah Tutong dan terdapat juga syarikat yang telah pun mengusahakannya.

Seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa Daerah Temburong sudah terkenal dengan udang galahnya. Permintaannya memang agak baik, sehingga tidak dapat memenuhi permintaan orang ramai. Harganya pun melambung tinggi. Kaola difahamkan juga memang sudah ada usaha menternak udang galah air tawar di Sungai Temburong yang diusahakan oleh anak tempatan. Seperti yang ditaklimatkan tadi, Daerah Temburong tidak termasuk dalam rancangan pemeliharaan udang galah. Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya:-

1. Apakah langkah-langkah dan rancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mengatasi kekurangan udang galah di Daerah Temburong?; dan

2. Dipohonkan juga pengusaha-pengusaha udang galah di Daerah Temburong ini diberikan peluang juga menternak udang galah terutama memberikan bantuan sokongan penternak yang sedia ada dan menghidupkan semula kolam ternakan udang galah yang terdapat di Kampung Selangan yang suatu ketika dulu sudah pernah diusahakan dan mengeluarkan hasil.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berikut kaola ingin menimbulkan dan menyentuh Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 Kod Akaun K24007 dalam Perbelanjaan Khas Projek Penanaman Padi.

Sebenarnya kaola juga ingin menyentuh mengenai pengeluaran padi negara kita seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Haji Mohd Siput dan telah pun mendapat jawapan panjang lebar dari Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, jadi kaola tidaklah menyentuh mengenainya. Walau bagaimanapun, kaola ingin meneruskan dalam tajuk yang sama mengenai ladang padi di Daerah Temburong. Kaola ingin juga mengetahui perkembangan ladang pertanian padi di Kampung Perdayan dan juga di Kampung Senukoh. Berikut kaola ingin juga menyentuh KPLB (Kemajuan Pertanian Luar Bandar) bahawa di Daerah Temburong sekarang ini terdapat 5 buah ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar yang telah pun beroperasi. Kaola ingin bertanya:-

1. Mengenai dengan keahlian KPLB sebagai contoh ada pengusaha asal sudah menjual kepada pengusaha yang baharu; dan

2. Kedudukan jalan masuk ke ladang tersebut, contohnya KPLB Kampung Meniup tidak dapat dimasuki oleh kenderaan menyebabkan ladang-ladang tersebut sukar untuk didatangi. Kaola bercadang sudah tiba masanya konsep KPLB dan peraturan-peraturannya ditunduki dan dinilai semula mengikut

perkembangan masa kini sesuai dengan Pelan Strategik 2016-2020 Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan.

Akhir sekali, kaola juga berminat menyentuh dalam Tajuk SH06A K24150 – Perkembangan Produk Pelancongan. Dalam kesempatan ini, kaola lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan kerana telah mempromosikan Daerah Temburong sebagai *eco-tourism* yang menarik di negara ini.

الْحَمْدُ لله pada masa ini Daerah Temburong sudah pun terkenal dengan nama beberapa produk eko-pelancongan ini seperti Taman Negara Ulu Belalong, Bukit Patoi, memancing udang galah di pondok memancing dan riadah MPK, Belais dan Buda-buda. *Homestay* Lubuk Batu Emas, Rumah Panjang, Tasek Buluh Air Merah, Sibut dan lain-lain lagi.

Dalam kesempatan ini kaola memaklumkan dan bercadang seperti berikut:-

1. Supaya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melibatkan secara aktif koperasi pelancongan di Daerah Temburong;

2. Mempromosikan lebih kerap melalui media masa serta kerap mengadakan rancangan bersama dengan melibatkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seperti yang dijelaskan tadi; dan

3. Kaola mengharapkan dalam rancangan eko-pelancongan yang ditawarkan oleh kementerian ini, pengusaha-pengusaha pelancongan di Daerah Temburong akan diberikan peluang dan kesempatan yang sama. Mudah-mudahan mereka yang berminat akan merebut peluang tersebut dengan sebaik-baiknya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang diajukan tadi. Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menjawab dahulu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput sebentar tadi sebelum kita berehat.

Mengenai fungsi dan peranan pusat *bio-diversity* di hutan tropika di Andulau. Adapun peranan pusat ini ada 3:

1. Pusat yang menyimpan maklumat mengenai kepelbagaian sumber *bio-diversity* negara;

2. Sebagai pusat pengendalian aktiviti-aktiviti *research and development* dalam sumber biologi, di bangunan ini menyediakan beberapa buah makmal untuk diguna pakai bersama dengan institusi-institusi pendidikan dari dalam dan luar negara; dan

3. Bagi mendukung eko dan *education tourism*.

Dalam bangunan tersebut terdapat ruang pameran yang mempamerkan mengenai kepelbagaian sumber hutan dan *bio-diversity*.

Pusat ini telah dibukakan bagi kunjungan orang ramai sama ada pelancong dan penuntut-penuntut sekolah untuk *educational visit*. Di samping itu, pusat ini juga telah mengendalikan aktiviti-aktiviti kajian bersama dengan institusi-institusi pendidikan luar negara. Antaranya seperti kerjasama penyelidikan dengan pihak *Centre for Agriculture and Bio-Science International (CAB International).*

Sebagai usaha bahagian ini juga sedang membuat perundingan awal dengan Universiti Brunei Darussalam untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti penyelidikan menggunakan kemudahan makmal yang terdapat di bangunan ini dengan rakan potensi dari Korea. Dalam kesempatan ini, pihak kementerian juga mengalu-alukan orang ramai termasuk penuntut-penuntut sekolah untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke pusat ini.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Kaola akan menjawab sebahagian sahaja dan sebahagiannya lagi akan kaola jawab kemudian, Yang Berhormat Pengerusi. Bagi kekurangan udang galah di Daerah Temburong dan apakah usaha-usaha kementerian untuk membanyakkan lagi udang galah yang dihasilkan di Daerah Temburong, ini melibatkan juga penduduk-penduduk Daerah Temburong dalam usaha udang galah ini. Kekurangan udang galah di Daerah Temburong kebanyakannya adalah disebabkan tangkapan yang berlebihan, tidak terkawal. Misalannya penangkapan udang galah yang masih lagi muda, belum matang untuk ditangkap dan juga penangkapan udang indung yang sepatutnya untuk membiak tapi juga ditangkap dengan digunakan ataupun dijual.

Bagaimana cara kita untuk menambahkan stok udang galah di Sungai Temburong. Antaranya:-

1. Melepaskan anak-anak udang galah di perairan yang tertentu di Sungai Temburong;

2. Sedang berjalan pada masa ini ialah menggunakan sistem akuakultur iaitu menggunakan kolam di kawasan Kampung Selangan. Sudah ditawarkan sebahagian tanah untuk pengusaha untuk mengusahakan penternakan udang galah secara berkolam;

3. Kerjasama dari beberapa tempat lain seperti di Rampayoh. Ini bukanlah inisiatif kementerian, tetapi ini adalah inisiatif *private sector* iaitu pengusaha di Rampayoh mengadakan kolam memelihara udang galah;

4. Di samping mengadakan kemudahan untuk penetasan udang galah, anak udang galah yang dihasilkan di Kampung Rampayoh digunakan untuk sama ada dilepaskan untuk Daerah Temburong dan juga

untuk dibeli oleh pengusaha yang menggunakan kolam di Daerah Temburong dan lain-lain lagi.

5. Sebenarnya kekurangan udang galah bukan sahaja di Daerah Temburong tetapi di seluruh Negara Brunei Darussalam. Kementerian menggalakkan siapa sahaja untuk yang ingin berkecimpung dalam pemeliharaan udang galah terutamanya melalui sistem berkolam ataupun bertangki; dan

6. Misalannya, yang kita dengar baru-baru ini iaitu tiga hari yang lepas seorang pelabur *joint venture* dari Singapura dan Brunei akan mengadakan *vertical farming* perikanan di Kampung Sungai Jambu juga akan bercadang untuk memelihara udang galah juga secara berkolam dan berteknologi moden.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ beberapa tahun akan datang kekurangan udang galah mudah-mudahan akan dapat kita atasi. Sama juga kita tidak pernah menghalang mana-mana pihak dari Daerah Temburong atau di tempat lain yang berminat untuk belajar, aktif dan mahu terlibat dalam mengusaha udang galah adalah dialu-alukan dan jika perlu mereka mendaftar untuk diadakan sesi latihan dan lawatan di beberapa tempat yang sudah berjaya mengusahakan penternakan udang galah ini.

Soalan yang kaola akan jawab seterusnya adalah berkenaan dengan pelancongan. Cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Sabtu tadi untuk Jabatan Kemajuan Pelancongan melibatkan koperasi pelancongan di Daerah Temburong untuk terlibat dalam industri pelancongan.

Memang kita menggalakkan sesiapa sahaja untuk terlibat dalam aktiviti pelancongan ini dan kita berasa kagum sebabnya di kawasan dari ke Kampung Batang Duri hingga ke taman ulu-ulu itu pengusaha yang menjalankan bot iaitu bot yang membawa pelancong ke Kampung Batang Duri, ke ulu-ulu itu diusahakan oleh belia yang tinggal di kawasan kampung berkenaan. Kebanyakan aktiviti pun melibatkan banyak belia di Daerah Temburong dan begitu juga aktiviti-aktiviti yang lasak.

Ada juga kaola dapati orang-orang yang sudah menyediakan kenderaan bagi pelancong-pelancong, sama ada menggunakan bas ataupun teksi untuk membawa pelancong dari bandar ke Kampung Batang Duri dan dari Kampung Batang Duri menggunakan bot ke ulu-ulu. Jadi tidak ada halangan untuk penglibatan belia. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،
اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, dalam kesempatan ini kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam perancangan dan pelan tindakan kementerian memperkasa ekonomi Negara Brunei Darussalam, إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan berjaya.

Kaola akan membawakan Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Adakah Jabatan Kemajuan Pelancongan merancang menawarkan tapak pelancongan untuk dimajukan tapi seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi memang ada. Dicadangkan supaya tapak-tapak pelancongan yang berpotensi ditawarkan kepada pelabur tempatan dan dipohonkan tapak-tapak berpotensi seperti pantai-pantai, tasik-tasik di pedalaman dan di mana juga berpotensi untuk dikomersialkan.

Dicadangkan juga Jabatan Kemajuan Pelancongan akan membuat usaha *join-venture* memajukan satu tapak pelancongan bersama pelabur tempatan dengan kadar peratus yang dipersetujui. Kaola kira ini boleh membantu menjadikan Jabatan Kemajuan Pelancongan tidak memerlukan peruntukan yang tinggi tetapi mampu menjadikan industri pelancongan sebagai industri yang berkembang maju di Negara Brunei Darussalam melalui Unit Perniagaan Jabatan Kemajuan Pelancongan, jika ada.

Kaola juga memohon untuk memberi keutamaan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berminat untuk menjadikan pelancongan sebagai aktiviti perekonomian seperti MPK Kilanas yang mencadangkan tapak Bukit Dadap yang terdapat *wasai* untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Juga dipohonkan bantuan peruntukan untuk memajukan tapak pemusatan ternakan kelulut. Kami akan memohon pusat tapak yang dikenal pasti, Ternakan kelulut di samping menghasilkan madu ia juga berpotensi sebagai destinasi pelancongan.

Seterusnya Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Dengan Peruntukan 2017/2018. Diharapkan pembayaran padi kepada pengusaha-pengusaha akan mengikut jadual sepatutnya. Sesungguhnya pembayaran padi ini sangat-sangat diharapkan dan ditunggu-tunggu oleh pengusaha-pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Dalam projek ekonomi khususnya, salah satu objektif Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah mengurangkan kebergantungan pada bantuan-bantuan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam.

Adakah juga perancangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk menambah sumber air irigasi bagi keperluan irigasi tadahan ladang-ladang padi dalam Mukim Pengkalan Batu? Dicadangkan juga memperkasa fungsi Unit Penguatkuasaan Jabatan Pertanian daripada penggunaan racun-racun kelas 1 dan 2, yang membahayakan

pengguna mengikut maklumat dari ladang-ladang sayur dan sayur import. Jika ini tidak dipantau, akan membahayakan pengguna.

Seterusnya Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Dipohonkan penglibatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung khususnya Zon 5, untuk mengambil kayu-kayu hutan yang terpilih dan teras kayu di hutan dan sungai-sungai untuk menghasilkan kraf tangan dan *furniture* yang bersesuaian. Kraf tangan yang giat diusahakan pada masa ini ialah pembuatan sarung dan ulu parang dan kraf tangan yang berasaskan kayu.

Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Kaola mencadangkan supaya:-

1. Pemantauan keselamatan hasil-hasil perikanan khususnya yang diimport, mengelakkan ikan-ikan sama ada yang segar dan kering daripada pencemaran kimia-kimia yang tidak wajar;

2. Pemantauan harga-harga hasil perikanan. Ini bagi kepentingan pengguna dan peniaga supaya keyakinan pengguna khususnya kepada peniaga tempatan, ini boleh membantu mereka supaya akan lebih berjaya; dan

3. Peruntukan sumber tenaga manusia bagi Unit Penguatkuasaan ditambah jika masih kekurangan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan yang tadi itu. Soalan yang ditujukan itu terlalu banyak Yang Berhormat Pengerusi, mungkin tidak dapat kaola jawab kesemuanya dan akan dijawab lain kali.

Mengenai Bahagian Pelancongan untuk menambah tapak pelancongan untuk diusahakan/ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan.

Seperti yang kaola maklumkan tadi, memang ada sudah tawaran-tawaran dibuat. Misalannya tahun lepas sudah membuat pelaburan memajukan, mengoperasi dan memelihara *The Berakas Forest* (Pusat Rekreasi Hutan Simpan Berakas) yang ditawarkan pada 19 Januari 2016, cuma 2 peserta yang *submit* tetapi tidak sesuai. Ditawarkan semula pada 20 Jun 2016, cuma seorang sahaja yang ikut serta tetapi cadangannya juga tidak bersesuaian, jadi tidak diteruskan. Ertinya kita mahu memelihara hutan itu sebagai hutan dan destinasi pelancongan, bukan untuk membuat hotel atau tapak lain, jadi tidak dibenarkan kerana masih lagi hutan. Cuma kawasan *public area* itu akan kitani tawarkan kepada orang ramai untuk memajukannya supaya orang ramai yang pergi ke sana tidak perlu melibatkan kerajaan untuk memeliharanya.

Jadi yang selanjutnya, kementerian telah menawarkan untuk dibuat pelaburan, dibangunkan dan dioperasi

dan juga dipelihara Pusat Pelancongan dan Kebudayaan di Kampung Lorong Sikuna dan juga membangunkan sekelilingnya. Ditawarkan pada 15 September 2016, hanya 11 orang yang mendaftar tetapi cuma 2 orang sahaja yang menghantar cadangan dan akhirnya satu cadangan telah dipilih dan masa ini untuk diteruskan tetapi analisis yang dibuat oleh kementerian dan juga pemaju, sebenarnya tidak menguntungkan. Ia terpaksa memilih tempat lain lagi untuk menambah keuntungannya, kalau tidak perkara ini tidak akan berjalan juga.

Berhubung dengan tawaran dibuat untuk melabur, membangun operasi dan *maintain The Sibonghutan* di Kampung Tanah Jambu. Terdapat 2 peserta dan sokongan pun telah dibuat kepada satu cadangan dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan di *interview* kalau benar-benar ia berkeupayaan. Permohonan ini daripada lokal dan akan diserahkan kepada mereka untuk memajukannya sebagai satu destinasi pelancongan, *eco-tourism* juga. Jadi ertinya memang tawaran terbuka kepada sesiapa sahaja yang dapat membuktikan kemampuan mereka untuk melaksanakannya.

Kedua, memajukan kawasan-kawasan perundingan kampung seperti di Bukit Dadap, Kilanas dan lain-lain itu. Jadi ini pun, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan dilihat dikaji semula, disebabkan permintaan ini banyak di Kampung Kuala Balai, di Kampung Labi, di Kampung Rampayuh, di Kampung Bukit Dadap dan di Kampong Ayer. Jadi Kementerian terpaksa melihat yang berpotensi dan boleh digunakan secara *PPP* lagi bagus ataupun cara menggunakan komen teks sendiri untuk *develop* lebih bagus daripada mengharapkan kerajaan. Kalau inda semuakan meminta kemudian satu pun tidak dapat. Sebab itu kaola akan memfokus mana yang lebih fleksibel yang boleh dibuat dengan sempurna dan berbaloi serta boleh membawa pelancong-pelancong ke dalam negara akan diteliti إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ.

Pusat Tapak Perniagaan Kemajuan Madu Kelulut ini. Dimaklumkan awal tadi pasaran madu kelulut ini paling beruntung juga sama dengan gaharu. Misalnya ia di bawah 3 jagaan iaitu di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu di bawah satu Kampung Satu Produk, industri, *cottage-industry* dan perhutanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di bawah *downstream*.

Berkaitan dengan tapak adalah lebih baik abiskita berunding dengan pihak perindustrian. Sama ada tapak itu di kampung sendiri ataupun tapak yang sudah ada infrastruktur. Jadi tidak payah lagi menyediakan belanja untuk *upgrade* elektrik, air dan sebagainya. Mungkin ada tapak-tapak yang sudah sedia ada untuk mereka ke sana sahaja tidak perlu ke tempat-tempat baharu. Barangkali lebih baik berunding dengan pihak *DARe*?

Mengenai pembayaran Pertanian padi supaya mengikut jadual. Pihak Kementerian memohon maaf kerana peruntukan pada tahun lepas itu tidak mencukupi disebabkan pengeluaran

padi itu meningkat. Walau bagaimanapun perundingan telah pun dibuat dengan Kementerian Kewangan untuk pembayaran dibuat dengan segeranya kalau boleh tahun ini.

Adakah rancangan untuk penambahan sumber pengairan bagi Mukim Pengkalan Kota Batu?. Jadi pengairan yang asas atau sumber pengairan kawasan berpadi di Daerah Brunei Muara keseluruhannya adalah di kawasan *Emang Dam* (Empangan Emang) dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 telah pun dipohonkan untuk mendalamkan lagi ampangan itu supaya kapasiti air yang ditampungi itu bertambah. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ persetujuan telah pun dibuat dan akan diusahakan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11. Dengan demikian selaras dengan aspirasi untuk menambah *yield,* menambah hasil per hektar itu memerlukan banyak air. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perundingan telah dibuat dengan pihak tertentu untuk menjadi keutamaan.

Mengenai Penguatkuasaan pengurangan racun kelas 1 dan kelas 2, ada baiknya saya nanti kembali dengan soalan ini Yang Berhormat Pengerusi. Soalan perhutanan dan juga perikanan pemantauan dan penyamaran dan *enforcement* akan disentuh kemudian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mengemukakan seperti berikut:-

1. Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan. Dalam usaha membantu dan memudahkan nelayan-nelayan di Mukim Seria dicadangkan supaya penempatan penurunan perahu nelayan dan kemudahan tempat letak perahu nelayan dicadangkan akan dapat disediakan bagi kemudahan penurunan penaikan perahu dan penyimpanan perahu nelayan di suatu tempat di pinggir kawasan yang difikirkan sesuai misalannya kawasan berdekatan Kuala Sungai Seria iaitu kawasan Lorong 7 Mukim Seria. Sejak 2 tahun yang lalu telah dipohonkan oleh nelayan-nelayan ini, tetapi belum mempunyai tempat yang tetap, mungkin juga belum ada tempat yang boleh dikenal pasti oleh pihak Jabatan Perikanan. Yang Berhormat Pengerusi mohon perkara ini mendapat perhatian dan pertimbangan;

2. Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Nampaknya kaola sukar juga untuk bercakap mengenai penanaman padi di kawasan abis kaola. Jadi sebagaimana kaola difahamkan bahawa petani-petani penanam padi di Kampung Lalit, Lumut 1 Mukim Liang mempunyai sawah-sawah padi boleh dikategorikan bersifat tradisi walaupun tapak sawah tersebut telah

dibuka oleh pihak Jabatan Pertanian sejak 5 tahun yang lalu.

Dalam hemah kaola wajarlah dibantu untuk dijadikan sawah padi bertaraf sawah sebenarnya terutama pemeliharaan saliran-saliran semasa musim-musim hujan supaya tidak akan mengalami banjir yang menyebabkan tanaman padi tenggelam seperti sawah padi di Kampung Lalit Lumut 1 di Mukim Liang ini. Sebagai contoh pada tahun ini sahaja oleh sebab musim hujan menyebabkan terdapat 2 kali sawah padi itu tenggelam dan menyebabkan penghasilannya berkurangan daripada kebiasaannya; dan

3. Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan. Di Kampung Sungai Liang, Mukim Liang terletak Jabatan Perhutanan Brunei dan yang menarik di sini ialah terletaknya Muzium Perhutanan yang mempamerkan khazanah-khazanah dalam perhutanan yang menarik pelawat dan pelajar-pelajar.

   Di samping itu, juga ada tempat rekreasi seperti sebuah taman dibuat dengan laluan-laluan riadah yang menarik masyarakat dari luar dan dalam mukim. Pada masa yang lalu terdapat taman pemeliharaan binatang seperti rusa dan tempat inilah dikenali sebagai Kebun Hutan. Kaola sukacita mencadangkan supaya Muzium dan Kebun Hutan ini akan dipelihara, diperbaiki untuk tujuan rekreasi dan tarikan pelancongan serta pusat kajian perhutanan bagi pelajar-pelajar dalam jurusan perhutanan dari dalam dan luar negeri.

Berhubung tujuan pembangunan universiti yang terletak di kawasan Andulau, Kampung Sungai Liang dan peranannya kaola menyokong saranan rakan sejawat Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput dan kaola amat menyokong penerangan dari Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Bangunan tersebut berfungsi sepenuhnya sebaik mungkin terutama sekali sebagai pusat membuat kajian bagi pelajar-pelajar luar dan dalam negeri dalam hal ehwal perhutanan. Yang Berhormat Pengerusi sekian sahaja terima kasih وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai tempat penurunan perahu di Daerah Belait. Sebenarnya kementerian melalui Jabatan Perikanan sudah menilai beberapa tempat yang paling sesuai tetapi nampaknya terhad. Walau bagaimanapun akan dicuba lagi mencari tempat yang sesuai. Selanjutnya yang penting juga jangan nanti apabila dibuat tidak digunakan atau tidak berbaloi dengan berapa jumlah nelayan yang akan menggunakannya إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diusahakan.

Mengenai Sungai Liang. Penanaman padi di Kampung Lalit berlaku banjir. Perkara ini pun akan diteliti kerana masalah banjir ini bukan di bawah kawalan dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan diteliti dengan kementerian berkenaan apa punca-puncanya. Adakah perkara ini dapat dielakkan atau

tidak. Sebenarnya kawasan penanaman padi di Negara Brunei Darussalam ini tidak banyak yang sesuai untuk pengairan padi. Yang paling sesuai pada masa ini hanyalah di Daerah Brunei dan Muara disebabkan ada sumber air di Imang dan satu kawasan yang mungkin sesuai adalah di salah sebuah kampung di Daerah Temburong. Kampung Perdayan juga tidak sesuai untuk menanam padi yang berhasil tinggi yang memerlukan banyak air.

Di Daerah Belait seperti di kawasan lot Labi pun nampaknya tidak berapa sesuai untuk kita menanam padi secara tertentu dengan hasil yang tinggi tanpa masalah banjir dan lain-lain lagi.

Mungkin satu masa difikirkan adakah perlu kita meneruskan penanaman padi ataupun lebih sesuai untuk ditanam di kawasan-kawasan lain yang lebih menguntungkan kepada peladang-peladang. Tapi masalah banjir harus perlu diteliti secara lain sama ada isu perairan, pengairan tali air ataupun lain-lain lagi. Perkara ini akan dikaji secara teknikal dengan pihak yang berkenaan.

Cadangan pusat perhutanan di Mukim Sungai Liang terdapat muzium dan terdapat taman rekreasi dan taman haiwan ataupun zoo untuk dipelihara. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ cadangan ini akan diusahakan sedemikian supaya menjadi sumber pendidikan dan sumber pelancongan juga. Cadangan bagi *diversity* seperti yang kaola terangkan tadi pun akan disokong sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat ada antara soalan-soalan yang dikemukakan itu berulang-ulang. Jadi bagi saya barangkali kalau sudah dijawab ataupun diberi penerangan janganlah lagi ditimbulkan semula dan ada antara soalan yang dikemukakan itu pernah dikemukakan pada tahun-tahun yang sudah.

Jadi perkara itu juga sudah dijawab oleh pihak kerajaan. Saya kira barangkali akan mengurangkan kita punya *effectiveness* kalau sekiranya kita mengulangi yang sudah-sudah itu berkali-kali. Ada baiknya kalau kita melihat ke hadapan dan bertanya mengenai perkara yang lebih menguntungkan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola hanya ingin menyentuh 3 perkara dalam Tajuk SH06A – Bahagian Pelancongan:-

1. Dengan mengambil maklum bahawa pada masa ini syarikat-syarikat pelancongan yang membawa masuk pelancong-pelancong ke Negara Brunei Darussalam mempunyai pemandu pelancong mereka sendiri

tetapi pada pengamatan kaola kebanyakan pemandu-pemandu pelancong itu orang luar sama ada dari negara jiran dan sebagainya. Pengetahuan mereka mengenai negara ini mungkin masih meragukan, jadi apabila mereka itu memberikan penerangan kepada pelancong-pelancong mengenai negara kita dikhuatiri tidak akan memberikan penerangan yang tepat dan betul.

Untuk itu kaola mencadangkan jika sekiranya diadakan satu skim terutama untuk membantu pencari-pencari kerja dalam kalangan anak-anak tempatan kita berkecimpung dalam bahagian pemandu pelancong ini, dididik mereka itu dalam satu pasukan sama ada kita menyerahkannya kepada satu syarikat swasta untuk mengadakan apa yang dipanggil Syarikat Pemanduan Pelancongan khusus mendidik para pemandu pelancong dengan menyewakannya kepada orang-orang yang tertentu. Syarikat-syarikat pelancongan ataupun kerajaan sendiri yang membentuk satu pasukan pemanduan pelancong dengan mengambil beberapa orang penuntut-penuntut tertentu dijadikan pemandu pelancong profesional. Kaola rasa banyak belia yang berminat dalam perkara ini;

2. Kita sering menggelar Kampong Ayer sebagai destinasi pelancongan dengan memberikan julukan *Venice of The East* ataupun *Venice* Timur yang menggambarkan kepada pelancong keindahan apabila melihat Kampong Ayer itu. Kaola sendiri setiap kali berdiri di *water front* di Bandar Seri Begawan melihat ke Kampong Ayer, kaola melihat satu fenomena yang memberikan kaola satu simpati kepada orang-orang yang tinggal di Kampong Ayer terutama keadaan bangunan orang-orang kita di Kampong Ayer itu ada yang seolah-olah bangunan lama, usang, atap yang berkarat dan sebagainya.

Alangkah eloknya jika kerajaan mempunyai satu skim bantuan mudah untuk orang-orang Kampung Air. Dengan memberikan bantuan kewangan secara mudah dengan syarat-syarat pembayaran yang mudah untuk mereka itu membaiki ataupun membaik pulih rumah-rumah mereka terutamanya bahagian atap, bahagian-bahagian rumah yang nampak daripada luar. Dengan sendirinya kita akan memberikan semangat kepada orang-orang Kampong Ayer itu.

Bukan hanya mereka itu sebagai tontonan pelancong tetapi juga kita mahu mereka hidup bersemangat dan mengambil bahagian secara aktif dalam pelancongan ini. Mereka kalau boleh dapat di bawah pimpinan dalam bimbingan ketua-ketua kampung dan penghulu mukim masing-masing, menjana pendapatan daripada kedatangan pelancong-pelancong itu seperti dengan memperkenalkan kuih-kuih tradisional dan produk-produk

kampung dan bukan hanya sebagai tontonan para pelancong dengan lalu di rumah mereka itu.

Sehubungan dengan itu juga kaola minta kalau dapat Jabatan Daerah dan Jabatan Pelancongan dapat bersatu tenaga untuk membisaikan keadaan di Kampong Ayer, terutamanya laluan titian itu kaola lihat dalam penggambaran video para pelancong lalu di titian yang daif dan kurang selamat usulnya. Jadi kalau dapat perkara ini dapat ditunduki dengan baik bagi memberikan imej yang lebih bagus kepada para pelancong; dan

3. Seterusnya soalan kaola yang penghabisan. Kaola cadangkan satu projek inovatif dan kreatif bagi mengubah *design* atau bentuk kenderaan motobot Kampong Ayer kaola rasa selama ini ada kitani terlepas pandang dari segi keselamatan kerana kebanyakan kitani bila naik sahaja perahu atau motobot kitani akan duduk di sebelah tepi dan bila ada ombak kitani mungkin akan terpelanting dan amatlah membimbangkan.

   Apa kiranya seperti mana juga pernah dibuat dalam satu projek usaha sama dengan Institut Teknologi Brunei menghasilkan satu *design* yang lebih mesra penumpang kerana jika perahu itu mesra penumpang orang pun senang naik turun bukan seperti sekarang ini bentuk perahu itu agak susah bagi orang-orang tertentu, apa lagi orang-orang tua, ibu-ibu mengandung dan sebagainya untuk turun naik melibatkan keselamatan ditambah lagi tempat penaikan yang kaola dapati ada yang kurang selamat seperti tangga-tangga berhadapan dengan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan menyusur ke kawasan Kianggeh dalam keadaan licin dan berlumut menyebabkan orang boleh jatuh dan terlibat dalam kemalangan.

   Untuk itu kaola sarankan dan cadangkan supaya diadakan satu skim usahasama untuk *design* bot secara lebih praktikal dan selamat supaya semua orang dapat naik dengan rasa selesa dan rasa selamat. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang diajukan.

Soalan Pertama. Berkenaan dengan pelancongan iaitu memohon supaya pemandu pelancong terdiri daripada orang yang betul-betul *qualified* dan kalau boleh banyakan orang dalam negara. Sebenarnya mulai tahun lepas Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah pun memulakan inisiatif ini dengan kerjasama sebuah Institut Pendidikan Swasta iaitu *Laksamana College* untuk mengadakan kursus-kursus kepada pemandu pelancong dalam pelbagai *level, level* 1, 2 dan 3. Yang sudah dijalankan

masa ini ialah *level* 1 seramai 100 orang sudah pun menghadirinya termasuk pemandu-pemandu pelancong yang sudah aktif selama ini dan yang baharu. Ertinya dibukakan terutama sekali kepada belia yang belum ada pekerjaan. Jadi mereka menghadiri kursus ini untuk menjadi orang yang terlatih dan *qualified.* Kementerian akan memberi mereka setelah tamat lencana *(badge)* untuk mengenalkan mereka sebagai pemandu yang *qualified*. Mereka ini akan menjadi pemandu secara *freelance.* Mereka ini boleh dipanggil bila-bila masa إِنْ شَاءَ اللَّهُ sahaja oleh ejen-ejen pelancongan untuk membantu mereka jika ada pelancong yang datang ke Brunei yang memerlukan *guide* ataupun pemandu. perkara ini akan diteruskan dan akan disambung dengan *level* 2, *level 3* supaya keberkesanan mereka lebih tinggi lagi dan boleh digunakan peringkat yang lebih tinggi. Misalnya di negara jiran sebagai *LO* ataupun pengiring kepada VIP yang sedang menghadiri seminar-seminar, forum-forum negara mereka. Jadi dengan tanpa menggunakan pegawai kerajaan untuk memandu orang-orang kenamaan di luar negara, menteri-menteri *senior officer* mereka menggunakan *freelance* ini yang terlatih untuk menjadi pemandu mereka membawa ke sana ke mari.

Mengenai Kampong Ayer, Skim Bantuan Mudah kepada orang Kampong Ayer untuk membaiki rumah seperti atap dan lain-lain itu supaya mereka bersemangat untuk aktif dalam industri pelancongan. Perkara ini tidak dapat dipastikan macam mana untuk melaksanakan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Pelancongan memfokus kepada satu kawasan yang lebih kemas seperti kawasan di Lorong Sikuna, terdapat perumahan yang disediakan oleh pihak Yayasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan di sana terdapat juga Galeri Pelancongan dan Kebudayaan. Jadi fokus kementerian terdapat beberapa buah rumah yang menawarkan inap desa untuk pelancong-pelancong. Perbincangan yang dibuat sekarang ini melalui RKN untuk membaiki *pail-pail* yang menghubungkan tempat-tempat tertentu misalannya Galeri Pelancongan inap desa dan orang membuat perahu, restoran, surau di *connect* dengan *pail* yang lebih sesuai, lebih kukuh.

Jadi pelancong akan menggunakan tempat itu sahaja. Tidak dapat kitani terlampau *ambitious* bercita-cita besar untuk restoran Kampong Ayer. Mungkin satu mukim di Lorong Sikuna itu ia betul-betul berdepan dengan *Waterfront* Bandar Seri Begawan dan juga ada cadangan akan *connect waterfront* sebelah Kampong Ayer bertentangan *Waterfront* Bandar Seri Begawan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ tertakluk kepada keupayaan kitani untuk membelanjakannya akan diusahakan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ permohonan pun sudah dibuat dan mudah-mudahan dilaksanakan.

Selanjutnya berkenaan dengan projek inovatif kreatif yang mengubah *design motor boot* bagi Kampong Ayer terutama dari segi keselamatannya. إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diteliti, kementerian akan berbincang

dengan kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perhubungan terutamanya dalam bidang *transport* ini untuk mengamatinya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan yang panjang lebar yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita balik bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pada hari Isnin, 13 Mac 2017, pukul 9.30 pagi, sekian, وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 14 Jamadilakhir 1438 / 13 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keenam, hari Isnin, 14 Jamadilakhir 1438 bersamaan 13 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Segala puji dan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat pada pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang keenam dan kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Di Peringkat Jawatankuasa, kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Walau macam manapun, kita masih lagi mempunyai beberapa kementerian yang perlu ditunduki dan diluluskan. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan memberikan kerjasama sepenuhnya supaya Rang Undang-Undang ini akan dapat kita selesaikan.

Maka bagi membolehkan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan dahulu Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada petang Sabtu lalu, masih membahaskan dan membincangkan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya masih lagi mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis suka untuk berucap dan mengajukan soalan-soalan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Sebelum itu, saya ingin mengagihkan kesempatan ini sekiranya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang ingin untuk memberikan keterangan tambahan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan pada hari Sabtu yang lalu.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola untuk menjelaskan beberapa soalan yang telah diajukan pada hari Sabtu lepas, yang kaola tidak sempat menjawabnya.

Mula-mula kaola ingin menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu berkenaan dengan pemantauan hasil perikanan yang diimport dari pencemaran kimia.

Pemantauan penganalisisan ke atas ikan-ikan yang dijual di pasar-pasar di negara ini memang sentiasa dilaksanakan secara berjadual oleh Jabatan Perikanan bagi memastikan ikan-ikan, kerang, ketam dan udang selamat untuk dipasarkan. Hasil daripada pemantauan dan الْحَمْدُ لله penganalisisan tersebut, setakat ini didapati ikan-ikan, kerang, ketam dan udang adalah selamat untuk dimakan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perikanan pada masa ini, bukan sahaja meningkatkan pemantauan malah juga sedang meningkatkan program kesedaran bagi pengimport, penjual dan juga orang ramai, betapa pentingnya menjaga keselamatan makanan laut melalui poster-poster, taklimat dan juga promosi melalui televisyen.

Kaola mengambil kesempatan untuk mengingatkan orang ramai sekiranya terdapat ikan-ikan, kerang, ketam dan juga udang yang mencurigakan keselamatannya, hendaklah melaporkan nya terus kepada Jabatan Perikanan untuk siasatan lanjut.

Mengenai pengawalan harga ikan, perkara ini bukanlah di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan. Seperti yang sama-sama kita ketahui bahawa harga ikan sangat bergantung pada situasi bekalan dan permintaan (*supply and demand*) pada setiap masa.

Selanjutnya, kaola ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, iaitu berkenaan tempat penurunan perahu nelayan di kawasan yang sesuai di Daerah Belait. Tapak yang

dimaksudkan di Seria, iaitu Kawasan Lorong 7 Sungai Seria, telah pun diselidiki oleh beberapa agensi seperti Kementerian Pembangunan, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan mendapati bahawa di tempat-tempat tersebut banyak paip *high pressure gas* di bawah tanah yang berdekatan dengan pantai dan di sepanjang Pantai Anduki sehinggalah ke Istana Manggalela.

Paip-paip ini diklasifikasikan sebagai mempunyai risiko tinggi terutama sekali jika ada kebocoran, ia boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Demi keselamatan dan kesihatan para nelayan dan juga orang ramai, adalah diseru supaya nelayan yang berkenaan untuk menggunakan kawasan penurunan perahu yang sedia ada iaitu di *Billionth Barrel Monument* Kuala Belait dan juga di Pantai Lumut sahaja.

Selanjutnya, kaola ingin menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu iaitu berkenaan dengan perkembangan padi di Perdayan dan Senukoh. Kedua-dua kawasan ini iaitu KKP Perdayan dan KKP Senukoh, masih lagi bergantung pada hujan bagi sumber pengairannya. Di samping itu, penanaman padi diusahakan secara manual kerana jenis tanah gambut ini tidak sesuai menggunakan jentera-jentera berat.

Bagi membantu peladang-peladang padi di kawasan yang bergantung pada hujan sebagai sumber pengairan seperti KKP Perdayan dan KKP Senukoh, untuk meningkatkan hasil padi mereka, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah pun memperkenalkan jenis padi BDR5 iaitu hasil kacukan jenis padi Laila dengan jenis padi Pusu. Padi BDR5 ini sesuai ditanam di kawasan tersebut dan boleh ditanam 2 kali dalam setahun serta berupaya menghasilkan antara 3 ke 5 metrik tan padi sehektar dengan pengurusan yang baik dan dengan turunan hujan yang normal berbanding dengan penanaman jenis padi tradisional seperti pusu, adan dan bario yang hanya dapat menghasilkan 1 metrik tan per hektar dengan penanaman setahun sekali sahaja.

Selanjutnya soalan berkenaan dengan 5 KPLB di Daerah Temburong. Yang Berhormat meminta kepastian syarat keahlian kerana didapati pengusaha asal menjual kepada pengusaha baharu. Yang Berhormat mencadangkan supaya konsep KPLB dinilai semula sesuai dengan Pelan Strategik Kementerian. Sebagai jawapan pengurusan ladang-ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) telah diserahkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dari Jabatan-Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mulai 1 Jun 2013.

Sebanyak 5 KPLB yang telah diluluskan di Daerah Temburong iaitu KPLB Belais, KPLB Meniup, KPLB Sibut, KPLB Puni dan KPLB Seri Tanjung Belayang. Untuk makluman kawasan KPLB buat masa ini masih di peringkat untuk perwartaan (gazet) sebagai Kawasan Kemajuan

Pertanian. Setelah diwartakan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kawasan KPLB ini pembahagian lot akan diukur semula. Kawasan KPLB ini, akan dikawal selia mengikut syarat-syarat seperti mana tapak-tapak kawasan kemajuan pertanian di bawah jabatan yang ada pada masa ini. Ini bermakna setiap tapak yang tidak diusahakan atau ahli tidak mahu lagi meneruskan, maka tapak tersebut akan ditarik balik dan ditawarkan semula kepada orang ramai sama ada melalui *RFP* ataupun *tender*.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu berkenaan dengan penguatkuasaan racun Kelas 1 dan 2 yang membahayakan yang digunakan di ladang sayur. Sebagai jawapan racun Kelas 1 adalah tidak dibenarkan pengimportannya bagi kegunaan peladang dan orang awam, kecuali bagi kegunaan syarikat *pest control* yang menjalankan fumigasi atau pembasmian serangga dan penyakit. Manakala racun-racun Kelas 2 memang masih boleh diimport disebabkan sebahagian racun rumpai, serangga dan penyakit masih dikilang oleh syarikat pengilang pada Kelas 2.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sentiasa menasihatkan dan mengingatkan kepada peladang-peladang bahawa penggunaannya pada semua jenis tanaman mestilah mengikut tatacara dan jadual yang ditetapkan. Pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan membuat pemeriksaan secara rutin ke atas sayur-sayuran yang akan dipasarkan dengan mengambil *sample* secara rawak dari ladang-ladang di semua daerah setiap 2 kali sebulan.

Sample sayur-sayuran ini dihantar ke bahagian Keselamatan Agrimakanan di kementerian ini bagi penganalisisan sisa kandungan racun kimia pertanian untuk memastikan yang sayur-sayuran tersebut adalah selamat untuk pengguna dan tidak melebihi tahap maksimum sisa racun kimia pertanian yang ditetapkan bagi pelbagai jenis racun.

Keputusan ujian makmal telah menunjukkan bahawa tidak ada *sample* sayuran yang dicemari oleh racun Kelas 1 dan Kelas 2. Jika didapati kandungan racun kimia pertanian *sample* sayuran melebihi tahap maksimum sisa racun kimia pertanian atau *maximum residual level (MRL),* Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan memberi amaran secara bertulis kepada peladang dan memberi peringatan terhadap kaedah penggunaan racun kimia yang selamat, bagi memastikan peladang-peladang bertanggungjawab untuk menggunakan jenis-jenis racun yang disyorkan berdasarkan kadar dan tempoh masa pemetikan hasil sayur-sayuran yang selamat untuk dipasarkan.

Bagi ladang-ladang yang didapati menghasilkan sayur-sayuran yang mengandungi tahap maksimum sisa racun kimia pertanian yang tinggi secara berterusan sebanyak tiga kali, pihak jabatan akan menarik balik segala bantuan Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA) dan ladang tersebut akan disenaraihitamkan.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab 3 soalan lagi iaitu daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Siput mengenai isu kebakaran hutan yang melibatkan hutan tanah gambut. Sebenarnya undang-undang dan peraturan mengenai memasuki kawasan hutan termasuklah kawasan hutan paya gambut ada termaktub dalam Akta Hutan Penggal 46 Undang-Undang Brunei. Dalam Seksyen 19 dan 20, menegaskan memasuki kawasan hutan tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan apatah lagi memasang atau menyalakan api dalam kawasan hutan tersebut.

Pihak Jabatan Perhutanan membuat pemantauan di kawasan Hutan Simpan semasa musim kemarau dan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan jika berlaku sebarang kebakaran. Jabatan Perhutanan juga mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Bencana Jabatan Perhutanan (JPB-JPH) yang antara lain tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah menangani kebakaran-kebakaran yang berlaku di kawasan-kawasan hutan yang di bawah pentadbiran Jabatan Perhutanan khususnya hutan-hutan simpan dan kawasan-kawasan perladangan hutan *(Inter Riverine Zone-(IRZ)*.

Pihak Jabatan Perhutanan dan agensi kerajaan yang berkaitan juga sering memberigakan mengenai kawasan-kawasan yang sering mengalami kebakaran termasuk memberi kesedaran orang awam supaya jangan membuat pembakaran terbuka pada musim-musim kemarau. Pemberigaan juga dilakukan melalui jerayawara dan taklimat yang dibuat ke sekolah-sekolah dan masyarakat. Jerayawara ini bukan sahaja khusus kepada kebakaran hutan tetapi juga merangkumi perkara yang berkaitan dengan Akta Hutan, peraturan-peraturan hutan dan pemeliharaan hutan;

Soalan selanjutnya ialah cadangan mewujudkan Taman Negara di Ulu Daerah Belait, kerana sebahagian daripada *Heart of Borneo* seperti yang terdapat di Daerah Temburong. Pihak kementerian mengambil maklum dan akan mengkaji usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Siput. Sukacita memaklumkan bahawa untuk menubuhkan satu-satu kawasan tersebut sebagai sebuah Taman Negara atau *National Park* memerlukan masa yang agak lama dan perbelanjaan yang tinggi. Sebagai contoh Penubuhan Taman Negara Ulu Temburong mengambil masa lebih kurang 3 tahun untuk diiktiraf sebagai Taman Negara.

Untuk menjadikan sebuah kawasan sebagai kawasan Taman Negara ia perlu menepati dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Badan Pertubuhan Antarabangsa seperti *The International Union For Conservation On Nature (IUCN).* Salah satu kriteria tersebut ialah kawasan tersebut mengandungi struktur geologi dan rupa bumi yang menarik dan tersendiri, dan disimpan untuk memelihara berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta mengekalkan landskap asal. Semua maklumat yang diperlukan hendaklah dikumpulkan dan dijelaskan melalui

kajian saintifik yang komprehensif. Ini memerlukan tenaga pakar dan juga peruntukan yang besar bagi melaksanakan projek-projek kajian tersebut.

Dan Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu permohonan penglibatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung khususnya Zon 5 untuk mengambil kayu-kayu hutan yang terpilih dan teras kayu di hutan dan sungai-sungai untuk menghasilkan kraf tangan dan perabot yang bersesuaian. Sebagai jawapan pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat mengenai pengambilan kayu hutan dan teras kayu untuk dijadikan produk kraf tangan dan perabot yang bersesuaian.

Sebenarnya prosedur bagi pengambilan hasil dari kawasan hutan hendaklah lebih dahulu dipohonkan kebenaran daripada Jabatan Perhutanan. Lazimnya, kebenaran akan dikeluarkan secara lesen *Form 2* yang mengandungi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang tertentu. Prosedur ini diperlukan bagi langkah-langkah melindungi flora dan fauna yang ada di kawasan yang berkenaan terutamanya daripada kepupusan.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas penerangan tambahan yang dikemukakan mengenai dengan soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari Sabtu yang lalu. Sekarang kita teruskan perbincangan kita mengenai dengan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya jemput sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Selamat Sejahtera. Kaola Yang Berhormat Pengerusi, lebih dahulu merakamkan terima kasih atas mukadimah dan ucapan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana setakat ini telah membawa beberapa *Foreign Direct Investment (FDI)* pelaksanaan melalui program *Request For Proposal (RFP)* dan banyak program *Private Public Partnership (PPP)* telah pun ditawarkan dan sedang dalam proses untuk dipertimbangkan.

Pertumbuhan ekonomi negara perlu dicepatkan dan Wawasan Brunei 2035 perlu direalisasikan. Seperti yang diharapkan, sumber-sumber pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan diharapkan akan dapat menyumbangkan pertumbuhan KDNK negara, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Dalam pengamatan kaola Yang Berhormat Pengerusi, banyak potensi ke arah aktiviti tambah nilai dalam projek-projek *FDI* dan lain-lain. Adalah

diharapkan supaya pengusaha-pengusaha anak tempatan akan diberikan peluang dan kesempatan untuk ikut serta dalam pembuatan *downstream activity* dan pekerja-pekerja anak tempatan akan diberi keutamaan dalam projek tersebut.

Kaola juga ingin mencadangkan supaya graduan-graduan akan diterapkan dalam program *I-RDY (i-ready)* yang akan bermula pada bulan April akan datang ini ke arah bidang pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan.

Kaola ingin menyentuh bajet Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan dan Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang berkaitan dengan pendidikan dan perkembangan. Penyelidikan dan perkembangan (R&D) amat perlu dalam mengembangkan pengeluaran produk-produk dan menambah nilai hasil barangan. Penyelidikan diperlukan untuk mengatasi permasalahan yang ditimbulkan oleh petani, nelayan dan lain-lain.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk membangun *set up* makmal begitu mahal dan dirasa berat bagi pengusaha-pengusaha kitani untuk membuat penyelidikan dan perkembangan satu-satu produk dan mencari penyelesaian bagi permasalahan tanaman dan lain-lain. Mendapatkan konsultan dari luar negeri yang pernah kaola sendiri rasai terlalu tinggi dan mahal. Maka dalam ini kaola ingin mencadangkan:-

1. Negara kitani sudah tiba masanya untuk mempunyai *Brunei Standard* atau standard yang tersendiri dan tidak akan bergantung lagi pada standard negara dan lain, seperti yang terjadi sebelumnya, sekurang-kurangnya kitani menuju kepada *GMP*; dan

2. Membantu untuk membangunkan produk-produk aliran, membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah petani, nelayan, penternak dan lain-lain. Jika belum dapat kitani laksanakan maka dicadangkan diadakan skim-skim tertentu untuk membantu orang-orang kitani.

Mengenai pengeluaran padi, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memaklumkan bahawa padi memerlukan *yield* yang tinggi. Kaola rasa, perkara yang sama juga harus kitani fikirkan mengenai produk lain seperti buah durian dan sayur-sayuran. Misalannya kalau kitani lihat di luar negara seperti Thailand. Kitani lihat hasil durian terdapat di sepanjang tahun. Demikian juga seperti buah rambutan, mangga dan lain-lain. Kemudian apa yang terjadi pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, peladang-peladang kitani sering menghadapi permasalahan bunga durian yang gugur sebelum jadi buah dan akhirnya mengurangkan hasil mereka.

Kaola juga merasa bahawa buah-buahan tempatan yang ada di negara ini seperti buah mambangan, tarap, belunu, binjai dan lain-lain, akan dapat kitani ketengahkan. Kaola masih ingat ketika dahulu kitani cuba bertanam secara besar-besaran durian Thailand tetapi akhirnya kitani tidak berhasil dan

akhirnya merugikan kepada pengusaha-pengusaha. Ketika itu kaola masih ingat bahawa kaola pernah membincangkan mengenai buah durian kitani iaitu buah durian kuning dan waktu itu negara-negara jiran belum terdapat durian tersebut, tetapi apa yang terjadi sekarang ini, Brunei telah banyak memasukkan buah durian kuning dari negara jiran untuk dipasarkan di negara kitani.

الْحَمْدُ لله pada masa ini buah mangga seperti tidak bermusim lagi. Maka diharapkan supaya pengusaha-pengusaha kitani didedahkan dengan pembuatan produk tambahan nilai seperti acar mangga, jeruk mangga dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kalau dilihat daripada bajet Tajuk SE06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, sekali lagi kaola ingin merakamkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana adanya Akta Pelancongan 2016 yang boleh mengawal ejen-ejen pelancongan, *tour guide* dan *homestay*.

Pada masa ini terdapat banyak ejen-ejen yang tidak berlesen. Ada antaranya adalah terdiri daripada warga negara asing. *Guide* pelancongan yang tidak berlesen ataupun tidak mempunyai Sijil Pengiktirafan dan juga ada pengusaha-pengusaha bas persendirian dan lain-lain telah berkecimpung dalam bidang pelancongan. Apa yang abis kaola harapkan Yang Berhormat Pengerusi, supaya akta yang ada iaitu Akta Pelancongan 2016 itu, akan dapat diperkuatkan, tindakan undang-undang akan diambil mengikut peraturan yang ada.

Apa yang diharapkan kerjasama daripada agensi yang lain akan dapat memberikan sumbangan ke arah mendirikan pelancongan di negara ini. Kalau *national carrier* kitani harus memberikan harga tiket yang lebih menarik kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara ini, kemungkinan untuk memberikan kesempatan kepada penumpang-penumpang yang datang ke negara ini, hanya untuk tujuan *transit* akan diberikan *tour booklet* untuk mereka melihat sendiri apa yang ada di negara ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mohon maaf jika ada soalan dan cadangan yang melibatkan kementerian lain dan kaola mohon maaf sekali lagi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan. Ada beberapa soalan berkenaan dengan penyelidikan buah-buahan dan pelancongan. Kaola akan menjawab soalan berkenaan dengan penyelidikan di bawah Tajuk Penyelidikan dan juga di bawah Tajuk Pelancongan sahaja pada masa ini. Berkenaan dengan buah-buahan nanti kaola akan menjawab Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat mengenai dengan soalan berhubung dengan pelancongan itu sudah pun Yang Berhormat jawab apabila soalan yang sama telah dikemukakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat yang terdahulu, saya kira tidaklah perlu diulang, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai Tajuk Penyelidikan. Jika dilihat di bawah Tajuk Penyelidikan itu kebanyakannya kosong. Adalah didapati kebanyakan aktiviti penyelidikan akan di bawah Tajuk *Science, Technology and Innovation* di bawah Rancangan Belanjawan Kemajuan. Walaupun tidak banyak timbul di bawah Tajuk Perikanan dan Pertanian, kebanyakannya di bawah Tajuk RND ataupun di bawah Tajuk *Science Technology and Innovation*.

Berkenaan dengan Brunei *Standard.* Memang kita ada Brunei *Standard*, terhadap produk-produk pertanian. Mengenai penubuhan, penggalakkan produk-produk hiliran daripada sumber-sumber utama pertanian, penternakan, perikanan dan sebagainya adalah digalakkan. Ia bukan di bawah sumber-sumber utama lagi, mungkin menjadi proses misalannya ternakan udang di Tutong, kemudian diproses menjadi *fishball* ataupun menjadi bahan-bahan lain. Ada kaitannya dengan Kementerian Perindustrian dan Tenaga. Walau bagaimanapun ada yang bercorak *cottage* ataupun Satu Mukim Satu Produk pembuatan keropok udang dan keropok ikan dan lain-lain lagi.

Kementerian akan bekerjasama dengan kementerian berkenaan untuk memastikan pengusaha-pengusaha dalam sektor hiliran itu akan juga terus maju dan memastikan jua bahan-bahannya itu akan sentiasa ada, jika tidak ada, terpaksalah diimport. Sebagai contoh di Tanjong Maya, ada orang mengusahakan Minyak Kelapa Dara, jadi ada kedengaran kepada kita, bahawa sumber kelapa itu tidak banyak di Brunei, jadinya tidak dapat mereka menambah keluaran. Satu caranya, kita ada kawasan yang besar untuk menanam kelapa mungkin kita adakan usaha untuk menanam kelapa. Tapi cara yang kedua, untuk memajukan sektor hiliran ini mungkin dengan cara mengimport bahan-bahan mentah itu daripada negara-negara jiran. Itu dari segi produk *cottage industry*.

Walau bagaimanapun kalau industri-industri besar, hiliran besar seperti kita mahu menggalakkan orang memproses ayam menjadi sosej dalam berbagai-bagai jenis bahan proses. Mereka boleh juga bergantung pada sumber-sumber utama dalam negara ini. Orang yang menternak ayam dalam negara. Kalau lebih besar lagi mereka boleh juga mengimport bahan-bahan mentah itu ertinya mengimport ayam dari luar negara asal saja halal dan diproses di negara ini dan dieksport lagi. Soalnya tidak ada halangan, ertinya terbuka luas bagi penglibatan orang ramai termasuk orang tempatan dan termasuk belia untuk terlibat dalam sektor hiliran.

Mengenai masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang dan nelayan-nelayan, adakah kementerian-kementerian mempunyai usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah mereka? Jika Jabatan Pertanian, mereka akan berhubung dengan peladang-peladang dan penternak-penternak dan Jabatan Perikanan akan berkomunikasi dengan penternak-penternak ikan dan nelayan-nelayan. Masalah yang mereka hadapi akan dibincangkan bersama-sama dengan kementerian. Apakah masalah yang mereka hadapi misalannya, macam mana memulakan perusahaan berladang ataupun menternak ataupun jadi nelayan. Apakah yang perlu mereka ada?

Seperti yang saya terangkan sebelum ini, ertinya mereka harus mendaftar dengan kementerian ataupun jabatan-jabatan berkenaan supaya tahu yang mereka ini betul-betul berkeinginan untuk terlibat dalam sektor pertanian, penternakan ataupun perikanan. Selepas itu akan diberi peluang untuk menghadiri latihan-latihan yang berkenaan ataupun mengadakan lawatan-lawatan.

Pada masa ini, bukan saja lawatan dalam negara, lawatan ke luar negara pun boleh diusahakan. Sebagai contoh tahun lepas kementerian telah menghantar beberapa orang peladang dan penternak sayur, ikan dan udang untuk melawat negara jiran seperti Indonesia dan Singapura. Bukan saja mengenai teknik peladangan, penternakan dan teknik perusahaan tapi berkenaan dengan pemasaran di negara berkenaan.

Setelah mereka pandai menghasilkan hasil pertanian dan peladangan, mereka juga boleh menjual bukan saja dalam negara tapi ke luar negara. Itulah antara bentuk bantuan yang dibuat oleh kementerian bagi membantu orang ramai, yang aktif dalam peladangan dan pertanian untuk maju bukan saja dalam negara tapi sampai ke luar negara.

Berkenaan dengan persoalan buah durian tadi itu, kaola menjawab kemudian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Merujuk kepada Tajuk SH01A, Kod Akaun 002/000 – Pengurusan Pemuliharaan dan Perkembangan Biodiversiti. Kaola ingin mengetahui sekiranya adakah perkembangan mengenai Akta Perlindungan Hidupan Liar. Pada masa ini, seperti mana yang kita tahu, hanya terdapat 34 spesis binatang liar yang disenaraikan dalam Akta Kawalan Perlindungan Binatang. Namun masih banyak lagi spesis hidupan binatang liar yang perlu dilindungi seperti beruang madu dan tenggiling yang masih dijual beli melalui media sosial.

Merujuk kepada Tajuk SH06A, Kod Akaun 003/000 – Pematuhan dan Piawaian di bawah Jabatan Kemajuan dan Pelancongan. Apakah mekanisme-mekanisme yang telah digunakan oleh pihak kementerian bagi mengukur impak ataupun kesan negatif dari segi fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar akibat dari aktiviti-aktiviti pelancongan dan bagaimanakah pihak kementerian menguruskan impak-impak tersebut. Sebagai contoh, terdapat beberapa tempat lawatan di Brunei tidak terurus iaitu sampah termasuk botol-botol kaca pecah dibiarkan begitu sahaja. Eko-pelancongan di hutan-hutan rekreasi juga boleh mengakibatkan hakisan tanah, kerosakan kepada alam sekitar sekeliling hutan tersebut. Mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Kaola akan menjawab soalan mengenai kehidupan liar itu kemudian kaola menjawab kerana *it's a bit technical* bagi kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai pemantauan kesan aktiviti kepada alam sekitar terutama aktiviti eko-pelancongan yang mungkin menyebabkan hakisan-hakisan. Kawasan-kawasan yang di*suspect* ada kesan-kesan hakisan, kalau dapat diberikan spesifik kali Yang Berhormat Pengerusi kaola menjawab kalau tidak secara umum. Boleh Yang Berhormat terangkan secara spesifik sebagai contoh?

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Yang ini mungkin dari segi *prevention* bukannya melaporkan tentang ada hakisan tetapi apakah pencegahan yang dapat dibuat sebelum ia berlaku bagi memastikan nanti, *in fact tourism* ramai sebagai contoh bagi mengelakkan daripada berlakunya hakisan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Sebagai contoh yang paling jelas, produk kita yang berupa eko-pelancongan ialah di Temburong, ini adalah orang melancong ke Temburong dari Bangar ke Batang Duri ke ke Taman Ulu-Ulu Temburong. Seperti biasa, mana-mana struktur yang mereka buat itu akan melalui prosedur *Environment Impact Assessment* seperti yang dikehendaki pihak berkuasa di Kementerian Pembangunan.

Selanjutnya, kita beruntung masa ini kalau kitani lihat kerana kapasiti kita boleh membawa orang ke Taman Ulu Temburong itu cuma 100 orang sehari sahaja. Ia disebabkan perahu yang ada dalam 20 buah sahaja. Setiap perahu hanya dapat membawa 4 ke 5 orang sahaja. Ertinya 100 orang sehari. Sama juga dengan kanopi di atas yang kapasitinya pun 100 orang sehari sahaja ertinya 5 orang setiap setengah jam sahaja. Setiap jambatan ada hadnya tidak boleh lebih daripada 5 orang.

Jadi dengan sendirinya keadaan yang ada pada masa ini sudah mirip kepada menjaga alam sekitar. Kita tidak akan mempunyai cita-cita sampai 1,000 orang sehari, buat masa ini untuk melawat Batang Duri dan ulu-ulu Temburong itu. Bukan mudah untuk ke sana menggunakan perahu Temuai itu. Perahu Temuai itu bukan mudah untuk membuatnya. Perahu Temuai cuma sekali sahaja ke ulu dan ia menunggu dan balik juga, tidak balik-balik disebabkan ada had juga.

Dari segi keselamatan pun diambil kira misalannya segala struktur di ulu-ulu dan di Batang Duri yang digunakan oleh pelancong-pelancong sama ada dalam atau luar negara akan diaudit sepanjang masa. Mesti diaudit oleh orang ataupun autoriti yang kompeten. Kalau ia belum diaudit kementerian melalui Jabatan Pelancongan akan menutup kemudahan itu daripada digunakan orang. Jadi untuk memastikan keselamatan. Barangkali itu sahaja buat masa ini dan akan cuba diusahakan lagi supaya tidak ada impak kepada *environment*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola bercakap tentang Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola melihat kesungguhan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah pun merangka pelan strategik bagi menggerakkan semua bentuk agenda pembangunan negara dan kaola yakin agar semuanya itu akan dicapai dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللهُ Kaola sangat tertarik dengan Pelancongan Islam dan ia sememangnya berpotensi dikembangkan sebagai pendekatan dalam mempelbagaikan aktiviti pelancongan melalui penglibatan masyarakat bagi menjana pelbagai produk pelancongan.

Dalam hubungan ini, kaola ingin tahu sejauh manakah perkembangan aktiviti pelancongan berkonsepkan Islam ini? Dalam Negara Brunei Darussalam telah berkembang industri pelancongan dan apakah perancangan dirangka oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam mewujudkan produk dalam Pelancongan Islam yang menarik dan berdaya saing?

Kaola juga ingin mencadangkan agar Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan agar dapat memberikan penerangan kepada masyarakat tentang potensi industri pelancongan Islam dan mengadakan kursus-kursus yang bersesuaian seperti Penyelia Perkhidmatan Pelancongan Islam.

Di samping mempertengahkan kegiatan keagamaan seperti kelas-kelas Al-Quran, Majlis Sambutan Hari Raya Korban dan sebagainya diadakan di masjid-masjid, mukim dan kampung sama ada dikendalikan oleh pihak masjid Jawatankuasa Majlis Takmir Muslimah dan Belia-Belia Masjid, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta

Jawatankuasa Persatuan Belia dan Kebajikan agar dapat dikendalikan produk pelancongan Islam yang menarik di Negara Brunei Darussalam.

Bagi program lawatan ini ke semuanya unik untuk mempunyai nilai warisan yang berharga bagi mengetengahkan cara hidup orang-orang kitani Brunei yang kuat beragama serta sebagai usaha untuk menggalakkan masyarakat kita Brunei lebih kreatif menjana pendapatan melalui industri pelancongan Islam. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Pelancongan Islam ianya adalah satu agenda yang memang sedang diteliti untuk ditekankan bagi kita untuk mempromosinya di Negara Brunei Darussalam ini. الْحَمْدُ لله banyak potensi ataupun aset yang boleh kita gunakan sebagai menyerlahkan keunggulan kita dalam beragama Islam sebagai satu tarikan orang ramai ke mari.

Satu cadangan yang sedang dibuat oleh pihak kementerian ialah dengan menggalakkan orang ramai di rantau ini menggunakan Negara Brunei Darussalam sebagai '*transit point*' bagi orang-orang yang mengerjakan umrah ke Makkah misalannya jemaah-jemaah dari negara China, Korea dan juga rantau *ASEAN*, mungkin dapat menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu sebagai transit mereka sebelum mereka ke Jeddah, menggunakan sama ada kapal terbang Brunei *RB*, ataupun menggunakan kapal terbang Arab Saudi. Jadi ini memerlukan kerjasama daripada *travel agent* yang tertentu dan kita tahu ada beberapa *travel agent* yang memang fokus kepada umrah.

Abiskaola Yang Berhormat Pengerusi memang sudah berbincang dengan ejen berkenaan supaya mereka dapat membawa jemaah-jemaah bukan sahaja dari Negara Brunei Darussalam tetapi dari negara China. Banyak penduduk Islam di negara China dapat dibawa ke mari dahulu, mereka menghadiri kursus mengerjakan umrah untuk menghalusi bagaimana cara mengerjakan umrah sebelum berangkat ke Jeddah. Balik ke Brunei semula akan disambung mungkin sehari dua hari untuk dapat kita mengongsikan cara hidup dan cara kitani mengamalkan Islam yang dapat mereka pelajari setelah mereka pulang ke negara asal mereka.

Selain itu, menggunakan aset yang ada di Negara Brunei Darussalam seperti *architecture*, yang terdapat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jame' 'Asri Hassanil Bolkiah dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan di institusi-institusi masjid dan juga institusi-institusi pendidikan seperti UNISSA, UBD dan sekarang yang terbaharu adalah di Balai Pameran Tamadun Islam di bawah kawalan Jabatan Mufti Kerajaan.

Ke semua ini akan dikumpulkan *(packaged)* belum selesai minta maaf, jika selesai nanti akan dipakej semuanya dan dijadikan sebagai satu produk Pelancongan Islam. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Yang Berhormat Pengerusi, kaola menjunjung

tinggi saranan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung itu dan akan diusahakan dan terima kasih atas cadangan itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh Tajuk SK06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kod Akaun 004/000 mengenai Promosi dan Pemasaran Pelancong khusus di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bukan sahaja pintu masuk *(gateway)* kepada negara tetapi ia juga pengenalan kepada budaya. Pada masa ini masih belum banyak usaha dapat dilihat mempromosikan perkhidmatan serta pendedahan kepada pengenalan budaya dalam industri pelancongan di lapangan terbang.

Apakah strategi-strategi kementerian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam industri pelancongan berkaitan dengan penginapan, pemandu pelancong, pengusaha serta pembekal perkhidmatan berkaitan dengan pelancong? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengenai aktiviti promosi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Sebenarnya beberapa *catalogue, leaflet* mengenai pelancongan Brunei sudah ditempatkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei iaitu di tempat ketibaan, hanya malangnya *leaflet* ini selalunya habis kalau 100-200 sehari habis kena ambil macam itu sahaja. Ini memerlukan perbelanjaan jua untuk memastikan sentiasa ada dan kitani menggunakan cara lain secara *online* dengan kerjasama penyelia-penyelia telefon untuk memasukkan informasi pelancongan ketika orang membeli simkad dan ataupun membuka telefon mereka jadi keluar terus *advertisement* berkenaan dengan kawasan-kawasan menarik di Negara Brunei Darussalam atau pun siapa yang harus dihubungi sekiranya mereka mahu menjelajah kawasan-kawasan pelancongan di Brunei ini. Kedua, secara *online Facebook, Instagram* dan lain-lainnya itu.

Cara promosi ini seperti yang kaola nyatakan tempoh hari ada berbagai-bagai cara, kebanyakan cara *online* untuk menjimatkan kewangan dan untuk lebih efektif kepada orang-orang yang ingin tahu itu. Cara yang terbaharu lagi pada masa ini, kira-kira 3 bulan yang lalu, kaola menggunakan kaedah *joint-*

venture berkoordinasi antara *travel agent, Royal Brunei Airline*, hotel *especially Empire Hotel and Country Club*, dan juga *Brunei Tourism Board* dan Jabatan Pelancongan berhasil menggunakan *chartered flight* ke Korea dan China. Ini cara kitani untuk memperkenalkan Brunei buat permulaan sebelum kitani barangkali mengadakan *regular flight* ke tempat-tempat berkenaan.

الْحَمْدُ لله dengan Korea, dua bulan lepas 1,500 orang sudah datang ke Brunei dan *booking so far* dalam 2,000 orang lagi akan datang ke negara ini. Mungkin akan bertambah lagi pada tahun ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ Jadi kaedah inilah yang akan digunakan. *I think* berbagai-bagai cara dan Yang Berhormat tanyakan tadi di *airport* memang sudah dibuat tetapi tidak cukuplah leaflet itu *that's why* secara *online* itu digunakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Koala mohonkan izin untuk menambah sedikit dari penerangan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai makluman-makluman yang berhubung dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Memang ini satu perkara yang sedang diusahakan jua oleh pihak Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei khususnya di Jabatan Penerbangan Awam. Ketika ini satu bahagian yang penting, kitani perlu kemukakan dalam sektor pelancongan ialah Bahagian Ketibaan. Bahagian ketibaan sekarang ini dalam proses pengubahsuaian. Apa yang koala maksudkan di mana kaunter-kaunter yang diperlukan oleh pihak pengunjung ke Negara Brunei Darussalam khususnya seperti maklumat mengenai hotel, maklumat mengenai penukaran wang, maklumat mengenai telefon bimbit, maklumat mengenai penyewaan kereta dan sebagainya akan diadakan dalam satu kaunter.

Masalahnya ketika ini kawasan tersebut digunakan untuk tempat makan dan kawasan itu akan diubah di luar dan tempat makan yang ada sekarang ini akan digunakan satu kaunter dikhususkan untuk maklumat pelancongan di Negara Brunei Darussalam. إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan hasrat kitani akan tercapai.

Kontrak-kontrak yang ada sekarang ini yang tempat-tempat makan akan ditunggu sampai mansuh dan dipindah keluar dan kawasan itu akan digunakan khusus untuk tempat maklumat pelancongan.

Yang kedua ialah mengenai penggunaan *ICT*. Barangkali pernah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan memaklumkan apabila sahaja orang itu sampai ke Negara Brunei Darussalam, keluar dari pesawat dengan sendirinya ada maklumat *frequency telephone* dapat disalurkan mengenai maklumat pelancongan Ini merupakan satu kaedah yang lebih moden dan lebih berkesan apabila pengguna-pengguna telefon mula mengetik telefon setibanya di Negara Brunei Darussalam. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola terangkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga Yang Berhormat Menteri Perhubungan terhadap beberapa pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya berpendapat bahawa adalah sesuai sekarang tajuk-tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini kita pertimbangkan sama ada untuk diluluskan atau sebaliknya. Saya sekarang ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mereka yang bersetuju dengan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, nampaknya semua bersetuju dan tidak ada menentang, maka Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka, sebagaimana lazimnya saya ingin memberi kesempatan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menyampaikan mukadimah ataupun pengenalannya mengenai belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil kesempatan untuk memberikan mukadimah dalam perbahasan Belanjawan yang diperuntukkan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلٰى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ

اَلسَّلَامُ عَلٰى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih dengan ruangan kesempatan yang Yang Berhormat Pengerusi berikan bagi kaola menyampaikan Mukadimah Belanjawan Kementerian Hal Ehwal

Ugama bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

الْحَمْدُ لله Peruntukan Belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2017/2018 disokong sebanyak $235,997,730.00 iaitu kurang sedikit daripada $236 juta. Angka ini ada tertera dalam kertas No. 2 Tahun 2017, Anggaran Hasil Perbelanjaan Negara dalam Tahun Kewangan 2017/2018 Lampiran 1.8 Kementerian Hal Ehwal Ugama. Peruntukan tersebut adalah untuk keperluan-keperluan seperti yang dinyatakan:

1. Gaji Kakitangan sebanyak $205,550,270.00 dan Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak $30,447,460.00 yang ini tidak termasuk peruntukan kemajuan sejumlah $23,997,000.00 untuk meneruskan projek-projek yang sedang disiapkan dan lain tanggungan untuk dibayar sebagaimana tertera dalam Kertas yang sama Lampiran 1.13 muka surat 2.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan peruntukan sejumlah itu إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sedaya upaya mengoptimumkannya untuk menjayakan 5 program fungsi utama kementerian iaitu:

1. Pengurusan dan Pentadbiran;

2. Pemantapan dakwah termasuk ehwal masjid dan syiar bagi memastikan penyebaran dakwah dan syiar Islam yang berkesan serta memperkasakan amalan dan penghayatan beragama yang lazim diamalkan serta dihayati di negara ini sebagai cara hidup yang lengkap dengan melihat akan perancangan dari segi prasarana dakwah, aktiviti dan implikasi program yang dilaksanakan melalui masjid dan syiar;

3. Mendaulatkan Undang-Undang Syariah;

4. Pendidikan Ugama Berkesan; dan

5. Pensijilan Halal dan Label Halal yang efisien bagi meningkatkan pengurusan pensijilan halal dan label halal bagi memperkukuhkan keyakinan masyarakat dan sama-sama mendukung industri halal negara.

Pecahan peruntukan masing-masing 5 fungsi utama itu disokong seperti yang berikut:

i. Pengurusan dan Pentadbiran sebanyak $20,234,040.00 dengan Perbelanjaan Berulang-ulang $30,447,460.00;

ii. Penyebaran dakwah dan syiar Islam $26,801,640.00;

iii. Perundangan Islam sebanyak $6,628,280.00;

iv. Pendidikan Islam sebanyak $177,164,800.00; dan

v. Keselamatan Sosial sebanyak $5,668,970.00.

Butir-butir selengkapnya ialah sebagaimana dalam Kertas No. 2 Tahun 2017 yang kaola sebutkan tadi Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2017/2018 Lampiran 1.8 Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan mengalami pengurangan. Kementerian melihat pengurangan itu sebagai satu cabaran yang positif dan akan menggunakan aset-asetnya secara optimum akan bersikap positif dan optimis sesuai dengan pegangan agama kita yang berpandukan firman أَللهِ dalam sebahagian suratul Insyirah:

فَإِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا
فَإِذَا فَرَغْتَ فَٱنصَبْ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَٱرْغَب

Mafhumnya:
"Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan, sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan. Apabila engkau telah selesai dari urusan dakwah dan jihad maka kerjakanlah bersungguh-sungguh urusan ibadatmu dan kepada Tuhanmu sahaja hendaknya engkau berharap".

Dalam kesempatan ini, sukacita kaola memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi bagi mengongsikan kepada sidang Majlis beberapa perkembangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam berbagai-bagai bidang.

Bidang Pendidikan. Skim Perguruan Ugama (SPGU) iaitu Skim Perkhidmatan Guru termasuk Guru Ugama. Skim ini diharapkan akan dapat memacu peningkatan kualiti pendidikan agama dan الْحَمْدُ لله sosialisasi atau pemberigakan mengenai SPGU ini telah pun dilaksanakan kepada semua tenaga pengajar bertujuan memberikan kefahaman tentang SPGU. Pada masa ini, Jabatan Pengajian Islam (JPI) dalam proses menyaring tenaga-tenaga pengajar yang memenuhi kelayakan yang dipersyaratkan untuk di*migrate* ke SPGU.

Peperiksaan Awam. Peperiksaan Sijil sekolah-sekolah rendah ugama secara keseluruhan pencapaian lulus adalah meningkat kepada 94.2% berbanding tahun sebelumnya hanya 93.05% iaitu peningkatan sebanyak 1.16%. Sebanyak 63 buah sekolah iaitu 46% berhasil mencapai keputusan 100% lulus. Pencapaian pelajar yang mencapai Gred 1 juga meningkat sebanyak 1.8% iaitu dari 64.94% mencapai gred 1 tahun 2015 kepada 66.74% tahun 2016. Pencapaian pelajar yang memperolehi pangkat 1 ini, telah juga mencapai *KPI* yang disasarkan oleh kementerian bagi tahun 2016 iaitu 65.02%.

Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB). Bagi peperiksaan ini, peratus calon yang mendapat sekurang-kurangnya 4 jayyid (kepujian) adalah 94.78% iaitu ada penurunan hanya sebanyak 0.2%. Walaupun ada penurunan akan tetapi kualiti calon meningkat pada tahun ini iaitu peratus pelajar yang memperolehi 7 jayyid adalah sebanyak 79.14% iaitu meningkat sebanyak 3.75% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian pelajar-pelajar yang memperolehi agregat 6 hingga 8 adalah sebanyak 18.05%. Pencapaian ini juga sekali gus melimpasi sasaran

16.54% *KPI* Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mengenai peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) pula, peratus pelajar yang mendapat jayyid jiddan (sangat baik) ke atas adalah sebanyak 68.71% berbanding dengan 60.50% pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 8.21%. Ini menunjukkan peningkatan kualiti pelajar di peringkat pra-U sekolah-sekolah Arab malah kita juga gembira dengan prestasi pelajar yang memperolehi pangkat mumtaz mencapai sebanyak 29.4% yang melebihi sasaran *KPI* Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sementara peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), bagi sekolah-sekolah Arab tahun 2016, secara keseluruhannya meningkat iaitu hampir 100% iaitu 99.88% berbanding pada tahun 2015 iaitu 99.56%.

Di samping itu, peratus pelajar yang memperoleh Gred 'A' kepada Gred 'C' juga telah meningkat dari 91.6% kepada 96.63% iaitu peningkatan sebanyak 5.03%. Pencapaian ini الْحَمْدُ لله boleh dibanggakan dan disyukuri kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang berkenan. Selain itu juga, kita amat bersyukur pelajar-pelajar sekolah Arab telah mampu meningkatkan kualiti pencapaian dalam PSR iaitu mata pelajaran umum bahawa pelajar-pelajar mendapat 5A bagi tahun 2016 adalah sebanyak 21.88% meningkat sebanyak 3.08% dan memperolehi pangkat A, B sebanyak 67.79% meningkat sebanyak 5.03%.

Bagi mendukung pendidikan ini, prasarana pendidikan agama terus dilaksanakan iaitu untuk lebih kondusif daripada semasa ke semasa bagi kelangsungan pendidikan yang berkualiti. الْحَمْدُ لله setakat tahun 2016 yang lalu melalui RKN 10, kerajaan telah menyediakan prasarana pendidikan agama baharu iaitu bangunan baharu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang mula diguna pakai pada awal tahun ini (2017) dan juga Dewan Serba Guna Sekolah Agama Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait.

Manakala prasarana pendidikan yang masih dalam proses pembinaan dan dijangka akan siap pada tahun ini ialah Sekolah Arab Rimba serta Sekolah Agama Lambak Jalan Bedil. Bagi menyiapkan projek-projek ini dan komitmen yang ditanggung untuk dibayar sebanyak hampir $24 juta itu sebagaimana yang kaola nyatakan tadi peruntukkannya telah diberikan di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Seterusnya ialah bagi memperkasa pendidikan Bahasa Arab, Al-Quran dan amali agama. Usaha-usaha bagi memperkasa kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar, khususnya di sekolah-sekolah arab telah juga diberi perhatian utama. Pelbagai program dan inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan sama ada di peringkat sekolah, jabatan dan kementerian. Antara inisiatif yang diberi keutamaan pada masa ini ialah bagi mewujudkan suasana atau persekitaran berbahasa Arab *albiyatul arabiyah*

di Sekolah Arab. Inisiatif ini dikenal pasti dapat memperkasa kemahiran berbahasa Arab bagi seluruh warga sekolah bukan sahaja murid bahkan juga guru-gurunya.

Mengenai Pendidikan Al-Quran. Usaha-usaha terus dilaksanakan bagi memantapkan dan membudayakan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar seawal usia 7 tahun iaitu kelas pra-sekolah ugama. Antara program yang dilaksanakan adalah 'Program Satu Minggu Satu Juz' dan 'Skim Khatam Al-Quran di bawah Umur 10 Tahun'. Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam juga terus berusaha melaksanakan pelbagai program bagi tujuan memantapkan lagi amalan agama khususnya pelaksanaan sembahyang 5 waktu dalam kalangan pelajar.

Baru-baru ini kita mendengar titah yang menyebutkan angka yang agak *alarming*, memeranjatkan sedikit apabila peratus murid-murid atau pelajar dari semua peringkat rendah membawa kepada peringkat pengajian tinggi agak tinggi yang tidak melakukan sembahyang secara konsisten. Mereka bersembahyang tetapi secara konsisten 81% sedemikian itu. Jadi, usaha-usaha ke arah itu, sedang juga dilakukan setelah hasil daripada kajian yang dibuat oleh 2 kementerian iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dengan *findings* (penemuan-penemuan) sedemikian usaha sedang dilakukan. Antaranya ialah sebagaimana pernah juga kaola sebutkan sebelum ini iaitu untuk memantau antaranya dengan mengadakan rekod sembahyang fardu bagi setiap pelajar.

Projek RKN 11 bagi pendidikan ugama ia tertakluklah kepada keadaan kewangan kerajaan pada masa akan datang. Yang besarnya ialah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang tanahnya telah pun diwartakan di satu kawasan di Kampung Limau Manis, mudah-mudahan keadaan kewangan kerajaan akan mengizinkan untuk projek ini sekurang-kurangnya dapat dimulakan pada peringkat asasnya.

Pembinaan prasarana pendidikan agama, seterusnya juga dirancangkan akan dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN) dengan membina sekolah-sekolah ugama. Ada 5 yang dirancangkan dan selain itu untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tambahan bagi prasarana yang ada pada masa ini.

Mengenai bidang dakwah Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus berusaha bagi menyebarkan dakwah dan syiar Islam dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini. Usaha dakwah kepada masyarakat yang tidak beragama Islam terus diusahakan untuk menyampaikan ajaran ugama Islam yang suci dan mereka setelah itu bolehlah menimbang atau memikirkan untuk menjadikan Islam sebagai pegangan dan cara hidup yang lengkap.

Dalam tahun 2016 yang lepas, seramai 472 orang telah mendapat hidayah daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Jumlah ini Yang

Berhormat Pengerusi kurang daripada sasaran 500 orang yang ditetapkan dalam *KPI* kementerian. Walau bagaimanapun, kalau melihat daripada perangkaan 7 ke 8 tahun kebelakangan membawa kepada tahun lepas memang angka 500 itu tidak sampai. Kadang-kadang lebih daripada 500 atau kurang daripada 500. Pada keseluruhannya angka dalam 7 ke 8 tahun kebelakangan itu melebihi 500 orang.

Bagi masyarakat Islam, usaha-usaha padu bagi pengukuhan dan penghayatan beragama giat dilaksanakan. Umpamanya menyalurkan kefahaman yang betul mengenai akidah Ahli Sunah Wal-Jamaah dan meningkatkan aktiviti-aktiviti takmir masjid. Usaha-usaha juga ditumpukan bagi meningkatkan orang ramai untuk bersembahyang berjemaah di masjid-masjid dengan slogan "Masjidku Makmur Negara Berkat".

Dalam hal masjid ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyambut baik kenyataan Yang Berhormat rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang menyatakan kerajaan akan membangun lebih banyak masjid dalam RKN Ke-11 sewaktu Yang Berhormat merespons cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang menyentuh perkara itu dalam sesi ucapan sembah junjung kasih pada hari Selasa, 7 Mac 2017.

Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menarik perhatian di Dewan ini kepada hukum syarak tentang membina masjid atas pemerintahan kerajaan Islam dan juga إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ cadangan Yang Berhormat itu, bagi penggunaan hasil kutipan Tabung Dana Pembinaan Masjid dengan membina beberapa buah masjid kampung dalam satu-satu tempoh yang dirancangkan. Cadangan Yang Berhormat itu akan diteliti lagi lebih lanjut di peringkat jawatankuasa berkenaan mengenai penggunaan tabung itu.

Untuk RKN Ke-11, Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagaimana juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), bahawa kerajaan akan membangun masjid dalam RKN Ke-11 nanti dan bilangannya diperkirakan jika keadaan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ mengizinkan melebihi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Kalau pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Ugama merancangkannya sebanyak 11 buah, iaitu 6 buah di Brunei Muara, masing-masing 2 buah di Daerah Belait dan Daerah Tutong dan sebuah lagi di Daerah Temburong.

Dalam hal pembinaan masjid dan pemeliharaan masjid, الْحَمْدُ لله Tabung Dana Pembinaan Masjid yang dilancarkan tidak sampai pada 2 tahun yang lalu telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai sehingga akhir bulan Februari kutipannya mencapai $4.6 juta. Projek pertama yang akan menggunakan Tabung Dana

Pembinaan Masjid ini ialah pembinaan Masjid Kampung Tanjung Bunut dengan peruntukan sebanyak $3.56 juta. Pada masa ini, purata jumlah kutipan setiap bulan adalah sebanyak $200,000.00 yang datang daripada tabung khas di masjid-masjid dan sumbangan tetap pegawai dan kakitangan kerajaan melalui potongan gaji.

Kaola sukacita mengambil kesempatan memaklumkan bahawa satu inisiatif baharu dalam sumbangan pegawai dan kakitangan kerajaan kepada tabung ini sedang diperkenalkan iaitu bagi membolehkan mereka menyumbang dari potongan gaji masing-masing sebanyak $2.00 sebulan. Perlu diperjelaskan bahawa cadangan $2.00 sebulan itu sumbangan bagi setiap warganegara perkhidmatan awam setiap bulan potongan daripada gaji mereka bukannya mandatori. Malah sebagaimana juga namanya sumbangan, adalah seangkat-angkat hati ataupun boleh tidak, boleh juga ya.

Malah setiap individu masih mempunyai pilihan masing-masing sama ada ingin menambah atau mengurangi daripada jumlah cadangan atau mereka juga boleh jika tidak mahu menyertai skim ini. Tetapi melihat kepada bilangan pegawai dan kakitangan kerajaan sebelum skim yang baharu ini dperkenalkan pun Yang Berhormat Pengerusi, menunjukkan angkanya setiap bulan bertambah. Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat yakin dan positif mengalu-alukan sambutan yang baik daripada semua lapisan pegawai dan kakitangan kerajaan kepada skim ini.

Mengenai Tabung Dana Pembinaan Masjid iaitu membuat pembinaan masjid secara umumnya. Satu lagi tabung-tabung yang ada di masjid-masjid iaitu merupakan jemaah menyumbang kepada masjid tempat ia bersembahyang pada lazimnya. Tabung-tabung sedemikian itu diperuntukkan untuk kegunaan masjid. Maka dalam mengoptimumkan penggunaan wang kutipan dari tabung-tabung masjid sedemikian beberapa inisiatif baharu akan diperkenalkan. Kemampuan dari masjid-masjid dari sudut kewangan akan dikategorikan kepada masjid yang berkemampuan dan masjid yang tidak berkemampuan ataupun yang sederhana dan kurang berkemampuan.

Ada sebanyak 117 buah masjid dengan termasuk beberapa buah surau dan balai ibadat, 47% atau hampir 50% daripada jumlah tersebut hanya mempunyai kewangan sekitar $1,000 kalau tetap dalam sebulan. Kemudian daripada itu, ada beberapa buah masjid $5,000 ke $10,000, $10,000 ke $15,000, $20,000 sampailah meningkat angka itu dan ada beberapa buah masjid memang mempunyai kewangan yang mantap. Kemampuan masjid-masjid dari sudut kewangan akan dikategorikan mengikut keadaan.

Selaras dengan pengkategorian itu, masjid-masjid akan diberikan tanggungjawab menggunakan wang kutipan berkenaan bagi membiayai aktiviti pentadbiran masjid dan juga yang akan ditekankan lagi ialah bagi membiayai sebahagian pemeliharaan masjid seperti membayar sebahagian

elaun tenaga pengajar Kelas Al-Quran dan Muqqadam, tenaga pembimbing kelas bimbingan muslimah dan pembayar khidmat *housekeeping* masjid-masjid yang pada masa ini dalam *term contract*.

Dalam Hal Ehwal Perundangan Syari'ah pula, Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memperkemas lagi Perintah Sijil Halal dan Label Halal, maka selari dengan keadaan dan kehendak semasa, langkah-langkah bagi mengadakan pindaan-pindaan tertentu telah dibuat. الْحَمْدُ لله Perintah Sijil Halal dan Label Halal Pindaan 2017 sedang dalam proses pewartaan dan akan berkuat kuasa beberapa bulan setelah tarikh ia diwartakan. Beberapa perkara penting diperuntukkan menerusi pindaan yang terkini itu, antaranya ialah seperti berikut:-

1. Mewajibkan permohonan Sijil/Permit Halal ke atas perniagaan yang berkaitan dengan penyediaan makanan di Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini, Akta tersebut adalah *voluntary* ;

2. Meluaskan skop Pensijilan Halal (secara sukarela) kepada produk selain makanan termasuk kosmetik, barang gunaan dan perkhidmatan *(logistic)* yang berkaitan dengan pengangkutan, penyimpanan atau pembungkusan dan sebagainya;

3. Meluaskan permohonan untuk mendapatkan Pensijilan Halal secara sukarela juga bagi perniagaan di luar Negara Brunei Darussalam;

4. Kuat kuasa di luar negeri adalah terpakai ke atas seseorang pemegang permit yang merupakan Rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau badan korporat yang didaftarkan atau diperbadankan di bawah undang-undang bertulis di Negara Brunei Darussalam; dan

5. Memperuntukkan kuasa untuk mengenakan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 itu.

Tempoh *grace period* 6 bulan, akan diberikan bagi mana-mana perniagaan untuk mendapatkan Pensijilan Halal sebagaimana berkenaan, iaitu bagi perniagaan yang telah beroperasi sejak sebelum pindaan ini berkuat kuasa, dalam tempoh 6 bulan selepas pindaan ini berkuat kuasa. Bagi perniagaan yang beroperasi sejak kuat kuasa pindaan ini dalam tempoh 6 bulan selepas beroperasi.

Perintah Sijil Halal dan Label Halal Pindaan, 2017 juga memperuntukkan kuasa menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau perniagaan tertentu dari kewajipan untuk memohon Pensijilan Halal tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditentukan.

Beberapa siri pemberigaan sedang dirancang oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal

Syari'ah, Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai persediaan ke arah penguat-kuasaan Perintah Sijil Halal ini dan usaha-usaha tersebut akan segera bermula apabila sahaja perintah pindaan tersebut diwartakan.

Dalam bidang undang-undang ini Yang Berhormat Pengerusi, seterusnya sukacita kaola menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah komited untuk menjalankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah sesuai dengan hasrat dan komitmen negara untuk melaksanakannya mengikut fasa-fasa pelaksanaannya.

Sebagaimana yang dimaklumi, Kanun Hukuman Mahkamah Syari'ah telah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2014 dengan pelaksanaan fasa yang pertama. Fasa-fasa berikutnya akan dilaksanakan mengikut keadah dan tempoh yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan secara berperingkat-peringkat adalah penting untuk membolehkan perancangan yang strategik dan tindakan-tindakan yang konkrit dari berbagai-bagai pihak supaya dapat diambil lebih dahulu untuk memastikan pelaksanaan Perintah Kanun pada fasa-fasa berikutnya akan berjalan dengan teratur dan sempurna.

Untuk setakat ini, kaola dapat mengongsikan beberapa tindakan awal, telah dan sedang diusahakan oleh berbagai-bagai agensi bukan sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi agensi-agensi yang berkenaan juga kerana Perintah Kanun ini adalah sebahagian daripada undang-undang negara, iaitu:

1. Semua agensi yang terlibat bagi memenuhi Pelan Strategik pelaksanaan undang-undang berkenaan. Kedudukan langkah-langkah persediaan yang sedang diusahakan setakat ini dari segi persediaan, penyediaan *standard operating procedure (SOP)* iaitu dari segi persediaan dari pihak penguat-kuasa, pendakwaan, mahkamah pelaksana hukuman iaitu yang melibatan Jabatan Penjara dan Kementerian Kesihatan; dan

2. Persediaan dari sudut latihan yang mana latihan pihak Penguatkuasa Ugama, Pasukan Polis dan Pendakwa Syari'e Pelaksana Hukuman, bukan melaksanakan hukuman saja-saja macam itu tetapi mesti juga cukup dengan latihan-latihan bagi perkara-perkara yang baharu yang bukan lazim dilakukan dalam undang-undang yang berjalan pada masa ini, termasuklah juga penyediaan infrastruktur kriteria dan bahan-bahan.

Berdasarkan kedudukan Pelan Strategik pelaksanaan undang-undang berhubung dengan tindakan dan perancangan pihak-pihak berkenaan itu, iaitu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sama ada dari sudut penyediaan *SOP*, latihan infrastruktur, tenaga manusia dan lain-lain perkara yang berkenaan seperti yang disebutkan tadi, maka dapatlah disimpulkan bahawa langkah-langkah persediaan telah dan

sedang diambil mengikut perancangan yang diharapkan bagi membolehkan fasa kedua Perintah Kanun berkenaan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang bersesuaian.

Pelan Strategik bagi menyediakan persediaan yang kemas dan teratur dari berbagai-bagai aspek serta tindakan konkrit dari semua pihak yang terlibat adalah merupakan satu faktor yang sangat penting bagi menentukan keberhasilan atau kejayaan di dalam melaksanakan apa juga perancangan, lebih-lebih lagi dalam perkara Undang-Undang Syari'ah ini, iaitu bagi melaksanakan suatu tugas yang sangat besar, pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah. Usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan dengan penuh keazaman dan iltizam serta yang penting sekali ialah bagi menjamin keadilan dan pelaksanaan secara profesional.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi. Sekali lagi kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan berharap dengan penerangan dalam mukadimah ini akan membuka ruang bagi kitani membincangkan lebih lanjut dan lebih produktif untuk menyokong perbelanjaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. وبالله التوفيق والهداية

وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penjelasan-penjelasan mengenai dengan terutamanya sasaran-sasaran dan perancangan bagi kementerian Yang Berhormat itu tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dahulu untuk membolehkan kita berehat selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula untuk membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan untuk berehat sebentar tadi.

Kita telah pun mendengar ucapan pendahuluan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Sekarang Tajuk ini akan saya bukakan untuk dibahaskan. Bersama saya ada senarai nama Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis yang suka untuk turut serta membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang

Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin dan hadirat sekalian. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ada 2 soalan:

1. Kepentingan membaca Al-Quran sebagai teman sejati dan panduan hidup sering ditekankan. Kitab suci Al-Quran mengandungi pelbagai pedoman dan rahsia yang tersirat untuk kebahagiaan duniawi dan ukhrawi. Kaola ingin merujuk kembali kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Musabaqah Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1438 bersamaan 2017. Baginda menekankan kepentingan guru serta sistem pengajaran dan pengawasan pembacaan Al-Quran.

   Baginda juga menggariskan mengenai pentauliahan guru-guru *private* khususnya bagi pengajaran pembacaan Al-Quran dan amali sembahyang. Soalan kaola;

2. Apakah langkah-langkah atau perancangan yang telah dan yang akan diambil oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memastikan guru-guru *private* ini mempunyai tauliah selaras dengan ketetapan undang-undang di samping menjamin mutu pengajaran dan mengawal kesahihan ajaran agama menurut fahaman dan amalan di negara kita ini?; dan

3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memeduli dan memelihara kesejahteraan dan kebajikan umat Islam khususnya Asnaf Fakir Miskin di negara ini. Mengikut laporan statistik Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam (MUIB) jumlah asnaf fakir miskin di negara ini setakat Tahun 2016 berjumlah sekitar 9,586 orang termasuk ketua keluarga dan tanggungan masing-masing.

   Soalan kaola. Apakah strategik pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan dan yang bukan kerajaan yang lainnya. Dalam memantau dan memastikan golongan Asnaf Fakir Miskin ini tidak bergantung sepenuhnya pada bantuan agihan zakat. Sebagai misalan dibekalkan dengan bantuan dari segi peralatan, modal perniagaan ataupun program-program peningkatan pengetahuan kemahiran dan tunjuk ajar agar mereka ini dapat berdiri?

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat yang mengemukakan 2 soalan. Pertama berhubung dengan kepentingan bacaan Al-Quran iaitu bagi memastikan pengajaran yang betul, kualiti serta termasuk amalan-amalan.

Apakah langkah kementerian untuk memastikan guru-guru yang diambil secara *private,* sebagaimana titah pada malam itu adalah mendapat tauliah? Kaola ingin menyatakan lebih dahulu bahawa tauliah mengajar agama dan mengajar membaca Al-Quran diaturkan di bawah undang-undang yang ada pada masa ini.

Kepada guru-guru *private* yang bukan bertugas ataupun dalam bidang keagamaan. Setakat ini misalannya Majlis Ugama Islam menubuhkan satu Jawatankuasa Bahagian Tauliah untuk memeriksa mereka itu ditemuduga dari segi Al-Quran, bacaannya. Kalau dari segi agama, amalan-amalannya atau rujukan-rujukan kitab-kitab dan sebagainya. Jadi, berdasarkan kepada mana yang didapati menepati kehendak dari segi standard pengajaran kalau Al-Quran ertinya bukan saja pandai membaca malah membaca dalam erti kata bertajwid dan teratur. Kerana itulah, ada setengah-setengah permohonan untuk mengajar Al-Quran hatta dari kalangan lepasan pengajian tinggi dalam bidang agama yang tidak dapat diluluskan berdasarkan pemeriksaan kriteria-kriteria ataupun kaedah-kaedah tertentu yang dikehendaki oleh jawatankuasa tersebut.

Begitu juga dalam bidang amalan-amalan dikirakan mereka itu tidak dapat menyebarkan amalan-amalan sebagaimana yang kita biasa amalkan di negara ini. Kalau mereka itu nampak-nampaknya akan membawa ajaran-ajaran atau amalan-amalan yang berlainan daripada ajaran dan amalan agama yang lazim mereka tidak diluluskan.

Pada setakat ini kaola ingin menyebutkan kebetulan diberikan oleh Majlis Ugama Islam mengenai datanya. Warganegara Brunei Darussalam yang telah dikeluarkan tauliah sebanyak 173 orang setakat ini iaitu bagi mengajar Al-Quran 66 orang, mengajar agama 45 orang dan mengajar Al-Quran agama dan berceramah agama seramai 72 orang. Status orang-orang yang memohon ini ialah lepasan pengajian tinggi sama ada dari dalam atau luar negeri, mahasiswa dan mahasiswi pengajian tinggi yang pada masa ini sedang belajar dalam negeri dan pesara-pesara perkhidmatan awam yang mempunyai kebolehan seperti guru-guru agama dan sebagainya.

Daripada bukan dari warganegara Brunei ataupun bukan tempatan mereka diberikan tauliah untuk tempoh satu tahun sahaja. Sementara bagi warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tempatan diberikan tempoh 2 tahun. Bagi warganegara asing tauliah yang dikeluarkan adalah sebanyak 41 orang, mengajar Al-Quran seramai 35 orang, mengajar Bahasa Arab 4 orang, Al-Quran, agama dan berceramah 2 orang. Mereka ini adalah guru-guru Al-Quran secara jawatan bagi syarikat-

syarikat, sekolah-sekolah dan juga pihak-pihak swasta iaitu seramai 23 orang terdiri daripada guru-guru mereka. Guru Bahasa Arab jawatan bagi sekolah-sekolah swasta seramai 4 orang, Peguam Syarie, pekerja buruh ataupun *domestic workers* termasuk amah, *driver,* mereka juga meminta tauliah dan mana yang layak ditauliahkan.

Jadi untuk memastikannya itu memanglah ada aturan-aturan dan dari semasa ke semasa perkara ini diambil perhatian, kalau ada laporan-laporan daripada orang ramai selain pemantauan pihak-pihak berkuasa agama iaitu Penguat Kuasa Ugama di Jabatan Syariah untuk memantau keadaan ini.

Jika ada hal-hal yang tidak selari atau hal-hal yang boleh dikatakan membawa kepada pengajaran-pengajaran yang tidak selari dengan amalan-amalan di negara ini akan segera diambil tindakan-tindakan yang bersesuaian.

Yang kedua, berhubung dengan asnaf zakat. Memang betul angka yang diberikan oleh Yang Berhormat bahawa angkanya sebanyak 9,586 termasuk keluarga. Mereka ini menerima bantuan secara tetap bulanan untuk tempoh 24 bulan. Kalau mengikut perangkaan pada masa ini dari 2016 ke 2017, dikumpul 4 bulan kemudian 2017 hingga tahun depan 2018 dua tahun. Kira-kira daripada Kumpulan Wang Zakat yang diagihkan kepada mereka secara sudah diakui bagi komitmen tahun 2016/2017, 2017/2018 ini hampir $36,000,000.00 yang meliputi bantuan kewangan, persekolahan, bantuan asasi, bantuan tempat kediaman. Ini dalam masa 24 bulan tidak termasuk agihan menjelang hari raya yang juga dalam jumlahnya kalau dalam tahun 2016 semuanya $9 juta.

Jumlah ini besar ditambah lagi dengan jumlah bantuan-bantuan perumahan, bantuan-bantuan dari jenis berkala misalannya membayarkan yuran sekolah, perubatan bagi pesakit-pesakit Islam yang tidak mempunyai kelayakan untuk mendapatkan subsidi perubatan ataupun perubatan percuma sebagai rakyat, kalau mereka itu memohon dan layak maka diberikan juga bantuan-bantuan bayaran perubatan dan termasuk juga bayaran modal untuk berniaga, untuk membiayai rancangan *propose* dan *propose apprentice* iaitu latihan-latihan dan termasuk juga untuk membayarkan hutang bagi Asnaf Al-Gharimin jadi jumlah yang kaola sebutkan terakhir ini sekitar 6 ke 7 juta jumlahnya. Jumlah kesemuanya dalam sekitar $46 juta membawa ke $47 juta.

Jadi bagaimana wang sebanyak ini? Inilah yang kita fikirkan. Wang yang sebanyak ini hanyakah setakat untuk menyambung kehidupan mereka? Memang itu tujuan zakat. Tujuan zakat ada asnafnya yang berhak menerima zakat, ada zakat yang terkumpul dan ada asnaf yang berhak menerima. Maka yang terkumpul ini wajib diberikan kepada mereka.

Sejauh mana ia mendatangkan kesan kepada masa hadapan mereka, itulah seperti namanya dirancang. Kalau pada masa ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam mempunyai perancangan untuk mencapai satu-satu *KPI* bagi hal ehwal kebajikan sosial rakyat di negara ini.

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan peneraju bagi kesejahteraan sosial ini. Dua kementerian ini berserta dengan beberapa kementerian yang menganggotai jawatankuasa sama-sama memikirkan bagaimana mengangkat taraf orang-orang yang bergantung pada bantuan zakat, agihan zakat, kebajikan JAPEM boleh dikeluarkan daripada kepompong kemiskinan.

Itu satu strategi tetapi strategi yang dapat diperkenalkan telah disebutkan antaranya ialah untuk mengenal pasti orang-orang yang layak untuk bekerja, diberikan latihan-latihan yang tertentu supaya mereka ini tidak selama-lamanya bergantung pada bantuan-bantuan.

الْحَمْدُ لله pembayar-pembayar zakat harta, melebihi 4,000 orang termasuk beberapa buah syarikat untuk membayar zakat perniagaan mereka dan mengikut angka tahun lepas lebih $17 juta terkumpul الْحَمْدُ لله

Jadi ada zakat ada yang berhak. Maka zakat yang berhak yang terkumpul ini diserahkan kepada yang berhak. Itu satu poinnya. Sejauh mana ia akan dapat menghilangkan pergantungan pada zakat, ini banyak faktor yang mengikat. Pertama kalau kebetulan mereka itu tidak layak dari untuk bekerja kerana faktor umur, kerana uzur dan sebagainya itu satu perkara yang jelas. Kalau mereka itu layak untuk bekerja dan masih boleh berusaha, inilah usaha kita untuk menjadikan mereka itu benar-benar bergantung pada tenaga mereka yang masih boleh bekerja dan sebagainya.

Cuma satu perkara mengikut pemerhatian Kementerian Hal Ehwal Ugama sekalipun mereka itu dari kalangan orang yang bekerja tetap termasuk pegawai kakitangan kerajaan peringkat rendah Divisyen V dan sebagainya, mempunyai keluarga yang ramai dan mempunyai komitmen yang banyak seperti membayar rumah, kereta dan sebagainya, tidak mencukupi untuk menampung kehidupan.

Kadar kecukupan itu diambil kira dalam memberikan mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk seseorang termasuk dari kategori untuk menerima atau tidak menerima zakat. Pada masa ini termasuklah kalangan yang bekerja dan mempunyai pendapatan di sektor kerajaan dan di sektor *private* yang tidak kecukupan juga mendapat agihan tersebut.

Kitani tidak dapat menyesali hal ini. Dari segi agama kaola dapat bercakap perkara ini tidak boleh dikesali. Ini fenomena yang ditentukan oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sedemikian. Orang mungkin berkira fenomena ekonomi dihitung dengan angka-angka tetapi kaola melihat dari segi keagamaan bahawa yang penting ialah hikmahnya.

Bagi Negara Brunei Darussalam ada pembayar zakat dan ada penerima-penerimanya dan zakat ini diurus dengan baik. الْحَمْدُ لله di Brunei sekalipun seramai 9,000 Yang Berhormat Pehin

sebutkan tadi fakir dan miskin tidak ada yang meminta sedekah di jalan-jalan.

Di Negara Brunei Darussalam الْحَمْدُ لله dengan adanya zakat sedemikian ini, kehidupan orang yang susah itu tertampung. Jadi kita tidak dapat menyesali semata-mata kerana mereka ini bergantung-bergantung. Tetapi pergantungan mereka itu ada faktor-faktornya macam yang kaola sebutkan tadi. Misalannya tidak kecukupan, yang bergaji Divisyen V, $455.00 minimumnya ditambah dengan elaun-elaun $650-$670, mempunyai anak 5 orang masih bersekolah. Atau ada anak yang sudah lepas bersekolah tapi belum bekerja. Jadi $600 tinggal di luar bandar menaiki kereta kenderaan awam yang tidak *sufficient* yang kita akui pada masa ini.

Mereka bukan saja terpaksa membeli kereta, membayar minyak, tinggal di luar bandar tentu perbelanjaan minyak lebih besar dan untuk membayar kereta mereka tidak mempunyai kecukupan wang untuk dibayar tunai tetapi dengan secara berhutang, terpaksa dibayar dan sebagainya.

Jadi keadaan ini, الْحَمْدُ لله kaola bersyukur ada pembayar zakat di Negara Brunei Darussalam secara konsisten. Antara $16 juta ke $18 juta setahun dan dengan itu keadaan sosial kita boleh dikatakan mantap dan menyumbang kepada kemantapan negara pada keseluruhannya. Cita-cita kita untuk mengangkat taraf mereka memang ada dalam program-program itu Yang Berhormat. Program PROPAZ untuk mengangkat taraf mereka mempunyai kelayakan, untuk memberikan mereka modal ada program-programnya dan mereka tampillah memohon kepada bahagian zakat untuk dipertimbangkan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bertanya mengenai perancangan bagi menggubal suatu akta khusus untuk mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan, pengedaran dan pelupusan teks Al-Quran dan bahan Al-Quran termasuk peruntukan tatacara berkaitan dengannya dan hukum-hukum bagi kesalahan yang dilakukan.

Pada masa ini Al-Quran dan bahan-bahan Al-Quran terdapat dalam pelbagai kegunaan. Antaranya dalam bentuk penerbitan, percetakan seperti buku, surat khabar, majalah, cenderamata, barang perhiasan, hiasan berbingkai, cakera optik termasuk *CD, VCD, DVD*, *memory card, ipad,* telefon bimbit, *sticker, poster,* kain rentang, pakaian dan ukiran. Al-Quran adalah wahyu daripada أَللهِ sebagai petunjuk kepada manusia. Oleh itu ayat-ayat suci Al-Quran perlulah dipelihara dengan baik dari segi pembuatan, pengendalian, penjualan dan termasuklah pelupusannya. Dengan adanya akta tersebut maka setiap aspek pengendaliannya akan dapat mengawal

pencemaran, kemuliaan dan kesucian Al-Quran memandangkan:

1. Percetakan dan pembuatan buku, kain rentang, *poster,* hiasan bangunan dan sebagainya dikendalikan sebahagian besar oleh orang yang bukan beragama Islam; dan
2. Terdapat penjualan yang dilakukan di tempat yang jijik dan tercemar seperti bersebelahan dengan tandas, kawasan penjualan daging haram dan seumpamanya.

Pengawalan yang ada pada masa ini adalah tidak mencukupi kerana tidak ada peruntukan bagi menghukum mereka yang membuat kesalahan kecuali:

1. Peruntukan yang terdapat dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 Bab 111 – Mempermainkan dan lain-lain ayat Al-Quran, hadis atau perkara yang wajib dengan ijma'; dan
2. Akta Wajib Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Bab 188, - Buku-Buku Agama dan Bab 189 - Menyalahgunakan Al-Quran (telah dimansuhkan) dan digantikan dengan Bab 213, 214 dan 215 di bawah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.

Untuk makluman akta khusus untuk mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan, pengedaran dan penghapusan teks Al-Quran dan bahan Al-Quran terdapat di negara jiran kita, Malaysia dan Indonesia. Pertanyaan kaola. Sekiranya perkara tersebut di atas telah dan sedang dalam proses untuk diaktakan, bilakah ia akan berkuat kuasa? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri tadi juga ada menyebutkan beberapa undang-undang termasuk kanun yang baharu dan juga akta-akta untuk mengawal setakat mana yang boleh mengawalnya.

Kalau dari segi penerbitan. Pada masa ini akta yang kita pakai ialah di bawah Akta Penerbitan Yang Tidak Diingini di bawah kuat kuasa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan dalam bidang penerbitan-penerbitan agama diserahkan kepada Pusat Da'wah Islamiah dan berjalan sebagaimana adanya pada masa ini.

Misalannya pencemaran ataupun penyalahgunaan dan sebagainya, ada akta dan undang-undangnya sebagaimana yang juga disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Pelupusan juga, aturan-aturan bagi pelupusannya ada prosedurnya yang sudah dibuat mengenainya. Tinggal lagi bagaimana untuk melengkapkan akta-akta atau undang-undang yang sedia ada. Itu satu perkara yang sangat menarik dan pertanyaan Yang Berhormat sangat relevan terutama sekali mengenai mushaf Al-Quran dan apa-apa juga yang berhubung dengan ayat-ayat Al-Quran yang diterbitkan.

Kita pada setakat ini bergantung pada akta yang berkaitan dengan Penerbitan-

Penerbitan Yang Tidak Diingini. Jadi penapisan kepada mushaf-mushaf yang dimasukkan ke negeri ini adalah di bawah sedemikian itu. Ini dirasakan tidak meliputi selengkapnya sebagaimana yang dihasratkan kerana mushaf-mushaf itu bukan setakat huruf-huruf, ejaan-ejaan dan makna-maknanya tetapi juga bukan sahaja dalam mushaf yang 30 juzuk bahkan seperti mana yang kita sendiri menerbitkan dalam negeri setiap musim perayaan Hari Keputeraan, Hari Kebangsaan dan hari-hari kebesaran Islam, kita menerbitkan ayat-ayat Al-Quran dan ini tidak terkawal. Memang ada pemikiran untuk membuat satu aturan atau undang-undang yang tertentu khusus mengenai perkara ini.

Kalau di negara jiran kita memang ada khusus satu Lembaga Penyemak Mushaf Al-Quran di bawah kuat kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Malaysia. Mengapa ia di bawah kuat kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia kerana bidang yang akan dikenakan dalam undang-undang itu bukan bidang-bidang yang tertakluk kalau diserahkan kepada negeri kalau bidang agama sahaja tertakluk kepada negeri-negeri kerana kuasa-kuasa agama adalah kuasa-kuasa negeri di bawah perlembagaan negeri berkenaan iaitu Malaysia tetapi oleh kerana isunya itu ialah isu yang mesti dilihat di peringkat federal, maka undang-undang itu adalah bersifat undang-undang persekutuan kerana itulah ia diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam konteks kita di Negara Brunei Darussalam, kitani mesti melihat bahawa Undang-Undang Penerbitan Yang Tidak Diingini secara umum ia di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi jika berhubung dengan penerbitan-penerbitan agama khususnya mushaf ini adalah bidang agama. Bidang agama adalah bidang Majlis Ugama Islam dan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah *arms* kepada Majlis Ugama Islam Brunei.

Oleh yang demikian, bilakah undang-undang yang dirasakan perlu untuk diadakan? Mudah-mudahanlah dengan berkat semua, kitani berdoa perkara itu akan dapat diadakan pada masa yang terdekat nanti. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menimbulkan perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kaola sukacita merujuk Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama:

1. Dicadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama mengkaji dan mempertimbangkan dasar pengambilan calon Sekolah Arab

yang melibatkan pelajar Tahun 4 di sekolah-sekolah umum. Perkara ini menjejaskan prestasi sekolah umum kerana banyak pelajar yang berkualiti berpindah ke Sekolah Arab yang sekali gus menjejaskan keputusan peperiksaan PSR di sekolah umum. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan Sekolah Arab bermula dari prasekolah untuk memungkinkan pelajar berkenaan mantap dan fasih berbahasa Arab dan memudahkan ibu bapa memilih sekolah;

2. Dicadangkan ada kesinambungan bagi penubuhan Sekolah Menengah Arab Atas di Daerah Belait iaitu sehingga ke Tingkatan 5 atau 6, yang pada masa ini hanya setakat menengah bawah iaitu Tingkatan 2 sahaja. Dipohonkan agar cadangan itu dapat dimasukkan dalam RKN seterusnya nanti; dan

3. Penuntut yang memasuki Sekolah Arab yang datangnya dari pedalaman di Daerah Belait supaya akan diberi kemudahan tempat tinggal atau seumpamanya. Jika pun tidak ada kemudahan tersebut, maka penuntut ini mestilah diarahkan untuk memasuki Sekolah Mahad Islam Tutong atau Sekolah Arab yang mempunyai asrama tanpa ibu bapa perlu menghadapkan surat permohonan pertukaran sekolah kepada Jabatan Pengajian Islam, Daerah Belait.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat tadi mengemukakan 3 perkara iaitu agar Kementerian Hal Ehwal Ugama memulakan persekolahan Arab dari peringkat pra.

1. Perkara ini boleh kitani lihat untuk perancangan jangka masa hadapan dari segi keperluannya dan kesesuaiannya yang kitani fikirkan dengan keupayaan persekolahan sedemikian. Mengenai perkara yang kaola dengar tadi, mengenai cara pengambilan calon Sekolah Arab pada masa ini bagi murid-murid Tahun 4 terdiri daripada yang berkaliber, cerdik dan maju masuk ke Sekolah Arab, yang menyebabkan sekolah umum kehilangan bakat-bakat tersebut, sepatutnya tidaklah boleh dikatakan sedemikian. Para ibu bapa mempunyai hak untuk memilih Sekolah Arab atau mana-mana sekolah untuk anak mereka, dan ini adalah pilihan mereka masing-masing.

   Oleh yang demikian, kitani jangan lupa bahawa sebagaimana yang kaola bentangkan tadi, pencapaian-pencapaian Sekolah Arab, bukan sahaja dalam bidang mata pelajaran Arab dan agama bahkan mereka juga diberikan mata pelajaran dalam bidang peperiksaan umum seperti PSR, *'O' Level*, dan *'A' Level* adalah selaras dan mereka itu ialah terdiri

daripada anak-anak kitani. Oleh yang demikian, daripada mana sekolah umum pun anak-anak tersebut belajar, termasuk Sekolah Arab, mereka adalah anak-anak Brunei. Apapun pencapaian mereka dalam bidang tersebut, disebut juga anak-anak Brunei mencapai suatu kejayaan. Oleh itu, kitani harus berbangga kerana di mana-mana pun ia belajar, ia dapat mencapai suatu taraf pelajaran yang baik mengikut sistem yang ditentukan iaitu dasar pelajaran negara, itu satu poin;

2. Mengenai cadangan bagi Sekolah Arab peringkat bawah untuk diteruskan ke peringkat Sekolah Menengah Arab Atas di Daerah Belait, itu tertakluk kepada perancangan yang kaola sebutkan tadi. Kementerian Hal Ehwal Ugama merancang untuk memperbanyakkan Sekolah Arab dan apabila banyak bangunannya, bermakna peningkatan ke daerah-daerah juga sedemikian, maka anak-anak di daerah-daerah tidak perlu lagi berpindah sekolah ke daerah lain atau ke pusat lagi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah, jika ada sekolah menengah terdapat di daerah tersebut sebagaimana idealnya tetapi ia juga bergantung ke atas perancangan-perancangan kitani; dan

3. Mengenai pelajar di pedalaman untuk ditempatkan di asrama, perkara ini kaola rasa dapat dirujuk kepada pihak yang berkenaan. Fahaman kaola, jika kanak-kanak di pedalaman itu kalau sudah sampai masuk belajar ke peringkat menengah dan sebagainya, mereka akan ditempatkan ke sekolah berasrama. Kaola akan merujuk perkara ini lebih dahulu, Yang Berhormat Pengerusi dan kaola memohon maaf. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas الْحَمْدُ لله mukadimah yang disampaikan dan tahniah juga atas usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Kaola ingin merujuk mengenai 2 perkara iaitu Tajuk SJ01A, Kod Akaun 002/002 – Pentadbiran Masjid:

1. Kaola pernah menyuarakan إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini semasa permuzakarahan bersama pihak kementerian dan kaola ingin menyuarakan lagi mengenai perlunya belia masjid diberi الْحَمْدُ لله perhatian untuk pengupayaan. di beberapa buah masjid, Program Belia Masjid telah berjalan dengan baik. Kaola ingin memberi cadangan jika program serta pegawai-pegawai berkenaan ditingkatkan kapasitinya dalam kerja pembangunan belia. Kaola percaya dengan pengupayaan belia-belia masjid, masjid dapat diimarahkan dan belia-belia dapat menarik belia

lain secara positif *via influence* atau yang dipanggil pengaruh positif rakan sebaya untuk mendekatkan diri dengan masjid yang menyediakan program bersifat keagamaan yang bukan sahaja bermanfaat tetapi juga menarik para belia; dan

2. Tajuk SJ01A, Kod Akaun 002/003 – Penyebaran Da'wah. الْحَمْدُ لله setentunya sudah ada usaha melalui undang-undang atau penapisan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memastikan ilmu berkaitan agama yang disebarkan di Negara Brunei Darussalam adalah betul seperti yang diterangkan serba sedikit tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

   Namun pada masa ini, sudah banyak cara baharu ilmu yang disebarkan termasuk yang berkaitan dengan agama Islam seperti contoh melalui media sosial seperti *YouTube*, *Facebook* dan *Whatsapp*, aplikasi yang dapat dimuat turun dalam telefon bimbit ataupun komputer, rancangan-rancangan televisyen luar negara melalui satelit atau laman sesawang di *internet* dan buku-buku yang senang diperolehi daripada jualan kiub-kiub media sosial atau dijual secara *secondhand*. Soalan kaola ialah, bagaimana cara orang ramai untuk mengenal pasti isi kandungan media ini termasuk media cetak dan media baharu seperti laman sesawang, aplikasi dan buku-buku serta rancangan-rancangan tersebut selamat untuk dijadikan bahan bacaan atau rujukan? Sekiranya ia diterbitkan oleh Jabatan Pusat Da'wah Islamiah atau pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama tidaklah diragui isi kandungannya akan tetapi apa yang memberi kekhuatiran ialah terbitan dari luar negara atau melalui penyebaran media sosial? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Sebenarnya ini adalah aktivis belia-belia masjid dan mudah-mudahan ia akan menyambung kegiatannya untuk sama-sama mengaktifkan lagi belia masjid seramai lebih 2,000 orang seluruh negara, satu kumpulan dan satu kekuatan yang baik dari segi akar umbi dan akar umbi itu daripada kalangan belia. الْحَمْدُ لله mudah-mudahan perkara ini iaitu belia masjid akan terus berkembang aktif secara teratur.

Kaola mengalu-alukan, memang sebagai rancangan ke hadapan belia-belia masjid ini berperanan kalau di masjidnya itu maknanya diqariahnya sekurang-kurangnya sebagai mulut jihad, sebagai pekerja sosial di samping mereka itu juga diperkaya dan dibimbing dalam hal perkara-perkara agama.

Mereka juga menyumbang kepada masyarakat qariahnya bersama-sama dengan Jawatankuasa Takmir Masjid.

Jadi, perancangan-perancangan yang secara sistematik, teratur pada masa ini seporadik, jadi mudah-mudahan dengan adanya pemikiran-pemikiran seperti ini dan kita akan duduk bersama-sama mudah-mudahan dengan siapa-siapa yang berminat pada perkara ini akan dapat abiskaola ajak bersama berunding untuk memikirkan apa rancangan yang sistematik bagi belia masjid ini. Kaola mengucapkan terima kasih.

Mengenai penyebaran dakwah, kita pun mengetahui Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, semuanya adalah *arms* kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kalaulah semuanya ini bergerak untuk menapis dan sebagainya ia tidak terdaya kerana dalam dunia siber itu bukan satu hala, ia bermacam-macam hala dan sebagainya.

Apa yang dapat dibuat, Pusat Da'wah Islamiah sekarang ini mempunyai dakwah seperti dalam media sosial, *instagram, twitter, facebook* dan sebagainya. Tinggal lagi bagaimana maklumat-maklumat dari *windows* sebelahnya misalnya sampai kepada Pusat Da'wah Islamiah untuk dinilai dan setelah itu penilaian akan diberitahu kepada orang ramai yang merupakan satu perkara lagi.

Pada keseluruhannya kita mestilah mempunyai sikap berhati-hati dalam perkara agama ini.

Jika seseorang menerima *posting* daripada rakannya sama ada daripada grupnya tertentu ataupun dari luar rakan grup, ada perkara agama yang kurang pasti sebaik-baiknya dirujuk segera kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, pihak-pihak agama atau kepada individu-individu agama kepada siapa-siapa. Jadi, barangkali walaupun mungkin tidak secara *instant* mungkin memakan masa beberapa jam atau hari juga akan dapat diperjelaskan mengenai perkara itu.

Kaola mengambil contoh ada di*viral* kan berhubung dengan ceramah agama yang dipetik / dimuat turun berhubung dengan perkara amalan-amalan yang ada kaitan dengan kita. Ia menyebutkan perkara itu tidak ada dalam ajaran agama, sedangkan kita di Brunei mengamalkannya seperti Maulud Nabi, Sambutan Awal Tahun Muharram dan sebagainya. Jadi kitani dibida'ahkan. Orang ramai yang berkenaan merujuk kepada pihak-pihak berkenaan, misalannya kepada individu di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan terus dijelaskan sejelas-jelasnya mengenai perkara itu.

Itulah yang dapat kita buat mengenai perkara itu, tetapi jangan kita bercakap mengenai media sosial ini dari segi negatifnya, kalau media sosial untuk perkembangan ilmu, penyampaian dan sebagainya, sebagaimana ia juga untuk penyebaran berbagai-bagai ilmu dan ia juga telah berperanan untuk menyebarkan ilmu-ilmu agama dan sangat berkesan. Umpamanya aplikasi mengenai Al-Quran dan tafsirnya sudah ada dalam *handphone* kita, hadis pun sedemikian, jadi ia salah satu daripadanya.

Jadi, kita mestilah bersikap berhati-hati, sentiasa bersikap positif terhadap apa-apa perkembangan teknologi. Teknologi ia cuma alat sebagaimana juga alat gelas untuk kita minum. Kita biasa minum air tetapi orang yang tidak apa-apa halangan dari segi agamanya untuk meminum minuman keras, mereka meminum minuman keras, menyediakan hidangan sedemikian mengikut kelaziman mereka.

Tetapi mengikut kelaziman kita, kita gunakan alat yang sama gelas untuk meminum / menuang air, cerek dan sebagainya untuk memasak air dan sebagainya. Tinggal macam mana alat dipergunakan untuk mendidik kita menjadi pengguna yang baik. Itulah tanggungjawab agensi-agensi seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, agensi pihak sosial, pendidikan, institusi keluarga dan orang ramai bersama-sama إِنْ شَاءَ اللَّهُ Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لله lebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi, sukacita kaola mengajukan menghadapkan 3 perkara iaitu 1 perkara untuk cadangan dan 2 perkara untuk pertanyaan dalam Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kaola ingin menghadapkan satu cadangan iaitu setiap premis, kedai dan pejabat menghormati azan sembahyang fardhu setiap waktu. الْحَمْدُ لله negara kita dalam proses menjadi sebuah negara yang melaksanakan hukum أَللهِ sepenuhnya sama ada dari aspek bernegara, bermasyarakat dan beragama.

Salah satu langkah yang sangat tepat dan berani Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengisytiharkan Pelaksanaan Perintah Kanun Jenayah Syariah yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2014 yang sebagaimana baginda titahkan pada 30 April 2013 dalam Majlis Deklarasi Perintah Kanun Keseksaan Jenayah Syariah 2013 Fasa Satu yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Di samping itu baginda juga sering menekankan bahawa setiap kita segenap lapisan masyarakat perlu mengorak langkah secara konsisten bagi merealisasikan hasrat baginda supaya negara kita ini menjadi Negara Zikir yang bermatlamatkan menjadi negara yang aman makmur yang penduduknya mendapat keampunan daripada

أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ seperti yang tersebut dalam firman أَللهِ dalam Surah Saba, Ayat 15:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُوْرٌ ﴿١٥﴾

"Negeri yang baik, aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun"

Pada menjunjung hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir, beberapa langkah untuk merealisasikan hasrat baginda telah dilaksanakan antaranya penutupan sementara semua premis, kedai, restoran dan semua kegiatan berniaga setiap hari Jumaat mulai pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.00 petang iaitu selama 2 jam.

Bagi tujuan menghormati orang-orang Islam Sembahyang Jumaat, الْحَمْدُ لله berasaskan tinjauan arahan ini dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan dan kita juga mendapat pujian daripada pelancong-pelancong yang berkunjung ke negara ini, gambaran imej yang baik dan positif daripada orang luar terhadap negara kita ini.

Kaola merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H bersamaan 2017M di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas baru-baru ini. Baginda bertitah menyatakan "Ada pihak sama ada agensi atau bukan kerajaan, apabila mengadakan satu-satu pogram atau acara mereka tidak mengambil kira keperluan menunaikan sembahyang, bahawa ibadat sembahyang itu adalah Fardhu 'Ain, wajib ditunaikan pada waktunya. Adapun apa jua program atau acara tambah baginda tidak boleh jadi alasan untuk meninggalkan sembahyang".

Berasaskan perkara yang kaola nyatakan tadi dalam Dewan yang mulia ini kaola mencadangkan seperti berikut:

1. Sudah tiba masanya kita laratkan lagi kepada arahan atau ketetapan yang lebih menyeluruh iaitu setiap premis, kedai, restoran dan semua kegiatan berniaga dan bekerja termasuklah kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, institusi-institusi pendidikan serta syarikat-syarikat swasta memberhentikan kegiatan sementara sekurang-kurangnya selama 30 minit apabila azan dilaungkan bagi memberi peluang pekerja atau pelajar Islam untuk menunaikan sembahyang fardhu di samping menghormati laungan azan yang sewajarnya wajib dihormati. Sehubungan dengan itu, apabila ia dilaksanakan, maka dicadangkan supaya setiap premis atau kedai yang jauh dari masjid supaya menyediakan kemudahan musala dan tempat berwudhu; dan

2. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menuju ke soalan pertanyaan mengenai dengan Masjid Skim Perumahan Negara Kampung Mengkubau dan Panchor dan Skim Perumahan Negara Kampung Meragang. Kaola mewakili daerah Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri. Peningkatan penduduk di Skim Perumahan Negara Kampung

Mengkubau dan Panchor dan Skim Perumahan Negara Kampung Meragang yang amat ketara memerlukan sekurang-kurangnya sebuah masjid untuk penduduk melakukan ibadah, sembahyang berjemaah selain sembahyang Jumaat yang mana mungkin sahaja jumlah jemaahnya akan bertambah.

Pertanyaan kaola dalam hubungan ini, masyarakat yang tinggal di tempat berkenaan ingin mengetahui perancangan dalam masa dekat ini untuk membina masjid berkenaan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesesakan masjid-masjid di bawah Mukim Serasa dan masjid-masjid di Mukim Mentiri? Kaola ingin juga bertanya mengenai Tabung Dana Pembinaan Masjid. Adakah dibolehkan sumbangan secara potongan gaji pencen diteruskan kepada mereka yang berpencen dengan tujuan memberi peluang orang-orang berpencen dengan cara yang mudah beramal jariah meningkatkan saham akhirat? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

Mengenai perkara setiap premis supaya mengadakan tempat sembahyang dan menghormati laungan azan (menghormati waktu sembahyang).

Sebenarnya dalam keadaan sekarang ini pun, tanpa ada aturan-aturan tertentu sedemikian, pihak-pihak yang berkenaan, bangunan-bangunan tertentu seperti kompleks beli-belah, kompleks perdagangan bahkan juga dalam kompleks yang sering didatangi atau dikunjungi oleh orang ramai. Anak-anak muda ataupun keluarga-keluarga muda yang membawa anak-anak mereka untuk menonton wayang misalannya ada tempat sembahyang. Dan kaola merasa bangga melihat orang-orang kitani, apabila cukup waktu sebelum masuk ke dalam panggung, walaupun mereka sudah berhimpun lebih awal tetapi sebelum mereka masuk ke dalam panggung, mereka berbaris untuk bersembahyang di tempat yang disediakan dalam kapasitinya tidaklah besar dan tidak luas dan menghendaki orang berbaris dan sebagainya.

Ini satu fenomena yang kaola rasa, kitani ini jangan terlampau *regimental* dalam perkara agama terutama sekali kitani melihat perkembangan dan kesedaran berugama itu ada pada orang Islam. الْحَمْدُ لله Hal-hal yang tidak dipaksakan sedemikian ini akan lebih sebati dan menjadi budaya kepada amalan seseorang terutama sekali mengenai sembahyang.

Mengenai menghormati laungan azan sebenarnya kitani pun kalau mendengar azan kedengaran dari luar sepatutnya kitani berhenti jika dalam mesyuarat dan kitani berhenti itu pun sudah dikira kita menghormatinya. Tetapi adakah praktikal untuk kitani mengadakan lagi satu peraturan bagi setiap waktu itu berhenti dalam beberapa minit sementara bagi menunaikan sembahyang itu akan kitani kaji dari semasa ke semasa. Kerana kalau dilihat pada masa ini pun di setiap jabatan ada

kemudahan untuk bersembahyang dan di setiap kementerian, bangunan-bangunan ada sembahyang berjemaah dan semua ini berjalan bukan secara undang-undang tapi secara yang biasa dapat dilakukan dan sebagainya.

Satu perkara dalam konteks perkara ini dihubungkan oleh Yang Berhormat dengan Negara Zikir Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengambil kesempatan, terutama sekali apabila kita sering menyebut menjadikan Brunei ini sebagai Negara Zikir dan Yang Berhormat sendiri pun menyebutkannya.

Kita jangan keliru sebenarnya perkataan menjadikan Brunei Negara Zikir, bukan bermakna selama ini Brunei belum lagi Negara Zikir, jangan silap. Secara formal dan non formal, kerajaan dari segi amalan-amalan rasmi sudah mengamalkan konsep zikir. Kalau kita kembali saja misalannya contoh dokumen yang tertinggi bagi negara ialah perlembagaan.

Di dalam perlembagaan mukadimahnya dalam *preamble* بِسْمِ اللهِ itu الْحَمْدُ لله dengan nya dengan selawatnya yang teratur. Itu sudah zikir, jauh dalam tahun 1959 dan lebih jauh lagi daripada itu dalam adat istiadat bergelar, apa lagi berpuspa semuanya ada konsep zikir itu. Jadi maksud menjadikan Negara Zikir ini ialah mengetarakannya apa yang sudah ada dan disempurnakan sesuai dengan fenomena Brunei yang islamik ini.

Brunei negara Islam dalam erti kata berpemerintahan raja Islam dengan majoriti penduduknya adalah mengamalkan agama Islam dan kehidupannya dipengaruhi oleh cara-cara ajaran Islam.

Ini harus kita ketarakan dan inilah yang menjadikan ia sebagai Negara Zikir, bukannya belum menjadi Negara Zikir atau belum ada zikir itu dikonsepkan baru beberapa tahun ini barulah kita ke arah mengetarakannya. Itu yang kaola mahu tegaskan Yang Berhormat Pengerusi.

Cadangan daripada Yang Berhormat supaya premis-premis akan menyediakan tempat-tempat sembahyang. Mudah-mudahan perkara ini bukan jadi aturan tetapi akan menjadi sebagai pemerhatian kepada pihak-pihak berkenaan, sebagaimana juga yang kita lihat yang kaola sebutkan tadi bangunan-bangunan tertentu sudah mengadakan kemudahan-kemudahan sembahyang ini di bangunan-bangunan perniagaan masing-masing. Kemudian di bangunan-bangunan kerajaan pun sudah ada sedemikian.

Jadi untuk mengadakannya misalannya lihat sahaja surau ada di Dermaga. Tujuan asal surau itu menggantikan surau lama bagi gerai-gerai di Jalan Residency. Sekarang ini buat sementara peniaga-peniaga tersebut sudah berpindah ke tempat lain tetapi orang ramai boleh menggunakan surau di sana. Tidak semestinya sebuah kedai ada tempat sembahyang bagi orang-orangnya. Pengertian untuk menunaikan sembahyang, ini kaola ingin menyambungkan Yang Berhormat Pengerusi apabila saja ketetapan aturan menghendaki semua premis-premis termasuk rekreasi-rekreasi, kedai makan

dan sebagainya supaya ditutup dari pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.00 petang untuk mereka bersembahyang.

Ada aduan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang diterima daripada Pejabat Buruh dari pekerja-pekerja yang mengadukan mereka tidak dibenarkan sembahyang. Aduan-aduan itu telah diperiksa dan telah disiasat. Kenyataannya ada kebenarannya mereka tidak sembahyang, bukan tidak dibenarkan. Waktu itu kedai memang tutup, memang tidak akan bertugas, tetapi mereka itu menggunakan masa di tempatnya itu dengan kegunaan-kegunaan yang lain. Kerana itulah, lepas itu mereka itu dikenakan tindakan yang lain mengikut aturan-aturan dari segi perniagaan.

Macam itulah jua beberapa aduan yang diterima pada masa ini. Yang Berhormat Pengerusi. Abis kaola ada menerima aduan umpamanya mengenai sembahyang Jumaat ini, bahawa ada syarikat-syarikat besar kononnya yang tidak membenarkan pekerja-pekerjanya yang terdiri daripada orang Islam untuk berehat dari kerja untuk menunaikan sembahyang.

Aduan-aduan itu telah diteliti dan disiasat. Pada masa penyiasatan dijalankan tidak ada kejadian yang sebenarnya. Malah ada tanda-tanda mereka itu diaturkan bersembahyang di masjid tertentu termasuklah Projek Jambatan Temburong dan projek-projek perumahan sekitar Brunei Muara dan sebagainya.

Semuanya ini menunjukkan ada semacam kegigihan untuk melaksanakan amalan agama dengan baik. Tinggal lagi kitani mengamalkan dengan cara baik, teratur dan tidak akan menyia-yiakan peluang yang ada. Inilah namanya kita mengetarakan Negara Zikir, bukan menjadikan Negara Brunei Darussalam baru menjadi Negara Zikir.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat tentang perumahan negara bilakah penduduk di Mengkubau dan penduduk Meragang memiliki masjid. Perancangan sudah ada dalam RKN Ke-10 yang lalu. Sudah pun dalam peringkat penyiapan segala-galanya iaitu dari segi pelan tapak tanah yang memang sedia ada bahkan di peringkat untuk tawaran dan sebagainya. Oleh sebab keadaan kewangan tidak mengizinkan, maka rancangan itu ditangguhkan.

الْحَمْدُ لله sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dalam RKN Ke-12, kerajaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan membangun masjid. Kaola sengaja tadi tidak menyebutkan di mana masjid 11 buah yang dirancang oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam rancangan RKN Ke-11 itu. Sebenarnya termasuklah Masjid Kampung Panchor Mengkubau, Daerah Brunei dan Muara, Masjid Kampung Meragang, Daerah Brunei dan Muara.

Di Daerah Brunei dan Muara ada 6 buah iaitu di Tanah Jambu, Junjungan, Perumahan Negara Kampung Lugu dan Perumahan Negara Kampung Rimba, Daerah Tutong 2 buah, Daerah Belait 2 buah dan Daerah Temburong 1 buah.

Kaola berharap, mudah-mudahan keadaan kewangan mencukupi untuk kerajaan berbelanja membangun masjid.

Tabung Dana Pembinaan Masjid adakah boleh dilaratkan kepada orang-orang yang berpencen? Perkara ini boleh dipertimbangkan. Jangan lupa tidak semestinya melalui potongan gaji mereka menyumbang.

Kementerian memahami Yang Berhormat Pengerusi sebaik-baiknya melihat kepada jumlah yang dikutip setiap Jumaat dan wang itu terkumpul setiap bulan ada penyatanya di dalam *bank* yang datang dari tabung di masjid-masjid. Penyumbang-penyumbang terdiri daripada berbagai-bagai peringkat termasuk orang-orang yang sudah bersara, memang menyumbang dalam perkara ini kerana jumlah itu boleh dikatakan dalam kadar yang baik yang kaola sebutkan tadi $200,000.00 setiap bulan bagi seluruh negeri الْحَمْدُ لله bahkan angka itu yang rendah Yang Berhormat Pengerusi tetapi kalau dikira bulan Februari sahaja $233,000.00.

Kalau praktikal bagaimana persara-persara itu yang menerima pencen mereka melalui saluran-saluran tertentu dapat menyumbang secara potongan daripada pencen bolehlah kitani fikirkan kesesuaiannya pada masa hadapan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan yang telah diberikan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama terhadap soalan-soalan dan sokongan-sokongan, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Bersama saya masih lagi ramai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam perbincangan mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Maka saya berpandangan ada baiknya pada masa ini Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi membolehkan kita untuk berehat pada tengah hari ini dan kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.00 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada sebelah pagi tadi, kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Pada masa itu, kita masih lagi membahaskan Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka bagi membolehkan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi terus menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa kita masih lagi membahaskan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bersama saya masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membincangkan Tajuk berkenaan. Walau bagaimanapun saya dimaklumkan, bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meminta laluan untuk memberikan beberapa penerangan mengenai persoalan yang ditimbulkan sebelum kitani menimbangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menjawab soalan daripada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu yang pertama, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad mengenai perkembangan keluaran buah durian di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai jawapan, berkenaan hasil durian di Negara Brunei Darussalam masih lagi rendah iaitu sebanyak 37 metrik tan sahaja pada 2016. Ini adalah kerana penanaman masih secara kecil-kecilan serta kebanyakannya diusahakan oleh peladang-peladang sambilan (*part-time farmers)* dan ditanam secara pulau buah.

Di samping itu, pengurusan ladang juga kurang mengamalkan pengurusan yang baik seperti dari segi pembajaan, pengairan dan pengawalan musuh perosak dan penyakit tanaman. Selain itu, keadaan cuaca yang tidak menentu antara kering dan hujan juga mempengaruhi produktiviti pengeluaran hasil ladang buah-buahan tempatan termasuk durian yang buah-

buahan bermusim memerlukan cuaca kering yang berterusan 3-4 bulan bagi mencapai produktiviti yang optimum.

Walau bagaimanapun, pada masa ini pihak kementerian juga berusaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil buah-buahan tempatan bagi buah-buahan yang bermusim dan tidak bermusim termasuk durian dengan menggalakkan penanaman secara komersial atau berskala besar dengan menawarkan tapak-tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian melalui *Request For Proposal (RFP)* seperti di KKP Batang Mitus iaitu sekitar 121 hektar dan ditapak KKP di Merangking sekitar 100 hektar atau lebih yang akan ditawarkan pada bulan April 2017 ini.

Di samping itu, pihak kementerian juga melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga berusaha untuk menggalakkan para peladang untuk mengamalkan pengurusan ladang yang baik dengan memberi latihan atau tunjuk cara kepada peladang-peladang berkenaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil dan produktiviti ladang-ladang yang sedia ada untuk mencapai *KPI* yang telah ditetapkan.

Soalan berkenaan cadangan untuk *standard* tidak akan bergantung lagi dengan *standard* negara lain. *Standar*dnya adalah di bawah Pusat *Standard* Kebangsaan, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan merupakan komite teknikal bagi sektor yang berkaitan seperti Komite Teknikal bagi Tanaman Pertanian, Komite Teknikal Pembungkusan Makanan dan Jawatankuasa bagi Logo Pemeriksaan *Veterinary* dan Kumpulan Kerja bagi *HACCP* di bawah Komite Teknikal Sistem Pengurusan. Pada masa ini, terdapat dua *standard* kebangsaan yang telah diluluskan di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu BRUNEI *GAP* (Amalan Pertanian Baik) dan *Brunei Standard Organic Agriculture* bagi *vegetable and fruits*. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan masih giat berusaha untuk membangunkan standard pertanian dan agrimakanan termasuklah standard bagi durian, lada, biabas, papaya dan lain-lain komoditi yang mempunyai nilai komersial. Standard bagi sos cili dan standard amalan pengilangan yang baik.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari iaitu pindaan ke atas Akta Perlindungan Binatang Liar 1978. Akta Perlindungan Binatang Liar yang sedia ada ini telah pun wujud sejak tahun 1978 dan telah dipinda buat pertama kali pada tahun 1984. Untuk itu, perundangan yang sedia ada ini perlu dikemas kini untuk penambahbaikan selaras dengan keperluan perkembangan semasa agar sejajar dengan perundangan yang berkuat kuasa di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

Di samping itu juga, bagi memastikan versi semakan yang baharu ini nanti adalah komprehensif dan cukup praktikal untuk dilaksanakan. Pada

masa ini Bahagian Hidupan Liar dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara sedang melaksanakan proses pindaan perundangan ini. Antara pindaan yang dicadangkan oleh Bahagian Hidupan Liar adalah seperti yang berikut:-

1. Menambah bilangan *Protected Species* dari 34 *Species* sedia ada, dengan mengambil kira senarai spesis tempatan dalam *International Union For Conservation of Nature, Red List of Threaten Species and Convention on International Trade and Endangered Species for Fauna and Flora.* Ini termasuklah menyenaraikan beruang madu (*honey bear*), tenggiling, yang Yang Berhormat nyatakan tadi;

2. Mengadakan hukuman dan *penalti* yang lebih berat;

3. Memperketatkan peraturan ke atas pengeluaran permit dan lesen berburu, membunuh, menangkap, menjual, memelihara, memiliki, mengeksport dan mengimport termasuklah mengawal ekspo dan pameran binatang liar; dan

4. Menubuhkan dan mewartakan *sanctuary* binatang liar di atas tapak yang telah diwartakan seperti hutan simpan (*forest reserve*) secara *double gazettement* atau kawasan baharu khusus bagi *wild life sanctuary*. *Sanctuary* binatang liar ini boleh dijadikan sebagai tempat perlindungan dan tempat melepaskan, program pemulihan dan pembiakan. Ini bagi memudahkan inventori dan pemantauan binatang liar dapat dibuat serta boleh dijadikan lokasi untuk penyelidikan dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam pengurusan hidupan liar di negara ini.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Untuk meneruskan perbincangan kita sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sesi Mesyuarat pagi tadi berhubung dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama tahun 2017/2018. Jelas sekali menggambarkan akan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama khusus dalam 5 bidang fokus utama ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup beragama.

Kaola akan membawa perkara Kod Akaun 002/002. Sukacita kaola ingin menyuarakan mengenai Projek Regenerasi Kampung Sungai Kedayan. Apa yang kaola faham projek berkenaan adalah untuk menaik taraf Bandar Seri Begawan berpandukan Pelan Induk Bandar Seri Begawan yang berfungsi

sebagai tempat riadah. Menyediakan platform *PPP* untuk menjana ekonomi di samping tempat tarikan kepada pelancong.

Dalam projek transformasi ini, kita akan melihat betapa Bandar Seri Begawan nanti akan menjadi tempat lebih menarik dan baharu. Masjid Omar 'Ali Saifuddien salah sebuah masjid terbesar dan tertua di Negara Brunei Darussalam akan dikelilingi dengan projek-projek moden. Yang nyata beberapa buah kampung telah pun dikosongkan bagi projek ini. Yang Kaola tahu hanya tinggal penduduk yang menetap di Kampung Limbungan dan Ujung Bukit sahaja yang menjadi jemaah yang bermukim bagi masjid berkenaan. Mungkin saja kedua-dua kampung berkenaan akan dikosongkan jua, akan termasuk dalam projek menaik taraf ini nanti.

Kemusykilan kaola, jika ini berlaku siapakah yang akan menjadi ahli jemaah yang bermastautin bagi masjid berkenaan bagi mencukupkan bilangan wajib untuk menunaikan solat fardhu Jumaat, dan lagi adakah perkara ini sudah dibincangkan bersama kementerian-kementerian terlibat dalam sama-sama memikirkan bagaimana usaha memakmurkan masjid dengan meramaikan ahli qariah masjid seperti zaman dahulu iaitu zaman masjid mula dibina selain ia menjadi salah satu tempat tarikan pelancong?

Soalan seterusnya, perkara ini kaola pernah sampaikan semasa muzakarah dengan Jabatan Perdana Menteri. Tetapi kaola rasa ia perlu jua kaola ajukan sekali lagi ke pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana ianya ada kaitan dengan Majlis Ugama Islam Brunei. Ini berhubung dengan hafiz-hafiz Al-Quran.

Apa yang kaola teliti dalam Anggaran Belanjawan 2017/2018 Kementerian Hal Ehwal Ugama, peningkatan jumlah huffaz adalah antara *indicator* yang diberi keutamaan. Menurut sejarah pada tahun 1992, kita telah dapat melahirkan seorang hafiz Al-Quran yang telah menyelamatkan negara kitani dari tuntutan Fardhu Kifayah, dan sekarang bilangan hafiz Al-Quran semakin bertambah. Mudah-mudahan dengan pertambahan ini, negara akan semakin bertambah berkat.

Cadangan kaola Yang Berhormat Pengerusi, apakah kiranya mereka ini diberi tempat dalam adat-istiadat negara sebagaimana jua Penghulu dan Ketua Kampung, imam-imam dan bilal. Mungkin jua lebih diberi keutamaan sebagaimana kedudukan pehin-pehin khatib dan mudim-mudim.

Sebagaimana penjelasan yang disampaikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, kutipan Tabung Dana Masjid mencapai $4.6 juta dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ melalui kutipan ini akan mula dibina sebuah masjid hasil kutipan dari dana berkenaan. Kalau kaola tidak silap masjid pertama hendak dibina ialah masjid di Kampung Tanjung Bunut.

Sebagai satu cadangan kaola, bisai kiranya ia dapat diberigakan kepada orang awam secara meluas segala

perancangan masjid-masjid yang bakal dibina melalui kutipan Dana Tabung Masjid ini berserta dengan peruntukan jumlah pembinaannya sekali. Mungkin saja dengan mengetahui perancangan masjid yang mana satu bakal dibina dahulu berserta dengan peruntukan binaannya, akan menarik ramai lagi penderma untuk sama-sama mengambil saham dalam pembinaannya. Sebagai contoh kita lihat saja, bila ada musibah kebakaran atau bantuan kemiskinan untuk individu tertentu akan menarik ramai yang tampil untuk turut sama memberi bantuan menghulurkan derma dan sebagainya. Maka, kaola memohon cadangan pemberigaan ini dapat dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Kaola mohon izin Yang Berhormat Pengerusi sebelum kaola merespons pandangan-pandangan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali, kaola mengambil kesempatan menjawab soalan yang kaola minta tangguh untuk menjawab daripada Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput mengenai pelajar dari pedalaman yang bersekolah di sekolah Arab supaya secara automatik ditempatkan di asrama.

Secara ringkasnya, dengan persetujuan ibu bapa secara automatik sudah dilakukan selama ini bagi pelajar-pelajar dari pedalaman semasa mendaftar ke sekolah-sekolah Arab di daerah-daerah, mereka apabila diketahui dari pedalaman akan diberikan tempat tinggal di asrama secara automatik tetapi dengan persetujuan ibu bapa.

Cuma, pelajar-pelajar tersebut mengikut tingkatan yang tertentu. Kaola ingin menjelaskan bahawa bagi pelajar lelaki akan ditempatkan di Mahad Islam, Tutong iaitu pelajar Tahun 5 sehingga Tahun 11 dan di Asrama Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah di Bandar Seri Begawan bagi pelajar-pelajar pra-u iaitu Tingkatan 6.

Manakala, pelajar perempuan akan ditempatkan di Asrama Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan iaitu pelajar Tahun 5 dan Tahun 6 dan Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah. Asrama Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bagi pelajar Tahun 7 dan Tahun 11.

Jelasnya, Yang Berhormat Pengerusi secara automatik memang dengan persetujuan ibu bapa dan mengikut tingkatan-tingkatan pelajar.

Sekarang, kaola kembali mengenai soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon megenai Projek Regenerasi Sungai Kedayan dan transformasi Bandar Seri Begawan yang menjejaskan beberapa buah kampung iaitu Sungai Kedayan, Bukit Salat, Sungai Kedayan 'B' sudah tiada dan dipindahkan penduduknya ke Rancangan Perumahan Negara dan tinggal lagi

Kampung Limbungan yang berdekatan. Soalannya sekarang ialah siapakah lagi yang menjadi penduduk bermastautin yang akan menjadi jemaah Masjid Omar 'Ali Saiffudien.

Kaola ingin menegaskan dalam perancangan transformasi Bandar Seri Begawan dan perancangan regenerasi Sungai Kedayan, perkara ini memang telah difikirkan, tetapi dalam masa yang sama juga didapati bahawa perkembangan kawasan-kawasan yang dinamakan qariah tadahan bagi sesebuah masjid di negara kitani ini terutama sekali di kawasan yang penduduknya bertambah ramai, tadahan itu sudah makin luas. Umpamanya sahaja kalau pada masa dahulu Masjid Omar 'Ali Saifuddien dibina pada penghujung tahun 50-an dan sehingga pada tahun 60-an, tiada masjid di Sungai Kebun, di Kampung Burong Pingai, di Kampung Tamoi, di Kampung Pelambayan dan di Kampung Pintu Malim. Kalau dikira jemaah yang bermastautin adalah jemaah yang merangkum tetapi apabila masjid didirikan di kawasan berkenaan jemaahnya kalau dikira sudah berkurang ganya terbuka lagi di kawasan seperti Mabohai, Jalan Kebangsaan dan Kumbang Pasang dan lain-lain.

Ada lagi masjid iaitu Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Sebenarnya tadahan bagi permastautin itu sudah luas Yang Berhormat Pengerusi dan untuk mencukupkan 40 orang itu inda kitani watir. Cuma tinggal lagi yang kitani khuatirkan masjid atu karang inda ramai lagi jemaahnya, itu sahaja. Langkah-langkah bagaimana untuk mengatasi supaya masjid itu tidak sunyi sepi, setakat ini kitani melihat di bandar pada waktu Zuhur, Asar pekerja-pekerja yang di sektor-sektor swasta di sekitar masjid itu menjadi jemaah yang boleh dikatakan masjid itu masih lagi makmur.

Mengenai peningkatan jumlah huffaz ertinya orang-orang yang sudah hafaz Al-Quran sudah bertambah dan mereka ini الْحَمْدُ لله dapat juga menjalankan fungsi sebagai menanai demi keberkatan negara ini iaitu orang-orang yang di dalam dadanya ada ayat-ayat Al-Quran. Tinggal lagi apakah mereka ini sesuai diberikan tempat di majlis-majlis beristiadat.

Perkara itu bolehlah nanti dilihati dengan pihak-pihak berkenaan kesesuaiannya untuk setandingkan mereka dengan orang-orang yang mempunyai kedudukan tertentu yang terdiri misalannya daripada Ketua Kampung orang bergelar dan sebagainya, tertakluk kepada kesesuaiannya menurut pihak-pihak yang berkenaan. Kementerian akan melihat perkara ini.

Kutipan Tabung Dana. Bisai kiranya ia akan diberigakan secara meluas. Maksud Yang Berhormat ini ialah supaya ada perancangan yang jelas kepada orang ramai. Memang sekarang ini dalam pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama melihat kepada kemajuan sambutan orang ramai terhadap tabung ini, akan dirancangkan misalannya dalam rancangan untuk 5 tahun berdasarkan pendapatan pada masa ini $200 ribu sebulan, bermakna $2.4 juta setahun,

dalam masa 5 tahun kita akan beroleh $12 juta ke $13 juta.

Untuk itu jawatankuasa bolehlah merancang, kutipan sebanyak $12-$13 juta dalam tempoh 5 tahun itu berapa sahaja masjid yang akan dibangunkan dan di mana? Berapa sahaja peruntukan lagi untuk pemeliharaan masjid dalam erti kata membesarkan masjid-masjid yang perlu dibesarkan, memperbaiki masjid-masjid yang perlu diperbaiki, menyediakan prasarana-prasarana, kemudahan-kemudahan untuk beribadat di masjid-masjid dan sebagainya.

Kalau sudah payu nanti dirundingkan di peringkat jawatankuasa dan akan dilihat lagi di Majlis Ugama Islam sebagai pemegang dasarnya, kalau yang berkenaan sesuai maka ia akan diberigakan. Lurus seperti nya Yang Berhormat takdirnya sudah dipersetujui akan diberigakan bahawa untuk 5 tahun ini, kutipan kitani dijangka sekian-sekian, kitani akan membangun masjid di kampung ani dan pembaikan masjid untuk ani.

Jadi, untuk pembaikan masjid itu, karang orang-orang merasakan *sense of belongings,* ia melihat kalau ia kelurusan berjalan di keretanya dengan suami isteri 'eh lai liat tu masjid ah, ada usin kitani tu' ada semacam kebanggaan jua. Jadi الْحَمْدُ لله cadangan Yang Berhormat itu termasuk dalam perkara-perkara untuk difikirkan, sangat baik. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, lebih dahulu kaola menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas taklimat dan ucapannya pagi tadi.

Dalam kesempatan ini, kaola rasa terpanggil untuk memberi pandangan dan saranan dalam menyokong Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun 2017/2018.

Kaola menyentuh Sekolah Agama iaitu - Sekolah Rendah Ugama (bukan aliran Arab), kalau tidak silap bermula tahun 1956 matlamatnya ialah untuk menyempurnakan fardhu ain terutama ibadah sembahyang termasuk ibadah sembahyang serta pandai membaca Al-Quran dan mengamalkannya dan memelihara akidah. Ia bermula dari umur 5 tahun sehingga 11 tahun iaitu setelah berada di sekolah ugama 7 tahun. Kita dikejutkan setelah kajian diadakan, bahawa kesempurnaan bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadah sembahyang di sekolah agama dan pengajian-pengajian tinggi masih lemah dan membimbangkan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Penutupan Musabaqah Al-Quran

Peringkat Dewasa beberapa hari yang lepas.

Kaola ingin mencadangkan, supaya Skim Pelaksanaan Skim Pengajaran Sekolah Agama lebih memberatkan penghayatan amalan dan menanamkan rasa takwa dan kehambaan kepada ﷲ. Daripada prasekolah hingga menamatkan persekolahan dengan mengurangkan penekanan yang lebih berat kepada kelulusan peperiksaan sehingga terabai matlamat tersebut. Kita maklum bahawa sekolah agama ini, kerajaan hanya menghadkan sampai Darjah 6, ertinya tidak ada Darjah 7, Darjah 8. Setelah lulus Darjah 6, Sijil Darjah 6 itu tidak dapat untuk melanjutkan ke pengajiaan tinggi kecuali sekolah Arab.

Jadi matlamatnya ialah untuk melepaskan fardhu ain iaitu murid-murid yang lulus sekolah agama itu kerajaan ataupun ibu bapa merasakan dan mengharapkan bahawa setelah lulus Darjah 6 fardhu ain anak-anaknya telah selesai dan tanggungjawab kerajaan kepada rakyatnya telah selesai, boleh membaca Al-Quran. Jadi tidak timbul lagi masalah tidak pandai membaca Al-Quran, tidak timbul lagi tidak sembahyang kerana di sekolah itu telah ditempatkan guru-guru yang berpengalaman dan secara percuma, peralatan yang lengkap.

Jadi, kenapa ada timbul masalah tersebut, tentu ada masalahnya. Sebab itu mesti ditanamkan roh arah kanak-kanak itu, ia takut meninggalkan sembahyang itu, macam kita yang masa kini, kita meninggalkan sembahyang kita rasa takut dan berat. Kalau boleh ditanamkan daripada umur kanak-kanak itu dari prasekolah. Itulah yang diharapkan oleh ibu bapa dan kerajaan.

Kaola juga ingin menyentuh mengenai pentadbiran masjid di seluruh negara. Kaola tidak menafikan bahawa Pegawai Masjid telah melaksanakan aktiviti pentadbiran masjid masing-masing. Kaola hanya mencadangkan supaya aktiviti pentadbiran masjid dilaksanakan atau diperkemaskan, diperkasakan supaya aktiviti ke arah pentadbiran masjid yang sebenar dan benar-benar dapat menzahirkan syiar Islam kepada seluruh isi mukim dan kampung tempat masjid itu berada. Ertinya, kalau ada jadual kuliah ugama selepas Maghrib maka ia berjalan berterusan bukan sehari, lepas itu 5 hari, sebulan baru ada, ertinya diperkasakan hingga sentiasa ada.

Kaola maklum bahawa Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui bahagian imarahnya telah menyediakan beberapa program dan aktiviti untuk dilaksanakan di masjid-masjid seluruh negara seperti kuliah mingguan atau harian. Seperti kita maklum ceramah atau kuliah yang berkala diadakan seperti kursus-kursus, forum dan pengetahuan belia dan sempena hari kebesaran Islam. Tidak ada alasan untuk pegawai-pegawai masjid tidak melaksanakan pentadbiran masjid lebih kemas dan teratur lagi.

Sebagai tambahan, kaola mencadangkan supaya Jabatan Hal Ehwal Masjid mengadakan aktiviti khusus untuk masjid-masjid utama dan masjid mukim

iaitu mempunyai satu identiti yang tersendiri sehingga orang ramai tahu akan keunikan masjid tersebut melalui aktiviti dan program kursus untuk masjid tersebut, sama ada secara mingguan atau bulanan seperti kuliah hadis, tafsir Al-Quran dan sebagainya. Sebagai contoh, setiap malam Khamis masjid 'A' akan mengadakan ceramah hadis, masjid 'B' akan mengadakan ceramah tafsir dan masjid 'C' membaca kitab yang lama misalannya kitab kuning yang disebutkan. Begitulah seterusnya masjid-masjid lain akan mengadakan program-program yang berlainan. Kaola percaya melalui program identiti ini tentunya dapat melahirkan Imam Mualim dan dapat meningkatkan kesedaran terutamanya tentang fungsi masjid yang bukan hanya sebagai tempat beribadat, sembahyang semata-mata tetapi salah satu pusat gedung ilmu.

Menyentuh mengenai pelupusan kitab. Pada masa ini, jika berlaku kerosakan pada Al-Quran dan kitab-kitab di sekolah-sekolah ugama, di sekolah-sekolah Arab dan di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan sekolah menengah akan dikumpul dan dimusnahkan oleh Jawatankuasa Pelupusan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola mencadangkan supaya diadakan tempat pelupusan Al-Quran dan kitab yang dipunyai oleh orang awam kerana sebahagian orang awam berlaku kerosakan Al-Quran dan kitab-kitab. Umpamanya banjir, tentu ada berlaku kerosakan atau Al-Quran yang sudah lama yang sudah berumur 20-30 tahun. Mereka ini nampaknya membakar sendiri di kawasan rumah mereka atau membuang ke dalam sungai dan yang menyedihkan ada yang memasukkan kotak plastik dan membuang ke dalam tong sampah, sebagaimana yang kaola nampak.

Oleh yang demikian, tempat pelupusan untuk orang awam sekurang-kurang diadakan di setiap daerah ataupun satu di seluruh negara bagi memudahkan orang ramai menghantar dan membuang untuk memusnahkan pelupusan kitab tersebut.

Menyentuh mengenai bantuan fakir miskin. Pada masa ini tidak dapat dinafikan bahawa bantuan kepada fakir miskin adalah melalui wang tunai iaitu dihulurkan secara bayaran bulanan atau mengikut kategori Asnaf masing-masing. Ada juga yang dibayar secara ansuran bulanan melalui bank. Kaola ingin mencadangkan satu yang baharu, mungkin boleh dibuat suatu masa nanti iaitu dengan memberi pinjaman kepada mereka yang layak untuk meminjam wang, untuk kegunaan berniaga misalannya secara kecil-kecilan iaitu dengan melihat kadang-kadang keluarga itu ada daripada anaknya setelah berjaya tetapi tidak dapat menamatkan persekolahannya tetapi ada minat berniaga secara kecil-kecilan.

Jadi disediakan kewangan $5,000 ke bawah, tetapi mesti dibayar supaya kita melatih jangan sampai mereka ini hanya menerima bantuan sampai seumur hidup mereka. Dengan adanya bantuan pinjaman tersebut mereka

merasa bertanggungjawab dan mereka satu masa nanti akan melepaskan diri mereka daripada berterusan sebagai orang yang memerlukan bantuan sampai seumur hidup mereka.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله perhatian kepada pelajaran ugama ini semakin meningkat terutama sekali setelah beberapa hari mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

Memanglah, sudah pasti bahawa kajian itu sebagaimana yang dititahkan oleh baginda pada tahun lepas dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan Kementerian Pendidikan telah membuat kajian kerana ia melibatkan semua murid dan pelajar dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Hasil kajian itu telah menemukan langkah-langkah mengatasi dari sembahyang dan langkah-langkah mengatasi akan difikirkan berdasarkan penemuan-penemuan tersebut.

Satu aspek yang menarik daripada Yang Berhormat itu, ialah tentang penekanan pelajaran dalam persekolahan ugama iaitu sekolah rendah ugama dari darjah pra hingga Darjah 6, yang tujuan asalnya ialah kerajaan melepaskan tanggungjawabnya dengan mendidik sebagaimana jua seperti ibu bapa dalam keluarga dengan mendidik rakyatnya yang Islam supaya dapat menunaikan fardhu ain. Fardhu ain dari segi amalan, kewajipan yang ditentukan dalam rukun dan juga dari segi akidah dalam perkara mengenai Rukun Iman dan Rukun Islam. Jadi masalah inilah yang antaranya yang sedang berlegar di pemikiran kita termasuk Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Tidak dinafikan untuk masa depan, berikutan daripada perubahan-perubahan dalam senario pendidikan kita, kita akan menentukan apa sebaik-baiknya mata pelajaran yang dapat ditawarkan oleh sekolah ugama dan bagaimana penekanan untuk mencapai objektif matlamat yang sebenarnya.

Pada masa ini ialah ada mata-mata pelajaran dengan sedemikian bentuk rupanya, pelajaran-pelajaran akhlak dan sebagainya yang dinamakan tasauf pelajaran adab sebenarnya itu. Jadi semuanya akan kitani *consolidate* bagaimana ia dapat mendukung hasrat yang sedemikian itu. Sebenarnya hasil daripada kajian itu adalah membuka mata sebesar-besarnya untuk menerima hakikat, sejauh mana persekolahan agama rendah sudah mencapai objektifnya dan ke hadapan bagaimana dan apa lagi yang dapat dibuat. Bahkan kitani memikirkan kalau menyebut tadi itu, pada masa ini sudah ada umpamanya, ini suatu perkara yang pratikal untuk kitani fikirkan.

Pada masa ini ada pelajaran-pelajaran agama yang seperti orang ramai/ibu bapa merasakan tidak cukup di sekolah, lalu mereka mendatangkan guru-guru

untuk mengajar anak-anak mereka sembahyang dan mengaji. Mana-mana ibu bapa yang mampu, yang boleh membimbing, mengajar sembahyang dan mengaji mereka lakukan sendiri tetapi sebahagiannya walau mampu tetapi oleh sebab kesibukan-kesibukan yang tertentu, mereka *outsource* mengenai perkara-perkara ini.

Jadi ini menandakan satu rasa tidak *secure* bahawa anak-anak mereka ini telah pun belajar di sekolah ugama namun tidak kelihatan ia terjamin melaksanakan kewajipan-kewajipan ugama. Hal-hal sedemikian inilah memberikan ilham dan masukan bagaimana kitani memperbaiki persekolahan ugama pada masa hadapan dan untuk diperkembangkan seterusnya, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kalau kitani sudah nanti menemukan satu formula tertentu selari dengan dasar pelajaran kebangsaan kitani.

Berhubung dengan pentadbiran aktiviti masjid. Kitani masih ingat barangkali beberapa tahun dahulu, Kementerian Hal Ewhal Ugama berusaha dan berjaya mendapatkan beberapa jawatan bahkan jawatan baharu dalam erti kata pegawai-pegawai masjid berijazah. Sekarang ini mereka itu sama ada menjadi Imam atau sebagai jadi Pentadbir Hal Ehwal Masjid.

Dari rancangan asalnya pun mereka inilah yang akan menjadi pusat atau sumber ilmu di masjid-masjid di kariah masing-masing, itulah harapan. Lalu diadakan beberapa program Takmir Masjid yang bersifat keilmuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat mengakui perkara ini sudah ada, tinggal lagi perlu ditingkatkan pentakmirannya dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersetuju dan mengalu-alukan pemikiran sedemikian itu bahawa kita perlu meningkatkan dan mengaktifan apa yang sudah sedia ada ini dan mencari ruang-ruang baharu untuk memperbaikinya lagi termasuk seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa ada aktiviti-aktiviti khusus bagi sesebuah masjid di mukim dan kampung dengan secara bergilir-gilir masjid itu akan dikenali pada hari-hari tertentu mengadakan aktiviti membaca hadis, kitab-kitab lama, tafsir Al-Quran, tazkirah dan sebagainya. Ini satu cadangan yang baik untuk meningkatkan aktiviti satu dan untuk mutu aktiviti itu. Tinggal lagi bagaimana ia akan berjaya tertakluk juga bagaimana setiap orang yang dipertanggungjawabkan itu akan dapat melaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama memandang ke hadapan dan berazam untuk cuba menyelesaikan isu-isu, umpamanya ada hal-hal yang negatif yang dirasakan oleh jemaah-jemaah yang tidak sepatutnya terus menerus berlaku dan tidak diambil tindakan oleh kementerian atau Jabatan Hal Ehwal Masjid. Kementerian Hal Ehwal Ugama, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan memandang ke hadapan dengan serius dalam perkara ini kerana perkara ini sudah sampai kepada satu peringkat yang agak kronik

kalau tidak diselesaikan dari sekarang. Jadi kaola mengalu-alukan pandangan-pandangan yang sedemikian.

Mengenai pelupusan kitab dan mushaf terutama sekali yang dikatakan memanglah ada kalau kepunyaan kerajaan iaitu sekolah-sekolah dan kenapa ada tempat pelupusan yang tertentu dengan ada jawatankuasanya dan sebagainya tetapi bagaimana dengan orang ramai dan akibatnya kerana tidak ada tempat yang tertentu orang ramai melakukan pembakaran hingga meletakkan atau membungkusnya dengan plastik dan meletakkannya di tempat pembuangan sampah dan sebagainya. Ini perlu diaturkan. Kaola menyambut baik perkara ini untuk kementerian mengambil sebagai bahan untuk difikirkan bagaimana sebaik-baiknya.

Agihan kepada fakir miskin supaya memberikan pinjaman. Ada satu perkara iaitu, zakat adalah untuk asnaf dan fakir miskin yang akan diberikan pinjaman ini adalah asnaf. Sebenarnya mereka tidak perlu meminjam dan tidak perlu diberi pinjaman. Kalau benar-benar mahu berusaha dan usahanya itu benar-benar *viable* , ada tanda-tanda untuk berjaya, sila datang ke Bahagian Zakat, Majlis Ugama Islam untuk mengemukakan perkaranya. Sama juga misalannya bank, memerlukan satu perancangan bisnes macam itulah juga bagi Majlis Ugama Islam Bahagian Zakat ingin mengetahui perancangannya. Kalau benar mereka itu asnaf, mereka tidak perlu meminjam, mereka akan diberi modal.

Dalam program sekarang ini pun ada sedemikian dan pernah sudah berlaku tetapi *percentage* kejayaannya tidaklah boleh kalau kaola sebut sebagai membanggakan Yang Berhomat Pengerusi malah sebaliknya. Pengalaman-pengalaman yang lalu untuk menjadi nelayan diberikan perahu dan alat-alat menangkap ikan tetapi tidak sampai ke mana dan untuk menjadi penambang diberikan perahu dan enjin tetapi juga telah dijual dan sebagainya.

Jadi ini tidak dapat disalahkan dalam erti kata Majlis Ugama Islam bukannya orang-orangnya yang akan memantau kejayaan sesuatu bisnes yang diusahakan oleh orang-orang yang dibantunya. Jadi dalam hal ini, dalam erti kata yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu pinjaman, bagi kaola selama ia fakir miskin dan ia akan berusaha zakat akan sedia menunggunya. Macam itulah Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas ucapan pendahuluan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Di bawah Tajuk SJ01A/004/001 – Pemakanan dan Barangan Halal. Kaola

ingin mengetahui tentang anggaran perbelanjaran yang meningkat dari tahun 2016/2017 ke tahun 2017/2018 dan di mana peruntukan itu diutamakan. Kaola berharap bahawa sebahagian perbelanjaan ini akan diusahakan untuk meningkatkan proses permohonan Sijil Halal secara *online* dengan sepenuhnya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertanyaan daripada Yang Berhormat, kaola memohon untuk menangguhkan bagi merujuk kepada pihak-pihak berkenaan secara jelasnya kerana mengenai peruntukan agak terperinci dan yang kedua perancangan untuk permohonan Sijil Halal secara *online*. Diharap Yang Berhormat memberikan waktu yang cukup. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kaola ingin mengemuka kan isu-isu berkaitan Tajuk SJ01A - Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kod Akaun 005/003 iaitu Pengajian Menengah yang berjumlah $69,201,550.00. Kod Akaun 005/004 Pengajian Rendah berjumlah $94,444,690.00 dan Kod Akaun 002/002 Pentakmiran Masjid $15,785,450.00. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam peruntukan ini kaola bercakap mengenai memperkasakan bacaan Al-Quran di pengajian rendah, pengajian menengah dan dalam pentakmiran masjid. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan kaola:-

1. Adakah Anggaran Perbekalan ini boleh digunakan ke arah pendidikan Al-Quran?

   Kaola mempunyai pemikiran pendidikan bacaan Al-Quran bertaranum sudah sampai masanya diajar secara menyeluruh dari peringkat awal kanak-kanak di sekolah-sekolah ugama dan sebagai kesinambungan kita memerlukan pendidikan ini di masjid-masjid bagi menampung dan menghalusi bacaan. Sehubungan ini, jika bersesuaian qari dan qariah yang pernah mengikuti pertandingan antarabangsa supaya ditugaskan melaksanakan tugas ini iaitu bacaan Al-Quran secara taranum. Jika bilangan qari dan qariah itu belum begitu ramai adalah dicadangkan supaya pembahagian penempatan di masjid-masjid mukim yang ramai penduduk sahaja dahulu buat permulaan di setiap daerah misalannya 3 qari dan 3 qariah di Daerah Brunei Muara, 1 qari dan 1 qariah di Daerah Temburong, 2 qari dan 2 qariah di Daerah Tutong dan 2

qari dan qariah di Daerah Kuala Belait secara tetap.

Jika tidak mencukupi bolehlah dilaksanakan secara berjadual. Hal ini dapat membantu meningkatkan pembacaan Al-Quran cara teranum dan mencerahkan peluang orang ramai, qari dan qariah di negara kita ikut serta apa jua pertandingan-pertandingan antarabangsa. Selain itu menggalakkan kanak-kanak remaja dan belia datang ke masjid agar ianya menjadi budaya dan kebiasaan mengimarahkan masjid menerusi aktiviti bacaan Al-Quran taranum.

Di samping itu, menyahut seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Majlis Pertandingan Akhir Musabaqah pada 9 Mac 2017 mengenai perlunya dipelajari bacaan Al-Quran cara bertaranum. Membaca Al-Quran berkumpulan bersama ibu bapa dan anak-anak boleh mengukuhkan institusi keluarga.

Oleh itu, disarankan kalau boleh dilaksanakan pula sambutan Minggu Keluarga Al-Quran yang pengisian acara dipelbagaikan seperti membaca Al-Quran, mentafsir, memahami makna, menulis ayat-ayat Al-Quran dan lain-lain yang berkaitan. Kaola petik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada 17 Ramadan 1433 bersaman 5 Ogos 2012. Antara lain titah baginda:

"ke arah menjayakan gagasan ini, semua keluarga di negara ini perlulah memberikan perhatian yang serius terhadap pengajian Al-Quran bagi kanak-kanak. Tidak ada siapa yang patut terkecuali daripada tanggungjawab ini. Sesungguhnya tidak syak lagi keluarga yang hebat lagi bahagia itu adalah keluarga Al-Quran";

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tadi pagi bagi menjawab soalan salah seorang daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan ada 2 masjid di Daerah Tutong termasuk di dalam perancangan untuk dibina;

Sehubungan dengan itu, kaola mengambil peluang dalam Tajuk ini untuk menyampaikan hasrat penduduk Kampung Ukong di Daerah Tutong yang sudah ramai penduduknya beragama Islam agar termasuk dalam rancangan tersebut yang sudah ada mempunyai tapak yang diwakafkan oleh seorang hamba ﷲ. Untuk makluman selama ini penduduk Kampung Ukong bersembahyang kadang-kadang di Masjid Kampung Bukit, Kampung Bukit Udal, Kampung Penapar dan Kampung Tanjung Maya yang agak jauh dari Kampung Ukong terutama

kekhuatiran keselamatan perjalanan pada waktu malam bagi mengerjakan solat Maghrib, Isyak dan Subuh yang mana laluannya menerusi jalannya dikelilingi hutan yang sunyi sepi. Ingin bertanya perkembangan pembinaan Masjid Rambai dan Masjid Lamunin? dan

2. Yang Berhormat Pengerusi seterusnya Kod Akaun 001/002 Pengurusan Haji. Sebelum bertanya kaola merakamkan ucapan tahniah kerana kejayaan perundingan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kerajaan Arab Saudi menambahkan kuota haji kepada 1,000 orang daripada 400 orang sebelumnya.

   Kaola ingin penjelasan kenapa ada pakej haji atau pakej umrah yang tidak selaras iaitu ada agensi mengenakan harga yang tinggi dan ada agensi mengenakan harga jauh lebih murah. Sedang ia mempunyai destinasi yang sama. Contohnya yang jauh lebih murah lagi adalah pakej haji bagi negara jiran sungguh pun jemaah bagi negara kita tinggal di tempat penginapan yang sama. Adakah harga pakej haji ini boleh diselaraskan setiap agensi pakej haji dan umrah?

Sekian dan Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak jelas apa yang *disaluki* Yang Berhormat itu. Pertanyaannya yang dapat kaola tangkap seperti tangkap-tangkap burung merpati. Kaola faham Yang Berhormat itu menyebut mengenai peruntukan.

Adakah Peruntukan yang disebut itu dapat mendukung program-program bagi meningkatkan pembacaan pelajaran Al-Quran?

Jawapannya memanglah peruntukan-peruntukan tersebut dapat mendukung bahkan daripada mana-mana Tajuk lain yang bersesuaian boleh juga mendukung tujuan tersebut. Tujuan untuk memperbaiki mutu pembacaan Al-Quran sudah pun disebut tidak memadai setakat apa sudah nampak apa yang ada di persekolahan agama walaupun sekolah agama sudah pun mengadakan beberapa program tetapi kitani perlu turut serta lagi mengiatkannya dan seterusnya. Ertinya Yang Berhormat tidak saja menyebut di sekolah-sekolah tapi supaya dilakukan di masjid-masjid. Di masjid-masjid ada program muqaddam di hujung minggu, program Al-Quran dan bimbingan muslimah dan sebagainya.

Semuanya itu ada. Yang ada juga ialah di sekolah-sekolah ada program-program إِنْ شَاءَ اللَّهُ untuk peningkatan bacaan ini. Yang Berhormat menyentuh mengenai bacaan bertaranum. Kitani الْحَمْدُ لله pun dengan perhatian yang berat daripada kepimpinan yang tertinggi melalui sabda malah melalui titah supaya kitani meningkatkan untuk pembacaan di Brunei ini ke peringkat taranum dan difikirkan cara-caranya dan mulai tahun lepas pun hal ini sudah dimulakan untuk

memikirkannya dan pada masa ini dan masa hadapan akan difikirkan yang lebih serius dalam satu rangka kerja yang teratur dan bersistem dengan tujuan matlamat yang jelas.

Tentang bertaranum ini kalau di sekolah-sekolah memang ada skimnya. Skimnya itu misalannya beberapa kanak-kanak yang lancar إِنْ شَاءَ اللَّهُ bacaannya dan bagus sudut-sudutnya dari segi tajwidnya dan suaranya ia dimasukkan dalam Skim *STAR* (Skim Tilawah Al-Quran Remaja). Mereka dilatih untuk membaca Al-Quran secara bertaranum, ilmu, teori dan secara amali. Ini akan kita kembangkan jadi tidak ada soal lagi bahawa kitani setelah beberapa kali mencapai tempat yang baik dalam peraduan peringkat antarabangsa kitani berusaha melatih qari-qari kitani secara bermusim tetapi tidak menjadikannya sebagai suatu ilmu yang dipelajari secara teori dan amali. Maka ke arah itu telah pun kitani sepakat melalui titah dan melalui sabda dan akan mendorong kitani untuk melaksanakannya إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Tadi ada cadangan kalau kaola tidak silap ialah menyebut supaya pembacaan Al-Quran ini secara berkeluarga lebih berkesan untuk menimbulkan lagi semangat kekeluargaan, merapatkan kekeluargaan dengan belurih berkat. Lalu dicadangkanlah ada Minggu Keluarga Al-Quran. Jadi cadangan ini bolehlah kaola mengambil catatan untuk pihak kementerian memikirkannya kesesuaiannya bagaimana ia dapat dilakukan.

Mengenai Masjid Kampung Ukong. Tapi Masjid Kampung Ukung kaola tadi tidak menyebutkan di mana 2 buah masjid yang akan dibina di Daerah Tutong dalam RKN Ke-11. Semoga tertakluk kepada keadaan kewangan yang akan mengizinkannya Masjid Ukong yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu termasuk dalam senarai rancangan yang tersebut Kaola tidak jelas apa maksudnya macam mana perkembangan Masjid Rambai dan Lamunin. Perkara itu nanti kaola minta tempoh dan seterusnya akan mendapatkan maklumat daripada pihak yang berkenaan.

Mengenai Pakej Haji ini tahun lepas pun sudah ada kaola menyebutkannya supaya operator-operator haji dan umrah berusaha untuk kalaupun tidak dapat mengurangkan kos yang dikenakan kepada jemaah sama ada jemaah haji atau jemaah umrah tetapi dapat menahan kenaikannya yang nampaknya *trend* kenaikan itu tahun demi tahun agak mendadak. Pada tahun 2012 membawa kepada tahun 2016 peningkatan dalam skim pakej-pakej itu amat mendadak juga agak besar dan kementerian diberitahu oleh *operator-operator* ada kaitannya dengan kenaikan tempat penginapan.

Adapun kenaikan yang dapat dikawal oleh kementerian ialah berhubung dengan apa yang dapat dirundingkan dengan caj-caj yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkenaan oleh Kerajaan Arab Saudi dalam urusan haji ini. Jadi itu dapat dirundingkan sejauh

mana. Misalannya macam di Mashair tahun lepas sekian jumlahnya dan tahun ini pihak Pengurusan Haji Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dapat berunding dan berjaya mengekalkan harga lama itu di Mashair, di Arafah dan Mina tidak dinaikkan. Mudah-mudahan dengan itu jadi tidaklah kenaikan yang mendadak kalau ada juga maka perkara itu bisai kitani fikirkan misalnya ada *operator* yang sudah mengemukakan cadangannya kepada kementerian melalui jemaah Penasihat Haji mengadakan pakej-pakej tertentu. Mudah-mudahan pakej-pakej tertentu itu juga tidak menjadikan urusan ataupun untuk menunaikan haji terutama bagi orang yang pertama sekali untuk menyempurnakan haji fardhunya.

Kaola mengucapkan terima kasih kerana penghargaan yang diberikan bukan kejayaan sebenarnya itu. Kejayaan mendapatkan 1,000 kuota adalah atas ihsan Kerajaan Arab Saudi kepada Brunei. Mudah-mudahanlah ini akan dapat kitani hargai dengan sepenuh-penuhnya dan kitani berterima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi kerana memberikan ihsan yang sedemikian.

Satu perkara yang kaola ingin rekodkan ialah:

1. Pihak Hal Ehwal Haji Kerajaan Arab Saudi sangat memberi perhatian kepada jemaah kitani yang dinilai mereka sebagai jemaah yang sepenuh masa benar-benar menunaikan niatnya untuk beribadat, tidak mencampuradukkan dengan hal-hal lain dan kerana itulah kita dipuji;

2. Kitani dipuji kerana mempersiapkan jemaah-jemaah kitani dari segi latihan-latihan dan bimbingan; dan

3. Kitani berurus dengan mereka secara baik.

Mudah-mudahan hal ini akan dapat kitani teruskan dan hubungan kitani dengan pihak berkenaan dalam urusan haji Arab Saudi akan bertambah mesra dari semasa ke semasa untuk faedah jemaah kitani dan juga faedah kedua-dua kerajaan yang bersahabat. Sekian Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. dan بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ salam sejahtera. Dalam kesempatan ini juga kaola ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kita sangat gembira kerana telah berjaya menerbitkan Tafsir Darussalam di negara ini. Cuma masih terdengar suara-suara yang mengatakan bahawa *volume* awal *(volume* pertama) agak susah didapati pada waktu ini. Sehubungan

dengan itu, sukacita akan mendapat penjelasan mengenai perkara tersebut?

Seterusnya sukacita juga untuk mengetahui adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama berhasrat untuk menerbitkan atau mencetak Al-Quran Mushaf Brunei Darussalam yang bersaiz kecil bagi memudahkan ia dibawa ke mana-mana tempat yang bersesuaian. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kaola memohon supaya diulang lagi soalan yang pertama yang tidak jelas, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: *Volume* yang pertama, Yang Berhormat, yang susah didapati pada masa ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Maksud Ahli Yang Berhormat, terbitan yang bercurai (berasingan)?

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Ya, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Untuk pengetahuan Majlis, penerbitan tafsir secara bercurai (berasingan) itu memang terhad. Ia diterbitkan sebagai persediaan dalam bentuk *volume* yang besar sebagaimana yang ada yang berjumlah 30 jilid (30 curai) dan setiap jilid mengandungi 3 juzuk. Jika berkebetulan Ahli Yang Berhormat mendapat siri pertama, dan tidak mendapat siri yang kedua, maka ia memang susah untuk mendapatkannya. Pada masa ini memang tidak diterbitkan lagi. Itu yang dapat kaola terangkan.

Mengenai saiz ini, mushaf Brunei mempunyai 2 saiz iaitu saiz besar untuk keluarga. Setiap keluarga Islam, mendapat sebuah mushaf untuk diletakkan di sudut rumah seperti tempat bilik sembahyang dan dibaca dari semasa ke semasa dan sebagainya. Manakala satu saiz lagi yang kecil daripada biasa, seperti mushaf Al-Quran biasa dibaca, tetapi ia hanya diedarkan untuk sekolah-sekolah agama.

Mengenai hajat Ahli Yang Berhormat supaya mushaf itu diterbitkan dalam saiz kecil, pada masa ini keutamaan Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah untuk menerbitkan tafsir selengkapnya. Bukan tafsir setakat makna tetapi tafsir dan huraiannya. Oleh yang demikian, Panel Masyaikh bekerja ke arah itu إِنْ شَاءَ اللَّهُ Ia akan diterbitkan secara *volume-volume* dan juga secara bercurai (berasingan) إِنْ شَاءَ اللَّهُ sebelum ia diterbitkan dalam *volume* yang besar atau *volume* yang tertentu nanti,

Keutamaan pada masa ini, tidaklah ada untuk menerbitkan dalam saiz yang kecil daripada penerbitan yang kedua yang ada pada masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penerangan mukadimah yang dibentangkan mengenai Kementerian Hal Ehwal Ugama. Mudah-mudahan dikurniakan kemenangan dengan rahmat أَللهِ.

Kaola ingin bertanya mengenai Tajuk SJ01A. Apakah ada perancangan untuk meningkatkan peruntukan pendidikan agama di peringkat kebangsaan untuk mengimbangi pendidikan sekular berbanding pendidikan agama? Berapa peratuskah keseimbangan pendidikan agama berbanding dengan pendidikan sekular di peringkat pendidikan kebangsaan masa kini?;

Daripada persoalan ini, kaola menjunjung dan mengambil positif titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan kebimbangan mengenai mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadah sembahyang dalam kalangan pelajar ke semua peringkat persekolahan dan pengajian masih lemah yang telah dititahkan sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438/2017 baru-baru ini. Baginda juga bertitah untuk mengatasi kelemahan ini. Pelajaran agama yang ada setakat ini hendaklah terus dipantau dan sentiasa dinilai keberkesanannya.

Jika keseimbangan pendidikan agama masih rendah, kaola ingin mencadangkan supaya pendidikan agama diseimbangkan berbanding dengan pendidikan sekular sekurang-kurangnya 50% dalam pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Ini mampu meningkatkan amalan beragama dalam Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini. Baginda telah menyentuh tentang isu-isu keperluan tenaga manusia serta beberapa cara menangani masalah pengangguran termasuklah graduan-graduan yang belum mendapat pekerjaan bahawa baginda sendiri telah memperkenankan Program *I-RDY (i-ready).*

Selaras dengan itu, kaola ingin mencadangkan jika masih terdapat graduan-graduan dalam bidang agama seperti KUPU SB, UNISSA dan juga mana-mana keluaran universiti di luar negeri di bidang agama untuk disalurkan ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat bagi membimbing dan mengajar untuk menambah nilai pembacaan Al-Quran, menghalusi sembahyang dan pembelajaran Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Ini dapat

membantu keberkesanan pelajaran agama dalam masyarakat awam di kampung-kampung dan di mukim-mukim. Ini juga menambah aktiviti mengimarahkan masjid. Graduan-graduan juga akan sentiasa memelihara ilmu mereka dan mendatangkan manfaat kepada orang ramai.

Seperti yang diketahui, bahawa Kampung Bebuloh masih mempunyai penduduk yang belum beragama Islam. Pada tahun-tahun yang terdahulu, pihak-pihak berkenaan masih aktif mengadakan dakwah di kampung tersebut tetapi pada masa kini agak berkurangan. Diharapkan pihak yang tertentu supaya dapat mengatasi masalah tersebut; dan

Mengenai tanah wakaf yang terbiar. Beberapa bidang tanah wakaf untuk membina masjid terbiar begitu sahaja seumpamanya bekas-bekas tapak Masjid Kampung Sengkurong, Kampung Lumapas, Kampung Pengkalan Batu dan tanah yang terbiar begitu sahaja seperti cadangan membina masjid di Kampung Tanjung Nangka. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan adakah keperluan untuk meningkatkan peruntukan pendidikan agama berbanding dengan pendidikan sekular. Apa pendidikan sekular ini, Yang Berhormat Pengerusi?

Bagi kitani di Negara Brunei Darussalam, yang dikerjakan oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan, itu bukanlah pendidikan sekular. Kitani di Negara Brunei Darussalam, istilah sekular itu sebenarnya tidak ada, kerana belajar Ilmu Hisab sebahagian daripada ilmu, yang disebutkan ilmu umum bukan ilmu khusus agama. Begitu juga dengan mata-mata pelajaran lain seperti Sains, Bahasa dan Matematik.

Adapun yang dinamakan sekular ini ialah pelajaran pendidikan yang mengajar tidak bertuhan iaitu menolak ketuhanan, yang menjadikan pemikiran orang liberal, melepaskan daripada norma-norma sosial dan hukum-hukum dan sebagainya. Tetapi kitani jangan menyebut mengenai hal ini sehingga terkeliru mengenainya kerana jika kitani betul-betul berpegang kepada sekular itu tentang pelajaran pendidikan yang menolak agama, seolah-olah kitani menyebut apa yang diusahakan oleh kerajaan kitani pada masa ini untuk meningkatkan pendidikan rakyat melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Disebut Kementerian Pendidikan sekular tetapi Kementerian Hal Ehwal Ugama sahaja Islam? Tidak ada perkara sebegitu di Negara Brunei Darussalam dan jangan kitani mengasuh pemikiran sedemikian terutama sekali jangan kitani memberi isyarat-isyarat yang salah dan mengelirukan orang ramai dari Dewan ini.

Persoalan kedua, apakah ia akan menjadi suatu dasar oleh sebab pendidikan agama ini penting kita sebagai masyarakat dan bangsa, maka ia diseimbangkan jangan kalah daripada pendidikan yang bukan sekular, pendidikan umum. Dasar kita bukan sedemikian, dasar kita memberikan peruntukan ialah berdasarkan keperluan yang berbangkit.

Misalannya, tanggungan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan bagi semua jajaran pendidikan yang dalam tanggungjawabnya adalah besar berbanding dengan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam pendidikan agama, Sekolah Arab, Mahad, Tahfiz dan KUPU SB. Jadi tidak dapat diseimbangkan beberapa peratus, atau apa lagi untuk diseimbangkan.

Jadi hal-hal yang tidak praktikal begini mestilah kita halusi sebenar-benarnya sebelum ia dikeluarkan sehingga nanti dikeluarkan sedemikian ini orang salah faham bahawa kita tidak mengambil berat hal ehwal pendidikan agama yang mengutamakan pendidikan umum yang disebutkan oleh Yang Berhormat, jadi itulah soalan yang pertama atau cadangan yang pertama.

Dari segi tenaga manusia graduan-graduan supaya digunakan di masjid-masjid, sebenarnya mereka ini secara proaktif, ada graduan-graduan yang menubuhkan *Al-Huffaz Management* yang sekarang ini dalam *umbrella DARe.* Ada graduan-graduan yang meminta mendapatkan tauliah mengajar agama dan mengajar al-Quran yang disebut *engage* oleh keluarga selain mengajar di institusi tertentu. Tinggal lagi sejauh mana mereka ini dapat diserapkan dengan bilangan yang ramai atau menyerapkan dirinya dengan keperluan yang ramai dan mudah-mudahan *I-RDY (i-ready)* yang akan diperkenalkan mulai bulan depan mereka akan juga berusaha menyerapkan diri mereka ke dalam *I-RDY (i-ready)* itu untuk melengkapkan diri mereka dalam bidang yang ada keperluan di Brunei untuk mengadakan sekolah swasta agama.

Sudah ada keperluan sedemikian, jadi mereka harus berfikir secara ke hadapan bagaimana mereka dapat terlibat dalam usaha ini, kerana sudah nyata bahawa ibu bapa ada yang meminta anak-anak mereka diajar di rumah sebagai tuisyen dan sebagainya. Begitu juga, mata-mata pelajaran agama sudah ada diajarkan secara tuisyen, jadi semua ini mudah-mudahanlah akan membuka peluang dan mereka tidak mensia-siakan peluang yang ada dengan merebut peluang-peluang tersebut dengan sebaik-baiknya kerana bukan Kementerian Hal Ehwal Ugama sahaja semata-mata memikirkan graduan-graduan yang belum mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan agama sahaja. Kaola menyebutkan KUPU SB ada 51% yang belum berkhidmat lepasan graduasinya sementara daripada biasiswa yang diberikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama ada 50% yang belum berkhidmat, kalau dikira mengikut bidang ialah 97% daripada 50% itu adalah bidang agama dan 3% adalah bidang umum.

Ertinya biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam bidang agama 97%

daripada 50% yang belum bekerja itu adalah bidang agama dan 3 peratus daripada jumlah bidang umum yang juga mendapat biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama belum mendapat pekerjaan.

Dari keperluan tenaga pengajar, tenaga pengajar di sekolah-sekolah ugama dan sekolah-sekolah Arab sangat memerlukan mereka, tetapi kita menghadapi kenyataan bahawa untuk menyerapkan mereka ke dalam jawatan-jawatan yang tertentu dalam bidang pendidikan sangat terhad dalam keadaan sekarang ini. Mudah-mudahan dalam perancangan tenaga, keperluan masa depan termasuk merancang penganugerahan biasiswa-biasiswa kita akan merancang mengikut keperluan yang sebenar-benarnya yang dapat kita buat. Dalam masa yang sama kita tidak menghalang untuk anak-anak rakyat negara ini meningkatkan mutu pendidikan agama mereka sampai ke peringkat yang tinggi. Tujuan memberikan ilmu satu perkara, memberikan pekerjaan satu perkara untuk mereka mendapatkan pekerjaan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Ada 2 soalan lagi Yang Berhormat Pengerusi. Kampung Bebuloh sebahagian mereka belum memeluk agama Islam. Pada masa dahulu dakwah agak kuat kerana ada pusat pengembangan agama, kegiatan dakwah Kampung Bebuloh. Pada tahun lepas ada beberapa orang dari kampung itu yang menerima hidayat memeluk ugama Islam, الْحَمْدُ لله

Jadi perhatian supaya digiatkan dakwah di kampung itu, kaola ada mencatatnya Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai beberapa bidang tanah wakaf masjid terbiar juga kaola ambil catatan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kaola ingin menimbulkan 3 isu ataupun saranan dan cadangan:

1. Sebagai tambahan kepada cadangan memperhebatkan usaha mentakmirkan masjid sebagai pusat kecemerlangan. Kaola ingin mencadangkan supaya kutipan tabung masjid itu bukan hanya digunakan untuk maslahat masjid sahaja tetapi juga untuk membantu masyarakat.

   Kaola sangat-sangat tertarik dengan keadaan bahawa terdapat organisasi di negara kita malah ada organisasi

yang kena-mengena dengan rumah ibadat sebuah agama lain di negara kita yang mengiklankan di dinding-dinding rumah ibadat mereka itu seolah-olah mengiklan bagi menolong masyarakat.

Mana-mana masyarakat yang memerlukan pertolongan diiklankan dan disimpan di dinding-dinding rumah ibadat mereka seperti misalannya jika ada ahli-ahli masyarakat yang memerlukan pertolongan, pembiayaan untuk belajar sila datang kemari atau pun apa-apa lain keperluan, dipanggil masyarakat itu untuk mendaftar di tempat tersebut, malah ada projek-projek anak angkat rumah ibadat tersebut dengan memberi *sponsor* anak-anak yang berkeperluan ini di bawah *sponsored* mereka dan pertolongan itu diberikan dengan begitu nampak ikhlas seolah-olah tidak ada apa-apa niat lain.

Alangkah eloknya jika masjid-masjid kitani di papan-papan kenyataannya itu dipamerkan juga misalannya iklan-iklan mengenai usaha menolong masyarakat dengan tema yang kaola terfikir ialah "Bersama Membina Masyarakat Penyayang". Barangkali slogan ini boleh digunakan oleh belia masjid dan dikembangkan lagi membina masyarakat penyayang, menolong masyarakat;

2. Kaola mengambil maklum pada masa ini ada sudah Skim Perkhidmatan bagi imam-imam. Walau bagaimanapun kaola ingin mengetahui sejauh mana Skim Perkhidmatan ini berjalan pada masa ini dan adakah cadangan untuk mengemaskinikan lagi skim perkhidmatan ini.

   Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah pun tadi menerangkan penyerapan beberapa lulusan-lulusan pengajian tinggi menjadi Imam dan sebagainya. Kaola sangat-sangat tertarik perkara ini kerana terdapat beberapa orang imam di masjid-masjid besar, Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan sebagainya telah pun menunjukkan prestasi mereka yang cemerlang. Dalam hal ini bukan sahaja menjadi Ketua Pengurus Masjid, tetapi juga pemimpin masyarakat dengan bacaan-bacaan Al-Quran yang baik dan jadi contoh kepada masyarakat.

   Kaola ingin tahu sejauh mana Skim Perkhidmatan ini sudah berjalan dan adakah untuk direviu untuk dipertingkatkan lagi dengan menambah baik skim ini berdasarkan keperluan pada masa ini dan kitani juga mengambil maklum imam-imam yang ada pada masa ini datang dari berbagai-bagai latar belakang iaitu ada yang memang latar belakangnya keagamaan, ada juga yang pegawai-pegawai kerajaan yang bersara atau pun bertukar kerja; dan

3. Perkara ini telah beberapa kali kaola timbulkan dalam muzakarah bersama dengan kementerian-kementerian lain iaitu berhubung kait dengan pelancongan tetapi bila kaola utarakan perkara ini mereka

menjawab elok dirujukkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Perkara yang kaola maksudkan ialah cadangan kaola supaya didirikan mercu-mercu tanda atau pun *billboard* yang agak besar yang memaparkan ayat-ayat suci Al-Quran ataupun hadis-hadis Nabi yang mempunyai unsur-unsur pengajaran dan dakwah islamiah di tempat yang strategik dan utama di seluruh negara, malah termasuk juga yang kaola terfikir ialah di tepi-tepi jalan dengan menambahkan lagi tiga kepala zikir kita iaitu سُبْحَانَ اللّهِ اَلْحَمْدُ لِلّٰه اَللّٰهُ أَكْبَرُ dan لا إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ dan kaola terfikir alangkah eloknya kalau kitani tambah lagi سُبْحَانَ اللّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلا إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ mencukupkannya, menyempurnakan lagi tasbih, tahmid, tahlil dan takbir iaitu bagi mendapat berkat dan tabarruk daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan mempamerkan imej baik negara kitani sebagai negara Islam dan juga ayat-ayat suci serta hadis-hadis Nabi itu kaola cadangkan dipamerkan dan dipaparkan di *billboard* bukan hanya untuk mengetarakan imej Negara Brunei Darussalam sebagai negara Islam tetapi juga terus dijadikan sebagai unsur dakwah dan juga mengajak orang kepada kebaikan misalannya ٱدْخُلُوهَا بِسَلَٰمٍ ءَامِنِينَ sahaja di tempat-tempat strategik yang saya maksudkan ialah pintu masuk ke negara ini. Misalannya keluar daripada sempadan kawalan ataupun pos kawalan sempadan diadakan misalannya dipetik ayat-ayat seperti:

"Masuklah kamu ke dalamnya dengan selamat sejahtera serta beroleh aman".

Bagi mengalu-alukan kedatangan orang-orang luar dan pelancong. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Behormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kepada Yang Berhormat untuk mentakmirkan masjid sebagai pusat kecemerlangan. Memang suatu idea yang kitani selama ini *share* bersama bahkan Jawatankuasa Takmir Masjid pun sedemikian juga untuk pusat kecemerlangan tetapi kecemerlangan itu berbagai-bagai jenisnya tertakluklah kepada prioriti kitani.

Pada masa ini keutamaan kitani ialah kecemerlangan supaya ada kegiatan keilmuan bersifat keagamaan. Kemudian kitani akan kembangkan lagi dengan adanya belia masjid kerana pusat kecemerlangan itu ada kerja-kerja sukarela yang boleh dilakukan oleh masjid melalui ahli-ahli kariahnya melalui anak-anak muda ini. Jadi kitani fikirkan apa cara-caranya. Adapun mengenai bantuan kebajikan atau khairat, memang ada hampir ke semua masjid mengadakannya secara bermusim. Memeduli anak yatim, ibu-ibu tunggal, orang-orang tua dengan mengadakan bantuan tertentu pada musim-musim hari raya dan sebagainya jadi secara bermusim.

Semua itu kalau kitani berpandu kepada apa yang dibuat oleh pihak lain sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi, itu ada motif-motif

yang kitani sendiri tidak tahu tetapi kitani melihat diri kitani sendiri sejauh mana dalam kapasiti yang ada dengan kehendak kitani. Umpamanya dalam majlis ini kitani mendengar keperluan meningkatkan takmir masjid dengan kegiatan bersifat keilmuan dan sebagainya, menggiatkan masjid juga untuk turut campur dalam meningkatkan pembacaan Al-Quran. Kita akan melihat kepada keutamaan apa sahaja sebenarnya yang kitani dapat lakukan dalam semua perkara. Janganlah kitani meniru-niru orang kerana apa yang dilakukannya itu berjaya dan kitani pun memikirkan ia dapat dilakukan sedangkan prioriti kitani adalah berlainan.

Berhubung dengan Skim Perkhidmatan Imam Yang Berhormat sendiri mengakui perkhidmatan imam itu sudah ada dan kaola ingin menjelaskan ia berjalan dan diikuti. Ertinya kemasukan dalam perkhidmatan dengan syarat-syarat tertentu kemudian kenaikan pangkat dalam Skim Perkhidmatan Imam juga ditentukan mengikut skim-skimnya yang tertentu. Jadi tidak ada masalah maknanya tinggal lagi bagaimana skim yang ada ini dapat mendukung hasrat untuk menjadikan masjid sebagai pusat ilmu, menjadikan masjid berhasil ertinya kepimpinan imam, kepimpinan masjid itu dirasakan oleh masyarakat. Misalannya untuk mentertibkan ataupun mendisiplinkan penjawat-penjawat yang berjawatan yang berkenaan dengan masjid, semua ini akan kita lihat dan menjadi isu yang patut kita lihat dengan secara insaf untuk benar-benar cara mengatasinya. Terutama sekali perkara masjid, ibadat bukan semata-mata perkara pentadbiran.

Dalam ibadat kita berkehendakkan keikhlasan. Untuk ibadat itu mempunyai nilai-nilai tertentu di sisi أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan di sisi manusia.

Kemudian mengadakan *billboard* Yang Berhormat Pengerusi, memanglah jika diminta kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk tujuan pelancongan, tapi bila disebutkan mengenai ini, ada jua tujuan dakwah dan sebagainya tentulah Yang Berhormat diminta untuk berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana ada unsur dakwah dan sebagainya. Tapi secara ringkasnya begini saja Yang Berhormat Pengerusi apa yang ada tertulis pada masa ini dan سُبْحَانَ اللّهِ sebagainya itu dilakukan oleh pihak-pihak tertentu berkenaan dalam Kempen Keselamatan Jalan Raya.

Adapun untuk tujuan dakwah. Satu perkara lain dan untuk tujuan mengalu-alukan pelancongan ke negeri ini satu perkara lain. Sejauh mana ia sesuai tidak pula sesuai dilakukan erti kata tidak menimbulkan hal-hal yang sebaliknya yang boleh mencacatkan ke luar negeri kita. Jika di mata orang untuk tujuan pelancongan dan kemudian kepada orang kita tentulah memanglah baik jika ditambahkan dengan zikir-zikir itu dengan selawat. Misalannya bagaimana perkara ini dapat dilakukan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ semua pihak yang berkenaan boleh mendengar perkara ini bukan sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pihak-pihak berkenaan yang lain juga akan memikirkannya untuk sesuai atau

tidak. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Kaola bercakap mengenai dengan Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola menyokong penuh setiap rancangan yang telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan berharap supaya ini akan mendapat keberkatan daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى , jua, آمين

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh soal pencapaian jumlah saudara baharu di Negara Brunei Darussalam seperti mana yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan 2017/2018. Kementerian Hal Ehwal Ugama Petunjuk Prestasi Utama iaitu Tahun 2015/2016 anggaran jumlah 500 orang dan jumlah sebenar ialah 511 orang. Ini merupakan perkembangan yang positif. Kaola juga berharap agar jumlah ini bukanlah dijadikan sebagai pengukur utama dalam peningkatan syiar Islam bagi saudara baharu di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang diukur ialah kualiti dalam kalangan saudara baharu ini, perlu juga diukur bagi menilai keberkesanan terutama sekali dalam usaha bagi meningkatkan kualiti hidup beragama dalam kalangan mereka:

1. Kaola ingin mencadangkan agar usaha-usaha berterusan terus dipertingkatkan terutama sekali dalam memberi bimbingan dan yang paling penting ialah setiap saudara baharu ini perlu dipantau bagi mengenal pasti bahawa agama Islam terus dihayati oleh mereka dalam kehidupan mereka. Kualiti saudara baharu akan terus dipertingkatkan dan إِنْ شَاءَ اللهُ mereka ini akan menjadi contoh model terbaik dan kepada keluarganya dan kawan-kawannya dan masyarakat yang belum memeluk agama Islam. Dengan secara langsung ia meningkatkan kualiti syiar Islam di Negara Brunei Darussalam; dan

2. Dalam kita berusaha untuk mempelbagaikan sosioekonomi, masyarakat, apakah dibolehkan dari pandangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, bahawa untuk aktiviti-aktiviti perekonomian dianjurkan di kawasan masjid seperti mengadakan jualan. Jika diadakan majlis keagamaan atau melalui aktiviti lawatan ke masjid. Aktiviti ini sebagai pendekatan untuk memakmurkan masjid dengan kegiatan perniagaan dan nilai tambah kepada aktiviti yang sedia ada serta diuruskan secara sempurna oleh pihak masjid sama ada melalui Jawatankuasa Takmir Masjid atau Muslimah atau Belia Masjid tanpa menjejaskan kesejahteraan masjid sebagai tempat beribadat. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat mengenai perkara dakwah yang penting bukan angka tetapi ialah kualiti terutama sekali kualiti kehidupan mereka dalam masa yang sama ialah kualiti keislaman mereka itu. Memang itu semangat termasuk dalam strategi dalam kita mendakwahkan. Yang Berhormat ingin supaya ditingkatkan lagi dengan memberikan bimbingan yang baharu berterusan dan pemantauan yang berterusan dan Yang Berhormat itu sendiri tahu perkara ini sedang berterusan dilakukan.

Tinggal lagi keberkesanannya tertakluklah kepada keadaan-keadaan, misalannya keupayaan individu saudara baharu itu tidak sama tambahan lagi pula jika peringkat umur tertentu yang sudah lanjut maka sulitlah untuk meningkatkan misalannya membaiki mutu bacaan mereka dan sebagainya.

Tapi soalnya program-program membimbing, memantau sudah sedia ada dan mudah-mudahan program ini dengan kerjasama orang ramai jua terutama sekali dengan adanya Persatuan Saudara Baharu sendiri seperti di Tutong yang beragama Islam itu sendiri ialah seorang daripada pemimpinnya akan bekerjasama sebagaimana pada masa ini.

Ertinya Pusat Da'wah Islamiah, masjid mendapat kerjasama dan sokongan dari pertubuhan atau badan dari kalangan saudara baharu. Malah Pusat Da'wah Islamiah sendiri ada semacam perkumpulan saudara baharu yang dibimbing secara langsung di Pusat Da'wah Islamiah dan sebagainya.

Adakah aktiviti-aktiviti perniagaan dapat diadakan secara bermusim di kawasan masjid. Pada prinsipnya kaola mengalu-alukan ini. Jika ada kegiatan sedemikian ini, musim Ramadhan supaya nampak dan pada waktu itu kita akan melihat sejauh mana orang ramai dan juga peniaga-peniaga yang bergerai itu akan menggunakannya apabila laungan azan dan bagaimana mereka berduyun-duyun ke masjid dan sebagaimana yang kitani harapkan. Tinggal lagi hal-hal seperti ini biarlah dirundingkan di peringkat kariah masjid masing-masing untuk memikirkan kesesuaiannya.

Kementerian mengalu-alukan kegiatan-kegiatan yang melibatkan kemasyarakatan di masjid-masjid, selama mana ia tidak bertentangan dengan hukum dan tujuan-tujuan masjid. Itu yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan selamat sejahtera, lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang telah disampaikan.

Mula-mula kaola ingin menyentuh mengenai belanjawan Kod Akaun

001/002 - Pengurusan Haji. Sebentar tadi Yang Berhormat telah memberitahu bahawa kuota haji telah pun dinaikkan kepada 1,000 orang pada tahun ini. Ertinya tahun ini الْحَمْدُ لله lebih banyak jemaah dari Brunei Darussalam akan menunaikan fardhu haji

Dalam Perbelanjaan Yang Berulang-ulang yang berjumlah $1,524,000.00 itu adakah ia termasuk untuk 1,000 orang ataupun yang 400 sahaja? Itu yang kaola tanyakan. Kemudian Yang Berhormat Pengerusi kaola bertanyakan juga adakah jumlah tersebut termasuk perbelanjaan untuk *medical*?

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merakamkan kesyukuran kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinannya kepada rakyat Brunei kitani dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan mereka sewaktu di tanah suci.

1. Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang ini ternampak banyak produk-produk yang meragukan kehalalannya yang terdapat dan dijual di kedai-kedai dan *supermarket* di seluruh Negara Brunei Darussalam. Adakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memisahkan barang makanan yang meragukan ke satu tempat yang lain bagi mengelakkan keraguan orang Islam yang membeli di kedai-kedai? Kalau kaola tidak silap perkara ini pernah dilakukan sebelumnya.
2. Mengenai produk makanan yang bukan berasaskan daging dan ayam. Kaola faham bahawa semua produk yang berasaskan daripada ayam dan daging diwajibkan untuk mendapatkan kebenaran ataupun disahkan kehalalannya. Apa yang kaola ingin sampaikan ini ialah mengenai produk makanan halal yang bukan berasaskan kepada ayam dan daging. Terdapat pada masa ini ada produk tersebut dimasukkan mempunyai dua sijil halalnya. Kaola tidak payah kali menyebutkan nama syarikatnya. Soalan kaola adakah perkara yang sama diberikan kesempatan kepada pengimport-pengimport yang lain terutama sekali penduduk tempatan?

Mengenai bajet yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama berjumlah $235,997,730.00. Kaola menyokong penuh supaya ia akan dapat diluluskan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pengerusi, secara ringkas bahawa Peruntukan Berulang-ulang itu memanglah bukan menjangkakan jemaah kitani kepada 1,000 orang. Kalau peruntukan itu pun bukan untuk peruntukan kepada jemaah.

Peruntukan itu adalah pengurusan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan. Yang lazim dilakukan ertinya kalau ada penambahan jemaah pun tidak begitu besar kesannya kepada

peruntukan. Juga sama sekali tidak kena-mengena peruntukan itu dengan peruntukan *medical*, kalau kaola tidak silap Yang Berhormat Pengerusi.

Peruntukan *medical* barangkali akan rakan kaola Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat menjelaskannya lebih lanjut lagi mengenai perkara itu. Sebanyak mana peruntukan yang dibelanjakan oleh kerajaan bagi menanggung perkhidmatan perubatan bagi jemaah-jemaah haji.

Untuk memisahkan barangan makanan daripada yang meragukan kehalalannya dengan yang halal supaya orang ramai tidak keliru. Memang satu masa dahulu ada usaha-usaha untuk memisahkan sedemikian dan hasilnya ialah yang tidak halal dipisahkan langsung ke satu tempat dan kaunternya pun lain, ruang penjualannya pun lain.

Itu yang hasilnya pada masa ini tetapi tinggal lagi barang-barang yang dinamakan yang meragukan. Apa yang dinamakan meragukan ini sulit juga kalau semua barang yang tidak ada bertulis halal langsung kita anggap ia tidak halal dan kita ragu, maka banyak perkara-perkara yang termasuk dalam kategori atau jenisnya yang sedemikian. Usaha untuk memisahkan itu akan kita lihat sejauh mana keperluannya. Kira-kira keperluan itu benar-benar untuk menjamin orang ramai tidak terkeliru dan sebagainya dan kita akan berusaha bersama-sama dengan pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga untuk mencari jalan yang sebaik-baiknya.

Mengenai produk yang didatangkan berdasarkan ayam ataupun daging yang lain mesti mendapatkan pengesahan halal sementara ada lagi produk dari syarikat yang termasuk ke negeri ini tidak melalui sedemikian. Adakah peluang yang sama juga akan diberikan kepada yang lain. Perkara ini sedang dalam perhatian pihak jawatankuasa yang berkenaan bagi kelulusan Sijil Halal dan Label Halal ini. Kaola agak pasti yang dimaksudkannya itu ada sebuah syarikat yang ada kait mengait dengan kita iaitu bukan syarikat asing tetapi syarikat kitani. Adakah kerana ia syarikat kitani itu akan mendapat keistimewaan atau dikecualikan dan pengecualian yang sama bolehkah diberikan kepada syarikat-syarikat lain. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah Yang Berhormat. Tajuk yang kaola akan ajukan ialah 004/003 – Kutipan dan Agihan Zakat, kaola akan menekankan tentang Program PROPAZ ke arah pembasmian kemiskinan.

Seperti mana yang kaola difahami ada 5 program di bawah PROPAZ iaitu

PROPAZ PPB, Perintis Keusahawanan Bangunan Diri dan Bantuan Sokongan. Program ini sudah bermula dari 2007 sehinggalah 2017 dan kalau dilihat dari segi keramaian yang mengikuti program tersebut bilangan asnaf fakir miskin yang mengikuti program itu cuma 3.5%. Sambutannya agak kurang bila dilihat dalam tempoh 10 tahun itu Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam pencapaian program kalau dilihat PROPAZ PPB (Pusat Pembangunan Belia), pencapaian program adalah 67.8% sahaja manakala perintis yang mulanya dari 2012 ke 2017 cuma pencapaian program 40.6%. Mengikut program tersebut tempoh pelaksanaan program ini adalah selama dua tahun. Peserta akan menjalani program motivasi selama 7 hari, 6 bulan. Selepas itu mengikut fasa latihan, fasa percubaan bekerja dalam 6 bulan lagi dan fasa pengambilan bekerja tetap selama satu tahun.

1. Kaola mencadangkan agar pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat mereviu semula program perintis supaya ia akan dapat meningkatkan kadar kejayaan yang baik dan merealisasikan matlamat utama untuk menjadikan asnaf fakir miskin mampu berdikari tanpa bergantung pada bantuan.

   Antara langkah yang dapat diambil oleh pihak kementerian ialah dengan berkolaborasi dan bergabung dengan usahawan-usahawan di pihak swasta serta *NGO* supaya mereka dapat menyumbangkan usaha untuk melatih golongan asnaf fakir miskin iaitu dengan *mentorship.*

   Dari segi perusahaan perniagaan, mengenal pasti peluang perniagaan, membantu usahawan membangunkan dan melaksanakan pelan perniagaan yang berdaya maju, membekalkan pengetahuan atau *know how* dan menarik minat perusahaan untuk menceburi bidang perusahaan.

   Ini adalah satu pendekatan yang berasaskan perniagaan, perintis kepada pembangunan supaya mereka tidak akan bergantung pada pemberian wang zakat. *Darussalam Enterprise* adalah antara *platform* yang dapat digunakan kerana *DARe* berperanan untuk menggalakkan perkembangan usahawan dengan merangka beberapa program khusus untuk meningkatkan urus tadbir dan aktiviti perniagaan.

   Yang Berhormat Pengerusi. Program-program ini hendaklah dipantau dengan lebih dekat, dan kaola bercadang agar program-program ini dijadikan keperluan kepada semua fakir miskin bagi membasmi kemiskinan; dan

2. Merujuk kepada Kod Akaun 1105-001 – Perbelanjaan Kemajuan. Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah pun dibuka pada 5 Rabiulakhir 1438 bersamaan 3 Januari 2017 iaitu bermulanya penggal persekolahan tahun baru 2017.

الْحَمْدُ لله bangunan tersebut telah mengambil kira hasrat dan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya bangunan yang didirikan merupakan sebuah Sekolah Agama Arab yang unik, sistem pendidikan Islam yang diterap dan diasuh bagi mendidik anak bangsa ke arah melahirkan serta membentuk sahsiah bangsa dan masyarakat Brunei yang kuat berpegang teguh dengan ajaran Ugama Islam.

Orang ramai telah menimbulkan kebimbangan tentang kelewatan Sekolah Ugama Arab Menengah Rimba. Memandangkan projek bermula pada September 2014 dan kesiapan asal dijangka pada September 2016. Segala kelewatan boleh merugikan kerajaan kerana tidak mencapai hasrat kerajaan untuk menyediakan Sekolah Arab dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Kaola ingin bertanya Yang Berhormat Pengerusi apakah tindakan pihak kementerian untuk mempercepatkan dan menyelesaikan masalah kelambatan. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon kepada Yang Berhormat untuk mengulang soalan yang terakhir.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Yang terakhir mengenai kelambatan projek Sekolah Arab Rimba, apakah tindakan pihak kementerian untuk mempercepatkan dan menyelesaikan masalah kelambatan?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih. Untuk soalan itu kaola akan merujuk kepada pihak teknikal mengenai perkara ini lebih lanjut.

Mengenai perkara PROPAZ terutama sekali PROPAZ perintis. Kaola mengalu-alukan buah fikiran dan cadangan daripada Yang Berhormat tadi. Hakikatnya PROPAZ atau Program Pengupayaan Asnaf Zakat itu adalah program *bersikut*. Ertinya *bersikut* itu Yang Berhormat Pengerusi ialah abiskaola Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak mempunyai kemudahan-kemudahan untuk tempat latihan, lalu *disikutkan* kepada kemudahan yang ada di Pusat Pembangunan Belia. Oleh *bersikut*, dan juga menyedari bahawa keutamaan Pusat Pembangunan Belia yang lain jadi abiskaola cuma setakat *bersikut*. Had tempat untuk mengadakan program secara lebih kerap atau secara penyertaan dengan bilangan yang ramai juga agak terhad dan abiskaola menghargai pertolongan yang diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setakat manapun ada.

Jadi kerana selama ini memang difikirkan apa cara-cara yang lain lagi. Perkembangan beberapa tahun ini menunjukkan bahawa seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu tadi, sudah tiba masanya kementerian untuk melihat bagi berkolaborasi dengan pihak yang lain, selain di Pusat Perkembangan

Pembangunan Belia seperti pengusaha-pengusaha, pembimbing-pembimbing, seperti *DARe* yang ada pada masa ini. Pemikiran sedemikian itu, sangat dialu-alukan dan mudah-mudahan ke arah itulah dapat dilakukan. Pada masa terdahulu pun, semasa PROPAZ ini diperkenalkan, usaha untuk mendapatkan usahawan berkolaborasi dengan Program PROPAZ ini tidak sebegitu berjaya.

Mungkin suasana pada masa itu, tetapi suasana pada masa ini sudah berlainan semua pihak yang berkenaan dalam *NGO* dalam pengusaha-pengusaha *private* mempunyai kesedaran sebagaimana hasrat kerajaan untuk mendukung hasrat kerajaan bagi memajukan perniagaan dalam satu aspek bagi memajukan perkara bagi mengangkat taraf hidup asnaf zakat supaya tidak selama-lamanya bergantung pada bantuan zakat sebaliknya mereka akan berdikari dengan mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu dan sokongan tertentu dari segi kewangannya daripada bahagian mereka sebagai asnaf zakat. Kaola mengalu-alukan mudah-mudahan antara orang-orang yang akan sering memberikan buah fikiran ialah Yang Berhormat untuk mengandingi lagi program ini supaya berjaya pada masa akan datang. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Kaola Yang Berhormat Pengerusi sebelum penutupan ini ingin menjelaskan yang tadi yang kaola minta tangguh, jawapan kaola mengenai tanah-tanah wakaf.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali kitani mendengar lagi seorang Ahli إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat ini suka akan bertanya barangkali kita dengar dahulu apa pertanyaannya, lepas itu kalau sekiranya Yang Berhormat mahu lebih waktu lagi kaola boleh memberi lagi esok pagi untuk menimbulkan perkara-perkara yang belum Yang Berhormat jawab itu.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

1. Kaola ingin bercakap dalam Tajuk SJ01A Kod Akaun 002/001 – Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam dan dalam Bahagian Antarabangsa dan MABIMS dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam. Kaola ingin tahu mengenai penetapan penglihatan anak bulan bagi menentukan bermulanya ibadat puasa dan hari-hari raya iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

   Soalan kaola adakah rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama negara anggota MABIMS (Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura) untuk menyelaraskan

waktu memulakan ibadah puasa dan kedua-dua hari raya?

Seperti mana yang kaola difahamkan anggota MABIMS setiap tahun mengadakan pertemuan tidak rasmi Menteri-Menteri Agama dan juga ada permuzakarahan. Kaola berpendapat dan berpandangan bagi kemaslahatan umat Islam di Negara Brunei Darussalam perkara yang disampaikan ini akan dapat diambil perhatian; dan

2. Perkara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah pusat perkembangan penyebaran Al-Quran dalam kalangan anggota MABIMS. Kaola ingin mengajukan persoalan. Sejauh manakah perkembangan pusat tersebut?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

1. Berhubung dengan penyelarasan antara negara MABIMS bagi memulakan kedua-dua hari raya, memulakan puasa dan sebagainya. Penyelarasan itu sudah ada tapi penyelarasan dalam erti kata, kita bersetuju untuk tidak bersetuju. Ada kaedah *agree to disagree.* Ertinya kita dengan pegangan kita pada qaul yang terpakai bagi kita secara rukyah. Pihak lain rukyah berserta hisab, dua-dua dipakai. Sebuah negeri yang lain sudah menetapkan terang-terang secara hisab tidak lagi ada rukyah.

   Kita dengan cara kita sudah berjalan dengan baik dan disebutkan oleh Yang Berhormat tadi demi kemaslahatan umat Islam. Demi kemaslahatan umat Islam di negara ini kemaslahatannya itu telah dijaga iaitu dengan memakai qaul muktamad yang terpakai pada kita semua iaitu memulakan puasa dan hari raya ditentukan secara penglihatan rukyah. Jadi penyelarasan dan permesyuaratan memang sentiasa diadakan. Bererti menambahkan ilmu masing-masing jadi *agree to disagree* itu saja bersetuju untuk tidak bersetuju, tidak menjadi keaiban bagi negara-negara yang bersahabat; dan

2. Mengenai pusat penyebaran Al-Quran dalam kalangan negara MABIMS. Negara Brunei Darussalam telah dipilih pada satu masa dahulu untuk menjadi pusat penyebaran dan kegiatannya tidak begitu ketara. Kalau kumpulan kegiatannya setakat apa yang ada ialah dengan mengadakan hafaz Al-Quran dalam kalangan negara yang terlibat. Itu sebahagian daripadanya. Tapi kalau penyebaran atau pengajaran Al-Quran kita secara bersendirian untuk negeri kita mengadakan program berkenaan. Untuk masa ini tidaklah begitu ketara kegiatannya meliputi sebagai kegiatan negara MABIMS yang berpusat di negara ini Yang Berhormat. Begitu saja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya berjanji bahawa saya akan memberi lagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk meneruskan penerangannya terhadap soalan-soalan yang belum dijawabnya pada esok pagi. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dengan itu saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya sekarang ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Selasa, 14 Mac 2017 pukul 9.00 pagi. Sekian, وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 15 Jamadilakhir 1438 / 14 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang Ketujuh, hari Selasa, 15 Jamadilakhir 1438 bersamaan 14 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Segala puji dan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat pada pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada pagi ini adalah memasuki hari yang ketujuh dan kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Di Peringkat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada petang semalam kita masih membincangkan dan membahaskan di bawah Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Maka, bagi membolehkan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk terus membincangkan perkara yang berkenaan. Maka, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dulu.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita

tangguhkan pada petang semalam masih lagi membahaskan dan membincangkan Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pada pagi ini, kita akan terus menyambung lagi untuk membincangkan Tajuk yang berkenaan itu.

Sebagaimana yang telah saya janjikan bahawa saya akan memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan ulasan atau jawapannya terhadap beberapa soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang masih lagi ia suka untuk menjawab. Maka, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pada awal pagi sesi hari ini, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada sebahagian Yang Berhormat yang mengemukakan soalannya semalam memberikan ruang kepada kaola untuk menyediakan ataupun menyelidiki perkara-perkara yang mereka timbulkan supaya dapat memberikan penjelasan yang cerah.

Pertama sekali kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berhubung dengan masjid baharu Kampung Lamunin dan masjid baharu Kampung Rambai yang ditanyakan oleh orang kampung bila akan dibina kerana sudah lama.

Jabatan Hal Ehwal Masjid, telah menilai keutamaan dalam merancang projek pembinaan masjid dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11. Melihat kepada keutamaan *(priority)* masa ini ialah sebanyak 11 buah masjid yang disenaraikan dan sedang dipohonkan untuk diteliti oleh Jawatankuasa RKN tidaklah termasuk Masjid Kampung Lamunin dan Masjid Kampung Rambai.

Bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Ugama memberi perhatian mengenai keperluan untuk kedua-dua buah kampung tersebut mempunyai masjid baharu. Demikian, Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan respons kaola kepada soalan Yang Berhormat tersebut.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu tanah wakaf masjid yang dikatakannya terbiar di Kampung Tanjung Nangka, Kampung Lumapas, Kampung Sengkurong dan Kampung Pengkalan Batu.

Perkara ini telah ditanyakan mengenai bekas tapak masjid lama di kampung-kampung berkenaan. Untuk makluman, bekas tapak masjid lama ini ada fatwa Mufti Kerajaan yang diterbitkan dalam tahun 2005, muka surat 100 menyatakan: "bahawa tidak harus membangun di atas tapak masjid lain bangunan kecuali masjid jua".

Oleh yang demikian, bekas tapak-tapak masjid lama yang telah dikenal pasti akan dipagar dan dipelihara. Yang Berhormat menyebut Tanjung Nangka, dalam pengetahuan kaola setakat ini di kampung tersebut tidak mempunyai tapak masjid lama. Walau bagaimanapun, ada terdapat tapak tanah yang telah diwartakan untuk

dibangunkan masjid baharu dan dimajukan bukan tapak masjid lama.

Sementara itu, di Kampung Lumapas, bukannya tapak kerana masjid lama masih ada. Pada asalnya apabila masjid baharu di Kampung Lumapas terbina, masjid lama itu akan dirobohkan dan tapaknya akan dipelihara sebagaimana sewajarnya.

Walau bagaimanapun, kedua-dua Ketua Kampung dan penduduk kampung Lumapas 'A' dan Lumapas 'B' telah menulis surat kepada kementerian memohon supaya masjid lama itu dikekalkan bagi kegunaan-kegunaan belajar agama dan sebagainya. Maka, permohonan tersebut telah pun dibenarkan dan sampai sekarang masjid lama itu masih ada.

Mengenai Masjid Kampung Lumapas yang lama itu, sebagaimana permohonan anak-anak kampung dan ketua-ketua kampung pada masa itu ialah untuk kegunaan mereka bagi tujuan ilmu dan kebajikan. Maka diharapkanlah penduduk-penduduk akan terus memelihara dan menjaga terutama sekali kesucian, kebersihan serta kekukuhan bangunan tersebut dari semasa ke semasa supaya ia tidak akan menjadi usang begitu sahaja dan akan *terpunduk* roboh dengan sendirinya.

Di Kampung Sengkurong. Memang ada tapak masjid lama yang berseberangan dengan masjid yang ada sekarang ini. Tapi kitani ketahui tapak itu telah pun dipagar. Tidaklah ada dalam pengetahuan kaola, kalau ada keadaannya terbiar, kalau sedemikian itu terjadi keadaan terbiar itu akan diatasi إِنْ شَاءَ اللَّهُ tapi ia telah dipagar.

Di Kampung Pengkalan Batu juga tidak diketahui ada tapak masjid lama. Jadi setakat ini tidak ada berbangkit untuk memelihara tapak masjid lama ataupun menggunakannya bagi kegunaan tertentu. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan soalan yang awal dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan juga Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi iaitu Peruntukan di Bahagian Permakanan dan Barangan Halal yang didapati meningkat naik. Kaola mengira daripada Tajuk peruntukan tersebut, kenaikan sebanyak hampir $700,000.00 ($689,327.00).

Kenaikan ini sebenarnya ialah bagi Gaji Pegawai dan Kakitangan, Pemeliharaan Aset dan bagi peningkatan kapasiti dalaman terutama sekali Operasi dan Pengurusan Ehwal Sijil Halal dan Label Halal yang dijangka akan lebih rancak terutama sekali berikutan daripada kuat kuasa pindaan undang-undang yang menghendaki syarikat-syarikat ataupun pengeluar-pengeluar barangan makanan di negara ini dikehendaki atau diwajibkan memohon Sijil Halal dan Label Halal berbanding dengan sebelumnya secara sukarela *(voluntary)* sahaja.

Tentu sahaja peruntukan tersebut tidak meliputi sebagaimana yang dihasratkan atau diharapkan oleh Yang Berhormat supaya termasuk permohonan Sijil Halal secara *online*.

Namun untuk kemudahan, kaola mengambil kesempatan sedikit untuk menjelaskan rancangan ke hadapan, kemudahan atau khidmat permohonan Sijil Halal secara *online* ia memerlukan peruntukan yang lebih besar daripada yang ada.

Kalau setakat peruntukan yang ada, itu akan digunakan atau diambil tidak dapat kerana ia memerlukan peruntukan yang besar. Kementerian Hal Ehwal Ugama memasukkan ia dalam senarai yang akan dipohonkan kepada Jawatankuasa Rancangan Kemajuan Negara (*RKN)* untuk dimasukkan ke dalam RKN Ke-11 yang akan datang.

Sebenarnya projek sistem permohonan Sijil Halal ini melibatkan skop kerja iaitu mereka bentuk dan membangun sistem laman sesawang bagi Bahagian Kawalan Makanan Halal. Sistem ini dijangka dapat meningkatkan permohonan-permohonan di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2015 yang pindaannya 2017 dan Akta Daging Halal Penggal 183 yang dijangka akan meningkat sebanyak 50%.

Dengan sistem ini juga, akan mempercepatkan tempoh memproses permohonan berapa banyaknya kadar yang diberikan dan akan mempercepatkan proses permohonan itu dalam kadar sehingga dikurangkan 30% daripada yang ada sekarang, iaitu dengan kerjasama pihak berkuasa, agensi-agensi yang terlibat di bawah perintah dan akta berkenaan iaitu Majlis Ugama Islam, Jabatan Hal-Ehwal Syariah, Kementerian Kesihatan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan juga Bahagian Pembangunan Industri Halal Global. Agensi-agensi ini akan termasuk dalam rangkaian memproses permohonan secara *online* dengan lebih efisien daripada keadaannya yang ada pada masa ini.

Demikian respons kaola kepada Yang Berhormat berkenaan mengenai perkara itu semoga dapat mencerahkan soalannya.

Yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi. Jawapan kepada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai apakah tindakan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mempercepatkan dan menyelesaikan masalah kelambatan projek Sekolah Arab Rimba.

Memang kaola pun mengakui dan kementerian sendiri menyedari projek ini bermasalah. Betul ia lambat disiapkan dan kerana itulah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil langkah menjadi pemudahcara ataupun fasilitator bagi mengatasi cabaran yang berbangkit satu demi satu.

Tindakan Kementerian ialah menghendaki semua pihak yang terlibat dalam projek ini termasuk kontraktor, konsultan dan arkitek supaya semua pihak itu melipatgandakan usaha bukan sendiri-sendiri, usaha berkolaborasi bagi kesiapan bukan sahaja siap tetapi siap dengan segera dan sempurna. Setakat ini difahamkan kepada kementerian tahap kemajuannya kira-kira lebih kurang 50% sahaja.

Mudah-mudahan dengan rentak kerja yang ada pada masa ini, kalau tidak ada lagi cabaran yang berbangkit, tidak ada gangguan tertentu dari segi apa pun Projek Sekolah Arab Rimba ini akan dapat disiapkan dalam tahun 2017 ini.

Demikianlah jawapan kaola Yang Berhormat Pengerusi dan kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kesempatan ini dan kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan ataupun memberikan cadangan-cadangan untuk kitani dengar serta mendapat ulasan-ulasan daripada kaola bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya difahamkan bahawa ada lagi Ahli Yang Berhormat di sebelah kiri ingin untuk memberikan penerangan lanjut dan saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan penerangan sebagaimana yang dipohonkannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, izinkan kaola memberikan sedikit tambahan dan penerangan berkenaan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai Perbelanjaan yang Berulang-ulang, Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah Tajuk Pengurusan Haji Kod Akaun 001-002 sama ada jumlah tersebut termasuk perbelanjaan untuk *medical*.

Pada menjawabnya Yang Berhormat Pengerusi. Seperti mana jua yang telah diterangkan oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Perbelanjaan *medical* yang dimaksudkan di bawah Tajuk ini adalah Perbelanjaan Pengurusan (penerbangan, penginapan, visa-visa) perkhidmatan haji yang termasuklah doktor-doktor, pakar-pakar perubatan dan juga jururawat-jururawat yang bertugas semasa di Arab Saudi.

Ini semuanya datang di bawah Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Manakala, perbelanjaan dari segi ubat-ubatan, barangan guna habis *(consumable)* mahupun penggunaan ambulans semasa berada di tanah suci adalah di bawah tanggungan pihak Kementerian Kesihatan. Jika ada keperluan perkhidmatan kecemasan yang lain seperti kemasukan jemaah dirawat ke hospital kerajaan di Arab Saudi اَلْحَمْدُ لله kerajaan kita ada satu *understanding* bersama pihak Kerajaan Arab Saudi untuk semua tanggungan pesakit-pesakit yang dimasukkan ke dalam hospital kerajaan di Arab Saudi ditanggung oleh pihak Kerajaan Arab Saudi. Ini termasuk kos-kos rawatan dan pembedahan jika perlu.

Dalam kesempatan ini Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengingatkan dan menekankan bahawa adalah penting

bagi semua jemaah haji ataupun bakal-bakal jemaah haji untuk menjalankan pemeriksaan awal sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam. Ini bagi memastikan kesihatan para jemaah adalah pada tahap optimum.

Bagi para jemaah yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung dan sebagainya adalah juga dinasihatkan untuk membawa stok ubat-ubatan masing-masing dalam jumlah yang mencukupi atau kalau boleh dilebihkan sedikit lagi untuk sepanjang tempoh musim haji itu.

الْحَمْدُ لله jua, setakat ini perbelanjaan *medical* bagi jemaah haji dari Brunei Darussalam adalah dalam tahap mencukupi pada setiap tahun. Sekian sahaja dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan yang begitu terperinci dan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dengan penuh tekun dan sabar terhadap soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai cadangan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya kira cukuplah perbincangan itu kita adakan dan sekarang saya ingin mengambil kesempatan ini supaya perkara ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan tidak ada yang menentang. Oleh yang demikian, Belanjawan Tajuk SJ10A – Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SJ10A – Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A – Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang berpindah untuk membincangkan mengenai dengan Belanjawan Kementerian Pembangunan. Seperti lazimnya, sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, saya ingin memberi peluang dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk membuat ucapan pendahuluan atau mukadimahnya mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan ini. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله bagi Tahun

Kewangan 2017/2018, cadangan peruntukan bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah disokong bagi kategori Perbelanjaan Biasa adalah sebanyak $203.4 juta. Jumlah ini merupakan penurunan $31.3 juta daripada peruntukan yang telah diluluskan pada Tahun Kewangan 2016/2017. $102.9 juta peruntukan ini adalah untuk Gaji Kakitangan manakala, $100.4 juta lagi adalah bagi Perbelanjaan Berulang-ulang. Manakala, $174.5 juta telah disokong bagi Perbelanjaan Kemajuan.

Pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, kaola telah mengongsikan mengenai keutamaan-keutamaan, termasuk pengenalan beberapa pendekatan baharu dalam penyediaan dan pemberian perkhidmatan yang merupakan skop kerja dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan dengan mengambil kira keperluan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah bagi mendukung usaha kerajaan mengawal defisit belanjawan negara kita yang dihadapi.

Sememangnya usaha-usaha tersebut terus relevan dalam keadaan kita sekarang ini dan khusus dalam mendukung tema Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018 iaitu "Belanjawan Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan".

Penekanan-penekanan terus diberikan kepada:

1. Kemesraan terhadap pelanggan yang terdiri daripada orang ramai dan komuniti bisnes;

2. Penjanaan hasil pendapatan dari perkhidmatan yang diberikan serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan;

3. Pembaikan pengurusan *cashflow,* termasuk pengutipan hasil dan pengurangan isu tunggakan;

4. Peningkatan efisiensi pengurusan kos, dengan penekanan terhadap proses perolehan yang benar-benar mengikut prioriti, lebih kos efektif dan *value for money* serta melalui pelaksanaan *organisational streamlining and consolidation*;

5. Pertimbangan bagi penglibatan bagi pihak swasta melalui kaedah *Private Public Partnership (PPP)* dalam pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan; dan

6. Pertimbangan kesesuaian pengkorporatan atau penswastaan sebahagian daripada perkhidmatan kementerian dan jabatan-jabatan yang difikirkan bersesuaian.

Pendekatan-pendekatan yang dimaksudkan diharap mampu untuk terus menghasilkan pembangunan negara yang seimbang bagi kesejahteraan rakyat dan negara dengan pencapaian *deliverables* yang menjadi fokus dan keutamaan Kementerian

Pembangunan dengan lebih berkesan dan kos efektif serta lebih berkesinambungan dan berdaya tahan dalam bidang-bidang yang berikut:

1. Program bantuan perumahan, khususnya Rancangan Perumahan Negara yang berdaya tahan bagi terus membantu rakyat yang memerlukan;

2. Rancangan dan penggunaan tanah yang optimum dan seimbang, dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara;

3. Proses permohonan-permohonan orang ramai yang ditangani dengan lebih efisien sebagai memenuhi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya serta bagi mendukung usaha kerajaan ke arah memperbaiki kedudukan negara dalam *World Bank Ease of Doing Business Ranking*;

4. Pelaksanaan projek-projek kerajaan berbentuk penyediaan kemudahan-kemudahan awal yang *commercially viable* melalui kaedah *PPP*;

5. Peningkatan *competency* dan *profesionalism* dalam kalangan warga kerja kementerian melalui program pengurusan sumber tenaga manusia yang terarah; dan

6. Memantapkan kapasiti pengurusan kontrak perundangan dan penguatkuasaan di kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pembangunan dalam skop kerjanya akan terus berusaha melaksanakan perancangan penggunaan tanah yang seimbang dan menyediakan infrastruktur sosioekonomi seperti perumahan negara, prasarana jalan raya, perkhidmatan utiliti air bersih, saliran dan pembetungan serta penanganan isu-isu alam sekitar dan pengurusan sumber bagi meningkatkan tahap kualiti kehidupan rakyat di negara ini.

Kaola kongsikan dahulu mengenai Rancangan Perumahan Negara (RPN). Sehingga September 2016, Rancangan Perumahan Negara (RPN) sedang memperuntukkan 27,183 buah rumah dan 1,976 lot tanah bagi para penerima yang berkelayakan. Pada pertengahan tahun ini, dijangka sebanyak 1,300 buah rumah lagi akan diperuntukkan iaitu lebih daripada 70% dari pemohon yang telah diperkenankan mengikuti Skim Perumahan Negara akan memiliki rumah sendiri. Dalam penyediaan Skim Perumahan Negara, teras utama kerajaan adalah untuk menjamin kedayatahanan skim ini bagi jangka masa panjang.

Pada masa ini, cabaran utama kerajaan dalam menyediakan unit-unit rumah pada skala yang besar adalah penyediaan sumber kewangan bagi membiayai kos perbelanjaan projek-projek berkenaan yang amat tinggi.

Tambahan pula dengan kadar subsidi yang tinggi dengan terma bayaran balik yang panjang yang dinikmati oleh para penerima, bayaran balik yang diterima kerajaan dari para peserta

Rancangan Perumahan Negara adalah rendah, lebih-lebih lagi dengan masalah tunggakan bayaran yang kian bertambah. Cara penyediaan rumah-rumah oleh kerajaan seumpama ini agaknya akan sukar berdaya tahan pada masa jangka panjang.

Ke arah cuba mengatasi isu kesinambungan ini Kementerian Pembangunan melalui *Housing Focus Group* yang telah ditubuhkan pada tahun lepas, sedang giat meneliti pendekatan-pendekatan baharu dengan mereviu secara menyeluruh dasar subsidi kerajaan, syarat-syarat kelayakan pemohon, kemampuan pemohon-pemohon untuk membayar balik dan jenis-jenis perumahan yang akan dibina dengan mengambil kira juga akan isu ketersediaan tanah negara.

Cadangan jenis-jenis skim perumahan, kaedah pelaksanaan dan pembiayaan program perumahan juga sedang diteliti pada masa ini. *Housing Focus Group* antara lain telah pun membincangkan model pembiayaan (*financing models*) bagi pembinaan dan juga pengurusan kawasan perumahan, termasuk kaedah *PPP* yang mungkin lebih sesuai bagi Skim Perumahan Negara dapat berdaya tahan.

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengenal pasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk dimajukan melalui kaedah *PPP* bagi perumahan am serta dengan menyediakan kawasan komersial iaitu:

1. Rancangan Perumahan Negara Lugu Fasa 2;
2. Rancangan Perumahan Negara Meragang;
3. Rancangan Perumahan Negara Serasa;
4. Rancangan Perumahan Negara Panaga;
5. Rancangan Perumahan Negara Lorong Tengah; dan
6. Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Katok.

Berbalik semula kepada isu tunggakan yang kaola sebutkan tadi, ini cuma sebahagian daripada isu yang kerajaan hadapi dalam mengendalikan Skim Rancangan Perumahan Negara yang telah siap dan diperuntukkan kepada penerima setakat ini.

Selain itu, berbagai-bagai jenis pelanggaran syarat dan peraturan penerimaan rumah-rumah Rancangan Perumahan Negara telah berlaku, antaranya aktiviti-aktiviti tanpa kebenaran seperti menambah rumah, membina bangunan berasingan yang berbentuk kekal, menyewakan dan menjual rumah Rancangan Perumahan Negara kepada pihak ketiga, menjalankan perniagaan dan memelihara dan menternak binatang di kawasan rumah.

Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan adalah bagi tujuan menjaga kepentingan individu, masyarakat dan negara dari berbagai-bagai aspek termasuk aspek keselamatan, kebersihan, kesihatan,

keharmonian masyarakat, kejiranan dan sebagainya.

Dari sudut penguatkuasaan, Kementerian Pembangunan bersama agensi-agensi kerajaan lain yang berkepentingan akan terus meningkatkan tindakan penguatkuasaan untuk menangani pelanggaran syarat-syarat dan peraturan dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara yang dimaksudkan.

Seterusnya mengenai pengutipan hasil dan masalah tunggakan hasil dari Rancangan Perumahan Negara telah meningkat dari $25 juta kepada $31 juta sekarang ini. Sehingga 31 Disember 2016, tunggakan hasil dari cukai tanah yang telah meningkat dari $3 juta pada tahun lepas kepada $9 juta dan tunggakan hasil bayaran air meningkat jumlahnya dari $33 juta kepada $39 juta.

Dalam usaha kementerian ini untuk memperbaiki pengurusan *cashflow* termasuk dalam menangani isu kutipan hasil dan bayaran tunggakan secara keseluruhannya, kementerian ini telah mengambil beberapa inisiatif yang antaranya, memantapkan lagi usaha pengutipan seperti pembayaran melalui potongan gaji penjawat awam atau penjamin, pemotongan pencen bagi yang telah atau baharu bersara dan pengeluaran daripada Simpanan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Kaedah-kaedah ini yang diguna pakai bagi meningkatkan kutipan hasil dan mengurangkan kadar tunggakan ialah dengan menggunakan kaedah pembayaran melalui talian atau *online* melalui sistem *Land Registration (LARIS)* bagi caj dan cukai-cukai tanah.

Kementerian juga sedang dalam proses meneliti kesesuaian pengenalan sistem meter prabayar bagi bayaran air ke premis-premis persendirian secara berperingkat-peringkat.

Selain daripada itu usaha-usaha memantapkan kutipan hasil yang lain seperti mengeluarkan surat-surat notis tuntutan, pemberitahuan kepada orang ramai melalui saluran media massa. Pengemaskinian maklumat pendaftaran pengguna, sekatan permohonan sehingga pemohon menjelaskan tunggakan sebelum apa jua permohonan dapat diproses dan mula mengenakan caj bagi berbagai-bagai perkhidmatan mengikut peraturan akta yang berkuatkuasa pada masa ini sedang dalam proses penilaian.

Berhubung perancangan dan penggunaan tanah, teras utama kementerian ini adalah untuk memastikan perancangan dan penggunaan tanah adalah secara optimum dan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi.

Bagi memantapkan pentadbiran dan pengurusan guna tanah dan meningkatkan hasil dan sumber tanah untuk membantu meningkatkan sumber pendapatan kerajaan, kementerian juga sedang meneliti kesesuaian penggunaan tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) yang telah dilupuskan bagi tujuan penggunaan industri komersial dan pertanian. Pada masa ini, kementerian telah pun menyerahkan pentadbiran dan pengurusan tapak-tapak tanah

Lesen Tumpang Sementara (LTS) industri seluas 351.6 ekar dan pertanian sebanyak 4,380.5 ekar kepada agensi-agensi berkenaan bagi kegunaan pengusaha-pengusaha *SME* di negara ini. Tanah-tanah *LTS* yang telah dilupuskan ini adalah dirancang untuk ditukar kaedahnya daripada tanah *LTS* kepada kaedah tanah pajakan atau sewa yang lebih bersesuaian bagi tujuan guna tanah sedemikian.

Sementara itu tapak-tapak tanah kerajaan yang dipohonkan oleh pihak pelabur dan pemaju bagi tujuan komersial sedang dirancang oleh kementerian dengan nasihat Majlis Guna Tanah Kebangsaan dengan menggunakan kaedah pajakan. Justeru itu, kementerian sedang mengenal pasti tapak-tapak tanah kerajaan yang berpotensi melalui kaedah pajakan kepada pelabur-pelabur dan pemaju. Setakat ini terdapat 3 buah tapak yang telah dikenal pasti iaitu:

i. 67.8 hektar di Kampung Tanah Jambu untuk kegiatan komersial;

ii. 26 hektar di Kampung Pekan Muara untuk kegiatan komersial; dan

iii. 364.5 hektar di Sibonghutan, Kampung Tanah Jambu untuk komersial dan resort.

Selain itu untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan hartanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga kini dalam proses meneliti semula bagi tujuan meningkatkan nisbah plot *(plot ratio)* bagi kemajuan. Dengan adanya *plot ratio* yang lebih tinggi maka aset tanah yang ada di negara ini akan dapat digunakan dengan lebih efisien dan sekali gus mendukung peningkatan *Gross Fixed Capital Formation* iaitu salah satu petunjuk utama *KPI* ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola untuk mengongsi beberapa akta yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan bagi mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi perundangan ke arah pengurusan tanah yang lebih mantap.

Pindaan *Estate Valuers and Agents Order* 2009 telah dikuatkuasakan pada bulan Januari 2017. Tujuan perintah ini ialah untuk mengawal selia penilai dan ejen hartanah di negara ini. Perintah ini telah memperuntukkan penubuhan Lembaga Penilaian dan Ejen hartanah. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ pendaftaran penilai dan ejen hartanah akan dilaksanakan penghujung tahun ini.

Berhubung Akta Kanun Tanah (Strata) Penggal 189 yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2009. Setakat ini cuma 2 bidang lot tanah yang telah didaftarkan dengan pemilikan strata. Sebanyak 42 keping geran hak milik strata telah pun dikeluarkan. Sesi pemberigaan untuk meningkatkan kefahaman para *stakeholders* mengenai pemilikan strata telah bermula pada pertengahan bulan Februari 2017 yang baru lalu dan telah dihadiri oleh wakil-wakil sektor awam dan swasta serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Penekanan terhadap pemberian perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti kepada orang ramai, menurut

perangkaan terkini tempoh masa purata bagi proses pindah milik tanah yang telah dibenarkan telah berjaya dikurangkan daripada 156 hari pada awal tahun lepas kepada 61 hari sekarang ini. Sasaran bagi pendaftaran tanah adalah untuk mencapai tempoh selama 30 hari.

Untuk mempercepatkan lagi proses permohonan pindah milik tanah sejak 1 Februari 2017, permohonan secara *online* adalah mandatori pada semua pemohon termasuk permohonan yang diterima dari syarikat guaman. Pengurusan tanah dan kualiti pemberian perkhidmatan yang lebih efisien, cekap dan berkualiti memainkan peranan bagi memudahkan kegiatan perekonomian dan kemajuan industri di negara ini.

Seterusnya pencapaian kedudukan negara bagi *Ease of Doing Business Ranking* yang lebih baik. Izinkan kaola di sini untuk mengongsikan kemajuan beberapa projek infrastruktur utama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan pada masa ini:

1. Dalam Kategori Projek Jalan Raya. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi rangkaian jalan raya bagi mengurangkan kesesakan jalan raya dan mendukung aktiviti-aktiviti ekonomi pembinaan jalan-jalan baharu dan penaiktarafan jalan raya dan jambatan yang sedia ada berjalan seperti berikut:

    i. Projek Jambatan Temburong. Projek ini telah dilaksanakan dalam 4 pakej, iaitu 3 pakej utama sedang rancak berjalan dan 1 pakej lagi sedang dalam tawaran. Pada keseluruhannya projek ini sudah mencapai kemajuan 17% dan pada masa ini dijangkakan siap pada penghujung Tahun 2019;

    ii. Projek pembinaan Jambatan Sungai Kebun telah mencapai kemajuan sebanyak 97% dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dijangka siap keseluruhannya pada sekitar bulan Ogos tahun ini;

    iii. Projek jejambat di persimpangan Jalan Gadong, Jalan Telanai telah mencapai kemajuan 90% dijangkakan siap sekitar pada bulan April 2017 tahun ini;

    iv. Projek pembesaran Jalan Residency telah mencapai kemajuan 60% dan dijangkakan siap pada sekitar bulan April 2018; dan

    v. Projek Pembinaan Lorong Kedua Seria *Bypass* telah mencapai kemajuan 60% dan dijangkakan akan siap sekitar Oktober 2017.

Berhubung dengan isu menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur jalan-jalan di negara ini, seperti mana kaola sentuh awal tadi mengenai peruntukan bajet yang terhad, kerja-kerja menarik taraf dan membaik pulih jalan-jalan raya dirancang mengikut keutamaan dengan memberi keutamaan kepada pelaksanaan kerja yang bertahap kritikal dan memberikan manfaat kepada masyarakat di negara ini

secara lebih menyeluruh. Dalam pada itu kementerian ini akan sentiasa berusaha dalam memastikan mutu jalan raya yang ada adalah selamat dan menurut piawaian antarabangsa;

2. Projek Saliran dan Pembetungan. Seterusnya Projek Menaik Taraf Saliran dan Pembetungan Pemeliharaan Persisiran Pantai dan Tebing-tebing Sungai dalam menangani isu-isu kejadian banjir tetap menjadi fokus utama kementerian ini melalui Jabatan Saliran dan Pembetungan. Melalui projek-projek yang telah dilaksanakan selama ini الْحَمْدُ لله kerajaan telah berhasil mengurangkan kawasan banjir berisiko kepada 55% dan berhasrat untuk mengurangkan lagi kawasan banjir berisiko daripada 343 kilometer persegi sekarang ini kepada 270 kilometer persegi dalam masa 5 tahun akan datang, melalui projek yang dicadangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-11.

Di negara kita, kejadian banjir berpunca daripada keadaan cuaca hujan lebat dan tidak menentu akibat perubahan iklim, pertembungan air hujan dengan air pasang dan terdapatnya banyak kawasan rendah dan tidak mempunyai sistem saliran yang mencukupi di negara ini. Terutama sekali apabila projek pembangunan berjalan dengan pesat di kawasan tersebut. Sebagai misalan ketika kejadian banjir kilat yang melanda di beberapa tempat pada 2 Mac 2017 iaitu baru-baru ini, Jabatan Kaji Cuaca telah mencatatkan bacaan jumlah bacaan hujan setinggi 256 milimeter yang lebih tinggi daripada *mean monthly precipitation* bagi bulan Mac iaitu 129 milimeter sejak 40 tahun, bertembung dengan air pasang setinggi 2.1 meter pada ketika itu.

Secara amnya perubahan iklim dan kenaikan paras air laut atau *general rise in sea level* telah mengakibatkan hakisan pantai dan kemasukan air laut ke darat yang menyumbang kepada masalah banjir di kawasan-kawasan rendah. Kemasukan air laut ke darat juga menyebabkan kelodakan (*siltation)* yang melambatkan aliran air sungai mengalir ke laut yang menyebabkan kebanjiran di hulu sungai.

Selaras dengan Pelan Strategik Jabatan Saliran dan Pembetungan untuk mengurangkan kejadian banjir di beberapa tempat yang mudah banjir beberapa langkah telah dilaksanakan melalui projek seperti yang berikut :

i. Pembinaan kolam tadahan atau *retention pond*;

ii. Menaik taraf sistem saliran utama, saliran *out pool* dan membina longkang-longkang konkrit bagi mempertingkatkan *connectivity* sistem saliran.

iii. Mendalami dan membesarkan hiliran sungai.

iv. Menjalankan kajian *feasibility study* ke atas Sungai Brunei dan Sungai Tutong bagi pembinaan *babang* atau *barrage* di beberapa lokasi yang strategic; dan

v. Menjalankan kajian peningkatan bagi sistem saliran di Daerah Belait.

Di samping itu kerja-kerja pemeliharaan juga diberi perhatian bagi memastikan fungsi sistem saliran utama yang memuaskan melalui kerja-kerja pemeliharaan oleh pihak swasta secara kontrak penggal. Penekanan juga diberikan kepada tahap pemantauan dan proses peningkatan dalam pengurusan pengawalan kemajuan tanah dan impak kemajuan isu banjir.

Jabatan Saliran dan Pembetungan terlibat dalam pelaksanaan projek utama negara iaitu Projek Revitalisasi Kampong Ayer Menimbuk dan Menambak dari Sungai Kedayan ke Jambatan Edinburgh. Pada keseluruhannya setakat ini projek ini telah mencapai kemajuan 55% dan menurut jadual akan dijangkakan siap di pertengahan Tahun 2018. Apabila siap nanti sebahagian kawasan ini nanti dibukakan kepada pelabur-pelabur tempatan dan luar negara bagi memajukan kawasan tersebut melalui kaedah *PPP* dan tujuan untuk menarik orang ramai dan pelancong-pelancong luar negara untuk berkunjung datang ke Bandar Seri Begawan apabila siap nanti; dan

3. Projek Bekalan Air. Dalam hal penyediaan air bersih yang mencukupi, berterusan dan *reliable* selain menangani masalah tekanan air rendah di beberapa kawasan di negara ini, tumpuan kementerian ialah untuk memastikan pengeluaran dan pengurusan sumber air adalah efisien untuk memperbaiki kadar *Non-Revenue Water (NRW)* atau Kadar Air Yang Hilang daripada 45% sekarang ini ke tahap yang lebih munasabah.

Antara usaha-usaha pembaikan dan inisiatif Jabatan Perkhidmatan Air dalam memperbaiki *NRW* ialah:

i. Penggantian paip-paip yang lama;

ii. Memantau tarif air sebagai insentif pengguna supaya berjimat cermat dan menggunakan air dengan bijak; dan

iii. Mempertingkatkan lagi aktiviti mendidik masyarakat mengenai kepentingan air dan mengelakkan pembaziran.

Antara projek utama bagi memastikan bekalan air yang bersih dan mencukupi ialah projek Empangan Ulu Tutong direka bentuk untuk beroperasi berkeupayaan mengawal dan menyalurkan air ke Sungai Tutong apabila aliran air tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan air mentah. Projek ini telah mencapai kemajuan 95% dan

dijangka akan siap pada pertengahan tahun ini.

Empangan ini sudah mula berfungsi menyimpan air dan mempunyai kapasiti dapat menyimpan lebih daripada 100 juta meter padu. Dengan Empangan Ulu Tutong ini akan mengukuhkan lagi bekalan air bagi Daerah Brunei dan Muara dan Tutong dan mengurangkan risiko kekurangan air terutama pada musim kemarau.

Berhubung isu alam sekitar. Salah satu isu yang sering dibangkitkan ialah mengenai pembuangan sampah. Negara Brunei Darussalam ialah antara negara yang mempunyai buangan sisa domestik yang paling tinggi di rantau ini. Perbelanjaan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan pengutipan sampah secara percuma melalui penyediaan beberapa tempat pembuangan sampah untuk kemudahan orang ramai di daerah-daerah juga adalah sangat tinggi. Di samping itu, kaedah penyediaan *skip* adalah tidak mesra alam.

Untuk mengatasi isu ini, Kementerian Pembangunan merancang untuk secara berperingkat-peringkat mengurangkan dengan hasrat menghentikan perkhidmatan percuma pengutipan sampah di kawasan-kawasan yang disediakan dengan *skip*. Ia akan diganti dengan melaratkan penswastaan pengutipan sampah dari rumah ke rumah yang memang sudah lama berjalan dengan berkesan di banyak kawasan di negara kita ini.

Perancangan ini adalah untuk memupuk kesedaran individu dan masyarakat agar lebih bertanggungjawab ke atas pengurusan sampah yang dihasilkan sendiri dan tidak hanya akan bergantung pada pihak kerajaan bagi mengurus dan mengendalikan kutipan pembuangan sampah secara menyeluruh. Ia juga diharap akan dapat membina masyarakat yang cintakan kebersihan dan keindahan alam sekitar amnya.

Selaras dengan itu, satu Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan telah pun ditubuhkan bersama-sama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan bagi memperbaiki keadaan dan meningkatkan tahap kebersihan tempat awam. Peranan utama jawatankuasa ini adalah untuk memudah cara bagi penyediaan perkhidmatan dan infrastruktur bagi tujuan pembersihan kawasan.

Jawatankuasa ini juga bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran, penyertaan dan kepimpinan dalam usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam negara yang bersih dan akan diperkukuhkan dengan sistem penguatkuasaan yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, penguatkuasaan Akta *Environmental Protection and Management Order* 2016 telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 19 September 2016. Melalui akta tersebut Jabatan Alam Sekitar, Taman

dan Rekreasi (JASTRe) diberikan kuasa untuk mengeluarkan denda kompaun ke atas mereka yang didapati mencemar persekitaran. Pada tahun 2016 lepas sahaja Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah menangani 64 kes pembuangan sampah yang tidak teratur.

Seterusnya secara ringkas saja Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengongsikan beberapa penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan bagi memperkemaskan urus tadbir ke arah meningkatkan *competency* dan profesionalisme dalam kalangan warga kerja kementerian.

Usaha-usaha yang telah dibuat termasuklah mereviu semula misi dan visi bagi memastikan ia sejajar dan mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035, dengan penyusunan semula organisasi, penyejajaran institusi bagi memastikan pelan-pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan matlamat jangka panjang jabatan-jabatan di bawah kementerian ini terarah kepada hala tuju yang sama.

Peningkatan kapasiti melalui perancangan sumber-sumber tenaga manusia, penyediaan pelan pelaksanaan *deliverables* serta peningkatan pengumpulan dan pengemaskinian data-data yang diperlukan bagi tujuan pengurusan dan pencapaian *key performance indicator.* Ke arah itu kementerian ini sedang mengemaskinikan Rangka Kerja Dasar Kementerian Pembangunan dan seterusnya Pelan Strategik Kementerian Pembangunan yang baharu.

Berhubung dengan penyusunan semula organisasi, kementerian ini telah menubuhkan *Division Governance and Delivery.* Penubuhan ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Rasmi Istiadat Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang menekankan: "Apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan".

Division Governance and Delivery dihasratkan akan dapat membantu dalam memantau tahap *delivery* jabatan masing-masing di bawah Kementerian Pembangunan berhubung mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan.

Dari segi sumber tenaga manusia. Dalam usaha berterusan untuk memastikan visi dan misi kementerian yang mendukung Wawasan Brunei 2035 tercapai. Kementerian terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan tahap profesionalisme warga kerja agar dapat menghasilkan mutu kerja yang cemerlang. Ke arah itu, program perkembangan profesional sedang giat dijalankan misalannya bagi Arkitek, Jurutera, Juruukur, Pegawai Perancang dan Pegawai Tanah untuk membolehkan

mereka memperolehi kompetensi dan pengalaman yang diperlukan untuk menjadi ahli *chartered* badan-badan profesional seperti *Institute of Chartered Engineers (ICE), Royal Institute of British Architect (RIBA), Royal Institute of Chartered Surveyors (RICS), Institute of Mechanical Engineers (IMechE)* dan *Royal Town Planning Institute (RTPI)* dan sebagainya.

Setakat ini seramai 77 orang pegawai-pegawai profesional kementerian ini telah menjadi ahli-ahli *chartered* badan profesional tersebut dan seramai 20 orang lagi telah dikenal pasti akan menduduki peperiksaan dan temu duga untuk mendapatkan keahlian *chartered ICE* pada bulan September tahun ini.

Kementerian ini juga telah memperkenalkan Program *Onboarding* yang telah dimulakan pada bulan Mac tahun ini yang antara lain bertujuan memastikan pegawai-pegawai yang baru berkhidmat akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab melalui program yang berstruktur melalui sistem *Mentoring and Coaching.* Dengan adanya program ini diharap akan dapat mempercepatkan keterlibatan pegawai-pegawai baharu menyumbang kepada produktiviti bidang kerja mereka dan secara langsung dapat menyumbang kepada produktiviti kementerian dan negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekianlah yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan-tumpuan dan perkara-perkara keutamaan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini untuk pengetahuan bersama. Terima kasih Yang Berhormat. وبالله التوفيق والهداية

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai tujuan dan matlamat kementeriannya serta sasaran-sasaran yang ditujunya berkaitan dengan belanjawan yang disediakan bagi kementerian ini.

Sekarang saya ingin membukakan Tajuk ini untuk kita bahaskan. Tapi sebelum itu saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat supaya soalan-soalan yang sudah ditanya tidak akan berulang ditanya semula. Pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat ada antaranya telah pun dibawa oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat 2-3 tahun yang kebelakangan ini. Jadi ertinya soalan itu berulang-ulang dan ada baiknya kalau soalan yang sudah dijawab berulang-ulang tidak akan ditimbulkan lagi melainkan barangkali Ahli Yang Berhormat ingin bertanya apakah halnya dengan perkara yang sudah dijawab itu sekarang?

Walau macam manapun ada juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membuat cadangan-cadangan. Saya kira kalau ada cadangan-cadangan itu ada baiknya kita fikirkan yang mempunyai keselarasan dan tumpuan mengenai keadaan kita yang sebenar yang kita hadapi ketika ini.

Iaitu untuk menjana ekonomi yang kukuh untuk menentukan bahawa anak-anak kita mendapat pekerjaan yang

tetap dan mempunyai kesempatan untuk mengikuti pendidikan, untuk mengikuti latihan-latihan yang diperlukan oleh negara ini. Sebagaimana yang dimaklumi Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun diberi taklimat oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan dalam kementerian-kementerian yang berkenaan.

Ada baiknya soalan-soalan ataupun perkara-perkara yang ditimbulkan dan sudah dijawab oleh kementerian-kementerian yang berkenaan tidaklah lagi perlu untuk ditimbulkan dalam Majlis Mesyuarat Negara kita. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin bertanya menambah pertanyaan itu merupakan pertanyaan-pertanyaan tambahan ataupun ia bersifat sebagai soalan-soalan yang timbul sesudah jawapan-jawapan itu diberikan.

Maka dengan itu, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

اَلسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha Jabatan Saliran dan Pembetungan Jabatan Kerja Raya atas kejayaan membina longkang *concrete* di kawasan sekitar jalan kecil Tanjong Nangka untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut. Projek tersebut telah disiapkan sekitar 2 tahun yang lalu. Sejak siapnya projek tersebut الْحَمْدُ لله masalah banjir telah dapat diatasi di kawasan yang berkenaan.

Baru-baru ini kerajaan telah membuat tawaran bayaran pampasan kepada salah sesorang yang tanahnya terlibat bagi pembinaan longkang *concrete* tersebut.

Pertanyaan kaola berapa lama biasanya kerajaan membayar pampasan sedemikian sesudah projek berkenaan disiapkan? Sekian. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan mengenai tempoh pembayaran balik pampasan. Ini tidak pula spesifik kerana ia tertakluk kepada keadaan kes yang tertentu. Kalau tidak bermasalah, *straight forward*, tidak jadi masalah, mungkin lebih cepat digantikan dengan pampasan. Yang selalunya yang bermasalah, ini yang menyebabkan kelambatan itu. Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini kaola kurang pasti kes tertentu sama ada bermasalah atau tidak secara khusus. Kalau dapat mungkin boleh lagi kaola menyusul untuk memastikan diselesaikan masalah itu.

Tidak ada *complaint* pada pihak kaola mengenai pampasan ini kecuali kes-kes

tertentu yang bermasalah sahaja. Yang Berhormat mudah-mudahan dapat penjelasan kaola itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ Kaola ada dua pertanyaan.

1. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Permohonan memecah tanah dan pembinaan rumah atau bangunan semakin memakan masa yang lama prosesnya dan menyulitkan terutama sekali masalah kebenaran. Akses selalu dijadikan alasan sebagai penghalang proses kebenaran; dan

2. Tajuk SK07A - Jabatan Ukur. Pada masa ini harga pengukuran tanah tidak lagi terkawal seperti yang sudah-sudah, pihak pelanggan lebih suka berurusan secara terus dengan pihak Juruukur Berlesen kerana kerja-kerja pengukuran tidak lagi dibuat, dikawal, diagih-agihkan menerusi Jabatan Ukur seperti lazimnya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas 2 pertanyaan itu tadi. Pertanyaan pertama kalau dapat kaola memohon penangguhan untuk menjawab Yang Berhormat Pengerusi untuk memastikan bahawa jawapan itu adalah *substantive.*

Dan pertanyaan kedua berhubung dengan harga pengukuran yang semakin bertambah ini.

Ini kurang pasti juga sama ada perkara ini benar dialami secara keseluruhan tapi juruukur menentukan orang yang mengukur ini bertauliah dari segi keperluan untuk standardnya itu dikekalkan, kalau tidak hasil kerjanya itu pun tidak memuaskan juga. Tapi memang kalau di peringkat kaola pada masa ini sedang memikirkan sama ada dapat lagi perkara ini dibukakan untuk persaingan, Yang Berhormat Pengerusi.

Kalau nanti payu sudah pemikiran itu, mungkin satu cara yang kos dapat diturunkan dengan mengadakan lebih banyak persaingan, Yang Berhormat Pengerusi. Tapi pada masa ini kitani mengawal bahawa tumpuan utama yang ditekankan pada masa ini ialah kualiti. Kualiti pengukuran itu benar-benar menepati keperluan kalau karang murah tapi *at the end* hasil kerjanya itu tidak mencapai mutu yang diperlukan. Walau bagaimanapun terima kasih juga atas soalan itu, sedang difikirkan kesesuaian untuk lebih membuka lagi bidang pengukuran ini kepada lebih persaingan kalau dalam rencana itu dapat untuk membagikan penurunan dari segi kadar yang dikenakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sekarang mempersilakan Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Hari Tanpa Beg Plastik telah pun diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2011 yang antara lain bertujuan untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik dan seterusnya mempromosikan penggunaan beg kitar semula terutama apabila membeli-belah dan sekali gus dapat membendung masalah pencemaran.

Inisiatif yang diungkayahkan oleh pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ini telah pun mendapat respons yang sangat baik daripada orang ramai dan masyarakat sekeliling. Manakala sokongan dan kerjasama dari gedung-gedung perniagaan di negara ini juga adalah memberangsangkan.

Soalan kaola, apakah perancangan pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam memperluaskan lagi inisiatif ini khususnya dalam memastikan budaya dan amalan penggunaan beg kitar semula ini bukan sahaja di gedung-gedung perniagaan utama tetapi diluaskan lagi ke tempat-tempat lain yang spesifik seperti perumahan-perumahan RKN dan sebagainya. Sekian. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan mengenai penggunaan beg plastik.

Pada masa ini, kitani ada mengenakan had kepada pelanggan untuk tidak menggunakan beg plastik pada waktu hujung minggu sahaja. Memang sudah dalam pemikiran untuk melaratkan larangan *(ban)* ini, jika boleh pada setiap hari, dengan sendirinya 24/7 *(7 days a week),* yang bermaksud secara berterusan untuk selamanya.

Pada masa ini, Yang Berhormat Pengerusi, telah pun dibuat rundingan dan tinjauan dengan pihak gedung-gedung perniagaan mengenai penerimaan mereka tetapi tidaklah semestinya mereka yang menjadi penentu atau menetapkan perkara ini. Kitani hanya memastikan bahawa setiap perkara yang akan dilaksanakan ini yang berupa dasar harus juga mengambil kira *input* daripada *stakeholders*. Perkara ini juga memang untuk dilaratkan bukan sahaja kepada gedung-gedung perniagaan besar bahkan juga, seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kepada kedai-kedai kecil dan di mana-mana jua tempat yang banyak menggunakan beg plastik ini, bagi tujuan menghadkan penggunaan beg plastik ini.

Perkara ini, Yang Berhormat Pengerusi, *bear with us*, pada masa ini sedang

dalam usaha untuk dipertingkatkan lagi kesedaran bagi pengurangan penggunaan beg plastik ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah yang lulas dan terperinci daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai Anggaran Belanjawan 2017/2018, Kementerian Pembangunan.

Dalam kementerian ini, kaola bercakap mengenai Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan, dengan Anggaran Perbelanjaan sebanyak $10,136,630.00. Kod Akaun 003/003 – Pembinaan Kapasiti bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan dalam industri pembinaan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola:

1. Adakah dalam pemikiran, jika bersesuaian, untuk pembinaan *One Stop Station* atau kawasan rehat *(rest area)* yang mempunyai bangunan dengan kemudahan letak kereta dan susur jalan keluar masuk yang selamat serta luas bagi kenderaan seperti bas dan treler, bilik tandas, restoran, surau dan gerai yang menjual produk tempatan seperti cenderamata, makanan dan minuman serta buah-buahan tempatan seperti mana yang kita lihat di negara luar yang sering disinggahi dan sasaran kegemaran pelancong?; dan

   Sekarang ini apa yang kita lihat, kenderaan berhenti di tepi jalan yang pemandu dan penumpangnya tanpa segan silu untuk berhajat iaitu pemandangan yang kurang elok dan memalukan apabila menjadi ristaan pelancong. Negara kita tidak terkecuali dari kunjungan pelancong yang kemungkinan bilangan kehadiran pelancong menggunakan lebuh raya di negara ini meningkat apabila Jambatan Temburong sudah digunakan kelak.

   Adalah dicadangkan pembinaan bangunan rehat ini, jika sesuai dilaksanakan antara Lebuh raya Muara-Tutong, misalannya di kawasan Tasek Biru atau antara perjalanan Lebuh raya Telisai-Lumut. Dengan adanya bangunan ini, akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk berniaga di tempat ini dengan dikenakan sewa yang berpatutan.

Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya kaola bercakap mengenai Kod Akaun 003/004 – Persijilan Kemahiran Anak Tempatan. Soalan kaola:

2. Adakah cadangan supaya memberi peluang kepada belia yang belum

bekerja mengikuti kursus dan bengkel kemahiran yang dilaksanakan oleh kementerian ini kepada kontraktor-kontraktor atau syarikat yang berdaftar dengan kementerian ini seperti kerja-kerja untuk mendapatkan tawaran kecil pembinaan jalan, penanaman paip, kerja-kerja pembaikpulihan saliran dan pembetungan, pembersihan dan lain-lain agar belia ini mengetahui cara-cara mendapatkan tawaran kecil bermula dengan modal yang rendah?

Dengan cara ini menanamkan semangat ingin untuk berusaha dan bekerja sendiri apabila melihat adanya peluang-peluang kerana masalah utama ialah takut dan tidak mahu menceburkan dalam apa jua bidang yang menyebabkan tidak ada pengetahuan, kepakaran dan kemahiran diri.

Selepas bengkel atau kursus kemahiran, keutamaan hendaklah diberikan kepada mereka seperti pemotongan rumput, pembersihan, mengecat, pemeliharaan hawa dingin dan lain-lain yang bersesuaian dengan kemahiran yang diperolehi dari bengkel dan kursus yang mereka ikuti.

Kaola merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Puja Usia Baginda Yang Ke-67 Tahun, di Istana Nurul Iman. Antaranya; "kejayaan rancangan pembangunan negara tidak boleh dianggap lengkap, jika masih ada golongan masyarakat yang tidak dapat menerima manfaat daripada pembangunan tersebut. Maka dalam konteks inilah, negara telah menekankan *inclusive development* yang bererti pembangunan negara yang meliputi *human dimension* dengan memberikan peluang kepada setiap anggota masyarakat untuk terlibat sama menyumbang dan memperolehi manfaat daripada pembangunan tersebut".

Seterusnya kaola merujuk kepada Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya, Kod Akaun 002/002 – Pengurusan Perbekalan. Paip pecah dan tangki besar bekalan air bocor merupakan pembaziran dan merugikan kerajaan apabila perkara ini sering berlaku. Kaola bertanya:

3. Apakah Anggaran Perbelanjaan ini termasuk bagi Pemeliharaan dan Pembaikpulihan bagi kebocoran yang sering berlaku kepada tangki bekalan air di Kampung Telamba. Pengaliran air dari kebocoran ini menyebabkan sebahagian tanah di kawasan perumahan yang berhampiran tangki berkenaan dan berlakunya tanah susur? Paling utama ialah dari segi keselamatan penduduk sekitarnya kerana terdapat beberapa buah rumah yang berdekatan di bawah tangki. Tangki ini sudah berusia dan lama, oleh itu adakah kiranya boleh bagi bekalan air di Kampung Telamba itu disambung secara langsung (*direct*) daripada paip utama ke rumah-rumah tanpa menggunakan tangki lagi.

Seterusnya Tajuk SK06A – Jabatan Tanah iaitu mengenai Peraturan Undang-Undang Tanah, Kod 003/001 – Menyemak Semula Kanun Tanah Dasar dan Garis Panduan. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap mengenai pemilik tanah yang tersepit, maksudnya tanah yang berada di belakang pemilik tanah yang di hadapan yang tidak mempunyai akses laluan menyebabkan sukar untuk membuat pembangunan terutama sekali apabila pemilik tanah yang di hadapan tidak membenarkan untuk memberi laluan. Hal ini kadangkala menimbulkan pertengkaran dan perselisihan termasuklah juga tuan tanah tidak membenarkan melalui jalannya dan melarang penebangan pokok. Soalan kaola:

4. Adakah pemikiran untuk pihak berkenaan membuat tambahan peraturan agar mempunyai kuasa mutlak bagi menyelesaikan kemelut ini, agar tidak membantu kelancaran kemajuan dan pembangunan.

Tajuk SK08A – Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Iaitu Pengurusan Kawalan dan Pencemaran. Kod 004 dan 001. Pengurusan Sisa Pepejal yang Efisien dan Sepadu.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sudah menjadi kebiasaan kontena - kontena pembuangan sampah sering dibakar menyebabkan kerosakan teruk sehingga tidak lagi boleh menampung sampah. Begitu juga dengan individu yang meninggalkan kenderaan rosak di jalan raya dan jentera-jentera berat ditinggalkan oleh kontraktor di tempat awam. Soalan kaola:

1. Adakah pemikiran untuk menggantikan kontena sampah sekarang dengan membina kontena konkrit? Kontena yang ada sekarang sering rosak menyebabkan sampah bertaburan terkeluar dari kontena;

2. Adakah pemikiran untuk mengadakan tong-tong sampah sederhana besar di sepanjang jalan raya dengan jarak penaruhan 1 km setiap satu untuk mengelakkan dari pembuangan sampah semberana atau cuai dengan *menumpuk* di tepi-tepi jalan oleh orang yang hanya mengambil mudah cara pembuangannya;

3. Apakah ada cadangan untuk mengadakan mekanikal pelupusan bangkai kenderaan dengan mengenakan bayaran yang minimum kepada individu yang mahu melupuskan kenderaan? Jika kenderaan berkenaan senghaja dibiarkan di jalan dan di tempat awam, maka penguatkuasaan hendaklah melaksanakan dengan tegas berdasarkan akta dan peraturan yang sedia ada.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan

untuk meneliti soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan untuk berehat selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula untuk menyambung perbahasan mengenai dengan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kita telah pun mendengar ucapan pendahuluan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Sebentar tadi seramai 4 orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan beberapa pertanyaan.

Walau macam manapun Yang Berhormat Menteri Pembangunan masih lagi mempunyai beberapa soalan yang suka untuk dijawabnya sebagai respons kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun menyoal sebelum kita berehat sebentar tadi. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. 5 soalan semuanya:

1. Cadangan bagi membina kawasan *one-stop* (perhentian) supaya pemandu-pemandu boleh berehat dan membeli cenderahati sementara mereka berada di tempat perhentian itu. Perkara ini kalau kita lihat daripada yang sudah dipraktikkan masa ini yang bermula dari stesen-stesen minyak pun sudah mula mengadakan bukan sahaja untuk mengisi minyak diadakan juga kedai-kedai, tetapi yang ketara sekali usaha itu dibuat berasaskan *commerciality*. Jadi usul-usulnya cadangan tadi ada *flavour*nya komersial, jadi perlulah diteliti dari segi sama ada *commercially viable* bagi perkara ini dibuat. Kerajaan *will facilitate* dan mengikut pegawai-pegawai kaola ada juga dipohonkan perkara ini tetapi tertakluk kepada peruntukan, dari segi kesesuaiannya.

   Terutama sekali kalau kita memikirkan dari segi Projek Jambatan Temburong setelah siap nanti ia laluan untuk pengguna-pengguna bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga dari negara jiran kita akan menggunakan tempat itu. Dalam perjalanan itu ada keperluan untuk mereka berehat, mengisi minyak dan makan minum. Kalau ada lagi perkara lain yang boleh menarik mereka seperti umpamanya kedai-kedai yang menjual barangan tempatan. Itu memang idea yang baharu dan sedang difikirkan.

Cuma, perkara ini perlu spesifik jua. Kalau kita memikirkan secara idea memang bagus bunyinya, tetapi mesti kita lihat apa cadangan yang khusus yang dapat kita pertimbangkan bagi tujuan untuk merealisasikan perkara ini. Itu memanglah satu pemikiran yang baik tetapi akhirnya sama ada ia dapat dilaksanakan atau tidak akan memerlukan satu cadangan yang khusus pada pendapat kaola;

2. Cadangan yang selaras dengan dasar kita untuk *inclusive development* berhubung dengan masalah yang banyak kita hadapi masa ini iaitu isu pengangguran. Cadangan Yang Berhormat adalah untuk mereka yang masih lagi mencari pekerjaan diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus yang dikendalikan mungkin oleh pihak-pihak pemborong. Tujuannya untuk mereka menimba pengalaman. Bila mereka memohon pekerjaan akan lebih dianggap sesuai untuk mengisikan kerja-kerja yang ditawarkan itu.

   Kaola di kementerian ini, *will facilitate* perkara ini kalau ada programnya. Umpamanya dari segi pemberian kontrak kepada pemborong pada masa ini memang kaola bekerja rapat dengan *EIDPMO* (Kementerian Tenaga dan Perindustrian) dari segi memenuhi keperluan *LDB* dan juga *ICF (Industry Competency Framework*). Tujuannya adalah untuk membagi prioriti kepada orang tempatan kita untuk meraih peluang pekerjaan. Jadi kaola memang penuh mendukung program seperti ini. Yang ini usulnya khusus untuk mereka yang belum bekerja tapi ingin menimba pengalaman dengan mengikuti kursus-kursus jangka pendek bukannya untuk mereka bekerja dengan syarikat, ini ada kelainan sedikit.

   Jadi, الْحَمْدُ لله ini adalah idea yang bagus untuk dibawa pemikiran lanjut di peringkat agensi lain juga. Kaola memang mendukung penuh apa-apa jua jenis inisiatif ke arah menangani isu pengangguran di negara kitani ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ ;

3. Mengenai tangki paip bocor di Kampung Telamba. Mengikut *feedback* yang diberikan oleh pegawai-pegawai abiskaola memang tangki sudah lama dan masa ini melalui proses pembaikan tetapi memang lebih tepat perlu dibuat ialah tangki ini diganti sama sekali dengan tangki yang baharu. Tetapi buat masa ini apa yang terdaya hanyalah membaiki.

   Dari isu keselamatan segala hakisan itu pun akan cuba ditangani dengan sebaik-baiknya supaya tidak membahayakan penduduk yang berhampiran. Ini apa yang dijelaskan oleh pegawai-pegawai abiskoala mengenai perkara tangki di Kampung Telamba. Mudah-mudahan penyelesaian jangka panjangnya akan dapat kitani buat nanti dengan pembinaan yang baharu;

Mengenai cadangan untuk menyambung terus air daripada *main pipe,* ini pun pegawai-pegawai abiskaola ada menerangkan. Itu bukanlah penyelesaian realistik tetapi membahayakan oleh sebab *pressure* daripada *main pipe* itu adalah terlalu kuat. Kalau kitani sambung *direct* mungkin akan membahayakan juga, jadi itu bukannya satu penyelesaian. yang dapat kitani buat dalam perkara ini; dan

4. Mengenai peraturan undang-undang tanah yang di bawah Kanun Tanah yang perlu diperkukuhkan untuk tujuan membuka tanah-tanah yang tersepit. Pada masa ini memang ada sudah *Land Readjustment* iaitu tanah-tanah yang tidak dapat dimajukan oleh sebab kedudukannya di dalam atau berpecah-pecah dan jauh untuk dibina prasarana-prasarana yang kos efektif.

   Pernah sudah dibuat dan konsep yang dipakai dipanggil *land readjustment* seperti keadaan yang sudah kitani lihat di Kampung Kiulap yang sudah menjadi kawasan perniagaan *(commercial area),* itu sebenarnya kaedahnya. Memang dibolehkan walaupun tanpa perubahan peraturan undang-undang pada masa ini. Tetapi saranan untuk mengukuhkan itu الْحَمْدُ لله lebih baik lagi oleh sebab ada *specific provision* yang membenarkan perkara ini.

   Memang sebenarnya diperbolehkan pada masa ini, secara amnya tidak ada spesifik menyatakan menyekat daripada membuat *land readjustment, after all* perkara ini dibuat adalah untuk kebaikan pemilik-pemilik yang terlibat. Jadi konsep *land readjustment* الْحَمْدُ لله sudah dijalankan. Tidak mudah sebenarnya oleh sebab keperluan untuk berunding dengan banyak pihak supaya bersetuju dengan penyelesaian yang dihadapkan itu. Bagaimanapun, perkara ini sudah berjalan pada masa ini dan الْحَمْدُ لله .

5. Mengenai alam sekitar, sisa pepejal dan skip-skip yang sudah lama dan sering dibakar, sama ada bila tiba masanya skip-skip ini diganti dengan skip baharu atau dibuat jenis *concrete*. Seperti juga dalam mukadimah abiskaola tadi mengenai skip ini bukanlah nampaknya penyelesaian jangka panjang. Pada masa ini kita teruskan sahaja oleh sebab inilah keadaan kitani pada masa ini. Tetapi kalau kitani benar-benar ingin menjadi contoh dari segi cara mengendalikan kebersihan alam sekitar kitani, skip bukanlah perkara sesuai untuk menangani isu kebersihan oleh sebab memang tidak dianggap sebagai *environmentally friendly*. Jadi itulah yang kaola sampaikan dalam ucapan mukadimah kaola tadi yang secara beransur-ansur abiskaola akan melaratkan konsep melanggan dengan syarikat-syarikat yang menyediakan pengurusan sampah ini.

Jadi dengan sendirinya cadangan untuk mengadakan tong-tong sampah setiap 1 kilometer di jalan raya itu barangkali sudah terjawab Yang Berhormat Pengerusi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dato. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Dalam kesempatan ini kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas perancangan dan kejayaan yang telah dibuat oleh Kementerian Pembangunan selama ini.

1. Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya. Adakah dalam perancangan pihak kementerian untuk menaik taraf jalan Wasan Bebuluh hingga ke jalan raya Batang Mitus, Bebuluh? Jika belum ada, dipohonkan untuk dimasukkan ke dalam perancangan pada masa akan datang kerana penduduk setempat memerlukan jalan raya yang lebih baik;

2. Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan. Syarat-syarat mendapatkan rumah melalui Kemajuan Perumahan diwajibkan para penerima mestilah ada 2 orang penjamin yang berkelayakan yang seorang daripada penjamin mestilah muda terdiri daripada pegawai kerajaan atau yang dibenarkan dalam syarat. Dipohonkan supaya permohonan untuk perumahan ini tidak dikenakan syarat penjamin kerana ini sangat sulit untuk dipenuhi. Kadang-kadang jika ada masalah terjadi, persengketaan antara penerima dan penjamin dan ini menjadikan kurangnya silaturrahim antara kedua belah pihak.

   Apa yang difahami, Skim Perumahan Negara ini adalah untuk penyediaan kemudahan perumahan untuk rakyat, maka dipohonkan untuk dipermudahkan untuk kepentingan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

3. Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya. الْحَمْدُ لله pada masa kini, longkang-longkang dan parit-parit di kawasan perkampungan dibersihkan. Tetapi saliran-saliran parit-parit yang menghubung ke sungai-sungai masih kurang dibersihkan, mengakibatkan kawasan tertentu masih berlaku banjir jika berlaku hujan lebat dan berterusan. Satu daripadanya adalah kawasan ternakan pertanian Limpaki selalunya air bertahan beberapa hari. Dipohonkan pembersihan saliran-saliran menghubung ke sungai dapat dilaksanakan; dan

4. Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan. Pertanyaan ini bersangkutan dengan Wawasan

Brunei 2035. Adakah pihak kementerian ada membuat perancangan untuk membangun dan memajukan penempatan baharu atau *new settlement* dalam kawasan pedalaman dalam perancangan penggunaan tanah seimbang dalam Wawasan Brunei 2035, perancangan bersama kementerian-kementerian yang berkepentingan *as a whole nation approach.*

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya meminta Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan penerangannya mengenai soalan-soalan yang dikemukakan. Saya ingin memberikan kesempatan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk memberikan penerangan tambahan mengenai dengan soalan-soalan yang telah pun dikemukakan yang terdahulu. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sedikit penerangan daripada rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan berhubung dengan satu perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi mengenai kenderaan yang terbiar di merata-rata tempat.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkut Darat dalam sedikit masa lagi akan menguatkuasakan dasar dan peraturan pembatalan pendaftaran dan penghapusan kenderaan yang tidak aktif dan tidak lagi layak dari segi keselamatan. Proses ini apa yang dipanggil sebagai *'Deregistrations On Vehicle'.*

Pada tahun 2015 sahaja sebanyak 387,817 kenderaan yang didaftarkan dalam sistem Jabatan Pengangkutan Darat. Hanya kira-kira sebanyak 306,510 sahaja yang dilesenkan yang aktif berjalan di atas jalan raya. *Trend* ini konsisten dengan data-data dalam tahun sebelumnya iaitu lebih kurang dalam 77,000 kenderaan yang masih berdaftar dalam sistem ini tetapi tidak lagi dilesenkan sama ada gagal membayar lesen kenderaan ataupun tidak membawa keretanya untuk diperiksa.

Melalui siasatan jabatan ini, dengan konsultasi dengan pihak-pihak yang berkenaan mendapati sebahagian daripada kenderaan yang berkenaan tidak lagi wujud sama ada dihapuskan ataupun terbiar di kawasan-kawasan rumah, bangunan komersial, bengkel, di tepi jalan raya dan hutan, tetapi tidak dibatalkan pendaftarannya.

Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat juga sedang meneliti amalan-amalan yang dibuat di luar negeri untuk mengatasi isu kereta yang terbiar ini. Sehinggakan ada sesetengah negara ada yang memasukkan harga pembelian kereta itu termasuk dengan harga pembuangan kereta terus supaya tidak mendatangkan masalah bagi negara dalam memastikan kereta yang tidak digunakan itu akan terbiar di sana sini.

Sebagai langkah awal untuk melaksanakan menguatkuasakan dasar *the deregistrations* ini, pendaftaran pembatalan ini, إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada 6 April 2017, Jabatan Pengangkutan Darat bersama agensi-agensi lain akan melancarkan satu kempen kebersihan kereta-kereta buruk di negara ini. Setiap yang empunya kereta diingatkan untuk membersihkan kereta mereka ataupun untuk dibuang di tempat-tempat yang sesuai khususnya di *scrap yard*, tempat besi-besi buruk dimusnahkan.

Satu makluman ataupun *press release* akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat ini untuk mengingati orang ramai untuk memastikan bahawa kereta mereka yang tidak lagi terpakai melainkan kereta itu dikhususkan untuk *as a collectors* ataupun atas sebeb-sebab tertentu mengapa kereta itu tidak didaftarkan.

Tetapi mana-mana kereta yang terbiar apabila di dapati terbiar di tempat awam akan diambil dan dibuang di tempat pemusnahan. Semua perbelanjaan untuk pembuangan itu akan dikenakan kepada yang empunya kereta.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ usaha ini akan dilancarkan pada 6 April 2017 dan akan dimaklumkan kepada orang ramai untuk pengetahuan awal.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, yang ingin kaola tambah untuk makluman Yang Berhormat tadi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab terutama sekali soalan mengenai Jalan Batang Mitus, daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari. Memang seperti juga apa yang kaola sampaikan dalam mukadimah tadi sokongan untuk menambah baik prasarana kita tertakluk kepada keutamaan. Jalan Batang Mitus ini, di *identify* sebagai salah satu jalan yang memang sesuai untuk dinaik taraf tetapi perlu mengikut keutamaan dalam *queue priority* ini nanti. Dimasukkan sudah untuk dipohonkan bagi RKN Ke-11 dan memanglah ia akan bersaing dengan kepentingan-kepentingan lain di sana nanti. Tapi memang sudah dikenal pasti sebagai jalan raya yang memerlukan penaiktarafan.

Soalan yang seterusnya mengenai penjamin bagi penerima rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara. Keperluan ini, berhubung kait dengan mukadimah kaola tadi jua. Pada masa ini kita menghadapi isu tunggakan yang begitu besar dan kita cuba menangani perkara ini. Memang mengikut perjanjian pembayaran akan dibuat tapi kebanyakannya tidak memenuhi janji.

Jadi, cara menanganinya antaranya ialah dengan mengadakan penjamin, buat masa ini Yang Berhormat Pengerusi. Tapi untuk tujuan masa akan datang semua isu ini dibawa kepada perhatian

Housing Focus Group untuk dibincangkan secara menyeluruh. Kesesuaian untuk menangani isu pemberian rumah dan jenisnya dan penerima ini berkemampuan untuk membayar dan termasuk jua orang yang dikenal pasti sebagai mampu itu, bagaimana mereka akan memastikan *they will honour* apa yang mereka persetujui itu, ini sebabnya.

Tidak syak lagi bahawa Rancangan Perumahan Negara memang satu skim untuk membantu rakyat. Itulah sebabnya kaola juga ada menyentuh mengenai subsidi yang tinggi. Ini *very generous*. Rancangan Perumahan Negara ini *very generous* dari segi saiz rumah, harganya dan dengan itulah barangkali tidak terlalu membebankan dari segi pembayaran balik itu.

Selama ini, untuk memastikan pembayaran balik diadakan penjamin, tapi nanti kalau dapat dikukuhkan lagi dari segi siapa yang mampu dan siapa yang tidak mampu, mungkin tidak lagi berapa perlu penjamin itu. Tapi pada masa ini masih difikirkan di peringkat *Housing Focus Group* Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan seterusnya berhubung dengan longkang dan parit di kawasan pertanian Limpaki, yang tidak dibersihkan. Akan dilihat perkara ini kalau dianggap sama jua *its a subjet of priority* tapi akan dilihat perkara ini. Kalau perlu dilawat dan dibuat sesuatu mengenainya.

Mengenai membangun rumah di kawasan pedalaman. Salah satu isu yang dihadapi masa ini dari segi Skim Perumahan yang sudah berjalan ialah ada skim yang laku dan banyak permohonannya. Tapi ada antaranya kurang sambutan. Jadi dengan sendirinya isu *supplier and demand*, (penawaran dan penerimaan) amat penting untuk kita ambil kira, Jika tidak kita bangun saja di kawasan pedalaman, tapi tidak ada orang yang mahu tinggal sedangkan pelaburan sudah dibuat untuk membina rumah itu merugikan.

Cadangan ini perlu dilihat secara menyeluruh berbanding keperluan yang lain. Satu isu yang lain dari segi membuat RPN, lepas itu orang dari pedalaman berpindah ke kawasan yang membangun. Itu memang satu isu *migration.* Bagaimanapun *in the end* tidak jua dapat kita lari daripada keperluan untuk memastikan apa sahaja yang kita laksanakan itu ada sambutannya. Kalau tidak ada sambutannya tinggal kita punya aset kosong. Ini sudah dihadapi pada masa ini.

Ada skim perumahan yang kurang penerimaan. Jadi terpaksa diberi insentif untuk orang-orang yang sudah lama menunggu mereka sanggup ber*queue* untuk memohon rumah di kawasan Bandar Seri Begawan di Daerah Brunei dan Muara supaya mengambil rumah di Daerah Belait sekiranya. Itu yang sudah dihadapi pada masa ini. Jadi, perlu diambil kira pengalaman yang sudah dialami setakat ini.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَىٰ

Kaola ada 3 persoalan tetapi soalan pertama tadi sebahagiannya telah disentuh tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Walau bagaimanapun, kaitannya dengan soalan itu masih ada bersama kaola:-

1. Dengan adanya Projek Pembinaan Lebuh Raya ke Belait dan juga Jambatan Temburong, isu ataupun hal yang bersangkutan dengan *highway* makin mencabar nampaknya. Kaola lihat dan mengambil maklum masa ini memang ada Bahagian Jalan Raya di Jabatan Kerja Raya. Mungkin sudah sampai masanya kitani akan memikirkan dan mengadakan belanjawan ataupun bajet yang tertentu untuk meningkatkan lagi kapasiti Bahagian Jalan Raya ini dijadikan sebagai satu entiti yang baharu.

   Masa ini di *highway* Jerudong-Muara ada kaola lihat satu *section* terdapat bangunan yang dipanggil *Highway Management Section.* Kaola rasa sudah sampai masanya *section* ini dinaik taraf lagi menjadi satu jabatan yang akan mengendalikan projek *highway* ini di samping memikirkan keperluan tambahan sepanjang *highway* itu termasuklah yang tadi ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dengan konsep *R & R*nya;

2. Kaola ingin menyentuh Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Semasa taklimat dengan Kementerian Pembangunan tempoh hari abiskaola dimaklumkan mengenai perubahan dari segi autoriti yang telah ditukar kepada Kementerian Pembangunan dalam pemberian kebenaran untuk memberikan nama kepada bangunan-bangunan komersial.

   Jadi sebahagian daripada isu itu telah kaola timbulkan. Cuma kaola ingin menjelaskan dan ingin tahu apa perkembangannya mengenai terdapatnya beberapa bangunan komersial persendirian yang tidak mengikut peraturan penamaan bangunan yang mensyaratkan tulisan Jawi, mesti ada dan sebagainya tetapi hanya menggunakan tulisan Rumi dan lebih rasanya menjolok mata ialah bangunan itu dinamakan mengikut nama kaum orang itu.

   Adakah perkara ini dibolehkan dalam akta-akta tertentu, Akta Tanah misalannya supaya tidak

menimbulkan apa-apa sensitiviti yang lain. Bangunan yang kaola maksudkan itu berada di Simpang Jalan Salar dan Jalan Muara;

3. Kaola ingin tahu kedudukan Daerah Temburong sebagai sumber bekalan batu kelikir. Sejauh manakah kedudukan perusahaan batu kelikir ini? Adakah ia masih lagi berdaya tahan dan bekalan-bekalan itu boleh lagi digunakan dalam jangka masa panjang? Kaola difahamkan ada juga negara mengimport bekalan batu ini dari luar negara.

   Apakah yang dibuat dengan bekas-bekas tapak yang telah digunakan itu supaya tidak menimbulkan bahaya dan adakah ia digunakan untuk tujuan lain seperti kolam ikan dan sebagainya?; dan

4. Perkara ini telah kaola bawa juga di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tetapi dalam taklimat hari itu ada mengaitkannya dengan Kementerian Pembangunan Bahagian Jabatan Tanah dalam Anggaran Perbelanjaan SK06A - Jabatan Tanah.

   Kaola mendapat tahu ada sebuah syarikat diberikan tanah yang luas di Kampung Masin. Pada mulanya memanglah ia sebagai rancangan pemberian tanah itu untuk pertanian dan kemajuan-kemajuan yang berkaitan dengannya seperti kedai menjual baja ataupun menjual racun pertanian. Tetapi apabila kaola melawatnya, kaola lihat saiz bangunan itu terlalu besar. Kaola merasa sedikit waham mengapa dibuat sebesar begitu jika hanya untuk menjual bahan-bahan racun dan juga baja?

   Kaola khuatir jika kita tidak mengawalnya dengan baik mungkin disalahgunakan ataupun disewakan untuk komersial.

   Kaola mohon penjelasan mengenai hal ini terutama mengenai syarikat yang ada di Kampung Masin berkenaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat soalan-soalan tadi:-

1. Mengenai *Highway Management*. Pada masa ini sudah ada *Highway Management Section*. Mengikut *feedback* daripada pegawai-pegawai abiskaola memang ada rancangan berasaskan keperluan untuk meningkatkan lagi kemahiran *section* ini dan barangkali kalau sesuai akan dinaikkan tarafnya dari segi penamaannya, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ tetapi memang di bawah Jabatan Kerja Raya *(Department of Road).*

   Mengenai Jambatan Daerah Temburong yang *management*nya bukanlah mudah, ia kompleks oleh sebab ia jambatan kitani yang pertama yang termoden dan memerlukan kemahiran yang

tertentu dari segi *maintenance*nya untuk memastikan sempurna dan selamat. الْحَمْدُ لله terima kasih juga atas cadangan itu dan akan diteliti akan kesesuaiannya nanti;

2. Berhubung dengan penamaan bangunan-bangunan komersial dan ada secara khusus sebuah bangunan di Simpang Jalan Salar Yang Berhormat nyatakan tadi itu yang nampaknya melanggar peraturan yang ditetapkan. Jadi, isunya kitani punya peraturan-peraturan, jadi nampaknya ini isu penguatkuasaan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ abiskaola akan melihat perkara ini dan membuat apa yang perlu untuk memastikan ia dapat ditangani dengan sebaiknya;

3. Mengenai batu kelikir yang pembekalannya dahulu kebanyakannya dari Daerah Temburong. Pada masa ini sebenarnya hasrat kitani adalah untuk tidak lagi meneruskannya kerana isu-isu tertentu terutamanya dari segi pencemaran. Cuma batu kelikir yang sudah di *mine* itu sahajalah untuk dihabiskan diproses dan selepas itu kitani berhasrat untuk mengimport batu kelikir ini dari luar negara. Ini ada hubung kait dengan isu pencemaran. Jadi bukanlah satu industri yang akan dikembangkan pada masa akan datang atas sebab-sebab tertentu itu.

   Diambil maklum jua apa yang Yang Berhormat timbulkan mengenai tapak-tapak itu kalau terbiar boleh membahayakan, abis kaola akan melihat perkara ini untuk memastikan ia juga ditangani dengan sempurna; dan

4. Soalan yang terakhir ialah berhubung dengan sebuah syarikat yang menerima sekeping tanah dan dibangun dengan sebuah bangunan yang besar, usul-usulnya *related to* pertanian. Kaola perlu barangkali melihat dahulu kedudukan perkara yang sebenarnya mungkin ada keperluan untuk kaola jua berkonsultasi dengan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menjawab perkara ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira Ahli Yang Berhormat perkara seperti itu tidaklah payah kitani panjang lebarkan. Memadailah perkara seperti itu disoalkan ataupun dihadapkan kepada jabatan yang berkenaan dan terpulanglah kepada jabatan yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sesuai baginya. Bukanlah suatu perkara barangkali perkara negara yang perlu kita bincangkan dengan panjang lebar dalam Majlis yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyentuh:

1. Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya, Kod Akaun K26265. Kaola melihat ada peruntukan sejumlah $4 juta, iaitu Pencegahan Banjir (termasuk kerja-kerja pembaikan, menaik taraf pembetungan dan saliran) dan juga menaik taraf sistem saliran longkang tepi jalan dan melebarkan bahu jalan di Daerah Tutong.

   Kaola hanya ingin bertanya adakah dalam melebarkan bahu jalan atau menaik taraf jalan ini termasuk juga jalan utama Daerah Tutong iaitu dari Pekan Tutong ke Tanjong Nangka yang telah lama dipohonkan dan sudah tiba masanya untuk dinaik taraf sekurang-kurangnya dilebarkan bahu jalannya kerana ia merupakan jalan utama di Daerah Tutong dan telah pun digunakan sebelum kita merdeka lagi.

2. Kod Akaun 1112-002. Peruntukan Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong berjumlah $7,689,000. Jadi kaola mengalu-alukan peruntukan ini kerana memangnya kawasan Tutong itu mudah dilanda banjir. Kaola hanya ingin mengetahui di manakah projek ini akan dilaksanakan? Adakah ia sepanjang Sungai Tutong ataupun menumpukan ke Pantai Seri Kenangan? Peruntukan $7,689,000 adalah besar dan jika sekiranya termasuk sepanjang Sungai Tutong adalah sangat menggembirakan.

3. Mengenai Kod Akaun 1112–001, Membina Kolam, Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1 iaitu ada Rancangan RKN $19 juta. Kaola ingin bertanya, beberapa tahun yang lalu iaitu dua tahun yang lalu, biskaola di Daerah Tutong diberi taklimat mengenai pembinaan Sistem Kawalan Banjir iaitu lebih kurang 6-7 buah. Jadi koala ingin bertanya apakah program ini atau projek ini diteruskan atau melibatkan peruntukan yang ada sekarang ini?

4. Kaola berpindah kepada Tajuk SK06A – Jabatan Tanah. Pada masa ini jika pemilik tanah berhajat untuk menembok tanah termasuk untuk membangun rumah persendirian (rumah kampung), memerlukan kelulusan dan disediakan pelan yang disahkan oleh arkitek yang berlesen.

   Jadi kaola ingin bertanya adakah pertimbangan khusus untuk pemilik tanah yang terdapat di pedalaman? Seperti kawasan tanahnya rendah dan selalu dilanda banjir umpamanya Mukim Tanjong Maya dan sekitarnya sampailah ke pedalaman. Pemilik terpaksa menanggung kos tinggi sehingga belasan ribu ringgit untuk menembuk tapak tanah bagi membangunkan sebuah rumah yang kadang-kadang melimpasi permukaan jalan raya iaitu dengan mengecualikan mereka daripada menggunakan pelan atau menggunakan arkitek kerana bayaran pelan pun memakan belanja beribu ringgit.

5. Kaola berpindah kepada Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Bagi menyokong cadangan

daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi. Kaola hanya menambah sedikit. Sebenarnya masalah yang dihadapi oleh penduduk mukim di kawasan kaola iaitu masalah tempat pembuangan sampah yang tidak mencukupi keperluan penduduk. Tong sampah atau kontena sampah tidak selaras dengan jumlah penduduk yang ada di kawasan tersebut, sampah-sampah yang dibuang ke dalam tong sampah (kontena sampah) tersebut melimpah keluar dan apabila melimpah keluar sampai 2-3 hari maka ia akan diselongkar oleh binatang-binatang maka menimbulkan pencemaran dan ini merisaukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya kira soalan seperti itu, ada baiknya diajukan kepada Pegawai Daerah. Jadi terpulanglah Pegawai Daerah itu untuk mengelolakan barangkali kesejahteraan daerahnya masing-masing. Sekiranya ia tidak dapat menyelesaikan masalah itu, maka ia akan membawa masalah yang demikian kepada kementeriannya. Jadi tidaklah payah barangkali diulangkan ataupun disoalkan dengan panjang lebar dalam majlis kita yang kita adakan ini.

Sebab kita sekarang berhadapan dengan masalah nasional, bukan lagi kita berhadapan dengan soal-soal kampung mukim dan daerah. Ada baiknya kita membuka minda dan perspektif kita, supaya kita dapat menumpukan perhatian kita kepada soal-soal nasional. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Itu saja yang kaola sampaikan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan pertama dari Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong tadi, iaitu melebarkan bahu jalan yang ada di Jalan Tutong yang memang jalan ini sudah lama dan perlu dinaik taraf. Permohonan untuk menaik taraf jalan ini sudah dipohonkan dalam RKN-11 dan sama jua status-status projek lain yang dicadangkan ikut bersaing dari segi pengutamaan.

Berhubung pemilik tanah yang di kawasan rendah yang selalu dilanda banjir yang perlu menembok, mereka ini dikecualikan menggunakan pelan. Selalunya apa saja yang kena mengena pelan yang memerlukan proses tertentu, jika dikecualikan mengkompromi dari segi keselamatan dan secara amnya susah untuk dibenarkan. Tetapi, jika sekiranya kawasan tersebut selalu dilanda banjir dan adakah perlu jua masih mahu membuat rumah di kawasan rendah itu. Mungkin ada cara-cara lain.

Itu sahaja jawapan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Untuk mengkompromi dari segi peraturan-peraturan tersebut mungkin payah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri

Pembangunan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi yang antara lain mengambil kira perbelanjaan kerajaan yang berhemah dengan mengutamakan pembinaan perumahan negara untuk kemudahan dan kesejahteraan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga mengambil kesempatan dan terima kasih atas perkara yang terkandung dalam peruntukan K26264 mengenai Pembaikan / Menaik Taraf Sistem Bekalan Air di Mukim Berakas 'A' dan 'B' sebanyak $5 juta.

Kaola menyampaikan beberapa perkara Tajuk SK03A Kod Akaun 1106/003 dan Tajuk yang sama jua B01600:-

1. Kaola ingin menyentuh mengenai perkembangan perkhidmatan jalan raya di Jalan Muara. Lebih dahulu kaola mengucapkan rasa syukur dan tahniah atas peningkatan usaha-usaha kerajaan dalam hasrat mencapai sistem rangkaian jalan raya serta pemeliharaan kualiti yang efisien.

   Seperti sedia maklum Jalan Muara ialah jalan utama yang digunakan oleh penduduk-penduduk Kampung Salambigar, Kampung Sungai Hanching dan Kampung Tanah Jambu yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai. Ini ditambah lagi penempatan baharu, penduduk yang berpindah sama ada ke perumahan negara atau rumah persendirian.

   Kaola rasakan, boleh dikatakan kemajuan di kampung-kampung ini semakin pesat dan ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas di Jalan Muara terutama hari waktu bekerja dan persekolahan yang jalan raya ini hanya mempunyai satu lorong setiap hala dan tidak dapat menampung jumlah kereta yang semakin bertambah. Kesulitan-kesulitan ini dirasai yang seringkali diadukan terutama penduduk-penduduk di kawasan berkenaan.

   Soalan kaola, adakah sebarang perancangan ataupun peruntukan yang dikhaskan bagi menaik taraf Jalan Muara ini?

   Yang Berhormat Pengerusi. Kaola amat terpakai dengan konsep jalan raya yang dibina di sepanjang Jalan Muara, Kampung Salambigar yang jalan raya tersebut mempunyai 2 lorong bagi setiap hala dan dibahagi satu lorong tengah bagi membolehkan kenderaan keluar masuk simpang; dan

2. Mengenai aduan yang sering diutarakan oleh orang ramai ialah berhubung jalan raya masuk kawasan empat, Jalan 11 dan Jalan

31 Perumahan Negara Lambak Kanan. Kawasan ini, adalah kawasan yang sering berlaku kemalangan malah pernah melibatkan kehilangan nyawa tambahan lagi dengan adanya Pusat Kesihatan Berakas dan *apartment* bertingkat yang dijangka siap tidak lama lagi. Kawasan tersebut akan bertambah sibuk.

Kaola berharap, kawasan yang sering berlaku kemalangan ini bukan sahaja yang disebutkan tadi malah di seluruh negara dapat diteliti dan dikaji mengapa kemalangan sering berlaku dan bagaimana untuk menghindarinya ; dan

3. Negara pada masa ini sedang pesat membangun, di mana-mana kita boleh melihat banyak projek pembinaan sedang giat dan rancak dilaksanakan sama ada dilaksanakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak persendirian. Dalam menghadapi transformasi kemajuan, khususnya dari sudut pembinaan yang semakin bertambah ini apakah strategi pihak kementerian bagi memastikan supaya projek-projek pembinaan ini sama ada berskala besar mahupun kecil dibuat mengikut piawaian dan syarat yang tidak melanggar mana-mana akta undang-undang pembinaan.

   Kaola rasakan penguatkuasaan akta undang-undang pembinaan wajar ditingkatkan bagi mengelakkan kerajaan diibebani dengan kos-kos membaik pulih aset-aset kerajaan yang sedia ada. Sebagai contoh projek pembinaan yang telah mengakibatkan kerosakan jalan raya, projek pembinaan mengubah suai longkang yang telah sedia ada yang mengakibatkan longkang ditimbuni pasir hingga akhirnya menyebabkan banjir, projek pembinaan yang mengakibatkan pencemaran udara, projek pembinaan kebersihan dan kesejahteraan yang menjejaskan keselamatan orang ramai dan sebagainya.

   Persoalannya, setakat manakah keberkesanan pihak kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang pembinaan dalam mengawal impak negatif akibat dari projek pembinaan ini, kerana sesungguhnya mencegah lebih baik daripada mengubati *(prevention is better than cure).*

   Kaola amat maklum akan keadaan ekonomi dalam negara pada masa ini. Peruntukan adalah terhad sudah setentunya kerja-kerja pembisaian jalan-jalan raya yang rosak memerlukan peruntukan untuk membiayainya.

   Soalan kaola ialah apakah strategi-strategi atau usaha-usaha pihak kerajaan untuk memastikan bahawa di samping melaksanakan projek-projek besar yang memerlukan pembiayaian yang begitu tinggi, projek-projek kecil seperti pemeliharaan jalan raya juga tidak ditinggalkan dan dapat dilaksanakan yang mungkin sama pentingnya bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

Kaola ingin memberi contoh, jalan menuju ke Masjid Manggis Madang perlu diperbaiki dan dinaik taraf kerana terlalu kecil dan rosak yang telah menjejaskan mereka yang pergi ke masjid mahupun penduduk yang tinggal di kawasan sekeliling yang sering menggunakan jalan ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan tadi.

1. Perkara yang ditimbulkan ialah mengenai menaik taraf Jalan Muara. Ini memang dalam perhatian Kementerian Pembangunan dan Jabatan Jalan Raya. Jalan ini memerlukan penaiktarafan sama jua halnya dengan projek-projek yang lain. Keutamaannya akan dilihat berbanding dengan projek-projek lain. Dari segi RKN 11 belum ada lagi. Oleh sebab keadaan kewangan masa ini ianya memerlukan untuk membuat prioriti tertentu. Jadi, walaupun memang dalam perhatian dari segi keperluan, akan tetapi mungkin yang lain adalah lebih mendadak lagi keperluannya, lebih kritikal daripada yang ini. Jadi, memang perkara ini dalam perhatian. Itu sahaja mengenai penaiktarafan Jalan Muara;

2. Mengenai jalan keluar masuk di kawasan Perumahan Negara Lambak Kanan. Perkara ini abis kaola akan melihat secara khusus apa isunya. Kalau memang sering terjadi kemalangan apa lagi yang mengakibatkan kehilangan jiwa memang perlu diberi perhatian yang berat. Pihak Kementerian Pembangunan bersama Kementerian Perhubungan jua akan menangani perkara ini;

3. Mengenai negara kitani melalui proses pembangunan yang pesat dan proses penguatkuasaan amat diperlukan untuk memastikan negara tidak terbeban oleh pelanggaran peraturan dan sebagainya. Memang kitani ada *ABCi* sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan yang cuba membuat penguatkuasaan/ pemantauan mengenai pelanggaran-pelanggaran.

   Apa yang dilihat selama ini ada kes-kes yang tertentu sudah ditangani secara khusus sama ada kitani 100% dalam perkara ini memang diakui tidak 100% masa ini. Isu penguatkuasaan adalah satu isu yang masih lagi kitani lemah, jadi memang sesuai untuk kitani pertingkatkan kapasiti dalam bidang penguatkuasaan ini. Jadi dengan itu abis kaola pun ada menyentuh dalam mukadimah penubuhan *Governance and Delivery Unit*. Antara satu skop kerjanya ialah untuk *steering* kita punya proses penguatkuasaan supaya lebih berkesan pada masa hadapan. Mudah-mudahan berjaya.

Seterusnya strategi (kurang jelas) kaola punya catatan Yang Berhormat Pengerusi. Kalau dapat kaola mohon untuk diulang semula soalan yang keempat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pehin dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Kaola pun ada jua kan menambah, ada yang tertinggal. Mengenai pemeliharaan jalan di Masjid Manggis Madang yang harus diperbaiki, dinaik taraf kerana terlalu kecil dan banyak rosak. Itu persoalan kaola. Tadi kaola menambah perkara pertama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Barangkali Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyoal mengenai soalan kita yang akhir, kalau saya tidak khilaf, Yang Berhormat tadi telah pun menyatakan bahawa kitani sedang berhadapan dengan pembinaan secara besar-besaran mengenai projek yang besar-besar, jadi jangan tertinggal projek-projek yang kecil-kecil seperti projek menaik taraf jalan-jalan yang sudah rosak.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Betul. Kalau dapat izinkan kaola menambah, ada yang tertinggal Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Apa lagi yang tertinggal?

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Cadangan kaola ialah mencadangkan agar dilaratkan dari simpang tiga Jalan Utama Salambigar, Kampung Sungai Hanching, Kampung Sungai Tilong dan sehingga ke pusing keliling Kampung Manggis, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua Yang Berhormat mengenai soalan dan lebih jelas isunya.

Projek ini perlu jua dilihat berbanding dengan projek yang lain dari segi keutamaan. Itu kali yang dapat kaola jawab. Dari segi projek *damit* tidak semestinya tidak penting kalau ia inda kritikal yang kaola *emphasis*. Yang kaola tekankan dalam mukadimah tadi. Kalau ia di peringkat kritikal untuk dibuat, memang pemuliharaan memang diteruskan.

Kaola jua menekankan tadi kitani cuba memastikan dengan seboleh-bolehnya tahap keselamatan jalan raya kitani adalah memenuhi piawaian antarabangsa. Sebab itu kita tidak akan mengabaikan tanggungjawab dalam bidang itu, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam kesempatan ini kaola merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pembangunan yang telah memasang lampu trafik dekat persimpangan Bukit Kabun, Kampung Kapok untuk memudahkan para pengguna memasuki laluan berkenaan.

Dalam Tajuk yang kaola akan sampaikan ini ialah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan dan mungkin juga relevan dengan Tajuk SK06A - Jabatan Tanah.

Pertama mengenai isu-isu pemaju tanah. Yang Berhormat Pengerusi, dalam beberapa dekad yang lalu dan sehingga sekarang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berjaya dan berupaya menyediakan perumahan kepada rakyat yang tidak mempunyai rumah atau tanah, sesuai dengan matlamat negara untuk memberikan rumah atau tempat kediaman bagi rakyat negara ini.

Apa yang kaola ingin bangkitkan dan kemukakan pandangan dan cadangan ialah peranan pemaju-pemaju dalam konteks memajukan tanah bagi tujuan perumahan. Kita sedia maklum, peranan pemaju-pemaju di Negara Brunei Darussalam untuk memajukan tanah-tanah persendirian, untuk dibangunkan rumah-rumah persendirian bagi tujuan komersial atau untuk dijual memang amat ketara. Rumah-rumah yang dimajukan ini akan dijual dengan harga yang benar-benar komersial di sekitar antara $250,000 hingga $700,000.

Kaola mencadangkan supaya diwujudkan satu dasar dalam peraturan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan supaya aktiviti pemaju-pemaju perumahan ini dapat dikawal dari segi komposisi jenis rumah yang hendak dimajukan.

Kaola rasa usaha dan dasar ini sedikit sebanyak membantu kerajaan dalam menyediakan rumah-rumah dan juga pihak swasta adalah sesuai berperanan menangani isu perumahan bagi rakyat sebagai *whole of nation approach*.

Kaola akan menyentuh mengenai Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Seperti sedia maklum kawasan Rancangan Perumahan Panchor, Mangkubau menyediakan 4,000 unit rumah iaitu 1,600 unit rumah kembar dan 2,000 unit rumah jenis teres.

Yang Berhormat Pengerusi. Dari tinjauan kaola masih lagi terdapat rumah kosong dan terbiar di kawasan berkenaan. Kaola ingin bertanya, kenapakah rumah-rumah belum diperuntukkan kepada pemohon yang layak memandangkan jumlah pemohon yang menunggu untuk diperuntukkan rumah masih banyak? Jikalau pun rumah berkenaan tidak dapat diperuntukkan disebabkan rosak, apakah tindakan selanjutnya diambil oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perumahan bagi memastikan

rumah ini dapat diperuntukkan dengan sesegeranya?

Ini bagi mempastikan pihak kerajaan tidak akan menanggung sebarang kerugian dalam penyediaan peruntukan bagi kerja-kerja pemeliharaan rumah-rumah itu nanti. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tadi:-

1. Soalan mengenai isu pemaju-pemaju membuat rumah yang harganya $250,000 ke $750,000 dan masih juga ada penerimaan, masih ada orang yang membeli. Apa yang dihadapkan tadi supaya diadakan dasar untuk memastikan pemaju-pemaju ini dengan apa yang mereka buat supaya dilihat dan diserasikan dengan skim-skim kerajaan yang lain supaya kita dapat menggunakan *whole of nation approach*. Apa yang kita lihat اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pemaju-pemaju ini memajukan tanah persendirian membuat rumah-rumah yang dijual dengan harga mahal masih ada penerimaan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ. Ertinya ada satu bahagian masyarakat kita ini yang masih berminat untuk mendapatkan jenis perumahan ini walaupun harganya sedemikian.

   Kalau kita menahan projek-projek mereka ini, mungkin tidak betul. Sedangkan berdasarkan penawaran dan penerimaan *demand and supply* permintaan memang ada. Ertinya orang yang mahukan jenis rumah yang disediakan oleh pemaju-pemaju itu ada. Itu memang menyelesaikan sebahagian daripada keperluan rakyat kita sendiri. Macam mana kita menyelaraskan dengan Skim Perumahan Negara dan dengan skim-skim lain yang disediakan oleh agensi-agensi di bawah kawalan agensi-agensi yang lain.

   Itu memang kita perlu melihat sahaja tapi kalau dasar untuk menahan orang ini dari terus membuat apa yang mereka sudah buat dengan jayanya pada masa ini mungkin tidak betul. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah satu perkara yang memang dimasukkan di bawah *Housing Focus Group* untuk di teliti, Yang Berhormat Pengerusi, dilihat penanganan isu perumahan ini dapat diselesaikan melalui kaedah *private sector* ini. Kita dari segi sendiri cuba membabitkan *private sector* ini untuk tujuan pada masa akan datang untuk tujuan kesinambungan Skim Perumahan Negara kita.

   Itulah barangkali secara amnya, kaola dapat kongsikan sedikit dari segi pemikiran-pemikiran di peringkat abis kaola dari Kementerian Pembangunan dan *Housing Focus Group;* dan

2. Soalan yang seterusnya Skim Rancangan Perumahan Panchor, Mangkubau masih ada terdapat rumah-rumah yang belum

diperuntukkan. Mungkin ada yang belum siap ataupun belum lagi diserahkan ataupun dalam keadaan rosak. Banyak juga yang rosak. Kalau ada yang rosak memang tidak sesuai untuk kita memperuntukkan kepada penerima-penerima. Bukannya, mengenai rumah siap tetapi tidak ada tindakan langsung untuk kita cuba mengagih-agihkan. Kondisi-kondisi tertentu menyebabkan kita untuk menangguhkan pengagihan itu, umpamanya kerosakan terpaksa kita baiki lebih dahulu sebelum diagihkan. Itu sebab-sebabnya, bukannya terlepas pandang.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi lebih dahulu kaola merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Kaola sukacita merujuk kepada Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan:-

1. Kaola ingin bertanya apakah ada *quality assurance* bagi pemulihan *highway* yang baru siap seperti Telisai-Lumut kerana belum sampai 5 tahun sudah mengalami kerosakan. Apakah tindakan kementerian dalam perkara ini?;

2. Ingin mengetahui perkembangan isu pembinaan kawasan Tol di Jalan Sungai Teraban ke satu tempat yang bersesuaian. Perkara ini sangat-sangat ditunggu dan amat dialu-alukan oleh semua kalangan lapisan masyarakat; dan

3. Kaola ingin tahu apakah perkembangan cadangan yang pernah disuarakan oleh mantan Ahli Mesyuarat Negara yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, wakil Zon Daerah Belait pada 3 tahun yang lalu mengenai cadangan membina benteng di sepanjang Pantai Pekan Kuala Belait dengan melihat situasi pada masa ini? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Mengenai dengan *quality assurance* bagi jalan yang dibina di Telisai-Lumut yang sudah digunakan pada masa ini. Mungkin yang ditimbulkan ini memandangkan banyak kemalangan berlaku. Sebenarnya projek ini bukannya di bawah Kementerian Pembangunan sebelumnya, tetapi ia diterima oleh Kementerian Pembangunan kemudian, jadi ada kerumitan sedikit dari segi kita mengendalikan *transfer of ownership* itu termasuk mengendalikan isu *quality*

assurance dan sebagainya. Apa lagi projek ini mengalami kelambatan yang begitu lama. Kaola memerlukan sedikit masa Yang Berhormat Pengerusi untuk mendapatkan penjelasan yang lebih tepat mengenai perkara ini. Tetapi isu-isu yang ditimbulkan ini memang kita hadapi pada masa ini.

Tol Sungai Teraban. Perkara ini lama sudah ditimbulkan, kaola selesaikan di peringkat secara *bilateral* sahaja perkara ini. Isu ini ditangani bersama dengan Kementerian Perhubungan Yang Berhormat Pegerusi, jadi Yang Berhormat Menteri Perhubungan ada yang akan dikongsikan nanti. Kitani bagi peluang nanti barangkali Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola kurang pasti lagi soalan yang seterusnya ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon untuk menyerahkan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Hanapi kerana membangkitkan mengenai isu Tol Rasau. Soalan ini pernah diajukan kepada kaola semasa Majlis Mesyuarat Musim kedua belas tahun lepas.

Sejak permesyuaratan itu, satu permesyuaratan antara Kementerian Perhubungan yang dipengerusi oleh kaola sendiri dan beberapa orang pegawai daripada Pejabat Daerah Belait, Ketua Kampung Sungai Dua, Ketua Kampung Sungai Teraban dan juga wakil dari Perundingan Kampung serta pegawai dari Kementerian Perhubungan. الْحَمْدُ لله semasa pemesyuaratan itu, jelas sekali Yang Berhormat Pengerusi mengenai dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di Kampung Sungai Dua dan juga Kampung Sungai Teraban khususnya apabila mengadakan majlis-majlis tertentu yang kedatangan para jemputan dan juga kunjungan dari keluarga dan sahabat handai menimbulkan masalah dan menyebabkan kehadiran jemputan-jemputan itu agak berkurangan disebabkan oleh tol-tol yang ada.

Perkara ini abis kaola dari Kementerian Perhubungan maklum akan segala masalah yang dihadapi dan pada keseluruhannya mesyuarat bersetuju untuk mencari satu tempat yang bersesuaian yang boleh digunakan untuk memindah tol yang ada sekarang. Ini menimbulkan beberapa isu, salah satu daripadanya ialah mengenai adakah dengan adanya tol-tol baharu yang ditempatkan melimpasi dengan 2 tempat yang berkenaan itu, tidak ada lagi diadakan pengecualian bahawa penduduk kampung di Sungai Teraban dan Sungai Dua diperlukan untuk membayar tol berkenaan apabila mereka melepasi kawasan tol terutamanya tujuan untuk melawat ke luar negara khususnya ke negeri jiran.

Isu yang kedua adalah mengenai apakah disalahertikan nanti tol itu apabila ia sudah dipindah di tempat lain dan menimbulkan masalah-masalah di tempat lain yang tidak dikenakan tol.

Walau bagaimanapun barangkali, isu pengecualian itu pada keseluruhannya semasa mesyuarat itu, ada persetujuan daripada Pegawai Daerah Belait, Ketua Kampung dan wakil perundingan kampung bahawa penduduk kampung bersedia untuk membayar tol itu kalau sekiranya berpindah ke tempat lain. Itu merupakan satu persetujuan dan juga barangkali perjanjian daripada kampung-kampung berkenaan sebab kalau mengadakan lagi pengecualian daripada tol itu ke tempat lain mungkin isu pemantauan menimbulkan masalah.

Mengenai perkara kedua disalahertikan, mungkin pekara itu dapat di atasi dengan memastikan bahawa resit-resit pembayaran itu dinyatakan tol yang berkenaan itu adalah khas untuk tol pembayaran Tol Jambatan Rasau, mungkin itu dapat diatasi. Jadi apa yang sedang diusahakan ketika ini Yang Berhormat Pengerusi, pegawai-pegawai abis kaola sedang berunding untuk mencari tempat-tempat yang bersesuaian dan seterusnya untuk memohon peruntukan-peruntukan untuk melaksanakan pembinaan tersebut. Itu yang dapat إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola rundingkan pada masa ini. Mudah-mudahan perkara itu akan dapat terlaksana dan tidak akan dibangkitkan di mesyuarat akan datang Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menyambung untuk menjawab soalan yang ketiga berhubung dengan cadangan membina benteng untuk isu mitigasi banjir. Membina benteng adalah kaedah yang mahal, Yang Berhormat Pengerusi, untuk kitani laksanakan. Jadi buat masa ini, ada projek yang sudah dibuat tetapi masih belum siap, bagi mitigasi banjir, umpamanya ada projek di Panaga, yang dijangka akan siap tidak lama lagi. Ini adalah projek alternatif yang dibuat.

Memang keadaan di Daerah Belait ini, mengikut *recently,* ada satu *study* yang dibuat iaitu *Belait District Studies* mengenai tekanan kitani untuk menghadapi isu banjir. Memang akan membuat kita tertekan pada masa akan datang oleh sebab pertembungan beberapa perkara: *rising sea level* dan kawasan itu memang rendah dan *peat swamps* yang di*drain* melibatkan kurangnya *absorbtion* di kawasan itu dan pembangunan-pembangunan yang pesat, *subsidence*, semua sekali bertembung yang mengakibatkan kitani akan menghadapi lebih tekanan dari segi isu mitigasi banjir pada masa akan datang.

Bagaimanapun yang termampu di buat pada masa ini iaitu umpamanya projek yang agak besar jua, iaitu di Panaga. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita lihat dulu macam mana keberkesanannya dari segi menangani masalah banjir pada masa yang akan datang. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau keadaan kitani mengizinkan lagi nanti untuk mengadakan projek lain untuk menambah lagi penanganan kitani akan isu banjir ini, kitani akan laksanakan. Tetapi buat masa ini, memang sudah ada projek yang sedang berjalan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Berhormat dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan beberapa orang Yang Berhormat Menteri yang lain.

Maka saya berpandangan, ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat dan kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti, sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada sebelah pagi tadi kita telah membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya di Peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan kita di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Saya sekarang menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneruskan pertimbangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada sebelah pagi tadi telah membahaskan dan membincangkan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A-Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum kita menyambung semula untuk kita membahaskan Tajuk yang berkenaan ini, saya ingin sekali lagi memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan penerangan-penerangan lanjut terhadap beberapa soalan yang telah ditimbulkan pada persidangan yang kita adakan pada sebelah pagi tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih atas keizinan kaola menyambung dan menjawab beberapa soalan yang belum lagi sempurna kaola jawab pada pagi tadi.

Soalan pertama yang kaola ingin jawab ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Apakah *quality assurance* lebuh raya yang baharu siap, Lebuh Raya Telisai Lumut yang ada kerosakan? Bagi menjawabnya ialah memandangkan projek tersebut sebelum ini di bawah *BEDB* sekarang ini telah dipindahkan kepada *DARe*. Kaola perlu merujuk kepada pihak *DARe.* Bagaimana pun dari segi perisian kontrak yang dibuat dengan kontraktor ada memasukkan *condition* iaitu *defects liability period* selama 2 tahun dikenakan pada kontraktor. Bererti sebarang kerosakan akan dibaiki oleh pihak kontraktor.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Apakah strategi bagi memastikan projek-projek pembinaan mengikut piawaian dan tidak melanggar akta-akta Pembinaan?. Dari sudut alam sekitar seperti yang terkandung dalam Akta *DPMO,* ia mengandungi 2 elemen iaitu *environmental impact assessment* dan *pollution control*. Kawalan impak daripada kesan pencemaran dari aktiviti-aktiviti projek sama ada besar ataupun kecil. Mana-mana projek pembangunan

yang tersenarai dalam *first schedule* di bawah Akta *DPMO* 2016 adalah diperlukan untuk menghadapkan *written of notification* yang termasuk penilaian impak-impak alam sekitar, pengurusan alam sekitar, pemantauan kualiti alam sekitar dan mitigasi impak-impak alam sekitar. Sememangnya sebelum projek dilaksanakan beberapa agensi akan menilai kesesuaian projek dari segi keselamatan impak alam sekitar dan sebagainya.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin iaitu permohonan pecah tanah dan bangun rumah yang memakan masa agak lama disebabkan tidak ada *access road?*. Permohonan pemecahan tanah dalam statistik pada masa ini iaitu pencapaian tekad pemedulian orang ramai (*TPOR*) bagi tahun 2016 seperti yang berikut:

1. Peringkat pertama mengeluarkan Sijil Pengesahan. Ini adalah statistik bagi seluruh negara iaitu 88% permohonan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja seperti yang ditetapkan dalam *TPOR* ;

2. Mengeluarkan Surat Kebenaran. Ini statistik bagi seluruh negara iaitu 92% diproses dalam tempoh 4 hari bekerja. Proses pemecahan tanah sememangnya memerlukan jalan masuk. Sekiranya tidak ada jalan masuk, tanah kerajaan dapat dipohonkan melalui Jabatan Tanah dan sekiranya tanah tersebut adalah *landlocked* bererti tidak ada tanah kerajaan untuk dipohon masuk di tempat itu kerana dikelilingi oleh mungkin, tanah-tanah persendirian. Kebenaran daripada pihak pemilik-pemilik persendirian itu yang perlu diperolehi.

   Permohonan bagi membina bangunan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa berperanan mengeluarkan Surat Kebenaran Perancangan manakala *ABCi* berperanan mengeluarkan Surat Kebenaran Kemajuan. *TPOR* Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ialah 14 hari kalendar. Manakala *TPOR* bagi *ABCi* 14 hari.

   Dari segi statistik, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Daerah Brunei Muara pada masa ini menunjukkan pencapaian 72% menepati *TPOR* bagi tahun 2016 dan 100% bagi daerah-daerah lain.

   Sementara itu pencapaian di *ABCi* ialah 96% untuk mengeluarkan kebenaran kemajuan dan 84% bagi mengeluarkan *occupation permit*. Bererti ada kelambatan-kelambatan terdapat di sana belum lagi 100%.

   Jadi perkara-perkara ini akan diteliti bagaimana pihak abis kaola di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan dapat memperbaikinya di masa akan datang; dan

3. Mengenai soalan berhubung rumah-rumah di RPN Panchor Mengkubau yang masih terdapat rumah kosong dan terbiar. Sebenarnya sebahagian

besar rumah-rumah Rancangan Perumahan Negara sudah diserahkan. Seperti yang kaola terangkan pagi tadi ada sebahagiannya tidak ada diperuntukkan kerana ada kerosakan. Jadi menunggu diperbaiki dulu sebelum diperuntukkan kepada peserta-peserta Rancangan Perumahan Negara. Itu saja yang dapat kaola sampaikan buat masa ini. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Jadi untuk menyambung perbincangan kita. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai ke atas usaha yang telah dilaksanakan. Kaola ingin menyentuh mengenai 2 perkara iaitu:

1. Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan, Kod Akaun 002/000 Pengurusan Projek dan Pembangunan Prasarana Kemudahan.

   Kaola menyambut baik usaha pihak kementerian mewujudkan *Housing Focus Group* seperti yang diterangkan tadi. Kaola juga memohon maaf jika perkara ini ada dalam penilaian semula atau r*eview Housing Focus Group* yang telah diwujudkan dan mohon izin jika perkara ini dapat kaola jadikan cadangan jika sekiranya belum ada.

   Menurut maklumat dari laman sesawang Kementerian Pembangunan Skim Perumahan disyaratkan untuk mereka yang berpendapatan berjumlah $445.00 hingga $3,030.00 sebulan. Kaola ingin mengetahui apakah nanti pilihan yang akan diberikan oleh pihak Jabatan Kemajuan perumahan untuk pemohon yang tidak mempunyai pendapatan tetap dalam lingkungan tersebut sama ada yang lebih rendah dari itu atau pendapatan yang tidak konsisten.

   Seperti contoh yang kaola dapat fikirkan, mereka yang bekerja sendiri yang tidak mempunyai pendapatan tetap mengikut rezeki pendapatan pekerjaan mereka, pasangan-pasangan muda yang belajar dan bekerja separuh masa, pemohon yang tidak mempunyai pasangan hidup sama ada pilihan sendiri atau berpisah dan mungkin mempunyai tanggungan seperti contoh ibu tunggal dan lain-lain lagi.

   Apa yang dapat disarankan ialah mungkin melalui kaedah *PPP* yang dijalankan nanti ialah kos rumah yang lebih rendah dan bekerjasama dengan bantuan *NGO* serta pihak swasta.

2. SK03A – Jabatan Kerja Raya. Kod Akaun 002/001 Pengurusan Jalan Raya dan Kod Akaun 002/002 Pengurusan Bekalan Air.

Kaola ingin bertanya. Adakah pengurangan Peruntukan 2017/2018 ini, operasi pengurusan jalan raya dan bekalan air akan terjejas memandangkan projek pembangunan yang semakin rancak sekarang dengan penambahan kawasan-kawasan perumahan serta projek-projek pembangunan lain? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan tadi.

1. Berhubung dengan isu mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi atau tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN). Memang perkara ini termasuk dalam perkara yang dibincangkan di peringkat *housing focus group.* Ini cuma satu daripada berbagai-bagai perkara yang semua sekali dihubung kait dan dibincangkan secara menyeluruh.

   Untuk mengongsikan saja sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Salah satu skop yang ingin dipenuhi oleh *Housing Focus Group* ialah menyelaraskan berbagai-bagai jenis skim yang terdapat pada masa ini, bukan Rancangan Perumahan Negara (RPN) saja, ada juga penyediaan perumahan-perumahan kerajaan yang dikendalikan oleh pihak-pihak lain umpamanya Majlis Ugama Islam (MUIB) mungkin yang berhubung kait dengan kerajaan, juga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

   Inilah yang dipastikan إِنْ شَاءَ اللَّهُ tidak bertindih-tindih penyediaan perumahan ini, jadi nantinya keperluan untuk diselaraskan itu belum lagi payu *discussion*nya. Semua aspek akan dilihat untuk memastikan bahawa skim perumahan kerajaan kita tidak bertindih-tindih dan berkesinambungan untuk masa akan datang.

   Berhubung isu kesinambungan itu, terima kasih atas cadangan bagi pembinaan rumah di *PPP*. Memang dalam program Jabatan Kemajuan Perumahan jua untuk melihat kaedah ini dan sangat perlu untuk kita memastikan bahawa kos-kos rumah yang dibangunkan itu dibuat dengan *cost effective* supaya untuk tujuan *sustainability* jangka panjang. الْحَمْدُ لله sedang dalam penelitian buat masa ini.

2. Berhubung dengan peruntukan bagi jalan raya dan bekalan air berkurangan. Adakah terjejas memandangkan kepesatan pembangunan negara? إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini tidak akan terjejas tetapi kita memastikan:

   i. Dari segi mengendalikan pemberian projek-projek itu adalah *cost effective* tidak membazir; dan

   ii. Memang seperti yang disentuh dari awal tadi adalah keutamaan-keutamaan. Apa yang penting perkara-perkara kritikal akan kita tangani sebaik-baiknya,

tapi kalau perkara yang kurang penting itu memang kurang keutamaannya bagi kita melaksanakan. Secara keseluruhannya إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ tidak akan terjejas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola hanya ingin berkongsi di bawah Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan.

1. Pada waktu ini Projek Pembinaan Perumahan Negara telah dan sedang rancak dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, kaola amat menghargai jika sekiranya projek perumahan ini juga dilaratkan di Kampong Ayer pada masa mendatang di kawasan dan tapak-tapak rumah yang musnah akibat kebakaran seperti di Kampung Burung Pingai Air, Kampung Lurong Sikuna bagi membisaikan lagi suasana pemandangan Kampong Ayer seperti di Kampung Peramu, Mukim Peramu; dan

2. Kaola juga ingin berkongsi pandangan di bawah Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya. Pada awal tahun 1970-an pihak kerajaan membuat kajian untuk membuat jambatan dari Kampung Menunggol ke Kampung Putat tetapi sehingga sekarang belum ada ketetapan dari hasil kajian berkenaan. Sehubungan dengan itu, bagi pandangan kaola supaya penelitian dan kajian dapat dibuat semula serta diteruskan sehingga hasilnya benar-benar mencapai hasrat penduduk kampung berkenaan.

   Dalam masa yang sama penaiktarafan dan penambahbaikan jalan raya *concrete* yang ada sekarang perlu juga diambil kira bagi melancarkan perhubungan dan memudahkan penduduk kampung berkenaan.

   Dalam hal ini, kaola juga berpandangan ada baiknya perkhidmatan feri diadakan sebelum pembinaan jambatan dibuat atau dibina bagi memudahkan perhubungan dan seterusnya untuk meningkatkan taraf ekonomi, keselamatan, keamanan dan kesejahteraan penduduk kampung berkenaan. Dengan adanya perkhidmatan feri itu nanti ia akan menghindarkan penghijrahan beramai-ramai seperti yang terjadi di Kampung Baru-Baru yang hanya tinggal nama saja.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan tadi.

1. Dapatkah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dilaratkan ke Kampong Ayer? Masa ini belum ada rancangan tertentu untuk melaratkannya. Tetapi

apa yang sudah berjalan pada masa ini, ada beberapa projek termasuk yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan. Projek yang dinamakan Pembisaian Kampong Ayer umpamanya. Perkara ini dapat dimasukkan dalam projek tersebut. Kalau rumah-rumah yang terdapat di Kampong Ayer sekarang ini keadaannya tidak berapa selesa dan selamat barangkali memerlukan tindakan pada masa hadapan.

Kita mahu mempertahankan Kampong Ayer sebagai satu tarikan bagi pelancong-pelancong. Tapi adakah dalam bentuk sekarang ini yang tidak berapa berdaya tahan usulnya tidak selamat dan bersih. Itu mungkin dapat difikirkan di peringkat projek Pembisaian Kampong Ayer nanti.

2. Kaola kurang pasti, adakah feri yang dicadangkan tadi?

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Ya, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Perkara ini abiskaola perlu meneliti. Terima kasih atas saranan itu. Kaola tidak dapat menjawab ya atau tidak di peringkat ini. Jadi kaola memohon untuk menangguhkan perkara ini sebelum kaola menjawab. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola Yang Berhormat Pengerusi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Kaola juga menyokong sepenuhnya bajet yang dicadangkan kepada Kementerian Pembangunan sebanyak $203,429,240.00 di bawah Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A. Kaola ingin menyentuh Tajuk SK06A - Jabatan Tanah iaitu mengenai dengan projek Sengkurong *by pass*.

Perkara ini pernah kaola bawa semasa perjumpaan Sesi Muzakarah dengan Kementerian Pembangunan Yang Berhormat Pengerusi. Kaola belum begitu pasti akan kedudukan yang sebenarnya antaranya dinyatakan kemungkinan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya telah menyatakan awal-awal tadi bahawa perkara yang sudah dibincangkan dalam perjumpaan dengan kementerian berkenaan tidaklah lagi perlu untuk dibangkitkan dalam Majlis ini. Apakah ada lagi soalan lain Yang Berhormat suka untuk ditimbulkan dalam perkara yang sama?

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Maksud kaola Yang Berhormat Pengerusi semasa perjumpaan itu jawapannya belum begitu jelas.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi apakah maksud Yang Berhormat? Bagaimana caranya Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjelaskan perkara yang sama tentulah jawapannya akan diberi yang sama. Jadi kita tidak banyak masa untuk mengulang kembali perkara yang sudah disebut-sebut. Ada baiknya sekiranya kalau Yang Berhormat berpindah kepada soalan yang lain.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon maaf kerana perkara yang kaola hadapkan adalah perlu kerana sudah 20 tahun tidak dapat dilaksanakan Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai perkara-perkara di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola difahamkan bahawa dalam mana-mana projek perumahan ada disediakan tapak-tapak tanah kemajuan seperti pembinaan masjid, sekolah dan tidak salah kaola ada jua untuk perniagaan Yang Berhormat Pengerusi. Sejauh ini adakah pernah mana-mana pihak diberi peluang untuk memajukan tanah-tanah yang dimaksudkan. Jika ada apakah syaratnya dan apakah konsep projek berkenaan?

Adakah tanah yang belum diusahakan akan diterapkan dalam projek *TPP* atau konsep lain yang tidak melibatkan bajet kerajaan? Adalah diharapkan mana-mana juga projek itu nanti akan mengambil kira peluang perniagaan kepada orang-orang dan juga peluang pekerjaan kepada orang-orang kitani. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية وَلَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas pertanyaan tadi. Pertanyaan mengenai Sengkurong *by pass* itu kitani secara *bilateral* saja pasal sudah juga dibincangkan hari itu.

Mengenai kawasan Rancangan Perumahan Negara tapak komersial disediakan di kawasan-kawasan RPN dan buat pada masa ini kitani tidak mahu membuat atas sebab-sebab seperti yang pernah dijelaskan juga seperti di muzakarah yang lalu iaitu kalau kerajaan membuat struktur-struktur untuk komersial di tempat ini tidak semestinya memenuhi cita rasa dan selera peniaga-peniaga itu.

Jadi itulah kitani, berasaskan pengalaman-pengalaman kitani setakat ini, banyak isu yang kitani hadapi seperti tempatnya dibuat tapi akhirnya tidak ada orang mahu berniaga sebab tidak memenuhi keperluan mereka. Jadi dengan sendirinya tapak sahaja disediakan pada masa ini. Pada peringkat ini belum ada mana-mana tapak ini yang sudah ditawarkan kepada mana-mana pihak apa lagi yang sudah di*award* .

Cuma dari segi *progress*nya pihak *Darussalam Enterprise* sedang meneliti kesesuaian untuk perkara ini. TPP

umpamanya untuk tujuan membina *food court*. Inilah antara usaha yang sudah dibuat pada masa ini. Kalau ada sekiranya keperluan untuk aktiviti komersial yang lain serupa juga yang memang dapat dipertimbangkan.

Pada masa ini belum ada dibukakan dan masih lagi di peringkat awal penelitian untuk membuka perkara ini yang akan disertai oleh pihak swasta di negara ini. Memanglah tujuannya untuk kitani membuat semacam *affirmative action*. Bererti orang kitani yang kitani utamakan untuk mengendalikan perniagaan-perniagaan itu. Itu memang setentunya kitani akan membuat tekanan-tekanan yang sedemikian. Itu sahaja kali yang dapat kaola jelaskan pada masa ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Seterusnya dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan selamat sejahtera. Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas mukadimah yang menyeluruh telah disampaikan dari Tajuk SK01A sehinggalah Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membawakan Tajuk SK03A-Jabatan Kerja Raya. Bercakap mengenai kawasan saya Zon 1 Mukim Seria dan Mukim Liang Daerah Belait. Sukacita kaola untuk merujuk diambil tindakan mengenai perkembangan perkara seperti yang berikut:

1. Di Mukim Liang antaranya terdapat 6 buah jambatan penghubung jalan raya yang penting melibatkan penggunaan menyeluruh, bukan sahaja untuk mukim atau Daerah Belait, malah salah satu jalan perhubungan penting sebelum adanya lebuh raya sekarang. Jambatan-jambatan tersebut sudah wujud sejak lebih 30 tahun yang lalu. Jambatan ini kelebarannya sama lebar jalan raya yang tidak ada bahu jalan yang memudahkan pejalan kaki yang melintasnya.

   Ini amat membahayakan pejalan kaki atau yang berbasikal jika kebetulan bertembung dengan kereta yang sedang melintas di jambatan tersebut. Sekarang ini lalulintas kenderaan semakin banyak dibandingkan sejak 30 tahun yang lalu di jambatan tersebut. Jambatan-jambatan tersebut adalah seperti Jambatan Anduki, Jambatan Sungai Kayu Ara, Jambatan Kampung Sungai Taring, Jambatan Kampung Sungai Bakong dan Jambatan Kampung Sungai Tali.

Kaola mohon pihak berkenaan akan dapat mengambil perhatian terhadap jambatan-jambatan yang disebutkan. Terima kasih. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan tadi mengenai jambatan-jambatan yang telah dibina sudah 30 tahun yang lalu. Ada beberapa buah jambatan di Daerah Belait dan masih lagi belum diubah suai untuk menampung keperluan buat masa ini.

Ini kaola mencatat sahaja perkara ini Yang Berhormat Pengerusi untuk diteliti kesesuaiannya dan yang pasti keperluan itu memang ada, hanya sama juga isunya dengan cadangan-cadangan lain yang nampaknya penting secara persendirian tetapi terpaksa dilihat berbanding dengan perkara-perkara lain yang perlu ditangani melalui bajet-bajet yang ada. Itu saja yang dapat kaola jawab. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola ingin menyentuh Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya dan Perbelanjaan Kemajuan, Kod Akaun 1106/004 – Projek Jambatan Temburong. Lebih dahulu kaola mengucapkan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, seperti sama-sama kita maklum dan sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menyentuh bahawa jalan penghubung antara Brunei Muara (ibu negara) dengan Daerah Temburong dijangka siap pada penghujung tahun 2019 yang akan datang ini.

إِنْ شَاءَ اللهُ dalam kesempatan yang mulia ini izinkan kaola menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah memperkenankan pembinaan jalan penghubung tersebut melalui Kementerian Pembangunan dan kementerian-kementerian lainnya. Sudah tentunya dengan terbina jalan penghubung tersebut akan menjana perekonomian daerah berkenaan.

Sehubungan dengan itu, kaola sukacita menghadapkan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

1. Apakah langkah-langkah dan Pelan Strategik yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian (perancangan pembangunan) yang hendak dibawa masuk ke Daerah Temburong? Jika ada, ingin tahu juga bentuk projek dan pelaksanaannya.

   Pada hemat kaola, pembangunan tersebut hendaklah berkonsepkan mesra alam. Sebenarnya Daerah Temburong sangat-sangat mengharapkan pembangunan tersebut dan pada masa yang sama kita juga mengharapkan supaya khazanah negara yang terdapat tidak tercemar dan alam sekitarnya terpelihara agar nantinya generasi kita akan datang dapat menikmatinya;

2. Soalan kaola seterusnya ingin menyentuh Tajuk yang sama iaitu Jambatan Penghubung kedua Pekan Bangar. Setakat ini hanya sebuah jambatan utama di Pekan Bangar yang menghubungkan jalan raya utama Pekan Bangar ke Labu.

   Oleh yang demikian, dicadangkan bagi dibina sebuah lagi jambatan penghubung sebagai laluan alternatif jika berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini. Perkara ini merupakan satu kerisauan kepada penduduk Daerah Temburong jika sekiranya terjadi sesuatu kepada jambatan utama berkenaan; dan

3. Berikut kaola bercakap mengenai Kod Akaun 002/002 – Pengurusan Bekalan Air. Jika tidak silap, kaola telah mendengar dalam sesi taklimat Yang Berhormat Menteri Pembangunan ada menyentuh akan mengadakan sistem meter prabayar bagi bekalan air. Kaola ingin bertanya, bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan?

   Mudah-mudahan dengan adanya sistem tersebut, akan dapat menyelesaikan isu hutang yang tertunggak dan pada masa yang sama dapat menambahkan pendapatan ekonomi negara. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas 3 soalan yang diajukan tadi.

1. Soalan pertama berhubung Jambatan Temburong, sudahkah kitani menyediakan Pelan Strategik yang seboleh-bolehnya berkonsep mesra alam. الْحَمْدُ لله sememangnya selaras dengan pemikiran di peringkat Kementerian Pembangunan, dan *district plan* bagi Daerah Temburong memang menekankan bahawa kitani akan meneruskan statusnya sebagai *green jewel* untuk negara kitani. Walaupun ada beberapa projek yang akan berpindah ke sana umpamanya UNISSA, perkara-perkara ini tidak semestinya akan menjejaskan keadaan daerah itu sehingga ia seperti pembangunan di Bandar Seri Begawan dan proses pembangunannya berbeza daripada Bandar Seri Begawan.

   Oleh yang demikian, *district plan* di Daerah Temburong memang begitu, penekanannya seboleh-bolehnya untuk mempertahankan statusnya yang hijau tersebut, الْحَمْدُ لله . Terima kasih atas soalan tadi itu.

2. Jambatan penghubung yang kedua di Pekan Bangar amat diperlukan. Ini kaola catat sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi, untuk diteliti keutamaannya dan diambil maklum, ia dianggap penting oleh penduduk setempat di Pekan Bangar. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan.

3. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat dan menyokong untuk kitani melaksanakan sistem meter prabayar bagi bekalan air. Pada masa ini ia masih lagi di peringkat *assessment* dan jika dilaksanakan pun nanti, akan tertakluk kepada proses-proses *approval* tertentu. Prosesnya sudah *advanced* dan sudah ada meter yang telah dikenal pasti yang boleh digunakan untuk tujuan ini dan telah dipakai di negara-negara lain yang didapati penggunaannya *reliable*.

   Walau bagaimanapun, pelaksanaannya belum dapat dikongsikan pada masa ini tetapi ia sedang giat difikirkan masa ini. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sekarang mempersilakan, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah tadi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan kerana telah meningkatkan taraf profesionalisme dalam kalangan warga kementerian melalui Program Pengurusan Sumber Tenaga yang terarah. Kaola berharap Kementerian Pembangunan akan sentiasa menjadi peneraju kepada kementerian yang lain dalam industri pembinaan memandangkan pada masa ini segala pelaksanaan projek telah dikendalikan oleh pihak kementerian masing-masing.

Industri pembinaan merupakan industri yang tertua dan terbesar di Negara Brunei Darussalam. Banyak langkah telah pun dilaksanakan tambahan lagi dengan penubuhan Lembaga Profesional Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan (*BAPEQS*) yang telah ditubuhkan pada tahun 2013 serta akta-akta yang giat dikuatkuasakan seperti *Professional Order*, *Building Control Order*, 2015.

Apakah langkah-langkah Kementerian Pembangunan memastikan bangunan yang berkesan dan berkualiti, peningkatan kemahiran tempatan dan pembangunan profesional dan memastikan kandungan tenaga kerja tempatan bagi kontraktor-kontraktor dan syarikat pembekalan? Kaola berharap polisi akan terus dipertingkatkan dan diperkemaskan dengan menekankan penglibatan perusahaan tempatan dan sumber tenaga tempatan dari segi profesional dan tenaga kerja.

Bagi perlaksanaan projek-projek kerajaan berbentuk penyediaan kemudahan-kemudahan awam yang *commercially viable* melalui kaedah *PPP*, kaola sangat menyokong hala tuju kementerian malah kebanyakan kementerian mempunyai hala tuju yang sama. Sejak 10 tahun kebelakangan ini kaola melihat banyak *expression of*

interest, competition, Private Public Partnership (PPP) seperti *bill of transfer, bill list transfer, bill on operate* yang telah yang telah pun dibukakan dan diiklankan oleh kementerian-kementerian. Dan pada tahun 2015 garis panduan *Private Public Partnership (PPP)* telah dikeluarkan oleh pihak JPKE, JPM menekankan dasar di bawah rangka strategi dan dasar untuk pembangunan *OSPD* bag tahun 2007 ke tahun 2017.

Yang membimbangkan belum terdapat dasar peraturan dan garis panduan yang terperinci diwujudkan. Kaola ingin memberi contoh antara *RFP* yang telah diiklankan iaitu pada tahun 2014, ada *RFP* bagi *investment proposal to design built operate* dan *transfer, commercial complex including public community facilities, The National Housing Scheme* di Kampung Lugu sampai sekarang ini belum ada ketetapannya, ini adalah pada tahun 2014.

Kaola ingin bertanya tahap apakah kejayaan pelaksanaan *Private Public Partnership (PPP), your eye competition* seperti yang kaola sebutkan tadi.

Kaola berharap agar Kementerian Pembangunan akan dapat bergabung dengan kementerian-kementerian yang terlibat sebagai *technical partner*, untuk memastikan polisi, peraturan dan garis panduan terperinci dan ketelusan dalam semua aspek. Disarankan juga untuk melihat *world bank*, rangka kerja *procument* baharu yang di*issue* oleh *world bank* untuk melihat dasar dan memaksimumkan peranan strategik perolehan dalam mencapai matlamat keberkesanan pembangunan utama. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tadi. Kalau dapat kaola menjawab soalan yang berhubung *Private Public Partnership (PPP)* dahulu. *Private Public Partnership (PPP)* bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan dari segi menentukan *guidelines*. Kementerian Pembangunan cuma memikirkan kaedah ini berdasarkan akan dipatuhi apa sahaja *guidelines* yang disediakan.

Kementerian Pembangunan cuma mengenal pasti mana-mana bidang kerjanya yang bersesuaian untuk difikirkan pelaksanaannya dengan kaedah *Private Public Partnership (PPP)* seperti yang saya sebutkan sudah perumahan antaranya mungkin *non-revenue (NRW)* untuk lebih berkesan dalam penanganan pembekalan air kita tidak banyak *wastage*. Peluang-peluang untuk *Private Public Partnership (PPP).*

Dalam mengendalikan *Private Public Partnership (PPP)* itu memanglah akan dipatuhi apa sahaja peraturan, garis panduannya. Kementerian Pembangunan dapat menyumbang bagi mengukuhkan garis panduan yang memang Kementerian Pembangunan akan membuat sumbangan yang sedemikian *after all* kita bukannya bekerja sebagai *whole of government,*

kita bekerja sebagai *whole of nation* jadi sumbangan itu akan dibuat.

Dari segi *Private Public Partnership (PPP),* Kementerian Pembangunan telah mengenal pasti beberapa *area* yang sesuai *in fact* kerja-kerja awal sudah dibuat terutama berhubung dengan perumahan. Ada 2 dan 3 projek sebenarnya sudah mula berjalan dan sudah dipastikan akan mematuhi apa sahaja garis panduan yang terdapat pada masa ini.

Yang pertama tadi soalan berhubung dengan tahap profesionalisme pegawai-pegawai mengendalikan kerja-kerja untuk memastikan bahawa apa yang dilaksanakan itu cemerlang dan memuaskan. Untuk memastikan bahawa *locals* (orang-orang tempatan kita) sentiasa diberi keutamaan dalam apa jua yang kita buat. Ini memang tekanan seperti yang saya sudah disebutkan awal-awal tadi, ia tidak lari memang balik-balik kita menekankan. Kita mahu cemerlang dan saya sudah menyebut mengenai berapa ramai jua orang-orang kita yang sudah melalui kursus-kursus profesional, *Chartered, ICE, RIBA, RIC*.

Jadi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan adanya mereka mendapat tauliah seperti ini, kita harap mereka akan dapat menyumbang dari segi kualiti, apa sahaja kerja-kerja yang mereka buat dan mereka ini adalah orang-orang Brunei sendiri.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jawab, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas taklimat yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Untuk petang ini kaola ada 3 soalan:-

1. Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan, Kod Akaun 002/008 - Merangka dan menerbitkan Kertas Dasar Kementerian Pembangunan dan Kod 002/009 - Merangka dan Mengkaji semula Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2016 – 2020. Kaola ingin bertanya adakah perbelanjaan ini diperuntukkan sebagai *one-time cost* kerana pada masa perbelanjaan tahun 2016/2017 tidak ada dalam senarai perbelanjaan. Dalam hubungan itu, mungkin Kementerian Pembangunan dapat memberi penjelasan atas Perbelanjaan Kakitangan yang dalam Perbelanjaan Tahun 2017/2018;

2. Tajuk Kod Akaun 00/001 - Pengurusan Sumber Manusia dan Kod Akaun 002/003 – Menaik taraf Sistem IT, Pemantauan dan Penyelenggaraan Infrastruktur. Kaola pohon penjelasan tentang peningkatkan perbelanjaan untuk tahun 2017/2018; dan

3. Tajuk SK06A – Jabatan Tanah, Kod Akaun 002/000 - Transaksi Tanah. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah telah melancarkan perkhidmatan bagi permohonan Tanah Pendaftaran Sistem Makluman (*LARIS)* pada 16 Februari 2016 untuk digunakan oleh orang ramai. Kaola ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pembangunan, bahawa sistem *LARIS* diterima dengan sokongan yang positif oleh pihak swasta dan orang ramai dan telah meningkatkan taraf Brunei Darussalam dalam rangka *Ease of Doing Business*.

   Walau bagaimanapun, kaola memberi cadangan agar beberapa aspek proses dapat ditingkatkan supaya lebih berkesan dan selaras seperti untuk permohonan maklumat yang patut dimasukkan terus kepada sistem *LARIS* yang masa ini juga diminta oleh jabatan berkenaan sebagai permohonan *softcopy* yang di*scan* dan dihantar melalui e-mel maksud kaola *duplication of process*.

   Dalam senarai pindah milik untuk satu geran tanah yang terlibat lebih dari 2 orang pemilik atau pembeli prosesnya mengambil masa, kerana setiap orang perlu memohon secara individu walaupun cuma atas satu geran tanah. Adalah diharapkan bahawa sistem *LARIS* juga ada dalam cadangan Kementerian Pembangunan untuk menjadi sistem yang keseluruhan iaitu *end to end system* untuk permohonan proses tanah pada masa hadapan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi atas soalan-soalan tadi. Kaola memohon untuk menangguhkan menjawab soalan berhubung dengan *spending IT* yang menunjukkan peningkatan pada 2017 untuk kaola jawab kemudian bagi membolehkan kaola mendapatkan *details*nya.

Pelan Strategik kos yang dimaksudkan itu sebenarnya *mainly* untuk tujuan mengadakan *training workshops* dan perkara-perkara yang sedemikian itu berhubung dengan soalan yang pertama. Soalan yang ketiga ialah LARIS *(Land Application and Registration Information System)*. Ada cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat mengenai *areas* untuk dapat dibuat pembaikan.

الْحَمْدُ لله terima kasih. Abiskoala sangat mengalu-alukan untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk memperbaiki lagi proses-proses yang sedia ada. Jadi, cadangan-cadangan itu amat dialu-alukan dan kalau boleh abiskaola akan menjemput Yang Berhormat untuk datang dan sama-sama meneliti lagi apa-apa *area* yang dapat kitani buat pembaikan. Terima kasih banyak atas cadangan-cadangan tersebut.

Itu sahaja barangkali buat pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji As'hari.

Y**ang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji As'hari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Merujuk kepada Tajuk SK08A, 004/001 - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Pihak kementerian ada menyebut dalam mukadimah tadi pagi mengenai perancangan mengumpul sampah dari rumah ke rumah secara berperingkat dengan bantuan syarikat swasta. Kaola ingin mengetahui sekiranya perancangan ini akan memastikan orang ramai akan dapat mengasingkan sampah yang dapat dikitar semula untuk dikumpul oleh syarikat kitar semula seperti mana yang dibuat di negara lain. Ini boleh mengurangkan beban kerajaan dalam memproses sampah biasa yang semakin meningkat.

Menyebut tentang pengumpulan sisa pepejal di bawah kod yang sama. Dalam buku panduan yang diagihkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ada dinyatakan bahawa tapak pelupusan atau *landfill* di Sungai Paku dianggar akan penuh digunakan pada tahun 2025 iaitu 8 tahun lagi. Apakah perancangan pihak kementerian selepas tapak tersebut tidak lagi dapat digunakan?

Yang terakhir sekali, bagi Tajuk SK08A, 005/001. Kaola ingin mencadangkan pihak kementerian bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kebiasaan mengitar semula, kerana sekolah-sekolah boleh menjadi satu *platform* yang efektif dalam mengajar dan melatih masyarakat untuk mengitar semula. Di samping dijadikan hasil pendapatan bagi sekolah.

Sebagai contoh, sebuah sekolah boleh mendapat $100.00 dengan mengitar semula selama 2 bulan. Walaupun ia jumlah yang sedikit tetapi jika dikumpul dan dijadikan aktiviti biasa di sekolah, jumlahnya akan dapat membantu mengurangkan beban sekolah tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih pada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji As'hari atas soalan-soalan tadi.

Berhubung dengan apa yang saya sentuh sewaktu menyampaikan mukadimah tadi bahawa akan dilaratkan penswastaan pembuangan sampah. Jadi pada masa ini *basic* sahaja dan belum lagi ada perancangan yang *definite* dari segi kitar semula. Tetapi seperti yang kitani bincangkan semasa muzakarah, kita perlu memastikan kalau kitani menyediakan tong-tong sampah untuk plastik, kertas dan botol perkara ini sampai ke proses terakhirnya akan

terus *separated*. Tidak Cuma diasingkan dengan disediakan *collection point*nya tetapi selepas itu dicampur semula. Perkara ini yang sudah pernah terjadi. Kitani mengasingkan sampah-sampah tersebut tetapi apabila syarikat swasta memutik sampah tersebut akan dicampur semula. Pada masa ini kita memikirkan semula *solution*nya itu adalah *end to end*.

Bukannya kitani untuk rasa selesa semasa membuang sampah tersebut. Tetapi sebenarnya kitani mengetahui bahawa barang ini memang dikitar semula sampai *towards the end* dan kalau botol tidak dikitar semula tetapi dibuang ke *landfill* juga akhirnya. Itulah yang sedang difikirkan buat masa ini. Jadi jawapan ringkasnya masih lagi perkara ini sedang di peringkat pemikiran tetapi memang diakui kitar semula amat-amat diperlukan apa lagi kitani punya *production* of sampah dari segi per kapita adalah yang tertinggi di rantau Asia. Jadi sesuatu perlu kitani buat untuk menangani perkara ini.

Soalan mengenai Sungai Paku *Engineered Landfill* mungkin penuh pada tahun 2025 jadi apakah rancangan selanjutnya *beyond* 2025. Perkara ini kaola akui belum ada spesifik perancangan pada masa ini. Yang Berhormat Pengerusi. Walaupun 2025 itu 9 tahun *away* tetapi tidak panjang masa tersebut dan memang perlu kitani memikirkan *what happens beyond that.* Banyak lagi cara-cara lain yang boleh kitani gunakan untuk menangani sampah kitani. Adakah *incineration waste to energy?* Tetapi pada peringkat ini belum ada yang spesifik yang dapat dikongsikan.

Mengenai bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk kitani menjalankan inisiatif-inisiatif melibatkan sekolah-sekolah untuk tujuan kitar semula amat kaola alu-alukan Yang Berhormat Pengerusi. Jadi kitani akan mulakan sedikit masa lagi ataupun serta-merta dan perkara ini amat dialu-alukan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk menyuarakan soalan-soalan mengenai dengan Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Walau bagaimanapun, nampaknya Yang Berhormat Menteri Pembangunan masih lagi ada mempunyai beberapa soalan yang suka untuk dijawabnya dan ia telah pun meminta waktu untuk berunding dengan pegawai-pegawainya barangkali bagi membolehkan ia untuk mengemukakan jawapan-jawapannya.

Maka saya tangguhkan Mesyuarat ini dahulu selama 20 minit dan kita akan bersidang semula kemudian nanti.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula untuk menyambung perbincangan dan perbahasan mengenai dengan Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebentar tadi, sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita ditangguhkan, saya telah berjanji untuk memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan penjelasan atau jawapan atas soalan-soalan yang telah ditimbulkan yang belum sempat dijawabnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab dua soalan yang belum kaola jawab tadi daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Berhubung dengan peruntukan *IT* yang meningkat. Pegawai abiskaola ada membuat penyiasatan apa sebab-sebabnya perkara ini meningkat ialah oleh sebab kebanyakan sistem yang ada di kementerian sudah lama, Yang Berhormat Pengerusi, jadi, keperluan untuk menaik taraf dan memelihara adalah semakin mendesak masa ini.

Banyak jabatan-jabatan menggunakan sistem sekarang ini untuk mempercepatkan proses kerja, tidak lagi secara manual. Ini pun menambah dan menyumbang kepada peningkatan, sebagai misalannya telah dikongsikan di sini mengenai sistem LARIS, Yang Berhormat Pengerusi. Ini sistem baharu. Memanglah satu sistem yang telah di*procure* dan selepas itu memerlukan pemeliharaan dan satu lagi sebab mengapa meningkatnya bajet *IT* itu ialah *life span* untuk *IT* itu ialah 3,4,5 tahun. Itu perlu di *upgrade* dan pada tahun yang dimaksudkan ini, 2017 ini bertembung jua keperluan untuk membaharui lesen-lesen Yang Berhormat Pengerusi.

Sekarang ini, lesen ini, sudah bukan seperti dulu dapat dipakai sahaja *software* tetapi sekarang ini, perlu diperbaharui setiap tahun lesen itu dan dengan lebih banyak penggunaannya, naik sistem *IT* lebih tinggi keperluan untuk pembiayaan pemeliharaan sistem *IT* kita. Itu jawapan untuk soalan berhubung dengan peningkatan *IT*.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadi berhubung dengan LARIS. Kaola ingin menjelaskan bahawa tujuan asal LARIS dalam *Land Management System* memang untuk *end to end process* tapi pelaksanaan projek masa ini belum lagi sepenuhnya Yang Berhormat Pengerusi. Masih lagi *on going* untuk melaksanakan sepenuhnya sistem ini dan penggunaannya setakat ini hanya melibatkan Jabatan Tanah dengan Kementerian Pembangunan dan bagi fasa seterusnya kemudian akan merangkumi semua agensi yang terlibat lebih menyeluruh. Itulah apa yang ingin dicapai melalui penggunaan sistem *IT* Yang Berhormat Pengerusi. Masa ini belum lagi berjalan sepenuhnya.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Tadi kaola jawab macam tidak terlalu *direct.* Ini ada jawapan yang disediakan oleh pegawai-pegawai abis kaola.

Soalan tadi apakah langkah-langkah Kementerian Pembangunan untuk memastikan Kementerian Pembangunan yang berkesan dan berkualiti dengan kemahiran tempatan dan pembangunan profesional dan memastikan kandungan tenaga kerja tempatan bagi kontraktor-kontraktor dan syarikat pembekal.

Dari segi pendaftaran kontraktor dan pembekal di Kementerian Pembangunan telah mengenakan kadar minimum penglibatan rakyat Melayu Brunei mengikut kelas pendaftaran. Pihak MOD juga berkerjasama dengan *EIDPMO* mengenai dengan yang *local business development* dalam industri pembinaan. Mengenai kandungan pekerja tempatan dalam kontraktor dan pembekal pihak *MOD* sedang bekerjasama dengan pihak *EIDPMO* juga dalam melaksanakan *Industry Competency Framework* dalam Industri Pembinaan.

Seterusnya kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Ini berhubung dengan membina jambatan dari Kampung Menunggol dan Kampung Putat. Penelitian dibuat semula dan diteruskan sehingga hasilnya mencapai apa yang dihasratkan dan perkhidmatan feri diadakan sebelum jambatan dibina.

Mengenai jambatan yang dipohonkan seperti jawapan kaola awal tadi. Ini memanglah dilihat daripada keutamaannya berbanding dengan keutamaan lain dan diambil maklum jua akan permintaan ini.

Mengenai Jambatan Bangar sedang dalam kajian *feasiblility study* masa ini. Pelaksanaannya bergantung pada keutamaan berbanding projek lain. Sementara itu, perkhidmatan feri perkara ini perlulah diselaraskan dengan Kementerian Perhubungan dan Jabatan Laut kerana ia memang melibatkan sektor marine, tapi yang lebih penting lagi jua bukan saja prosesnya tapi untuk memastikan bahawa perkara ini adalah *feasible* untuk kita laksanakan jadi daripada *commercial viablity* nya perlu jua dilihat Yang Berhormat Pengerusi.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi perkara-perkara yang belum sempat kaola jawab tadi yang dapat kaola jawab sekarang ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Kaola ingin memberi jawapan ataupun merespons kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari,

mengenai program kitar semula di sekolah-sekolah Yang Berhormat Pengerusi.

Perkara ini telah ditimbulkan jua semasa membincangkan peruntukan bagi Kementerian Pendidikan yang kaola mungkin tidak dapat menjawab dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, ingin kaola menerangkan bahawa program kitar semula sememangnya dijalankan di sebahagian sekolah di negara ini sebagai aktiviti kegiatan luar bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dalam kalangan warga sekolah. Beberapa inisiatif berkaitan dengan isu kitar semula telah dijalankan oleh berbagai-bagai agensi yang melibatkan pelajar-pelajar dan guru-guru sekolah.

Salah satu contoh ialah bengkel yang diungkayahkan oleh Pusat Kerjasama Sains Teknologi Alam Sekitar *(STEP)* Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Sekolah Antarabangsa Jerudong bertajuk *Cleaning Our Schools Brunei Youth Environment Educations Workshops.* Salah satu tajuk perbincangan semasa bengkel ialah mengenai kitar semula (*recycling).*

Panduan untuk menilai status sekolah sebelum memulakan program kitar semula ada terkandung dalam buku panduan bertajuk *Guide Book for Initiating Green School in Brunei Darussalam* yang disediakan oleh Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar *(STEP),* Kementerian Pendidikan. Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan juga mengambil maklum mengenai cabaran yang dilaporkan oleh sebahagian sekolah yang menjalankan program kitar semula ini termasuk jumlah syarikat yang mengutip bahan-bahan terbuang untuk dikitar semula adalah kecil. Syarikat pengutip bahan tersebut hanya mengutip dalam kawasan terhad. Pada masa ini, syarikat pengutipnya yang lazimnya dilantik sekolah hanya mengutip sebahagian jenis bahan terbuang untuk dikitar semula dan juga dengan harga yang lebih murah jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu.

Walau apa pun cabarannya, ini tertakluk kepada perancangan dan ikhtiar sekolah dalam menjalankan aktiviti kitar semula di sekolah masing-masing dalam sama-sama bertanggungjawab merealisasikan hasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam negara yang bersih dan mapan.

Adalah diambil maklum bahawa sekolah boleh menjana pendapatan dengan menjual terus bahan terbuang kepada syarikat pengutip dan sebagainya telah menggunakan bahan-bahan berkenaan untuk dijadikan bahan kraf tangan yang boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi. Pihak kementerian akan terus dan amat menggalakkan sekolah-sekolah menjalankan Program Pendidikan Alam Sekitar termasuklah Program Kitar Semula dan seterusnya menjadi Sekolah Hijau atau *Sustainable School Eco-System*.

Sebagai kesinambungannya, sekolah-sekolah terlibat berpeluang mewakili

negara dan mendapat pengiktirafan di peringkat serantau seperti anugerah *ASEAN Eco School*. Sejauh ini 2 buah sekolah menengah dan 2 buah sekolah rendah Negara Brunei Darussalam telah mendapat pengiktirafan tersebut.

Memandangkan isu alam sekitar adalah perkara yang perlu ditangani bersama maka pihak Kementerian Pendidikan mengalu-alukan penglibatan berbagai-bagai jabatan dari Kementerian-kementerian lain, syarikat-syarikat atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi sama-sama mendukung Program Kitar Semula di sekolah-sekolah. Kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnissa binti Awang Haji Ash'ari yang menengahkan isu kitar semula ini. Beliau sebenarnya adalah *co-founder Green Brunei* iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang aktif menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan alam sekitar. Kita bukan sahaja berterima kasih kerana menimbulkan perkara tersebut tetapi berterima kasih Yang Berhormat kerana telah pun aktif dalam bahagian ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan suka untuk menambah?

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola tidak ada apa-apa yang ingin kaola tambah berhubung dengan mengadakan perkhidmatan jeti.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya ada pihak-pihak yang tertentu yang berhajat untuk menghulurkan perkhidmatan feri tersebut banyak faktor yang melibatkan Kementerian Perhubungan khususnya penyediaan jeti-jeti yang harus menurut piawaian yang ada untuk memastikan keselamatan orang ramai. Juga feri-feri berkenaan juga harus didaftarkan di Jabatan Laut. Memastikan ia *in compliance* dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada ketika ini.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Soalan-soalan akan kita tangguhkan bagi Kementerian Perhubungan mempertimbangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan nanti. Terima kasih juga kita diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas penerangan-penerangan yang diberikan tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Maka sekarang, saya ingin mencadangkan supaya Belanjawan Kementerian Pembangunan ini kita undi sebelum ia dapat diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju dan tidak ada yang menentang. Maka Belanjawan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Rabu, 15 Mac 2017, pukul 9.00 pagi.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 16 Jamadilakhir 1438 / 15 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari yang kelapan, hari Rabu, 16 Jamadilakhir 1438 bersamaan 15 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Segala puji dan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat pada pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang lagi pada hari ini dan kita telah memasuki hari kelapan dan kita masih membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita juga telah pun bersidang dalam Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ setakat ini, kita telah meluluskan Tajuk-Tajuk bagi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pada petang semalam اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita juga telah meluluskan Tajuk Kementerian Pembangunan.

Tajuk-tajuk kementerian tersebut telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual undang-undang yang kita pertimbangkan ini, kita masih lagi mempunyai beberapa buah kementerian dan juga Tajuk Kemajuan yang perlu kitani teliti dan tunduki.

Maka bagi membolehkan kita berbuat sedemikan dalam Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini besidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Pada petang semalam, kita telah selesai meluluskan Tajuk Kementerian Pembangunan. Sekarang kita akan terus berpindah ke Tajuk yang lain.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang berpindah ke Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya. Seperti lazimnya, sebelum Tajuk ini kita bincangkan dan bahaskan, saya memberi peluang dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membuat ucapan pendahuluannya ataupun mukadimah mengenai Belanjawan Kementeriannya. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati أَللهِ dan yang dihormati.

Dalam kesempatan awal di Dewan yang mulia ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan singkatannya (KKBS) dan jabatan-jabatannya di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini terlebih dahulu menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia cadangan peruntukan kepada KKBS bagi menggalas misinya pada Tahun Kewangan 2017/2018 untuk dinikmati rakyat dan penduduk. Kaola juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli atas pelantikan semula dan juga Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang baharu dilantik.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 6 Mac 2017 yang lalu, pada umumnya menitahkan bagi semua pihak di dalam mahupun di luar kerajaan untuk berganding bahu memajukan negara ini, mendorong KKBS untuk melakar program yang berimpak tinggi dalam bidang yang dipikulkan ke atasnya iaitu membangun belia dengan program pembangunan belia yang berkesan, mengekalkan identiti dan warisan bangsa melalui promosi kebudayaan dan kesenian, memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk melalui program jaminan sosial dan menggalakkan pengamalan gaya hidup cergas menjurus kepada peningkatan kecemerlangan sukan menerusi program pembangunan sukan untuk semua dan sukan untuk kecemerlangan.

Aspirasi kerajaan dalam bidang kebudayaan ialah memasyarakatkan budaya kepada rakyat. Pembangunan budaya iaitu unsur-unsur kemanusiaan mustahak dibekalkan kepada anak-anak muda untuk membangun pekerti anak-anak muda.

Dalam bidang kebeliaan, KKBS diaturkan menggiatkan penerusan dan kesinambungan program dan proses pembentukan belia, yang memberikan manfaat kepada belia. Golongan belia perlu dipersiapkan dengan kompetensi diri yang tinggi melalui pembinaan kemampuan daya fikir belia berteraskan ilmu dan kemahiran semasa.

Pembangunan belia negara perlu memberi tumpuan kepada aspek menyerlahkan potensi belia terutama meningkatkan semangat mereka untuk menimbang sesuatu yang lebih bermakna kepada masyarakat dan negara.

Di arena sukan, kerajaan mahukan sukan digunakan sebagai satu mekanisme untuk memupuk semangat kekitaan dan mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan rakyat selain ia dapat menjana rakyat yang sihat lagi cergas.

Semua pihak sama ada kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan lebih-lebih lagi rakyat perlu bekerjasama. Aktiviti-aktiviti sukan sudah dilihat sebati dalam kalangan rakyat negara ini atas sifat suka akan sukan. Sukan, jika diikutkan secara betul dilihat adalah cara terbaik membentuk karakter individu di samping memberi manfaat dari segi kesihatan dan kekuatan.

Dalam hal pembangunan masyarakat pula, kerajaan menggalakkan penggabungan usaha-usaha pelbagai sektor untuk memperbaiki taraf hidup rakyat dengan memfokuskan kepada sikap berdikari. Kemantapan sumbangan sektor swasta dan orang ramai akan meningkatkan lagi kualiti ekonomi, masyarakat dan kebudayaan negara.

Pembangunan masyarakat berkualiti adalah kerana terdapatnya kualiti pemimpin yang mendorong anggota masyarakat berkhidmat secara sukarela, secara berterusan dalam setiap program kemasyarakatan. Semangat sukarela penting dipupuk, dikekal dan digalakkan perkembangannya dalam masyarakat.

Ini bersangkutan juga dengan kekeluargaan. Kerajaan mahukan keluarga berwawasan yang melihat kepada perkara-perkara positif, penyayang, bahagia dan harmoni, yang sokong-menyokong, bertolak ansur, sepakat dan menggunakan masa serta kelapangan waktu dengan bijak bagi manfaat keluarga.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ke arah menjayakan Wawasan Negara 2035, KKBS mempunyai banyak pilihan untuk mengembangmajukan bidang tugasnya tetapi tiada pilihan melainkan mencapai sasaran pada waktu atau *in time for the future.*

Pada Tahun Kewangan 2017/2018, KKBS akan mengutamakan mekanisme *multi level* untuk konsultansi, menyelaras, memantau nilai dan menilai program dengan lebih bekerjasama dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan *NGO* dan swasta untuk keberhasilan yang lebih tinggi.

Pada Tahun Kewangan yang akan datang, KKBS menyusun pengutamaan keutamaan-keutamaan perlaksanaan program dan projek 4 bidang tugasnya atau 4K seperti berikut:

1. Kebudayaan, dari segi memelihara pada menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang. KKBS akan memperbanyakkan *outreach* kepada golongan pelajar dan siswa supaya unsur-unsur budaya, kesenian sastera dan bahasa Melayu diterapkan sebaik-baiknya dalam pendidikan;

2. Kebeliaan – dari segi membangun dan meningkatkan jati diri belia agar mereka akan lebih berdikari dan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara, KKBS akan mengadakan lebih banyak program-program mendampingi belia. *Engagement* dengan seramai mungkin belia melalui persatuan-persatuan yang mereka anggotai, Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Jawatankuasa-Jawatankuasa Takmir Masjid, sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi adalah semata-mata untuk mendapatkan aspirasi belia;

3. Kesukanan, dari segi aspek menyediakan prasarana sukan dan riadah ke arah masyarakat yang sihat dan cerdas, dan juga meningkatkan kecemerlangan sukan, KKBS akan mempromosi sukan yang menyumbang kepada tahap kecergasan, perpaduan dan daya saing iaitu sukan untuk masyarakat yang melibatkan kegiatan fizikal yang merangkumi segala aktiviti sukan, permainan tradisional dan rekreasi dengan penyertaan yang lebih baik dan luas dalam kalangan masyarakat umum.

   Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempromosi sukan berbasikal, berkayuh dan bertarik kalat sebagai sebahagian sukan untuk masyarakat selain acara-acara

sukan untuk masyarakat yang konvensional seperti berjalan kaki, larian, senamrobik dan seumpamanya.

Bagi sukan untuk kecemerlangan, KKBS akan terus menyediakan sistem perkhidmatan yang dapat membina sumber tenaga pakar yang khusus untuk pembangunan atlet, jurulatih, pentadbir dan pegawai sukan di samping usaha-usaha membangun kumpulan atlet negara melalui mengenal pasti bakat, sains sukan, skim penggalak kecemerlangan sukan dan akademi sukan; dan

4. Kemasyarakatan, dari aspek memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta mengukuhkan institusi keluarga ke arah mewujudkan perpaduan dan keamanan, KKBS akan memastikan kapasiti pelaksana perkhidmatan-perkhidmatan sosial ditangani dari semua aspek agar lebih berkesan.

Aspirasi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui pengutamaan, *outreach, engagement* dan tindakan bersepadu seluruh jentera kerajaan ialah untuk melihat:

1. Pembangunan budaya 'memanusiakan manusia'. Pembangunan budaya dan kesenian tradisional akan membina sahsiah bangsa dan membentuk pekerti dan nilai-nilai teras Brunei bahawa bangsa Brunei mengenali dan menghayati budaya bangsa dan kesenian tradisionalnya seterusnya memperkasa;

2. Program Belia Berdikari, strategi pendidikan dan pembangunan diri, pekerjaan dan latihan belia, kepimpinan, daya usaha, persafahaman antarabangsa dan perkhidmatan kepada orang lain dan negara untuk belia melalui program-program di Pusat Pembangunan Belia, Program Khidmat Bakti Negara, aktiviti sosial dan kebudayaan. Program Pusat Belia berhasil menyiapkan diri belia supaya berjaya dalam ekonomi, menyiapkan diri bagi tujuan berkahwin dan berkeluarga dan bertanggungjawab secara sosial;

3. Pengurusan kewangan yang baik dan efisien untuk infrastruktur sukan bagi membangunkan program sukan untuk semua dan program sukan prestasi tinggi dan terus-menerus menjadi penggerak menjadikan sukan sebagai satu amalan hidup yang aktif, cergas dan bersaing untuk memahat nama di arena serantau dan antarabangsa; dan

4. Masyarakat yang progresif, iaitu golongan yang dibantu dan diperkasa agar lebih cenderung berdiri sendiri atau berdikari dan setelah berjaya, mereka pula akan lebih bertanggungjawab untuk membantu orang lain. Banyak permasalahan rakyat diselesaikan, terutama mengubah sikap supaya masyarakat berdikari dan *financially independent*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tahun Kewangan 2016/2017 yang akan berakhir pada 31 Mac bulan ini, menyaksikan KKBS menjalankan tugas dengan pencapaian-pencapaian berikut:

1. Di bidang kebudayaan iaitu dari segi memelihara dan menjaga budaya Brunei, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang, KKBS telah melaksanakan 289 kegiatan menerusi Jabatan Muzium-Muzium, Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, mencakupi dari aspek arkeologi, arkib, etnografi, bahasa dan sastera, budaya membaca, sejarah raja, seni pertunjukan, seni tampak dan warisan budaya termasuk penyertaan setiakawan di peringkat serantau dan antarabangsa.

   Program dan aktiviti hampir 300 itu menjangkau sehingga lebih 30,000 orang dari segenap lapisan masyarakat terutama belia.

   Pencapaian utama Jabatan Muzium-Muzium ialah pembukaan Muzium Kuala Belait pada bulan Julai tahun lepas; manakala Pusat Sejarah Brunei menambah koleksi Borneo di Pusat Penyelidikan Borneo; dan Dewan Bahasa dan Pustaka menubuhkan Pusat Masyarakat Bestari di Mukim Sungai Liang yang menjenamabarukan Mukim Buku.

   Pusat Masyarakat Bestari berfungsi bukan sahaja sebagai perpustakaan malahan sebagai pusat sumber ilmu untuk masyarakat mendapatkan pembelajaran sepanjang hayat. Jauh ke hadapan, pencapaian ini juga mendorong untuk KKBS pada satu masa yang bersesuaian menggabungkan Pusat Kegiatan Warga Emas dengan Pusat Masyarakat Bestari di bawah satu bumbung, إِنْ شَاءَ اللَّهُ

   KKBS mengambil sukut pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Bandar Raya Kebudayaan *ASEAN* pada tahun 2016 hingga 2018, telah mempromosi kebudayaan tempatan, daya cipta, kreativiti dan amalan-amalan orang-orang Brunei kepada rakan-rakan ASEAN khususnya dan dunia umumnya, di samping melaksanakan beberapa aktiviti khas kebudayaan sebagai tarikan pelancong sama ada dari dalam atau luar negara. Tahun 2016 juga merupakan tahun signifikan bahawa negara kita melalui kementerian ini telah menjadi tuan rumah dan berjaya mengendalikan Mesyuarat Ketujuh Menteri-Menteri *ASEAN* yang bertanggungjawab dengan Kebudayaan dan Kesenian (*7th AMCA*) dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan Dengan Rakan Dialog.

2. Di bawah kebeliaan, KKBS telah melaksanakan program pendidikan, perkembangan diri, pekerjaan dan latihan, kepimpinan, daya usaha, persefahaman antarabangsa dan kesukarelawan

belia yang dimanfaatkan oleh seramai hampir 11,200 orang belia. Ini belum termasuk hampir 2,000 belia yang memanfaatkan PKBN. Antara program di bibir-bibir belia ialah Program Belia Cinta Tanah Air, '*Day of Action*' sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa, Majlis Keagamaan pada bulan Ramadhan, Gerai Ramadhan, Hari Belia Kebangsaan, Rancangan Kapal Belia, Program Pertukaran Belia Brunei-Jepun, China, Korea, Malaysia, Singapura dan Tilawatil Quran Belia;

3. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan yang dianggotai oleh 30,000 orang belia yang mana interaksi ini menguntungkan kedua-dua pihak. Kementerian berbesar hati dan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah sebanyak 3 kali berangkat bercemar duli untuk sama-sama ikut serta bersama rakyat baginda dalam acara riadah berbasikal sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda Ke-70 tahun sempena Hari Belia Kebangsaan dan Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan yang Ke-46 pada tahun lepas dan bersempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-33 tahun baru-baru ini.

Pada sepanjang tahun 2016, Negara Brunei Darussalam telah mengikuti 10 pertandingan di luar negeri iaitu Negara Brunei Darussalam memperolehi 9 emas, 13 perak dan 14 gangsa.

Dalam hal kemasyarakatan, 12 isu sosial yang dikenal pasti oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial, walaupun merupakan satu bilangan yang banyak untuk ditangani, masih relevan. Oleh itu, dasar, akta dan pelan tindakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa khas Majlis Kebangsaan Isu Sosial *(MKIS)* terus diteliti dan diperkemaskinikan agar selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Pengurangan masalah keluarga akan membawa kesan limpahan kepada pengurangan isu-isu sosial yang lainnya. Adalah hasrat kerajaan melihat keluarga menanamkan moral, prinsip dan keyakinan untuk kemajuan negara. Oleh sebab itu, kerajaan memberi kewajaran yang tinggi terhadap kestabilan keluarga melalui gagasan Hari Keluarga Kebangsaan yang diraikan setiap Ahad pertama di bulan Mei dengan strategi mengukuhkan institusi keluarga.

Dengan itu format Hari Kebangsaan telah direviu pada tahun lepas untuk memastikan keberkesanan dengan memastikan pendekatan *Whole of Nation* bahawa Hari Keluarga Kebangsaan diraikan oleh semua lapisan masyarakat, misalnya;

i. Hari ibu, hari bapa, ulang tahun hari kelahiran dijadikan instrumen perkumpulan keluarga.;

ii. Bantu membantu dalam suka dan duka; dan

iii. Cuti bersama keluarga di dalam negeri.

Kegiatan cuti bersama keluarga di dalam negeri, dilihat dapat menyokong untuk menjayakan dan menceriakan Projek Bandarku Ceria gabungan usaha kementerian-kementerian dan pihak awam dan juga pakej pelancongan di dalam negeri inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sealiran dengan Pengukuhan Institusi Keluarga, pengwujudan Program Inovasi Belia Berwawasan iaitu program latihan rintis khusus bagi anak-anak penerima bantuan kewangan bulanan yang tidak lagi bersekolah dan belum bekerja telah diperkenalkan sejak bulan Disember tahun lalu. Ke arah pemerkasaan mereka dan keluarga supaya lebih berdikari.

Pada bulan April 2016 yang lalu, Negara Brunei Darussalam telah meratifikasikan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD). Convention* berkenaan antara lain memelihara hak-hak orang-orang kurang upaya untuk menjalankan kehidupan yang normal sama dengan hak orang-orang lain. Dengan meratifikasikan *CRPD* akan dapat digunakan sebagai asas untuk memastikan apa jua perkhidmatan yang disediakan untuk mereka yang kurang upaya selaras dengan standard atau kehendak antarabangsa khususnya dari segi hak asasi mereka.

Bagi meneruskan pelaksanaan bidang tugas KKBS dengan wawasannya sebagai perencana terbaik, "Bangsa Brunei Yang Cemerlang", Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatannya akan mengoptimumkan cadangan peruntukan perbelanjaan biasa sebanyak hampir $77 juta atau tepatnya $76,336,470.00 itu bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-ulang. Akaun-akaun Peruntukan Tahun Kewangan 2017/2018 akan terus-menerus mendukung program-program utama atau teras masing-masing.

- Sambutan Hari Kebangsaan;
- Program Khidmat Bakti Negara *(PKBN)*
- Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan;
- Program Memperkasa Komuniti,
- Latihan Kemahiran di Pusat Pembangunan Belia;
- Program Belia Berdikari;
- Sambutan Hari Belia Kebangsaan;
- *Outward Bound Brunei Darussalam;*
- Sukan Untuk Semua;
- Sukan Prestasi Tinggi;
- Promosi Kebudayaan dan Kesenian;
- Bulan Bahasa dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca;
- Mempromosi Sejarah dan Warisan;
- Kemajuan Sumber Manusia; dan
- Hubungan Antarabangsa.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak terkecuali dari berhadapan dengan cabaran-cabaran dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. Dengan rintangan-rintangan di hadapan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan perlu mereviu dan menilai kemajuan dan pelaksanaan pelan tindakan bidang kebudayaan dan kesenian supaya usaha memelihara warisan dan budaya lebih fokus dan berkemajuan pesat dengan membuka muzium-muzium daerah, menambah baik kandungan jerayawara ke sekolah-sekolah dan mukim-mukim. Begitu juga dalam mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, Program Bulan Bahasa akan lebih diperkaya supaya beimpak tinggi. Dalam masa yang sama, Projek Pesta Buku dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca dan Promosi Sejarah akan diperkemas pendekatannya supaya *outcome*nya lebih terserlah.

Seterusnya, mengenal pasti keperluan perubahan dalam strategi pada tahun-tahun kebelakangan, supaya bersesuaian dengan perkembangan semasa terhadap pembangunan belia untuk menghadapi masa depan mereka dan memperkaya mereka untuk menjadi pemimpin di masa depan, sama ada pemimpin dari segi ketua keluarga, pengurus syarikat, pemimpin persatuan mahupun pemimpin negara.

Semasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2016 yang lepas, dengan format dan *venue* baharunya mengumpulkan lebih 4,000 belia. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah: *"Negara bersungguh-sungguh mengimpikan belia-belia yang bekerja keras selaku ejen kepada perubahan"* demikian titah baginda. Sama halnya dengan Program Khidmat Bakti Negara *(PKBN)* yang Pengambilan Keenamnya baru selesai menamatkan latihan pada 13 Mac, dua hari yang lalu iaitu seramai 357 orang pelatih telah berjaya menamatkan latihan untuk disediakan program bagi mereka berkhidmat kepada negara. Ini mustahak kerana bilangan *Alumni PKBN* sekarang berjumlah 1,775 orang.

Berikutnya, menilai kemajuan pelaksanaan program dan projek Pusat Pembangunan Belia, *Outward Bound Brunei Darussalam,* program-program keagamaan, kenegaraan, keusahawanan, kesukarelawanan belia dan inisiaitif-inisiatif sukan untuk perpaduan dan kecemerlangan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan giat merangka satu program bantuan baharu khusus bagi memperkasa penerima bantuan yang *able bodied* dan *able to work* tanpa menjejaskan bantuan terhadap golongan sasaran yang benar-benar memerlukan bantuan seperti warga emas dan orang kurang upaya.

Oleh itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) sudah mereviu sistem jaringan sosial yang ada. Kerajaan telah berbelanja dari segi bantuan dan pencen, bantuan Kebajikan Bulanan, bantuan Pencen Umur Tua, Pencen Hilang Upaya dan lain-lain supaya lebih berdaya tahan.

Ini termasuklah menyusun semula program dan projek berdasarkan keperluan dan keupayaan jentera pelaksanaan serta mengambil kira kedudukan sumber dalam menangani isu Orang Kurang Upaya, di mana kesejahteraan kumpulan ini sangat perlu dijaga misalnya bagaimana membolehkan orang-orang kurang upaya untuk hidup seperti orang lain dan mempunyai pekerjaan, pergerakan yang tidak terbatas dan sebagainya.

Dengan penjelasan-penjelasan perjalanan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan peruntukannya sama ada dicadangkan diperuntukkan di kementerian, jabatan-jabatan dan Rampaian Kementerian Kewangan, kaola mengakhiri mukadimah ini dengan satu kesimpulan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan wawasannya, "Bangsa Brunei Yang Cemerlang" dan misinya "Mencanai Masyarakat Cemerlang Yang Beragama, Berbudaya Penyayang, Cerdas, Bersatu Padu, Dinamik dan Berwawasan" memerlukan perancangan bagi menentukan hala tujunya disediakan berasaskan konsep perancangan strategik atau menyusun langkah.

Strategi atau susunan taktik yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat dicapai dan direalisasikan seperti adanya matlamat pencapaian dan matlamat pemudah cara yang mementingkan matlamat yang dapat disukat *(measurable goals)*, penyata-penyata prestasi utama *(key performance indicators)* dan faktor-faktor penentu kejayaan penting atau *critical success factors.*

Menerusinya, serta bertawakal, komitmen dan iltizam yang kuat daripada seluruh warga KKBS dan pihak-pihak yang berkepentingan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan izin dan kurnia taufiq dan hidayah أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan dapat *deliver* matlamat-matlamat yang digariskan.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لله kita telah pun mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah pun secara amnya menggariskan sasaran-sasaran dan tujuan-tujuan serta hala tuju kementeriannya sesuai dengan belanjawan yang kita hadapi ketika ini. Maka saya di sini mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk turut serta untuk bercakap dalam membahaskan Tajuk ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى الْحَمْدُ لله kaola akan menyentuh beberapa perkara. Ada 3 isu yang kaola akan timbulkan. Walau bagaimanapaun, kaola mengucapkan seawalnya tahniah atas penyediaan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan dan koala melihat peruntukan yang disediakan itu sudah mencakupi semua bidang yang pernah abis kaola muzakarahkan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelum ini.

Untuk itu kaola tidak akan menyentuh lagi mana-mana yang sudah dimuzakarahkan, hanya permintaan kaola mana-mana yang difikirkan bersesuaian supaya dapat diadakan.

Kaola menyentuh mengenai Kod Akaun 003/001 – Tajuk SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pengukuhan Jati Diri Bangsa. Dalam hubungan ini, kaola mengucapkan tahniah atas kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi bahawa perkara itu sudah pun diambil tindakan seawalnya di peringkat sekolah rendah lagi. Sehubungan dengan itu juga, kaola percaya hasil-hasil penulisan penulis-penulis negara kita patut juga didedahkan ke sekolah-sekolah dan kepada orang ramai.

Satu masalah yang sekarang ini dihadapi ialah buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan tidak ada dipasarkan ataupun diletak di kedai-kedai buku swasta. Buku-buku tulisan mereka hanya boleh didapati dari Kedai Buku Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka. Orang ramai menyuarakan di mana untuk mendapatkan buku-buku itu, tetapi hanya ada di Kedai Buku Dewan Bahasa dan Pustaka.

1. Untuk itu, kaola cadangkan supaya menyenangkan orang ramai melihat hasil karya penulis-penulis kita menghayatinya dan menerapkan nilai-nilai itu kepada bangsa kita supaya pihak kedai-kedai penjual buku ini diarahkan untuk menyediakan satu sudut di kedai-kedai mereka, untuk menempatkan buku-buku tulisan penulis-penulis tempatan.

   Sebenarnya cadangan ini pernah kaola sarankan beberapa tahun yang lepas kepada pihak yang berkenaan, tetapi jawapan mereka kedai itu tidak bersetuju. Dalam hal ini, kenapa kedai ini pula yang serahkan kepada mereka, sedangkan kita yang memegang dasar, memartabatkan bahasa dan sastera serta budaya

   Patut ada dasar untuk memperkukuhkan perkara itu dengan mengarahkan pihak-pihak berkenaan, bukan kita yang menyatakan mereka tidak mahu mereka;

2. Kaola mencadangkan kalau boleh secara longgar sahaja, untuk makluman Dewan yang mulia ini. Sejauh pengamatan kaola, sejak menceburi bidang penulisan, banyak jemputan atau undangan dari luar negara kepada penulis-penulis Brunei untuk hadir di acara-acara sastera dan budaya disalurkan kepada orang-orang tertentu berdasarkan *personal contact.* Masalah yang kaola nampak, apabila orang itu hadir ke luar negara tidak diketahui oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ia pergi bersendirian, tetapi bila sampai di tempat yang dituju itu,

ia membawa nama Brunei. Malah bendera Brunei berkibar di sana dan pihak tuan rumah akan mengumumkan ia sebagai wakil negara. Sedangkan ia pergi bersendirian dengan belanja persendirian dan juga persediaan persendirian.

Alangkah eloknya jika kita mempunyai mekanisme, setiap undangan itu siapa pun yang menerimanya mungkin elok orang yang berkenaan memaklumkan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada melalui Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagainya yang pemergian mereka adalah untuk mewakili negara.

Dalam hal ini, elok jika Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membantu sama ada dari segi kewangannya dan juga yang lain-lain. Jangan sampai apabila mereka itu hadir di sana mewakili negara dan keluar dalam akhbar-akhbar sama ada luar negeri atau tempatan mengenai kecemerlangan (*performance*) mereka baru kita tahu dan mengakui mereka wakil Brunei tetapi pemergian mereka secara persendirian, kasihan mereka.

Satu lagi kaola mengambil maklum, pada masa ini ada anugerah-anugerah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka seperti Anugerah Genres, penulisan berbagai-bagai genre yang ditaja oleh pihak swasta seperti *Brunei Shell Petroleum (BSP)* dan sebagainya. Kita ketahui juga jumlah anugerah itu pada masa ini adalah token sahaja untuk menggalakkan.

Alangkah eloknya, jika anugerah itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan *top up* misalannya sebahagian daripada anugerah itu bagaimana kadar yang diberikan oleh pihak swasta, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menambah lagi supaya jumlah anugerah itu lebih bersesuaian dengan bidang yang diceburi oleh penulis-penulis kita itu supaya mereka akan lebih bersemangat dan lebih kreatif lagi.

Cadangan kaola, dalam pengukuhan jati diri bangsa itu, mudah-mudahan sahaja ada termasuk bajetnya untuk menambah dan memperkasa lagi sastera budaya negara.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, 2 perkara kaola sentuh. Yang lain-lain seperti nasihat Yang Berhormat Pengerusi akan kaola rundingkan secara *bilateral* dengan mereka kerana kaola percaya bersemuka dengan bertentang mata itu ada barangkali lebih menghasilkan hasil yang positif. Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan lebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih jua atas ucapan dan juga cadangan-cadangan Yang Berhormat sebentar tadi. Ada 3 yang telah diajukan iaitu dalam usaha ke arah memperkasa jati diri bangsa:

1. Yang Berhormat telah mengutarakan pandangan ataupun cadangan mengenai hasil-hasil karya penulis-penulis tempatan yang sudah berjaya membukukan karya-karya mereka tetapi tidak dijual atau ditempatkan di ruang khusus kedai-kedai buku swasta. Sebenarnya Dewan Bahasa dan Pustaka dan KKBS umumnya memang membantu untuk memasarkan hasil-hasil karya penulis-penulis tempatan. Yang pertamanya, pada setiap kali Pesta Buku diadakan, setiap hasil buku anak tempatan ini diberikan ruang-ruang khusus dan diberikan pengenalan-pengenalan tertentu malah kadangkala menjemput penulis-penulis itu sendiri.

   Yang keduanya, beberapa kegiatan-kegiatan lain seperti dalam pembahagian buku-buku kepada perpustakaan-perpustakaan dan juga termasuk Pusat Masyarakat Bestari yang baharu ini bahawa semua hasil karya tempatan ini diberikan tempat atau ruang yang khusus. Mengenai penjualan buku-buku tempatan dijual melalui kedai-kedai buku swasta, abis kaola akan melihat lagi bagaimana usaha ini akan dapat diberkesankan lagi. Sememangnya pihak DBP ada mengadakan perundingan dengan kedai-kedai buku tempatan untuk menjual hasil karya anak-anak tempatan. Dan kalau kaola tidak silap, pernah ke kedai-kedai buku ada juga terdapat buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada dijual di kedai-kedai buku tersebut. Walau bagaimanapun, abis kaola tidak akan menyia-nyiakan hasil karya tempatan ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ KKBS dan DBP akan melihat kembali usaha-usaha pemasaran terbitan buku-buku tempatan ini dalam usaha untuk memberikan pulangan yang baik juga kepada penulis itu;

2. Cadangan Yang Berhormat itu mengenai undangan kepada individu ataupun penulis-penulis secara peribadi untuk hadir di acara-acara sastera dan budaya dan sehingga mewakili negara di luar negara. Dalam soal ini barangkali secara ringkasnya kaola dapat menjawab. Sebaiknya, mereka yang menerima undangan ini merujuk kepada badan-badan atau persatuan abiskita sendiri dan badan-badan ini akan menghubungi pihak-pihak tertentu khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka yang akan memaklumkan mengenainya kepada kementerian. Memang pihak kementerian tidak akan mensia-siakan sebarang undangan ini dan akan diteliti sebaik-baiknya, apatah lagi dalam aspek memperkasa kebudayaan dan keupayaan orang-orang kitani dalam penulisan dan sebagainya. Dari segi perkataan tidak mensia-siakan, ini pun apabila mereka belayar biasanya kedutaan-kedutaan atau suruhanjaya

tinggi kitani pun biasanya jika diperlukan, akan boleh menyediakan pegawai-pegawai mereka untuk menemani dan membantu memudahkan urusan-urusan mereka.

Jadi walau bagaimanapun, sistem atau komunikasi dua hala adalah berkepentingan walaupun adakalanya dari segi keutamaan tidaklah menjanjikan semua perlu diberikan bantuan.

3. Untuk *top up* sebarang anugerah yang diberikan oleh pihak-pihak lain termasuk pihak swasta, ini pun abis kaola akan *menunduki* juga Yang Berhormat Pengerusi atas dasar untuk memperkasa jati diri bangsa ini. Jika sekiranya penyumbang atau acara-acara itu diadakan secara yang khusus bagi yang menyumbang itu sahaja, mungkin tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun kementerian tidaklah dapat dipayukan, tetapi jika ada skop atau dapat diadakan perbincangan awal dengan penyumbang, mungkin dapat difikirkan kaedah *top up* ini supaya lebih bermakna dan sesuai bagi pendorong atau penyuntik semangat bagi mereka yang belum menerima pengiktirafan atau anugerah sedemikian.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Kaola ada 2 soalan:

1. Golongan Orang-Orang Kurang Upaya dan Berkeperluan Khas, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sentiasa mendapat perhatian, bantuan dan pemedulian daripada semua lapisan masyarakat di negara ini baik dalam kalangan pihak agensi kerajaan mahupun sektor swasta, organisasi bukan kerajaan *(NGO)* dan orang awam. Perhatian, bantuan dan pemedulian murni ini mencerminkan betapa masyarakat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat perihal kesejahteraan golongan Orang Kurang Upaya dan Berkeperluan Khas. Soalan kaola:

   i. Apakah perancangan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi perlaksanaan Akta Orang-Orang Kurang Upaya dan Berkeperluan Khas atau *Disability Act* bagi Negara Brunei Darussalam selaras dengan *convention* mengenai hak Orang-Orang Kurang Upaya dan Berkeperluan Khas atau yang lebih dikenali dengan *The Convention on The Rights of Persons of Disabilities* dalam melindungi hak dan maruah golongan berkenaan?;

ii. Golongan Warga Emas juga sentiasa mendapat perhatian daripada pelbagai pihak di negara ini. Penubuhan Pusat Kegiatan Warga Emas yang terletak di Rancangan Perumahan Negara Kampung Perpindahan Lambak Berakas pada tahun 2013 adalah satu inisiatif pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyediakan sebuah Pusat Dukungan Masyarakat *(Community Support Centre)* khusus bagi Warga Emas yang bersandarkan kepada amalan-amalan terbaik yang disesuaikan kepada perspektif dan suasana masyarakat kitani, agar generasi Warga Emas akan dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih bermanfaat di samping menggalakkan untuk saling membantu dan memberikan dukungan sesama sendiri mengikut *calak* dan kehidupan orang-orang Brunei.

Soalan kaola, sejauh manakah keberkesanan program-program yang diadakan di Pusat Kegiatan Warga Emas ini dan apakah perancangan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melaratkan dan menubuhkan pusat-pusat berkenaan di daerah-daerah ataupun kawasan-kawasan yang lain.

Sekian, وبالله التوفيق والهدايه وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola juga berterima kasih di atas soalan-soalan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu ada dua soalan:

1. Apakah perancangan pihak KKBS bagi melaksanaan Akta Orang Kurang Upaya selaras dengan *CRPD* bagi melindungi hak dan maruah mereka. Dasar yang ada pada masa ini terhadap Orang-Orang Yang Berkeperluan Khas (OBK) atau Orang Kurang Upaya ialah:

   i. Untuk memberikan kesaksamaan hak dan peluang kepada Orang Kurang Upaya untuk menjalani kehidupan dan penyertaan penuh dalam masyarakat;

   ii. Memberikan pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa Orang Kurang Upaya mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat;

   iii. Memastikan Orang Kurang Upaya menikmati hak, peluang dan akses secara saksama dalam kalangan masyarakat, menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya; dan

   iv. Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak Orang Kurang Upaya.

Dasar ini akan menyokong dan melengkapi matlamat dasar-dasar lain yang sedia ada untuk mengangkat martabat golongan OKU supaya turut sama terlibat dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Penggunaan terma Orang Berkeperluan Khas (OBK) atau Orang Kurang Upaya (OKU) boleh ditukar ganti di antara kedua-duanya. Terma Orang Kurang Upaya digunakan dalam Draf Perintah Orang Kurang Upaya untuk menyelaraskannya dengan *Convention on the Rights of Person with Disabilities (CRPD)* ataupun konvensyen hak-hak Orang-Orang Kurang Upaya.

Seperti dalam mukadimah kaola sebentar tadi negara telah menandatangani *CRPD* pada 18 Disember 2007 dan meratifikasinya pada 11 April 2016 sebagai salah satu usaha kerajaan untuk memperkasa dan melindung hak orang-orang kurang upaya, dan mengiktiraf bahawa golongan Orang Kurang Upaya (*OKU*) mempunyai hak yang serupa dengan manusia biasa dan untuk memastikan golongan-golongan *OKU* ini mendapat akses kepada hak-hak tersebut. Jadinya untuk mematuhi komitmen negara terhadap konvensyen ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merancang untuk mengimplementasi obligasi-obligasi yang telah dipersetujui di bawah *CRPD secara* berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan kapasiti sumber masa ini.

Pelaksanaan ini akan dirancang melalui sebuah Pelan Tindakan Kebangsaan yang realistik dengan penglibatan dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan pihak swasta, organisasi-organisasi yang bukan kerajaan atau *NGO's* dan juga masyarakat umum melalui kaedah *whole of nation approach.* Pelan Tindakan ini akan diselaraskan dengan Strategi Jaminan Sosial di bawah Wawasan Brunei 2035 dan pelaksanaannya akan dipantau melalui Jawatankuasa Khas Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas.

Bagi menguatkuasakan pelaksanaan obligasi di negara di bawah CRPD draf perintah orang-orang kurang upaya sedang dalam proses penggubalan. Perintah ini akan mengandungi 4 peruntukan utama iaitu.

1. Lantikan sebuah pertubuhan bebas (*independent body*) untuk membantu kerajaan dalam mengimplementasikan kehendak-kehendak *CRPD*;

2. Pendaftaran-pendaftaran bagi orang-orang kurang upaya termasuk melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar;

3. Pengeluaran Kad Kurang Upaya kepada *OKU*; dan

4. Kesalahan-kesalahan spesifik terhadap golongan *OKU* berserta hukuman ataupun denda terhadap kesalahan-kesalahan ini.

Memandangkan penguatkuasaan Perintah ini akan melibatkan dan memberi impak kepada pelbagai pihak, draf perintah orang-orang kurang upaya ini masih dalam proses penelitian dan pengemaskinian. Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan konsultasi dengan pihak-pihak berkenaan bagi memastikan peruntukan yang dicadangkan mengambil kira keperluan dan kepentingan dengan pihak-pihak yang terlibat.

Soalan Yang Berhormat, mengenai Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang pada masa ini sebuah sudah wujud di Simpang 77 Perpindahan Lambak Kanan sejak tahun 2013. Sebenarnya *PKWE* ini termasuk dalam salah satu strategi Pelan Tindakan Warga Emas iaitu untuk menepati keperluan warga emas untuk terus menikmati kehidupan yang aktif dan dapat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dan riadah.

PWKE tersebut telah ditubuhkan atas inisiatif bersama kerajaan, agensi bukan kerajaan dan orang perseorangan. Pada awal penubuhannya, *PKWE* melaksanakan aktivitinya hanya diadakan di dalam permis pusat berkenaan. Akhir-akhir ini, الْحَمْدُ لله kegiatan aktiviti telah dilaratkan di luar premis tersebut. Sebagai contoh membuat aktiviti riadah di taman-taman rekreasi dan tempat-tempat menarik yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Terdapat juga aktiviti yang melibatkan lawatan-lawatan di luar Negara Brunei Darussalam. Ahli Jawatankuasa Tadbir diberikan kepercayaan untuk melaksanakan apa jua perancangan dan pemilihan program dan aktiviti yang bersesuaian mengikut kehendak-kehendak ahli *PKWE.*

Setakat ini program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dipilih dirancangkan secara keseluruhannya berjalan dengan baik dan mendapat sambutan ahli-ahli berkenaan. Kalau kaola tidak silap di Berakas, ahlinya saja sudah mencapai lebih 250 orang. Dalam hal ini, pelaksanaan program dan aktiviti yang baik itu menunjukkan kepimpinan Jawatankuasa Tadbir yang dilantik, juga komitmen ahli *PKWE* dalam ikut penyertaan program dan aktiviti. Program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan mulai Januari 2016 hingga Mei 2016 yang lalu adalah seperti berikut:

1. Majlis Bertahlil dan Berzikir sebanyak 14 kali;

2. Acara keagamaan, pembelajaran agama, ceramah 1 kali;

3. Riadah dan sukan 14 kali;

4. *Zumba goal* 13 kali.

5. Lawatan program dari pihak luar 3 kali;

6. Aktiviti poco-poco yang dipercayai boleh melambatkan *Alzheimer's Dementia* dalam kalangan warga emas 1 kali; dan

7. Kegiatan melancong membeli belah 5 kali.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan dari bulan Januari hingga Mei 2016 berjumlah 51 kesemuanya. Program-program dan aktivti-aktiviti yang dijalankan mulai Jun hingga Disember 2016 adalah seperti yang berikut:

1. Majlis Tahlil dan Berzikir 48 kali;

2. Acara keagamaan, pembelajaran agama, ceramah 31 kali;

3. Riadah dan sukan 23 kali;

4. *Zumba goal* telah meningkat kepada 20 kali;

5. kegiatan melancong membeli belah 4 kali;

6. Lawatan program dari pihak luar 8 kali;

7. Majlis Hari Raya 12 kali;

Aktiviti yang dilaksanakan Jun hingga Disember 2016 keseluruhannya berjumlah 146 kesemuanya. Jika diamati daripada kekerapan aktiviti yang dijalankan sebagai contoh pada tahun lalu telah menampakkan peningkatan yang ketara. Setakat ini, kementerian belum membuat sebarang kajian secara formal dan terperinci bagi mengukur akan keberkesanan program dan aktiviti yang diadakan atau dilaksanakan di pusat ini. Walau bagaimanapun, pihak kementerian lazimnya membuat pendekatan secara informal atau *verbal* seperti bertanya status dan perkembangan pentadbiran dan pelaksanaan pusat berkenaan.

Selain itu sesi perjumpaan dan lawatan juga diadakan bagi membincangkan hal-hal berkaitan *PKWE*. Hasil pendekatan ini pihak *KKBS* mengambil maklum bahawa pihak mereka komited dan mampu menjalankan aktiviti yang mereka rancang sama ada aktiviti harian yang dibuat secara berjadual atau aktiviti tambahan secara berkala. Adalah dihasratkan agar penyertaan dan penglibatan warga emas di pusat ini akan dapat ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Mengenai perancangan *KKBS* untuk melaratkan penubuhan pusat ke daerah-daerah lain, untuk makluman juga, KKBS telah melaratkan *PKWE* ini melalui penubuhan Pusat Kegiatan Warga Emas di Daerah Tutong. Manakala perancangan untuk menubuhkan di daerah lain memerlukan penelitian dan perbincangan yang lanjut khususnya untuk mengenal pasti kesesuaian tapak. Kaola di sini juga ingin mencadangkan untuk pusat berkenaan dan hal lain perkara yang berkaitan.

Dalam mukadimah kaola ada menyatakan juga, mungkin perancangan jauh ke hadapan nanti, pusat ini boleh digabung sama dengan Pusat Masyarakat Bestari ataupun Mukim Buku.

Pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku Penghulu dan Ketua Kampung bermula untuk melihat atau meneliti dari sekarang sama ada mukim abiskita perlu mengadakan program atau aktiviti khusus bagi warga emas secara peringkat awal dan melihat sendiri perkembanganya. Barangkali ianya boleh menjadi satu pencapaian zon-zon masing-masing sekurang-kurangnya tidak menunggu sehingga *PKWE* dilaratkan ke daerah-daerah. Di Daerah Brunei Muara pun sudah terdapat zon-zon lain yang mula bergiat selain Zon RPN Lambak Kanan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Merujuk kepada Kod Akaun K27072 – Bantuan Kepada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan.

   Kaola ingin mencadangkan pihak kementerian untuk menawarkan geran kepada persatuan-persatuan belia. Pada masa ini bantuan biasanya dalam dari segi bajet untuk aktiviti tapi kaola ingin mencadangkan ditukar kepada permohonan geran ianya boleh dibuat secara projek *competition* agar memberi insentif kepada para persatuan untuk lebih kreatif dan memfokuskan kepada impak dan kemampanan projek.

2. Merujuk Kod Akaun SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Kod Akaun 003/000 – Kebudayaan dan Kesenian, Apakah perancangan pihak Kementerian dalam membangunkan, memajukan dan memapankan industri kreatif sama ada dari segi pendidikan, ekonomi, belia dan budaya? Pada masa ini terdapat beberapa syarikat dan badan bukan kerajaan yang mempromosikan industri kreatif seperti *The Collective Arts, Kaleidoscope Art Group* dan *Decorative Core*. Namun mereka beroperasi secara individu dan tidak ada *platform* yang menyatukan industri kreatif yang mendapat sokongan dari pihak kerajaan dan mampu untuk menjadi *support system* bagi membantu mereka yang baru mula berkecimpung dalam industri kreatif.

   Pada masa ini terdapat galeri seni di Dermaga Diraja. Namun ia lebih kepada pameran seni dari luar. Kaola ingin mencadangkan ia ditingkatkan lagi agar memberi ruang kepada industri kreatif tempatan bukan sahaja untuk *visual artist* tetapi juga *live performances* dan menggalakkan kedai-kedai dan studio seni berkumpul di satu kawasan yang tetap bukan hanya sewaktu Bandarku Ceria.

   Ini adalah contoh biasa yang dapat dilihat di negara-negara lain seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia bahawa industri kreatif dikumpul di satu kawasan bagi menggalakkan lebih ramai pengunjung terutamanya pelancong. Ia juga boleh memeriahkan Bandar Seri Begawan dengan memperlihatkan *design-design* Brunei di dinding bangunan agar lebih menampakkan budaya negara kita;

3. Mengenai Kod Akaun SL03A – Jabatan Belia dan Sukan, Kod Akaun 004/000 – Pemeliharaan Prasarana dan Estet. Apakah perancangan kementerian bagi memajukan Pusat Belia. Sebagai contoh ia berpotensi untuk dimajukan dari segi *PPP*

dengan menyewakan penggunaan kemudahan-kemudahan yang ada dan ia mampu dijadikan sebagai peluang pekerjaan kepada belia.

Sebagai contoh pada masa ini selain pengguna belia, pelancong-pelancong juga sering menggunakan hostel di Pusat Belia. Ini boleh ditingkatkan lagi dengan mempromosikan Pusat Belia sebagai satu tempat penginapan *budget stay* dan mewujudkan *link* dengan rangkaian asrama antarabangsa bagi mendapatkan pendapatan yang lebih. Di samping itu, persatuan-persatuan juga boleh membayar yuran bagi menggunakan *core working space* seperti yang pernah dicadangkan kepada pihak kementerian sebelum ini; dan

4. Terakhir sekali merujuk Kod Akaun SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Kod Akaun 005/000 – Pembangunan Masyarakat. Adakah pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat mempunyai langkah untuk memastikan kualiti dan piawaian Pusat Jagaan Kanak-Kanak ataupun *Daycare Centers?* Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih atas soalan-soalan. Barangkali ada 4 soalan daripada Yang Berhormat tadi.

1. Yang Berhormat telah pun menimbulkan mengenai geran bagi projek-projek belia. Spesifik di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, keempat-empat bidang kebudayaan, kebeliaan, kesukanan dan kemasyarakatan mempunyai peruntukan atau akaun bantuan kewangan kepada yang memerlukan termasuk belia yang berkecimpung dalam bidang-bidang tersebut. Jika pendekatan yang disarankan ialah tabung berbentuk pinjaman kepada belia dengan melantik institusi kewangan sebagai pengurus yang bertanggungjawab untuk memproses, mengeluarkan pinjaman dan membuat kutipan semula, itu memang belum ada tetapi umumnya institusi kewangan mempunyai perkhidmatan sedemikian dengan peraturan biasa.

Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan *micro grant* bagi pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia, program aktiviti sosial dan budaya, bantuan kewangan untuk sukan dan bantuan kewangan kepada pertubuhan juga bermatlamat sama, cuma pendekatan sebagaimana cadangan Yang Berhormat itu berbeza. Selain itu Institusi Pembangunan Belia dalam kerajaan yang lain juga mempunyai peruntukan tertentu bagi membantu belia bergiat dalam serba-serbi.

Program Belia Berdikari adalah bantuan kewangan kepada belia yang ingin berkecimpung dalam perniagaan secara kecil-kecilan atau *SME.* Kementerian telah diperuntukkan sebanyak $200,000.00 bagi program ini.

Setiap pemohon hendaklah menjalani kursus-kursus keusahawanan seperti Program *Grant,* Program *Bright Ideas* dan Perkhemahan Belia Berdikari dan akan menilai mengikut beberapa kriteria seperti komitmen, disiplin, kedatangan mengikut program dan telah menunjukkan kesungguhan-kesungguhan untuk mendapat bantuan kewangan.

Setiap pemohon yang lulus dan berjaya akan menerima bantuan kewangan sebanyak $2,000.00 setiap seorang. Sehingga kini seramai 72 orang belia telah terpilih dan disokong untuk menerima bantuan kewangan *micro grant* seperti yang berikut:

i. Dalam permohonan pertama 18 daripada 21 permohonan sahaja yang disokong lulus;

ii. Dalam permohonan kedua, 5 daripada 15 permohonan sahaja yang berjaya lulus menerima bantuan *micro grant* tersebut; dan

iii. Permohonan ketiga 49 daripada 51 permohonan sahaja yang disokong dan lulus.

2. Cadangan industri kreatif disatukan di satu tempat. Tadi Yang Berhormat ada menyoalkan juga mengenai mengadakan satu *creative space* yang disediakan khusus bagi mempamerkan hasil-hasil kreatif, yang tidak semestinya semata-mata bersempena Bandarku Ceria. Memang satu cadangan yang baik dan sedia maklum kementerian telah pun menyediakan satu Pelan Tindakan Kebangsaan bagi industri kreatif pada tahun 2012. Pada tahun yang sama juga satu penyelidikan antarabangsa menyatakan bahawa industri berlatarbelakangkan hak cipta intelek atau *intellectual property based industry* bernilai 2% daripada KDNK negara. Berikutan itu beberapa tindakan telah dilaksanakan berdasarkan Pelan Tindakan Kebangsaan ini antara lain:

i. Meningkatkan penyertaan negara dalam festival filem antarabangsa;

ii. Meningkatkan jumlah buku yang diterjemah ke dalam bahasa Inggeris, Jerman dan Perancis contohnya;

iii. Meningkatkan keupayaan para belia dalam industri berkenaan menerusi usaha pelbagai sektor contohnya beberapa kursus dalam fotografi, reka bentuk dalam menggunakan *computer aided engineering* di Pusat Pembangunan Belia; dan

iv. Pelaksanaan strategi ke arah penubuhan akademi kebudayaan dan kesenian kebangsaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak kerajaan akan berusaha bersama para pemegang ataupun *stakeholders* yang lain dalam mengembangkan industri ini ke tahap yang dapat meningkatkan produktiviti dan ekonomi. Sebenarnya industri kreatif adalah satu program untuk menggalakkan para belia dalam bidang

keusahawanan dan bercakap amnya mengenai lepasan Pusat Pembangunan Belia peratus mereka memulakan perniagaan sebenarnya adalah kecil. Jadinya para belia adalah disarankan harus tampil dengan kepakaran dalam industri ini agar dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

3. Yang Berhormat ada menyebutkan mengenai Pusat Belia. Pusat Belia ini kita tahu ia sudah wujud untuk sekian lama dan memang bertujuan menyediakan peluang dan ruang bagi belia berinteraksi untuk tujuan yang baik. Tujuan itu sentiasa *evergreen* dan sekarang belia mungkin lebih cenderung kepada *virtual centre* iaitu kaedah perkumpulan melalui talian yang memerlukan pemantauan dan integriti yang kita bincangkan dalam muzakarah bersama Yang Berhormat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

   Perhubungan secara fizikal masih perlu kerana interaksi bersemuka mempunyai kelebihan daripada berhubungan di alam maya. Belia kita maklum mempunyai banyak masa. Masa yang terluang perlu digunakan dengan mengisinya dengan aktiviti sihat dan mendidik yang bermanfaat kepada belia.

   Di Pusat Belia ada diaturkan dengan berbagai-bagai aktiviti kebeliaan, mengambil kira produktif *leisure* atau masa santai yang digunakan dengan cermat adalah *fundamental* bagi perkembangan peribadi dan sosial belia. Pintu Pusat Belia sentiasa terbuka dan adalah peranan belia untuk menggunakan kemudahan yang tidak kurang menarik mengikut peredaran masa.

   Soal Pusat Belia tidak dioptimumkan penggunaannya banyak terletak kepada keaktifan belia memakmurkannya sungguh pun pengurusan Pusat Belia juga memainkan peranan untuk menarik minat belia berkunjung ke Pusat Belia.

   Proses timbal balas inilah strategi kementerian terhadap perancangan Pusat Belia melalui secara terus-menerus menginspirasikan belia untuk mengusulkan sesuatu walau kecil terutama belia yang benar-benar berhajat mencari makna dalam kemudahannya. Bila mana cara-cara penganjuran kerajaan ditambah dengan aktiviti ciptaan belia sendiri bersatu maka *outcome* kewujudan Pusat Belia dapat dipenuhi. Dalam erti kata lain kehadiran dan penglibatan banyak belia dalam *day of action* memberangsangkan di Pusat Belia tapi saat-saat lain belia perlu menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang ada seperti ini.

4. Soalan Yang Berhormat yang terakhir iaitu mengenai langkah meningkatkan pemantauan kesejahteraan *Day Care Center.* Dasar yang ada pada kementerian ialah untuk memberikan kepentingan

menjaga kebajikan, kesejahteraan dan hak kanak-kanak dalam semua aspek, mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan keperluan asas dan tuntutan hak kanak-kanak dapat dipenuhi dan mendukung hak tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak mereka termasuk dalam memberi pendapat dan pandangan ke atas perkara yang memberi kesan kepada anak mereka.

Dari segi latar belakangnya proses *CCC* ini, Pusat Penjagaan Kanak-Kanak adalah di bawah Kawalan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak *Chapter 218.* Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai penguatkuasa dan agensi perlesenan bagi Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di Negara Brunei Darussalam. Pengarah JAPEM selaku pendaftar bagi kesemua Pusat Penjagaan Kanak-kanak dengan pengecualian bagi *CCC* yang diuruskan dan di bawah Akta Pendidikan Bab 210. Pusat-pusat perniagaan yang telah berdaftar telah dinilai dari segi keselamatan di dalam dan di luar 2 premis oleh JAPEM dan juga agensi-agensi lain yang terlibat sama dalam pelesenan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Para pengurus dan juga kakitangan juga melalui proses tapisan keselamatan dan dikehendaki untuk mempunyai latar belakang atau latihan dalam bidang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak. Dari segi pemantauan jika mendapati sebarang kemusykilan atau mana-mana aduan mengenai Pusat Penjagaan Kanak-Kanak, orang ramai boleh berhubung terus dengan JAPEM atau menghubungi talian Helpline kebajikan 141.

Sebarang kemalangan atau kesalahan yang berlaku ke atas kecuaian pihak-pihak dalam Pusat Penjagaan Kanak-Kanak boleh dikenakan denda tertentu seperti mana yang disebutkan dalam Peruntukan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Penggal 128 dan Akta-Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda Penggal 129. JAPEM mempunyai rancangan bersama agensi terlibat pada masa ini dalam proses pengemaskinian, perlesenan CCC termasuklah mereviu tempoh tindakan agensi-agensi, kurikulum dan program CCC termasuk proses penelitian isu keselamatan termasuk melibatkan bangunan dan pekerja dan syarikat setiap agensi.

Juga dalam cadangan perancangan ialah mengadakan bengkel bersama agensi terlibat dan Pengurus-Pengurus Pusat Penjagaan Kanak-Kanak untuk mengumpulkan pendapat dan penyelesaian secara kolektif bagi isu-isu berkenaan. Isu CCC ini juga akan diberigakan kepada orang ramai terutama kepada Pengurus-Pengurus Pusat Penjagaan Kanak-Kanak. Untuk tambahan maklumat jumlah permohonan bagi Lesen *Child Care Center* dari tahun 2011 adalah sebanyak 7 buah, Tahun 2012 sebanyak 12 buah, 2013 sebanyak 16 buah. Tahun 2014

sebanyak 20 buah. Tahun 2015 sebanyak 10 buah. Tahun 2016 sebanyak 21 dan setakat ini sebanyak 4 buah dan jumlah yang masih dalam proses pelesenan ialah sebanyak 4 buah.

Demikian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Oleh sebab barangkali belia ini adalah *constituency* Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada jawapan-jawapan yang diberikan oleh menteri yang berkenaan itu memuaskan hati Yang Berhormat Dayang Khairunnisa.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mungkin ada baiknya pihak kaola dapat berbincang lagi dengan pihak kementerian di *platform* yang berlainan di luar mesyuarat ini untuk membincangkan dengan lebih *detail* mengenai isu-isu yang dikaitkan. Tapi pada masa ini beberapa isu sudah dijawab jadi mungkin ada dapat *follow up* selepas ini.

Yang Berhormat Pengerusi: الْحَمْدُ لله Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah yang jelas dan terperinci dari Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai Anggaran Belanjawan 2017/2018 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kaola menyokong penuh program dan aktiviti yang dinyatakan dalam mukadimah tadi yang meliputi 4 teras utama iaitu Kebudayaan, Kebeliaan, Kesukanan dan Kemasyarakatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola ada 2 Tajuk sahaja yang akan dicakapkan.

1. Di bawah Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Kod Akaun 006/000 iaitu Program Khidmat Bakti Negara. Para pelatih Program Khidmat Bakti Negara apa yang kita maklum mempunyai kurikulum yang mempunyai beberapa komponen:

   i. Pendedahan kepada aspek kehidupan bermasyarakat di samping menanamkan semangat jati diri.

   ii. Mempertingkatkan semangat kesukarelawan perpaduan melalui kerja-kerja kemasyarakatan.

   iii. Menanamkan rasa kecintaan bergotong-royong.

Dalam hal ini kaola memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program

Khidmat Bakti Negara pengambilan pertama. Antaranya:

"Beta telah menekankan bahawa dalam melaksanakan program ini perlulah dipastikan kurikulumnya, infrastrukturnya, kesesuaian jurulatih, penyelia serta peralatannya semua itu biarlah yang terbaik dan terjamin selamanya".

Soalan kaola adakah sudah perancangan kementerian ini untuk menambah kurikulum ataupun sudah ada yang berbentuk pertukangan iaitu yang relevan dengan membaik pulih kerosakan rumah, kerosakan atap atau membina rumah dan apa juga bentuk pertukangan yang bersesuaian untuk membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Kerana dengan adanya kemahiran ini dicadangkan bekas-bekas pelatih ini akan dapat diserapkan sebagai sukarelawan dalam Biro Kemasyarakatan Majlis Perundingan Mukim atau Majlis Perundingan Kampung di mukim atau kampung masing-masing untuk membantu kerja-kerja kemasyarakatan seperti membaik pulih rumah orang daif dan orang kurang mampu.

Selain daripada itu bekas pelatih PKBN ini akan dapat diserap menjadi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Belia kerana sekarang ini sebahagian besarnya ahli jawatankuasa yang ada adalah terdiri daripada warga emas.

2. Di bawah Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan, Kod Akaun 004/001 Pengurusan Dasar Belia dan Sukan. Pada tahun 60-an merupakan zaman kegemilangan persatuan belia di negara ini. Wujudnya seperti cendawan tumbuh dengan jumlah lebih 100 buah persatuan. Kini beransur-ansur pupus hilang kalau adapun wujud hanya beberapa buah sahaja iaitu seperti Hidup Segan Mati Tidak Mahu. Oleh itu kaola ada soalan dan cadangan untuk memperkasakan semula persatuan belia-belia ini:

i. Adakah pihak pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengadakan pemantauan atau bersua muka dengan ahli jawatankuasa persatuan. Sebagai misal, dalam permesyuaratan persatuan, adakah pegawai dan kakitangan juga turut hadir bersama atau mengadakan lawatan-lawatan berkala kepada persatuan berkenaan untuk memberikan pandangan dalam mengatasi jika ada permasalahan dan bantuan jika ada permasalahan termasuk bekerjasama melaksanakan aktiviti-aktiviti;

ii. Adakah ada perancangan supaya persatuan belia ini dipertanggung jawabkan sepenuhnya di bawah Lembaga Pengelola, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tujuannya ialah untuk mewujudkan kembali kegemilangan persatuan-persatuan ini.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas 2 soalan dan cadangan tadi:-

1. Mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Seperti kitani sedia maklum, pada 2 hari lalu Pengambilan Ke-6 telah menamatkan latihan dan juga dengan adanya keberangkatan dan isi kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menunjukkan satu program strategik kebangsaan dalam membantu belia untuk lebih berdaya maju dari segi jati dirinya dan menjadi warga yang berguna pada masa hadapan إِنْ شَاءَ اللَّهُ .

   Soalan Yang Berhormat tadi, mengenai penambahan kurikulum dalam latihan. Untuk makluman bersama, program latihan hanyalah selama 100 hari dan banyak sudah penyesuaian-penyesuaian *syllabus* diberikan. Namun demikian cadangan itu adalah baik kalau dari segi pertukangan ini, walaupun dalam tempoh latihan mereka ini ditambah juga dengan usaha-usaha atau melibatkan diri dengan kerja-kerja kemasyarakatan, bergotong-royong dan sebagainya.

   Tetapi kepakaran pertukangan ini hanyalah untuk kepentingan mereka. Setelah menganggotai Ahli Jawatankuasa Belia dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan mereka dapat melaksanakan juga program-program membaik pulih dan sebagainya.

   Oleh yang demikian, memang proses *syllabus* atau kurikulum ini direviu atau *ditunduki* dari semasa ke semasa dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika ada kelebihan waktu, mungkin satu program untuk nilai tambah boleh dilaksanakan. Namun demikian, program yang ada pada masa ini, الْحَمْدُ لِلَّهِ dikira sudah menepati kehendak dan mereka ini rata-rata di maklumkan awal atau berikutnya, semasa perjumpaan-perjumpaan dengan ibu bapa, lepasan-lepasan program ini telah membuat perubahan yang positif dan sangat ketara. Oleh itu, kita sama-sama mahu PKBN akan terus bangkit dan maju dan cadangan Yang Berhormat itu akan diteliti dan diselaraskan pada suatu masa yang bersesuaian nanti; dan

2. Mengenai dari segi pengurusan dasar belia dan kegemilangan persatuan belia pada tahun 60-an dan kenapa sekarang ini makin mundur. Memang satu realiti, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola beberapa bulan yang lalu telah mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua persatuan dan juga pertubuhan-pertubuhan awam yang ada di negara ini dan telah mendapat maklum daripada *ROS*, barangkali terdapat 95 persatuan yang berdaftar

dan kurang dari separuh yang bergiat aktif dalam kegiatan-kegiatan mereka yang mengikuti piawaian ataupun perlembagaan mereka.

Abis kaola sebagai kementerian yang bertanggungjawab dengan kebeliaan dan persatuan ini memang akan mengadakan beberapa sesi tertentu untuk bersemuka bagi mendapatkan maklum balas mengenai sebarang pergerakan mereka. Di samping itu juga, abis kaola melalui pendekatan Hari Belia Kebangsaan yang baru lalu, iaitu merapatkan dengan Majlis Belia-Belia Kebangsaan dan juga Majlis Belia-Belia Daerah untuk menentukan juga persatuan-persatuan ini dipantau dan diberikan suntikan atau semangat baharu.

الْحَمْدُ لله melalui pendekatan Hari Belia Kebangsaan tersebut, persatuan-persatuan ini mula timbul dan ternyata juga belia-belianya juga ingin mahu diketengahkan. Walaupun dalam sesi permesyuaratannya yang lalu ada ditimbulkan, mungkin salah satu sebab kurang aktifnya persatuan tersebut kerana ketua-ketuanya terdiri daripada orang yang sudah berusia ataupun dipanggil 'beliau' pada masa itu, sedangkan yang dipimpin itu terdiri daripada belia.

الْحَمْدُ لله Yang Berhormat juga ada yang belia dan abis kaola di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu-alukan cadangan macam mana untuk menyediakan sinergi atau memberi nafas baharu kepada persatuan-persatuan ini.

Yang Berhormat juga tadi menyatakan, apa kiranya Lembaga Pengelola Belia dan Sukan juga dapat ditubuhkan atau dikuatkan melalui KKBS. Perkara ini juga akan diteliti, Yang Berhormat Pengerusi. Seperti mana jua, Institutsi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dikelola إِنْ شَاءَ اللَّهُ oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, perkara ini akan abis kaola *tunduki*. Namun demikian, abis kaola sentiasa menaruh harapan yang tinggi jika belia berpersatuan lebih baik daripada belia yang tidak berpersatuan dan mengalu-alukan belia yang terdiri dari semua peringkat umur seawalnya menyertai persatuan sama ada melalui *NGOs*, Persatuan Pengakap atau Persatuan Bulan Sabit Merah.

Mereka akan lebih teratur dan menghargai pergerakan mereka dan menjadi satu pelaburan untuk mereka lebih berjaya dalam hidup belia dan menempuhi alam belia ini kepada alam dewasa yang mempunyai kebijaksanaan dan menjadi bakal pemimpin yang lebih baik daripada yang sudah-sudah. Demikian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ahil-Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini,

kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula, untuk meneruskan perbincangan dan membahaskan Tajuk Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya masih lagi mempunyai beberapa orang Ahli Yang Berhormat, yang suka untuk turut serta dalam membincangkan dan membahaskan Tajuk yang berkenaan ini.

Maka saya sekarang mempersilakan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Terlebih dahulu, kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas ucapan mukadimah Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang peruntukannya telah pun disediakan dan kaola menyokong peruntukan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya menyentuh di bawah Tajuk SL06A – Jabatan Pembangunan Masyarakat iaitu 2 perkara. Seperti yang kita lihat peruntukan untuk Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB), jumlah Bantuan Kebajikan Bulanan ini di seluruh negara sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Sebagai contoh, peruntukan untuk golongan ini pada tahun 2011, sebanyak $8,030,065.00 dan setelah hampir 5 tahun iaitu dalam tahun 2016, berjumlah $18,452,860.00.

Kaola percaya ia akan terus bertambah dari setahun ke setahun dan juga pada tahun ini. Seperti yang kaola tahu, golongan ini adalah termasuk mereka yang kurang mampu menyara keluarga kerana pendapatan yang tidak mencukupi, sedangkan ada antara mereka mempunyai badan yang sihat dan masih muda dan seolah-olah tidak layak untuk menerima bantuan tersebut.

Dalam hubungan ini, bagi mengelakkan "duduk diam dapat wang" atau "duduk diam dapat duit", maka kaola cadangkan supaya dibantu satu program khas untuk mereka iaitu bukan bantuan kewangan sahaja iaitu mencungkil kemahiran dan kebolehan yang ada pada diri mereka, mungkin mereka tidak tahu yang mereka itu ada kebolehan, sama ada pada keluarganya iaitu kemahiran seperti memasak, menjahit dan untuk lainnya.

Melalui program ini tentunya dapat meningkatkan proaktif mereka dan tidak lagi mengharapkan bantuan semata-mata. Di bawah Tajuk SL01A - Pengurusan Kebajikan Keluarga Wanita dan Kanak-Kanak, peruntukannya masih dikekalkan sementara ada hubungan dengan

keluarga juga di bawah Tajuk K2701 - Pengukuhan Institusi Keluarga telah ditiadakan, walaupun kaola masih percaya program ini perlu dikekalkan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memang bersetuju bahawa isu sosial di negara ini masih terkawal, walau bagaimanapun kaola menyentuh iaitu merujuk kes-kes yang dikendalikan oleh Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, kaola mendapati ada kes yang menurun الْحَمْدُ لله dan ada kes yang tidak berlaku lagi.

Sepanjang tahun 2016, seperti kes meminta-minta, sumbang mahram. Sementara kes yang menurun iaitu sukar dikawal berjumlah 42 kes kepada 30 kes, penganiayaan kanak-kanak menurun dari 19 kes Ke-14 kes. Ini tentunya kesan daripada peningkatan program yang dikendalikan oleh jabatan berkenaan dan juga kerjasama agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan dan badan-badan *NGO* dan juga masyarakat.

Walau bagaimanapun, ada kes yang meningkat dan membimbangkan seperti kes keganasan keluarga pada tahun 2015, terdapat sebanyak 37 kes dan pada tahun 2016 meningkat Ke-52 kes. Penderaan kanak-kanak dari 33 kes kepada 38 kes, sementara kes rogol dan penganiayaan seksual sebanyak 11 kes Ke-18 kes, termasuk juga pengabaian warga emas meningkat kepada 18 kes.

Kaola percaya kaji selidik telah pun dibuat sebab-sebab meningkatnya kes tersebut. Kaola mencadangkan supaya program-program atau kesedaran mengenai pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama juga perlu ditingkatkan. Program yang menghala kepada penyayangan seperti Program Sayangkan Keluarga atau Keluarga Penyayang perlu diadakan sama ada melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung atau badan-badan kebajikan iaitu dengan kerjasama antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terdiri daripada swasta, badan-badan sukarela juga ibu bapa dan masyarakat. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga berterima kasih atas cadangan dan soalan dan juga pengamatan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Memang kita sedia maklum isu-isu sosial ini ada yang meningkat dan ada yang menurun, namun demikian memikirkan mengenai bantuan bulanan yang telah jauh meningkat dan macam mana untuk mengatasi *4D*, duduk diam dapat duit dan sebagainya.

Dalam mukadimah kaola tadi ada juga menyarankan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial sedang merangka satu pendekatan baharu untuk menangani isu *able bodied* dan *able to work* ini dan macam mana mengurangkan daripada kebergantungannya pada bantuan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ apabila perkara ini akan

dilaksanakan nanti bahawa Yang Berhormat selaku Penghulu dan Ketua Kampung akan memainkan peranan-peranan utamanya jua. Penyelesaiannya tidaklah dapat kita janjikan juga serta merta dan memerlukan komitmen berbagai-bagai pihak dan lebih-lebih lagi sekarang kita menggunakan pendekatan *whole of nation* ataupun *whole of government*, kita akan sama-sama menanganinya jua.

Cadangan Yang Berhormat untuk mencungkil ataupun mencari kebolehan mereka agar mereka dapat juga berdikari, memang satu cadangan yang baik dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ia akan diambil kira sepenuhnya. Kaola hanya menyampaikan bahawa usaha untuk mengeluarkan mereka daripada tergolong dari golongan yang menerima BKB ini adalah sesuatu yang aktif dan sentiasa dilaksanakan, namun demikian ada juga beberapa cabaran yang dihadapi memerlukan komitmen daripada pihak-pihak kepimpinan akar umbi khususnya dan juga pimpinan keluarga amnya. Itulah sebagai *remark* ringkas kepada soalan dan cadangan yang pertama.

Mengenai pengamatan kedua daripada Yang Berhormat. Memang adalah satu pengamatan yang baik dan tepat juga. Walaupun ada penurunan dan peningkatan yang telah pun diketengahkan itu, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan ditangani sebaiknya. Dalam mukadimah kaola ada juga menerangkan mengenai Hari Keluarga Kebangsaan kerana keluarga inilah yang berperanan jua untuk tidak mengabaikan golongan yang tua ataupun إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ ibu bapa dan juga kepada golongan anak-anak muda yang akan menjadi remaja, belia dan seterusnya dewasa dengan memerlukan pendekatan baharu. Perkara ini dengan kerjasama daripada berbagai-bagai pihak berkepentingan nanti akan dapat kita atasi walaupun tidak secara sesegeranya. Namun jika ia kelihatan berkesan adalah satu kebaikan ataupun kejayaan kita. Seperti juga pemerhatian Yang Berhormat tadi, yang ada penurunan seperti telah dinyatakan dalam kegiatan ataupun jenis jenayah yang lain.

Itu sebagai jawapan ringkas dan jika ada jawapan-jawapan yang lebih tepat kaola akan mengambil kesempatan dalam ruang yang lain, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang diberikan tadi. Abis kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana di dalam *Laporan 2016 Global Youth Development Index* negara berada di kedudukan 31 di peringkat antarabangsa, di tempat 7 antara negara-negara *commonwealth* serta tempat pertama di antara negara-negara

ASEAN, tahniah sekali lagi. Kaola ingin merujuk mengenai 3 perkara iaitu:-

1. Di bawah Tajuk SL01A, Kod Akaun 005/000 - iaitu Pembangunan Masyarakat dan mungkin menyentuh di bawah Kod Akaun K27072 - Bantuan Kepada Pertubuhan-Pertubuhan bukan kerajaan. الْحَمْدُ لله bantuan-bantuan bila melihat Badan *NGO* untuk bergiat lebih efektif adalah disambut baik terutama sekali dari bantuan kewangan dan prasarana.

   Kaola ingin bertanya dan sekiranya belum ada dapat dijadikan cadangan adakah satu unit khas di mana *NGO's* termasuk Persatuan Belia, Sukan, Orang Berkeperluan Khas Orang Kelainan Upaya, Persatuan Bersifat Hobi (minat atau *interest*) dan lain-lain dapat meningkatkan kapasitinya seperti contoh bimbingan dalam pendaftaran *NGO* baharu, pengurusan *NGO Fund Rising Succession Planning* dan lain-lain. Ini kerana *NGO's* walaupun bersifat *independent* tetapi sepanjang pengetahuan kaola dan penglibatan dalam pergerakan belia dan sukan, belum ada agensi khusus yang membantu pembinaan kapasiti *NGO's* yang baharu;

2. Di bawah Tajuk SL03A –Jabatan Belia dan Sukan, Kod Akaun 003/000 – Aktiviti Pembangunan Sukan dan Perkhidmatan Jurulatih. الْحَمْدُ لله sudah ada pengiktirafan diberikan kepada atlet-atlet serta personal-personal sukan seperti Pengurniaan Pingat, Skim Galakan dan Bantuan Pelajaran dan tawaran pekerjaan.

   Abis kaola ingin bertanya, seperti Hari Belia Kebangsaan, apakah ada usaha untuk menganjurkan atau mengadakan Hari Sukan Kebangsaan? Memandangkan betapa pentingnya sukan, bukan sahaja untuk kesihatan tetapi juga menjadi kebanggaan negara di peringkat serantau dan persada dunia serta pengiktirafan kepada atlet-atlet kitani termasuk atlet paralimpik dan orang berkelainan upaya siapa sahaja yang terlibat dalam pembangunan sukan; dan

3. Di bawah Tajuk SL02A – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kod Akaun 004/000 dan mungkin menyentuh Kod Akaun 005/000 iaitu Perpustakaan dan Penerbitan. Dalam dunia penggunaan *internet* sekarang semakin banyaklah bahan rujukan di alam siber dan dapat dibaca melalui komputer, *laptop*, telefon bimbit dan juga pemakaian *wearable technologies*.

   Kaola ingin bertanya apakah perancangan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengadaptasi perpustakaan bersifat *e-Library.* Ia boleh mempunyai yuran langganan atau *subscriptions fee* atau Yuran Keahlian *(membership fee)* untuk ia berdaya tahan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih

juga kepada Yang Berhormat mengemukakan 3 soalan:-

1. Adakah satu unit khas iaitu NGO's termasuk Persatuan Belia Sukan, Orang Berkeperluan Khas, Orang Berkelainan Upaya, Persatuan bersifat hobi dan lain-lain dapat meningkatkan kapasitinya seperti contoh bimbingan dalam pendaftaran *NGO*, Pengurusan *NGO*, *Succession Planning* dan lain-lain.

   Selain Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dari segi dasar, Majlis Belia-Belia Brunei dan Persatuan Belia juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasa pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam. MBB dan persatuan-persatuan belia mempunyai perlembagaannya tersendiri dan mempunyai beberapa objektif dan sasarannya yang ingin dicapai ke arah mendukung pembangunan belia di negara ini.

   Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan mempunyai beberapa jawatan di bahagian Belia dan Sukan yang ditugaskan untuk memantau pergerakan persatuan belia dan persatuan sukan khususnya persatuan-persatuan yang telah berdaftar dengan pihak *Registrar of Societies* ataupun ROS dan pihak kementerian sangat prihatin dengan perkembangan persatuan-persatuan belia mahupun sukan termasuk juga mereka yang Berkeperluan Khas seperti adakah sasaran telah dipenuhi dan dicapai seperti dalam perlembagaan masing-masing. Seperti yang kaola maklumkan tadi, kaola juga bermuzakarah dengan mereka sekali dengan 45 persatuan daripada 95 persatuan yang masih aktif berdaftar dalam ROS.

   Ke arah memperkasa pergerakan belia pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah merancang beberapa program dan aktiviti kebeliaan. Pada tahun ini sahaja, beberapa kursus akan diadakan bagi membantu persatuan-persatuan dalam meningkatkan kemahiran, dalam mengendalikan pejabat dan dalam mengendalikan acara-acara dan riadah selaku agensi penganjur atau *event management* seperti kursus-kursus persatuan, kursus penyerlahan potensi persatuan-persatuan belia dan kursus kemahiran organisasi.

   Salah satu yang ingin saya kongsikan ialah Program Kepimpinan Kebangsaan bagi persatuan-persatuan belia ada diadakan di *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)* yang akan menjemput 2 orang pemimpin muda dari setiap persatuan-persatuan belia untuk menyertai program tersebut.

   Program ini bertujuan memantapkan lagi jati diri pada pemimpin belia yang muda, yang memegang jawatan di persatuan-persatuan belia dan akan memberikan peluang kepada peserta-peserta untuk menjalinkan

networking di samping bertukar-tukar maklumat, pandangan dan pengalaman antara para peserta. Jadi memang tidaklah ketinggalan isu belia ini, sentiasa dalam radar ataupun perhatian khusus Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan;

2. Adakah kitani berhasrat untuk mengadakan Hari Sukan Kebangsaan. Kaola mengucapkan terima kasih jua atas pandangan yang disampaikan mengenai isu ini. Sukan seperti dalam mukadimah memberi pelbagai sumbangan terhadap peningkatan tahap kesihatan, kekuatan, perpaduan dan integrasi bagi memupuk semangat patriotik dan membentuk masyarakat berdisiplin dan berdaya saing. Oleh itu matlamat membudayakan atau mengamalkan sukan dalam kalangan masyarakat tidak pernah diketepikan.

   Cadangan Yang Berhormat menjurus 2 perkara iaitu:

   1. Hari Sukan Kebangsaan untuk diperisytiharkan sebagai mengingati atau menanam lagi signifikan sukan dalam kehidupan melalui penganjuran acara-acara sukan untuk disertai ramai atau *mass participation*.

   2. Hari Sukan Kebangsaan bagi meraikan dan mengiktiraf jaguh-jaguh sukan negara.

   Kedua-dua tujuan ini memang sudah berjalan dari segi penganjuran sukan, sepanjang tahun 2016 dan suku tahun ini dipenuhi dengan acara-acara sukan anjuran kerajaan, persatuan dan badan-badan sukan, kelab individu yang disertai oleh puluhan ribu peserta.

   Program Bandarku Ceria banyak membantu sebagai platform atau landasan orang ramai untuk sama-sama bergiat dalam bersukan. Dari satu sudut, jasa dan khidmat bakti ahli-ahli sukan yang berjaya mengharumkan nama negara terpahat sebenarnya ada di *hall of fame gallery* sukan Negara Brunei Darussalam. Galeri sukan ditempatkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Kerajaan telah menyediakan ganjaran kemenangan kepada persatuan sukan atlet termasuk jurulatih kerana memungut beberapa pingat bagi acara bagi standard yang tertentu.

   Kejayaan atlet-atlet sukan juga diraikan dalam sambutan-sambutan kepulangan mereka setelah bertanding. Seterusnya juga untuk makluman bersama, negara pada setiap tahun menyambut Hari Olimpik Sedunia yang jatuh pada 23 Jun setiap tahun bagi mempromosikan penyertaan semua pihak dalam sukan dan tidak kira usia, jantina, bangsa atau keupayaan. Hari Olimpik diraikan oleh seluruh dunia. Beribu-ribu orang turut serta dalam berbagai-bagai aktiviti sukan sebagai menunjukkan setia kawan, perpaduan, perdamaian yang boleh dinikmati menerusi sukan iaitu inti pati pergerakan Olimpik.

Pada lazimnya negara kitani akan mengadakan acara yang berbentuk larian bagi menyambut Hari Olimpik dengan penyertaan dari berbagai-bagai lapisan masyarakat termasuk OKU ataupun OBK.

Kesimpulannya saranan dari Yang Berhormat itu adalah menarik dan merupakan prospektif yang baharu ke arah mempertingkatkan kesedaran terhadap kebaikan dalam mengamalkan sukan mahupun langkah proaktif dalam proses transformasi menjadikan Negara Brunei Darussalam seluruh negara bersukan ataupun *sporting nation.*

Cadangan ini sudah barang tentu mempunyai kewajaran tinggi untuk abis kaola mempertimbangkan di peringkat kementerian dengan mengadakan satu forum yang bersesuaian Yang Berhormat Pengerusi; dan

3. Apakah perancangan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk berfungsi sebagai *e-Library. e-Library* atau perpustakaan online memang adalah satu projek kerajaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Peruntukan sebanyak $10 juta telah disediakan untuk melaksanakan projek ini. Projek ini melibatkan sejumlah 14 buah *library* atau perpustakaan iaitu 9 buah cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan 5 buah lagi dari Perpustakaan dan kementerian dan jabatan-jabatan yang lain termasuk Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Perpustakaan Pusat Sejarah, Perpustakaan Peguam Negara, Perpustakaan Muzium-Muzium Brunei dan Perpustakaan Pusat Da'wah Islamiah.

Projek ini الْحَمْدُ لله siap sepenuhnya pada 30 Mac 2016 yang lalu dan sekarang sedang menjalani tempoh pemeliharaan bermula 1 April 2017 hingga 30 Mac 2021 dan untuk makluman bersama fungsi *e-library* :-

1. Memudahkan pengguna untuk mencari bahan dan rujukan yang terdapat di perpustakaan yang ikut dalam projek seperti mempercepatkan proses peminjaman, pemulangan, pendaftaran ahli dan katalogan;

2. Sistem peminjaman dan pemulangan *e-library* termasuklah penyediaan peti pemulangan atau *book drop*; dan

3. Menyediakan kemudahan penggunaan *ipad* sebanyak 100 unit untuk pengunjung perpustakaan. Ia digunakan oleh ahli-ahli perpustakaan secara percuma untuk membaca buku secara *online*, menggunakan aplikasi yang terdapat di dalamnya atau melayari *internet.*

E-Buku yang dilanggan secara *online* adalah disediakan secara percuma. Demikianlah barangkali jawapan awal daripada pihak abis kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah mendengar tadi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bagi meneruskan perbincangan ini, saya ingin menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ Di kesempatan ini kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, atas pelaksanaan perancangan kementerian. Mudah-mudahan akan sentiasa mendapat rahmat daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.

Kaola akan membawa perkara di bawah Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka, Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan, Tajuk SL04A - Jabatan Muzium-Muzium dan Tajuk SL05A - Pusat Sejarah.

1. Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Adakah terdapat akta atau perancangan Akta Bahasa Melayu *Standard* Negara Brunei Darussalam? Jika belum, kaola mencadangkan supaya diadakan peruntukan Akta Bahasa Melayu *Standard* Negara Brunei Darussalam, supaya kita berdiri atas bahasa *standard* Negara Brunei Darussalam sendiri;

2. Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan. Dihargai penglibatan belia Brunei ke program Jepun melalui *JICA* (*Japan International Corporation Agency*) dan lain-lain. Soalannya apakah *follow up* dari program-program itu dari segi persahabatan*, culture, economic and technical* dan *scientific*?;

3. Tajuk SL04A - Jabatan Muzium-Muzium:-

   i. Adakah perancangan pada masa ini atau akan datang, pihak Jabatan Muzium untuk mengadakan dan membina Muzium Seni Bela Diri dan peralatan senjata Brunei? Kaola ingin mencadangkan, jika belum ada penubuhan Muzium Seni Bela Diri dan peralatan senjata, koleksi senjata lama yang mungkin pernah digunakan dalam perperangan yang pernah ada di Negara Brunei Darussalam. Dicadangkan jua jika ada akta-akta yang membolehkan penubuhan ini, ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan jika ada yang berminat. Ini boleh menambah destinasi pelancongan;

   ii. Kaola mendapat maklumat daripada kakitangan Jabatan Muzium. Sesungguhnya Jabatan Muzium memberikan perkhidmatan percuma kepada agensi-agensi luar dan dalam negeri bagi mendapatkan perkhidmatan kerja-kerja sebelum pameran-pameran diadakan.

Dicadangkan pihak Jabatan Muzium-Muzium ber*business oriented* dalam memberikan perkhidmatan dengan mengenakan bayaran untuk perkhidmatan tersebut atau ditubuhkan satu unit perniagaan atau ditawarkan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan sebelum membuat apa jua pameran yang diadakan; dan

iii. Apakah perancangan pihak Kementerian berkenaan Bangunan Muzium, Jalan Kota Batu? Bangunan tersebut sudah beberapa tahun ditutup. Bangunan Muzium ini boleh dikatakan sebagai Muzium Kebangsaan kita. Biasanya menjadi pilihan pertama kepada pelawat-pelawat untuk membuat lawatan seperti muzium negara-negara yang pernah mereka lawati; dan

4. Tajuk SL05A - Pusat Sejarah. Adakah ada perancangan Pusat Sejarah dalam membuat penyelidikan dan mendapatkan lebih banyak sumber sejarah Negara Brunei Darussalam yang mungkin masih banyak yang belum terungkap. Mungkin jua melalui dengan kerjasama Unit Arkeologi Brunei dan Pusat Pengajian Tinggi yang ada.

Sekian Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat, terhadap soalan-soalan dan cadangan-cadangan itu:-

1. Mengenai Akta Bahasa Melayu *Standard.* Penggubalan draf Perintah Bahasa melibatkan kerjasama dengan pihak Pejabat Peguam Negara. Satu Draf Perintah Bahasa telah dilaksanakan bermula dalam tahun 2009. Draf tersebut telah dihadapkan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 18 Disember 2014. Tujuan Perintah Bahasa digubal adalah pada asalnya untuk mendapatkan hak atau kuasa untuk menegur sebarang kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan penggunaan bahasa.

   Setelah draf ini *ditunduki* oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ketetapan telah diambil pada waktu berkenaan untuk tidak melaksanakannya, memadailah hanya dengan mengadakan perundingan dengan pihak-pihak tertentu seandainya jika terdapat kesalahan-kesalahan bahasa. Lagi pula bahasa Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 sudah memadai untuk mengangkat martabat bahasa Melayu dan diikuti dengan Surat-Surat Keliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri;

2. Soalan daripada Yang Berhormat mengenai penglibatan *JICA* ataupun program dengan Jepun ini. Apakah *follow up* daripada program itu?

Memang kementerian telah menerima banyak jemputan bagi belia-belia negara ini mengikuti program-program kebeliaan yang dianjurkan oleh negara Jepun, Korea, China dan sebagainya. Program tawaran JICA ini adalah salah satu program untuk mendedahkan belia dan juga mereka yang berkepentingan dengan hubungan kerjasama antara NBD dengan Jepun.

Pendekatan yang dilakukan ialah sebelum mereka pergi mereka ini akan menerima taklimat dan bersemuka dengan pihak-pihak berkepentingan di kementerian. Setelah kembali, mereka akan menghadapkan laporan dan jika ada yang perlu untuk diambil tindakan susulan. Ilmu-ilmu yang dipelajari semasa mengikuti program-program tersebut akan dikumpulkan dan dibincangkan bersama dan jika bersesuaian dihadapkan cadangan-cadangan bagaimana ia untuk diserapkan kepada fungsi-fungsi kementerian khususnya dan jika berkenaan kepada fungsi-fungsi persatuan.

Ia tidak akan tinggal begitu sahaja dan jika mereka pergi mereka pulang diambil perolehan mereka itu dan diharapkan menjadi satu pelaburan yang bermakna kepada mereka untuk jati diri, meningkatkan hubungan kerjasama di antara dua negara dan juga untuk mendalami kebudayaan dan juga apa-apa pun mereka pelajari melalui program sedemikian.

3. Soalan selanjutnya adalah mengenai perancangan untuk Jabatan Muzium-Muzium mengadakan Muzium Seni Bela Diri dan Senjata Brunei dan untuk melakar akta-akta bagi membolehkan pelabur-pelabur dalam negeri untuk bergiat untuk menjayakan pembinaan muzium ini.

   Ini satu cadangan yang baik jua, walaupun dalam muzium-muzium yang ada ini, memang ada galeri tertentu jua mendedahkan jenis-jenis senjata, pakaian dan juga إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ sejarah peperangan-peperangan yang telah Brunei dan pejuang Brunei perjuangkan pada masa itu. Mungkin dengan ada muzium khas seperti Seni Bela Diri mungkin akan lebih baik dan lebih terbuka luas. Itu satu cadangan yang baik dan abis kaola di kementerian akan meneliti dan ingin mendapatkan secara terperinci mengenai skop-skop dan sepertinya. Jika boleh jua Yang Berhormat sendiri jika ada perancangan yang baik dapat menyediakan kertas kerjanya untuk sama-sama *ditunduki* bagi merealisasikan cadangan-cadangan yang baik ini.

4. Mengenai khidmat percuma yang diberikan oleh Jabatan Muzium-Muzium, untuk dikenakan bayaran, sebenarnya ini pendekatan yang sudah berjalan lama. Ertinya bagi negara-negara yang mengongsikan *exhibition* ini memang kitani akan memberi ruang tetapi jika ada nilai-

nilai tambah yang diperlukan untuk ruang-ruang itu *dibisaikan*, tidaklah semua percuma. Sekarang kitani juga ada syarikat-syarikat dan pemborong yang dapat mereka gunakan tetapi tidak semua diberi secara percuma. Kaola akan mendapatkan kepastian juga mengenai percuma ini dan akan menjelaskan lagi nanti Yang Berhormat Pengerusi;

5. Soalan seterusnya mengenai perancangan Muzium Kota Batu. Memang daripada permesyuaratan yang lalu, Muzium Kota Batu telah pun diketengahkan. Pada masa ini, pada peringkat awalnya ialah untuk pembaikan dan pengubahsuaian semula dan setelah diperiksa secara keseluruhannya, didapati hampir kesemua galeri itu telah pun diserang oleh anai-anai dan mengakibatkan kerosakan bukan sahaja galeri malahan juga daripada pendawaian dan juga alat penghawa dingin.

   Maka itu, kerja-kerja pembaikan ini memerlukan masa yang panjang dan memerlukan peruntukan yang lebih besar daripada peruntukan sebelumnya. Muzium Kota Batu terpaksa ditutup dalam jangka waktu yang terdekat sehinggalah semua kerja pembaikan dan penyusunan semula galeri-galeri dan pameran-pameran selesai.

   الْحَمْدُ لله juga, dengan penutupan Muzium Kota Batu ini tidaklah semestinya pengunjung-pengunjung dari luar negeri tidak dapat mengetahui sejarah ataupun tidak dapat melihat artifak-artifak pameran yang ada kerana kitani juga terdapat galeri dan juga pameran di muzium dan galeri-galeri pameran yang lain.

   Kalau di Daerah Brunei dan Muara ini الْحَمْدُ لله tanpa adanya Muzium Kota Batu masa ini, juga terdapat Muzium Maritim, Muzium Teknologi Melayu, Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan juga Galeri Seni di Bandar Seri Begawan di Dermaga Diraja. Begitu juga muzium sudah dibuka di Kuala Belait.

   Secara kesimpulannya, para pengunjung dan pelancong tidaklah banyak kehilangan, hanya kehilangan untuk mengunjungi bangunan yang kekal. Bangunan yang sudah dikirakan juga bangunan warisan dan sebagai mercu tanda dalam usaha negara mengabdikan sejarah dan juga menjaga artifak-artifak yang ada berkaitan dengan sejarah dan juga kegemilangan Brunei Darussalam pada zaman silam.

   Mudah-mudahan juga pihak berkepentingan dalam membawa pelancong-pelancong akan dapat menjelaskan perkara ini bahawa walaupun tidak dapat melawat bangunan itu, barang-barang warisan lain dapat dilihat di galeri ataupun muzium yang lain; dan

6. Soalan daripada Yang Berhormat mengenai Pusat Sejarah khususnya mengenai perancangannya untuk membanyakkan pengkajian bagi melengkapkan sumber sejarah.

Sememangnya pengkajian mengenai sejarah yang berterusan adalah merupakan usaha berterusan Pusat Sejarah dalam apa bentuk sekalipun dalam mendapatkan perjalanan sejarah Negara Brunei di mana-mana bukan sahaja dalam negeri malahan di rantau dan dunia ini. Ini adalah usaha berterusan Pusat Sejarah.

Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita menyentuh di bawah Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seperti mana yang diketahui bahawa bahang Sukan *SEA* sudah mula dirasa. Setiap negara yang menyertai membuat persiapan rapi dalam sukan tersebut. Pertanyaan kaola, berapakah sasaran pingat yang dijangka atau dihasratkan diperolehi oleh negara dan apakah jenis sukan yang disertai oleh Negara Brunei Darussalam dalam sukan tersebut? Bilakah Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Sukan *SEA* ini?

Seterusnya mengenai Kod Akaun 004/004. Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bercadang untuk membina kawasan *Outward Bound* yang dilihat berpotensi di daerah lain selain yang ada pada masa ini? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd atas 2 soalan:-

1. Mengenai Sukan *SEA*. Berapakah sasaran kutipan pingat dan apakah jenis sukan yang disertai? Mengenai sasaran ini memang kitani mengharapkan satu peningkatan daripada yang telah pun diperolehi sebelum ini. Namun demikian, pihak kementerian masih lagi bermesyuarat dengan persatuan-persatuan dan masih lagi membuat fasa penilaian dan penentuannya yang akan diadakan sepanjang bulan Mac ini. إِنْ شَاءَ اللهُ bagi menepati keperluan negara tuan rumah, senarai *entry by name* ataupun kemasukan dengan menyertakan nama senarai peserta atau atlet yang akan diadakan pada bulan April nanti, termasuklah penetapan berapa jenis sukan yang negara kita akan sertai, إِنْ شَاءَ اللهُ; dan

2. Bilakah Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Sukan *SEA* ini? Perkara ini tidaklah dapat kaola jawab secara spontan pada pagi ini. Kitani sedia maklum, Negara Brunei Darussalam pernah menjadi tuan rumah pada tahun 1999. Persiapan untuk menjadi tuan rumah ini bukanlah satu persiapan yang kecil ataupun ringan, malahan ia satu

persiapan yang besar dan mempunyai perancangan yang besar dan mengambil kira juga kemudahan yang ada, kemudahan bagi pertandingan, kemudahan bagi atlet-atlet, peserta sukan dan sebagainya. Ini satu yang memerlukan keputusan secara strategik dan tidak dapat bagi kaola untuk menyatakan di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai melaratkan *Outward Bound Brunei Darussalam* yang pada masa ini ada di Daerah Temburong ke daerah-daerah lain barangkali mungkin terlalu awal untuk memikirkan untuk dilaratkan ke daerah lain. Apa yang ada di Daerah Temburong ini sudah dikirakan memadai juga dan lebih-lebih lagi jika Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara-Temburong siap nanti, isu pengangkutan dan sebagainya akan bertambah mudah dan lebih lagi berkesan kepada menerima bilangan yang lebih banyak dari *OBBD* Temburong.

OBBD juga adalah merupakan sebuah *Outward Bound School* yang berprestij dan dapat memenuhi piawaian dan dikirakan telah dapat mencipta nama baik Brunei Darussalam. Juga lebih–lebih lagi di Singapura yang terdapat *OBS* sendiri jugalah sebagai *client* utama *OBBD* kerana ia ada kelainan dan ada keistimewaannya juga dari segi di mana ia diletakkan dalam bentuk keadaan kem itu dibina dan juga keadaan yang dialami oleh peserta-persertanya berlainan daripada tempat-tempat lain.

Barangkali ini adalah satu cadangan yang baik. Tetapi mungkin pada satu masa kemudian apabila terdapat kemungkinan pusat ini tidak dapat menampung, mungkin sahaja dapat diperbesarkan kemudahan yang ada ataupun seperti cadangan Yang Berhormat untuk dilaratkan di daerah-daerah lain.

Tetapi untuk menyamakannya seperti yang terdapat di Temburong, mungkin tidak sama, biarlah kitani bersyukur dan terus menghargai dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya kerana gunaan dalaman pun memerlukan lagi penglibatan dari kementerian lain untuk menentukannya ianya berfungsi dengan baik dan berbaloi dari segi pelaburan kerajaan dan pembinaannya.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola terlebih dahulu merakamkan dengan tulus ikhlas ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan

oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita akan mengongsikan di bawah Tajuk SL05A - Pusat Sejarah. Yang Berhormat Pengerusi, Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini tidak asing lagi di hati dan di mata para anak watan dan para sejarawan Brunei bahawa Brunei Darussalam merupakan negara yang penuh ristaan sejarahnya yang tersendiri dalam negeri sendiri dan jua perhubungan dengan negara luar negeri.

Dalam pada itu, kita sebagai generasi bangsa sendiri yang ada sekarang dan yang akan datang tentunya akan berminat untuk melihat kembali kegemilangan Negara Brunei Darussalam melalui ristaan-ristaan dan gambaran-gambaran sejarah. Malah menjadi kenyataan yang jelas yang boleh menjadi kajian-kajian, pelajaran-pelajaran sama ada yang boleh dilihat, dijamah, dikunjungi yang boleh memberikan suatu perasaan kepada anak bangsa kita dan kalau boleh ia seolah-olah berada di hadapan mata di alam zaman terjadinya sejarah tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi. Kita amat menghargai atas usaha-usaha Jabatan Pusat Sejarah yang terus mengkaji dan membuat penyelidikan-penyelidikan sejarah dan peristiwa negara kita seperti memelihara tempat warisan dan sejarah secara keseluruhannya meliputi di mana sahaja dalam negara kita ini, termasuk bangunan-bangunan yang termasuk sebagai ristaan sejarah.

Kaola amat berharap kepada Pusat Sejarah akan mengekalkan keunggulan bangunan bersejarah tidak akan musnah ditelan zaman atau termusnah atau dimusnahkan tanpa mengambil kira nilai sejarahnya terhadap negara. Umpamanya kaola menilai sebagai aset sejarah ialah jambatan besi yang dipanggil Jambatan Bailey Sungai Pantai Labi yang menuju ke Labi yang dibina oleh syarikat penggali minyak di Brunei pada tahun 1918 kira-kira 99 tahun yang lalu. Di mana jambatan tersebut telah pun tidak ada lagi pada masa ini dan juga bentuk bangunan sekolah yang lama di Brunei yang masih ada supaya akan dipelihara dan dikekalkan yang ada sekarang seperti yang terdapat di Kampung Danau dan lain-lainnya.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mencadangkan bagi mengekalkan warisan-warisan sejarah ini supaya pihak Pusat Sejarah akan membina suatu perkampungan ristaan sejarah Brunei dengan membuat model-model bangunan ristaan sejarah seperti model-model istana, seperti Istana Nurul Iman, Istana Darul Hana, Istana Darussalam, Istana Kota Manggalela, Istana Pantai, Lapau Lama dan mungkin rumah-rumah etnik Negara Brunei atau rumah tradisi bumiputera Negara Brunei Darussalam ini. Ini sekali gus menjadi satu perkampungan ristaan sejarah yang tersendiri yang boleh menarik pelancong luar dan dalam negeri.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mohon untuk menambah satu lagi soalan di bawah Tajuk SL04A - Jabatan Muzium-

Muzium. Kaola sebenarnya ingin tahu jua yang mana sekarang ini Muzium Alat Kebesaran Diraja telah dikenali tetapi sebelum itu di dalam bangunan ini mempamerkan ikan-ikan hidup dalam akuarium jenis ikan-ikan yang terdapat di Brunei Darussalam. Jadi nampaknya pameran itu tidak ada lagi dan ia amat menarik perhatian pelancong dan juga penduduk tempatan.

Soalan kaola, adakah rancangan untuk membina lagi pameran ikan hidup ini sebagai tarikan pelancongan?

Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja terima kasih. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtrera.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih pada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin atas soalan dan juga pandangan-pandangan dan cadangan yang telah diberikan.

Mengenai Pusat Sejarah dan kesedihan Yang Berhormat kenapa Jambatan Bailey di Labi yang berumur 99 tahun itu diroboh, itu kaola tidak dapat menjawab mungkin Menteri Pembangunan akan menjawabnya.

Mengenai bangunan-bangunan sekolah untuk ia dikekalkan, memang ada sekolah-sekolah jua sudah dikekalkan dan ada yang tidak dikekalkan mungkin atas sebab-sebab keselamatan. Kalau ia dikekalkan semua memang tidak lagi ada kawasan untuk yang baharu, mungkin ada pertimbangan pihak-pihak yang lain daripada Pusat Sejarah dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Namun demikian, cadangan Yang Berhormat supaya Pusat Sejarah memikirkan jua membuat satu perkampungan ristaan sejarah dengan mengisikan pameran-pamerannya iaitu membina semula dalam bentuk replika bangunan-bangunan yang dikirakan menjadi ristaan barangkali satu pandangan yang baik jua, namun demikian kalau Yang Berhormat ingat dan melawat Muzium Teknologi Melayu barangkali dalam itu kalau rumah-rumah etnik ada sebahagiannya telah pun dibuat semula dan dibuatkan replikanya.

Tapi untuk mendapatkan satu galeri khas ataupun satu bangunan khas dengan nama perkampungan ristaan sejarah ini dapatlah dilihat secara dekat, ini mungkin untuk kepentingan jangka masa panjang dengan kepentingannya dan keutamaan mungkin akan dapat diberikan. Ini adalah satu pandangan yang baik Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Bangunan Alat Kebesaran Diraja yang sebelumnya pernah mempamerkan ikan-ikan ataupun akuarium dan juga fungsinya pada masa itu yang lain daripada sekarang.

Ini kaola tidak dapat jua memberi jawapannya tentang kementerian yang dapat menghidupkan semula pameran ikan-ikan ini sama ada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana isu ikan dan

sebagainya ini di bawah kementerian berkenaan.

Namun demikian, untuk memikirkan secara menyeluruh memang ia berpatutan dan boleh dilaksanakan dari segi tujuan pembelajaran. Itulah sahaja barangkali sebagai ulasan ringkas terhadap soalan dan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bukanlah mahu menyertai mengenai dengan perbincangan yang dikemukakan ini, tapi walau macam manapun, cadangan - cadangan yang dikemukakan setentunyalah memerlukan pertimbangan dari pihak-pihak yang berkenaan.

Salah satu daripada pertimbangan yang mungkin timbul adalah soal kewangan yang kitani bangun biasanya senang bagi kitani membangun, tapi adalah sangat sukar bagi kitani untuk *maintain*, untuk menjadikan ia sebagaimana yang kitani perlukan, perkara ini harus difikirkan.

Pada misalannya, kenapa dahulu kitani mempunyai akuarium besar sekarang akuarium itu tidak ada. Harus diingat akuarium yang kitani ada itu adalah merupakan sesuatu yang harus *maintain*. Oleh sebab akuarium yang berkenaan itu mengandungi bermacam-macam ikan yang ditangkap dari laut dan kitani menggunakan air dari laut, bayangkan dari mengangkut air laut sahaja memerlukan logistik yang begitu besar. Jadi bukanlah perkara yang mudah bagi kitani melaksanakan dan kita kerap kali menyatakan bahawa perkara ini baik untuk menarik pelancong sedangkan pelancong-pelancong yang datang ke Brunei mungkin tidak berminat untuk melihat akuarium kitani. Jika dilihat akuarium-akuarium di sekeliling negara kitani ini mempunyai akuarium yang lebih besar dan u*p-to-date* dari apa yang akan dirancang.

Perbelanjaan yang akan ditumpukan ataupun dimasukkan ke dalam projek yang kitani harap-harapkan, kemungkinannya mendatangkan faedah yang begitu besar kepada kitani kerana kitani terpaksa bersaing dengan orang-orang lain.

Walau macam manapun, terpulang kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mempertimbangkannya. Saya hanya untuk menyuarakan pendapat saya yang boleh dikatakan kerdil dalam perkara seperti ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita meneruskan perbincangan kita dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejehtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Dalam kesempatan ini, kaola mengambil peluang bagi menyampaikan menjunjung kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperkenankan untuk membina bangunan kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bertempat di Daerah Temburong sebagai satu lagi mercu tanda daerah berkenaan. Mudah-mudahan dengan terdirinya bangunan kekal PKBN tersebut akan menghasilkan moto "Bersedia Berkhidmat dan Berbakti". Dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah berjaya melaksanakan Program Belia Cinta Tanah Air dengan jayanya.

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas taklimat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebentar tadi. Sesungguhnya taklimat yang disampaikan itu sudah cukup jelas, lengkap, padat dan difahami. Kaola menyokong dan bersetuju mukadimah yang disampaikan adalah mencukupi.

Walau bagaimanapun, dalam kesempatan yang diberikan ini kaola menyentuh beberapa isu dengan tidak mengurangi sedikit pun taklimat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita menyentuh di bawah Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan, Pelaksanaan Pembangunan Belia. Jika kita meneliti Dasar Belia Negara yang mengandungi 6 bidang strategi yang kaola ingin merujuk hasil rumusan perjumpaan Yang Berhomat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, pemimpin-pemimpin belia dan ahli-ahli persatuan belia yang telah diadakan pada 17 Januari 2017 yang lalu.

Beberapa isu telah ditimbulkan dan sebentar tadi juga dari taklimat tersebut sudah ada beberapa program memperkasa belia dengan berbagai-bagai aktiviti sama ada peringkat kampung, mukim, daerah, kebangsaan dan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kaola ingin turut serta dalam memberikan sumbangan dan cadangan yang sama iaitu beberapa perkara seperti yang berikut:-

1. Menjadikan Pusat Belia Daerah sebagai *focal point* bagi Majlis Belia Daerah dan persatu-persatuan daerah sebagai tempat pertemuan, pengurusan dan perlaksanaan projek belia. Dalam jangka masa yang panjang, kaola bependapat diwujudkan bangunan khas ataupun bangunan yang bersesuaian bagi Majlis Belia Brunei dan Majlis Belia Daerah sebagai pusat pentadbiran, pertemuan aktiviti dan seumpamanya, di samping ianya sebagai mercu tanda belia itu sendiri;

2. Mengenal pasti belia yang berpotensi untuk diberikan pendedahan sebagai pelapis pemimpin belia pada masa yang akan datang. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sebahagian pemimpin belia tergolong daripada mereka yang sudah berumur. Sehubungan dengan itu

juga dicadangkan umur pemimpin persatuan belia sehingga 40 tahun dan menjadi pemimpin persatuannya pula sehingga 10 tahun. Bagi memberi peluang belia yang lain (Dasar Belia Negara) memerlukan kajian semula;

3. Memberikan bantuan kewangan. Kaola menyokong seperti mana yang dicadangkan rakan sejawat kaola sebentar tadi. Dalam Tajuk yang sama juga bagi jalan menambah kewangan kesatuan dan pendapatan belia terutama belia yang sedang mencari pekerjaan. Pada pandangan kaola, dicadangkan supaya Pusat Belia Daerah juga dijadikan pusat Menjana Perekonomian Belia bagi melahirkan keusahawanan belia dan belia berniaga. Dicadangkan sekurang-kurangnya Satu Persatuan Satu Produk (1P1P).

   Sehubungan dengan itu, dipohonkan jua keperluan yang bersesuaian bagi belia menghasilkan produk mereka di pusat berkenaan;

4. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya di bawah Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam Tajuk ini, sukacita kaola menyentuh bidang tugas sektor kebudayaan iaitu Bahagian Kebudayaan dan Kesenian. Seperti yang ditaklimatkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjaga dan memelihara khazanah dan kebudayaan kepunyaan orang-orang Brunei.

   Dalam hal demikian, kaola ingin tahu sebagai langkah menjaga, memelihara, merekod seni budaya kepunyaan kita supaya ia tidak di*akun* (akui) oleh orang lain seperti pantun, tarian, nyanyian asli, nyanyian kanak-kanak dan seumpamanya dan jika sekiranya sudah ada, kaola ingin mengetahui perkembangannya; dan

5. Seterusnya kaola menyentuh di bawah Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat. Jika kita melihat statistik kes-kes yang dikendalikan oleh Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak didapati kes keganasan rumah tangga yang tertinggi. Pada tahun 2016 misalannya sebanyak 52 kes iaitu bertambah sebanyak 15 kes dari tahun 2015. Diikuti oleh kes penderaan kanak-kanak pada tahun 2016 sebanyak 38 kes iaitu bertambah 5 kes dari tahun 2015. Seperti yang ditaklimatkan tadi, sudah ada usaha-usaha memperkasakan institusi kekeluargaan seperti Hari Keluarga Kebangsaan.

   Kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah ke hadapan kementerian Yang Berhormat dalam menangani isu tersebut supaya ia tidak bertambah dan dapat dikurangi.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu bukan belia, barangkali 'beliau'. Walau macam manapun, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Daerah Temburong atas perhatian dan juga cadangan-cadangan ini kaola ambil maklum.

Untuk menjadikan Pusat Belia *focal point* daerah dan projek belia. Ini juga yang dimahukan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Untuk pembinaan bangunan khas ini bagi Majlis Belia Brunei peringkat kebangsaan atau majlis daerah memang tadi ada Yang Berhormat Pengerusi memberitahu untuk membina ani memang satu idea yang baik. Tapi memang ada jua kepentingan-kepentingan ataupun perkiraan khususnya dari segi peruntukan kewangan dan sebagainya. Pada masa ini apa yang ada, abis kaola melihat memadailah ikut keadaan di setiap daerah dan sebagainya. Namun demikian cadangan sedemikian akan diteliti dan jika bersesuaian akan dipertimbangkan.

Dalam mukadimah kaola ada menyatakan bahawa belia ini kadang-kadang untuk fizikal mereka berkumpul di satu tempat memang di Pusat Belia tetapi untuk perhubungan alam maya pada masa ini mereka berhubung sebenarnya melalui *alarm virtual* melalui kaedah teknologi. Ini satu perkara yang kitani seharusnya ambil maklum jua.

Yang Berhormat juga mengetengahkan mengenai belia berpontensi diberikan pendedahan. Sememangnya KKBS akan secara saksama memberikan pendedahan kepada belia dari semua daerah dan perkumpulan.

Kaola akan memastikan jua, untuk Program Pertukaran Belia akan datang, pemilihan calon tidak mementingkan kepada sekolah-sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi di Daerah Brunei dan Muara sahaja malahan akan dilaratkan secara saksamanya kepada daerah yang lain.

Dengan tujuan, mereka ini juga akan mendapat pendedahan yang sama dan dapat membawa pulang pengalaman yang berguna untuk dikongsikan dengan rakan sebaya mereka yang belum berkesempatan di daerah masing-masing.

Mengenai umur cadangan bagi pemimpin belia ditetapkan kepada 40 tahun campur 10 tahun, atas tujuan untuk mempastikan kepimpinan akan dapat dibuat dengan berkesan. Ini memang salah satu perkara yang *ditunduki* dalam mereviu dasar belia negara tapi namun demikian ada jua perambahan biarlah *piasau* tua santannya lebih pekat sedikit. Jadinya keperluan orang 'beliau' itu tidak akan diketepikan mungkin mereka akan ada kapasiti lain sebagai penaung, penasihat dan sebagainya.

Tapi untuk mendapatkan pemimpin yang berkesan, kitani mengalu-alukan belia yang benar-benar berwibawa, berwawasan dan telah pun mempunyai pendedahan ataupun diberikan pelaburan yang tinggi oleh kerajaan khususnya. Mereka inilah harus tampil dan berani dan *diragapkan* hati oleh para-para 'beliau', sebagai penasihat dan penaung-penaung persatuan yang demikian.

Untuk makluman juga, Dasar Belia Negara dalam proses *menunduki* semula ataupun mereviu ani masih *ongoing* dan الْحَمْدُ لله dua atau tiga Ahli Yang Berhormat yang tergolong belia ini akan dilibatkan sama.

Namun demikian, Ahli Yang Berhormat yang lain dengan peranan sebagai pemimpin akar umbi juga berperanan sama dan beberapa pertemuan ataupun perbincangan telah pun diadakan termasuk pada hujung bulan ataupun minggu ini akan ada satu pertemuan mengenai membincangkan Dasar Belia Negara yang baharu ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ jika cepat dibuat dan cepat dipayukan, ia akan dapat dilaksanakan dan dilancarkan pada satu masa yang bersesuaian, mudah-mudahan sebelum sesi pemesyuaratan musim mesyuarat yang akan datang.

Yang Berhormat jua mencadangkan mungkin terikut-ikut jua yang Majlis Perundingan Mukim dan Kampung terdapat Satu Kampung Satu Produk Satu Persatuan Satu Produk.

Walaupun saya dalam mukadimah saya bahawa belia yang berpersatuan dialu-alukan dan lebih baik daripada mereka yang tidak berpersatuan. Ini cadangan yang baik jua, tapi mudah-mudahan ia tidak ada pertindihan ataupun duplikasi dari apa yang sudah ada. Jika ada benar-benar belia yang sudah lebih kreatif dan dapat menampilkan satu produk yang perlu diketengahkan, memang sesuatu yang tidak dapat kitani ambil perhatian/hiraukan malahan kita berikan tumpuan utama kepada mereka.

Berikutnya dalam perenggan soalan yang kedua, mengenai kebudayaan dan kesenian. Memelihara ataupun menjaga supaya kebudayaan dan kesenian tidak *diakun* ataupun diambil ciplak oleh pihak lain. Ini memanglah kementerian dengan sedaya upaya akan menentukan keaslian-keasliannya.

Walaupun kekhuatiran pada tahun-tahun kebelakangan memang ada, kerana tarian-tarian dengan pakaiannya ada sudah dicemari dengan kebudayaan lain tapi usaha akan dipertingkatkan melalui mendokumentasikan dan membukukan warisan dan khazanah seni negara, untuk melestarikan ataupun mengabadikan apa yang terkandung dalam kebudayaan dan kesenian negara tetap dikekalkan, diperkasakan dan tidak diguna pakai atau diambil oleh pihak lain.

Berikutnya Yang Berhormat Pengerusi seperti yang diamat-amati oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab awal tadi ialah mengenai peningkatan kes keluarga wanita dan kanak-kanak.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ seperti dalam mukadimah jua dan dalam jawapan kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab tindakan yang sepadu telah disusun melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya, termasuklah ehwal kesejahteraan keluarga, wanita dan kanak-kanak. Ini juga akan disinergikan sama dengan Strategi Jaminan Sosial pada mendukung Wawasan Brunei 2035.

Kementerian kaola tidak akan terlepas pandang, malahan isu-isu berkenaan akan sama-sama ditangani untuk tidak akan ia berterusan dalam perangkaan yang meningkat.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan yang begitu jelas daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan terhadap soalan-soalan dan kewahaman yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mengenai Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Maka saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat dan kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

Sekian وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, telah membincangkan dan membahaskan Belanjawan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan itu saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula sebagai Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Belanjawan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum itu, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengulas ataupun memberikan sebarang penjelasan-penjelasan terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum sempat dijawabnya pada mesyuarat yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan memberi penerangan yang lebih jelas kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai langkah-langkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menangani isu keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak.

Dari segi dasar, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berusaha membangunkan dan memperkukuhkan institusi keluarga ke tahap optimum dalam membentuk keluarga yang penyayang bagi melahirkan masyarakat yang harmoni. Tindakan intervensi berdasarkan pada Perintah Akta Undang-Undang Islam (Pindaan 2010), Perintah Akta Perempuan Bersuami (Pindaan 2010) dan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda.

Pelan Tindakan Isu Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak telah ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang menggariskan antara lain strategi bagi mengukuhkan institusi keluarga. Pada masa ini pihak kementerian sedang meneliti semula semua program dan aktiviti untuk memastikan keberkesanan dan memberikan keutamaan kepada

aktiviti yang dapat mencegah keganasan rumah tangga.

Program-program ke arah pengukuhan institusi keluarga termasuk bagi menyuarakan kes-kes keganasan rumah tangga ditangani melalui kaedah *whole of nation approach* dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan. Bagi memastikan institusi keluarga diperkukuhkan di negara ini, pihak kementerian akan memfokuskan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2017 ini pada meningkatkan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga.

Ini akan dilaksanakan melalui aktiviti kempen-kempen promosi melalui media dan penglibatan bersama *NGOs*. Manakala cadangan bagi tema Hari Keluarga Kebangsaan ini ialah "Keluargaku Penyayang Negara Gemilang". Pada tahun ini dicadangkan agar fokus utama sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 ialah untuk meningkatkan kesedaran pentingnya rasa kasih sayang antara keluarga untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumah tangga.

Keharmonian sesebuah keluarga bergantung pada wujudnya perasaan kasih sayang serta rasa saling menghormati sesama ahli keluarga. Malahan dengan adanya kasih sayang yang kukuh dalam sesebuah keluarga itu akan dapat meningkatkan lagi sifat toleransi, kesefahaman dan ukhuwah dan menangkis daripada terjadinya perselisihan faham terutama apabila sesebuah keluarga tersebut menghadapi masalah ataupun musibah.

Cadangan format acara sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017 pada tahun ini adalah seperti Riadah Keluarga dan Majlis Perhimpunan Keluarga dengan format ceramah perdana yang antara lain membawa objektif pengukuhan institusi keluarga dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan serta pihak *NGOs* dan pihak swasta. Acara-acara sampingan ini juga akan dipertingkatkan lagi iaitu seperti program kesedaran kemahiran keibubapaan dan program kesedaran hak kanak-kanak.

Peningkatan kes-kes yang dicatatkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) adalah kerana peningkatan kesedaran orang ramai tentang undang-undang yang ada di negara ini serta impak daripada program-program kesedaran yang dijalankan bukan sahaja oleh JAPEM tetapi oleh beberapa agensi yang berkepentingan, baik kerajaan dan bukan kerajaan. Program-program yang sedia ada akan dimantapkan lagi melalui perbincangan dengan agensi-agensi berkenaan dengan objektif pengukuhan institusi keluarga.

Kempen promosi besar-besaran mengenai kepentingan keluarga penyayang juga akan *diungkayahkan* dengan rakan-rakan media kerajaan dan bukan kerajaan termasuk pemberigaan kepada syarikat-syarikat swasta dan sebagainya. Sekian penjelasan dari kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama saya masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk ini. Sebelum itu saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan suka untuk membuat kenyataan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola cuma ingin menjawab satu soalan sahaja Yang Berhormat Pengerusi iaitu daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim mengenai pengukuhan jati diri bangsa melalui hasil-hasil buku tempatan.

Kaola ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa di Kementerian Pendidikan, hasil-hasil penulisan dari penulis-penulis tempatan negara kita telah didedahkan di sekolah-sekolah seluruh negara. Usaha Unit Sumber Sekolah di Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Perkembangan Kurikulum bahawa semua sekolah telah menyediakan sudut inspirasiku. Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif memperkenalkan amalan bacaan teras ataupun asas (*compulsary reading*) kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Buku bacaan teras ini diperkenalkan melalui satu program yang dikenali sebagai Buku Bacaan Inspirasiku. Program ini adalah bagi membangkitkan semangat jati diri bangsa, agama dan tanah air serta cintakan ilmu hasil cetusan minda dari buku yang dibaca. Ke arah ini, pihak jabatan telah mengenal pasti tema-tema yang bersesuaian bagi dimuatkan ke dalam siri Buku Bacaan Inspirasiku iaitu dari aspek sejarah dan pembangunan Brunei, kedaulatan agama Islam, kesultanan, pendidikan, ekonomi, adat-istiadat dan sosial.

Keistimewaan siri Buku Bacaan Inspirasiku ialah ia memuatkan hasil penulisan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan tempatan. Adalah diharapkan para pelajar akan terinspirasi dengan gagasan pemikiran penulis-penulis tersebut untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan mereka. Program ini akan melibatkan semua pelajar di peringkat rendah atas iaitu Tahun 4 hingga Tahun 6 dan peringkat menengah Tahun 7 hingga Tahun 10 atau Tahun 11.

Setiap pelajar dikehendaki membaca buku-buku dalam senarai yang terkandung dalam siri Buku Bacaan Inspirasiku. Fokus yang di ketengahkan terkandung dalam siri dalam pemilihan tajuk yang tersenarai dalam kategori Siri Buku Bacaan Inspirasiku ialah kesultanan, tokoh-tokoh ilmuan, sirah nabi dan sahabat, keagamaan, kemasyarakatan, kenegaraan, ekonomi

dan keusahawanan, pendidikan, kebudayaan dan keantarabangsaan.

Dengan menjadikan Siri Buku Bacaan Inspirasiku ini sebagai buku bacaan teras bagi semua murid dan pelajar sekolah rendah dan menengah, ia diharapkan akan dapat melahirkan pelajar yang suka menimba ilmu, bersikap proaktif dan bersemangat tinggi untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Di samping itu, matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu "Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi," إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat direalisasikan. Ada beberapa buah buku atau novel tempatan juga digunakan oleh pelajar-pelajar seperti contohnya di peringkat *A'level*, novel tempatan bertajuk "Hadiah Sebuah Impian" dan "Puncak Pertama" yang merupakan novel moden.

Sementara di Peringkat "*O' level,* "Hikayat Awang Kamaruddin", novel "Pengabdian", "Meniti Waktu" (sebuah cerpen), "Antologi Sajak Cermin Diri" yang semuanya merupakan buku-buku tempatan.

Dalam subjek MIB, pengukuhan jati diri bangsa diajarkan di peringkat sekolah rendah contohnya tanggungjawab pelajar terhadap diri sendiri, keluarga, jiran dan masyarakat sekolah dan negara. Semua tanggunjawab yang di atas sudah diajarkan dari rendah bawah lagi.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi soalan daripada Yang Berhormat tadi ingin kaola kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pagi tadi. Dalam menyokong Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kaola ingin menyuarakan 2 cadangan:

1. Kod Akaun 004/003. Kaola ingin menyuarakan mengenai Pusat Pembangunan Belia. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ sejak ia ditubuhkan banyak kursus yang telah diperkenalkan untuk para belia khusus menekankan tiga komponen penting iaitu Latihan Kemahiran, Pembanguan Diri dan Penempatan Kerja. Kita ingin melahirkan para belia yang mempunyai kemahiran yang tinggi, memiliki nilai jati diri dan mampu berdiri mengharungi cabaran kehidupan yang serba mencabar ini.

   Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, apakah pihak kementerian telah memikirkan sebarang cadangan penambahan kursus yang disediakan di pusat berkenaan? Sebagai contoh kursus yang menjurus kepada perubatan tradisional seperti urut tradisional atau kursus dalam

perubatan Islam seperti berbekam dan sebagainya.

Pada hakikatnya jika kita lihat negara masa kini, kita amat ketandusan rakyat tempatan yang pakar dalam hal perubatan secara tradisional, bahkan tidak mustahil kemahiran ini akan pupus. Tambahan lagi perubatan secara tradisional ini dimonopoli oleh tenaga-tenaga dari negara asing yang kita tidak tahu betul atau tidak.

Dengan adanya kursus bersijil seperti ini diadakan di Pusat Pembangunan Belia, kewujudan kemahiran itu akan terjamin. Malah kaola optimis, mengatakan bahawa belia yang berkemahiran ini mampu berdiri sendiri untuk menjana pendapatan sendiri dengan kemahiran yang ada dengan sijil yang dimiliki;

2. Mengenai Tajuk SL01A – Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Program *I-RDY (i-ready)* yang baru-baru ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Program *I-RDY (i-ready)* ini menyasarkan graduan yang belum berkhidmat bagi mendedahkan perintis kepada pelbagai peluang kemahiran dan pengalaman bekerja di sektor awam ataupun sektor swasta sebelum memiliki pekerjaan yang tetap.

   Program yang disediakan adalah bagi memenuhi hasrat memberi latihan dan bimbingan dalam memastikan akan perkembangan dan pencapaian perintis memenuhi keperluan industri. Tidak syak lagi bahawa perintis yang merupakan graduan yang belum berkhidmat ini adalah terdiri daripada golongan belia.

   Sebagai cadangan, selain program kemahiran dan pengalaman bekerja apakah ada kesesuaian untuk menambah slot program yang menjurus kepada kemasyarakatan seperti keterlibatan perintis dalam bantuan kebajikan am atau bencana alam yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan?

   Program ini ada baiknya diwajibkan kepada mana-mana perintis yang belum pernah terlibat dalam PKBN. Kaola berpandangan ini perlu bagi tujuan mendidik nilai jati diri para belia lebih-lebih lagi belia yang berstatus graduan agar para belia mempunyai rasa tanggungjawab terhadap kesejahteraan bangsa dan negara serta peka dengan perkembangan semasa.

   Kaola juga ingin melihat para belia kita terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan ke negara-negara yang memerlukan bantuan. Siapa tahu program yang disediakan akan memberi nilai tambah kepada yang kaola maksudkan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas perhatiannya terhadap Pusat Pembangunan Belia.

1. Memang Pusat Pembangunan Belia telah pun wujud sejak 23 tahun yang lalu. Ia ditubuhkan pada tahun 1994 dan telah pun melalui berbagai peningkatan dan perubahan yang positif. Mengenai penelitian terhadap kurikulum yang ada, memang perkara ini sentiasa diusahakan untuk memberikan pembaharuan dari segi pelaksanaan program-program latihan dan menambahkan kurikulum yang berkepentingan yang dapat menjana pekerjaan bagi para pelatih PPB. Kalau diteliti dari senarai kursus yang diadakan itu hampir kesemua kursus-kursus latihan berkenaan telah terbukti dapat memberikan pekerjaan kepada mereka yang mengikutinya khususnya daripada golongan sasaran.

   Walau bagaimanapun, semua cadangan bagi pembaharuan kurikulum ini, apatah lagi tadi isu-isu perubatan Islam dan sebagainya ini mungkin memerlukan satu penelitian juga dan perlu diluluskan oleh Ahli Lembaga Penasihat Pusat Pembangunan Belia sebelum dilaksanakan dari segi kesesuaiannya pun harus diteliti untuk dilaksanakan tanpa menjejaskan kurikulum yang sedia ada yang pada masa ini menggunakan Pensijilan *City and Guilds.*

   Ini ialah satu pengiktirafan yang tinggi yang telah diberikan kepada PPB dalam kurikulum yang ada pada masa ini;

2. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai dengan lepasan-lepasan untuk ia dapat mengambil kaedah daripada pendekatan baharu melalui *I-RDY (I-Ready)*. Ini adalah satu cadangan yang baik, khusus dalam memberikan ruang dan peluang kepada lepasan Pusat Pembangunan Belia agar lebih *marketable* ataupun dapat diambil bekerja di mana-mana dalam apa juga bidang dan kemahiran yang mereka pelajari; dan

3. Saranan untuk pelatih atau lulusan ini diberikan pendedahan lain termasuk bantuan kemanusiaan luar negeri, memang diambil maklum dan pada masa ini juga sebagai makluman Pusat Pembanguann Belia akan melaksanakan satu program baharu dikenali sebagi *Program Trajectory* yang berperanan dalam memberikan pendedahan awal hala tuju kepada pelatih Pusat Pembangunan Belia berkaitan dengan 3 kategori iaitu pekerjaan, keusahawanan dan juga pelajaran.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi sebagai penjelasan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ingin berkongsi pandangan di bawah Tajuk SL04A - Muzium-Muzium. Syukur Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali mempunyai tempat-tempat yang menarik dan tempat-tempat menyimpan benda-benda warisan yang bersejarah untuk dilawati oleh para pelancong asing mahupun penduduk Negara Brunei Darussalam.

Bangunan-bangunan yang dimaksudkan adalah seperti Muzium Brunei, Muzium Maritim Brunei Darussalam, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Kuala Belait, Alat-Alat Kebesaran Negara dan juga Galeri Seni.

Semua tempat-tempat yang kaola nyatakan adalah tempat menyimpan benda-benda bersejarah dan warisan serta hasil karier penduduk tempatan yang berfaedah untuk kepentingan pendidikan dan pelancongan.

Dalam hal ini, kaola berpandangan dan berpendapat adalah lebih tepat dan sesuai masanya mulai dari sekarang para pengunjung khususnya pelancong asing hendaklah dikenakan bayaran yang bersesuaian sebagai hasil pendapatan negara seperti mana juga halnya di negara-negara lain. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Naim di atas perhatian dan pengamatan mengenai fungsi dan keberkesanan Muzium-Muzium yang ada terdapat di Negara Brunei Darussalam pada masa ini.

Namun demikian cadangan mengenakan bayaran, perkara ini perlu mendapat pertimbangan ataupun keputusan dari kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Kewangan. Walaupun kitani biasa untuk menjana pendapatan negara, adakah perkara-perkara seperti ini yang kitani lihat memberikan pendedahan dan akan keunikkan atau kekayaan khazanah Brunei dari segi sejarah dan muziumnya berbaloi hanya dengan minta sebanyak $2.00 ataupun $1.00 untuk dikenakan bayaran dan akan menerima pandangan yang berbeza bagi pengunjung-pengunjung yang sudah biasa untuk sekian lama menerima ini sebagai satu keistimewaan dan nikmat berkunjung ke Negara Brunei Darussalam.

Barangkali itu pandangan kaola secara sekali lintas. Namun demikian jika pun ada rakan-rakan Yang Berhormat dari kementerian berkepentingan untuk memberikan pendapat untuk renungan dan perhatian bersama.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas mukadimah dan perancangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di bawah Kod Akaun 004/002- Pembangunan Keusahawan Belia dan Kod Akaun 002/007 - Program Bantuan Keusahawanan dan Kod Akaun K27120. Kaola ingin memberi sokongan kepada cadangan yang disampaikan lebih awal dari rakan sejawat Yang Berhormat Pengiran Haji Ali.

Kaola ingin menambah supaya pihak KKBS dapat berkerjasama atau bertemu Ahli-ahli *Darussalam Enterprise* iaitu *DARe* untuk menyumbang dan memajukan lagi peluang bagi peserta belia dan lebih khusus peserta yang kurang pencapaian dari segi akademik tetapi mempunyai kemahiran yang lain. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat. Perhatian ini abis kaola terima dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ abis kaola akan mengadakan pertemuan ataupun perjumpaan dan permuzakarahan dengan *DARe* dan yang bisai untuk menambah itu saja yang kitani alu-alukan. Tujuan utama diambil kira salah satunya kebeliaan yang meliputi keusahawanan dan juga kesukarelawanan seperti yang kaola jelaskan dalam mukadimah.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas mukadimah Yang Berhormat.

Kaola ada 3 cabang soalan. Kaola ingin menyusul semula soalan yang kaola pernah ajukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (kedua) mengenai penyelarasan data-data dari banci. Kaola difahamkan pada tahun 2011 terdapat cadangan, rancangan untuk menubuhkan satu garis kemiskinan *poverty guideline* negara dengan menggunakan data yang diperolehi dari penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Kebangsaan.

Kajian Perbelanjaan Keluarga telah pun dijalankan dan data yang terkini kalau kaola tidak silap adalah dari tahun 2015 dan 2016.

1. Adakah usaha-usaha sudah dibuat untuk menyelaraskan data-data dari banci tersebut untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan seperti bantuan JAPEM dan MUIB dan apakah statusnya pada masa ini?; dan

2. Kaola akan *touch base on* di bawah Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka. Mengenai jumlah kutipan hasil bagi Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaola lihat kutipan hasil bagi tahun 2015 Ke-2016 adalah sebanyak $150,000.00. Pada tahun-tahun yang

seterusnya sehinggalah tahun 2016 Ke2017 ada pengurangan dari kutipan hasil pada 2016 Ke-2017 kutipan hasil mendapat hanya $67,000.00 sahaja iaitu dari $150,000.00 menurun kepada $67,000.00 Apakah menyebabkan pengurangan kutipan hasil tersebut?

Abis kaola ingin menyentuh saranan wakil daripada Ahli Yang Dilantik Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan pada hari Selasa, 8 Jamadilakhir 1437 bersamaan 7 Mac 2017. Menyentuh dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai penyediaan asas ilmu pengetahuan sekolah rendah dan sekolah menengah dengan memastikan penekanan yang *actionable realistic dan cost efective.*

Abis kaola menekankan dengan menggunakan *whole of community* bukan saja *whole of nation whole, community approach* yang melibatkan masyarakat, sukarelawan, penuntut, ibu bapa termasuk dengan penggunaan *internet* dan yang melibatkan masyarakat.

Kaola ingin menyentuh asas kelebihan dengan menggunakan perpustakaan. Perpustakaan sebagai tempat mengajar remaja dari segi bimbingan *life skill guidance.* Perpustakaan sebagai rakan kongsi yang penting dalam perkembangan kanak-kanak, perpustakaan dapat menyediakan peluang rangkaian perniagaan.

Abis kaola mencadangkan seperti mana kaola di pahamkan terdapat 9 buah perpustakaan semuanya. Bangunan-bangunan tersebut dapat disewakan kepada operator iaitu *lease to operator* dengan cara *PPP* dan diberikan kepada operator mengikut kreativiti-kreativti mereka sendiri untuk melaksanakan perniagaan berdasarkan dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sekiranya dilihat dalam *world park figure* $5,000.00 disewakan pada tiap-tiap bulan bagi 9 buah perpustakaan. Kutipan boleh sebanyak $45,000.00 sebulan kalau dikali dengan 12 dapat menjadikan hasil sebanyak $540,000.00 iaitu lipat ganda kutipan hasil.

Di samping itu juga ia dapat mengurangkan perbelanjaan pemeliharaan aset yang kaola lihat masa ini ada $207,000.00 untuk Pemeliharaan Aset di bawah Tajuk Dewan Bahasa dan Pustaka. Promosi perpustakaan dan bacaan boleh juga dikurangkan dan juga pembekalan bahan buku bacaan, kalau ianya di*least to operate* kepada operator dengan menggunakan *PPP.*

2. Soalan kaola yang seterusnya ia sudah disoalkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, cuma kaola mahu menambah saja lagi:

i. Mengenai Pusat Pembangunan Belia. Apakah perancangan atau adakah perancangan dibuat untuk melibatkan sektor swasta dari sektor-sektor industri dan *trades skill* untuk dijadikan fasilitator sambilan semasa kursus dijalankan?;

ii. Berapakah kadar kejayaan sukses bagi penuntut untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan kursus tersebut?; dan

iii. Adakah ia bila mereka mendapat pekerjaan bersangkut-paut dengan kursus yang diambil? Sekiranya ia berjaya dipohonkan agar dapat menambah lagi *intake* penuntut setiap tahun. Kaola difahami ada 2 *intake* setahun. 200 penuntut setiap tahun, ertinya 100 penuntut setiap *intake.*

Itu saja yang disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat. Kaola kurang jelas Yang Berhormat Pengerusi mungkin jika sudah disampaikan kepada pihak Kementerian Kewangan tadi di*mention* sama ada adakah respons dari Kementerian Kewangan sudah dibuat dan sebagainya? Jika perlu kaola minta diulangi soalan ini Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Baik Yang Berhormat. Pada tahun 2011 terdapat cadangan rancangan untuk menubuhkan satu garis panduan kemiskinan *(poverty guideline)* negara dengan menggunakan data yang diperolehi dari penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Kebangsaan, masa itu pada tahun 2012. Kajian perbelanjaan keluarga terbaharu adalah 2015-2016.

Adakah usaha-usaha sudah dibuat untuk menyelaraskan data-data dari banci untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan seperti bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Majlis Ugama Islam (MUIB)?; dan apakah statusnya pada masa ini?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat.

1. Bagi jawapannya memang sudah dibuat kaji selidik ini dan sebagai asas juga bagi pihak Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial dan juga melalui strategi jaminan sosial untuk mengenal pasti sukat-sukat dalam menimbangkan sebarang bantuan, baik daripada bantuan keluarga bulanan dan juga bantuan-bantuan yang lain.

   Mengenai *poverty line* itu memang sudah jadi isu yang dibangkitkan setiap tahun. Memang tidak dapat dijelaskan juga dalam keputusannya. Barangkali itulah sebahagiannya dan

ia memangnya sudah dikira dan bagi Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial ia memang dipengerusikan oleh kaola selaku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tapi juga dianggotai oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri di kementerian khususnya dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jadinya penyejajaran mengenai kadar-kadar bantuan ini berpandukan daripada garis panduan atau kaji selidik yang telah pun diadakan. Itulah sebagai penerangannya.

2. Perhatian Yang Berhormat mengenai kutipan hasil Dewan Bahasa dan Pustaka kelihatan menurun dan juga termasuk kaitannya dengan cadangan Yang Berhormat, apa kiranya untuk meningkatkan pendapatan ini, ia digunakan ataupun diberikan peluang sebagai *PPP* yang ingin meng*operate* perpustakaan dan sebagainya.

   Pada dasarnya Dewan Bahasa dan Pustaka bukan berperanan untuk memberikan pendapatan hasil ataupun *income generating* untuk kerajaan tetapi fungsi utama Dewan Bahasa dan Pustaka ialah untuk meningkatkan dan menyebarluaskan penggunaan bahasa Melayu, menerbitkan buku, majalah dan jurnal untuk penyebaran penggunaan bahasa Melayu tetapi hanya secara tidak langsung dapat memberikan hasil pendapatan kepada kerajaan.

   Pendapatan hasil Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan dan menjual buku, majalah dan jurnal secara tidak langsung dapat memberikan hasil pendapatan kepada kerajaan walaupun hasil jualan tidak memberikan pulangan yang menguntungkan. Ini termasuk bila-bila masa Dewan Bahasa dan Pustaka menyertai pesta-pesta buku sama ada dalam dan juga luar negeri. Kalau di luar negeri memang pendapatan daripada pesta-pesta buku ini memang kurang jika dibandingkan dengan jika ada pesta ataupun festival diadakan dalam negeri.

   Penurunan pendapatan hasil ini juga adalah kerana buku-buku teks dan buku bahan bacaan tambahan di sekolah menengah dan rendah telah diambil alih sepenuhnya oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan. Itulah antara lain penjelasan pada soalan tersebut.

   Mengenai cadangan untuk ia disewakan sebagai *PPP* dan sebagainya. Ini mungkin satu cadangan baik yang harus diteliti juga diterokai dan sejauh mana nanti syarikat-syarikat yang berkeinginan itu dapat menjayakannya. Masih lagi perlu kita lihat juga kerana dalam mukadimah awal dan jawapan-jawapan soalan awal, timbul isu segala *e-library* dan sebagainya kecuali perpustakaan itu juga

dibenarkan membuat perkara-perkara lain sebagai sampingannya mungkin ada restoran dan sebagainya.

Itulah barangkali dapat juga diteliti Yang Berhormat Pengerusi satu cadangan yang perlu diterokai sepenuhnya.

3. Mengenai Pusat Pembangunan Belia. Tadi ada Yang Berhormat juga menyatakan penglibatan pihak industri untuk sama terlibat dalam program yang dijalankan. Pusat Pembangunan Belia sememangnya saling bekerjasama dengan pihak industri dalam apa juga program dan kursus yang dilaksanakan agar ilmu-ilmu kemahiran yang ada adalah selaras dengan kehendak majikan dan pasaran pekerjaan pada masa ini.

   Pusat Pembangunan Belia sebelum ini sudah pernah melaksanakan Program *kick start* iaitu sebuah program yang bertujuan untuk menjemput para majikan dari pelbagai industri hadir bagi sama-sama membincangkan dan bertukar-tukar pandangan serta pendapat berkaitan dengan perkembangan terbaharu dalam keperluan industri pada masa kini yang boleh dimanfaatkan dalam *syllabus* pembelajaran khusus di Pusat Pembangunan Belia.

   Dari program tersebut timbul satu program yang dipanggil Kursus Lanjutan *Auto CAD*. Pihak Pusat Pembangunan Belia telah bekerjasama dengan sebuah syarikat dalam memberikan latihan kemahiran peringkat lanjutan kepada para pelatih *Auto CAD* yang mengikuti kursus di Pusat Pembangunan Belia dan seterusnya memberikan peluang bagi pendapatan kerja yang akan diselia oleh syarikat berkenaan.

4. Seterusnya Yang Berhormat juga mengutarakan soalan mengenai dengan *success rate* ataupun kejayaan Pusat Pembangunan Belia ini. Berdasarkan statistik perkembangan terkini yang telah dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Belia bagi Program Pembangunan Belia dan kursus-kursus singkat yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

   i. Bagi Program Pembangunan Belia. Lebih 38% lepasan pelatih bagi sesi Januari dan Julai 2015 telah mendapatkan pekerjaan setelah menamatkan keseluruhan program yang diikuti manakala selebihnya masih lagi giat mencari pekerjaan;

   ii. Bagi kursus-kursus singkat yang dilaksanakan berdasarkan kepada kehendak pasaran pekerjaan dan menjurus kepada bidang-bidang industri seperti Industri Minyak dan Gas, Industri Telekomunikasi dan Pertanian. *Success rate* yang telah mendapat pekerjaan setelah menamatkan kursus adalah seperti yang berikut:

a. Kursus Pemandu Jentera Berat 70%;

b. Kursus *Scaffolding* 71.4%;

c. Kursus Belia Berpadi 93%;

d. Kursus *Fibre to Home* 56%; dan

e. Kursus *Cable Jointer* 53%.

Itulah yang dapat kaola sampaikan sebagai jawapan dan juga penjelasan serta mengongsikan juga kejayaan yang telah dicapai di Pusat Pembangunan Belia dalam menjana jati diri belia dan menjana pekerjaan kepada belia untuk masa hadapan mereka.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kaola akan mengajukan di bawah Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat. Kaola merujuk Kod Akaun 002/002 - Bantuan Kebajikan Am. Nampak pengurangan Anggaran Belanjawan 2017/2018 pada Tahun Perbelanjaan 2016 dan 2017. Terdapat Perbelanjaan Peruntukan berjumlah $7,971,812.00, sementara bagi Tahun Kewangan 2017/2018 dianggarkan Perbelanjaan sejumlah $5,418,450.00 sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi. Pertanyaan kaola:-

1. Adakah jumlah penerimaan Bantuan Kebajikan Bulanan akan berkurangan bagi tahun 2017/2018 dan sukacita ingin mengetahui berapa perbelanjaan bulanan sebenar bagi Bantuan Kebajikan Bulanan ini; dan

2. Adakah permohonan untuk mendapatkan bantuan ini akan diketatkan?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba menjawab dahulu namun demikian kalau mengikut fakta jumlahnya ini kaola memerlukan masa juga.

Kalau soalan pertama adakah Bantuan Kebajikan Bulanan akan meningkat. Mengikut *trend* yang ada pada masa ini memang ia terus meningkat Yang Berhormat Pengerusi dan makanya juga Majlis Kebangsaan Isu-isu Sosial telah pun membuat beberapa pendekatan dan termasuklah jawapan kaola yang terdahulu bahawa akan memperkenalkan satu skim baharu juga,

namanya pun masih lagi belum dapat didedahkan, jadikan memilih namanya yang lebih baik juga kerana untuk orang yang *able bodied* dan *able to work* ini apabila dapat dikeluarkan daripada senarai yang memohon bantuan bilangan mungkin akan berkurangan dalam kajian berkenaan. Kitani akan merekod juga kaedah *workfare* dan sebagainya.

Namun demikian melalui Majlis Kebangsaan Isu-isu Sosial kaola sudah mencuba untuk melarikan 100 sebagai percubaan dan berjaya melalui 100 yang dikeluarkan ini adalah menyampai kepada 24 peratus sahaja boleh dikeluarkan.

Jadinya ia memerlukan masa yang panjang. Ada kaitannya dengan soalan yang kedua.

Permohonan akan diketatkan ini kerana isu permohonan yang diketatkan ini memang JAPEM mempunyai tugas yang besar, cabaran yang banyak untuk mengemaskinikan profil pemohon.

Database untuk dikemaskinikan dan juga memerlukan orang untuk meneliti semula apabila permohonan itu dibuat untuk kali kedua dan seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Ia memang kita akan ketatkan dan memberikan bantuan kepada yang berhak dan yang perlu sahaja, kerana kategori itu lebih jelas, kerana kalau dia ketua keluarga, kalau anak-anaknya belum bersekolah memang ada keutamaannnya. Itulah hakikatnya pada secara umum. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya bersimpati penuh dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bak kata pepatah:- "Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul".

Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan dan penerangan-penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai Belanjawan Kementeriannya dan juga daripada beberapa orang rakan sejawatannya dari kementerian lain berhubung dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Maka saya kira cukuplah bagi kita meneliti perkara ini dan saya cadangkan supaya Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini sekarang kita undi sama ada ia diluluskan atau sebaliknya. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Rang Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini diluluskan sila angkat tangan?

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Oleh yang demikian Belanjawan Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sekarang akan membincangkan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Sebagaimana lazimnya sebelum Tajuk ini kita bukakan untuk dibahaskan, saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menyampaikan ucapan pendahuluannya ataupun mukadimahnya tentang Belanjawan Kementerian Kesihatan. Saya persilakan Yang Berhormat sekarang.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لله Peruntukan Tahun Kewangan 2017/2018 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan adalah berjumlah $323,880,340.00 dan ini termasuk juga Perbelanjaan Kemajuan sejumlah $7,766,900.00 Dengan limpah kurnia rahmat dan hidayah أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى serta di bawah kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini akan terus dapat menikmati pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan demi mencapai hasrat kesejahteraan dan kemakmuran di negara ini.

Adalah jelas betapa luhur dan murninya kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan sifat keprihatinan, pemedulian serta komitmen baginda, perkhidmatan penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa diutamakan.

Ini dapat dilihat melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1437/2016, baginda bertitah:-

"Kesihatan adalah faktor yang paling penting untuk semua. Jika badan sihat, semua kerja boleh dibuat dengan baik. Sebaliknya jika tidak sihat, maka segala aktiviti tidak akan dapat berlaku dengan sempurna. Inilah rahsia atau harga kesihatan".

Begitulah bunyi titah baginda.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam mendukung hasrat memberikan penjagaan kesihatan yang terbaik di negara ini seperti mana yang telah disampaikan dalam mukadimah kaola pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, keutamaan perbelanjaan Kementerian Kesihatan di sepanjang tempoh 2015 - 2020 adalah tertumpu

kepada 3 keutamaan strategik seperti yang berikut:-

1. Menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua;

2. Mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit; dan

3. Memberi perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan (*consolidation*) dan penyejajaran perkhidmatan penjagaan kesihatan.

الْحَمْدُ لله beberapa usaha yang menjurus kepada ketiga-tiga strategi utama ini telah dilaksanakan termasuklah penyepaduan beberapa buah pusat kesihatan untuk memberikan perkhidmatan secara *one-stop centre*, pencantuman perkhidmatan *EMAS (Emergency, Medical and Ambulance Services*) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pengurangan masa menunggu bagi beberapa perkhidmatan kesihatan, penubuhan Pusat Kecemerlangan *(Centre of Excellence)*, dan mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa seperti pengiktirafan *ISO 17025* bagi perkhidmatan makmal dan akreditasi antarabangsa *Joint Commission International (JCI)* bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, pusat kesihatan kerajaan yang pertama mendapat akreditasi seumpamanya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sebalik pencapaian berkenaan, Kementerian Kesihatan menyedari masih banyak lagi usaha yang perlu *diungkayahkan* dan cabaran yang perlu ditangani bagi memenuhi ekspektasi pihak-pihak yang berkepentingan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada 27 September 2016, telah bertitah memperingatkan bagi perkhidmatan yang mesra pelanggan lagi berkualiti, konsisten, dan selamat untuk dilaksanakan supaya ia benar-benar dapat dinikmati oleh orang ramai.

Mesra pelanggan, masa menunggu yang lama semasa mengambil ubat dan mendapatkan rawatan di Perkhidmatan Kecemasan dan kekurangan ubat antara isu yang sentiasa menjadi keluhan para pelanggan.

Dalam pada itu, majoriti isu-isu dan cadangan-cadangan yang diutarakan semasa beberapa sesi muzakarah bersama pihak berkepentingan dari dalam dan luar (*internal and external stakeholders*) termasuklah juga bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di setiap daerah di negara ini, adalah bertumpu kepada 7 tema iaitu:-

1. Mesra pelanggan;

2. Keselamatan makanan;

3. Komunikasi;

4. Promosi kesihatan;

5. Akses kepada perkhidmatan dan kemudahan;

6. Pengambilan ubat-ubatan; dan

7. Perkhidmatan yang berkualiti termasuklah penyediaan sistem perjanjian (*appointment system*).

Cadangan atau isu yang diutarakan ini sejajar dengan hala tuju, inisiatif-inisiatif dan pelan-pelan tindakan yang telah direncanakan dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas semua maklum balas dan nasihat yang diberikan yang sangat bermanfaat demi menambah baik tahap perkhidmatan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kesihatan adalah tanggungjawab semua *(health is everyone's business).* Oleh itu, penjagaan makan dan minum amat penting sebagaimana jua dengan Firman أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam Surah Al-A'raf ayat 31 yang bermaksud:-

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf), serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya أَللهِ tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan."

Ayat ini menunjukkan betapa pengambilan makanan dan minuman yang berlebihan adalah tidak disenangi oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Seseorang yang tidak menjaga kesihatan dirinya adalah tidak berlaku adil kepada dirinya sendiri, keluarga dan masyarakat kerana mendedahkan dirinya kepada risiko penyakit. Walhal, negara amat memerlukan rakyat yang sihat dan produktif demi untuk membina negara yang makmur dan mampu berdaya saing.

Dalam konteks ini, mari kita lihat beberapa hasil kajian yang dilakukan di negara ini. Kajian *Integrated Health Screening* dari tahun 2007-2011, mendapati secara purata hampir 70% penjawat awam *(civil servants)* tidak melakukan aktiviti fizikal yang mencukupi. Kajian *Global School Health Survey* tahun 2014 pula, menunjukkan bahawa lebih kurang 87% kanak-kanak di negara ini kurang melakukan kegiatan fizikal. Dalam erti kata lain, hanya 13% sahaja anak-anak kitani yang menjalani kegiatan fizikal yang mencukupi.

Dalam masa yang sama, apa yang amat mencemaskan ialah insiden penyakit-penyakit seperti darah tinggi dan kencing manis sudah mula timbul pada umur yang masih muda dalam lingkungan 20 - 30 tahun. Ini adalah satu situasi yang amat membimbangkan dalam keadaan negara memerlukan rakyat yang produktif ke arah pertumbuhan sosioekonomi yang cemerlang.

Di samping itu, laporan *Global Nutrition Report* tahun 2016 telah menempatkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara tertinggi bagi obesiti dalam kalangan orang dewasa di rantau ini. Berat badan yang berlebihan dan obesiti boleh membawa kepada penyakit tidak berjangkit seperti kanser, jantung, kencing manis dan strok yang

juga adalah punca kematian utama di negara ini.

Dengan yang demikian, amalan pemakanan yang tidak seimbang, kurang melakukan kegiatan fizikal, dan cenderung kepada pengambilan makanan segera yang tinggi dengan kalori atau gula dan garam perlu kita ubah dengan segera.

Kesan tingginya kadar obesiti dan gejala penyakit tidak berjangkit di negara ini dapat kita lihat melalui Peruntukan Belanjawan Kementerian Kesihatan Tahun Kewangan 2017/2018 ini. Hampir $196 juta ataupun 62% daripada belanjawan yang diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan adalah bagi penjagaan kesihatan *secondary* dan *tertiary* iaitu bagi rawatan pesakit.

Jumlah ini belum termasuk peruntukan yang disediakan di bawah kawalan Kementerian Kewangan bagi membiayai perbelanjaan penghantaran pesakit untuk menjalani rawatan di *The Brunei Cancer Centre* (*TBCC*), *Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre* (*BNSRC*) dan di Pusat Jantung *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre* (*GJPMC*). Ini menandakan betapa tidak sihatnya rakyat dan penduduk di negara ini. Keadaan ini sesungguhnya tidak *sustainable* bukan sahaja dari aspek kos pembiayaan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat malahan yang lebih penting lagi adalah dari segi impaknya kepada produktiviti negara.

Dari sudut yang lain, belanjawan bagi membiayai program-program pencegahan termasuk Penjagaan Kesihatan Asasi hanya diperuntukkan sebanyak kira-kira 14% yang jauh lebih rendah akan tetapi dalam masa yang sama memberikan impak yang lebih besar.

Dalam hubungan ini, alangkah lebih baik jika kita memberikan lebih fokus kepada mempertingkatkan gaya hidup sihat dan pencegahan penyakit dalam memastikan rakyat dan penduduk akan terus sihat dalam tempoh yang lebih panjang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, kaola ada membayangkan satu senario pada satu masa nanti, anak/cucu/cicit kitani dan setiap individu di negara ini bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam menjaga kesihatan masing-masing dengan mengamalkan permakanan dan gaya hidup yang sihat. Semua tempat riadah dipenuhi setiap hari oleh semua peringkat umur tua dan muda.

الْحَمْدُ لله sebahagian daripada impian ini telah menjadi kenyataan. Kita telah dapat melihat orang kitani sudah makin banyak melakukan aktiviti riadah, berlari, senamrobik, berjalan selepas subuh atau selepas kerja berbasikal dan sebagainya. Ini terbukti dari kajian

national non-communicable disease (NNCD) steps survey tahun 2016 bahawa peratus orang dewasa di negara ini yang aktif secara fizikal telah meningkat daripada 65% tahun 2011 kepada 75% pada tahun 2016. Lebih ketara lagi pada setiap hari Ahad ahli-ahli keluarga dan individu beramai-ramai memeriahkan Program Bandarku Ceria. Program ini berhasrat bukan sahaja untuk mewujudkan hidup sihat malahan membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan dan memeriahkan lagi Bandar Seri Begawan serta menyediakan platform bagi pembangunan usahawan-usahawan baharu di negara ini.

Perkara ini adalah satu perkembangan positif yang perlu pertingkatkan lagi. Program Bandarku Ceria adalah contoh baik sebagai pendekatan secara *whole of nation* bahkan *whole of society* adalah lebih berkesan dan *sustainable.* Pihak kerajaan hanya memainkan peranan sebagai pemudah cara manakala individu, persatuan dan kumpulan-kumpulan yang berkenaan adalah peneraju sebenar dalam memastikan Bandarku Ceria ini sentiasa hidup dan meriah setiap hari Ahad. Apa yang lebih mengembirakan lagi ialah ada sudah kedengaran permintaan orang ramai Program BandarKu Ceria ini dilaratkan lagi ke setiap daerah di negara ini, kedengaran kaola juga Yang Berhormat Pengerusi usulnya hari Ahad yang akan datang ini Bangarku Ceria barangkali Yang Berhormat dapat mengongsikan di Dewan yang mulia ini.

Jadi inilah yang kita mahukan bahawa inisiatif positif seperti ini menjadi tanggungjawab kita semua. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Wawasan Brunei 2035 hanya akan dapat direalisasikan dengan komitmen jitu daripada kesemua lapisan masyarakat di negara ini. Perubahan perlu bermula dari dalam diri kita sendiri, dan ini memerlukan kita sentiasa bersedia untuk berubah, bersikap proaktif, tidak berpaut kepada cara lama dalam menghadapi cabaran dan bersedia melakukan perubahan minda.

Cabaran untuk mengubah cara pemilihan kadar pengambilan makanan adalah masalah terbesar yang kita hadapi di negara ini. Seseorang yang sudah rajin melakukan latihan jasmani tidak semestinya bererti beliau mampu mengawal gaya pemakanannya. Dalam pada itu, seseorang yang telah dijangkiti penyakit kronik seperti penyakit jantung, darah tinggi atau kencing manis belum setentunya akan membuatkan dirinya insaf dan sedar untuk mengubah gaya hidup dan pemakanannya, umpamanya mula bersenam dan berhenti merokok.

Peranan persekitaran dan rakan-rakan sekeliling mempunyai pengaruh besar dalam menentukan sama ada seseorang itu dapat mengubah cara hidup dan pemakanannya. Oleh itu, kaedah *behavioural insight* ataupun kefahaman tingkah laku adalah menarik untuk digunakan.

Sebagai contoh, penyediaan pilihan secara tersedia ataupun *(default option)* akan mempengaruhi kelakuan ataupun keputusan tindak-tanduk seseorang. Penyediaan hanya buah-buahan, kopi

tanpa gula ataupun air semasa mesyuarat sudah setentunya akan secara automatik memberikan pilihan sihat kepada yang hadir. Begitu juga penutupan lif ataupun eskalator akan membiasakan penghuni bangunan untuk menaiki tangga.

Dalam erti kata lain, usaha untuk mempengaruhi ataupun *(nudging)* kelakuan seseorang itu akan memerlukan penyediaan pilihan dan persekitaran yang mudah *(easy),* menarik *(attractive),* sosial dan tepat pada masanya (*timely*).

Apabila kesihatan dibudayakan *(culture of health)*, semua aspek kehidupan akan memastikan kesihatan sentiasa diutamakan baik dari segi pemakanan, persekitaran, pendidikan, perkerjaan mahupun pergaulan. Setiap individu, masyarakat, agensi kerajaan dan swasta akan memainkan peranan masing-masing. Apa jua tindakan dan dasar akan dibuat demi memastikan kesihatan dan gaya hidup sihat akan dapat dipupuk bersama.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan menyambut baik langkah Kementerian Kewangan dalam mengenakan cukai eksais ke atas produk-produk makanan yang mengandungi kandungan gula yang tinggi dan *Monosodium Glutamate (MSG)* bagi mengawal penggunaannya dan meningkatkan gaya budaya hidup sihat.

Pengenaan cukai ke atas makanan dan minuman yang manis adalah satu intervensi yang telah terbukti *(evidence-based intervention)* seperti mana jua yang telah dapat dilihat di Mexico dan California, Amerika Syarikat bahawa penaikan kadar cukai ke atas minuman manis telah menunjukkan penurunan pembelian minuman manis dan pada masa yang sama pembelian air botol pula telah meningkat. Kaola berharap perubahan tabiat yang lebih cenderung kepada meminum air kosong akan dapat dilihat di negara kita, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi kaola telah mengongsikan bahawa sebahagian daripada impian untuk melihat orang kitani semakin bertambah aktif beriadah dan bersukan telah hampir menjadi kenyataan. Alangkah indahnya jika budaya kesihatan menjadi amalan di negara kita.

Di samping giat bersenam kita juga mengambil berat terhadap pemakanan kitani. Impian untuk melihat restoran mahupun majlis kenduri menghidangkan juadah atau menu pilihan sihat dengan membanyakkan pilihan sayur dan buah-buahan berbanding yang lain masih belum tercapai. Kita masih mempunyai cabaran dalam mengubah persepsi masyarakat bahawa makanan sihat lebih mahal dan tidak mudah diperolehi. Jika impian ini menjadi kenyataan, sudah setentunya generasi kitani, aset negara yang paling utama, akan dapat hidup dengan sihat dan sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola amatlah berharap agar apa yang dikongsikan akan

dapat sedikit sebanyak memberikan kefahaman kepada kita semua selaku rakyat dan penduduk di negara ini dalam menjadikan kesihatan sebagai tanggungjawab bersama. Impak yang dihasilkan jika usaha itu datang dari peringkat akar umbi *(grassroot level)* adalah lebih signifikan. Dalam erti kata lain, kita mestilah mengambil pendekatan *inverting the pyramid* dan memperkukuhkan penglibatan masyarakat *(civic engagement)* yang kita semua sebagai individu memainkan peranan penting dalam membawa lebih banyak pemikiran kreatif dan penyelesaian yang lebih *sustainable* bagi merealisasikan visi "Bersama Ke Arah Warga Sihat" dan untuk kita sama-sama mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Kesihatan yang baik akan menjurus kepada peningkatan produktiviti individu mahupun negara ke arah kesejahteraan sosioekonomi yang mampan. Dengan ini, Kementerian Kesihatan menyokong penuh tema Belanjawan Tahun 2017 iaitu:- 'Belanjawan Seimbang bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi yang Mampan (*Sustainable*)' dan segala usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ adalah mendukung dan sejajar dengan fokus utama belanjawan.

Sekian dan sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan yang diberikan untuk menyampaikan mukadimah ini.

وبالله التوفيق والهداية وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah pun membentangkan belanjawan bagi tujuan dan matlamat kementeriannya dalam memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mempertimbangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sekarang kita berhadapan pula dengan Kementerian Kesihatan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun membuat kenyataan dan pertanyaan dan juga sokongan-sokongan dan perkara itu telah pun dijawab dan dipertimbangkan dengan mendalam oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Maka, perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini perlu kita teliti dan lihat dengan apa yang boleh kita panggil sebagai *fresh look* dan bagi membolehkan kita berbuat sedemikian, saya berpendapat bahawa Majlis Mesyuarat Jawatankuasa ini eloklah kita tangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di Persidangan

Majlis Mesyuarat Negara. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ Saya ingin mencadangkan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 16 Mac 2017, pukul 9.00 pagi.

Sekian, وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 17 Jamadilakhir 1438 / 16 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kesembilan, hari Khamis, 17 Jamadilakhir 1438 bersamaan 16 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Segala puji dan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat, kurnia-Nya jua, kita dapat pada pagi ini bersama-sama hadir untuk terus lagi membincangkan perkara yang sedang kita hadapi.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini adalah memasuki hari yang kesembilan dan kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah pun juga bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Pada petang semalam kita telah mula untuk membahaskan Belanjawan Kementerian Kesihatan. Kita telah mendengar penerangan yang terperinci tentang matlamat-matlamat dan sasaran-sasaran bagi Belanjawan Kementerian tersebut bagi Tahun Kewangan 2017/2018 yang telah diterangkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Maka bagi membolehkan kita untuk meneruskan usaha ini dan membincangkan serta membahaskan Tajuk Kementerian Kesihatan, saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara kita ini dan kita akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa pada petang semalam kita telah mula membahaskan Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan.

Ucapan pendahuluan telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sebelum saya menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbincangan ini, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah meminta izin untuk memberikan keterangan lanjut terhadap beberapa soalan yang telah ditimbulkan semalam. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola akan menambah dan juga melengkapkan jawapan kaola kepada beberapa soalan.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa kelmarin mengenai Industri Kreatif. Sebagai tambahan yang dimaksudkan dalam soalan Yang Berhormat itu ialah:-

- Penyediaan *Cultural Spaces* bagi kegiatan kesenian yang dilaksanakan secara persendirian oleh beberapa agensi swasta dan kumpulan;

- *Cultural Space* yang dicadangkan di Galeri Seni pada dasarnya adalah tertumpu kepada kegiatan seni tampak atau *visual arts* dan pameran-pameran dua hala, manakala kawasan luar Dermaga Diraja dijadikan sebagai *Arts Market* atau Pasar Seni sewaktu Bandarku Ceria di bawah pelaksanaan Majlis Belia Brunei;

- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berbangga dengan pihak swasta dan individu yang telah membuka *Cultural Spaces* dalam memajukan kesenian dan usaha seperti ini adalah model yang berkesan dalam mengembangmajukan Industri Kreatif yang pada utamanya bukanlah *Government Driven* malahan masing-masing berperanan memajukannya;

- Peranan pihak kerajaan adalah untuk menyediakan polisi berkenaan Industri Kreatif manakala pertumbuhannya adalah merupakan milik bersama segenap sektor dalam pembangunan negara;

- Sukacita dimaklumkan juga usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menunggu keutamaan pembangunan adalah termasuk Projek Balai Budaya yang mana *detail*nya kaola telah maklumkan sewaktu muzakarah bulan lepas;

- Sementara ini, *Culture Spaces* yang sering digunakan oleh aktivis seni budaya ialah di Pusat Persidangan

Antarabangsa, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, dewan-dewan kemasyarakatan, gedung-gedung perniagaan serta dewan dan kawasan milik kerajaan dan swasta yang lain; dan

- Pertumbuhan sihat ini sudah setentunya menjadikan mitra kerja yang berkesan antara kerajaan dan pemegang taruh *(stakeholders)* dan akan meningkatkan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ peratus dalam KDNK negara serta membuka peluang pekerjaan di sektor industri kreatif ini.

Kaola juga ingin menambah jawapan kaola kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman kelmarin Yang Berhormat Pengerusi.

Pada tahun 2011 terdapat cadangan rancangan untuk menubuhkan satu garis panduan kemiskinan *(poverty guideline)* negara dengan menggunakan data yang diperolehi dari penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Kebangsaan, masa itu pada tahun 2012. Kajian perbelanjaan Keluarga terbaharu adalah 2015 dan 2016. Adakah usaha-usaha sudah dibuat untuk menyelaraskan data-data dari banci untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan seperti bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Majlis Ugama Islam (MUIB) dan apakah statusnya pada masa ini?

Sebagai jawapannya, antara dasar Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial, semasa bersidang dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) Ke-1/2011 pada 17 Januari 2011 telah membincangkan hasil kaji selidik mengenai kemiskinan di Negara Brunei Darussalam dan bersetuju untuk menerima definisi kemiskinan menurut perspektif Syari'ah iaitu situasi bahawa seseorang itu tidak mampu untuk menjana pendapatan untuk mencapai keperluan asas bagi kehidupan yang berpatutan untuk dirinya dan tanggungannya yang diwajibkan ke atasnya, sebagai definisi rasmi bagi kemiskinan di Negara Brunei Darussalam.

Untuk mengadaptasikan definisi ini agar mudah diguna pakai, Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) telah menetapkan agar ia dikaitkan dengan Kos Minimum Keperluan Asas (KMKA) bulanan yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Oleh itu, perkiraan tahap kemiskinan di negara ini telah ditetapkan dengan menggunakan terminologi KMKA dan bukannya "garis kemiskinan".

Kos Minimum Keperluan Asas (KMKA) yang digunakan pada masa ini, iaitu sebanyak $253.00 seorang sebulan, adalah hasil Kajian Perbelanjaan Keluarga 2005. Kaola difahamkan bahawa Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sedang dalam proses mereviu kadar KMKA ini dengan menggunakan data dari Kajian Perbelanjaan Keluarga 2015.

Penyelarasan dengan Banci Penduduk bagi mendapatkan jumlah penduduk tempatan yang memerlukan bantuan selaras dengan definisi rasmi kemiskinan

yang telah dipersetujui, hanya akan dapat dilaksanakan setelah kadar KMKA ini selesai direviu. Sungguhpun demikian, kerja-kerja penyelarasan data penerima bantuan akan terus mengikut keperluan dengan agensi-agensi pengendali bantuan seperti Majlis Ugama Islam Brunei dan Kementerian Pendidikan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ usaha-usaha penyelarasan data penerima bantuan ini akan dipertingkatkan lagi, khususnya melalui penyejajaran semua pangkalan data *(database)* yang diurus tadbir oleh agensi-agensi pengendali bantuan, seperti mana jua yang telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial semasa Mesyuarat Kali Ke-1/2016 pada 26 Januari 2016 tahun lalu; dan

Kaola ingin melengkapkan jawapan terhadap soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, semalam, iaitu:-

i. Adakah jumlah penerimaan Bantuan Kebajikan Bulanan akan berkurangan bagi tahun 2017/2018 dan sukacita ingin mengetahui berapa perbelanjaan bulanan sebenar bagi Bantuan Kebajikan Bulanan ini; dan

ii. Adakah permohonan untuk mendapatkan bantuan ini akan diketatkan?

Sebagai jawapan tambahan kaola, dasar bantuan kerajaan adalah untuk memperkasa keupayaan masyarakat agar dapat berdikari serta menjana kehidupan yang mantap. Bantuan kebajikan bertujuan membantu meringankan beban individu atau keluarga yang berpenghidupan susah dan tidak berpengharapan. Bantuan yang diberikan adalah dengan had atau nilai yang tertentu dan ia tidak menyekat bagi penerima untuk berusaha sendiri dan terus mencari jalan supaya tidak berkekalan sebagai penerima bantuan yang bergantung sepenuhnya pada bantuan semata-mata tanpa mahu berusaha.

Selaras dengan Strategi Jaminan Sosial untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan berperanan untuk:-

i. Menyediakan satu sistem jaminan sosial yang berdaya tahan bagi mereka yang kurang upaya; dan

ii. Memperkukuhkan program yang akan menggalakkan semangat keusahawanan dan berdikari dalam kalangan penduduk negara ini.

Menurut statistik perbelanjaan sebenar Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) yang dibayar oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat sepanjang tahun 2016, purata perbelanjaan sebulan ialah sebanyak $1,537,738.33.

Sungguhpun jumlah penerima (BKB) menunjukkan peningkatan dari tahun ke setahun, namun di sepanjang tahun 2016 jumlah bulanan telah menunjukkan trend mendatar, malah ada sedikit penurunan iaitu daripada 6,604 ketua

keluarga yang menerima BKB pada bulan Januari 2016 kepada 6,363 ketua keluarga pada bulan Disember 2016.

Walau bagaimanapun, adalah diharapkan dengan berbagai-bagai intervensi termasuk perancangan Program Bantuan Baharu Kebangsaan yang kaola nyatakan sewaktu mukadimah kaola kelmarin pagi, diharap akan dapat mengurangkan lagi jumlah penerima bantuan kebajikan pada tahun-tahun yang akan datang.

Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat, antara yang dicadangkan dalam Program Bantuan Baharu Kebangsaan ini juga termasuk penelitian semula syarat-syarat kelayakan BKB untuk mengaitkan dengan keperluan bagi penerima-penerima BKB yang *able-bodied* dan *able-to-work* untuk berusaha menjana pendapatan sendiri, sama ada dengan mendapatkan pekerjaan *(employment)* atau berusaha sendiri.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola dapat sampaikan pada pagi ini, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka dengan jawapan-jawapan yang diberikan sebagai jawapan-jawapan tambahan itu, maka saya fikir terjawablah soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka, kita sekarang memulakan perbincangan mengenai Belanjawan Kementerian Kesihatan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Antara soalan yang akan kaola hadapkan ialah berfokus kepada masalah obesiti kelmarin seperti mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang menyatakan perkara ini.

Gejala obesiti pada masa ini kaola dapat melihat semakin meningkat di negara ini, yang menyumbang kepada peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit. Pelbagai inisiatif aktiviti dan program telah pun dilaksanakan oleh pelbagai pihak di semua peringkat termasuk di peringkat kerajaan, sektor swasta dan masyarakat awam dalam sama-sama menangani gejala ini.

Ini adalah selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1437/2016, bahawa baginda menekankan supaya pihak-pihak yang berkenaan meneruskan usaha bagi mengatasi gejala obesiti yang meningkat di negara ini, serta menyeru agar kita lebih cepat bertindak memupuk kesedaran supaya semua orang menjalani hidup sihat dan gaya

pemakanan sihat dan tidak lengah dari memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada masyarakat. Ini termasuklah meningkatkan promosi serta motivasi yang tidak memadai hanya sekali dua sahaja ia dilakukan tetapi diteruskan sehingga benar-benar diresapi kepada masyarakat.

Dalam pada itu, salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan, khususnya ialah inisiatif pilihan sihat dan logo pilihan sihat. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 2 soalan:-

1. Sejauh manakah perkembangan inisiatif ini? dan apakah perancangan pihak Kementerian Kesihatan bersama agensi-agensi yang lain untuk melaratkan dan memantapkan lagi inisiatif yang baik ini dalam kalangan Pengusaha-Pengusaha Kecil dan Sederhana termasuk produk-produk makanan dan minuman di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dalam membantu pengguna dan orang ramai untuk membuat pilihan yang bijak?; dan

2. Bagaimanakah pula *update* dan perkembangan inisiatif Program Pasar Raya Sihat yang telah dilaksanakan sejak tahun 2015?, sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

Pertama-tamanya kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat atas isu yang ditimbulkan sebentar tadi.

Yang Berhormat, ialah isu kebimbangan mengenai obesiti dan tatacara kita memastikan untuk meningkatkan kesedaran dengan sesegeranya dan isu spesifik yang Yang Berhormat timbulkan tadi itu ialah mengenai dengan logo *healthy choice*. Terima kasih.

Sebenarnya *healthy choice logo* ini pihak Kementerian Kesihatan melalui *Health Promotion Centre*, Kementerian Kesihatan mengadakan siri bengkel untuk memberi kesedaran kepada semua pihak yang ada kena mengenanya dengan industri pemakanan ini. Ini dari segi peringkat restoran, peringkat *food supplier* dan sebagainya.

Bengkel-bengkel ini akan diteruskan secara langsung, malahan sebahagian daripada kedai dan juga *supermarket* tidak perlulah kaola menyebut nama-namanya telah mengambil langkah positif untuk sama-sama mula menggunakan logo-logo ini. إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan dilaratkan dan sangat menyenangkan hati bahkan banyak sudah orang tampil ke hadapan bertanya mengenai logo-logo ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Ini satu indikasi yang positif bahawa kesedaran itu datang daripada mereka yang akan menjual, yang akan memberi dan *bisai* juga Yang Berhormat tadi mengingati mengenai Satu Kampung Satu Produk ini.

Pada muzakarah kita ada ditimbulkan oleh rakan sejawat kita Yang Berhormat mengenai isu keselamatan pemakanan. Salah satu daripada objektif kita memberi logo itu ialah untuk memastikan keselamatan makanan itu juga. Bukan sahaja dari segi kandungan kalori, kandungan lemak dan sebagainya malahan dari segi penyiapan makanan ini juga. Kalau kita mempunyai kesedaran mengenai keselamatan pemakanan ini, *consumer* yang memakan makanan ini akan terjamin dari segi kesihatannya juga. إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Untuk itu, abis kaola mengalu-alukan mereka yang ingin tahu lebih lanjut lagi mengenai logo ini, abis kaola akan mengongsikan seberapa *detailnya*. Walau bagaimanapun, kempen mengenai memberi kesedaran ini akan terus-menerus diadakan dan abis kaola akan *leverage* ke peringkat akar umbi, ini kerana kesedaran itu harus mula daripada individu. Kerajaan cuma memudah cara tetapi yang lainnya terserah kepada individu itu. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.
اَلسَّلاَمُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى

Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin mengimbas kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) semasa membentangkan Rang Perbelanjaan ataupun Belanjawan 2017/2018. Yang Berhormat ada menyebutkan antara yang difikirkan dalam penyediaan Rang Belanjawan itu adalah bagi meneruskan sifat keprihatinan kerajaan kepada golongan yang tertentu dengan memberikan bantuan khusus dan juga seperti pemberian cukai dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri juga menyebut ada 2 perkara yang disebutkannya iaitu pemberian bantuan lampin pakai buang dan satu lagi barang keperluan anak damit. Kaola ingin menarik perhatian bahawa kenyataan itu memanglah menunjukkan keprihatinan kerajaan tetapi apabila ia disebut secara khusus itu telah menimbulkan polemik di kalangan masyarakat dan telah mungkin disalahtafsirkan.

Kaola sempat merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan beliau ada mengatakan bahawa perkara itu bukan menjadi tajuk atau bajet khusus dalam kementeriannya. Walau bagaimanapun, wujudnya perkara bantuan ini diperlukan oleh masyarakat dan ada golongan sasar yang tertentu. Kaola cadangkan jika ada rancangan Kementerian Kesihatan untuk

berkolaborasi dengan *NGO* atau orang-orang tertentu dalam masyarakat supaya melaratkan bantuan-bantuan itu di kalangan mereka.

Beberapa tahun yang lepas, terdapat dalam media sosial orang-orang berkeperluan begini memerlukan bantuan seperti mesin-mesin tertentu yang kemungkinan Kementerian Kesihatan dapat mengadakan. Tetapi masyarakat telah tampil ke hadapan dengan penuh keprihatinan dan kasih sayang mereka sama-sama membantu golongan sasar tersebut. Maksud kaola menimbulkan supaya jangan tah disebut *item-item* itu secara khusus jadikan ia sebagai satu tajuk *miscelleneous* atau rampaian dalam senarai barang yang diperlukan itu ada perkara itu supaya tidak disalahertikan.

Kaola mengambil maklum bahawa Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa dan kita pernah mendengar juga ada Skim *Career Development* ataupun Pembangunan Kerjaya Staf Profesional di kementerian itu. Kaola ingin bertanya sejauh manakah perkembangan skim ini dan had umur profesional staf ini untuk dihantar belajar sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Kaola faham, umur diambil kira juga supaya mereka apabila balik nanti memberikan khidmat lagi secukupnya kepada kementerian yang berkenaan. Mudah-mudahan sahaja skim ini dapat meningkatkan lagi tahap profesionalisme mereka dan juga membaiki keadaan kehidupan mereka.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat atas mengutarakan 2 isu iaitu mengenai isu pengagihan lampin dan yang semacam itu. Tidak perlu disebut di Dewan yang mulia ini. Kita sudah maklum sudah disebut dengan jelasnya oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, saya fikir tidak ada salahnya kita menggunakan perkataan itu sebab ini adalah pemberian daripada kerajaan dan perkara seperti ini adalah perkara yang biasa kita hadapi seharian.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Isu lampin dan isu *breast pump* untuk kegunaan ibu-ibu yang baru melahirkan *anak-anak damit* ini. Ringkas sahaja jawapan kaola. Kaola sangat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat mengenai cara yang terbaik mengenai sasaran yang memerlukan perkara ini dan ditambahkan lagi dengan keperluan yang lain ini. Jadi bisai tah barangkali kaola dengan Yang Berhormat itu berbincang secara *bilateral* jua.

Melalui pihak-pihak *NGO's* untuk sama-sama, malahan pihak Penghulu dan Ketua Kampung. Abis kaola meminta

pertolongan biskita agar biskita yang lebih tahu lagi anak-anak buah biskita itu bagaimana caranya.

Di pihak kerajaan kita juga harus bagaimana perkara macam ini jua ditangani oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan disusul lagi.

Mengenai Skim Pembangunan Kerjaya. Ingin kaola jelaskan apa pun organisasi ini sama ada peringkat kerajaan ataupun peringkat swasta, didefinisikan dengan kualiti orang dalamnya jadi pekerja-pekerjanya. Pihak kerajaan termasuklah pihak Kementerian Kesihatan ini mengambil berat tentang hal-ehwal isu *talent pipeline development* di peringkat kesihatan Yang Berhormat Pengerusi abis kaola sudah mereviu lebih dari setahun yang lalu mengenai rancangan *talent pipeline* abis kaola ini dan sudah memulakan ataupun mengimplikasikan *career development* bagi orang-orang yang bertugas di bawah Kementerian Kesihatan ini.

Rata-rata di peringkat pegawai-pegawai kesihatan termasuklah doktor, jururawat dan juga *health care professional* dan juga mereka yang bukan ahli *health care professional* ini, pentadbir dan sebagainya.

Kaola mengambil kesempatan bekerjasama dengan universiti-universiti dan Politeknik kitani, *IBTE* yang ada di negara ini untuk sama-sama memikul tanggungjawab bukan sahaja memandaikan orang kitani, malah meningkatkan lagi kemahiran orang kitani.

Harus jua ditekankan, *bisai* menghantar orang belajar ke luar negeri ini untuk mempelajari apa yang ada di luar negeri. Tapi kadang-kadang kitani harus ingat, kitani ada institusi-institusi pengajian tinggi yang boleh menampung keperluan ini jua malah institusi kitani sekarang pun banyak sudah ber*partner* dengan institusi luar negeri.

Jadi, barangkali kitani memerlukan bukan sahaja kesedaran ataupun kefahaman orang-orang kitani, jangan kitani *under estimate* institusi pengajian kitani di negara ini jua.

Mengenai progresnya, الْحَمْدُ لله kalau dari segi kedoktoran, kepakaran bahagian peringkat kesihatan asasi sudah dijalankan di negara kitani sendiri. Programnya tiga tahun, kejururawatan mengenai latihan khusus pun sudah dijalankan bersama Politeknik Brunei dan juga Universiti Brunei Darussalam.

Jadi perkara ini akan dijalankan berterusan إِنْ شَاءَ اللَّهُ terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri

Kesihatan atas segala usaha yang dilaksanakan. Kaola ingin merujuk mengenai Tajuk SM01A – 003/000 iaitu Penjagaan Kesihatan Asasi.

الْحَمْدُ لله sudah ada usaha bersifat komuniti yang diketuai oleh *NGO,* pergerakan masyarakat termasuk belia dan golongan yang bekerja seperti yang dapat kaola fahami contohnya kesedaran *HIV*, kesedaran penyalahgunaan dadah, kesihatan mental, kesedaran mengenai kanser seperti barah prostat, barah payudara, menganjurkan aktiviti sukan seperti larian, berbasikal, *spinning* dan *zumba* serta lain-lain.

Dalam ucapan mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kaola menyambut baik sokongan kepada komuniti akar umbi ataupun *grass root*, dalam usaha berkaitan dengan kesihatan.

Mungkin soalan kaola ini ada kaitan juga dengan cadangan dari Yang Berhormat melibatkan komuniti akar umbi. Berdasarkan contoh-contoh tadi, apakah perancangan pihak kementerian untuk menggalakkan lagi *call of nation opportunity* melalui komuniti *grass root late health initiative* ini yang memobilisasikan masyarakat termasuk rakan sebaya ataupun pemimpin masyarakat NGO, ahli keluarga dan lain-lain lagi.

Kaola ingin memberikan cadangan mungkin dengan bantuan meningkatkan kapasiti *stakeholders*, penyediaan prasarana, *pay for service*, serta bantuan teknikal daripada pakar-pakar dari Kementerian Kesihatan, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola rakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat mengenai isu yang timbulkan itu. الْحَمْدُ لله sebenarnya perkara ini abis kaola ada membincangkan isu ini semasa sesi muzakarah hari itu dan semenjak itu pun abis kaola meneruskan perbincangan ini. Ini adalah satu perbincangan yang barangkali mustahak diadakan untuk menimbulkan kesedaran orang ramai.

Seperti mana jua yang kaola terangkan masa mukadimah kaola semalam, apa pun yang kitani laksanakan ini, ia mesti dan harus bermula daripada *that one very important person* dahulu iaitu diri kitani sendiri. Kalau kitani akan merubah sikap kitani ini, ia tidak dapat memerlukan motivasi dari luar, motivasinya harus datang dari dalam. Mengapa kitani melaksanakannya kerana kesihatan, mengapa kesihatan, mungkin kerana kita ada bini, anak, cucu di bawah tanggungan kita ini.

Jadi, kalau sekiranya motivasi itu secara *infringing,* إِنْ شَاءَ اللَّهُ ia akan menjadi lebih *sustainable* (mampan) lagi. Saranan Yang Berhormat tadi itu, kaola sambut dengan baik banyak sudah perkara yang dijalankan pada masa ini. Pihak Kementerian Kesihatan menggunakan social *network* sama ada menggunakan *network gym* yang ada di Brunei ini. Biskita ada mendengar

sekarang banyak sudah *boot-camp* dilaksanakan di sana sini.

Apa yang abis kaola dapati kalau tah orang swasta, orang ramai melaksanakannya, lebih ramai orang ikut, tetapi kalau Kementerian Kesihatan membuat, minta maaf bukan pulang akan menurunkan Kementerian Kesihatan ini, macam kurang tarikan itu.

Jadi, apa-apa pun yang kitani laksanakan ini, iatah yang kaola terangkan dalam mukadimah kaola itu kaedah *behavioral insight* ini ia haruslah senang orang mengikuti, keduanya menarik, ketiga haruslah *timely* tepat pada masanya dan kalau sekiranya perkara-perkara ini ada إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ orang ramai akan ikut.

Abiskaola ada mengadakan klinik hidup cara sihat. Tapi yang abiskaola dapati, mereka yang berjaya umpamanya isu obesiti, menurunkan berat badan mereka kadang-kadang sampai 40kg turun berat badan mereka ini, ialah mereka yang bukan sahaja menghadiri klinik itu, malah mereka *start* membuat *network* mereka sendiri, mereka sendiri mengadakan, mereka membawa orang lain lagi.

Jadi, barangkali Yang Berhormat, mari tah kitani teruskan kitani punya *discussion* ini malah jangan sahaja kitani bercakap, kitani laksanakan tia. Abis kaola akan memberi sokongan penuh terutama kalangan belia, aset negara kitani yang paling mustahak terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong penuh cadangan pembentangan Anggaran Belanjawan Perbekalan (2017), 2017/2018 oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat.

Dalam Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan ini, kaola bercakap mengenai Kod Akaun 002/000 – Kesihatan Awam dan Kod Akaun 003/000 – Penjagaan Kesihatan Asasi. Hampir 20% penduduk negara ini menghidap diabetis yang berpotensi penyebab meningkatnya pemotongan anggota atau imputasi.

Hampir 10% kanak-kanak di bawah umur 5 tahun telah dikesan mengalami berat badan berlebihan atau obesiti. Kaum bapa pula, hampir 50% masih jadi perokok dalam rumah, termasuk juga sebahagian remaja belia pun merokok jua. Mereka ini sebenarnya bertindak menyakiti diri sendiri dan juga keluarga.

Malah menjadi penyebar racun yang berbahaya dalam negara kita. Peningkatan amat ketara juga dalam penyakit kronik tidak berjangkit, seperti kanser, jantung, kencing manis

dan darah tinggi yang tidak mengenal usia dan status sosial. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan dan saranan kaola ialah:-

1. Untuk menstabilkan emosi yang bercelaru, sedih dan mungkin putus asa bagi penghidap kanser, diabetes yang telah dipotong anggota dan buah pinggang kronik, adakah mereka ini menerima sesi kaunseling individu atau kelompok? Jika ada, berapa kalikah kekerapan sesi kaunseling ini dilaksanakan. Sekiranya belum ada dicadangkan untuk melaksanakannya dengan penyediaan bilik kaunseling yang selesa kerana ia sangat diperlukan bukan sahaja untuk penghidap penyakit tersebut tetapi juga untuk pesakit lain dan juga keluarga pesakit;

2. Apakah sudah ada pelaksanaan atau program Kementerian Kesihatan bagi mengatasi obesiti dalam di kalangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun ini? Kaola cadangkan supaya ada tempat khas di pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik, hospital dan sekolah tadika untuk aktiviti riadah kanak-kanak berbentuk peralatan permainan dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu dengan pemantauan kakitangan pakar atau penyertaan keluarga kanak-kanak berkenaan membawa ke klinik atau hospital;

3. Adakah akta larangan merokok di tempat awam telah dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya? Kerana kita maklum rokok masih saja terus diedar, boleh dijual, dibeli dan dihisap oleh rakyat di tempat larangan termasuk orang Islam sendiri walaupun sudah difatwakan haram. Kaola cadangkan supaya penguatkuasaan dimanfaatkan lagi.

   Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antaranya, apakah lagi ditunggu itu, hukum haram merokok sudah pun difatwakan. Begitu juga mudarat merokok sehingga membahayakan nyawa sudah dikenal pasti.

   Malah, perkara ini sering diulang-ulang dalam ucapan-ucapan, namun rokok masih terus diedar, boleh dijual, dibeli dan dihisap oleh orang-orang Islam sendiri. Sampai bilakah lagi untuk kita bertindak tegas menyelamatkan orang ramai dan negara daripada bahaya rokok itu?;

4. Memperingati Hari Jantung Sedunia dan Kanser Sedunia, diperingati dengan aktiviti larian-larian amal, forum, ceramah dan sebagainya. Pertanyaan kaola, adakah pernah dimasukkan dalam aktiviti tersebut sembahyang hajat berjemaah, membaca Yaasin dan doa? Jika belum ada, kaola cadangkan supaya elok dilaksanakan untuk memohon doa supaya dijauhkan daripada penyakit tersebut. Seperti mana juga negara ini telah melaksanakan memperingati Hari Mangsa Jalan Raya Sedunia dengan Solat Hajat, membaca Surah Yaasin dan Doa; dan

5. Cadangan bagi menggalakkan atau meningkatkan orang bersukan dan beriadah supaya kadar cukai import peralatan sukan, makanan dan minuman sihat seperti buah-buahan dan sayur-sayuran diturunkan agar dijual lebih murah dan semua peringkat masyarakat dapat menikmatinya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merakamkan setinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat atas 5 isu yang dikemukakan sebentar tadi. Kaola mulakan dari isu yang kelima iaitu mengenai penurunan harga barang-barang yang mendatangkan kesihatan, kaola menyambut baik dan terpaksa jua dibincangkan seluas-luasnya perkara ini.

Jadi kitani membawa perbincangan dengan pihak yang tertentu. Perkara ini akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang tertentu.

Cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan Majlis Solat Hajat, membaca Surah Yaasin dan Doa Selamat sempena Hari Jantung dan Kanser Sedunia. Sebenarnya, perkara ini memang dilaksanakan tetapi tidak semestinya dinampakkan di televisyen. Satu ingatan yang baik dan terima kasih atas ingatan Yang Berhormat itu.

Mengenai isu *enforcement* berkenaan rokok. الْحَمْدُ لله Negara Brunei Darussalam sudah ada Perintah Tembakau 2005. Kementerian Kesihatan sudah pun melantik penguat kuasa untuk keluar ke kawasan-kawasan awam, restoran menasihati kalau didapati merokok.

Walau macam manapun, isu yang timbul bagaimana orang-orang yang merokok ini dapat menerima teguran. Pihak penguat kuasa memakai uniform maka tidak efektif. Jadi, pada masa ini, pihak kaola sedang berunding dengan pihak-pihak yang beruniform terutama sekali pihak Polis Diraja Brunei untuk bekerjasama bagi mengatasi isu-isu *enforcement* ini.

Perkara ini sudah kaola timbulkan dalam perbincangan dalam Jawatankuasa *Multi Sector Taskforce on Health*, الْحَمْدُ لله penubuhannya dalam bulan Januari ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang tertentu dan juga dengan melibatkan pihak awam. Sudah ada perundingan mengenai isu *enforcement* ini dan dalam masa terdekat ini kita akan melihat strategi-strategi yang tertentu untuk memastikan pengurangan orang merokok dan jika boleh tidak ada sama sekali. Yang Berhormat juga mengingati sudah ada hukum haram merokok di Brunei ini.

Mengenai pelaksanaan program obesiti atau mengurangkan obesiti dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah, yang mustahaknya ialah kefahaman walaupun kitani mengadakan tempat-tempat tertentu di sekolah dan sebagainya. Sebenarnya di sekolah

banyak tempat riadah seperti padang dan sebagainya.

Malah, jika dilihat Bandarku Ceria sebenarnya tidak menanti untuk mengadakan *gym* atau sebagainya, cuma dengan sokongan pihak kerajaan, Bandar Seri Begawan yang dalam sekitar 12 Ke 13 km jalannya ditutup setiap hari Ahad untuk mengubah Bandar Seri Begawan sebagai *Urban Park,* tidak menggunakan kewangan cuma orang ramai menggunakannya dan الْحَمْدُ لله orang ramai menyambut baik perkara ini dan akan dilaratkan ke daerah-daerah lain juga.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua melalui *Multi Sector Taskforce on Health* ini juga, perbincangan terperinci sudah diadakan dengan kementerian tertentu, seperti Kementerian Pendidikan bagaimana kitani boleh meningkatkan lagi *physical activity* kanak-kanak.

Kelmarin, kaola ada mengongsikan melalui *survey* Kementerian Kesihatan cuma 13% sahaja dalam kalangan kanak-kanak kitani yang giat dalam aktiviti fizikal ini dan perkara ini memang membimbangkan.

Jadi, kesedaran itu harus timbul dari peringkat rumah, persekolahan malah peringkat masyarakat. Kaola yakin jika kita bekerjasama terutama sekali di peringkat akar umbi melalui ibu bapa, perkampungan, mukim-mukim, persekolahan dan sebagainya kita dapat mengatasi isu obesiti ini.

Adalah diharapkan pihak tertentu dan rakyat di Brunei ini akan menyokong inisiatif ini kerana inisiatif ini adalah inisiatif kita semua إِنْ شَاءَ اللهُ

Yang terakhir, mengenai isu kanser, diabetes dan mana-mana penyakit yang tidak berjangkit ini. Mengenai isu kaunseling ini, sebenarnya kaunseling ini berlaku di tiap peringkat. Kaola mengambil umpama satu *example* sahaja iaitu seorang pesakit yang menghidap kanser. Kanser ini sangat drastiklah kalau sekiranya sudah dikongsikan bersama si pesakit.

Kaunselingnya sebenarnya bermula *even* sebelum diagnosis itu diberikan. Kalau tah disuspek orang itu ada barangkali ketumbuhan di lehernya, memang dari awal perjumpaan dengan doktor*, nurses* dan sebagainya, mula-mula kitani lakukan kaunseling.

Adakah kaunseling itu efektif? Inilah perkara yang harus kitani sentiasa memperbaikinya. Maklum balas daripada pesakit, daripada orang ramai ini yang kitani perlukan di sini. Walau bagaimanapun, kaunseling itu diadakan semasa kata orang putih kitani *'bad news'* itu diberikan kepada pesakit itu akan memakan masa. Bukan sahaja doktor akan memberi kaunseling malah jururawat yang pakar dalam bidang ini. Kalau sekiranya kanser payudara, kitani ada *nurse specialist* dalam kanser payu-dara.

Semua ini الْحَمْدُ لله jua atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, kitani sudah ada Pusat Kanser di negara kitani ani. Pihak Kementerian Kesihatan amatlah menjunjung kasih atas penubuhan pusat ini. Jadi kitani dapat *merefer* pesakit-pesakit ini ke pusat ini, tidak perlu lagi di*refer* ke luar negeri. Kalau ke luar negeri itu mungkin payah sedikit, keluarga tidak dapat ke sana, keluarga pun diperlukan untuk kaunseling ini jua.

Jadi kaunseling ini akan diteruskan. Spesifik kaunseling itu kaola rasa Yang Berhormat Pengerusi kadang-kadang tidak berapa berkesan kerana kaunseling itu nya orang bukan sekali ganya, kaunseling ani berterusan. Kalau sekiranya si pesakit itu balik sudah ke rumah, tengah-tengah rawatan radioterapi, kemoterapi mereka mulai murung, ia boleh menelefon klinik.

Mungkin kena panggil masuk, kena bagi kaunseling lagi. Terima kasih jua ada peringatan ini. إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak abis kaola dan mana-mana pihak pusat kesihatan akan terus meningkatkan bagaimana cara kitani boleh memastikan yang kaunseling yang ada ini demi meningkatkan kefahaman orang yang menghidap penyakit ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ semoga orang lain juga nanti akan terus melakukan tabiat-tabiat yang akan mendatangkan kemudharatan seperti merokok, makan berlebihan dan sebagainya, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Kaola sukacita mengucapkan setinggi tahniah dan syabas atas usaha pelaksanaan cemerlang Perkhidmatan Perubatan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam contohnya seperti penubuhan Pusat Rawatan Diri *(Plastic Surgery)* menjadikan Kementerian Kesihatan satu mercu tanda sebanding dengan negara-negara sahabat seperti Singapura, Hong Kong dan lain-lain.

Kaola ada 2 pertanyaan dan jua cadangan:-

1. Apakah ada perancangan pihak Kementerian Kesihatan membuat pendekatan pencegahan penyakit dengan amalan sihat sunnah dengan إِنْ شَاءَ اللَّهُ رسول الله صلى الله عليه وسلم adanya pemberigaan dan mempraktikkan amalan-amalan sihat sunnah رسول الله صلى الله عليه وسلم mudah-mudahan akan dapat mengurangkan perbelanjaan perubatan negara; dan

2. الْحَمْدُ لِلَّهِ beberapa kaedah perubatan alternatif terdapat di negara kita. Untuk itu kaola sukacita mencadangkan supaya perkhidmatan perubatan alternatif digalakkan untuk dipraktikkan dalam Negara Brunei Darussalam. Dipohonkan syarat-syarat untuk membuka perkhidmatan perubatan alternatif dapat dipermudahkan.

Salah satu perkhidmatan perubatan alternatif ialah berbekam atau *al-hijamah*. Berbekam atau *al-hijamah* adalah perubatan sunah رسول الله صلى الله عليه وسلم yang istimewa yang dibawa oleh Baginda sendiri selepas peristiwa Isra' dan Mi'raj.

Kita perlu sedar kehebatan dan kepentingan rawatan atau perubatan ini yang menyingkap seribu hikmah terhadap penjagaan kesihatan tubuh manusia. Ia juga perlu diamalkan dengan penuh keyakinan bukan hanya menganggapnya sebagai salah satu perubatan Islam bahkan sebagai manifestasi percaya dan cinta hakiki seorang muslim kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan kekasihnya dengan mengikuti رسول الله صلى الله عليه وسلم sunnahnya dalam segenap aspek kehidupan. Firman أَللهِ:-

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾

Dengan maksudnya: "Katakanlah jika kamu benar-benar mencintai أَللهِ, ikutilah Aku (سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) nescaya أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ mengasihi dan mengampuni dosa-dosa mu. أَللهِ Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat mengemukakan 2 perkara:

1. Mengenai perubatan mengikut sunah رسول الله صلى الله عليه وسلم ; dan

2. Mengenai perkhidmatan alternatif.

Kaola melihat perkara ini sebagai satu peringatan buat kitani semua. Untuk makluman kitani harus ingat jua Negara Brunei Darussalam ini negara Islam. Jadi doktor-doktor kitani malah walaupun doktor-doktor luar yang bekerja di negara ini, yang beragama Islam memang mempraktikkan pekerjaan mereka mengikut keislaman kitani. Umpamanya, kalau berjumpa pesakit, memberi salam.

Setelah itu sebelum memeriksa membaca بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ dan doa sebelum merawat pesakit. Ini memang sudah diamalkan. Kitani pun memberi peringatan kepada pesakit mengenai membaca doa, membaca Al-Quran semasa ditahan di hospital.

Di hospital kitani اَلْحَمْدُ لله jua atas sokongan padu dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, ada memberi khidmat ustaz dan ustazah di kesemua hospital kitani ani. Tidaklah kitani mengabaikan, apa nya kitani secara rawatan sebagai seorang Islam. Itu yang kaola ingin menekankannya.

Mengenai isu perkhidmatan alternatif, Memang banyak pulang. Bagi Kementerian Kesihatan, yang abis kaola ingin tekankan, apa pun perkhidmatan yang kitani akan laksanakan mestilah yang pertamanya selamat. Kitani memastikan yang perkhidmatan itu tidak akan memudharatkan siapa yang akan menerima rawatan itu. Yang kedua, dari

segi buktinya. Adakah terbukti perkara-perkara macam ini akan menghasilkan kesihatan dan bukannya menimbulkan penyakit.

Kaola sendiri pernah melihat kes-kes yang telah sampai ke pengetahuan kaola iaitu si-pesakit tiba di klinik kesihatan atau hospital setelah menjalani rawatan alternatif. Kebanyakan daripada rawatan alternatif ini memudharatkan mereka kerana mereka ini tidak ada kefahaman mengenai dengan *treatment itu* dan mungkin ada yang tidak bertauliah atau mungkin tidak ada lesen untuk menjalankan rawatan tersebut.

Kalau dari segi Kementerian Kesihatan, kalaulah rawatan itu terbukti selamat, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ tidak ada memudharatkan pelanggan atau pesakit ini, boleh kita memikirkan sama ada disokong atau tidak rawatan itu. Kitani ada satu unit apa yang dinamakan perkhidmatan-perkhidmatan alternatif ini.

Jikalau Yang Berhormat ingin mengetahui lebih mendalam lagi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dapat dikongsikan nanti. Malah dapat berjumpa dengan mereka yang di unit ini. Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, salam sejahtera. Kaola ingin merujuk Belanjawan Kementerian Kesihatan Kod Akaun 001/004 - Pengurusan Kewangan dan Sumber Alternatif, Pembiayaan Penjagaan Kesihatan. Adalah diketahui dan diakui kualiti penjagaan kesihatan di Brunei adalah yang terbaik di Asia. Dengan kualiti yang sedemikian dan perkhidmatan khusus di RIPAS, kos rawatan sebanyak $150.00 bagi semalam di *Intensive Care Unit (ICU)* pada pendapat kaola terlalu rendah.

Kaola mencadangkan agar kadar ini dikaji semula disebabkan oleh kenaikan kos masa ini. Ini bukan bertujuan untuk membebankan pekerja asing yang bekerja di Brunei Darussalam, kerana majikan boleh mengambil perlindungan tambahan atas Polisi Pampasan Kerja yang diwajibkan.

Kadar tambahan hospital bukan sahaja akan membantu dalam menyokong belanjawan tahunan hospital itu, ia juga akan memberikan faedah kepada syarikat insurans di negara yang akan meningkatkan pendapatan mereka dengan menyediakan perlindungan perubatan tersebut.

Di samping itu, majikan yang mengambil polisi untuk pekerja akan menyumbang kepada ekonomi tempatan serta mengurangkan *demand* hospital. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat menimbulkan isu yang kaola rasa sangatlah tepat pada masanya pada masa ini. Isu *health care financing*

ini, sebenarnya isu ini sudah lama timbul, hanya bagaimana cara yang terbaik kita mengadakan ataupun menangani isu *health care financing cost* ini. Perkara ini juga kita ada berunding di *sideline* muzakarah kita mengenai dengan Ahli Yang Berhormat.

Soalannya ada beberapa perkara:-

1. Kesediaan orang kita untuk menerima perkara sebegini. Memang dalam kita melihat rata-rata jiran kita, malah negara yang bukan *developed countries*, *under developed countries* sudah mula menggunakan skim tersebut. Mereka mengadakan sumbangan untuk kesihatan ini, walaupun sumbangan itu tidak banyak tetapi meningkatkan kesedaran orang, meningkatkan tanggungjawab orang tersebut untuk memastikan mereka akan kesihatan mereka.

   Ada sebuah negara yang tidak jauh dari negara kita, kaola pernah berunding dengan Menteri Kesihatannya jua. Mereka mempunyai modal yang mudah sahaja iaitu modal menabung. Jadi, orang kita menabung untuk kesihatan kita. Wang itu masih wang mereka itu. Cuma pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan akan menjaga wang itu untuk mereka, selagi mereka mengekalkan kesihatan mereka wang itu dengan wang mudharabahnya akan meningkat. Cukup masa nanti, mereka ada wang simpanan untuk masa depan. Motivasinya adalah positif. Ia akan memastikan orang ini lebih sihat sepanjangnya. Memanglah jika ditakdirkan mereka itu sudah ada penyakit sekurang-kurangnya dapat ditangani; dan

2. Isu kos *Intensive Care Unit (ICU)* itu adalah benar yang seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat itu. Kalau di negara lain *average cost* untuk bertahan sahaja semalam di *Intensivce Care Unit (ICU)* ialah lebih $1,000.00, antara $1,000.00 hingga ke $5,000.00. Kita di negara ini, atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan jua untuk memastikan rakyat penduduk kita ini sentiasa terjaga. Jadi subsidi di sana itu sangat tinggi.

Inilah perkara yang barangkali Yang Berhormat Pengerusi, kaola rasa isu negara yang harus kita bincangkan sebaik-baiknya. Ini isu strategik untuk negara kita ini, bukan sahaja dari segi isu akan mengurangkan perbelanjaan, ini adalah isu memastikan kita bertanggungjawab.

Saya mengalu-alukan saranan إِنْ شَاءَ اللَّهُ Yang Berhormat ini Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berharap tidak akan terhenti di sini sahaja dan pada masa akan datang ini kita akan dapat melaksanakan satu inisiatif menjurus kepada yang disarankan oleh Yang Berhormat itu tadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang disampaikannya petang semalam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh Kod Akaun 001/006 - Pengurusan Sumber Tenaga dan Fasiliti. Setelah meneliti apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam mukadimahnya bahawa sesungguhnya kaola menyokong dan dapat memahami secara terperinci inti pati yang begitu jelas memfokuskan semua bidang yang berkaitan dengan kesihatan, demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara kita ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Antara nilai-nilai teras dinamik Kementerian Kesihatan ialah menerima perubahan, membangunkan sumber tenaga manusia yang ada yang sentiasa berkembang dan sentiasa mengambil peluang untuk membuat perubahan. Oleh itu, kaola merasa ada kaitan dengan doktor pakar-pakar dalam semua jenis penyakit di negara ini.

Ke arah itu, kaola mengucapkan tahniah dan juga berasa bangga yang Kementerian Kesihatan telah berjaya melahirkan pakar-pakar dari anak tempatan bahawa mereka ini telah bertugas di Kementerian Kesihatan, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Mereka ini mendapat pujian daripada pesakit-pesakit, kerana mungkin juga dengan adanya pakar anak tempatan ini mereka dapat berkomunikasi dengan baik dengan pesakit dan mereka dapat menyesuaikan diri dan perasaan dengan anak tempatan.

Oleh sebab itu, kaola mencadangkan supaya doktor-doktor pakar dari anak-anak tempatan diberi peluang lebih luas lagi untuk mendapatkan kepakaran dalam semua bidang, termasuk dalam bidang yang tidak terdapat di Negara Brunei Darussalam iaitu selain mengurangkan kebergantungan pada doktor-doktor dari pakar luar negara juga mula mengurangkan perbelanjaan menghantar pesakit ke luar negara yang menerima rawatan kerana kerajaan sentiasa menyediakan peruntukan yang besar seperti mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam.

Kaola ingin bertanya mengapakah kita masih mengambil jururawat daripada luar negara, sedangkan perkara tersebut boleh dilakukan oleh anak-anak tempatan negara kita Brunei Darussalam dan juga bagi membolehkan mendapatkan pekerjaan di negara ini? sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat atas 2 perkara yang ditimbulkan tadi. Kedua-duanya mengenai *localization*.

Kaola rasa perkara ini mustahak jikalau kita tidak mengangkat orang kita, siapa

lagi akan mengangkat mereka ini dan lebih-lebih lagi, betul juga *observation* Yang Berhormat tadi mengenai kepuashatian orang kita. Kalau ia berjumpa, inda pula akan kita merendahkan orang luar kerana kita masih memerlukan perkhidmatan mereka tapi kalau berjumpa orang kitani itu lain juga sedikit, pemerhatian serta cara bercakap dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, الْحَمْدُ لله juga, pada masa ini purata doktor-doktor tempatan sudah meningkat dan mencecah dalam lingkungan 47% dari kesemua jumlah doktor di Brunei ini. Apa yang membanggakan doktor-doktor di peringkat pakar */consultant / specialist* bersekutu ini lebih banyak daripada pakar-pakar dari luar. الْحَمْدُ لله mereka ini rata-rata telah melaksanakan *training* mereka di luar negara seperti di *United Kingdom, Europe, Amerika Syarikat, Australia* dan sebagainya. Pendek kata mereka ini kalau di*benchmark* dengan negara-negara yang maju, kitani tidak kurang.

Selainnya daripada kitani seperti mana yang kaola kongsikan awal tadi itu juga bekerjasama dengan pihak Universiti Brunei Darussalam melalui Institut Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Sains Kesihatan untuk memastikan *training* mereka ini inda semestinya semua sekali di luar negeri.

Sekarang kitani sudah memulakan pada bulan Januari tahun ini, satu program bernama *Masters in Medicine.* Program kepakaran itu akan bermula di Brunei dahulu sebelum mereka ini mungkin mengambil masa setahun ke dua tahun mengambil *fellowship* di negara-negara barat umpamanya untuk belajar dengan lebih terperinci lagi kepakaran mereka itu.

Ini mustahak kerana kalau mereka ini ingin merawat orang kitani ini, mereka harus faham macam mana kitani merawat dan bercakap dengan orang kitani ini, tatacara kitani berkomunikasi dan sebagainya. Mengenai komunikasi ini mustahak, kalau komunikasi tidak lurus atau jelas, pesakit nanti tidak faham, mungkin rawatan itu tidak akan digunakannya.

Jadi, *advantage* kitani mengadakan separuh atau tiga suku daripada latihan itu di Brunei dan selanjutnya di luar negeri. Harus juga diingati pelaburan kerajaan untuk melatih anak-anak kitani ke peringkat pakar ini adalah besar. Jadi, kita ada *return of investment* ini dengan memastikan yang pelaburan kitani ini yang sudah berapa puluh tahun digunakan dengan sebaiknya. Kita harus juga mengangkat anak-anak kitani yang sudah cemerlang.

Perkara ini akan diteruskan, إِنْ شَاءَ اللهُ dari segi pakar-pakar yang perlu itu bolehlah kaola katakan Yang Berhormat Pengerusi dalam semua bidang sebenarnya, tidak ada satu bidang pun yang mencukupi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, yang patut kita ketahui masa ini, kalau kitani mahu memastikan doktor-doktor di Brunei ini di peringkat

doktor tempatan mencukupi, kitani harus *graduate* sekurang-kurangnya 30 ke 40 orang doktor tiap-tiap tahun untuk menampung keperluan kitani ini. Oleh itu, pihak Universiti Brunei Darussalam sudah mengadakan kursus perubatan bermula 3 tahun di Brunei dan 3 tahun الْحَمْدُ لله seterusnya. Antara satu daripada sedozen sudah mereka punya *partner medical university* ini, semua yang terkemuka

Pada masa ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, purata jururawat tempatan ialah dalam lingkungan 91%, jadi cuma 9% sahaja daripadanya orang luar. Memang kita mahu seboleh-bolehnya orang kitani sahaja tapi ada juga bisainya kalau kitani ada sekurang-kurangnya sedikit orang luar ini, untuk memastikan yang kitani ada *benchmark*, itu musatahak. Jangan kitani karang ketinggalan, kerana kalau kitani mahu sentiasa cemerlang, kitani harus juga yang jururawat, doktor dan sebagainya ini orang-orang yang datang dari luar daripada tempat yang cemerlang juga. Jadi kitani boleh belajar daripada mereka ini. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera Kaola menyentuh di bawah Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan dalam Kod Akaun 003/00 – Penjagaan Kesihatan Asasi. *Takaduhung* Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengutarakan semalam dalam taklimat/mukadimahnya mengenai Program Bangarku Ceria. Sukacita kaola ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan secara ringkas.

Sebelum itu, kaola ingin merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua kementerian, *NGO's* dan orang-orang perseorangan yang telah terlibat dalam melibatkan diri dalam Program Bandarku Ceria dengan jayanya.

Memang diakui sebenarnya Program Bangarku Ceria adalah cetusan idea daripada Bandarku Ceria yang akan diadakan julung-julung kalinya di Daerah Temburong pada 19 Mac 2017 akan datang, konsepnya hampir sama dan dilaksanakan secara kecil dan sederhana. Apa yang tersurat dari Bangarku Ceria ialah ia akan dapat menceriakan Pekan Bangar dengan aktiviti-aktiviti sukan dan riadah seperti berbasikal, berjalan kaki, jualan produk MPK/MPM dan sukan ria dan lain-lain lagi.

Manakala yang tersirat pula ia membawa mesej mengajak semua masyarakat berbagai-bagai peringkat usia menyayangi diri sendiri dengan mengamalkan gaya hidup sihat, melahirkan masyarakat yang sihat, badan yang sihat terletak otak yang

sihat. Masih terlalu awal untuk kaola bertanya impak dari program berkenaan. Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan kegiatan aktiviti fizikal telah meningkat 75% pada tahun lepas. Walau bagaimanapun Bandarku Ceria telah pun melahirkan anak sulungnya iaitu Bangarku Ceria. Mungkin seterusnya akan lahir pula nanti, Belaitku Ceria, Tutongku Ceria, Mukimku Ceria, Kementerianku Ceria dan ceria-ceria seumpamanya.

Berikutan dengan itu, kaola memohon ulasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai yang kaola sampaikan tadi dan kesannya kepada orang ramai pada misalannya bukan sahaja masalah masa menunggu di hospital dapat kitani kurangi atau atasi tetapi isu orang ramai yang menunggu di hospital juga akan dapat dikurangi.

Dalam Bangarku Ceria, kaola mengambil kesempatan Yang Berhormat Pengerusi untuk menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan orang ramai khususnya juga dari Daerah Brunei Muara dan daerah-daerah lain untuk *berdudun* ke Program Bangarku Ceria, Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti yang seperti yang kita maklum Kementerian Kesihatan diberikan peruntukan Tahun Kewangan 2017/2018 hampir $196 juta atau 62% daripada perbelanjaan yang diperuntukkan bagi merawat pesakit yang menghidap penyakit yang tidak berjangkit.

Soalan kaola sukacita mohon penjelasan lanjut peruntukan atau perbelanjaan kerajaan dalam membiayai perubatan mereka yang menghidap penyakit berjangkit seperti obesiti, kanser, jantung dan seumpamanya termasuk membiayai perbelanjaan penghantaran pesakit-pesakit berkenaan membuat rawatan lanjut ke luar negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, dalam Tajuk Kesihatan Awam dalam Keselamatan dan Kualiti Makanan. Seperti yang dimaklumi oleh kita semua, penggunaan produk berasaskan kesihatan sama ada produk yang dihasilkan daripada buah-buahan atau jenis herba tumbuh-tumbuhan sama ada dihasilkan dalam negara mahupun didatangkan dari luar negara berlambak di pasaran. Kaola dimaklumkan oleh pengamal dan penjual produk kesihatan berkenaan bahawa tanggapan orang ramai dengan memakan produk kesihatan tersebut penyakit mereka akan sembuh dan tidak perlu lagi bersenam, cukuplah memakan produk tersebut.

Soalan kaola adakah produk-produk kesihatan tersebut terkawal di pasaran dan terpelihara daripada pencemaran yang berbahaya serta selamat digunakan. Adakah juga betul tanggapan dengan mengamalkan produk berkenaan kesihatan terjamin dan tidak payah lagi bersenam serta makan ubat hospital?

Isu rokok dan merokok telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit sebentar tadi. Walau bagaimanapun, kaola sukacita mengajukan soalan mengenainya iaitu sejauh manakah kesan positif dari program berhenti merokok?

Umpamanya mereka yang telah berjaya bebas daripada ketagih merokok dan kesan program itu sendiri serta langkah-langkah ke hadapan bagi nilai tambah kepada program yang sedia ada. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum saya memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula bagi membolehkan kita untuk meneruskan membincangkan dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017/2018 satu persatu. Kita masih lagi membahaskan Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan.

Tadi sebelum kita menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini kita telah mendengar beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran. Sekarang kita persilakan pula Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan respons. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih saya rakamkan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat ada menimbulkan 4 soalan iaitu:

1. Mengenai impak Bangarku Ceria. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat atas usaha Yang Berhormat dan Jabatan Daerah serta penduduk di Daerah Temburong yang mengadakan Bangarku Ceria pada hari الْحَمْدُ لله Ahad yang akan إِنْ شَاءَ اللهُ datang ini. kaola akan hadir kalau tidak ada halangan. Mengenai Bangarku Ceria ini semenjak pelaksanaanya, sukses Bandarku Ceria ini, kejayaannya الْحَمْدُ لله adalah kerana orang kitani jua. Individu yang mementingkan kesihatannya. Mereka turun semua ke Bandarku Ceria. Kadang-kadang sekarang ini kedengaran kanak-kanak *mengingul indungnya* turun lagi hari minggu ini dan membeli basikal dan sebagainya. Apa yang kitani masih bimbang pada masa ini ialah mengenai isu pemakanan. Jadi kalau kitani berjalan ke Bandarku Ceria ini, ramai usahawan yang baharu sudah mula berkecimpung berjual produk makanan.

   Kebanyakan daripada makanan ini ialah pilihan yang kurang sihat ataupun tidak sihat. Walau bagaimanapun, dalam beberapa bulan kebelakangan ini sudah timbul terutama sekali dalam kalangan belia yang sudah mula berjual produk-produk yang sihat ini.

Ini abis kaola alu-alukan إِنْ شَاءَ اللَّهُ . Tapi dari segi impaknya, apa pun aktiviti fizikal yang kita jalankan hanya akan memberikan impak 20% sahaja. 80% daripadanya timbul daripada *consumption* (pemakanan). Kalau abis kita dapat berhenti makan sebelum kenyang إِنْ شَاءَ اللَّهُ . Kalau kita dapat makan memastikan yang dalam sehari 5 *portion* daripada pemakanan kita itu adalah sayur dan buah-buahan الْحَمْدُ لله .

Kalau becakap senang pulang bunyinya. Kita harus ingat ramai orang mengatakan makanan sihat ini mahal. Sebenarnya tidak mahal kerajaan tidak memberi cukai kepada makanan yang sihat. Kita akan melihat lagi dengan terperinci apa sebenarnya dari segi cukai semua itu nanti. Kaola akan berbalik semula nanti. Jangan kitani berpersepsi yang payah mahal semua ini.

Kalau kita sudah meniatkan payah memang payah jua tu. Tapi kitani mesti mencari jalan. Kaola harapkan terutama sekali usahawan-usahawan ini mengambil peluang ini. Ini peluang emas yang sebenarnya kerana *market share* dalam makanan sihat ini tidak banyak. *Market share* dalam makanan dan minuman yang tidak sihat paling banyak.

Terserahlah kepada diri kitani sendiri إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini apa yang kitani mahu. Kalau kitani sihat beli yang sihat kerana *consumer* ini yang mustahak. Kefahaman ini perlu dipastikan sampai kepada orang ramai. Impaknya berbalik kepada yang pertama ini sedang dijalankan disebabkan baru bermula aktiviti Bandarku Ceria ini. Bahagian Kesihatan Awam sudah pun giat membuat *survey* pada masa ini akan dikongsikan pada masa akan datang apa impaknya. Impak awal sudah kitani nampak peningkatan 10% dalam *physical activity.* Tapi abis kaola ingin sekali melihat impaknya dari segi pemakanan. Jadi kalau sudah ada data akan dikongsikan.

2. Perbelanjaan penyakit yang tidak berjangkit. Kaola sudah mengutarakan semasa mukadimah kaola bahawa 62% peruntukan kita ini bertumpu kepada rawatan. Penyakit-penyakit yang dirawat ini rata-rata kebanyakan daripadanya ialah penyakit tidak berjangkit. Belum lagi termasuk yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan seperti merujuk ke Pusat Kanser Brunei, *Stroke & Rehabilitation Centre* di Jerudong dan juga Pusat Jantung di Jerudong dan lain lagi *referral* ke luar negeri itu. Tidak banyak tapi *significant* juga *amount*nya. Tapi dengan adanya soalan itu menimbulkan kesedaran kalau kita menumpukan pemikiran dan budaya kita ke arah kesihatan, akan mengurangkan perbelanjaan itu.

Ini belum kita memikirkan impak yang lebih besar lagi bukan saja إِنْ شَاءَ اللَّهُ *direct* impak ke bajet kewangan tapi impak yang bukan langsung *(indirect impact)* seperti terpaksa cuti bekerja, tidak bekerja, terpaksa berhenti kerja umpamanya

penyakit angin ahmar, menyebabkan seseorang itu tidak dapat bergerak lagi.

Produktiviti akan terancam. Produktiviti negara juga nanti. Belum lagi kita membincangkan isu kematian *nauzubillahi min zalik.* Tapi kalau sudah orang itu tidak bernyawa lagi, apa impaknya kepada keluarga dan anak-anaknya kalau mata pencarian itu cuma daripada orang yang meninggal itu.

Jadi ini lebih besar impaknya daripada perbelanjaan negara. Saya harap ini terpaksa kita fikirkan sedalam-dalamnya tapi terima kasih juga kerana perkara ini akan menimbulkan kesedaran bagi kita semua mengenai betapa pentingnya kesihatan ini.

3. Mengenai dengan produk kesihatan. Ini mencabar sangat Yang Berhormat Pengerusi. Tiap-tiap minggu telefon kaola ini mengalahkan Talian Darussalam 123. Kalau orang hendak bertanya macam-macam ini, bagus atau tidak barang ini? Jadinya sebelum kita membeli atau menggunakan mana-mana *claim* produk-produk kesihatan ini, jangan mudah percaya dahulu.

   Yang mustahaknya kita harus memastikan kita hidup secara sihat dan sebagainya. Kadang-kadang kita melihat orang sihat pun mahu makan vitamin juga. Apa perlunya vitamin itu? Walhal dalam pemakanan yang seimbang segala-galanya mencukupi. Vitamin dan mineral semua ada di dalamnya. Kalau kita dapat membudayakan perkara macam ini, tidak perlu kita memikirkan alternatif yang tidak terbukti ini.

   Baru-baru ini ada kaola melihat orang menghantar gambar, beratur orang sampai barangkali 20-30 orang beratur ingin mencuba ada satu mesin baharu ini. Tidaklah kaola إِنْ شَاءَ اللَّهُ menerangkan apa *claim* mereka mengenai mesin ini. Tapi harga mesin ini mahal. Bukti-buktinya tidak saintifik. Yang kita takuti akan memudaratkan mereka. Inilah yang harus kita fikirkan.

   Memang di Kementerian Kesihatan ada unitnya yang memantau perkara macam ini termasuk ubat-ubatan. Kita ada Akta Perintah Ubat yang seringkali kita melihat jika di kedai-kedai sewaktu hendak membuat pembayaran ada bermacam-macam jenis ubat di belakang kaunter. Tapi bahagian pengawasan Kementerian Kesihatan sentiasa memantau orang ini untuk memastikan yang kadang-kadang ubat-ubatan ini tidak pernah mendapatkan lesen.

   Kita melihat sering kali *under poison order* ini kami menayangkan di *news* atau surat khabar dan sebagainya mengenai perkara yang diharamkan ini kerana ia mengandungi *mercury* dan sebagainya. Peringkat kaola masa ini sedang mengadakan perbincangan terperinci mengenai kesalahan macam ini. Kalau sekiranya kita memberitahu mengeluarkan saja kadang-kadang إِنْ شَاءَ اللَّهُ tidak efektif. Kadang-

kadang terpaksa juga kita mendenda orang ini. Kalau tidak, kita sebagai *consumer* akan membeli sahaja. nanti *outcome*nya akan dikongsikan pada masa depan.

4. Mengenai Program Berhenti Merokok. الْحَمْدُ لله pada mulanya masa Klinik Berhenti Merokok dimulakan, ia dimulakan di empat klinik-klinik kesihatan. Sekarang semua klinik kesihatan sudah ada memberikan perkhidmatan ini iaitu sebanyak 16 buah klinik kesihatan. Perkhidmatannya ada 2 peringkat:

   i. Menggunakan kaunseling; dan

   ii. Menggunakan kaedah ubat-ubatan seperti *nicotine patches* dan sebagainya.

الْحَمْدُ لله kalau di peringkat selama 2 bulan setelah memulakan program ini perubahan mereka menjangkau 60% yang berhenti merokok. Yang mendukacitakan kalau dilihat mereka ini dalam masa setahun cuma 20% yang masih tidak merokok lagi yang lain merokok semula. Jadi sudah diselidiki lagi secara mendalam yang hairannya ironinya si perokok ini tahu apa risikonya seperti tinggi darah, kencing manis, kanser jantung dan sebagainya tapi masih juga mereka merokok.

Kita akan menggunakan kaedah *behavioural inside.* Sebanyak 80% yang tidak dapat berhenti ini barangkali ada kena-mengenanya dengan ia punya *environment,* dengan siapa ia bergaul dan sebagainya. Kita kalau hendak mengurangkan berat badan, bergaul dengan orang tidak *obese,* yang sentiasa menjaga pemakanan dan yang sentiasa *exercise the chances* untuk kita berjaya mengurangkan berat badan adalah lebih tinggi. Sama juga dengan merokok ini. Kalau kita bergaul dengan orang yang sentiasa merokok mungkin susah untuk kita berhenti merokok, ia jua akan kena *offer* rokok itu lagi. Itu saja kali Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Kaola menyokong penuh anggaran bajet yang dicadangkan bagi Tahun 2017/2018 berjumlah $323,880,340.00 kepada Kementerian Kesihatan. الْحَمْدُ لله pada tahun ini ada penurunan kira-kira berjumlah $25,000,000.00 dari jumlah yang diluluskan tahun 2016/2017. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan semoga penurunan ini akan berterusan ke arah sikap berjimat-cermat bagi mengimbangi perbelanjaan negara yang masa ini mengalami defisit. Dengan mengambil kira tidak mengurangkan kesejahteraan dan kesihatan rakyat.

Yang Berhormat Pengerusi. Pada kesempatan ini kaola mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sikap keprihatinan, pemedulian serta komitmen baginda yang sentiasa mengambil perhatian berat akan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah menyampaikan mukadimah yang begitu jelas akan hala tuju Kementerian Kesihatan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2020 yang tertumpu kepada 3 keutamaan strategik seperti yang diterangkan dalam mukadimahnya kelmarin.

Kaola ingin merujuk kepada bajet Kod Akaun 004/001 – Perkhidmatan Perubatan dan Operasi. Pada tahun 2016/2017 diluluskan sejumlah $164,610,154.00 manakala pada tahun 2017/2018 sebanyak $155,290,852.00 menunjukkan berkurangan kira-kira $9,319,302.00.

Pada Kod Akaun 005/002 iaitu mengenai Pengurusan Barangan Farmaseutikal. Tahun 2016/2017 diluluskan sebanyak $45,980,715.00 manakala bagi tahun 2017/2018 berjumlah $37,133,970.00 ada menunjukkan penurunan sebanyak kira-kira $8,846,345.00.

Dalam kedua-dua kod akaun ini nampak banyak penurunan. Kaola ingin tahu apakah kaedah atau usaha yang menyebabkan banyak penurunan walhal kedua-dua kod akaun ini memainkan peranan penting kerana ia melibatkan perkhidmatan perubatan dan operasi dan ubat-ubatan.

Beberapa tahun dahulu pernah dibuat oleh Bahagian Farmasi di RIPAS dalam menjalankan satu kaedah dan memberikan harga ubat kepada pesakit. Harga ubat itu diberikan apabila kita mengambil ubat di Bahagian Farmasi. Ia menunjukkan untuk pengetahuan orang ramai berapa jumlah atau harga ubat yang telah diberikan.

Kaola ingin bertanya, adakah pemikiran ini akan dapat diteruskan lagi? kerana difikirkan kaedah ini akan dapat membantu menyedarkan rakyat atau pesakit untuk berjimat cermat kerana perkara ini pernah kaola alami Yang Berhormat Pengerusi beberapa tahun yang dahulu. Kaola sendiri terasa terkilan mengenai ubat yang kaola *consume* dalam satu bulan itu sebanyak lebih $1,500.00 itu angka yang besar. Jadi, kaola sendiri rasa bersyukur.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat biji ataupun harganya?

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: $1,500.00 harga ubat itu Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bajet pembelian ubat-ubatan yang diberikan kepada kementerian ini pada tahun 2017/2018 إِنْ شَاءَ اللَّهُ dalam anggaran $37 juta yang telah diperuntukkan, kaola rasa pendekatan atau pemantauan perlu diambil kira dalam bajet ini kerana pada

satu waktu dulu lebih 10 tahun yang lalu kaola pernah sampaikan perkara ini kepada kementerian tapi walau macam manapun kaola tidak akan membentangkan perkara ini dalam Dewan Majlis yang mulia ini.

Kaola إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan membuat perjumpaan secara bilateral dengan kementerian. Mudah-mudahan dapat membantu dalam sama-sama untuk mengurangkan kos perbelanjaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ

وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan ucapan terima kasih juga kaola rakamkan kepada Yang Berhormat.

Dua perkara ditimbulkan. Mengenai dua tajuk bajet tersebut. Mengapa pengurangannya? Apa kaedah digunakan mengurangkan perbelanjaan berkenaan. الْحَمْدُ لله pengurangan ini diadakan dengan kerjasama semua sebenarnya bukan sahaja di pihak Kementerian Kesihatan dan kefahaman orang ramai ini juga. Pihak Kementerian Kesihatan pada setahun yang lalu ini sudah menggunakan kaedah *Strategy Lean Management* .

Apa ia *lean* ini kitani cuba mengurangkan pembaziran dan menambah ataupun meningkatkan efisiensi dan nilai tambah ini. Apa-apa yang kita lihat membazir itu yang kita *save* duit kita, kita masukkan untuk meningkatkan lagi nilai tambah dan efesiensi proses-proses. Kaola menilai semula proses-proses yang sedang berjalan, sama ada proses dari segi pesakit ataupun pelanggan berjumpa doktor. Mengenai menunggu itu sahaja memang kaola akui masih lagi ada masalah menunggu ini. Walau bagaimanapun, kalau disukat pada Januari ke Disember tahun lepas ada pengurangan signifikan Mengapa menunggu ini harus kitani atasi kerana menunggu ini satu pembaziran.

Kalau orang lama menunggu jadi bermakna dia tidak bekeraja. Isu-isu ini ialah yang besar. Impaknya bukan sahaja dari segi persendirian malah kepada tempat bekerjanya dan sebagainya. Ini juga isu produktiviti. Jadi kaola bekerja keras melihat mana-mana yang dapat dikurangkan bagi mengatasi pembaziran itu. Tapi *the Privatation* itu memanglah agresif sedikit.

Bermakna kita terpaksa juga memastikan bagi mengadakan satu *change management* untuk seluruh organisasi ini. Sekarang kalau kita melihat dari apa-apa yang membazir itu bukan sahaja dari pihak kementerian yang melihat malah dari akar umbi Kementerian Kesihatan. Dari jururawat, pembersihnya dan seumpamanya. Kami mendengar saranan-saranan mereka yang lebih baik. Mereka sendiri yang memberi cadangan macam mana untuk memperbaiki cara kita bekerja ini.

الْحَمْدُ لله perkara ini sudah berjalan sekian lama dan dalam setahun ini dan efeknya seperti mana Yang Berhormat sudah nampak dan sudah jelas. Tapi diharapkan cabaran yang utama ialah macam mana kitani *sustain the whole things* ini. Selain itu, jika dilihat ubat-ubatan itu maka waktu dahulu kita secara automatik membagi vitamin, krim-krim yang mungkin tidak digunakan.

Tapi sekarang kita sudah ada cara-cara *prescribe* dan akan memulakan sedikit masa lagi dengan maksud *good prescribing habit* akan melihat apa-apa ubat yang diberi ini nanti bukan pula kita *check* doktor-doktor ini bukan macam itu caranya. Kita melihat kalau sekiranya dalam satu kumpulan doktor itu sebagai *average*nya mereka *prescribe* 2 Ke 3 ubat setiap pesakit. Kalau ada orang yang memberi ubat sampai 10 memang menjadi tanda tanya.

Kita boleh melihat apa sebenarnya, mungkin penyakitnya memerlukan 10 ubat. Tapi mesti ada standard juga macam mana caranya. Selain itu banyak lagi inisiatif yang tertentu mungkin kalau Yang Berhormat ada idea atau dari pihak swasta mungkin akan dapat memperbaiki lagi cara kami bekerja dan sebagainya. Kaola Yang Berhormat Pengerusi mengalu-alukan.

Satu perkara yang harus juga diketengahkan ialah pengurangan yang drastik perbelanjaan Kementerian Kesihatan adalah penubuhan Pusat-Pusat Kesihatan *(Centre of excellent)*. Kitani jangan lupa ada juga kewangan ini akan tetapi tapi bajet mereka terus kepada pusat-pusat ini yang datangnya daripada Kementerian Kewangan umpamanya *The Brunei Cancer Centre (TBCC)*. Mereka ini adalah *stand alone*, kaola tertarik dan menyokong kaedah bekeraja seperti mana, kitani menubuhkan pusat-pusat kecemerlangan ini mereka boleh berdiri sendiri dan yang lebih menarik kalaulah kitani ini dapat jadi *regional excellent* ini menjadi tempat kitani ini *attractive* atau untuk menarik orang-orang berubat ke negara ini.

Jadi, ini akan menambah lagi *in terms of revenue* ke dalam tabung, kita إِنْ شَاءَ اللَّهُ juga. *So because of the centralisation* ini Yang Berhormat Pengerusi الْحَمْدُ لله juga, jadi kitani punya *burden budget* itu boleh dikurangkan akan tetapi ia meningkatkan *burden budget* kepada pusat-pusat kecemerlangan ini jadi itu harus kitani faham.

Mengenai ubat-ubatan iaitu memasukkan harga dalam ubat. Memang betul, beberapa tahun dahulu pernah diadakan. Impaknya sangat tinggi sebenarnya, seperti kata Yang Berhormat tadi, terkejut apabila melihat harga ubat-ubatannya itu lebih $1,500.00. Memang benar, orang kitani kadang-kadang tidak tahu mengenainya. Oleh yang demikian, pihak kementerian akan memulakan lagi dengan cara bukan sahaja memberikan harga, seperti saranan Yang Berhormat, untuk memasukkan lagi *tag lines* seperti 'kesihatan itu tanggungjawab individu', umpamanya dan sebagainya, untuk meningkatkan lagi kesedaran orang ramai. itu akan cuba dilaksanakan secepat mungkin.

Mengenai ubat ini, Yang Berhormat Pengerusi. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kaola ingin mengambil sedikit masa di kesempatan ini. Isu pembekal ubat di Brunei ini ialah isu yang sangat besar. Apa yang kaola lihat, rata-rata banyak ubat-ubatan kitani kebanyakannya dari *sole distributor* sahaja. Oleh yang demikian, di pihak kerajaan mendapati ia menjadi masalah

kerana monopoli itu terlalu tinggi. Mereka kadang-kadang mengawal harga ubat-ubat ini dan kementerian sudah membuat penyelidikan. Kalau dibandingkan dengan negara-negara terdekat, harga ubat-ubatan tersebut sangat jauh perbezaannya.

Kaola mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan bahawa perkara ini memang difikirkan. Bisnes memang bisnes, tetapi kalau *menyangak* kitani dengan harga berlebih-lebihan, impaknya pun akhirnya kepada orang kitani jua. Jadi, kalau ada kawan-kawan, ada baiknya juga sama-sama mengingati bagaimana caranya.

Walau bagaimanapun, isu yang paling mustahak sekali ialah seboleh-bolehnya jangan sakit, jaga kesihatan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Pertama-tama kaola juga ingin merakamkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan petang semalam. Yang Berhormat Pengerusi. Pada pagi ini, kaola ada 3 pertanyaan:

1. Adakah pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan ataupun mengawasi penggunaan minyak masak yang digoreng dan dikitar semula (*recycle*), juga minyak masak yang digunakan berulang-ulang kali hingga bertukar warnanya di warung-warung makanan?;

2. Pada masa ini, kita juga merasa khuatir mengenai ubat panadol atau *paracetamol* palsu yang mungkin ada dijual di kedai-kedai ubat. Dalam hal ini, apa bentuk kawalan oleh pihak Kementerian Kesihatan lakukan sejauh ini?; dan

3. Berapa lamakah tempoh jenazah orang Islam disimpan dalam Bilik Mayat Hospital sebelum ia dikebumikan, jika sekiranya tiada keluarganya yang menuntut?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan kaola rakamkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas 3 perkara yang diajukan tadi iaitu:

1. Mengenai minyak masak kitar semula. Kitani di Brunei, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ di bawah jagaan Kementerian Kesihatan, ada satu Perintah Akta Keselamatan Makanan. Kitani ada unit yang memantau perkara ini dan selalunya apa-apa yang memudaratkan itu memanglah pertama-tamanya orang yang menggunakan itu akan dinasihati lebih dahulu terutama sekali kepada orang yang berjaja yang sering dipantau. *Enforcement Unit* ini giat

melaksanakan dan menjalankan pemantauan di premis-premis, restoran, gerai-gerai makanan dan sebagainya.

Apa yang mustahak sekali lagi ialah kefahaman orang ramai dan orang yang berjaja tersebut. Pihak Kementerian Kesihatan ada melaksanakan pemantauan dalam beberapa peringkat. Kalau ada orang hendak membuka restoran, berjaja atau orang yang akan bekerja di restoran, mereka akan:

i. menjalani pemeriksaan kesihatan; dan

ii. diberikan bengkel mengenai *food handling*.

Apa yang kitani terpaksa laksanakan pada masa ini, oleh sebab orang yang berjual makanan ini bukan saja di restoran atau di gerai-gerai, sangat mustahak dengan cara diberikan pemberigaan kepada mereka mengenai cara-cara kebersihan. Umpamanya, jika orang ramai tahu mengenai kebersihan restoran yang terjamin, maka kitani akan suka berkunjung ke sana dari tempat yang kitani tidak tahu terjamin kebersihan, keselamatan dan kesihatannya.

Pihak Kementerian Kesihatan memang memandang serius mengenai perkara ini kerana jika sekiranya terdapat kes-kes keracunan makanan *(food poisoning)* dan sebagainya, ini terpaksa dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Kelazimannya kalau perkara ini berlaku, unit yang memantau ini akan turun dengan segera ke tempat berkenaan bersama pihak Bahagian Kesihatan Awam untuk mengambil *sample* dan sebagainya serta mengambil tindakan seterusnya.

2. Mengenai ubat-ubatan, Yang Berhormat? Mohon maaf, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Ya, mengenai ubat panadol atau *paracetamol* yang palsu.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih. Kaola ada melihat, Yang Berhormat Pengerusi, dalam beberapa bulan kebelakangan ini, *viral* yang diposkan dalam media sosial, sejenis panadol yang ada pencemaran dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya kitani ada Perintah Ubat. Mana-mana ubat yang akan dibawa masuk ke Brunei, sama ada ia dijual di kedai-kedai runcit dan sebagainya, mestilah ada kebenaran lebih dahulu untuk dibawa masuk. Oleh yang demikian, jika sekiranya ada isu yang timbul mengatakan panadol tercemar dan sebagainya, dan jika didapati benar maka pihak abis kaola akan terus pergi mengunjungi orang yang menjual ubat tersebut dan menyiasat dari mana sumber mendapatkan ubat tersebut. Ini adalah satu kesalahan besar, tidak ada ubat-ubat yang masuk ke Brunei tanpa

ada kebenaran dari pihak farmasi kementerian kaola.

Jika pihak Yang Berhormat mendapati ubat-ubat seperti ini, maka dipohonkan untuk menghantarnya kepada pihak abis kaola. Pihak abis kaola akan memastikan ubat-ubatan tersebut diselidiki dan diperiksa sama ada benar ia tercemar dan sebagainya. Jika sekiranya tidak benar, juga akan diterangkan mengenainya. Jika didapati juga ubat-ubatan ini dibawa masuk secara haram, orang yang membawa itu juga akan dikenakan tindakan-tindakan tertentu.

Mengenai jenazah orang Islam yang ada di Bilik Mayat Hospital. Sebenarnya kitani negara Islam, mana-mana kes orang meninggal, kitani tidak akan melengah-lengahkan pengurusannya. Jika sekiranya ada saudara-maranya yang datang menuntut maka pihak hospital akan melepaskan secepat mungkin. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada kes-kes yang tidak ada saudara-mara menuntut jenazah, ia akan dirujuk kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei. Ia dikira hak dan kuasa Pasukan Polis Diraja Brunei untuk menguruskannya dan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan kerana ditakuti nanti ada isu-isu yang terlibat *surrounding* tentang kes kematian tersebut. Kelazimannya memang begitu, kementerian akan merujuk kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei untuk urusan selanjutnya.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan dan tahniah atas penerangan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam mukadimahnya semalam. Dalam Dewan yang mulia ini kaola sukacita merujuk di bawah Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan secara umum.

1. Kaola menyambut baik mengenai konsep *first responder* menggunakan aset-aset jabatan lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat dan jabatan-jabatan lain seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam menangani kes-kes kecemasan yang melibatkan kes paramedik. Kaola mengusulkan agar konsep tersebut dapat dilaksanakan di kawasan pedalaman atau di kawasan yang jauh dari klinik atau hospital di samping Kementerian Kesihatan dalam cuba mengatasi masalah tersebut dengan mengadakan latihan *first aid* kepada penduduk mukim dan kampung yang sudah ada dijalankan.

2. Keputusan kes penyakit untuk di Daerah Belait khasnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya. Setelah pihak Kementerian Kesihatan mengulangi pemberian memakan

ubat untut bagi kali kedua tahun lepas bagi penduduk di kawasan Ulu Belait disebabkan pencapaian mengenai ujian tersebut tidak mencapai *target* Persatuan Kesihatan Sedunia. Apakah ia sudah menurun ataupun sebaliknya?; dan

3. Antara visi Kementerian Kesihatan adalah ke arah warga sihat seperti mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada menyatakan mengenai kurangkan minuman manis dan mengalakkan orang ramai menukar ke arah minuman sihat iaitu air kosong.

   Ke arah ini apakah Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan atau program bagi menggalakkan orang ramai menukar minuman kepada air kosong sama seperti mengurangkan penggunaan plastik di kedai-kedai yang diadakan pada hujung minggu? Jika boleh peniaga-peniaga turut sama-sama memupuk kesedaran kepada minuman sihat.

   Apakah tindakan Kementerian Kesihatan bagi mengatasi makanan dan minuman yang tidak sihat dijual di kantin-kantin hospital adakah Kementerian Kesihatan menggunakan kaedah *traffic light* untuk memantau barang-barang makanan yang dijual oleh *penender-penender* kantin. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat. 3 perkara:

1. Mengenai *first responder*. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, kaola sendiri ada melawat Yang Berhormat di Labi dan terima kasih menerima kunjungan abis kaola dan berunding dengan panjang lebar mengenai isu ini. Sebenarnya idea ini datang daripada Yang Berhormat, kerana di sana ada bersebelahan dengan klinik kesihatan terdapat jua perkhidmatan bomba dan penyelamat dan polis.

   Jadi salah satu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat apalah kiranya kalau mereka ini digunakan sebagai satu *first responder*. Memang perkara ini telah dilaksanakan di Daerah Brunei dan Muara bahawa ambulans-ambulans kita sudah mula ditempatkan di stesen-stesen bomba dan penyelamat dan inisiatif ini dengan kerjasama rakan kaola Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dilaratkan dalam masa yang terdekat ke daerah-daerah yang lain.

   Kaola juga ada berunding mengenai melatih orang-orang kampung dari segi *basic first aid*. Mereka ini selalunya kalau ada apa-apa insiden *the first responder* ini sebenarnya orang yang ada di tempat itu, kalau mereka terlatih ataupun tahu *basic first aid* ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ terjaga sedikit keselamatan,

kesejahteraan orang itu hingga ia dibawa ke hospital atau klinik.

Jadi selain itu kaola memikirkan juga dari segi memberi perkhidmatan *emergency* ini selain bomba dan penyelamat, polis kita ada jua *health provider* yang lain seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei umpamanya mereka ada medik sendiri.

Kalau di Daerah Belait seperti *Brunei Shell Petroleum* dan sebagainya, apalah kiranya barangkali kita sama-sama melihat mengikut zon-zon tertentu. Kalau tidak digunakan mereka ini, kadang-kadang tidak mengunjunginya dalam hal kecemasan ini akan hilang pengalaman mereka menangani kecemasan ini, jadi inilah barangkali *whole of nation* ataupun *whole of society approach*. Jadi ini merupakan satu *area* yang dapat kita bincangkan lagi tapi bagi Mukim Labi dapat kita laksanakan pada masa yang terdekat ini.

2. Mengenai dengan kes untut ataupun dalam bahasa Inggeris *felarisis.* Kes-kes ini kalau orang menghidapi masalah kaki bengkak. Ini sebenarnya betul sebagaimana Yang Berhormat nyatakan itu, pada *round* kedua itu, kita tidak menepati sasaran tapi الْحَمْدُ لله kaola dapat mengongsikan sekarang kita sudah mengadakan *round* ketiga *MDA (Mass Drug Administration*), target kita sudah dicapai sekarang. Pihak kaola sudah menghadapkan keputusannya kepada *World Health Organisation* (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dan menunggu lagi jawapan daripada mereka sama ada ini sudah mencukupi atau tidak. Tadi ini sudah tercapai.

Cadangan *traffic light*, ini kaola suka sekali untuk meningkatkan kesedaran secara *visual* kepada orang ramai yang akan membeli makanan dan sebagainya. Kaola selalu juga mengatakan kepada mereka sebelum kita menyuruh orang berubah memasang *traffic light* ini, lihat dahulu rumah kita sendiri.

Kaola tidak mahu defensif mengenai perkara ini, kerana sering kali kaola melihat hospital, kadang-kadang makanan yang dijual kurang menyenangkan kerana ia kurang sihat bukan sahaja kurang sihat, tidak sihat.

Apa yang kami laksanakan sekarang ini, sudah cuba memberitahu tapi kadang-kadang manusia memang ada kelemahannya. Kalau kita selalu memberitahu memang mereka tidak mendengar jadi apa yang kami mula sekarang ialah mempelawa *vendors* lain untuk datang, tapi sekarang syaratnya mereka mesti menghidang barang-barang yang sihat.

Kalau kita sekarang ke Pusat Kesihatan Berakas, kaola belum memeriksa lagi kerana pada masa itu mereka masih *renovate* tempat itu untuk membuka *café* ini. Hospital umpamanya ada sudah dibuka *café* tapi dengan syarat mereka mesti

menghidang makanan ada pilihan yang sihat lebih banyak yang tidak sihat, kalau semuanya yang sihat mungkin susah kerana *at the end of the day* kita yang membuat pilihan itu, jadi sama ada kita mahu membuat pilihan yang terbaik atau sebaliknya, inilah cara-cara kita mengatasinya.

Sekarang v*endors* baharu akan menampal apa kandungannya, kalorinya dan sebagainya. Orang kita pun kesedarannya meningkat dan mereka memilih apa yang akan mereka beli. Apa yang kita perlu juga di peringkat orang muda, kanak-kanak terutamanya, kalau kita dapat mengasuh, mengajar anak-anak kita untuk lebih prihatin lagi mengenai apa yang mereka makan dan minum.

Pada masa ini kaola bekerja keras bersama rakan-rakan di Kementerian Pendidikan macam mana caranya, umpamanya sekarang di sekolah-sekolah mereka ada *traffic light system.* Kalau sekiranya minuman soda yang kita panggil "Cap Merah" tidak boleh dijual sama sekali di sekolah-sekolah, kalau "Cap Kuning" mungkin 2 kali seminggu itu sahaja dapat, tapi sebaiknya "Cap Hijau".

Inilah yang kita mahukan menjadi budaya untuk orang kita. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Kaola ingin tahu berapakah jumlah wang yang boleh dijimatkan dengan adanya penggabungan klinik di Daerah Brunei Muara *(Operational Cost)?*

Kaola ingin mencadangkan supaya unit-unit yang difikirkan boleh di swastakan seperti *Measles, Mumps dan Rubella (MMR).*

Di United Kingdom harga setiap *MMR* ialah 200 hingga 300 pound sterling. Manakala di Brunei hanya $7.00 dan ada juga yang mendapat suntikan percuma.

Sasaran adalah orang-orang yang mampu dan ini bermaksud untuk mengurangkan beban Kementerian Kesihatan dalam memberi khidmat dan mengurangkan beban kewangan kementerian. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih banyak Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat. Ada 2 perkara yang diterangkan iaitu pertama mengenai *savings* daripada penyatupaduan klinik-klinik kesihatan dalam kawasan Brunei Muara ini. الْحَمْدُ لله setakat ini kalau Yang Berhormat maklum juga kitani sudah membangun klinik-klinik yang komprehensif yang tujuannya ialah untuk memberikan nilai tambah dari segi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan dengan adanya *one stop centre.*

Kalau dahulu sekiranya mahu berjumpa doktor di klinik-klinik kesihatan, kalau mahu mengambil darah mestilah pergi ke hospital atau kalau ada juga perkhidmatan *phlebotomy* di sana mungkin seorang sahaja *phlebotomy*nya, jadinya menunggu itu lama. Dari segi spesifik kosnya itu pada masa ini mungkin sukar dan kaola rasa mungkin tidak perlu kaola mengutarakan sebab daripada bajet yang kitani lihat itu yang sudah diutarakan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Arshad @ Haji Sabli sudah jelas nampak ada pengurangannya.

Cuma apa yang kaola ingin kongsikan ialah dengan kitani menyepadukan klinik-klinik kesihatan ini, apa yang kitani harapkan ialah bukan sahaja dari segi *cost savings*. Kita akan memastikan keselesaan orang, memastikan yang semua perkhidmatan tersebut ada di sana. Selain itu, memanglah kalau kitani menyatupadukan barang-barang ini, kitani dapat meningkatkan lagi masa untuk orang datang ke klinik-klinik tersebut.

Jika dahulu, barangkali 7.45 pagi sampai 12.15 tengah hari, daripada 1.30 petang sampai 4.30 petang. Tetapi sekarang di Klinik Kesihatan Berakas operasi bermula pukul 7.00 pagi hingga pukul 9.00 malam secara berterusan. Kalau Klinik Kesihatan di Gadong dari pukul 7.00 pagi hingga pukul 6.00 petang, الْحَمْدُ لله .

Apa yang kitani bekerja keras ialah untuk mendapatkan kefahaman orang ramai. Kebanyakan daripada penyakit-penyakit, penyakit yang tidak berjangkit iaitu penyakit yang kronik iaitu dari segi darah tinggi, jantung dan sebagainya. Mereka datang untuk reviu penyakitnya. Mana-mana yang *review cases* ini kaola ingin memberitahu kepada orang ramai di Dewan yang mulia ini, kalau boleh kita datang secara *appointment system*.

Pihak Kementerian Kesihatan akan bekerja sedaya-upayanya untuk memastikan yang *appointment time* tersebut akan dipastikan untuk ditepati perjanjian tersebut, إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Inilah proses yang Kementerian Kesihatan masih lagi perbaiki pada masa ini. Begitu juga mengenai kes orang yang datang *semi-emergency* ataupun *emergency*. Kebanyakan daripada kes-kes yang datang setiap hari adalah kes dipanggil *priority* 3, seperti penyakit demam panas, sakit perut, muntah-muntah yang biasa tetapi bagi orang ramai perkara ini bukan perkara biasa. Mereka cemas kalau anak demam panas *temperature* hingga 39 degree. Apa yang pihak kementerian harus laksanakan ialah memberigakan kesedaran kepada orang ramai. Masalah yang paling dikhuatiri bukan masalah demam panas atau penyakit yang boleh nampak dilihat. Tetapi yang dikhuatiri adalah penyakit seperti darah tinggi, kencing manis dan mereka yang tidak tahu mereka mengidap penyakit kencing manis yang boleh menyebabkan mereka terus-menerus mendapat penyakit yang lebih berat lagi seperti angin ahmar (*stroke)* dan sebagainya.

Abis kaola ingin memangil Ahli-Ahli Yang Berhormat barangkali dan mungkin anak-anak buah untuk kitani sama-sama

berbincang bagaimana menangani isu-isu seperti ini. Abis kaola pun ada memikirkan jika ada kaedah lain lagi yang kalau sekiranya sesetengah yang datang ke klinik kesihatan yang sudah menunggu untuk berjumpa doktor memberitahu yang mereka datang sekadar ingin mengetahui apakah penyakit yang dihidapi. Kaola terfikir kalau setakat menggunakan talian telefon atau menggunakan *website* jika ada informasi seperti ini, inilah barangkali pada masa depan kitani harus memikirkannya kerana pada masa ini teknologi kitani sudah canggih.

Sekarang kalau sekiranya orang sakit di Kuala Belait seperti tahun lepas kami ada satu kes *anak damit* yang baru sahaja lahir tidak dapat dipindah. Kalau dipindah tiba-tiba *blood pressure*nya akan menurun tetapi ia mendapat rawatan daripada pakar-pakar daripada Pusat Anak dan Ibu di bandar ini melalui konsultannya *virtually* saja menggunakan video *conference* dan sebagainya. Selepas 4 hari *anak damit* tersebut stabil dan anak tersebut pun di bawa ke Bandar Seri Begawan dengan selamatnya.

Jadi kaedah teknologi ini bagaimana kitani boleh melaksanakannya. Barangkali terutama sekali belia banyak idea seperti ini kerana mereka cepat dalam hal ini, di sinilah kita boleh menerokainya.

Mengenai vaksinasi *MMR* ini iaitu *Measles, Mumps* dan *Rubella (MMR),* kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit menimbulkan isu kosnya. Memang benar kalau di Brunei kitani membayar beberapa ringgit sahaja tetapi di negara lain hingga beratus paun sterling.

Di sini kitani terus menimbangkan kalau impak tidak memakai *MMR* ini. Impaknya lebih berat dan lebih membebankan daripada kitani memakai *MMR* tersebut. Jadi pihak kerajaan atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua ingin melihat agar semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini menjalani vaksinasi-vaksinasi *MMR* ini.

Jika orang terkena *Measels, Mump dan Rubella (MMR)* ini impaknya sama juga *polio* dan impaknya sangat *disastrous*. Jadi kosnya bagi membantu mereka apabila menjadi besar nanti akan lebih susah lagi. Sesetengah daripadanya kalau nasib tidak baik akan membawa maut. Inilah yang kitani takuti.

Isu kos dari segi *MMR* ini tidak timbul kerana kalau dilihat impaknya masa panjang. Jadi itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) suka untuk memberikan sedikit penerangan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan mengongsikan 2 maklumat sahaja

mengenai 2 perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ada kaitan langsung dengan Kementerian Kewangan.

1. Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang berkaitan dengan alat-alat sukan dan juga buah-buahan supaya kerajaan akan meniadakan cukai bagi barang-barang ini. Terima kasih juga di atas cadangan tersebut. Sebenarnya alat-alat sukan ini sudah tidak bercukai yang bercukai setakat ini hanyalah *table tennis* sebanyak 5% sahaja dan yang lain-lain semua sudah tidak dikenakan cukai.

   Buah-buahan. Buah-buahan ini tidak pernah dikenakan cukai. Kosong juga. Jadi terjawablah sudah pertanyaan daripada Yang Berhormat itu.

2. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, yang mana berkaitan lampin pemberian pakai buang dan alat penyusuan ibu yang akan dikuatkuasakan pada 1 April 2017. Terima kasih jua atas keprihatinan Yang Berhormat tadi.

   Kaola akan mengongsikan sahaja, sebelum kerajaan melaksanakan perkara ini, kajian mendalam sudah pun dibuat dan kajian itu termasuklah perbincangan dengan *stakeholders* misalannya Kementerian Kesihatan dan juga *feedback* daripada orang ramai.

   Objektif bagi pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu ini, adalah sebenarnya untuk mengurangkan beban kewangan bagi ibu bapa yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang mempunyai anak yang baru dilahirkan dan juga bagi memastikan anak berkenaan akan mendapatkan penjagaan yang sewajarnya terutama sekali dari aspek kesihatan.

   Berdasarkan kajian itu sebenarnya, jumlah kelahiran *anak damit* yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap di negara ini bagi tahun 2015 adalah seramai 5,459 orang. Jika dikira dari perbelanjaannya iaitu pemberian lampin pakai buang adalah sebanyak 2 kali sebulan dalam tempoh 12 bulan sahaja. Manakala alat bantuan penyusuan ibu diberikan pada setiap kelahiran bagi tempoh 2 tahun sekali. Jumlah yang akan dilibatkan untuk itu setahun hanyalah $2.5 juta.

   Jadi bayangkan jika kita bandingkan jumlah subsidi yang diberikan oleh kerajaan bagi minyak kereta seperti yang pernah saya bentangkan ialah pada tahun 2014/2015, $328 juta, manakala 2015/2016 ialah $160 juta tergantung pada harga minyak.

   Jadi ianya adalah *negligible* dan bantuan seumpama ini, jika kita melihat media sosial sebagainya, beberapa negara maju seperti jua negara-negara Eropah memberikan

starter kit yang mengandungi lampin, *sleeping bag, toiletries, mitten* dan ada juga yang memberikan elaun bulanan.

Tapi di negara kita tidak dapat macam itu, tidak *sustainable.* Apa yang penting kita akan menggalakkan supaya ibu-ibu ini untuk menyusukan anak mereka, di dalam Islam pun digalakkan sehingga 2 tahun. Jika dilihat juga impaknya, kalau sekiranya susu tin itu dalam sebulan kira-kira dalam $70.00 ke $90.00 dan lampin ini, jika 2 kali sekurang-kurang $30.00 ke $40.00. Jika kita kira dalam seratus lebih sebulan dan ibu-ibu itu akan *saving* dalam $1,000 lebih ke $1,400 lebih.

Jika ibu-ibu yang baru melahirkan, ianya memerlukan perbelanjaan yang banyak seperti membeli *cot* tempat tidur kanak-kanak, tempat baju-bajuan kanak-kanak dan sebagainya. Itulah yang sebenarnya, usaha kerajaan untuk meringankan beban orang-orang kita.

Inilah sebagai hadiah kerajaan. Sepatutnya kita bersyukur yang kerajaan sekurang-kurangnya dapat memberikan perkara-perkara ini dan untuk kita sebagai tanda kesyukuran kita dalam menyambut kelahiran *anak damit.* Inilah yang perlu kita syukuri jua usaha-usaha kerajaan ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas penerangan lanjut mengenai perkara yang berkenaan itu. Kita teruskan pertanyaan lagi dengan menjemput Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha yang telah diungkayahkan oleh Kementerian Kesihatan dalam mencapai hasrat kerajaan bagi meningkatkan kesihatan rakyat Negara Brunei Darussalam melalui sistem penjagaan kesihatan yang berkesan dan berkualiti tinggi sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Kaola sungguh berharap dan berdoa agar usaha-usaha ini akan terus dikembangluaskan dan ditingkatkan untuk kesejahteraan generasi yang akan datang. Kaola ingin merujuk Tajuk Kementerian Kesihatan di bawah Kod Akaun 002/002. Sebelum itu, kaola menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, mengenai isu ubat-ubatan mengenai penjualan dan pemakaiannya dan sebagaimana jua yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebagaimana tadi ubat-ubatan tiruan.

Kaola ingin menyentuh jua mengenai produk-produk *supplement*, ubat-ubatan dan kosmetik yang dijual di negara ini secara meluas melalui *cube box* dan media sosial seperti *facebook, instagram* dan sebagainya. Apa yang menjadi

kerisauan ialah apabila produk-produk yang dijual ini adakalanya boleh membahayakan kesihatan.

Kaola rasakan ini kerana kurangnya pengetahuan dalam kalangan awam khususnya penjual dan pembeli mengenai bahayanya produk-produk ini. Jadi kaola ingin menyarankan agar kesedaran awam mengenainya perlu ditingkatkan dengan memberigakan secara lebih luas terutamanya melalui media sosial seperti *facebook* atau *whatsapp* di samping melalui *televisyen* atau surat khabar.

Kaola juga seterusnya menyentuh mengenai produk-produk iaitu mengenai kemasukannya ke negara ini. Kaola maklum dengan kewujudan peraturan Perubatan 2007 bagi produk kosmetik perubatan yang telah berkuatkuasa pada 2008 dan 2010 setakat manakah keberkesanan kuat kuasaan yang dilaksanakan bagi pengawalan masuk produk-produk ke negara ini?; dan

Kaola ingin menyentuh sedikit mengenai dengan Petunjuk Prestasi Utama *indicator cost* kesihatan per kapita yang disasarkan untuk penurunan. Mungkin jika boleh menjelaskan apakah kriteria atau faktor yang dinilai yang menyumbang kepada kos kesihatan per kapita ini. Kaola juga ingin bertanya jika ianya ada hubungkait dengan pembangunan kapasiti teknikal, doktor-doktor profesional tempatan.

Soalan kaola seterusnya ialah bagaimana pihak kementerian memastikan doktor-doktor tempatan dilengkapi dengan kemahiran, kepakaran yang tinggi, berdaya saing dan sentiasa maju ke hadapan? Adakah sebarang peruntukan dikhususkan untuk mereka menjalani kursus-kursus pakar? Demikian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat. Dua perkara yang ditimbulkan iaitu:

1. Mengenai peningkatan kesedaran orang awam tentang penjualan ubat kosmetik, terutama sekalinya yang dijual beli melalui *online* ataupun kedai-kedai *cube box* ini. Kaola ingat pada tahun lepas pun pernah diutarakan perkara ini.

   Saranan Yang Berhormat itu adalah tepat. Pihak Kementerian Kesihatan melalui akta-akta yang tertentu seperti Akta Ubat, Perintah Ubat, Akta Kesihatan Awam dan Akta Racun menggunakan akta atau perintah-perintah ini sebagai satu mekanisme untuk memastikan yang kita dapat menjaga dan mengawal jualan produk-produk ini.

   Pada masa ini ada yang kaola terangkan awal tadi Unit Pemantauan ini. Tapi seberapa banyak kita memantau pun kita terpaksa juga seperti mana dalam mukadimah kaola *to invert the pyramid* ini Yang Berhormat Pengerusi. Kita perlu bekerja keras dalam bidang *civic engagement* yang kita mahu rakyat penduduk kita ini bertanggungjawab.

Kalau mereka melihat mereka harus memberitahu pihak Kementerian Kesihatan supaya pihak kami dapat memberikan tindakan. Yang lebih berkesan lagi orang kita tahu barang itu berbahaya dan memastikan orang tidak membeli, orang tidak menjual dan sebagainya.

Kalau kita lihat rata-rata orang itu berjual sebab ada *demand*nya, tetapi kalau demand*nya* tidak ada barang itu tidak akan masuk sama ada ia membawa secara haram ataupun bukan secara haram.

Kaola menyambut baik saranan Yang Berhormat dan abis kaola akan bekerja keras terus memastikan memberitahu dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu ini dan akan mengguna seperti mana yang disarankan kaedah teknologi media sosial dan sebagainya. Itu lebih tinggi impaknya kerana kebanyakan orang yang membeli ini adalah daripada kalangan belia.

Yang kedua itu minta maaf Yang Berhormat kalau dapat diulangi soalan itu.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Petunjuk Prestasi Utama iaitu *Health Indicator Cost* yang berkapita yang disasarkan untuk penurunan yang melibatkan kos sama ada dengan doktor atau fasiliti perubatan ataupun doktor-doktor itulah maksud kaola.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Yang Berhormat Pengerusi Petunjuk Prestasi Utama ini mengenai kos perbelanjaan. Kalau kita lihat dari segi kos per kapita memang kadang-kadang, "mengapa tia makin turun ani? Patutnya makin naik?" ada mesej yang tersirat. Kita ingin memberitahu orang, kalau ia meningkat apa ertinya? Ertinya kita punya model kesihatan, bukan dari kesihatan, model penyakit.

Bermakna kita sudah *support,* mendukung orang kita ini sakit jadi terpaksa kita tingkatkan. Abis kaola memikirkan mana-mana yang kita dapat diusahakan umpamanya dari segi perkhidmatan kesihatan awam yang kosnya lebih rendah, jauh lebih rendah daripada perkhidmatan hospital *secondary* atau *tertiary*.

Walaupun kosnya rendah, impaknya lebih tinggi. Jadi kalau kan becakap mana-mana yang berbaloi inilah yang berbaloi. Kalau kitani kan meng*invest for the highest return* kita melabur. Ia memerlukan penglibatan semua pihak, bukan sahaja di pihak Kementerian Kesihatan semua kementerian, masyarakat awam, bisnes-bisnes, *NGO* dan sebagainya.

Tadi Yang Berhormat ada menyentuh kalautah kita menurunkan kos kesihatan ini bagaimana pula dengan kemahiran doktor-doktor dan sebagainya itu. Apa yang kita telah laksanakan kita sudah mendapat pulangan pelaburan awal dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa pelaburan awal dari segi pendidikan sudah mula berbuah.

Kita sudah ada pakar-pakar yang sudah balik. Sesetengah daripada pakar-pakar ini, الْحَمْدُ لله memang terkenal di rantau kita, sering kali dijemput menjalankan bengkel-bengkel luar negeri dan sebagainya.

Kita menggunakan hasil pelaburan awal itu diinjek balik untuk keperluan dalam negara yang kalau sekiranya dulu-dulu itu terpaksa kita menghantar ke luar untuk latihan dan *training* dan sebagainya. Sekarang orang lain lagi datang arah kitani.

Tetapi kitani mesti ingat jangan kitani telampau riak. Walaupun sudah ada orang-orang yang *successful* ini, kita harus bekerja secara *humility* sikit. Apa pun barangkali satu masa nanti perlu orang lain ini juga. Apa yang kita laksanakan secara spesifik ialah untuk bergabung bersama pihak-pihak yang tertentu di Brunei.

Tadi kaola ada menerangkan pihak Universiti Brunei Darussalam dengan 12 *partner University* di Australia, *United Kingdom, Europe* dan sebagainya. Bagaimana kita dapat menggunakan kaedah-kaedah yang sedia ada. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun dengan panjang lebarnya menyoal dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan saya masih lagi mempunyai senarai yang agak panjang daripada Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan mengenai Belanjawan Kementerian Kesihatan.

Saya berpandangan ada baiknya sekarang Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya cadangkan kita tangguhkan Mesyuarat Majlis Persidangan Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, masih lagi membahaskan dan membincangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah pun bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan untuk membincangkan Tajuk-Tajuk seterusnya yang masih ada terhadap Rang Undang-Undang Perbekalan ini di Peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini besidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, sebagaimana yang kita ketahui kita masih lagi membincangkan Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan.

Bersama saya masih terdapat senarai atau *list* Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta bagi membahaskan Tajuk ini.

Maka untuk tidak membuang masa lagi, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah bagi Peruntukan Perbelanjaan 2017/2018 Kementerian Kesihatan.

Maka dari itu, kaola menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan berjumlah $316,113,440.00.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyentuh Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pada hemat kaola, Kementerian Kesihatan telah berusaha bersungguh-sungguh dan terus komited dalam memodenkan serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan di negara ini ke tahap yang lebih

cemerlang dan sempurna sehingga penyediaan, penjagaan dan perawatan dapat dirasa dan dinikmati oleh setiap lapisan penduduk dan rakyat di negara ini.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi:-

1. Penyakit kronik seperti penyakit kanser, penyakit darah tinggi, kencing manis, jantung dan buah pinggang adalah penyakit-penyakit yang dialami yang mana ianya mengakibatkan banyak kematian di negara ini. Pertanyaan kaola, apakah ada usaha-usaha yang mutakhir pihak kementerian dapat laksanakan dalam usaha mencegah/mengubati dan memberi ketahanan diri melalui kurikulum sekolah serta khidmat-khidmat kaunseling dan strategi-strategi baharu yang lebih efektif untuk menghadapi penyakit berkenaan?

2. Kaola wakil Daerah Zon 2 Mukim Serasa dan Mukim Mentiri. Dengan peningkatan jumlah penduduk, dan kepesatan projek-projek pembangunan yang ada di Mukim Serasa dan Mukim Mentiri, kaola ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan akan dapat menambah perkhidmatan tambahan yang mana sebelum ini tidak ada diberikan di Pusat Kesihatan Muara.

   Perkhidmatan tambahan yang dimaksudkan ialah bermula mulai pukul 7.00 pagi hingga pukul 9.00 malam iaitu hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu. Dan dari pukul 2.00 petang hingga pukul 9.00 malam pada hari Jumaat dan Ahad dan hari-hari kelepasan; dan

3. Sukacita ingin mengetahui, sama ada kenderaan kecemasan (*ambulance*) pada masa ini dicadangkan kemudahan *GPS* yang akan boleh menunjukkan destinasi tempat yang dituju. Pertanyaan ini memang nampak ringan sahaja tetapi cuma menyampaikan, memandangkan terjadinya insiden ambulans ataupun kenderaan kecemasan ini lambat sampai ke tempat kejadian disebabkan tercari-cari di mana lokasi rumah yang akan dituju. Keprihatinan ini timbul kerana ianya benar-benar belaku. Kadang-kadang terpaksa menunggu di luar jalan melambai-lambai ambulans yang tercari-cari ini. Begitulah yang dapat kaola sampaikan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga yang kaola rakamkan kepada Yang Berhormat atas 3 perkara yang ditimbulkan tadi.

1. Mengenai penyakit-penyakit kronik atau yang tidak berjangkit. Memang betul perhatian Yang Berhormat, jika membuat sesuatu yang efektif ini biarlah dimulakan dari kanak-kanak lagi. Jika diasuh kanak-kanak ini dari awal dengan memastikan apa yang mereka makan itu bukan makanan

yang tidak sihat dan sentiasa melakukan kegiatan fizikal, ia akan menjadi satu amalan dan tabiat yang baik dan apabila kanak-kanak ini meningkat dewasa tidaklah perlu lagi memaksa mereka untuk bersenam ataupun memastikan yang mereka ini tidak memakan makanan lebih manis atau lebih garam.

Seperti mana yang telah kaola kongsikan pada pagi tadi iaitu melalui *Multi Sector Taskforce for Health* yang pihak Kementerian Kesihatan ada membuat kerjasama dengan kementerian-kementerian terutama sekali Kementerian Pendidikan bagi meneliti lagi bagaimana cara kitani boleh memastikan yang kanak-kanak ini membudayakan cara hidup sihat. Sebenarnya, ada beberapa cara terutamanya dari segi persekitaran sekolah seperti mana yang diketahui di sekolah-sekolah sudah banyak tempat untuk beriadah cuma macam mana cara kitani menggunakannya.

Selain itu, apa yang dikongsikan dengan rakan-rakan Kementerian Pendidikan jua ialah kempen kebersihan di sekolah-sekolah. Kebersihan ini bukan sahaja untuk membersihkan sekolah tetapi adalah untuk aktiviti fizikal jua. Kitani akan mengadakan satu suasana ataupun aktiviti-aktiviti yang lebih menarik kepada kanak-kanak supaya mereka tidak perlu lagi berfikir, mereka sudah membudayakan yang sekolah itu mesti bersih dan untuk membersihkan sekolah tidak perlu menunggu pembersih.

Begitu juga dengan kantin sekolah, pihak Kementerian Kesihatan juga berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan yang telah memperkenalkan satu sistem *traffic light* jika makanan yang ada *traffic light* merah langsung tidak boleh dimasukkan ke kantin-kantin, yang 'kuning' dihadkan 2 kali seminggu dan makanan yang lain mestilah 'hijau'.

Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan guru-guru supaya dalam subjek-subjek tertentu dengan memasukkan jua yang berkaitan hal-ehwal kesihatan dalam pengajaran mereka. Dalam hal ini, rakan kaola Yang Berhormat Menteri Pendidikan mungkin akan menambah mengenai perkara tersebut.

Selain itu, bukan di sekolah sahaja, sebenarnya apabila kanak-kanak itu balik ke rumah perlu juga ibu bapa memastikan yang ibu bapa ini adalah menjadi satu model untuk kanak-kanak tersebut. Jika sekiranya ia melihat ibu bapa mereka makan berlebihan, minum barang-barang manis jadi apa-apa yang dilaksanakan di sekolah itu akan tidak berjaya.

Jadi, balik kepada strategi utama Kementerian Kesihatan 2015/2020 yang pertama itu yang memastikan 'kesihatan ini adalah tanggungjawab semua'. Setiap individu di Brunei ini mestilah bertanggungjawab. Kementerian Kesihatan tidak akan

putus-putus memastikan yang setiap individu ini terutama sekali kanak-kanak akan dapat membudayakan hidup cara sihat ini.

2. Mengenai perkhidmatan tambahan di Pusat Kesihatan Muara. Perkara ini, memang sentiasa dalam penelitian, tiap-tiap perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah yang terbaik.

   Satu perkara lagi, yang difikirkan oleh pihak Kementerian Kesihatan ialah jika pihak kementerian mengadakan satu-satu perkhidmatan adakah ia akan menimbulkan budaya yang baik umpamanya dalam mukadimah yang kaola sampaikan kelmarin ada menerangkan bahawa 62% peratus dari bajet ini tertumpu kepada *secondary* sama *tertiary care* yang ini sudah menampakkan kesihatan kitani itu kurang kerana banyak orang yang akan dirawat.

   Rata-rata kebanyakan yang menghadiri pusat-pusat kesihatan ini adalah mereka yang menghidap *minor illness*, demam panas, batuk dan sebagainya iaitu *duration* penyakit ini *self-limiting.* Cuma, apa yang perlu kita berigakan kefahaman kepada orang ramai.

   Jadi, pihak Kementerian Kesihatan berkerja keras macam mana caranya untuk menambah perkhidmatan ini, jika kitani menambah perkhidmatan ini nanti, kita tidak mahu budaya untuk menyuruh orang "supaya sakit sedikit sahaja jangantah watir, ubat ada" inilah budaya yang kita tidak mahu. Apa yang kitani mahukan adalah terhindar daripada sebarang penyakit.

   Pada tahun lepas, kaola menerangkan bahawa sebilangan orang menghadiri kenduri kadang-kadang orang bercakap "jangantah khuatir makan sahaja sebab ubat ada", jadinya macam mana untuk menghilangkan budaya macam ini yang impaknya tidak begitu baik. Berkenaan soalan Yang Berhormat itu, Kementerian Kesihatan akan meneliti lagi dan memastikan ada *cost effectiveness*nya jua dan yang paling utama ia akan membawa budaya kesihatan yang bertanggungjawab.

3. Mengenai khidmat ambulans sama ada dibekalkan dengan *GPS*. Jawapan kaola memang tidak ada kemudahan *GPS* ini, walau bagaimanapun, itulah sebabnya pihak Kementerian Kesihatan bergabung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai aset-aset tertentu yang lebih canggih lagi dari segi teknologi dari segi perkhidmatan *call and despatch*. Dengan adanya perkhidmatan tersebut kitani boleh mengetahui hala tuju tempat yang akan dituju.

   Selain itu, jika difikirkan dari segi teknologi dalam telefon kitani sendiri pun ada *GPS.* Jika kitani menghubungi 991 akan menghantar lokasi ke arah orang yang

menghubungi tersebut. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, tidaklah perlu semestinya kitani berbelanja untuk barang-barang berkenaan. Kitani gunakanlah kebijaksanaan kitani. Walau macam manapun, kitani hendaklah memastikan juga standard itu ada. Terima kasih atas ingatan Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memberi sedikit jawapan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu pada pagi tadi yang kaola rasa ada yang tidak terjawab mengenai dengan *uptake of* pasar raya sihat semenjak ianya dilaksanakan pada tahun 2015 yang kaola rasa adalah mustahak. الْحَمْدُ لله jua semenjak pertama kalinya perkara ini dilancarkan di salah sebuah gedung yang besar di Brunei Darussalam ini ia telah menerima sambutan yang baik dan semenjak itu gedung lain pun ikut sama.

Pada masa ini Kementerian Kesihatan berhasrat untuk mengembangluaskan lagi program tersebut dan menjemput gedung-gedung lain lagi untuk menyertainya serta memainkan peranan mereka dalam meningkatkan tahap kesihatan masyarakat.

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, jumlah penjualan makanan-makanan sihat, الْحَمْدُ لله telah meningkat 74% dari pembeli yang telah melihat tanda-tanda pilihan sihat itu telah menggunakannya untuk membeli makanan sihat. Tambahan lagi dari 52% para pembeli yang telah melihat rak-rak yang dikhaskan untuk makanan sihat ini, semuanya telah membeli makanan sihat daripada rak makanan tersebut.

الْحَمْدُ لله Yang Berhormat Pengerusi sekurang-kurangnya ada sudah tanda-tanda positif itu. Yang Berhormat Pengerusi, kaola harapkanlah perkara ini tidak akan berhenti setakat itu. Ini menunjukkan kalau sekiranya ada gedung-gedung besar yang lebih *influential* itu dapat melakukannya, gedung-gedung lain akan ikut. Iatah nya kitani *power of social network* karang, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diteruskan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih atas mukadimah keterangan dan jawapan dari soalan-soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat dahulu yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Soalan pertama, kaola minta penjelasan peruntukan atas peningkatan perbelanjaan di bawah Tajuk berikut:

Kod Akaun 001/005 – Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan, dan Kod Akaun 002/005 – Kesihatan Alam Sekitar. Seterusnya

di bawah Tajuk Kod Akaun 002/000 Kesihatan Awam dan sebagai tambahan tentang penyakit-penyakit yang tidak berjangkit iaitu *NCD's.*

Kaola ingin memberi cadangan bagi menggalakkan masyarakat untuk bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka sendiri terutama bagi golongan masyarakat yang mudah terdedah kepada penyakit-penyakit tidak berjangkit. Sebagai contoh, kementerian boleh menjalankan kajian rintis *(pilot study)* iaitu calon-calon yang *border line* atau di peringkat awal penyakit tidak berjangkit dipilih untuk mengambil bahagian dalam program-program seperti mengurangkan berat badan, berhenti merokok atau program hidup sihat.

Calon-calon yang mengambil bahagian dan yakin dalam program itu dapat diberikan insentif seperti perubatan pakar atau perlindungan insurans kesihatan yang bersubsidi atau percuma. Manakala calon yang enggan atau menolak diri mengambil bahagian walaupun sudah dipilih dan dinasihati oleh keluarga dan pihak Kementerian mungkin boleh dikenakan bayaran sebagai *token payment* untuk rawatan dengan perubatan pakar.

Bayaran *token payment* ini bukannya dikira sebagai kos perkhidmatan tetapi bayaran ini digunakan untuk mengambil perlindungan insurans kesihatan untuk calon tersebut. Cadangan ini bertujuan untuk mengurangkan beban kos jangka panjang kerajaan dan menyokong usaha kementerian untuk memberi tumpuan kepada gaya hidup sihat sebagai langkah pencegahan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diutarakan tadi.

Buat masa ini barangkali kaola memberi komen mengenai cadangan yang baik. Kaola sokong cadangan Yang Berhormat ini mengenai cara-cara meningkatkan lagi kapasiti untuk memastikan orang mengikut cara hidup sihat untuk mengurangkan penyakit-penyakit kronik atau tidak berjangkit.

Kalau kita dengar baru-baru ini di negara jiran, dalam surat khabar memberitahu bahawa orang-orang yang berumur 40 tahun ke atas akan berpeluang membayar $5.00 sahaja untuk *screening.* Di Brunei Darussalam, الْحَمْدُ لله tidak perlu membayar, *register* sahaja. Cuma kesedaran atu belum ada.

Kaola ingin Ahli Berhormat bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan macam mana caranya kitani boleh menyedarkan orang-orang ini. Yang paling mustahak, kita harus sedar, kalau antara umur 40 tahun ke atas, risiko untuk menghidap penyakit yang tidak berjangkit ini semakin meningkat.

Kitani sarankan kepada orang ramai jangantah menunggu sakit. Kalau sekiranya kitani macam kurang pastikah, berjumpa ke klinik kesihatan, sekurang-kurangnya meminta nasihat. Ia

senang sahaja, apa yang harus kitani periksa berat badan, tekanan darah, tahap gula kitani, ini yang paling musatahak.

Kalau sekiranya ada antaranya yang tinggi, harus diselidiki lagi. Kita juga harus faham cara hidup mereka, sama ada mereka ini merokok, ada *family history* dalam keluarganya ada risiko penyakit jantung, kanser dan sebagainya. Jadi mereka boleh dikategorikan sebagai penghidap risiko yang sedikit tinggi daripada orang biasa. Ini terpaksalah kitani sama-sama bekerja untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai.

Mengenai insentif, ini sering kali kami *berdebate* dalam dan jua di luar daripada Kementerian kesihatan. Sepertimana yang diterangkan awal tadi, apa pun yang dibuat terserah kepada individu tersebut. Kalau kitani akan memberi mereka insentif, insentif yang lebih *sustainable* ialah kalau insentif itu datang dari dalam. Mereka faham mengapa mereka mahu sihat.

Kalau apa pun yang diberikan kepada mereka, *reward*, bermakna mereka ini melaksanakannya kalau ada insentif. Kalau tidak ada insentif mereka akan berhenti. Ini yang harus diteliti benar-benar. Tetapi memang ada caranya.

Kadang-kadang sesetengah orang dapat menurunkan berat badan mungkin mereka ada peluang untuk beri laluan untuk apa sahajalah, inda dapat kaola memberi spesifiknya barangkali, tapi melalui *multi sectoral task force for health* ini jua abis kaola telah mengimplementasikan satu projek pada tiap kementerian dan mengalu-alukan pihak swasta untuk ikut sama untuk mencari seorang *champion* yang *responsible.*

Jadi pihak Kementerian Kesihatan sudah memberi macam *some policy paper* yang dapat digunakan, dasar ini mereka boleh *cut and paste* sahaja. Umpamanya polisi makan minum masa di pejabat. Kalau mesyuarat dihidangkan air dan buah-buahan saja. Kalau di jabatan-jabatan bawah kementerian barangkali *lift* itu dapat ditutup.

Kaola sudah melihat di beberapa kementerian termasuk kementerian kesihatan jua, lif itu ditutup, dimestikan orang naik tangga. Kalau bangunan itu berbelasan tingkat tidaklah munasabah disuruh naik tangga berbelasan tingkat, mungkin mereka boleh naik *lift.* Jika tiga tingkat seterusnya naik tangga. Ini pilihan sendiri. Kalau akan memaksa orang, payah jua. Tapi kalau ditiadakan barang itu, orang terpaksa membuatnya, *so it's a deep of option*. Inilah *behavioural inside* macam mana kitani boleh mengadakan persekitaran yang kondusif agar memastikan mereka ini melaksanakan *healthy behaviour.*

Mengenai peningkatan bajet tadi Yang Berhormat menimbulkan soalan pertama Kod Akaun 001/005 – Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan dan mengenai apa Yang Berhormat? Kerana ada 2 bajet.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Kod Akaun 002/005 - Alam Sekitar dan Kod Akaun 001/005 - Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Sebenarnya bukannya orang *in-reality* dinaikkan. Ini adalah *outcome* daripada *consolidation of budget*. Jadi bajet yang lain yang abis kaola rasakan tidak sesuai dimasukkan di bawah Tajuk-Tajuk yang lain. Kalau kitani melihat ada sesetengah daripada Tajuk-Tajuk itu kurang, pasal dimasukkan di sana.

Umpamanya kalau kitani melihat mengenai Pengurusan dan Penguatkuasaan Undang-Undang, Kementerian Kesihatan ada membuat satu *pilot study* masa ini jua mengenai apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh pada pagi tadi *about financing* ini.

Kita menggunakan sedikitlah bajet itu untuk mengadakan *pilot study* ini jua dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ jika sudah ada *outcome* dari *pilot study* ini akan dikongsikan bersama abis Yang Berhormat jua. Bukan semestinya kita menambah inisiatif, cuma sekadar *consolidation* sahaja dan memasukkannya di bawah tajuk-tajuk yang *more appropriate* lagi. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas jawapan yang telah pun diberikan dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah Yang Berhormat.

Menyentuh soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim mengenai *pampers* dan *breast pumps*.

Kaola ingin menambah Yang Berhormat Pengerusi dengan memberikan cadangan. Inisiatif kerajaan baginda untuk memberi bantuan ini menggambarkan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa bersikap prihatin dan pemedulian tentang kebajikan rakyat baginda.

Negara kita yang tercinta ini, kita akan sentiasa teliti akan keperluan semua golongan masyarakat. Kalau dilihat Kementerian Pendidikan memastikan semua pelajar yang berkeperluan khas juga termasuk dalam sistem pendidikan sebagai satu contoh *inclusive society*. Kita perlu berfikiran secara inklusif dan tidak meletakkan penghalang antara

mereka yang mampu dan mereka yang tidak mampu. Masalahnya ialah kita tidak mempunyai data yang terperinci untuk mengenal pasti golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Yang Berhormat Pengerusi. Penyebaran mesej viral yang hangat baru-baru ini melalui *whatapps*, tidak ada punca atau siasatan yang mendalam dan ia boleh menyebabkan fitnah dan adalah satu isu yang berat dari segi agama. Memang tidak dapat diketepikan lagi negara kita mempunyai isu-isu kebajikan. Saya amat kagum dengan banyak badan-badan bukan kerajaan yang giat aktif dalam membantu mengurangkan beban masyarakat yang memerlukan.

Oleh yang demikian, mengenai isu pengagihan lampin pakai buang (*pampers*) dan *breast pump* bagi mereka yang berkemampuan dapat membantu pihak kerajaan dengan tidak menerima bantuan itu tetapi sebaliknya menyumbangkan kepada mereka yang lebih memerlukan. Ini adalah satu contoh sebagai negara Islam yang dapat berganding bahu untuk membantu mereka yang memerlukan.

Sebagai contoh Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Kesihatan bolehlah membuat borang yang menyatakan mereka bersetuju untuk mendermakan barang-barang tersebut untuk kebajikan. Pandangan kaola, *pampers* yang didermakan tidak semestinya hanyalah untuk bayi kecil sahaja tetapi termasuk juga kepada kanak-kanak dan orang dewasa. Pihak kementerian juga boleh bekerjasama dengan NGO's untuk proses pengagihan. Kaola berharap agar setiap ibu yang berkemampuan boleh menggunakan platform ini untuk menyumbangkan kepada golongan yang memerlukan.

Yang Berhormat Penerusi, kaola menyuarakan pandangan kaola tadi, dari pandangan seorang ibu.

Soalan kaola yang seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Soalan yang akan kaola ajukan ini pernah diajukan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2015 dan juga tahun 2016 mengenai doktor-doktor tempatan. Doktor yang kaola akan membahaskan hari ini adalah mengenai doktor-doktor tempatan yang berhenti dari perkhidmatan di Kementerian Kesihatan. Memandangkan soalan ini telah dibahaskan dua tahun berturut-berturut kebelakangan ini, ia adalah tanda kebimbangan daripada masyarakat.

Soalan kaola, yang akan kaola kemukakan berbeza apa yang pernah diajukan Yang Berhormat Pengerusi sebelumnya. Kaola ingin mengetengahkan keutamaan mengekalkan iaitu *retaining consultant* pakar doktor tempatan dalam sektor perubatan. Dilihat juga dari segi pencapaian, potensi, pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan juga bakat. Implikasi kos kehilangan sebahagian daripada konsultan, pakar ataupun doktor yang berbakat di bawah Skim Biasiswa Brunei yang meninggalkan negara kita amat besar bukan sahaja dari

segi kos tetapi kehilangan bakat pakar-pakar tempatan.

Soalan kaola, apakah langkah jangka panjang untuk mengekalkan bakat-bakat konsultan, pakar dan doktor tempatan supaya mereka dengan secara semula jadi boleh menyumbangkan khidmat mereka kepada negara serta pembangunan negara untuk kejayaan masa depan? Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat, atas 2 isu yang telah ditimbulkan. Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat atas sentimen yang diberikan tadi.

1. Mengenai saranan Yang Berhormat itu, nya kitani '*no brain*' itu. Sebenarnya kaola Yang Berhormat Pengerusi, kaola merasa bangga yang kita ada sudah rakyat dan penduduk kita ini. Kaola sebenarnya membaca *viral messages* itu, tapi yang kaola lebih tertarik mesej-mesej ini secara rata-rata mengatakan "mengapa tah orang yang berada atau orang mampu ini, diberi juga barang tersebut?".

   Bererti sudah ada meningkat kesedaran daripada rakyat dan penduduk kita untuk bertanggungjawab. Kaola menyambut baik saranan Yang Berhormat, sekiranya kalau mereka akan membuat kebajikan daripada mereka mengambil dengan menyumbangkan lampin (*pampers*) dan *breast pump* itu, mungkin akan menyedekahkan lagi kepada mereka yang tidak mampu.

   Isu yang mampu atau tidak mampu, tidaklah dapat kaola ketengahkan kerana itu di luar bidang kaola. Kaola tertarik atas cadangan itu dan kaola sangat berkeinginan untuk bekerjasama dengan Yang Berhormat, mungkin dengan rakan kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga NGO's yang berada di Brunei ini. Isu sama ada kita menggunakan kaedah *opting in* atau *opting out* itu, terpaksa kita fikirkan benar-benar kerana kadang-kadang kalau kita membuat *opting out* itu *its better the other way round*, *it's against behavioural inside* ini. Izinkanlah abis kaola berunding nanti di luar Dewan ini; dan

2. Mengenai doktor-doktor tempatan, terutama sekali di peringkat konsultan atau pakar ini. Memang betul *observation* Yang Berhormat itu, mengenai pelaburan kerajaan malah untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaburan bagi setiap seorang doktor sahaja, kita menghantar mereka untuk belajar di sekolah-sekolah perubatan di universiti-universiti perubatan ini sehingga mereka *graduate* sekurang-kurangnya $500,000.00 Brunei, sekurang-kurangnya baru mendapat gelaran doktor. Belum lagi menjalankan latihan kepakaran, bayangkan kalau mereka

melanjutkan membuat latihan kepakaran mungkin memakan masa kurang lebih 6 Ke 8 tahun.

Kalau dulu kita ada TV program *'Six Milion Dollar Man'*, ini tidak jauhlah, tidak juga sampai $6 juta tetapi pelaburannya amat tinggi sekali. Bagaimana cara kita mencari memastikan yang kita boleh menahan terutama sekali konsultan itu doktor-doktor di peringkat konsultan. Beberapa inisiatif sudah dilaksanakan, pertamanya untuk memastikan yang doktor dan pakar ini yang sudah bertauliah ini, kita sentiasa *engage* mereka ini supaya mereka tahu apa yang diperlukan di Brunei. Ini telah dilaksanakan dalam setahun, dua tahun lepas dan memastikan kita sentiasa memberitahu mereka apa yang ada, apa keperluan dan memastikan jua mereka faham yang mereka ini dihantar oleh kerana keperluan negara.

Repatriation of some of the training ini. Tadi ada koala Yang Berhormat Pengerusi mengongsikan kalau kita sudah memulakan sekolah perubatan selama 3 tahun di Brunei dan 3 tahun terakhir di negara-negara *United Kingdom, Europe, Australia* ataupun *North America,* sekarang kita sudah memulakan di peringkat latihan pakar. Jadi kalau mereka ini bermula latihannya di Brunei, mereka faham akan keperluan orang kita, betapa orang kita benar-benar memerlukan mereka ini. Kalau bukan orang kita siapa lagi? Jadi itulah yang kaola rasa yang patut kita tekankan.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan dahulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk membuat kenyataan tambahan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih kerana memberi kesempatan bagi kaola untuk membuat respons pendek sahaja kepada soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman mengenai penyakit kanser, darah tinggi dan sebagainya. Sama ada usaha-usaha dikurikulum sekolah dan sebagainya diadakan atau tidak.

Jadi sebagai menjawab sahaja Yang Berhormat Pengerusi kepada soalan tersebut. Sememangnya di Kementerian Pendidikan kita mempunyai dasar penjagaan kesihatan dalam kalangan pelajar sekolah misalannya dalam kegiatan *ECA*, kita menghendaki setiap pelajar untuk mengambil satu *ECA* sementara dalam jadual waktu mereka disediakan dua *period* seminggu bagi *PE Classes* di *primary* dan *secondary level* pendidikan. Ia bertujuan supaya mereka ini mengambil kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti sukan dalam tempoh yang diberikan tersebut.

Di samping itu, dalam Mata Pelajaran Sains dari Tahun 4 hingga Tahun 5,

6 dan seterusnya Tahun 7 dan 8, ada ditekankan isu-isu ataupun tajuk-tajuk kesihatan seperti menjaga kebersihan diri *(personal hygiene),* kesimbangan permakanan *(the balance diet importance of keeping body healthy),* mengenai penyakit-penyakit berjangkit, bahaya dadah dan dari segi nutrisi dan *syllabus biology GCE "O"* dan *"A" level* dan juga *Combined Science* terkandung isu-isu yang menekankan mengenai penyakit-penyakit berjangkit, cara-cara pencegahan, penyakit-penyakit lain seperti sakit jantung, *HIV, AIDS* dan penyalahgunaan dadah termasuk dalam *syllabus* berkenaan.

Jadi sebagai jawapan yang pendek memang dalam kurikulum Kementerian Pendidikan disediakan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola ingin membincangkan mengenai Tajuk SM01A - Kod Akaun 002/000 - Kesihatan Awam. Kaola merujuk balik kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 10 Oktober 2016 sempena *World Mental Health Awarness Days.*

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat bercakap mengenai stigma yang dikaitkan dengan penyakit mental mengakibatkan ramai orang malu untuk mendapatkan bantuan. Isu ini bukannya cuma di Brunei tetapi memang berlaku di mana-mana negara. Kemurungan dan kebimbangan *(depression and anxiety)* semakin meningkat dan ia boleh menjejaskan prestasi pekerjaan dan pembelajaran.

Memang diakui, perkara ini bukan sahaja tanggungjawab Kementerian Kesihatan tetapi ia melibatkan agensi-agensi lain termasuklah masyarakat. Beberapa kempen kesedaran telah diadakan bagi menangani isu stigma dan menggalakkan individu yang merasa diri mereka memerlukan bantuan untuk tampil berjumpa *specialist*.

Kaola ingin mengetahui:-

1. Apakah strategi seterusnya dari pihak Kementerian Kesihatan dalam perkara ini? Adakah dalam perancangan untuk mengadakan *hotline* bagi membantu mereka yang memerlukan *emotional therapy* tanpa mendedahkan identiti mereka?; dan

2. Merujuk di bawah Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan. Kaola menyokong penuh inisiatif kementerian dalam mengadakan kempen dan program bagi mencegah penyakit tidak berjangkit, yang bukan sahaja mempromosikan gaya hidup sihat tetapi juga mengurangkan beban kerajaan.

Kaola ingin mengetahui mereka yang pada masa ini tergolong dan memiliki penyakit tidak berjangkit ini, berapakah jumlah kes pada masa ini dan apakah yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian untuk membantu dan merawat mereka serta apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi memastikan mereka menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti?

Menyentuh mengenai dapatan dari *Global School Survey Health* pada tahun 2014 yang menunjukkan hanya sejumlah 13% kanak-kanak di negara ini yang mengikuti kegiatan fizikal yang mencukupi seperti yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Apakah saranan kementerian untuk meningkatkan peratus ini dan apakah amalan-amalan terbaik yang boleh diambil untuk memastikan agar kanak-kanak di Brunei dapat mengikuti kegiatan fizikal yang mencukupi?

Apa yang kaola fahami, pendidikan fizikal adalah teras utama di sekolah-sekolah dan pada masa yang sama kanak-kanak juga rajin meluangkan masa beriadah bersama keluarga pada hujung minggu sewaktu Bandarku Ceria. Apakah strategi kementerian dalam menangani isu ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih banyak Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengutarakan 3 isu:

Mengenai isu yang pertama ini, kaola ingin *address* dulu Yang Berhormat Pengerusi mengenai *stigmatization of mental health disease* ini. Memang perkara ini masih lagi berlaku di Brunei ini, tetapi الْحَمْدُ لله juga semenjak Perintah *Mental Health Order and its good of practice* yang telah dilancarkan pada 2014, lebih ramai lagi orang sudah tampil ke hadapan *try to seek health* ini.

Jadi sekarang walaupun stigma itu masih ada, walau bagaimanapun kalau dibandingkan dengan 10/15 tahun yang dahulu, orang tidak akan tampil ke hadapan ini. *Mental health illness* ini, dikira sebagai bukannya penyakit malah label orang dulu "gila" tapi sekarang kita tidak menggunakan perkataan itu lagi. Ia adalah sejenis penyakit yang mana penyakit ini إِنْ شَاءَ اللهُ dapat kita usahakan merawat dan mencari cara menyembuhkannya.

Syukur الْحَمْدُ لله juga, perkhidmatan *Mental Health Services* ini bukan sahaja diberi di peringkat hospital sahaja di *Departmental of Psychiatry atau Mental Health Unit*, malah juga diberi di semua Klinik Kesihatan. Jadi orang ramai tidaklah perlu bersembunyi-sembunyi untuk meminta tolong ini. Memang kes kemurungan dan *anxiety* ini ada. Ini pun *related to live style*, macam mana mereka *cope everyday*

dalam mereka punya pekerjaan, kehidupan dan macam mana mereka boleh terbuka membincangkan isu-isu mereka.

Jadi kami terus-menerus bekerja keras untuk memastikan yang orang ramai/awam ini memahami apa sebenar isunya. Jangan nanti orang itu sihat melihat orang yang ada kemurungan dan *anxiety problem* ini *diucapkan* (dipersenda) nanti. Apa yang kitani mahu adalah kefahaman, kalau ada orang yang berpenyakit sebegini, kita tolong dan beri nasihat. Kalau mereka belum berjumpa doktor, nasihati mereka ini.

Mengenai dengan saranan mengenai *hotline* itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola alu-alukan. Sebenarnya kami masih meneliti macam mana caranya pasal kita mesti maklum juga ada isu-isu *confidentiality.* Terpaksa kita pastikan yang apa pun yang mereka kongsikan bersama kita jangan sampai terkeluar menjadi satu perkara yang *we go against them*, so isu-isu *confidential* ini mesti kitani syorkan dahulu. Itu untuk soalan yang pertama Yang Berhormat Pengerusi.

Isu kedua *Non-communicable Diseases*. Yang Berhormat apa lagi yang dapat dilaksanakan untuk memastikan yang kita boleh mengurangkan beban kerajaan.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Mengenai mereka yang sudah mempunyai penyakit tersebut. Apakah tindakan bagi mereka yang sudah tergolong dalam penyakit ini, bukannya pencegahan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih. Minta maaf salah faham. Bagi yang menghidap penyakit kronik yang tidak berjangkit ini. Rawatan itu tidak terhenti. Kefahaman itu akan diberikan secara terus menerus terutama sekali dalam pengambilan ubat-ubatan. Sering kali abis kaola mendapati contohnya orang yang menghidapi penyakit darah tinggi ataupun masalah jantung setelah berubat الْحَمْدُ لله tekanan darahnya turun.

Tapi kefahaman itu kadang-kadang tidak berapa *complete*. Mereka fikir kalau sudah turun, contohnya demam setelah makan ubat baik, habis ubat. Tapi kalau penyakit-penyakit kronik ini kalau sudah turun tekanan darah atau gula sudah dapat dikawal bukan bermakna mereka boleh berhenti makan ubat itu.

Perkara sebegini sering kali dipanggil balik pesakit ini untuk direviu. Masa reviu itu selalunya sesi nasihat diberikan. Terpaksa ditingkatkan lagi macam mana kitani menyampaikan nasihat-nasihat agar ia akan dituruti dan diamalkan.

Selain itu, apa-apa aktiviti yang kitani laksanakan bukan saja di peringkat Kementerian Kesihatan malah macam Bandarku Ceria di peringkat mukim dan kampung. Peringkat *society NGO's* dan sebagainya. Kitani pun boleh memastikan orang-orang yang menghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit akan terus kekal kesihatan

mereka dengan menjalani atau mengamalkan hidup cara sihat.

Mengenai dengan peningkatan *physical activity* di sekolah-sekolah untuk memastikan yang kanak-kanak di Brunei ini mengikuti kegiatan fizikal. Kaola tidak akan menjawab dengan panjang lebar disebabkan perkara ini telah dibincangkan awal tadi. Balik-balik sudah perkara ini. *At the end of the day* kesihatan ini adalah *everyone's business.*

Memanglah Kementerian Kesihatan, tapi apa pun kitani buat, kalau sekiranya pihak individu tidak menjalankan apa yang patut dijalankan untuk mencapai kesihatan itu, memang tidak akan tercapai. Kitani haruslah bekerjasama untuk memastikan, pertamanya orang faham apa matlamat kitani sebenarnya, apa kegunaan kitani, untuk sihat.

Kalau kitani sihat dapat bekerja, beramal dan sebagainya. Kesihatan itu memang yang mustahak. Kaola pernah memberi ucapan kaola tahun lepas bahawa kesihatan ini ialah perkara kedua selepas beriman dan beramal. Mesti ada kesihatan untuk kitani beramal. Kalau tidak ada kesihatan macam mana hendak bangun dan berdiri, sembahyang dan sebagainya. Tertakluk kepada individu itu. Kitani boleh menjadi pemudah cara dari segi memberi kefahaman kepada orang ramai pendidikan dan sebagainya.

Kalau Yang Berhormat ada lagi pemikiran yang tertentu untuk menolong kita terutama sekali dalam kalangan belia. Belia ini yang sangat mustahak, marilah kita bekerjasama untuk menanganinya. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya itu satu cabaran kepada pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas taklimat dan penerangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Kaola sukacita untuk memohon bercakap di bawah Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan:

1. Kaola ingin mengongsikan mengenai gejala obesiti di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini telah disuarakan oleh rakan sejawatan.

2. Kaola sukacita mohon untuk bertanya dan penjelasan mengenai pencemaran udara atau alam sekitar dalam negara. Sekarang menuju ke arah mempelbagaikan sumber-sumber ekonomi negara. Antaranya melalui pembinaan industri yang dikenal pasti di Negara Brunei Darussalam.

   Di Mukim Liang adalah merupakan mukim yang boleh dipanggil mukim industri. Terdapat industri di mukim ini bertaraf dunia dan tidak lama lagi sebuah industri akan wujud di *SPARK Zone village,* Sungai Liang iaitu *Industri Ammonia/urea* salah satu industri ke arah sumber ekonomi negara.

Dalam pada itu, penduduk Mukim Liang yang penduduknya melebihi seramai 14,000 orang pada masa ini. Mohon minta kepastian tahap pencemaran alam yang dikeluarkan dari industri yang ada di mukim ini bagi mengadakan langkah yang berpatutan dari segi kesihatan. Oleh yang demikian mohon abis kaola mendapat penjelasan.

3. Kaola sukacita mengongsikan mengenai perkhidmatan yang diperlukan dari doktor-doktor pakar bidang tertentu bagi pesakit-pesakit di Daerah Belait di Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait. Kaola ingin bertanya, adakah ada rancangan Kementerian Kesihatan untuk menempatkan doktor-doktor pakar bagi Daerah Belait kerana pada masa ini doktor-doktor pakar didatangkan secara berjadual sahaja ke Rumah Sakit Suri Seri Begawan Daerah Belait?.

4. Kaola ingin bertanya mengenai makanan-makanan dalam tin yang dijual terutama di kedai terletak di mukim-mukim. Terdapat makanan yang sudah mansuh tarikh penggunaanya untuk dimakan. Kaola mohon supaya langkah-langkah dan tindakan berterusan bagi pemeriksaan-pemeriksaan dan sebagainya. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan ucapan terima kasih kepada Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Mumin, pada mulanya mengetengahkan dari 4 perkara kepada 3 perkara. Kerana obesiti telah pun dibincangkan tadi.

Kaola ingin memulakan dengan saranan yang terakhir iaitu Ke-3. Memastikan pemantauan akan berterusan إِنْ شَاءَ اللهُ Memang bidang tugas Kementerian Kesihatan untuk memastikan keselamatan bagi rakyat dan penduduk di negara ini. Dari segi pemantauan itu akan diteruskan.

Walau bagaimanapun abis kaola ingin memohon kerjasama jasa abiskita Yang Berhormat dan orang ramai jika mendapati perkara-perkara yang tidak diingini contohnya tarikh luput, pencemaran dalam pemakanan tersebut. Sila hubungi pihak abis kaola terus.

Untuk menyenangkan abis kita, sila dail talian Darussalam 123. Sekarang الْحَمْدُ لله kaedah talian 123 ini pada masa ini boleh menggunakan aplikasi *whatsapp* dan *live chat line*. Apa-apa perkara yang ditimbulkan melalui kaedah talian Darussalam 123 ini bagi pihak Kementerian Kesihatan peringkat kementerian sendiri meneliti perkara ini tiap-tiap minggu.

Kami akan memastikan segala *complaint* atau isu-isu yang ditimbulkan itu kalau ada kena timbulkan tiketnya ditutup seberapa cepat mungkin. Sekiranya ada orang mengadu ertinya orang ini susah hati *concern* mengenai isu-isu ini. Jadi yang paling sedikit dapat dilaksanakan memastikan yang perkara itu di *address.*

Mengenai dengan perkhidmatan pakar-pakar di Hospital Suri Seri Begawan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan diadakan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ jua disebabkan kitani sudah mengadakan latihan kepakaran di negara kitani sendiri. Kitani akan mula menghantar doktor-doktor ke sana, jadi bermakna kalau ada latihan kepakaran di sana mestitah ada jua pakar-pakar di sana. Abis kaola akan إِنْ شَاءَ اللَّهُ mengusahakan berapa cepat yang mungkin Pada masa ini memanglah sudah ada pakar di sana dan pakar *full time* pun ada cuma dari segi bilangannya sahaja kurang. Yang Berhormat abis kaola mengambil maklum.

Mengenai soalan pertama pencemaran udara. Kaola minta pertolongan dari rakan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Tapi setahu kaola memang udara kita ini dari segi kualiti memang bagus sekali الْحَمْدُ لله . Apa-apa yang dilaksanakan di negara kitani ialah selalu memastikan keselamatan itu didahulukan. Memang banyak *studies* dilaksanakan sebelum apa-apa industri dilaksanakan. Lebih baik kaola merujuk kepada rakan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Perintah perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar *EIDPMO* telah pun dikuatkuasakan pada bulan September 2016 yang lalu untuk mengawal impak terhadap alam sekitar yang menyebabkan oleh aktiviti-aktiviti industri.

Di bawah perintah ini pihak industri dimestikan menghadapkan pemberitahuan secara bertulis kepada pihak berkuasa tentang aktiviti-aktiviti mereka bagi memastikan operasi tersebut tidak mendatangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Pihak syarikat tidak akan dibenarkan memulakan operasi mereka sebelum menerima kebenaran dari pihak berkuasa. Di bawah Perintah Perlindungan Pengurusan Alam Sekitar (*EIDPMO)* ini semua majikan bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya atas pengurusan dan perlindungan terhadap alam sekitar serta membuat inisiatif-inisiatif yang dapat mengurangkan atau mengawal mana-mana bahaya yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan kerosakan alam sekitar.

Pihak syarikat yang terbabit dimestikan melantik Pegawai Alam Sekitar yang akan bertanggungjawab dalam pengurusan isu-isu alam sekitar. Jika terjadi insiden alam sekitar disebabkan oleh aktiviti-aktiviti yang di jalankan oleh pihak syarikat pegawai yang diberikan kuasa akan membuat siasatan terhadap insiden tersebut.

Jika pihak syarikat dan individu didapati melanggar mana-mana perintah, mereka yang terlibat juga akan dikenakan tindakan undang-undang. Jabatan Tenaga dan Industri juga sedang menyediakan peraturan-peraturan tambahan termasuk peraturan kajian

kesan penilaian alam sekitar *(EIA)* dan peraturan pencemaran udara.

Pematuhan peraturan-peraturan ini amat penting kerana melalui kajian ini penilaian bagi kesan operasi jangka panjang terhadap alam sekitar bolehlah diperhalusi dan pelbagai langkah pencegahan boleh dibincangkan melalui kajian yang dinamik ini. Ini selaras kehendak kerajaan yang ingin memelihara alam sekitar secara optimum.

EIDPMO adalah di bawah Kementerian Pembangunan tetapi mereka bekerjasama dengan Unit *HSE* Jabatan Tenaga dan Perindustrian untuk memantau aspek-aspek *HSE* dengan Kementerian Pembangunan. Terutama sekali bagi projek-projek *downstream* yang tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat iaitu projek-projek *downstream* minyak dan gas.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian saja tambahan daripada kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan dibantu pula oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri yang lain mengenai beberapa perkara yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya kira perbincangan kita cukuplah setakat ini mengenai Tajuk ini dan saya mencadangkan supaya Belanjawan Kementerian Kesihatan ini sekarang kita undi sebelum ia diluluskan atau sebaliknya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya meluluskan Belanjawan Kementerian Kesihatan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan oleh yang demikian Belanjawan Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SM01A hingga Tajuk SM08A – Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita berpindah untuk membincangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum perkara ini ataupun Tajuk ini kita bukakan untuk dibahaskan seperti biasa, maka pada lazimnya saya ingin memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk menyampaikan ucapan pendahuluannya berkenaan dengan belanjawan kementeriannya. Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi, الْحَمْدُ لله dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara berkat lagi berdaulat ini Negara Brunei Darussalam terus berada di bawah limpah rahmat keharmonian dan kemakmuran jua. Rakyat dan penduduk di negara ini terus dapat melaksanakan dan menikmati program-program pembangunan dan kesejahteraan dalam keadaan kita masih bersandar kepada persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar.

Kaola bagi pihak seluruh warga Kementerian Perhubungan merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenan baginda atas Anggaran Belanjawan dicadangkan sebanyak $122,288,530.00 bagi Tahun Kewangan 2017/2018 untuk diamanahkan kepada Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi melaksanakan program pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Dari peruntukan ini kira-kira sebanyak $41 juta dikhususkan untuk Pembayaran Gaji Kakitangan, $26 juta untuk Perbelanjaan Operasi ataupun Perbelanjaan Berulang-Ulang dan sebanyak hampir $54 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Kemajuan bagi tahun 2017/2018.

Jumlah keseluruhan khususnya berhubung dengan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang walaupun sedikit berkurangan dari peruntukan tahun lepas namun الْحَمْدُ لله Kementerian Perhubungan telah dapat memenuhi had yang ditetapkan memandangkan kepada suasana ekonomi yang dihadapi masa ini.

Pengurangan ini juga mencerminkan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan sejauh ini untuk memudah cara dan menjimatkan perbelanjaan khususnya melalui penswastaan perkhidmatan yang tidak *cost effective* dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, asas kepada pembangunan negara ialah masyarakat yang dinamik untuk membangun ekonomi yang mampan dan berdaya tahan serta tonggak kepada kesinambungan bangsa dan negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak pernah kendur-kendur untuk menyediakan kemudahan dan prasarana pengangkutan baik untuk tujuan dalam atau luar negara atas harapan komitmen tersebut akan membawa kesejahteraan kepada rakyat baginda.

Melalui Kementerian Perhubungan antara tujuan kerajaan ialah untuk meluaskan sektor perhubungan dan meningkatkan lagi sistem pengangkutan awam yang *sustainable* dan *inclusive* untuk dimanfaatkan oleh seluruh lapisan rakyat. Kementerian Perhubungan

percaya di samping untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang, sistem perhubungan dan pengangkutan awam yang cekap dan berkesan juga berupaya untuk membuka lagi peluang mencari pekerjaan, ruang-ruang perdagangan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan membantu mengurangkan permasalahan sosial.

Perhubungan dan pengangkutan juga menyumbang kepada berbagai-bagai aspek pembangunan yang lain seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan, pelancongan, diplomasi dan sebagainya. Ia diibaratkan sebagai urat nadi yang menyalurkan zat dan makanan kepada jasmani dan jasad masyarakat. Tanpa penyaluran ini maka akan lemahlah masyarakat ketandusan khasiat makanan yang diperlukan.

Dalam suasana Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan cabaran-cabaran ekonomi dan sosial peranan pengangkutan dan perhubungan tidak dapat diabaikan. Sistem perhubungan dan pengangkutan yang efisien atau berkesan ialah sistem yang menghubungkan pergerakan penduduk dan rakyat atau *connectivity* dari satu destinasi ke destinasi lain yang mempunyai kepentingan dan tujuan asas seperti perdagangan, pendidikan dan sebagainya.

Sistem perhubungan dan pengangkutan yang cekap adalah juga sistem yang memberi jaminan atau *reliability.* Ini bermaksud perkhidmatan pengangkutan yang berjadual yang boleh diharap oleh orang ramai, khususnya dalam membuat perancangan perjalanan seharian, perniagaan, pelancongan dan sebagainya. Kedua-dua elemen penting ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan menggalakkan kelangsungan pergerakan rakyat, barangan dalam dan luar negara dan melahirkan masyarakat yang dinamik. Dalam erti *tuturan* kita orang Brunei masyarakat yang *bekarih, bejarih dan belurih.*

Kegiatan perdagangan dan peluang-peluang pekerjaan terutamanya, juga akan meningkat dan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan keluaran kasar negara di samping meningkatkan nilai atau kualiti hidup yang lebih baik. Hasilnya nanti seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan membawa impak tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Kementerian Perhubungan ketika ini sedang giat melaksanakan Perancangan Strategik 2008 hingga 2017 ke arah meningkatkan sektor perhubungan dan pengangkutan. Ini terbahagi kepada 5 teras utama:

Teras Pertama

Strategi memfokus kepada pelanggan atau *customer focus strategy.* Segala rancangan pembangunan akan berasaskan aspirasi dan cita rasa rakyat dan membentuk hubungan yang serasi dan pengurusan mesra pelanggan. Atas hasrat ini, Kementerian Perhubungan

menghargai proses Majlis Mesyuarat Negara sebagai satu platform untuk melibatkan rakyat dalam proses pembangunan negara.

Dua elemen penting dalam strategi ini ialah memastikan *accessibility* dan *affordability* iaitu penyediaan perkhidmatan perhubungan yang berkesan sebagai *public goods* pada kadar kemampuan yang berpatutan untuk faedah semua lapisan masyarakat;

Teras Kedua

Mengukuhkan rangka kerja kawal selia iaitu dengan mengemaskinikan undang-undang peraturan dalam pengangkutan dan perhubungan;

Teras Ketiga

Mencapai keberkesanan dan kos effektif dalam pengurusan khususnya dalam rangka kerja sama antara pihak kerajaan dan pihak swasta dalam konsep *Public Private Partnership* atau PPP. Pihak kerajaan dan sektor swasta perlu sering melengkapi *(complementing)* bagi memanfaatkan sumber dan *resources* yang ada;

Teras Keempat

Peningkatan infrastruktur perhubungan. Ini adalah sebagai usaha berterusan Kementerian Perhubungan memperbaiki perkhidmatan kepada orang ramai dengan tujuan meningkatkan kegiatan ekonomi; dan

Teras Kelima

Membudayakan aspek kesihatan dan keselamatan alam sekitar iaitu merupakan satu aspek yang penting memandangkan tanggungjawab dalam urus tadbir pengangkutan orang ramai selaras dengan piawaian antarabangsa.

Dalam bidang perhubungan udara sektor ini terus berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan dengan proses permodenan antaranya;

i. Meluaskan ruang terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

ii. Menaik taraf sistem perhubungan dan pengurusan ruang udara atau *(communications navigation system);* dan *Air Traffic Management.*

iii. Projek rehabilitasi landasan kapal terbang yang dilaksanakan secara berterusan setiap 10 tahun sekali; dan

iv. Mengemas kini pengurusan dan perundangan penerbangan awam. Bagi tujuan ini Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil khidmat nasihat dari *United Kingdom Civil Aviation Authority International (UK CAAI)* mengambil kira pada perkembangan yang berlaku di arena antrabangsa khususnya saranan yang telah dikeluarkan oleh *International Civil Aviation Organization* Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak menanamkan modal membuat pelaburan meningkatkan prasarana

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Di samping itu kerajaan juga sedang giat berusaha ke arah meningkatkan pelancongan, menggalakkan pelaburan dan mengukuhkan hubungan diplomatik dan ekonomi dengan negara-negara luar atas asas kepentingan bersama. Dalam hal ini sektor Penerbangan Awam memainkan peranan penting untuk mengeratkan lagi hubungan tersebut dengan mengadakan hubungan penerbangan atau *air linkages* dengan negara-negara berkenaan.

Kita yakin pertukaran penduduk atau *people to people exchanges* akan mendatangkan manfaat kepada semua pihak. Ketika ini sebanyak 5 buah syarikat penerbangan yang beroperasi dengan keramaian penumpang sebanyak 1.5 juta orang setahun.

Ini bermakna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mempunyai kapasiti yang luas untuk menerima syarikat-syarikat penerbangan dari negara-negara sahabat untuk membuat perkhidmatan udara ke negara ini.

Atas tujuan ini Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan dasar ruang angkasa terbuka atau *open sky policy* dan memetrai perjanjian perkhidmatan udara *(Air Services Agreement)* bersama 48 negara. Sungguh pun demikian kita hanya mampu melaksanakan 13 perkhidmatan udara dengan 16 destinasi dan secara purata 35 penerbangan sehari.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perhubungan akan mengambil pendekatan yang lebih aktif untuk meningkatkan sektor pada industri penerbangan awam dengan impaknya yang tinggi, mengambil faedah daripada ekonomi *spin off* melalui perkembangan sektor penerbangan awam yang berdaya tahan atau *sustainable*.

Kementerian Perhubungan akan melaksanakan beberapa strategi bagi menarik lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan beroperasi ke Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

i. Mempromosikan Lapangan Terbang Antarabansa dalam senarai *skytrax* iaitu senarai Lapangan Antarabangsa yang terkemuka di dunia;

ii. Dalam rangka *Open Sky Policy* untuk menggalakkan persaingan yang sehat dan adil antara syarikat-syarikat penerbangan;

iii. Untuk bekerjasama rapat dengan syarikat Penerbangan Diraja Brunei *(RB)* dan mengkaji amalan-amalan timbal balik atau *reciprocity* yang terbaik;

iv. Jika perlu menawarkan insentif yang bersesuaian kepada syarikat penerbangan untuk beroperasi dengan Negara Brunei Darussalam untuk membawa pengunjung atau pelancong ke negara ini; dan

v. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dalam jangka panjang, pemikiran untuk menswastakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei juga dipertimbangkan.

Juga berhubung dengan Perkhidmatan Penerbangan Awam ialah perkhidmatan kaji cuaca yang kini telah dinaikkan taraf sebagai Jabatan Kaji Cuaca pada tahun 2013. Jabatan Kaji Cuaca mempunyai peranan dan skop tanggungjawab yang lebih meluas dalam mendukung aktiviti dan operasi dalam pelbagai sektor serta ekonomi. Maklumat kaji cuaca semakin ketara nilai dan kepentingannya kepada orang ramai terutama dalam membuat perancangan perjalanan ke luar negeri dan perniagaan. Ke arah ini Jabatan Kaji Cuaca akan mengambil pendekatan *business oriented* dalam memberi perkhidmatan dan mengongsikan kaji cuaca kepada orang ramai.

Dalam bidang maritim dan pelabuhan, sektor ini terus memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada hasil negara. Sektor ini masih mempunyai potensi untuk diperkembangluaskan dan ke arah ini Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut sedang melalui pembaharuan seperti yang berikut:-

a) Jabatan Laut dan Pelabuhan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dicantumkan dan menjadi pihak berkuasa *maritime* dan pelabuhan Brunei Darussalam atau *maritime port authority of Brunei Darussalam.* Badan ini akan berkuat kuasa penghujung tahun ini kira-kira dalam bulan September;

b) Melalui 21 Februari 2017 yang lalu operasi Terminal Kontena Muara telah diswastakan pada *Darussalam Asset* dengan harapan Pelabuhan Muara dapat diurus tadbir dengan cekap dan berkesan dan dipromosikan sebagai destinasi perdangangan *transit dan export process zone*. hampir sebulan perkhidmatan dari *Darussalam Asset* banyak perubahan dan peningkatan alat kelengkapan telah dibuat dalam masa yang pendek ini.

c) Atas tujuan ini pihak *Darussalam Asset* juga telah membentuk atas usaha sama atau *joint venture* dengan *Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd* sebuah syarikat dari rakyat China yang mempunyai pengalaman dalam pengendalian perkhidmatan Pelabuhan. Kementerian Perhubungan mengalu-alukan pertubuhan *joint venture* ini memandangkan Republik Rakyat China merupakan antara negara pengeksport yang terbesar di dunia;

d) Di samping itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menurunkan tarif harga perkhidmatan pelabuhan sebanyak 36% mulai 1 ogos 2016 dengan harapan untuk menjadikan pelabuhan negara lebih kompetitif.

e) Sementara itu, Jabatan Laut juga membuka perkhidmatan lain kepada pihak swasta termasuk perkhidmatan *Pilotage* dan *tug-boat services.*

f) Meluaskan lagi penggunaan sungai dan Perairan Brunei sebagai kaedah pengangkutan (*means of*

communication) dan membentuk satu *domestic class* bagi perahu-perahu kecil di bawah *100 (GRT) (Gross Register Tonnage)* dan kapal-kapal yang boleh membawa muatan kenderaan yang lebih berat daripada muatan kenderaan darat. Menggunakan kapal-kapal di sungai perairan kaedah-kaedah pengangkutan alternatif untuk membawa barangan yang lebih berat dari muatan darat.

Dengan adanya keperluan sedemikian ianya akan memerlukan standard pengawalan dari segi keselamatan atau *ship safety* yang boleh dilaksanakan melalui *domestic class* maka dengan itu usaha untuk penubuhan *domestic class* adalah wajar untuk diusahakan; dan

g) Meningkatkan keupayaan pendaftaran kapal bagi tujuan untuk meluaskan lagi perkhidmatan perkapalan dan meningkatkan hasil pendapatan negara.

Dengan terbentuknya Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan, perhatian sepenuhnya akan diberikan kepada aspek kawal selia dan membuat perancangan jangka panjang bagi pertumbuhan perkhidmatan maritim dan pelabuhan. Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan juga akan terus memantau sistem perkapalan perdagangan serantau dan antarabangsa serta menilai kesan-kesan impaknya bagi memastikan Negara Brunei Darussalam akan terus relevan dalam rangkaian perkapalan dan logistik antarabangsa.

Di samping itu, pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan juga akan merangka strategi ke arah memperluaskan lagi industri maritim dan perkapalan termasuk prasana persinggahan dan perkhidmatan lain atau *support services* yang sesuai dengan usaha kerajaan untuk memajukan ekonomi negara.

Dari segi prestasi perdagangan negara sejauh ini jumlah dalam kontena *TEU throughput* yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan negara ini ialah sebanyak 102,798 kontena pada tahun 2015 dan ini menurun pada tahun lepas kepada 98,524 kontainer. Jumlah ini hanya 50% daripada kapasiti pelabuhan yang boleh mengendalikan sebanyak 220,000 kontena dalam setahun.

Dan sebanyak 65 buah kapal yang telah didaftarkan didaftarkan di negara ini yang mempunyai kapasiti antara 36 *Gross Register Tonnage (GRT)* bagi feri penumpang sehingga 111,461 *GRT* bagi kapal tangki minyak. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 2,515 buah kapal telah tiba di pelabuhan negara ini, termasuk 16 buah kapal pesiaran yang membawa seramai 16,667 orang penumpang dan 8,155 orang anak kapal.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Berpindah kepada Pengangkutan Darat, kita menyentuh mengenai ekonomi domestik. Perhubungan dan pengangkutan memainkan peranan penting dalam kelangsungan pergerakan rakyat, barangan dan perkhidmatan. Perkara ini juga berkait rapat dengan membuka peluang-peluang pekerjaan dan bagi menangani isu-isu kemiskinan di negara ini.

Perkara ini dibahagikan kepada 3 modul pengangkutan iaitu teksi, bas dan kenderaan persendirian. Melalui Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan akan memfokus kepada keutamaan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas dan teksi dan memudah cara pengurusan pemilikan kenderaan persendirian.

Satu Projek Peningkatan Pengangkutan Bas Awam sedang dilaksanakan dengan harapan untuk memperbaiki *connectivity* dan *reliability* bas awam dan menekankan aspek *accessibility* dan *affordability*. Dengan adanya projek ini, tumpuan seterusnya adalah untuk penyediaan infrastruktur, menggubal dan menguatkuasakan Undang-Undang Lalu Lintas.

الْحَمْدُ لله perkhidmatan teksi sudah mula menunjukkan kesan positif dengan peningkatan *ridership*s ataupun pengguna-pengguna teksi. Kementerian Perhubungan ingin merakamkan penghargaan kepada Persatuan Pemandu-Pemandu Teksi Negara Brunei Darussalam atas inisiatif mereka memperbaiki imej teksi yang sekali gus juga memperbaiki imej negara di mata pelancong ke negara ini.

Inisiatif ini seterusnya akan membuka luas peluang perdagangan dan pekerjaan. Usaha ini akan diteruskan dengan memperkenalkan sistem *ICT* atau *Taxi Mobile Application* yang akan disediakan oleh anak tempatan untuk memudahkan panggilan perkhidmatan teksi dan meningkatkan perkhidmatan teksi sekurang-kurangnya kepada 400 buah menjelang tahun 2025.

Bagi tahun ini dan tahun hadapan, JPD mempunyai sasaran untuk membukakan permohonan permit perkhidmatan teksi sebanyak 200 buah lagi yang perkhidmatan ini akan dikhaskan untuk rakyat Brunei sahaja.

Sementara itu proses pemilikan kenderaan persendirian akan terus dipermudahkan terutama dari segi proses pendaftaran, pembayaran lesen tahunan, pematuhan Peraturan Undang-Undang khususnya berhubung dengan *road worthiness*. Pada tahun lepas, pemberian perkhidmatan pemeriksaan kelayakan kenderaan persendirian telah juga di *outsource* kepada bengkel-bengkel Kelas 'A' yang diiktiraf oleh JPD atau dikenali sebagai *Vehicle Inspection Station (VIS)*.

Dari pelaksanaan inisiatif ini, selain dari memberi pilihan kepada orang ramai untuk berurusan dan mendapatkan *value added services* daripada bengkel-bengkel tersebut, ia juga telah mengurangkan jumlah orang ramai yang berkunjung ke JPD sebanyak lebih 25%.

Sebagai salah satu usaha *Ease of Doing Business*, sebahagian besar kesalahan-kesalahan lalu lintas dan undang-undang jalan raya adalah dijadikan sebagai *compoundable offences* atau kesalahan-kesalahan kecil yang boleh dikenakan denda tanpa perlu dirujuk ke mahkamah.

Untuk makluman seterusnya kepada Dewan ini, dan dengan kerjasama dari Persatuan Insurans Takaful Brunei, satu

sistem *Motor Claim Guidelines* atau Garis Panduan Tuntutan Kenderaan akan diperkenalkan bagi kemalangan yang tidak melibatkan kematian, kecederaan dan kerosakan kepada harta benda kerajaan. Panduan baharu ini bertujuan untuk meleraikan kesesakan lalu lintas dengan cepat apabila berlaku kemalangan. Dengan adanya sistem ini, semua isu ganti rugi dan kemalangan kenderaan yang tidak melibatkan kematian atau kecederaan dan kerosakan harta benda kerajaan akan diselesaikan antara pihak insurans sahaja tanpa memerlukan laporan pihak Polis.

Yang Berhormat Pengerusi. Perhubungan melalui *Info Communications Technology (ICT)*, juga terus memainkan peranan penting dalam pembangunan negara terutama dengan terciptanya produk dan teknologi-teknologi baharu. Ada antaranya diiktiraf sebagai *disruptive* teknologi, mencabar pihak kawal selia untuk menentukan peraturannya.

Sebagai pemangkin utama kepada pergerakan maklumat dan perkhidmatan, الْحَمْدُ لله penggunaan *ICT* dalam kalangan penduduk negara ini terus meningkat dari setahun ke setahun. Dari segi *accessibility*, separuh daripada jumlah perumahan ataupun *household* di negara ini iaitu 51.4%, (kira-kira 40,000 buah rumah) boleh memperolehi perkhidmatan *broadband* menggunakan talian *fiber optics*.

Selain itu, kadar penggunaan telefon bimbit mengikut jumlah langganan *(subscription)* sudah melebihi jumlah penduduk di negara ini iaitu pada kadar 126%. Dari jumlah ini, penggunaan *mobile broadband* melalui telefon bimbit atau alat pintar *(smart devices)*, adalah pada 121%.

Dalam pada itu, masih terdapat ruang untuk diperbaiki bagi meningkatkan *accessibility* kepada perkhidmatan *ICT*. Pada masa ini sebanyak 88 buah kampung yang sama ada tidak ada liputan perkhidmatan atau mempunyai liputan perkhidmatan yang rendah iaitu Daerah Brunei Muara 7 buah kampung, Daerah Tutong 21 buah kampung, Daerah Belait 20 buah kampung dan Daerah Temburong 40 buah kampung.

Perkara ini akan terus dipantau oleh pihak berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (*AITI*), untuk diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya bersama para penyedia perkhidmatan selaras dengan perancangan pelaburan masing-masing. Sementara itu pihak *AITI* juga berusaha untuk mengambil kaedah Obligasi Perkhidmatan Sejagat atau (*Universal Service Obligation – (USO)* untuk memastikan pelaburan infrastruktur sentiasa diberi perhatian khususnya untuk mengatasi isu-isu jurang digital *(digital divide)* yang melibatkan kawasan-kawasan di luar bandar.

Dari segi *affordability* pula, caj perkhidmatan jalur lebar juga dipantau oleh *AITI*. Bagi perkhidmatan jalur lebar, pihak *TelBru* telah membuat inisiatif sendiri untuk mengurangkan kadar dan menaikkan kelajuan perkhidmatan jalur lebar. Jika sebelum ini, perkhidmatan

pada kelajuan *1Mbps (Megabit / sec)* berharga B$65.00 sebulan, sekarang dengan 10Mbps, pelanggan hanya perlu membayar serendah B$25.00 sebulan.

Dengan kadar harga B$25 ini, ianya adalah kira-kira 3% dari purata pendapatan bulanan atau *per capita (average monthly income per capita)* sebanyak $895, menurut Laporan Kajian Perbelanjaan Keluarga 2010/2011. Kadar ini juga selaras dengan sasaran yang ditetapkan oleh *International Telecommunications Union (ITU)* bagi kadar harga perkhidmatan jalur lebar adalah di bawah 5% dari pendapatan purata bulanan *per capita*.

Satu aspek yang juga ingin kaola kongsikan ialah perkembangan dan perubahan teknologi *ICT* yang sangat mencabar. Teknologi seperti *FTTH (Fiber To The Home)*, teknologi *wireless* baru 5G, *cloud computing* dan aplikasi-aplikasi baharu akan berupaya mengumpulkan data-data yang banyak dan besar sama ada berbentuk *voice, data, graphic* dan video melalui berbagai-bagai peralatan. Apa yang dipanggil *Big data* ini mampu memberi maklumat-maklumat penting mengenai sesuatu proses dan mempunyai nilai perdagangan atau *commercial value* (nilai tambah komersial) yang tinggi. Ini apa yang akan melahirkan, yang dipanggil sebagai *Internet of Thing (IoT).*

Di samping aspek-aspek positif yang dijana oleh perkembangan ini, terdapat juga cabaran bahawa unsur-unsur negatif masih berleluasa terutama dengan adanya teknologi tersebut. Ini menimbulkan masalah bagi pihak-pihak tertentu untuk mengekang kegiatan tersebut dan menjalankan tugas penguatkuasaan.

Satu cabaran lain ialah mengenai *cyber security*. Apabila banyak peralatan yang '*connected* ia juga terdedah kepada *hacking* oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk mengatasi perkara ini, pihak-pihak pengguna *ICT* terutama institusi-institusi yang penting seperti insititusi kerajaan dan kewangan digalakkan untuk mengambil inisiatif mengadakan sistem keselamatannya sendiri seperti mengadakan *firewall* kepada *network* masing masing.

Dalam hal ini, pihak *AITI* juga mengambil pendekatan untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai mengenai kesan-kesan negatif dari penyalahgunaan teknologi *ICT*, termasuk juga media sosial.

Dengan kemajuan *ICT*, Perkhidmatan Pos juga mendapati suasana baharu atau *new norms* di negara ini. Penghantaran surat semakin menurun sementara penghantaran bungkusan meningkat setiap bulan. Penghantaran bungkusan juga dihulurkan oleh perkhidmatan *courier* dari sektor swasta seperti *FedEx*, *UPS*, *DHL* dan *TNT*.

Jabatan Perkhidmatan Pos terus peka kepada perkembangan perkhidmatan kargo udara bahawa sistem perkhidmatan logistik antarabangsa lebih menfokus kepada ekonomi yang pesat yang mempunyai jumlah penghantaran kargo yang tinggi dan mendatangkan

keuntungan yang lumayan kepada syarikat berkenaan.

Perkara ini sering menimbulkan masalah bahawa penghantaran bungkusan ke negara ini akan diterima lebih lambat jika dibandingkan di tempat lain. Dalam keadaan ini, Jabatan Perkhidmatan Pos terus berusaha untuk menubuhkan hubungan strategik dengan negara-negara sahabat seperti menubuhkan *virtual post* di negara yang mempunyai hubungan kargo dengan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, untuk terus relevan Jabatan Perkhidmatan Pos juga sedang mengambil usaha-usaha berikut dalam pemberian perkhidmatannya kepada orang ramai selaras dengan pembangunan ekonomi di negara ini.

i. Memantau sistem logistik dan penghantaran air kargo antarabangsa untuk memastikan Negara Brunei Darussalam untuk terus relevan.

ii. Membuat inovasi dan mempelbagaikan lagi perkhidmatan pos sesuai dengan cita rasa pelanggan dan perkembangan dalam suasana perniagaan.

iii. Jabatan Perkhidmatan Pos terus bersandar kepada perkembangan teknologi dan *ICT* untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatannya.

iv. Perkhidmatan Pos merupakan perkhidmatan dihulurkan berasaskan kepada kepercayaan orang ramai. Oleh yang demikian, peranan etika kerja dalam pemberian perkhidmatan tersebut adalah penting untuk menjaga dan meningkatkan keyakinan orang ramai.

Ke arah ini Jabatan Perkhidmatan Pos terus menumpukan perhatian kepada aspek *speed, safety and reliability.*

Akhir sekali dengan bertambahnya persaingan bagi penghantaran bungkusan adalah difikirkan bahawa dalam jangka panjang kaedah pengkorporatan akan dipertimbangkan. Bagi tujuan ini Jabatan Perkhidmatan Pos terus meningkatkan komitmennya kepada perjanjian *Universal Postal Union* termasuk membentuk agensi kerajaan yang akan mengawal selia perkhidmatan pos dan *courier* di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan peruntukan yang diamanahkan Kementerian Perhubungan akan terus melaksanakan perancangan projek strategik yang akan dapat membuka ruang perniagaan, pekerjaan dan meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat. Setiap perhubungan dan pengangkutan menjadi pendukung kepada pelbagai aktiviti perekonomian dan menyumbang kepada menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Dalam memikul tanggungjawab yang mulia ini dan sebagai satu ibadah fardu kifayah kepada seluruh warga

Kementerian Perhubungan abis kaola amatlah menjunjung kasih setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutama pada memastikan kesinambungan, pembangunan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam berdasarkan Melayu Islam Beraja, aman makmur di bawah payung pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola bentangkan mengenai agenda dan perancangan Kementerian Perhubungan dan mudah-mudahan ia mendapat restu dan *endorsement* daripada semua Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Sekian وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas huraian yang begitu jelas yang mengariskan dasar-dasar terperinci mengenai jabatan-jabatan yang di bawah kementerian yang berkenaan ini dan juga hala tuju Kementerian Perhubungan sesuai dengan belanjawan yang diperuntukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun membincangkan pada hari ini Belanjawan Kementerian Kesihatan dan sekarang kita berhadapan pula dengan Belanjawan Kementerian Perhubungan. Banyak perkara-perkara baharu yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang perlu kita teliti, maka saya kira adalah lebih sesuai perkara ini kita fahami. Dengan sebab itu, ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada hari Sabtu, 18 Mac 2017, seperti biasa mulai pukul 9.00 pagi. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 19 Jamadilakhir 1438 / 18 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kesepuluh pada hari Sabtu, 19 Jamadilakhir 1438 bersamaan 18 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini akan kita sambung untuk bersidang lagi setelah kita tangguhkan pada hari Khamis petang dan kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

Pada petang hari Khamis yang lepas, kita telah mula membincangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan kita telah mendengar penjelasan-penjelasan yang terperinci tentang matlamat-matlamat serta sasaran-sasaran kementerian yang berkenaan itu sesuai dengan belanjawan yang disediakan.

Perbincangan ini akan kita teruskan di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita berbuat sedemikian dan meneliti Belanjawan Tajuk Kementerian Perhubungan di Peringkat Jawatankuasa, saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu bagi Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A – Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seperti yang saya nyatakan pada awal tadi bahawa petang hari Khamis yang lepas, Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah selesai membuat pembentangan berupa ucapan pendahuluan atau mukadimahnya, maka pagi ini kita akan membincangkan dan membahaskan belanjawan kementerian yang berkenaan. Bersama saya terdapat 1 senarai bagi Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan bagi Tajuk ini. Maka saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah Peruntukan Perbelanjaan 2017/2018, Kementerian Perhubungan yang telah disampaikan pada petang hari Khamis lepas. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita mengajukan persoalan dalam 6 perkara.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Oleh sebab ada 6 perkara jadi saya cadangkan supaya dibahagi 3 dahulu dan selepas itu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Selepas itu baharu 3 soalan yang lain lagi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola ingin merujuk mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang menyatakan Terminal Kontena Muara telah diswastakan kepada *Darussalam Asset* dengan harapan Pelabuhan Muara dapat diurus tadbir dengan cekap dan berkesan dan dipromosikan sebagai destinasi perdagangan *transit* dan eksport proses zon.

   Pertanyaan kaola, Terminal Kontena Muara telah diambil alih oleh *Muara Port Company* iaitu *MPC* iaitu syarikat usaha sama antara *Brunei Darussalam Asset Sendirian Berhad* dan *Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd* dari Negara China. Kaola ingin bertanya:

   i. Apakah perkembangan Terminal Kontena Muara setakat ini dan perancangan syarikat ini setelah pengambilan alih terminal tersebut?; dan

ii. Adakah dengan perubahan ini akan dapat memberikan peluang pekerjaan jua kepada pencari-pencari kerja?

2. Kaola cadangkan dalam Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menghadapkan cadangan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai Cukai Jalan yang dikenakan kepada kenderaan, yang kaola maksudkan bukanlah kenderaan persendirian, komersial, sewa tetapi ialah kenderaan yang digunakan bagi menunaikan kerja-kerja ibadah atau fardu kifayah iaitu kereta jenazah.

الْحَمْدُ لله di Negara Brunei Darussalam ini beberapa orang tertentu dan pihak-pihak organisasi telah mewakafkan kereta-kereta jenazah kepada beberapa buah masjid bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja dan ibadah. Kerja-kerja wakaf ini sangat-sangatlah dituntut dalam Islam. Kenderaan jenazah yang diwakafkan ini buat masa ini dikenakan cukai jalan walaupun ia adalah lebih memberikan perkhidmatan kepada orang Islam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita memohon yang Berhormat Pengerusi agar Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan akan dapat menimbangkan supaya kereta jenazah ini dikecualikan daripada membayar cukai jalan kerana ia bukanlah bagi tujuan persendirian atau komersial.

3. Kaola ingin menyentuh mengenai keselamatan jalan raya yang sekarang ini sangat membimbangkan dengan kejadian kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan berat, trak, bas yang menyebabkan cedera parah dan juga kematian. Dari pengamatan kaola kebanyakan kenderaan, trak dan bas sering dipandu dengan laju melebihi had laju yang telah ditetapkan. Perkara ini sangat serius dan boleh mendatangkan malapetaka kepada pengguna jalan yang lain. Sikap pemandu-pemandu kenderaan berat yang tidak bertanggunjawab ini perlu dibendung dan ditangani segera.

Memang diakui adalah sukar bagi pegawai penguat kuasa yang ada memantau seratus peratus dan sepenuh masa perkara ini. Jika pun diusahakan ia memerlukan pegawai yang ramai dan kos yang tinggi. Oleh itu, kaola ingin mencadangkan kepada Kementerian Perhubungan untuk memperkenalkan sistem pemantauan dengan pengawalan sistem *black box* iaitu kotak hitam kepada kenderaan berat, trak dan bas-bas besar seperti mana yang telah dikuatkuasakan di negara-negara lain seperti Malaysia, semua kenderaan berat dan bas besar dimestikan memasang kotak hitam tersebut untuk membolehkan kenderaan tersebut dapat dipantau had kelajuan yang dipandunya. Kebaikan sistem ini :

i. Membolehkan pemantauan dan penguatkuasa kenderaan berat, trak dan bas besar dipandu

dengan had laju yang dibenarkan;

ii. Meningkatkan penguatkuasaan kenderaan berat secara berkesan dengan sepenuhnya; dan

iii. Akan mengurangkan kejadian kemalangan yang dahsyat yang melibatkan cedera parah dan kematian.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengajukan lagi dalam Tajuk.

Yang Berhormat Pengerusi: Disarankan Yang Berhormat berhenti dulu bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Perhubungan menjawab, selepas itu Yang Berhormat boleh meneruskan soalan Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan sedaya upaya untuk menjawab soalan-soalan yang diutarakan. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang kaola memerlukan maklumat lanjut kaola memohon izin menjawabnya pada waktu yang lain di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan ini.

Lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed, kerana membangkitkan 3 perkara yang berhubung dengan Terminal Kontena Muara, isu mengenai cukai jalan dan mengenai keselamatan jalan raya.

Nampaknya persoalan pertama untuk menghargai apa yang diusahakan oleh Kementerian Perhubungan dan juga kementerian-kementerian yang ada berhubung dengan Sistem Perdagangan Antarabangsa ataupun *Cross Border Trading.*

Lebih dahulu kaola ingin memberi penerangan mengenai isu-isu yang berbangkit mengenai peranan Jabatan Pelabuhan Muara dalam memberi kemudahan perdagangan antarabangsa. Isu menswastakan Jabatan Pelabuhan Muara, bukan satu isu yang baharu malah kita sudah melalui beberapa pengalaman dalam menswastakan perkhidmatan Pelabuhan di Muara.

Pernah dulu kita menswastakannya kepada satu syarikat di negara jiran yang nampaknya dari segi progres yang dilaksanakan begitu menggalakkan, jika dibandingkan dengan progres selepas itu ataupun sebelum Terminal Kontena Muara diswastakan kepada *Darussalam Asset*.

Apa yang kita harus faham mengenai kemasukan ataupun keluaran barang ini, ia berkait rapat dengan ekonomi kita sendiri sejauh mana kita mempunyai *volume* yang banyak untuk menarik kapal-kapal laut untuk datang ke Negara Brunei Darussalam dan sejauh mana kita

dapat mengeluarkan barang-barang itu untuk dieksport.

Salah satu perkara merupakan satu cabaran kepada kita dan kita berhasrat untuk menjadikan *Muara Port* itu sebagai satu hub terutamanya bagi *BIMP-EAGA*.

Ini merupakan satu inspirasi yang begitu baik dan realistik memandangkan bahawa hubungan kerjasama antara negara *ASEAN* dan khususnya negara *BIMP-EAGA* adalah begitu rapat dan negara-negara *BIMP-EAGA* pada masa ini berusaha meningkatkan hubungan pengangkutan, perdagangan dan kawasan-kawasan *BIMP-EAGA* ini untuk ditingkatkan kepada peringkat yang lebih menggalakkan lagi.

Dengan adanya kenyataan ini, munasabah bagi kita untuk memikirkan bahawa Jabatan Pelabuhan Muara mempunyai peranan yang penting untuk memberikan kemudahan perdagangan. Apa yang penting, harus dipastikan sejak beberapa tahun kebelakangan, keadaan import dan eksport kita begitu mendatar keadaannya bukannya semakin meningkat. Ia bergantung pada keadaan ekonomi dalaman di Negara Brunei Darussalam.

Dalam suasana kita menghadapi cabaran-cabaran ekonomi sudah setentunya pengimportan barangan akan menurun. Terjadi penempatan daripada perkhidmatan *port* ketika ini menurun daripada 100 lebih ribu kontena kepada 96 ribu kontena sahaja dalam setahun. Sedangkan dalam kapasiti, kita boleh menerima kontena sebanyak 220 ribu kontena setahun.

Ini bermakna kita menghadapi satu keadaan apa yang dipanggil *over capacity*. *Over capacity* ini diikuti dengan suasana *unemployment* tinggi dan ini merupakan satu perkara yang membimbangkan. Kita harus berfikiran secara di luar kotak pemikiran, memikirkan dan memahami mengenai sistem perkapalan antarabangsa dan serantau ataupun sistem logistik untuk memastikan bahawa Negara Brunei Darussalam khususnya Pelabuhan Pulau Muara Besar itu masih relevan.

Dari itu, kita pelajari dari pengalaman negara-negara yang terlibat dalam pengeksportan, seperti China, Jepun, Singapura. Apabila kita mempunyai kerjasama dengan perkhidmatan *port* seperti beberapa tahun yang lalu nampak adanya *transhipment* yang semakin naik.

Semasa *PSA* Singapura kita dapat menerima *transhipment* sebanyak lebih daripada 30,000 *containers* dalam setahun merupakan satu pergerakan tetapi sejak itu apabila dipindahkan perkhidmatan kepada syarikat lain *transhipment* kita menurun.

Perlunya ada satu pemikiran bahawa peranan Jabatan Pelabuhan sebagai *regulator* harus dibezakan, jangan terlibat sebagai *operator*. Jabatan Pelabuhan harus memikirkan untuk menghubungkan *strategic partnership* إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan syarikat-syarikat lain yang didatangkan dari negara yang mempunyai eksport yang besar yang akan mendatangkan akses eksport dari negara-negara berkenaan ke Negara Brunei Darussalam.

Makanya, Kementerian Perhubungan seperti yang saya tegaskan tadi Yang Berhormat Pengerusi pada hari Khamis lepas, Kementerian Perhubungan mengalu-alukan pembentukan satu *joint venture* dengan syarikat dari *China*.

Memandangkan bahawa negara *China* adalah merupakan salah sebuah negara eksport yang besar dengan harapan terbuka peluang-peluang lain untuk menjadikan *port* Negara Brunei Darussalam ini sebagai *transhipment point* untuk menghantar barang Negara Brunei Darussalam dahulu sebelum dihantar ke tempat lain.

Mengambil *advantage* dari kapal-kapal yang datang ke Negara Brunei Darussalam penuh tetapi apabila bertolak dari Negara Brunei Darussalam kosong. Ini kenyataan yang harus kita terima.

Adalah penting bagi Negara Brunei Darussalam yang Kementerian Perhubungan memikirkan bahawa memang ada cara lain dan salah satu daripada cara lain ialah untuk membezakan peranan Jabatan Pelabuhan sebagai *regulator* dengan peranan syarikat sebagai *operator* untuk memberi perkhidmatan pelabuhan.

Seterusnya untuk merangka strategi ke mana kita dapat meluaskan lagi ataupun memperbesarkan lagi peranan Pelabuhan Muara sebagai *transhipment* dan juga eksport *processing zone*.

الْحَمْدُ لله satu pelancaran *Muara Port Company* telah diadakan pada 21 Februari 2017. Seperti yang kaola terangkan dalam satu jangka masa yang pendek belum lagi sampai sebulan ini sudah banyak perubahan yang telah dibuat. Ini menunjukkan syarikat berkenaan mempunyai pengalaman yang banyak mengenai pengurusan kargo. Kita mempunyai beberapa cabaran:

1. Memandangkan bahawa negara ini *attraction* dari segi *volume* itu sedikit. Maka kita harus berfikir secara yang di luar dari apa yang ada pada masa ini;

2. Kita juga mempunyai *geographical constrain* di mana *turnaround time* bagi kapal untuk datang ke Negara Brunei Darussalam memunggah barang-barang sekarang ini sampai ke 31 jam. Dari sebuah kapal masuk dan keluar memakan masa sampai 31 jam. Ini merupakan bukan satu masa yang diinginkan oleh pihak-pihak kapal, memandangkan kapal ini kalau ia membuat untung harus terus belayar bukannya berlabuh. Kalau pelabuhan itu memakan masa yang lama kapal-kapal akan kehilangan peluang-peluang untuk perdagangan;

3. Cabaran arah kita juga ialah *emerging economies* di sekeliling Negara Brunei Darussalam ini. Kita berharap agar *Muara Port* itu sebagai *hub* tetapi cabarannya tempat-tempat lain *emerging*. Di tempat-tempat jiran lebih laju *progress*nya. Tempat-tempat ini juga mempunyai penduduk-penduduk yang besar kapal-kapal besar lebih suka untuk menuju ke sana dari menuju ke tempat kita sendiri;

4. Sistem Perkapalan Antarabangsa seperti yang pernah kaola katakan. Kapal-kapal ini sudah menunjukkan trend, menjadi besar, kapal-kapal yang digunakan adalah kapal yang besar. Kapal-kapal besar akan menuju ke ekonomi yang pesat.

   Kita akan terpencil kalau kita tidak memikirkan satu perkara dengan cepat dan harus menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan Sistem Perkapalan Antarabangsa ini. الْحَمْدُ لله *Darussalam Asset* mungkin dalam perkara ini akan dapat diterangkan oleh rakan saya yang terlibat dalam perkara ini. *Darussalam Asset* telah merangka strategi:

   i. Berkait rapat menubuhkan satu *Strategic Partnership* dengan syarikat-syarikat yang berpotensi untuk menjadikan Pulau Muara itu satu *port* yang relevan yang dapat diperluaskan; dan

   ii. Mengadakan perkhidmatan perkapalan kita sendiri. Kaola melihat perkhidmatan *shipping* akan memainkan peranan penting sama ada untuk menghubungkan *Muara Port* itu kepada Sistem Perkapalan Antarabangsa atau memberi perkhidmatan-perkhidmatan *feeder services*.

Seperti yang kaola terangkan dalam jangka masa yang belum sampai sebulan ini sudah banyak perubahan dari segi *facilities* (kemudahan) ataupun *crane services* sudah diperbaiki dan waktu-waktu memunggah barang-barang sudah pun menjadi pendek.

Sebagai contoh *vessel time at berth*, waktu kapal itu berlabuh sudah turun dari 16 jam kepada 13 jam. Pemunggahan *on time* dari 1 jam turun kepada 35 minit. Pergerakan *cranes* dari 26 *moves* setiap 1 jam meningkat kepada 26.5 pergerakan setiap 1 jam. Ini perubahan-perubahan yang menggalakkan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya perubahan ini kapal-kapal dari negara lain sudah mula memikirkannya. Di Brunei laju sudah tu, *you can go there* baru ke Kota Kinabalu dan sebagainya.

Begitu juga dengan tujuan membesarkan lagi *berthing area* iaitu tempat pelabuhan yang akan dimasukkan dalam projek pembangunan yang sudah diperuntukkan kira-kira dalam $50 juta. Ia berhasrat untuk meluaskan lagi pelabuhan itu dengan harapan pelabur-pelabur asing dari negara-negara lain mempunyai keinginan untuk membuat perancangan yang membawa keuntungan kepada syarikat berkenaan. Inilah tujuan yang sebenarnya. Barangkali mudah-mudahan akan dapat menjawab soalan pertama yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Cadangan untuk meniadakan cukai jalan atau lesen kenderaan kepada kenderaan jenazah. الْحَمْدُ لله kaola sendiri apabila mendengar cadangan ini merupakan satu cadangan yang baik. Tidak dapat kita tolak untuk dipertimbangkan.

Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat maklum bahawa kebanyakan kenderaan ini merupakan satu kewajipan ataupun kebajikan daripada mereka yang menjadikannya sebagai sedekah jariah. Ini juga merupakan salah satu kewajipan fardhu kifayah kepada orang sekeliling untuk menyempurnakan jenazah yang akan disempurnakan itu. Cuma ada beberapa perkara yang ingin kaola terangkan:

1. Memandangkan ini merupakan satu kenderaan dan akan dipandu oleh pemandu yang diperuntukkan. Maka masih ada kewajipan pihak-pihak yang berkenaan ataupun pengurus kenderaan tersebut untuk memastikan bahawa kenderaan tersebut adalah *road worthy*.

   Ini bermakna kalau sekiranya pun Kementerian Perhubungan ataupun Jabatan Pengangkutan Darat ingin mempertimbangkan sebarang permohonan mengecualikan daripada pembayaran cukai jalan ini tetapi masih diperlukan bahawa kenderaan tersebut harus dihantar untuk diperiksa dan memastikan ia lulus dari segi pemeriksaan kenderaan yang telah ditentukan.

2. Setiap kenderaan di Negara Brunei Darussalam ini memerlukan *insurance coverage* sama ada untuk pemandu terutamanya bagi komprehensif *policy* ataupun sekurang-kurangnya *third party policy* yang akan memberi jaminan kepada orang ketiga.

   Jadinya dua perkara ini, mungkin tidak dapat dipertimbangkan lebih awal kaola memaklumkan, sebab ia melibatkan keselamatan penumpang-penumpang dan pemandu yang akan menaiki kenderaan berkenaan.

   Walau bagaimanapun dari aspek mengecualikannya daripada pembayaran lesen kenderaan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara ini akan kaola tunduki dan akan berbincang dengan pihak-pihak berkenaan yang mengawal peraturan mengenai pembayaran cukai jalan. Terima kasih.

3. Mengenai trak, bas dan kenderaan berat. Kaola amat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini sebab perkara ini memang merupakan satu perkara yang begitu diambil perhatian oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat, bermacam-macam usaha dan pemikiran telah diadakan bagaimana cara untuk mengatasi masalah kenderan-kenderaan berat yang dipandu dengan begitu laju.

   Pernah ketika ini, kitani mengadakan sistem *speed warning device*. Yang masalahnya dengan *speed warning device* ini ialah kalau kitani menguatkuasakan undang-undang ini, ia macam tangkap lari. Ada yang dapat ditangkap, tapi kebanyakannya yang lari. Jadinya dari keberkesanannya, memang berkesan, kerana apa kalau sekiranya

kesalahan itu terlalu meluas, mudah menangkap.

Tapi ada masalah lain jua, yang berhubung dengan penyelesaian masalah itu sehingga sebelum kitani memperkenalkan sistem, semua kesalahan kenderaan ini dikompaun, hampir 800 kesalahan telah dirujuk kepada mahkamah dan belum diselesaikan.

Jadinya serba salah mengenai aspek penguatkuasaan. Ditingkatkan penguatkuasaan banyak lagi proses yang akan diambil, terutama yang berhubung dengan pelaksanaan proses mahkamah. Ini menyebabkan sebanyak hampir 800 *cases backdated* di Negara Brunei Darussalam ini sehinggakan pihak-pihak berkenaan merasa adalah wajar supaya kesalahan itu dikompaun sahaja. Didenda terus apabila seseorang itu didapati melanggar undang-undang dan peraturan jalan raya. Itu untuk memudahkan proses mahkamah. Ini harus difahami.

Walaupun demikian, masih terdapat banyak kemalangan yang berlaku yang bukan disebabkan oleh kelajuan sahaja, tetapi terutamanya yang berlaku di Jalan Tutong, yang trak tersebut bukan dikhususkan untuk kenderaan berkenaan membuat *U-Turn*, mereka gunakan untuk *U-Turn*, sehinggakan banyaknya *misuse* berlaku dan pernah beberapa kemalangan telah berlaku.

Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat berfikir usaha menjaga keselamatan di jalan raya ini tidak dapat diserahkan sepenuhnya kepada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya sahaja. Mesti ada penglibatan dari pihak yang mengendalikan kenderaan berat.

Salah satu usaha Jabatan Pengangkutan Darat Yang Berhormat Pengerusi ialah untuk meminta setiap pengendali kenderaan berat menunjukkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat apakah usaha yang mereka akan ambil dalam memastikan bahawa setiap kenderaan berat itu, akan memenuhi syarat-syarat dan peraturan jalan raya.

Apakah *safety* ataupun *security measure* yang akan mereka keluarkan untuk memastikan setiap pemandu akan mematuhi peraturan-peraturan jalan raya.

Dari segi teknologi, ketika ini Jabatan Pengangkutan Darat berfikir mungkin *speed warning device* itu tidak lagi efektif. Sekarang ini teknologi *ICT* sudah banyak. إِنْ شَاءَ اللَّهُ salah satu pemikiran yang sedang dicadangkan dan perkara ini sudah pun *ditunduki* dan menunggu masa payu sahaja lagi ialah dengan menggunakan *GPS System*. Mungkin ini sama dengan '*black box*' yang digunakan di luar negeri, ia berasaskan kepada teknologi *ICT*.

Ini akan memberi gambaran yang tepat mengenai *speed* dan jalan-jalan yang dilalui. Tidak dapat diubah ataupun di *tampered*. So ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ selaras

dengan cadangan Yang Berhormat tadi untuk mengadakan *black box* ataupun *GPS System*, salah satu perkara yang pada masa ini *ditunduki* dan difikirkan sedalam-dalamnya bagaimana untuk melaksanakannya.

Tapi apa yang ingin ditekankan bahawa keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab bersama bukan diserahkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat sahaja, tapi pengeluar-pengeluar kereta, pengendali kereta-kereta berat harus juga mengambil tanggungjawab apakah aspek-aspek keselamatan jalan raya yang dapat mereka laksanakan untuk memastikan pemandu-pemandu itu bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.

Itu sahaja yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang telah menjelaskan perkara-perkara yang telah kaola ajukan. Untuk menyambung perkara-perkara seterusnya. الْحَمْدُ لله kita melihat keadaan pada masa ini iaitu seperti mana kaola maksudkan ialah di kawasan Mukim Serasa, prasarana yang telah dibina makin bertambah termasuklah Projek Pulau Muara Besar dan pembangunan rumah persendirian dan termasuklah Projek Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengenai perhentian bas. Pada masa ini terdapat terminal iaitu Perhentian Bas yang telah dibina oleh Kementerian Perhubungan. Dalam kesempatan ini, kaola merakamkan ucapan penghargaan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian Perhubungan atas usaha dan melaksanakan projek terminal bas yang baharu dibina di kawasan Pekan Muara. الْحَمْدُ لله terminal tersebut telah pun siap dilaksanakan. Kaola ingin mengajukan persoalan mengenai terminal ini. Bilakah bangunan tersebut akan mula beroperasi?

Mengenai perhentian Dermaga Feri Terminal Muara. Memindahkan kawasan Dermaga Feri Terminal Muara atau membisaikan kawasan jalan masuk dan keluar, seperti halnya kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Berakas sebagaimana semua maklum Dermaga Feri Terminal Muara adalah satu pintu keluar masuk bagi pelancong ke negara ini. Ia melambangkan imej negara. Apa yang terdapat pada masa ini bangunan tesebut masih belum memuaskan kepada pelancong-pelancong, apatah lagi kepada anak-anak tempatan kitani.

Soalan kaola:

1. Apakah perancangan Kementerian Perhubungan dan sejauh ini melihat kepada bangunan tersebut tidak seperti bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei?;

2. Kita melihat jalan masuk dan keluar oleh pelancong-pelancong dari luar negara melalui darat terdapat jalan yang berlubang-lubang (berlopak) yang menyusahkan pengguna jalan raya yang melalui jalan itu; dan

3. Mengenai perkhidmatan telekomunikasi, seperti bekalan telefon rumah, penyambungan *internet* dan juga penerimaan isyarat bagi telefon bimbit di kawasan RPN Meragang dan Tanah Jambu. Perkara ini pernah diutarakan oleh penduduk kampung bahawa talian telefon di rumah persendirian dan *internet* belum ada di kawasan berkenaan. Status terkini sehingga bulan Ogos tahun lepas terdapat pemasangan *Cable Optic* di kawasan berkenaan. Pertanyaan kaola, bilakah perkhidmatan telekomunikasi ini boleh diguna pakai?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Sebelum kaola menjawab 3 soalan tambahan yang diutarakan oleh Yang Berhormat, ingin kaola menambah cadangan kaola yang tidak lengkap tadi yang menyentuh mengenai peluang pekerjaan dari penswastaan Pelabuhan Muara.

Sebelum kaola menerangkan mengenai peluang-peluang pekerjaan ini, kitani harus faham industri maritim ataupun perkhidmatan pelabuhan adalah merupakan satu perusahaan yang *cyclical*, yang bermaksud *cyclical* bermakna suasana dalam keadaan ekonomi yang baik dan peluang pekerjaan itu akan bertambah.

Apabila suasana itu berubah terutamanya apabila suasana itu di luar dari jangkauan kitani sebagai contoh seperti juga menurunnya harga minyak dan gas. Jadinya, akan timbul keperluan tenaga pekerjaan itu akan berkurangan, dalam hal ini kitani harus faham akan *the nature of business* ia *cyclical*, ada masa naik dan ada masanya turun.

Dalam usaha kitani menyediakan pekerjaan untuk rakyat dan penduduk di negara ini, kitani harus faham di peringkat mana yang kita mahukan bagi rakyat di Negara Brunei Darussalam mengambil alih pekerjaan tersebut.

Di negara lain apa yang berlaku, sandaran kepada pekerja-pekerja asing itu masih tinggi malahan memudahkan mereka bila mana suasana keadaan ekonomi itu berkurangan, dikurangkan sahaja pekerja-pekerja asing itu dan pekerja-pekerja tempatan masih tetap menetap di tempat yang lebih *permanent.*

Inilah yang kitani harapkan dan semoga pekerjaan yang disediakan untuk anak-anak tempatan adalah pekerjaan yang tetap dan apa pun suasana keadaan ekonomi negara kita nanti yang akan menjejaskan perindustrian maritim. Ini merupakan di peringkat pengurusan, teknikal dan sebagainya.

الْحَمْدُ لله dengan adanya pembentukan *Amann Shipping dan Muara Corporation*, إِنْ شَاءَ اللهُ ini akan memberi peluang pekerjaan lagi kepada anak-anak

tempatan dan dalam keadaan kitani memerlukan tenaga untuk memastikan operasi *Amann Shipping* dan Pelabuhan Muara akan berjalan seperti sediakala dan kitani juga memerlukan proses latihan dan sebagainya. Maka, lebih ramai lagi pekerja yang diperlukan untuk memenuhi hasrat *Darussalam Asset* bagi melaksanakan pemberian perkhidmatan Pelabuhan Muara. Mudah-mudahan akan memberikan peluang lagi pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Seterusnya mengenai soalan beberapa prasarana yang dibangunkan di kawasan Muara. Khusus yang berhubung dengan perhentian bas. Perkara ini sudah pun selesai dibina. Kementerian Perhubungan sedang dalam proses meningkatkan sistem pengangkutan bas awam. Salah satu perkara yang harus difahami mengenai sistem baharu ini ialah konsep *bus terminal.*

Mungkin konsep *bus terminal* dengan sistem yang baharu ia tidak lagi relevan kerana kitani memerlukan bas itu sentiasa bergerak sehingga waktunya itu sudah cukup beberapa jam akan diganti dengan bas lain. Ini bermakna, *bus terminal* di Bandar Seri Begawan pun mungkin pada satu masa tidak diperlukan lagi.

Walau bagaimanapun, kemudahan itu akan disediakan kepada pengendali-pengendali bas yang ingin menggunakan kemudahan untuk menempatkan bas-bas mereka. Konsep yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Perhubungan ialah *passenger terminal* bukannya *bus terminal* kitani mahu bahawa penumpang boleh datang awal menunggu bas dan sementara menunggu bas itu mereka boleh minum, membeli-belah dan sebagainya.

Itulah fasiliti moden yang diharapkan untuk diadakan. Beberapa tempat telah dikenal pasti dan mudah-mudahan projek ini akan dapat dijadikan sebagai peluang *PPP* kepada pihak swasta untuk membangunnya dan menyewakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membuka bisnes di*passenger terminal* tersebut.

Dengan adanya perubahan konsep terminal ini, apa yang kitani ingin gunakan perhentian bas ini ialah dikhususkan untuk pengendali-pengendali bas menggunakan fasiliti ini. Pengendali bas boleh menggunakannya, mengusai dan membeli minyak sebelum beroperasi memberi perkhidmatan bas.

Terima kasih atas cadangan Yang berhormat mengenai feri terminal. الْحَمْدُ لِلّٰهِ dari segi pemikiran Yang Berhormat adalah sama dengan Kementerian Perhubungan, sebab apa yang kitani harus fahami feri terminal adalah tempat kemasukan Negara Brunei Darussalam yang berlakunya *international transport system*. , إِنْ شَاءَ اللّٰهُ mudah-mudahan satu masa, apabila penumpang yang datang dari Labuan ke Negara Brunei Darussalam, tiket yang digunakan untuk membayar feri itu dapat juga digunakan untuk membayar bas ke Bandar Seri Begawan. Bermakna ada 2 modul iaitu *water transportation* and *land transportation.*

Jadinya, konsepnya itu akan diubah dan dengan demikian إِنْ شَاءَ اللّٰهُ *ferry terminal* akan menjalani beberapa proses

pengubahsuaiannya untuk memberikan kemudahan-kemudahan seperti Perhentian Bas dan juga perhentian teksi. الْحَمْدُ لله teksi sudah mula beroperasi dan mudah-mudahan *the idea of interconnectivity* dan juga *multi-model transport system* ini dapat direalisasikan dengan mengadakan sistem pengangkutan yang *seamless* iaitu dari pengangkutan laut ke pengangkutan darat.

Hanya yang kitani harapkan macam juga di beberapa tempat di Bandar Seri Begawan, semua yang menggunakan bot dari Daerah Temburong ataupun mana-mana tempat akan menggunakan sistem yang sama untuk menggunakan pengangkutan bas di Bandar Seri Begawan. Itulah harapan Kementerian Perhubungan dalam usaha untuk mempertingkatkan *Land Transport System* di Bandar Seri Begawan.

Bermakna tempat-tempat ini akan menjalani proses-proses untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai ataupun penumpang-penumpang yang akan menggunakan sistem *transport* berkenaan.

Mengenai jalan raya yang rosak di tempat keluar masuk, perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi perhatian sewajarnya. Abis kaola maklum ia merupakan satu cabaran yang besar dalam memastikan *trucks* ataupun jentera berat membawa muatan yang berat mematuhi peraturan-peraturan jangan ada yang melimpasi had muatan dibawa dari Pelabuhan Muara ke tempat yang dituju. Ini bukan sahaja di kawasan di Jalan Muara juga di tempat-tempat lain kitani melihat keadaan ini menjejaskan jalan raya di Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini sudah dibincangkan dengan pihak Pelabuhan Muara bahawa salah satu cadangan ialah untuk mengadakan sistem timbangan seperti yang ada di tempat pengangkutan batu ataupun *aggregate* di Muara. Semua *trucks* yang akan meninggalkan tempat itu, akan lebih dahulu ditimbang dan tidak melebihi jangka berat yang ditetapkan.

Mudah-mudahan dengan perundingan bersama pihak Pengurus Pelabuhan Muara juga menimbangkan bagaimana caranya untuk memastikan bahawa kenderaan-kenderaan tersebut tidak melebihi muatan yang ditetapkan.

Persoalan yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi iaitu mengenai perbekalan perkhidmatan telekom di tempat-tempat perpindahan. Sebenarnya kaola ingin berpanjang lebar sedikit Yang Berhormat Pengerusi kalau sekiranya tidak ada masalah mengenai perkara ini.

Seperti yang kitani maklum bahawa perkhidmatan telekom sudah diswastakan dan beberapa buah *service provider* ataupun syarikat pengendali telekom seperti *Telbru, DST* dan *PCSB* telah berusaha sedaya upaya untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan terutamanya di tempat-tempat yang belum dilengkapi dengan sistem *fibre-to-the home* ataupun pancaran-pancaran itu terhad kepada satu tempat.

Jadinya untuk menjawab soalan ini, ada 2 pendekatan yang dapat kitani pertimbangkan:

1. Melalui kerajaan sendiri untuk menyediakan peruntukan ataupun dengan cara;

2. Perkhidmatan itu diswastakan dengan meminta syarikat-syarikat berkenaan untuk meningkatkan lagi usaha ke atas pemberian perkhidmatan-perkhidmatan telefon itu.

Memandangkan *ICT* ini merupakan satu *public goods. Public goods* ini mesti ada *accessibility* tidak ada sebab mana-mana pihak ataupun lapisan masyarakat yang terkecuali dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan ini. Kitani telah menerima kenyataan bahawa perhubungan ataupun dalam konteks *ICT* ataupun *internet* adalah menjadi salah satu aspek penting dalam kehidupan kitani seharian.

Begitu juga dalam kitani bermasyarakat dan bernegara, *ICT* ini merupakan *a fact of life* sudah. Sebab apa, melalui *internet* kitani mampu meningkatkan ilmu pengetahuan dan menaikkan taraf hidup kitani dengan memanfaatkan segala maklumat yang boleh diperolehi dari *internet* ataupun akses kepada perkhidmatan telekom. Ini bererti *ICT* mampu untuk membentuk peredaran zaman kerana sudah ada apa yang dipanggil sebagai *digital economy, smart society*, masyarakat pintar dan *smart nation.*

Jadinya, Yang Berhormat, bukan sahaja memikirkan kepada kawasan-kawasan yang di bawah pemantauannya sahaja dan kaola pasti Ahli Yang Berhormat pun ingau mengenai perkara ini di tempat-tempat yang lain. Ini merupakan satu kebimbangan yang sama.

Kesedaran Kementerian Perhubungan adalah jelas untuk menjaga kepentingan rakyat dan memastikan bahawa setiap pembangunan dan perkembangan itu hendaklah seimbang. Jangan ada orang tinggal di bandar ganya dapat ampit *all these facilities*, tapi orang di luar bandar tidak dapat, sebab apa? *For commercial reason* ataupun apa. Ini merupakan satu isu yang dibangkitkan di mana-mana negara terutama negara-negara luar bandar yang besar, kawasan luar bandar yang besar, penduduk-penduduknya yang berselerak di tempat lain, penduduk yang *sparsely populated*.

Kita harus awas bahawa *ICT* ini mampu untuk membentuk peredaran zaman. Sekarang ini kita sudah *digital economy*. Kalau sekiranya *digital economy* itu untuk memanfaatkan hanya sekelompok masyarakat merupakan satu perkara yang amat menyedihkan.

Lebih penting ialah mengenai ledakan *ICT* ini, semakin cepat semakin deras, hampir di luar dugaan seperti yang kaola pernah sentuh dalam mukadimah. Pancaran *spectrum 5G* mampu untuk menyampaikan maklumat atau data dari segi suara, gambar dan *video* dengan jarak yang jauh. Sekarang ini, kalau kan melihat filem atau semua pakai *iPhone 3G* sahaja tidak lagi payah pakai *internet*.

Dulu mesti ada *internet access* baru dapat melihat filem.

Apa yang berlaku dalam sedikit masa lagi ialah semua barang ini ada *signal* yang dipanggil *internet of things* dan akan mengeluarkan maklumat-maklumat mengenai karakter barang berkenaan, berapa ramai orang memakai, ke mana tujunya dan mengeluarkan maklumat-maklumat (*informations*) yang ada nilai-nilai perniagaan. Itu kenyataannya sekarang ini.

Kitani tidak boleh ketinggalan dalam *embrace* teknologi ini, kalau kitani ketinggalan mungkin keadaan kitani makin terpencil, makin *irrelevant* lagi keadaan kitani. Setiap lapisan masyarakat, setiap penduduk di negara ini harus be *part of this process development*.

Kalau dulu dengan *3G* sahaja sudah membuat cara hidup kitani sedikit berubah, bayangkan kalau dengan *5G* boleh memberi maklumat-maklumat dari tempat yang jarak jauh dari tempat sama ada di laut ataupun di udara. Memastikan jentera-jentera itu bergerak dengan baik. Itu sahaja sudah merupakan satu perkembangan yang menakjubkan sejauh pengetahuan kaola.

Jadinya apa yang penting ialah untuk kita terus mencapai kemajuan. Kitani harus mempersiapkan rakyat dan penduduk di negara ini dengan peredaran teknologi terutamanya dengan menyediakan prasarana-prasarana seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Kita perlukan prasarana yang mencukupi. Yang penting juga ialah memastikan bahawa setiap perkembangan itu adalah seimbang *(balance)* dari segi kemanfaatannya kepada seluruh lapisan rakyat akan dapat menikmati perkembangan tersebut bukan sahaja dari segi *protection of the envoirnment* atau sebagainya tetapi juga memastikan bahawa semua lapisan rakyat akan dapat menikmati perkembangan itu.

Menyebutkan isu *accesibility* dan mengenai isu dengan *affordability*, ada sesetengah negara apabila tidak dapat mencapai *speed* yang dikehendaki untuk mereka membuat akses ataupun الْحَمْدُ لله memuat turun *(download)* maklumat-maklumat itu, diberi pula bantuan supaya boleh memuat turun maklumat-maklumat yang memerlukan kelajuan yang tinggi sebagai contoh, kita di Brunei , kelajuan yang kita sediakan itu sudah tinggi *25 megabits / 25 second* itu merupakan satu perkembangan yang baik.

Atas tujuan ini, Yang Berhormat Pengerusi dalam Perintah Telekomunikasi 2001, ada satu peruntukan di bawah Seksyen 58 iaitu untuk melaksanakan rancangan dalam rangka apa yang dipanggil sebagai *Universal Services Obligation.*

Universal Services Obligation ini bertujuan meluaskan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi di seluruh Negara Brunei Darussalam khususnya, bagi tempat-tempat yang tidak menerima liputan atau *under served areas.*

Dari pemantauan Kementerian Perhubungan sebanyak 81 buah kampung yang sehingga sekarang ini belum lagi menerima liputan berkenaan dan ini pun banyak yang belum memasukkan beberapa kampung di daerah-daerah Brunei Muara ini. Masalahnya di kampung-kampung ini penduduknya ada yang dalam 300 orang sahaja.

Dari segi keperluan menara-menara yang akan ditubuhkan kita memerlukan sebanyak 60-65 buah menara lagi dan setiap menara itu harganya kira-kira $650,000.00. Apa yang diharapkan ialah dengan adanya perancangan *USO* ini, menubuhkan satu dana, iaitu pihak penyedia telekomunikasi membuat komitmen untuk menyumbang kepada dana itu berapa peratus dari pendapatannya digunakan sebagai modal untuk pembinaan infrastruktur.

Kementerian Perhubungan berharap akan dapat dilaksanakan dalam sedikit masa lagi dengan tujuan berunding dengan pihak-pihak penyedia telekomunikasi.

الْحَمْدُ لله , apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat itu merupakan satu kebimbangan dari pihak yang berkenaan. Perlunya kita mengambil langkah ini dan meminta kepada pihak yang berkenaan untuk memberi sumbangan kepada pertumbuhan *ICT* di negara ini.

Ini sahaja yang kaola terangkan mengenai usaha Kementerian Perhubungan untuk mengatasi isu yang dipanggil sebagai jurang perbezaan digital ataupun *digital divide* di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang telah memberikan penerangannya yang begitu terperinci mengenai perkara yang ditimbulkan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas segala usaha yang dilaksanakan seperti yang disebutkan dalam mukadimah.

Kaola ingin menyentuh mengenai 3 perkara yang mempunyai 4 soalan ataupun cadangan:

1. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat (Kod Akaun 001/001) – Pembangunan Dasar. Apakah dasar pihak kementerian untuk menggalakkan pihak kenderaan yang lebih *fuel efficient* terutama sekali kereta *hybrid* yang ada pada masa ini dengan harganya lebih premium daripada harga kereta yang sebanding?

2. Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan. Kaola menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat

Pembukaan Rasmi beberapa hari yang lalu baginda ada menyentuh bahawa "Ilmu, maklumat, kemahiran boleh diperlukan melalui perkhidmatan teknologi *internet* yang boleh diakses dengan mudah dan cepat" dan untuk teknologi baharu ini digunakan dengan sepenuhnya perlulah talian *internet* kita cepat, *reliable* dan *affordable* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi serta pengguna diberi pengetahuan untuk menggunakan dengan sebaiknya. Mungkin sudah tiba masanya kita mungkin bukan sahaja banyak pesaing tapi juga *service providers* dalam hubungan ini.

Sehubungan dengan itu, selain bagi memastikan menyediakan prasarana, apakah usaha pihak kementerian untuk menggalakkan di Brunei Darussalam untuk mengadaptasi teknologi-teknologi baharu yang menggunakan talian *internet* berkelajuan tinggi?

Yang Berhormat Menteri Perhubungan menyebut mengenai *big data* dan *internet off things* adalah disambut dengan baik, termasuk juga teknologi lain seperti *next generation security system, biomatrix dan behavioural analitics* dan dalam pendidikan *massive online open course move* bahawa dimana orang dapat belajar melalui *online* dan teknologi-teknologi lain, *visuality* dan lain-lain, teknologi baharu ini yang dijangka akan dapat membantu pertumbuhan pengguna kerajaan dan ekonomi serta eko sistem lainnya seperti pertahanan, perhubungan infrastruktur dan lain-lain?

Tajuk yang sama mungkin menyentuh *AITI* bagi menggalakkan penglibatan masyarakat *inclusive online participation,* negara haruslah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan akses ke *internet,* untuk orang ramai termasuk orang-orang yang berada seperti di luar bandar dan juga Orang Berkeperluan Khas serta Orang Kurang Upaya termasuk program pendidikan media.

Program-program ini perlu memberi perhatian asas-asas teknikal *internet* dan juga meneroka bagaimana untuk memanfaatkan penglibatan masyarakat dan belia dalam mewujudkan dialog dengan pihak kerajaan dan penyertaan secara *civic engagement.*

Soalan kaola adalah apakah ada usaha pihak kementerian untuk menyediakan platform rasmi *online* untuk masyarakat menyertai dialog muzakarah melalui *internet* ini?

3. Tajuk SN08A - Jabatan Kaji Cuaca (Kod Akaun 002/000). الْحَمْدُ لله tahniah diucapkan pihak Jabatan Kaji Cuaca mempunyai laman sesawang serta aplikasi yang cukup mesra kepada pengguna untuk orang ramai mengetahui ramalan cuaca.

Kaola ingin bertanya menyusul semula cadangan yang pernah dibawa di Dewan yang mulia ini kalau tidak silap kaola pada tahun 2014. Adakah negara sudah mempunyai *early warning system* yang cukup nauzubillahiminzalik, sekiranya cuaca lebih ekstrim berlaku seperti tsunami, gempa bumi, ribut dan lain-lain untuk orang ramai mengetahui akan amaran-amaran tersebut. Terutama sekali penduduk di kawasan pedalaman atau yang tidak mempunyai liputan ataupun mungkin liputan rendah? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang membangkitkan beberapa perkara mengenai Jabatan Pengangkutan Darat, mengenai *ICT* dan ramalan cuaca.

Mengenai *hybrid cars*. Kenderaan-kenderaan yang mempunyai *fuel efficiency.* Dasar mengenai penggunaan *fuel efficiency* ini, Jabatan Pengangkuatan Darat الْحَمْدُ لله mengambil *direction* dari Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri yang telah menentukan dasar-dasar kerajaan yang berhubungan dengan *fuel efficiency* dan sejauh mana teknologi pada masa kini yang memenuhi akan dipatuhi dan dilaksanakan.

Dengan adanya kenderaan-kenderaan yang berteknologi tinggi pada masa ini bukan merupakan satu perkara yang susah untuk dilaksanakan sebab pembekal-pembekal kereta mempunyai kesedaran mengenai perkara ini.

Mengenai *hybrid car* banyak perkembangan yang positif. Beberapa syarikat, pelabur-pelabur dari luar negara pun ada menunjukkan minat melabur di negara ini untuk mengeluarkan kereta *hybrid, reffering to electric cars specifically*, kereta-kereta jentera elektrik.

Untuk penjelasannya Jabatan Pengangkutan Darat mengalu-alukan perkembangan-perkembangan ini dan mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilaksanakan, tapi apa yang penting ialah mengenai infrastruktur yang harus disediakan lebih dahulu terutamanya *charging station* khususnya harus diadakan di seluruh negara.

إِنْ شَاءَ اللهُ dengan adanya perancangan-perancangan untuk menubuhkan syarikat-syarikat pengeluar kenderaan yang *hybrid,* mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilaksanakan lagi dengan jayanya.

Tadi ada spesifik cadangan yang berhubung dengan rancangan untuk mengadakan forum rasmi *online* supaya ada perbincangan. Ini mungkin lebih mirip kepada pihak-pihak yang lain sebagai contoh Jabatan Penerangan dapat memberi penjelasan sejauh mana platform tersebut dapat diadakan untuk perbincangan orang ramai.

Tapi sejauh penglibatan *AITI* semua perkara ini dengan teknologi yang ada, sama ada rasmi ataupun tidak dapat

seperti yang kita maklumi perbincangan atau forum-forum ini memang sudah ada yang berlaku cuma apa yang kita pastikan ialah supaya forum-forum perbincangan itu biar ia menurut adat resam kita dan mematuhi undang-undang yang ada di negara ini.

Jangan sampai perkara-perkara itu terkeluar dan kita pun mengamalkan Islam sebagai cara hidup kita. Biar apa yang kita tutur katakan itu mengikut Undang-Undang Islam terutamanya mengeluarkan gambar-gambar yang mengaibkan orang ramai dan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak menentu itu sangat mendukacitakan dan akan melumpuhkan harapan kita untuk membawakan forum yang lebih sihat, positif dan dapat memajukan negara kita ke satu peringkat sosial yang lebih baik lagi.

Walau bagaimanapun, mengenai perkara ini, ada baiknya kaola rujuk kepada pihak yang berkenaan memikirkan sejauh mana kesesuaiannya untuk mengadakan satu forum rasmi untuk digunakan sebagai forum perbincangan *online* di negara ini.

Tadi ada menyentuh mengenai dengan prasarana untuk memberi akomodasi kepada teknologi-teknologi baharu.

الْحَمْدُ لله *AITI* bekerja rapat dengan pengendali-pengendali perkhidmatan telefon khususnya *DST*, TelBru dan *PCSB.* Kita mempunyai kerjasama rapat dan mempunyai *vision* yang begitu *up to date* dan wawasan untuk memastikan bahawa Negara Brunei Darussalam tidak akan ketinggalan dengan perkembangan teknologi baharu ini. الْحَمْدُ لله kesedaran mengenai perkara ini cukup *up to date,* baik dari segi pihak penyelia perkhidmatan dan juga pihak kawal selia ataupun *AITI* dan perkara ini adalah penting untuk diketahui.

Dengan yang demikian, khususnya pihak *DST* telah berusaha untuk memberi infrastuktur yang begitu moden *dan up to date.* Sehinggakan sekarang ini sudah ada *4G* di Negara Brunei Darussalam, kita berpindah dari *3G* kepada *4G*, yang memberi keupayaan untuk menerima teknologi, kreativiti ataupun inovasi baharu, yang di luar jangkaan kita. إِنْ شَاءَ اللَّهُ tidak mustahil satu masa kalau kita akan mengadakan *5G*, ini bergantung pada perkembangannya nanti.

Dalam perkara ini juga, pihak *AITI* sedang berusaha untuk mengeluarkan konsep-konsep bahawa teknologi baharu ini akan dapat digunakan atau dihargai sebagai contoh konsep-konsep *smart nations, smart society,* macam mana kita membentuk satu negara pintar. Apakah apsek-aspek yang melibatkan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam itu sebagai *smart nations*?

Semua ini sudah ada dalam perancangan pihak *AITI* dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan perancangan ini akan dapat diberigakan dan terserah kepada pihak swasta/orang ramai untuk memikirkan di mana penglibatan mereka.

Kita tidak seharusnya bersandar kepada pihak kerajaan sahaja untuk mengeluarkan idea-idea ini tetapi terserah kepada pihak swasta di mana idea itu dapat diadakan dan *sustainable.* Kita tidak dapat mengadakan idea-idea

yang *sustainable* lagi masa ini sebab apa ia melibatkan perbelanjaan yang besar.

Jadinya dari segi mengadakan satu konsep *smart nations,* banyak perkara yang boleh kita buat, yang boleh mendatangkan keuntungan kepada pihak swasta.

Ini yang sedang difikirkan oleh pihak berkuasa *AITI* dan juga pihak pengendali telekomunikasi, untuk diberigakan dan digalakkan kepada orang ramai mengambil peluang untuk menjadi perdagangan kepada orang ramai.

Bukan satu konsep yang 60% atau 70% bersandar kepada perbelanjaan kerajaan. Mungkin itu konsepnya sudah berbeza dengan negara-negara yang lain. Sehinggakan memberi maklumat-maklumat itu tidak seharusnya *free* tetapi berperingkat-peringkat *(gradual basis)* sebagai contoh. Inilah permulaan sebagai *a big data* ataupun *I-Cloud* itu dimanfaatkan, yang maklumat itu akan diberikan secara *graduated.*

Yang terakhir mengenai dengan keadaan kaji cuaca ini. Proses Jabatan Kaji Cuaca ini ialah mereka bekerja selama 24 jam *(on 24 hours basis*). Dan seperti yang kaola jelaskan semasa mukadimah, kita memerlukan kaji cuaca ini beroperasi secara *entrepreneurial operation,* di mana Jabatan Kaji Cuaca berupaya untuk memberi maklumat yang lebih *detail (more advance)* yang diperlukan oleh pihak-pihak tertentu bukannya pihak orang ramai sahaja.

Tapi, dari segi memberi *early warning system*, itu sudah memang *the latest* pun kalau sekiranya barang itu terjadi, ia boleh berlaku barangkali dalam 1 jam atau lebih tetapi sebelum itu dapat diberikan secara awal sehinggakan 3 ke 4 hari lebih awal sudah dapat di *anticipate*.

Itu pun sejauh yang melibatkan cuaca tapi Yang Berhormat tadi *mention* mengenai *tsunami, earthquake* dan sebagainya. Itu di luar daripada penglibatan Jabatan Kaji Cuaca.

Jabatan Kaji Cuaca hanya akan memberi maklumat mengenai angin, hujan dan juga ombak-ombak yang *on the surface* itu, *these are* penglibatan kaji cuaca, *hopefully* itu jelas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin memberikan sedikit penjelasan mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan *early morning system* seperti kejadian tsunami. Bagi Negara Brunei Darussalam perkara ini ditangani bersama oleh *National Disaster Management Centre* (Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan).

Pusat ini bekerjasama dengan *ASEAN Humanitarian Assistance (AHA) Centre* yang berpusat di Jakarta. Maklumat-berkaitan dengan kejadian tsunami, gempa bumi, semuanya akan dikongsi bersama oleh negara-negara *ASEAN*

yang disalurkan melalui pusat ini. Kita menerima berita atau hal-hal kejadian di mana-mana negara ini melalui Pusat *AHA Centre* di Jakarta dan ia akan dikongsi sama dengan agensi-agensi yang tertentu di Negara Brunei Darussalam. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas maklumat tambahan yang telah diberikan mengenai perkara yang dikemukakan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas mukadimah dan penerangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Seperti mana yang telah dibangkitkan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan iaitu mengenai pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat khususnya dalam menaiktarafkan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam di negara ini agar ia lebih efisien, terkawal selia dan mampan.

Salah satu sistem dalam pengangkutan awam yang dipertingkatkan dan dimantapkan ini ialah Sistem Teksi Bermeter Negara Brunei Darussalam yang dilancarkan pada bulan September 2016 sebagai sebahagian daripada Projek Transformasi Sistem Pengangkutan Awam di negara ini.

Perkhidmatan teksi ini telah mula menunjukkan kesan yang positif dengan peningkatan pengguna-pengguna teksi. Manakala imej perkhidmatan teksi ini pula semakin berkembang atas inisiatif Persatuan Pemandu-Pemandu Teksi Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu kaola menyambut baik akan usaha pihak Kementerian Perhubungan untuk memperkenalkan sistem *ICT* atau Teksi *mobile application* untuk memudahkan panggilan perkhidmatan teksi selaras dengan perkembangan teknologi global.

Soalan kaola:

1. Apakah ada perancangan bagi pihak Kementerian Perhubungan untuk membantu meningkatkan lagi publisiti perkhidmatan teksi bermeter ini? Pada hemat kaola belum ramai yang tahu akan perkhidmatan berkenaan termasuklah Talian Pusat Panggilan *(Call Center)*. Jika ada kadar tarif yang dikenakan serta lokasi-lokasi penempatan bagi penempatan teksi bermeter ini; dan

2. Beralih kepada perkhidmatan bas awam di Negara Brunei Darussalam. الْحَمْدُ لله telah pun menunjukkan peningkatan dari segi *efficiency, reliability and connectivity* yang diharap akan dapat membantu mengadakan satu masyarakat yang dinamik dan seterusnya ekonomi yang *vibrant*.

   Adakah perancangan pihak Kementerian Perhubungan untuk memperkenalkan tambang konsesi ataupun *concession fare* khusus bagi golongan warga emas serta Orang Berkeperluan Khas dan Orang Kurang Upaya dalam menggunakan perkhidmatan bas awam ini.

   Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Behormat Pengerusi. Kaola menghargai pandangan daripada Yang Berhormat mengenai perkembangan teksi bermeter dan perkhidmatan bas awam. Ini adalah penting, mengenai kesedaran orang ramai betapa pentingnya pengangkutan-pengangkutan awam ini. Kalau kita lihat dari segi prespektif perbelanjaan orang ramai yang tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Ada 3 perkara yang ditumpukan iaitu:-

1. Ialah mengenai Perumahan;
2. Ialah mengenai Pemakanan; dan
3. Yang ketiga tinggi dalam perbelanjaan orang ramai ialah pengangkutan.

Jelas perlunya Kementerian Perhubungan memikirkan alternatif *form of transportation*. Sistem pengangkutan alternatif untuk membolehkan rakyat di negara ini mengurangkan perbelanjaan ke atas pengangkutan.

Mengenai teksi bermeter yang dilancarkan pada September 2016. Sebenarnya perkara ini atas *ketunjungan* ataupun kesediaan pihak-pihak pemandu teksi itu sendiri untuk mempertingkatkan imej perkhidmatan mereka dan satu perundingan yang begitu terperinci telah diadakan khususnya yang berhubung dengan kadar tarif yang akan dikenakan. Bagaimana kita untuk memberigakan maklumat mengenai perkhidmatan teksi ini.

Ketika ini jumlah perkhidmatan teksi masih kecil walaupun jumlah pendaftarannya tinggi. Tapi yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam ini tidak sampai 50 buah teksi yang melibatkan keempat-empat daerah mungkin tidak termasuk Daerah Temburong. Cuma Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong dan Daerah Kuala Belait ketika ini.

Sistem perhubungan dengan orang ramai ataupun *Taxi call services system,* itu adalah sementara. Ia ditempatkan di Lapangan Terbang Antarabangsa pada masa ini. Tumpuan teksi-teksi, kalau sekiranya ada panggilan nombor yang disediakan itu adalah nombor lapangan terbang dan seorang pegawai telah

disediakan untuk membantu perkhidmatan teksi untuk menyalurkan maklumat dan keperluan ataupun panggilan teksi itu kepada pemandu teksi.

Tapi kita akan bersandar kepada sistem aplikasi teksi ini seperti di negara lain terdapat seperti *uber, grab taxi* dan sebagainya yang lebih banyak memudahkan orang ramai untuk memanggil teksi melalui telefon ataupun melalui sistem aplikasi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini sudah hampir payu dan mudah-mudahan dapat dilancarkan dalam sedikit masa lagi, kerana masih menunggu *endorsement* Kementerian perhubungan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada minggu depan perkara ini akan ditetapkan dan dilancarkan dengan secepat yang mungkin.

Dengan yang demikian, *call center* seperti yang menggunakan *citizen band radio* itu tidak berapa *relevan* lagi di tempat lain pun tidak berapa digunakan lagi makanya Jabatan Pengangkutan Darat lebih bersedia untuk menunggu dahulu sistem aplikasi kerana ia lebih berkesan dan mudah untuk dilaksanakan. Apa yang hanya tinggal ialah pemasaran kepada orang ramai supaya menggunakan sistem itu dengan cepat dan mudah.

Ketika ini Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat sedang mengeluarkan video untuk mempromosikan perkhidmatan teksi ini. 2 perkara yang perlu dingat ialah:-

1. Tarif yang telah disediakan itu adalah *regulated* bermakna tarif itu tidak dapat diubah-ubah tanpa kebenaran dari Jabatan Pengangkutan Darat; dan

2. Sistem sekuriti, pemandu-pemandu teksi mesti memaparkan identiti mereka seperti nama, telefon dan sebagainya untuk memastikan keselamatan perkhidmatan orang ramai dan meningkatkan keyakinan mengenai dengan perkhidmatan teksi di negara ini.

Satu perkara lagi yang perlu difahami ialah mengenai tarif ini mungkin banyak dibangkitkan oleh pemandu-pemandu teksi sama ada tarif itu sesuai ataupun tidak dikenakan. Perlu difahami tarif ini bukannya atas kehendak Kementerian Perhubungan ataupun Jabatan Pengangkutan Darat menentukan berapa yang sesuainya. Apa yang difahamkan mengenai *demand and supply, forces* dan *market forces* ini, ia berasaskan kepada tarif kalau dinaikkan dan diturunkan berapa ramai orang hendak naik.

الْحَمْدُ لله kalau dikaji dari segi pendapatan-pendapatan pemandu-pemandu teksi di negara ini cukup menggalakkan Yang Berhormat Pengerusi, makanya abis kaola menggalakkan orang ramai untuk datang dan barangkali menimbangkan untuk memberi perkhidmatan yang sama. Ketika ini pun Jabatan Pengangkutan Darat membuka permohonan-permohonan sehingga kepada 200 orang lagi untuk memastikan

stability of the market itu sehingga 200 orang untuk rakyat dan penduduk di negara ini berkecimpung dalam pemberian perkhidmatan teksi

Mengenai bas awam. Perkara mengenai kemudahan-kemudahan untuk Warga Emas, Orang yang Berkeperluan Khas dan sebagainya. Ini memang salah satu daripada aspek yang akan dipertimbangkan dalam sistem baharu ini. Sistem yang ada sekarang ini pun Warga Emas atas persetujuan pihak pengendali bas juga diberikan percuma untuk menaiki bas dan juga untuk kanak-kanak yang di bawah umur 7 tahun untuk menggalakkan ibu bapa mereka menggunakan *alternative transportation.*

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya sistem baharu semua perkara ini akan dipertimbangkan, bukan dari segi *concession charges* saja tapi dari segi standard bas itu mungkin ada yang sudah *notice* bas-bas yang ada di Bandar Seri Begawan sekarang ini menggunakan apa yang dipanggilnya sebagai *low floor bus* untuk memudahkan mereka yang Berkeperluan Khas menaiki bas berkenaan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan memasukkan prinsip cara hidup kita supaya tempat duduk itu diutamakan kepada wanita, orang tua dan juga kanak-kanak. Seperti juga yang berlaku di tempat lain ada *priority seats* kepada mereka yang berkenaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara itu sedang dalam pertimbangan Kementerian Perhubungan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Behormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dalam menyokong Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 Kementerian Perhubungan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Kaola akan bercakap mengenai:-

1. Di bawah Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Kod Akaun 001/000 iaitu mengenai Pentadbiran dan Pengurusan. Pejabat-pejabat yang jadi tumpuan orang ramai di kementerian ini adalah seperti Pejabat Pengangkutan Darat, Pejabat Pos, ruang legar Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Oleh itu kaola bertanya, adakah pemikiran jabatan ini untuk membantu mempamerkan contoh-contoh produk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di setiap jabatan yang disebutkan tadi bagi produk-produk tahan lama. Yang pembungkusan menarik dan diakui halal. Jadi dengan cara ini membantu perkembangan produk mukim dan kampung. Kerjasama semua pihak adalah penting untuk membantu

mencerahkan masa depan ekonomi negara. Mungkin juga pejabat-pejabat di kementerian lain yang sering menjadi kunjungan orang ramai dapat juga memberikan kerjasama;

2. Di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Kod Akaun 003/000 - Peningkatan dan Kemajuan Pengangkutan Awam. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola menyentuh tentang *connectivity* atau kesinambungan dari satu destinasi ke destinasi lain seperti mana isi kandungan mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

   Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menumpukan perhatian di kawasan bandar dan pekan di setiap daerah di negara ini. Iaitu masalah pelancong-pelancong menuju ke tempat-tempat yang menarik di sekitar bandar dan pekan.

   Kaola bertanya, adakah perancangan jabatan ini untuk membenarkan perkhidmatan beca bermotor iaitu jika boleh dan bersesuaian? Hanya merupakan satu cadangan saja bagi mengatasi masalah pelancong berjalan kaki dari hotel melawat ke tempat-tempat menarik dan sebaliknya. Contohnya dari hotel ke Lapau Diraja dan dari Lapau Diraja ke hotel dan sebagainya. Beca-beca ini boleh menunggu penumpang di tempat-tempat tumpuan orang ramai kerana beca mudah melalui lorong-lorong dan jalan raya yang sempit. Dengan perkhidmatan ini memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan sektor pelancongan.

   Malah khidmat beca ini boleh digunakan untuk menghantar dan mengambil anak-anak sekolah di kawasan yang bersesuaian dan berhampiran. Apa yang kita lihat sekarang ini hanya sejauh 500 meter pun ibu bapa menggunakan kereta. Jadi ibu bapa tidak perlu lagi risau bergegas datang dan keluar pejabat. Kakitangan pejabat pula boleh menggunakan khidmat beca untuk makan tengah hari ke restoran yang berhampiran tidak perlu lagi menggunakan kenderaan.

   Jadi dalam membantu kelancaran perkhidmatan ini, pihak berkenaan hendaklah membuat peraturan supaya tidak berlakunya perkhidmatan secara haram dan tidak teratur. Umpamanya perkhidmatan beca ini hendaklah didaftarkan untuk mendapatkan kebenaran perkhidmatan dan dimestikan mengambil perlindungan insurans dan ditentukan laluan *accessibility.*

   Jadi secara tidak langsung untuk perkhidmatan ini menambahkan rangkaian perniagaan. Bagi pengendali yang kreatif pula mungkin menghias beca mereka dengan keindahan yang menarik perhatian penumpang; dan

3. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Di bawah Tajuk SN02A - Jabatan Laut. Kod Akaun 001/000 - Pentadbiran dan Dasar dan kemungkinan juga berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Darat. Kita sering melihat *trailer* perahu ditunda sama ada siang atau malam di jalan raya dan lebuh raya. Kekhuatiran kita ialah dari segi keselamatan penunda itu sendiri atau pengguna jalan raya yang lain. Kadang kala berlaku kerosakan dalam perjalanan dan pernah berlaku *trailer* terlepas dari penunda. Ada yang dilihat tidak sepadan apabila kereta *saloon* atau kereta kecil menarik *trailer* perahu yang besar. Jadi sehubungan dengan itu, kaola inginkan penjelasan mengenai perkembangan dan pelaksanaan penguatkuasaan penundaan *trailer* perahu yang terkini.

Sekian saja yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengajukan beberapa soalan berhubungan dengan:-

1. Mempromosikan di setiap jabatan-jabatan kerajaan produk-produk dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung;

2. Mengenai beca bermotor. Sama ada beca bermotor ini dapat atau tidak diperkenalkan?; dan

3. Mengenai *trailer* perahu yang telah dikuatkuasakan dengan undang-undangnya.

Mengenai mempromosikan di setiap jabatan kerajaan produk-produk dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Kaola sendiri Yang Berhormat Pengerusi tidak melihat sebarang masalah mengenai perkara ini bergantung pada dasar-dasar atau tumpuan jabatan-jabatan kerajaan masing-masing untuk memberi akomodasi mengenai cadangan ini dan abis kaola dulu pun semasa dalam tugas kaola yang lama menggalakkan diadakan satu macam *groceries,* kedai-kedai untuk memudahkan pekerja-pekerja kementerian itu untuk membeli barang-barang keperluan khususnya seperti minyak makan, barang-barang keperluan memasak di rumah dan sebagainya tanpa perlu pergi ke tempat-tempat yang sesak dengan kereta.

Ini satu cadangan yang baik walau bagaimanapun terserah kepada pihak-pihak yang ingin mempromosikan produk-produk yang berkenaan sama ada *viability* nya atau tidak. Ini merupakan cadangan yang khusus dan harus dipertimbangkan sejauh mana pihak-pihak yang ingin mempromosikan produk mereka itu melihat jika ada peluang-peluang itu. Kalau sekiranya ada kedai runcit di kementerian-kementerian mungkin dapat disimpan produk-produk tempatan sejauh mana produk-produk tersebut laku untuk dibeli oleh pembeli.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya harap perkara itu tidak akan merupakan janji sebab saya kira jabatan-jabatan kerajaan kadang-kadang tidaklah begitu sesuai untuk mempamerkan bahan-bahan makanan dan seumpamanya. Saya harap ia bukan merupakan satu janji kepada jabatan-jabatan berkenaan.

Jadi ada baiknya perkara itu diteliti oleh kementerian yang berkenaan barangkali seperti di dewan kah boleh dipamerkan. Sekiranya kita berebut-rebut dengan kelulut barangkali agak mengaibkan juga kita dengan perkara ini.

Walau macam manapun niat kitani yang baik dan kesukaan kita untuk membantu seberapa yang boleh, tapi ia menurut peraturan dan kesesuaian juga bahawa kita merupakan jabatan kerajaan mempunyai peraturan dan undang-undang. Jadi ada baiknya kita *stick to that* suasana macam itu, silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak kaola akan meneliti perkara ini dengan lebih lanjut mengikut keupayaan kementerian kaola sendiri.

Soalan yang kedua mengenai Beca Bermotor. Ini pun satu perkara yang harus diteliti lebih dahulu sejauh mana perkara ini akan dapat memastikan keselamatan orang ramai dan yang paling utama dalam fikiran kaola ialah sejauh mana Beca Bermotor ini akan dapat dipertimbangkan dari perspektif keselamatan orang ramai dan apakah spesifikasi kenderaan Beca Bermotor yang harus dipenuhi sebelum perkara ini dapat dipertimbangkan. Kalau kita memikirkan rumah ke sekolah bergantung di mana sekolah itu dan di mana rumah itu kalau ia melibatkan jalan-jalan raya yang besar seperti *highway* mungkin tidak bersesuaian. Ini bergantung apa yang dimaksudkan sebagai Beca Bermotor itu.

Kalau Beca Bermotor yang berbasikal mungkin tidak berapa sesuai barangkali untuk diadakan di tempat-tempat yang sesak. Kalau di kawasan Bandar sahaja mungkin ada kemampuannya tapi bergantung pada Beca Bermotor itu sendiri. Jadinya perkara ini harus diteliti lebih lanjut lagi mengenai apa sebenarnya cadangan yang ingin dicadangkan itu.

Mengenai *trailer* perahu. Seperti Yang Berhormat maklum sebagaimana yang saya jelaskan isu yang mengenai penguatkuasaan ini dan kalau kitani kadang-kadang memandu di jalan yang besar kita lihat ada *trailer* perahu yang usulnya tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan lalu lintas khususnya yang dipanggil Akta Lalu Lintas Jalan Raya Penggal 68 Bab 8(1) ialah setiap perahu hendaklah ditarik dengan menggunakan *trailer* yang tertentu yang memenuhi dimensi dan sebagainya.

Penguatkuasaan merupakan satu cabaran yang besar dalam aspek manapun seperti yang dimaklumkan tadi, ramai yang dibawa ke mahkamah sehingga 800 kes yang tidak dapat

diuruskan dan mungkin kita sekali-sekala melihat ada *trailers* yang tidak sesuai itu mungkin itu terjadi.

Walau bagaimanapun tidak semestinya pihak yang berkuasa tidak melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini. Kita masih lagi menguatkuasakannya dan إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ perkara ini akan dipantau lagi memikirkan sejauh mana *option* yang lebih baik.

Apa yang difikirkan ketika ini Yang Berhormat Pengerusi ialah untuk mengadakan tempat-tempat yang sesuai untuk meninggalkan perahu.

Jadinya perahu tidak payah ditarik ke rumah-rumah ataupun membentuk satu *marina*. Bukan sahaja perahu-perahu menangkap ikan, mungkin perahu-perahu yang besar pun boleh. Perkara ini sedang difikirkan dan salah satu jawatankuasa telah dibentuk untuk memikirkan di mana tempat yang bersesuaian.

Apa pendekatan yang boleh kita ambil untuk menjadikannya sebagai satu realiti. Mungkin ini juga merupakan satu peluang kerjasama antara kerajaan dengan pihak swasta dalam rangka *PPP* sebagai contoh pendekatan yang sedang difikirkan ialah tidak mengalakkan mereka yang terlibat dalam menangkap ikan dan sebagainya untuk menarik perahu-perahu mereka ke rumah.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ mudah-mudahan jawatankuasa akan dapat menghadapkan cadangan yang lebih baik dan akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat mengenai usaha ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dahulu selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang semula untuk menyambung membincangkan dan membahaskan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum ini saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan II (Kedua) ingin untuk membuat kenyataan terhadap beberapa soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa mesyuarat yang kita adakan, sebelum kita berehat tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. dan بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola sebenarnya akan menambah sahaja sedikit maklumat mengenai

dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman khususnya mengenai Pengendalian Pelabuhan Muara oleh *Muara Port Company.* Yang Berhormat tadi bertanyakan mengenai pekerjaan dan sebagainya yang dapat dijana dari usaha sama *Muara Port Company* ini. Jadi terima kasih juga atas soalan Yang Berhormat.

Sebagaimana yang sudah diterangkan oleh rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Perhubungan, *Muara Port Company* (*MPC*) ini ialah satu syarikat *Joint Venture* antara *Darussalam Assets Sdn Bhd* iaitu *GLC* kitani, dengan *Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co Ltd*, yang baharu beroperasi belum lagi sampai satu bulan iaitu pada 21 Februari 2017.

Seperti yang juga diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi, الْحَمْدُ لله walaupun baharu beroperasi belum sampai sebulan, beberapa *improvement* telah dapat dilaksanakan oleh syarikat ini. Semua *improvement* ini merupakan pelaburan yang dibuat sendiri oleh syarikat tersebut dan bukannya melalui suntikan kerajaan. Ini adalah satu contoh dari *Public Private Partnership* (*PPP*), yang perlu dipergiatkan di negara kitani.

Setakat ini pelaburan yang telah dibuat sebagai suntikan awal ialah sebanyak $10 juta, yang dijangka , إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan meningkatkan produktiviti Pelabuhan Muara yang amat diperlukan bagi meningkatkan penarikan Pelaburan Langsung Asing melalui pelan-pelan tindakan dalam tahun pertama dan kedua seperti yang diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan jua iaitu melalui pembaikan *quay crane*, sistem *IT* yang baharu dan juga mesin-mesin operasi seperti *forklift,* yang perlu penggantian dan tambahan.

Setelah perkara ini dapat ditingkatkan, *Muara Port Company* ini akan menyuntik pelaburan sebanyak $50 juta dalam tahun ketiga hingga ke tahun kelima, operasi bagi kontena *terminal* dan *conventional terminal* yang berkaitan dengan menambah baik lagi infrastruktur yang ada.

Apa yang lebih menarik, yang masih lagi dalam peringkat perundingan, ialah إِنْ شَاءَ اللَّهُ peringkat ketiga dalam jangka masa yang panjang, *Muara Port Company* ini akan seterusnya membuat pelaburan sebanyak kira-kira $100 juta hingga $150 juta bagi membangunkan tempat-tempat baharu khususnya dalam usaha penarikan Pelaburan Langsung Asing melalui *Free Trade Zone* di negara ini dengan membawa lagi beberapa pelabur asing lain ke Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai pertanyaan pekerjaan. Setakat ini *MPC* telah mengambil alih pekerja-pekerja dari syarikat yang sebelum itu iaitu seramai 106 orang dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ pengambilan ini akan meningkat dengan penambahan seramai 153 orang lagi setelah mengambil alih *conventional terminal* sepenuhnya. Apa yang penting lagi ialah *spin off* yang akan إِنْ شَاءَ اللَّهُ dijana oleh

aktiviti ini bagi pemberian bisnes kepada *Micro Small Medium Enterprise* kitani yang bergiat langsung dalam aktiviti pelabuhan ini yang setentunya akan menambah peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan di masa-masa akan dating.

Itu sahaja yang dapat kaola maklumkan di Dewan ini, Yang Berhormat Pengerusi, bagi menjawab soalan tadi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas maklumat tambahan yang dikongsikan bersama mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, awal tadi.

Sekarang saya mempersilakan, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis lalu, saya menyokong Belanjawan Kementerian Perhubungan. Kaola menyampaikan 1 soalan iaitu mengenai Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Soalan kaola menyentuh mengenai tahap pengeluaran *carbon* di negara ini. Menurut laporan daripada *ASEAN Secretariat* yang dikeluarkan oleh *The Brunei Times* pada 4 November 2013, Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan tahap *carbon* yang tertinggi *per capita* iaitu 15.5 *metric ton* setiap tahun. Manakala negara jiran seperti Malaysia, mengeluarkan dua kali ganda lebih rendah iaitu 7.1 *metric ton* dan Singapura 6.39 *metric ton*.

Menurut kajian *Economic Research Institute* yang berpangkalan di Jakarta bersama dengan Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2011, bahawa Negara Brunei Darussalam mengeluarkan *carbon dioxide* telah meningkat sebanyak 2% setiap tahun. Antara sumber yang diakui menyumbang kepada pengeluaran karbon ialah sumber daripada sektor pengangkutan darat.

Yang Berhormat Pengerusi. Ke arah pembangunan yang mampan dalam konteks pembangunan darat, apakah dasar-dasar pembaikan dan pemulihan kerajaan bagi mengurangkan pengeluaran karbon sekali gus menyokong hasrat negara, Wawasan Brunei 2035 dalam strategi alam sekitar. Kaola ingin mencadangkan jika bersesuaian, bagi pihak kementerian menerokai kaedah penggunaan berbasikal untuk pergi bekerja bagi dijadikan sebagai alternatif. Siapa tahu, dengan memperkenalkan kaedah ini, ia

akan disambut baik oleh rakyat terutamanya belia negara. Ini juga boleh mengurangkan peratusan penjawat awam sebanyak 70% yang tidak melakukan aktiviti fizikal yang mencukupi seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam mukadimahnya yang lalu.

Selain pemeliharaan alam sekitar, ia akan memberi faedah kepada kesihatan, pengurangan kesesakan lalu lintas dan mungkin sahaja membuka ruang untuk penjanaan pertumbuhan ekonomi. Kaedah ini bukan baharu, ia juga digunakan di negara lain seperti Jepun, Belanda, Sweden dan banyak lagi. Tidak dinafikan bagi menjayakan program ini, ia memerlukan penyediaan lorong khas berbasikal, kempen dan sebagainya. Sekian sahaja soalan kaola dan cadangan pembaikan kaola agar kaedah pembaikan ini dapat diterokai dan jika ia bersesuaian.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang kaola terangkan tadi mengenai *carbon emission* ini, pihak Jabatan Pengangkutan Darat bersandar kepada peraturan dan dasar-dasar yang ditentukan oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan إِنْ شَاءَ اللهُ *detail* lanjut mengenai beberapa sasaran yang dihajati akan kaola maklumkan kemudian.

Mengenai strategi untuk menggalakkan penggunaan basikal untuk bekerja, minat الْحَمْدُ لله untuk menggunakan basikal semakin meningkat terutama dengan adanya Bandarku Ceria. Mudah-mudahan perkara ini akan dilaratkan kepada penggunaan lain lagi, bukan sahaja untuk rekreasi tetapi mungkin digunakan bagi keperluan untuk ke tempat bekerja.

Walau bagaimanapun, penggunaan basikal ini sedang dipertimbangkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat mengenai keperluan infrastruktur dan sebagainya, terutama dalam suasana Jabatan Pengangkutan Darat sedang sibuk menimbangkan infrastruktur keperluan laluan bas dan sebagainya. Ini harus difikirkan secara komprehensif.

Walau bagaimanapun, mana-mana pihak yang ingin menggunakan basikal untuk menuju ke tempat bekerja, silakan tetapi hendaklah mengambil atau mengetahui sedikit sebanyak mengenai peraturan lalu lintas di negara ini dan kemudahan-kemudahan untuk berbasikal belum banyak yang disediakan dan harus diambil pertimbangan mengenai perkara itu.

Dan masa ini Jabatan Pengangkutan Darat sudah berusaha untuk memberigakan kepada orang ramai mengenai dengan konsep-konsep "*sharing the roads*" antara pemandu kereta dan juga pembasikal, supaya memberi ruangan sebanyak 1.5 meter antara satu dengan lain dan sebagainya, dan perkara ini akan diberigakan kepada orang ramai.

Tapi cadangan untuk menggunakan basikal إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara itu tidak ditegah, mana-mana pihak ingin menggunakan basikal terserah kepada pihak berkenaan walau bagaimanapun, harus memahami mengenai dengan keselamatan jalan raya dan memandangkan jalan raya yang ada di negara ini belum menumpukan kepada aspek keselamatan berbasikal di negara ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini sedang dipertimbangkan selaras dengan keperluan untuk menyediakan lorong-lorong khusus untuk pengangkutan bas. Terima Kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Pengerusi. Boleh kaola menambah sedikit tentang *carbon emission.* Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selaku negara yang telah membuat pengesahan terhadap perjanjian *'Paris'.* Adalah menjadi keutamaan negara bagi mengetengahkan usaha-usaha yang menjurus kepada penurunan dan perlepasan karbon.

Sebagai langkah pertama Jabatan Tenaga dan Perindustrian sedang meneliti laporan *Intended National Determine Contribution (INDC)* yang telah dihadapkan kepada *UNFCC* pada bulan November 2015, yang mana merupakan indikasi awal negara bagi menunjukkan komitmen terhadap penanganan isu perubahan iklim dan menggariskan usaha-usaha yang akan diambil bagi menjadikan mengehadkan pelepasan *carbon* negara.

Memandangkan laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* ini akan dijadikan rujukan utama bagi komiten negara yang akan diikat secara langsung secara undang-undang di bawah Perjanjian *Paris.* Negara telah diberi peluang untuk menghadapkan laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* yang baharu bagi mengganti laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* yang sudah dihadapkan.

Dalam pada itu, jabatan pada masa ini sedang dalam proses penyediaan laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* yang baharu yang mana nanti akan menekankan pada sasaran negara bagi mengurangkan *intensity* pelepasan *carbon* dengan mengambil kira perkembangan dan kemajuan industri negara.

Adapun ini adalah sangat penting bagi usaha kepelbagaian ekonomi negara, jadi ia perlu dilaksanakan dengan cara karbon rendah. Perjanjian ini juga telah membukakan peluang kepada negara untuk menuju ke arah ekonomi *carbon* rendah yang mana akan mempromosikan industri karbon rendah dan juga perusahaan-perusahaan dalam sektor berkenaan.

Langkah-langkah yang dikenal pasti bagi pengurangan pelepasan *carbon* negara juga dan bagi mencapai sasaran penurunan pelepasan *carbon intensity* adalah seperti berikut:-

1. *Intensity* Tenaga; Pertama adalah mengurangkan *intensity* tenaga

negara sebanyak 45% menjelang tahun 2035 dari tahap tahun 2005 tenaga diperbaharui;

2. Untuk meningkatkan *share* tenaga boleh diperbaharui untuk sekurang-kurangnya 10% dalam campuran panjang tenaga pada tahun 2035;

3. Untuk meningkatkan liputan hutan melindungi negara dari 41% ke 55% daripada keseluruhan keluasan tanah;

4. Yang paling mustahak sekali ialah kesedaran awam. Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan terus bekerjasama dengan semua pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkenaan berserta pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya penuntut sekolah dan orang awam bagi meningkatkan kesedaran pentingnya usaha sama dalam menangani isu perubahan iklim. Sasaran untuk *Co2* kita adalah sebanyak 27% pengurangan pada tahun 2035.

Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas maklumat tambahan yang dikongsikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

اَلسَّلَامُ عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى

Di Dewan yang mulia ini kaola ingin membangkitkan 3 soalan:-

1. Mengenai dengan pembinaan Jambatan Penghubung ke Daerah Temburong. Kita sering didedahkan dengan tarikh-tarikh penyiapannya, yang terbaharu kaola terima ialah bulan Mac 2019, tetapi wakil Yang Berhormat dari Daerah Temburong mengatakan akhir tahun 2019. Kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan bilakah tarikh sebenar penyiapan Jambatan Penghubung ke Daerah Temburong tersebut?

   Sehubungan dengan itu, kaola juga ingin mencadangkan supaya dengan terbukanya nanti penggunaan Jambatan ke Daerah Temburong agar semua pihak dalam kerajaan dan juga masyarakat umum memikirkan mengenai dengan keadaan di Daerah Temburong dari segi sosio ekonomi penduduknya.

   Perkara ini terlalu hampir di hati kaola kerana kaola berasal dari sana walaupun kaola telah

menetap di bandar, kaola kadang-kadang turun ke sana melihat keadaan masyarakat di sana yang tidak banyak berubah daripada dahulu hinggalah sekarang ini dari segi perekonomian dan juga sosio ekonomi mereka. Jadinya, kaola sarankan perlulah ada pemikiran untuk menukarkan status Daerah Temburong itu daripada apa yang dipanggil Daerah *pelintasan* menjadi Daerah persinggahan apabila siapnya nanti jambatan ke Daerah itu;

2. Mengenai dengan syarat-syarat bagi orang-orang yang telah berumur lanjut untuk terus memandu dan mendapatkan lesen kenderaan. Kaola difahamkan setakat ini sama ada tepat atau tidak mereka-mereka yang berumur 70 tahun ke atas adalah dikehendaki untuk menjalani semula *driving test* (ujian memandu). Jadi, memandangkan kita semua akan menuju ke sana jua dan telah pun ada yang umur sedemikian sudah berada atau melebihi kaola ingin tahu adakah perkara ini betul dan bagaimankah syarat-syaratnya bagi memastikan pemanduan mereka itu masih bagus kualitinya dan tidak mendatangkan bahaya kepada pemandu-pemandu yang lain, kerana kaola sendiri melihat ada beberapa pemandu yang berumur ini nampaknya memberi khuatir untuk mengikuti mereka di belakang. Ada yang tidak ber*signal* dan sebagainya untuk menyimpang ke kiri dan ke kanan; dan

3. Perkara yang seterusnya yang kaola ingin tanyakan ialah kadang-kadang semasa memandu kitani terpandang di bahagian belakang bas atau *truck* ada bertulis aduan *MTLA*.

   Kaola ingin mengetahui apakah bendanya perkara ini walaupun kaola ada memahami perkataan aduan, kemungkinan orang ramai yang mengikut di belakang apabila melihat kenderaan di hadapannya itu memandu secara tidak betul mungkin boleh mengadukan ke pihak berkenaan kerana disimpan juga di belakang itu nombor telefon *MTLA* ini dan kaola juga ingin penjelasan sejauh manakah perkara ini diambil tindakan? Adakah sudah sambutan daripada orang ramai mengenai perkara ini? Mereka selama ini tidak tahu di mana tempat mengadukannya. Adakah itu sebagai satu panduan kepada pemandu yang terlihat akan pelanggaran-pelanggaran per-aturan jalan raya.

Demikian sahaja soalan dan saranan kaola Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerusi, mengenai soalan pertama bilakah tarikh penyiapan

jambatan yang menghubungkan Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong.

Perkara ini bukan di bawah tanggungjawab kaola maka kaola serahkan kepada rakan kaola Kementerian Pembangunan untuk memberi penjelasannya.

Mengenai kesan sosioekonomi kepada Daerah Temburong ini merupakan satu isu yang *very broad* jua cuma kaola ingin memberikan pandangan sedikit mengenai kesan-kesan yang akan timbul daripada penghubung jambatan tersebut.

Barangkali dari segi demografi penduduk di Daerah Temburong, mudah-mudahan dengan adanya program-program lain, kemudahan yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei-Muara, akan meningkatkan lagi penduduk yang berada bermastautin di Daerah Temburong.

Dengan demikian akan membawa faedah-faedah ekonomi dengan sendirinya di Daerah Temburong. Tetapi untuk menjadikannya sebagai tempat atau daerah persinggahan bukannya daerah *pelintasan*, إن شاء الله kementerian-kementerian yang berkenaan terutama daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang pada masa ini sedang berusaha untuk mempromosikan Daerah Temburong sebagai satu destinasi pelancongan, dan ini bukan sahaja untuk rakyat di Negara Brunei Darussalam, akan tetapi mudah-mudahan ia menjadi satu tempat persinggahan bagi pengunjung-pengunjung luar negara khususnya dari Sabah, Malaysia untuk melawat ke Negara Brunei Darussalam bersedia menggunakan jalan laluan di Daerah Temburong. Mudah-mudahan ini akan menjadi satu realiti bagi penduduk di Daerah Temburong.

Mengenai aduan *MTLA* yang terlekat di kenderaan-kenderaan besar khususnya. Kenderaan-kenderaan ini adalah diluluskan oleh satu autoriti yang dipanggil *Motor Transport Licensing Authority (MTLA).* Pengeluaran dan pelesenannya sebelum ia didaftarkan lebih dahulu diberikan kebenaran oleh pihak *MTLA*. Mengenai sejauh mana perkara ini sudah berkesan akan kaola mohonkan dari jabatan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, tujuan untuk mengadakan pelekat itu adalah untuk kemudahan orang ramai membuat aduan mengenai "kalibat" atau perangai pemandu yang melanggar peraturan jalan raya dan boleh juga dibuat aduan jika kenderaan tersebut keluar asap hitam yang mengeluarkan *carbon emission* yang di luar daripada had-had yang ditentukan. Perkara itu boleh dilaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat melalui nombor talian *hotline* yang ditentukan iaitu 7292017.

Jadinya, apa yang pada pandangan orang ramai bahawa perkara itu di luar dari peraturan yang ditentukan untuk kenderaan berat dan wajib untuk dilaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat untuk memastikan keselamatan orang ramai. Setiap laporan

ini tidak semestinya menggunakan telefon.

Jika menggunakan *whatsapp* pun boleh jua. Itu sahaja yang dapat kaola terangkan dan mengenai keberkesanan itu. Kaola akan kembali semula kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali Yang Berhormat harus memberikan penerangan mengenai dengan lesen bagi orang-orang yang mencapai umur 70 tahun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat. Saya juga salah seorang daripada orang yang berkenaan dan saya telah pun mendapat lesen setiap tahun. Saya harap saya belum lagi sampai ke peringkat orang takut untuk memandu di belakang kereta saya sendiri.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Peraturan ini dinyatakan dalam Peraturan Lalu Lintas Negara Brunei Darussalam bahawa setiap yang sudah mencapai umur 70 tahun hanya akan diberikan lesen memandu kalau pendapat Pegawai Melesen bahawa pemandu berkenaan masih dalam keadaan sehat wal'afiat. الْحَمْدُ لله Walau bagaimanapun, lesen yang akan diberikan itu hanya untuk 1 tahun sahaja dan pemandu berkenaan dikehendaki untuk membaharui lesen berkenaan setiap tahun.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya tujuan peraturan ini dimasukkan dalam akta adalah untuk menjaga keselamatan pemandu berkenaan. Perkara ini sudah abis kaola pertimbangkan, *tunduki* bagaimana caranya untuk memperbaiki keadaan tersebut dengan mengambil kira tahap kesihatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Khususnya yang berhubung dengan *life expectancy* dan secara *informal* pun kaola ada berunding dengan rakan sejawatan kaola berhubung dengan kesihatan mengenai perkara ini.

Tetapi dari segi statistiknya Yang Berhormat Pengerusi mengenai permohon-pemohon dan keramaian orang yang ditolak untuk memandu, ada sesetengah daerah bahawa penolakan itu *rate*nya adalah agak tinggi. الْحَمْدُ لله di Daerah Brunei Muara, penolakan itu ada 2 ke 3 orang sahaja yang seperti tidak layak untuk diberikan lesen berkenaan. Tetapi ini berhubung dengan *consciousness* ataupun *awareness* mengenai *safety* dalam kawasan setempat itu.

Makanya jumlahnya itu besar. Ada sesetengah keluarga itu sendiri berjumpa ke Jabatan Pengangkutan Darat meminta supaya pemandu berkenaan tidak perlu diberikan lesen demi menjaga keselamatan.

Pada keseluruhannya الْحَمْدُ لله , jumlahnya masih rendah kalau dibandingkan dengan keramaian orang yang memohon memandu. Makanya abis kaola fikirkan sudah tiba masanya untuk dipertimbangkan semula ataupun

dinaikkan umur itu kepada 1 atau 2 tahun. Walau bagaimanapun, harus juga dirujuk kepada tahap kesihatan penduduk dan rakyat di negara ini dan mungkin perkara itu rakan sejawatan kaola dapat memberikan pencerahan mengenai perkara itu sedikit.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ringkas sahaja kaola menerangkan mengenai perkara ini. Dari segi kesihatan apa yang kitani harus maklum ialah apa *outcome* sebenarnya yang kitani kehendaki dari segi keselamatan. Jadi kalau kitani melihat keselamatan di jalan raya ini banyak fakta yang tertentu sama ada fakta infrastruktur, orangnya, fakta *vehicle* dan sebagainya.

Dari segi fakta individu ini, Kementerian Kesihatan, melihat mana-mana isu yang dapat diubah ataupun di*control* untuk mitigasi agar keselamatan orang ini terjamin. Pihak kaola berkerjasama dengan pihak Kementerian Perhubungan ini. Jika kita melihat di negara-negara lain, sekiranya mereka sudah berumur lanjut, mereka terpaksa mendeklarasikan sama ada mereka ada penyakit yang boleh mengakibatkan keselamatan terganggu semasa memandu ataupun mengoperasikan apa-apa mesin pun. Masalah-masalah ini termasuklah masalah kronik yang tidak berjangkit, masalah *dimentia,* masalah kencing manis, *parkinson, epilepsy* dan sebagainya ini.

Ini sebenarnya bukan sahaja untuk keselamatan individu yang menjalankan ataupun memandu kereta itu, malah juga untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain sama ada mereka memandu ataupun *pedestrian* juga Yang Berhormat Pengerusi.

Pihak abis kaola berkerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada melihat bagaimana kita boleh mengatasi isu-isu ini seperti mana jua Yang Berhormat tadi mengatakan pernah orang berjalan di belakang orang ini, kadang-kadang abis kaola pernah jua terlihat di *traffic light* orang tertidur bila lampu itu sudah hijau. Jadi ini mengkhuatiri jua. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menjawab mengenai soalan bilakah akan siapnya Jambatan Temburong Yang Berhormat Pengerusi? Terima kasih atas soalan itu dan kaola sentuh jua perkara ini sewaktu mukadimah kementerian kaola.

Walau bagaimanapun, kaola jawab *direct* sahaja pendek benar juga mungkin tidak memberi إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kepuasan. Jambatan Temburong akan siap pada penghujung tahun 2019. Izinkan kaola jua mengongsikan status projek ini, sebenarnya projek ini menghadapi sedikit kelambatan pada masa ini, *progres* adalah kira-kira 17% sahaja dan ada beberapa punca-punca kelambatan bagi projek ini:-

1. Mobilisasi, penyediaan dan tempat *casting yard,* penyimpanan bahan dan jentera besar atau berat dan tapak untuk menempatkan pekerja-

pekerja dan ofis binaan memakan masa yang agak lama dan di luar jangkaan. Seluas kira-kira 20 hektar kawasan diperlukan dan penyediaan tapak sahaja memakan masa lebih kurang 8 bulan. Begitu juga kesulitan dari segi *accessibility* untuk ke kawasan berkenaan sangat sukar terutama sekali di kawasan bakau di Daerah Temburong yang tidak dapat dimasuki oleh kenderaan air dan darat pada peringkat awalnya Yang Berhormat Pengerusi;

2. Punca kelambatan *access* peraliran sungai di sepanjang laluan untuk jambatan yang akan dibina adalah terlalu cetek atau tohor. Sejauh 13 meter panjang sungai perlu didalami dan dikorek bagi membolehkan *batch* barangan dan jentera-jentera *piling* dibawa ke tempat yang diperlukan. Laluan ini perlu dikorek 100 meter sedalam 2.5 meter dan membuang sisa-sisa tanah yang dikorek ke tempat yang sesuai memakan masa yang di luar dari jangkaan;

3. Keadaan geologi strata tanah yang di bawah air yang tidak menentu amat menyukarkan kerja-kerja *piling.* Purata kerja-kerja *piling* mengikut keadaan strata tanah di bawah air ialah sedalam 600 meter ke 900 meter panjang. Konkrit *pile* yang berukuran 900 milimeter besar diperlukan untuk kerja-kerja cerucuk atau *piling.*

4. Keadaan cuaca yang tidak menentu pun juga salah satu penyebab kelambatan projek ini walaupun sudah dimasukkan dalam perkiraan semasa merancang tempoh pelaksanaan;

5. Bahan-bahan binaan dan jentera khas bagi projek ini yang tidak terdapat di negara kita perlu didatangkan dari luar negara seperti Korea, China dan Malaysia menggunakan kapal laut memakan masa yang lama mengikut keadaan cuaca juga; dan

6. Walaupun perkara ini sudah diduga dalam perancangan awal projek-projek yang berskala besar seperti ini tidak dapat lari dari menghadapi isu-isu teknikal sehingga projek ini bermula dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya kepakaran, pengalaman yang ada, kita akan sentiasa membuat pemantauan yang rapi dan bagi mengatasi kelambatan ini dari berlarutan.

Bagaimanapun الْحَمْدُ لله semua cabaran ini dapat diatasi pada masa ini, dan pihak pemborong telah melipatgandakan usaha untuk menambah pekerja dan jentera-jentera untuk mempercepatkan projek ini. Jadi jawapan yang ringkas tadi, إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada penghujung tahun 2019 jambatan ini akan siap, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas maklumat tambahan yang diberikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ Kesesakan jalan raya pada waktu *peak hours* sering berlaku di mana-mana. Ini disebabkan oleh adanya sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan gedung-gedung perniagaan berdekatan dengan *main road*. Di beberapa buah negara maju perkara seperti ini sudah tidak dibuat lagi. Kesesakan jalan raya ini sudah terjadi sejak tahun 1980-an. Apatah lagi sekiranya terjadi kemalangan. Kaola kira sudah sampai masanya kita memilih alternatif lain bagi mengurangkan kesesakan jalan raya:-

1. Membanyakkan pengangkutan awam dan prasarananya seperti tempat menunggu dan turun penumpang dari bas yang selesa.; dan

2. Pengangkutan melalui sungai direalisasikan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengatasi isu kesesakan jalan raya. Memang ini merupakan salah satu isu yang difikirkan iaitu perlunya ada *alternative transportation* di Negara Brunei Darussalam. Ia bukannya sahaja mahal tetapi ketika ini sudah mula menampakkan kesan-kesannya bahawa terdapat kesesakan jalan raya terutamanya di waktu-waktu sekolah.

Terima kasih jua atas cadangan untuk memperbaiki lagi pengangkutan awam. Mudah-mudahan apa yang dicadangkan dan usaha ketika ini akan tercapai dan dengan sendirinya sistem pengangkutan bas awam yang baharu itu akan dapat mengatasi isu kesesakan jalan raya.

Walau bagaimanapun, masih banyak perkara yang harus kita fikirkan di sana sebab sistem pengangkutan jalan raya ini bukan sahaja pengangkutan sistem bas *connectivity and availability* jua tapi ia juga menimbulkan usaha-usaha mengenai undang-undang dan peraturan seperti memberi laluan prioriti kepada bas-bas awam, isu infrastruktur pengangkutan bas awam ataupun *dedicated lane* harus diadakan supaya mempercepatkan lagi penghantaran penumpang.

Dari segi isu *connectivity,* إِنْ شَاءَ اللهُ di Daerah Brunei Muara sahaja dari segi *coverage* tempat-tempat yang penting seperti sekolah, tempat-tempat pekerjaan dan sebagainya.

Di Daerah Brunei Muara *coverage* ataupun liputan dalam lingkungan 200 meter *standard* yang dipakai adalah 70%. Di sekolah-sekolah, universiti dan *institutions* 100%, Pusat Tingkatan Enam 100%, sekolah-sekolah menengah 45%, sekolah-sekolah rendah dan agama 65% dan sekolah-sekolah persendirian 71%.

Mudah-mudahan dengan adanya Sistem Pengangkutan Awam yang efisien ini akan dapat mengatasi isu orang ramai menggunakan kereta persendirian untuk menghantar dan mengambil anak-anak sekolah dan lebih cenderung untuk menggunakan Sistem Pengangkutan Awam yang berkesan.

Penggunaan *transport* melalui sungai. إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini juga perkara yang sedang difikirkan. Kita menggalakkan untuk mengadakan satu *domestic class* yang membolehkan untuk mengadakan *transport* pengangkutan orang ramai yang menepati piawaian yang akan disediakan oleh pihak Jabatan Laut.

Ini salah satu usaha yang akan diusahakan lagi Yang Berhormat Pengerusi bagi negara ini mengadakan lagi *domestic class* khasnya sendiri bagi membolehkan kapal-kapal berukuran lebih besar dari yang ada sekarang ini dan digunakan untuk muatan yang lebih besar dan juga penumpang-penumpang yang lebih besar digunakan sebagai *mode of transportation*. Ini bergantung kepada keadaan tempat itu yang boleh dijadikan sebagai tempat persinggahan kalau kebetulan ada sekolah mempunyai fasiliti yang boleh dapat dibuat إِنْ شَاءَ اللَّهُ itu dapat diusahakan dengan menggunakan *PPP* tambahan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira barangkali kesesakan jalan raya ataupun *traffic jam* ini biasanya menjadi satu *measurement* bagi kemajuan sesebuah bandar ataupun kota. Saya kira barangkali bagi Brunei jauh berbeza kalau dibanding sahaja dengan Kota Kinabalu, jangan Kuala Lumpur tetapi Kota Kinabalu ataupun Kuching, keadaan kita jauh lebih selesa dan lebih baik dibandingkan dengan bandar-bandar yang saya sebutkan. Saya kira barangkali *we should'nt pay too much attention to* soal-soal seperti itu.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola setuju dengan pandangan Yang Berhormat Pengerusi kalau dibandingkan dengan negara lain keadaan kita belumlah seteruk seperti apa yang berlaku di negara-negara jiran.

Walau bagaimanapun, kita harus mengambil tindakan awal sebelum perkara itu terjadi. Salah satu usaha yang ingin kaola maklumkan di sini ialah mengenai *Motor Claim Guidelines* ini. Seperti yang kaola nyatakan tadi apabila berlaku kemalangan dan kesesakan jalan raya terjadi dengan mengambil masa yang panjang untuk mencapai ke suatu tujuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali kesesakan yang timbul apabila adanya kemalangan orang kita ini *very curious*. Semua ingin melihat apa hal yang terjadi bukan disebabkan oleh *seriousness* ataupun bagaimana teruknya kemalangan yang berlaku. Kadang-kadang sedikit sahaja tergesel jadi sampai sebatu *traffic jam*. Sebab orang itu berhenti untuk melihat apa halnya, siapa yang terlibat dan seumpamanya.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Betul Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya itu yang berlaku. Adalah menjadi satu kepentingan bagi kita untuk meleraikan suasana itu secepat yang mungkin.

Masalahnya, kalau sistem yang ada pada masa ini terpaksa menunggu anggota polis datang dahulu baru dileraikan. Dengan adanya sistem baharu ini, *Motor Claim Guidelines* ini, tidak lagi perlu kereta-kereta yang terlibat itu untuk menunggu polis datang melainkan ia melibatkan kecederaan, kematian atau kerosakan harta benda kerajaan. Kalau sekiranya terlanggar depan dan belakang sahaja boleh *fill up the insurance form* dan terus jalan tidak lagi payah menunggu. Ini sistem baharu yang mudah-mudahan dapat dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Atas sokongan dan persetujuan dari pihak insurans khususnya Pertubuhan Insurans di Negara Brunei Darussalam bahawa mereka bersetuju untuk mengadakan satu *guidelines* ini untuk membolehkan tuntutan-tuntutan itu dibuat tanpa ada laporan-laporan polis.

Dengan adanya perkara ini mudah-mudahan orang yang *curious* melihat apa yang berlaku, siapa yang kena, siapa yang terlanggar itu tidak akan lagi terjadi. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang telah menyampaikan mukadimahnya pada petang hari Khamis, 17 Jamadilakhir 1438 bersamaan 16 Mac 2017.

Tahniah atas usaha yang dibuat oleh Kementerian Perhubungan mengenai penswastaan Terminal Kontena Muara kepada *Darussalam Asset JV* dengan *Guanghzou*. Setelah mendengar hujah-hujah yang disampaikan juga daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang menunjukkan positif akan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan juga إِنْ شَاءَ اللهُ, kos untuk membawa barang import dari China akan menurun dan sebagainya.

Ada beberapa perkara Yang Berhormat Pengerusi yang ingin kaola tanyakan dan soalkan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan:-

1. Perkhidmatan Teksi. Dalam mukadimah yang disampaikan, sasaran jumlah teksi akan dinaikkan kepada 200 buah teksi. Adakah dalam perancangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk mempelbagaikan jenis teksi yang ada pada masa ini? Misalannya dari segi keselesaannya, muatan untuk

membawa barang, keselesaannya untuk menjadikan teksi sebagai van seperti yang kita lihat di negara-negara lain;

2. Pemberian lesen teksi. Adakah ia hanya diberikan kepada perseorangan ataupun dilaratkan kepada syarikat-syarikat yang ingin menceburi dalam bidang teksi kerana perkara ini telah pernah dibuat apabila dikenalkan pada satu ketika dahulu iaitu dipanggil *Purple Taxi* atau *CTS* yang mengenakan bayaran hanya sebanyak $3.00 dalam satu perjalanan tidak mengira jumlah *passenger* tidak melebihi 4 orang dalam lingkungan 5km. Adalah diharapkan jika *franchise* atau kontrak diberikan yang telah mengikut perjanjian dan tidak mengambil kira tidak merugikan kepada syarikat yang terlibat;

3. Masalah teksi yang sering mengenakan bayaran sewa yang berlebih-lebihan. Baru-baru ini juga terdapat keluhan daripada pelancong yang teksi mengenakan bayaran dalam perjalanan yang dekat dari $30.00 ke $40.00, manakala meternya ditutup dengan kain Yang Berhormat Pengerusi; dan

4. Kemudian masalah mengenai teksi ini ialah "teksi sapu" yang semakin berleluasa dan apa yang mendukacitakan "teksi sapu" ini ada yang dikendalikan oleh orang asing.

Kaola beralih kepada perkhidmatan bas. Pada masa ini bas awam seolah-olah keperluan pekerja asing sahaja kerana kalau melihat Yang Berhormat Pengerusi orang-orang kitani kurang menaikinya disebabkan mungkin kurang keselesaan, bau dan sebagainya dalam bas berkenaan. Perkhidmatan bas ini perlu diambil kira masa yang tepat bagi menarik lebih banyak pelanggan untuk menggunakan bas.

Bas memerlukan pelaburan yang besar tetapi *ROI (Return of Investment)* tidak begitu menggalakkan pada awalnya dan keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan kemungkinan penjualan kereta akan berkurangan, bas mungkin ada satu pilihan yang akan diambil kira. Pekerja-pekerja dalam kerajaan dan swasta, perlu perkhidmatan alternatif seperti bas, anak-anak sekolah juga perlu pengangkutan alternatif. Mengurangkan pekerja di jabatan kerajaan keluar mengambil anak yang perlu diambil kira. Berkurangnya bas sekolah juga akan harusnya diambil kira.

Soalannya adakah perancangan atau pemikiran mana-mana pihak *GLC* untuk membuat kajian mengenai apa yang kaola maksudkan?

Ada satu lagi mengenai permasalahan bengkel-bengkel ataupun *workshop* yang pada masa ini kaola rasakan masih tidak dikawal. Kalau tidak silap, Jabatan Pengangkutan Darat ada membuat satu *grading* atas bengkel-bengkel kereta yang ada di negara ini, pertanyaannya adakah masih dikuatkuasakan?

Mengenai bengkel-bengkel sekarang ini yang berleluasa yang kekadang

menggunakan kawasan kedai-kedai atau bangunan kedai dan kawasan perumahan yang menyebabkan keadaan bising kepada orang-orang kitani. Maka perkara ini barangkali melibatkan agensi-agensi lain supaya perkara ini akan diambil perhatian.

Persoalannya yang tadi Yang Berhormat Pengerusi adakah masih *grading* ini berjalan dan diharapkan pengawalan bagi menangani permasalahan yang dihadapi oleh orang-orang ramai mengenai kebisingan dan sebagainya disebabkan bengkel yang tidak berlesen ataupun tidak sesuai dengan tempatnya akan diambil tindakan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Menteri Perhubungan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, saya beri kesempatan bagi Yang Berhormat itu untuk menyiasat dengan lebih lanjut dan memikirkan jawapan yang sesuai bagi perkara-perkara yang dikemukakan dan oleh Yang Berhormat.

Maka saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun berbincang dengan panjang lebar dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita telah pun meluluskan beberapa tajuk dalam undang-undang yang berkenaan ini apabila kita berunding dalam Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

Maka saya ingin menangguhkan Mesyuarat kita ini untuk kita berehat pada tengah hari ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan menyambung Mesyuarat ini semula pada pukul 2.30 petang.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada pagi tadi telah membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 di Peringkat Jawatankuasa khusus mengenai Belanjawan Kementerian Perhubungan. Maka bagi membolehkan kita meneruskan untuk membincangkan dan meneliti Belanjawan Tajuk Kementerian Perhubungan di Peringkat Jawatankuasa ini, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneruskan pertimbangan dan perbahasan Belanjawan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A – Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebelum kita menangguhkan mesyuarat tadi akan membuat kenyataan bagi beberapa soalan yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat. Maka dengan itu, saya berikan kesempatan ini kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Sebelum kaola menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Kaola ingin berbalik semula kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim berhubung dengan aduan-aduan yang dibuat melalui nombor telefon *MTLA* 123 ataupun nombor 7292017.

Mengikut maklumat yang ada, sebanyak 253 aduan diterima melalui nombor telefon 123 sepanjang tahun 2016 sahaja dan diambil tindakan semuanya. 50% aduan adalah cuai memandu, 30% trak yang membawa lebih muatan, 5% meletak kereta tidak menentu, 15% lampu brek tidak berfungsi, plat pendaftaran tidak terang dan sebagainya.

Manakala, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Darat melalui nombor telefon 7292017 menerima sebanyak 313 aduan yang menggunakan *whatsapp* sejak tahun 2016 hingga sekarang. 60% daripada aduan ialah kenderaan yang mengeluarkan lebih asap, 20% plat pendaftaran kabur dan 20% "kenderaan sapu".

Berbalik kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi mengenai pelesenan teksi. Ketika ini pelesenan teksi diselenggarakan oleh MTLA *(Motor Transport Licensing Authority)* yang akan

menimbangkan kesesuaian sesuatu kenderaan itu untuk dijadikan teksi untuk memenuhi keperluan orang ramai dan pelanggan.

Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengambil maklum bahawa sudah banyak jenis kenderaan mewah yang telah dicipta dan direka bentuk seperti *multi purpose vehicle* yang digunakan di tempat lain sebagai teksi yang dapat membawa muatan yang banyak. Ini bermakna ia bergantung pada apa jenis kenderaan itu sendiri sama ada ia layak atau sebaliknya untuk dijadikan teksi.

Maka, perkara itu dapatlah dihadapkan kepada pihak *MTLA* untuk menimbangkan kesesuaian tersebut. Kaola sendiri tidak dapat memberi keputusan secara menyeluruh bahawa sama ada sesuatu kenderaan itu boleh atau tidak.

Ketika ini, JPD telah memperkenalkan *multitier license*. Tujuan untuk *multitier license* ini untuk meluaskan lagi peluang perniagaan kepada pemandu-pemandu teksi memandangkan pasaran yang terlalu kecil. Teksi-teksi sekarang ini didaftarkan ataupun diberi lesen terutama sebagai perkhidmatan teksi. Ia juga diberikan lesen atau perkhidmatan *limousine service* dan teksi yang sama juga diberikan kebenaran untuk perkhidmatan kereta sewa pandu sendiri.

Walau bagaimanapun, ada tatacara dan aturannya apabila kenderaan berkenaan digunakan sebagai teksi, mesti ada tanda "teksi" untuk memudahkan pihak penguatkuasaan undang-undang melaksanakan tugas mereka.

Mengenai *business model* untuk memberikan perkhidmatan teksi yang banyak ketika ini seperti yang diketahui ialah teksi-teksi persendirian. Seperti yang dialami sendiri oleh Yang Berhormat, mana-mana syarikat yang ingin mengadakan syarikat perkhidmatan teksi di negara ini juga tidak ditegah, asalkan ia mengikut syarat-syarat yang ditentukan seperti juga yang dikenakan kepada teksi-teksi persendirian dengan erti kata boleh menubuhkan satu syarikat teksi tetapi dengan syarat pemandu dan kenderaan yang digunakan adalah lebih dahulu berdaftar kepada JPD.

Perlu juga ditegaskan bahawa pemandu-pemandu teksi yang berhajat untuk memberikan perkhidmatan teksi di negara ini hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sahaja.

Berhubung "teksi sapu" yang berleluasa di negara ini memang perkara ini diakui. Salah satu sebab mengapa "teksi sapu" ini laris dan cukup popular, memandangkan bahawa sistem perkhidmatan bas, bukan perkhidmatan teksi, seperti orang ramai beranggapan, sistem perkhidmatan bas tidak begitu efisien maka mereka memilih untuk menggunakan "teksi sapu".

Sedangkan harga yang ditawarkan untuk "teksi sapu" itu jauh lebih murah dari harga menggunakan teksi lebih mirip kepada harga menggunakan bas makanya "teksi sapu" ini lebih mudah terutamanya bagi orang-orang dari luar negara.

Mengikut operasi yang dilaksanakan oleh JPD dalam bulan Februari 2017 sahaja

telah menangkap dan mengkompaun 9 orang pemandu iaitu tambahan kepada 5 orang yang telah dikompaun sebelum 5 Februari. Dari 9 orang itu 4 orang adalah orang tempatan dan 5 orang adalah warga asing dan semua maklumat warga asing ini telah dihadapkan ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

Mengenai kesan bas awam terhadap kenderaan persendirian. Kaola berlainan pendapat sedikit dan ingin mengongsikan kajian yang dibuat oleh *American Public Transportation Association* yang menunjukkan bahawa sebanyak 40% penumpang bas di Amerika adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kereta dan 20% adalah mereka yang mempunyai lebih 2 buah kereta.

Dan juga jika dilihat mengikut pengalaman dari negara-negara jiran yang sistem pengangkutan awamnya lebih efisien hampir setiap 20 meter ke-30 meter ada *access to public transportation* masih mempunyai kereta persendirian yang banyak sehinggakan harga jualan kereta berkenaan dinaikkan ke tahap yang jauh lebih tinggi kalau dibandingkan dengan Negara Brunei Darussalam.

Maka dengan itu, dengan pengenalan sistem bas pengangkutan awam ini tidak semestinya akan menjejaskan perniagaan kereta persendirian di negara ini. Kalau dilihat dari apa yang berlaku di tempat lain.

Mengenai kajian yang dilaksanakan, pengguna-pengguna bas Bahagian Pengangkutan di Kementerian Perhubungan, sebelum Kementerian Perhubungan mengambil keputusan untuk melancarkan projek ini sudah melaksanakan kajiannya. Dari kajian itu menunjukkan bahawa keperluan untuk mengadakan *alternative transportation* ini ternyata sekali khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan seperti perbincangan bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pegawai-pegawai dari kedua-dua buah kementerian telah berunding mengenai masalah kemiskinan di negara ini, bahawa sejumlah besar daripada pendapatan itu dibelanjakan kepada pengangkutan persendirian. Ini yang menimbulkan masalah sosial, masalah perbelanjaan rumah tangga di negara ini iaitu sebahagian besar daripada pendapatan itu dibelanjakan kepada keperluan-keperluan pengangkutan;

1. Mengenai pengangguran. Ternyata sekali mana-mana orang yang ingin mencari pekerjaan adalah menjadi satu syarat bahawa mereka harus mempunyai kenderaan. Ini lagi menimbulkan kesusahan dalam mencari pekerjaan. Maka menimbulkan keperluan harus ada *alternative transportation* yang efisien, yang berkesan yang mempunyai *connectivity*;

2. Penuntut-penuntut di pengajian tinggi seperti di universiti dan sebagainya memerlukan *transportation* untuk berjalan ke tempat lain dan berjalan dari kampus-kampus unversiti. Dengan keadaannya sekarang mereka lebih tertumpu di institusi berkenaan tanpa

ada keupayaan untuk ke mana-mana untuk membuat kajian dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Ada persoalan mengenai penglibatan *foreign direct investment* dan juga *GLC* dalam pengendalian bas awam ini. الْحَمْدُ لله projek ini telah pun di*tender*kan dan perkara ini sedang dalam proses penilaian.

Dalam proses *tender* ini ada beberapa buah syarikat dari luar negara turut serta dan menunjukkan minat untuk memberikan/menghulurkan Perkhidmatan bas di negara ini. Cuma *business model* mereka itu terserah, mungkin ada yang ingin menawarkan 100% modal dan mungkin ada dalam bentuk *PPP* dan sebagainya. Itu masih terbuka dan bergantung pada cadangan *tender* tersebut.

Akhir sekali, mengenai masalah teksi-teksi yang tidak menunjukkan meter, mengenakan bayaran tinggi dan juga mengenai woksyop yang bising, kotor dan sebagainya Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini dari segi pemantauan susah untuk dilaksanakan. Tapi perkara ini memang diakui terjadi.

Apabila perkara ini terjadi, apa yang abis kaola pohonkan adalah pihak orang ramai untuk melaporkan terus kepada pihak-pihak yang berkenaan. Barangkali tidak perlu untuk dibawa ke peringkat permesyuaratan negara, tetapi perkara ini harus disampaikan ke pihak-pihak yang berkenaan.

Kalau yang berkaitan dengan teksi, dilaporkan kepada *JPD* dan setiap teksi dikehendaki untuk memaparkan nama pemandu dan juga nombor telefon untuk membuat aduan.

Begitu juga woksyop-woksyop yang bising, kotor dan sebagainya, perkara ini harus dilaporkan kepada pihak-pihak yang berwajib. Tidak perlu kitani bincangkan dari segi apa dasarnya kitani, pemantauan kitani, sebab perkara ini kadang-kadang hari ini baik ia, esok indatah baik. Pihak abis kaola berharap kepada maklumat daripada orang ramai memastikan bahawa segala peraturan ini dipatuhi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang untuk meneruskan perbincangan kita, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas perlaksanaan dan perancangan yang dibuat dengan sebaik-baiknya.

Kaola ada 2 soalan berkenaan:

1. Di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat. Kaola berminat dengan perkara penswastaan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang melebihi usianya 7 tahun dan lain-

lain. الْحَمْدُ لله beberapa kebaikan daripada perkhidmatan ini seperti perkhidmatan yang mudah didapati dan hanya satu tempat sebelumnya hanya di Jabatan Pengangkutan Darat di daerah-daerah dan tidak perlu berbaris lagi.

Soalan kaola, apakah ada terma dan syarat-syarat pemilihan syarikat-syarikat perkhidmatan tersebut di atas seperti sekurang-kurangnya mengutamakan syarikat-syarikat yang dijalankan oleh rakyat Brunei dan sekurang-kurang 50% tenaga kerja rakyat Brunei dalam woksyop-woksyop yang terpilih?

2. Seterusnya ialah masih berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Darat. Apakah usaha pihak kementerian atau Jabatan Pengangkutan Darat bagi penyediaan peluang pekerjaan pada rakyat Brunei seperti memberikan syarat-syarat kepada industri permotoran supaya *middle managers* dalam kalangan pekerja asing digantikan dengan rakyat Brunei dalam jangka yang bersesuaian?

   Mengurangkan mekanik-mekanik rakyat asing sekurang-kurangnya 30% dan diberikan kepada rakyat Brunei peluang-peluang pekerjaan kerana kita sendiri ada penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah vokasional yang ada mengeluarkan mekanik-mekanik kenderaan.

   Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas sokongan kepada usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Darat selama ini khususnya mengenai penswastaan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang melebihi dari 7 tahun dan juga keprihatinannya dengan penyediaan peluang pekerjaan.

الْحَمْدُ لله seperti yang dimaklumi bahawa usaha ke atas meng*out-source Vehicle Inspection Centre* ini sebenarnya bukanlah atas-asas pemilihan Kementerian Perhubungan ataupun Jabatan Pengangkutan Darat. Ia berasaskan kepada penyertaan dari bengkel-bengkel berkenaan.

Cuma syarat yang ditetapkan ialah bengkel-bengkel berkenaan hendaklah terdiri daripada woksyop atau bengkel yang mempunyai *Class 'A'* yang mempunyai cukup alat kelengkapan dan cukup kemahiran pekerjanya dan layak dilantik untuk menjadi Pegawai Pemeriksa.

Syarat-syarat pemeriksaan sudah termaktub dalam peraturan Jabatan Pengangkutan Darat dan cuma ia akan dikongsikan supaya satu latihan diadakan kepada bengkel-bengkel berkenaan.

Harus difahami bahawa untuk melaksanakan pemeriksaan ini sebenarnya kalau akan dikira dari segi belanjawan kerajaan dan untuk mengadakan pegawai-pegawai yang layak untuk membuat pemeriksaan dan

kalau dikira dari segi jumlah kereta yang ada di Negara Brunei Darussalam yang semakin meningkat hampir 8% setahun ini, adalah mustahil untuk Jabatan Pengangkutan Darat berupaya untuk membuat pemeriksaan keseluruhannya.

Kadang-kadang apa yang berlaku tahap pemeriksaan itu adakalanya mendukacitakan jua. Masih kita melihat di jalan-jalan raya ini, kereta-kereta yang usulnya tidak layak untuk mendapat *road tax* itu. Atas asas *base on excess capacity* dengan harapan *excess capacity* itu diadakan sebagai satu peluang bengkel-bengkel ini untuk membuka peluang perdagangan seperti pengubahsuaian, pembaikan dan sebagainya.

Dipersilakan datang bengkel-bengkel untuk turut serta membantu Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengadakan pemeriksaan tanpa mengubah harga-harganya itu, masih ditetapkan dengan harga $5.00 pada masa ini.

الْحَمْدُ لله sejauh ini sebanyak 11 buah bengkel telah turut serta program pemberian dalam perkhidmatan pemeriksaan kenderaan ini dan pada keseluruhannya telah dapat mengurangkan bebanan Jabatan Pengangkutan Darat dalam memastikan bahawa setiap kenderaan di Negara Brunei Darussalam selama ini adalah *road worthy* yang boleh digunakan untuk yang boleh dipakai untuk dipandu di jalan raya.

Road worthiness ini merupakan satu keperluan dalam peraturan jalan raya. Kita amat berterima kasih kepada syarikat-syarikat yang berkenaan kerana turut serta. Perkara ini masih terbuka kepada mana-mana syarikat sama ada syarikat-syarikat orang Melayu, syarikat-syarikat Brunei yang ada di sini untuk turut serta memberi perkhidmatan berkenaan asalkan harga itu masih ditetapkan kepada harga yang digunakan pada masa ini.

Mengenai penyediaan peluang-peluang pekerjaan. Pendekatan dari Jabatan Pengangkutan Darat adalah berbeza, bukannya menentukan peraturan-peraturan Buruh. Ini lebih mirip kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh mengenai berapa peratus harusnya orang Brunei dan berapa *local content* dan sebagainya.

Pendekatan Jabatan Pengangkutan Darat untuk menyediakan pekerjaan bagi orang ramai untuk penduduk dan rakyat di Negara Brunei Darussalam ialah dengan usaha untuk meningkatkan lagi sektor pengangkutan awam baik dari segi *land transport*, *sea transport* dan *air transportation*.

Disebabkan sektor ini mempunyai potensi untuk dikembangluaskan, kalau dilihat dari teksi sahaja barangkali banyak peluang pekerjaan dalam jangka 2 tahun ini sahaja boleh kita mengadakan peluang pekerjaan sebanyak 200-300 pekerjaan.

Apabila *bus transportation* itu diadakan nanti, semua pemandu bas baharu ini dikhususkan untuk rakyat Brunei, dan dari ada *spin off*nya seperti mengadakan sekolah-sekolah memandu dan

sebagainya. Kerjaya sebagai pemandu bas itu akan dipanggil sebagai *Captain Bus* dan sebagainya ditinggikan tarafnya.

Semuanya ini akan dikhususkan untuk rakyat Brunei dan jika sekiranya tercapai usaha-usaha ini dalam 2-3 tahun ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ peluang-peluang pekerjaan bagi orang Brunei إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ akan meningkat hingga mencecah ke 1,000 orang. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi mengenai perkara ini, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas penerangan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis yang lalu.

Kaola juga menyokong bajet yang telah diperuntukkan pada Kementerian Perhubungan.

1. Sukacita kaola merujuk di bawah Tajuk SN01A – Kementerian Perhubungan. الْحَمْدُ لله , kerajaan pada masa ini telah mengurangkan beberapa jenis cukai bagi mengurangkan bebanan rakyat seperti mengurangkan peralatan kenderaan dan sebagainya.

2. Maka dalam Dewan yang mulia ini, kaola juga mencadangkan kepada pihak swasta seperti pihak *DST* agar dapat mengurangkan cukai tahunan telefon bimbit (*DST*) dari $25.00 setahun kepada $20.00 setahun bagi meringankan bebanan dan lebih menghargai suara pengguna terutama yang mempunyai banyak tanggungan untuk membayar cukai tersebut;

   Kaola memohon pihak yang berkenaan yang mengeluarkan *Easi Kad* dan sebagainya untuk membuat pembaikan terhadap perkara tersebut dari segi percetakan nombor *top up*nya yang terlalu kecil sehingga golongan warga emas sukar untuk membacanya. Perlu kita ketahui juga penggunaan *Easi Kad* ini bukanlah sahaja terhad kepada golongan muda tetapi semua peringkat termasuk Warga Emas dan ini kaola rasa relevan untuk disuarakan.

3. Kaola merujuk di bawah Tajuk SN04A – Penerbangan Awam. Kaola menyentuh mengenai kadar tambang *Penerbangan Royal Brunei* pada musim cuti persekolahan nampaknya masih tinggi. Maka dengan itu dapatkah pihak *Penerbangan Royal Brunei* menimbangkan untuk membuat kadar tambang murah atau *discount* ke destinasi negar-negara *ASEAN* kepada Warga Emas, Anak-Anak Yatim dan Orang Berkeperluan Khas yang belayar mengikut keluarganya pada musim cuti sekolah.

Dengan adanya tambang istimewa ini dapatlah mereka yang dalam golongan tersebut terutamanya anak-anak yatim yang kurang berkemampuan berpeluang menikmati Penerbangan Royal Brunei dan pihak Penerbangan Royal Brunei berpeluang membuat amal kebajikan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Nampaknya soalan ini lebih berbentuk *commercial decision* pada pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, mengenai cukai telefon bimbit itu, kaola akan serahkan kepada rakan sejawatan kaola dari pihak yang berkenaan untuk mungkin dapat memberi sedikit penerangan mengenai cukai-cukai telefon bimbit yang dikenakan oleh pihak *DST.*

Begitu juga mengenai *Easi Kad* ini akan kaola sampaikan kepada pihak *TelBru* untuk memastikan supaya cetakan nombor-nombor yang terdapat di atas *Easi Kad* itu akan mudah dibaca oleh orang-orang tertentu.

Kadar tambang. Ini juga merupakan satu pertimbangan perniagaan kepada pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, ingin kaola tekankan bahawa pihak *civil aviation authority* juga memantau harga-harga tiket ini untuk memastikan bahawa ia setara dengan harga-harga tiket yang dihulurkan oleh syarikat penerbangan di tempat lain dan memastikan jangan ada satu proses iaitu peperangan harga ataupun *price war* menjadikan pemasaran penerbangan ini terjejas.

Itu sahaja yang kaola maklumkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Ahli Yang Berhormat lain suka untuk menjawab soalan ini ataupun apa. Kalau tidak, kita beralih kepada Ahli Yang Berhormat lain untuk menyoal. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ،وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى اَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ ،وَعَلَى آلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ

Kaola menyokong penuh dengan cadangan dan pembentangan Anggaran Belanjawan Perbekalan 2017 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis yang lalu bagi Kementerian Perhubungan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan beberapa isu dan persoalan, telah pun dibangkitkan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kaola meneruskan bagi ikut sama membangkitkan isu yang sama tetapi dengan masalah yang lain, yang belum disentuh di bawah Tajuk SN02A – Jabatan Laut, iaitu berhubung masa hadapan pengusaha-pengusaha "bot laju" Daerah Temburong jika jalan penghubung sudah digunakan dan "perahu tambang" Sungai Brunei jika jambatan penghubung ke Sungai Kebun juga digunakan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Dalam jangka 2 tahun dari sekarang, pengusaha "bot laju" yang beroperasi dari Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan dan sebaliknya mungkin akan terjejas, kerana sebilangan besar pengguna-pengguna akan beralih menggunakan jalan darat yang lebih mudah, cepat dan senang.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu apakah usaha dan perancangan Kementerian Perhubungan bagi menyambung hayat pengusaha "bot laju" Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan dan juga "perahu tambang" Sungai Brunei. Barangkali ramai daripada mereka ini nanti akan kehilangan pekerjaan sebagai mata pencarian hidup, menyara kehidupan keluarga masing-masing.

Persoalan yang ada hubungannya dengan yang kaola timbulkan ini ialah sukacita juga ingin mengetahui perkembangan peraturan pengangkutan di laut, iaitu adakah sudah di*review*, maksud kaola khususnya mengenai keramaian penumpang pada misalannya daripada 12 orang penumpang kepada lebih penumpang seperti 20/30 penumpang dan seterusnya.

Begitu juga insurans "bot laju" dan "perahu tambang", ini termasuklah juga pengusaha "perahu tambang" ini akan kepatuhan mereka akan undang-undang peraturan yang dikuatkuasakan dan pada ketika ini dan jika sudah ada menilai kaola memohon penjelasan lanjut mengenainya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinannya pada pemaju-pemaju "bot laju" dan "perahu tambang" yang akan menghadapi keadaan yang berubah terutamanya apabila jambatan yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei Muara telah pun siap nanti dan juga jambatan yang menghubung Bandar Seri Begawan dengan Sungai Kebun, itu nanti sudah siap.

Ini memang satu kenyataan yang akan dihadapi dan kaola amat berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat membangkitkan perkara ini. Mungkin jawapannya bukan ada pada abis kaola. Walau bagaimanapun kitani harus fikirkan bahawa dengan adanya jambatan-jambatan tersebut akan lebih banyak peluang pekerjaan dan perdagangan akan lebih terbuka. Ini yang harus kita terangkan dan maklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan, terutamanya pemaju-pemaju "bot laju" dan "perahu tambang" dan juga pemandu-pemandu bot sendiri supaya akan memikirkan untuk berhijrah daripada keadaan sekarang kepada keadaan lain dan untuk menyediakan diri dengan kemahiran yang perlu ada pada diri dalam menghadapi suasana baharu itu.

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa banyak fasiliti-fasiliti yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggalakkan rakyat di negara ini untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dan juga peluang-peluang untuk mempertingkatkan diri dan mendapati kemahiran-kemahiran baharu.

Ini perlu ada kesedaran ini dari awal sebelum lagi jambatan itu siap dan harus kita menerima kenyataan ini bahawa keadaan akan berubah tapi bukan semestinya keadaan itu berubah kepada keadaan yang kurang baik. Peluang-peluang itu akan lebih besar terbuka seperti jawapan kaola tadi kepada Yang Berhormat bahawa salah satu aspek yang akan berubah ialah demografi.

Penduduk akan semakin ramai, akan membuka peluang pelancongan, perdagangan dan pekerjaan. Ini yang kitani harapkan terjadi makanya ada pelaburan dengan jumlah wang yang besar untuk membuka lagi perekonomian di kawasan tersebut إِنْ شَاءَ اللَّهُ . Ini harus kita sambut dengan baik. Bagi yang berkenaan telah juga menyiapkan diri dengan ilmu dengan kemahiran yang baharu untuk menghadapi kenyataan ini.

Mengenai peraturan-peraturan laut. Ingin kaola jelaskan bahawa semua peraturan kapal di laut ini adalah di bawah kawalan *IMO (International Maritime Organization).* Semua kapal-kapal yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam yang menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan tempat-tempat/negara-negara lain dikehendaki untuk mengikuti piawaian yang ada iaitu kapal-kapal berkenaan mengikut saiznya hendaklah mesti ada *seaworthy,* dengan mengikut saiznya itu berapa boleh dibenarkan untuk memuatkan penumpang atau menjejaskan berat kapal berkenaan.

Semua ini bukannya kita membuat keputusan menambah penumpang begitu sahaja tetapi berasaskan kepada piawaian yang ditetapkan oleh *International Maritime Organization (IMO).*

Dalam pada itu, apa yang kaola terangkan tadi perlunya Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan *domestic classification* sendiri. Itu sahaja yang difikirkan untuk menggalakkan perairan Sungai Brunei ini untuk dipermajukan lagi dengan menggunakan *classification domestic* yang dikhususkan untuk Negara Brunei Darussalam sahaja.

Nanti dapat kita menimbangkan mana bot-bot yang ingin diubah suai, dibesarkan, dikecilkan dan sebagainya sama ada ia sesuai boleh menepati kehendak-kehendak *seaworthiness*, dapat kitani menentukan nanti.

Proses untuk mengadakan *domestic classification* ini, Jabatan Laut akan menggunakan khidmat nasihat dari pihak-pihak konsultan yang tertentu dan boleh memberikan perkhidmatan tersebut. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang ingin kaola terangkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola bercakap di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan. Berdasarkan Pertunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan Pengangkutan Darat iaitu jumlah Perkhidmatan JPD secara *online* aplikasi mudah alih dan mesin automatik bukan kaunter dengan angka sebenar bagi tahun 2015/2016 berjumlah 13,365 dan menunjukkan peningkatan sebanyak 3,365 dari jumlah anggaran sebanyak 10,000. Perkembangan ini bolehlah dinilai bahawa sistem ini telah pun mendapat sambutan yang terbaik dari orang ramai dan jumlah ini dijangka meningkat dari semasa ke semasa. Kaola mengucapkan syabas atas usaha Jabatan Pengangkutan Darat ke arah memberikan kemudahan ini kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin mencadangkan agar sistem ini dapat diperluaskan perkhidmatannya dari semua aspek seperti:

1. Meningkatkan sistem keselamatan, menyimpan data peribadi, dokumen sistematik pengguna bagi memberikan keyakinan kepada pihak orang ramai.

2. Menyediakan urusan atas talian yang serba lengkap termasuklah peralatan penghantaran pintu ke pintu bagi cukai jalan dan lesen memandu melalui perkhidmatan pos laju (*EMS*).

3. Yang Berhormat Pengerusi. Selain itu kaola juga ingin mengetahui berkenaan dengan penyataan aduan *MTLA 123* yang terdapat di kenderaan komersial seperti lori, bas, kereta sewa dan kereta syarikat.

   i. Mengikut catatan Jabatan Pengangkutan Darat sejauh manakah keberkesanan aduan ini diguna pakai oleh orang ramai dan apakah jenis-jenis aduan yang kerap dikemukakan terhadap kenderaan tersebut? dan

   ii. Apakah tindakan susulan dan proses yang diambil bagi menangani aduan-aduan ini?

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. وبالله التوفيق والهداية اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab dahulu soalan yang terakhir. Perkara itu kaola terangkan sudah mengenai kesan-kesannya ataupun aduan-aduan yang telah diterima seperti yang kaola nyatakan tadi bahawa semua aduan-aduan itu telah diambil tindakan.

Salah satu proses yang telah dilaksanakan ialah untuk memanggil kenderaan dan pemandu-pemandu

berkenaan untuk datang ke Jabatan Pengangkutan Darat. Untuk memastikan lebih dahulu dan membuat pengakuan sama ada kesalahan-kesalahan itu benar dan sebagainya.

Selepas itu, tindakan-tindakan yang bersesuaian akan diambil seperti kompaun yang diputuskan kepada yang berkenaan. Dalam apa juga keadaan adalah penting bahawa pihak yang terlibat itu betul-betul mengakui akan kesalahan yang berlaku itu.

Mengenai penggunaan sistem *online* ini merupakan salah satu usaha yang diungkayahkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengurangkan kedatangan orang ramai ke Jabatan Pengangkutan Darat. Pernah sekali keramaian orang yang berkunjung di Jabatan Pengangkutan Darat sampai di luar bangunan beratur dan ada yang datang seawal-awalnya sampai pukul 6 pagi. Makanya diadakan sistem *online* itu. Banyak tatacara telah dipermudahkan.

Apa yang abis kaola ingin harapkan ialah kalau boleh jangantah lagi datang ke Jabatan Pengangkutan Darat. Gunakanlah *ICT* dan komputer untuk memperbaharui cukai jalan itu. Memang jadi harapan nanti untuk menggunakan Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menyampaikan cukai jalan dan sambil itu memastikan bahawa alamat-alamat orang yang berkenaan adalah tepat dapat disahkan dan bukannya alamat-alamat palsu.

Penggunaan *ICT* dan *online registration* ini akan diperkembangluaskan. Malahan baru-baru ini abis kaola memikirkan kalau boleh kaunter ditiadakan dan yang ada hanyalah *desktop* sahaja untuk orang ramai terus menghampiri komputer. Satu masa mereka tidak perlu lagi ke Jabatan Pengangkutan Awam hanya di rumah, tempat kerja sudah membuat proses permohonan pembaharuan cukai jalan.

Itu saja yang abis kaola harapkan. Tidak lagi ada kaunter yang ada kaunter hanya untuk menerima pembayaran sahaja.

Sehinggakan satu masa penerimaan pembayaran pembaharuan lesen ini boleh dilaksanakan melalui syarikat-syarikat insurans iaitu pembaharuan lesen dan juga keperluan untuk mengadakan insurans tidak dapat dipisahkan. Jadinya mungkin sekali jalan ke syarikat insurans sahaja sudah dapat dilaksanakan semua. Perkara itu sedang difikirkan dan sedang diusahakan bergantung pada persetujuan dari pihak berkenaan untuk melaksanakan idea itu.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pengangkutan Darat ketika ini ingin mempertingkatkan lagi sistem *SPD* yang ada kepada satu *management* sistem. Perkara ini penting, bagi abis kaola memikirkan bahawa seperti yang kaola terangkan banyak kenderaan yang berdaftar di negara ini gagal untuk memperbaharui lesen kenderaan mereka sama ada yang mencapai 70,000.00 lebih. Kurang pasti sama ada kereta-kereta ini sudah dilupuskan, dihapuskan ataupun tidak lagi ada.

Belum dapat dipastikan, melainkan dengan cara ada *ICT* secara automatik ia mengeluarkan peringatan saja ataupun terus mengeluarkan kompaun kalau sekiranya tidak diperbaharui kenderaan tersebut. Itu memudahkan cara di Jabatan Pengakutan Darat dengan adanya sistem *ICT (Management system)*. Kegagalan untuk membayar cukai jalan dan sebagainya secara otomatik terus dikeluarkan amaran dan kompaun.

Itu sahaja yang dapat kaola terangkan mudah-mudahan kedua-dua itu dapat menjawab apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ
اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Kaola akan menyentuh di bawah Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Dalam kehidupan seharian ini selain dari kita beramal soleh kita juga perlu mendapatkan hiburan yang seimbang bagi melepaskan penat lelah dan stres atas beban yang memikul tanggungjawab kerja atau selepas menghadiri mesyuarat misalannya dengan bermacam-macam cara iaitu satu daripadanya ialah dengan menonton televisyen sama ada rancangan tempatan mahupun luar negeri yang menggunakan *parabola*.

   Bercakap mengenai *parabola* masih adakah usaha mengutip bayaran penggunaan *parabola* yang diperkenalkan oleh Kementerian Perhubungan beberapa tahun yang lalu untuk perkhidmatan siaran televisyen di negara ini. Jika masih ada ke manakah kutipan disalurkan dan adakah kepada kerajaan atau kepada pengendali satelit dan berapa jumlah pengguna ataupun pelanggan yang terkumpul sejauh ini?; dan

2. Apakah ada usaha-usaha dan perancangan Kementerian Perhubungan untuk membukakan penambahan *provider* telefon *internet* dari yang ada pada masa ini. Seandainya ada penambahan *provider* tentunya dapat menciptakan persaingan yang hebat dan menarik dari segi harga dan pakej yang ditawarkan. Harga *internet* di Brunei jauh lebih tinggi jika dibandingkan negara-negara lain termasuk negara tetangga kita.

Kemudian kaola merujuk di bawah Tajuk SN02A - Jabatan Laut. Pada zaman dahulu kala laut ataupun perairan dijadikan sebagai laluan untuk perhubungan sebelum tercipta pesawat kapal terbang. Laut juga adalah tempat mencari sumber rezeki seperti

menangkap ikan, udang, kerang-kerangan dan lain-lain lagi. Untuk itu kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatannya.

Sehubungan dengan itu, apakah bentuk usaha Kementerian Perhubungan khususnya Jabatan Laut untuk mengawal dan memastikan perairan di negara ini tidak dicerobohi oleh pendatang-pendatang haram, nelayan ataupun penangkap ikan secara haram serta penyeludupan tenaga kerja secara haram melalui perairan. Kemudian kaola merujuk di bawah Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos. Setakat ini berapa buah negara yang mempunyai perjanjian pos laju dengan Negara Brunei Darussalam? Bagaimanakah dengan perkhidmatan ini? Adakah mendatangkan keuntungan atau meningkatkan kos operasi?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang begitu menarik.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memohon penangguhan sedikit untuk menjawab soalan yang berhubung dengan *parabola* sebab Yang Berhormat menghendaki data-data mengenai kumpulan pengutipan bayaran dan juga keramaian pelanggan yang memakai *parabola* di Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai *service provider telephone and internet* telefon ini, satu perkara yang harus kita maklumi ialah di Negara Brunei Darussalam ini penduduknya cuma 420,000 orang lebih Yang Berhormat Pengerusi. Kita masa ini sudah ada 3 *service providers* iaitu *TelBru, DST* dan *PCSB.*

Kalau di negara lain seperti Singapura dengan penduduknya yang seramai hampir 7 juta itu keramaian *service provide*nya pun kurang lebih sama. Kalau tidak pun 4 atau 5 saja. Jadinya dari segi *competition* itu memang sudah ada dengan adanya ketiga-tiga *service provider* itu sudah ada persaingan harga dan juga produk yang akan diberikan sehingga sekarang ini kita lihat perkembangannya.

Dari pandangan abiskaola sendiri dan juga menjawab soalan dari Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad tadi mengenai perkara yang sama. Di tempat lain mengamalkan sistem pasaran bukannya pasaran terbuka bukannya sistem *laissez faire* ataupun *free market* yang semua orang yang ingin menggunakan perkhidmatan itu dibiarkan saja macam itu. Yang boleh menjejaskan ataupun memulakan *price war* ini seperti yang pernah berlaku semasa *B.mobile*. Maka adalah wajar bagi kita untuk memastikan bahawa kita mempunyai sukat-sukat tertentu.

Seperti yang kaola terangkan pada masa mukadimah pada Khamis lalu, kalau kita mengikut sukat-sukat yang ditetapkan oleh *International Telecommunication Union (ITU)* iaitu mengikut *average* di bawah 5% daripada *average salary* di negara ini kita sudah jauh lebih

rendah dari sukat-sukat itu. Tetapi kalau kita menggunakan sukat-sukat dari negara *ASEAN* banyak faktor yang harus kita ambil kira sebagai contoh jumlah penduduk yang ada di negara itu, *cost of living, economies of scale* dan sebagainya harus diambil kira yang menyebabkan perkara-perkara ini barangkali di tempat lain jauh lebih murah dari Negara Brunei Darussalam. Makanya ada perbezaan harga tapi mengikut sukat-sukat yang digunakan oleh *ITU,* kita الْحَمْدُ لله dalam keadaan yang selesa.

Mengenai Jabatan Laut. Mengenai aktiviti-aktiviti haram *(illegal fishing activities).* Perkara ini di bawah tanggungjawab Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Kaola akan merujuk perkara ini kepada pihak yang berkenaan untuk memberi penerangan lanjut mengenai operasi-operasi yang dilaksanakan di pesisiran pantai dan penubuhan *Maritime Coordination Center* untuk memastikan aktiviti-aktiviti ini dapat dikekang.

Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos. Sebenarnya Perkhidmatan Pos Laju di Negara Brunei Darussalam kita mengikut kehendak ataupun persetujuan di bawah *Universal Postal Union (UPU)* iaitu penghantaran surat ini ada perjanjian berapa kita hantar ke luar, apa kita dapat apabila kita menghantar persuratan dan bungkusan itu dan juga bungkusan yang kita terima dalam negara ini ada sudah kuotanya dan ini melibatkan semua ahli negara *UPU.* Pendapatan itu kita ambil daripada perkiraan dari *UPU,* berapa yang sudah dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam, berapa yang diterima dan perkiraannya seperti import dan eksport juga.

Jadinya ia tidak berasaskan kepada *billateral arrangement* tetapi ia berasaskan kepada *multilateral arrangement* di bawah *Universal Postal Union (UPU).* Di sanalah kita mendapatkan perkhidmatan itu.

Sebenarnya kuota yang diberi untuk Negara Brunei Darussalam adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang dapat kita buat dari seri penghantaran dan penerimaan surat sehinggakan ada negara-negara yang kita beri kuota itu untuk mereka menghantar persuratan mereka. Mungkin *arrangement* ini terpaksa direviu memandangkan penghantaran ini menggunakan nama Negara Brunei Darussalam walaupun persuratan itu diedarkan ke negara-negara lain. Tetapi ada kebaikannya kita membenarkan negara lain menggunakan kuota kita sebab pendapatan itu juga dikongsikan dengan Negara Brunei Darussalam.

Itu saja yang ingin kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu sukacita merakamkan dengan tulus ikhlas ucapan setinggi-tinggi penghargaan atas mukadimah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan kaola sukacita memberikan sokongan sepenuhnya atas pembentangan Peruntukan Pelan Strategik Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita ingin merujuk di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Yang Berhormat Pengerusi, visi Jabatan Pengangkutan Darat berbunyi:- *'Pengangkutan Darat Yang Cekap, Berkesan, Selamat dan Bersepadu'.*

Maka kaola dengan penuh yakin bahawa Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) إِنْ شَاءَ اللهُ akan menuju ke arah peningkatan sektor industri pengangkutan darat kepada menjana perkembangan ekonomi negara.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam meningkatkan usaha-usaha dan hala tuju yang disebutkan di atas, kaola fikir pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) juga akan membuat langkah-langkah meningkatkan kesedaran pihak pemandu dan akur pada peraturan serta menanamkan sikap menghormati antara satu dengan yang lain.

Kaola ingin mengemukakan langkah-langkah lebih lanjut serta usaha-usaha bagi Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) membuat sesuatu untuk mencapai hasrat melalui visi JPD di samping akan menggubal undang-undang lalu lintas seperti yang dimukadimahkan demi mengangkat lebih tinggi lagi imej negara khusus dalam sektor industri pengangkutan darat.

Kaola ingin menghadapkan persoalan Yang Berhormat Pengerusi. Di daerah-daerah di Negara Brunei Darussalam terutama juga di Daerah Belait, terdapat beberapa buah kilang papan yang kayu balak dibekalkan melalui pengambilan balak dari hutan pembalakan di mukim-mukim pedalaman di Daerah Belait, yang menjadi masalah ialah kenderaan berat yang membawa kayu balak ini membuat pengangkutan yang berlebihan sehingga jalan-jalan di pedalaman seperti Jalan Bukit Sawat, Merangking sehingga jalan menuju ke Buau dan Sukang mengalami kerosakan dan menjadi masalah kepada pengguna jalan raya di kampung berkenaan.

Walaupun sudah ada perbincangan bersama pengurus-pengurus balak dan wakil-wakilnya di peringkat Daerah Belait bersama Pegawai Daerah dan lain-lain supaya memberikan kerjasama memelihara jalan tersebut di samping itu supaya pemandu-pemandu trak membawa balak tidak melebihi had ketinggian di dalam trak yang sukat-sukatnya dihadkan dan dipasang oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Hal ini itu diabaikan dan malah dicabut kerana mengganggu ketinggian muatan balak yang mereka bawa tanpa mengikut had peraturan Jabatan Pengangkutan Darat.

Oleh yang demikian, pihak masyarakat kampung mohon langkah-langkah penyelesaian selanjutnya. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat mengenai dengan maklumat tindak laku trak-trak kenderaan berat yang mengangkut kayu balak di kawasan yang dinyatakan. إِنْ شَاءَ اللهُ Perkara ini akan kaola akan tunduki bagi memastikan tatacara yang perlu diambil terutama menghendaki syarikat-syarikat yang berkenaan untuk membuat pengisytiharan bahawa syarikat-syarikat berkenaan mempunyai had berat yang tertentu dan membuat *declaration* bahawa kenderaan itu hanya membawa muatan mengikut kemampuan kenderaan berkenaan iaitu *exceed load* yang terdapat di kenderaan berkenaan. Perkara ini akan kaola tunduki Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah Yang Berhormat.

Kaola ingin menyusul soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai berbasikal. Isu yang kaola hendak bangkitkan adalah mengenai kemalangan berbasikal *(cycling accident)*.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita dapat lihat peningkatan pengguna basikal dengan peningkatan pengguna basikal, kes-kes kemalangan berbasikal juga meningkat.

Statistik yang kaola dapat dari Laman Web Jabatan Pengangkutan Darat Kementerian Perhubungan pada September 2015 terdapat 8 kes kemalangan berbasikal. Kaola tidak ada statistik untuk berbasikal pada tahun 2016 cuma dinyatakan di laman web setakat Mei ada 6 nyawa yang terkorban dari kemalangan jalan raya dan ini juga termasuk kemalangan *cyclist.* Jadi statistik bagi kemalangan berbasikal tidak ada bagi tahun 2016.

الْحَمْدُ لله berkat usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ke arah mengurangkan kemalangan jalan raya dari pihak Kementerian Perhubungan telah berjaya menurunkan kadar kematian kemalangan jalan raya. Tetapi ini lebih fokus kepada kemalangan yang berkaitan dengan kereta. Buku *Save and Smart Driving* dikeluarkan pada Januari 2015 oleh Kementerian Perhubungan memainkan peranan besar.

Saya difahamkan pada tahun 2015 ada beberapa program yang telah dilaksanakan termasuk *cycling clinic*

untuk mengajar masyarakat tentang etika-etika semasa berbasikal di jalan raya.

Soalan kaola adakah ia masih dilaksanakan kerana semenjak kebelakangan ini senaman berbasikal ini sudah menjadi popular dalam kalangan masyarakat dan apakah usaha-usaha yang dibuat terhadap pengurangan bilangan kemalangan berbasikal ini.

Kaola ingin mencadangkan agar garis panduan berbasikal ini boleh dimasukkan dalam kurikulum kelas lesen memandu serta semasa menjalankan latihan semasa memandu secara praktikal seperti contoh mengajar sejauh mana jarak yang harus diberi ketika memotong pemandu basikal kerana dalam *Save and Smart Driving Brunei Darussalam Book* tidak dinyatakan kadar jaraknya. Dengan cara ini pemandu-pemandu kereta boleh melihat dan memahami sendiri akan kepentingan etika-etika ini.

Cadangan kedua ialah untuk mengadakan papan-papan tanda di atas jalan raya terutama di lebuh raya dan jalan raya yang mempunyai banyak pemandu berbasikal dan memberi kesedaran kepada pemandu tentang jarak yang sesuai antara pemandu kereta dengan pemandu basikal.

Seterusnya kaola ingin menyentuh di bawah Tajuk SN06A- Jabatan Perkhidmatan Pos. Masa sudah tentu berubah dan peningkatan pesat dalam komunikasi dalam elektronik pasti bermakna pengurangan dalam bilangan penggunaan persuratan secara tradisional. Maka segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos hendaklah direviu semula secara menyeluruh.

Jika dilihat perkhidmatan pos di negeri jiran mereka telah mengurangkan pergantungan perkhidmatan pos tradisional dan *embrace* pertumbuhan e-dagang dan berkongsi dengan syarikat-syarikat besar sebagai rakan strategik. Berdasarkan dari kajian *South East Asia* akan menjadi dunia yang paling pesat bagi perdagangan e-dagang. Pihak kementerian hendaklah mengambil tindakan cepat seperti Yang Berhormat menyebut dalam mukadimah berkarih, berjarih dan belurih.

Kalau dilihat dari *business strategi post office* juga dapat menyediakan penyelesaian perniagaan iaitu *to provide business solution* seperti *e-commerce solution, logistic solution, mail solution, marketing solution* serta dapat dijadikan *knowledge center* terutama sekali untuk mendapatkan makluman mengenai pertumbuhan e-pasaran perdagangan dan potensi di sebuah negeri. Pos Ofis hendaklah mara ke hadapan *transform for tomorrow.*

Tahun lepas di Dewan yang mulia ini ada disentuh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tentang penutupan 3 cawangan Jabatan Perkhidmatan Pos yang tidak mendatangkan hasil dibandingkan dengan *operational cost* yang tinggi, apakah statusnya cawangan-cawangan ini? Seperti mana

yang telah kaola tekankan mengenai perpustakaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kaola juga ingin menekankan mengenai dengan *list of operator TPP* bagi aset di bawah Pos Ofis Kementerian Perhubungan iaitu sebanyak 23 buah pos ofis di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Apakah langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh pihak kementerian? Sekian disampaikan, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengemukakan 2 soalan iaitu:-

1. Mengenai keselamatan penunggang basikal di Negara Brunei Darussalam, khususnya memandangkan bahawa kegemaran menunggang basikal semakin meningkat di negara ini; dan

2. Mengenai perkembangan Pejabat Pos dalam suasana yang perkhidmatan pos semakin hebat persaingannya.

Mengenai keselamatan penunggang basikal, إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini merupakan usaha yang berterusan dan nampaknya sejak Program Bandarku Ceria diadakan, minat untuk menunggang basikal ini semakin meningkat.

Seperti yang diterangkan awal-awal tadi, Yang Berhormat Pengerusi, idea untuk menggunakan basikal sebagai *alternative transportation* untuk ke tempat bekerja telah dibangkitkan dan kaola sendiri merasa perkara ini harus diambil dengan cara berhati-hati memandangkan kepada infrastruktur dan sistem lalu lintas yang ada di negara ini belum menumpukan perhatian kepada pengguna-pengguna basikal dan sedang dalam perangkaan selaras dengan usaha Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan perkhidmatan bas di negara ini.

Kaola setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat tadi, tentang beberapa usaha yang boleh diambil untuk meningkatkan keselamatan di jalan raya seperti yang kaola terangkan, pada masa ini Jabatan Pengangkutan Darat sedang berusaha untuk melancarkan Kempen *Sharing The Roads* untuk menerangkan kepada orang ramai mengenai peranan berbasikal dan juga peranan pemandu-pemandu kenderaan di jalan raya, bagaimana mereka akan dapat memainkan peranan masing-masing untuk memastikan keselamatan kedua belah pihak. Idea untuk mencadangkan papan tanda dan memasukkan garis panduan mengenai *bicycle safety* dalam lesen memandu merupakan satu cadangan yang baik perkara itu akan dilaksanakan.

Mengenai Pejabat Perkhidmatan Pos. Terima kasih atas cadangan yang diberikan. Ini merupakan satu isu yang sangat mencabar bagi Kementerian Perhubungan memandangkan kepada penjualan setem dan menurunnya penghantaran surat-surat di negara ini. Namun demikian, ada *trend* baharu iaitu penghantaran bungkusan juga meningkat dan *e-commerce* sistem

penjualan *online* juga meningkat. Dalam keadaan ini, sejak beberapa tahun dahulu pun, Kementerian Perhubungan menyedari mengenai *trend* ini, maka telah dibangunkan satu bangunan Pejabat Pos baharu yang agak besar di Mumong dan menyediakan infrastruktur untuk memberikan fasiliti penghantaran bungkusan-bungkusan dari sana sebagai fasiliti untuk *e-commerce*.

Ini bergantung juga pada pihak *private sectors*, sejauh mana mereka ingin menjual barangan mereka itu melalui *online* dan sejauh mana Jabatan Perkhidmatan Pos boleh memberikan kemudahan-kemudahan penghantaran kepada penjual-penjual berkenaan, maka ia menjadi satu cabaran kepada Jabatan Perkhidmatan Pos seperti:-

1. Memastikan bahawa operasi Jabatan Perkhidmatan Pos ialah *cost effective*. Ini melibatkan penutupan beberapa buah cawangan dan kalau tidak silap, yang disebutkan tadi melibatkan satu cawangan di Kiulap, di *Mall* dan juga di *BSP*. Ketiga-tiga tempat ini telah pun ditutup dan tanpa mendatangkan sebarang kesan kepada pihak pengguna atau pihak yang menerima perkhidmatan tersebut.

   Ada beberapa tempat lagi fasiliti yang ada kepunyaan Pejabat Pos sendiri digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti di Pejabat Pos di Lumut, ditempatkan sebuah perpustakaan dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan di Daerah Kuala Belait akan dicantumkan dengan Jabatan Pengangkutan Darat dan kawasan yang tersedia untuk keperluan *e-commerce*, masih ada di daerah tersebut. Mana-mana pihak yang ingin menggunakan perkhidmatan pos untuk melancarkan penjualan *online* dapat menggunakan fasiliti berkenaan.

   Pada keseluruhannya, kita memang peka mengenai perkembangan ini, Yang Berhormat Pengerusi. Satu lagi yang harus ada ialah mengenai *payment system*. Perkara ini telah pun dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya diadakan satu sistem pembayaran terutamanya untuk pembelian barang-barang dari Negara Brunei Darussalam untuk memudahkan pihak-pihak dari luar negara untuk membuat pembayaran ke negara ini. Tetapi bagi pembelian barangan dari luar negara, itu sudah mudah melalui *payment gateway* yang disediakan. *Payment gateway* untuk pembelian dari Negara Brunei Darussalam telah pun difikirkan terutama sekali melibatkan bank-bank tertentu di negara ini.

Itu sahaja yang dapat kaola terangkan, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, terima kasih atas mukadimah dan segala keterangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perhubungan yang baru melancarkan pelan *Blueprint for Vision 2035 - Sustainable and Inclusive Land Transport System for Brunei Darussalam,* dan juga pengakuan yang jujur tentang cabaran-cabaran yang dihadapi terhadap sistem pengangkutan masa kini. Menambah dengan kadar *population growth rate* yang makin rendah, kita tahu bahawa ia akan mengambil masa yang lama sehingga kita mempunyai penduduk yang ramai diperlukan untuk *economies of scale* atau *economic sustainability*.

Di tengah-tengah cabaran itu dan kemampanan ekonomi, mungkin kita perlu memikirkan untuk meluaskan *service* sistem pengangkutan untuk pergi di luar sempadan negara, untuk kemampanan ekonomi yang lebih baik, seperti juga negara ini ingin di bawah tujuan *Connectivity Blueprint BIMP-EAGA*.

Bayangkan jika pada masa akan datang, terdapat kemungkinan infrastruktur *railway* seperti contoh dari Kimanis, Sabah melalui Negara Brunei Darussalam sehingga ke Bintulu, Sarawak. Senarai seperti ini mungkin dijalankan dengan perjanjian rentas sempadan dua hala antara negara. Sebagai contoh kos analisis yang amat *simplistic*, senarai infrastruktur *railway* dari bandar-bandar ini dengan *population coverage* dalam 3 juta hingga ke 4 juta penduduk. Jarak bandar tersebut dalam 650 kilometer dengan anggaran kos pelaburan dalam $6.5 bilion.

Jika terdapat purata bilangan penumpang hanya 1.5 juta pengguna dari penduduk kawasan pengangkutan ini dan kos perjalanan adalah $5.00 setiap kali perjalanan dan setiap pengguna memakai kemudahan ini dalam 20 kali perjalanan sebulan, akan menjana pendapatan sebanyak $150 juta sebulan. Ini bermakna ada harapan untuk jumlah kos pelaburan dibalikkan dengan waktu yang *commercially viable*.

Kaola ingin bertanya, jikalau dari dasar Kementerian Perhubungan, dapatkah kemungkinan tersebut dibincangkan atau dikaji? Namun apa-apa kemungkinan itu memerlukan usaha dan semangat yang luar dari Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, apa yang kaola telah nyatakan ini diharap boleh dijadikan sebagai satu kemungkinan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai satu pandangan yang begitu jauh terhadap pembangunan sistem pengangkutan di Negara Brunei Darussalam dan menghubungkan negara ini dengan negara jiran dengan sistem pengangkutan yang lebih matang.

Dari segi pengangkutan bas, kita melihat dari segi bagaimana perkhidmatan bas ini bukan sahaja memberi kemudahan untuk mereka yang memerlukan sebagai alternatif *transportation* di negara ini, kita juga melihat bagaimana sistem itu boleh *sustainable* pada masa akan datang dan bagaimana sektor industri pengangkutan dapat dipermajukan. Semua ini akan bersandar kepada *the rider ship* yang ada ketika ini, dan *rider ship* bagi bas di Negara Brunei Darussalam sudah hampir mencapai 1.9 juta dan bayangkan ini baharu penggunanya adalah merupakan pekerja-pekerja asing yang terpaksa turun naik 2 ke 3 kali dalam sehari ataupun barangkali dalam seminggu untuk menyara penghidupan mereka.

Tapi kalau kita mempunyai satu sistem yang lebih efisien, yang *reliable connectivity*nya ke tempat-tempat yang penting dan mustahak itu إِنْ شَاءَ اللَّهُ peningkatan *rider ship* dalam jangkaan Kementerian Perhubungan akan lebih meningkat ke 2 atau 3 kali ganda. Dalam pemikiran Kementerian Perhubungan *sustainablitiy*nya, sistem pengangkutan yang dirancang ketika ini, kalau sekiranya mencapai kepada lebih 3.5 juta *rider ship* itu إِنْ شَاءَ اللَّهُ walaupun ia *break even* kita mempunyai sistem yang berkesan, efisien dan الْحَمْدُ لله kita akan dapat berusaha kepada memastikan bahawa sistem pengangkutan Negara Brunei Darussalam adalah satu yang *sustainable* yang dapat didukung oleh kerajaan sendiri.

Commuter Behaviour di negara ini, ia merupakan satu perkara yang dirancang untuk dikaji iaitu sudah banyak pergerakan manusia antara daerah dari Daerah Belait ke Seria, dari Seria ke Tutong, dari Tutong ke Jerudong, dari Jerudong ke Bandar Seri Begawan, dari Bandar Seri Begawan ke Muara dan dalam masa yang terdekat dari Bandar Seri Begawan ke Mentiri, dari Mentiri ke Daerah Temburong dan sebagainya sehingga melimpasi Daerah Temburong.

Ini merupakan satu *potential* bagi kita untuk meningkatkan sistem pengangkutan di negara ini, inilah cadangan-cadangan untuk menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara lain melalui *transportation* yang *multi modal,* sama ada dengan kereta, bas, feri dan sebagainya. Ini salah satu jua visi yang telah dicadangkan di peringkat *BIMP EAGA* yang melibatkan Sarawak, Brunei, Sabah, Palawan dan sebagainya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya pergerakan manusia ini, *as they develop over the years* barangkali ia akan membuka peluang untuk kita mengadakan perkhidmatan *commuter, commuter services*, mungkin masa peringkat awal ini kita sediakan bas dan pada masa akan datang mungkin yang lebih canggih yang boleh membawa lebih ramai penumpang untuk membawa penumpang-penumpang dari Kuala Belait, Seria ke Lumut, Tutong, Lumut ke Tutong dan sebagainya. Mudah-

mudahan dengan ada kajian itu ada memberikan galakan untuk kita barangkali satu masa untuk memikirkan sistem pengangkutan yang lebih efisien.

Akhirnya inilah harapan Jabatan Pengangkutan Darat untuk lebih menumpukan perhatian kepada Sistem Pengangkutan Awam bukannya Sistem Pengangkutan Persendirian. Sistem Pengangkutan Persendirian itu kalau boleh *as simple as possible*, beli kereta *you pay every year you comply to the regulations* itu tidak berapa mengambil masa ataupun *resources* dari Jabatan Pengangkutan Darat.

Tapi kita mahu lebih menumpukan kepada pengangkutan awam sebagai satu sektor yang dapat kita galakan pada masa akan datang sebagai sumber pendapatan negara ini dan mudah-mudahan dengan adanya visi Yang Berhormat itu, dengan adanya keperluan untuk mencari peluang pekerjaan dan perdagangan dari satu tempat yang jauh ke satu tempat yang lain dan pergerakan manusia itu semakin meningkat sudah masanya untuk kita memikirkan sejauh mana kita harus mengadakan sistem yang lebih canggih. Tapi yang penting yang harus kita tekankan ialah *sustainability. Sustainability* itu hanya akan dapat dicapai dengan adanya sistem yang *reliable* yang ada *connectivity* menuju ke tempat-tempat yang penting untuk berjual beli untuk menyara penghidupan dan sebagainya, bukannya sistem dari satu daerah ke satu daerah sahaja tidak mencapai ke tempat-tempat yang dituju. Itu, makanya ditekankan perlu ada *connectivity* dan perlu ada *reliability* untuk memajukan sektor pengangkutan awam. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar penjelasan-penjelasan dan keterangan-keterangan yang begitu cukup jelas yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dalam menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya kita telah pun berbincang hampir sehari suntuk mengenai Belanjawan Kementerian Perhubungan ini.

Maka saya kira ada baiknya Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya ini sekarang kita undi sama ada diluluskan ataupun sebaliknya. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya semua bersetuju dan tidak ada orang menentang, maka Belanjawan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan

sebahagian daripada Jadual. Tajuk SP01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini sekarang membincangkan Tajuk SP01A - Kemajuan. Walau bagaimanapun, sebelum saya membuka Tajuk SP01A - Kemajuan ini untuk dibahaskan, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ingin menyampaikan penerangan pendahuluannya ataupun mukadimahnya tentang Belanjawan Kemajuan yang telah disediakan ini. Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 merupakan Rancangan Kemajuan Negara yang kedua yang digubal berasaskan kepada matlamat Wawasan Brunei 2035.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ melalui pelaksanaan Program dan Projek RKN ini beberapa asas infrastruktur dan kemudahan telah dilaksanakan bagi mendukung dasar pelbagaian ekonomi dan sumber hasil negara. Ia bukan sahaja membuka ruang bagi perkembangan sektor swasta termasuk perusahaan mikro kecil dan sederhana dan dapat mendukung inisiatif *Ease Of Doing Business (EODB)* bahkan juga kita dapat melihat perubahan minda yang amat membanggakan dengan kewujudan usahawan-usahawan baharu di kalangan belia-belia tempatan yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang menyumbang kepada perkembangan aktiviti perekonomian negara.

Perlaksanaan projek-projek RKN juga telah mendapat sokongan yang berterusan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RKN10 yang telah berangkat mengadakan lawatan ke tapak-tapak projek RKN dari semasa ke semasa bagi meninjau secara dekat dan memastikan pelaksanaan projek-projek di bawah RKN berjalan dengan lancar dan teratur menurut perancangan waktu, peruntukan serta keutamaan-keutamaan yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti mana jua penerangan yang pernah kaola sampaikan semasa pembentangan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018 beberapa hari yang lepas dengan mengambil kira prospek ekonomi global yang sukar dijangkakan, Perbelanjaan RKN bagi Tahun Kewangan 2017/2018 dirangka bagi mendukung fokus dan keutamaan belanjawan berdasarkan tema belanjawan iaitu "Belanjawan Seimbang bagi mendukung pertumbuhan ekonomi yang mampan *(sustainable)* .

Pengagihan peruntukan ditumpukan kepada komitmen projek-projek yang telah siap tetapi masih ada tanggungan dan projek dalam perlaksanaan. Manakala projek-projek yang dalam proses tawaran, reka bentuk dan perancangan hanya diberikan keutamaan kepada yang mendukung fokus Belanjawan Negara. Mengambil kira keutamaan-keutamaan dan fokus belanjawan yang telah ditetapkan, anggaran Perbelanjaan Kemajuan bagi Rancangan Kemajuan Negara 2017/2018 dicadangkan keseluruhannya sebanyak $1,000 juta. Dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Projek-projek siap disediakan peruntukan sebanyak $248,146,872.00 (24.8%);

2. Projek dalam pelaksanaan disediakan sebanyak $734,362,528.00 (73.4%); dan

3. Manakala projek dalam peringkat tawaran; projek dalam reka bentuk dan projek yang masih dalam perancangan akan disediakan sebanyak kira-kira 1.7% dari keseluruhan peruntukan.

Secara keseluruhannya pengagihan peruntukan mengikut beberapa sektor utama adalah seperti berikut:-

1. Sektor pengangkutan dan perhubungan disediakan peruntukan terbesar sebanyak 37.6%;

2. Sektor Rampaian iaitu bagi membiayai perbelanjaan projek-projek yang sudah siap tetapi mempunyai tanggungan disediakan sebanyak 24.8%;

3. Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak 19.0%;

4. Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan sebanyak $98,058,000.00 (9.8%);

5. Sektor Penggunaan Awam diperuntukkan sejumlah 6.4%;

6. Sektor Sains & Teknologi Maklumat, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi diperuntukkan sebanyak 1.0%;

7. Sektor Keselamatan pula disediakan sejumlah $10,400,000 atapun 1%; dan

8. Sektor Bangunan Awam pula disediakan sejumlah 0.3%.

Sebagai perkongsian maklumat sahaja, kaola ingin memaklumkan bahawa dari 567 projek atau program yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, 416 projek ataupun 73.5% telah siap, 75 projek atau 13.2% sedang dalam perlaksanaan, 41 projek ataupun 7.2% dalam tawaran. Manakala 35 projek ataupun 6% masih di peringkat reka bentuk dan perancangan.

Sehingga 28 Februari 2017, perbelanjaan sebenar RKN 2016/2017 berjumlah $631.98 juta iaitu 90.3% dari peruntukan asal $700 juta yang telah disediakan.

Jumlah ini menjadikan Perbelanjaan RKN 10 setakat ini sebanyak $5,337.16 juta.

Bagi memastikan projek-projek RKN dilaksanakan mengikut jadual dan peruntukan yang diluluskan, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan terus membuat pemantauan rapat dan melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:-

1. Membuat lawatan ke tapak-tapak projek secara kerap di samping membuat lawatan mengejut;

2. Memastikan pembayaran dilaksanakan mengikut perjanjian kontrak;

3. Memastikan setiap kementerian membuat perancangan rapi dan mengikut skop asal dan jadual;

4. Memastikan skop kerja memenuhi '*functionality*' dan tidak berlebih-lebihan ataupun *overspecification*;

5. Menyediakan sistem pemantauan projek dan pembayaran yang lebih berkesan; dan

6. Menggunakan RKN *Project Management System* dan penyediaan garis panduan dalam penetapan kadar purata bagi kos pembinaan bangunan-bangunan kerajaan atau projek-projek kerajaan dan kaedah *Cost Benefit Analysis* dan *Needs Analysis* dalam penilaian projek.

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi akan berterusan meneliti kesesuaian projek-projek yang dirancang dalam menyumbang secara *sustainable* dan berkesan kepada pertumbuhan sosioekonomi negara, di samping mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian antara lainnya seperti yang berikut:-

1. Memastikan setiap projek/pembelian yang dilaksanakan hendaklah berdasarkan peruntukan tahunan yang telah disediakan. Mana-mana projek yang tiada peruntukan, tidak akan ditawarkan kecuali pengesahan peruntukan yang mencukupi telah diperolehi;

2. Memastikan keperluan projek-projek yang akan dilaksanakan dinilai dari segi keperluan sebenar, keutamaan dan hasil yang akan diperolehi dari projek-projek yang dicadangkan;

3. Memastikan baki peruntukan bagi projek yang telah siap dilaksanakan tidak digunakan sewenang-wenangnya kerana ia adalah penjimatan kepada kerajaan;

4. Memastikan sebahagian bayaran kemajuan projek-projek untuk dipindah ke akaun wang tahanan di Jabatan Perbendaharaan bagi memastikan bayaran *retention money* dapat dilaksanakan setelah projek siap nanti;

5. Memastikan proses bayaran adalah cekap dan teratur dengan menepati

Tekad Pemedulian Orang Ramai yang telah ditetapkan; dan

6. Berterusan meneliti keperluan projek-projek yang dirancang agar mana-mana projek yang tidak diperlukan dan tidak berkeutamaan ditiadakan bagi memberi laluan kepada projek-projek baharu yang lebih utama dan berkualiti bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekianlah yang dapat kaola sampaikan. إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ apa jua persoalan spesifik yang berkaitan dengan perlaksanaan projek-projek kemajuan ini, ia sudah setentunya akan diperjelaskan oleh rakan-rakan sejawatan kaola selaku agensi-agensi yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek kementerian masing-masing.

Seperti yang telah kaola nyatakan semasa pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018, mulai 1 April 2017 ini perbelanjaan biasa *(ordinary expenditure)* akan digabungkan dengan Perbelanjaan Kemajuan. Projek-projek kemajuan ini telah pun dimasukkan dalam belanjawan kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan yang telah pun kita bincangkan dari semasa ke semasa apabila kita membincangkan kementerian-kementerian berkenaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, maka saya ingin mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 20 Mac 2017 seperti biasa pukul 9.00 pagi, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

sekian وبالله التوفيق والهداية وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 21 Jamadilakhir 1438 / 20 Mac 2017

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas "B", Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kesebelas pada hari Isnin, 21 Jamadilakhir 1438 bersamaan 20 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ الْحَمْدُ لِلّٰهِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang terdahulunya telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Rang Undang-Undang tersebut ini telah pun dibaca bagi kali keduanya dan kita masih lagi meneliti dan membahaskan Rang Undang-Undang ini di Peringkat Jawatankuasa.

Pada hari Sabtu yang lalu, pada sebelah petang, di Peringkat Jawatankuasa kita telah mula membincangkan Belanjawan di bawah Tajuk SP01A - Kemajuan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah menyampaikan ucapan pendahuluannya tentang tujuan belanjawan ini disediakan dan menggariskan matlamat-matlamat projek yang direncanakan dengan cukup jelas dan terperinci.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan lagi untuk membincangkan dan meneliti Belanjawan di bawah Tajuk Kemajuan ini di Peringkat Jawatankuasa, saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang

semula di Peringkat Jawatankuasa Sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa Sepenuhnya bagi mempertimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada hari Sabtu petang yang lepas, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), telah memberikan ucapan pendahuluannya di bawah Tajuk SP01A - Kemajuan.

Struktur Belanjawan bagi Tajuk Kemajuan ini, telah pun dibentangkan dengan cukup jelas dan komprehensif dan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dalam ucapan mukadimahnya, Yang Berhormat pada hari Sabtu yang lepas bahawa segala penjelasan mengenai tujuan-tujuan serta butir-butir peruntukan bagi projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun disentuh semasa pembentangan pada ucapan pendahuluan Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018 bahawa Perbelanjaan Biasa *(Ordinary Expenditure)* akan digabungkan dengan Perbelanjaan Kemajuan.

Maka segala Projek Kemajuan ini secara tidak langsung *indirectly* telah dibincangkan semasa meneliti dan membahaskan di bawah Tajuk Kementerian-Kementerian yang lepas yang telah pun kita luluskan dalam Jawatankuasa ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bagi mengelakkan perkara-perkara yang sama yang berkaitan dengan Tajuk ini berulang-ulang kali kita pertimbangkan dan kita timbulkan, maka saya meminta kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada soalan-soalan yang hendak dikemukakan biarlah perkara-perkara yang tersebut itu belum disentuh lagi sebelum ini.

Walau bagaimanapun, sebelum saya membuka untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perhubungan suka untuk membuat tambahan pada penjelasan yang telah dikemukakan pada hari Sabtu lepas, saya persilakan dan saya beri beberapa minit untuk Yang Berhormat untuk membuat kenyataannya.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin untuk memenuhi janji kaola untuk menjawab soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis pada hari Sabtu petang, mengenai dua perkara iaitu:-

1. Penggunaan *Parabola* atau *TVRO* di negara ini; dan

2. Perkhidmatan Pos *EMS* atau *Express Mail Service.*

Soalan pertama peraturan mengenai *TVRO* atau *Parabola* telah dikeluarkan oleh Kementerian Perhubungan melalui siaran akhbar pada 3 Ogos 2013. Pengguna-pengguna *TVRO* dikehendaki untuk membayar lesen *Parabola* tahunan dengan harga sebanyak $240.00 setahun dan harga ini sebenarnya telah diturunkan daripada harga asal sebanyak $360.00 kepada $240.00 setahun sejak 1 September 2014.

Pengimportan atau kemasukan peralatan *TVRO* ke negara ini adalah ditegah bagi orang ramai dan bagi tujuan untuk mengawal kemasukan *TVRO* ini hanya beberapa syarikat yang telah dibenarkan untuk membawa masuk *Parabola* ke negara ini.

Walau bagaimanapun, semua kebenaran ini telah mansuh. Kutipan bayaran tahunan $240.00 bagi setiap *Parabola* masih diteruskan ke atas seramai 108 pengguna sahaja. Semua pendapatan ini dikira sebagai pendapatan kerajaan. Untuk makluman Majlis ini, dasar penggunaan *TVRO* ini akan dihentikan sepenuhnya pada 1 September 2018 bagi orang ramai. Kebenaran bagi penggunaan *TVRO* hanya akan diberikan kepada institusi-institusi seperti perhotelan, perwakilan-perwakilan luar negara, institusi perubatan, pengajian tinggi dan sebagainya.

Bagi soalan kedua mengenai *EMS* atau *speed post,* perkhidmatannya dikendalikan sebagai perkhidmatan *premium.* Jabatan Perkhidmatan Pos telah dapat meningkatkan perkhidmatan *EMS* ini dengan menandatangani perjanjian *multilateral* dengan 182 negara iaitu negara *Ahli EMS Co-Operative* yang terdiri daripada Ahli-ahli Persatuan Pos Sedunia atau *Universal Post Union*. Objektif utamanya untuk mewujudkan terma dan syarat atau *Standard Operation Procedure* bagi mengawal Perkhidmatan Pertukaran Barangan dengan *EMS* antara Pentadbir-Pentadbir Pos yang ikut serta.

Antara kelebihannya ialah kawalan perlindungan operasi lebih sempurna seperti pertukaran *electronic data interchange* bagi berkongsi maklumat mengenai perjalanan mel iaitu *International Tracking System,* akauntabiliti bagi kerugian dan kerosakan, kemudahan barangan dan tegahan dan perlindungan barangan *EMS*, penetapan kadar bayaran bagi *EMS imbalance*, tuntutan pembayaran dan kualiti perkhidmatan *EMS* mengikut piawaian termasuk pengendalian perkhidmatan pelanggan.

Kutipan hasil yang diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Pos dari caj perkhidmatan yang diberikan oleh negara-negara terlibat bagi perkhidmatan *EMS* menunjukkan satu *trend* yang *fluctuating* (berturun naik). Peningkatan 27% iaitu pada tahun 2013 dengan kutipan sebanyak $415,611.00 dan pada tahun 2014 sebanyak $529,711.00. Ini

menurun 7% pada tahun 2015 kepada $490,957.00.

Manakala kutipan hasil daripada bayaran pos ataupun *postage stamp* bagi penghantaran *EMS Speed Post* ke luar negeri adalah dalam lingkungan 9% dari hasil kutipan stem iaitu lebih kurang dalam $250,000.00 ke $260,000.00 setahun. Ini bermakna jumlah keseluruhan hasil pendapatan bagi Perkhidmatan Pos *EMS* sebanyak $750,000.00 ke $760,000.00 setahun.

Oleh itu, *EMS* merupakan sumber hasil yang utama kepada Jabatan Perkhidmatan Pos dan dengan menandatangani Perjanjian *EMS Multilateral* ini akan dapat meluaskan lagi sumber pendapatan bagi Jabatan Perkhidmatan Pos. Mengenai senarai negara dan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan *EMS Speed Post* ini dapatlah dilayari dalam web Pejabat Pos *www.post.gov.bn*.

Sekian sahaja yang kaola ingin sampaikan, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang kita berbalik kepada Tajuk SP01A - Kemajuan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara 2017/2018 ini, kaola bertanya:-

1. Muka surat 2 dalam Sektor 1106 Gelaran Jalan Raya - 003 Pembinaan Jalan-Jalan Alternatif dengan peruntukan $3,075,000.00. Soalan kaola, di manakah jalan-jalan alternatif yang dimaksudkan? Adakah juga termasuk penaikan taraf jalan kecil menuju ke tangki pembekalan air yang sudah pun dipohonkan pembinaannya?; dan

2. Muka surat 3, Kemajuan iaitu Sektor 1112 Gelarannya ialah Pengaliran Air 001 - Membina Kolam Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1, Peruntukan RKN11 ialah $19 juta dan Peruntukan 2017/2018 pula ditiadakan dan 002 - Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong, Peruntukan RKN $20 juta sementara Peruntukan 2017/2018 berkurang hanya $7,689,000.00 sahaja. Pertanyaan kaola, apakah perkembangan pelaksanaan pembinaan Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1 dan apakah status Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai jalan-jalan alternatif tadi, kaola menunggu *feedback* daripada pegawai-pegawai kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong yang mengalami pengurangan itu selaras juga dengan keadaan kita Yang Berhormat Pengerusi untuk memberi keutamaan kepada projek yang benar-benar dikira sesuai untuk diteruskan pada masa ini. Ia diteruskan tetapi pengurangan perlu dibuat mengambil kira akan keadaan kewangan kita pada masa ini. Kaola akan berbalik semula Yang Berhormat Pengerusi dari segi progresnya perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan kembali untuk menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi dan *detail*nya akan diberikan إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Saya kira cukuplah perbincangan kita mengenai Tajuk ini. Maka saya cadangkan supaya Tajuk SP01A – Kemajuan ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi kita meluluskan Belanjawan di bawah Tajuk SP01A – Kemajuan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Nampaknya, semua bersetuju. Maka, Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sedang membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa. Akta ini boleh juga digelar sebagai Akta Perbekalan 2017/2018 dan hendaklah mula berjalan berkuatkuasa pada **1 April 2017**. Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan kuat kuasa tidak perlu kita bahaskan.

Oleh yang demikian, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan kuat kuasa ini untuk diluluskan? Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan kuat kuasa diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan kuat kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله kita telah selesai sudah membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk yang terdapat dalam Jadual bagi Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya dan sepenuhnya semasa perbincangan dan perbahasan Rang Undang-Undang ini sehingganya selesai kita sempurnakan. Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara yang seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dalam meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang satu per satu, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita telah sepenuhnya membahaskan kesemua Tajuk yang terdapat dalam Jadual satu per satu dan membincangkannya dengan penuh terperinci di Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Sepenuhnya. Apa jua segala pertanyaan dan kemusykilan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat telah dengan jelas dan *transparent* dijawab dan diterangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalangan Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Oleh yang demikian, sebagai peraturan perundangan dalam meluluskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Rang Undang-Undang ini akan dibaca bagi kali ketiga sebelum Rang Undang-Undang ini kita luluskan untuk dijadikan Akta.

Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, saya mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-

Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), sebentar tadi telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" dibaca bagi kali ketiga.

Adakah antara Ahli-Ahli Yang Berhormat suka untuk menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dengan sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan.

Cadangan ini mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini? Sila angkat tangan?

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju secara sebulat suara. Maka Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017/2018 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".,

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017/2018. Ia akan mula berkuatkuasa pada **1 April 2017.**

Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Perkara seterusnya dari Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VII - Ketetapan Di Bawah Fasal 83(7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong,

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua izinkan saya menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak 31 Perintah yang telah disenaraikan, dan Perintah-Perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan digunakan pada tahun 2016 yang lalu dan sebahagiannya lagi telah mula berjalan pada tahun 2017.

Semua perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Perintah-perintah ini, telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ia berjalan dengan teratur.

Oleh sebab perintah-perintah ini telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka saya berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih sesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang saya sebutkan adalah seperti terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2017.

Oleh yang demikian, izinkan saya sekarang untuk mencadangkan sebuah Ketetapan yang berbunyi **"Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2017 adalah masing-masing dari tarikh perintah-perintah itu diluluskan".**

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83(7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959.

Adakah antara Ahli Yang Berhormat yang ingin menyokong mengenai cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Yang Berhormat. Saya menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83(7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bahawa kebanyakannya ataupun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam Kertas No. 1 Tahun 2017 telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebahagian undang-undang tersebut telah pun berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat perkara ini tidak perlu dibahaskan lagi. Maka ada baiknya ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu kita undi.

Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sebulat suara maka Ketetapan ini **diluluskan.**

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ketetapan Kedua di bawah Bab 4 Ceraian (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa **"Majlis ini dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Pengggal 136) bahawa Perbelanjaan sejumlah**

$1,000.000.000.00 (satu ribu juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2017/2018" dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Butir-Butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut ada dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2017.

Cadangan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telah pun diluluskan dan tiada pindaan. Maka saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dibincangkan.

Dari itu, saya sukacita mencadangkan supaya Majlis ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) bahawa Perbelanjaan sejumlah $1,000.000.000.00 (satu ribu juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2017/2018, dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2017.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah mencadangkan satu Ketetapan di bawah Bab 4 Ceraian (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136).

Adakah antara Ahli Yang Berhormat yang ingin menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) telah mengemukakan satu Ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) Negara Brunei Darussalam

dan cadangan ini telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa semua Peruntukan Kumpulanwang ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta.

Oleh yang demikian, perkara ini tidaklah perlu dibahaskan lagi. Maka ada baiknya Ketetapan ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita meluluskan Ketetapan ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Terima kasih. الْحَمْدُ لله semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Ketetapan ini **diluluskan.**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, الْحَمْدُ لله dengan kerjasama dan kewibawaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah menyelesaikan semua perkara yang terkandung dalam agenda atau Susunan Kerja Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Sekarang sebelum kita menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kepada satu tarikh yang belum ditetapkan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat cadangan supaya persidangan ini ditangguhkan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VIII - Ucapan-ucapan Penangguhan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Perkara VIII - Ucapan-Ucapan Penangguhan. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, bahawa mengikut Peruntukan 35 (ceraian iv) Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat hanya dibenarkan untuk berucap di penangguhan ini tidak melebihi daripada 10 minit.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada keperluan yang tertentu, maka saya boleh melanjutkan tempoh itu.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan mematuhi peraturan ini. Saya mempunyai senarai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk memberi ucapan mereka yang begitu panjang dalam senarai ini.

Maka saya tidak akan bertangguh-tangguh lagi dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat ucapannya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَمَنِ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izinNya jua kita telah dapat bersidang selama 11 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, 2017.

الْحَمْدُ لله kita telah dapat meluluskan beberapa akta khususnya Akta Perbekalan 2017/2018. Dengannya إِنْ شَاءَ اللهُ akan membolehkan kerajaan melaksanakan Rancangan Pembangunan Negara demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Permesyuaratan kita juga الْحَمْدُ لله telah berjalan dengan lancar dan teratur dengan semangat permuzakarahan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat khasnya dalam meneliti dan membincangkan Akta Perbekalan 2017/2018 serta perkara-perkara bagi kepentingan negara dalam suasana telus, terbuka, harmoni dan hormat-menghormati selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Sehubungan dengan itu, saya bagi pihak Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan iaitu Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet amat menghargai perkongsian pandangan dan pertukaran buah fikiran yang bernas yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di Majlis Mesyuarat Negara ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah berjaya memimpin permesyuaratan dengan lancar, teratur dan penuh dedikasi dengan memberikan peluang dan laluan yang saksama kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyuarakan pandangan, memberikan penjelasan atau mengemukakan soalan-soalan kepada isu dan masalah yang dikemukakan bagi kesempurnaan persidangan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada mesyuarat kali ini, perbincangan kita berlangsung dalam keadaan negara masih berhadapan dengan berbagai-bagai bentuk cabaran, terutama dari cabaran kedudukan fiskal kerajaan dengan kadar defisit yang tinggi dan kedudukan ekonomi global yang tidak menentu, yang semua ini memberi impak kepada Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu sebagai langkah yang strategik seperti mana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) pada awal mesyuarat ini fokus kewangan ditumpukan kepada 5 perkara yang meliputi:-

1. Perbelanjaan berhemat;

2. Meningkatkan produktiviti negara;

3. Memudahkan perdagangan;

4. Membina kapasiti dan model insan; dan

5. Memelihara kesejahteraan awam.

الْحَمْدُ لله persoalan dan isu-isu yang telah ditimbulkan serta pandangan-pandangan, ulasan-ulasan, saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah selaras dengan fokus strategik perbelanjaan berkenaan walaupun kadang-kadang tersasar sedikit dari fokus ini.

Maklum balas dan maklumat yang diketengahkan amat berharga dan menggambarkan keprihatinan dan pemedulian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi kepentingan negara dan kesejahteraan masyarakat dan kaitannya dengan peranan dan tanggungjawab kementerian-kementerian.

Setentunyalah perkara-perkara yang ditimbulkan dan dikemukakan ini akan diambil perhatian dan diteliti kesesuaiannya untuk dilaksanakan menurut keutamaan dan bagi penambahbaikan serta seterusnya bagi perkembangan dan kemajuan negara, memangkin kebajikan dan kesejahteraan, ketenteraman dan keselamatan rakyat dan penduduk negara ini menuju sasaran Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam pengamatan saya, perbahasan kita juga telah berkisar kepada rancangan atau program yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

الْحَمْدُ لله dengan komitmen yang tinggi, kerajaan telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini. Kerajaan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan terus berusaha untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam destinasi menarik *FDI* sebagai salah satu usaha mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa sejauh ini, kehadiran syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing telah dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dari segi pekerjaan umpamanya, dari 17 buah syarikat luar negeri yang sudah beroperasi telah dapat memberikan sumber pekerjaan kepada 1,321 orang pekerja tempatan ataupun 58% dari keseluruhan jumlah pekerja.

Malah sebilangan syarikat mengambil berkhidmat lebih ramai tenaga tempatan dibanding tenaga luar negeri seperti *Syarikat Brunei Methanol Corporation (BMC)* dengan 203 orang tempatan berbanding dengan 26 pekerja luar negeri, *Simpor Pharma* dengan 63% pekerja tempatan, *Beibu Ports Maintenance* dengan 80%, sementara HLDS dengan 66% pekerja tempatan.

Namun dalam sektor-sektor tertentu nisbah pekerja asing adalah sedikit tinggi, seperti *Syarikat Hengyi* dalam mana sehingga kini terdapat 328 ataupun 52% pekerja tempatan dan

Projek Jambatan Temburong yang mengambil berkhidmat 151 orang atau 42%.

Sebenarnya, dalam beberapa sektor pekerjaan kita masih mempunyai nisbah pekerja asing yang tinggi. Berasaskan Banci Majikan dan Pekerja 2015 dalam 19 sektor pekerjaan terdapat 82,739 pekerja asing. Terdapat 64% dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan 78%, pembuatan 79%, pembinaan 87% dan aktiviti penyediaan tempat tinggal dan pemakanan 70%. Ini bermakna dalam bidang tertentu, kita masih kekurangan tenaga kerja yang mahir, berpengalaman pada tahap yang mencukupi.

Oleh itu, kita masih memerlukan sumbangan tenaga luar negeri untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan agar menjadikan negara kita lebih kompetitif dan bukan mengetepikan tenaga tempatan. Di sinilah letaknya keperluan bagi tenaga tempatan untuk mengisi ruang-ruang ini dengan latihan dan bimbingan secara berterusan untuk mengasah kemahiran dan meningkatkan pengalaman selaras dengan dasar pembruneian tenaga kerja di negara ini seperti mana salah satu fokus strategik iaitu meningkatkan kapasiti dan model insan.

Menyedari akan hal itu, kerajaan telah mengambil langkah untuk mewujudkan beberapa program atau inisiatif untuk memastikan tahap kemahiran dapat dicapai mengikut bidang-bidang tertentu dengan pengenalan *Industrial Compentencies Framework* dan program-program latihan kemahiran menerusi institusi pendidikan dan latihan.

Sehubungan dengan ini juga, kita di Dewan ini menyambut baik Program *Apprenticeship* atau *I-RDY (i-ready)* yang akan memberi pengalaman bekerja kepada graduan membina pengalaman dan keupayaan serta meningkatkan *marketability* dan mengurangkan *mismatching*. Kita berharap peluang seperti ini akan dapat dimanfaatkan oleh para graduan dengan keazaman demi kebaikan diri sendiri dan meningkatkan kapasiti sumber tenaga tempatan.

Dalam hubungan tenaga manusia, kita perlu merenung secara serius titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa sumber tenaga tempatan masih sahaja bermasalah. Juga jadi masalah ialah dapat bekerja di sektor swasta tetapi tidak kekal lama hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti, balik semula menjadi penganggur.

Kita percaya akan kesungguhan sebahagian besar pengusaha tempatan untuk mengutamakan dan mengambil berkhidmat dan melatih tenaga tempatan. Kita juga mengakui kesediaan syarikat luar negara untuk mengambil berkhidmat tenaga tempatan. Akan tetapi kerana ketiadaan tenaga tempatan yang bersesuaian, kekosongan ini akhirnya terpaksa diisi oleh tenaga luar negeri.

Dengan segala usaha mempermudah dan berbagai-bagai galakan dan insentif yang dihulurkan dan disediakan kerajaan, jika peluang-peluang ini tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh tenaga tempatan "bukanlah salah ibu mengandung".

Kerana ini saya ingin mengajak semua Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama berkayuh dalam satu perahu bagi mengatasi perkara ini iaitu membuat perubahan sikap. Kedudukan ekonomi negara kita yang mengalami defisit sejak 3 tahun yang lalu, mengajar kita untuk membuat perubahan, berubah dan berusaha gigih, mencari dan meneroka sumber-sumber pendapatan lain dan lebih berhemah dalam perbelanjaan.

Kita perlu menukar isu dan cabaran krisis kewangan ini sebagai peluang *(opportunities)*. Kita mesti percaya ada hikmah أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ disebalik keadaan ini. Pada saya, ia mengajak kita untuk mengubah sikap memperkukuh jati diri kita supaya lebih gigih berusaha dengan lebih bersemangat dan iltizam dan tidak mudah berputus asa.

Sejarah telah membuktikan bahawa nasib mereka yang dilanda kesusahan dan kesempitan menjadi orang yang berjaya di penghujungnya dengan berbekal semangat kecekalan dan keyakinan diri.

Mereka yang menjadi *boat people* tidak mendampar di negara tempat mereka terdampar, hanya bergantung pada bantuan, tetapi berjaya hidup menjadi pengusaha-pengusaha yang berjaya di negara terdampar dengan usaha gigih. Demikian juga halnya dengan nasib golongan yang diusir dari Uganda dalam tahun 1972, semasa Uganda mencapai kemerdekaan dan mengisytiharkan Afrika untuk orang Afrika. Mereka yang berhijrah ke Amerika Syarikat dengan bekalan wang Amerika Syarikat USD$5,000.00 telah berusaha membuka bisnes motel dengan mengharungi berbagai-bagai cabaran. Hari ini, mereka menguasai perusahaan motel di Amerika Syarikat dan menjadi salah satu penyumbang besar kepada punggutan cukai di negara tersebut.

Di sinilah perlunya kita berusaha menumpukan fokus bagi membina kapasiti dan model insan untuk Negara Brunei Darussalam. Model insan yang berjiwa besar yang berkualiti dan produktif yang akan dapat meningkatkan produktiviti negara. Kita mesti menjadi bangsa yang berjiwa besar. Selaku umat Islam, kita mesti mencontohi jati diri dan kewibawaan umat Islam pada zaman Nabi dan zaman kegemilangan Islam abad Ke-8 hingga abad Ke-11.

Sejarah sekali lagi mempamerkan seawal tahun 711 Masihi, golongan muslim minoriti telah menguasai keusahawanan seperti di Andalusia yang membawa budaya keusahawanan dan berdikari di mana sahaja mereka mendarat.

Orang Islam ketika itu bukan sahaja membawa barang dagangan tetapi mempunyai corak kehidupan yang berintegriti berani mencuba sehingga telah menjadi ikutan bangsa lain dalam

bangsa Eropah termasuk Kristian dan Yahudi. Menguasai sains dan teknologi dan pencetus idea-idea besar yang dikembangkan di barat.

Semangat integriti umat Islam terpancar dari kemenangan umat Islam dalam beberapa siri peperangan seperti Perang Badar, Uhud, Khaiber, Yarmouk dan lain-lain yang bilangannya kecil tetapi berjaya mengalahkan tentera yang besar jumlahnya. Bukanlah bilangan yang menentukan kejayan, tetapi kualiti. Ingatlah kepada pesanan dan peringatan Nabi مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang bermaksud supaya kita pada satu hari tidak hanya akan wujud sebagai ibarat buih-buih di lautan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Mengenai penglibatan orang-orang Melayu dalam perniagaan, kerajaan sememangnya sudah lama memberikan perhatian dan dukungan bagi melahirkan dan memajukan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu. Sejak tahun 80-an dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Ekonomi yang kemudian dikembangkan menjadi *Islamic Development Bank*.

Menyedari akan hakikat ini, sekali lagi Dewan ini menyambut baik penubuhan *Bank SME* yang objektifnya adalah untuk membimbing, membantu dan memajukan peniaga-peniaga mikro, kecil dan sederhana agar membolehkan mereka untuk meneruskan dan memperkembangkan perniagaan mereka ke peringkat yang lebih maju dan berupaya menyumbangkan kepada kemajuan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ia memerlukan komitmen perubahan minda dan sikap orang-orang kita agar memanfaatkan kemudahan yang ditawarkan oleh *Bank SME* dengan penuh bijak.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Kita perlu terus membudayakan *financial literacy* dalam kalangan segenap lapisan masyarakat kita. Kita semua perlu mengamalkan sikap berbelanja secara berhemah. Dalam melaksanakan program-program dan aktiviti perkhidmatan, kita perlu meneroka perancangan yang melibatkan *stakeholders* di luar kelaziman dengan kaedah kreatif dan inovatif serta penggunaan aset atau infrastruktur yang sedia ada.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam menangani isu kepentingan rakyat sebarang usaha penambahbaikan adalah merupakan sokongan dan dukungan semua pihak sama ada secara dalaman dari jabatan-jabatan di bawah kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dengan penyertaan semua peringkat masyarakat dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti *NGOs* iaitu menjurus kepada *a whole of nation approach.*

Sebarang usaha yang akan dilaksanakan tidak akan tercapai jika tidak adanya kerjasama dan kesapaduan semua pihak yang menjayakannya. Di samping itu,

kita perlu bijak menangani sumber yang sedia ada, di samping meraih peluang-peluang lain di hadapan kita baik di arena global, serantau mahu pun di dalam negeri.

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan seluruh kakitangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah menjayakan persidangan Majlis Mesyuarat Negara kali ini. Kelancaran perjalanan persidangan ini saya rasa sebahagiannya adalah dengan kerja keras, komitmen dan dedikasi tenaga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan bertawakal kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, maka saya mengusulkan agar Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara 2017 ini ditangguhkan, sekian.

وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-2 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

اَلسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَىٰ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola lebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin mesyuarat di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara dan Peringkat Jawatankuasa dengan bijak dan teratur sehingga kedua-dua peringkat mesyuarat berjalan dengan baik dan lancar dalam suasana muhibah dan ceria. Menyentuh mengenai dengan Belanjawan Negara bagi Tahun 2017/2018 nyata bahawa belanjawan yang disediakan itu telah berkurangan daripada belanjawan yang telah disediakan bagi Tahun 2016/2017.

Pengurangan bajet itu tidak banyak menjejaskan berbagai-bagai projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada 2017/2018. Bajet itu juga adalah mengambil kira suasana pendapatan negara yang semakin berkurangan sejak beberapa tahun yang lalu apabila harga minyak jatuh daripada US$120 setong kepada bawah daripada US$40 setong dan juga mengambil kira penjimatan wang simpanan negara demi untuk kepentingan anak cucu kita pada masa-masa akan datang.

Pada hemat kaola, kerajaan dalam menyediakan belanjawan negara itu juga mengambil kira dasar berbelanja yang digariskan oleh Al-Quran, dalam Surah *Al-Isra* Ayat 29:-

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا
كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

Tafsirnya:-

"Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bakhil) dan janganlah pula kau menghulurkannya sehabis-habisnya (boros) kerana akibatnya engkau akan menjadi tercela dan menyesal."

Ayat tersebut mengingatkan kita umat Islam supaya menjauhi sikap *al-isra* atau melampaui batas dalam segala hal, sama ada dalam urusan berbelanja mahu pun dalam urusan-urusan lainnya. Dalam berbelanja *al-isra* itu bererti boros sementara sebaliknya pula dinamakan *at-taktir* (bakhil/kedekut). Kedua-dua sikap negatif itu dicela oleh Islam, sikap yang baik adalah di tengah-tengah di antara boros dan bakhil, iaitu tidak juga boros dan bakhil.

Usaha kerajaan berjimat dalam perbelanjaan itu bukanlah termasuk sikap bakhil yang boleh menjejaskan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Kerajaan tetap komited untuk mengekalkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan negara bahkan terus berusaha meningkatkannya.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) pada hari kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 18 Mac 2017 yang lalu, Yang Berhormat telah menjelaskan bahawa sejumlah $1 bilion telah dicadangkan untuk membiayai projek-projek dan program-program di bawah Rancangan Kemajuan Negara (*NDP*) bagi Tahun 2017/2018 iaitu bertambah sebanyak 30% berbanding dengan $700 juta untuk Tahun 2016/2017 iaitu 24.8% disediakan untuk menyiapkan projek-projek yang sudah berjalan dan 73.4% disediakan untuk projek-projek yang sedang rancak dilaksanakan dan 1.7% disediakan untuk projek-projek yang masih dalam tawaran atau dirancangkan.

Ini menunjukkan bahawa meskipun bajet-bajet bagi Tahun 2017/2018 dikurangkan tetapi dari segi yang lain bajet itu ditambah untuk Rancangan Kemajuan Negara yang menjurus untuk meningkatkan ekonomi rakyat dan negara. Pada hemat kaola, tema yang diberikan untuk Belanjawan Negara 2017/2018 sebagai Belanjawan seimbang adalah tepat dan selari dengan dasar yang digariskan oleh Islam.

Ia tetap memberi keutamaan untuk memberikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat negara, kerana itu kaola menyokong sepenuhnya bajet yang disediakan bagi Belanjawan Negara Tahun 2017/2018 dan menyokong sepenuhnya kandungan ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi

yang menyeluruh hampir semua isu kenegaraan.

Sebelum mengakhiri ucapan kaola, kaola dengan rendah hati ingin menyembahkan setinggi-tinggi ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan baginda melantik kaola untuk penggal kedua menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara meskipun kaola sudah berusia senja dan tidak dapat menyumbang dengan lebih aktif dalam Pemesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara.

Bagaimanapun kaola hanya mampu menyumbang dengan doa yang berterusan mudah-mudahan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan terus mengurniakan rahmat dan kebahagiaan kepada baginda dan ahli-ahli kerabat baginda hidup di dunia dan di akhirat dan negara kita sentiasa dalam aman, tenteram, makmur dalam keampunan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَىٰ مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَىٰ terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-3, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaannya memimpin dan mempengerusikan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Syukur الْحَمْدُ لله di sepanjang sesi perbahasan dan perbincangan kita di Dewan yang mulia ini. Ia berjalan dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana muhibah, semangat permuzakarahan dan hubungan silaturrahim yang harmoni.

Beberapa isu cadangan, pandangan dan saranan telah pun dibangkitkan dalam sama-sama kita menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka. إِنْ شَاءَ اللهُ akan dapat membawa dan memberikan kesan yang baik dan positif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam pembentangan cadangan belanjawan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 dengan tema, belanjawan seimbang membawa dan memberikan mesej yang cukup kuat akan penekanan kerajaan dalam memelihara keutuhan kewangan

negara daripada terjejas berikutan keadaan ekonomi global yang terus mengalami ketidaktentuan.

Selain itu, penekanan juga diberikan ke atas usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara dengan membina asas ekonomi yang lebih kukuh luas berdaya tahan dan berdaya maju. Kesemua usaha dan inisiatif dilaksanakan dalam sama-sama kita mencapai Wawasan Brunei 2035.

Ia jua selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara 2017, bahawa baginda menekankan bagi kerajaan untuk terus giat mempelbagaikan ekonomi negara dan walhal usaha ke arah ini sudah mula menampakkan kesannya. Usaha-usaha pembaharuan perlu diteruskan dengan transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang bagi mencapai hasil yang diharapkan.

Selain itu, baginda menekankan mengenai isu-isu yang berhubung kait dengan sumber tenaga manusia dalam menyahut dan mendukung apa jua rancangan kerajaan termasuk usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Program *Apprenticeship i-RDY (iReady)* yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu platform dan peluang bagi para graduan khususnya memasuki alam pekerjaan di sektor swasta dan sektor awam.

Kaola berpendapat program yang sangat bermanfaat ini dapat membantu para graduan kita agar berani untuk menjadi peneroka di samping berfikiran terbuka dengan apa-apa yang diterokai. Ini mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke-32 Tahun 2016.

Antara lain, baginda bertitah peneroka yang berani adalah individu yang hebat walaupun yang diterokai itu cuma berskala kecil atau sederhana sahaja seperti seorang pengusaha yang baru berlatih memulakan perusahaannya. Inilah yang kita perlukan. Negara sangat memerlukan orang-orang seperti ini. Manakala rakyat berani menjadi peneroka maka kesannya kepada kemajuan adalah positif dan hasil keluaran dalam negara kasar juga boleh ditunggu untuk meningkat.

Dalam pada itu, nilai-nilai kita sebagai orang dan bangsa Brunei yang "Berkarih, Berjarih dan Berlurih" perlu sentiasa diterapkan dalam jati diri seluruh lapisan masyarakat terutamanya dalam menghadapi apa jua bentuk cabaran.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan penerapan nilai-nilai kebruneian ini akan dapat memberikan hasil serta manfaat yang dihasratkan serta memperolehi berkat serta limpah dan rahmat dari pada أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Sesuai dengan hajat kita semua untuk melihat negara kita ini sebagai sebuah negara بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam sama-sama kita mengorak langkah memajukan negara termasuk dalam fokus kita memperkukuhkan asas negara agar ia lebih kukuh, luas berdaya tahan dan berdaya maju serta meningkatkan kapasiti dan membina model insan kita janganlah kita lupa akan isu-isu yang tidak kurang pentingnya.

Apa yang pernah kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini, isu perihal kebajikan dan kemaslahatan golongan orang tertentu seperti Orang Berkeperluan Khas, Orang Kurang Upaya, Warga Emas dan Asnaf Fakir Miskin perlu diambil perhatian dan ditangani secara kolektif melalui *whole of society* dan *whole of nation approach* dalam sama-sama memastikan golongan berkenaan mendapat sumbangan yang berguna dari negara.

Sebagai misalannya pendidikan secara inklusif dan khusus berdasarkan bukti bagi penuntut kurang upaya dan keperluan khas perlu dipertingkatkan kemudahan bantuan pinjaman kewangan kepada warga emas yang berkecimpung dalam bidang perniagaan untuk mendirikan usaha bagi membangun kesejahteraan hidup di sepanjang hayat mereka dan peningkatan kapasiti ilmu berpengetahuan dan kemahiran bagi golongan asnaf fakir miskin agar dapat berdikari dan keluar daripada bendung kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk mengakhirinya kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai penutup kaola ingin memohon maaf jika sekiranya terdapat tersilap kata, terkasar bahasa dan tingkah laku yang kurang manis sewaktu menyampaikan hujah, pandangan saranan dan persoalan di sepanjang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara 2017, dengan diiringi doa semoga kita semua akan sentiasa sihat walafiat dan dipertemukan pada masa-masa akan datang. أَمِيْنَ يَارَبَّ الْعَالَمِيْنَ

Sekian, وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-4 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin

Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

اَلْحَمْدُ لله Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola merafakkan puji dan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan rahmat dan inayahNya serta di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam negara telah mencapai kemajuan dan pembangunan dalam semua bidang kehidupan rakyatnya. Semuanya itu terhasil daripada usaha dan perancangan semua pihak dan sektor di negara ini khususnya agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta serta rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam persidangan yang mulia ini, kaola dengan penuh rasa hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan serta kasih sayang baginda yang selama ini telah memacu negara dengan cemerlang sesuai dengan aspirasi bagi menjadikan Wawasan Brunei 2035 iaitu satu realiti.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kemajuan dan pembangunan negara itu terus dapat dinikmati, seluruh jentera kerajaan yang terdiri daripada semua peringkat penjawat awam hendaklah menghayati amalan etika kerja yang ikhlas, jujur, amanah dan berintegriti serta memastikan akta dan undang-undang negara dikuatkuasakan sepenuhnya tanpa rasa ragu-ragu dan takut-takut serta menguatkuasakannya dengan penuh keadilan dan saksama. Sesungguhnya akta dan undang-undang itu digubal adalah untuk memastikan kehidupan yang sejahtera untuk penduduk dan negara ini.

Hal ini kaola serukan semata-mata bagi memastikan negara ini akan kekal buat selama-lamanya sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang berdaulat dan merdeka yang terampil perkasa di persada dunia antarabangsa. Apalah gunanya jika akta ada tapi tidak dikuatkuasakan seolah-olah kita berjuang tanpa senjata. Itu saja yang kaola sampaikan.

Mohon keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi menutup ucapan kaola ini untuk merentangkan tiga rangkap syair tanpa berlagu:-

Enam Mac mula bersidang,
Seluruh rakyat sedang memandang,
Hati dagang diulit bimbang,
Takut perjuangan berakhir kecundang.

Kita bersidang bersama menteri,
Berbahas berhujah berhari-hari,
Resolusi terbaik ingin dicari,
Demi kebaikan rakyat dan negeri.

Semoga menteri hatinya lembut,
Menerima cadangan kata bersambut,
Kepentingan rakyat itu yang dituntut,
Titah Baginda Sultan taat diturut.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa orang Ahli Yang Berhormat membuat Ucapan-Ucapan Penangguhan masing-masing dan kita juga mengucapkan terima kasih atas ucapan-ucapan yang dikemukakan itu. Maka saya berpandangan ada baiknya mesyuarat kita ini kita tangguhkan dahulu selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat ini kita sambung semula setelah kita berehat selama 20 minit. Sekarang kita menyambung lagi dalam Perkara VIII iaitu Ucapan Penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-5 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 iaitu akhir titah baginda mengharapkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun ini akan memberi lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, kaola sangat-sangat berharap Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi membahas Peruntukan Perbelanjaan Tahun 2017/2018 dapat memenuhi apa yang dihasratkan oleh baginda.

Kaola menyambut baik dan menyokong penuh setiap rancangan dan usaha-usaha kerajaan dan selaku rakyat Negara Brunei Darussalam, kaola akan sentiasa memberi bantuan sedaya upaya yang mungkin bagi mencapai hasrat yang diharapkan إِنْ شَاءَ اللهُ .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas semua bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan khususnya kepada saudara-saudara baharu dalam usaha menetapkan akidah serta kualiti hidup beragama. Selain itu, bantuan-

bantuan kebajikan kepada yang memerlukan juga diberi perhatian dengan sewajarnya.

Kaola berharap agar bantuan-bantuan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar objektif dan matlamatnya dapat dicapai dengan memberikan kesan yang baik terutama sekali dalam usaha negara membasmi kemiskinan dan meningkatkan sosioekonomi masyarakat.

Program-program dan projek yang menjurus kepada memberi bantuan sama ada dikendalikan oleh pihak kerajaan atau bukan kerajaan hendaklah sentiasa mengambil kira impak dan kesannya kepada masyarakat dan negara. Ini termasuklah kaedah pengurusan dan kesinambungannya perlu dinilai dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, kaola sentiasa mengikut perkembangan negara terutama sekali dalam usaha bagi mempelbagaikan sumber ekonomi negara selain bergantung pada minyak dan gas. Dengan memperkenalkan beberapa pendekatan bagi menghidupkan aktiviti ini, iklim perniagaan di Negara Brunei Darussalam sentiasa dikemukakan dan diperluaskan.

Kaola berharap seluruh rakyat perlu mengambil peluang ini bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara ini termasuklah proaktif menimba ilmu pelajaran yang sebaik-baiknya dalam perniagaan dan perusahaan dalam semua sektor.

Sektor Pelancongan mempunyai peluang besar jika ianya dikembangkan dengan melibatkan seluruh lapisan masyarakat Brunei yang mempunyai budaya dan warisan yang unik. Konsep pelancongan berasaskan komuniti *PPP* jika ianya dikendalikan secara meluas mampu menjana peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan meningkatkan kesejahteraan keperluan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Kaola juga melihat bahawa pentingnya penglibatan seluruh lapisan masyarakat dalam menggerakkan kemajuan negara konsep muafakat membawa berkat, perlu dijadikan budaya bagi mendapatkan impak yang proaktif terutama sekali dalam menangani permasalahan dan mencari keputusan yang terbaik. Rangkaian kerjasama pihak kerajaan dengan pihak swasta *NGO* dan masyarakat amnya sewajarnya perlu diperluaskan agar semua agenda pembangunan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Oleh itu, program-program dan aktiviti yang menjurus kepada mewujudkan kerjasama ini hendaklah dilaksanakan sama ada di peringkat daerah dan juga peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sudah tiba masanya kita melihat bahawa peranan generasi muda adalah penting. Peranan ini bukan sahaja dilihat melalui penglibatan di peringkat rendah malah perlu diperluaskan di peringkat atasan atau tinggi.

Perkara ini perlu diambil perhatian terutama sekali dalam usaha penyerapan

generasi pelapis di dalam lantikan jawatankuasa-jawatankuasa pihak-pihak persatuan dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan seumpamanya adalah wajar sebagai memberi peluang serta mendedahkan mereka dalam tugas dan tanggungjawab yang lebih mencabar.

Kaola sangat-sangat menjunjung kasih dan menyokong penuh atas usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah pun berkenan melantik Ahli-Ahli Yang Berhormat terdiri daripada generasi muda belia dan mencerminkan bahawa generasi muda berperanan penting di dalam kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini kaola mengucapkan syabas dan tahniah atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan cemerlang. Begitu juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah pun membantu menjayakan mesyuarat ini dengan sebaik-baiknya.

Selain itu juga, ucapan terima kasih ditujukan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang untuk bercakap serta memberi penerangan untuk membahas Peruntukan Belanjawan Tahun 2017/2018 semoga akan mendapat pembalasan mendapat berkat daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ juga.

Akhir kalam, kaola mengakhiri ucapan ini memohon maaf jika ada *tersuruk langkah* tutur kata yang tidak sopan terutama sekali kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sepanjang Mesyuarat pada tahun ini. Sekian, وبالله التوفيق والهداية

وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya ialah Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bersyukur kita ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Selawat serta salam ke atas Rasul Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ kaum kerabat, para sahabat Baginda serta pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Berhormat Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik yang kaola hormati sekalian.

Dalam kesempatan ini kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan baginda dalam memberikan kesejahteraan dan kebajikan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara.

Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah

kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin persidangan ini dengan penuh tanggungjawab, komited dan kesabaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola setuju dan menyokong sepenuhnya seruan yang diserukan dalam setiap mukadimah oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan tentang keperluan supaya meneliti semula mana-mana strategi pelan tindakan prosedur dan juga perundangan yang selama ini kurang berkesan dalam menangani masalah-masalah yang hendak diselesaikan.

Dalam ekonomi yang masih tidak menentu dan kurang stabil rakyat dan penduduk diseru untuk sentiasa bersyukur menghargai dan berjimat cermat dalam apa juga perkara barangan dan juga perkhidmatan yang subsidi. Adalah menjadi hasrat murni kerajaan untuk memberi subsidi kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Sehubungan dengan itu, adalah wajar Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengambil langkah memberigakan tentang subsidi kerajaan yang diberikan agar setiap lapisan masyarakat tahu menghargai serta bersyukur atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

الْحَمْدُ لله Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Semua kementerian nampaknya mempunyai komitmen betapa pentingnya memberikan peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang benar-benar diusahakan sendiri yang bukan di "Alibabakan" dan memberikan peluang pekerjaan kepada orang-orang kita. Bagi sektor perniagaan tentu akan merasa lega dengan penubuhan *SME Bank* yang amat dinanti-nantikan tidak lama lagi.

Fungsi dan peranan *SME Bank* itu nanti akan diharapkan akan lebih baik, relevan dan berkesan kepada *SME loan* yang ada selama ini. Dengan adanya kemudahan pinjaman kewangan ataupun *access to financial* dengan bertujuan menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana di negara ini agar berkembang dengan lebih maju dan lebih membangun serta memudahkan *Ease of Doing Business* di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung tinggi *Programme I-RDY (i-ready) Apprenticeship* seperti yang telah dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan di kesempatan ini kaola menyeru agar semua sektor swasta akan ikut serta dalam menyahut program ini untuk memastikan kejayaan dalam langkah mengurangkan jumlah pengangguran di kalangan graduan negara ini.

Mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, marilah kita sama-sama berdoa agar apa juga dirancang akan menghasilkan kejayaan dan menempuh apa juga halangan dan cabaran yang akan dihadapi bersama-sama agar ia lebih dipermudahkan serta diberkati أَلله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. أَمِيْنَ يَارَبَّ الْعَالَمِيْنَ

Sekian yang saya disampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola memohon maaf jika ada *suruk langkah* dan terkasar bahasa ketika dalam Persidangan ini. Yang baik datangnya daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى, yang buruk datangnya daripada kaola sendiri.

وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-7 akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

Kaola mengambil kesempatan ini menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas lantikan kaola sebagai Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Negara Yang Dilantik dan kaola menyokong sepenuhnya belanjawan bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

Kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kejayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan mempengerusikan permesyuaratan ini dengan penuh lancar lagi sempurna dengan suasana tenang dan harmoni yang membolehkan Dewan ini berbahas dengan penuh tanggungjawab bagi menghasilkan yang positif lagi membina. Ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua warga Dewan Majlis ini atas kegigihan mereka dalam membantu melicinkan permesyuaratan di Dewan yang mulia ini.

Semasa negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi akibat penurunan harga minyak dan gas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, masih memberi peruntukan untuk meneruskan projek pembangunan bagi menjamin kebajikan, kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini. Ini menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebajikan masyarakat dan negara.

Kaola berharap peruntukan ini akan dibelanjakan dengan berhemah dan cermat mengikut rancangan-rancangan yang telah diutamakan agar ia dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna. Kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan dengan memetik kata-kata Dr. Martin Luther yang berbunyi: "*We may have all come on different ships but we are in the same boat now*."

Ungkapan ini menunjukkan bahawa kita datang dari pelbagai latar belakang yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk kepentingan dan kesejahteraan negara yang tercinta.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya ialah Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sidang bermesyuarat dalam Dewan yang mulia ini, syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin serta mengurus permesyuaratan dengan cemerlang.

Sehingga ke hari ini, kita telah banyak membahaskan serta memberi buah fikiran isu-isu demi kepentingan rakyat serta pembangunan perekonomian negara seperti mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menekankan setiap kali baginda bertitah.

Syukur الْحَمْدُ لله kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan rahmatNya jua, kita dapat hadir bersama-sama pada hari ini selama 11 hari kita bersama-sama membincangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang semua Ahli Yang Berhormat telah rancak mengambil bahagian membahaskan peruntukan tersebut.

Kaola yakin cadangan serta saranan yang dibuat akan dipeduli dan diambil tindakan oleh kementerian yang berkenaan dengan mengikut keutamaan, kemampuan dan kesesuaiannya.

Sebagai salah seorang dari kalangan Orang-orang yang telah mencapai Kecemerlangan, dilantik dalam masa yang paling mencabar dalam Mesyuarat ini, kaola sukacita menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas pelantikan ini kerana telah dapat bergabung pemikiran dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat lainnya demi kemajuan negara yang sama-sama kita cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini, kaola ingin membuat rayuan supaya perkara-perkara yang telah dibincangkan dan dipersetujui supaya akan dapat diambil tindakan oleh pihak-pihak kerajaan agar perkara-perkara tersebut tidak akan berulang lagi dibincangkan pada tahun-tahun hadapan.

Jika masih berterusan dihadapi oleh orang ramai, ia bukan sahaja akan menjejaskan kewibawaan Dewan yang mulia ini, malah juga menjejaskan imej agensi-agensi kerajaan.

Seperti mana abis kaola membuat ulasan pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, dalam usaha untuk lebih maju ke hadapan dan memantau pelaksanaan, dicadangkan supaya diadakan mesyuarat kesinambungan pada tahap subkomite sekurang-kurangnya setiap 6 bulan antara kementerian-kementerian dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dan berharap akan dapat membantu setiap pihak mencapai hasil hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga merasa tidak selesa dengan hutang tunggakan pihak *public* dan *private* (swasta) kepada kerajaan, اَلْحَمْدُ لله nampak ada penurunan tunggakan beberapa tahun kebelakangan ini. Oleh yang demikian, hutang-hutang kerajaan kepada sektor-sektor swasta juga mestilah diungkayahkan dan dijelaskan dengan segera terutama sekali dalam mempercepatkan proses pembayarannya.

Pelbagai isu telah dicadangkan di Dewan yang mulia, yang menyangkut hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat seperti isu kemiskinan, pengangguran, pencarian kerja, pendidikan, bantuan kewangan hinggalah kepada isu-isu yang berkaitan dengan hal-ehwal wanita, ibu tunggal, para remaja dan belia kita.

Cadangan-cadangan ini jika kita dapat teliti dan menyediakan penyelesaian, meskipun secara tidak menyeluruh, akan menampakkan satu perubahan yang positif ke arah kesejahteraan hidup rakykat dan penduduk negara ini.

Segala bantuan atau perbelanjaan di pihak kerajaan semestinya merupakan jalan penyelesaian yang lebih baik, memandangkan tanggungjawab kewangan kerajaan sudah amat tinggi dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam iaitu *provisions of public goods* dan *social welfare*.

Bagaimanapun, ia mendorong kepada pembudayaan sikap yang terlalu berharap-harap dan mementingkan diri yang dikhuatiri tanpa kita sedari kita juga secara tidak langsung telah menggalakkan rakyat dan penduduk terutama bangsa kita menjadi longlai, lembik dan mundur.

Oleh yang demikian, apa pun usaha yang telah pun difikirkan seperti pemberian dan pengagihan lampin pakai buang dan *breast pump* hendaklah difikirkan lebih dahulu mekanisme pengagihannya.

Kaola berharap cadangan yang dihadapkan, jika diterima dan dilaksanakan akan menjadi orang-orang Brunei kita bersikap lebih rajin berusaha, bertanggungjawab, *civic minded*, saling

membantu dan memeduli sebagai sebuah masyarakat.

Untuk mewujudkan lagi suasana yang lebih kondusif terutamanya bagi memperkasakan pembangunan ekonomi negara seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kaola mencadangkan ditingkatkan *transparency* dan proses kerajaan yang membabitkan sektor swasta.

Ini adalah kerana pelanggan utama bagi kebanyakan peniaga kecil dan sederhana di negara ini adalah pihak kerajaan. *Transparency* dan proses kerajaan yang berkaitan dapat membantu para peniaga untuk membuat perancangan dan persediaan awal ketika berhubung dengan pihak kerajaan.

Mempertingkatkan budaya *delivery* dan akauntabiliti dengan memenuhi *TPOR* dan membuat pemantauan yang dekat *KPI* membudayakan *delivery* dan akauntabiliti.

Sehubungan dengan itu, kaola sarankan agar kementerian dan agensi kerajaan yang lain juga berusaha untuk membantu peniaga tempatan dengan cara *affirmative* dan mengkaji serta melaksanakan pendekatan yang komprehensif dan seimbang serta bersesuaian supaya peniaga dan pengusaha tempatan dapat mempertingkatkan daya tahan dan daya saing dalam perniagaan mereka terutama sekali dengan adanya *spin off* dari Pelabur Langsung Asing.

Walau bagaimanapun, usaha untuk mementingkan perkembangan perekonomian negara sedang giat dijalankan, kita haruslah juga peka dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran tenaga manusia terutama sekali kepada tenaga pengajar serta mengekalkan pakar-pakar anak tempatan.

Namun, realitinya janganlah kita terlepas pandang mengenai dengan kepentingan ganjaran kewangan sebagai faktor yang penting yang mempengaruhi *brain drain, talent drain* dalam dunia terbuka ini, maka semangat cintakan negara dan khidmat untuk rakyat itu akan terus menerus selari dengan ganjaran dan imbalan yang setimpal diterima oleh pakar-pakar tempatan.

Setimpal dengan *quote* daripada salah seorang pegawai tertinggi dari Singapura pada tahun 2011 menyatakan *believe in your own people, built your own capability and invest in your own people*. Sebagai penutup kaola akan menyampaikan pantun:

Ke kampung Simabat
menunggang kuda,
Singgah sebentar
di rumah si dara,
Walaupun kami berempat
ini masih muda,
Tetapi hati semangat dan
perasaan kuat membara.

Sekian. وبالله التوفيق والهداية وَلَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-9 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan hati yang tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah dan menyokong dengan apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya bersyukur kerana diberi peluang untuk bersama-sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

الْحَمْدُ لله kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ selama beberapa hari kita bersidang di Dewan yang mulia ini, persidangan telah dapat berjalan dengan lancar, kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana dengan kebijaksanaan dan kepimpinan dan juga penuh kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu juga dengan dedikasi Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis sepanjang persidangan yang telah berjaya memfokuskan perbahasan kepada Anggaran Rang Undang-Undang 2017/2018 sebagai agenda utama dalam persidangan, di samping berjaya memandu persoalan, cadangan dan isu lain yang tidak kurang pentingnya untuk disuarakan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini saya merakamkan rasa bersyukur dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana kepercayaan baginda melantik saya sebagai seorang Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang baginda sarankan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara supaya akan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan. Dengan penuh sokongan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya memberi beberapa cadangan/ peringatan:

i. Kepentingan makluman dan cara implementasi ke atas semua peruntukan dan cadangan yang dijalankan oleh kementerian-kementerian dengan bertujuan dengan *whole of nation approach*, saya berharap ini bukan sahaja slogan yang diguna sia-sia tetapi mesti dijalankan sebagai saranan yang difahami dan dipeduli oleh seluruh lapisan masyarakat;

ii. Proses *Internal Audit* atau Audit Dalaman atau review *governance* yang pada masa ini diteliti oleh peneraju perlu dijadikan sebagai keperluan kementerian dan membuka peluang untuk menjadi lebih cekap dalam menjalankan tugas dengan amanah.

Dalam pada itu, integrasi dalam komunikasi kerajaan dan masyarakat melalui teknologi canggih adalah digalakkan dan membolehkan kecekapan dalam proses. Kaola berharap dalam kementerian ada juga proses terbuka untuk membolehkan pegawai dan kakitangan untuk menyuarakan peluang dalam menjalankan dan mengkaji fungsi kementerian untuk meningkatkan urusan kementerian;

iii. Pengawasan dan penguatkuasaan kedaulatan undang-undang tanpa prejudis atau berbelah bahagi. Semakan dan penyesuaian semula adalah cara bagi kita untuk memastikan bahawa pelaksanaannya adalah untuk kebaikan negara. Sebagai golongan generasi yang telah mendapat hasil kemerdekaan dan kemakmuran dari beliau-beliau kitani.

Kami amat bersyukur dan menghadapi cabaran dengan minda yang terbuka dan hati yang taat setia dan untuk generasi seterusnya mendapat peluang yang sama. Kaola berharap pihak swasta dan pengusaha muda mengambil kesempatan ini untuk mengambil peluang yang dirancangkan dan diteroka oleh kerajaan.

Semuanya sekarang di tangan kita untuk membangunkan dengan kukuh perusahaan dan perniagaan yang berpengalaman dan berpandangan jauh untuk memajukan ke luar negeri demi kepentingan pembangunan ekonomi negara.

Kaola berharap bahawa persidangan ini cuma langkah pertama untuk perhubungan dan perbicaraan antara Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan kementerian dan menyokong juga perkataan Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Saya sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam bersuara, kita hidup sekarang mengakui kelemahan kita tetapi aspirasi kita tidak harus dikurangkan dan nilai-nilai kita ditegakkan.

Wawasan Brunei 2035 yang menjadi matlamat visi jangka panjang akan menjadi realiti kami dalam masa kurang daripada 20 tahun, panggilan untuk bertindak perlu diberi pelaksanaan dan kesediaan untuk mengambil bahagian adalah apa yang kami ada untuk berkhidmat. Sekian. Terima kasih. وبالله التوفيق والهداية وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang Ke-10 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaannya memimpin Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara dengan lancar

dan penuh bermakna serta dalam suasana aman.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang begitu tabah mendengar soalan dan juga saranan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan memberi penjelasan mengenai program di kementerian masing-masing.

Kaola berasa amat rendah hati atas amanah dan kepercayaan yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan lantikan ini. Ini adalah satu gambaran sebenar mengenai hala tuju negara iaitu bergerak ke arah masyarakat yang lebih inklusif iaitu para belia diiktiraf bukan sahaja sebagai pemimpin masa depan tetapi juga pemimpin masa kini.

Semakin banyak dapat dilihat para belia yang mengetuai organisasi dan bisnes masing-masing. Ini menunjukkan dedikasi dan komitmen mereka ke arah pembangunan negara dalam apa-apa bentuk dan kapasiti sama ada pendidikan, ekonomi, alam sekitar, keagamaan, kerja-kerja kemasyarakatan dan juga kesenian ataupun industri kreatif.

Inilah belia yang patut dibimbing dan dilibatkan untuk mengambil bahagian dalam membantu negara untuk bergerak ke hadapan, ke arah pembangunan yang mampan dan sejajar dengan keperluan negara.

Isu-isu yang dihadapi oleh belia hari ini, telah semakin berkembang *the millennial generation* semakin terdedah kepada lebih banyak cabaran yang timbul daripada perubahan ekonomi yang tidak menentu dan juga persaingan yang meningkat.

Oleh itu, dasar dan program perlu disesuaikan dengan menjadikan mereka lebih relevan dan berkesan. Belia perlu kapasiti, sokongan dan bimbingan dari usia yang muda bagi membantu mereka untuk menjadi generasi belia yang mampu berdikari dan kreatif.

Inilah pembangunan belia memainkan peranan yang penting dan ia melibatkan berbagai-bagai sektor ataupun *whole nation approach* untuk memastikan yang belia diberikan ruang untuk belajar dan berkembang. Badan-badan bukan kerajaan yang dijalankan oleh para belia ataupun *Used NGO's* juga memainkan peranan untuk membantu masyarakat dalam memandu pembangunan mampan ataupun *driving sustainable development*.

Belia bukannya generasi yang cuma dibantu ataupun *recipient* tetapi mereka juga rakan kongsi ataupun *partners in development.* Semua orang boleh mendapat manfaat sekiranya para belia diberikan ruang untuk menyampaikan idea dan pendapat yang membangun. Sama ada melalui *participation*, *empowerment* ataupun *engagement*.

Di samping itu, kita juga mempunyai tanggungjawab dalam melindungi alam sekitar dan hidupan liar. Perubahan iklim adalah realiti sekarang dan ia boleh membawa impak yang sangat negatif

sekiranya tindakan mitigasi dan adaptasi tidak diambil lebih awal.

Ini termasuklah kerosakan infrastruktur, keselamatan makanan dan juga masalah kesihatan. Dari perspektif individu, masalah-masalah alam sekitar yang dihadapi pada masa ini adalah akibat daripada tabiat buruk kita sendiri termasuklah pembaziran air, penggunaan tenaga yang berlebihan, perdagangan hidupan liar yang haram dan masalah pengurusan sisa akibat pembuangan sampah merata-rata dan kurang kitar semula.

Oleh itu, kita perlulah lebih peka tentang cara hidup yang kurang mesra alam. Pihak kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain dapat menjalankan peranan masing-masing dalam mendidik dan membimbing rakyat untuk lebih sayang kepada alam sekitar bagi memastikan generasi akan datang juga dapat menikmati sumber-sumber semula jadi yang kita nikmati sekarang.

Dalam membincangkan pembangunan negara, kebajikan para pekerja juga tidak boleh diambil mudah kerana tenaga kerja yang bahagia boleh memastikan tenaga kerja yang produktif. Ini termasuklah keperluan bagi mereka yang berkelainan upaya.

Kita semua memainkan peranan dalam mencapai Wawasan 2035 tetapi ia memerlukan dasar-dasar dan program diberigakan dengan efektif dan masyarakat perlu lebih proaktif dan berdedikasi.

Kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat, saya juga tidak lupa memohon maaf jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengaja atau tidak sengaja. Sekian وبالله التوفيق والهداية

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-11, oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Saya lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin dan mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir.

Berada di Dewan yang mulia ini dan melihat sendiri bagaimana perjalanan Majlis Mesyuarat Negara ini dijalankan banyaklah jua kaola belajar bagaimana bermuzakarah ini dapat mencungkil idea baharu, membahaskan usulan dan cadangan serta bersetuju ataupun *agree to disagree* dengan apa jua perkara yang dibawa di Dewan yang mulia ini. Ini semua hanyalah untuk kebaikan dan kemajuan negara kitani jua, إِنْ شَاءَ اللهُ

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang mendengar, menerima cadangan dan juga seterusnya

yang memberi penerangan dan apa yang saya amat hargai juga turut memberi nasihat ke atas cadangan dan pertanyaan yang dibawa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Merujuk perbelanjaan tahun ini dengan temanya "Belanjawan Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi yang Mampan atau *sustainable".* Saya bukanlah seorang pakar dalam bidang ekonomi akan tetapi saya terpakai dengan satu perkataan di sana iaitu mampan atau *sustainable*. Apa jua idea dan usaha tindakan kitani baik dari pihak kerajaan, sektor swasta ataupun pergerakan akar umbi harus memikirkan ke hadapan dan berdaya tahan.

Saya merujuk buku seorang *environment activities Winder Berry.* Dalam bukunya yang ditulis lebih kurang diterjemahkan dengan membawa maksud "seseorang itu tahu bahawa dunia yang ada adalah dipinjam dari anak-anak dan cucu-cicitnya yang kitani diamanahkan untuk menghargai dan tidak melakukan kerosakan bukan kerana dia berkewajipan tetapi kerana dia mencintai anak-anak dan cucu-cicitnya".

Dari pengamatan kaola sepanjang lebih kurang 2 minggu ini, Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bukan sahaja bertanya dan memberi penerangan tetapi juga memberi cadangan sesuai dengan bidang masing-masing baik kerana jawatan, pengalaman, bidang tugas mahupun penglibatan secara peribadi.

Kalaulah kitani melihat sejak apa yang dibawakan di dalam Dewan yang mulia ini *beyond their positions*, kitani kadang-kadang lupa yang bertanya dan menjawab pertanyaan itu juga adalah seorang nenek, ayah, ibu, isteri, suami, anak, cucu ataupun ahli keluarga yang tinggal di negara ini.

Kaola percaya setiap seorang yang ada di dalam Dewan yang mulia ini termasuk yang menghadiri serta mengikuti perkembangannya mahukan yang terbaik untuk keluarganya. Menambah dari ucapan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain tadi sebagai seorang belia dan mentor belia, saya menyeru jua semua pihak kerajaan, sektor swasta dan juga pergerakan akar umbi untuk membawa belia dalam *decision making* mengenai perkara-perkara yang melibatkan belia.

Memanglah belia belum ada atau kurang pengalaman dan mungkin meracap dalam perbuatan atau tutur kata, dan di sinilah peluang untuk membimbing para belia perlu dilaksanakan. Sudah tiba masanya kitani semua untuk mempunyai *mentality* untuk *working with young people not working on young people.*

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke 8, Tahun 2013 iaitu:

"Untuk mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia kerana belialah bakal peneraju kepimpinan pada masa akan datang. Merekalah perancang dan penggerak satu-satu pembangunan, makanya belia itu menjadi tumpuan dan

perhatian dalam perbincangan-perbincangan serantau dan antarabangsa".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang mungkin era *millennials* iaitu belia lahir pada tahun 80-an ke 2000 yang kitani bersama-sama untuk membangun negara dan seterusnya generasi 'G' iaitu belia selepas *millennials* yang lahir tahun 2000 ke atas akan menyambung usaha kitani termasuk membawa negara menuju Wawasan 2035 dan seterusnya.

Ini kerana belia mempunyai energi dan energi Brunei disalurkan dengan sebaiknya " nya orang kitani untuk meluahkan pemandainya " ditakuti akan terabai para belia kitani dan terlibat dengan isu sosial. Seperti jua rangkap lagu yang diajar pada zaman persekolahan *"I believe the children are our future, teach them well and let them let the way".*

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ beradanya kaola semata-mata menjunjung kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bersama-sama dengan masyarakat kitani sesuai dengan bidang saya iaitu penglibatan dalam *NGO*, pergerakan belia. Pernah bertugas sebagai penjawat kerajaan dan swasta serta jua sebagai seorang pelajar, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

Kaola menyeru rakyat Brunei untuk mengambil kesempatan apa jua program yang dilaksanakan untuk kebajikan rakyat jua. Diharap jua apa sahaja cadangan yang bisai difikirkan dan dilaksanakan termasuk dari program yang dijalankan oleh pihak kerajaan supaya dapat membantu masyarakat kitani dalam mencari sesuap nasi atau *putting food on the table.*

Kitani juga mengetahui bahawa *unemployment* (tidak mempunyai pekerjaan) ataupun *under employment* iaitu mempunyai pekerjaan tetapi kurang sesuai dengan perkembangan diri bukan sahaja membuat kurang pendapatan, tapi juga melibatkan maruah diri dan *a feeling of lack of usefulness* untuk berkhidmat.

إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ sama-samalah kita membantu masyarakat kita dalam menjadi masyarakat yang terbaik. Kaola juga mengambil kesempatan ini, menyeru masyarakat Brunei untuk mengamalkan budaya menyimpan wang pendapatan yang ada, sesuailah dengan kemampuan diri serendah 5% ke 10% sebulan dan setinggi 50% jika mahu, kerana pada masa ini pekerjaan amatlah dinamik dan jika kita tidak ada simpanan sekurang-kurangnya 3 hingga ke 6 bulan pendapatan sebulan. Boleh terkial-kial untuk mencari pekerjaan baharu menyambung belajar, menguruskan keluarga dan lain-lain.

Kaola menyokong usaha pihak kerajaan mengenai *financial literacy.* Diharap pihak-pihak berkepentingan termasuk institusi kewangan, pendidikan dan pelaksana dasar dapat mengkaji dan menggiatkan usaha lagi untuk *savings culture* dan *financial literacy* ini.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, seorang yang amat luas pengalaman yang telah

banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Timbalan Jurutulis, semua pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai penutup, datu nini yang pendundang pernah juga belajar berpantun dan ingin dikongsikan sedikit. Mohon maaf lebih awal sekiranya banyak kekurangan:

Suara belia didengar di Dewan Majlis,
Agar membangun bersama-sama,
Mudahan dapat menjadi perintis,
Belia memberi di samping menerima.

Berada di dewan yang mulia,
Berat amanah untuk ditanai,
Moga dapat terus berusaha,
Untuk rakyat dan orang Brunei.

Sekian وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-12 oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. الْحَمْدُ لله saya bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izinNya jua Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun bersidang dengan jayanya selama sebelas hari.

Kaola turut bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan rahmatNya jua persepakatan telah pun dapat dicapai dalam semua perkara khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 bagi semua kementerian. Semoga dengan berkat serta syafaat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua akan dapat membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan Rancangan Pembangunan Negara untuk meningkatkan tahap kemajuan, ekonomi dan sosial serta menjamin kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan penuh hormatnya saya sukacita ingin menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dapat memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dengan lancar dengan penuh suasana yang harmoni.

Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli Rasmi kerana jawatan kerana bersikap terbuka bagi mendengar dan menjawab persoalan yang diajukan, menerima pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan.

Segala persoalan, pandangan dan cadangan dari kami semua itu adalah dengan hasrat untuk sama-sama mengambil saham dalam memikirkan cara terbaik untuk membangun negara yang kita cintai ini.

Apa yang menggembirakan kaola, sebilangan besar projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 ini adalah projek-projek yang boleh meningkatkan hasil kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam bidang perusahaan, perindustrian, perikanan, kemudahan awam dan alam sekitar yang berjumlah dari 51% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan.

Kaola berasa ia adalah satu pelaburan kerajaan yang wajar diutamakan. Akan tetapi, kita perlu ingat masa itu emas. Dalam hal yang demikian, saya berharap projek-projek ini akan dapat dilaksanakan dengan penuh berhemah dan bijaksana supaya ia dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi memastikan pulangan pelaburan negara dapat dikecapi.

Tambahan lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara bahawa beberapa Projek Pelaburan Langsung Asing akan memulakan operasi mereka. Sementara ada juga yang sudah pada tahap perlaksanaan.

Dalam hal yang demikian, baginda seterusnya menitahkan bahawa perkembangan ini akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan.

Fokus kedua yang ingin kaola sampaikan ialah berhubung dengan kapasiti dan model insan. Kaola rasakan bahawa negara tidak akan dapat maju ke hadapan tanpa ada nilai jati diri yang kukuh. Berhenti kepada sikap yang terlalu bergantung pada kerajaan. Justeru itu rakyat haruslah bersedia dan bersifat terbuka untuk membuat perubahan khususnya penghijrahan *mindset.* Tanpa perubahan *mindset* selagi itu, negara akan terbeban dengan kerenah rakyat yang sentiasa bergantung pada kerajaan.

Kaola dapat merasakan bahawa program merintis *I-RDY (i-ready)* akan menjadi satu pendekatan yang inovatif, para graduan yang seharusnya mengambil manfaat dan bersedia untuk menyahut cabaran bagi merealisasikan perubahan *mindset* ini. Segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang akan diperolehi daripada *I-RDY (i-ready)* ini إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ diharapkan akan dapat membantu ramai graduan yang membolehkan mereka untuk menjadi lebih *attractive* di pasaran pekerjaan iaitu *job market,* "Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya".

Prasarana dan kemudahan ini adalah khusus untuk para graduan maka saya berharap para graduan yang belum mendapat pekerjaan akan dapat merebut peluang ini dan tidak mensia-siakan harapan kerajaan untuk melahirkan model kapasiti insan yang mempunyai

kekuatan jati diri, bersifat terbuka dan berdikari.

sahaja dahulu dari kaola dalam Ucapan Penangguhan ini. Kaola ingin memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan sepanjang mengikuti Persidangan Majlis Mesyuarat ini. Untuk akhirnya terima kasih.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: آلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Pertama-tama marilah kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ keranaNya jua kita masih bernafas diberikan kesihatan dan diberikan ruang masa yang membolehkan kita sama-sama hadir dalam rangka acara Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2017.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan yang keemasan ini kaola merafak sembah dan bersyukur serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan baginda melantik kaola menjadi Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi mewakili rakyat dan penduduk baginda bagi Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dari titah baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi pada 6 Mac 2017 yang lalu hingga hari ini, banyak perkara telah disentuh, dibincang dan dibahaskan terutama dalam bidang ekonomi bagi kemakmuran, kesejahteraan rakyat dan penduduk serta negara yang kita kasihi ini.

Ketidaktentuan harga minyak pasti sudah memberikan kesan kepada negara kita yang menjadi salah sebuah negara pengeluar minyak. Ini pula menyebabkan pendapatan negara berkurangan yang setentunya semua pihak patut menggunakan peruntukan secara berhemah dan berhati-hati.

Ke arah ini, kaola perhatikan misalannya perkhidmatan 5 saluran Radio Televisyen Brunei yang kurang berkesan. Rancangan diulang-ulang terlalu kerap. Eloklah dalam suasana ekonomi yang mencabar ini, saluran berkenaan dikurangkan kepada 2 atau 3 sahaja.

Ini bukan bererti langkah berundur tetapi bagi membolehkan para petugas di stesen berkenaan lebih fokus dan menyelamatkan wang kerajaan yang digunakan untuk operasi 5 saluran yang kurang berkesan itu. Dalam masa yang sama juga Radio Televisyen Brunei (RTB) patut *menunduki* soal isian rancangan *(contain)* dan tidak hanya berterusan mengiklankan migrasi sistem digital.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin bergabung bersama rakan-rakan Yang Berhormat bagi menyokong tentang Zon Perdagangan Bebas sebagai penggalak pelaburan di negara ini dan juga peningkatan nilai dan prestasi syarikat-syarikat berkenaan kerajaan *(GLCS)* termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing untuk menyumbang kepada ketumbuhan ekonomi negara khasnya dalam sektor bukan minyak dan gas seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, kaola juga ingin bergabung dengan rakan-rakan Yang Berhormat bagi menyokong penumbuhan *Bank SME* yang berkonsepkan syariah. Penubuhan ini memang ditunggu-tunggu. Ini dapat membantu pengusaha kecil dan sederhana yang ramai terdapat di kawasan Zon 3.

Dalam hal yang demikian, sukacita memanjangkan hasrat pengusaha *SME* ini untuk diberikan tempat kekal bagi memasarkan produk mereka seperti yang terdapat di daerah rakan kaola di Temburong yang dikenali sebagai Kedai Kampung. Pusat pemasaran itu boleh dibina di kawasan yang sering menjagi tumpuan para pelancong.

Mengenai program *I-RDY (i-ready)* maklumat-maklumat bagi menyertainya telah dihebohkan melalui media. Kejayaannya bukan sahaja tergantung pada pelaksana iaitu pihak kerajaan tetapi juga oleh golongan peserta iaitu graduan yang belum bekerja. Ambillah peluang yang disediakan oleh kerajaan ini untuk masa hadapan yang cemerlang. Ini adalah program murni sebagai usaha bagi mengurangkan kalaupun tidak membasmi pengangguran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai mata dan telinga kerajaan di peringkat akar dan umbi, saya akan bersama rakan-rakan Yang Berhormat akan sentiasa memata-matai penggunaan internet yang seperti padang dua mata di mukim dan kampung. Banyak perkara dapat dimanfaatkan melalui internet. Pelbagai program boleh disusun menggunakan internet bagi kegiatan peringkat mukim dan kampung.

Akhirnya sebagai penutup Ucapan Penangguhan ini, kaola merakamkan sembah, menjunjung kasih atas kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kaola menyertai Majlis yang mulia ini.

Sekian وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-14 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

dan salam sejahtera. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas lantikan semula kaola sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara mewakili daerah.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin permesyuaratan dengan jayanya, penuh sabar dan berwibawa dalam Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini dapat dirasa bahawa semua pihak komited untuk menjana penghasilan negara tanpa sepenuhnya bergantung pada penghasilan minyak dan gas. Di samping itu, langkah-langkah berjimat cermat juga lebih terasa. Dalam 3 tahun defisit ini kita telah membuka minda untuk lebih berfikir, berusaha demi kestabilan ekonomi negara.

Kaola ingin menyampaikan tahniah kepada semua Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang telah berjaya mengelolakan kementerian masing-masing walaupun dalam bajet yang terhad. Pelaburan asing mendapat pulangan yang baik kepada perekonomian negara dan mengurangkan pengangguran. Begitu pula dengan tertubuhnya *SME Bank* yang akan memudahkan rakyat untuk bergiat dalam perniagaan.

Saya merasakan segenap lapisan rakyat semestinya merebut peluang ini kerana pihak kerajaan sebagai pemudah cara sentiasa memberi sokongan dan dorongan.

Kaola menyokong penuh atas ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi. Sebelum mengakhiri ucapan kaola ini, kaola memohon ampun dan maaf kepada yang berada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan, dan jika sekiranya ada tersuruk langkah yang tidak bersesuaian.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-15 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengucapkan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى atas landasan, pembangunan negara yang berkonsepkan dengan falsafah Melayu Islam Beraja. Mudah-mudahan akan mencapai kejayaan dalam melaksanakan

Wawasan Brunei 2035 diberkati dengan rahmat أَللهِ juga. Kaola menyokong semua apa juga usaha pihak kerajaan untuk membangunkan negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon di Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan hujah dan juga cadangan yang kaola kira berkepentingan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Dalam pembangunan masa kini, ke arah mana fokus hala tuju utama kita. Adakah kita mahu Negara Brunei Darussalam sebagai negara industri pertanian atau kewangan dan lain-lain.

Dengan hala tuju yang terarah, maka kita harus fokus kepada pendidikan dan kursus-kursus kemahiran kepada rakyat Brunei Darussalam untuk memenuhi keperluan visi yang dirancang. Kita cipta *manpower skills* untuk menepati *demand* dan *supply* semasa dan dicadangkan peluang pendidikan memajukan diri penjawat awam yang berumur 40 tahun yang layak mengikuti syarat-syarat supaya diberikan kebenaran cuti untuk berkursus dan belajar.

Dicadangkan ditubuhkan satu *taskforce* kebangsaan yang dipertanggungjawabkan untuk memperkasa perniagaan rakyat Brunei dan menghapuskan pekerja asing yang mengguna pakai lesen perniagaan rakyat Brunei khususnya di peringkat awal kita harus fokus kepada peruncitan.

Dicadangkan jua untuk penubuhan Tabung Pembinaan Sekolah-Sekolah Agama Negara Brunei Darussalam kerana keperluan bangunan sekolah-sekolah agama tidak jauh kalahnya dengan kepentingan pembinaan masjid. Dalam kesempatan ini jua, kaola memohon dan mencadangkan supaya kemudahan bantuan pembinaan rumah di Kampung Bebuloh kepada saudara-saudara baharu Kampung Bebuloh melalui agihan asnaf mualaf bagi yang memerlukannya.

Dicadangkan *public study* atau kaji selidik keperluan gaji minimum kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Seterusnya membuat *Key Performance Index* jangka pendek dan panjang bagi sosial ekonomi, meningkatkan *living standard* penduduk kampung, penambahan pendapatan isi rumah dan peluang pekerjaan.

Melalui *KPI* ini akan dapat menilai peningkatan sosial ekonomi, taraf pendidikan dan keselamatan, maka secara tidak langsung pergantungan pada kerajaan akan berkurangan dan tahap pengangguran berkurang dan ini membawa kepada kurangnya tahap kemiskinan.

Kaola kira dengan adanya kemudahan penubuhan *Bank SME*, kaola mohon di Dewan yang mulia ini, supaya pihak tertentu memberikan kepercayaan yang penuh atas kemampuan rakyat Brunei. Kita menubuhkan *SME Bank* untuk orang Brunei, kita membuat infrastruktur pada dasarnya untuk rakyat Brunei, kita gazetkan tanah-tanah untuk perkebunan rakyat Brunei, kita buka pasar borong untuk rakyat Brunei, kita buka segala kemudahan untuk rakyat Brunei.

Dipohonkan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang menjaga kepentingan rakyat Brunei. Kita ingin melihat reformasi perniagaan kecil dan sederhana dijalankan oleh rakyat Brunei dengan adanya kemudahan *Bank SME*. Tentukan hala tuju rakyat Brunei mengorak langkah menguasai perniagaan peruncitan di kampung-kampung dan seterusnya menguasai sektor peruncitan Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini, kaola setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melantik kaola sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku wakil Daerah Brunei dan Muara pada musim ini. Kaola berdoa hasil permesyuaratan melalui Dewan yang mulia ini membawa Negara Brunei Darussalam dikurniakan keberkatan dan rahmat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ untuk selama-lamanya.

Sekian وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya ialah oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ kaum kerabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman. dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. Dalam Ucapan Penangguhan ini, lebih dahulu kaola mengambil kesempatan ini menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan pelantikan kaola selaku Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara wakil Daerah Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri.

Atas kepercayaan dan amanah yang baginda berikan kepada kaola, kaola sangat-sangat menjunjung tinggi dan bertawakal ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ berjanji untuk berbakti sedaya upaya mengikut kebolehan kaola untuk menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung kasih jua atas keberangkatan baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017.

Di Dewan yang mulia ini, kita telah bersama-sama membahaskan berbagai-bagai isu strategik dan ekonomi negara yang amat mustahak dicermati dan diambil perhatian seperti reformasi dalam bidang ekonomi dan pelaburan yang berdaya maju, pengukuhan ekonomi, peluang perniagaan dan penubuhan perbankan.

Dalam bidang tenaga manusia pula, kita menyentuh salah satu agenda utama yang paling penting yang mesti diberikan fokus utama dan berusaha pada mengupayakan jalan yang terbaik.

Selain itu, dalam era tanpa sempadan ini penggunaan *IT* yang serba canggih melalui media-media sosial dan sebagainya maka ia mesti diberi perhatian serius dan perlu dikawal secara berkesan sehingga ia tidak disalahgunakan dan menjadi ancaman dan kerosakan kepada para pengguna dan orang ramai bahawa bidang *IT* ini akan terus meningkat dan pesat kemajuannya.

Dalam peluang untuk bersama-sama Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mencapaikan Ucapan Penangguhan, kaola ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin dan berjaya melicinkan perjalanan Majlis Mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan cemerlang, dengan dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Kaola juga merakamkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan, kerana sedaya upaya dapat memberikan mukadimah, jawapan dan penjelasan terhadap soalan-soalan dan cadangan kaola.

Adapun kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini, sebagai perkongsian pandangan dan menyampaikan hasrat permasalahan kepentingan masyarakat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola ingin mencadangkan agar usaha-usaha untuk memperbaiki jalan-jalan di Mukim Serasa dan Mentiri akan diberikan keutamaan dan perhatian serius untuk dinaiktaraf begitu juga dengan laluan jambatan *flyover* yang berada di lebuh raya Mukim Mentiri di Kampung Panchor, Mengkubau supaya laluan ini akan dilaksanakan dalam waktu terdekat ini.

الْحَمْدُ لله Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini telah pun sampai ke penghujungnya. Dalam Dewan yang mulia ini, marilah kita sama mensyukuri atas limpah, rahmat, nikmat dan rezeki أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kepada rakyat dan negara dan berkat daulat kepimpinan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam negara kita sentiasa aman, damai dan makmur.

Dengan kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita masih mampu untuk menyediakan sejumlah Peruntukan Belanjawan 2017/2018. Semoga Peruntukan yang diluluskan ini dapat digunakan dengan sepenuhnya

untuk projek yang telah dirancang dengan teliti dan berjimat cermat.

Segenap lapisan rakyat negara ini, haruslah prihatin dengan situasi semasa ekonomi negara dan memahami keadaan yang sebenarnya. Seterusnya menyokong apa saja usaha berterusan kerajaan untuk memastikan keselesaan, keamanan, keharmonian dan kepentingan rakyat sentiasa terpelihara.

Akhirnya, kaola memohon maaf jika terdapat sebarang tutur kata dan tingkah laku yang kurang manis dan tidak disenangi tanpa kaola sedari sepanjang kaola bertugas dalam sesi perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian sahaja Ucapan Penangguhan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sekian وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang Ke-17 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Dimuliakan Jurutulis. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi kerana jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan memohon restu dan rahmat, kaola panjatkan syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan kudrat dan iradah serta izin أَللهِ jua bahawa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2017 bersamaan 1438 ini akan akan berakhir pada hari ini.

Kaola merasakan persidangan dalam Dewan yang mulia ini yang telah bermula pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 yang lalu hinggalah pada saat ini adalah amat bermakna pada diri kaola sebagai Ahli Yang Dilantik dan semoga akan membawa ke arah keberhasilan yang positif dan dinamik.

Melalui Ucapan Penangguhan ini, kaola dengan penuh takzim menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan pelantikan kaola selaku yang baharu Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik bagi Zon Daerah Belait bagi Mukim Seria dan Mukim Liang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola lebih dahulu melalui Ucapan Penangguhan dalam ruang keemasan ini sukacita menghadapkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempurnaan dalam memimpin Persidangan Mesyuarat Negara dengan hati nurani yang jernih, hening dan Muhibah serta dapat membina rasa kesilaturrahiman sehingga ke hujung persidangan.

Kaola juga dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara atas berjaya dan lancarnya bersama-sama mengungkayahkan kelancaran perjalanan Majlis Mesyuarat Negara dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Melalui Ucapan Penangguhan ini, kaola sukacita menyampaikan dan merakamkan ribuan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan atas ketulusan kerana menyampaikan mukadimah dan penjelasan serta bersedia menerima persoalan, pandangan dan saranan-saranan yang dihadapkan dalam permuzakarahan yang muhibah dalam membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 mengikut kementerian yang disandang oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Dalam Ucapan Penanguhan ini, kaola penuh percaya dan yakin atas peruntukan yang telah diluluskan dalam persidangan yang mulia ini. Semoga kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya akan dapat bergerak dan bersedia bagi *menanai* tugas-tugas dan bersedia menunaikan tanggungjawab dengan tulus ikhlas dengan memohon berkat, rahmat dan pertolongan serta keredhaan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ dengan berbekalkan keimanan semoga akan menuai hasil dengan jayanya, آمين .

Sebelum kaola, mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola ini, sukacita kaola ingin kongsikan pada saat penghujung persidangan ini, bukanlah bererti perjumpaan akan berakhir setakat ini sahaja, terutama bersama dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan. Tentu sahaja seperti kaola ini mungkin sukacita akan memohon untuk *bedudun* ke kementerian-kementerian abis Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan mungkin akan membawa beberapa perkara mana-mana yang belum sempat diadakan atau dikemukakan dalam Majlis yang mulia ini, dengan membuat jadual lawatan kerja ke jabatan-jabatan di bawah kementerian-kementerian. Semoga hasrat tersebut tidak akan dihampakan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Akhir kalam, kaola dengan penuh hormat dan takzimnya sukacita memohon maaf segala apa jua kekhilafan dan ketelanjuran, *tersuruk langkah* dan bahasa yang tidak disengajakan terutama sekali kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Di Lantik, Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan kita masih ada lagi mempunyai beberapa orang Ahli-Ahli Yang Dilantik dan Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang suka untuk membuat Ucapan-ucapan Penangguhan, maka saya cadangkan supaya Mesyuarat kita ini ditangguhkan dan akan bersidang lagi pada pukul 2.30 petang nanti إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ

Sekian, وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah kita adakan pada sebelah pagi, kita telah selesai meluluskan satu Akta Perbekalan 2017/2018 dan Ketetapan-Ketetapan dalam Perkara VII. Maka sekarang kita sambung semula Perkara VIII - Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-18 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. Lebih dahulu saya bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas limpah rahmat dan dengan izinNya jua makanya kaola dapat bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sepanjang Majlis Mesyuarat Negara dijalankan hinggalah ke saat Ucapan Penangguhan mesyuarat pada petang ini.

Kaola juga menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan melantik kaola sebagai Ahli Yang Berhormat bagi mewakili Zon 2 Daerah Belait.

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini merupakan satu pengalaman yang sungguh bermakna dan berharga bagi kaola sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah sempurna dilaksanakan. Dalam kesempatan ini, kaola merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin pemesyuaratan dengan jayanya. Kaola berharap permesyuaratan yang telah berjalan selama lebih kurang 11 hari telah mencapai tujuan dan matlamatnya.

Majlis Mesyuarat Negara ini adalah sebagai wadah ataupun platform untuk menilai keberkesanan sistem pentadbiran, pembentukan serta pelaksanaan dasar kerajaan iaitu bagi meluluskan Perundangan dan Belanjawan 2017/2018.

Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana berkesudian mendengar

serta mengambil perhatian mengenai cadangan-cadangan dan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Dalam kegawatan ekonomi ini setentunya negara akan berbelanja secara berhemah. Kaola berharap semoga peruntukan yang telah diluluskan ini dapat digunakan sepenuhnya untuk projek yang telah dirancang dengan teliti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sebagai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Belait khasnya dari Zon 2 dan selaku pemimpin akar umbi yang banyak membawa beberapa agenda atau isu yang mungkin dianggap sebagai tidak sesuai dicadangkan dalam Dewan yang mulia ini namun disebabkan sebagai amanah yang dipertanggungjawabkan maka kaola sampaikan jua dengan berpandukan kepada apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 yang lalu yang berbunyi:-

"Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharap dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله saya telah pun menyuarakan apa yang telah diamanahkan kepada kaola untuk disampaikan dalam Dewan yang mulia ini mengenai hasrat penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam terutamanya di kawasan Zon 2 di Daerah Belait yang sangat-sangat memerlukan perhatian terutamanya dari segi kemajuan, keselesaan dan pembangunan.

Antaranya ialah memfokuskan ke arah sektor pertanian, agrimakanan serta industri pelancongan yang boleh menjana ekonomi dan akan mengubah landskap kawasan tersebut untuk menjadi penyumbang utama di daerah tersebut. Semoga dengan cadangan-cadangan berkenaan, akan dapat diberi perhatian dan diambil maklum oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Akhirnya kaola memohon ampun dan maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik, Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang bertugas di sepanjang mesyuarat Majlis ini dijalankan. Kiranya ada kata-kata yang kurang elok serta tingkah laku yang sumbang di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, yang baik itu datangnya daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan yang kurang elok itu datangnya daripada diri kaola juga.

Untuk akhirnya, kaola tinggalkan Dewan yang mulia ini dengan 2 rangkap pantun yang berbunyi:-

Masuk ke hutan mengumbut
rotan getah,
Sambil mengail si ikan keli,
Kalau ada tingkah laku dan
kata-kata yang salah,
Mohon jangan disimpan di dalam hati.

Dari Mukim Labi ke Mukim Sukang,
Sambil melawat terus mengetam padi,
Kalau ada umur yang panjang,
إِنْ شَاءَ اللهُ *jika diizinkan, kita berjumpa lagi.*

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركات

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ،وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى اَشْرَفِ
الْمُرْسَلِيْنَ ،وَعَلَى آلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli Rasmi kerana jawatan dan Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dalam kesempatan ini, lebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin Mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan cemerlang dengan dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

اَلْحَمْدُ لله Peruntukan Belanjawan 2017/2018 telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang baru selesai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dewasa ini kita merasakan dan menyaksikan kepayahan dalam mendapatkan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan seperti juga apa yang telah terjadi di negara lain bahawa ijazah bukan lagi jaminan untuk mendapatkan pekerjaan termasuk agensi-agensi kerajaan. Anak-anak tempatan juga menghadapi persaingan dalam mendapatkan peluang pekerjaan di sektor swasta yang disebabkan banyak faktor lain seperti tahap kemahiran, pengalaman, masalah gaji yang rendah dan perkara lain yang membimbangkan kita dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seperti juga di negara lain salah satu cara yang berkesan mengatasi untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan adalah dengan menyalurkan lebih ramai anak-anak tempatan untuk bergiat dalam kegiatan pertanian yang aktif dalam sektor perusahaan dan perniagaan. Pada masa ini 80% kegiatan peniagaan dan perusahaan dalam negara kita dikuasai oleh peniaga dan pengusaha dari luar.

Dalam masa yang sama kakitangan jawatan yang penting juga disandang oleh orang luar terdiri daripada saudara mara dan sahabat handai dari negara mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jumlah kegiatan orang luar sepatutnya berkurangan untuk memberi ruang

kepada anak tempatan. Ini disebabkan berbagai-bagai inisiatif telah diusahakan oleh kerajaan seperti penubuhan *Darussalam Enterprise (DARe)* dan institut yang terbaharu *SME Bank* yang berasaskan konsep syariah adalah satu inisiatif yang diharap akan dapat meningkatkan dan memperkembangkan lagi aktiviti-aktiviti perniagaan khasnya bagi generasi muda yang menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah.

Begitu juga Program *I-RDY (i-ready),* kursus bagi platform para graduan yang memasuki alam pekerjaan sama ada sektor swasta atau sektor awam. Kerjasama yang diberikan oleh pihak swasta tempatan memberi peluang dan memberi kemudahan berkursus, latihan dan peluang pekerjaan.

Sebenarnya, keperluan tenaga asing sepatutnya hanya diperlukan dalam bidang tertentu dan bukannya menjadi bos atau pengusaha dalam kegiatan warga tempatan yang dilakukan seperti orang asing berniaga menggunakan lesen orang tempatan dalam industri kecil sederhana. Setiap projek kecil pekerjaan yang tidak memerlukan kepakaran bahawa 70% kesempatan tersebut orang luar yang menggunakan lesen orang tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidaklah akan berpanjang lebar dalam ucapan kaola. Sebagai penutup Ucapan Penangguhan ini kaola mengambil kesempatan untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Berghormat Yang Dilantik serta semua warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, terdapat tingkah laku yang kurang sopan dan perkataan yang menyinggung perasaan yang tidak disenghajakan.

Sekian وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-20 disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ،وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى اَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ ،وَعَلٰى آلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat semua Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Yang Dilantik.

الْحَمْدُ لله lebih dahulu kaola mengambil kesempatan untuk menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan Peruntukan Belanjawan, 2017/2018 yang baru sahaja selesai diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola berpendapat bahawa Peruntukan Belanjawan, 2017/2018 adalah

berpatutan sekali dengan keadaan situasi masa ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara ini maka, Majlis Mesyuarat berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh kemesraan. Dalam masa yang sama, dapat menyelesaikan beberapa persoalan dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana sokongan mereka yang membantu kaola sepanjang permesyuaratan ini. Begitu juga ucapan setinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana sedaya upaya dan kesabaran dan telah memberikan penjelasan atau jawapan terhadap cadangan dan pertanyaan kaola.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sebagai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong khususnya mukim-mukim dalam Zon 2 selaku pemimpin akar umbi yang banyak memikirkan kesejahteraan anak-anak buah, sudah setentunya membawa sedikit isu-isu mukim dan kampung yang disuarakan oleh anak-anak buah mukim semasa permuzakarahan yang lalu. Di samping membawa isu-isu nasional, isu-isu mukim dan kampung itu kalau dibiarkan akan menjadi masalah dan menimbulkan kesan yang kurang selesa. Sebagai contoh, isu jalan raya yang rosak oleh kenderaan yang berat yang membuat satu projek pembinaan yang tidak dibaik pulih dengan sempurna yang hanya ditampal dengan simen menyebabkan jalan berbonggol-bonggol dan bertingkat-tingkat menjadi kerosakan kepada kenderaan dan mungkin juga menyebabkan kemalangan.

Selain itu, masalah sampah juga menjadi kerisauan penduduk kampung yang tidak ada tempat pembuangan sampah. Kalau ada pun tempatnya tidak sesuai dan perlu dipindahkan.

Selain itu, pencerobohan harta benda Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang sering diceroboh. Baru-baru ini, baru 2 saja hari satu stesen kecil di Kampung Sebakit Atas dan satu lagi stesen kecil di Batang Mitos diceroboh. Kita memikirkan tentulah kalau dibiarkan orang menjaga sudah tentu perkara ini tidak ada orang yang berkesanggupan diadakan untuk menjaganya setiap malam.

Kaola cadangkan jika boleh iaitu pemasangan *CCTV* di kawasan tersebut. Dengan adanya kecanggihan peralatan sekarang ini boleh diakses menerusi telefon mungkin juga dari telefon penghulu atau ketua-ketua kampung boleh melihat apa saja yang berlaku.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh perkembangan ekonomi negara selain dari sektor minyak dan gas, industri pelancongan merupakan satu aktiviti yang berdasarkan perkhidmatan, dapat menjana pendapatan negara dan juga meningkatkan imej negara kerana pendapatan negara boleh diperolehi dari aliran masuk orang asing dan aliran wang dalam negara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi percutian yang boleh menjana peluang-peluang pekerjaan.

Oleh itu, jika beberapa perkara atau produk penting dibantu dan dimajukan serta dinaiktarafkan, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ bidang pelancongan akan memberikan penghasilan yang lumayan kepada negara ini.

Misalannya di Daerah Tutong, penerokaan kawasan "pasir putih" yang tanahnya putih melepak, menara melihat anak bulan di Bukit Ambok bagi menikmati keindahan Bandar Tutong dan sekitarnya, pembinaan resort dan taman selera di Tanjung Danau yang menyerlahkan keindahan laut dan sungai diisi dengan aktiviti memancing dan memandu *ATV*, menyusur sungai dari Pekan Tutong menuju ke hulu Sungai Layong atau hulu Sungai Telamba, melihat alam semula jadi, burung-burungan dan binatang liar di tepi sepanjang sungai yang sering menggamit kehadiran pelancong asing terutamanya dari Asia Barat, Eropah, Amerika dan Asia Tenggara dan mempromosikan berbagai-bagai destinasi yang lain yang sudah terkenal di negara ini.

Juga mengubahsuai bangunan Pejabat Mahkamah Lama Daerah Tutong menjadi galeri untuk mempamerkan artifak, peralatan dan memperkenalkan puak-puak Daerah Tutong. Sehubungan itu yang penting ialah melaksanakan program tranformasi pelancongan negara dan kalendar Tahun Melawat Brunei dengan mempromosikan tempat-tempat menarik di setiap daerah. Kempen Promosi Pelancongan boleh menampilkan keunikan, keharmonian dan kepelbagaian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bahagian yang sering menjadi tumpuan ialah penyediaan makanan tempatan dan tradisional. Ia membantu membangunkan Produk Permakanan Mukim dan Kampung. Negara ini boleh diperkenalkan sebagai destinasi *hub* halal. Sehubungan itu, bangunan Pusat Aktiviti Perekonomian adalah suatu kemudahan yang perlu difikirkan bagi menyatukan semua produk mukim.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Semua yang kaola sebutkan di atas tadi adalah destinasi yang boleh menarik perhatian pelancong. Jika diusahakan dan dilaksanakan dengan kerjasama *stakeholder* dan agensi-agensi yang berkepentingan, pihak berkenaan perlu bijak memanipulasikan panorama persekitaran yang cantik, tinggalan sejarah, keunikan budaya, kemajuan ekonomi, peluang pendidikan dan penganjuran acara bertaraf antarbangsa akan menarik kadar kehadiran pelancong yang tinggi. Menggunakan kemudahan *online* (atas talian) adalah

berkesan dan kos pemasaran pelancongan dapat dioptimumkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Industri kreatif boleh dimajukan di negara ini kerana ia mempunyai kepelbagaian yang menjanjikan pulangan dalam perkembangan ekonomi negara, di samping itu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk, contohnya:

a) Industri Kreatif Multimedia seperti penerbitan filem, televisyen, periklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital;

b) Industri Kreatif Seni Budaya seperti kraft tangan, seni visual, seni muzik, seni persembahan, penulisan kreatif, fesyen dan tekstil;

c) Industri Kreatif Warisan Budaya seperti aktiviti muzium, pemulihan dan pemeliharaan; dan

d) Bidang kraf pula dilihat mempunyai potensi dan prospek yang tinggi dalam membantu menjana ekonomi negara kerana industri kraf merentas sempadan, sosiobudaya dan geofizikal masyarakat di negara ini, contohnya batik, bahan ukiran, seni khat, tenunan, anyaman, tembikar, alat permainan, perhiasan, gubahan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, dasar Industri Kreatif Negara perlu diperkemaskinikan.

Akhirnya kaola memohon maaf, andainya terdapat kesilapan dan kecacatan kaola di sepanjang permesyuaratan dan mengharapkan semoga apa juga hasil dari permesyuaratan ini akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.

Sekian وبالله التوفيق والهداية وَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu akan menyampaikan Ucapan Penangguhannya.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَعُوْذُ بِاللهِ السَّمِيْعِ الْعَلِيْمِ مِنَ الشَّيْطٰنِ الرَّجِيْمِ ط

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ salam sejahtera dan selamat petang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dengan hati yang tulus ikhlas dalam menyokong setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Ucapan Penangguhan sebelah pagi tadi, iaitu atas kepimpinan, kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Berhormat selaku Yang Berhormat Yang Di-Pertua, yang telah memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat ini dengan jayanya.

اَلْحَمْدُ لله Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, telah pun tiba ke penghujung dan melabuhkan tirainya.

Di Dewan yang mulia ini, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan limpah rahmat serta izin-Nya juga negara kita telah sekian lama dikurniakan dan menjadi sebuah negara yang aman damai lagi diredhai oleh أَللهِ

Keadaan sedemikian itu adalah hasil berkat daulat serta kebijaksanaan dan kepimpinan yang berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa kuat berpegang kepada ajaran-ajaran agama Islam dengan berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sesungguhnya negara kita turut tebubuh oleh kejatuhan harga minyak dan gas di peringkat global. Namun negara masih lagi kekal dan mampu merancang pembangunannya. Ini juga atas kebijaksanaan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengamalkan sifat berjimat cermat, berbelanja ikut keperluan, bukan mengikut kemahuan.

Menyedari hakikat tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga, melalui kementerian-kementerian telah pun mengatur dan membuat pelan strategik masing-masing bagi memelihara kekukuhan kewangan negara serta mampu untuk menyediakan peruntukan-peruntukan yang besar untuk Tahun Kewangan 2017/2018 sesuai dengan tema belanjawan negara, "Belanjawan Seimbang bagi Mendukung Perekonomian yang Mampan."

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, sewajarnya mengambil ingatan dan memahami situasi yang dialami oleh negara pada masa kini dan pada masa yang sama terus-menerus bersatu padu dan bekerjasama dalam mendukung kepimpinan raja yang kita kasihi yang sentiasa mengedepankan kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini supaya terjaga dan terpenuhi.

Ke arah itu sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, sama ada ia sebagai seorang individu, anggota masyarakat, kakitangan perkhidmatan awam, pekerja swasta dan lain-lainnya sewajarnya kita menyahut dan mengambil bahagian sesuai dengan kemampuan masing-masing dalam menyokong dan mendukung segala usaha yang telah dibuat kerajaan itu dan memastikan segala rancangan dapat dilaksanakan dengan baik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya kaola mewakili bagi segenap lapisan rakyat dan penduduk Daerah Temburong sekali lagi menzahirkan sokongan dan menyambut baik dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada 6 Mac 2017 yang lepas.

Begitu pun juga kaola menyambut baik dan menyokong segala rancangan yang telah dirancang untuk dilaksanakan oleh kementerian-kementerian termasuklah juga dalam melaksanakan projek yang belum selesai dan masih dalam rancangan seperti mana yang telah disampaikan oleh menteri-menteri berkenaan bagi kementerian masing-masing. Adalah menjadi harapan orang ramai yang ingin semua melihat projek-projek yang dirancang akan dilaksanakan sesuai dengan jangka masa yang telah ditetapkan.

Dalam usaha mengetengahkan Daerah Temburong di mata umum menjadi Daerah Temburong sebagai Pusat Pelancongan yang mengambil hati pelancong-pelancong sama ada luar ataupun dalam negeri yang terkenal dengan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian, terkenal dengan produk-produknya yang unik serta mempunyai identiti tersendiri, perlulah diperkasakan dan diusahakan bukan sahaja bermusim tetapi hendaklah dibuat sepanjang masa.

Kaola mengharapkan juga segala projek yang telah dirancang bagi Daerah Temburong seperti pembinaan sekolah menengah, sekolah Arab, pengubahsuaian dan pembesaran beberapa buah masjid dan surau, menaik taraf dan pemuliharaan jalan raya yang rosak dan ketiadaan air serta tekanan air rendah yang dihadapi akan dapat diteruskan dan dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam usaha pihak kerajaan bagi memastikan kelangsungan hidup serta keberkesanannya supaya rakyat dan penduduk negara ini sentiasa berkeadaan sihat walafiat, cergas dan bertenaga perlulah menjaga kesihatan dan mengawal pemakanan dan minuman serta melakukan aktiviti fizikal bagi mengawal penyakit apa yang disebut penyakit yang tidak berjangkit.

Dengan yang demikian bukan saja dapat membantu kerajaan dalam mengawal penyakit yang tidak berjangkit tetapi mengurangi perbelanjaan kerajaan yang bukan sedikit serta dapat pula digunakan kepada perkara yang lebih bermanfaat. Islam adalah *ad-din* yang amat menitikberatkan kesejahteraan termasuk dalam menentukan gaya hidup sihat. Gaya hidup sihat berkait rapat dengan kesihatan jasmani, mental, emosi dan rohani. Gabungan kesihatan fizikal, mental, emosi dan keharmonian ini akan menentukan kualiti hidup seseorang itu termasuklah tahap prestasi kerjanya bahkan tempoh hayatnya. Oleh sebab itu, kesihatan merupakan harta yang amat bernilai dalam kehidupan seseorang insan yang perlu sentiasa dijaga dan diberi perhatian dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi mengakhiri Ucapan Pernangguhan kaola di Dewan yang mulia ini sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Temburong merafakkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pemedulian dan keprihatinan baginda yang sangat mendalam terhadap rakyat baginda. Kaola juga merafakkan doa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda serta kerabat-kerabat diraja akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

Baginda kekal karar memerintah di Singgahsana Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga raja kita yang dikasihi, pembesar-pembesar negara, pemimpin-pemimpin masyarakat dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mendapat lindungan أَللهِ, selamat di dunia dan akhirat serta dijauhi daripada azab api neraka. آمِين، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Dalam Majlis ini kaola juga ingin memohon maaf jika terdapat kesalahan dan kesilapan yang tidak disengajakan di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat ini berlangsung.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan-ucapan balas ataupun respons daripada Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan didahului oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لله kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin dan rahmatNya jua kita telah sampai ke sesi penutup Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1438/2017.

Kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan pada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan memandu permesyuaratan ini dengan efektif, lancar lagi sempurna dalam suasana tenang harmoni, penuh kesabaran terbuka dan semangat muhibah.

Dengan pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Dewan ini telah dapat menjuruskan perbincangan kepada isu-isu strategik dan berkeutamaan sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah institusi yang menjadi lambang keunggulan sistem kerajaan di negara ini.

Penghargaan juga kaola ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara kerana telah menyokong dan meluluskan pembentangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 tanpa sebarang pindaan.

الْحَمْدُ لله di sepanjang persidangan ini beberapa cadangan membina dan bernilai tambah juga telah dibawa ke dalam perbincangan di Dewan ini. Ini termasuklah cadangan dan saranan yang boleh membantu usaha-usaha kerajaan untuk mengembangmajukan sektor swasta dalam menjana aktiviti-aktiviti ekonomi negara dan membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Kaola juga tertarik dengan cadangan-cadangan mengenai bagaimana *NGO's* dan para belia boleh melibatkan diri dan seterusnya memberikan sokongan serta menghulurkan sumbangan secara sukarela. Apa jua saranan maklum balas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat amatlah kaola hargai dan ia akan dijadikan sebagai nilai-nilai tambah dan *input* dalam sebarang penelitian dasar dan strategi yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan berasaskan keutamaan dan keperluan.

Namun demikian, kaola juga ingin menarik perhatian bahawa terdapat juga isu-isu yang ditimbulkan tidak berasaskan kepada data dan fakta yang betul dan *up to date.* Perkara ini kaola berpendapat perlu diambil perhatian sewajarnya bagi mengelakkan kekeliruan bukan saja kepada orang ramai tetapi juga kepada pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini. Malahan terdapat juga saranan-saranan yang ditimbulkan dalam Dewan ini nampaknya dibawakan tanpa sebarang kajian yang secukupnya, mengenai punca berlakunya isu berkenaan dan kesan yang mungkin akan timbul jika saranan tersebut dilaksanakan. Perkara seperti ini jika tidak dikawal dikhuatiri boleh membantutkan usaha kerajaan untuk menarik Pelaburan Langsung Asing dan menjejaskan keharmonian masyarakat serta kewibawaan Dewan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam keadaan ekonomi negara yang terus mengalami cabaran harga minyak dan gas yang rendah, salah satu keutamaan kerajaan dalam jangka masa pendek ialah untuk mencapai keseimbangan fiskal. Ke arah itu dalam pengurusan kewangannya kerajaan akan terus mengamalkan dasar perbelanjaan berhemah ataupun *prudent spending* dan seterusnya memastikan perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan akan memberikan manfaat dan impak yang optimum kepada seluruh masyarakat di negara ini. Oleh itu corak dan keutamaan perbelanjaan perlu di*rationalise* dan diseimbangkan.

Sehubungan dengan itulah, dalam pembentangan cadangan Belanjawan Tahun 2017/2018 kita telah menggariskan fokus-fokus utama perbelanjaan kerajaan yang antaranya termasuklah untuk mendukung dasar

pembelbagaian ekonomi negara di samping meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran rakyat dan penduduk negara ini. Ini kerana sektor swasta yang kukuh akan bertindak menjadi jentera peneraju pertumbuhan ekonomi yang diharapkan akan dapat menyumbang kepada peningkatan pelaburan modal ataupun *capital formation* dan akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan. Selaras dengan perancangan dan keperluan inilah juga kerajaan telah menyediakan peruntukan yang diperlukan walaupun diunjurkan akan terus mengalami kedudukan defisit bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dan Tahun Kewangan yang akan datang 2017/2018.

Dalam perkara ini, seperti pada tahun-tahun sebelumnya, kaola masih lagi berharap dan tertunggu-tunggu untuk mendengar lebih banyak cadangan dan saranan bernilai tambah daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berhubungkait dengan cara kita untuk mengawal situasi defisit pada masa ini sama ada dari segi meningkatkan hasil, mahupun mengurangkan perbelanjaan kerajaan.

Ini terutama sekali mengambil kira keadaan harga minyak di pasaran global yang dijangka akan berterusan mengalami tekanan dalam jangka waktu yang panjang. Kaola berpendapat di sinilah letaknya peranan semua pihak bersatu padu dan bersatu hati sebagai pendekatan *whole of nation* untuk sama-sama membantu kerajaan dalam meringankan beban dari kemelut ekonomi ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Anggaran Belanjawan yang disediakan, maklumat mengenai jumlah perbelanjaan yang perlu disediakan oleh kerajaan untuk terus menyediakan beberapa keperluan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air, perumahan dan sebagainya ada dinyatakan dengan jelas. Kebanyakan kemudahan dan keperluan asas ini telah dihulurkan oleh kerajaan secara subsidi bahawa perbelanjaan sebenar kerajaan adalah lebih tinggi daripada bayaran yang dikenakan kepada penerima atau pengguna.

Namun demikian jumlah tunggakan dari pengguna-pengguna yang terdiri daripada pihak swasta dan orang ramai kepada agensi-agensi kerajaan masih juga tinggi yang setakat ini keseluruhannya berjumlah kira-kira $461 juta. Tunggakan ini jika dilunaskan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat juga meringankan tanggungan perbelanjaan kerajaan dalam menampung keperluan operasi pemberian perkhidmatan tersebut serta meningkatkan lagi tahap perkhidmatan tersebut mengikut keperluan semasa.

Dalam hal ini, kaola ingin memohon kerjasama dan jasa baik Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama membawa ke perhatian anak buah dan komuniti masing-masing mengenai pentingnya tuntutan-tuntutan perkhidmatan kerajaan untuk dilunaskan dalam masa yang ditetapkan semata-mata bagi keperluan bersama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti juga pada tahun-tahun sebelumnya akan berterusan memberikan keutamaan dan penekanan kepada usaha untuk mempelbagaikan asas sumber perekonomian dan pendapatan negara.

Antara inisiatif yang diambil termasuk untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing yang berkualiti, mengembangmajukan perusahaan-perusahaan tempatan terutama perusahaan mikrokecil dan sederhana, memudah cara perniagaan termasuk mengemaskinikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan berkaitan dan sebagainya yang sekali gus mendukung produktiviti negara.

Ke arah itu kita semua amat bersyukur dengan kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Baginda telah memperkenankan pewujudan projek Program *I-RDY (i-ready)* khususnya bagi graduan-graduan tempatan yang masih mencari pekerjaan.

Program *I-RDY (i-ready)* ini yang akan dilancarkan bermula April 2017 akan dapat memberikan manfaat bersama antara peserta, pihak majikan dan graduan yang mencari kerja itu sendiri. Ini kerana majikan-majikan yang menyertai program ini akan dapat memanfaatkan ilmu dan kepakaran yang telah terdapat pada graduan-graduan tempatan untuk meningkatkan produktiviti perusahaan atau operasi mereka manakala para graduan pula akan dapat meningkatkan kemahiran mereka di samping menimba pengalaman yang amat berguna bagi meningkatkan prospek mereka dalam memperolehi pekerjaan.

Di peringkat negara peningkatan produktiviti sektor swasta dan kerajaan akan dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan kadar pertumbuhan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh mengenai produktiviti negara kaola bersyukur dan berbangga pada waktu ini kita telah menyaksikan lebih ramai belia tempatan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan termasuk perniagaan secara *online*.

Sebahagian mereka melakukannya secara sambilan, manakala sebahagiannya pula melibatkan diri secara sepenuh masa. Perkara ini satu perkembangan yang amat menggalakkan yang diharap menjadi inspirasi kepada belia-belia lain yang masih mencari pekerjaan atau menimbangkan untuk menceburi bidang ini.

Apa yang lebih menarik ialah penyertaan belia tempatan ini menggambarkan satu perubahan minda yang positif dengan kesediaan mereka untuk berusaha sendiri dan bukan semata-mata bergantung harap pada pihak lain.

Selaras juga dengan tumpuan membantu perkembangan *MSME* di negara ini pihak kerajaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan terus mengambil inisiatif-inisiatif yang bersesuaian bagi mendukung matlamat ini. Dalam hubungan ini usaha kerajaan untuk menubuhkan *SME* Bank seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia baru-baru ini menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam mendukung perkembangan sektor swasta di negara ini.

Langkah kerajaan dalam peluang pinjaman kewangan yang mudah didapatkan *(accesible financing)* diharap akan mengalakkan lebih banyak lagi perusahaan baharu *(start up)* dibangunkan di negara ini dan membuka berbagai-bagai peluang pada pengusaha-pengusaha *MSME* untuk meneroka perancangan bagi perkembangan operasi mereka ke tahap aktviti pengeksportan.

Kerajaan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan berterusan menyediakan peluang-peluang meluaskan jaringan dan pendedahan *(networking and exposure)* melalui penyertaan ekspo-ekspo perniagaan di dalam dan di luar negara dan lain-lain.

Semua inisiatif ini termasuk yang diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi dan Sponsor PENGGERAK, mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat sektor perusahaan dan sektor perniagaan di negara ini berkembang dengan pesat dan menyumbang secara lebih aktif kepada perekonomian negara.

Dalam hubungan ini, kaola ingin menyeru semua pihak majikan akan memberikan kerjasama yang padu bagi menjayakan program-program ini dengan memberikan galakan dan imbuhan yang bersesuaian serta memelihara kebajikan pekerja-pekerja mereka agar lebih ramai lagi anak-anak tempatan akan bekerja di sektor swasta إِنْ شَاءَ اللَّهُ .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Semasa membentangkan Rang Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2017/2018, kaola juga telah mengongsikan mengenai perubahan kepada cukai kastam ke atas beberapa jenis barangan yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017. Penelitian dan pengemaskinian kadar-kadar cukai eksais tersebut bertujuan untuk mencapai beberapa matlamat dalam meningkatkan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.

Antara matlamat tersebut termasuklah bagi mengurangkan beban perbelanjaan bagi golongan yang berpendapatan rendah, meningkatkan keselamatan

bagi pengguna-pengguna jalan raya, menggalakkan permintaan domestik, mengawal penggunaan produk-produk tertentu yang boleh menjejaskan kesihatan awam, mengurangkan kos perniagaan dan lain-lain. Langkah-langkah yang diambil ini adalah selaras dengan usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesejahteraan rakyat di negara ini terus dipelihara dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan ini kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk menyeru para peniaga untuk tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang lebih tinggi dengan menetapkan harga barangan yang tidak selaras dengan perubahan kadar cukai eksais yang dikenakan. Jika perkara sedemikian didapati berlaku pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola ingin menyeru agar semua rakyat dan penduduk di negara ini untuk terus mendukung dan menyambut baik akan usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kita perlu bergerak dan bertindak dalam satu barisan yang bersepadu, berkayuh ke destinasi yang sama selaras dengan pendekatan *whole of nation approach* agar kesejahteraan yang kita nikmati ini akan dapat terus dipelihara dan berkekalan kita wariskan kepada generasi yang akan datang إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Dengan tekad dan azam yang jitu dan dengan izin أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kita bukan sahaja dapat mengharungi cabaran masa kini dengan jayanya, malah akan dapat mewujudkan satu masyarakat perkasa yang dinamik, *resilient,* kukuh dan harmoni dengan semua usaha yang dirancang dan dilaksanakan akan mendapat keberkatan dan keredhaan أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Marilah sama-sama kita berdoa, semoga أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan mengurniakan taufik petunjuk dan hidayahNya, membuka minda, menyatukan hati kepada kita semua ke arah jalan-jalan yang berkebajikan supaya kita akan dapat menangani cabaran ini dengan ikhlas, tabah dan penuh keredhaan dan tanggungjawab.

Sekian وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan balas Ke-2 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga *(Energy)* dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas usaha dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini dengan lancar dan teratur.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Negara Brunei Darussalam terus dalam keadaan makmur di bawah kepimpinan raja yang sangat prihatin akan kesejahteraan rakyatnya. Kemelut ekonomi ini bukanlah kali pertama yang pernah kita alami malah kita semua telah mengalami kemelut ekonomi yang lebih parah, seperti kemelut ekonomi pada penghujungan zaman tahun 90-an. Namun ia berlaku dalam jangka masa yang pendek sahaja.

Tahun demi tahun ekonomi Negara Brunei Darussalam terus bergantung pada hasil pengeluaran minyak dan gas yang dengan sendirinya menyebabkan negara mudah terjejas akibat ketidak tentuan harga pasaran minyak dan gas. Usaha dalam mempelbagaikan ekonomi adalah prioriti utama ke arah pembangunan negara.

Dengan keazaman yang kuat serta pandangan jauh dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, إِنْ شَاءَ اللهُ, cabaran-cabaran ini akan dapat kita atasi.

Walau bagaimanapun, kemelut ekonomi yang melanda negara juga dapat dilihat sebagai hikmah daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana ia dapat membuka peluang bagi kita semua untuk memperbaiki dan menambahkan efisiensi jentera kerajaan serta memperkasakan sektor swasta.

Dalam pada itu juga, cara-cara kita mengatasi keadaan ekonomi mestilah berdasarkan prinsip dan nilai murni Melayu Islam Beraja (MIB). Kita perlu menyelesaikan isu-isu dengan cara bermesyuarah. Kita perlu ingat bahawa Raja kita bukan sahaja Raja kepada orang Melayu tetapi Raja bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang dikasihi.

Dari itu, marilah kita amalkan prinsip MIB dalam segala urusan kita dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan tanpa ada agenda yang menyakiti mana-mana pihak. Kita perlu juga ingat bahawa agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah agama Islam yang definisinya adalah Islam menurut Mazhab Shafie dari Ahli Sunnah Wal-Jamaah seperti yang termaktub dalam Bahagian II, Perkara 3, Fasal (1), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Dengan ini, tidaklah ada urusan kerajaan dari segi pendidikan

atau yang lainnya yang berunsur sekular dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik saranan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sesi mesyuarat tahun ini. Walau bagaimanapun, marilah kita sama-sama menanganinya kerana isu kepentingan ini adalah tanggungjawab semua.

Adakalanya isu-isu yang ditimbulkan ini memerlukan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat jua terutamanya daripada institusi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dengan berkonsepkan bermuafakat seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung tadi.

Jika kita mengimbas kembali kepada perbincangan pada Mesyuarat tahun ini, antara perkara yang menarik ialah mengenai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Kita tidak harus lupa bahawa pada tahun ini, kaola juga merasa terkilan bahawa tidak ada seorang pun Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang mengusulkan perkara ini, dengan kebijaksanaan serta *direct intervention* daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri, الْحَمْدُ لله Pasar Pelbagai Barangan Gadong telah pun ditempatkan di lokasi yang bersesuaian dan tempat penjualan yang selesa sejak 2 Februari 2017.

Ini adalah berikutan pengubahsuaian yang telah dilaksanakan bagi Tamu Kianggeh di Bandar Seri Begawan. Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telah mengendalikan dan memastikan projek ini berjalan dengan lancar. *Direct intervention* ini telah pun melibatkan seramai 300 peniaga di kedua-dua tempat, dan الْحَمْدُ لله pembiayaan Skim Mikro Kredit juga telah pun diluluskan bagi 19 peniaga di Pasar Pelbagai Barangan Gadong. Projek ini melambangkan keprihatinan dan kasih sayang raja kepada rakyat dan penduduknya.

Kaola menyeru untuk kita bersama-sama menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mendoakan supaya baginda dan kaum kerabat diraja akan sentiasa berada dalam kebahagiaan, sihat walafiat, dan di bawah perlindungan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua, آمِين يَا رَبَّ الْعَالَمِين

Pihak kerajaan juga mengakui bahawa akses kepada *finance* ini adalah penting dan الْحَمْدُ لله seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, *SME Bank* akan ditubuhkan dalam masa yang terdekat ini.

Walau bagaimanapun, perlu juga diingatkan bahawa akses kepada *finance* bukanlah penyelesaian yang komprehensif. Sebenarnya, pihak kerajaan telah lama menaruh kepercayaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan bahawa bantuan secara penghuluran pinjaman kewangan telah diadakan sejak tahun 1999. Sebanyak $142.3 juta telah pun dipinjamkan kepada 654 orang usahawan. Terus terang kaola nyatakan, usaha ini kurang berkesan kerana sehingga kini sebanyak $45.8 juta wang yang dipinjamkan belum dibayar balik.

Kita perlu fokus kepada memperkasakan PMKS supaya ia dapat berdaya tahan dan menggunakan akses kepada *finance* dengan bijaksana. Kita perlu memastikan agar semua perusahaan-perusahaan tempatan diperkasakan untuk mempunyai kemampuan sendiri seperti membangunkan keupayaan dan pengetahuannya dari segi kualiti *business plan* dan kemajuan bisnes.

Ini juga perlu digabungkan dengan keperibadian pengusaha itu sendiri, kuat dan tegas, berdaya tahan dan tidak mudah berputus asa. Dengan memenuhi dua kriteria ini, dengan sendirinya para usahawan akan dapat meraih akses kewangan dari pelbagai institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam, bukan sahaja dari *SME Bank*.

Pihak *DARe* akan sentiasa memainkan peranan penting dalam membina keupayaan dan memupuk kualiti pengusaha-pengusaha dalam usaha kita untuk memperkasakan PMKS ini seperti yang disebutkan oleh rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Ucapan Penangguhannya tadi. Dengan membina keupayaan dan mendukung semangat keusahawanan, kita akan melahirkan PMKS yang lebih mampan dan berdaya saing, bukannya PMKS yang hanya hidup pada satu tender atau satu projek sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لله dengan kepimpinan serta dorongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan selaku Pengerusi dan Sponsor PENGGERAK, negara telah pun mengalami peningkatan dalam iklim perusahaan *Ease of Doing Business*. Peningkatan negara kali ini dilihat begitu menyerlah dan tidak pernah dicapai sebelum ini.

Marilah kita terus bersama-sama menyumbang lagi kepada kemajuan ekosistem perusahaan. Kejayaan *Ease of Doing Business* ini, mesyuaratnya kerap dilangsungkan pada setiap tiga minggu, adalah berasaskan kerjasama berterusan antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Ini menunjukkan bahawa kita lebih efektif jika adanya kesepaduan, seperti perumpamaan "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh". Marilah kita menghayati pepatah ini dalam apa jua usaha yang akan kita ungkayahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu lagi isu yang ingin kaola tekankan adalah mengenai koperasi. Kaola sendiri telah pun mengadakan beberapa sesi permuzakarahan dengan koperasi-koperasi. Akan tetapi, apa yang menyedihkan dalam perbincangan tersebut, terdapat segelintir daripada pengurus-pengurus koperasi yang lebih mementingkan serta mempersoalkan sokongan kerajaan terhadap kemajuan koperasi, sedangkan mereka sendiri telah melupakan bahawa kemajuan dan pengurusan koperasi ini terletak di bahu pemegang amanah.

Ada sebahagian koperasi mengabaikan urus tadbir mereka seperti tidak pernah mengadakan Mesyuarat Am Tahunan *(Annual General Meeting)* dijadikan alasan bagi koperasi itu tidak mengadakan Mesyuarat Am Tahunan memandangkan Mesyuarat Am Tahunan mestilah diadakan setiap tahun menurut undang-undang iaitu Seksyen 29C Akta Syarikat Kerjasama.

Satu lagi perkara yang hangat dalam perbincangan tahun ini adalah mengenai peluang bekerja bagi anak-anak tempatan. Pihak kerajaan mengakui bahawa terdapat banyak cabaran dalam menangani isu ini. الْحَمْدُ لله Majlis Perancangan Tenaga Manusia di bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota telah berjaya menubuhkan *Job Centre Brunei*, yang إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan memudahkan lagi proses pencarian pekerjaan.

Isu pekerjaan memerlukan kesinambungan antara kesemua pihak, termasuk pihak kerajaan, sektor swasta, Institusi Penghulu dan Ketua Kampung dan keazaman pencari kerja sendiri. Kaola berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili mukim dan kampung dapat memainkan peranan aktif supaya pengangguran dalam kalangan anak-anak kampung dapat diselesaikan secara berkesan melalui kerjasama dengan pihak *Job Centre Brunei*.

Kaola ingin mengingatkan bahawa inisiatif ini boleh dikatakan masih dalam *work in progress*. Strategi perancangan tenaga manusia baharu dimulakan pada pertengahan tahun lepas dan *Job Centre Brunei* mula beroperasi dalam bulan Disember 2016. Kaola ingin menekankan betapa pentingnya untuk kita semua mencari jalan yang terbaik untuk mengatasi isu pengangguran ini. Kita boleh memajukan perkara ini bersama-sama ataupun kita boleh bersama-sama menghalang kemajuannya sekiranya kita sentiasa mengkritik setiap langkah yang dibuat mengenainya.

Alangkah baiknya bagi kita semua untuk melawat *Job Centre Brunei* yang kini dibuka 6 hari seminggu dan memberikan maklum balas yang konstruktif supaya pihak kerajaan akan dapat memperbaiki usaha-usaha murni untuk mendapatkan pekerjaan bagi anak-anak tempatan kita.

Di samping itu, satu strategi yang menyeluruh telah disediakan bagi pembangunan tenaga manusia di peringkat kebangsaan. الْحَمْدُ لله , seperti dalam titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, Program *Apprenticeship graduan I-RDY (i-ready)* akan bermula pada bulan April ini.

Sokongan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis tadi amat kritikal dan dihargai.

Di samping itu, kita hendaklah berpegang kepada sifat bermuafakat, seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Haji Umarali bin Esung tadi bagi memastikan *Program I-RDY (i-ready)* ini dilaksanakan dengan jayanya.

Seterusnya, bagi membantu mencari kerja bukan graduan, pihak kerajaan berhasrat untuk memperluaskan lagi penyaluran kepada latihan yang menjurus kepada kompetensi anak-anak tempatan dengan penubuhan sebuah institusi yang memfokuskan kepada 30% ke 40% peringkat bawahan untuk meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka menjadi *industry-ready workforce.* Perkara ini sedang diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat direalisasikan pada masa yang terdekat ini.

Pada masa yang sama, terdapat 4 program lagi yang telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN11) iaitu program *Learn and Grow seperti Industry Competency Framework dan skills Accreditation, Growth for Excellence* seperti *Professional Certification* dan program penempatan industri, *Upskilling and Reskilling* bagi pencari kerja tempatan dalam *mid-career* dan *Training Grants* yang membantu membiayai kos bagi kursus bagi pekerja tempatan di syarikat tempatan.

Program-program ini memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk meningkatkan kompetensi, kemahiran dan keupayaan mereka serta penempatan di sektor swasta. , إِنْ شَاءَ اللَّهُ ini akan dapat membantu anak-anak tempatan kita untuk mendapatkan pekerjaan.

Kaola ingin juga menyentuh sedikit mengenai kepentingan usaha terhadap mengatasi isu perubahan iklim ataupun *climate change*. Pihak kerajaan selama ini melaksanakan beberapa inisiatif mengenainya seperti komitmen pihak kerajaan bagi penurunan sebanyak 63% jumlah Perbekalan Tenaga Utama (*total energy primary supply*) menjelang tahun 2035. Pemberigaan inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan dan sebagainya.

Peranan dan *leadership* kumpulan belia dan *NGO* seperti *Beach Bunch* dan *Earth Hour* adalah menggalakkan dan mustahak dalam perkara ini dan kaola berharap bahawa mereka akan terus dapat bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam sama-sama mengatasi perubahan iklim.

Dalam menuju ke hadapan, pembangunan ekonomi *digital* di Negara Brunei Darussalam itu amat penting bagi membolehkan pengusaha-pengusaha tempatan terus berkembang dan memudahkan penembusan ke pasaran antarabangsa. Kita perlu membina ekosistem yang akan memudahkan penggunaan teknologi maklumat, bukan sahaja dalam bidang *e-Commerce*, malah dari pelbagai segi yang dapat memantapkan perkhidmatan dan produk tempatan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada tahun ini, satu program akan dikendalikan oleh *(DARe)* bagi memulakan *platform e-Commerce* untuk sekurang-kurangnya 1000 *PMKS* untuk mempromosikan perkhidmatan serta produk tempatan di dalam dan di luar negara.

Dalam hal ini, kita hendaklah menumpukan perhatian kepada pembangunan keupayaan dan daya inovasi orang-orang kita dalam bidang teknologi maklumat dan *programming* ini supaya mereka mampu meningkatkan lagi keupayaan perindustrian kita.

Sememangnya, jenis-jenis perindustrian yang datang bukan sahaja di bidang tradisional seperti bidang *manufacturing*, malah ia berkait rapat dengan penggunaan teknologi dan penggunaan *big data*.

Namun begitu, kaola ingin menekankan walaupun dalam revolusi *digital* ini, kita janganlah mengabaikan budaya kita, kerana ia melambangkan keunikan kita dan juga menjadi satu kelebihan di dalam bidang perindustrian.

Produk dan perkhidmatan yang berlandaskan nilai-nilai dan budaya kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam sebagai agama rasmi Negara tidak terdapat di mana-manapun dan ia menjadi satu keistimewaan dan *niche advantage* bagi kita pada masa yang akan datang, terutamanya dalam kalangan *consumer* yang beragama Islam mahupun dalam kalangan *consumer* yang menginginkan produk dan perkhidmatan yang beretika, bersih dan berintegriti.

Sebelum kaola mengakhiri ucapan ini, kaola ingin mengingatkan bahawa kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah satu kelebihan bagi negara ini kerana baginda sentiasa mengutamakan hal-ehwal rakyat.

Seperti mana juga dalam Ucapan Penangguhan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, sebagai lambang penghargaan dan rasa kasih sayang rakyat kepada baginda, kita semua perlulah mengamalkan ciri-ciri yang terbaik dan bersama-sama menyumbang kepada pembangunan dan perpaduan negara bagi kesejahteraan kesemua pihak dan golongan di dalam negara kita yang dicintai ini.

Dengan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam dan sentiasa bertawakal ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua,

serta jaminan kita sebagai rakyat untuk taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada agama dan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita akan meraih kejayaan. إِنْ شَاءَ اللهُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، آمِين

Sekian وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya cadangkan persidangan ini kita tangguhkan selama 20 minit dan kita menyambung lagi dengan menjemput beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain untuk memberi ucapan.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita sambung semula setelah kita berehat selama 20 minit sebentar tadi. Sekarang kita menyambung lagi Perkara VIII untuk Ucapan Penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan balas daripada pihak *Ex-Official Members* akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلٰى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَبَعْدُ.

اَلسَّلَامُ عَلٰى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدٰى اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ syukur ke hadrat سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى permesyuaratan kita musim ini sampai ke penghujungannya dalam suasana muhibah yang mana ke semua ini adalah berkat kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan juga dengan berkat kerjasama abis kaola di Dewan yang mulia ini.

Kaola dengan ikhlas sukacita merakamkan penghargaan yang tinggi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sesungguhnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa tenang dan sabar memimpin perbahasan dan memberi ruang yang selesa bagi pembentangan belanjawan oleh abis kaola dan merespons perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Demikian juga terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis yang cekap memandu jadual perjalanan persidangan kita. Tidak

lupa kaola juga merakamkan terima kasih kepada segenap peringkat pegawai dan kakitangan yang sentiasa senyum dan santun yang sesungguhnya mereka telah menceriakan Dewan ini luar dan dalamnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Khusus mengenai perbahasan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola menghargai penyertaan seramai 16 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah membangkitkan perkara-perkara sekitar hal ehwal ugama yang ada kepentingannya dengan orang ramai. Kaola berterima kasih kerananya dan yakin yang Ahli-Ahli Yang Berhormat itu ikhlas untuk membantu Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya dan kerajaan amnya bagi menambah elok dan meningkatkan mutu perkhidmatan ugama khasnya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan antaranya dalam bidang pendidikan dan pelajaran ugama, tentang kepentingannya termasuk pembinaan prasarana, mengenai dakwah, terutama sekali usaha untuk memandu atau untuk tidak membiarkan orang ramai terbiar terus-menerus terkeliru dan terpengaruh dengan maklumat-maklumat agama dalam media sosial yang tidak selaras dengan kefahaman dan amalan beragama kita di negara ini.

Mengenai perancangan membina masjid termasuklah juga memakmurkan masjid yang sedia ada dan bagaimana mengoptimumkan tenaga belia masjid untuk kemajuan masjid dan kemajuan qaryah masjid. Begitu juga mengenai permakanan halal termasuk juga meningkatkan efisiensi persijilannya dengan mengadakan khidmat *online*. Begitu juga mengenai zakat dan asnafnya terutama sekali untuk meningkatkan keberkesanan agihan zakat bagi melepaskan penerima-penerimanya daripada rangkaian kemiskinan dan terus bergantung pada agihan zakat.

Kemudian kepentingan pentauliahan, kepentingan pentauliahan iaitu pentauliahan mengajar agama dan mengajar Al-Quran kepada pemohon-pemohon tauliah untuk memastikan bukan sahaja menjamin mutu pengajarannya bahkan juga kesahihannya menurut fahaman ajarannya supaya sesuai dengan fahaman serta amalan yang lazim terpakai di negara ini. Tidak kurang penting sekali juga ialah ehwal haji, ibadatnya dan juga mengenai pengurusannya dan ada juga suara-suara tentang keprihatinan kos pakej-pakej haji yang terus-menerus meningkat.

Kaola juga mengambil kesempatan untuk merespons perkara yang dibangkitkan pada sebelah pagi tadi oleh Yang Berhormat wakil Daerah Brunei Muara Zon 5, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berhubung dengan saudara-saudara baharu kita di Kampung Bebuluh yang memerlukan perumahan dan diberikan bantuan perumahan dari zakat.

Kaola mengalu-alukan hal sedemikian ini dan yang penting sekali mudah-mudahan Yang Berhormat itu akan membantu orang yang berkenaan yang memerlukan

itu berurusan dengan Majlis Ugama Islam untuk berjumpa dengan Bahagian Kutipan Zakat dan Agihan bagi menentukan kesahihan mereka sebagai orang mualaf. Mereka memang sebahagian daripada asnaf zakat tetapi dalam perkara agihan zakat ada aturan yang menentukan tempoh-tempoh tertentu bagi seseorang itu kekal dianggap mualaf untuk menerima agihan zakat.

Walau bagaimanapun, sekiranya ia sudah terlepas sekiranya 10 tahun ia sudah dianggap tidak layak untuk menerima agihan zakat sebagai mualaf, mungkin ia layak dari segi keperluannya kalau ia berkedudukan sebagai fakir dan miskin. Yang Berhormat barangkali dapat menolong untuk menguruskan pengurusan perkara mereka itu dengan Majlis Ugama Islam melalui Bahagian Kutipan Agihan Zakat. Dialu-alukan Yang Berhormat dan terima kasih.

Bagi kaola, semua yang dibangkitkan itu menandakan perhatian yang baik masyarakat kepada perkhidmatan ugama dan sekali gus juga ia merupakan harapan serta hasrat masyarakat supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa berfungsi dengan lebih baik dan dengan lebih berkesan, sebagai sebahagian daripada jentera pemerintahan negara yang mendaulatkan Islam sebagai ugama rasmi dan menjadikan ajaran-ajaran Islam itu panduan dalam bernegara, bermasyarakat dan berkerajaan, bahawa kemajuan agama itu diselaraskan dengan matlamat-matlamat untuk keselamatan negara dan yang lebih penting lagi ialah untuk keselamatan dan kesejahteraan rakyat dari semua peringkat dan dari segala latar belakang, kaum dan puak.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon untuk beralih kepada perkara lain terutama sekali memfokuskan percakapan kaola selepas ini kepada apa yang kaola dengar dalam persidangan kita ini. Persidangan yang buat pertama kali menyaksikan lantikan pertama bagi kebanyakan Ahli-Ahli Yang Dilantik kedengaran suara-suara berhubung dengan MIB. Tidak salah kita bercakap atau menyebut-nyebut MIB di Dewan yang mulia ini, kerana di luar sana pun ada suara-suara yang membimbangkan kita.

Kebimbangan yang sering kita dengar seolah-olah MIB itu telah disenyapkan. Inilah masalahnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Masalah MIB dengan orang kita ini, padahal lebih 30 tahun buat pertama kali MIB itu disebut dalam Permasyhuran Kemerdekaan. Banyak perkara yang telah kita lakukan untuk MIB ini. Yang penting sekali ialah kita menubuhkan Majlis Tertinggi Kebangsaan MIB iaitu badan yang tertinggi menasihatkan kerajaan dalam ehwal MIB.

Setelah itu satu lagi yang menjadi yang sangat penting ialah MIB itu dijadikan mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan kebangsaan kita. Semuanya itu menunjukkan bukan sahaja teras kepentingan MIB telah diambil kira dan usaha-usaha untuk menerapkannya, bukan sahaja memahamkannya, tidak diabaikan, apa lagi kalau usaha-usaha itu seperti disenyapkan, yang nyata lagi MIB

dari semasa ke semasa diseminarkan dari peringkat awal lagi MIB ini disebut-sebut.

Seminar mengenainya telah diadakan dengan kertas kajian dari ilmuan dalam bidang sejarah, budaya, bahasa dan pemerintahan.

Kemudian الْحَمْدُ لله , beberapa buah buku kajian hasil daripada kertas kerja seminar, ceramah-ceramah telah dibukukan dan semua ini menunjukkan bahawa kita telah berusaha dengan baik dalam perkara MIB ini. Kerana itulah kita sepatutnya berterima kasih dan selayaknya untuk menyebutkan hal ini dengan perasaan penghargaan yang tinggi. Memang sejak dari peringkat awal setelah Permasyhuran Kemerdekaan menyebutkan mengenai MIB ini.

Kerajaan telah memilih sikap defensif. Memang betul memilih sikap atau pendekatan defensif itu, kerana kita tidaklah ofensif dalam perkara yang kita diserang mengenainya. Kita cuba merasakan perlu memberikan penjelasan terhadap kekeliruan yang berbangkit terutama sekali menolak sangkaan-sangkaan yang tidak berasas daripada pihak-pihak tertentu di luar negeri tentang motif di sebalik menyebut Melayu Islam Beraja itu dalam watikah Permasyhuran Kemerdekaan. Tapi kita ketahui الْحَمْدُ لله Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di dalam negeri penjelasan-penjelasan yang dibuat di peringkat awal itu telah menjernihkan kewahaman dan telah mententeramkan kebimbangan iaitu kebimbangan yang ketara waktu itu.

Barangkali ramai ahli masih ingat, waktu itu kebimbangan yang ketara ialah jika Melayu Islam Beraja itu dijadikan agenda reformasi sosial politik yang tidak selari dengan niat sebenar menyebutkannya dalam watikah Permasyhuran Kemerdekaan dan sekarang, الْحَمْدُ لله setelah lebih 30 tahun kaola tidak fikir ada lagi pihak-pihak yang keliru dan bimbang ataupun walang terhadap niat atau motif Melayu Islam Beraja itu disebutkan dalam watikah Permasyhuran Kemerdekaan.

Kalau ada kebimbangan bahawa MIB itu disenyapkan adalah tidak berasas sebenarnya kerana MIB itu terus menerus diperkukuhkan. Kita bukanlah bersikap seperti ayam jantan berkokok pada waktu-waktunya, iaitu dalam mengukuhkan ini kita di Brunei yang menerima konsep Melayu Islam Beraja itu telah mengambil langkah-langkah yang paling jelas, yang paling ketara tetapi tidak dirasakan oleh umum apabila kita meminda Perlembagaan Tahun 1959 dan dengan pindaan-pindaan itu kita sebenarnya telah pun mengukuhkan MIB yang sedia ada. Aspek-aspek dalam Perlembagaan 1959 diperkukuhkan dengan adanya sebutan MIB setelah kemerdekaan maka kita telah memperkukuhkan kuasa-kuasa memerintah tertinggi yang terletak di tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita telah memperkukuhkan peruntukan sedemikan itu dengan menambahkan peruntukan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah Perdana Menteri, Pemerintah Tertinggi Angkatan

Bersenjata. Semua ini memperkukuhkan MIB itu. Jelas ialah kuasa memerintah tertinggi, begitu juga dalam perkara lantikan menteri atau timbalan menteri, kita telah memperkukuhkannya dan menyelesaikan isu kewahaman dalam kalangan kita sendiri berhubung dengan syarat perlembagaan yang mensyaratkan bahawa menteri dan timbalan menteri adalah dilantik daripada kalangan orang Melayu dan Islam tapi kita telah menyelesaikan perkara itu berdasarkan syarak juga bukan penyelesaian semata penyelesaian politik tapi adalah penyelesaian dari segi hukum syarak yang ada "Nasfekah" yang membolehkan yang berbunyi "inkanat fi hajat' sekiranya ada keperluan' maka dengan nas demikian itu telah digunakan untuk membolehkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diberikan kuasa apabila baginda memikirkan sebaliknya.

Maka peruntukan tersebut masih antik tetapi kita telah menyelesaikan satu isu mengenai kewahaman dan inilah bagaimana kita sebagai orang yang mengamalkan negara MIB itu menyelesaikan isu kita secara MIB.

Semuanya ini bagaimana indahnya perkara-perkara itu juga kita memperkukuhkan peruntukan perlembagaan dari segi institusi permesyuaratan dan segala yang kita perkukuhkan itu kita dapati sesuai dengan kehendak syarak atau syariah *compliant* patuh syariah umpamanya kita mendapati di sana ada kuasa-kuasa pemutus di tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita mendapati ada landasan, alasan, nas syarak yang membolehkan sedemikian itu kerana asas yang dikehendaki oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ supaya orang Islam itu mengurus perkaranya dengan bermesyuarat tetapi 'fa iza azamta fatawakal Alallah' maka 'fa iza azamta' itu ditujukan kepada Nabi apabila sudah cukup azam setelah bermesyuarat itu maka bertawakallah kepada أَللهِ .

Bermakna memberi kuasa kepada Nabi untuk menerima atau membuat keputusan yang muktamad mengenai apa yang dimesyuaratkan dan kita laksanakan MIB dari segi Islamnya itu diaplikasikan ke dalam perkara ini.

Jadi tidak ada soal MIB itu disenyapkan. Maka, dipohonkanlah melalui Dewan ini, kita fahami dan tidak terpengaruh jika menyebut MIB itu jangan sekali-kali dengan nada yang muram, apa lagi terpengaruh dengan rentak irama yang sumbang, kerana yakinilah bahawa MIB itu tetap akan selamat dalam pangkuan kerajaan sebagaimana adanya pada masa ini.

Satu perkara lagi mengenai MIB ini ialah fokus kita selama ini kepada konsep dan nilainya tetapi tidak menunjuk kepada sumber tentang MIB itu apabila ia disebut dalam Pemasyhuran Kemerdekaan, ia disertai dengan azam untuk mengisi kemerdekaan atau azam bahawa kita negara MIB itu apa azamnya? Perkara ini mestilah juga kita fokus ke arah itu.

Umpamanya adakah kita selama 33 tahun ini, merdeka dengan MIB sebagai falsafah negara kita. Adakah kita gagal melaksanakan azam politik ataupun *political will* kita dalam memasyhurkan Brunei Darussalam sebagai negara MIB itu. Adakah kita pernah gagal?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi kaola lihat sahaja kenyataan yang ada. Sepanjang lebih 30 tahun Melayu Islam Beraja itu adalah konsep negara dan falsafah kenegaraan. Kita dapat mengatakan dengan tegas bahawa kita telah melakukan banyak perkara terutama sekali dalam perkara pembangunan.

Dalam Pemasyhuran itu telah menyebutkan juga dengan petunjuk kekal sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja untuk selama-lamanya. Dengan petunjuk serta keredhaan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ juga akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan dan kebajikan serta kebahagiaan.

Apa yang dapat dibuktikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kalau diukur sukat usaha-usaha kita bagi mencapai apa yang disebutkan MIB untuk tujuan ini kalau diukur berdasarkan angka kiraan wang ringgit menurut *Scheme Values* ataupun harga rancangan maka semenjak merdeka dengan rancangan RKN ke 5 iaitu pada tahun 1986 sampai 1990 sehingga RKN yang lalu iaitu RKN ke 10 iaitu 2012/2017, selama 30 tahun kita telah memperuntukkan sejumlah $41.9 bilion bagi Rancangan Kemajuan Negara.

Kemerdekaan itu benar-benar kita usahakan mengisinya. Azam kita untuk sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan dan kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat itu benar-benar kita usahakan untuk merealisasikannya. Melalui Rancangan Kemajuan Negara tidak termasuk perbelanjaan peruntukan kita dalam peruntukan tahunan kementerian-kementerian.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sudah sampai waktunya kita lebih banyak bercakap tentang Melayu Islam Beraja ini dalam konteks objektifnya yang kaola istilahkan sebagai azam kemerdekaan itu. Sebagaimana menurut titah dalam tahun 2004 di Majlis Penandatanganan Pindaan Perlembagaan 2004, di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 29 September 2004 "bahawa kemerdekaan memberikan kita tanggungjawab. Beta sendiri dengan rela hati serta bertawakal kepada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menerima tanggungjawab ini untuk membentuk masa depan negara dengan penumpuan di bidang ekonomi, penyediaan pekerjaan bagi rakyat, peningkatan pendidikan dan kesihatan. Terkandung juga tanggungjawab itu ialah meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan menyediakan infrastruktur pembangunan."

Oleh itu, terutama sekali kepada generasi pasca kemerdekaan, generasi anak-anak ataupun boleh sebahagiannya generasi cucu-cucu kita Yang Berhormat Yang Di-Pertua hendaklah fokus kepada tanggungjawab yang diberikan oleh kemerdekaan itu. Sekali gus mereka

hendaklah berusaha mencapai dan memenuhi azam kemerdekaan dengan bernegarakan dengan Brunei Melayu Islam Beraja.

Kaola amat bahagia apabila mendengar komitmen daripada 4 orang Ahli Yang Berhormat dari kalangan generasi baharu sebelah pagi tadi. Mereka mengaku bukan sahaja akan menjadi pemimpin masa hadapan tetapi pada masa ini mereka sudah boleh menjadi pemimpin sudah pun membuktikan kepimpinan mereka.

Mereka diminta supaya dianggap sebagai rakan *walking in* bukan *walking on*. Jadi membahagiakan rasanya Yang Berhormat Yang Di-Pertua ada komitmen seperti ini dari kalangan generasi pasca merdeka. Mereka inilah masa depan tetapi dari sekarang mereka mengasah, menajamkan kepimpinan mereka dalam acuan Brunei negaranya Negara Melayu Islam Beraja yang kukuh dengan kemelayuan, keislamannya dan keberajaannya. Dan jangan lupa bahawa dengan menyebut MIB secara motifnya itu adalah inklusif tidak terkhusus kepada rakyat jati dan sebagainya.

Aspek-aspek mengenai kerakyatan satu aspek yang menjadi pengukuh kepada MIB tetapi objektif MIB itu adalah inklusif kepada rakyat dan penduduk yang berbilang-bilang kaum dan bangsa mengikut taraf kerakyatan dan kependudukan mereka. Tidak eksklusif kepada orang melayu, orang Islam sahaja.

Demikianlah satu perkara yang patut diambil kira lagi ialah apabila kita bekerja keras untuk mencapai azam kemerdekaan yang menjadi objektif kepada MIB itu. Kita jangan lupa bahawa apa yang kita lakukan itu ialah untuk memperolehi ketenteraman, keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat.

Sesuai pula dengan Melayu Islam Beraja itu ialah paksi semua dasar-dasar kita sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekali lagi kaola mengucapkan ribuan terima kasih dengan iringan doa semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa dalam rahmat sihat sejahtera dan bahagia. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kaola juga memohon maaf sekiranya ada tersuruk langkah dalam masa kita bersidang ini terutama sekali apabila kaola mengambil masa lebih daripada 10 minit yang diperuntukkan bagi kaola dalam berucap ini, kaola memohon maaf. Mengikut rakan, kaola bercakap rupanya 25 minit lebih. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini sudah hampir ke penghujungnya. Kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan peruntukan kewangan yang diperlukan negara demi memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam terus berjaya memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan penuh hikmah sehingga mesyuarat ini telah berjalan dengan lancar, teratur lagi efisien dengan dukungan padu dan penuh dedikasi daripada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis disepanjang persidangan ini dan اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kita telah berjaya meluluskan beberapa perkara penting, khususnya Akta Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini.

Kaola ingin mengimbas kembali kata-kata nasihat Yang Berhormat Yang Di-Pertua sewaktu Majlis Mesyuarat Negara membahaskan cadangan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Rabu lepas, bahawa Yang Berhormat telah mengingatkan sebagai pandangan atau respons terhadap cadangan mengadakan semula akuarium bagi menarik para pelancong ke Negara Brunei Darussalam yang nampaknya nasihat ini mempunyai relevance yang agak *universal* atau menyeluruh, dan sukacita saya petik sebahagian daripada nasihat Yang Berhormat itu, iaitu "Cadangan-cadangan yang dikemukakan setentunyalah memerlukan pertimbangan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Salah satu daripada pertimbangan yang mungkin timbul adalah soal kewangan."

Apa yang kaola sendiri sambut baik sebagai peringatan dan panduan bersama daripada nasihat Yang Berhormat ini ialah bahawa penelitian terperinci yang mengambil kira *big picture* atau pandangan menyeluruh yang menyeimbangkan pertimbangan berbagai-bagai aspek dan perspektif adalah perlu dilalui sebelum sebarang cadangan boleh diputuskan sebagai payu serta sesuai untuk dicadangkan atau sebaliknya.

Ini setentunya perlu mengambil kira konteks dan realiti situasi negara kita sendiri dan *circumstances* atau keadaan sekeliling kita sebagai titik tolak penilaian yang menyeluruh dan terperinci. Inilah kaedah yang Kementerian Pembangunan cuba sedaya upaya gunakan sebagai

pendekatan untuk menentukan projek-projek yang dianggap sebagai berkepentingan dan berkeutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam kesempatan ini jua kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas soalan-soalan, pandangan-pandangan dan saranan-saranan yang berguna yang telah dikemukakan dalam mesyuarat ini.

Semoga kerjasama dan sumbangan buah fikiran yang bernas ke arah pembaikan dasar, strategi dan pelaksanaan yang diperlukan dalam kita menjaga kepentingan negara akan diteruskan dan dipertingkatkan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, berikan kaola peluang untuk menunaikan janji menjawab 2 soalan yang telah dihadapkan oleh Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit yang belum sempat kaola jawab dengan sempurna sewaktu Mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa awal pagi tadi.

Soalan yang pertama berhubung dengan jalan alternatif. Jalan alternatif yang dimaksudkan yang disediakan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini ialah Jalan Dadap ke Telanai dalam pada masa ini tahap penyiapan sebanyak 35%. Bagaimanapun Jalan Kecil Telamba, walaupun ada dalam perancangan, tidaklah tersenarai sebagai keutamaan buat masa ini.

Yang kedua ialah berhubung kolam tadahan dan dataran Sungai Tutong bagi tujuan mitigasi banjir. Perkara ini pada peringkat ini dalam proses tawaran dan skopnya sudah tentu meliputi pembaikan status Sungai Tutong sebagaimana perlu dan sesuai.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang ingin kaola sampaikan dan kaola ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan balas yang terakhir akan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam mempengerusikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini telah berjalan dengan penuh tersusun dan teratur, dalam keadaan dan suasana yang harmoni, penuh keselesaan dan sangat produktif, serta memfokus kepada membincangkan perkara-perkara strategik demi kepentingan kesejahteraan, keamanan, kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan sejawatan dan juga Ahli-ahli

Yang Berhormat atas segala pemikiran yang membina selama tempoh kita sama-sama bermesyuarat tersebut.

Pemikiran yang dikongsikan oleh Ahli Yang Berhormat, tidak dinafikan sangat berguna untuk pihak abiskaola ambil kira dalam apa jua perancangan dan tindakan, khususnya yang berkaitan dengan pihak kementerian kaola. إِنْ شَاءَ اللَّهُ sebarang kelemahan yang ada, akan pihak abiskaola perbaiki demi kemajuan negara jua.

Dalam Ucapan Penagguhan ini, kaola sukacita mengajak semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan termasuk juga rakyat dan penduduk negara ini, pihak swasta, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, dan dewan-dewan dan pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan perusahaan, untuk kita sama-sama sentiasa ingat mengingati akan inti pati Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 yang lalu.

Satu isu mustahak yang secara spesifik baginda telah tekankan ialah berkaitan dengan ekonomi Negara. Dengan penurunan keluaran minyak dan gas, serta kejatuhan harga minyak dunia kebelakangan ini, ia membawa kesan sangat ketara kepada prestasi dan pertumbuhan ekonomi negara atau KDNK kita.

Oleh sebab itulah, baginda masih sahaja mengingatkan kita semua untuk terus giat berusaha mempelbagaikan ekonomi negara ini. Struktur ekonomi atau KDNK negara kita yang sudah sekian lama bergantung pada hasil minyak dan gas perlu diseimbangkan melalui pertumbuhan keluaran industri ekonomi yang lain, khususnya yang di luar minyak dan gas.

Selaras juga dengan titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus berusaha untuk mempastikan adanya pertumbuhan yang pesat atas keluaran sektor pertanian, penternakan, perikanan dan perhutanan serta sektor pelancongan.

Dalam ucapan mukadimah kaola ketika berbincang di Peringkat Jawatankuasa pada minggu lepas, kaola telah mengongsikan sasaran-sasaran kementerian kaola iaitu untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan daripada 1% KDNK pada tahun 2015, kepada 4% ke 5% KDNK menjelang tahun 2020. Kaola juga mengongsikan berkenaan usaha-usaha kementerian kaola untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan kerajaan bagi merealisasikan sasaran berkenaan contohnya melalui kaedah Perkongsian Awam dan Swasta (PPP).

Selanjutnya kaola juga sempat mengongsikan beberapa kejayaan

kementerian kaola menawarkan kawasan kemajuan pertanian dan perikanan kepada pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur asing untuk mengusahakan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan terutama dengan menggunakan teknologi moden dan mensasarkan kepada pasaran eksport.

Dalam ucapan mukadimah kaola itu, kaola memang senghaja memfokus kepada aktiviti pertanian dan perikanan yang berteknologi tinggi kerana kementerian kaola penuh berkeyakinan bahawa kedua sektor ini akan dapat membantu memacu pertumbuhan KDNK secara signifikan dalam beberapa tahun akan datang.

Dengan demikian, diharap sektor ini juga akan dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan, terutama dalam keadaan negara yang masih menghadapi kadar pengangguran yang agak tinggi ketika ini.

Menyentuh mengenai sektor pelancongan, yang merupakan satu topik diminati oleh kebanyakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, sebenarnya, pihak kaola memang sering menerima banyak cadangan dari berbagai pihak supaya mukim dan kampung di bawah jagaan masing-masing dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Contohnya, Air Panas di Mukim Sukang, Wasai-Wasai Kampung Labi, kawasan Kampung Kuala Balai, Taman Riadah Anduki dan lain-lain lagi.

Sebagai makluman, Kementerian kaola memang sudah lama mengenali tempat-tempat berkenaan mempunyai ciri-ciri yang boleh diketengahkan sebagai destinasi pelancongan. Akan tetapi setelah menilai dari segi keutamaan, dari segi kesesuaian untuk mempakej dengan produk-produk sekitarnya, dari segi perbelanjaan kerajaan yang dilibatkan, dari segi saiz hutan-hutan yang terpaksa *disiangi,* maka beberapa tempat tertentu dimajukan lebih dahulu iaitu tempat-tempat yang kemajuannya telah dimulakan sama ada oleh pihak kerajaan atau komuniti-komuniti di kawasan berkenaan.

Dalam Dewan yang mulia ini, kaola sukacita mencadangkan sebagai satu pemikiran agar Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berminat untuk mukim dan kampung mereka dimajukan sebagai destinasi pelancongan supaya menimba pengalaman dari kejayaan yang telah dicapai oleh beberapa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara, bahawa kebanyakannya telah berjaya tanpa bergantung kepada perbelanjaan kerajaan.

Melalui kerjasama dan kegigihan komuniti mukim dan kampung masing-masing, contohnya, MPK Sungai Matan, MPK Sungai Bunga, MPK Kapok, MPK Katimahar, MPK Belimbing, MPK Masjid Lama, Sabun, Pelompong dan Pekan Muara, MPK Lurong Sikuna, MPK Tamoi, MPK Kiudang, MPK Tanjung Maya, MPK Lamunin, MPK Belais dan Buda-Buda, MPK Sumbiling Baru, MPK Sibut dan lain-lain.

Di kesempatan ini, kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berkenaan dan pihak Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan berusaha untuk memasukkan destinasi dan produk-produk serta aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berkenaan ke dalam pakej-pakej produk pelancongan yang bersesuaian, iaitu dengan mengambil kira produk atau aktiviti pelancongan di kawasan sekitar yang berhampiran.

Sambil kita cuba membantu mukim dan kampung yang gigih memajukan mukim dan kampung masing-masing, kementerian tidak boleh mengabaikan destinasi-destinasi utama yang sedia ada ketika ini seperti destinasi Bandar Seri Begawan, Kampong Ayer dan destinasi Daerah Temburong.

Kualiti destinasi tersebut mesti selalu dijaga, dipelihara dan dikukuhkan supaya pengunjung-pengunjung tidak jemu mengunjunginya. Sebagai contoh, destinasi Daerah Temburong masih banyak kekurangan dari segi kemudahan tempat tinggal yang berkualiti tinggi terutama bagi sebahagian *segmen* pasaran.

Begitu juga, tahap keselamatan kemudahan riadah dan aktiviti lasak di Batang Duri dan di Taman Ulu-Ulu adalah perlu dipantau setiap masa bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung ke tempat-tempat berkenaan.

Kementerian juga berusaha untuk mengembangkan beberapa destinasi baharu yang difikirkan mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan calon bagi pakej pelancongan seperti pantai dan taman rekreasi perhutanan yang sudah dibangunkan.

Untuk memastikan kejayaannya dan bagi mengurangkan beban kerajaan, pihak kementerian akan terus berusaha untuk menswastakan pengurusan kemudahan awam di taman-taman berkenaan, yang kejayaan penswastaan ini adalah tertakluk kepada wujudnya potensi untuk menjana keuntungan kepada pelabur-pelabur berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai pernyataan penangguhan kaola pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2017 ini.

Sebelum kaola mengundur diri, kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga kepada kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara terutama jika ada yang tidak sesuai dalam tingkah laku dan tutur kata kaola ketika berhujah dalam Dewan yang mulia ini di sepanjang sesi mesyuarat kali ini, sama ada di peringkat Majlis Mesyuarat Negara atau di Peringkat Jawatankuasa. Sekian وبالله التوفيق والهداية وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang hari ini.

الْحَمْدُ لله di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang ikhlas

atas kerjasama yang telah diberikan kerana kita telah dapat melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini yang telah diadakan selama sebelas hari dengan penuh sempurna dan diadakan dalam suasana yang penuh harmoni.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis, Bentara Dewan, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan sama ada dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sendiri mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa buah kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen yang sepenuhnya diberikan dalam menyediakan berbagai-bagai keperluan di sepanjang permesyuaratan yang kita adakan.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga, adalah atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik termasuklah liputan media massa dari pihak kerajaan iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta media cetak di dalam negeri, termasuklah surat khabar tempatan, yang telah membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perbincangan-perbincangan di sepanjang persidangan ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk menyaksikan sendiri persidangan ini terlaksana selama sebelas hari.

Saya juga ingin menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijriah bersamaan 6 Mac 2017 Masihi dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah amat mendalam dan mempunyai pandangan jauh dalam menzahirkan keazaman padu bagi Majlis Mesyuarat ini dapat membincangkan isu-isu mustahak secara amnya dan yang berkaitan dengan keadaan ekonomi kita pada masa ini khususnya.

Dalam melihat keadaan yang demikian, kita perlulah melipatgandakan usaha dan haruslah berwaspada terutamanya dengan harga minyak dunia yang tidak stabil umpamanya. Maka di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira hendaklah bekerjasama sebagai berpasukan *(teamwork)* untuk terus giat memikirkan dalam mempelbagaikan ekonomi negara.

Dalam hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik, kita harus menumpukan nilai strategik yang memfokuskan *inclusive development* dengan menubuhkan dan perkembangan yang dicadangkan seperti *SME Bank.*

Ini meliputi juga struktur *human dimension* yang berteraskan rakyat atau *people centred* melalui perlaksanaan program-program seperti *I-RDY (i-ready)* bagi membolehkan kumpulan sasaran dapat menggunakan peluang ini dengan lebih berkesan untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia pekerjaan dalam meningkatkan keupayaan dan kemahiran masing-masing.

Seterusnya dapat pula menangani masalah-masalah pengangguran di negara ini. Bagi kita macam mana dan apakah sumbangan kita untuk dapat mencapai serta menanai hasrat Baginda ini. Inilah saya kira cabaran yang kita hadapi.

Kementerian yang berkenaan mengenainya sangat gigih menyediakan berbagai-bagai program untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, terutamanya dalam memajukan tenaga manusia yang mana program-program yang berkenaan itu jelas bertujuan untuk memberikan banyak peluang bagi yang berkenaan untuk berkecimpung dalam arena perdagangan dan perindustrian, sesuai dengan hasrat untuk menjadikan negara kita ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa tidak banyak saya kira dalam negara di sebelah kita ini di mana Menteri-Menteri Kabinet sendiri berhadapan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat menjawab soalan demi soalan secara *direct*.

Ini adalah saya kira satu tarikan ataupun satu *future* yang sangat menarik bagi kita dan mencerminkan betapa usaha dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan keupayaan kerajaan dalam menangani masalah yang dihadapi oleh semua pihak yang berkenaan.

Dalam pada itu, pihak yang berkenaan itu juga sudah sekarang dapat menarik pelaburan-pelaburan yang besar dan kemungkinannya menarik lebih banyak lagi pelaburan dari luar untuk menjadikan negara kita ini terus berkembang makmur di waktu-waktu yang akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas penyediaan belanjawan negara ini bagi membolehkan kementerian-kementerian meneruskan lagi perkhidmatan-perkhidmatannya bagi tahun yang akan mendatang ini.

Dalam kita menghadapi situasi ekonomi yang merudum dan harga minyak yang masih di tahap rendah atau kurang stabil, kita haruslah bersyukur dan berpendirian positif serta hendaklah bersifat opitimis atas pemberian bajet belanjawan ini, walaupun ianya berkurangan jika

dibandingkan pada tahun-tahun yang lalu.

Seharusnya juga kita bersyukur kerana pada masa yang sama cukai-cukai beberapa jenis barangan telah dikurangkan bagi kesejahteraan orang ramai dan rakyat di negara ini yang memerlukannya.

Oleh yang demikian, dalam memantapkan lagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya terus menggunakan *venue* Majlis Mesyuarat Negara ini dengan menumpukan dan menitikberatkan perbincangan terhadap isu-isu atau perkara-perkara yang difikirkan penting di peringkat nasional.

Manakala bagi hal-hal lain yang berupa *insubstantial* bolehlah kita selesaikan melalui sesi muzakarah atau *platform* bersama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan atau dengan pejabat-pejabat kerajaan yang lain.

Seperti di tahun yang sudah, Menteri-Menteri Kabinet yang saya nyatakan tadi telahpun menghuraikan dengan panjang lebar rancangan-rancangan dan program-program kemajuan yang sudah pun dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan saya kira ada di antara maklumat-maklumat itu biasanya tidak diberikan kepada khalayak ramai, tapi dalam konteks biskita, kita telah mengeluarkan dengan telus dan nyata *figures* dan maklumat-maklumat yang berkenaan untuk kepentingan dan pengetahuan orang ramai.

Maka saya kira perkara-perkara seperti ini tidaklah patut ditinggalkan di sini sahaja. Ianya patutlah tuan-tuan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian membawanya balik ke konstitusi atau kawasan masing-masing untuk disebarluaskan supaya semua rakyat dan penduduk di negara ini akan dapat mengetahuinya betapa usaha gigih dan betapa hasrat tinggi yang diperlukan untuk semua pihak mengetahuinya bagi kepentingan kita bersama.

Maka ini adalah kewajipan, selaku Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yakni bagi Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk lebih memberikan perhatian kepada rancangan-rancangan atau inisiatif-inisiatif yang sedia ada dan sedang berjalan pada masa ini sesuai dengan keadaan yang kita hadapi.

Dalam menimbangkan Anggaran Belanjawan ini, Ahli-Ahli Yang Dilantik telah menunaikan tugas mereka masing-masing, saya kira dengan memberi nasihat, cadangan, pandangan dan teguran untuk menambahbaikan lagi dasar kerajaan bagi tahun yang berkenaan.

Maka bagi panduan kerajaan, bagi memantapkan lagi hala tuju dasar ini ke arah kemakmuran kita, kesejahteraan, keamanan negara yang بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Dengan ucapan yang ringkas ini maka mengikut Peruntukan 35(i) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara,

maka Majlis ini ditangguhkan pada satu masa yang belum kita tetapkan tarikhnya, إِنْ شَاءَ ٱللَّهُ kita akan berjumpa lagi.

Sekian وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ وبالله التوفيق والهداية

(Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengetuk lapik (alas) dengan *gavel* (tukul kayu) menandakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

Majlis kita tangguhkan.

(Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)